PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI PERTAMA	**KHAMIS, 19 NOVEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim,
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita diteruskan.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 51 hingga 56 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 57 hingga 61 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 62 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 63 hingga 78 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 79 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 80 Tahun 2009.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3) supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 dikemukakan sekarang tanpa mengikut Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 dikemukakan sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3) supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 dibaca kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN TAHUN 2010 DAN BAGI MEMPERUNTUKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan sekalian dif-dif masuk ke Dewan ini untuk mengikuti ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai Bajet Negeri Johor 2010, maka saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10:04 pagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya jua kita memperolehi kesihatan yang baik dan kekuatan untuk terus memikul amanah dan menyempurnakan tanggungjawab di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya tanggungjawab ini sarat dengan amanah rakyat demi kemakmuran dan kesejahteraan, lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia di mana semua negara bertungkus lumus memulihkan ekonomi masing-masing akibat kemelesetan ekonomi global .

Kemelesetan ini adalah kesan negatif kelembapan ekonomi negara maju, krisis mata wang, musibah amalan berbelanja dan pelaburan, kepincangan pasaran hartanah dan kemerosotan sektor pembuatan pada tahun 2008 yang berpanjangan hingga 2009. Mujur, pakej demi pakej rangsangan Kerajaan Persekutuan sedikit sebanyak menyangga ekonomi negara daripada terus merudum sebaliknya mampu bertahan dan mula menunjukkan tanda pemulihan sekalipun dalam aliran yang perlahan.

Johor juga bernasib baik dengan rakyatnya agak bersedia menghadapi kesan tekanan ini yang amat rencam sifatnya. Pendekatan pembangunan holistik

yang menyeluruh cakupannya, lagi seimbang agihan kekayaannya yang dilaksanakan sekian tempoh masa dapat meningkatkan daya tahan sara diri rakyat Johor.

Lapan komponen pembangunan holistik iaitu kerajaan yang cekap, pembangunan ekonomi, pembangunan beridentiti juga pembangunan dari segi agama Islam, kerajaan yang adil, masyarakat yang berilmu, kemudahan awam dan kualiti hidup telah membolehkan hidup rakyat masih selesa dalam tekanan tersebut. Ini kerana pendekatan tersebut membawa pembangunan ke seluruh pelosok negeri, bukan sahaja dari segi infrastruktur dan juga kemudahan, bahkan dari segi minda dan juga pengetahuan serta kekuatan dalaman dari aspek kerohanian dan budaya.

Oleh itu, Kerajaan Negeri dalam Bajet 2010 akan meneruskan dasar-dasar tersebut dalam mencari keseimbangan dengan tumpuan pembasmian kemiskinan, merapatkan jurang perbezaan antara rakyat berbilang kaum, masyarakat serta daerah. Kita perlu mengambil langkah-langkah lebih jitu untuk menjamin ekonomi terus tumbuh dengan memaksimumkan segala potensi terutama sumber mentah yang sedia ada, penerokaan sumber baru dan peningkatan produktiviti.

Selain daripada sumber mentah dan komoditi, kerajaan mengesan potensi dalam pelbagai bidang terutamanya di sektor perkhidmatan termasuklah logistik, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan bioteknologi. Perancangan membangunkan potensi ini bertujuan merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri untuk mewujudkan kekayaan agar dapat dikongsi bersama oleh rakyat. Namun, usaha memaksimumkan potensi ini perlu disertai dengan kegiatan-kegiatan yang dipacu dengan inovasi daya kreativiti dan teknologi yang boleh mendorong ke arah melonjakkan kualiti pengeluaran dan kaya dengan nilai tambah. Rakyat seluruhnya perlu berusaha menjadi sumber manusianya yang bertenaga dan berpengetahuan dan setiap orang perlu berperanan dalam bidang masing-masing tidak kira di peringkat mana sekalipun, dengan memberi sepenuh tumpuan meningkatkan kreativiti dan juga produktiviti.

Penyertaan menyeluruh akan menyatukan kita semua bekerja ke arah satu matlamat demi kepentingan kita bersama. Ini bermakna semua orang akan berusaha membesarkan kek ekonominya untuk membolehkan pengagihan yang lebih merata, adil dan seimbang dan sekaligus menjamin kemakmuran bersama. Dengan itu Kerajaan membentangkan Bajet 2010 yang bertemakan "Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama" untuk mengajak rakyat seluruhnya sama ada di sektor awam, swasta dan individu dalam pelbagai lapisan masyarakat dan kaum supaya bersama menggembleng tenaga dan sumber untuk saling memakmurkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ekonomi dunia pada keseluruhannya mengalami kemerosotan dan mengikut bank dunia ianya dijangka merosot kepada negatif 1.7% menjelang akhir tahun 2009. Bagaimanapun bank dunia meramalkan ekonomi dunia keseluruhannya akan meningkat pada kadar 2.3% pada tahun 2010. Ini berikutan beberapa ekonomi besar dunia termasuk Amerika Syarikat yang telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan dalam suku tahun ketiga tahun ini.

Kesan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi pada jumlah yang besar selain sumbangan ekonomi besar Asia terutamanya China.

Sebagai sebuah negara yang bergantung kuat kepada perdagangan antarabangsa, ekonomi Malaysia turut terjejas dengan ketara pada suku tahun ketiga 2008, mengakibatkan kemerosotan prestasi sektor perkilangan, pembinaan dan perlombongan. Kemerosotan sektor perkilangan amat dirasai dalam setengah tahun pertama ini. Akibatnya keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia merosot 5% dalam tempoh tersebut.

Namun, Kementerian Kewangan meramalkan ekonomi Malaysia hanya merosot 3% bagi seluruh 2009. Pakej Rangsangan Ekonomi yang melibatkan peningkatan perbelanjaan kerajaan ternyata membawa kesan positif dan dapat mengurangkan kadar penguncupan ekonomi Malaysia, dalam suku tahun kedua, ketiga dan mungkin dalam suku tahun keempat. Maka, adalah dijangkakan ekonomi Malaysia mampu mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 2 hingga 3% pada tahun hadapan bergantung kepada aliran perkembangan perdagangan dan juga ekonomi global.

Corak dan aliran perkembangan ekonomi Negeri Johor yang diramalkan pada tahun 2010 tidak berbeza dengan perkembangan ekonomi Malaysia. Sungguhpun tahap KDNK dalam tiga suku tahun pertama 2009 adalah lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 2008, kadar peningkatan bagi setiap suku tahun dalam tahun 2009 adalah positif. Kadar penguncupan ekonomi berbanding dengan tahun 2008 terus berkurangan dan dijangka mencapai tahap positif tahun hadapan. Oleh itu pemulihan ekonomi Negeri Johor mampu berlaku pada kadar yang lebih pesat berbanding dengan ekonomi Malaysia keseluruhannya.

Hampir semua industri dalam sektor pembuatan di Negeri Johor terus mencapai pemulihan dalam suku tahun kedua dan ketiga tahun ini berbanding dengan tahap prestasi dalam suku tahun pertama. Bagaimanapun di sektor perkhidmatan, kesan negatif dikesan dalam industri peruncitan, restoran, rekreasi dan perhotelan akibat kemerosotan sebanyak 36% bilangan pelancong memasuki Negeri Johor, melalui pintu selatan. Sungguhpun Pelabuhan Tanjung Pelepas terus mengalami peningkatan kargo sebanyak 4.6% hingga bulan September tahun ini, Pelabuhan Pasir Gudang pula mengalami kemerosotan sebanyak 13% dalam tempoh yang sama.

Sektor pertanian pula mencapai kadar pertumbuhan yang agak lembap disebabkan pengeluaran mendatar minyak kelapa sawit yang merupakan sektor terbesar dalam industri pertanian negeri ini. Dalam tiga suku tahun pertama tahun 2009 pengeluaran minyak kelapa sawit hanya meningkat sebanyak 0.2%, namun kadar ini lebih baik berbanding dengan pengeluaran untuk Malaysia keseluruhannya yang merosot sebanyak 3.7%. Kemerosotan purata harga kelapa sawit dalam tiga suku tahun pertama 2009 adalah sebanyak 31%, berbanding dengan harga purata dalam tempoh yang sama tahun 2008. Perkara ini membawa kesan negatif kepada pendapatan dan perbelanjaan penduduk luar bandar. Walau bagaimanapun harga kelapa sawit dijangka akan terus meningkat dalam suku tahun ketiga dan mungkin juga berterusan pada tahun hadapan.

Dan, bagi tahun 2010 ekonomi Negeri Johor dijangka akan terus berkembang pada kadar yang memuaskan, sekurang-kurangnya sama dengan kadar yang dicapai oleh Malaysia keseluruhannya. Adalah dijangkakan ia berkembang pesat pada kadar tidak kurang 5%, hasil kemasukan pelaburan baru, pelaksanaan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9 terutamanya di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menjelang tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 lebih banyak projek dijangka dapat disiapkan. Prestasi perbelanjaan bagi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 hingga Oktober 2009 telah mencapai 62% iaitu lebih tinggi sedikit daripada prestasi nasional 61% daripada 2,832 projek Rancangan Malaysia Ke-9 yang diluluskan sebanyak 1,120 buah projek telah pun siap sepenuhnya. Dan Negeri Johor mendapat peruntukan sejumlah RM91 juta dalam pakej rangsangan ekonomi yang pertama dan RM135 juta untuk pakej rangsangan ekonomi yang kedua. Dan, program-program projek ini di bawah kedua-dua projek rangsangan tersebut sedang berjalan dengan lancar.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2009, Negeri Johor menerima pelaburan sebanyak RM2.6 bilion daripada sejumlah RM15.8 bilion pelaburan yang diterima oleh Malaysia, bermakna bahawa Johor memberi sumbangan sebanyak 16% daripada keseluruhan pelaburan yang diterima oleh Malaysia. Dan, Johor menduduki tangga kedua selepas Sarawak. Jumlah yang diterima oleh Johor ini merupakan peningkatan RM45 juta atau 20.9% jumlah pelaburan yang diterima dalam tempoh 6 bulan pertama tahun lalu.

Daripada jumlah pelaburan tersebut 63% adalah pelaburan terus asing iaitu FDI yang merupakan pertambahan sebanyak 15% berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu. Jumlah ini sekaligus meletakkan Johor sebagai penerima kedua tertinggi pelaburan asing di Malaysia selepas Sarawak, di mana 5 negara pelabur utama di Johor ialah Singapura, Jepun, Korea, Austria dan juga Amerika Syarikat.

Daripada keseluruhan pelaburan yang diterima oleh Negeri Johor hingga Jun 2009, 78% merupakan pelaburan baru, manakala bakinya 21% adalah pelaburan tambahan ataupun pelaburan bagi tujuan pembesaran. Angka ini menunjukkan satu aliran pengukuhan yang bermula pada tahun 2007 iaitu pelaburan baru mengatasi pelaburan tambahan ataupun pelaburan bagi tujuan pembesaran. Arah aliran pelaburan dalam sub sektor industri juga menunjukkan perubahan yang amat ketara berbanding tahun-tahun sebelum ini. Lima sektor utama industri yang menerima pelaburan tertinggi hingga Jun 2009 adalah:

i. Elektrik dan elektronik
ii. Pengilangan makanan
iii. Tekstil dan produk tekstil
iv. Produk bukan logam dan kimia
v. serta produk kimia

Dan, lima lokasi utama yang menerima pelaburan tertinggi hingga Jun 2009 adalah kawasan perindustrian Pasir Gudang, Sri Gading, Senai II, Pontian dan Tebrau II, fasa 1.

Pelaburan di Johor dijangka melonjak dengan ketara pada tahun 2010, dengan kemasukan beberapa pelaburan besar dalam industri minyak dan gas yang dianggarkan berjumlah RM49 bilion, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, prestasi koridor-koridor ekonomi di Johor, di mana Johor sememangnya bertuah kerana menerima dua gagasan pembangunan koridor ekonomi utama negara iaitu Iskandar Malaysia dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur bagi daerah Mersing. Pihak berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar mengenal pasti beberapa pelan jangka panjang yang perlu disediakan terlebih dahulu bagi membangunkan Iskandar Malaysia secara teratur, komprehensif lagi holistik. Ini meliputi aspek perancangan bandar, infrastruktur, alam sekitar, utiliti dan lain-lain. Sebahagian kajian ini telah pun siap dan sedang di peringkat perlaksanaannya, yang mana sebagai contoh penduduk Iskandar Malaysia yang berpendapatan rendah bakal menikmati perumahan lebih berkualiti melalui Projek Perumahan Awam Iskandar.

Selain itu, kajian mengenai keselamatan telah mendorong langkah meningkatkan tahap keselamatan melalui kemudahan pos polis komuniti, kamera litar tertutup *(CCTV)* dan polis bantuan di Pihak Berkuasa Tempatan dalam wilayah ini. Dalam perancangan jangka panjang, Iskandar Malaysia akan mencapai nisbah seorang anggota polis bagi 250 orang penduduk setaraf dengan tahap negara maju.

Di samping itu, IRDA sedang membuat perancangan untuk menyediakan pelan pengangkutan multi modul bagi Iskandar Malaysia dalam tempoh 3 bulan yang terdekat ini kerana menjelang 2012, Iskandar Malaysia akan mempunyai beberapa pembangunan yang akan menjadi matang dan akan menerima kunjungan pada paras yang besar di antaranya Taman Tema Legoland di Medini dan *Kids Zania* dan *Hit Entertainment* di Puteri Harbour, Nusajaya serta *premium outlet* di Kulaijaya. Maka sistem pengangkutan multi modul diperlukan untuk kemudahan pengunjung dari dalam dan luar negara serta pekerja di Iskandar Malaysia yang dianggarkan insya-Allah, tiba 2012, di mana projek-projek tersebut akan bermula beroperasi dianggarkan menerima pada anggaran 5 juta pengunjung pada tahun 2012.

Dengan unjuran penduduk seramai 3 juta orang menjelang 2025, Iskandar Malaysia memberi penekanan terhadap kemudahan awam dan infrastruktur, jalan raya, lebuh raya, persimpangan utama sedang dinaik taraf dengan kos RM1.45 bilion. Program pembersihan sungai sedang giat dijalankan ke atas 3 sungai utama, Sungai Segget, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau dengan kos RM113 juta. Manakala program naik taraf saliran bandar melibatkan belanja RM122 juta. Sementara itu, program penempatan semula penduduk setinggan dari Lembangan Sungai Tebrau dan Sungai Skudai juga sedang dilaksanakan. Keseluruhan kerja-kerja tersebut telah mencapai tahap 76%.

Dengan pelaburan bertaraf dunia memacu pertumbuhan Iskandar Malaysia, kumpulan bakat mahir dan berdaya saing global yang lestari adalah amat

penting untuk menampung permintaan modal insan industri terpilih. Pelbagai program latihan dan inisiatif peningkatan kemahiran telah diwujudkan untuk memudahkan penduduk tempatan melengkapkan diri mereka sebagai pekerja berpengetahuan. Antara program ini adalah Program *Graduate Employability Management Scheme* dan Program *Graduate Employability Enhancement Firm* untuk graduan menganggur, latihan kepimpinan menerusi Program Iskandar Malaysia *Graduate Leadership Assessment Development*. Program Bahasa Inggeris Komunikasi dan Bertauliah, latihan kemahiran untuk belia-belia Orang Asli menerusi Program 'Belia Rakyat Tempatan Mahir'. Latihan pengurusan projek, peningkatan kemahiran untuk peniaga kecil dan sederhana, latihan keusahawanan untuk kontraktor dan Program Pembangunan Kontraktor serta latihan sistem binaan bersepadu untuk kontraktor daripada industri pembangunan dan binaan dalam Iskandar Malaysia.

Pada masa yang sama rangkaian-rangkaian yang diwujudkan antara PKS, industri kecil dan sederhana dan para pemaju utama Iskandar Malaysia seperti Iskandar Investment Berhad, UEM Land Berhad dan Danga Bay, yang membentang laluan luas kepada peluang-peluang perniagaan serta jalinan kerja yang lebih baik.

Dan, penekanan yang sama juga diberikan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi meningkatkan lagi kemudahsampaian dan seterusnya menjana aktiviti pelancongan dan pembangunan-pembangunan lain. Pada tahun 2010, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur akan membangunkan jalan pesisir pantai yang menghubungkan Sedili di Kota Tinggi dan Mersing. Kemudahan akses ke Taman Negara Endau Rompin juga dikenal pasti manakala pembangunan infrastruktur di pulau-pulau diberikan perhatian dalam tempoh jangka masa yang terdekat ini. Kerjasama juga diwujudkan di antara ECER dan syarikat-syarikat pelancongan bagi mempromosikan pakej dan aktiviti berkaitan dengan Program Inap Desa sekaligus melibatkan masyarakat setempat dalam kegiatan pelancongan untuk meningkatkan pendapatan.

ECER juga memberikan penekanan bagi Program Pembasmian Kemiskinan. Antaranya membantu golongan nelayan meningkatkan pendapatan melalui penyertaan dalam kegiatan ekonomi berkaitan termasuk industri hiliran berasaskan sumber ikan. Peluang kepada golongan wanita yang juga disediakan untuk terlibat dalam kegiatan perniagaan yang boleh dilakukan di rumah mereka sendiri.

Pembangunan PKS pula, difokuskan untuk industri makanan melalui pembangunan produk pembungkusan dan juga pemasaran. Untuk menjamin kejayaan pengusaha-pengusaha produk makanan ini beberapa program dirangka untuk membimbing mereka dalam pembungkusan produk, sijil dan akreditasi, pemasaran, penyelidikan dan peningkatan proses melalui pembangunan, Program Pembangunan Enterpris di pelbagai peringkat. Program-program pembangunan usahawan bumiputera dengan kerjasama agensi kerajaan akan dilaksanakan. Program berbentuk seminar, latihan dan sokongan akan dilaksanakan bagi membantu bumiputera dalam bidang komersil dan industri.

Segala perancangan yang disusun bagi kedua-dua koridor ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada penduduk Iskandar Malaysia dan daerah Mersing, malah mendatangkan kesan positif kepada kawasan yang berhampiran apabila siapnya Lebuhraya Senai - Desaru dan Jalan Sedili – Mersing. Kerajaan Negeri menjangka bahawa daerah Kota Tinggi, khususnya Desaru akan menerima lebih banyak lagi kegiatan ekonomi melalui pelaburan. Dengan pembangunan yang lebih berbentuk metropolis di sebahagian besar Iskandar Malaysia pembangunan pelancongan di Desaru dan Mersing menjadi pelengkap kepada kemajuan Negeri Johor, di selatan Johor keseluruhannya, selatan dan timur Johor. Penggalakan pelancongan berbentuk promosi Inap Desa di kawasan tanah lembap (*wetlands)* di Tanjung Piai di sebelah barat pula dan Sungai Pulai di Iskandar Malaysia serta promosi Inap Desa di kawasan sawah padi dan pantai di Mersing menjadikan negeri satu destinasi yang agak unik.

Yang berhormat Dato' Speaker, pembangunan negeri juga perlu selaras dan saling menyokong teras pembangunan Malaysia ke arah mencapai satu wawasan iaitu negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pembangunan holistik yang diperkenalkan sekian lama telah menyediakan asas yang kukuh untuk Johor menyambut Misi Nasional dan sejajar dengan Hala Tuju Strategik Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh. Oleh itu, strategi Bajet 2010 Negeri Johor memberikan penekanan khusus kepada langkah-langkah sokongan yang mantap untuk mencapai bidang keberhasilan utama negara (NKRA) yang mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian. Maka strategi Bajet 2010 Negeri Johor menggariskan perkara-perkara berikut:

i. Memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan juga berintegriti.

ii. Memacu ekonomi negeri ke arah negeri maju berpendapatan tinggi.

iii. Menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup.

iv. Meningkatkan daya tahan dan memperkukuhkan jati diri dan kekuatan dalaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang pertama iaitu memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara. Kecekapan kerajaan merupakan tonggak utama untuk memastikan keberkesanan usaha-usaha pembangunan di Negeri Johor. Usaha berterusan perlu diambil untuk memastikan sistem pentadbiran terus relevan dengan situasi ekonomi semasa lebih bersifat mesra pelabur dan prihatin kepada keperluan rakyat.

Namun begitu, Kerajaan Negeri perlu akur dengan kekangan yang wujud atas sebab sumber kewangan yang terhad. Sumber kewangan Kerajaan Negeri yang telah digariskan dalam perlembagaan terhad kepada sumber-sumber dari sektor primer berasaskan tanah, hutan, perlombongan dan juga sumber air yang tidak berkembang serancak sektor perkilangan dan perkhidmatan. Dan, demi untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih berkesan dan berintegriti, maka dalam tahun 2010 Kerajaan Negeri akan mengambil pendekatan seperti berikut:

1. Meningkatkan dan mempelbagaikan hasil kerajaan.

Cabaran yang dihadapi berikutan dengan meningkatkannya harapan rakyat terhadap pembangunan dan juga perkhidmatan kerajaan serta peningkatan kos operasi perlu digalas dengan cara yang efektif dan berintegriti. Langkah menambah hasil kerajaan melalui kenaikan cukai akan dilihat sebagai membebankan rakyat dan membataskan perkembangan sektor swasta.

Oleh itu usaha meningkatkan hasil memerlukan inovasi dan juga kreativiti serta penilaian semula kaedah dan kadar yang munasabah dalam kutipan hasil. Untuk mencapai matlamat ini langkah-langkah berikut akan diambil :

i. Meningkatkan hasil kerajaan melalui kutipan cukai yang lebih efisien.

Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri telah melancarkan portal *E-payment, electronic payment,* portal *E-payment* Johor dengan tujuan untuk memudahkan urusan pembayaran kepada pihak kerajaan. Sistem berkonsepkan perbankan Internet membolehkan rakyat dan industri membuat pembayaran dengan menggunakan kad kredit atau debit atau dikreditkan terus dari akaun pengguna melalui perkhidmatan *Financial Process Exchange*. Pada masa ini sistem pembayaran atas talian telah diintegrasikan dengan sistem hasil tanah Johor dan akan diperluaskan secara berperingkat-peringkat kepada sistem bayaran yang lain.

ii. Menyemak kaedah dan juga, kaedah dan kadar kutipan hasil daripada bahan batuan.

Kadar biasa kutipan hasil daripada bahan batuan akan dikaji semula dengan memperkenalkan sistem pengiraan kuantiti bahan batuan berdasarkan kepada dokumen kontrak atau stok di lokasi. Langkah ini amat perlu bagi memastikan ketirisan tidak berlaku dalam usaha meningkatkan kutipan hasil.

iii. Menyemak kaedah dan kadar lesen di Pejabat-Pejabat Daerah.

Kadar bayaran lesen yang berkuat kuasa sekarang didapati tidak selaras dengan saiz dan daya maju sesuatu perniagaan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah pun mengaturkan satu bengkel untuk menyemak semula kaedah dan kadar lesen di Pejabat-Pejabat Daerah. Kaedah dan kadar baru bayaran lesen ini dijangka akan dapat dikuatkuasakan dalam tahun 2010.

iv. Meningkatkan usaha mengutip tunggakan cukai dan sewa rumah.

Langkah penguatkuasaan yang lebih ketat dan pemantauan berterusan akan dilaksanakan sebagai usaha untuk

mengurangkan jumlah tunggakan cukai. Pengeluaran notis 6A dan 8A akan dibuat oleh Pejabat-Pejabat Tanah sebagai usaha membangkitkan kesedaran pemilik tanah terhadap tanggungjawab menjelaskan cukai tanah.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Cawangan Perumahan pula akan melipat gandakan usaha meningkatkan kutipan sewa rumah kerajaan yang tertunggak dengan menambah pungutan luar berjadual di daerah-daerah. Di samping itu untuk memudahkan pembayaran, kaunter terimaan hasil dibuka pada setiap hari kecuali hari Jumaat dan Ahad dan cuti umum di Pejabat Perumahan Cawangan Plaza Angsana, Johor Bahru. Penyewa yang tinggi tunggakannya akan dilawati oleh Pegawai Perumahan untuk membincangkan jalan penyelesaiannya. Sejak pendekatan pelawat perumahan diperkenalkan bermula Ogos 2009, jumlah yang dikutip kerana tertunggak ialah RM70,000.00 telah pun selesai dibayar. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Cawangan Perumahan juga akan menghantar bil tuntutan sewa kepada setiap penyewa melalui Pos pada setiap bulan. Bil tuntutan tersebut akan menunjukkan baki tunggakan dan sewa semasa setiap bulan.

v. Meningkatkan pulangan daripada aset Kerajaan Negeri.

Aset-aset Kerajaan Negeri terutama yang berbentuk hartanah akan dilihat secara menyeluruh untuk memaksimumkan nilai pembangunan, sewaan atau pun jualan.

vi. Meningkatkan hasil negeri secara menyeluruh dengan menawarkan insentif kepada jabatan dan agensi.

Insentif akan diberi kepada jabatan atau pun agensi yang berjaya menunjukkan peningkatan kutipan hasil. Ini termasuk jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan Negeri yang secara tradisinya tidak mengutip hasil tetapi dapat menjana hasil baru melalui inovasi.

Oleh itu kerajaan mencadangkan supaya insentif berbentuk pakej lawatan belajar untuk kakitangan jabatan ke destinasi dalam negara diberi tertakluk kepada apa-apa jumlah yang diluluskan oleh pihak kerajaan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada langkah untuk mengurangkan kos operasi perkhidmatan kerajaan melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan.

i. Mengurangkan kos operasi perkhidmatan kerajaan melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya kos operasi perkhidmatan kerajaan dapat dikurangkan melalui peningkatan produktiviti dan

kecekapan. Peningkatan aplikasi teknologi bukan sahaja dapat mengurangkan kos operasi malah meningkatkan ketelusan perkhidmatan kerajaan dan mengurangkan kerenah birokrasi. Untuk mencapai matlamat tersebut langkah-langkah berikut akan dilaksanakan :

ii. Menerapkan kaedah bajet berdasarkan kepada *outcome*.

Pendekatan ini akan mula diperkenalkan sepanjang tahun 2010 kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi termasuk dalam pengagihan geran tahunan kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan, NGO. Pendekatan bajet berdasarkan kepada *outcome* ini secara beransur-ansur dijangka dapat mengelak berlakunya defisit dalam bajet tahunan.

Konsep ini menekankan peningkatan *outcome* perkhidmatan kerajaan pada kos yang tidak melebihi hasil kerajaan. Ini, ia juga memastikan peruntukan diberi berdasarkan keupayaan jabatan memenuhi sasaran *outcome*.

iii. Pengurangan kos operasi secara menyeluruh tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan dengan memberi insentif kepada jabatan.

Jabatan atau pun agensi yang berjaya mengurangkan kos melalui peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi, peningkatan kecekapan dan inovasi perkhidmatan akan diberi insentif dengan tambahan peruntukan harta modal jabatan di tahun yang berikutnya.

iv. Penekanan kepada konsep Nilai Kewangan Paling Setimpal.

Setiap ringgit yang dibelanjakan oleh jabatan dan agensi hendaklah setimpal dengan barangan dan perkhidmatan. Garis panduan perolehan barangan dan perkhidmatan akan disediakan oleh jabatan-jabatan teknikal. Sebagai contoh, garis panduan pembelian komputer akan disediakan oleh Unit Sains, Teknologi dan ICT untuk memastikan bahawa spesifikasi komputer bersesuaian dengan bidang tugas penggunanya dan setimpal dengan harganya.

v. Penjimatan kos melalui aplikasi teknologi.

Penggunaan ICT secara meluas juga dilihat dapat mengurangkan kos operasi kerajaan. Sebagai contoh, penggunaan teknologi komunikasi, dengan izin, *Voice Over Internet Protocol*. Dalam urusan komunikasi kerajaan yang kini digunakan di Kota Iskandar, telah dapat menjimatkan kos panggilan telefon sebanyak 83%. Kadar penjimatan ini akan dapat dipertingkatkan lagi apabila teknologi ini diguna pakai oleh semua jabatan kerajaan di seluruh Negeri Johor.

vi. Meningkatkan sumbangan Syarikat Berkaitan Kerajaan, GLC, dengan izin.

Bagi mengurangkan tanggungan kerajaan, GLC akan memainkan peranan yang lebih dalam membiayai projek-projek dan program-program sosial yang telah dikenal pasti.

Dato' Speaker, saya merujuk kepada langkah meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Budaya kerja berkualiti, urus tadbir yang baik, cekap dan mementingkan akauntabiliti akan terus diberikan penekanan. Pembangunan Sumber Manusia dalam sektor awam akan menumpukan kepada peningkatan pengetahuan tenaga kerja yang kompeten dan berintegriti. Peningkatan kecekapan perkhidmatan akan terus dilaksanakan melalui langkah-langkah yang berikut :

i. Pelaksanaan Sistem *Star Rating*.

Program *Star Rating* diperkenalkan bagi menilai dan membuat penggredan prestasi agensi awam dalam melaksanakan dasar kerajaan serta inisiatif lain bagi menyediakan perkhidmatan yang berkesan, efisien, responsif lagi cemerlang. Program ini sedang dilaksanakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk diberi penarafan oleh pihak Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Dalam tahun 2010, sistem ini akan diperluaskan di jabatan-jabatan Kerajaan Negeri yang lain.

ii. Penubuhan Unit Audit Dalam di jabatan-jabatan.

Ini telah dikenal pasti sebagai salah satu cara untuk menjadikan sesuatu jabatan lebih efisien dan juga berintegriti. Pada tahun 2010, adalah dicadangkan supaya jabatan-jabatan yang belum mempunyai Unit Audit Dalam supaya berbuat demikian.

iii. Penerbitan dan pematuhan Manual Prosedur Kerja.

Manual Prosedur Kerja yang terkini akan diterbitkan pada awal tahun 2010. Manual tersebut dikemas kini lanjutan daripada cadangan Jawatankuasa Khas Pemantapan Sistem Prosedur Kerja Jabatan, Agensi Kerajaan Negeri Johor. Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan pada tahun 2006 telah mengenal pasti 73 cadangan penambahbaikan dan hingga kini hampir 70% cadangan tersebut telah pun dilaksanakan.

iv. Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja.

Ini merupakan program yang bertujuan mengemas kini sistem dan prosedur kerja untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan sekaligus memendekkan proses kerja. Tumpuan diberikan kepada usaha untuk memenuhi harapan dan kehendak rakyat dalam mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan.

Dalam tahun 2010, semua jabatan Kerajaan Negeri diminta untuk merekayasa sekurang-kurangnya satu proses atau prosedur kerja. Dan usaha ini akan didokumentasikan dalam Ucapan Bajet Negeri Johor 2011, kelak.

v. Insentif pada kakitangan kerajaan berisiko tinggi.

Kerajaan prihatin kepada risiko yang dihadapi oleh pegawai-pegawai awam seperti Pembantu Penguat kuasa, Pemandu, Penghantar Notis, Pegawai Keselamatan dan pekerja-pekerja awam yang lain. Dengan ini Kerajaan Negeri mencadangkan untuk memberi perlindungan Takaful bernilai RM30,000.00 seorang yang melibatkan 2,975 orang anggota penjawat awam negeri yang memegang jawatan berisiko tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada langkah mewujudkan sistem pemantauan pembangunan yang lebih berkesan. Perancangan dan pemantauan pembangunan memerlukan satu pendekatan kawalan yang rapi supaya program pembangunan dilaksanakan selari dan menepati matlamat strategik negeri. Oleh itu, sistem pemantauan pembangunan yang lebih berkesan harus diwujudkan dengan mengambil langkah-langkah berikut:

i. Memperkasakan Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Unit ini akan dilengkapkan dengan keanggotaan yang secukupnya dan kemudahan sokongan. Dalam masa yang sama hasil auditan hendaklah disusuli dengan Pelan Tindakan Penambahbaikan oleh agensi berkenaan.

ii. Memperkasa peranan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor (UPEN).

UPEN akan diberi peranan menilai projek dan program untuk diperakukan kepada Kerajaan Negeri bagi kelulusan peruntukan. Langkah ini dilihat dapat menjamin pelaksanaan sesuatu projek atau program supaya menghasilkan *outcome* yang mendukung hala tuju strategik. UPEN juga diberi peranan memantau prestasi pelaksanaan program dan projek yang diberi peruntukan Kerajaan Negeri untuk dibentangkan kepada kerajaan secara berkala.

iii. Pelan dua tahun jabatan berdasarkan kepada hala tuju strategik Negeri Johor.

Semua jabatan dan agensi kerajaan perlu menyediakan pelan mengenai program dan projek bagi tempoh dua tahun. Perancangan program untuk tempoh dua tahun dilihat lebih fleksibel dan mampan untuk mendukung hala tuju strategik negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memerangi rasuah merupakan salah satu NKR Kerajaan Persekutuan yang perlu disokong dengan tindakan-tindakan yang spesifik di Negeri Johor untuk mencapai matlamatnya. Oleh itu, langkah-langkah berikut akan diambil:

i. Meningkatkan ketelusan kerajaan.

Ketelusan kerajaan akan lebih terserlah apabila semua projek Kerajaan Negeri ditawarkan melalui tender terbuka kecuali dalam kes-kes yang tertentu. Pemilihan perunding untuk khidmat perundingan akan dilakukan melalui kaedah pelawaan dan juga sistem giliran.

ii. Bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia melalui Unit Pemeriksaan dan Perundingan.

Usaha menangani isu-isu rasuah melalui kawalan sistem di dalam sesuatu jabatan ataupun organisasi akan dipergiatkan untuk menutup ruang dan peluang yang menjurus kepada perlakuan rasuah, penyelewengan ataupun salah guna kuasa. Pemeriksaan sistem, prosedur ataupun amalan kerja yang diguna pakai dan pengesanan apa-apa kelemahan yang wujud di sesebuah jabatan akan dapat mencegah sebarang perlakuan rasuah.

iii. Melaksanakan Sistem e-PBT di semua Pihak Berkuasa Tempatan.

Sistem e-PBT merupakan satu sistem bersepadu yang mengandungi 18 Modul Pengurusan PBT bagi membolehkan pemantauan dan juga pengurusan yang lebih baik dilakukan ke atas hasil dan perbelanjaan pihak PBT. Sistem yang telus dan efisien ini akan menyelaras dan menyeragamkan semua urusan pentadbiran di PBT sekaligus dapat menghapuskan ruang, menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah.

iv. Menerapkan program-program Institusi Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat iaitu IKLAS dan Yayasan Warisan Johor.

Program-program IKLAS sememangnya dirangka dengan memberi fokus kepada peningkatan integriti termasuk memerangi rasuah dengan penglibatan bersama SPRM. Dalam tahun 2010, sebanyak 14 program telah diatur melibatkan penglibatan integriti dan kepimpinan untuk pelbagai kelompok masyarakat termasuk ketua-ketua masyarakat, pegawai-pegawai dan kakitangan awam, pelajar, mahasiswa dan belia.

v. Memantapkan peranan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan Negeri dan juga Jawatankuasa Kerjanya.

Kedua-dua jawatankuasa ini akan bersidang mengikut jadual ketetapan mesyuarat dan seterusnya mengenal pasti isu-isu serta langkah berkaitan integriti supaya usaha-usaha membanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan awam dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya beralih kepada strategi yang kedua, iaitu Memacu Ekonomi Ke Arah Negeri Yang Maju Berpendapatan Tinggi. Pembangunan ekonomi perlu menjurus kepada matlamat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar, KDNK dan peningkatan pendapatan isi rumah melalui aktiviti nilai tambah diterajui oleh pelaburan sektor swasta. Pelaburan swasta sememangnya mempunyai peranan yang sangat penting untuk menjana pertumbuhan yang lebih pantas dan mengurangkan kebergantungan terhadap pelaburan sektor awam. Pelaburan sektor swasta juga perlu disokong supaya lebih berdaya saing sama ada di peringkat tempatan ataupun di peringkat global.

Secara tradisinya Negeri Johor menerima lebih banyak pelaburan swasta asing berbanding tempatan. Namun dalam keadaan ekonomi global yang suram, pelaburan tempatan akan lebih diberi perhatian untuk menjamin kemampuan kemasukan pelabur ke Negeri Johor. Usaha yang lebih agresif akan diambil supaya Johor akan terus menjadi antara destinasi utama pilihan utama pelabur domestik dan antarabangsa. Ini termasuk memastikan bahawa pelaburan swasta dapat berkembang dalam suasana yang mesra pelabur, kurang peraturan yang membebankan dan sistem sokongan yang berkesan. Untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah berikut akan diambil.

i. Menyediakan persekitaran mesra perniagaan.

Persekitaran mesra perniagaan akan dapat membantu usaha menjana ekonomi dengan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih berdaya saing. Adalah menjadi hasrat kerajaan supaya semua urusan dengan kerajaan menjadi lebih mudah, telus, cekap, pantas, seterusnya dapat mengurangkan kos operasi perniagaan. Sehubungan itu, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor telah mewujudkan Kaunter Laluan Hijau untuk beberapa urusan berkaitan tanah yang dijamin boleh diselesaikan dalam tempoh satu hari bekerja. Pelanggan yang hadir dengan satu urusan sahaja sama ada pindah milik, gadaian ataupun pelepasan gadaian adalah layak menggunakan Kaunter Laluan Hijau ini. Urusan yang dibuat sendiri oleh pelanggan tanpa menggunakan khidmat peguam atau orang tengah serta diserahkan bersama dokumen yang lengkap dijamin boleh diselesaikan pada hari yang sama. Kerajaan Negeri juga akan mempertingkatkan pembangunan infrastruktur teknologi telekomunikasi dan maklumat untuk menyediakan keadaan mesra pelabur dengan kerjasama pihak swasta seperti penambahan *Hot Spot*, peningkatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi dan juga perkhidmatan WIMAX dan Talian Gentian Fiber.

ii. Mempertingkatkan kemasukan pelabur asing dan tempatan di mana Pusat Pelaburan Johor (JSIC) akan mengambil langkah dengan lebih agresif untuk menarik pelaburan asing dan tempatan dalam situasi ekonomi global yang ada ini dengan memberi tumpuan kepada kelompok industri yang menerima pelaburan besar seperti industri petrokimia, keluli asas, elektrik dan elektronik serta kimia dan makanan. Pembangunan kelompok industri yang khusus juga akan ditumpukan kepada kawasan industri tertentu seperti industri berteknologi tinggi di Taman Teknologi Tinggi Senai, Bioteknologi di Desaru, Bioteknologi dan makanan di Nusajaya, minyak dan gas di Teluk Ramunia, marin dan petrokimia di Tanjung Bin, industri berat dan Biofuel di Tanjung Langsat, manakala industri perabot di Ledang dan di Muar.

iii. Mempertingkatkan kerjasama dengan koridor-koridor ekonomi. Melalui kerjasama dengan pihak IRDA dan ECDRDC, Kerajaan Negeri yakin pelaburan asing dan tempatan terus dipertingkatkan khususnya dengan pakej-pakej insentif menarik yang ditawarkan. Di samping itu, pembangunan infrastruktur sokongan seperti rangkaian jalan raya yang lebih efisien, pusat perubatan swasta bertaraf dunia, pusat sukan dan rekreasi, sekolah antarabangsa dan pembukaan kampus cawangan

universiti ternama dunia di kawasan Iskandar Malaysia akan menyediakan persekitaran yang menarik untuk para pelabur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga hendak memastikan pertumbuhan ekonomi ini seimbang dengan mengambil pendekatan yang dikatakan pendekatan *inclusive* dibawa bersama, bukan *exclusive*. Dan ekonomi perlu tumbuh dengan pesat untuk menjana pembangunan. Walau bagaimanapun, pembangunan ekonomi perlulah seimbang supaya agihannya dirasakan secara adil di antara wilayah, daerah, masyarakat, gender. Antara langkah yang akan diambil untuk memastikan pencapaian adalah seperti berikut:

i. Kajian pembangunan komprehensif untuk kawasan di luar koridor ekonomi.

Kajian ini akan dilaksanakan bagi Wilayah Pembangunan yang telah dikenal pasti dalam kajian Pelan Induk Pembangunan Ekonomi Negeri Johor 2010 - 2020 akan dimuktamadkan pada penghujung tahun ini. Kajian pembangunan komprehensif ini akan memberi penekanan kepada usaha memajukan wilayah berkenaan berdasarkan kepada kekuatan ekonomi setempat, dan kajian ini akan memastikan bahawa wilayah-wilayah di luar koridor ekonomi iaitu Segamat, Muar, Ledang, Batu Pahat dan Kluang akan mendapat manfaat daripada Pembangunan Holistik Negeri Johor.

ii. Peningkatan penyertaan wanita dalam penjanaan ekonomi.

Kerajaan sedar bahawa penyertaan wanita amatlah penting dan perlu ditingkatkan untuk memastikan mereka dapat menyumbang kepada pendapatan di isi rumah. Pada ketika ini kadar penyertaan wanita dalam penjanaan ekonomi di Johor hanyalah sekitar 43%. Adalah diharapkan, dengan menyediakan sistem sokongan yang baik, kemudahan pengangkutan dan pekerjaan yang sesuai, penyertaan wanita dalam aktiviti penjanaan ekonomi dapat ditingkatkan kepada paras 60 hingga 65%.

iii. Meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya dalam sektor pekerjaan.

Langkah ini akan, dilihat akan dapat menjana ekonomi negeri melalui peningkatan pendapatan isi rumah di kalangan OKU. Pada masa ini *Programme Encouraging*, dengan izin, *Encouraging Increase Participation By People With Disabilities In The Workforce In The State Of Johore*, sedang dilaksanakan oleh *United Nation Development Programme* (UNDP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor. Sehingga kini, seramai 11 orang OKU telah dilantik ke beberapa jawatan di sektor awam melalui program ini, manakala 5 orang OKU telah ditempatkan di sektor swasta.

Kejayaan penempatan OKU di sektor awam telah membangkitkan iltizam di pihak kerajaan untuk merintis usaha memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% peluang pekerjaan di sektor awam untuk OKU, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 3/2008. Sebagai keseimbangan usaha murni ini, maka kerajaan mencadangkan supaya

unit khas akan ditubuhkan di bawah Yayasan Pembangunan Dan Keluarga Darul Ta'zim untuk meningkatkan lagi penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan dan bersama-sama menyumbang kepada ekonomi negeri.

iv. Menyediakan kajian komprehensif penjanaan ekonomi luar bandar.

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan merangka strategi bagi memastikan rakyat di kawasan luar bandar mempunyai peluang yang luas untuk menjana pendapatan melalui pelbagai sumber. Kepelbagaian aktiviti penjanaan ekonomi di luar bandar akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerjaan di bandar-bandar dan mengurangkan penghijrahan berterusan. Selain itu, aktiviti perniagaan di luar bandar akan dapat berkembang dengan peningkatan permintaan setempat untuk produk dan untuk perkhidmatan.

Tiga sektor utama, yang menjadi tunjang kekuatan ekonomi negeri adalah pertanian, pembuatan dan juga pembinaan. Sektor ini perlu terus diperkasakan untuk memastikan pertumbuhan berlaku dengan lebih pantas dan dapat menjana ekonomi negeri. Untuk memanfaatkan kekuatan asas ekonomi ini, beberapa langkah berikut akan diambil:

i. Memperkasakan sektor pertanian.

Langkah ini penting supaya sektor pertanian berdaya saing dan berteknologi tinggi. Sektor ini perlu mengeluarkan bahan makanan utama secukupnya untuk memenuhi permintaan domestik dan eksport. Ia perlu mengalami proses transformasi pertanian dengan penggunaan teknologi pertanian tinggi, terkini, mekanisasi, automasi berskala besar dan diurus sebagai satu entiti perniagaan.

Kebun integrasi adalah satu kaedah dalam mengusahakan kebun secara mampan, dengan menggabungkan lebih daripada satu aktiviti atau bidang usaha dalam satu kawasan kebun seperti tanaman, ternakan. Pada tahun 2010 pihak kerajaan akan melaksanakan kebun integrasi sebagai satu model rujukan dengan kos melebihi daripada RM1.2 juta.

Pasar Tani memberi peluang pasaran kepada golongan petani di samping memastikan pengguna mendapat jaminan kualiti dan harga yang berpatutan. Hingga Ogos 2009, nilai jualan Pasar Tani seluruh Johor berjumlah RM25 juta. Pada tahun 2010, kerajaan bercadang membuka 10 lagi Pasar Tani baru di lokasi berpotensi di seluruh negeri. Pasar-Pasar Tani baru ini akan memberi faedah kepada 500 petani.

Industri ikan hiasan juga memainkan peranan penting dalam menjana sektor perikanan di Negeri Johor dengan jumlah pengeluaran sebanyak 224 juta ekor ikan. Sebuah pusat perdagangan dan pengumpulan ikan hiasan bertaraf antarabangsa akan didirikan di tapak seluas 20 ekar di Senai yang akan menyediakan ruang bagi aktiviti pengumpulan,

pemasaran, pameran, dagangan, kuarantin, penternakan dan pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau minat bab ini boleh tengok macam-macam ikan ada kat situ nanti. Dan sebuah penternakan ikan hiasan dan tumbuhan laut juga akan dibangunkan di kawasan seluas 200 ekar di Mawai, Kota Tinggi, yang boleh menempatkan 20 orang pengusaha tempatan yang terlibat secara aktif dalam industri ini.

Jabatan Pengaliran dan Saliran akan terus membangunkan dan membaik pulih infrastruktur untuk sektor pertanian bagi meningkatkan hasil pengeluaran makanan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor melalui JPS telah memohon peruntukan sebanyak RM12.6 juta untuk tahun 2010 bagi melaksanakan program pembinaan jalan, ladang, projek-projek kecil, projek saliran kecil dan projek pengaliran kecil.

ii. Mempertingkatkan sektor pembuatan ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi.

Langkah ini dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pantas dengan memberikan tumpuan kepada industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal seperti minyak dan gas serta industri solar.

Syarikat-syarikat besar sangat berminat untuk menempatkan operasi minyak dan gas di Negeri Johor. Negeri Johor yang terletak di laluan perkapalan antarabangsa dan pesisiran pantai yang panjang, menjadikan lokasinya amat strategik untuk industri berkaitan. Satu kawasan baru di antara Tanjung Ayam hingga ke Tanjung Kapal, Pengerang telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai industri minyak dan gas. Pembangunan ini dijangka menjana peluang pekerjaan serta pembangunan industri sampingan petroleum. Dan Kerajaan Negeri akan mengambil langkah memperkukuhkan lagi kelompok industri sedia ada di luar Iskandar Malaysia berdasarkan kepada pengkhususan dan identiti daerah masing-masing.

iii. Menggalakkan industri pembinaan.

Industri pembinaan perlu berkembang secara mampan bagi menjana sektor ekonomi yang berkaitan dengannya. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada langkah-langkah penjanaan sektor ini dengan lebih serius, termasuk memudahkan prosedur-prosedur tertentu bagi meningkatkan minat pembeli hartanah.

Dasar Perumahan Negeri Johor, sedang dikaji semula untuk menilai keberkesanannya dan kesesuaiannya dengan situasi ekonomi semasa. Dasar perumahan semasa yang melibatkan pembinaan 40% rumah kos rendah, dalam sesebuah projek pembangunan telah berjaya membangunkan lebih daripada 100,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah berharga antara RM25,000.00 hingga RM80,000.00 dalam jangka masa 14 tahun iaitu daripada tahun 1996 hingga 2008.

Jumlah ini telah pun hampir mencapai matlamat penyediaan rumah kos rendah dan sederhana rendah untuk rakyat Johor.

Cadangan Dasar Perumahan Negeri Johor yang baru ini, sedang dalam peringkat akhir penilaian dan akan diumumkan sebelum pertengahan tahun 2010 ini. Di mana dasar ini akan dilaksanakan apabila penilaian impak polisi telah dilakukan dengan teliti. Tumpuan penyediaan rumah kos rendah dan sederhana akan dihalakan kepada penawaran rumah berkualiti dan tidak hanya berdasarkan kepada kuantiti. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa adalah sesuai untuk mengumumkan sebahagian daripada perubahan kepada dasar ini untuk menjana industri pembinaan dan memberi lebih peluang kepada rakyat memiliki rumah sendiri.

Menyedari kekurangan penawaran kategori unit rumah mampu milik yang berharga di antara RM80,000.00 hingga RM150,000.00, maka pada tahun 2010, Kerajaan Negeri akan membenarkan pelepasan pembinaan unit rumah kos rendah tidak kurang 50% daripada syarat sedia ada, tertakluk kepada beberapa syarat khusus yang dikenakan kepada pemaju. Bermakna pemaju boleh membina rumah yang dikatakan sesuai dengan permintaan yang ada pada ketika ini. Dengan cara mengurangkan syarat terhadap rumah kos rendah.

Selain daripada itu Dato' Speaker, untuk menggalakkan dan memudahkan lagi lebih ramai kakitangan kerajaan membeli rumah melalui pinjaman perumahan untuk kakitangan kerajaan, maka kakitangan kerajaan boleh berurusan di kaunter laluan hijau di Pejabat Tanah dan Galian dengan jaminan selesai dalam satu hari bagi urusan gadaian yang dicagarkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia dan Perbendaharaan Negeri Johor.

Dan bagi menjana pertumbuhan pantas sektor pembinaan dan memudahkan pelaburan terutama di Koridor-Koridor Ekonomi di Negeri Johor, maka Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor akan memendekkan tempoh urusan permohonan Serah Balik Kurnia Semula (SBKS) untuk projek-projek berimpak tinggi daripada 6 bulan kepada 3 bulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUN) merupakan jentera Kerajaan Negeri untuk menggerakkan kejayaan masyarakat usahawan di Negeri Johor. Sehubungan itu, Majlis ini, Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUN) memberi penekanan melaksanakan tiga bidang teras program utama iaitu Program Peningkatan Kualiti Produk, Pemasaran Produk dan Program Promosi serta Pembangunan Modal Insan PKS.

Pengusaha industri kecil dan sederhana perlu dibimbing dalam usaha untuk meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan supaya berdaya saing dan diterima pasaran. Untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah berikut akan diambil :

i. Melahirkan usahawan bertaraf tiga bintang.

MPUN dan SME Corp. Johor telah bekerjasama menyediakan peluang bantuan kewangan khusus kepada usahawan Bumiputera Johor merangkumi usahawan dalam sektor makanan, minuman, percetakan, elektrik, elektronik, farmaseutikal, herba dan bioteknologi. Melalui program ini, usahawan di bekalkan dengan geran kewangan untuk pembelian peralatan dan mesin dan bayaran sewa premis. Setakat September 2009, sebanyak 20 syarikat usahawan telah diberi bantuan kewangan bernilai RM2.5 juta. Adalah menjadi sasaran tahunan program ini untuk melahirkan seramai 40 usahawan bertaraf sekurang-kurangnya tiga bintang, mengikut piawaian SME Corp. iaitu golongan usahawan yang mempunyai produk yang boleh dieksport.

ii. Menyediakan suasana mesra PKS.

Bagi membantu para peniaga-peniaga kecil, Kerajaan akan mengurangkan bayaran perkhidmatan dan sewaan Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak 10% yang merangkumi sewa gerai, dewan, tapak perniagaan dan lain-lain bayaran perkhidmatan. Dan bagi mempercepatkan proses kelulusan lesen di Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri mencadangkan supaya semua PBT memproses dan meluluskan lesen perniagaan tidak sensitif dalam tempoh satu hari, manakala lesen perniagaan berisiko tinggi dalam tempoh 14 hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada peningkatan kualiti produk, aspek promosi dan pemasaran produk juga perlu dipertingkatkan untuk memastikan produk PKS mendapat tempat dan dikenali di pasaran. Antara langkah yang diambil ialah:

i. Menempatkan produk usahawan di Warisan Kraft Johor dan juga di hypermarket. MPUN akan menempatkan produk Johor yang telah ditingkatkan kualitinya di Warisan Kraft Johor, Kompleks Pekan Rabu, Lapangan Terbang Senai dan Hypermarket di Johor.

ii. Ekspo bertaraf antarabangsa di mana program promosi juga terus dimantapkan lagi oleh penyertaan 57 usahawan Johor di beberapa sesi ekspo dan pameran bertaraf antarabangsa dan kebangsaan. Penyertaan menggalakkan usahawan Johor dalam pelbagai program ini pastinya akan meningkatkan jalinan perniagaan di antara usahawan dan para pemborong, peruncit dan juga pengguna.

iii. Agrobazaar K-Shope, dalam usaha membantu IKS meluaskan pasaran Agrobaazar K-Shope akan turut diberi tumpuan, sejumlah 9 buah bazar dijangka akan dibuka sepanjang 2010 di lokasi terpilih. Dengan pembukaan ini IKS di tahap satu terutamanya yang berpendapatan di bawah RM25,000.00 setahun akan dipayungkan di bawah usahawan IKS tahap 3 dan ke atas. Di bawah program Agrobaazar K-Shope, pihak FAMA akan memberi bimbingan dan menaik taraf usahawan IKS yang berpotensi. Ini termasuklah memberi imej baru kedai, menyediakan rak jualan yang mencukupi serta membantu mempromosikan kedai tersebut kepada pengguna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pembangunan Modal Insan amat perlu bagi melengkapkan usahawan PKS dengan ilmu pengetahuan berkaitan selok-belok dan strategi perniagaan, pengurusan kewangan dan pengembangan perniagaan. Untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah berikut akan diambil :

i. Bengkel Latihan Teknologi Reka Bentuk, Pembungkusan, Pelabelan dan Pembangunan Jenama.

   MPUN menganjurkan bengkel latihan teknologi reka bentuk, pembungkusan, pelabelan dan pembangunan jenama. Seramai 150 orang usahawan seluruh Johor telah berjaya mempertingkatkan persembahan produk mereka melalui pembungkusan dan pelabelan yang lebih meyakinkan pengguna. Program serupa ini akan diteruskan pada tahun 2010 untuk seramai 150 usahawan lagi.

ii. Bengkel Penggunaan Modul Perakaunan untuk Usahawan Johor.

   MPUN juga turut menganjurkan bengkel modul perakaunan usahawan Johor di mana modul perakaunan telah disediakan secara profesional oleh Universiti Teknologi Mara, Johor. Seramai 1000 usahawan dijangka memperolehi faedah melalui 20 sesi Bengkel Penggunaan Modul yang diadakan di seluruh Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sumber-sumber baru secara tradisinya bukan penyumbang utama kepada pertubuhan ekonomi Johor tetapi, tetap mula menunjukkan potensi untuk menyumbang dengan lebih signifikan kepada pertubuhan ekonomi. Tiga sektor yang menyerlah potensinya pada tahun ini untuk dibangunkan adalah sektor pelancongan, bio-teknologi dan industri teknologi maklumat dan komunikasi ataupun ICT.

Sektor pelancongan, berpotensi berkembang pesat dalam usaha untuk menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan utama antarabangsa. Sasarannya adalah untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa dan domestik serta meningkatkan kadar bermalam pelancong di Negeri Johor. Bagi mencapai sasaran tersebut Kerajaan Negeri Johor akan mengambil langkah-langkah berikut:

i. Memperkuatkan imej dengan penumpuan terhadap penjenamaan semula komponen pelancongan untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke destinasi utama pelancongan Negeri Johor.

ii. Memperhebatkan acara Hallmark Negeri Johor secara tahunan dengan fokus utama penganjuran acara sukan dan profil tinggi acara seni dan kebudayaan. Dalam masa yang sama kerajaan akan mengambil langkah-langkah drastik untuk meningkatkan tahap keselamatan, kebersihan persekitaran, keselesaan dan kemudahsampaian di samping membangunkan kemudahan dan infrastruktur pelancongan.

iii. Mempertingkatkan pasaran dan promosi produk pelancongan Negeri Johor melalui kit pemasaran cenderamata, kraf, laman web dan pemasaran atas talian, papan tanda dan papan tanda tunjuk arah, kerjasama dengan agensi pelancongan luar dan dalam negara serta pakej pelancongan yang lebih kreatif.

iv. Menjadikan pelancongan eko-sejarah sebagai satu produk baru negeri untuk mengeksploit warisan sejarah Johor di samping mengawal selia pembangunan fizikal di kawasan bersejarah dan menggalakkan rekaan seni bina yang mempamerkan unsur-unsur sejarah.

v. Mempertingkatkan bagi potensi eko-pelancongan di Negeri Johor dengan mengambil kira kemudahsampaian dan penyediaan prasarana seperti jeti, jalan, tempat penginapan dan kelengkapan lain bagi menggalakkan kedatangan pelancong.

vi. Membangunkan kawasan Iskandar Malaysia dan Mersing sebagai destinasi pelancongan baru dengan ciri-ciri kelainan sebagai tarikan pelancong bertaraf dunia. Ini termasuk mempertingkatkan usaha dan menyokong program yang dilaksanakan oleh pihak IRDA melalui projek Pelancongan Tanjung Puteri. Projek ini telah mengenal pasti 4 program sebagai inisiatif utama dalam pembangunan sektor pelancongan di Iskandar Malaysia iaitu pusat makanan dan kebudayaan Johor, pelancongan desa, pusat perniagaan daerah dan perkembangan modal insan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-BIOTECH) telah mengorak langkah melalui pendekatan holistik dengan memperkasakan bidang bio-teknologi dan seterusnya bakal meletakkan Negeri Johor sebagai di antara pelopor utama bidang berkenaan. Kerajaan Negeri melalui J-BIOTECH akan memastikan bahawa bidang ini akan menjadi pemangkin utama kepada perkembangan dan peningkatan ekonomi negeri dan seterusnya menjadi asas ataupun teras bagi melonjakkan kepada satu kedudukan yang kukuh melalui perkembangan ilmu dan teknologi serta pembangunan sumber manusia dalam bidang tersebut. Bagi tahun 2010, J-BIOTECH akan memberi tumpuan kepada 3 sub program utama dalam pelan cadangan pembangunan, *Agribioteknologi* iaitu Pembangunan Lembah Makanan Organik dan Pembangunan Blok Demonstrasi Herba dan Program Pembangunan Teknologi Akuakultur. Lembah Makanan Organik di tanah seluas 9,000 ekar di Mukim Sedili Kecil dan Mukim pantai timur Daerah Kota Tinggi telah menarik 7 syarikat yang telah menandatangani perjanjian usahasama dengan J-Biotek di kawasan seluas 2,185 ekar dengan pelaburan sebanyak RM225 juta.

Dato' Speaker, industri ICT merupakan antara berpotensi tinggi untuk terus berkembang pesat terutamanya apabila Pembangunan Iskandar Malaysia juga mengutamakan industri kreatif sebagai satu daripada industri teras yang dibangunkan. Menyedari potensi ini, maka langkah-langkah berikut akan diambil. Memperkasakan fungsi dan peranan MSC Cyberport dan usaha menjadikan ICT sebagai satu sumber baru ekonomi Negeri Johor dengan penekanan terhadap pembangunan infrastruktur dan Pembangunan Modal Insan, MSC Cyberport di Menara Sarawak sekarang ini, akan membantu

kerajaan dalam penyediaan kemudahan infrastruktur seperti ruang pejabat, pusat inkubator, makmal teknologi ICT dan juga pembangunan Bandar yang berorientasikan kepada ICT yang didorong oleh infrastruktur telekomunikasi yang maju termasuklah gentian fiber, kemudahan tanpa wayar dan internet berkelajuan tinggi.

Sementara itu, selepas cyberport yang akan penuh dengan penggunaannya, maka kerajaan sudah pun bersetuju untuk pembangunan MSC Cyber City di bandar Indah Pura, Kulaijaya di tapak seluas 150 ekar. Dan ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk dibangunkan sebagai sebuah Cyber City yang akan dimulakan pembangunannya pada tahun hadapan. Dan kota ini, MSC Cyber City ialah mengambil faedah daripada apa yang dipanggil, Dato' Speaker, *Roll out of MSC* daripada Cyberjaya keluar daripada kawasan tersebut sampai ke seluruh negara hingga sampai ke Negeri Johor yang dinikmati segala kemudahan dan insentifnya di cyberport dan akan berpanjangan ke Cyber City.

Seterusnya Dato' Speaker, kajian semula pelan induk ICT, di mana pelan induk ICT perlu disemak semula bagi memastikan kesesuaian dengan keadaan semasa dan juga selaras dengan perkembangan teknologi. Pelan induk ICT sedia ada telah dibangunkan pada tahun 2004, penilaian semula dibuat melalui penyediaan pelan strategik ICT Johor yang dijangka akan disiapkan pada tahun depan dengan penumpuan terhadap aspek kandungan di samping aspek keupayaan teknologi dan sosio-ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya beralih kepada strategi yang ketiga iaitu Menjamin Kesejahteraan Rakyat Melalui Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat. Di antaranya Yang Berhormat Dato' Speaker, yang berkaitan dengan rakyat yang berpendapatan rendah. Kerajaan Negeri adalah komited bagi membantu meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah di negeri ini terutamanya kelompok miskin dan miskin tegar termasuk kumpulan Orang Asli, warga emas dan orang kurang upaya. Sebanyak 9,596 keluarga di negeri ini telah dikenal pasti melalui Pangkalan Data Nasional, E-Kasih sebagai keluarga yang miskin, miskin tegar dan mudah miskin sehingga November 2009. Daripada jumlah itu, sebanyak 4,046 keluarga adalah ketua isi rumah miskin dan miskin tegar yang menjadi kumpulan sasaran utama Kerajaan Negeri dalam mencapai matlamat membasmi kemiskinan tegar sepenuhnya dan mengurangkan separuh kemiskinan menjelang akhir tahun 2010.

Dalam menjayakan matlamat ini, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah berikut:

i. Memperkemaskan proses pembayaran bantuan sosio kebajikan kepada golongan sasaran dengan membuat pembayaran pada hari pertama setiap bulan. Ini adalah merangkumi pembayaran bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, Majlis Agama Islam Johor dan pembayaran dividen bulanan di bawah FELCRA Berhad.

ii. Melestarikan pangkalan data nasional e-Kasih supaya menjadi sumber utama maklumat bagi perancangan dan pemantauan golongan sasaran. Bagi memastikan maklumat adalah sentiasa tepat dan kemas

kini, satu *task force* di peringkat pejabat daerah dan agensi terlibat akan digerakkan bagi merealisasikan tujuan tersebut.

iii. Mewujudkan kerjasama yang erat dengan badan-badan bukan kerajaan dalam bidang kebajikan yang menerima geran tahunan daripada kerajaan negeri bagi mengelakkan pertindihan dan *mismatching*. Peringkat perancangan sesuatu program itu akan dibuat bersama-sama dengan agensi kerajaan, selain itu NGO juga akan dinilai berdasarkan kepada modul *star rating* yang akan kita wujudkan nanti.

iv. Meneruskan kerjasama erat dengan pihak-pihak berkuasa wilayah pembangunan ekonomi iaitu IRDA dan ECERDC bagi membantu golongan sasaran di wilayah terlibat dengan program-program penjanaan pendapatan dan pembangunan modal insan terutamanya isi rumah miskin bandar di Iskandar Malaysia dan golongan nelayan miskin di Wilayah Pembangunan Pantai Timur Mersing.

v. Pembinaan 1,500 unit rumah untuk disewa di Iskandar Malaysia yang sedang dibina oleh IRDA dalam memenuhi keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah, rendah sederhana iaitu pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000.00.

vi. Menyelesaikan pembinaan semua baki keperluan perumahan keluarga miskin dan miskin tegar dalam senarai e-Kasih. Dalam tahun 2010, sejumlah 190 rumah baru akan dibina dan 150 buah rumah akan dibaikpulih bagi memenuhi keperluan keluarga miskin dan miskin tegar dengan peruntukan Pejabat Menteri Besar, RM4 juta, Majlis Agama Islam Johor dan juga Kerajaan Persekutuan.

vii. Penyediaan rumah yang lebih selesa kepada golongan nelayan miskin dan miskin tegar di Mersing dengan membaiki rumah sedia ada dan menempatkan mereka ke kawasan penempatan baru di bawah inisiatif pembangunan ECERDC.

viii. Meningkatkan bantuan jaringan keselamatan sosial bagi meringankan beban golongan sasaran seperti keluarga miskin dan miskin tegar termasuk kumpulan orang asli miskin tegar. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berbesar hati untuk memaklumkan bahawa Syarikat Air Johor akan memperkenalkan skim pemberian rebat bil air sehingga 20 meter padu pertama atau RM12.00 kepada keluarga miskin tegar dan pemberian rebat bil air sehingga 10 meter padu pertama atau RM4.00 kepada keluarga miskin. Untuk orang yang layak menerima bantuan ini, Dato' Speaker, bukan di setengah negeri orang macam Dato' Speaker pun mendapat rebat ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ya? Oh, terima kasih banyak.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Itu membawa kepada ketidakadilan.

Y.B. Dato' Speaker : Bijak.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Bermula untuk mendapat apa tu, menjadi satu dasar yang popular, kononnya, tapi sebenarnya ia membawa kepada ketidakadilan. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Bijak, bijak Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang kita beri ni ialah mereka yang berhak untuk dibantu, rebat ataupun subsidilah di negeri lain.

ix. Meningkatkan keusahawanan golongan sasaran bagi menjana pendapatan keluarga dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). AIM telah diberi tanggungjawab bagi menambah bilangan sahabat dan melahirkan golongan usahawan wanita daripada sahabat sedia ada dengan sasaran seramai 40 orang menjelang tahun 2012. Di Johor, AIM telah beroperasi di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat. Bagi mencapai hasrat tersebut, tiga lagi cawangan akan dibuka di Pontian, Kluang dan Kota Tinggi untuk menyediakan akses kepada perkhidmatan AIM di daerah-daerah tersebut.

Kemudahan pengangkutan awam yang cekap, murah, mesra pengguna amat diharapkan oleh rakyat. Sementara itu bekalan air bersih, bekalan elektrik dan rangkaian jalan-jalan luar bandar yang baik menjadi kayu ukur kepada tahap kesejahteraan rakyat. Penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut memerlukan perancangan yang teliti dan rapi supaya faedah penyediaannya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat.

Dan, pengangkutan awam merupakan salah satu bidang keberhasilan utama nasional yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kerajaan Negeri juga berpandangan bahawa sistem pengangkutan awam yang baik mampu meningkatkan kualiti hidup seterusnya memberi sumbangan yang positif ke arah pembangunan yang mampan dan lagi holistik. Kerajaan negeri telah mengenal pasti bahawa Negeri Johor perlu mempunyai sistem pengangkutan awam yang bertaraf antarabangsa bagi memenuhi hasrat rakyat dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat.

Untuk tujuan itu, kerajaan berpandangan bahawa Iskandar Malaysia sesuai dijadikan contoh bagi pembangunan sistem pengangkutan awam yang berbentuk multi modal yang lebih baik daripada sekarang.

Dan untuk mencapai matlamat itu, beberapa langkah akan diambil seperti berikut:

i. Sekarang ini telah pun ditubuhkan oleh, Dato' Speaker, Pasukan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia (PAIM). Sebagai langkah pertama, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pengangkutan Iskandar Malaysia yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri. Satu jawatankuasa kerja yang dinamakan Pasukan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia juga ditubuhkan di peringkat UPEN yang bertanggungjawab terus kepada jawatan pemandu itu.

Inisiatif penambahbaikan pengangkutan awam melalui kerjasama antara agensi negeri, persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan di Iskandar Malaysia merupakan inisiatif yang pertama seumpamanya di negara kita ini.

ii. Meningkatkan kemudahan di Terminal Bas Larkin. Kerajaan juga berhasrat untuk menjalankan satu kerjasama pintar dengan pihak Johor Corporation dan Syarikat Bas Maju bagi membangunkan semula Terminal Bas Larkin. Satu kajian bagi menaik taraf perkhidmatan terminal sedang dijalankan dan bakal siap pada tahun depan dan kita akan membuat susulan hasil kajian agar semua pihak akan bekerjasama untuk meningkatkan taraf terminal tersebut sebagaimana yang kita harapkan, rakyat harapkan.

iii. Meningkatkan kualiti perkhidmatan bas. Kerajaan negeri telah mengarahkan supaya pihak jawatankuasa tersebut bertindak untuk menaiktarafkan taraf perkhidmatan bas di Iskandar Malaysia ini. Adalah dijangkakan bahawa penambahbaikan perkhidmatan bas secara menyeluruh akan mengambil masa tiga tahun. Namun begitu, Kerajaan Negeri yakin perubahan drastik terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan bas akan mula dilihat pada tahun hadapan.

iv. Dan membawa saya kepada perkara empat, di mana langkahnya ialah penambahan bas ke laluan khidmat sosial. Di mana sebanyak 30 buah bas akan disediakan di kawasan-kawasan yang selama ini tidak mempunyai perkhidmatan bas kerana kurang menguntungkan. Kerajaan telah mendapat peruntukan sebanyak RM10 juta untuk memberi bantuan ataupun dalam bentuk subsidi operasi perkhidmatan bas di kawasan-kawasan tersebut. Namun begitu, hanya operator-operator bas yang berkelayakan dan komited sahaja akan dipilih melalui satu proses tender dan syarat-syarat yang ketat bagi memastikan mereka mampu memberikan kualiti perkhidmatan yang ditetapkan.

Perkhidmatan itu dipantau melalui beberapa petunjuk KPI seperti ketetapan waktu, kebersihan kenderaan, disiplin dan mesra pelanggan. Bas-bas ini juga akan diberikan wajah baru agar mudah bagi rakyat mengenali dan seterusnya menikmati perkhidmatan yang disediakan.

v. Menubuhkan akademi latihan untuk pemandu bas di mana jawatankuasa tersebut sedang bekerjasama dengan operator-operator bas serta institusi pengajian seperti UTM bagi menyediakan satu modul latihan yang sesuai untuk semua pemandu bas. Sekiranya berjaya melalui had latihan dan modul tersebut, pemandu bas akan diberikan sijil yang diiktiraf oleh kerajaan, operator dan sebuah institusi pengajian tinggi. Ini bertujuan untuk memberikan nilai tambah kepada pekerjaan pemandu bas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemudahan prasarana luar bandar dan pedalaman sememangnya menjadi ukuran kepada kesejahteraan hidup rakyat

di luar bandar. Langkah-langkah berterusan akan diambil bagi memastikan rakyat di luar bandar menikmati kemudahan yang sewajarnya.

i. Mengenal pasti kawasan tanpa bekalan elektrik 24 jam. Tenaga Nasional Berhad akan terus mempertingkatkan rangkaian bekalan elektrik di Negeri Johor untuk mencapai matlamat kerajaan dalam menyediakan bekalan elektrik 24 jam bagi setiap rumah di luar bandar. Peruntukan sebanyak RM1.5 juta diperlukan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Wilayah bagi projek bekalan elektrik luar bandar terutamanya untuk kampung-kampung tradisional dan perkampungan orang asli yang telah pun dikenal pasti.

ii. Mengenal pasti kawasan tanpa bekalan air bersih. Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan perkhidmatan pembekalan dan kualiti air sejajar dengan matlamat meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sebanyak 0.27 peratus kawasan luar bandar di Johor yang dikenal pasti masih belum mendapat bekalan air bersih. Dianggarkan sebanyak RM44.6 juta diperlukan daripada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi memastikan projek bekalan luar bandar dapat dilaksanakan dan penduduk kawasan tersebut turut menikmati bekalan air bersih pada kualiti yang terjamin.

iii. Mengenal pasti kawasan tanpa jalan raya berturap lebih daripada lima kilometer. Menerusi sumber kementerian juga, beberapa jalan kampung yang belum berturap telah dikenal pasti. Projek penurapan jalan tersebut dianggarkan melibatkan RM78 juta. Senarai projek jalan luar bandar yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Johor melibatkan keseluruhan jalan sepanjang 85 kilometer dengan anggaran kos RM16.6 juta.

iv. Penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Kerajaan Negeri melalui Infra Desa Johor memperuntukkan RM30.6 juta setahun bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan kampung di seluruh Negeri Johor untuk menjamin tahap penggunaan dan kualitinya demi keselesaan rakyat. Sebanyak 3,241 jalan dengan panjang keseluruhan 5,000 kilometer telah dikenal pasti untuk tujuan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker yang berkaitan dengan kualiti hidup ialah merujuk kepada usaha ke arah mengurangkan kadar jenayah. Kadar jenayah sering dianggap terus meningkat di Johor walaupun pada hakikatnya telah menunjukkan aliran penurunan iaitu sebanyak 4.4 % setakat Oktober 2009.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari segi jumlah jenayah, Dato' Speaker, yang pertamanya ialah Negeri Selangor, keduanya Kuala Lumpur dan kalau tak salah saya Johor ketiga, dan kemudian keempat negeri kecil, Pulau Pinang, Dato' Speaker. Jadi, kadang-kadang kita dirujuk sebagai di antara yang tertinggi, sebenarnya tidak begitu. Dari segi bilangan insiden jenayah. Walaupun begitu ia terus menurun, malah bilangan kes jenayah yang dilaporkan di Johor hingga bulan Oktober 2009 hanya 12 % daripada keseluruhan kes jenayah yang dilaporkan di seluruh Malaysia berbanding dengan 26 % di Selangor dan 16 % Kuala Lumpur, kadar penyelesaian kes di

Johor pula adalah 44 % lebih tinggi daripada piawaian Interpol, iaitu 30 %. Kebanyakan kes ini merupakan jenayah jalanan seperti curi motosikal, yang merupakan, dekat-dekat 40 % dan jenayah lain yang boleh dielakkan. Dan untuk mencapai KPI yang telah diumumkan di peringkat kementerian, iaitu pengurangan 20 % kes jenayah, maka langkah berikut akan diambil:-

i. Meningkatkan tahap keselamatan di Iskandar Malaysia

Penggunaan piawaian pencegahan jenayah menerusi reka bentuk persekitaran akan dilaksanakan untuk semua bangunan baru di seluruh Iskandar Malaysia. Sistem ini sudah pun diterapkan dalam *Education City,* kawasan akademik yang sedang dibangunkan di Nusajaya. Antara usaha yang lain ialah penubuhan sebuah pusat penempatan pekerja asing di Skudai untuk menguruskan pergerakan dan kebajikan mereka. Dan kita akan menambah pusat penempatan pekerja asing ini. Di mana mereka berada.

Dato' Speaker,

ii. Mewujudkan Polis Bantuan, *Auxiliary Police,* bagi menambah kekuatan anggota keselamatan di kawasan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan di Iskandar Malaysia.

Kehadiran Polis Bantuan ataupun *Auxiliary Police* ini akan dapat membantu tugas-tugas polis dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Dengan itu kerajaan mencadangkan seramai 2000 orang Polis Bantuan, *Auxiliary Police* yang dilatih dan di bawah arahan Polis Daerah walaupun ditempatkan di Penguasa-Penguasa Tempatan, dan ini kita akan lakukan bermula daripada tahun hadapan dan seterusnya sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 di mana untuk permulaannya kumpulan pertama iaitu 300 orang anggota akan ditempatkan di empat PBT pada tahun hadapan iaitu di Bandaraya Johor Bahru, di Johor Bahru Tengah, di Kulaijaya dan juga di Pasir Gudang.

iii. Mewujudkan Polis, mewujudkan *Post Police Community*.

Di mana penubuhan *Post Police Community* akan dilancarkan pada bulan depan dengan rancangan mewujudkan 208 kawasan perumahan di seluruh Iskandar Malaysia sebanyak 10 *Post Police Community* akan mula beroperasi pada hari pelancarannya dalam beberapa minggu yang akan datang.

iv. Penekanan kepada kesukarelaan dan memperkasakan masyarakat sivil melalui penyertaan dalam RELA, Rakan Cop dan Rakan Anti Dadah.

Sebagai langkah permulaan pegawai dan kakitangan awam akan digalakkan untuk menyertai sekurang-kurangnya satu daripada tiga aktiviti kesukarelaan tersebut. Promosi dan kempen kesedaran akan digerakkan di kalangan pegawai dan kakitangan awam serta keluarga supaya menjadi contoh kepada masyarakat sivil keseluruhannya.

Tenaga yang dapat digerakkan melalui penglibatan ahli perkhidmatan awam diharap akan meningkatkan tahap keselamatan Johor.

v Skim Rondaan Sukarela.

Ia adalah satu skim yang dikendalikan oleh pemastautin sukarela di Kawasan-Kawasan Rukun Tetangga demi menjaga keselamatan kawasan mereka melalui aktiviti kawalan dan rondaan. Terdapat 142 Skim Rondaan Sukarela di Negeri Johor dan bilangan ini dijangka akan bertambah kepada 182 tahun depan. Dalam usaha memperluaskan dan memperkukuhkan Skim Rondaan Sukarela, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional akan memberi latihan dan kemahiran kepada peronda-peronda ini. Menyediakan peralatan rondaan dan melindungi peronda melalui perlindungan insurans berkelompok. Kemudahan pelepasan pekerja akan diberikan kepada anggota perkhidmatan awam yang menjalankan tugas rondaan dan menyediakan pos kawalan untuk setiap kumpulan rondaan ini. Seterusnya,

vi. Memperkasakan Program Bandar Selamat di bawah Pihak Berkuasa Tempatan .

Di mana terdapat 23 langkah dalam Program Bandar Selamat di PBT-PBT akan diminta untuk melaksanakan Audit Keselamatan di kawasan pentadbiran mereka bagi memastikan semua langkah itu dapat ditumpukan kepada kawasan kritikal berdasarkan kepada maklumat pihak Polis.

vii. Menerbitkan risalah jenayah komuniti secara berpusat untuk edaran dalam kawasan-kawasan PBT.

Risalah jenayah komuniti merupakan antara 23 langkah yang disebut dalam Program Bandar Selamat di mana penerbitan risalah secara berpusat oleh Pejabat-Pejabat Setiausaha Kerajaan boleh menjimatkan kos dan tenaga di samping mengwujudkan risalah yang seragam bagi semua PBT.

viii. Mencegah jenayah melalui Kajian Belia Bermasalah Negeri Johor.

Kajian ini penting untuk mengetahui sebab-sebab utama yang boleh mendorong belia melakukan jenayah dan ia akan dimuktamadkan pada tahun hadapan di mana kawasan-kawasan berisiko yang dikenalkan, dikenal pasti mendorong belia melakukan jenayah direkodkan dalam bentuk GIS bagi merancang kaedah-kaedah pencegahannya.

ix. Meneruskan sokongan terhadap Program Kejiranan Lestari yang tercetus daripada Konsep Broken Window Theory

Program ini memberi penekanan kepada kerukunan dan ketenteraman sesuatu kejiranan dengan tujuan untuk menurunkan kadar jenayah. Peruntukan awal daripada kementerian sebanyak RM4.6 juta telah diagihkan pada tahun 2009 dan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju

untuk meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM3.5 juta untuk tahun hadapan. Lima kawasan kejiranan telah terpilih iaitu Kampung Skudai Kiri, Taman Tampoi Indah, Taman Puteri Wangsa, Kampung Dato' Sulaiman Menteri dan Kampung Melayu Pandan. Program ini memberi penekanan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur fizikal, pembasmian kemiskinan pembangunan insan, kesejahteraan sosial dan pembasmian jenayah dengan melibatkan kerjasama rapat agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya beralih kepada kualiti hidup yang berkaitan dengan alam sekitar. Kualiti alam sekitar dan isu pemanasan global diberi perhatian dalam memastikan pembangunan yang dijalankan adalah lestari dan mesra alam. Oleh itu kerajaan akan mengambil langkah-langkah berikut:

i. Penyediaan Pelan Induk Alam Sekitar.

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pembangunan Lestari bagi menjamin kesejahteraan, keselamatan dan keselesaan hidup rakyat. Pelan Induk Alam Sekitar ini akan dirangka sebagai garis panduan dan hala tuju Negeri Johor ke arah pembangunan mesra alam. Mempergiatkan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, kesedaran umum serta membaiki dan menambah baik polisi berkaitan kualiti alam sekitar di negeri kita ini.

ii. Menggalakkan penggunaan teknologi mikrob.

Agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan rakyat akan terus dilibatkan untuk meningkatkan kesedaran tanggungjawab bersama dalam aspek pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Salah satu program yang dijalankan, akan dijalankan ialah penggunaan teknologi *Effective Microorganism* (EM) dalam pembersihan sungai-sungai di seluruh Negeri Johor yang akan membawa bersama penyertaan rakyat tempatan yang ada di sepanjang sungai. J-Biotech melalui anak syarikatnya J-Biotech Environment Sdn. Bhd. akan terus memasarkan, membekalkan produk-produk berasaskan kepada teknologi mikrob di bawah jenama *Efectiva Cultura* iaitu teknologi mikrob yang akan turut dipromosikan sebagai alternatif dalam usaha merawat pencemaran alam sekitar secara semula jadi dan bebas daripada bahan kimia. Dalam badan Dato' Speaker pun ada mikrob yang mesra, kalau yang tak mesra mungkin kita jatuh sakit. Jadi mikro yang hendak digunakan ini ialah yang mesra dengan alam membantu membaiki mutu sama ada tanahnya, atau pun udaranya atau pun airnya.

iii. Meningkatkan kesedaran alam sekitar dan Biodiversiti.

Selepas berjaya mengkatalog sepsis Taman Negara Endau Rompin bagi tahun 2010, J-Biotech bercadang untuk menjalankan program mengkatalog sepsis hidupan marin di perairan kepulauan Negeri Johor. Program ini bertujuan mengenal pasti, mengumpul dan

mendokumentasikan spesies organisma marin yang terdapat di perairan Johor sebagai bukti kekayaan khazanah negeri dan negara.

vi. Pemuliharaan hutan.

Kerajaan Negeri sentiasa mengurus kawasan hutannya secara berhemah bagi memastikan kelangsungan sumber hutan negeri ini terus terpelihara. Antara langkah ketat yang diambil ialah dengan menetapkan catuan tebangan tahunan sebanyak 2500 hektar kawasan hutan setahun. Penebangan hutan ini dilakukan menerusi tender terbuka tanpa membawa ke hadapan kuota tahun-tahun yang berkenaan walaupun sekiranya penebangan tidak dilaksanakan sepenuhnya pada tahun berkenaan. Kerja-kerja penanaman semula pokok hutan pula dilakukan di kawasan yang telah ditebang. Sejak tahun, Dato' Speaker, sejak tahun 1923, lebih kurang 86 tahun yang lalu, Negeri Johor telah mewartakan kawasan hutan simpan kekal seluas 557,864 hektar.

Walau bagaimanapun, keluasan Hutan Simpan Kekal ini telah berkurangan sebanyak 217,700 hektar iaitu pada paras daripada 500,000 kepada 340,940 hektar yang terlibat dari segi pembukaan rancangan seperti program-program pembangunan tanah FELDA untuk orang miskin, pekebun kecil, juga untuk membuka projek-projek yang dibangunkan oleh pihak FELCRA dan juga KEJORA, dan juga pembangunan lain serta pewartaan Taman Negara. Pembatalan warta Hutan Simpan Kekal bagi tujuan pengisytiharan kawasan Taman Negara Endau Rompin melibatkan kawasan seluas 48,795 hektar, Taman Negara Gunung Ledang seluas 8,615 hektar, Taman Negara Kukup 647 hektar dan Taman Negara Tanjung Piai 526 hektar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun rizab Hutan Simpan Kekal ini dibatalkan bagi tujuan pengisytiharan Taman-taman Negara, namun kawasan ini terus kekal dengan tumbuhan semula jadinya sebagai Hutan Simpan Kekal untuk selama-lamanya. Jadi untuk makluman Dewan ini Dato' Speaker, dia hutan sebenarnya tapi bila dijadikan Taman Negara maka dia terkeluar dari kategori Jabatan Hutan, Hutan Simpan Kekal. Tetapi dia masih lagi hutan asal tropika dan hutan hujan tropika yang asal. Kerajaan Negeri pula sentiasa mengambil langkah untuk mengekalkan keluasan liputan hutan dengan meluluskan kawasan tanah kerajaan, tanah kerajaan Dato' Speaker, dia ada beza Dato' Speaker antara Hutan Simpan Kekal dengan tanah kerajaan. Tanah kerajaan dulu untuk FELDA maka ada hutan yang ditebang. Tetapi hutan tanah kerajaan adalah memang terbuka untuk pembangunan.

Oleh itu, jika sekiranya sepanjang 83 tahun ada Hutan Simpan Kekal yang telah pun ditebang menjadi ladang, menjadi kawasan FELDA tetapi kerajaan yang bertanggungjawab mengambil langkah untuk mempertahankan Hutan Simpan Kekal ini pada paras yang asalnya dengan cara Dato' Speaker, meluluskan kawasan tanah kerajaan seluas 100,310 hektar di antara tahun 1997 hingga 2008 untuk diwartakan semula sebagai rizab Hutan Simpan Kekal. Dengan Hutan Simpan Kekal sedia ada seluas 340,940 hektar, Taman-taman Negara 58,580 hektar, tapak RAMSAR seluas 16,404 hektar dan pewartaan semula kawasan tanah kerajaan yang diluluskan untuk Hutan Simpan Kekal seluas 100,000 hektar

bermakna Dato' Speaker keluasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Johor ini pada hari ini meliputi kawasan yang boleh dikatakan sama dengan tahun 1923 iaitu sebanyak 500,000 hektar.

Kita masih lagi mempertahankan bumi bertuah Johor ini dengan Hutan Simpan Kekal pada keluasan 29% seperti yang kita wartakan pada tahun 1923. Tanah kerajaan ini Dato' Speaker bukan tanah gersang, tanah yang sudah pun ditumbuhi dengan pokok-pokok hutan. Jadi saya sekadar menekankan faktanya untuk membetulkan keadaan yang sebenarnya walaupun ianya belum sempat diwartakan. Tapi daripada tahun 1997 hingga 2008, mesyuarat demi mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, mesyuarat demi mesyuarat membuat keputusan 40,000 hektar, 10,000 hektar dalam ingatan saya dekat-dekat juga 12, 15 kali mesyuarat di mana 100,00 ini tanah kerajaan untuk dijadikan Hutan Simpan Kekal semula. Proses pewartaan rizab Hutan Simpan Kekal bagi tujuan, bagi tanah kerajaan seluas 100,310 hektar di bawah Seksyen 7(1) Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 perlu melalui prosedur perundangan dan sememangnya mengambil masa yang agak panjang.

Apabila kelulusan diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk merizabkan sesuatu tanah seperti sebagai Rizab Hutan Simpan Kekal, permohonan ukur berserta pelan tapak yang diluluskan akan dimajukan ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Johor untuk disediakan draf pelan warta. Jabatan Ukur dan Pemetaan Johor akan menyediakan draf pelan warta mengikut sebagaimana pelan permohonan ukur dan dimajukan ke Pejabat Tanah dan Galian Johor dan Pejabat Tanah Daerah untuk mendapatkan persetujuan Pentadbir Tanah dan pengesahan Pengarah Tanah dan Galian Johor berkaitan draf Pelan Warta tersebut.

Seterusnya, draf Pelan Warta ini akan dimajukan semula kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Johor untuk disediakan Pelan Warta. Setelah menerima Pelan Warta daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Johor, Pejabat Tanah Galian Johor akan menyediakan Rang Perisytiharan dalam versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk memajukannya kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor untuk semakan. Rang Pengisytiharan akan dimajukan kepada Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor untuk ditandatangani. Setelah Rang Pengisytiharan ditandatangani oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan maka Rang Pengisytiharan tersebut dimajukan ke Percetakan Nasional untuk diterbitkan dalam Warta Kerajaan Johor.

Jadi prosesnya panjang Dato' Speaker, jadi kalau belum diwartakan maka sepatutnya maklumlah tetapi komitmennya dalam bentuk yang rasmi telah pun kita pertahankan 500,000 hektar tadi. Sungguhpun kaedah pewartaan agak rumit, namun Kerajaan Negeri yakin proses pewartaan bagi 100,310 hektar tanah yang telah diluluskan untuk Rizab Hutan Simpan Kekal dijangka dapat disempurnakan menjelang akhir tahun 2010.

Yang kita buat ini bukan untuk kita sahaja Dato' Speaker kerana tanggungjawab yang ada di hadapan kita tetapi untuk generasi akan datang, supaya Negeri Johor ini ada hutannya yang berpanjangan untuk masa depan terutama sekali di mana hutan merupakan kawasan yang amat diperlukan untuk tujuan bekalan air berpanjangan untuk anak cucu kita pada masa akan

datang. Kesungguhan Kerajaan Negeri menguruskan hal hutannya telah mendapat pengiktirafan apabila Jabatan Perhutanan Johor dianugerahkan Sijil Pengurusan Hutan oleh Majlis Persijilan Perkayuan Malaysia pada Jun lalu setelah dinilai oleh audit yang bebas.

i. Perlaksanaan Program Hutan Kita.

Dengan kerjasama Landskap Malaysia, Jabatan Perhutanan dan juga agensi kerajaan lain, Kerajaan Negeri sedang membangunkan hutan meliputi kawasan seluas 100 ekar sebagai projek perintis di Kota Iskandar ini, di sini juga. Hutan ini akan berfungsi sebagai penapis dan pembekal udara bersih di samping menjaga kesalinghubungan biodiversiti. Kerajaan Negeri akan mengenal pasti kawasan lain yang bersesuaian untuk melaksanakan program yang sama.

ii. Program-program Jabatan Pengairan dan Saliran.

Jabatan Pengairan dan Saliran melaksanakan program menangani masalah banjir di kawasan bandar melalui Program Tebatan Banjir dan Projek Saliran Bandar. Pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan sedang dikaji bersama dengan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA), untuk mengatasi masalah banjir secara bersepadu dan sebagai persediaan menghadapi kesan percubaan cuaca.

Dan seterusnya strategi yang terakhir Dato' Speaker, meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman. Pembentukan masyarakat berilmu adalah penting sebagai asas pembangunan modal insan yang inovatif, kreatif dan mempunyai kemahiran abad yang ke 21 ini. Maka pendekatan berikut akan diambil di mana Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan dengan meliputi peringkat Pra Sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi dalam usaha untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan langkah-langkah berikut diambil pada tahun hadapan.

i. Meningkatkan peluang pendidikan khususnya pendidikan Pra Sekolah. Jabatan Pelajaran Johor mensasarkan penyertaan murid Pra Sekolah sebanyak 20% menjelang 2012 dengan sasaran 4% pada 2010. Pada ketika ini terdapat 627 sekolah yang menawarkan kelas untuk Pra Sekolah dan ditambah kepada 637 sekolah.

Terdapat 175 buah Tabika Perpaduan di seluruh Negeri Johor yang menekankan kepada penyertaan pelajar-pelajar dari pelbagai kaum. Jumlah ini dijangka akan bertambah kepada 177 dalam tahun 2010. Tabika KEMAS pula menyediakan 770 buah tabika yang menempatkan 19,159 orang murid, ini akan ditambah kepada 785 buah tabika dalam tahun 2010.

Dato' Speaker, penemuan yang terkini dalam bidang pendidikan dalam bidang pelajaran di seluruh dunia merumuskan bahawa jika sekiranya anak ini, dia dapat pendidikan daripada awal lagi secara teratur, maka

Insya-Allah dia akan berpanjangan melalui sistem pendidikan dan pelajaran dan ilmu ini dia akan berpanjangan. Maka dalam kajian-kajian dibuat di peringkat dunia, anak-anak yang terabai, tidak dapat pendidikan awal ini kemungkinan besar dia akan keciciran dalam tempoh dia remaja dan seterusnya. Dia akan berlaku lebih tinggi kadar keciciran. Dan bila kadar keciciran ini tinggi, maka dia bersamaan juga dengan masalah-masalah sosial yang berkaitan dengannya. Itu sebabnya saya, kita di Johor ini mengalu-alukan apabila Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelajaran menekankan kebelakangan ini betapa perlunya kita menyediakan kemudahan prasekolah ini untuk anak-anak kita di seluruh negara. Kita sambut dengan baiknya kerana inilah penemuan yang terkini yang nampaknya ada kata sepakat di kalangan pakar-pakar yang menyelidik dalam bidang pendidikan ini.

Oleh yang demikian, selain daripada sekolah kebangsaan, tadika Kemas, tadika Perpaduan, Kerajaan Negeri Johor melalui bahagian pendidikan Jabatan Agama Johor telah menubuhkan tadika agama iaitu Taj sejak tahun 2001. Bermula dengan seramai 1,200 murid, 56 kelas, 52 buah sekolah pada tahun 2001. TAJ berkembang sampai 5,000 pada hari ini lebih daripada 280 kelas, 184 buah sekolah. Di mana Taj memberi penekanan kepada pendidikan asas bukan sahaja dalam bidang agama, bahkan mencakupi pendidikan seperti bahasa Inggeris, bahasa Melayu, matematik, sains dan juga kokurikulum. Berikutan permintaan ibu bapa, Kerajaan Negeri akan membina lebih banyak lagi kelas TAJ. Setiap pembinaan sekolah agama Kerajaan Negeri akan menyediakan kelas untuk TAJ bagi merealisasikan hasrat ini, pastikan suasana pembelajaran agar lebih selesa. Sementara itu pula, kita juga melalui YPJ mewujudkan tadika hikmah sebanyak 8 buah. Dijangka akan diperluaskan melalui sistem francais dengan yuran yang berpatutan.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, meningkatkan kualiti tenaga pengajar di mana pengukuhan tenaga pengajar menjadi tunjang utama dalam proses pembelajaran untuk kanak-kanak prasekolah. Salah satu *instrument* yang digunakan untuk memastikan tenaga pengajar lebih berkualiti ialah melalui pembentukan program penarafan lima bintang oleh Jabatan Pelajaran Johor. Melalui program ini, penilaian akan dibuat kepada semua tenaga pengajar di peringkat prasekolah secara sistematik dan telus. Tenaga pengajar yang cemerlang akan diberi penarafan lima bintang dan tenaga pengajar yang cemerlang ini pastinya akan dapat membimbing anak muridnya menguasai kemahiran asas, menulis, membaca dan mengira dengan lebih baik. Adalah disasarkan menjelang 2012 semua tenaga pengajar prasekolah dapat memperolehi sijil penarafan lima bintang dan program ini dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 16,852 pelajar di 627 buah sekolah.

ii. Bagi meningkatkan kualiti tenaga pengajar dan menghargai sumbangan tenaga mereka ke arah pembentukan generasi berilmu, maka kerajaan mencadangkan supaya elaun guru tadika agama Johor dinaikkan daripada RM500.00 sebulan kepada RM800.00 sebulan. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.A.B Dato' Menteri Besar : Akan membawa implikasi lebih daripada RM1 juta setahun kepada kerajaan. Selain daripada itu, kerajaan juga akan mengkaji cadangan penggredan jawatan guru-guru agama tadika agama Johor ini. Pada ketika ini terdapat 7,682 kelas KAFA di seluruh negeri Johor melibatkan 1,855 orang guru dan lebih 200,000 orang pelajar. Guru-guru KAFA dibayar elaun Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500.00 sebulan dan tambahan antara RM112.00 hingga RM312.00 sebulan dari Kerajaan Negeri. Bagi menghargai beban tugas yang ditanggung oleh guru-guru KAFA ini, maka kerajaan mencadangkan bahawa elaun sara hidup RM100.00 diberi sebagai tambahan kepada elaun sedia ada. (Dewan bertepuk).

iii. Memantapkan suasana pengajaran dan pembelajaran di mana kerajaan juga memberi sokongan padu kepada inisiatif Program Perluasan Pusat Anak Permata Negara. Permata yang memberi asuhan dan pendidikan awal kepada kanak-kanak usia muda melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat. Daripada 44 taska yang ada di seluruh Negeri Johor, 38 daripadanya akan dinaikkan taraf sebagai Taska Permata Kemas secara berperingkat. Dengan adanya penaiktarafan ini maka beberapa kemudahan sokongan peralatan dan pembelajaran dan peningkatan kemahiran guru akan mendorong daya kreatif dan pembelajaran kanak-kanak. Adalah dijangkakan seramai 519 kanak-kanak akan memperolehi faedah melalui program Permata ini.

Seterusnya Dato' Speaker,

iv. Kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor memberi fokus membantu para pelajar sekolah rendah dan menengah untuk meningkatkan kefahaman pembelajaran melalui penyediaan program tuisyen *straight A's* kepada 1,000 pelajar yang berpotensi cemerlang. Di samping itu program tuisyen kampung akan tetap diteruskan untuk 40,000 pelajar yang akan mengambil peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Kerajaan yakin program-program ini menjadi pelengkap kepada sistem pembelajaran sedia ada khususnya untuk mereka yang kurang berkemampuan mengikuti tuisyen secara bersendirian. Untuk menggalakkan lebih ramai lagi anak Johor yang kurang berkemampuan dapat mengikuti pengajian profesional mulai tahun 2010, Yayasan Pelajaran Johor akan menyediakan biasiswa khusus untuk pelajar yang terpilih mengikut kursus-kursus dalam bidang kritikal di peringkat ijazah dan pasca ijazah. Pada tahun 2010, YPJ juga akan memberikan bantuan kewangan untuk anak-anak ketua isi rumah miskin dan miskin tegar dalam e-Kasih. Sebanyak RM1,000.00 untuk pendaftaran kursus ijazah, RM800.00 untuk kursus diploma dan RM500.00 untuk kursus di peringkat sijil.

Sekali lagi Dato' Speaker, kalau anak Speaker pergi ke universiti rasanya Dato' Speaker tak perlulah mencari bantuan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Tetapi kalau anak yang ada di kampung kita tu dapat masuk universiti dalam keadaan keluarga miskin tetapi lulus dapat masuk universiti, maka kali ini kerajaan melalui YPJ akan memberi bantuan untuk pergi ke universiti dengan RM1,000.00. (Dewan bertepuk) Kalau peringkat kursus diploma sebanyak RM800.00, untuk sijil RM500.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya beralih kepada pembangunan kerohanian di mana pembangunan kerohanian harus bergerak seiring dengan kepesatan pembangunan ekonomi agar menjadi benteng daya tahan masyarakat dan negara. Menyedari kepentingan ini, kerajaan akan mengambil langkah-langkah berikut:

i Projek pembinaan 121 buah sekolah agama seluruh Johor secara serentak. Kerajaan Negeri pada setiap tahun memperuntukkan sejumlah RM15 juta untuk membiayai pembinaan 4 ataupun 5 buah sekolah agama. Dalam masa yang sama pula sekolah-sekolah agama di negeri Johor ini menghadapi masalah kekurangan bilik-bilik darjah yang sangat serius bagi menampung pertambahan bilangan murid sekolah agama dari setahun ke setahun. Kekurangan bilik darjah ini menyebabkan pelajar-pelajar sekolah agama menumpang di sekolah-sekolah kebangsaan. Kerajaan negeri mendapati bahawa 121 buah sekolah agama perlu dibina segera bagi menampung keperluan bilik-bilik darjah. Dengan kaedah pembiayaan tahunan yang biasanya pada paras RM15 juta setahun, kerajaan negeri mendapati bahawa pembinaan sekolah agama ini, unit yang ke 121 nanti akan hanya dapat dilaksanakan pada tahun 2040. (ketawa). Untuk mengatasi masalah ini kerajaan akan melaksanakan pembinaan 121 buah sekolah agama secara serentak. Insya-Allah. Melalui inisiatif pembiayaan melibatkan kos pembangunan sebanyak RM246 juta. Melalui inisiatif ini 90 buah sekolah agama akan dimulakan pembinaannya di merata negeri daripada tahun hadapan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2011. Baki 31 buah sekolah agama akan dibina pada April 2011 dijangka siap sepenuhnya insya-Allah, Ogos 2012.

ii. Program Pintar al-Quran. Program ini akan dilaksanakan di semua 184 tadika agama di seluruh negeri Johor. Program ini akan melahirkan generasi kanak-kanak yang boleh membaca dan khatam al-Quran seawal usia 7 tahun, insya-Allah. Ini bermakna program membudayakan al-Quran negeri Johor ini mencakupi golongan kanak-kanak, remaja dan juga dewasa. Terbukti cara ini nampaknya berjaya Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu kita membawa program ini ke peringkat tadika.

iii. Mewujudkan untuk melahirkan pakar-pakar tafsir. Kerajaan Negeri telah menghantar 4 orang pelajar untuk mengikuti pengajian tafsir peringkat Sarjana di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dan luar negara. Penghantaran pelajar ini akan diteruskan sehingga bilangan pentafsir Al-Quran mencapai 50 orang untuk ditempatkan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri. Insya-Allah kita akan dapat calon-calonnya untuk mendapat pengajian di peringkat Sarjana sekurang-kurangnya yang ditempatkan di merata Negeri Johor ini untuk rakyat Negeri Johor, masyarakat Islam mendapat, dapat mendalami kandungan Al-Quran

melalui pakar-pakar tafsir ini yang berada di peringkat daerah bahkan di peringkat Parlimen dan juga di peringkat Dewan Undangan Negeri.

iv. Dato' Speaker, peningkatan hebahan dan kempen untuk kutipan Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor telah pun dapat mengumpulkan RM1.5 juta sepanjang tahun 2009 dijangka akan memungut sebanyak RM2 juta dalam tahun 2010. Setakat ini tabung tersebut dapat membantu pembinaan semula 2 buah masjid, membaiki pulih 7 buah masjid dan 3 buah surau dalam Negeri Johor.

v. Seterusnya ialah pemantapan kutipan zakat. Sehingga bulan Oktober tahun ini sahaja sejumlah RM82.9 juta telah berjaya dikutip dan jumlah ini dijangka meningkat pada penghujung tahun ini. Kutipan pembayaran zakat meningkat seiring dengan kemudahan pembayaran zakat melalui pos, bank-bank, internet, skim potongan gaji dan kaunter bergerak dan *e-debit*.

vi. Elektronik nikah, cerai, rujuk, ENCR. ENCR merupakan satu sistem pendaftaran nikah, cerai, dan rujuk khusus untuk kegunaan Jabatan Agama. Pada masa ini segala urusan pendaftaran adalah secara *manual* dan mengakibatkan tempoh masa yang diambil untuk melengkapkan urusan pendaftaran agak lama. Dengan sistem ini urusan pendaftaran dan semakan pelbagai urusan nikah, cerai, rujuk dapat dilakukan secara terus dan menjimatkan masa. Antara faedah lain sistem e-elektronik nikah, cerai, rujuk ini adalah kemudahan semakan dan pendaftaran kursus pra perkahwinan dan kaunseling keluarga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan yang membangunkan jati diri dalam melalui seni budaya warisan dan modal sosial, seharusnya dilaksanakan sebegitu rupa ianya tidak terabai bahkan menjadi mangsa dalam usaha mengejar kekayaan ekonomi. Pembangunan harus berlaku mengikut acuan kita sendiri dan mengekalkan ciri-ciri unik yang ada dalam masyarakat dan demi mencapai maksud tersebut, maka langkah-langkah berikut akan diambil.

i. Dato' Speaker, ialah langkah transformasi Bandaraya Johor Bahru. Bandaraya Johor Bahru, JB Central akan dipastikan terus berkembang sebagai kota budaya dengan nilai dan ciri-ciri tradisinya yang unik. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan IRDA akan mengenengahkan satu pelan perancangan operasi komprehensif bagi merangkumi elemen-elemen kesejahteraan rakyat dan kualiti hidup di samping menjadi satu pusat pertumbuhan ekonomi dan budaya dan akan membawa Bandaraya Johor Bahru ke tahap yang, ke antarabangsa. Di mana pada tahun depan program penaiktarafan Sungai Segget dan sekitarannya akan dijalankan secara berfasa. Projek ini juga merangkumi elemen mewujudkan sistem pembetungan dan terancang serta pembersihan dan pengindahan kawasan sekeliling sungai.

Seterusnya Dato' Speaker,

ii. Ialah berkaitan dengan program-program pemugaran budaya dan warisan Johor. Yayasan Warisan Johor akan terus mendukung usaha ini melalui 5 bahagian utama iaitu pemuziuman, pengembangan seni budaya, institut integriti kepimpinan latihan dan semangat, persembahan seni budaya serta persuratan dan sejarah. Bahagian pemuziuman telah merangka projek berdasarkan kepada penyelidikan, penerbitan dan pengembangan ilmu. Antara program utama yang dilaksanakan ialah menggali, mengenali, mengenali arkeologi Sungai Johor dan pengumpulan bahan pameran untuk Muzium Tokoh Negeri Johor. Bahagian pengembangan seni budaya pula merangka 12 aktiviti termasuk pengembangan ilmu zapin, ghazal, keroncong, angklung, silat, silat sendeng semestinya dan warisan kesenian Islam. Dengan adanya program pengembangan ini diharapkan agar seni warisan dapat disemai hingga ke peringkat akar umbi seterusnya menghasilkan generasi baru yang dapat menyumbang seni ini ke peringkat seterusnya. Bahagian persembahan seni budaya pula akan terus melaksanakan beberapa program yang lebih fokus dalam bentuk persembahan seperti persembahan teater Imam, Imam Al-Bukhari dan konsert ghazal. Bahagian persuratan dan sejarah Johor akan melaksanakan penyelidikan di samping membukukan hasil daripada penyelidikan daripada tahun 2009. Seperti kajian masyarakat Jawa Johor dan Hikayat Johor penggal 1. Bahagian persuratan dan sejarah juga telah merangka untuk mengadakan seminar antarabangsa sejarah Empayar Johor Riau Lingga.

Seterusnya Dato' Speaker,

iii. Semakan Pelan Tindakan Wanita Negeri Johor 1997-2001, bagi menghargai sumbangan wanita dalam pembangunan negeri dan meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam penjanaan ekonomi, pelan tindakan wanita negeri akan dikemas kini supaya lebih relevan dengan cabaran terkini serta menyiapkan langkah-langkah dan polisi bersesuaian untuk masa depan.

iv. Seterusnya ialah memperkasakan peranan NGO di mana peranan NGO dalam membangunkan negeri akan dipertingkatkan pemberian geran dan peruntukan kepada NGO akan berdasarkan *outcome* yang ingin dicapai oleh rakyat dan kerajaan. NGO akan terus dilibatkan dalam pelbagai maklum balas mengenai pembangunan perancangan dan juga perancangan program-program untuk rakyat.

v. Seterusnya ialah mempertingkatkan pembangunan sukan di mana Majlis Sukan Negeri mempunyai wawasan yang tersendiri bagi menjadikan Johor di mana negeri ini akan menghasilkan atlit yang berjaya diparas kebangsaan dan seterusnya antarabangsa. Seterusnya Majlis Sukan Negeri Johor berusaha membentuk kesinambungan dalam memastikan pembangunan sukan yang lebih seimbang di peringkat akar umbi demi memartabatkan kecemerlangan dan kegemilangan sukan Negeri Johor di persada sukan. Oleh itu kecemerlangan sukan dapat dicapai berteraskan gabungan usaha sama yang lebih mantap di kalangan kerajaan, persatuan sukan, swasta dan jurulatih dan juga atlit. Antaranya program-program ialah memasyarakatkan sukan, bantuan khas

penganjuran sukan akar umbi, penganjuran sukan mukim, program pendidikan dan penghargaan sukan, program kemantapan organisasi Majlis Sukan Negeri, program memperkasakan persatuan dan program pendedahan antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Negeri Johor Tahun 2010 merupakan bajet defisit. Di mana hasil dianggarkan berjumlah RM784.15 juta manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM785.65 juta. Oleh itu defisit bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM1.5 juta berbanding dengan defisit dalam Bajet tahun 2009 berjumlah RM2.75 juta. Hasil Kerajaan Negeri dipecahkan kepada 3 komponen iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai bagi tahun 2010 dianggarkan sebanyak RM278.9 juta iaitu penambahan sebanyak RM36.53 juta berbanding dengan anggaran asal tahun 2009. Kutipan daripada Hasil Bukan Cukai pula dianggarkan meningkat sebanyak RM7.18 juta kepada RM362.53 juta iaitu peningkatan sebanyak 2.20%. Terimaan Bukan Hasil adalah dianggarkan sebanyak RM142.72 juta.

Dato' Speaker, perbelanjaan mengurus dianggarkan meningkat sebanyak 4.93% daripada RM748.7 juta kepada RM785.65 juta. Salah satu komponen bagi perbelanjaan mengurus adalah pemberian dan kenaan bayaran tetap yang merupakan 31.6% daripada peruntukan yang disediakan dalam tahun 2010. Antara perbelanjaan yang termasuk dalam komponen tersebut ialah bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM30.78 juta dan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM100 juta. Perbelanjaan emolumen pula berjumlah RM300.11 juta atau 38.2% daripada keseluruhan Peruntukan Tahun 2010. Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan pula sebanyak RM220.57 juta, aset RM14.1 juta dan Lain-lain Perbelanjaan sebanyak RM 2.43 juta.

Dato' Speaker, Peruntukan Pembangunan Tahun 2010 adalah sebanyak RM228.57 juta. Sejumlah RM53.06 juta diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar bagi tujuan Pelbagai Pembangunan termasuk pembinaan jalan kampung, pengambilan balik tanah, pembinaan dewan orang ramai, pembinaan padang di mukim-mukim, pembangunan usahawan. Jabatan Kerja Raya diperuntukkan sebanyak RM71.25 juta yang mana sebahagian besar adalah untuk pembinaan jalan dan jambatan negeri serta bangunan kerajaan.

Pertanian dan pembangunan luar bandar diperuntukkan sebanyak RM36.51 juta di mana sejumlah RM20.2 juta adalah untuk projek pengairan dan saliran manakala selebihnya untuk projek-projek perikanan, pertanian dan perkhidmatan haiwan. Perbelanjaan lain yang mendapat peruntukan besar adalah Jabatan Agama Negeri Johor iaitu sebanyak RM22.3 juta bagi tujuan pendidikan agama, pembinaan sekolah-sekolah agama dan program pembangunan ummah.

Kerajaan Tempatan dan Perumahan menerima peruntukan berjumlah RM10.2 juta, sebanyak RM7.65 juta untuk membantu Penguasa-Penguasa Tempatan melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan mereka manakala baki sebanyak RM2.55 juta adalah untuk pembinaan dan penyelenggaraan rumah-rumah rakyat. Sementara itu sebanyak RM26 juta disediakan untuk Pejabat-

Pejabat Daerah Dan Tanah, sejumlah RM7.05 juta perlu disediakan untuk projek-projek pembangunan perhutanan dan pelancongan.

Dato' Speaker, Tabung Amanah Warisan Negeri Johor masih melaksanakan aktiviti pelaburan untuk menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri daripada jumlah modal sebanyak RM360.4 juta nilai Kumpulan Wang Tabung Amanah Warisan Negeri Johor sehingga akhir 2008 mencatatkan penurunan kepada RM228.59 juta. Keadaan ini adalah berikutan kelembapan ekonomi semasa menyebabkan kejatuhan dalam nilai pelaburan tabung sekaligus menjadikan kerugian terkumpul berjumlah RM61.81 juta.

Sehingga akhir September 2009 tabung ini berjaya merekodkan jumlah keuntungan bersih sebanyak RM6.43 juta. Sehingga akhir 2009 dan tahun 2010 pasaran dijangka tidak menentu dan penuh dengan cabaran. Indeks komposit mengalami sedikit peningkatan pada awal tahun tetapi ia tidak kekal lama. Oleh itu pengurusan tabung akan terus mengambil langkah berhati-hati dan mengambil pendekatan sederhana supaya pelaburan yang dibuat memberi pulangan yang baik.

Dato' Speaker, demikianlah, Bajet 2010 yang menyentuh semua golongan seluruh daerah, wilayah di Negeri Johor serta setiap aspek kehidupan rakyat jelata. Ia bukan sahaja membawa pembangunan dalam bentuk fizikal malah mencakupi keperluan sosial, kerohanian, sahsiah dan pembangunan insan. Sempena temanya "Bersatu Tenaga Sejahtera Bersama", bajet yang merupakan kesinambungan pendekatan pembangunan holistik ini memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak daripada kepimpinan negeri, Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, pegawai-pegawai kerajaan, golongan profesional, dan juga usahawan, pimpinan masyarakat setempat, ahli-ahli perniagaan, pertubuhan bukan kerajaan, malah pengamal pelbagai bidang kerjaya serta rakyat jelata sendiri.

Kerajaan bertanggungjawab merancang pembangunan dan mengatur strateginya tetapi ia hendaklah disambut oleh rakyat jelata. Bersama-samalah kita menjadikan kedudukan strategik Negeri Johor, peningkatan infrastruktur dan prasarananya sebagai satu potensi yang benar-benar membawa kita menempa kemajuan. Semoga niat berserta usaha kita ini dengan penuh keikhlasan dan tekad yang tidak berbelah bahagi membawa kesejahteraan kepada rakyat jelata, mendapat restu dan rahmat daripada Allah jua, insya-Allah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, saya membentangkan cadangan ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Hampir 2 jam 31 minit. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan perbahasan Persidangan Dewan ini, maka seperti biasa di atas kemurahan dan baik hatinya Speaker, maka saya jemput semua Ahli-Ahli

Yang Berhormat, Ketua Jabatan, Dif-Dif Jemputan ke majlis jamuan makan tengah hari di dewan sebelah bawah itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Isnin, 23 November 2009, jam 9:30 pagi di mana perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali kedua Enakmen Perbekalan 2010 Tahun 2009 akan bermula. Sekian, terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:45 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEDUA	**ISNIN, 23 NOVEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim,
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan diteruskan.

JURUTULIS : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Sila nyatakan tunggakan cukai harta setakat bulan November 2009 di seluruh PBT untuk memungut tunggakan cukai harta.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Sering kali kita mendengar rungutan dan aduan daripada orang ramai berikutan kesesakan dan ketidakselesaan pembayar cukai di kaunter pembayaran di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor terutama sekali pada tempoh bayaran penggal pertama dan penggal kedua. Apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah ini? Nyatakan kaedah yang akan diperkenalkan bagi mempermudah sistem bayaran dengan perkhidmatan ICT.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya memaklumkan bahawa kutipan cukai harta adalah hasil utama setiap PBT. Cukai harta perlu kita bayar pada setiap penggal pertama iaitu Januari hingga Februari dan penggal kedua Julai dan Ogos setiap tahun. Cukai yang tak dibayar selepas tempoh tersebut adalah dianggap sebagai tunggakan. Dan, sehingga 12 November tahun ini untuk makluman Dewan, jumlah tunggakan cukai harta di keseluruhan PBT adalah sebanyak RM165,650,767.34. Dan, yang telah dipungut sehingga kini adalah sebanyak RM40,465,739.84, ataupun kalau nak ikut persennya 24.77% sahaja yang dapat kita pungut.

Sebahagian besar tunggakan cukai yang dipungut adalah daripada jenis pegangan perindustrian dan tanah-tanah kosong. Bagi memastikan Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah tunggakan itu dapat kita kawal dan

kurangkan di masa-masa akan datang, beberapa kaedah dan langkah-langkah telah diambil oleh pihak PBT. Antaranya ialah:

i. Menghantar bil secara serahan tangan ke premis-premis lain menggunakan perkhidmatan pos.

ii. Menyampaikan notis denda lewat ataupun dengan menggunakan Borang E kepada pemilik yang masih belum menjelaskan bayaran setelah tamat tempoh bayaran iaitu pada 28 Februari dan 31Ogos setiap tahun. Notis denda lewat akan dikeluarkan dan pemberi milik dan pemilik diberi tempoh 15 hari dari tarikh notis untuk buat bayaran. Dan, sekiranya tidak juga jelaskan bayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan itu, tindakan sita boleh dijalankan.

iii. Mendapatkan perkhidmatan bailif daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan bagi mengambil tindakan sita ke atas pemilik yang gagal menjelaskan tunggakan cukai. Operasi bersepadu dilakukan pada bulan Mei dan Jun setiap tahun, pada separuh penggal pertama dan pada bulan November dan Disember untuk penggal yang kedua untuk operasi menyita ini. Dan, di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh bailif ke atas pemilik yang masih tidak lagi menjelaskan tunggakan cukai harta walaupun telah dikeluarkan waran tahanan iaitu:

    1. Notis waran tahanan Borang F kepada pemilik yang mempunyai tunggakan cukai harta yang tinggi iaitu 3 tahun berturut-turut.

    2. Selepas notis itu dikeluarkan inventori dan notis Borang G boleh dikeluarkan kepada pemilik harta yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai, bagi maksud menyenaraikan harta-harta yang hendak disita.

iv. Membenarkan bayaran tunggakan cukai harta secara ansuran di semua PBT Negeri Johor.

v. Membuat semakan terkini di Pejabat Tanah dan Galian bagi kes-kes pegangan yang alamatnya tidak dapat dikesan. Ini untuk membolehkan PBT mengemaskinikan alamat tuan punya harta.

vi. Menggunakan khidmat panel peguam bagi membantu tugas Pihak Berkuasa Tempatan untuk memungut tunggakan yang dilakukan oleh setengah-setengah PBT.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya boleh respons pada soalan ADUN Machap, kerana saya menjawab soalan ini bersama. Kerajaan Negeri akan terus memberikan penekanan dalam meningkatkan lagi kecekapan penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan. Usaha-usaha untuk memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan dilakukan dengan mengurangkan karenah birokrasi melalui penambahbaikan proses dan prosedur kerja. Kesesakan kaunter bayaran memang berlaku di PBT terutamanya pada tempoh bayaran cukai penggal pertama dan kedua di mana ramai pembayar

cukai menumpu untuk membayar cukai dalam masa yang telah ditetapkan itu. Dan, bagi mengatasi permasalahan ini langkah-langkah yang PBT ambil ialah:

i. Untuk buka lebih banyak lagi kaunter pada bulan Januari hingga Februari dan bulan Julai hingga Ogos, ini dua bulan yang diwajibkan untuk bayar cukai pintu.

ii. Memanjangkan tempoh bayaran di kaunter meliputi juga waktu rehat pejabat.

iii. Membuka kaunter bayaran pada hari cuti hujung minggu Sabtu dan Ahad.

iv. Menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak di kawasan-kawasan yang terpilih.

Sejajar juga dengan perkembangan ICT pada masa kini, kaedah pembayaran menggunakan ICT telah juga kita kenalkan,

i. Pembayaran secara atas talian ataupun *online* dengan melantik institusi-institusi kewangan yang dipilih. Kesemua PBT untuk makluman di Negeri Johor telah melaksanakan kaedah *online* ini, kecuali Majlis Daerah Yong Peng, Kota Tinggi, Segamat dan juga Labis yang sedang dalam proses melaksanakan kaedah tersebut.

ii. Membenarkan pembayaran melalui kad kredit ataupun kad debit, cek, wang pos ataupun draf bank.

iii. Pembayaran melalui kiosk yang disediakan. Untuk makluman pada masa sekarang pembayaran melalui kios yang beroperasi 24 jam hanya kita ada di tiga PBT iaitu Bandaraya, Johor Bahru Tengah dan Pasir Gudang. Manakala di Kulai penggunaan kios masih lagi dalam peringkat awalan ataupun percubaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini pada 10 November, Kerajaan Negeri telah pun menandatangani perjanjian e-PBT dengan MSE Cyberport Sdn. Bhd. Apabila aplikasi ini, insya-Allah dilaksanakan pada tahun hadapan, perkara-perkara seperti sistem bayaran dan pelbagai aplikasi atas talian akan diperkenalkan melalui sistem e-PBT, antaranya adalah pembayar cukai boleh buat bayaran cukai melalui sistem yang dipanggil Gateway FPX, dengan izin, Finance Process Exchange On Line Banking Channels dan seterusnya boleh menyemak setiap transaksi bil penyata semasa di mana-mana, di rumah ataupun di mana tempat yang mempunyai kemudahan internet.

Y.B. Dato' Speaker : Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat EXCO. Bagi mereka yang tidak ingin membayar cukai harta, pelbagai alasan akan diberikan oleh pembayar cukai termasuklah perkhidmatan yang dijalankan oleh PBT itu, yang kurang memuaskan dan juga tindakan terhadap aduan yang

diambil tidak mengikut piagam pelanggan. Oleh itu saya ingin tahu apakah cara dan bagaimana Kerajaan Negeri dapat memastikan Pihak Berkuasa Tempatan akan mengatasi kelemahan khususnya daripada *human factor*, dengan izin, demi memberi kepuasan kepada pelanggan yang terdiri daripada pemungut hasil, pemungut cukai, pembayar cukai. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Satu daripada pendekatan yang dibuat oleh PBT yang telah diputuskan oleh kerajaan ialah untuk memperbaiki *delivery system* yang ada di kesemua PBT dan ke arah ini juga kita telah menubuhkan satu jawatankuasa gerak kerja khas yang bukan sahaja, Yang Berhormat Dato' Speaker, menambah kaedah untuk memperbaiki mutu perkhidmatan khususnya di kaunter kepada pembayar cukai di setiap PBT malahan buat masa kini pun dan sedang dilakukan berterusan iaitu dengan mengadakan latihan dalaman dan juga seminar-seminar kecil di dalam bahagian-bahagian yang tertentu, khususnya yang melibatkan perhubungan secara langsung dengan orang awam supaya sistem ataupun mutu perkhidmatan yang baik, yang cekap dan yang cepat dapat kita berikan kepada pembayar cukai di setiap PBT termasuklah khususnya di dalam kawasan-kawasan bandar raya, kawasan-kawasan Majlis Perbandaran dan juga di Majlis-Majlis Daerah di seluruh negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniahlah dengan sistem dan juga penambahbaikan yang ada pada hari ini memang banyak mendapat pujian daripada penduduk-penduduk. Jadi, saya ingin tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan masalah apakah kaedah yang kita nak lakukan untuk nak menyelesaikan berhubung dengan tunggakan yang begitu tinggi. Jadi, kalau kita tak ada satu penyelesaian sampai bila pun tunggakan ini tak boleh selesai. Jadi, saya ingin tahu adakah satu perancangan iaitu dengan, sama ada kita memanggil ataupun memberi tawaran kepada apa ni, penunggak-penunggak cukai ni, yang tak bayar cukai, kita panggil, kita berunding, kemudian kita, apa ni, capai, cari satu kata sepakat ataupun beri *final notice* ke supaya apa ni, ada penyelesaian. Jadi, kalau sekiranya apabila kita dah selesai buat tu jadi, maknanya rakyat ataupun yang tak bayar cukai ni tidak lagi dia dapat, apa ni, marah ataupun salahkan Kerajaan Negeri. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akui bahawa tunggakan cukai yang agak besar ni, yang besar ni, RM165 juta yang dah *accumulated,* dah terkumpul dan terkumpul yang ada di seluruh PBT di Negeri Johor ini adalah merupakan satu perkara yang mesti ditangani dengan secara serius oleh setiap PBT. Beberapa langkah telah kita ambil antaranya di PBT pun, kita telah mengambil langkah misalannya kalau bagi projek-projek yang tersangkut, sakit misalannya seperti Pacific Mall kalau saya boleh beri contoh, di dalam Bandaraya, nilaian cukai harta itu telah pun diturunkan hanya menumpu kepada nilai tanah sahaja kerana bangunan dah tak siap-siap dan tidak beroperasi begitu juga dengan Lot One dan Kemayan City. Jadi, inilah antara langkah-langkah yang diambil iaitu mengurangkan supaya nak membolehkan

projek-projek seumpama ini ataupun hartanah yang seumpama ini yang boleh mendatangkan hasil kepada Bandaraya di daerah Johor Bahru membayar tunggakan yang sedia ada. Saya percaya dan apabila nanti kita mengambil tindakan untuk menjurus ke arah, untuk memungut segala tunggakan yang ada ini kita kena mengikut seperti yang saya kata tadi perundangan yang dijalankan sehinggalah membolehkan walaupun proses itu rumit khususnya yang melibatkan kompleks kerana setiap *parcel* tu dah dijual kepada orang ramai dan setiap tuan punya tu kena diberikan notis dan ada dia punya peringkat-peringkat tadi sebelum kita menyita. Tetapi, akhirnya kalau kita tak ada pilihan, Majlis hendaklah menentukan bahawa kita menuju ke arah untuk menyita dan merampas harta tersebut. Tapi, saya mintalah pula dengan wakil, Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau tindakan ini diambil oleh PBT tolonglah jangan datang pula nanti merayu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kerana kita nak pungut hasil ni, *accumulated* daripada mula-mula dululah zaman mungkin saya dah *trace* balik berapa tahun ni *accumulate*, dah *accumulated*, daripada, dah terkumpul, maaf Dato' Speaker, daripada tahun-tahun yang dah begitu lama, dan ada pula, dan kita kena tengok balik tuan punyanya nak kena semak balik, ada lagi ke tidak. Jadi, inilah proses ini rumit tapi PBT hendaklah beriltizam dan memberi fokus untuk memungut balik antaranya inilah cukai-cukai harta yang boleh dijadikan hasil untuk kita membuat, memberikan perkhidmatan balik kepada pembayar cukai.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Samsol Bari bin Jamali, jemput.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Berapa ramaikah golongan belia yang terlibat dalam aktiviti pertanian dalam Negeri Johor amnya dan dalam daerah Batu Pahat khasnya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Hah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucap terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Semarang terhadap penglibatan belia dalam bidang pertanian. Kerajaan memang sangat prihatin terhadap pembangunan ekonomi belia termasuklah juga yang berkaitan dengan sektor pertanian ini. Di mana yang kita sedia maklum bahawa Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan Skim Tabung Ekonomi Belia yang terdiri daripada Skim Belia Niaga dan juga Skim Belia Tani yang dikhususkan untuk golongan belia yang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 1987, Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan Tabung Ekonomi Belia

yang pada masa itu, yang mana Tabung ini diuruskan secara bersama dengan Bank Simpanan Nasional Commerce. *So,* dalam Tabung Ekonomi Belia ni ada kategori Rancangan Belia Peladang. Untuk di Negeri Johor seramai 73 orang yang telah terlibat dalam Rancangan Belia Peladang di bawah Tabung Ekonomi Belia ini yang mana 69 daripada mereka adalah daripada belia Melayu dan 4 orang daripada belia kaum Cina yang melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM2,010,630.00.

Kemudian, pada tahun 2007 telah diperkenalkan Skim Tabung Ekonomi Belia dan seperti yang saya katakan tadi dalam skim ini ada Skim Belia Tani. Dalam Skim Belia Tani yang bermula daripada tahun 2008 sehinggalah pada 31 Oktober 2009 di Negeri Johor kita ada 47 orang belia yang terlibat dapat pinjaman daripada Tabung Skim Belia Tani ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1,000,457.00 yang melibatkan 16 orang daripada mereka adalah daripada tahun 2008 dan 31 orang pada tahun 2009 yang mana pemohon-pemohon ini ataupun belia yang terlibat dalam sektor pertanian ini terdiri daripada 40 orang belia Melayu, 6 orang belia Cina dan seorang belia India. *So*, untuk daerah Batu Pahat seramai, saya tidak ada data untuk Tabung Ekonomi Belia tapi untuk dalam Skim Tabung Belia Tani ini yang bermula daripada tahun 2008, 2009 untuk daerah Batu Pahat kita ada 12 orang yang telah diberi pinjaman yang melibatkan diri dalam bidang pertanian yang melibatkan RM402,000.00 yang mana 10 daripada mereka adalah daripada belia Melayu dan 2 daripada kaum Cina.

Untuk pecahan dia, jumlah pemohon bagi tahun 2008, kelulusan sebanyak RM85,000.00 dan tahun 2009 sebanyak RM317,000.00 yang melibatkan 10 orang pemohon. Untuk tahun 2009 ini kalau kita bandingkan di Batu Pahat, 20 orang, 2 orang pada tahun 2008 dan 10 orang pada tahun 2009 kerana pada tahun 2009 saya pernah nyatakan dulu kita ada program untuk mensasarkan, apa nama ni, belia-belia yang terlibat dalam perniagaan ini pada tahun 2009 sebanyak 100 usahawan baru belia dan nampaknya sehingga bulan 11 ni dah mencapai sasaran iaitu sebanyak 111 orang yang terlibat termasuklah yang terlibat dalam Belia Tani.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita telah ambil maklum bahawa Jabatan Belia dan Sukan mempunyai kumpulan sasaran yang cukup besar dan ramai. Justeru itu, dalam bidang pertanian ini saya ingin mengetahui sejauh manakah kerjasama antara jabatan iaitu Jabatan Belia dan Sukan dengan Jabatan Pertanian khususnya dalam soal pertanian ini ada? Kerana saya percaya untuk meninggalkan tanggungjawab ini kepada Jabatan Belia dan Sukan sahaja sudah pastilah ia akan menemui jalan yang sukar tetapi jika ada kerjasama yang baik daripada jabatan-jabatan yang berkaitan khususnya pertanian daripada Jabatan Pertanian ini akan lebih memudahkan. Jadi, sejauh manakah kerjasama antara Jabatan Pertanian dan juga Belia ini ada pada waktu ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada pengamatan saya, mereka-mereka yang memang minat dalam

bidang pertanian ini terutama sekali belia-belia yang berada di luar bandar yang terdedah dengan memang aktiviti dia, aktiviti pertanian kebanyakannya mereka ini *direct,* terus kepada Jabatan Pertanian kerana Jabatan Pertanian ini memang banyak insentif-insentif dan juga galakan-galakan untuk program pertanian. Di peringkat belia kita memang telah mengadakan usaha-usaha bersama dengan TEKUN umpamanya. Untuk Jabatan Pertanian ini kita belum ada satu, satu program bersama tetapi dalam proses untuk mengadakan hubungan itulah. Cuma, kalau kita lihat, bila saya, pengamatan saya sepanjang 2009 ni kita hendak menggalakkan belia-belia ini meniaga termasuklah dalam bidang pertanian sebab belia ini kebanyakannya mereka yang terlibat dalam belia, program-program belia ini, mereka, pemikiran mereka ni lebih suka buat program, melibatkan diri aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. *That's why*, walaupun kita sasarkan rendah, 100 usahawan baru untuk 2009 sehingga hujung tahun ni baru dicapai. Itu pun kita minta pegawai-pegawai Belia pergi cari belia-belia yang nak libatkan diri dalam bidang keusahawanan. *So*, untuk di masa akan datang saya terimalah saranan atau pandangan daripada Yang Berhormat Semarang supaya kita akan lebih adakan program, lebih giat lagilah terutama sekali dalam bidang pertanian ini bersama-sama dengan Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan juga seperti MARDI dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Abd. Halim bin Suleiman, jemput.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) bagi pihak Y.B. Dato' Haji Abd. Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Pelajar-pelajar yang telah dibuang sekolah bukan disebabkan oleh kes juvana/jenayah, tetapi kerana kes kerap kali ponteng sekolah telah ketinggalan dalam pelajaran, kemanakah mereka harus belajar dan berapa peratuskah kes sebegini?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, rupa lain (ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk pada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Puteri Wangsa, tindakan…

Y.B. Dato' Speaker : Tidak, Ahli anu, eh, daripada DUN tu, bukan Puteri Wangsa, dia ambil alih, tak boleh soalan dia.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Tindakan buang sekolah disebabkan oleh masalah disiplin adalah mengikut Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan Sekolah Tahun 1959 di mana di dalam Peraturan 4 dinyatakan bahawa kuasa Pengetua atau Guru Besar adalah agak luas di peringkat sekolah dan di dalam Peraturan 8 juga dinyatakan Guru Besar dan Pengetua mempunyai kuasa untuk menggantung

atau pun membuang murid. Ianya juga dikuatkan dalam Peraturan 11 di mana dinyatakan bahawa murid yang dibuang akan diberikan Sijil Berhenti Sekolah. Jumlah murid yang dibuang sehingga Oktober tahun 2009 bagi tahun ini adalah seramai 663 atau pun mengikut peratusannya 0.001% daripada lebih kurang 600,000 jumlah murid yang berada di sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Negeri Johor. Semua murid yang dibuang sekolah boleh merayu semula untuk bersekolah semula dan di bawah dasar pendemokrasian pendidikan, semua kes-kes rayuan untuk bersekolah semula telah pun diluluskan dan sebahagian besar telah pun menghadiri sesi kaunseling yang dijalankan oleh pihak Jabatan Pelajaran dan juga pihak sekolah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, jemput.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Speaker, hm Yang Berhormat Pengerusi berkenaan.

Saya dari segi pelajar sekolah ini tadi, sejauh mana pihak sekolah atau pun pentadbir sekolah mengambil kira dari segi untuk sampai ke tahap nak memberhentikan pelajar-pelajar berkenaan. Terutamanya dari segi konteks ponteng sekolah. Adakah maknanya ada tahap-tahapnya, dipanggil atau disiasat dan penglibatan ibu bapa pelajar berkenaan dan sejauh mana pula yang terus tanpa diberitahu oleh pihak-pihak seperti ibu bapa maka pelajar itu boleh diberhentikan dengan serta-merta oleh pihak pentadbir sekolah dalam konteks ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah disiplin ini merupakan masalah yang memang telah pun ada di sekolah ini sekian lama dan ia merupakan satu masalah yang berterusan. Biasanya pihak sekolah tidak akan mengambil tindakan yang drastik terus membuang pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin. Sekiranya masalah yang berlaku itu tidak melibatkan masalah jenayah, biasanya pihak sekolah akan mengambil peringkat-peringkat atau pun kita menggunakan kaedah-kaedah secara berperingkat di mana pada peringkat awal mungkin diberi nasihat, diberi kaunseling oleh sama ada guru atau pun guru kaunseling atau pun Guru Besar di peringkat sekolah. Dan, tindakan buang sekolah ini merupakan tindakan yang terakhir sekiranya masalah tersebut berulang banyak kali dan mungkin masalah tersebut melibatkan kes-kes yang berat dan pihak sekolah memang sentiasa mengambil langkah memantau masalah-masalah disiplin di kalangan murid-murid di peringkat sekolah. Kerana, masalah disiplin ini kadang-kadang berlaku di bawa daripada luar disebabkan oleh pengaruh kawan-kawan dan sebagainya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan No. 5.

Sila nyatakan jenis pertanian yang diceburi oleh penduduk mengikut keutamaan. Apakah jenis bantuan atau subsidi yang diberikan oleh kerajaan

untuk membantu sektor pertanian? Bagaimanakah kerajaan akan menolong pengusaha pertanian untuk menguasai teknologi canggih untuk membangunkan sektor pertanian?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, di antara jenis pertanian yang diusahakan oleh peladang dan usahawan di Negeri Johor dapat dibahagikan kepada beberapa kategori mengikut keutamaan iaitu tanaman industri, tanaman makanan, tanaman herba dan rempah dan tanaman bunga-bungaan.

Pada tahun 2007, keluasan tanaman industri yang utama di Negeri Johor ialah kelapa sawit seluas seribu...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, seribu...(ketawa)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : 1,088,371 hektar iaitu hampir dekat 2,700 ekar. Seterusnya getah, 129,329 hektar; kelapa, 17,980 hektar; padi, 2,330 hektar; kopi, 1,718 hektar dan koko 475 hektar.

Bagi tanaman makanan pula dibahagi kepada sub-kategori buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Keluasan tanaman buah-buahan di Johor ialah 61,066 hektar dan di antara jenis buah-buahan utama yang dimajukan ialah durian seluas 25,384 hektar; nanas, 9,833 hektar; pisang, 8,251 hektar; duku, duku langsat dan dokong 6,878 hektar; rambutan, 2,354 hektar; tembikai, 2,028 hektar; pulasan, 606 hektar; nangka, 595 hektar; jambu batu, 409 hektar dan pitaya, 612 hektar.

Bagi tanaman sayuran pula adalah dibahagikan kepada jenis buah dengan keluasan 2,777 hektar dan jenis daun 9,354 hektar. Dan jenis umbisi 98 hektar. Di antara sayur jenis buah yang popular ialah seperti kacang panjang, 785 hektar; timun, 440 hektar; bendi, 381 hektar; kacang buncis, 364 hektar; peria, 258 hektar; petola, 214 hektar dan terung, 109 hektar. Manakala bagi sayur jenis daun pula yang utama ialah kangkung, 3,170 hektar; bayam, 2,667 hektar; sawi hijau, 1,378 hektar; sawi pendek, 889 hektar; sawi putih, 668 hektar; sawi pahit, 358 hektar dan sawi kerinting, 253 hektar. Sayuran berumbisi yang biasanya diusahakan ialah sengkuang. Keluasan tanaman kontan di Johor ialah 4,239 hektar dan di antara tanaman kontan yang diusahakan ialah seperti jagung, ubi kayu, 1,793 hektar; 992 hektar, keledek; keladi, 274 hektar.

Keluasan tanaman rempah dan herba di Johor ialah 2,313 hektar dan di antara jenis tanaman rempah ialah seperti cili, 524 hektar; limau kasturi, 345 hektar; limau nipis, 275 hektar; dan serai, 233 hektar. Keluasan tanaman bunga-bungaan di Johor pula ialah sekitar 834 hektar.

Pada dasarnya kerajaan sentiasa menggalakkan peladang dan usahawan untuk terus maju di bidang usaha mereka dan pelbagai insentif diberikan dalam bentuk bantuan seperti pembersihan kawasan untuk menyediakan ladang, infrastruktur ladang seperti jalan ladang, parit ladang, bahan tanaman, baja, racun makhluk perosak dan juga pagar kawasan. Di samping itu juga, khidmat nasihat serta bimbingan diberikan oleh pegawai-pegawai di peringkat daerah,

Pegawai-Pegawai Pertanian. Selain itu, mulai tahun 2008, Kerajaan Persekutuan ada menyalurkan bantuan insentif bagi menggalakkan tanaman makanan seperti buah-buahan dan juga sayur-sayuran pada kadar 0.78 sen/kg, setiap kilogram. Dan, bagi buah-buahan 0.81 sen/kg sayur-sayuran.

Kejayaan melalui jabatan, kerajaan melalui jabatan dan agensinya sentiasa berusaha untuk membantu pengusaha pertanian untuk terus meningkatkan kemahiran mereka terutamanya dalam menguasai serta mengamalkan teknologi baru dalam bidang usaha mereka. Di antara program yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini ialah melalui kursus-kursus di Pusat-Pusat Latihan Pertanian, bimbingan dan khidmat nasihat melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP), latihan secara *Hands On*, pemantauan yang berterusan, lawatan sambil belajar, khidmat sokongan teknikal dan juga melalui petak-petak demonstrasi dan pameran.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan No. 6.

Ingin tahu bilakah air bersih ke rumah-rumah di Pulau Besar dapat dibekalkan memandangkan telaga air mineral sudah siap dibina pada bulan Julai 2009?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, menjadi hasrat SAJH untuk membekalkan air terawat kepada semua rakyat di Negeri Johor yang kini telah meliputi 99.7% kawasan. Bagaimanapun buat masa ini SAJH tidak membekalkan air bersih kepada penduduk di pulau berikutan sumber air dari tanah besar yang terlalu jauh. Walau bagaimanapun, bagi kawasan yang terpencil dan pendalaman, bekalan air bersih masih boleh dinikmati sekiranya Yang Berhormat mengusulkan cadangan itu dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah untuk program bekalan air luar bandar melalui pihak Kementerian Pembangunan Bandar dan Wilayah di mana sistem bekalan air boleh disalurkan daripada sumber yang terdapat di pulau itu sendiri juga.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya jemput, Tenggaroh.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Pulau yang saya kata ini, Pulau Besar ini sudah pun ada telaga mineral. Telah dibina bulan Julai 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa bina?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Soalan saya ini…

Y.B. Dato' Speaker : Siapa bina Yang Berhormat, air itu? Telaga?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Saya kurang pasti, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin tahu, daripada telaga ke rumah ke rumah, bilakah bekalan itu boleh disalurkan? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat, soalan itu saya telah terjawab. Apa tindakan itu?

Y.B. Dato' Speaker : Bawa ke Tindakan Daerah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Mohon kepada, boleh Yang Berhormat berkenaan, Yang Berhormat daripada Tenggaroh memohon dalam Majlis Tindakan…

Y.B. Dato' Speaker : Mesyuarat Tindakan Daerah, bawa eh. Dah bawa?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Saya sudah bawa, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dia bawa, dia bawa Dewanlah, kalau tak dapat jawab? Ha, oklah, dia ambil ingatan. Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Apakah kelayakan untuk mendapat tauliah mengajar di masjid dan surau. Benarkah Jabatan Agama sukar untuk memberi tauliah kepada guru-guru agama walhal ramai yang berkelulusan Azhar dan universiti di Timur Tengah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, tauliah mengajar di masjid dan surau adalah terbuka kepada semua umat Islam dengan membuat permohonan melalui borang yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, yang mengandungi butir-butir peribadi pemohon berserta latar belakang pemohon dari segi kelulusan pendidikan akademik, agama, pekerjaan, pengalaman, alamat, nombor telefon, butir-butir syarahan berserta tajuk, tarikh, tempoh masa dan disokong oleh pihak-pihak tertentu sama ada individu atau agensi, atau jabatan dan menyatakan bukti tauliah dari negeri lain sekiranya ada, di samping dinyatakan salinan, menyertakan salinan sijil-sijil atau surat yang diakui sah. Permohonan hendaklah dihantar melalui Pegawai Tadbir Agama Daerah dan melalui proses temu duga. Kemudian, daripada itu, laporan permohonan akan dihantar ke Jawatankuasa Penapis Kebenaran Mengajar dan Memberi Syarahan Agama Islam Negeri Johor, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Mufti Johor bagi menapis dan

menilai borang-borang permohonan, memberi keputusan bersetuju atau sebaliknya, menolak permohonan sekiranya tidak layak dari pandangan Jawatankuasa. Permohonan mendapatkan tauliah adalah terbuka sepanjang masa, dan Jawatankuasa juga boleh bersidang pada bila-bila masa bagi menapis, menilai dan memberikan pandangan dan kelulusan terhadap permohonan untuk mengajar dan memberi syarahan agama dalam Negeri Johor.

Dan, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah jelas dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978 iaitu Kaedah-Kaedah Mengajar dan Memberi Syarahan Agama 1991. Dan, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, dan Dewan yang mulia ini, seramai 1,814 orang telah diberikan tauliah. Dan, daripada jumlah tersebut seramai 35 adalah pemegang ijazah dari Timur Tengah. Berdasarkan daripada maklumat yang saya nyatakan tadi, bahawa adalah tidak benar Majlis Agama Islam sukar untuk memberikan tauliah kepada pemohon. Pertimbangan dan kelulusan diberikan oleh Jawatankuasa Penapis Kebenaran Mengajar dan Memberi Syarahan Agama Negeri Johor adalah berdasarkan sejauh mana mereka dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tadi. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya. Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, berikutan dengan kes penangkapan bekas Mufti Perlis kerana mengajar tanpa tauliah di Negeri Selangor baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ada mengeluarkan kenyataan dalam akhbar mengatakan bahawa di Negeri Johor ini, pendakwah boleh mengajar di Negeri Johor tanpa tauliah. Minta penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker : Tanpa tauliah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana saya telah saya nyatakan tadi dan kenyataan daripada Mufti Johor yang bertindak sebagai Pengerusi kepada Jawatankuasa ini, ia adalah jelas, Yang Berhormat Dato', bahawa sesiapa juga sama ada dalam Negeri Johor mahupun di luar Negeri Johor yang ingin menyampaikan syarahan, mereka perlulah memiliki tauliah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Jadi, saya rasa tiada masalah siapa-siapa pun. Dan, untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dr. Asri ini, dia tak pernah minta, dia tak pernah kemukakan permohonan kepada kita. Jadi, macam mana kita hendak pertimbangkan permohonan dia. Apa pun, permohonan satu hal, tetapi dia mesti memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Orang ini, Yang Berhormat. Ok. Ok, saya kasi lagi satu. Anu dululah, soalan asal. Saya benarkan dulu yang kemukakan soalan asal.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana jawapan. Daripada apa yang kita dapati tadi bahawa banyak proses-proses untuk diberikan tauliah kepada seorang penceramah atau pendakwah itu. Saya ingin tahu, kadang-kadang kita

memerlukan masa yang singkat untuk mendapatkan tauliah, bila kita dah *booked* ataupun tempah satu ceramah itu, kadang-kadang masa yang ditunggu, satu minggu, dua minggu. Tetapi, memandangkan bahawa jawapan tadi tu, dia memerlukan satu proses yang agak panjang. Jadi, saya ingin tahu berapakah selalunya masa yang diambil untuk suatu tauliah itu diluluskan?

Y.B. Dato' Speaker : Ambil lama Yang Berhormat (ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih. Soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat Sungai Abong. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin jelaskan. Dalam hal tauliah ini ada dua jenis.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tauliah yang agak kekallah. Maknanya, dia mohon untuk satu tempoh. Biasanya kita berikan satu tempoh dua tahun. Permohonan kita bagi dua tahun. Dalam masa itu, mereka boleh memberikan syarahan berasas kepada kebenaran izin yang telah dikeluarkan oleh Majlis. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memang biasa didatangani oleh penceramah-penceramah dari luarkan? Dan saya faham, kita perlukan masa yang cepat untuk mendapatkan kebenaran dan izin daripada Jawatankuasa. Dalam hal ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan boleh dikemukakan, kita tak perlu nak tunggu Jawatankuasa. Itu terpulang kepada Pengerusi Jawatankuasa itu, Dato' Mufti untuk memutuskan serta berasas kepada maklumat-maklumat yang diberi sama ada boleh atau tidak. Dan sebagaimana yang dinyatakan tadi, apa pun jua keputusannya, ialah dia mesti berasas kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa. Mungkin kalau untuk penceramah yang bukan kekal ini, katakan mereka datang dari luar, mereka hendak menyampaikan ceramah, mereka boleh terus mengisi, berhubung dengan pihak-pihak yang tertentu, dan permohonan itu boleh dirujuk terus kepada Pengerusi Jawatankuasa iaitu Mufti. Dan, Muftilah yang akan membuat keputusan berasas kepada kepentingan ataupun rujuk maklumat yang telah dinyatakan tadi. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Memanglah persepsi masyarakat hari ini kita tengok macam susah sangat, tetapi peraturannya ada. Cuma kadang-kadang benda ini di manipulasi menyebabkan cerita dah jadi lain. Jadi, saya ingin tahu daripada Ahli Yang Berhormat EXCO Agama, adakah terdapat kes-kes yang mana, bila membuat permohonan, permohonan ditolak? Jadi, saya ingin tahulah, punca-punca yang menyebabkan apa ni, permohonan itu ditolak ataupun alasan-alasannya dan adakah perkara-perkara alasan itu, menolak yang menyebabkan masalah apa ni, keselamatan ataupun perkara-perkara yang boleh apa ni, yang menyebabkan umat Islam berpecah belah? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Negeri Kawasan Machap.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun kita tidak halang mana-mana pihak sama ada dalam mahupun luar, untuk menyampaikan ceramah mereka, tetapi peraturan telah ditetapkan. Antara peraturan yang telah ditetapkan dan sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa negara kita Malaysia, dah tentulah di Johor ini. Kita memegang apa ni, pegangan kita adalah kepada Ahli Sunnah Wal Jemaah. Jadi, siapa-siapa yang hendak menyampaikan ceramah dan sebagainya, maka mereka mestilah tidak lari daripada ini. Itu yang paling penting.

Kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, isu ceramah ini kadang-kadang boleh menimbulkan masalah juga. Masalah perpaduan ummah, masalah keamanan dan sebagainya, terutama perpaduan ummah.

Kita tidak mahu mana-mana pihak mengenakan platform ini. Yang akhirnya boleh memecahbelahkan perpaduan ummah. Inilah yang paling penting bagi kita dan telah dinyatakan sendiri dalam enakmen yang, bahawa ceramah-ceramah yang diberikan itu tidaklah boleh, akhirnya boleh memecahkan perpaduan ummah, kerana ini adalah amat-amat penting bagi kita, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, selagi dia tak lari daripada ini, saya kira, kita dan orang ini tidak, katakan mana-mana pihak, kadang-kadang dia ada kontroversi. Kontroversi, ha ini kadang-kadang kita kena rujuk pihak-pihak yang tertentu selain daripada Jawatankuasa. Jadi, kita hendak mereka ini semua *clear* sebelum mereka boleh datang dan menyampaikan. Siapa-siapa pun boleh buat, boleh buat permohonan tetapi Jawatankuasa sahaja yang akan memutuskan.

Y.B. Dato' Speaker : Termasuk Wakil Rakyat, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sama, Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, apa benda Yang Berhormat? Tak dengar.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Saya nak tanya tadi contoh. Ada tak contoh yang dah ditolak tu? Jadi, siapa yang kena tolak tu.

Y.B. Dato' Speaker : Takpelah. Dia tak tanya soal asal takdelah, tanya gitu. Yang Berhormat nak jawab ke? Kalau takde, takpelah takde dalam senarai.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : *No*. Saya tidak ada. Saya tidak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ah dahlah habis cerita.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Apa ni. Apa kes-kes ni ataupun bilangannya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang ditolak. Ha yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tapi kebiasaannya kita bagilah, asalkan mereka tidak lari sebagai yang saya nyatakan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Hj Adam bin Sumiru jemput.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan nombor 8.

Masyarakat sentiasa menghadapi kesukaran apabila kesesakan di waktu puncak dan kekeliruan apabila memandu kenderaan daripada pusat bandar raya menuju ke kawasan Kebuh Teh untuk ke Jalan Tebrau. Adakah permohonan supaya kerajaan membina *flyover* dari Jalan Tun Razak masuk ke Jalan Kebun Teh mendapat persetujuan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini kenderaan yang hendak lalu dari pusat bandar raya ke Jalan Tebrau bolehlah melalui simpangan lampu isyarat di Jalan Tun Razak dan membelok ke kanan melalui Jalan Kebun Teh Lama atau melalui persimpangan lampu isyarat *Danga City Mall*, dengan izin, dan melalui Jalan Lingkaran Dalam seterusnya ke Jalan Tebrau. Permohonan, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan nak buat persimpangan bertingkat di Jalan Tun Razak, Jalan Kebun Teh belum lagi diluluskan dan namun begitu permohonan semula akan dimasukkan di bawah Program Rancangan Malaysia Yang Kesepuluh.

Y.B. Dato' Speaker : Aa, ya? Tanjung Puteri.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebenarnya jalan daripada bandar raya masuk ke Jalan Kebun Teh ni memang dia lalu Jalan Kebun Teh Lama, tetapi *traffic light* yang di Jalan Abad ke Jalan Kebun balik semula Kebun Teh yang baru ni, itu yang membuat kesesakan terlalu banyak. Jadi dalam masa yang sama juga, pembangunan di tanah Jalan Kebun Teh yang dulunya ada apa tu, padang bola, pun dah digasak menjadi pembangunan yang pesat kat situ.

Y.B. Dato' Speaker : Di apa Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : (Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Di apa?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang dah dijadikan satu pembangunan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak tadi bunyi lain tadi. Apa benda tu.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : (Ketawa) Minta maaflah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Dah kena gasaklah tanah apa.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tanah padang bola tu pun dah hilang.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, saya main situ.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Sekarang dah naik bangunan. Jadi kat tempat tu sekarang ni dah makin penuh pesat dibangunkan. Jadi, masalahnya kalau kita masih dalam kajian dan akan bawa lagi ke Rancangan Yang Kesepuluh, nanti jawab lagi Rancangan Yang Kesebelas. Saya rasa benda ni patutnya diberhentikan di sini dan mestilah ianya dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Yang Kesepuluh. Jadi saya berharap, dengan pembangunan yang akan lagi pesat di Kem Majidee pulak nanti, jalan ni akan sentiasa menjadi lebih sibuk daripada biasa. Jadi saya mintak benda ni mestilah dipandang dengan serius dan mudah-mudahan ianya menjadi realiti akan datang. Sekian.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya Ahli Yang Berhormat ni pun faham bahawa pembangunan pesat akan membangun di Kawasan Iskandar kerana keseluruhan kawasan ini ialah kawasan Iskandar, dan beliau hanya menumpukan kepada permasalahan di satu *strecth* aje Jalan Kebun Teh. Sebenarnya *transport system* dalam Iskandar ni kita tengok secara menyeluruh, ada juga rancangan hendak membuat jalan tingkat cadangan. Kerana Jalan Kebuh Teh tu *reserve* dia kecil dia tak boleh besar lagi. Nak kita besarkan lagi, dia akan, misalannyalah, nak kita besarkan lagi dia akan menelan belanja yang begitu tinggi. Kerana kiri kanannya memang dah banyak pembangunan yang berjalan. Dah ada juga cadangan untuk membuat jalan tingkat, itu cadangan. Dan kalau kita tengok keseluruhannya, pada keseluruhan dalam, dalam kawasan Johor Bahru ni, sekarang kini pun banyak apa ni, projek-projek jalan yang sedang, sedang, sedang diperbesarkan, jalan-jalan baru yang dibuat. Ini semua adalah untuk menentukan bahawa, akhirnya esok bukan sahaja di Jalan Kebun Teh tetapi di keseluruhan Kawasan IRDA ini, nak ditentukan bahawa *traffic flow*nya, dengan izin, ataupun aliran trafik kenderaan akan berjalan dengan terlancar yang, yang mungkin.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker Soalan nombor 9.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan lagi aspek budi bahasa, nilai-nilai murni dan semangat gotong royong yang semakin diabaikan sejak akhir-akhir ini dalam acuan kita yang tersendiri.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian Kebudayaan dan Warisan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian Kebudayaan dan Warisan : Salam Sejahtera dan salam 1Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Apa nak jawab tu? Salam Satu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor bagi memperkukuhkan lagi aspek budi bahasa, nilai-nilai murni dan semangat gotong-royong adalah :

i. Promosi kempen bahasa dan nilai murni serta semangat gotong royong melalui akhbar-akhbar, radio, banting dan juga pamflet secara berterusan setiap kali diadakan program-program tersebut.

ii. Mengadakan ceramah-ceramah dan juga bengkel-bengkel yang berkaitan dengan budi bahasa, nilai-nilai murni dan semangat gotong royong, di sekolah-sekolah, agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan ataupun NGOs.

iii. Menggalakkan dan membantu pertubuhan sukarela kebudayaan bagi menganjurkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan nilai-nilai murni dan melibatkan pelbagai kaum.

iv. Semua program di atas adalah bertujuan bagi menyemarakkan aspek budi bahasa, nilai-nilai murni dan juga semangat gotong royong.

v. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Johor telah mengambil langkah-langkah untuk menyemarakkan amalan budi bahasa, nilai-nilai murni dan semangat gotong royong itu melalui beberapa program. Antaranya Program Merakyatkan Seni dan Budaya ataupun PMS di pelbagai kawasan bagi Negeri Johor. Sebanyak 13 program telah di jalankan iaitu melibatkan kawasan seperti berikut; PMS kawasan perumahan, 2 program; PMS kawasan komuniti beruniform, 2 program; PMS kawasan setinggan, 1 program; PMS kawasan luar Bandar, 5 program; PMS kawasan FELDA, 1 program; PMS kawasan IPTA ataupun IPTS, 1 program dan PMS 1Malaysia, satu program, yang kesemuanya berjumlah 13 program yang telah pun dilaksanakan.

vi. Melalui Program Merakyatkan Seni dan Budaya ini. Selain dari memupuk semangat gotong royong, muafakat dan kerjasama yang menjadi amalan murni masyarakat. Ia juga bertujuan untuk merapatkan hubungan dan interaksi antara pemimpin dan masyarakat yang berbilang kaum, ke arah melahirkan masyarakat yang penyayang dan seterusnya mengeratkan lagi perpaduan kaum mengikut acuan 1Malaysia. Untuk makluman, antara pengisian program ini ialah menghidupkan aktiviti adat istiadat pelbagai kaum, mengekalkan tradisi kunjung mengunjung, kerja-kerja gotong-royong bersama antara kaum, kenduri yang dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat

setempat, pelbagai jenis permainan tradisional dan persembahan kesenian pelbagai kaum ke arah mengukuhkan masyarakat 1Malaysia yang berbudi luhur, hormat menghormati dan dapat mengamalkan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat.

viii. Walaupun usaha yang telah dan akan dibuat, namun sikap berbaik sangka dan kesedaran serta keikhlasan dalam mengamalkan budi bahasa dan nilai-nilai murni oleh setiap individu masyarakat akan lebih berkesan dan mempercepatkan lagi hasrat kerajaan untuk mengukuhkan aspek budi bahasa, nilai-nilai murni dan semangat gotong royong di kalangan masyarakat.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Kahang.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Saya ucapkan terima kasih di atas jawapan tadi. Walaupun dari segi teori memang nampak lengkap berdasarkan program-program yang dijalankan. Tetapi secara praktikal, saya percaya masalah-masalah ini masih lagi berleluasa dan masih lagi tidak dapat dibendung di peringkat akar umbi. Jadi adakah pihak jabatan bercadang untuk menjalankan program bersepadu dengan jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pelajaran, Perpaduan, Belia, PDRM dan sebagainya. Supaya impak daripada program-program ini akan memberi kesan yang lebih mendalam di peringkat akar umbi. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya program-program tersebut kita masukkan juga di dalam program ini antara jabatan-jabatan dengan masyarakat setempat. Iaitu dengan usaha sama yang dijalankan oleh jabatan dengan NGOs-NGOs. Dan juga boleh juga, kita jabatan di dalam Program Merakyatkan Seni dan Budaya ini juga, kita juga ada program pendekatan masyarakat dengan agensi-agensi tersebut dengan kita mengadakan pameran, dengan mengadakan sesi dialog dan sebagainya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

Y.B. Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker Soalan nombor 10.

Bolehkah pihak-pihak berkuasa tertentu memberi maklumat terperinci mengenai bantuan-bantuan yang boleh diperolehi daripada mereka untuk golongan seperti berikut – Ibu tunggal, OKU, orang tua yang kehilangan tempat bergantung dan pemuda yang memerlukan modal perniagaan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor mempunyai beberapa skim bantuan kewangan bulanan jabatan yang sedang dikuatkuasakan pada masa ini dengan kadar-kadar bantuan yang telah ditetapkan. Tujuan bantuan tersebut diberi adalah bagi mengatasi dan meringankan beban kewangan keluarga yang terlibat akibat terputusnya mata pencarian sama ada disebabkan masalah kewangan, penceraian, kematian, kurang keupayaan, sakit dan masalah-masalah yang lain. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor mempunyai garis panduan standard, bagi pertimbangan bantuan kepada pemohon yang terdiri daripada kumpulan sasar jabatan. Setiap permohonan akan disiasat mengikut Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan dan mengikut garis panduan serta pekeliling semasa. Di antara bantuan-bantuan kewangan yang telah diberikan, yang boleh diberikan kepada ibu tunggal, OKU, orang-orang tua dan berkeperluan :

i. Bantuan Kanak-Kanak (BKK).

Bantuan ini diberi kepada ibu-ibu tunggal yang terputus mata pencarian dan berkeperluan dan mempunyai anak dalam tanggungan umur antara satu hari hingga 18 tahun. Bantuan yang diluluskan adalah sebanyak RM100.00 sampai RM450.00 bergantung kepada ramainya anak bawah tanggungannya. Dan setakat ini BKK Negeri Johor telah memberi kepada 6,137 orang penerima melibatkan RM2,048,000.00 Dan bagi kes-kes penerima bantuan Jabatan Kebajikan yang terdiri daripada golongan ibu tunggal yang berminat dan berkebolehan untuk memajukan ekonomi keluarga mereka, boleh disalurkan bantuan geran pelancaran, *launching grant* dengan izin, sebanyak maksimum RM2,700.00 sekali gus, sebagai modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan. Sehingga kini kita telah memberi kepada 66 orang penerima melibatkan RM178,200.00.

ii. Orang-Orang Kurang Upaya.

Golongan Orang Kurang Upaya juga layak menerima bantuan dari jabatan ini, dan ia adalah sebagai galakan atau insentif untuk mereka berusaha memajukan diri mereka sendiri. Selain itu, jabatan juga membantu mereka dengan bantuan kewangan bulanan sama ada OKU tidak berupaya untuk bekerja. Semua pertimbangan ini adalah bagi OKU yang berdaftar dengan jabatan dan memenuhi kriteria kelayakan dan syarat-syarat permohonan layak untuk membuat permohonan bantuan seperti di bawah Elaun Pekerja Cacat. OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat berumur 16 tahun ke atas. Bekerja dengan pendapatan bulanan di antara RM20.00 sehingga RM1,200.00 sebulan dan tidak tinggal di institusi-institusi yang disediakan kemudahan dan sebagainya, dan boleh memohon EPC ini, Elaun Pekerja Cacat. Dan

setakat ini, kita telah penerimanya adalah sebanyak 3,065 orang melibatkan RM6,230,000.00.

iii. Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja. Jadi, OKU sedemikian, jabatan juga mempunyai sumber, apa tu, yang mempunyai sumber pendapatan tidak melebihi garis, paras garis kemiskinan iaitu tidak melebihi RM720.00, jadi sumber pendapatan di sini adalah merujuk kepada sumber-sumber pendapatan, apakan mereka ini menerima pencen, terbitan pencen bulanan, PERKESO dan sebagainya. Dan antara berumur 18 tahun hingga 59 tahun. Dan mereka ini, kebajikan, mereka ini diberi RM150.00 sebulan. Hingga Oktober 2009 ini, penerimaannya adalah seramai 674 orang melibatkan RM135,450.00.

iv. Bantuan Am Tiruan atau Sokongan. Jadi, permohonan bagi bantuan di atas adalah bagi OKU yang berdaftar dengan JKM. Had syiling pendapatan isi rumah adalah tidak melebihi RM720.00 sebulan dan disyorkan oleh pegawai perubatan. Kita setakat ini kita telah memberi penerima seramai 240 orang melibatkan RM470,870.00 juga bantuan geran pelancaran seperti yang tadi, kita bagi juga 2,700 penerima.

v. Penjagaan Pesakit Terlantar. Ini kita kasi RM300.00 sebulan kepada orang yang menjaga pesakit terlantar ini. Setakat ini seramai 1,557 orang penerima melibatkan RM2,000,913.00. Bantuan Orang Tua juga yang berumur 60 tahun ke atas yang tiada mata pencarian untuk menyara hidup mereka dan tiada keluarga atau saudara mara yang tidak mampu memberi sumbangan kepada mereka. Setakat ini di Johor seramai 6,860 orang penerima melibatkan RM2,519,000.00. Yang Berhormat juga menanyakan pemuda yang memerlukan modal perniagaan, kita tak ada khas wang untuk memberikan kepada mereka. Walau bagaimanapun kita akan, kita hanya memberi bantu dalam segi khidmat nasihat dan membantu merujukkan kepada agensi-agensi yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Mengkibol.

Y.B. Encik Ng. Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih. Saya amat kasihan kepada ibu tunggal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha, ha.

Y.B. Dato' Speaker : Muda ke tua?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ramai, ramai ibu tunggal lepas suami ceraikan dia lepas tu anak bagi dia lepas tu tak dapat suami tidak akan menanggung. Saya nak tanya jabatan berkenaan adakah macam mana cara boleh ambil tindakan undang-undang ke apa, nak campur tangan supaya boleh membantu, membantu ibu tunggal. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih kerana prihatin terhadap ibu-ibu tunggal. Walau bagaimanapun, soalan Yang

Berhormat bukan untuk kepada Kebajikan Masyarakatlah. Kita hanya membantu kalau ibu-ibu tunggal ini tiada sumber perniagaan. Tentang *legal site* ke, kita bukan, bukan , kita hanya memberi khidmat nasihat sahaja kepada ibu-ibu tunggal ini di mana dia akan mengadukan hal mereka. Walau bagaimanapun, Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya membantu kalau yang ditinggalkan itu tak ada duit untuk sewa rumah dan sebagainya, anak 6 orang 7 orang, itu salah lelaki jugalah kenapa tinggal. Patutnya suami bertanggungjawab sekalilah. 7 orang bayangkan, jadi kita bagi bantuan kanak-kanak. Jadi, kalau 7 orang kita kasi maksimum RM450.00. Kalau anak 3 orang kita kasi RM300.00 lah. Maksimum *is* RM450.00.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Walau bagaimanapun, kita bantulah dari apa segi yang patut boleh kita berikan kepada ibu-ibu tunggal tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Permas Jaya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas Jaya) : Terima kasih Dato' Speaker, terima kasihlah Yang Berhormat Exco yang telah menjawab tentang pelbagai bantuan yang telah diberi oleh Jabatan Kebajikan. Tetapi sering kali kita menerima aduan bahawa masa yang diambil oleh pihak jabatan itu agak panjang kadang kala sehingga 6 bulan belum dapat bantuan.

Y.B. Dato' Speaker : Hui.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas Jaya) : Selepas permohonan ini dibuat. Dan ada juga kes-kes yang mana selepas siasatan oleh pegawai-pegawai mereka tidak diberitahu sama ada permohonan mereka diluluskan atau tidak. Adakah pihak jabatan bercadang untuk menetapkan satu masa yang tepat supaya mereka yang mohon itu boleh disiasat dan diambil keputusan sama ada permohonan itu diluluskan atau tidak. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor ni memang dah dapat ISO, jadi kita ada garis panduan kita daripada mula dapat apa tu, aduan kepada kita siasat tidak memakan waktu yang lama. Jadi, insya-Allah kita akan mengemaskinikan supaya yang telah disiasat akan menerimalah apa keputusan. Kadang-kadang setelah kita pergi turun bawah siasat, mereka ni tidak layak untuk menerima bantuan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, justeru itulah kadang-kadang anak dah ada dah ramai dah boleh kasi bantu ibu bapa ini, jadi justeru itulah kita tak beri bantuan.

Y.B. Dato' Speaker : Macam Yang Berhormatlah, ibu tunggal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Takkan nak beri bantuan lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kalau Dato' nak kasi boleh juga.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Saya kasi lain. (Dewan ketawa). Ok, dah habis masalah, dah terlewat banyak, saya nak kasi peluang nanti orang nak berucap. Mana-mana soalan yang di senarai yang belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum diteruskan saya ada menerima satu surat usul daripada ADUN Skudai bertarikh 4 November berkaitan dengan Peraturan dan Tatacara Dewan Negeri Johor yang bersidang yang lalu berkaitan pindaan Undang-Undang Tubuh. Saya telah melihat dan meneliti perkara ini dan juga membaca kembali teks-teks ucapan Ahli Yang Berhormat dalam persidangan yang lalu terutama ucapan ADUN Skudai dan ADUN Senai. Maka saya dapati ini telah melanggar Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Fasal 37 dan juga Fasal 60 yang mana tiap-tiap satu rundingan berkehendakkan di bawa kepada sebuah jawatankuasa pilihan, maka ia hendaklah dibuat secara serta merta selepas sahaja Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua, tetapi Ahli Yang Berhormat tidak berbuat demikian, bahkan, selepas sahaja saya kemukakan kepada Dewan untuk bacaan kali yang ketiga dan seterusnya telah diluluskan Dewan dan mendapat persetujuan dengan Ahli-Ahli yang boleh dikata 23 keseluruhan Ahli Dewan yang ada ini telah pun memberikan persetujuan, maka barulah Ahli Yang Berhormat dari Senai bangun dan kemukakan satu rundingan untuk tujuan tersebut. Dan ini tidak mengikut Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Fasal 37 dan juga Fasal 60.

Yang Berhormat, itu sahaja, saya cuma nak mengingatkan Yang Berhormatlah ya, bila membuat satu usul, baca baliklah peraturan eh. Dia bukan tak boleh, boleh, ada peraturan. Tetapi bila kata keputusan telah dibuat, Ahli yang bersetuju dan tidak bersetuju bila pula selepas dah dapat keputusan baru dia bangun, itu tak kena. Terutama kalau bacaan kali yang ketiga. Begitu jugalah saya cakap Yang Berhormat yang menyokong pun kena tengok jugalah, jangan nyokong sajalah eh.

Ini saya lihat banyak kali perkara ni seolah saya melarang. Saya tak pernah melarang Ahli Yang Berhormat nak bercakap ke nak apa buat usul ke, boleh. Saya ikut peraturan ya. Tapi, kalau dah berlaku, jangan dijadikan satu perkara seolah Speaker tak beri izin, besok keluar surat khabar Speaker tak izin, padahal benda tu saya ikut peraturan, saya ikut undang-undang yang tidak membolehkan. Ini kadang perkara yang macam ini dihebohkan seolah Speaker, saya ni tak pernah langsung nak beri peluang kepada, takde, saya beri peluang asal benda tu betul. Boleh berucap, boleh bawa usul, tapi ikut

peraturan. Tapi, jangan lepas tu buat *statement* pula seolah Speaker menghalang Ahli Dewan. Ini saya akan lihat, kalau perkara itu timbul lagi, kalau benda tu dibuat mengikut peraturan dan saya putuskan berdasarkan peraturan dan kalau Yang Berhormat bangkit juga di luar Dewan, saya akan bawa perkara ini balik kepada Dewan untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Yang betul saya tak kisah. Saya dah cakap, yang betul, *Go ahead*, jalan, tak ada benda, insya-Allah. Saya bukan orang yang bersifat dengki atau ada perasaan yang tidak baik, tak ada eh. Jadi, saya ingat semua, bukan sahaja kepada Yang Berhormat yang bangkit tetapi semua Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang ini. Ok, perbahasan… Ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan bahawa menurut Perintah Tetap 112 (2) maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam rang Undang-Undang ini. Perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan 2010 tahun 2009 dimulakan sekarang. Jemput, siapa nak berucap.

Y.B. Encik Ja'afar bin Hashim (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, dimulakan dengan ucapan salam persidangan, salam perpaduan dan salam 1Malaysia kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya memulakan Perbahasan Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Johor yang Ke-12 ini bagi membahaskan bajet 2010 Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim. Bajet 2010 yang bertemakan 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama' yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada hari Khamis, 19 November 2009 yang lalu, bolehlah saya katakan sebagai satu bajet dari sebuah kerajaan yang memikirkan bagaimana bajet ini mampu membantu rakyat. Bajet yang membela segenap kelompok masyarakat, bajet yang seboleh mungkin menyentuh setiap nadi dan kudrat. Bajet yang dibuat bukan untuk kepentingan beberapa kerat, bajet ini juga bukan untuk penyedap agar pemimpin dapat berehat, bajet ini sebenarnya bajet menunjukkan yang dibawa oleh pemimpin yang bekerja kuat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bajet yang dibentangkan selama hampir 2 jam 31 minit itu juga mempunyai banyak perenggan dan frasanya yang menunjukkan betapa halus dan terperincinya langkah yang akan diambil bagi melaksanakan dan menjayakan agar keberhasilannya nanti membuat rakyat keseluruhannya di Negeri Johor ini mampu tersenyum dan lega, termasuklah dari pemimpin yang dikatakan pembangkang. Melihat dari segi cara bajet ini dipersembahkan dan bagaimana kaedah dan pelaksanaannya, jelas kelihatan bahawa bajet ini diasaskan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dengan izin, *National Key Result Area*. Bagi pembentukan Model Ekonomi Baru yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak. Suatu penekanan yang diberikan terhadap langkah merangsang pertumbuhan ekonomi daripada satu negara yang berpendapatan sederhana kepada negara yang berpendapatan tinggi. Ini dapat dilakukan dengan penekanan khusus kepada kreativiti, inovasi dan aktiviti nilai tambah yang tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kehebatan yang ada pada Perdana Menteri yang ke-6 ini yang membawa gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan,

Pencapaian Diutamakan" telah menjadikan kehadiran beliau di Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) baru-baru ini di Singapura disifatkan sebagai bintang APEC. Apabila Presiden Bank Dunia, Robert Zeollick bertanya, cara bagaimana ekonomi global harus ditangani. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib dengan nada ringkas menjawab, di luar, di pertingkatkan pedagang bebas dan di peringkat domestik menggunakan kaedah Model Ekonomi Baru.

Model Ekonomi Baru yang diterjemahkan di sidang kemuncak APEC itu lebih berasaskan kepada inovasi, sumber-sumber pertumbuhan baru, perubahan struktur dan pengukuhan penyertaan domestik. Formula kejayaan pembangunan negara 50 tahun dahulu, tidak boleh menjamin sepenuhnya kecemerlangan ekonomi di masa hadapan. Model Ekonomi Baru akan mengambil kira persekitaran global yang telah berubah menjadi lebih kompetitif serta mengenal pasti dan merebut peluang-peluang baru yang ada.

Itu sebab, Yang Berhormat Dato' Speaker, puisi Melayu ada menyebut dalam sebahagian frasanya yang berbunyi, "kita bukan lagi bangsa yang daif berfikir, kita bukan bangsa yang menyerah pada takdir, kita bukan bangsa yang dibelenggu kerana fakir, kita juga bukan bangsa yang menolak teknologi canggih, kita bukan lagi bangsa yang rela hidup dijajah dan ditengking, kita juga bukan bangsa yang berjiwa kerdil, kita adalah warga dunia yang bermaruah tinggi dan berdarjat mulia".

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui 6 bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu pencegahan jenayah, memerangi rasuah, memperluas akses pendidikan berkualiti, peningkatan hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan menambah baik pengangkutan awam ini, maka Bajet 2010 Negeri Johor ini akan menterjemahkan secara langsung ke peringkat akar umbi yang begitu banyak manfaat yang bakal diterima oleh rakyat Johor. Contohnya, dalam Bajet 2010 ini, proses pembayaran bantuan rakyat miskin dan miskin tegar akan diperkemaskan agar dapat disampaikan pada hari pertama setiap bulan. Pembinaan rumah rakyat miskin dan miskin tegar terus ditambah dengan peruntukan RM4 juta. Syarikat Air Johor yang diterajui oleh kerajaan yang ada akan memberi rebat sebanyak 20 meter padu air pertama kepada golongan miskin tegar dan 10 meter padu air pertama kepada golongan miskin.

Meningkatkan mutu perkhidmatan bas, menurap jalan kampung lebih 50 meter, menyediakan bekalan elektrik 24 jam ke setiap rumah luar bandar terutama di kawasan kampung tradisional dan perkampungan Orang Asli. Pendek kata, segala bentuk kemudahan asas yang diperlukan akan disempurnakan sepenuhnya pada tahun 2010 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun kalau dilihat di dalam pembentangan Bajet 2010, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyentuh terhad ekonomi dunia yang merosot kepada -1.7% dan ekonomi Malaysia mengalami penguncupan sekitar 3% dan Negeri Johor juga menerima kesan krisis ekonomi dunia dan Malaysia ini apabila peratus perubahan KDNK menguncup sekitar 2.7% tetapi pembelaan terhadap rakyat tetap dilaksanakan. Dengan jumlah penduduk Negeri Johor ini yang dianggarkan mencecah jumlah 3,383,600 orang dengan kadar pertumbuhan penduduk 2.2% sejak tahun 2005,

sudah barang tentu bajet ini ingin mencakupi keseluruhan jumlah penduduk tersebut. Ini memang menjadi hasrat setiap Wakil Rakyat dari Barisan Nasional sejak dahulu lagi. Strategi bajet 2010 Negeri Johor juga yang menggariskan 4 perkara, memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan berintegriti, memacu ekonomi negeri ke arah negara maju berpendapatan tinggi, menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup dan meningkat daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman cukup kita kagumi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara. Kerajaan mewujudkan kaunter laluan hijau di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor misalnya, sebagai satu langkah bijak Kerajaan Negeri bagi meningkatkan mutu perkhidmatan agar kelulusan pemprosesan tanah boleh diselesaikan untuk satu tempoh satu hari sahaja. Langkah berani Kerajaan Negeri juga diperlihatkan melalui pelepasan pembinaan unit rumah kos rendah tidak kurang 50% daripada syarat sedia ada. Mungkin ramai pemaju bergembira mendapat dapat berita ini. Hubungan baik Pejabat Tanah dan Galian Johor dengan pemaju perumahan terus disokong Kerajaan Negeri dalam menjana hasil pertumbuhan sektor pembinaan di mana PTD Johor bersedia untuk memendekkan tempoh permohonan Serah Balik Kurnia Semula (SBKS) untuk projek berimpak tinggi ini daripada 6 bulan kepada 3 bulan sahaja. Strategi ini bagi merancakkan lagi penawaran harta tanah yang menampakkan peningkatan 2.8% kepada 62,962 unit berbanding 61,240 unit pada suku tahun yang sama tahun lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sebab ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini, jika segala strategi ini menjadi kenyataan banyak permasalahan rakyat dapat diselesaikan. Dalam Bajet 2009 yang lepas contohnya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor secara jelas menyatakan bagi menangani kelewatan proses permohonan tanah ditubuhkan satu pasukan *task force* dengan izin. Sejauh manakah keberkesanan pasukan *task force* ini? Kini, masih lagi kedengaran proses permohonan tanah lewat walaupun telah hampir setahun berlalu.

Di kawasan saya, di Batu Enam, Senggarang, ada permohonan tanah dikemukakan sejak tahun 1976 lagi tetapi tidak dapat diselesaikan kerana pertindihan permohonan. Di tanah yang sama, ada yang menanam pokok kelapa sawit, di tanah yang sama juga ada pihak lain menanam pokok limau dan di tanah yang sama juga ada orang lain menanam pokok pisang. Apabila saya bersama Yang Berhormat Ahli Parlimen, yang ketika itu masih lagi Pengerusi JPMM DUN Senggarang ingin membantu menyelesaikan permasalahan yang timbul antara kedua-dua pihak yang mendakwa tanah itu mereka yang punya, tiba-tiba satu pihak mengasah parang panjang, berkilat dan menebas daun-daun pisang sebagai tanda isyarat jika tidak berundur nahaslah.

Y.B. Dato' Speaker : Sekali apa jadi Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Speaker : Berunding, berunding.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi jiwa pahlawan sebagai cucu Wak Salleh, tetap tidak berganjak, malah

perbincangan dapat dibuat dalam suasana yang cukup harmonis sekali. Parang panjang yang diasah disimpan dengan rapi. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor ketika itu kerana walaupun sibuk dengan tugasan di Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sempat juga mengarahkan Pengarah PTG ketika itu Dato' Naim datang ke kawasan tersebut bagi menyelesaikan pertelingkahan itu. Dan kini, penduduk kaum Cina dan Melayu di situ dapat hidup aman damai. Walaupun proses permohonan tanah sebahagiannya telah dikemukakan kepada kerajaan kerana tiada permasalahan pertindihan permohonan tetapi sebahagian lagi masih dalam proses perbincangan.

Selepas menjadi Wakil Rakyat, sebanyak 3 kali saya datang ke kawasan tersebut, termasuklah malam kelmarin saya diraikan dalam majlis sambutan ulang tahun persatuan mereka yang cukup meriah dan jelas terbayang di wajah mereka tanda kegembiraan yang amat sangat, apatah lagi saya juga bersetuju untuk menyalurkan peruntukan untuk kemudahan mereka di situ.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan DUN Senggarang masih terdapat banyak permohonan yang masih tertangguh seperti itu tetapi dengan kerjasama Pegawai Tadbir Tanah dan Daerah Batu Pahat, Haji Rofiki bin Kiyai Shamsudin,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tidak payah sebut nama, jawatan saja

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, (Senggarang) : Terima kasih. Komitmennya tinggi, di Perkampungan Setinggan Segenting misalnya terdapat permohonan lesen pendudukan sementara yang di kawasan tanah rizab pantai. Kampung ini telah wujud ratusan tahun kerana dikhabarkan ketika kapal Ho Chi Minh berlayar membawa Puteri Hang Li Poh ke Melaka, pernah singgah di perkampungan ini. Kawasan perkampungan ini merupakan perkampungan tradisional kaum Cina. Saban masa dan waktu ramai pelancong dari dalam dan luar negara singgah di perkampungan ini. Sedangkan tanah yang mereka diami itu tidak sah dari segi pendudukan – dan Perundangan dan Kanun Tanah Negara. Maka dengan itu, seramai 141 keluarga membuat permohonan sejak tahun 1996 agar mereka diberi lesen pendudukan sementara. Dan saya, sebagai Wakil Rakyat kawasan tersebut membantu menyelesaikan permasalahan tersebut bersama-sama dengan Pejabat Tanah. Isu yang sama juga banyak berlaku di perkampungan Kuala Sungai Ayam, Batu Empat, Senggarang, Batu Lapan, Senggarang tetapi di manakah pasukan *task force* ini?

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah melaksanakan Program Penempatan Tersusun untuk masyarakat Orang Asli di Kampung Teluk Minyak Beku yang melibatkan hampir 65 buah keluarga. Sokongan penuh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama Yang Berhormat EXCO Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Negeri Johor akhirnya pembelaan terhadap rakyat di Kampung Teluk itu telah menunggu hampir 60 tahun termakbul sudah. Peruntukan sebanyak RM8 juta sedang digerakkan bagi kerja-kerja penambakan tanah seluas sekitar 5 hingga 6 ekar daripada keluasan 38 ekar di Kuala Sungai Banang pada paras ketinggian antara 3.3 meter hingga 3.5

meter dan pembinaan 100 unit rumah bernilai RM33,000.00 sebuah dan kerja-kerja berkaitan sedang rancak dijalankan. Adalah diharapkan di awal Tahun 2011 semua penduduk dapat tinggal di kawasan yang baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga meletakkan strategi memacu ekonomi negeri dengan mewujudkan suasana mesra kepada pengusaha PKS seperti mengurangkan bayaran perkhidmatan dan sewaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak 10% yang merangkumi sewa gerai, sewa dewan, tapak perniagaan dan bayaran perkhidmatan.

Saya percaya ramai peniaga dan pengusaha menarik nafas lega dengan adanya insentif ini. PBT juga dicadangkan untuk meluluskan lesen perniagaan yang tidak sensitif dalam tempoh 1 hari sahaja dan yang berisiko tinggi 14 hari. Cuma apa yang harus dilihat, komposisi kaum yang mampu berada di gedung-gedung perniagaan besar masih lagi dimonopoli oleh pihak tertentu. Ramai usahawan PKS yang berjaya dari segi keberhasilannya, dari segi produknya, tetapi tidak dapat memasarkan produk mereka di tempat-tempat yang strategik.

Maka dengan itu, saya amat bersetuju usaha kerajaan di samping membantu meningkatkan kualiti produk, aspek promosi dan pemasaran wajar diambil kira, menempatkan produk usahawan di Warisan Kraf dan *Hypermarket* melalui ekspo bertaraf antarabangsa, mewujudkan agro bazar K-Shoppe amat dialu-alukan. Kalau tidak, produk PKS hanya mampu berada di gerai-gerai usang tepi jalan, di bazar-bazar MARA, pasar malam, pasar lambak dan yang kalau mungkin mempunyai kekuatan modal sendiri membuka ruang niaga mereka sendiri seperti di Azhar Food di Rengit dan Salleh Food di Senggarang dan sebagainya.

Di sektor pelancongan, Kerajaan Negeri juga dilihat menggunakan kaedah sebaik mungkin peluang dan ruang yang ada apatah lagi Negeri Johor menjadi pintu masuk dari wilayah Selatan. Kemudahan akses sama ada melalui laut, udara dan daratan ke Johor ini sedang giat dipertingkatkan, seperti menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Kemerosotan pelancong khususnya dari warga asing ke Negeri Johor ini daripada 17,741,347 orang menurun kepada 11,239,315 orang, penurunan sebanyak 37% ini adalah bersifat sementara kerana terdapatnya gejala wabak H1N1 sebelum ini. Maka dengan itu, produk-produk baru pelancongan harus dicari dengan meningkatkan mutu perkhidmatan, kebersihan, keselamatan dan kemudahsampaian ke destinasi pelancong.

Saya ingin mencadangkan sebuah pusat riadah berpusat dan pakej pelancongan yang pelbagai dapat dibangunkan khususnya di kawasan-kawasan yang berpotensi tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor mempunyai potensi yang cerah menjadikan negeri maju seiring dengan hasrat menjadikan negara maju menjelang tahun 2020. Kerajaan dan rakyat perlu berganding bahu seumpama benteng yang kukuh, dengan izin, Bunyanun Marsus,

Y.B. Dato' Speaker : Emm, tak dengar.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Bunyanun Marsus.

Y.B. Dato' Speaker : Bunyanun?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Bahasa Arab.

Y.B. Dato' Speaker : Betul ke tu bahasa Arab, Bunyanun?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Dalam usaha meningkatkan produktiviti…

Y.B. Dato' Speaker : Kawan tahu lain bunyinya.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Kita perlu meningkatkan pendapatan per kapita, dengan izin, USD7,000.00 kepada USD12,000.00.

Y.B. Dato' Speaker : Fuh, yang itu Yang Berhormat memang lancar ya. US Dollar.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Kerajaan perlu membuka ruang seluas-luasnya kepada semua kelompok masyarakat bagi menerokai laluan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Pertumbuhan ekonomi turut diterajui oleh pihak swasta yang lebih dinamik. Saya bersetuju agar satu penilaian semula terhadap dasar yang kurang kondusif dibuat untuk menjana kegiatan ekonomi agar lebih dinamik dan praktikal. Kaedah baru harus diketengahkan. J-Biotech yang mengorak langkah memperkasa bidang Bioteknologi amat dibanggakan. Melalui Pelan Cadangan Pembangunan Agri Bioteknologi iaitu pembukaan Lembah Pemakanan Organik, memasarkan produk berasaskan teknologi mikrob seperti EM, dengan izin, *Effective Microorganism*, dan sebagainya, sebagai contoh proses penerokaan yang berdaya maju.

Langkah Kerajaan Negeri membangunkan MSC Cybercity di Kulaijaya juga harus dipuji. Penggunaan teknologi terkini dapat memastikan PKS kita akan terus memperolehi daya saing dan daya tahan. Dewasa ini, sistem pemasaran tidak lagi tertumpu kepada penukaran mata wang dan barangan yang bersifat konvensional. PKS perlu bersaing dalam perkembangan global masa kini agar dapat memastikan PKS bergerak sepanjang rantaian nilai tambah. Itu sebab, menurut Pengerusi SMIDEC, bahawa pembangunan PKS yang berdaya saing adalah komponen penting dalam visi dan matlamat kerajaan bagi mencapai pertumbuhan mantap ke arah matlamat negara maju menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 21 November 2009 yang lalu, iaitu baru dua hari lepas, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merasmikan Agro Johor 2009 dalam suasana yang cukup meriah. Hari pertama sahaja pembukaan ekspo ini telah dikunjungi lebih 5,000 orang, menurut EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor. Tapak pertanian moden di Ayer Hitam ini bakal dijadikan tapak kekal untuk menghimpunkan kumpulan

penternak, nelayan dan peladang Negeri Johor bagi mempamerkan kejayaan produk masing-masing.

Cuma apa yang saya fikirkan ketika majlis tersebut, Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menyebut tentang kejayaan Pertubuhan Peladang Negeri Johor yang sering meraih anugerah dalam pelbagai kategori di peringkat kebangsaan, tetapi pada hakikatnya pegangan saham ahlinya masih di tahap yang rendah. Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan sekitar tahun 1980-an sehingga kini telah mempunyai hampir 290 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Keahlian PPK yang didaftarkan di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) seluruh negara menjangkau 750,000 orang. Jumlah pegangan nilaian saham seluruh PPK ialah sekitar RM90 juta atau puratanya hanya RM125.00 bagi setiap peladang. Nilai pegangan saham ini nyatalah amat rendah sekali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, andai kata diwajibkan setiap peladang mesti mempunyai saham sebanyak RM1,000.00 setiap seorang, maka sudah tentu jumlah modal terkumpul boleh mencecah RM750 juta dengan keahlian seramai 750,000 orang itu. Dengan dana yang terkumpul yang begitu besar yang datangnya dari ahli-ahli sendiri, maka pelbagai projek yang berskala besar dapat diceburi. Adalah tidak mustahil para peladang kita mampu juga untuk memiliki sebuah bank mereka sendiri yang kita namakan mungkin Bank Peladang sama seperti Bank Rakyat. Apa yang berlaku kini, ada peladang telah menjadi ahli di unit-unit peladang di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan selama lebih 20 tahun tetapi nilai pegangan sahamnya berada di tahap yang paling minimum iaitu RM50.00 sahaja, iaitu syarat masuk menjadi ahli peladang.

Maka satu kaedah atau pendekatan boleh difikirkan bagi memungut kepada setiap ahli bagi menambah saham mereka sekurang-kurang RM10.00 sebulan, selama 10 tahun, dapatlah dikumpulkan nilai sahamnya, RM1,000.00 setiap peladang. Ini juga berlaku pada banyak persatuan yang berasaskan aktiviti ekonomi mereka seperti Persatuan Nelayan, Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil dan pelbagai lagi. Mentaliti daripada yang hanya mahukan subsidi dari kerajaan yang tidak pernah putus-putus termasuk yang terkini subsidi beras untuk rakyat iaitu SUBUR agar dapat diubah kepada memberi motivasi dan semangat untuk berjaya atas inovasi mereka sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika ini dapat dilaksanakan, taraf kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah dapat dipertingkatkan. Memang benar, 'beras secupak tidak akan jadi segantang, jika tidak diusahakan apa-apa'. 'Sesuatu kaum itu juga tidak akan berubah jika kaum itu sendiri tak mahu berubah'. Pelbagai pendekatan diambil melalui Bajet 2010 yang dibentangkan.

Dari segi keselamatan, dari segi kesejahteraan rakyat, soal keselamatan juga tidak boleh dipandang remeh. Walau pun Johor Bahru sering dilabelkan tidak selamat oleh sebuah negara jiran walhal rakyat mereka juga ramai yang selamat dari yang tidak selamat apabila berada di negeri ini. Negeri Johor juga telah mengambil daya inisiatif keselamatan seperti meningkatkan anggota polis seramai 300 orang di Nusajaya menjelang tahun hadapan, mewujudkan Pos Polis Komuniti, memperkasa masyarakat sivil melalui penyertaan dalam RELA,

Rakan Cop dan Rakan Anti Dadah. Saya juga amat bersetuju jika cadangan pembinaan Markas Kem PGA di Minyak Beku dilaksanakan agar keselamatan perairan Selat Melaka yang tersibuk di dunia berada dalam pengawasan pasukan keselamatan kita.

Di kawasan luar bandar kini telah diwujudkan SRS, Skim Ronda Sukarela yang ternyata mengurangkan indeks jenayah di kawasan-kawasan yang menubuhkannya. Di DUN Senggarang terdapat hampir 12 kampung yang telah berjaya mewujudkan pasukan SRS ini. Cuma apa yang menjadi kesulitan sukarelawan ini, mereka hanya menggunakan pondok bas, anjung surau dan warung sebagai tempat mereka berkumpul dan bertugas. Ada juga yang menggunakan kayu-kayu terpakai untuk membina pondok yang digunakan untuk berkawal. Kemudahan asas seperti tandas dan bilik air tidak ada, itu sebab ada sesetengah kampung, aktiviti kawalan kampungnya tidak dapat diteruskan kerana kekurangan anggota kerana apabila yang terpaksa balik ada qada' hajat iaitu buang air kecil atau buang air besar akhirnya tidak datang semula bertugas. Maka dicadangkan satu peruntukan khas juga diperlukan bagi menyediakan pos kawalan untuk pasukan SRS ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh tentang peningkatan kualiti alam sekitar, saya amat bersetuju terhadap penyediaan Pelan Induk Alam Sekitar yang dimestikan pembangunan lestari bagi menjamin kesejahteraan, keselamatan dan keselesaan hidup rakyat. Program-program Jabatan Pengairan dan Saliran terutamanya dalam menangani masalah banjir amat saya alu-alukan. Ini disebabkan hampir 60% kawasan DUN Senggarang, muka hadapan tanahnya menghadap laut, iaitu Laut Selat Melaka. Bermula dari Semerah sepanjang pantai di kawasan DUN Senggarang hingga ke Punggor, kawasan ini mengalami kesan hakisan pantai yang teruk.

Hasil perkongsian bijak antara JPMM DUN Senggarang dengan UTHM, satu kajian terperinci telah dijalankan oleh sepasukan pakar dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang diketuai oleh Dekan yang juga merupakan Ketua Penyelidik.

Sebelum kajian ini dimulakan, satu perbincangan dan mesyuarat telah dibuat bersama dengan Pengarah JPS Negeri Johor. Kajian meliputi dari Pulau Tikus di muara Sungai Kores hingga ke Pantai Punggor yang meliputi sepanjang 14 kilometer. Kajian yang bermula awal bulan Jun 2009 hingga Ogos 2009 didapati struktur benteng di beberapa tempat berada dalam keadaan yang sangat-sangat lemah dan pada bila-bila masa sahaja sebarang kemungkinan boleh berlaku terutamanya waktu air pasang besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, laporan kajian tersebut telah pun siap dengan menyatakan beberapa cadangan bagi tujuan jangka panjang dan jangka pendek. Kaedah pemecah ombak dan dalam masa yang sama memerangkap lumpur juga dicadangkan. Dalam masa terdekat ini, saya akan menghantar hasil kajian ini kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan agar satu tindakan dapat diambil secara lebih holistik. Kawasan yang bakal diselamatkan ini mempunyai keluasan sekitar 15,000 hektar dengan jumlah hampir 20,000 orang.

Ketika banjir yang melanda di akhir tahun 2006 hingga ke awal tahun 2007 yang lalu, kerugian harta benda rakyat melebihi RM500 juta. Bantuan yang disalurkan oleh kerajaan melebihi RM60 juta. Kaedah Bantuan Wang Tunai RM200.00 sekeluarga, banjir pertama, RM200.00 selepas banjir gelombang kedua, tambahan RM500.00 lagi apabila mereka balik ke rumah, pampasan RM2,000.00 sehektar untuk sayur-sayuran, RM1,000.00 sehektar untuk tanaman buah-buahan, RM700.00 bagi ternakan seekor lembu dan RM1,500.00 untuk pembiakan akuakultur. Sebegitu besar kerugian kerana banjir besar tersebut apatah lagi jika bencana yang lebih dahsyat berlaku, tidak mustahil. Peristiwa benteng pecah, air masin menderu masuk ke kawasan perkampungan dan kebun telah berlaku beberapa kali sejak awal tahun 70-an dan awal 80-an. Masih terbayang di mata saya Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila peristiwa itu berlaku ramai yang menangis kerana tidak mampu berbuat apa-apa. Hanya melihat daun pokok pisang bertukar kekuningan, kebun diratah dek air laut yang menderu tanpa henti. Nyawa dipertaruh untuk pertahan segala yang ada, jeritan dan pekikan sayup kedengaran. Pasir seguni diharap dapat ditampung lubang benteng yang sudah merekah. Begitulah dahsyatnya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jutaan terima kasih juga diucapkan di atas keprihatinan kerajaan khususnya bagi meningkatkan kualiti tenaga pengajar bagi membentuk generasi berilmu. Elaun guru tadika agama dinaikkan daripada RM500.00 sebulan kepada RM800.00 sebulan. Begitu juga elaun guru-guru KAFA yang mendapat suntikan tambahan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM100.00 sebulan yang masing-masing menerima antara RM112.00 sebulan hingga RM312.00 sebulan selain menerima elaun daripada Kerajaan Persekutuan. Pembinaan 121 buah sekolah agama secara serentak melalui insentif pembiayaan swasta amat dialu-alukan. Kesesakan yang berlaku di Sekolah Agama Kerajaan Johor hari ini sudah mencapai ke tahap yang kritikal. Jika bilangan murid yang berada di pendidikan Sekolah Kebangsaan seramai 700 orang maka bilangan murid yang sama jugalah yang akan mendapat pendidikan agama di Sekolah Agama Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rata-rata di Negeri Johor ini sekolah agama dijalankan dalam dua sesi sebelah petang. Kemudahan yang berada di sekolah agama juga amat terhad dan jika belum ada bangunan sendiri menumpang di sekolah kebangsaan atau bangunan sudah lama yang walaupun tidak selamat digunakan tetapi masih terus digunakan. Di DUN Senggarang, terdapat masih ada lagi 3 buah sekolah agama yang menumpang dan menggunakan bangunan lama. Bajet 2010 ini juga tidak lupa dalam soal membela kaum wanita, memperkasa peranan NGO, mempertingkat pembangunan sukan dan membangunkan belia yang berkualiti. Kesungguhan Kerajaan Negeri dalam membela semua kelompok daripada pelbagai peringkat amatlah dipuji termasuklah memperuntukkan 1% peluang pekerjaan di sektor awam untuk orang kurang upaya yang akan diuruskan melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

Akhirnya, walaupun Bajet Negeri Johor 2010 merupakan bajet defisit tetapi bajet ini banyak memberi faedah kepada seluruh daerah dan wilayah seterusnya mencakupi setiap denyut nadi rakyat. Bersatu tenaga, sejahtera bersama jelas menunjukkan segenap anggota masyarakat di Negeri Johor baik dari golongan

mana sekali pun harus menggembleng tenaga dan idea bersama-sama agar kerajaan tidak terbelenggu terhadap apa jua ancaman apatah lagi dalam menangani krisis ekonomi masa kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kerana membenarkan saya membahaskan usul ini. Dengan izin Allah SWT saya mohon mencadang. Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker: Ha, bagus. Ok, perbahasan diteruskan lagi jemput Ahli Yang Berhormat. Oh… Pemanis.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi ruang dan peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Bajet 2010 di Dewan yang mulia ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kerana telah berjaya membentang Bajet 2010 yang holistik sepanjang 63 muka surat, mengambil masa 2 jam setengah. Apa yang saya nampak, Bajet 2010 yang bertemakan Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama agak menyeluruh dan holistik. Mengambil kira banyak aspek termasuk perkembangan prestasi ekonomi akhir suku tahun 2009 – 2010 yang semakin meyakinkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berikutan dengan Bajet Defisit 2008 – 2009, tiga tahun berturut-turut, Bajet 2010 merupakan satu lagi bajet defisit. Walau bagaimanapun, terdapat pengurangan defisit daripada RM2.75 juta bagi Bajet 2009 ke RM1.5 juta Bajet 2010 iaitu pengurangan sebanyak RM1.25 juta. Ini menunjukkan satu kemajuan dan satu petanda yang amat baik yang disokong oleh keadaan ekonomi yang semakin meyakinkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa membentangkan Bajet 2008 dan 2009, negara kita berdepan dengan krisis ekonomi dunia iaitu peningkatan harga minyak mentah, ketidaktentuan ekonomi dunia dan negara serta ketidakstabilan politik negara selepas Pilihanraya Umum 2008. Akan tetapi Negeri Johor berjaya mengharungi segala rintangan, kesulitan dan muncul sebagai negeri di tangga kedua menerima pelaburan bagi tempoh 6 bulan pertama 2009 selepas Negeri Sarawak. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor.

Kini, semasa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membentangkan Bajet 2010, kita berdepan dengan satu situasi yang lebih selesa berbanding dengan Bajet 2009. Telah munculnya tanda-tanda pemulihan ekonomi dunia khususnya Amerika Syarikat pada akhir suku tahun 2009, pemulihan ekonomi Singapura juga merupakan satu faktor perangsang kepada Negeri Johor menyebabkan prestasi ekonomi Johor pada keseluruhannya lebih baik dari prestasi ekonomi negara kita. Selain daripada itu, sumbangan kuasa ekonomi besar negara Asia iaitu Negara China dan India yang akan memimpin pemulihan ekonomi Asia juga meyakinkan pertumbuhan ekonomi Johor. Begitu juga dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Negara yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat

Datuk Seri Perdana Menteri Malaysia sebanyak RM67 bilion yang menjadi mangkin pemulihan ekonomi swasta, mewujudkan peluang pekerjaan, melaksanakan projek infrastruktur sepanjang tahun 2009 – 2010 juga menentukan prestasi Bajet Johor 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Johor 2010 telah menggariskan empat strategi utama iaitu memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan berintegriti. Memaju ekonomi negeri ke arah negeri maju berpendapatan tinggi. Menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup, meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita menghalusi Bajet 2010 di mana hasil Negeri Johor dianggarkan RM784.15 juta di mana tiga sumber utama hasil iaitu Hasil Cukai dianggarkan RM278.9 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM362.5 juta dan Hasil Terimaan Bukan Cukai RM142.72 juta. Manakala Perbelanjaan Mengurus dianggarkan meningkat sebanyak 4.93% daripada RM748 juta ke RM800.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berpendapat walaupun sebahagian besar daripada sumber pendapatan Negeri Johor adalah terdiri daripada pungutan hasil cukai iaitu lebih kurang 35.5% akan tetapi malangnya salah satu kelemahan kita adalah daripada segi kecekapan memungut hasil cukai menyebabkan banyak berlaku tunggakan. Ini sudah tentu mengurangkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri dan seterusnya menyumbang kepada kelemahan prestasi bajet. Dalam konteks, ini langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan pungutan cukai adalah amat penting sekali. Saya amat setuju dengan Kerajaan Negeri telah melancarkan portal *e-payment Johor* dengan izin, dengan tujuan untuk memudahkan urusan pembayaran kepada pihak Kerajaan. Langkah proaktif seperti melalui iklan, siaran di akbar, notis melalui pos untuk mengingatkan pelanggan membuat pembayaran cukai. Hadiah-hadiah untuk pelanggan membuat bayaran awal sudah tentunya dapat menarik pelanggan membuat bayarannya. Wujudkan kaunter bayaran di pasar raya di hujung minggu, bagi pelanggan yang tinggi tunggakan pendekatan mesra di dahulukan dengan lawatan pegawai untuk mencari penyelesaiannya sebelum tindakan yang ketat diambilkan. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk mengingatkan hasil, meningkatkan hasil memerlukan pendekatan inovasi dan kreativiti serta penilaian semula kaedah dan kadar yang munasabah dalam kutipan hasil. Akan tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak setuju langkah menambah hasil kerajaan melalui kenaikan cukai kerana ianya akan dilihat sebagai membebankan rakyat dan membataskan perkembangan sektor swasta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga melihat dalam konteks pengurusan ubah syarat penggunaan tanah, konteks pelaburan perniagaan yang memohon lesen, semua urus niaga ini sebenarnya boleh menambah hasil cukai negeri. Oleh sebab itu seperti yang ditekankan dalam strategi Bajet pertama kecekapan dan keberkesanan jabatan untuk meluluskan permohonan ini sebenarnya dianggap satu dana dan hasil kerajaan yang boleh menyumbang kepada peningkatan pendapatan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor sebenarnya bertuah kerana menerima dua gagasan pembangunan koridor ekonomi utama negara iaitu Iskandar Malaysia dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur bagi daerah Mersing. Walau bagaimanapun, saya amat gembira apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menekankan bahawa kerajaan juga berusaha gigih untuk memastikan pertumbuhan ekonomi seimbang bagi kawasan di luar wilayah koridor di mana setiap daerah dan komuniti dapat menikmati kek ekonomi negeri. Saya menyambut baik tindakan Kerajaan Negeri sedang mengkaji perancangan ekonomi luar wilayah koridor yang dijangka siap akhir tahun ini untuk memastikan Segamat, Muar, Batu Pahat, Kluang tidak terpinggir dalam arus pembangunan ekonomi negeri. Lantaran itu, saya ingin mengingatkan sekali lagi janji Kerajaan Pusat dan juga Negeri terhadap projek naik taraf lebuh raya Segamat ke Tangkak kerana dia di luar wilayah koridor. Projek ini amat penting bagi rakyat Segamat dan budak kecik pun dah tahu itu janji kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Sudah dapat ke? Sudah dapatkan?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Belum dapatlah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Dapat tak dapat tapi belum dilaksanakan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai satu konsep 1Malaysia seperti yang terkandung di dalam laman web 1Malaysia yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri Malaysia. Matlamat gagasan 1Malaysia adalah bertujuan mengekal dan meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita. Kepelbagaian kaum yang sepakat yang selama ini berjaya diurus dengan baik dan menjadi kekuatan Malaysia perlu dikekalkan sebagai keunikan yang akan memacu kita ke arah sebuah negara maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kurang tepat jika kita andaikan gagasan 1Malaysia perlu mencontohi pengalaman negara jiran seperti Indonesia dan Thailand yang mengikis ciri-ciri kepelbagaian kaum menerusi satu sistem persekolahan satu bahasa yang dominan, peraturan berkaitan dengan pendaftaran nama dan sebagainya. Gagasan 1Malaysia adalah konsep yang bertunjangkan kekuatan yang muncul daripada perpaduan kepelbagaian kaum yang bebas mengamalkan cara hidup masing-masing tetapi terus bersatu memajukan negara Saling hormat-menghormati di bawah panji Jalur Gemilang. Kekuatan inilah yang cuba digembleng dan disuburi dengan lebih giat oleh kerajaan memandangkan perubahan zaman yang semakin kompleks menyaksikan lebih banyak cabaran dan ketidakpastian perlu ditempuh oleh negara dan rakyat.

Pada masa yang sama terdapat usaha yang berterusan bagi menerangkan dengan lebih terperinci apakah itu gagasan 1Malaysia kepada rakyat? Antara usaha yang terbaru ialah oleh Jabatan Perpaduan Negara Integrasi Nasional

yang meletakkan sasaran untuk memberi penerangan gagasan 1Malaysia kepada jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara. Tidak dinafikan bahawa fahaman di kalangan rakyat akan gagasan 1Malaysia adalah sangat penting. Namun begitu apa yang lebih penting adalah bagaimana setiap rakyat dapat mengisi serta memberi sumbangan bermakna kepada gagasan 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan perlu lebih fokus dalam memikirkan bagaimana gagasan 1Malaysia dapat diterjemahkan kepada tindakan-tindakan yang melibatkan penyertaan setiap anggota masyarakat jika wujud kefahaman, kesedaran untuk menyumbang serta mekanisme bagaimana setiap rakyat boleh menyumbang kepada gagasan 1Malaysia. Nescaya perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum akan terus kekal sebagai bekalan terbaik Malaysia ke arah negara maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebiasaannya apabila pemimpin di peringkat atasan meletakkan sasaran atau hala tuju yang ingin dicapai, rakyat di peringkat bawahan yang merupakan golongan pekerja perlu difahamkan apa yang ingin dicapai. Rakyat juga perlu jelas apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya. Apabila kerajaan memperkenalkan satu dasar baru seperti gagasan 1Malaysia, pihak yang secara langsung mempengaruhi sama ada sesuatu dasar dilaksanakan dengan berkesan atau tidak adalah rakyat sendiri. Tidak dinafikan kerajaan dan rakyat selama ini telah dan sedang berusaha untuk mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat. Namun begitu dengan adanya gagasan 1Malaysia, sewajarnya tindakan-tindakan yang bakal diambil diberikan nafas baru selari dengan semangat Malaysia dengan benar-benar melibatkan penyertaan seluruh lapisan masyarakat dari peringkat atasan sehingga ke peringkat bawahan. Rakyat perlu sedar bahawa gagasan 1Malaysia bukan sekadar kibaran bendera atau lagu, dia adalah ramuan penting ke arah melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu dan maju. Jika rakyat tidak memahami dan hanya menjadi penonton sudah tentu hasrat yang diimpikan hanya tinggal hasrat semata-mata. Ini adalah kerana rakyat yang akan bertindak sebagai pelaksana yang sebenar kepada sesuatu wawasan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, justeru apabila sudah wujud fahaman yang jelas di kalangan rakyat, langkah seterusnya ialah merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan yang selari dengan hasrat untuk maju bersama-sama ke satu tahap yang lebih tinggi tetapi pada masa yang sama memelihara serta mengukuhkan persepakatan dan sifat saling memahami. Adalah penting bagi semua rakyat untuk mengingatkan sifat saling menghormati dan memahami kerana sejak akhir-akhir ini sering timbul isu sensitif seperti isu rumah ibadat dan juga isu-isu lain yang boleh menjejaskan kerukunan hidup rakyat. Justeru gagasan yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri perlu dilihat sebagai satu ubat yang mampu menyembuhkan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan perhubungan kaum dan agama. Rakyat Malaysia boleh mempunyai pendapat berbeza. Namun begitu jangan sekali-sekali membiarkan perbezaan pendapat menjadi api yang marak dan kita berpecah belah akhirnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk memastikan gagasan 1Malaysia tidak hanya disebut-sebut di mulut sahaja, semua organisasi perlu menghulurkan

tangan untuk mewarnai gagasan 1Malaysia oleh kerana organisasi awam dan swasta secara berkala merancang, merangka perancangan strategi masing-masing. Maka sewajarnyalah ada ruang di dalam perancangan yang dibuat dari segi matlamat membantu kerajaan untuk merealisasikan gagasan ini. Sebagai contoh, sebuah organisasi perniagaan swasta boleh merancang untuk mewujudkan komposisi tenaga kerja yang seimbang dari segi kaum, menjalankan aktiviti bagi meningkatkan persefahaman di kalangan kakitangan, menyediakan peluang kerjaya yang lebih adil kepada semua kakitangan dan seterusnya menggunakan kekuatan tenaga kerja berbilang kaum untuk berjaya di pasaran.

Organisasi yang mempunyai warga remaja dan belia seperti sekolah, kolej, universiti wajar mendahului dari segi pelaksanaan program jangka pendek dan panjang ke arah memupuk kesefahaman di kalangan pelajar dan mahasiswa dari berbagai kaum dan agama. Begitu juga dengan sektor awam, badan berkanun semua perlu memainkan peranan yang penting ke arah menterjemahkan Gagasan 1Malaysia dalam bentuk tindakan. Peluang pekerjaan, kenaikan pangkat yang adil mengikut prestasi dan kemampuan tanpa mengira faktor latar belakangnya. Institusi-institusi kemasyarakatan perlu lebih aktif merencana program kemasyarakatan yang mampu menyemarakkan penyertaan masyarakat setempat yang berbilang kaum tanpa peluang untuk berinteraksi secara bersemuka, berpadu tenaga dan berkongsi idea sukar bagi rakyat di peringkat bawahan mendukungi hasrat perpaduan yang sejati.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, ada lagi.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ada.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak lagi?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Banyak.

Y.B. Dato' Speaker : Hai. Dah 20 minit.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Penyokong tak ada had ke?

Y.B. Dato' Speaker : Tak, ada. Itu had saya punya kuasa. Dia tak ada tu aje Yang Berhormat boleh cakap. Itu tak usah soallah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Banyak belum cakap.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak lagi belum cakap.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Bagi masa lebih sedikit. Gagasan 1Malaysia perlu di had dari segi perspektif yang lebih luas. Dia bukan sahaja melibatkan penganjuran program kemasyarakatan tetapi juga lain-lain tindakan yang menjurus ke arah mewujudkan masyarakat yang lebih seimbang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam konteks 1Malaysia dan Semangat Barisan Nasional. Kepujian seharusnya diberikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. Kita merakamkan penghormatan tertinggi kerana

keprihatinan dan komitmen Yang Amat Berhormat dalam menangani isu-isu masyarakat Cina yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara. Seperti isu kekurangan sumber dana kekurangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, bantuan modal, isu peruntukan 8 sekolah persendirian, isu pembayaran premium tanah sekolah bantuan modal dan swasta. Dalam soal rumah ibadat dan tokong, isu geran tanah, isu pendaftaran rumah ibadat serta ruang untuk menjalankan program kemasyarakatan dan keagamaan. Dalam soal tanah perkuburan kebajikan Cina, isu ubah syarat tanah pertanian ke tanah kubur, soal bayaran premium tanah kubur, semua ini Kerajaan Negeri Johor mengambil kira dengan baik. Dalam soal tanah di Kampung Baru, terima kasih Kerajaan Johor kerana soal menyambung semula tempoh geran tanah adalah secara automatik dan mengikut kehendak pemilik untuk menentukan tempoh untuk mengelakkan birokrasi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, 5 minit lagi.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Eh, banyak lagilah. 10 minitlah.

Y.B. Dato' Speaker : Sedikit lagi. Dah habis?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Belum, belum. Di sini saya merakamkan, mengambil kesempatan merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Johor khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana membantu Tokong Yin Fong di Jementah mendapat gerannya. Kelicinan ubah syarat tanah perkuburan Cina Batu 7, Jalan Muar dan juga pembinaan sebuah masjid uzur Kampung Gudang Garam. Tidak ketinggalan penghargaan kepada SAJ kerana pembinaan tangki air di Kampung Awat, Batu Anam menyalurkan air dari Palong Timur ke Batu Anam telah menyelesaikan masalah tekanan air rendah di Batu Anam, Gemas Baru yang mengganggu mereka selama 25 tahun.

Sejajar dengan strategi Bajet 2010 yang ke-3, Menjamin Kesejahteraan Rakyat Melalui Peningkatan Kualiti Hidup, Memperkasakan Prasarana Luar Bandar dan Pendalaman juga sebagai satu ukuran kepada kesejahteraan hidup rakyat di luar bandar. Memastikan rakyat di luar bandar menikmati kemudahan sewajarnya, maka di sini saya ingin menarik Dewan yang mulia ini, mengenai sebuah kampung pendalaman di DUN Jementah iaitu Kampung Sengkang Legeh yang sejauh 9 kilometer daripada Pekan Jementah. Jalan yang sedia wujud sekarang dalam satu keadaan yang amat buruk, bengkang bengkong melalui estet swasta dan kos penyelenggaraannya amat tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat satu jalan rizab sejauh 5 kilometer sahaja dari Jementah ke kampung berkenaan. Lebih pendeklah daripada jalan yang sedia ada sekarang belum dibina. Jadi saya memohon jasa baik Kerajaan Negeri Johor memberi peruntukan untuk membina jalan tersebut. Mungkin mula-mula dengan tanah merah pun cukup. 5 kilometer tanah merah tak, tak banyaklah peruntukan dia. Buat tanah merah dahulu lepas baru tar ke, macam ni. Begitu juga dalam DUN saya sebuah kampung lagi, Kampung Bukit Tunggal. Penduduk lebih kurang 200 orang tetapi balai raya yang sedia wujud amat uzur sekali. Balai raya ini merupakan tempat orang kampung berkumpul bermesyuarat dan juga merupakan satu pusat

pemindahan semasa banjir. Perbelanjaan saya ingat tak banyaklah kalau kerajaan sudi buat saya ingat RM200,000.00 cukup untuk naik taraf balai raya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, RM200,000.00 tak banyak he?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Tak banyaklah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh Yang Berhormat bagi derma RM50.00 banyak?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Bagi saya banyaklah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Sekejap ada lagi sedikit. Begitu juga dengan satu isu lain iaitu sebuah dewan orang ramai di Kampung Abdullah, Dewan Choon Chew Chee Sian Siah, di mana dewan berkenaan memang sudah ada di tempat itu sejak 1969 lebih kurang dah 34 tahun. Dewan ini memang dah wujud di sana dan ia menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan dan tempat orang ramai berkumpul seminar termasuk juga dia menjadi tempat semasa Pilihanraya Umum. Orang ramai buang undi di sana tetapi malangnya belum dapat geran lagi. Perkara ini saya telah bawa ke Pejabat Tanah untuk dimajukan ke Pejabat Tanah Negeri jadi saya harap kerajaan dapat memberi geran kepada dewan itu supaya dengan sendirinya dia memiliki tanah tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, satu isu lagilah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok *last*.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Sebenarnya ada banyak tapi tak..

Y.B. Dato' Speaker : Yalah kalau Yang Berhormat cakap besok pun tak boleh habis.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Satu isulah, itu singkat sahaja. Jalan Persekutuan di depan Jalan Gong Mali, Batu Anam lebih kurang setengah kilometer sering rosak kerana semasa naik taraf jalan berkenaan asas dia tidak kukuh tidak baik jadi dia sentiasa rosak, JKR tampal macam tampal koyoklah. Kalau sakit di kaki tampal...

Y.B. Dato' Speaker : Kaki...

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Koyok di kaki. Itu lega sekejap sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau di punggung?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Punggung tampal punggunglah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, begitu he?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Itu kira dia sementaralah. Itu langkah sementara. Itu senang. Saya tahu perbelanjaan peruntukan pun tak banyak. Kebelakangan ini...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat semua tak banyak je. Tapi semua ratus ribu...

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Kebelakangan ini oleh kerana musim hujan jadi jalan itu amat bahaya. JKR sudah pergi tampal, sudah tampal tetapi nanti hujan lagi dia rosak. Oleh sebab itu saya rasa dia kena buat semulalah. Itu saya ingat JKR fahamlah.

Y.B. Dato' Speaker : Tak faham.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Saya cuma bangkit di sini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Kalau Yang Berhormat Dato' izinkan saya ada satu isu lagi. 10 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Eh. Tak bolehlah, lama. Dah lama dah. 2, 3 minit.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Sudah tulislah. Kalau tak bercakap tak, 10 minitlah.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, 10 minit lama.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Tak boleh eh?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, 5 minit.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : 5 minit tak habis, ini banyak.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi daripada tak beri lagi baik 5 minit.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ok, tak apalah dengan itu saya menyokonglah usul yang dibawa oleh ADUN dari Senggarang. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi, jemput. Siapa nak berucap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana diberikan peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor 2010. Sewaktu kemelesetan ekonomi sedunia ini, Negeri Johor dan Malaysia menghadapi cabaran-cabaran yang amat mendesak.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak nak minum air ke? Kalau nak minum air duduklah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:50 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:05 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat pagi dan salam Sejahtera. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Timbalan Datuk Speaker kerana diberikan peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor 2010. Sewaktu kemelesetan ekonomi sedunia ini, Negeri Johor dan Malaysia menghadapi cabaran-cabaran yang amat mendesak. Walaupun beberapa petunjuk ekonomi menggambarkan bahawa kemelesetan atau kelembapan ekonomi telah mula distabilkan serta dijangka pertumbuhan ekonomi Malaysia dan seterusnya Negeri Johor akan pulih ekoran pemulihan pertumbuhan ekonomi sedunia.

Ketabahan Kerajaan Negeri Johor untuk mengharungi cabaran-cabaran termasuk menyelesaikan defisit belanjawan dan mengurangkan hutang awam mempertambahkan wang tunai rizab dan aset Kerajaan Negeri untuk mencapai tahap negeri maju pada tahun 2020 dengan KDNK per kapita sebanyak USD21,834.00 atau RM73,918.00 menurut sasaran bank dunia dan wawasan 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dua pakej rangsangan ekonomi yang melibatkan RM92 bilion yang dikatakan terbesar di dunia jika dilihat dari nisbahnya dengan KDNK negara adalah pendorong utama kepada permulaan proses ini. Persoalannya adalah sama ada pakej rangsangan ekonomi dapat menjana kekuatan ekonomi negara dengan berkesan khasnya menerokai horizon ekonomi terbaru ataupun di sebaliknya mempertahankan *status quo* dengan izinya dan kelemahan dasar ekonomi yang sedia ada. Kerajaan Negeri Johor dan Malaysia perlu memperbaiki persepsi negatif para pelabur terhadap ketulusan dasar ekonomi dan usaha memerangi rasuah untuk meyakinkan pelaburan para pelabur tempatan dan asing serta mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

Walaupun usaha kerajaan memulihkan ekonomi melalui pelaburan sumber awam seumpama pakej rancangan fiskal, pelaburan bidang swasta telah menurun sejak krisis ekonomi pada tahun 1997 dari 30% kepada 10 hingga 20% sahaja. Oleh itu, pembaharuan dasar-dasar dan pemikiran ekonomi kita amat mustahak dalam usaha memajukan ekonomi ke tahap negara maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, IMF atau Tabung Kewangan Antarabangsa menjangkakan ekonomi global akan berkembang 3.1% dalam tahun 2010 berbanding dengan penguncupan -1.1% pada tahun 2009. Ekonomi Amerika Syarikat dijangka berkembang 1.5%; Jepun, 1.7% dan China, 9% pada tahun 2010. Asian Development Bank (ADB) menjangkakan perkembangan KDNK Asia pada kadar 6.4% pada tahun 2010. KDNK Malaysia mengalami penguncupan -6.2% dalam suku tahun pertama dan -3.9% suku tahun kedua pada tahun 2009 dan -6.2% pada tahun 2009 sedang mengalami penguncupan. MIER meramalkan pertumbuhan KDNK Malaysia pada tahun 2010 pada kadar 3.7%, manakala Jabatan Perangkaan Malaysia menjangka sekadar 2.0 hingga 3.0%. Menurut laporan Ekonomi Bajet 2010 oleh UPEN, KDNK Johor menguncup sekadar 2.7% berbanding dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.1% pada tahun 2009. EPU dalam menganggarkan kadar pertumbuhan ekonomi negara adalah 5.5% setiap tahun di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

Untuk mencapai tahap negara maju, sasaran KDNK per kapita telah diturunkan oleh Kerajaan Persekutuan dari USD21,834.00 iaitu sasaran bank dunia dan wawasan 2020 USD14,818.00 dan atau RM50,166.00. Ini bermakna Malaysia memerlukan kadar pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya 5.4% setiap tahun pada sepuluh tahun yang akan datang untuk mencapai KDNK per kapita USD15,341.00 dari tahap ini iaitu di peringkat USD9,000.00. Jika menurut sasaran GNI minimum untuk mencapai tahap negara maju adalah USD21,834.00 yang ditetapkan oleh bank dunia dan wawasan-wawasan 2020. Ini bermakna Malaysia memerlukan kadar pertumbuhan ekonomi 5.4% setiap tahun berterusan tanpa kegagalan selama 16 hingga 17 tahun untuk status negara maju.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia KDNK per kapita Negeri Johor adalah RM16,074.00 pada tahun 2006 iaitu lebih rendah dari KDNK per kapita Malaysia pada tahap RM21,563.00. Melalui kiraan dari jangkaan pertumbuhan ekonomi di antara 2007 dan 2009 dibekalkan oleh UPEN, KDNK per kapita negeri Johor pada tahun 2008 adalah RM17,753.00 tetapi menguncup ke RM17,274.00 pada tahun 2009.

Untuk mencapai tahap negara maju pada tahun 2020, Negeri Johor memerlukan kadar pertumbuhan KDNK yang tidak kurang dari 10.2% setiap tahun untuk mencecah KDNK per kapita sebanyak RM50,000.00 atau 14% setahun untuk mencapai KDNK per kapita RM17,000.00 menjelang tahun 2020. Oleh itu, Negeri Johor memerlukan kadar pertumbuhan yang lebih besar dari kadar pertumbuhan nasional pada 5.5% dalam 10 tahun yang akan datang. Jika kadar pertumbuhan Negeri Johor dapat distabilkan pada tahap 5.5% setiap tahun dalam keadaan yang paling optimis kita akan memakan masa sekurang-kurangnya 20 tahun untuk mencapai tahap negeri maju menurut piawaian KDNK per kapita RM50,00.00 tetapi akan memakan masa 27 tahun untuk mencecah tahap KDNK per kapita RM73,000.00 dalam keadaan yang paling optimis.

Saya mencadangkan strategi bajet 2020 Johor, strategi: Strategi nombor 1. Memerangi rasuah dengan tegas. Transparency International dalam menyatakan bahawa rasuah merupakan ancaman terbesar terhadap pemulihan ekonomi sedunia kerana rasuah menghalang pentadbiran yang baik

dan akauntabiliti sektor awam. Indeks Persepsi Rasuah atau Corruption Perception Indeks (CPI) 2009 telah diumumkan. Petunjuk CPI berasaskan 13 tinjauan persepsi pakar dan para pelabur bisnes terhadap tahap rasuah di sesebuah negara. Untuk menarik pelaburan dan kemasukan modal besar-besaran, Malaysia seharusnya mempertingkatkan CPI Malaysia di peringkat antarabangsa. Kita tidak seharusnya menolak pandangan Transparency International dan para pelabur terhadap keseriusan rasuah di Malaysia kerana para pelabur merupakan pelanggan kepada penjana ekonomi kita. Jika kita semata-mata menafikan pandangan mereka, kita akan gagal menjamin keyakinan para pelabur dan seterusnya memajukan ekonomi negara kita.

Transparency International dalam kenyataan bertarikh 17 November 2009 membuat kesimpulan bahawa usaha menghapuskan rasuah mengkehendaki Parlimen menjalankan pengawasan yang teguh, kehakiman yang berkesan, agensi-agensi audit dan anti rasuah kerajaan yang bebas dan berwibawa, penguatkuasaan yang tegas, ketelusan dalam bajet pengurusan hasil pendapatan dan pengagihan bantuan kewangan awam. Tambahnya, kebebasan media dan masyarakat sivil yang rancak.

Malangnya kedudukan CPI Malaysia semakin menurun dari kedudukan nombor ke-33 sedunia pada tahun 2002 ke nombor 56 pada tahun ini. Ini bermakna keyakinan kalangan pelabur terhadap bidang awam kita semakin berkurangan. Seterusnya keadaan sebegini akan menjejaskan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan Johor khasnya Pembangunan Iskandar Malaysia yang amat bergantung kepada modal asing.

Maka kedudukan CPI Singapura adalah nombor ke-3 sedunia dan pertama di Asia Tenggara, Brunei adalah nombor ke-2 di Asia Tenggara. Malaysia mempunyai kedudukan yang begitu jauh dari Singapura dan Brunei dari segi CPI. Demi mempertingkatkan daya persaingan Malaysia dan Johor, kita mesti menghapuskan rasuah dengan sedaya upaya tanpa kira sama ada kerajaan di bawah pemerintahan Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kematian Teo Beng Hock sewaktu soal siasat SPRM telah menjejaskan imej SPRM serta menggoncangkan keyakinan orang awam kepada SPRM dan seterusnya kekurangan keyakinan terhadap sektor awam dan dasar ekonomi Malaysia. Kita mesti menerima hakikat ini serta memperbaiki keberkesanan SPRM dalam usaha menghapuskan rasuah. Peranan SPRM amat penting dalam usaha memulihkan ekonomi seperti apa yang dijayakan oleh ICAC atau Suruhanjaya Anti Rasuah Bebas Hong Kong pada tahun 1970-an. Usaha menghapuskan rasuah bukan sahaja di sektor awam tetapi juga sektor swasta akan memperbaiki keyakinan syarikat antarabangsa dan tempatan terhadap sistem kewangan dan ekonomi kita.

Sikap kakitangan awam yang cekap dan bersih amat penting dalam usaha menarik pelaburan asing dan usaha memulihkan ekonomi. Aduan terhadap Jabatan Bomba dan Penyelamat termasuk khasnya implikasi sikap kurang bertanggungjawab telah sering kali dilempari terhadap Jabatan Bomba dan Penyelamat. Tinjauan sewajarnya dibuat untuk memastikan Jabatan Bomba dan Penyelamat bertugas dengan cekap dan akan meyakinkan para pelabur asing. Alasan yang sentiasa diberikan oleh pihak Jabatan Bomba untuk

kelewatan ketibaan ke tempat kejadian kebakaran adalah kekurangan kakitangan atau banyak kes kebakaran di daerah Johor Bahru, Wilayah Iskandar Malaysia.

Di samping itu, ahli-ahli bomba memberikan alasan kebajikan mereka khasnya insurans nyawanya tidak dijamin oleh kerajaan. Oleh itu, mereka terpaksa berwaspada bila mengambil risiko nyawa mereka untuk menyelamatkan nyawa orang lain. Oleh itu, di antara aduan bentuk adalah sesetengah ahli bomba bertugas dengan cekap atas permintaan ang pau. Aduan ini seharusnya diambil berat sebab mangsa-mangsa kebakaran sering tidak sempat menyediakan ang pau dalam kekecohan kebakaran. Bahkan usaha menghapuskan rasuah perlu dipertingkatkan. Untuk mengelakkan salah faham di antara Jabatan Bomba dan para penduduk dan perlu pertingkatkan prestasi ahli-ahli bomba, kebajikan ahli-ahli bomba termasuk gaji, insurans nyawa sewaktu bertugas dan elaun-elaun khas sepatutnya dipertingkatkan sebagai bahagian perkhidmatan awam yang kritikal.

Usaha mengurangkan dan meringkaskan prosedur dalam menguruskan segala urusan kerajaan termasuk Jabatan Bomba bagi mengurangkan birokrasi sekali gus mengurangkan berlakunya rasuah. Contohnya, orang awam masih menunggu-nunggu keputusan siasatan Jabatan Bomba terhadap tuduhan bahawa ahli-ahli bomba enggan menyelamatkan mangsa kebakaran, Ho Whui Ling pada waktu terawal di Jalan Timah 2, Taman Sri Putri, pada 9 Oktober. Walaupun beliau masih hidup selama 15 minit selepas ketibaan pasukan bomba dan 3 buah kenderaan bomba. Kematian beliau dikenalpastikan sebab menghisap terlalu banyak asap, sedangkan botol-botol plastik dalam dapur rumahnya yang lebih berdekatan dengan tempat kebakaran masih dalam keadaan yang baik.

Pada jam 7:15 pagi, 16 November, kebakaran berlaku di sebuah kilang Lima Kedai. Si saksi menelefon talian kecemasan, 994, tetapi panggilan tidak dijawab. Beliau terpaksa melapor kepada Balai Polis Lima Kedai. Menurut Jabatan Bomba, panggilan diterima pada jam 7:58 pagi dan kenderaan bomba tiba di tempat kejadian pada jam 8:15 pagi iaitu satu jam selepas kebakaran dikesani. Walaupun kenderaan bomba dari Johor Bahru atau Pekan Nenas mengambil masa sekurang-kurangnya setengah jam untuk tiba ke Lima Kedai, boleh dikatakan munasabah. Balai Bomba di Taman Universiti, telah lebih berhampiran tempat kejadian, malangnya ianya dijangka siap dibina pada bulan Julai tahun ini, tetapi nampaknya kita akan siap sebelum pertengahan tahun depan iaitu tahun 2010. Oleh yang demikian, pembinaan Balai Bomba Taman Universiti sepatutnya dipercepatkan sebab ianya merupakan satu-satu Balai Bomba di kawasan Skudai dan Gelang Patah.

Strategi nombor 2, meningkatkan hasil pendapatan dan mengamalkan perbelanjaan berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri. Keadaan kewangan Kerajaan Negeri Johor amat merisaukan memandangkan wang tunai rizab sebanyak RM36 juta sahaja dan pelaburan RM165 juta sahaja berbanding dengan Kerajaan Selangor yang memperolehi wang tunai rizab sebanyak RM734 juta dan pelaburan sebanyak RM691 juta.

Walaupun kedua-dua Kerajaan Negeri mempunyai hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan yang lebih kurang sama iaitu RM1.014 bilion bagi Kerajaan Johor dan RM1.073 bilion bagi Kerajaan Selangor pada tahun 2008. Kerajaan Selangor mempunyai aset kecairan sebanyak tujuh kali ganda dari Kerajaan Johor walaupun mempunyai hutang awam yang setaraf. Kerajaan Selangor juga mengurus dengan perbelanjaan yang berhemah iaitu RM662 juta pada tahun 2008. Manakala Kerajaan Negeri Johor menelan RM882 juta, di sebaliknya Kerajaan Selangor mampu memperuntukkan RM850 juta untuk tujuan pembangunan iaitu empat kali ganda peruntukan pembangunan di Negeri Johor yang sejumlah RM194 juta pada tempoh yang sama. Perbezaan di antara satu Kerajaan Negeri yang diuruskan dengan lebih berkesan dan berhemah dan Kerajaan Negeri yang diuruskan dengan kurang berhemah adalah amat ketara. Hutang Kerajaan Negeri Johor kepada Kerajaan Persekutuan pula meningkat sebanyak 20.6% iaitu RM173 juta dari RM841 juta pada tahun 2007 kepada RM1.01 bilion pada tahun 2008. Kadar peningkatan hutang awam di Negeri Johor adalah di antara negeri yang tertinggi di Malaysia.

Tambahan pula, mengikut laporan Ketua Audit Negara 2008, kadar kecairan wang tunai Kerajaan Negeri adalah rendah kerana nisbah jumlah aset semasa yang terdiri daripada wang tunai iaitu RM36 juta dan pelaburan RM165 juta dengan jumlah tanggungan semasa adalah kurang daripada nisbah satu. Dengan kata lain, jumlah aset semasa tidak dapat menampung jumlah tanggungan semasa. Ini bermakna aset kecairan Kerajaan Negeri Johor sebanyak RM201 juta cuma meliputi tiga bulan perbelanjaan Kerajaan Negeri dengan perbelanjaan mengurus dan pembangunan setinggi RM57 juta sebulan di antara Januari dan September, 2009. Dalam perkataan lain, Kerajaan Johor ada di pinggir muflis jika salah urus kewangan kerajaan diteruskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi defisit Kerajaan Negeri Johor meningkat 21% dari RM335 juta pada tahun 2007 kepada RM405 juta pada tahun 2008. Di samping itu, rizab wang tunai menurun 44% dari RM100 juta kepada RM3.2 juta disebabkan perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM107 juta pada tempoh yang sama. Peningkatan perbelanjaan ini dinyatakan disebabkan pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Baru Nusajaya. Pembinaan JSNAC boleh dikatakan kekurangan rancangan yang berhemah sebab menelan kos pembinaan sejumlah RM117 juta tanpa mendatangkan manfaat yang ketara kepada rakyat jelata tetapi membebankan pembayar cukai.

Di samping itu, kerajaan belum ada rancangan jangka masa panjang untuk mengubah penggunaan Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan. Selain daripada cadangan mengubah Bangunan Sultan Ibrahim kepada sebuah muzium, tiada cadangan lain yang lebih berhemah adalah Bangunan Sultan Ibrahim diubahsuai sebagai hotel mewah enam bintang, seperti Raffles Hotel di Singapura. Saya berpandangan rancangan lebih beruntung serta mempertahankan nilai sejarah bangunan tersebut dan arkitek Bangunan Sultan Ibrahim boleh dikaji, termasuk ianya diubahsuai kepada sebuah hotel mewah memandangkan ia berhampiran Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor sebab projek muzium akan menelan kos tinggi dengan pulangan yang rendah.

Perbelanjaan yang lebih berhemah selaras dengan usaha meningkatkan hasil pendapatan kerajaan untuk mengurangkan defisit kerajaan, strategi meningkatkan hasil pendapatan berbelanja secara hemah adalah pendekatan yang sangat kritikal terutama dalam usaha memperbaiki defisit terkumpul di antara akaun hasil disatukan iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil dan perbelanjaan mengurus yang mengalami pertambahan defisit sebanyak 21% iaitu RM70 juta daripada RM335 juta pada tahun 2007 kepada RM405 juta pada tahun 2008. Walaupun perbelanjaan Negeri Johor telah meningkat sejumlah RM107 juta atau 13.9% dari RM775 juta pada tahun 2007 ke RM882 juta pada tahun 2008. Perbelanjaan telah menurun 10.8% dari RM556 juta pada 9 bulan pertama tahun 2008 ke RM514 juta pada tempoh yang sama tahun 2009.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada lagi, Yang Berhormat Dato' Speaker. Sikit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Oklah, tiga minit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Disebaliknya hasil pendapatan Kerajaan Johor menurun 0.7% pada sembilan bulan pertama 2009 berbanding dengan tempoh sama pada tahun 2008, perlaksanaan strategi berikut bagi meningkatkan hasil pendapatan negeri adalah :

i. Berdasar sistem tender terbuka. Ini dah buktikan menjimatkan 200% kos pembangunan di Negeri Kedah dan juga menjimatkan 50% melalui tender terbuka di Pulai Pinang.

ii. Memperketatkan penguatkuasaan bagi mengutip tunggakan hasil yang meningkat sebanyak 1.8% termasuk cukai tanah, sewa rumah, hasil penswastaan dan hasil lain.

iii. Mengambil tindakan tegas termasuk penguatkuasaan undang-undang untuk mengutip tunggakan pinjaman daripada syarikat berkaitan kerajaan, agensi-agensi negeri yang berjumlah RM601 juta. Khasnya SAJ Holdings Sdn Bhd berhutang RM511 juta dan Perbadanan Johor RM87 juta. Prestasi syarikat berkaitan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun termasuk Perbadanan Johor, KPRJ, SAJ Holdings Sdn. Bhd. perlu diawasi dengan lebih tegas.

   Dana Johor dan ASJ merupakan tabung amanah atau *Trust Fund* dengan izin, biasanya sebarang tabung amanah disediakan untuk menjamin pulangan kepada para pelabur dengan risiko yang amat rendah serta berfungsi sebagai pelaburan untuk tujuan pencen. Maka, Perbadanan Johor dan Kerajaan Negeri telah menutup kedua-dua tabung amanah ini dengan harga belian balik RM.050 seunit Dana Johor dan RM1.00 seunit, ASJ. Penutupan dua-dua tabung amanah ini telah mengakibatkan keraguan pelabur terhadap kewibawaan Kerajaan Negeri Johor. Malahan, bon Perbadanan Johor dikeluarkan sebanyak RM3.18 bilion akan matang pada tahun 2011. Memandangkan hutang Perbadanan Johor dan Kerajaan

Negeri yang begitu tinggi, adalah amat susah dijangka kaedah digunakan oleh pihak tertentu untuk menjelaskan bon Perbadanan Johor di mana Kerajaan Negeri adalah penjaminnya. Berasaskan hakikat bahawa, Kerajaan Negeri yang berhutang awam RM1.01 bilion, kemampuan Perbadanan Johor dan Kerajaan Johor untuk menjelaskan bon-bon ini amat merisaukan.

iv. Meningkatkan penguatkuasaan dan membuat pemantauan yang berterusan kepada permit-permit yang dikeluarkan khususnya permit mengeluarkan bahan batuan, pasir dan balak, berlaku ketidakseragaman di antara bayaran permit dengan kutipan cukai yang dipungut.

v. Mengkaji semula polisi projek penswastaan oleh Kerajaan Negeri. Pendapatan daripada projek penswastaan adalah dianggarkan RM15 juta pada tahun 2009, dan RM20 juta pada tahun 2010. Banyak projek penswastaan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri banyak menguntungkan pihak swasta seperti Projek Teluk Danga, Nong Chik Heights, Pekan Rabu, Kondominium Datin Halimah. Pulangan wang tunai kepada Perbendaharaan Negeri sewajarnya dipertingkatkan.

vi. Meningkatkan hasil pendapatan dalam bentuk premium geran tanah dan cukai tanah melalui penganugerahan hak milik tanah berstatus kekal atau pajakan 99 tahun kepada penempatan bangsa Cina, Melayu dan India seperti Kampung Bahru Cina, Kampung Melayu dan Kampung India. Premium tanah sejumlah di antara RM200 hingga RM300 juta akan dipungut jika hak milik tanah Rizab Kerajaan Persekutuan diluluskan. Tambahnya, jika 15,743 tapak rumah di Kampung Bahru Cina dan Melayu hak milik sedang diperbaharui. Jika hak milik pajakan diluluskan dijangka sebanyak RM50 hingga RM100 juta premium tanah akan dipungut. Kelulusan ini dijangka akan menghasilkan hasil cukai tanah tahunan di antara RM500,000.00 hingga RM1.5 juta.

vii. Keberkesanan agensi-agensi kerajaan akan mempertingkatkan hasil pendapatan kerajaan juga. Laporan Ketua Audit Negara 2008 menyatakan 54 projek atau 8,723 unit perumahan awam kos rendah daripada 64 projek yang siap dibina di antara tahun 1981 dan 1997 telah dijual tanpa CFO. Ini merugikan hasil negeri kerana rumah yang belum dikeluarkan CFO, hak milik tanah tidak boleh dikeluarkan dan seterusnya cukai tanah dan cukai pintu tidak boleh dikutip oleh Pejabat Tanah dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan akan kehilangan sumber hasil dari duti setem, cukai keuntungan hartanah, kerana rumah yang belum dikeluarkan CFO tidak boleh dipindah milik kepada orang lain.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup masa Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Ada lagi..sikit.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Berapa cadangan tu? Baru masuk 9.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): 10 minit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Eh, banyak sangat. Tak boleh. Nak bagi peluang yang lain. Ringkaskan sajalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, minta 10 minit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : 1 minit sudahlah. Ok. Sudahkan yang itu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada, 4 strategi sudah habis, 2 strategi , ada 2 strategi lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak bolehlah. 1 cukup. Selesaikan dalam masa 1 ataupun 2 minit cukup.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Strategi ke 3, memacu pertumbuhan, mewujudkan peluang pekerjaan. Johor khasnya dalam usaha menjayakan Iskandar Malaysia memerlukan sektor awam dan sektor swasta yang berwibawa dan efisyen. Diharapkan liberalisasi 27 sektor perkhidmatan oleh kerajaan baru-baru ini akan dapat memikat pelaburan asing ke Negeri Johor khasnya Iskandar Malaysia. Antara perkhidmatan yang terlibat adalah perkhidmatan berkaitan komputer, kesihatan, kemasyarakatan, pelancongan, pengangkutan, rekreasi, perkapalan dan perkhidmatan perniagaan.

Peningkatan Pelaburan Terus Asing (FDI) yang meningkat dari RM6.75 bilion pada tahun 2007 kepada RM9.4 bilion pada tahun 2008 telah meletakkan ekonomi Johor di landasan yang betul untuk memacu ekonomi negeri. Jika pelaburan asing secara langsung dan seterusnya pertumbuhan ekonomi meningkat, peluang pekerjaan juga akan ditambahkan dan kadar pengangguran dapat dikawal. Unjuran 3% pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2010 adalah merupakan permulaan yang baik bagi Kerajaan Negeri untuk memacu pertumbuhan ekonomi Negeri Johor setelah mengalami penguncupan pada tahun 2009.

Sektor yang perlu menjadi tumpuan kepada pelaburan asing adalah sektor pembuatan, ICT, bioteknologi, makanan, perabot dan pembangunan hartanah. Maka keberkesanan sektor awam amat mustahak untuk meyakinkan para pelabur asing.

Konsep 1Malaysia, 1 Negara, 1 Bangsa dan 1 Insan perlu didekatkan khasnya dalam usaha mewujudkan sektor awam dan swasta yang seimbang serta membayangkan budaya pekerja Malaysia yang efisien.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup Yang Berhormat masa.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sikit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup, cukup, cukup…tak boleh. Nak beri peluang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Jemputlah duduk.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bagi 5 minit lagi...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak boleh, tak boleh, tak boleh. Karang 5 minit, 10 minit semua sampai pukul 1 tak habis. Rumuskan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dah buatkan rumusan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Menyokong sajalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Strategi ke 4 ialah…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup, cukup Yang Berhormat. Cukuplah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Membuat kesimpulan, Yang Berhormat Datuk Speaker saya minta keizinan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Saya dah kasi 2 minit tadi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...kepentingan awam…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Bukan Yang Berhormat, semua orang nak bercakap untuk kepentingan awam, saya dah bagi peluang setengah jam daripada 12.10 hingga 12.40 lebih daripada pihak pencadang tadi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : 5 minit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak boleh, tak boleh, tak boleh. Sokong sajalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Strategi ke 4, Merakyatkan ekonomi dengan meningkat tahap kualiti hidup Malaysia.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, cukup Yang Berhormat. Cukuplah.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, ada peraturan yang dia langgar ni.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, itu saya cakap, Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, kita 6 orang sahaja. Minta 10 minit…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Betul, tak pa bagi peluang yang lain. Kita lagi ramai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : …semua rakyat Johor.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ya, kita faham. Saya dah bagi peluang lebih daripada setengah jam.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Nak berceramah, polis tak kasi permit.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dah lebih daripada pihak pencadang tadi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Nak berucap dalam dewan, kita minta masa lebih sikit pun tidak diizinkan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Bukan Yang Berhormat, yang lain pun nak bercakap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini, ini perasaan yang ketakutan, apa yang nak takut.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput duduk, jemput duduk...Yang Berhormat, jemput duduk. Ikut peraturan. Jemput duduk.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Barisan ada 50 orang boleh berucap secukup-cukupnya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ikut peraturanlah..saya kata dah bagi peluang tadi. Bukan saya tak bagi peluang. 20 minit saya dah bagi, 5 minit tambah, tambah lagi 2 minit dah lebih daripada cukup.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : *Ok last*, yang akhirnya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Menyokonglah...senang cerita.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Untuk pembangunan negara, pembangunan modal insan…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak payahlah Yang Berhormat…menyokong…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita adalah pembangkang yang munasabah…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, yang lain pun ada…

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tempat Yang Berhormat pun…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Taman Tun Aminah komputer kecurian, saya mahu potong elaun saya sendiri untuk membeli 1 komputer ..

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Saya kata cukup, cukuplah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Apa lagi nak?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah saya kata cukuplah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jangan tekan kita pembangkang.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukuplah! Gunakanlah peraturan yang ada.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin tegur dia.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Oklah …Yang Berhormat.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : …melanggar peraturan, satu untuk 46…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah saya faham..

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dia takut, sebab semalam saya pergi kawasan dia …

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Takpalah... Yang Berhormat, ini bukan cerita semalam…ini dalam Dewan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : …bekas Timbalan Perdana Menteri tu datang, polis tu kena halau... itu apa ini negara?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : …kita sudah mencapai kemerdekaan 52 tahun …

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, jemput duduk..masa saya bercakap ni Yang Berhormat duduklah!

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Speaker suruh duduk tu duduklah!

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat faham tak, peraturan, kalau Speaker bercakap Yang Berhormat jemput duduk. Jemput duduk. Ini peraturan... Yang Berhormat pun baca.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Speaker suruh duduk tu duduklah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Boleh tak Yang Berhormat duduk? Tak semua sekali bercakap ni untuk kepentingan awam, tak ada yang tak ada kepentingan awam. Jangan... saya gunakan kuasa yang ada nanti.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak mau duduk, keluar.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, jemput Ahli Yang Berhormat yang lain.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, izin saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kerana memberi peluang untuk berucap di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masa berlalu dengan begitu cepat sekali. Tidak lama lagi kita akan menyambut tahun 2010. Kita imbas kembali sepanjang tahun 2009, banyak pembangunan yang telah dijalankan seperti Pembinaan Jambatan Kedua Permas Jaya dan Lebuhraya Permas Jaya ke Pasir Gudang, termasuklah menaik taraf Jalan Tampoi, Pembinaan Lebuhraya Pesisir Pantai yang menghubungkan Johor Bahru dengan Nusajaya, Pembinaan EDL, *Estern Disposal Link*, Pembinaan Kampus UniKL, Universiti Kolej Sains Kesihatan, UiTM, Kampus Universiti Teknologi MARA di Bandar Sri Alam dan Ibu Pejabat Polis di Bandar Sri Alam, pembangunan ini bukan sahaja akan mempergiatkan ekonomi malah akan membawa kemudahan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai anak Johor, saya berasa bangga kerana Kerajaan Negeri Johor telah berjaya menarik pelabur asing datang melabur di Negeri Johor. Dengan pelaburan RM2.6 bilion dalam tempoh 6 bulan iaitu dari Januari hingga bulan Jun kita berjaya menduduki tempat kedua dalam Malaysia. Jika berbanding dengan negeri lain perkembangan Negeri Johor tetap stabil dan mantap walaupun kita menghadapi krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia.

Saya ingin mengucapkan tahniah ke atas pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas usaha beliau untuk memajukan lagi Negeri Johor. Saya percaya dengan kemajuan-kemajuan yang berjaya ini rakyat akan tetap memberi sokongan yang bersepadu kepada Kerajaan Negeri Johor supaya Kerajaan Negeri Johor dapat terus mengorak langkah untuk maju ke depan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kemajuan ekonomi yang stabil dan pesat dapat menjamin kemajuan dari segi pembangunan infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Maka Kerajaan harus mempermajukan lagi sektor-sektor yang didapati membawa hasil yang lumayan kepada Negeri Johor. Salah satu sektor yang berpotensi ialah sektor pelancongan. Sektor pelancongan bukan saja dapat membawa hasil yang lumayan malah boleh menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat. Kita berasa syukur kerana Negeri Johor merupakan sebuah negeri yang terletak di tempat strategik dan kaya dengan khazanah alam semula jadi. Di setiap daerah terdapat tempat semula jadi yang menarik. Kita mempunyai pantai yang bersih, pulau yang cantik, air terjun yang sejuk airnya, bangunan lama yang penuh dengan sejarah, budaya pelbagai kaum yang berwarna-warni, makanan tradisional yang lazat, hutan yang ditumbuhi dengan tanam-tanaman yang menghijau, kesemua ini merupakan mata pencarian jika ia dapat digunakan dengan terancang.

Kerajaan memang telah berusaha membangunkan tempat seperti ini untuk dijadikan tempat pelancongan. Tetapi, apa yang amat kita kesali ialah kemudahan-kemudahan di tempat-tempat pelancongan ini tidak dijaga dan diurus dengan baik. Kadang-kadang kemudahan yang disediakan tidak mencukupi. Saya ambil contoh, di Pantai Desaru, memang cantik pemandangan Pantai Desaru. Kalau cuti sekolah bawa anak berjalan-jalan dan mandi laut memang seronok. Tetapi, apabila selepas mandi laut, hendak mandi di bilik air, untuk tukar pakaian bersih, keadaan bilik mandi memang memeningkan. Tiada tempat untuk menggantung tuala pun, apatah lagi tempat untuk letak pakaian. Satu paku pun tak ada. Saya tidak dapat

bayangkan macam mana mereka yang berkunjung ke Pantai Desaru dapat mandi. Mandi sambil memegang baju ditangan ke? Yang Berhormat Datuk Speaker, mandi bukan percuma, kena bayar. Nak mandi pun susah. Merosakkan *mood* makan angin. Sekali pergi entah bila akan kembali lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak tempat pelancongan kita yang tidak dijaga dengan baik. *Maintenance* tak ada. Lama-kelamaan keadaan menjadi kotor, nampak uzur, tidak terurus. Tempat yang memang menjadi tarikan orang ramai, lama-kelamaan ditinggal oleh orang ramai. Jadi sunyi sepi. Memang menjadi kerugian kita jika sesuatu tempat itu ditinggalkan oleh orang ramai. Sayang betul.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus memanfaatkan kurniaan tuhan yang semula jadi ini. Maka, saya menyeru supaya kerajaan membuat satu perancangan yang menyeluruh dan konsisten untuk memastikan tempat pelancongan kita sentiasa berada di tahap yang sempurna dan sentiasa dapat menarik pelancong.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengemukakan bahawa kerajaan akan membina landasan kereta api dua hala yang menyambung Gemas ke Johor Bahru. Pembinaan ini amat penting kerana sistem pengangkutan yang maju dan baik boleh membawa pembangunan ekonomi kepada negara dan rakyat. Saya merasa gembira melihat dalam Bajet 2010 kerajaan akan berusaha memajukan sistem pengangkutan di bandar dan luar bandar. Langkah ini amat penting terutamanya untuk penduduk luar bandar seperti penduduk di Bandar Seri Alam, Megah Ria, Taman Rinting, Pasir Gudang dan banyak tempat-tempat lagi.

Kekurangan perkhidmatan bas awam telah membebankan penduduk terutamanya penduduk yang berpendapatan rendah kerana mereka terpaksa membeli kenderaan untuk dijadikan alat pengangkutan. Pendapatan mereka yang rendah amat sukar untuk mereka menyara hidup keluarga apatah lagi terpaksa membayar ansuran kereta. Kita sedia maklum bahawa di kawasan luar bandar ataupun kampung banyak terdapat golongan miskin. Mereka tidak mampu untuk memiliki kenderaan sendiri. Golongan ini perlu diberi bantuan oleh kerajaan kerana mereka amat memerlukan perkhidmatan awam untuk membolehkan mereka bergerak dari satu tempat ke tempat lain. Buat masa ini, oleh kerana kekurangan perkhidmatan awam banyak daripada golongan ini terkongkong dalam kawasan kediaman mereka. Di mana mereka terutamanya kaum wanita hanya dengan berjalan kaki ke kedai yang berhampiran untuk membeli barangan keperluan. Mereka tidak dapat pergi jauh. Anak mereka jika pulang dari sekolah pun tidak dapat pergi jauh. Mereka tidak diberi peluang untuk memperluaskan pengetahuan dan pengalaman kerana kita tahu banyak berjalan luas pengetahuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dunia golongan ini begitu sempit. Tiada peluang untuk mereka pergi jauh untuk bercampur dengan komuniti lain. Tiada peluang untuk mereka menimba kemajuan ilmu dan sebagainya. Mereka dengan dunia mereka sahaja. Kadang-kadang mereka nampak macam katak di bawah tempurung. Keadaan ini akan melambatkan lagi menjadi batu

penghalang atas usaha kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti hidup rakyat untuk meningkatkan minda rakyat. Maka memajukan sistem pengangkutan di kawasan luar bandar merupakan satu langkah yang perlu dilaksanakan dengan segera jika kita ingin membangunkan yang stabil kita didapati walaupun di taman-taman kediaman di bandar, terdapat kemudahan perkhidmatan awam tetapi perkhidmatan bas yang disediakan hanya melalui laluan utama sahaja. Bagi penduduk yang tinggal di pendalaman taman, masih tidak menikmati perkhidmatan awam yang disediakan. Antara taman dan taman juga tiada jalinan pengangkutan yang memudahkan penduduk. Misalnya dari Taman Johor Jaya nak ke Taman Pelangi Indah, nak jalan kaki jauh juga. Nak bawa kereta tak mampu, nak naik bas, bas tak ada. Maka saya mencadangkan Kerajaan Negeri supaya menyempurnakan sistem pengangkutan perkhidmatan awam supaya dia dapat meliputi seluruh taman dan dapat menghubung antara taman dan taman. Mungkin kita boleh mengkaji kemungkinan mengadakan perkhidmatan bas mini yang berjalan antara taman dan taman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejak beberapa tahun kebelakangan ini banyak bencana alam seperti tsunami, ribut taufan, gempa bumi, banjir kilat telah berlaku di seluruh dunia. Banyak bencana yang luar dijangkakan telah berlaku dan kekerapan berlaku bencana ini semakin tinggi. Isu kepanasan global merupakan satu isu yang kritis. Dalam usaha pembangunan negeri, kerajaan tidak harus mengabaikan masalah kepanasan global. Perkara ini harus diambil berat. Langkah-langkah perlu diambil untuk bersama-sama menjaga alam sekitar ini. Langkah kerajaan memperkenalkan penggunaan teknologi EM dapat membantu mengurangkan masalah kepanasan global. Penggunaan EM ini harus disebarkan secara menyeluruh ke semua lapisan masyarakat supaya setiap rakyat dapat menyumbangkan tenaga untuk menjaga alam sekitar kita.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menjaga alam sekitar, menjaga alam kita yang menghijau dengan mewujudkan hutan bandar di kawasan barat Johor Bahru iaitu Hutan Bandar Mutiara Rini. Hutan Bandar ini memang cantik dengan pokok-pokok yang menghijau, udara begitu nyaman dan segar. Suasananya yang hening begitu melegakan kita. Kewujudan Hutan Bandar ini dapat memberi didikan kepada generasi muda supaya berusaha menjaga alam kita yang menghijau. Akan tetapi Hutan Bandar yang sedia ada ini hanya dapat memanfaatkan penduduk di kawasan barat sahaja. Maka saya mencadangkan supaya kerajaan dapat mewujudkan satu Hutan Bandar di kawasan timur supaya mesej penjagaan alam sekitar dapat diterapkan kepada penduduk-penduduk kawasan timur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ilmu pengetahuan merupakan satu unsur yang penting untuk membangunkan negara. Kerajaan berusaha untuk memastikan semua rakyat tanpa mengira bangsa diberi didikan yang sempurnanya sehingga ke institut pengajian tinggi. Memang tidak dapat dinafikan ratusan anak Johor yang mendapat didikan tinggi telah meningkat. Dari segi penguasaan pengetahuan, memang kita dapat melihat hasilnya amat menggalakkan. Tetapi, adakah kita hanya maju dari segi ilmu pengetahuan sahaja ataupun kemajuan modal insan juga telah dimajukan dalam masa yang serentak?

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu fenomena yang berlaku di sekolah menengah amat membimbangkan kita. Sejak akhir-akhir ini banyak berlaku pergaduhan murid antara kaum. Dulu selalu berlakunya murid kaum Cina dibelasah oleh kaum sendiri. Tetapi sekarang banyak berlaku pun murid kaum Cina membelasah kaum Melayu ataupun murid kaum Melayu membelasah kaum Cina secara beramai-ramai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keadaan ini amat mengkhuatirkan kita. Jika murid-murid kita dari bangku sekolah telah mengamalkan musuh memusuhi antara kaum, keadaan ini akan menyebabkan perpaduan antara kaum tergugat. Semangat toleransi dan saling menghormati juga akan terjejas. Jika keadaan ini dibiarkan dan tidak diambil tindakan segera, ia boleh menjejaskan sesebuah negara pada masa yang akan datang. Kerajaan harus mengkaji apakah puncanya berlaku keadaan ini, di manakah kesilapannya? Adakah pendidikan yang kita jalankan tidak mencapai matlamat yang diharapkan ataupun dasar kerajaan yang dijalankan tidak menjaga semua rakyat jelata secara adil dan saksama?

Yang Berhormat Datuk Speaker, demi mencapai konsep 1Malaysia Kerajaan Negeri Johor harus memastikan semua rakyat jelata tanpa mengira bangsa diberi peluang untuk menikmati kemajuan ekonomi yang sama, mendapat pendidikan yang sama, peluang pendidikan yang sama, peluang pekerjaan yang sama. Usaha ini tidak sukar untuk dicapai jika kita mempunyai keikhlasan dan kesungguhan untuk melaksanakan. Saya percaya semua akan tercapai dan terlaksana. Bersama-samalah kita berganding bahu bekerjasama memperjuangkan masa depan yang lebih ceria, lebih cemerlang, bersama-sama menuju ke arah konsep 1Malaysia. Bersama-sama menyambut tahun 2010 yang mencabar. Dengan kata-kata ini saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong usul yang dibawa oleh Adun Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput Yang Berhormat, yang lain, Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berbahas pada sidang yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita telah menetapkan tahun 2020 untuk menjadi satu negara berindustri penuh. Kita cuma ada 10 tahun lagi untuk menepati sasaran ini. Ada yang mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah dari jangkaan akan menjejaskan prestasi kita dalam mencapai wawasan 2020.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, banyak lagi nak bercakap?

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Agak panjang.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, saya tangguhkan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok 24 November 2009, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETIGA	**SELASA, 24 NOVEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim,
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat, jemput.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Apakah bentuk pelaburan utama di kawasan Perindustrian Segamat 2, jumlah pelaburan dan peluang pekerjaan serta jumlah tanah yang telah berjaya di jual?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, tiada pelaburan baru yang besar diterima masuk ke Kawasan Perindustrian Segamat 2 sepanjang tahun 2009. Sehingga kini hanya ada 3 pelaburan masuk ke kawasan perindustrian tersebut iaitu:

i. Segamat Panel Boards.
ii. *Allgreen* menghasilkan *fibre board* dari *wood chip*.
iii. *Riceland* sebuah kilang pembungkusan beras yang kini tidak beroperasi lagi. Berdasarkan rekod terdapat seramai 327 pekerja sahaja di kedua-dua kilang tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung keluasan tanah boleh jual iaitu lot-lot industri jumlah keluasannya, keseluruhan adalah 127.48 ekar. Sehingga ini hanya 42.41 ekar telah dijual kepada 3 syarikat tersebut di atas dan jumlah baki keluasan tanah yang tinggal ialah 85.07 ekar.

Untuk makluman juga, Perbadanan Johor kini sedang mengadakan perundingan dengan pengusaha-pengusaha Segamat. Sebanyak 33 syarikat secara dasarnya telah bersetuju untuk melabur di Kawasan Perindustrian Segamat 2. Jumlah keluasan yang dicadangkan terbabit bagi tujuan tersebut adalah seluas 54.84 ekar termasuk Segamat Panel Boards yang bercadang membesarkan operasi di tapak baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan anggaran awal pelaburan baru ini bakal menyediakan sekurang-kurangnya 500 lagi peluang pekerjaan baru. Walau bagaimanapun, Perbadanan Johor masih sedang menunggu maklum balas mengenai jumlah pelaburan keseluruhannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, tak da nak bangun. Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Jelaskan mengapa terdapat segelintir pelajar-pelajar rakyat Malaysia bersekolah rendah dan menengah di Singapura, sedangkan kita menawarkan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) di sini. Difahamkan seramai 15,000 orang. Apakah langkah membendung perkara ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh,

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, dasar pendidikan wajib tidak menghalang ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar di mana-mana sekolah sama ada kerajaan ataupun sekolah swasta termasuklah di Singapura, kerana di bawah dasar pendidikan wajib adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak yang mencapai umur 6 tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa ke sekolah dan menentukan anak-anak bersekolah selama 11 tahun selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan.

Antara faktor ibu bapa menghantar anak mereka belajar di Singapura ialah kecenderungan ibu bapa yang berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan khususnya mungkin dalam Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar. Dan, bagi ibu bapa yang berkemampuan ini, mereka juga mampu untuk membayar yuran yang agak tinggi yang dikenakan oleh sekolah-sekolah swasta di Singapura.

Pihak Kementerian Pelajaran juga sebenarnya mengambil langkah untuk membendung ataupun mengurangkan perkara ini dengan memperkasakan sekolah kebangsaan sesuai dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Negara ataupun PIPP dan di antara pelaksanaan yang dilakukan ialah:

i. Menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas mencukupi dan berkualiti seperti meningkatkan kualiti prasarana, meningkatkan kualiti infrastruktur dan kemudahan lain, menambah bilangan sekolah satu sesi sama ada sekolah rendah mahupun di sekolah menengah.

ii. Meningkatkan prestasi akademik sekolah kebangsaan.

iii. Penambahbaikan sistem sokongan dengan antaranya menambah bilangan jawatan pembantu guru.

iv. Menambahbaikkan aktiviti kokurikulum dan sukan.

v. Memantapkan kokurikulum termasuklah mungkin dengan memperkenalkan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan.

vi. Mengukuhkan budaya sekolah.

vii. Pemantapan kepimpinan pengetua, guru besar dan kualiti guru.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tuan Yang Dipertua.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah agaknya alasan sehingga mereka sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang besar, masa dan tenaga semata-mata untuk pergi sekolah di sana. Justeru itu, tentu pihak Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk mengurangkan jumlah ini daripada mereka mengeluarkan perbelanjaan yang besar, lebih baik mereka menggunakan perbelanjaan untuk bersekolah di sini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, angka 15,000 orang sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pasir Raja tadi, walaupun mungkin tidak tepat tetapi rasanya tidak jauh daripada anggaran yang dibuat oleh pihak jabatan. Dan, memang seperti saya nyatakan bahawa di Johor Bahru sendiri, ramai juga rakyat di Johor ini yang berkemampuan dan mempunyai pendapatan yang tinggi, yang mungkin mahu melihat anak-anak mereka mendapat pendidikan di sekolah yang mungkin bertaraf antarabangsa, yang mereka rasakan mempunyai kualiti yang mereka rasakan lebih baik.

Namun begitu Kerajaan Negeri sebenarnya telah dan sedang mengambil langkah khususnya melalui IRDA untuk menarik pelaburan daripada sektor pendidikan swasta untuk membuka sekolah-sekolah swasta dan mungkin bertaraf antarabangsa di kawasan Iskandar Malaysia, bagi mengurangkan kebergantungan rakyat Malaysia yang berkemampuan kepada sektor pendidikan swasta di Singapura. Dan apabila wujudnya Iskandar, sudah tentulah wujud peluang-peluang pekerjaan, bukan sahaja di peringkat kumpulan sokongan tetapi juga mungkin di peringkat pengurusan dan mungkin juga ada tenaga-tenaga mahir yang datang daripada luar negara yang bekerja di kawasan Iskandar Malaysia.

Maka, akan ada permintaan untuk sekolah-sekolah yang bertaraf antarabangsa ataupun sekolah-sekolah swasta ini. Dan, langkah Kerajaan Negeri ini sekali gus akan dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar Negara dan merancakkan aktiviti pendidikan dan ekonomi di Negeri Johor dan langkah ini berterusan dari masa ke semasa, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Nanti sekejap, ah jemput Yang Berhormat sekarang.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Kita tahu bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri begitu bersungguh-sungguh untuk meningkatkan dan memperkasakan sekolah kebangsaan dan juga sekolah SRJKC, SRJKT, tetapi kita lihat apa yang dibentangkan tadi begitu ramai juga yang memilih untuk mengambil atau menghantar anak mereka ke Singapura. Apakah ini tidak menjejaskan imej dan juga mutu ataupun pandangan masyarakat khususnya kepada sekolah kebangsaan dan SRJKC ataupun SRJKT yang berada di negara kita sendiri. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya nyatakan tadi sekolah di Singapura adalah pilihan ibu bapa pelajar yang khususnya yang berkemampuan. Ini tidak bermakna bahawa tahap ataupun kualiti pelajaran dan juga pembelajaran negara yang ada di sekolah-sekolah di negara kita, khususnya disediakan oleh kerajaan itu bertaraf rendah sedangkan kerajaan berusaha dari masa ke semasa untuk tentukan bahawa murid-murid yang belajar di sekolah kebangsaan dan juga sekolah menengah di negara kita ini mendapat pendidikan yang terbaik dan sistem pendidikan kita sebenarnya memang diiktiraf antara yang terbaik di kalangan negara-negara membangun.

Cuma, bagi mereka yang berkemampuan, sebenarnya mereka yang rasakan bahawa mereka hendakkan kelainan bagi anak-anak mereka, maka mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta sama ada di dalam negara kita sendiri ataupun di Singapura dan kebetulan Johor Bahru ini terletak berhampiran dengan Singapura, maka mereka ada pilihan untuk menghantar anak-anak mereka ke Singapura. Tapi, usaha memperkasakan sekolah kebangsaan termasuklah sekolah menengah ini berterusan, apatah lagi ianya bersesuaian sebenarnya dengan keadaan negara kita ini kerana ada elemen-elemen tertentu soal, seperti soal kenegaraan, soal patriotisme yang diterapkan kepada pelajar-pelajar atau murid-murid yang bersekolah di negara kita sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah berapa buah sekolah swasta, sekolah menengah, sekolah rendah dan sekolah menengah yang sedia ada di daerah Johor Bahru? Sebab setahu saya ada sebuah atau 2 buah sekolah swasta yang sudah ada dan sekolah antarabangsa juga kenapa ibu bapa murid-murid yang hantar anak mereka ke Singapura tidak berdaftar dengan sekolah swasta yang sedia ada di daerah Johor Bahru?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak dapat jawab soalan berapa buah…

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Kerana itu soalan, soalan baru.

Y.B. Dato' Speaker : Baru, dia jumlah tu, dia tak ada dalam soalan asal. Hah, oklah jemput.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Soal penarikan pelajar-pelajar rakyat Malaysia ke Singapura saya berpendapat bahawa adalah berpunca daripada mutu pendidikan di Negara Singapura yang amat tinggi sekali khususnya dalam pendidikan dalam pelajaran English, Bahasa English. Jadi, apakah langkah-langkah yang sewajarnya diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menaiktarafkan mutu pelajaran dalam Bahasa English?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat anak Yang Berhormat sekolah mana? Belajar kat mana anak Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dulu saya belajar Bahasa English, masa itu sebelum…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, anak-anak? Ada anak?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Anak? Anak saya bersekolah di Singapura, ya.

Y.B. Dato' Speaker : Uih, pandailah. Yalah orang berkemampuan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Sekarang sudah keluar dari Universiti dan telah menjadi guru di situ. Lagi satu…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, satu soalan sahaja, tak boleh dua.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Soalan saya adalah juga.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dalam soalan tambahan, sini saya. Ah, dalam soalan tambahan satu sahaja.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Satu lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dia bukan Yang Berhormat larang saya, saya yang larang Yang Berhormat. Satu soalan saja tambahan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Bukan, ini ada berkaitan dengan soalan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, apa dia, jangan panjang sangat eh.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ini kehilangan bakat, *brain drain*, jadi…

Y.B. Dato' Speaker : Apa?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Selagi belajar-belajar dalam Bahasa Inggeris, belajar kat Singapura untuk belajar di situ maka ini memang kita akan kehilangan bakat. Jadi apakah langkah-langkah yang sewajarnya harus

diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa kehilangan bakat ini tidak akan berterusan sampai sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa pendidikan di Singapura lebih baik daripada apa yang ada di Malaysia khususnya kerana mungkin Yang Berhormat membandingkan pendidikan swasta di Singapura dengan pendidikan yang mungkin diperolehi oleh murid-murid di sekolah kebangsaan ataupun di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan mahupun Tamil mahupun Jenis Kebangsaan Cina yang ada di negara kita. Kerana sudah tentulah sekolah swasta ni dia mungkin mempunyai kurikulum dan ko-kurikulum yang sedikit berbeza dan ini khusus untuk mereka yang berkemampuan. Kalau mungkin membandingkan sekolah swasta yang ada di Kuala Lumpur dengan Singapura itu mungkin lebih adil.

Tetapi ini Yang Berhormat daripada Senai tadi membandingkan seolah-olah pendidikan swasta di Singapura dengan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah yang ada, Sekolah Menengah kerajaan yang ada di negara kita. Malah, kalau saya dah sebutkan tadi bahawa sistem pendidikan yang ada dalam negara kita ini diiktiraf antara yang terbaik dalam dunia membangun. Maknanya dalam di kalangan negara-negara yang membangun. Dan kita dah pun melahirkan ramai profesional, ramai yang mampu untuk melanjutkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi dan mewujudkan pakar-pakar dalam banyak bidang dengan sistem pendidikan yang ada dalam negara kita.

Jadi, tak timbul sebenarnya soal perbandingan sama ada Singapura lebih baik ataupun negara kita lebih baik. Malah kalau dalam konteks negara Malaysia ni, saya yakin bahawa apa yang kita buat, apa yang kita perkenalkan dalam sistem pendidikan negara kita ni adalah yang terbaik untuk rakyat dalam negara kita ni kerana seperti yang saya nyatakan tadi dalam sistem pendidikan kita ni kita terapkan semua aspek kehidupan termasuklah sejarah negara supaya akhirnya mereka menjadi rakyat yang setia kepada negara kita, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Berkenaan Lebuh Raya Senai – Desaru, siapakah syarikat pembinaan, berapakah kos pembinaan, siapakah syarikat penyenggaraan, berapakah kos penyenggaraan tahunan dan berapakah yuran tol dikenakan, bilakah konsesi tol berakhir dan bagaimanakah lebuh raya ini akan memajukan ekonomi khasnya pelancongan di Desaru-Pantai Timur.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ong Kow Meng, jemput.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Sama ada mutu pembinaan lebuh raya Senai – Desaru adalah rendah kerana ianya beralun-alun. Dan sama ada kontraktor utama tidak menunaikan obligasinya sewajarnya walaupun dibayarkan hampir semua jumlah wang kontrak? Dan siapakah kontraktor berkenaan dan kos terlibat.

Y.B. Dato' Speaker : Buka tulah, tak bunyi. Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Eh.

Y.B. Dato' Speaker : Buka tulah, suis ah, tak dengar suara.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ops sorry, yang itu belum lagi, Puan Hamimah, awak yang kena, terbabas pulak aku sampai.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan menjawab soalan lisan ADUN Skudai dengan ADUN Senai berkenaan dengan *Senai - Desaru Highway*. Dan, sebagai latar belakangnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Ranhill Engineers and Contractors Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat pembinaan yang dilantik oleh pemegang konsesi iaitu Senai - Desaru Expressway Berhad untuk membuat lebuh raya ni yang panjangnya 77 kilometer dengan kos pembinaan keseluruhannya RM1.758 bilion termasuk kos pengambilan balik tanah sebanyak RM701 juta. Pemantauan pelaksanaan projek lebuh raya ini yang juga dikenali sebagai Lebuh Raya E22 dilaksanakan oleh Juru Perunding yang dilantik oleh syarikat konsesi juga iaitu Ranhill Consulting Sdn. Bhd. dan LLM ataupun Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah sebagai agensi kawal selia yang memantau sepanjang tempoh pembinaan lebuh raya ini dijalankan. Senai – Desaru Expressway Berhad akan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan yang anggarannya berjumlah RM20 juta setahun sehingga tamat tempoh konsesi pada 17 Julai 2038 sejak lebuh raya ini mula beroperasi pada 10 September tahun ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar tol bagi lebuh raya ini adalah seperti berikut iaitu untuk kenderaan kelas satu iaitu kereta dari Senai ke Ulu Tiram RM3.70 ke Cahaya Baru RM7.60 dan Ulu Tiram ke Senai samalah RM3.70 juga. Ulu Tiram ke Cahaya Baru RM4.70, Cahaya Baru ke Senai sama macam tadi Senai ke Cahaya Baru iaitu RM7.60, Cahaya Baru ke Ulu Tiram, RM4.70. Untuk kenderaan kelas dua iaitu lori 2 gandar ni, Senai ke Ulu Tiram RM5.60 daripada Senai ke Cahaya Baru RM11.40. Ulu Tiram ke Senai RM5.60 sama macam tadi jadi Senai - Ulu Tiram, Ulu Tiram - Senai, Ulu Tiram ke Cahaya Baru RM7.00 dan Cahaya Baru ke Ulu Tiram RM7.00. Untuk kenderaan lori treler, ni lori 3 gandar ni dari Senai ke Ulu Tiram RM7.50 ke Cahaya Baru RM15.20, Ulu Tiram ke Cahaya Baru RM9.30 dan Cahaya Baru ke Ulu Tiram RM9.30. Untuk teksi pula daripada Senai ke Ulu Tiram RM1.90 ke Cahaya Baru RM3.80, Ulu Tiram ke Cahaya Baru RM2.30 dan Cahaya Baru ke Ulu Tiram juga RM2.30. Untuk bas, Senai ke Ulu Tiram RM1.40, Senai ke Cahaya Baru RM2.90, Ulu Tiram ke Cahaya Baru RM1.70, Cahaya Baru ke Ulu Tiram, RM1.70.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Lebuh Raya E22 akan memendekkan masa perjalanan dan mengurangkan kos pengangkutan di antara Pantai Barat Johor dan Pantai Timur negeri kita ini. Sebagai contoh apabila siap nanti perjalanan antara Senai hingga ke Bandar Penawar. Bandar Penawar dia sampai ke Persimpangan Cahaya Baru ke Bandar Penawar dijangka hanya akan mengambil masa 45 minit dalam keadaan kenderaan berjalan secara biasa.

Pembukaan lebuh raya ini secara langsung telah pun mula menarik minat para pelabur berpotensi untuk melabur di kawasan Pantai Timur Johor selain mampu meningkatkan nilai hartanah dan pemangkin pertumbuhan ekonomi setempat. Para pelancong juga dari Pantai Barat Johor, negeri-negeri lain dan juga termasuk dari jiran kita Singapura, jiran yang terdekatlah akan lebih mudah untuk sampai ke tempat-tempat pelancongan yang menarik seperti Desaru dan juga Tanjung Balau.

Kalau saya hendak menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Senai memang saya akui terdapat beberapa permukaan jalan yang rosak, yang berombak, beralun di beberapa lokasi. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, LLM memaklumkan iaitu yang rosak ini hanya menyumbang kurang daripada 1 % daripada keseluruhan jalan yang telah siap dan sehingga kini 65 % atau 50 kilometer daripada jajaran keseluruhan lebuh raya ini iaitu sejauh 77 kilometer boleh dilalui. Ranhill Engineers dan Contractor Sdn. Bhd. selaku kontraktor utama projek ini telah pun mengenal pasti masalah ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memperbaiki untuk menjamin keselamatan dan keselesaan para pengguna E22. Sebarang kerosakan dan permasalahan berkaitan juga akan diatasi oleh Ranhill dalam tempoh *defect*, dengan izin tempoh *defect liability period* ataupun tempoh tanggungan kecacatan iaitu sepanjang 2 tahun.

Dalam masa yang sama penyelarasan pemantauan projek lebuh raya ini sewaktu pembinaan di tapak dilaksanakan oleh LLM secara berterusan sehingga lebuh raya siap sepenuhnya untuk dibuka kepada trafik nanti. Dan untuk makluman Dewan, dengan izin, *periodical quality inspection* juga turut dilaksanakan setiap bulan sewaktu peringkat pembinaan. Selain itu, *pavement condition assessment*, dengan izin juga untuk menentukan tahap keselesaan pemanduan telah dilaksanakan sebelum lebuh raya dibuka kepada trafik. Ujian terhadap turapan lebuh raya seperti PCA iaitu *Pavement Condition Assessment*, dengan izin, untuk menilai tahap keadaan permukaan jalan raya itu sama ada baik ataupun tidak telah pun dilaksanakan sewaktu peringkat sebelum pembukaan Senai-Pasir Gudang pada September yang lalu. Keadaan *pavement* didapati berada dalam kategori baik iaitu P.S.R. nya berada dalam apa, lingkungan tahap yang dibenarkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya merasai bahawa soalan asal saya tidak dijawab secara tepat khususnya sama ada wujudnya penyelewengan…

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : … yang mana kontraktor utama sama ada telah dibayar sepenuhnya jumlah wang kontrak, sama ada kontraktor berkenaan telah melarikan diri itu..

Y.B. Dato' Speaker : Hm...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : …adalah atas maklumat yang saya terima daripada orang awam. Saya harapkan satu jawapan yang tepat terhadap soalan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Kontrak lari eh? Betul kontrak lari? Hm...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya ingat saya dah jelaskan tadi, *all the speck*, saya dah *mention*, saya dah sebut. Ha, semua tahap-tahap pemeriksaan telah dibuat setiap tahap sebelum dibuka lebuh raya ini. *Stretch* yang itu, itu, yang daripada Senai ke Pasir Gudang. Tetapi, selepas itu juga berlaku kerosakan ini, jalan yang tidak rata, timbul. Dan, kontraktornya masih ada lagi. Dan, semua verifikasi telah ditunaikan melalui pemeriksaan yang dibuat bersama oleh semua pihak yang berkenaan termasuk LLM sendiri. Tapi, walau macam mana pun, apa kerja pun, mesti ada *defect liability period*, dengan izin, itu yang saya sebut tempoh kecacatan, dan tempoh kecacatan itu dua tahun. So, dalam masa 2 tahun ini dia kena baikilah. Mana yang rosak, baiki, dalam masa 2 tahun ini. Dan ini mesti dilakukan oleh kontraktor yang me.. apa ni konsesi *holder* dan juga kontraktor yang membuat lebuh raya ini.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dato' Speaker …

Y.B. Dato' Speaker : Nanti kejap.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Soalan tambahan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Nanti. Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ha, terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan, saya ingin nak tahu mengikut perjanjian berapa tahun sekali ke pembayaran kadar tol itu dikaji semula, naik ke turun ke? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : (Ketawa). Ha, yang saya boleh jawab, kadar tol yang diberikan adalah sama macam North South Highway, iaitu RM14 lebih /km, *no, no, sorry*, 14 sen, 14 perpuluhan berapa tadi, ha, 14.96 sen/km. Itu dia punya kos. Berapa kali dia nak *revise*, saya ingat itu semua ada dalam *agreement*, saya belum ada masa nak tengok *agreement*lah. Ha, Yang Berhormat boleh tanya pihak Jabatan Pusat yang buat.

Y.B. Dato' Speaker : Ini *federal*. Ha, ye, Skudailah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker. Selain sebab yang dikatakan Yang Berhormat Datuk tadi, *defect* ada tempoh *defect*, *guarantee* ini adalah 2 tahun. Dalam 2 tahun ini jikalau

didapati seperti permukaan jalan itu kurang rata, berombak. Selain daripada NTC, *notice to correct* diberikan kepada pihak kontraktor, adakah sebarang tindakan seperti denda ke, tindakan *primitive action*, tindakan secara hukuman yang boleh dilakukan kepada pihak kontraktor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Apa yang saya difahamkan ini oleh pihak LLM ialah semasa *defect liability*, masa tempoh kecacatan itu, pihak kontraktor itu kena sentiasa merosakkan segala kebaikan yang timbul, berkenaan dengan soal denda ataupun apa...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, membaiki.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : (ketawa) Membaiki ya, membaiki kerosakan, ok. Tapi berkenaan dengan denda itu tidak ada dalam makluman saya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

Adakah menjadi masalah kepada Kerajaan Negeri dalam menyelaras kenaikan elaun guru-guru KAFA sehingga melepasi tahap kemiskinan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok, depan ada pelawat dari Masjid Kolam Air, Yang Berhormat kenal, jadi jawab betul-betul ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kawasan Penawar, pihak berkuasa yang menawarkan lawatan guru KAFA adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM. JAKIM ini akan menyedia peruntukkan kewangan bagi tujuan pembayaran elaun guru KAFA, manakala pelantikan dan penempatan guru KAFA diuruskan oleh Jabatan Agama Johor. Bagi mengurus dan mengawal perbelanjaan kewangan KAFA, pihak JAKIM telah melantik Penyelia KAFA. Dan ada 3 orang Penyelia KAFA di peringkat negeri dan 22 orang Penyelia KAFA di peringkat daerah.

Status jawatan guru-guru KAFA bertaraf sambilan sahaja. Sehingga hari ini Jabatan Perkhidmatan Awam belum menawarkan sebarang skim perkhidmatan kepada guru-guru KAFA di seluruh negara. Guru-guru KAFA menerima elaun tetap RM500.00 sebulan daripada JAKIM dan dikehendaki mengajar selama 2 jam sehari sebanyak 3 hari seminggu. Walau bagaimanapun, atas keprihatinan Kerajaan Negeri Johor, guru-guru ini telah dibantu dengan menyerap mereka untuk mengajar kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Johor secara integrasi selama 5 hari seminggu dengan tambahan elaun bersih secara tetap antara RM112.00 dan RM312.00 sebulan bergantung kepada jam perkhidmatannya di sekolah. Bagi guru-guru KAFA yang mengajar selama 3 jam sehari dalam seminggu, Kerajaan Negeri telah menambah elaun sebanyak RM112.00 sebulan. Jumlah ini menjadikan guru-guru KAFA menerima RM612.00 sebulan bagi mereka yang mengajar 3 jam sehari. Sementara itu guru-guru KAFA yang mengajar 4½ jam sehari dalam seminggu, Kerajaan Negeri telah menambah elaun sebanyak RM312.00 sebulan dan jumlah ini menjadikan elaun guru-guru KAFA ialah sebanyak RM812.00 sebulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan Elaun Sara Hidup sebanyak RM100.00 seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa pembentangan bajet 2010. Dengan pemberian ini, seramai 1,272 orang guru KAFA yang mengajar 4½ jam, akan menikmati elaun sebanyak RM912.00 sebulan dan seramai 586 orang guru KAFA yang mengajar 3 jam akan menerima elaun sebanyak RM712.00 sebulan. Elaun ini diberikan berdasarkan kepada hasrat Kerajaan Negeri supaya guru-guru KAFA di Negeri Johor ini boleh menggunakan elaun tambahan ini serta membantu meringankan kos sara hidup yang terus meningkat. Dan, dengan tambahan ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2.2 juta setahun. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Wah, dah siap bangun dah. Yang Berhormat Datuk Haji Sulaiman bin Taha, jemput.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 6.

Berapa ramaikah pelancong yang telah datang melancong ke Negeri Johor mengikut negara dan pecahannya bermula pada Januari 2008 hingga sekarang?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman bagi pihak Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Sila terangkan statistik kemajuan industri pelancongan Negeri Johor, jumlah kedatangan pelancong, pendapatan negeri dan hal-hal lain berkaitan dengan pelancongan Negeri Johor pada tahun 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Sulaiman bin Taha, jemput. Oh, dah sihat? Banyak soal?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Taha (Tenang) : Alhamdulillah Yang Berhormat. Soalan saya ialah soalan nombor 8.

Berapakah jumlah perbelanjaan melalui tukaran mata wang asing yang telah dibelanjakan oleh pelancong-pelancong yang datang melancong ke Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut rekod yang diberikan oleh pihak Jabatan Imigresen Johor, jumlah kemasukan warga asing ke Negeri Johor bagi tempoh 6 bulan pertama tahun ini, iaitu Januari hingga Jun tahun 2009 adalah seramai 7,351,710 orang berbanding dengan tempoh yang sama iaitu bagi tempoh Januari hingga Jun tahun lepas iaitu tahun 2008 ialah 7,018,282 orang. Ini bererti ada kenaikan sebanyak 4.7%. Bagi pecahan mengikut negara pula, jumlah kemasukan warga asing ke Negeri Johor mengikut 10 pasaran utama untuk Januari hingga Jun tahun 2009 adalah seperti berikut:

i.	Singapura	6,043,618 orang
ii.	Indonesia	401,882 orang
iii.	China	202,669 orang
iv.	Filipina	118,215 orang
v.	India	101,875 orang
vi.	Jepun	76,604 orang
vii.	Thailand	41,391 orang
viii.	United Kingdom	40,349 orang
viii.	Korea Selatan	39,384 orang; dan
ix.	Australia	32,318 orang

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk tahun 2008, Negeri Johor telah berjaya memperoleh pendapatan melalui sektor pelancongan sebanyak RM2,329.4 juta dan juga satu peningkatan berbanding dengan pendapatan yang diterima pada tahun 2007 iaitu sebanyak RM2,165.3 juta iaitu ada kenaikan 7.5%. Manakala untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini, iaitu Januari hingga Jun 2009, Negeri Johor telah memperoleh pendapatan sebanyak RM1,149.8 juta. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat sehingga penghujung tahun 2009 ini. Perangkaan ini diberikan adalah sepertimana rekod perbelanjaan pelancong yang telah diberikan oleh pihak Tourism Malaysia. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan. Mengikut penjelasan daripada EXCO Portfolio Pelancongan, saya rasa jumlah pelancong yang datang melawat ke Negeri Johor memang menggalakkan. Saya ingin nak tahu penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan keadaan di Mersing dan juga di Kota Tinggi memandangkan kedua-dua daerah ini adalah daerah pelancongan untuk yang digelarkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan kita galakkan supaya semua pelancong kena datang dan tumpukan kedua-dua pusat pelancongan ini.

Saya ingin nak tahu mengikut %an dan juga jumlah pelancong yang melawat kedua-dua daerah dan apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan supaya masa depan akan lebih cerah. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini soalan tambahan lain ni. Dia tak tanya jumlah kedua-dua daerah eh?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sebab ini jumlah…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, tapi dia tak bersedialah. Dalam soalan asal itu tidak terlibat dua daerah. Dia sebut seluruh Negeri Johor. Ha, yalah, terpulang Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya, mungkin saya jawab sebahagian daripada itu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ni geng eh? Geng Yang Berhormat eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Semua, semua geng juga.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin angka untuk Mersing dan Kota Tinggi, saya tak dapat memberikan pada sekarang. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya, selain daripada apa tindakan yang boleh kita buat untuk menarik lebih ramai pelancong pergi ke Mersing dan Kota Tinggi, khususnya ke Mersing. Saya telah pun membuat satu lawatan ke semua daerah termasuklah ke Kota Tinggi dan Mersing, di mana di Mersing ini, memang banyak pulau telah pun menjadikan satu tarikan yang penting kepada pelancong-pelancong asing ataupun pelancong domestik. Dan saya ingin maklumkan di sini, selain daripada kita membuat promosi kepada pelancong-pelancong asing yang datang ke Negeri Johor ini, baru-baru ini apabila kita buat satu promosi di Negeri China misalnya, memang saya lihat daripada statistik, Negeri China merupakan sumber yang ketiga yang paling ramai datang ke Negeri Johor. Maka, dengan adanya peluang untuk kita membuat promosi ini, pelancong-pelancong yang dari Negeri China ini memang minat sangat tentang pulau-pulau yang ada di Negeri Johor ini. Maka, dengan peluang yang ada ini, baru lebih kurang satu, dua minggu dahulu, saya telah pun memperkenalkan pulau-pulau yang cantik yang berdekatan dengan daerah Mersing ini,. Dan, mereka mungkin ada hasil daripada perbincangan kita dan tak lama lagi mungkin ada satu kumpulan yang besar yang datang ke Negeri Johor khususnya untuk pergi ke Mersing dan ke pulau-pulau yang menarik untuk melawat di kawasan-kawasan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Jangan lupa beritahu Wakil-Wakil Rakyat, Yang Berhormat. Pergi ke Mersing.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Kita akan maklumkan kepada Wakil Rakyat yang

berdekatan dengan daerah Mersing ini. *So*, pada keseluruhannya, saya ingin mengatakan di sini, selain daripada usaha daripada pihak kerajaan, khususnya Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor. Saya juga ingin merayu kepada peniaga-peniaga dan juga industri pelancongan itu sendiri daripada pihak swasta supaya dapat bekerjasama dengan pihak Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor supaya kita sama-sama majukan industri pelancongan di Negeri Johor khususnya pulau-pulau yang ada, yang dapat kita menarik perhatian daripada pelancong yang datang ke Negeri Johor. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puteri Wangsa. Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Telah dinyatakan oleh EXCO Pelancongan tadi mengenai dengan kemasukan pelancong-pelancong asing daripada Singapura, India dan sebagainya. Dan lawatan ke pulau telah dipelawa kepada saya dan rakan-rakan yang lain. Tetapi menjadi masalah kepada pemilik-pemilik pulau yang mana kita tahu bahawa di dalam negara kita khususnya Negeri Johor, banyak pulau-pulau yang terdapat di dalam negeri kita yang boleh dimajukan sebagai industri pelancongan, yang boleh menarik pelancong-pelancong datang. Tetapi menjadi persoalan, kerana jeti-jeti yang dikhususkan kepada pelancong untuk berlabuh, untuk mengambil atau untuk mendapatkan kelulusan, ia mengambil masa yang lama. Sebagai contoh, Pulau Sibu Besar ataupun Pulau Rawa yang kita buat lawatan, mereka telah menyediakan semua butiran-butiran yang perlu untuk *submission* mendapat kelulusan. Tetapi, pihak-pihak tertentu tidak meluluskan permohonan tersebut kerana mereka memerlukan laporan daripada EIA, di mana ini juga akan menyukarkan pihak pengusaha pulau untuk mendapatkan lesen jeti sementara. Di mana lesen jeti sementara itu diperlukan oleh pemilik pulau supaya, jika berlaku sesuatu, keselamatan pelancong-pelancong ini akan dapat dilindungi dengan lindungan insurans. Jadi, saya...

Y.B. Dato' Speaker : Apa soalan dia?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Soalan saya, kenapa lambat untuk memberi lesen kepada pengusaha-pengusaha pulau dan pulau-pulau ini ada potensi untuk dimajukan selain daripada Tioman, yang kita tahu hak Pahang. Negeri Johor sendiri, banyak pulau-pulau yang perlu diambil kira dan perlu dibantu. Dan, saya berharap agar pihak Yayasan juga dapat bekerjasama dengan Pelancongan supaya mereka dapat menarik lebih ramai pelancong. Terima kasih, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin Yang Berhormat memberi cadangan. Saya ingin maklumkan di sini bahawa dari segi kemudahan asas yang ada di tempat-tempat tarikan di Negeri Johor ini, Majlis Tindakan Pelancongan memang membantu dari segi mendapatkan peruntukan. Kita minta peruntukan daripada Kementerian Pelancongan. Tetapi saya akuilah, dari segi kemudahan asas ini, termasuklah jeti. Jeti apabila meluluskan jeti ini, ia

memerlukan kerjasama dan juga kelulusan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain. Maka dengan itu, saya ingin merayulah kepada pengusaha di pulau-pulau ini, kalau misalnya ada buat satu permohonan tentang mendapatkan jeti dan sebagainya, saya setujulah kalau Yang Berhormat pun merayu kepada pihak pengusaha supaya melaporkan ataupun berbincang dengan pihak Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor. Maka, kita akan sama-samalah cuba pendekkan tempoh untuk kita dapat kelulusan. Kalau ada keperluan-keperluan yang harus kita patuhi, kalau ada apa-apa masalah yang timbul, Majlis Tindakan Pelancongan akan bantu untuk selesaikan perkara ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, kejap. Tenang dulu.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Soalan tambahan. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat di atas penjelasan yang begitu baik. Sehingga Jun 2009, pendapatan Negeri Johor lebih kurang RM2 bilion hasil daripada pelancongan. Soalan saya, apakah definisi pelancongan di sini? Kalau dikatakan pelancong dari Singapura lebih kurang 6 juta setengah tahun yang pertama. Apakah yang dikatakan pelancong dari Singapura ini, kalau dia datang ke Johor, mungkin dia datang makan mee, pergi *shopping*, pergi beli sayur, lepas itu dia balik. Apakah ini dikira juga sebagai pelancongan ataupun sifatnya bermalam di Johor, berbelanja di Johor atau bagaimana yang dikatakan pelancong? Kerana dari Singapura ini, jumlahnya tinggi. Tapi saya perhatikan hari-hari dia datang dengan kereta, dia datang dengan motor, mungkin juga datang dengan basikal daripada Singapore.

Y.B. Dato' Speaker : Mana ada, Yang Berhormat basikal. Tak nampak pun saya. Betul ke? (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Kemungkinan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, itulah dia. Iyalah, jangan cakap, tak nampak.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Soalan saya, apakah definisi pelancongan di sini khususnya tentang rakyat Singapura yang datang ke Johor ataupun Malaysia? Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, memang benar. Saya sebutkan angka tadi adalah dari segi kemasukan. Kemasukan kalau untuk tempoh enam bulan yang lalu, ataupun enam bulan pertama, 7 juta. Kemasukan, kemasukan. Kemasukan ini memang benarlah dia, dia, dia mungkin termasuk pelancong, pelawat, kadang-kadang dia kerja di sini. Ada kemungkinan dapat kerja dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kalau ikut angka ini ataupun status pelancong itu kalau kita anggap dia sebagai pelancong dia akan menginap sekurang-kurangnya satu malam, kita anggap sebagai pelancong. Tetapi kita tidak boleh abaikan selain daripada orang yang menginap di Negeri Johor, saya sebutkan tadi ramai yang datang dari Singapura, mungkin dia sebagai pelawat harian ataupun *excursionist* ataupun kita sebut dia datang, mungkin pagi dia datang, akhirnya lewat malam dia balik. Dia tidak menginap. So, kalau tak menginap satu

malam kita tidak anggap dia sebagai pelancong. Tetapi kita anggap dia sebagai pelawat harian. Saya tidak dapat bagi angka yang, yang tepat sebab *Tourism* Malaysia akan membekalkan maklumat ini sampai hujung tahun, baru mereka boleh hasilkan sama ada berapa % sebagai pelancong yang dapat menginap sekurang-kurangnya satu malam. Berapa ramai yang menjadi pelawat harian dan sebagainya.

Pada keseluruhannya saya nampak dari segi usaha kita, selain daripada kita menarik ramai daripada orang-orang Singapura dan juga daripada Indonesia. Jangan lupa mereka masuk di sini, walaupun dia tidak menginap tapi kalau pagi sampai malam mereka berada di Negeri Johor ini, ataupun khususnya di bandar raya Johor Bahru ini, mereka tetap belanja. So, saya lihat dari segi rekod yang ada, pada purata, kalau enam bulan pertama lebih kurang RM1 bilion mereka belanja, termasuk pelancong, termasuk pelawat harian. Ini merupakan satu sumber pendapatan yang cukup besar. Maka saya rasa ini merupakan satu tanggungjawab yang berat bagaimana kalaupun mereka datang satu hari pun, apa tempat yang boleh kita tawarkan kepada mereka dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Dia pergi kat Pasar Tani Larkin Yang Berhormat, ramai. Tiap-tiap hari Sabtu. Saya nak beli barang pun dah naik harga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yalah. Kalau mereka datang untuk belanja, semua peruncit pun dapat untung. So, saya, saya rasa selain daripada cara untuk kita menarik mereka, saya juga haraplah, termasuklah Wakil-Wakil Rakyat supaya melayan mereka dengan baik, supaya mereka suka datang ke Negeri Johor, khususnya di Johor Bahru ini. *So* saya nampak dari segi kerjasama daripada agensi kerajaan yang lain memang menggalakkan. Termasuklah polis, imigresen, kastam dan sebagainya pun, sama-sama, termasuklah MATTA untuk kita sama-sama membantu memajukan industri pelancongan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya. Kalau pelancong tu, datang satu kali tu, mungkin dia bukan minat sangat. Tapi kalau datang kali kedua tu, ha itu dia memang dia minat untuk Negeri Johor ni. Sebab tu saya nak tanya adakah ada pangkalan data untuk pelancong yang masuk kali kedua, ketiga tu.

Y.B. Dato' Speaker : Ada data Yang Berhormat. Ni soalan lain ni, tak boleh nak jawab tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Walaupun tak ada jawapan yang tepat sekali kata sama ada pelancong tu satu kali ke dua kali. Saya boleh puratalah saya nampak mesti lebih dari sekalilah. Sebab itu, saya, saya rasa dalam Majlis Tindakan Pelancongan ini, kita harus mewujudkan pakej, pakej pelancongan yang lebih untuk pilihan. Maka, kalau kita wujudkan pakej yang baru ini, ada yang satu, satu hari untuk pelawat harian, kita ada dua malam, dua, dua hari satu malam, tiga hari dua malam, empat hari tiga malam. Dan dalam satu kategori pun kita banyak pilihan. *So*, saya boleh katakan lebih, cukup selamat saya katakanlah

pelancong yang datang ke Negeri Johor ini tetap dia akan berulang-ulang. *So*, mesti ada lebih daripada satu kalilah. Itu boleh saya katakan.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker. Menurut Bajet, Laporan Ekonomi Bajet 2010 disediakan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri, angka yang dah di, di, apa, dibekalkan adalah sampai September, sembilan bulan. Tetapi angka yang disediakan oleh Yang Berhormat adalah sampai Jun sahaja. Membuat perbandingan di antara sampai Jun tahun 2008 dan 2009. Tapi ikut Laporan ini, Ekonomi, Laporan Ekonomi disediakan oleh UPEN, menunjukkan sampai September sembilan bulan pertama berbanding 2009 dengan 2008, bilangan pelancong yang melancong ke Johor melalui Johor Bahru telah menurun sebanyak 36%. Apakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki pelancongan di Negeri Johor dan sama ada Yang Berhormat telah membaca Laporan Ekonomi yang telah disediakan oleh UPEN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebutkan tadi tentang jumlah kemasukan. Kementerian Pelancongan cuma boleh bekalkan statistik yang sebenarnya pada hujung tahun, tiap-tiap tahun. Maka, kalau kita katakan status pelancong ini, dia sekurang-kurangnya menginap satu malam. Saya anggap sebagai lebih tepat ialah, selain daripada mereka menginap di hotel-hotel. Kadang-kadang mereka duduk di *homestay*. Ada yang duduk di rumah kawan ke, atau pun sebagainya. *So*, nak, nak jadi satu angka yang tepat sekali memang bukan tiap-tiap hari kita dapat perolehi. Cuma saya boleh katakanlah, dari segi jumlah yang ada ini mungkin laporan dan sebagainya dia ada tafsiran yang berbeza. Maka, lebih tepat ialah saya rasa dari jumlah yang ada ini kemasukan itu pada satu tapi kalau nak ukur kedatangan pelancong itu sendiri memang sukar untuk dapat satu angka yang lebih tepat. Jadi laporan itu mungkin ada yang berbeza-beza. *So*, saya, saya harap Yang Berhormat faham tentang pelawat harian dan juga pelancong itu sendiri ada sedikit perbezaan dia. Walau bagaimanapun saya nampak kemasukan ada meningkat, dan mungkin pendapatan pun kita dapat, dapat keuntungan yang lebih. Itu, itu dalam rekod yang saya adalah. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Haji Dasuki, jemput.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Haji Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker Soalan nombor 9.

Dalam Bajet 2010, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Klinik Kesihatan Komuniti di kawasan-kawasan perumahan yang dikenali sebagai Klinik 1Malaysia dan akan beroperasi dari jam 10 pagi hingga 10 malam. Adakah kerajaan juga akan menyediakan kemudahan-kemudahan yang sama di klinik-klinik desa yang ada sekarang untuk kemudahan penduduk-penduduk luar bandar?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan tidak menyediakan kemudahan yang sama di klinik-klinik desa, bagi Klinik 1Malaysia. Penubuhan Klinik 1Malaysia ini, bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan ringan kepada penduduk di kawasan bandar. Secara tidak langsung ianya dijangka dapat membantu mengurangkan kesesakan di klinik kerajaan, di kawasan bandar sedia ada. Dalam hal ini, akses masyarakat untuk mendapatkan rawatan ringan terutamanya di kawasan bandar dapat ditingkatkan. Klinik 1Malaysia dijangka akan memperluaskan akses perkhidmatan kepada masyarakat khususnya penduduk-penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Skop perkhidmatan boleh dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih. Ia meliputi perkhidmatan rawatan ringan, susulan kes penyakit kronik, melakukan prosedur rawatan ringan, menstabilkan pesakit sebelum dirujuk ke hospital, perkhidmatan makmal menggunakan *point of test*, pendispensi ubat-ubat, khidmat nasihat atau promosi kesihatan kepada pesakit. Masa perkhidmatan dijalankan dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari bekerja bukan, dan bukan hari rehat mingguan atau hari kelepasan am.

Bagi Negeri Johor, 5 lokasi Klinik 1Malaysia telah dikenal pasti dan kawasan-kawasan yang dipilih telah dikenal pasti kedudukannya kerana berada di kawasan bandar yang padat penduduknya, penduduknya yang berbilang bangsa sesuai dengan slogan 1Malaysia, tiada kemudahan pengangkutan awam yang sesuai, jarak dari klinik kesihatan yang berhampiran dalam lingkungan 8 sampai 10 kilometer, pesakit-pesakit yang tercicir terutama pesakit darah tinggi dan kencing manis kerana jumlah pesakit ini adalah tinggi di kawasan tersebut, dan kebanyakan penduduk kawasan-kawasan tersebut adalah berpendapatan sederhana dan rendah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha. Permas Jaya dulu. Tak nampak saya, *sorry* ya.

Y.B. Encik Munusamay a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih. Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi peluang. Cuma satu soalan berkenaan dengan Klinik 1Malaysia ni. Tadi Yang Berhormat EXCO telah kata 5 lokasi telah dipilih. Saya ingin tahu bilakah klinik-klinik ini akan dibina sebab saya difahamkan Masai juga adalah satu lokasi yang telah dikenal pasti. Saya belum tahulah. Sekiranya ada saya ucap terima kasihlah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tahu ya, Masai ada? Ada Masai?

Y.B. Encik Munusamay a/l Mareemuthu (Permas) : Berkenaan dengan ciri-ciri yang merangkumi bagi Klinik 1Malaysia ini. Adakah ciri-ciri keanggotaan kakitangan dapat diambil kira supaya boleh mencerminkan konsep 1Malaysia dengan sebenar-benarnya?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bercampur-campur?

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, 1Malaysia. Mana.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ok. Bagi Negeri Johor 5 lokasi yang dikenal pasti adalah Daerah Johor Bahru ada 3 buah; Blok B Rumah Pangsa Stulang, Bakar Batu, Rumah Pangsa Bandar Seri Alam, Masai, Rumah Kedai Taman Megah Ria, Masai, di Kulaijaya 1 buah; di lot-lot kedai di Taman Senai Utama, Senai dan di Kluang di Taman Seri Lambak. Jadi dijangka, Insya-Allah, kita akan beroperasi awal tahun 2010 ini. Mungkin Januari atau Februari. Sekarang ini tengah, kita tengah kenal pasti dan membuat *lay out plan* untuk, untuk ubahsuai tempat yang akan menjadi Klinik 1Malaysia tulah. Jadi, memang pun hasrat kita adalah untuk mewujudkan satu Klinik 1Malaysia maknanya berbilang kaum tetapi kakitangan tu tergantung kepada kelulusanlah. Jadi tiap satu Klinik Malaysia tu kita adakan satu Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih. Kalau apa-apa bangsa pun kalau dia ada kebolehan dan kelulusan sedemikian, boleh, memang kita akan tempatkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, jemput. Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Klinik 1Malaysia adalah satu cadangan yang cukup baik. Bagaimanapun, seperti yang dalam pertanyaan tadi, adalah lebih baik jika klinik ini diadakan di kawasan luar bandar kerana di sinilah di mana kekurangan dari segi rawatan kemudahan perubatan dan juga di mana masyarakat kebanyakannya masih berpendapatan rendah. Di bandar, saya rasa kalau setakat sampai pukul 10:00 tu, masih banyak lagi klinik yang bukalah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya klinik ada?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : … ataupun klinik swasta.

Y.B. Dato' Speaker : Klinik Yang Berhormat buka pukul berapa?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Sampai 9:30. Jadi, boleh datang klinik saya, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Tak bayar, *free* eh?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi, soalan saya kenapa…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tu dia tak jawab.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : ... tidak diutamakan di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Tak jawab bila dia dengar *free*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas soalan Yang Berhormat. Saya dah cakap tadi tentang kenapa kita buat di, apa perkhidmatan kita khusus-khususnya di bandar-bandar. Sebab di bandar-bandar banyak berpendapatan rendah sederhana dan penduduknya padat. Kalau di luar bandar penduduknya mungkin tak sepadat kalau kita lihat di daerah-daerah yang disebutkan tadi, yang rumah pangsa, berpuluh-puluh rumah pangsa tidak ada klinik, jadi di situlah, di situ ada berbilang kaum dan berbilang masyarakat. Jadi, justeru itulah di daerah-daerah itu yang kita tumpukan untuk beri perkhidmatan sebaiknya. Yang dikenal kepada umum Klinik 1Malaysia, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong jemput.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Soalan nombor 10.

Y.A.B Perdana Menteri telah melancarkan program untuk menghadkan pengimportan bahan makanan dengan tujuan mengurangkan pengaliran mata wang ke luar negara. Adakah Kerajaan Negeri Johor telah mengambil langkah yang dinamik dan selari dengan seruan YAB Perdana Menteri terutamanya dalam sektor pertanian.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sihat?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Sihat, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Dengar cerita banyak kerja, oklah. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Kerja gaduhlah Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Saya tak tanya gaduh. Yang Berhormat pula, apa pula tajuk gaduh. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor telah sekian lama mengambil langkah-langkah pro-aktif dan dinamik untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan dalam negara dan sekali

gus diharapkan akan dapat mengurangkan pengaliran keluar mata wang ke luar negara. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ialah seperti berikut :

i. Mewujudkan Zon Tanaman Makanan iaitu ZPM. Program ini telah dimulakan pada tahun 1997 dan diselaraskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor. Kawasan ini adalah dikhususkan untuk aktiviti pengeluaran tanaman makanan dan seluas 6,507 hektar telah dikurniakan kepada 30 syarikat pertubuhan peladang kawasan, Pertubuhan Perladangan Negeri Johor dan individu.

ii. Mewujudkan Projek Tanaman, Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan, TKPM, Kerajaan Negeri Johor telah menyediakan kawasan untuk mewujudkan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan ini dan sehingga ini di selenggara oleh Jabatan Pertanian telah dapat mewujudkan sebanyak 6 projek TKPM dengan keluasan fizikal berjumlah 253 hektar dan melibatkan 47 orang peserta dengan nilaian pengeluaran kasar bulanan sebanyak RM209,700.00.

iii. Bekerjasama bagi mewujudkan Projek Pertanian Moden. Di Ayer Hitam, Kluang yang telah dilancarkan pada Oktober 2004 dengan disertai oleh 21 syarikat dalam bidang ternakan, tanaman, ikan hiasan dan juga agro pelancongan di kawasan seluas 3,653 hektar. Kini terdapat 30 syarikat peserta yang menjalankan aktiviti, masing-masing di kawasan Projek Pertanian Moden yang mengeluarkan hasil purata bulanan RM3 juta hingga RM3.5 juta nilai harga ladang. Sekarang ini tengah berlangsung Ekspo Agro Johor. Jadi, mana-mana Ahli Yang Berhormat belum sempat sampai, ada masa sampai besok.

iv. Mewujudkan Ladang Bio-Desaru. Kerajaan Negeri Johor telah mensasarkan satu tanda aras baru dan menjadi model kepada industri pertanian di Malaysia dengan memperkenalkan dan mengembangkan pembangunan bio pertanian berintegrasi. Kira-kira 3,642 hektar tanah di Tanjung Balau, di Kota Tinggi iaitu di kawasan berhampiran dengan pusat peranginan Desaru telah diperuntukkan yang dinamakan Bio-Desaru Lembah Makanan Berorganik. Fungsi utama Bio-Desaru diperkenalkan adalah untuk meningkatkan hasil makanan melalui tanaman, ternakan dan akuakultur. Di samping itu juga menjadi pusat penyelidikan dan latihan. Johor Bio Teknologi dan Johor Bio-Diversiti Corporation, JBBC, telah diberikan tanggungjawab untuk membangunkan Bio-Desaru menjadi wilayah pembangunan pertanian berasaskan bio-teknologi yang termoden. Dengan kemudahan dan pelaburan yang disalurkan sudah pastinya suatu hari nanti Bio-Desaru akan menjadi hub makanan berorganik dan pusat pelancongan pertanian. Sekali gus menepati sasaran Kerajaan Negeri Johor dan objektif Kerajaan Malaysia.

v. Kerajaan Johor juga memperkenalkan konsep Kebun Integrasi. Salah satu, satu lagi langkah untuk terus menggalakkan aktiviti pertanian khususnya pengeluaran makanan dilaksanakan secara mampan di negeri ini, pihak kerajaan juga telah memperkenalkan Konsep Kebun Integrasi yang mana ia merupakan satu kaedah dalam mengusahakan

kebun dengan cara menggabungkan lebih daripada satu aktiviti atau pun bidang usaha dalam satu kebun. Perkebunan integrasi yang sempurna adalah menggabungkan aktiviti tanaman, ternakan dan akuakultur yang dijalankan dalam satu kebun. Satu ciri penting dalam kebun integrasi ialah penekanan kepada konsep buangan sifar di mana semua sisa tanaman dan sisa ternakan akan diproses untuk menjadi baja ataupun makanan ternakan ataupun makanan ikan. Melalui kaedah perkebunan integrasi ini juga akan menyumbang kepada pencapaian ke arah pertanian mampan yang mana sistem perkebunan yang berupaya mengekalkan pengeluaran yang berfaedah kepada masyarakat di mana ianya memelihara sumber-sumber untuk generasi akan datang seterusnya menyokong kehidupan sosial berdaya saing daripada segi ekonomi dan mesra alam. Sehingga kini sebanyak 373 projek telah dikenal pasti dan dilaksanakan di 44 kawasan DUN di Negeri Johor.

v. Membimbing peladang, penternak dan nelayan supaya meningkatkan pengeluaran daripada kawasan yang sedia ada. Jabatan dan agensi pertanian yang terlibat akan terus menyampaikan maklumat-maklumat dan khidmat nasihat kepada peladang dan penternak-penternak dan nelayan untuk mengamalkan amalan baik pertanian agar dapat meningkatkan lagi aktiviti mereka. Di Johor, kerajaan menyediakan banyak institusi khusus bagi pengembangan pembangunan ilmu pengurusan hal pertanian, ternakan dan akuakultur.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita dapati salah satu daripada punca yang menyebabkan kita mengimport barang makanan begitu banyak adalah daripada sebab perubahan iaitu, rakyat Malaysia sekarang ni suka makan barang-barang import dan macam kita tengok hari ini Dato' Speaker, anak-anak kita dah banyak suka makan *potato chips*. Dulu kita tak ada, kita dulu tak pernah pun makan *potato chips*. Sekarang ni dah, *trend* itu dah berubah. Jadi...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat makan apa?

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Saya makan nasi saja , Dato' Speaker. (Dewan Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Ubi kayu sarapan pagi. Jadi, saya ingat, saya rasa Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tak melancarkan kempen untuk cara, kita ada kempen 'Belilah Barangan Buatan Malaysia'. Tapi kita ada kempen makan bahan, apa ni, barang-barang Malaysia, barang pertanian. Jadi, saya ingin tahu apakah program dan juga kita nak mempelbagaikan cara makan kalau kita makan *potato chips*, tukar kepada apa ni, ubi kayu ke, ubi kentang ke...

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Ubi-ubi lain ya. Jadi...

Y.B. Dato' Speaker : Apa ubi lain? Ada ubi lain eh?

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Ubi keledek ke, keledek *chip* ke.

Y.B. Dato' Speaker : Keledek *chip*...

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Saya ingin tahu sejauh mana program supaya pemakan seimbang dengan menggunakan bahan yang berasaskan di Malaysia dijalankan oleh Kementerian Pertanian. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang kita akui terdapat ada perubahan gaya makanan rakyat Malaysia. Ini disebabkan oleh kerana promosi iklan-iklan makanan-makanan daripada luar negara. Walau bagaimanapun, untuk Kerajaan Johor kita telah melaksanakan pembangunan dalam industri asas tani yang membangunkan IKS-IKS di Negeri Johor dengan mengguna pakai teknologi-teknologi terkini. Dan Kerajaan Johor melalui jabatan-jabatan veterinar dan juga Jabatan Pertanian sedang giat mempromosikan produk-produk IAT ini yang hari ini Johor merupakan salah satu negeri yang giat membangunkan IAT dengan produk-produk yang baru. Dan kalau kita lihat di Ekspo Agro Johor, kita dapat lihat bagaimana produk-produk tempatan yang telah dapat dibangunkan dengan kaedah *packing* atau *packaging* yang baru dan rupa bentuk yang baru dengan cita rasa yang baru. Dan sebagai contoh di Ekspo Agro Johor di Ayer Hitam terdapat satu kerepek yang digabungkan dengan teknologi daripada Jepun dan cita rasa jepun dicampurkan dengan cita rasa jawa.

Y.B. Dato' Speaker : Apa nama dia?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Kerepek tepanyaki.

Y.B. Dato' Speaker : Kerepek tepanyaki? Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha. Jadi, kerepek ni dia gabungkan daripada cita rasa Jepun dan cita rasa Jawa.

Y.B. Dato' Speaker : Jawa eh? Anu, yang Berhormat, tempe tak boleh ubah sikit? Tempe chips.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Sekarang pun kita dah ada wujudkan tempe chips dengan bermacam-macam cita rasa. Ada yang cita rasa wasabe pun ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Citarasa Wasabe, cita rasa daripada Jepun.

Y.B. Dato' Speaker : Ingatkan wahabe tadi, wasabe eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha. Dan hari ini sebenarnya IAT, Industri Asas Tani daripada kegiatan IKS ini di Johor memang begitu rancak dan sebenarnya telah membanggakan. Kerajaan Johor atas usaha-usaha daripada usahawan-usahawan dan ini semua adalah sokongan, dorongan daripada pegawai-pegawai jabatan-jabatan bagi memastikan kualiti produk ini dapat diterima di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput. Ha, oh dah bangun, belum sebut.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak saya baca di sini, Yang Berhormat Lim Kee Moi. (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan Nombor 11.

DUN Yong Peng adalah DUN luar bandar, didapati peruntukan jalan kampung dan jalan pertanian di DUN Yong Peng pada tahun 2009 masih di tahap yang rendah. Hampir 64 km jalan kampung di DUN Yong Peng masih tanah merah berbanding dengan DUN yang lain di daerah Batu Pahat. Oleh itu, diminta Jabatan Pembangunan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor supaya memberikan keutamaan kepada DUN Yong Peng.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, saya ingat Yang Berhormat sudah bangun dulu, *sorry* la.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak kerajaan sememangnya prihatin terhadap keperluan kemudahan infrastruktur asas di kawasan luar bandar khususnya bagi menaik taraf dan membaik pulih jalan kampung.

Di bawah Projek Jalan Kampung (PJK) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah meluluskan sebanyak 5 projek dengan kos peruntukan RM130,000.00 di kawasan DUN Yong Peng. Sehubungan itu di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi juga, Kementerian Kewangan telah meluluskan sejumlah peruntukan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan Projek Infrastruktur Asas atau pun PIAS bagi tahun 2009, bagi DUN Yong Peng sejumlah 7 projek dengan jumlah peruntukan sebanyak RM580,000.00 telah diluluskan dan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Batu Pahat. Dan jumlah keseluruhan projek jalan di DUN Yong Peng pada tahun 2009 adalah sebanyak RM710,000.00.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah, saya kasi.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin nak tahu kenapa peruntukan itu sikit sangat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, kenapa sikit sangat.

Y.B. Puan Lim Kim Moi (Yong Peng) : Kalau, sedikit sangat, kalau dibandingkan dengan kawasan lain. Jadi kalau setakat RM700,000.00 saya rasa memang sikit...

Y.B. Dato' Speaker : Dan saya pun tak nak, ya.

Y.B. Puan Lim Kim Moi (Yong Peng) : Kerana di kawasan saya memang teruk, saya memang minta tolonglah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yang Berhormat, sikit benar.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya kalau ikut RM710,000.00 melebihi daripada RM500,000.00 bagi satu kawasan adalah jumlah yang agak besar juga, Yang Berhormat Dato' Speaker. Ini, sebenarnya projek yang telah diluluskan sebanyak 12 projek jalan yang telah diluluskan dengan belanja sebegitu dan ini juga mengikut keperluan keutamaan. Dan insya-Allah sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan-permohonan yang lain akan, insya-Allah, sekiranya peruntukan bagi tahun hadapan, insya-Allah akan diluluskan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, insya-Allah. Ok selesai soalan bertulis. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2) maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini.

Sambungan perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 disambung sekarang. Jemput siapa yang nak berucap, jemput bangun.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam Pemanis dan salam 1Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah cakap semalam, ya?

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Semalam dah berucap?

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Cakap permulaan sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Dua hari.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih, satu kali dua hari berturut-turut. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah menetapkan tahun 2020 untuk menjadi satu negara berindustri penuh dan kita ada 10 tahun lagi untuk menepati sasaran ini. Jadi, memang telah diperkatakan bahawa prestasi ekonomi yang kurang memuaskan akan menjejas keupayaan kita untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Tetapi pada keseluruhannya, ini tidak boleh dijadikan satu alasan di mana penerapan nilai dan kaedah era industri itu tidak begitu memuaskan di kalangan masyarakat dan nilai-nilai tersebut termasuk sifat, contohnya disiplin kerja, rajin, berdikari, fokuskan produktiviti, pemikiran sistem atau dengan izin, *system thinking*, dalam menyelesaikan masalah atau isu, memegang kepada kaedah sains dan tunduk kepada data dan penilaian yang telus, ikhlas dan benar dan sebagainya.

Jadi antara kelemahan utama dalam usaha kita ialah perancangan dan pelaksanaan yang tidak dilengkapi dengan tiga unsur utama era industri iaitu pemantauan, penilaian dan kebertanggungjawaban. Jadi, kita syukur kerana KPI yang baru kita laksanakan sekarang ini haraplah dapat memperbetulkan kekurangan dalam sektor ini. Sama ada kita boleh mencapai matlamat atau perlu *reset*, dengan izin, masa, set semula masa untuk anjak ke tahun 2030, 2040 dan sebagainya, kita tetap perlu menjadikan ia sebagai pemandu hala tuju dan menggerakkan segala tenaga dan usaha untuk memperkayakan pengisian negara industri. Setidak-tidaknya kalau pun sistem pentadbiran kita mencapai tahap antara yang terbaik di dunia, ini akan sendirinya memberi, memperkuatkan jenama atau *branding* Malaysia.

Rancangan Malaysia Ke-9 akan berakhir tahun depan, jadi, ADUN Pemanis menyeru semua pihak untuk sama-sama berusaha untuk mengisi Rancangan Malaysia ke-10 dengan unsur-unsur perindustrian. Hanya kita mendalami nilai perindustrian, barulah kita sedar akan kelemahan dan kekurangan atau pun kesan sampingan negatif perindustrian ikut konteks masyarakat kita, dan dapat mengatur program-program kerohanian, keagamaan, kebudayaan untuk seimbangkan kesan-kesan tersebut. Hanya setelah kita benar-benar berusaha barulah kita dapat membuat kaji semula, menilai kekuatan sebenar kita, mengesan di mana kelemahan sebenar kita supaya kita dapat menyusun langkah benar dan relevan untuk masa ke hadapan.

Sistem industri telah memberi negara-negara maju satu asas dan landasan yang kukuh untuk mereka terus mara ke era *knowledge economy*, dengan izin, atau pun ekonomi berasaskan ilmu dan inovasi, sedangkan pada keseluruhannya kita masih berperangai era asaskan tanah dan pertanian di mana yang ketara sekali ialah sikap kita tidak menghargai dan menepati masa, sikap tidak apa atau sambil lewa, dan yang paling dahsyat sekali kita senang memasuk kira unsur takdir dalam segala perkara penting sebelum kita usaha mati-matian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita perlu insaf dan jangan terpikat dan terikat dengan idea pakar-pakar dunia pada masa 80-an dan 90-an bahawa negara kita boleh ambil jalan pintas atau *short cut* kerana kononnya kita elak liku perintisan negara-negara maju. Dan kita boleh dalam perkataan canggih era 90-an, *leap frog*, membuat anjakan. Jadi, dalam kebanyakan kes kalau kita tidak ada asas yang kukuh boleh jadi *leap flop,* ertinya lompat dan jatuh gagal. Kerana inilah kita anggap kita telah hilang banyak masa keemasan untuk memperkukuhkan asas-asas industri kita dan juga asas ekonomi kita.

Negeri Johor masih bergantung kepada hasil bumi sebagai sumber utama pendapatan. Jadi dalam usaha Negeri Johor mengajak ke era pembangunan pesat, kita patut sedar kita memang berhadapan dengan cabaran perolehan modal insan berpotensi dan bernilai tinggi. Anak Johor yang berbakat dan tenaga terlatih bermutu tinggi dari Johor sama ada tertarik oleh negara jiran, Lembah Klang atau pun negara luar.

Saya sedang syorkan supaya sebahagian daripada cukai pendapatan dan perniagaan dari Negeri Johor diberi balik kepada Johor khasnya untuk menarik bakat ke Negeri Johor dan dana ini diguna untuk pendidikan lanjutan dan profesional, membuka ruang untuk pekerjaan sosial, budaya, keusahawanan, pertanian moden dan sebagainya, supaya dapat memantapkan anak-anak Johor di tanah Johor.

Selain daripada itu, Kerajaan Johor patut mengambil langkah lebih agresif untuk merebut penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam dan penerima biasiswa lain supaya mereka berkhidmat di Johor khasnya pada peringkat daerah dan akar umbi. Ini adalah penting dalam memangkinkan pembaharuan sistem pentadbiran dan memastikan polisi dan langkah baru dapat di terjemah dan dipatuhi secara berdisiplin pada peringkat bawah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau pun telah kita, telah sekurang-kurangnya 10 tahun ditimpa berbagai cabaran ekonomi dan kewangan, dan rakyat pada umumnya masih hidup dengan bajet yang agak ketat, kalau tidak, ditimpa kemiskinan. Kita dapat rasa ketegangan ekonomi. Malangnya dan sayangnya pada keseluruhannya masih tidak insaf untuk mengatur langkah baru dan ubah cara hidup.

Ini jelas kelihatan bahawa politik kita masih hangat dan berasaskan politik kewiraan dan populis dan memang hakikatnya politik ialah satu proses perebutan sumber tetapi perlu ada yang dapat seimbangnya dan sudah masa lah kita anjak dan galakkan satu cara politik yang berasaskan produktiviti dan ambil tanggungjawab dalam mengembangkan kek ekonomi. Yang pentingnya kita patut juga mempertanggungjawabkan pemimpin politik dan masyarakat umum dalam isu pertumbuhan ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Johor Tahun 2010 yang dibentangkan kali ini merupakan satu bajet yang asaskan tindakan, dengan menggariskan langkah-langkah konkrit. Pertumbuhan ekonomi bukan sahaja tanggungjawab kerajaan, ia juga tanggungjawab rakyat jelata. Jika hanya kerajaan yang dipertanggungjawabkan dan tiadanya inisiatif bertanggungjawab di kalangan rakyat, dengan keinsafan sivik yang rendah sebegitu, negara ini tidak akan

dapat maju. Pertumbuhan ekonomi bukan sahaja satu proses dari atas ke bawah, tetapi perlu disambut dan dibalas dari bawah ke atas dan dari akar umbi.

Dengan ini ADUN Pemanis cadangkan supaya ditubuhkan satu Majlis Tindakan Ekonomi dan Produktiviti dan turun ke peringkat daerah. Jabatan kerajaan bukan sahaja akan dinilai dari segi *output* atau hasil pelaksanaan projek tetapi juga *outcome* dari projek-projek itu. Kita mesti ada gambaran jelas mengenai hasil dan keupayaan ekonomi setiap daerah, setiap kawasan dan dapat bandingkan kecekapan *input* dengan hasil, barulah ada asas untuk perkembangan selanjutnya.

Saya juga menyeru supaya pertubuhan politik dan NGO menubuhkan unit atau biro ekonomi dan produktiviti supaya keinsafan kepentingan ekonomi dan unsur produktiviti diserap dalam cara hidup dan politik setempat dan dijadikan agenda tindakan masing-masing. Dengan demikian, barulah kita dapat satu keadaan di mana kerajaan dan rakyat dapat gerak bersama dengan satu hati. Barulah potensi ekonomi kita dapat direalisasikan untuk anjakan ke era yang merangsangkan.

Dalam hal ekonomi, saya ingin menegaskan bahawa Johor Utara khasnya daerah Segamat walaupun telah di zonkan sebagai kawasan pertanian dan industri asas dan tani, masih amat-amat memerlukan banyak intervensi dan sokongan dan bantuan luar. Sudah tibanya satu agensi kemajuan pertanian seumpama IRDA untuk tujuan pembangunan Iskandar bagi memajukan sektor pertanian Johor Utara khasnya daerah Segamat. Agensi pertanian ini memainkan peranan latihan, perancangan, khidmat runding, kewangan, kepakaran dan sebagainya. Selain daripada kepakaran pertanian dan pemasaran, kepakaran merentasi bidang termasuk saliran dan pengairan, sains dan teknologi, perdagangan antarabangsa juga turut perlu ambil bahagian dalam agensi untuk memberi pelbagai perspektif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahun 2010, tahun depan kita akan berdepan dengan perancangan Rancangan Malaysia Ke-10. Jadi, saya minta jadikan ini satu permulaan baru dan ADUN Pemanis cadangkan satu mekanisme teratur supaya rakyat dapat menentukan corak pembangunan setempat. Kita bukan sahaja perlu melibatkan pemimpin akar umbi tetapi juga rakyat umum. Mungkin kita boleh mula dengan satu pembentukan wawasan dan strategi setempat untuk mencapainya. Barulah kita tahu apa yang perlu dan bukan sahaja peruntukan bagi infrastruktur tetapi perlu diseimbangkan dengan peruntukan program pembangunan sosialis dan insan untuk memperkayakan dan merealisasikan misi 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya turut menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Senggarang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh..terima kasih. Jemput. Ha, Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah

memberikan kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Pembentangan Bajet Negeri Johor Darul Takzim bagi tahun 2010 ini. Tidak lupa juga Permas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kerana telah membentangkan satu bajet yang holistik, mampan dan realistik bagi memacu pembangunan rakyat dan Kerajaan Negeri Johor. Walaupun keadaan ekonomi global tidak begitu memberangsangkan, bajet 2010 akan meneruskan 8 konsep pembangunan holistik sebagai usaha mencari keseimbangan dengan tumpuan kepada pembasmian kemiskinan, merapatkan jurang perbezaan di antara rakyat berbilang kaum, masyarakat dan daerah.

Pakej demi pakej rangsangan yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan sedikit sebanyak membantu menongkat ekonomi negara daripada terus merudum. Mujurlah Johor bernasib baik kerana rakyatnya telah agak bersedia untuk menghadapi kesan semerta perubahan iklim ekonomi dunia ini. Dengan tema "Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama" saya sungguh amat yakin dan penuh percaya bahawa negeri dan rakyat Johor di bawah kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kita akan terus maju, membangun, makmur serta mampu mengharungi apa yang jua badai ekonomi yang melanda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ekoran semerta dan kemerosotan ekonomi dunia telah memberi impak kepada ekonomi negara dan Negeri Johor. Secara tidak langsung, sebagai sebuah negara yang banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa, prestasi sektor perkilangan, pembinaan dan perlombongan terus terjejas. Ramalan corak perkembangan ekonomi Negeri Johor juga tidak jauh bezanya dengan perkembangan ekonomi Malaysia pada tahun 2010.

Kadar peningkatan positif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 2009 dan penguncupan mikroekonomi yang minima telah memesatkan pemulihan ekonomi Negeri Johor. Hampir semua industri dalam sektor pembuatan telah mencapai pemulihan terutama industri-industri yang terdapat di kawasan perindustrian Pasir Gudang dan sekitar kawasan Permas. Namun demikian, Permas lebih tertarik dengan program penempatan semula penduduk setinggan yang sedang dilaksanakan. Ini berikutan terdapat kampung-kampung setinggan di sekitar kawasan Permas yang masih menunggu giliran untuk diselesaikan, contohnya Kampung Plentong Baru dan Kampung Baru Masai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Permas bersetuju dengan kenyataan bahawa kecekapan kerajaan merupakan tunggak utama dalam usaha memastikan keberkesanan usaha-usaha pembangunan di Negeri Johor. Namun begitu, kekangan sumber kewangan, perancangan yang tidak jitu akan dapat direalisasikan dengan kekangan sumber kewangan.

Selain daripada itu, amalan budaya kerja yang berkualiti dan penghapusan birokrasi adalah bench mark kepada prestasi perkhidmatan yang lebih berkesan dan berintegriti. Menepati perkembangan teknologi maklumat dan era siber, perkenalan *e-payment* adalah tepat dan mampu memaksimumkan

kutipan kerajaan. Ini bukan sahaja menyenangkan rakyat tetapi merangsangkan sistem perbankan internet. Pelaksanaan *star rating* pula merupakan langkah terbaik kerajaan dalam menggalakkan efisiensi kakitangan. Permas mencadangkan agar kakitangan di Bahagian Khidmat Pelanggan atau yang berurusan terus dengan orang ramai dinilai oleh pelanggan itu sendiri. Pembayar cukai terutama di PBT sangat mengharapkan perkhidmatan yang cekap dan tepat, efisien dan cepat. Semua aduan hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin. Sebenarnya, ini adalah harapan masyarakat, sekiranya mereka adu hari ini, esok sudah mahu *settle*.

Mereka akan rela membayar dan pihak PBT juga boleh *demand*, dengan izin dengan mudah sekiranya segala perkhidmatan diuruskan dengan cepat. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Dipertua dan semua pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti JPS, TNB, SAJ dan Telekom yang telah mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan saya iaitu di Kampung Sepakat, Masai. Masalah ini telah berlangsung selama 15 tahun Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi dengan usaha yang diambil melalui Majlis Tindakan Daerah perkara ini dapat diselesaikan. Sebab, saya ingin bawa di sini sebab perkara ini saya bawa dalam Dewan dan apabila sudah siap, perlulah kita ucap terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, PBT juga perlu mengadakan hubungan rapat dengan penduduk setempat dengan menjalankan pelbagai program kemasyarakatan yang terlibat semua lapisan masyarakat. Saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang di mana selepas diambil alih oleh Kerajaan Negeri, pelbagai program untuk mendekati dengan pembayar cukai sedang dijalankan. Lebih-lebih lagi dengan pelantikan YDP dan Setiausaha baru, mereka ini bersama-sama dengan pegawai turun ke padang untuk mengenal pasti masalah rakyat dan merancang pelbagai program dan aktiviti dan projek bagi kemasyarakatan. Saya harap PBT lain juga khususnya Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Bandaraya akan turut contohi amalan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu pun gitu Yang Berhormat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Pasir Gudang?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Pasir Gudang sekarang memang ada perkembangan sedikit.

Y.B. Dato' Speaker : Perubahan sedikit.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Perubahan banyak. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam memastikan pertumbuhan ekonomi seimbang melalui pendekatan *inclusive* Permas sangat bersetuju dan menyokong penuh cadangan meningkatkan penyertaan wanita dalam penjanaan ekonomi dan meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya dalam sektor pekerjaan. Daripada 1.6 juta kaum wanita di Negeri Johor hanya 43% sahaja membantu

menjana ekonomi negeri dalam pelbagai bidang. Permas yakin dan pasti jika pakej sokongan yang ditawarkan menepati keperluan dan menjaga keselamatan serta kepentingan kaum wanita berbilang kaum sudah tentunya lebih ramai lagi tenaga kerja wanita akan dibekalkan ke pelbagai sektor. Ini juga mampu mengurangkan lambakan pekerja asing. Landskap pekerjaan hari ini sudah semakin terbuka luas kepada golongan OKU. Kemahiran dan kepakaran yang ada mampu mengatasi kekurangan fizikal mereka. Hanya peluang dan ruang sahaja yang perlu diperluaskan dan sikap keterbukaan majikan mampu merealisasikan hasrat ini. Permas mendukung penuh usaha ini di mana ada kemahuan, di situ memang ada jalan. Di mana ada keikhlasan di situ ada keberkatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan syabas kerana Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor telah ditubuhkan dan merupakan jentera Kerajaan Negeri Johor untuk mengeratkan kejayaan masyarakat usahawan terutamanya usahawan kecil dan sederhana. Fokus majlis ini untuk melaksanakan 3 bidang teras utama iaitu Program Peningkatan Kualiti Produk, Pemasaran dan Promosi Produk serta Pembangunan Insan adalah tepat. Pelbagai perkara boleh dilakukan bagi memartabatkan dan memperkasakan usahawan kecil dan sederhana Negeri Johor. Permas mencadangkan agar proses pinjaman daripada agensi-agensi kewangan seperti SME dipermudahkan. Pemberian geran untuk membeli peralatan dan aset modal hendaklah diperluaskan. Majlis ini perlu memberi peluang kepada semua kaum bagi memperluaskan peningkatan perniagaan dalam bidang mereka.

Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Speaker, satu majlis telah diadakan di mana EXCO Pengerusi Usahawan telah hadir, di mana beberapa usahawan telah diberi galakan daripada Jabatan Pertanian secara peralatan. Dan, saya ingin ucap terima kasihlah kepada Pengerusi Jawatankuasa Majlis ini dan juga Jabatan Pertanian Daerah yang telah memberi peluang kepada 3 orang daripada masyarakat India. Seramai 13 orang telah terima mesin tetapi dari itu 3 orang adalah daripada masyarakat India.

Y.B. Dato' Speaker : Mesin apa Yang Berhormat? Mesin jenis apa?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Mesin adalah mesin pemerah susu, mesin pengguli, mesin *chopper, oven* dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Mesin buat magelek ada?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Magelek kita akan mohonlah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…belum.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada ramai yang buat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…yalah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya mohonlah Yang Berhormat Dato' Speaker, supaya peluang-peluang seperti ini diperluaskan di

semua daerah. Sebab ramai daripada masyarakat India yang telah menjalankan perniagaan-perniagaan kecil seperti ini tetapi tidak ada sumber untuk memperluaskan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor pelancongan adalah sektor yang tidak asing lagi di Negeri Johor. Sebagai Gerbang Selatan, Johor memiliki keistimewaan yang tersendiri dan mampu menarik perhatian pelancong-pelancong dari dalam mahupun dari luar negara. Keunikan Johor dengan pantai dan khazanah laut serta lokasi-lokasi strategik wajar diperhebatkan lagi dengan promosi-promosi pelancongan yang kreatif dan dinamik. Untuk meningkatkan kehadiran pelancong-pelancong ke Negeri Johor Kerajaan Negeri dan agensi terbabit bukan sahaja perlu memperhebatkan aktiviti atau acara-acara *Hallmark* dengan izin, tetapi juga perlu mengambil langkah drastik meningkatkan imej negeri melalui peningkatan tahap keselamatan, kebersihan persekitaran terutamanya tandas, keselesaan dan kemudahsampaian ke suatu destinasi.

Selain daripada itu, tumpuan juga perlu dilakukan terhadap penghasilan infrastruktur pelancongan yang mengesankan. Ini termasuklah penyokong program dan mempertingkatkan usaha IRDA ataupun Iskandar melalui projek pelancongan Tanjung Puteri yang saya percaya akan melibatkan Kampung Senibong dan Kampung Teluk Jawa di kawasan Permas. Kedua-dua kawasan ini adalah destinasi popular bagi makanan laut daripada kalangan penduduk tempatan dan juga pelancongan. Walaupun beberapa kemudahan infrastruktur telah dipertingkatkan di Kampung Senibong seperti lampu *spotlight,* kemudahan *parking,* tandas awam tetapi, jalan masuk ke kampung ini masih perlu dipertingkatkan. Jalan ini amat sempit dan tidak cukup terang. Baru-baru ini Pegawai Daerah Johor Bahru telah lawat ke kawasan itu dan Datuk Bandar Johor Bahru juga telah lawat kawasan itu. Saya harap mereka telah memastikan beberapa kekurangan di kawasan itu dan kawasan itu boleh dipertingkatkan lagi untuk menarik lebih lagi pelancong bagi kawasan Negeri Johor ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada dalam rombongan itu?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada memang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya yang bawa mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…handal ya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selaras dengan konsep 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" telah menjadi pegangan asas kepada perkhidmatan dan pentadbiran kerajaan hari ini. Melalui konsep ini juga tiada lagi jurang perbezaan di antara kaum. Justeru, bagi menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup, kerajaan adil adalah kerajaan yang berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah. Kelompok yang menjadi sasaran adalah Orang Asli, warga emas dan orang kurang upaya. Seramai 9,596 keluarga telah dikenal pasti melalui e-Kasih sebagai keluarga

miskin, miskin tegar dan mudah miskin sehingga November 2009. Daripada jumlah ini, seramai 4,049 keluarga adalah ketua isi rumah miskin dan miskin tegar yang menjadi kumpulan sasaran bagi Kerajaan Negeri membasmi kemiskinan tegar sepenuhnya pada akhir tahun 2010. Borang pendaftaran bagi e-Kasih ini adalah sangat-sangat kompleks Yang Berhormat Dato' Speaker. 24 muka ...

Y.B. Dato' Speaker : Apa?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : …borang untuk mendaftar e-Kasih…

Y.B. Dato' Speaker : 24 muka?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : 24 muka. Dan, saya pastikan bahawa 5 muka adalah butir-butir ahli isi rumah. Ada juga senarai penyakit seperti borang memohon untuk polisi insurans.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada juga butir-butir berkenaan dengan pelaburan, mereka, apa yang mereka ada? Aset dan sebagainya. 8 muka adalah butiran bantuan yang diterima. Kalau mereka boleh isi 8 muka bantuan mereka terima tak payahlah mereka daftar di e-Kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, borang ini boleh didapati melalui laman web e-Kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Itu jabatan mana?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Jabatan Perdana Menteri.

Y.B. Dato' Speaker : Bawah portfolio mana tu Yang Berhormat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Bancian isi rumah miskin, kata. Tetapi nampaknya borang kalau nak isi sukar nak isi, tak tau siapa, macam mana nak isi. Saya sendiri dah tengok borang-borang ini kalau nak isi mungkin 1 jam.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Yang Berhormat 1 jam, kalau orang lain?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Orang lain tak boleh la dia bawah daripada Wakil Rakyat. Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Matilah ini macam ya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : …saya mintalah supaya borang-borang seperti ini diringkaskan seperti borang e-Cari. Borang e-Cari 2 muka sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : e-Cari apa?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Itulah, ramai orang keliru Yang Berhormat Dato' Speaker. Ada e-Cari, ada e-Kasih. Macam-macam 'e' tetapi bila nak dapat bantuan susah juga.

Y.B. Dato' Speaker : Semua saya tak faham e.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya jugalah mintalah supaya pihak yang tertentu memberi keterangan sedikit bagaimana kita nak daftar di e-Kasih dan apakah kriteria-kriteria yang perlu kita ada untuk dapatkan bantuan-bantuan daripada e-Kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Lepas ini dia siasat tak Yang Berhormat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya difahamkan dia siasat. Tapi kadang-kadang dia ambil 3 bulan untuk siasat. Kita dapat banyak aduan daripada orang ramai, dia orang datang dia kata "Y.B., kita sudah hantar borang, macam mana? Saya selalu SMS kepada Pegawai Kebajikan Daerah untuk dapatkan apa dia punya kedudukan status. Mereka kadang-kadang *check* dan *reply* kepada kita …

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia jawab, itu pegawai?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Memang dia orang ada *check*, dia kata memang dia orang boleh *check* tetapi ambil masa. Kita fahamlah memang tidak cukup kakitangan. Tetapi, saya ada cadangkan dalam beberapa forum, Pemimpin Masyarakat boleh membantu mereka. Saya difahamkan ada juga pegawai-pegawai e-Cari di semua peringkat Parlimen, mereka juga akan membantu. Dengan banyak bantuan ini sebenarnya, mereka yang perlu dapat bantuan tidak dapat juga. Dan, baru-baru ini ada juga Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjalankan program untuk semak semula ataupun *re-evaluation of family status*. Itu pun makan masa sehingga 3 bulan. Ada juga mereka penerima-penerima yang dapat bantuan bulanan bagi 3 bulan tak ada dapat. Mereka datang ke pejabat ADUN bawa kad mereka kata 3 bulan tak dapat. Bersama itu, mereka bawa juga bil elektriklah, bila airlah, macam-macam bil. Kita kena bantu mereka. Saya rasa rakan-rakan kita dari semua kawasan telah mengalami *problem* ini. Oleh itu, saya mintalah Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mempercepatkan proses-proses ini.

Y.B. Dato' Speaker : Berat ke Yang Berhormat jadi Wakil Rakyat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Memang berat…

Y.B. Dato' Speaker : Ah sudahlah tahun depan jangan bertanding lagilah…(Dewan Ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Itu lain cerita..

Y.B. Dato' Speaker : Itu lain ya…oh…(Dewan Ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya hanya cakap berat …

Y.B. Dato' Speaker : Saya ingat susahlah, yalah saya ingat senang aje…jawablah jangan bertanding, rehatlah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Itu mana boleh eh…Yang Berhormat dahlah, lebih minit.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada 2-3 perkara Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, dua saja. e apa lagi ni?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ok. Yang Berhormat Dato' Speaker, kesesakan lalu lintas berikutan peningkatan kenderaan di jalan raya dan di peningkatan kualiti perkhidmatan awam telah menyebabkan rakyat menaruh kepercayaan kepada operator pengangkutan awam. Oleh yang demikian, Permas menyokong hasrat Johor untuk memiliki sistem pengangkutan bertaraf antarabangsa bagi memenuhi hasrat rakyat dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat. Sistem pengangkutan awam bertaraf antarabangsa bukan sahaja bercirikan bas, teksi, kereta api dan sebagainya yang canggih dan bersih tetapi ketetapan masa operasi dan jadual perjalanan lebih dihargai. Langkah-langkah menubuhkan pasukan pengangkutan awam Iskandar dan meningkatkan kemudahan di Terminal Bas Larkin, menambah bas laluan khidmatan sosial serta menubuhkan akademi latihan untuk pemandu-pemandu adalah inisiatif yang wajar dipuji.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bercakap berkenaan mengenai dengan kualiti hidup, isu keselamatan menjadi fokus utama. Pelbagai usaha dilakukan untuk mengurangkan kadar jenayah di antara usaha-usaha tersebut adalah mewujudkan Polis Bantuan ataupun *Auxiliary Police* di kawasan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan di Iskandar Malaysia. Beberapa kawasan telah dikenal pasti bagi melaksanakan program ini dalam fasa pertama dengan pengambilan 300 anggota dalam 4 PBT di daerah Johor Bahru. Saya bercadang Bandar Permas Jaya dan Seri Alam juga disertakan dalam senarai fasa 1 ini kerana kawasan ini adalah skim perumahan yang besar dan kes-kes jenayah semakin bertambah. Saya percaya A*uxiliary Police* ini akan meronda kawasan dalam tugas mereka untuk membanteras jenayah. Justeru itu, keanggotaan dalam unit ini harus mencerminkan penyertaan berbilang kaum selaras dengan konsep 1Malaysia. Saya berharap sekurang-kurangnya 10% peluang diberi kepada belia-belia India supaya masyarakat boleh nampak bahawa belia-belia India diberi peluang dalam sektor awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan merupakan salah satu nilai utama dalam konsep 1Malaysia. Ini membuktikan bahawa pendidikan amat penting dan menjamin *survival* sesebuah tamadun. Permas menyokong dan mengharapkan limpahan dari Bajet 2010 dalam memantapkan lagi bidang pendidikan prasekolah, tabika perpaduan dan tabika agama Johor adalah alternatif terbaik yang ditawarkan kerajaan kepada rakyat. Bagi memastikan pendidikan prasekolah yang ditawarkan oleh kerajaan ini menjadi pilihan, beberapa perkara perlu ditambah baik. Sebagai contoh kualiti pengajaran dan

kaedah pelajaran perlu dilaksanakan. Operator prasekolah swasta menjadi pilihan utama kerana kaedah pembelajaran dan pengajaran mereka yang menepati kehendak semasa ibu bapa. Justeru itu setiap penawaran hendaklah disuai padan dengan permintaan. Yang Berhormat Dato' Speaker …

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Sebelum saya akhiri, ada satu perkara saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini. MIC Negeri Johor telah menjalankan satu *exercise* di mana Pegawai-Pegawai MIC Negeri telah turun ke padang berjumpa dengan Ketua-Ketua Cawangan. Kita telah berjumpa Ketua-Ketua Cawangan daripada 16 bahagian. Hari ini kita akan pergi ke Mersing.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini bukan mesyuarat MIC.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Bukan mesyuarat MIC, saya ingin maklumkan satu perkara dalam Dewan ini, Yang Berhormat Dato'. Dan apabila lawatan dalam sesi dialog, banyak perkara-perkara telah pun dibangkitkan daripada masyarakat India. Satu adalah berkenaan dengan maklumat berkenaan dengan kemudahan-kemudahan daripada pihak kerajaan yang tidak dapat disampaikan kepada masyarakat India.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada juga banyak kemudahan-kemudahan tetapi mereka tidak menikmati dan satu perkara yang sangat rumit yang sentiasa dibangkitkan adalah peluang pekerjaan dalam sektor awam. Ini sering dibangkitkan di semua tempat perkara ini dibangkitkan. Oleh itu saya mintalah supaya pihak sektor awam khususnya agensi-agensi kerajaan memberi fokus sedikit apabila rekrut pekerja-pekerja di semua peringkat agensi-agensi mereka supaya boleh mencerminkan komposisi kaum di tempat-tempat mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengakhiri …

Y.B. Dato' Speaker : Dari tadi akhir tak habis jugak.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ucapan saya dengan satu perkataan iaitu "N*ot only opportunity be given but seem to be given*".

Y.B. Dato' Speaker : *What is it? I'm not understand*. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Dato', dengan izin, Dato Speaker, ini bererti bukan sahaja peluang perlu diberi tetapi juga dinampak oleh masyarakat, dinampak oleh kaum dan dinikmati oleh kaum. Itu sajalah tuan Dato' Pengerusi, Dato' Speaker, ucapan saya. Dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Jemput, siapa lagi. Ha, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Salam bahagia, selamat sejahtera, salam 1Malaysia dan selamat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, apa pasal tengok jam?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Jam nak tengok betul.

Y.B. Dato' Speaker : Ingat nak kempen ke apa…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Salah silap pun tak betul.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ok? sibuk kerja sikit?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Hem.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speakerlah, kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini. Bajet 2010 telah membentukkan satu asas model ekonomi dan penggubalan RMK-10 satu bajet yang mempunyai slogan gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kerajaan Johor telah berusaha sesungguhnya dan komited dengan memberi penekanan terhadap langkah merangsang pertumbuhan ekonomi Negeri Johor dan juga memberi penekanan khususnya kepada kreativiti, inovasi dan aktiviti-aktiviti tambah tinggi, nilai tambah tinggi. Mudah-mudahan ekonomi Negeri Johor akan meningkat dengan kadar yang lebih pesat dan lebih memuaskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dah sampai ke penghujung tahun 2009 dan kita menyambut ketibaan 2010. Kali ini kita sampai masuk ke Dewan yang boleh dikatakan kita rasa seronok dan selesa. Pada bulan 6, saya pernah ambil bahagian dalam perbahasan dan pada masa itu kurang lengkap oleh kerana *PA System* tak berapa seronok. Tidak memuaskan dan kali ini memang bagus, *PA System* memang cukup baik dan keselesaan cukup luas, cukup tinggi dan hawa dingin pun cukup sejuk. Kalau di Dewan lama di Bukit Timbalan, YB dari Yong Peng tu sentiasa kipas badan dengan kertas tebal sebab dia rasa panas. Sini sejuk sangat, kena pakai baju tebal.

Y.B. Dato' Speaker : Mana Yang Berhormat tahu dia kipas? Dia panas?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dia kipas ganggukan saya juga.

Y.B. Dato' Speaker : Dia duduk sebelah ye dulu?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ya di sebelah. Sana dia selalu kipas, kipas sebab panas. Sini dia sejuk, gigil.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat tahu ye hal perempuan? (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tahu. Tempat ini memang boleh dikatakan taraf 6 bintang. *Six stars standard* dan Persidangan kita kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, jangan kita *take for granted,* ingat ini biasalah, lain negeri pun sama. Kita setahun ada 26 hari Persidangan. Kali bulan 6, 12 hari; bulan 3, sehari; bulan 9, satu hari, dan kali ini 12 *days,* dengan izin, maknanya kita ada 26 hari. Dan setiap hari ada satu jam untuk soalan mulut, ah ini satu cara yang kalau dibandingkan dengan negeri lain, *no,* mereka tak ada, sini baru ada, Negeri Johor dan perbahasan semua orang dapat ambil bahagian. Siapa yang tak dapat ambil bahagian? Semua, dan saya rasa kita bukan sahaja boleh tanya dengan lisan, cara lisan, cara bertulis pun boleh. Tapi ada orang ambil kesempatan soalan dia panjang-panjang, macam kereta api, panjang-panjang sampai nak jawab pun susah. Sampai jawapan pun satu buku tu tebal. Saya rasa ini kita ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tajuk ni dah 5 minit. Saya ambil kira tau. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ya, Dato' Speaker, sebab Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Masuk yang Bajetlah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' Speaker sudah ganggu saya punya tu, makan masa kalau kena potong…

Y.B. Dato' Speaker : Mana tak ganggu …

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya rasa kita kena menghargai, mana nak cari, macam ini, keadaan macam ini. Lagi kalau katakan ADUN di Dewan Negeri Johor kita semua ada *standard,* adalah segelintir kurang sikit. Tapi gred A, purata semua dapat gred A lah. Yang ada B, ada C itu siapa saya tak nak sebutkan nama. Macam saya, tak tahulah, ini terpulang kepada Dato' Speaker. Yang lain tu ada *minus,* A *minus*, ada A *plus,* purata A. Saya rasa kalau bandingkan negeri lain mereka nak pergi Persidangan macam nak pergi perang. Hati mereka gedebak-gedebuk takut macam kena pakai helmet.

Y.B. Dato' Speaker : Mana Yang Berhormat tahu hati dia gelebak gedebuk?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya baca surat khabar.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sebab ni sudah jadi semua satu dunia sudah tahu, Negeri Selangor pun sama, Negeri Perak, Negeri Johor bagus. Ah ini

bukan saya nak ampu, ini kena puji. Seorang Speaker yang berkaliber. (Dewan ketawa) Peraturan-Peraturan dan juga Perintah-Perintah Tetap kena ikut.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok, ditambah lima minit lagi. Boleh.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : *Thank you sir.* (Dewan ketawa). *Thank you sir.* Ini Peraturan ikut, jangan main-main. *Play, play*. Ini cuba nak cari gangguan, kacau. Tetapi semalam ada sedikit gangguan. Hari ini surat khabar, besar gambar, Wakil Rakyat daripada Skudai, wah, tak payah bahas pun gambar besar-besar. Tapi saya rasa *not fair.*

Y.B. Dato' Speaker : Biarlah, tu surat khabar punya hallah. Tak tahu apa macam.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Itulah saya rasa kita kena ikut ini, jangan main-main, *don't play, play* dengan Peraturan ini. Kalau kita semua boleh ikut dalam isu-isu …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, eh apa cerita…tak payah lah cerita dalam surat khabar gambar-gambar …

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dia sudah sebut nama Skudai, saya minta dia penjelasan apa yang dia maksudkan.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau Yang Berhormat nak jawab…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ok, saya boleh jawab sebab bila Dato' Timbalan Speaker suruh dia berhenti tak mahu berhenti, itu pun dapat keluar gambar besar-besar.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tak berhenti pun dapat gambar besar-besar. Itu saya…

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, oklah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kalau sesiapa ADUN nak cuba nak goreng isu-isu, Dato' Speaker *control*, siram air macam mercun kena air tak dapat meletup. Itu saya rasa kena puji jugak. Kita …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya muka tak pernah keluar surat khabar ke? (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kadang-kadang dia kecik sangatlah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Pakai cermin mata pun tak nampak.

Y.B. Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Itu sebab dia iri hati.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bukan iri hati tau, ini tidak *fair.* Tak seimbangkan sebab ADUN daripada Barisan Nasional kadang-kadang tidak dapat mereka *highlight* kan isu yang kita timbulkan dan mereka hanya sejukkan isu kita dan hebahkan isu yang bukan-bukan. Saya rasa Dato' Speaker …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kalau nak keluar surat khabar, Yang Berhormat, pengsan sekejap. (Dewan ketawa) Jatuh bangun, besok keluar ADUN pengsan. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : ADUN Skudai dia pandai main isu, dia bangun saja surat khabar pun keluar muka dia besar, sebab cara dia goreng itu, dia pakai ….

Y.B. Dato' Speaker : Yelah, betulah tu.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Pakai gas. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sampaikan satu kerat pantunlah.

Apabila ilmu penuh di dada,
Akal kancil janganlah ada;
Elakkan sindiran sepedas lada,
Budi bahasa janganlah tiada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cakap-cakap di dalam Dewan kena masuk ke kawasan juga.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok kena masuk.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' Speaker, saya kena bangkit, sentuh beberapa isu kawasan saya. Projek Bandar Putra Indah, satu projek sudah terbengkalai sejak tahun 1997, 10 *years* dengan izin, sepuluh tahun dah terbengkalai. Pada masa saya bertanding PRU ke-11, masa pilihan raya, selepas pilihan raya, orang *complaint,* aduan datang macam ribut, macam ombak jumpa saya. Y.B., saya belum jadi Y.B. itu dia orang kata Y.B. Ini masalah memang sangat menyakitkan kita, kita memang sakit. Keadaan memang sedihlah. Saya pun rasa tak patut pada mereka. Projek terbengkalai mereka yang beli rumah itu kena tunggu, tunggu dan sewa rumah di luar. Dan kena bayar kadar *interest* bank, kadar faedah itu bukan rendah, tinggi. Saya difahamkan bahawa sebanyak 2,041 unit rumah kos rendah dan rumah kos sederhana sudah dijual dengan tiada rumah.

Pada tahun 2000 Jasa Wista selaku pemaju yang asal dia sudah kata *no way,* dengan izin. *No way,* memang susah nak selesaikan kerana menghadapi masalah kewangan. Dan saya pada masa itu lepas pilihan raya oleh kerana dapat bantuan daripada Kementerian, LBS Bina pun sudah keluar untuk membantu dan sebagai *rescue team*, satu pasukan untuk pemulihan projek ini. Saya pun rasa amat kira gembira pada masa itu. Dan pada tahun 2008, ada lebih kurang 843 unit sudah siap tetapi pembeli rumah itu tidak boleh pindah ke

rumah yang mereka beli itu. Sampai hari ini. Oleh kerana tidak dapat surat sokongan daripada IWK Yang Berhormat Dato' Speaker. Rumah dah siap, IWK dia ada syarat-syarat yang baru macam kita bawa satu kenderaan kereta model 70-an, 80-an pergi ke Puspakom, dia kata ini kereta tidak ada *fuel injection*. Macam mana tahun 70-an kereta nak ada *fuel Injection*. Model rumah yang syarat pada tahun 90-an ikutlah, ikutlah kelulusan yang asal, sepatutnya. Ini dia nak, dia nak syarat baru. Untuk projek yang baru untuk projek yang akan datang betullah kita terima. Patut tapi untuk projek yang terbengkalai dah 10 tahun hendakkan syarat yang baru. Maknanya seorang perempuan tua suruh dia pakai *mini skirt*, macam mana. Ini kira macam...

Y.B. Dato' Speaker : Perempuan yang macam mana pakai *mini skirt*?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Perempuan yang macam itu, dia pakai *mini skirt***.** Kita tengok pun..

Y.B. Dato' Speaker : Oh perempuan lamalah. Perempuan lama.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Model lama tak boleh gunakan cara, ini saya, saya kena puji jugalah YDP Batu Pahat. Baru-baru ini dia panggil satu mesyuarat, semua jabatan-jabatan yang terlibat dia suruh ada dalam mesyuarat. Semua kena bagi ulasan dan saya rasa sedih jugalah, IWK keras kepala. Macam daun keladi, dia tak, tidak ada peri kemanusiaan, tidak beri kelonggaran menghadapi masalah yang orang pembeli rumah ini memang keadaan yang menderita. Mereka macam jatuh ditimpa tangga yang ada paku tajam.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ho.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kepala kena cucuk paku. Ditimpa tangga kena paku lagi. Ini saya rasa tak patut. Mengapa?. Kita kena ikut Gagasan 1Malaysia, Rakyat Diutamakan dan Pencapaian di Dahulukan. Pencapaian Diutamakan. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, kan salah...

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Itu pun semua sama. Dahulu dengan utama. Dia punya sasaran sama.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat dah 10 minit ni.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' tadi kita cakap-cakap itu sudah 20 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah itu sebab suruh berhenti.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kena tambah. *Plus and minus. Sorry.* sebab itu saya harap pihak IWK bagilah sedikit peluang, *chance*. Mereka ini kesian. Sewa rumah di luar, anak hari-hari nangis. Nampak dia punya rumah sudah 1 tahun sudah siap tak dapat pindah. Cuba bayangkan bagaimana perasaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini saya dah hadiri satu kempen *Durian Go To School*. Ini saya katakan, *Durian Go To School*. Durian Pergi ke Sekolah. Durian takkan boleh pergi ke sekolah. Orang bawa durian pergi sekolahlah. Tadi Dato', ADUN daripada Machap dia katakan anak-anak kita suka makanan import, buah-buahan import, epal, oren itu semua import.

Kita sekarang nak, nak bagi promosi supaya pelajar-pelajar itu dia faham keadaan. Buah-buahan tempatan. Dia kena kenal apa dia durian. Apa dia cempedak. Ha itu saya memang rasa bangga orang-orang, budak-budak dia boleh tahu. Habis saya kena puji FAMA dan juga Jabatan Pelajaran Negeri Johor bergabung dan satu kempen itu telah dilaksanakan di kawasan saya, di Sekolah Kebangsaan Binjai, Tongkang Pechah. Wah, hari itu memang 2,3 lori durian sudah bawa ke sekolah. Budak-budak itu memang syok tengok. Saya pun rasa seronok. Rambutan pun ada. Saya tengok keadaan bulan 12, bulan Disember musim hujan, ada durian. Ini buah-buahan tempatan tidak dikawal oleh musim. Sekarang dah lain. Ini dia terus, terus dari Perak. Manggis pun ada. Pihak FAMA sudah anggap pelajar-pelajar ini adalah satu kumpulan yang berpotensi untuk masa sekarang dan untuk masa depan yang boleh kita sebagai, kita bagi didikan makan buah-buahan tempatan ini bagus. Kalau kita tak ada buat kempen macam gitu mereka pun tak tahu, hanya balik ke rumah makan buah-buah import. Kita kena jalankan kempen-kempen yang tertentu untuk kita berusaha kuat untuk mempromosikan buah-buahan yang kita nak promosikan kepada anak-anak kita. Saya...

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Lagi...

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ha, ini penting. Saya kalau tak sebut nanti orang kata tak patut.

Y.B. Dato' Speaker : Ok *last.*

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Durian boleh pergi sekolah, dia pun boleh datang ke Kota Iskandar. Saya pun haraplah pihak FAMA jangan hanya bawa durian ke sekolah, kena bawa durian ke Dewan juga. Semua para media pun ada *chance* nak makan. Kita Wakil Rakyat kita kena makan baru tahu. Ini macam mana durian, janganlah bawa durian biasa macam makan roti canai. Kita lebih baik makan durian yang ada kualiti. Macam jenis Kunyit. Kalau D24 itu sudah ketinggalan zaman. IOI Pulai, itu auta punya durian..

Y.B. Dato' Speaker : IOI.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kita nak makan durian macam D13, dia ada nombor tau Yang Berhormat Dato' Speaker. Sekarang saya tahu ini kunyit itu kira popular. Lagi ada satu, ang he, udang merah, kucing tidur. Saya pun hairan apa ini durian kucing tidur. Dia punya isi macam kucing tidur. Tapi kalau boleh harimau tidur lagi sedap. Cukup besar.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Itu Yang Berhormat nak makan tu?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ha, itulah saya harap pihak FAMA bawa durian yang berkualiti ke Kota Iskandar, ke Dewan supaya kita sama-sama menikmati buah-buahan tempatan. Buah raja supaya kita tahu apa dia jenis ini supaya kita pun boleh kurang-kurang bila kita sampai ke kawasan, boleh beritahu anak-anak kita...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia bawa durian ini, bayar ke *free?*

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dia biasa, dia bawa dia *free* lah. Ini promosikan. Kita yang jadi.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa ramai Ahli Dewan ini nak *free*.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kita nak bagi pengetahuan kepada semua anak-anak buah kita bahawa kena makan buah-buahan tempatan dan juga media akan mainkan peranan. Ha, itu jam saya rasa kena main peranan penting, media. dia pun ada can makan juga sama-sama.

Y.B. Dato' Speaker : Barulah gambar Yang Berhormat keluar.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ha, ini baru patut.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sekejap Dato' Speaker, ini sebab.

Y.B. Dato' Speaker : Deras-deras..

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sikit-sikit, sikit tak sikit. Banyak tak banyaklah.

Y.B. Dato' Speaker : Sedikit-sedikit.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' Speaker ini, Wakil Rakyat turun padang. Kadang kala kita kata nak turun padang. Kalau Wakil Rakyat tak turun padang macam tak berkhidmat "1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan". Kita turun padang, kadang kala kalau ada wakil di antara Wakil Rakyat tak, bukan kawan kitalah. Dia turun padang dia pergi jumpa ini orang kampung, pergi jumpa, bersalam-salam, *hello-hello,* lepas itu tengok longkang, lepas itu dia pun cakap *sayonara,* saya nak pulang, habis cerita. Itu bukan turun padang tujuan utama. Turun padang kita kena pergi ke sana, kenalkan masalah yang hadapi oleh mereka, kita tahu macam mana nak selesaikan masalah, kita kena pastikan bahawa keadaan yang buruk itu kita akan memperbaiki. Itu baru ada maksud yang utama.

Kerajaan galakkan Wakil Rakyat turun padang. Tetapi sekarang masalahnya, saya minta jugalah kerjasama daripada ketua-ketua jabatan yang berkenaan. Kita sebagai Wakil Rakyat kadang-kadang jadi mangsa, bila kita turun padang, rakyat pun datang dengan gembira, oh ini *hero* sudah datang, *superman* sudah datang. Habis dia ingat kita Wakil Rakyat sudah datang masalah yang mereka hadapi itu akan selesai. Ini jadi satu konsep yang tak betul. Kita sebagai Wakil

Rakyat kadang kala, kita di bawa pergi tengok satu lubang jalan. Kita pun, oh ini lubang. Oh itu parit sudah runtuh. Kita pun kesian, pokok sudah tumbang. Lepas itu kita pun balik. Rujuk pada jabatan yang berkenaan. Jabatan yang berkenaan pun, ok tapi tidak ada peruntukan. *You have to wait*. Kena tunggu. Kita pun tunggu. Masa kita tunggu, penduduk-penduduk di tempat itu dia pun kejar, YB macam mana itu lubang semakin besar? *You* tak kasi tutup, kita pun jadi *problem*.

Sebab itu saya rasa, Ketua Jabatan bila dengar masalah yang hadapi itu, cepat-cepat mengatasinya. Kalau lubang ada kecil kasi tutuplah. Kalau longkang parit runtuh, betulkan. Dan, ini baru kita turun padang dengan gaya yang betul. Dengan satu cara yang kita lebih positif. Sebab itu saya harap jangan kita turun padang, salam-salam dengan penduduk-penduduk, diri di tepi longkang, ambil gambar, surat khabar keluar muka, habis cerita. Itu bukan tujuan utama dan saya kadang kala Ketua Jabatan pun janganlah bimbang turun padang tak jadi masalah, ular yang menyusur tak akan hilang bisanya. Kita sama-sama turun, campur dengan rakyat, ini memang baru patut. Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, sekian, dah habiskan. Dah tambah masa ni.

Y.B Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau saya ini, macam mandi tak basah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok ok, saya izinkan satu je.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ah, ini Dana Johor, Yang Berhormat Dato' Speaker, Dana Johor kalau saya setiap kali perbahasan saya tak bawak masalah ini orang kata, eh ini masalah rakyat, not masalah Negeri Johor, yang pembeli, pemegang saham ini memang penyokong kuat Barisan Nasional. Kalau saya tak sebut di sini orang kata, eh tak patut la Wakil Rakyat tak ada bawak masalah kita. You hanya hadir di dewan, duduk di Dewan lepas itu balik, itu kita tak patut pada…

Y.B. Dato' Speaker : Ah ok, apa dia cadangan?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya ucapkan terima kasih oleh kerana pihak kerajaan, Johor Corporation dah lanjutkan tempoh masa untuk skim SBBB, banyak kali B tau, itu BBB. Ini BBB maknanya Skim Beli Belian Balik Bersyarat. Tempoh dia sampai 31 Disember, sekali dia tukar, dia lanjutkan, 6 bulan. Ini 6 bulan tau, berapa hari sudah sampai? Mereka tanya saya, tanya semua Wakil Rakyat, macam mana? Kita nak jual atau tak nak jual? Yang di nanti kalau jual, jadi *problem*, sebab RM0.50 saja harga dia. Kalau jual, dia ada hutang dengan bank, bank akan kejar, hei, itu *balance* macam mana? Baki itu tak bayar ke? Separuh sebab kita pinjam RM1.00. Jual balik RM0.50, tinggal RM0.50 kalau bank cakap, ok, beres tak payah bayar, itu bagus, tapi bank kejar jugak, nanti kita akan bankrap. Sebab itu saya rasa kalau tak jual, ah sebulan lagi sudah mau sampai, nanti yang dikejar tak dapat, yang dikendong kecicir an.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sebab itu saya rasa, harap lah, jangan bagi, buat tempoh masa, lanjut-lanjut 6 enam bulan. Batalkan ini tempoh masa supaya bebas pada mereka. Rasa kalau *no money*, jual, kalau sanggup, jual. Jangan mereka sekarang gali lubang tutup lubang, habis masalah tak selesai dan saya juga mohon, walaupun semalam ADUN daripada ini Skudai pun ada sebut, Dana Johor, tapi kita yang sendiri rasa sebab ini Dana Johor, kita ada bukti, kita ada dapat laporan, tiada notis, ini makna semua ada. Masalahnya, kerajaan kena usaha supaya pulangan RM1.00 pada pemegang unit, kalau tidak sakit, Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat dah habis ni.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tak ini.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada, tak ada saya dah tak izinkan lagi.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' Speaker, saya ada, saya ada…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi saya beritahu last, dana. Ini Yang Berhormat dah lebih masa ni, ramai yang belum berucap.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ok, dengan ini saya menyokong. Terima kasih, ada disiplin.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, terima kasihlah, terima kasih, ok, *thank you*. Lagi perbahasan diteruskan lagi.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ya, nak apa? Yang Berhormat nak apa? Oh nak rehat? Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:50 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:15 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Semula, dijemput Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih oleh kerana diberikan kesempatan untuk berbahas dan berucap sempena dengan Bajet 2010 ini. Terlebih dahulu saya nak ingin bagikan beberapa isu-isu tempatan.

i. Bagi banjir kilat di Batu 21, Jalan Kulai, Ayer Hitam. Adalah difahamkan kerja pembaikan sedang dijalankan sejak bulan Ogos 2009 dengan digalikan satu *main hole* dengan izin, yang besar di Jalan Susur 5, Taman

Nanpark, supaya membina satu sistem saliran perparitan untuk mengelakkan banjir kilat setiap kali hujan melanda. Walau bagaimana pun, setelah kerja projek dimulakan pula didapati wujudnya paip-paip air di bawah tanah yang menyebabkan kerja kontrak berkenaan tersangkut. Kenapa masalah ini boleh berlaku sedangkan jurutera-jurutera berkenaan harus menyedari bahawa berdasarkan rekod dan *proof print* yang disimpan di jabatan berkenaan harus menyedari bahawa berdasarkan *report* dan *proof print* yang sedia ada, memang jelas membuktikan memang wujudnya sistem paip air di bawah tanah.

Bilakah kerja-kerja pembaikan dan atau pembetulan akan dipulihkan dan berapa jumlah kos tersebut? Dijangka kontrak pembaikan tersebut bila akan disempurnakan. Sama ada jurutera yang dilantik adalah kurang berkelayakan, sama ada tender terbuka diamalkan. Kalau jurutera tempatan tidak boleh menangani masalah ini, kenapa tidak dilantik pakar-pakar yang berkelayakan termasuk daripada luar negara. Setakat ini berapa banyak kos yang telah terbuang untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut yang berterusan hampir telah lebih kurang bagi tempoh 21 tahun. Kenapa Kerajaan Negeri langsung tidak prihatin terhadap penduduk-penduduk di situ dan tidak langsung dibayar RM0.01 pampasan pun.

ii. yang saya ingin bangkit adalah masalah kekurangan bekalan air di Kampung Baru China, Seelong, Senai. Apakah cara yang terbaik sekali untuk menyelesaikan masalah tersebut sepenuhnya? Difahamkan bilangan penduduk di Kampung Baru China tidak kurang daripada 1,000 orang dan jumlah keluarga pula dalam lingkungan 100 lebih buah keluarga. Kenapa sebuah tangki air tidak boleh dibinakan bagi menangani masalah kekurangan air di kawasan tersebut, sedangkan kawasan lain sudah pun menikmati prasarana tangki air tersebut.

iii. Bagi penduduk-penduduk di kawasan Kampung Desa Melayu, Desa Makmur, Desa Jaya dan Melantik adalah difahamkan pihak pemaju dan atau kontraktor swasta telah ditawarkan hak untuk membina lebuh raya dan atau projek-projek perumahan yang lain. Sama ada yang sama, benar atau tidak. Jika benar sama ada penduduk-penduduk di situ boleh memperolehi rumah-rumah kediaman yang lain serta pampasan yang wajar sekiranya mereka diusir keluar dari kawasan tersebut. Sekiranya prinsip 1Malaysia diamalkan iaitu Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, bolehkan Kerajaan Negeri menunaikan kewajipan dengan memasukkan 1 perjanjian secara bertulis dengan mereka atas janji-janji yang terdahulu yang diberikan kepada mereka. Soal gagasan 1Malaysia yang mana 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', merupakan satu konsep pada taksiran saya, satu konsep yang mengelirukan rakyat terutama sekali dalam dunia ini memang ada negara-negara yang digelar Malaysia dan tidak pernah mana-mana negara yang menggunakan satu negara seperti 1Malaysia, 1 Indonesia, 1 Amerika Syarikat.

Apa yang mengecewakan kita adalah bahawa setelah negara mencapai kemerdekaan selama 50 tahun, masih belum muncul konsep 1 bangsa Malaysia, iaitu yang tidak mengira latar belakang dari segi budaya, agama dan

keturunan sebagaimana yang diamalkan di negara jiran kita Singapura dan Amerika Syarikat. 1 People 1 Nation dengan izin. Walau bagaimanapun dikatakan 1Malaysia adalah selaras dengan Perlembagaan, tapi konsep 1 bangsa ditolak oleh kerana ia melanggari Perlembagaan. Itu ada satu taksiran yang memang terpesong sambil tersilap.

Pada beberapa tahun yang lalu semasa konsep 1 Bangsa Malaysia muncul, Y.A.B Menteri Besar Negeri Johor mengutuk konsep tersebut dengan menegaskan bahawa negara ini masih lagi dibahagikan dalam bumiputera dan bukan bumiputera. Selagi bangsa Malaysia tidak muncul serta politik perkauman tidak dihapuskan, maka perpaduan tidak akan dinikmati oleh rakyat dan ini tidak mewujudkan suasana permuafakatan dan kerjasama di antara semua kaum sambil tidak menggalakkan pelaburan asing daripada luar negara.

Baru-baru ini perpecahan atau pergaduhan berlaku di MCA dan bukan sahaja melibatkan 2 *team* bahkan terdapat satu kuasa yang ketiga bercampur tangan untuk merampas kuasa atas kegilaan terhadap jawatan Menteri serta ketamakan kuasa, sama ada gagasan 1Malaysia diamalkan di kalangan kepimpinan MCA yang jelas menunjukkan sikap yang begitu negatif sekali. Negeri Johor kelihatan satu bajet yang negatif bagi 3 tahun berturut-turut. Bagi Bajet 2010, defisit adalah sebanyak RM1.5 juta berbanding defisit tahun 2009 berjumlah sebanyak RM2.5 juta. Untuk berjimat cermat, Senai mencadangkan bahawa *allowance* kepada Pegawai Khas di kawasan pilihan raya yang dimenangi oleh pembangkang harus dimansuhkan. Iaitu setiap bulan RM3,300.00 x 12 bulan berjumlah RM39,600.00 bagi setiap ADUN. Bagi 6 ADUN, berjumlah RM237,600.00 bagi sepanjang tempoh, tempoh pilihan raya 4 tahun hampir lebih kurang RM1 juta akan bazir dibelanjakan sia-sia sahaja atas maksud yang tidak, tidak masuk akal langsung.

Selain berpendapat Negeri Johor ini yang penuh dengan sumber-sumber mentah dan modal insan masih mengalami satu bajet yang defisit. Dan, ini menunjukkan bahawa salahnya pengurusan ekonomi di peringkat Negeri Johor. Ataupun dengan izin, m*ismanagement of our Malaysian economy*. Jikalau kita berbanding dengan Singapura yang mana dolar Singapura, SD pada tahun 1980 adalah setanding nilainya dengan Ringgit Malaysia. Tetapi sekarang pertukaran mata wang RM2.41 ke SGD 1. Ini bermaksud bahawa sebuah negara yang kecil seperti Singapura tanpa sumber bahan mentah masih boleh mencapai perkembangan ekonomi begitu hebat sekali iaitu 2.4 kali lebih hebat daripada Malaysia. Pendek kata, terdapat satu kelemahan dalam pentadbiran atau pengurusan ekonomi negara kita ini. Misalannya kenapa rundingan FTZ FTA Top di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat baru-baru ini diumumkan oleh pihak Amerika Syarikat supaya diberhentikan. Walaupun FTA Top ini telah diteruskan sejak tahun 2006. Bolehkah ini bermaksud Amerika Syarikat tidak ada keyakinan terhadap kita dari segi cara bagaimana kita menguruskan ekonomi?

Mengenai masalah rasuah di negara. Saya berpendapat cara agensi-agensi kerajaan menangani masalah rasuah adalah amat mengecewakan. Baru-baru ini, indeks rasuah antarabangsa dengan izin, *Transparency International Corruption Perception Index 2009,* pendek kata CPI telah mencatatkan bahawa kedudukan Malaysia di antarabangsa telah jatuh pangkatnya

daripada 43 hingga 56. Bermaksud, amalan rasuah di negara ini kian bertambah. Jikalau kita berbanding dengan negara yang lain, ini markah tertinggi adalah 10 markah bagi indeks ini. *Rank* nombor satu, pangkat nombor satu New Zealand dengan markah 9.4; markah kedua Denmark, 9.3; *Rank* Singapura, 9.2; *rank* 56 Malaysia, 4.5. Pada tahun yang lepas 2008, markah yang diperolehi adalah 5.1. Masa itu rank 43. Selagi SPRM sebagai sebuah badan pencegah rasuah tidak mengamalkan konsep ketulusan, kecekapan serta akauntabiliti, yang mana kes-kes kecil-kecilan yang melibatkan wang peruntukan sebanyak RM2,400.00 sahaja disiasat sehingga menyebabkan kematian mendiang Teo Beng Hock. Yang mana sebaliknya kes-kes besar-besaran yang melibatkan bekas Menteri Besar Selangor serta PKFZ masih belum ada dakwaan terhadap sesiapa. Maka pada keseluruhannya, kita tidak ada keyakinan atau kepercayaan terhadap MACC yang dianggap telah menyebelahi pihak kerajaan dan cuma menghentam pihak pembangkang sahaja. MACC bukanlah dengan izin, *Politically Neutral* dalam tugasan mereka.

Mengenai masalah kes-kes jenayah di Negeri Johor, walaupun dikatakan dalam laporan bajet terdapat pengurangan atau penurunan kadar jenayah, tetapi ada diperingatkan bahawa banyak kes-kes jenayah telah berlaku di masyarakat kita. Tetapi yang sama tidak dilaporkan kepada pihak polis. Sebab-sebab di antara lain adalah bahawa, pada umumnya rakyat kurang yakin atau kepercayaan kepada polis untuk menyiasat serta mensabitkan kesalahan kepada para penjenayah.

Pelancong-pelancong dari Singapura terdiri dari jumlah bilangan pelancong yang terbesar di negara kita melebihi 6 juta. Tetapi sebaliknya dari segi penarikan pelaburan asing ke Malaysia, pelaburan dari Singapura amatlah berkurangan khususnya di daerah Johor Bahru. Sama ada salah satu sebab merupakan ada pada tafsiran Singapura, Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya yang tidak selamat iaitu sebagai *Crime City*, yang diperlihatkan oleh bekas Perdana Menteri, sekarang Mentor, Lee Kuan Yew. Selagi rasuah dan penyalahgunaan kuasa sebilangan polis tidak dihapuskan, maka kadar jenayah tidak boleh diturunkan secara efektif. Kalau kita melihat setiap hari di mahkamah, terdapat banyak kes-kes jenayah dilepaskan tanpa dibebaskan atas alasan-alasan seperti ketiadaan saksi-saksi, surat siasatan tidak ada, pengadu tidak hadir dan lain-lain sebab sehingga para jenayah langsung tidak berketakutan terhadap undang-undang. Oleh kerana kadar pelepasannya itu dengan izin, DNNA di mahkamah adalah begitu tinggi sekali, yang mana penjamin-penjamin boleh mendapatkan duit jaminan mereka, sampai orang yang kena tuduh dilepaskan. Sebagai satu contoh, peragut-peragut walaupun ditangkap dan ditahan reman beberapa hari di bawah Seksyen 117 CPC, malah mereka dapat kebebasan atas kelonggaran penguatkuasaan undang-undang sambil mengulangi kesalahan mereka selanjutnya.

Mengenai soal penubuhan Pasukan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia, meningkatkan kemudahan awam bas Larkin serta penambahan bas awam, saya ingin menyatakan bahawa pengangkutan awam di Negeri Johor khususnya adalah begitu bermutu rendah. Pada jangka masa yang panjang kita boleh, kita tidak boleh meletakkan kebergantungan perkhidmatan bas sebagai satu penyelesaian muktamad bagi pengangkutan awam. Bagaimana kita boleh mencapai suatu situasi yang mana seperti bandar raya yang besar

Hong Kong, Singapura, Taipei, Bangkok, Beijing, Tokyo, yang mana orang-orang awam atau dengan izin, *commuters* boleh dielakkan daripada menggunakan kenderaan mereka dalam kehidupan mereka, harian mereka. Dengan menggunakan sistem pengangkutan yang laju iaitu *Mas Rapid Transit System* seperti MRT dan LRT. Pada taksiran saya, pihak kerajaan negeri telah banyak membazirkan wang dalam membinakan projek-projek mega seperti pusat pentadbiran yang cantik dan canggih, Nusajaya ini dan lain-lain dengan mengabaikan keperluan orang awam seperti satu sistem pengangkutan awam yang efisien yang membolehkan pengguna-pengguna di jalan raya menjimatkan masa mereka serta menjimatkan kos lalu lintas.

Oleh sebab itu Senai ingin mencadangkan bahawa pihak Kerajaan Negeri harus mempertimbangkan dan akhir sekali dapat mengambil langkah yang sewajarnya dalam pelan Malaysia Ke-10 untuk membina sistem MRT, LRT di Johor Bahru dalam tempoh 10 tahun dari sekarang. Jika tidak pembangunan Iskandar Malaysia sia-sia sahaja.

Mengenai satu isu lagi, terhadap lawatan luar negeri. Saya difahamkan 5 orang Ahli Dewan ini telah dihantar ke mesyuarat di Tanzania serta membuat lawatan sambilan ke Afrika Selatan yang dijangka menelan perbelanjaan sebanyak RM100,000.00. Sewaktu kemelesetan ekonomi kerajaan sepatutnya berbelanja secara lebih berhemat. Rasional membuat sebarang lawatan luar negeri mesti jelas khas dari segi membawa manfaat kepada rakyat Johor sebagai pembayar cukai. Saya mencadangkan bahawa sebarang lawatan luar negeri oleh Ahli Dewan Undangan yang mulia ini dibekukan sehingga prestasi ekonomi dan status kewangan kerajaan negeri bertambah baik ke tahap yang lebih kukuh.

Saya juga ingin bangkit mengenai hak milik bagi Kampung Baru Cina di seluruh Negeri Johor. Saya nak bertanya apakah status pengeluaran suratan hak milik di kawasan perumahan di Kampung Baru Cina di seluruh Negeri Johor. Sama ada jaminan atau janji pihak kerajaan untuk menyempurnakan yang sama adalah dengan kata-kata kosong sahaja. Sekurang-kurangnya satu senarai lengkap terhadap bakal pemilik-pemilik tanah dapat dibekalkan demi untuk ketulusan supaya semua yang layak akan memperolehi milikan tanah tersebut termasuk masalah milikan tanah di Gunung Lambak, Kluang juga.

Mengenai satu isu pengambilan tanah yang saya telah bangkitkan dalam soalan lisan bagi mesyuarat yang terdahulu, sama ada wujudnya penyelewengan pihak kerajaan negeri mengambil tanah HSD 239701 PTD 1027 Mukim Kulai dengan kos pampasan RM29 juta, RM29 juta lebih. Memandangkan Kurnia Height Sdn. Bhd. membeli daripada Maha Global Sdn. Bhd. dengan kurang satu bulan sebelum pengambilan tersebut dengan harga pembelian RM8 juta. Siapakah ahli-ahli kroni politik yang terlibat? Kenapa pampasan telah dibayar kepada penama Kurnia Height sebagai pengkaveat. Syarikat tersebut juga memasukkan satu kaveat dengan tidak dijelaskan harga pembelian sepenuhnya sebanyak RM8 juta tersebut.

Y.B. Timbalan Datuk Speaker : Masa cukup yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Pengkaveat atau pemegang amanah, sebanyak pampasan yang mereka memperoleh adalah sebanyak RM25 juta lebih. Sedangkan syarikat tersebut masih belum menjadi pemilik berdaftar atau sah hak tanah tersebut. Kenapa penilai hartanah juga Henributer Malaysia boleh dibayar wang penilaian begitu tinggi sekali sebanyak RM36 ribu lebih? Sekianlah, ini ucapan saya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Timbalan Datuk Speaker : Terima kasih. Jemput yang lain. Jorak.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Timbalan Datuk Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk berucap membahaskan Bajet 2010 dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu izinkan Jorak mengucapkan tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet 2010 dengan bertemakan 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama'. Satu bajet yang komprehensif, holistik dan menyentuh kepentingan semua pihak. Kenyataan dan langkah-langkah strategi merangsang ekonomi Negeri Johor. Pendek kata seringkasnya boleh dikatakan bahawa Bajet 2010 telah mengambil kira bidang keberhasilan utama negara, demikian lagi terutamanya melibatkan akses pendidikan berkualiti, meningkatkan taraf kehidupan rakyat, memperkasakan prasarana luar bandar dan menambahbaikkan pengangkutan awam dalam jangka masa pendek.

Bajet 2010 menganggarkan sejumlah permintaan Negeri Johor sebanyak hampir 785 juta dengan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM228 juta dengan peruntukan besar komponen pertanian dan perkembangan luar bandar hampir 50%. Bajet 2010 juga menganggarkan bahawa dari sejumlah itu, RM300 juta ataupun 38% adalah untuk emolumen gaji upahan bagi kita dan penjawat awam dengan itu, kita dapati jumlah ini adalah peruntukan yang besar.

Kerajaan negeri membelanjakan hampir 30% untuk pengambilan sektor awam ini. Tetapi, pada hakikatnya, sebagai contoh elaun-elaun yang diberikan gaji kepada Wakil-Wakil Rakyat dan penjawat-penjawat awam adalah masih rendah kalau dibandingkan dengan beban tugas dan luasnya wilayah lingkungan yang perlu dikawal selia dan pemantauan dan sebagainya. Selalu kita desak bahawa kita mahukan satu kualiti kerja yang tinggi, produktiviti dan sebagainya, tetapi kita mungkin tidak mengambil berat tentang kebajikan penjawat-penjawat awam kita sendiri. Kerja tidak mengira masa, tidak semua tuntutan kita boleh lakukan. Ramai yang menggunakan duit sendiri bagi urusan-urusan rasmi, menggunakan poket sendiri, duit sendiri. Ditambah pula dengan keadaan tempat kerja dan ruang pejabat yang agak kurang kondusif. Yang kurang selesa, yang sempit, kita nak jalan di pejabat kerajaan pun kadang-kadang susah. Kita nak duduk pun takut kena hempap dengan fail-fail dan macam-macam buku. Macam duduk rumah setinggan juga. Dan ini sudah pasti menjejaskan produktiviti. Macam pejabat Jurutulis dululah di Bukit

Timbalan. Sekarang dah pindah sini sebagaimana yang disebutkan tadi Y.B. Parit Ya'ani menyebutkan bahawa sekarang ni dah kita dah pindah ke bangunan 6 bintang ini. Cuma Dewan kita ni saja yang belum ada perkhidmatan internet wi-fi untuk Ahli Dewan yang patut disegerakan.

Jadi, saya minta agar pihak Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan pejabat ini, tempat kerja yang lebih baik untuk penjawat-penjawat awam ini mungkin saya ingin merujuk kepada Pejabat Daerah Muar sendiri, jabatan-jabatan di peringkat daerah sendiri, Pejabat Majlis Perbandaran Muar, nampak daif dan memang daif pun. Kerja yang dalam keadaan tertekan mungkin tidak akan dapat menghasilkan kualiti kerja yang kita harapkan. Apa pun kesulitan yang kita hadapi saya menyeru agar kita bersama-sama sebagai penjawat awam dapat turun padang sepertimana yang saya sebutkan tadi dan menyelesaikan masalah-masalah masyarakat memperbaiki keadaan itu dan kalau tidak ada peruntukan kita sama-sama ikhtiarkan, sama ada kita dapatkan daripada negeri ataupun daripada Kerajaan Pusat, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara kedua yang saya ingin sebut di sini juga adalah tentang soal pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris yang mana kita tahun kerajaan kita telah memansuhkan PPSMI ini. Soal bahasa, anak-anak kita sekolah rendah kebangsaan menggunakan bahasa ibunda, Bahasa Malaysia, Bahasan Mandarin dan Tamil bagi kaum Cina dan India. Saya pastinya majoriti rakyat setuju dengan keputusan kerajaan ini. Begitu juga dengan di sekolah-sekolah menengah bahasa kebangsaan akan digunakan untuk memudahkan mereka faham dan mengikuti mata pelajaran dengan baik sekali gus mengangkat Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan bahasa rasmi negara. Tetapi penggunaan bahasa kebangsaan ini tidak seharusnya berhenti di peringkat sekolah menengah sahaja. Tetapi harus juga dipakai hingga ke peringkat tinggi, ke peringkat-peringkat tinggi di universiti termasuklah YPJ seharusnya saya kira menggunakan bahasa kebangsaan ini. Setidak-tidaknya ada beberapa mata pelajaran yang diajar dalam bahasa kebangsaan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga dengan penggunaan bahasa kebangsaan dalam Negeri Johor ini yang dipaparkan di papan-papan tanda, di premis-premis perniagaan, di papan iklan dan sebagainya. Kalau saya nak ambil contoh di kawasan kita ini di Wilayah Iskandar ini, banyak papan-papan tanda yang menggunakan Bahasa Inggeris dan sedikit sekali memberi penghormatan kepada bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu. Sehinggakan laporan tahunan Johor Corporation (JCorp.) yang telah diedarkan kepada kita Ahli-Ahli Dewan juga dalam edisi Bahasa Inggeris. Jadi saya merayu untuk menghormati Dewan ini agar edisi bahasa kebangsaan dapat diberikan kepada kita Ahli-Ahli Dewan selewat-lewatnya pagi esok.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya, perkara ketiga yang saya ingin bawakan seringkas mungkin, saya ingin membangkitkan tentang pendidikan agama Sekolah Agama Johor. Berkenaan dengan Sekolah-Sekolah Agama Negeri Johor ini kerana sudah sampai masanya untuk perlukan kajian semula waktu pembelajarannya, bahan-bahan pembelajarannya dan sebagainya. Anak-anak orang Islam di Johor yang bersekolah agama Johor petang ataupun pagi adalah setakat umur 13 ataupun 14 tahun sahaja. Habis darjah 6,

masuklah sekolah agama, Sekolah Khas, Darjah Khas 1 tahun ataupun 2 tahun. Apabila mereka berada di Sekolah Menengah tingkatan 4 dan 5 mereka sudah tidak lagi belajar di Sekolah Agama Johor ini. Ada baiknya kerajaan atau Jabatan Agama memikirkan untuk anak-anak ini terus diberikan didikan agama di Darjah Khas 1, 2 hinggalah ke tahap 5. Seiringan dengan mereka belajar di tingkatan 1 hingga 5 di sekolah menengah harian di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Saya difahamkan Jabatan Agama Islam Johor di Bahagian Pendidikan telah memperkenalkan kurikulum baru sekolah agama mata pelajarannya banyak yang dikecilkan atau diringkaskan. Contohnya, mata pelajaran Tasawuf dimansuhkan hanya diajarkan di Darjah Khas. Kemudian tu pula dicampurkan disatukan dengan subjek Akhlak. Begitu juga dengan subjek Faraid hanya diajar hanya di Darjah Khas. Mata pelajaran Munakahat, Jenayat, Muamalat dan sebagainya disentuh begitu ringkas sekali. Dan itu saya harap dikaji semula memanggil pakar-pakar menilai kesan pemahaman dan pembelajaran pelajar-pelajar ini dengan kurikulum yang baru dengan mengambil kira penekanan pembelajaran dalam Bahasa Arab di Sekolah-sekolah agama Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Aidiladha Al-Mubarak kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua umat Islam yang berada di dalam Dewan ini yang mana kita akan sambut tak lama lagi, 3 hari lagi. Itu sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker, sekian sahaja saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat DUN Senggarang. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Jemput yang lain. Tenang.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas keizinan Yang Berhormat Datuk untuk memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam ucapan perbahasan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar beberapa hari yang lalu. Saya begitu tertarik tentang Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar terutamanya mengenai peruntukan sekolah-sekolah agama yang tak silap saya hampir RM200 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa perhatian kepada Jabatan Agama khususnya mengenai sekolah-sekolah agama yang terdapat di Negeri Johor khususnya di dalam kawasan Pilihan raya saya. Di mana, sekolah-sekolah agama yang terdapat di Negeri Johor khususnya di dalam kawasan Pilihan raya saya ini begitu daif. Umpamanya, untuk mengajar murid, papan hitam ataupun papan hijau pun tak ada. Dan ini satu perkara yang sangat memalukan kalau kita sebut bahawa Sekolah Agama Johor di antara sekolah agama yang terbaik. Tetapi guru nak mengajar papan hijau pun tak ada. Papan hijau yang ada macam ini, disengetkan macam ini, dilintangkan macam ini untuk membolehkan guru ini menggunakan papan hijau tersebut untuk menulis di dalam proses pengajaran murid-murid mereka. Saya harap Yang Berhormat EXCO yang menjaga sekolah agama ini tolong arahkan Pegawai-

Pegawai Pelajaran Agama Peringkat Daerah kerap datang melawat sekolah-sekolah agama di dalam daerah masing-masing bagaimana keadaan sekolah tersebut.

Dan kadang-kadang Datuk Speaker ada sekolah-sekolah agama ni tak ada pagar pun. Bila tak ada pagar, anjing masuk, ular masuk, biawak masuk, bukan sahaja masuk dalam kawasan persekolahan kadang-kadang masuk dalam bilik darjah. Guru nak mengajar bukan nak mengajar murid dia jumpa biawak dulu dalam bilik darjah. Dan ini merupakan satu perkara yang kadang-kadang menimbulkan kemaluan kepada kita dalam kita berbangga dengan sekolah agama yang kita sebut-sebutkan.

Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO ini supaya arahkan Pegawai-Pegawai Pelajaran Agama pergi tengok sekolah agama Labis yang sebelah rumah saya. Saya tahu bagaimana bilik air dia. Bilik air guru itulah dia, bilik air murid itulah dia, perempuan pun begitu lelaki pun begitu. Macam mana murid nak belajar Datuk Speaker? Saya tak taulah kalau bilik air ni *unisex* sifatnya. Kalau *unisex* tentulah bagus, sempurna dah hebat. Tapi huru hara. Anjing mati pun ada dalam bilik air dia. Ini cerita betul. Saya tak taulah *reporter* ada ke tidak. Kalau ada tolong bawa cerita ini tentang Sekolah Agama Labis. Anjing mati pun ada dalam bilik air. Saya tanya Pegawai Pelajaran Daerah dia macam tau tak tau. Saya tanya "Awak tau ke tidak?" Dia kata macam tau tak tau. Jadi sampai masa Datuk Speaker saya fakir saya dah letih bercakap di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan wajar bagi saya membawa ke Dewan Yang Mulia ini supaya inilah tempat yang tertinggi sekali dalam Negeri Johor agar ianya dapat diperlihat dan diperbaiki tambahan pula pada tahun 2010 kalau tak silap saya dalam konteks sekolah agama ini peruntukannya RM200 juta.

Jadi, Yang Berhormat Pengerusi Agama, You tolong tengokkan sekolah agama kat Labis. Saya memang kecewa betul, saya malu kadang-kadang nak bercakap tetapi nak malu macam mana, Wakil Rakyat, iakan jugalah. Saya tak tau sahabat saya daripada Sungai Abong atau mana-mana lain mungkin lebih hebat masalahnya. Ada sekolah agama kantin ada, kerusi tak ada, meja tak ada. Macam mana murid nak makan? Ini betul. Takkan murid nak bersila tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat Datuk Speaker. Ini betul. Saya kadang malas nak cakap tentang Pegawai Pelajaran Agama, saya ingat saya tolong tukarkan Pegawai Pelajaran Agama Daerah Segamat supaya ianya lebih efektif dari segi pentadbiran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tertarik juga dengan ucapan sahabat-sahabat daripada Senai, Skudai dan sebagainya. Nampaknyalah rasuah kat Johor ni menjadi-jadi sangat. Apa yang diberitakanlah. Dan rujukannya tidak lain dan tidak bukan ialah Singapura. Apakah Singapura itu hebat sangat? Kalau tak silap sayalah minggu lepas saya tengok televisyen, Singapura pun ada banjir. Tapi minggu lepas Malaysia ataupun Johor Bahru tak banjir. Yang ini kena ucap tahniah jugalah kepada JPS yang dah belanja begitu banyak mengelokkan sungai dan sebagainya mengatasi masalah banjir di Johor Bahru berbanding dengan Singapura. Takkanlah semua yang berlaku di Singapura tu baik belaka. Takkanlah yang kat Johor ni buruk belaka. Ini kita kena adillah.

Cuma saya bersetuju satu apa yang disebut oleh sahabat daripada mana semalam, kelmarin, berkenaan dengan Bomba. Bomba ni rupanya pun rasuah besar juga agaknya. Bila nak padam api tanya angpau, tanya angpau, tanya angpau. Ini pun tak betul juga. Kalau betullah benda ini saya tak tau wakil Bomba ada ke tidak ataupun EXCO yang jaga Bomba tolong tukarkan Pegawai-Pegawai Bomba yang ada di Balai Bomba yang berkenaan supaya penyakit ini tak ada. Jangan dikumpulkan. Seorang hantar ke Labis, seorang hantar ke Segamat, seorang hantar Tangkak pecah-pecahkan begitu. Biar penyakit ini tak ada. Orang dah terbakar rumah tanya angpau, tanya angpau. Macam mana nak masukkan duit dalam angpau waktu terbakar tu Datuk Speaker. Tak sempat dah. Dapat selamatkan nyawa pun dah cukup baik. Tapi dia sebut angpau. Jadi maknanya, dia kerja tu nak padam api ke nak cari angpau. Oh! Ada angpau padam api, tak ada angpau tak padam api. Betul ke macam gini. Satu jabatan yang ditugaskan untuk menyelamatkan mangsa di dalam keadaan yang cemas sama ada kebakaran ataupun banjir dan sebagainya.

Ini satu benda yang saya baru dengan di dalam dunia pada hari inilah, dalam Dewan ini, iaitu Bomba minta angpau semasa memadam kebakaran. Ini tak boleh. Ini tak boleh dimaafkan perangai ni. Saya tak tau siapa EXCO yang jaga Bomba. Semak Jabatan Bomba yang mana tukarkan sorang sama sorang termasuk bos sekali. Kalau boleh Pengarah Bomba Johor ni pun tukar, kenapa dia tak siasat. Kita tak nak nama Johor ini disebut-sebut rasuah, rasuah, rasuah sedangkan rasuah ni tak seberapa pun. Tapi itulah yang disebut-sebut banding dengan *Singapore, Singapore, Singapore*, kadang letih juga kita dengar. Tapi mungkin ada betulnya, mungkin ada tak betulnya. Tapi taklah yang tak betul tu semua Johor yang betul tu semua *Singapore*. Jadi Datuk Speaker saya harap bab tu dah selesai.

Yang ketiga saya nak sebut ialah semasa sidang Dewan ini Datuk Speaker, saya berulang-alik daripada Labis ke Johor Bahru menggunakan Tol Yong Peng Selatan tempat *Darling* saya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : *Darling* siapa Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ya?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : *Darling* siapa?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : *Darling* saya. (Dewan Ketawa). Moi, Moi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jiranlah, jiran…

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang ini jangan masuk surat khabar.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tau takut. (Dewan Ketawa)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tol Yong Peng Selatan menghala ke tol, bukan Johor Bahru, tol yang dekat Senai tu apa nama? Yang

Airport? Bukan Skudai, yang lepas terus Lima Kedai punya tol. Tol Senai. Itu, jadi bila balik pun menggunakan Tol yang sama, keluar di Tol Yong Peng Selatan, *Exit* 242. Saya tak tahu Pegawai Tol ada ke tidak kat sini. Tol ini yang saya tahu, Yang Berhormat Datuk Speaker, dikendalikan oleh Plus, satu hari tu tak tahu macam manalah nak jadi cerita. Kalau tak saya tak dapat modal nak cakap kat Dewan ni. Saya punya resit Tol, yang saya ambil dekat Senai ni, nak keluar dekat Yong Peng tersalah simpan. Cari, cari, cari, cari, tak jumpa. Jadi saya pun cakap dengan budak Tol tu, saya kata, "Dik saya minta maaf, saya punya resit Tol ni tak jumpa, dah hilang, tak tahu mana taruk, jadi berapa saya kena bayar". Dia kata, "Encik kena bayar RM76.00". Saya kata, "Awak cakap betul ke, cakap tak betul". "Betul encik, RM76.00. Walaupun encik keluar daripada Tol Ayer Hitam pun tetap RM76.00".

Yang ini, Datuk Speaker, saya mohon kalau ada Pegawai Plus ke Pegawai apa ke yang jaga Tol ni, tolong tengokkanlah, kerana daripada Senai ni sampai ke Yong Peng Selatan ni, Tolnya hanya RM11.10. Tapi kalau hilang pun takkanlah RM76.00. Nasib baik saya Wakil Rakyat, saya ada duit, nak bayar. Kalau orang kampung macam mana? Duit RM100.00. Dah isi minyak, dah makan-makan kat Machap dan sebagainya, tinggallah beberapa ringgit sahaja. Resit Tol hilang pulak, lepas tu kena bayar RM76.00. Tak balik dia. Dia akan tinggalkan kereta dekat situ.

Oleh itu saya mohonlah, kalau Pegawai-Pegawai Tol ada kat sini yang jaga Tol ni, EXCO yang jaga Tol ni, tengok, takkanlah RM11.10 Tol tu, pergi naik RM76.00. Ini kita bukan lalu daripada Bukit Kayu Hitam bukan daripada Penang, bukan daripada Sungai Besi. Tol itu hanya boleh dilalui daripada Johor Bahru menghala ke Yong Peng, itu saja. Dia tak boleh daripada Selatan, daripada Utara ke Selatan. Daripada Selatan ke Utara dan hanya boleh keluar Yong Peng untuk ke Labis, ke Chaah, ke Segamat, Kuantan dan sebagainya. Dia tak boleh pergi tempat lain. Tak munasabah RM11.10 naik jadi RM76.00. Saya harap budak Tol yang beritahu saya tu betullah. Tapi nak jadikan cerita Datuk Speaker, budak ni pun baik juga. Dia kata encik jalan depan dulu, *parking* kat depan, cari perlahan-lahan. Lepas tu datang balik. Saya pun, fikir nak lari pun ada. Ni cakap betul. Nak lari pun ada. Ini RM76.00, patutnya RM11.00. Lepas tu saya jalan perlahan berhenti kat Yong Peng minum, saya masuk kereta, jumpa pulak benda tu. Jadi Wakil Rakyat budiman yang baik kita pusing balik, kita bayar harga RM11.10. Cuba bayangkan RM76.00 dengan RM11.10. RM65.00 beza dia. RM65.00 perbezaan itu boleh kita gunakan untuk mengisi minyak kereta datang ke Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya harap yang ini tolong betulkanlah. Kecuali saya ambik resit Tol daripada Sungai Besi, itu mungkin bebas, boleh dikatakan daripada Sungai Besi ke Yong Peng. Itu boleh ditaruk yang maksima sekali. Tapi ini, ini saya ingat *you* tahu ya, itu Yong Peng punya tol bukan ya. Dia punya tu, Johor Bahru je, tak boleh jauh daripada tu. Dia kata kalau daripada Ayer Hitam pun kena bayar yang sama. Wah, saya kata ini bukan rakyat diutamakan, ini Plus diutamakan. Rakyat dikemudiankan. Tak betullah. Lari daripada konsep, kerajaan yang mendahulukan rakyat dan pencapaian diutamakan. Yang Ketiga ke tak silap saya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Empat Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Keempat, saya orang kampung. Duduk di Labis dikelilingi oleh kampung, FELDA, FELCRA, RISDA, kebun kecil, peniaga kecil. Orang yang susahlah, kalau nak banding dengan kawan-kawan yang ada kat Johor Bahru ni. Masalah saya ialah masalah tentang pengeluaran hasil secara rasminya daripada kilang-kilang FELDA. Daripada FELDA melalui kilang-kilang FELDA. Umpamanya kalau kelapa sawit tu, peneroka FELDA mesti hantar ke kilang-kilang FELDA. Dan dengan penghantaran ke kilang itu, FELDA akan dapat potong, membuat potongan yang tertentu kepada peneroka-peneroka yang terlibat. Masalah saya di sini yang saya nampak ialah kesungguhan daripada FELDA untuk memotong sebahagian daripada hasil yang dihantar ke FELDA ini nampaknya bersungguh-sungguh. Tetapi ada yang menghalang. Yang menghalang usaha mereka ini antaranya ialah LPGM, LGM, Lembaga Getah Malaysia. Ada wakil.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : LGM.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : L?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : GM.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : LGM. Lembaga Getah Malaysia dan MPOB. Ini berpenyakit juga dua agensi ni. Dia tidak sensitif terhadap agensi-agensi kerajaan yang lain yang sama latar belakang dari segi kegiatan mereka. Mereka sewenang-wenangnya, Datuk Speaker mengeluarkan lesen kepada peraih-peraih yang ingin berniaga membeli sawit ataupun getah ni, di kawasan-kawasan berhampiran dengan Rancangan-Rancangan FELDA. Ini perangai orang FELDA satu hal juga. Dia suka jual kat luar, jual kat luar, yang pertama dapat duit cepat, katanya hasil tinggi. Yang ketiga, tanpa apa-apa potongan yang patut dipotong oleh FELDA terhadap peserta yang berkenaan maka kerana itu, mereka menjual hasil mereka di luar. Di luar yang, yang jadi peraih kat luar ni pulak, dapat lesen daripada LPGM, LGM atau MPOB. Kalau tuan-tuan tahu kawasan saya iaitu di Tenang, Tenang ni bermula daripada separuh bandar raya Labis menghala ke Chemplak. Bandar raya Labis. Chemplak dan Chemplak Barat selepas Chemplak dan Chemplak Barat Datuk Speaker ada tiga peraih kelapa sawit. Jadi macam mana orang FELDA ni tak kelabu mata tengok, wow, yang ni Amoi, yang ni Nyonya, yang tu janda, yang beli sawit ni. Jadi yang kilang FELDA ni dahlah, yang pertama, potongan, yang kedua, bayaran lambat. Tapi kalau hantar kat Amoi ni, hantar waktu tu, dah terus dapat duit. Kadang-kadang boleh ambil *advance* pulak dulu. Hasil belum hantar, ambil duit dulu. Ini perangai saudara mara kita di Rancangan-Rancangan FELDA. Begitu juga, kalau daripada Labis menghala ke Chaah tu, ada empat, pelesen-pelesen kelapa sawit yang diizinkan oleh MPOB untuk membeli buah sawit daripada siapa sahaja. Jadi dengan sendirinya melemahkan usaha-usaha yang dibuat oleh FELDA.

Kalau Datuk Speaker tahu yang menghala daripada Labis menghala ke Air Panas ada lima atau enam pelesen-pelesen yang diberi oleh, yang diberi lesen oleh LGM, Lembaga Getah Malaysia untuk membeli getah-getah kononnya, sesiapa yang nak jual tetapi matlamatnya ialah untuk membeli getah daripada peneroka FELDA. Seberang jalan aje, sebelah sana FELDA, sebelah sini stesen

nak beli sekerap. Kalau saya pun jadi peneroka FELDA, ambil getah kat sana, lompat ke mari, dapat duit terus. Tak payah hantar ke kilang dan sebagainya. Jadi cara kita nak mengawal, nak mendisiplinkan sedikit sebanyak peneroka-peneroka FELDA ini pada saya, kita kena betulkan dari segi agihan pemberian lesen ini terutamanya dikeluarkan oleh LGM ataupun MPOB. Kalau perlu, saya mintak di dalam Dewan ini kawasan saya tarik balik lesen itu semua, kekalkan yang ada kedai ataupun untuk FELDA sahaja. Yang tepi-tepi jalan ni semua tak ada. Ini saya mintaklah, saya tak tahu Pegawai LGM ada ke tidak, MPOB ada ke tidak.

MPOB ni tak betul juga Datuk Speaker. Kadang-kadang kita nampak, sama ada tuan-tuan perasan atau tidak, lori yang bawa tangki minyak daripada Pantai Timur ataupun daripada Utara menghala ke Selatan nak pergi ke Pasir Gudang, ada stesen yang di Chaah tu untuk mengeluarkan minyak yang dibawa dipindah ke tangki lain. Ini pun satu jenayah juga. Saya tak tahu siapa yang rugi di sini, sama ada pengilang, pengilang yang mengeluarkan ataupun pengilang yang menerima ataupun pengangkut, *transporter*.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat. Banyak lagi?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Banyak lagi Datuk.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Banyak, sila duduklah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ok. Terima kasih Datuk.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguh sehingga esok 25 November 2009, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEEMPAT	RABU, 25 NOVEMBER 2009	BIL. 8 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Lee Hong Tee, jemput.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

Apakah mekanisme sedia wujud di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membantu dan mengawal mutu perlaksanaan projek-projek Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya ianya mengikut spesifikasi mutu projek berkenaan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, PBT ada mengamalkan beberapa mekanisme untuk bantu dan kawal mutu pelaksanaan kerja projek-projek daripada KPKT ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, agar ianya mengikut spesifikasi mutu kerja yang ditetapkan. Antara projek-projek PBT yang boleh saya maklumkan di Dewan yang mulia ini ialah seperti:

i. Projek BP1 - ini untuk makluman untuk projek-projek kecil di kawasan PBT seperti projek infrastruktur, kemudahan awal yang lain, perhentian bas, dewan masyarakat, tandas awam, sosioekonomi kemudahannya, pasar awam, ruang niaga penjaja dan sebagainya.

ii. Projek yang dipanggil projek BP6 – iaitu projek-projek pembangunan infrastruktur kampung tradisional yang ada dalam kawasan-kawasan PBT dan projek-projek ini lebih kurang sama macam yang saya katakan tadi untuk projek BP1, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Bagi projek yang dikeluarkan secara tender iaitu projek yang bernilai melebihi RM500,000.00 atau sebut harga iaitu projek bernilai antara RM200,000.00 hingga RM500,000.00. Kriteria pemilihan untuk kerja tender dan sebut harga adalah berdasarkan kepada keupayaan kewangan dan teknikal kontraktor. Kontraktor yang dilantik oleh pihak PBT perlu ada empat kriteria.

i. Kedudukan kewangan yang kukuh.
ii. Pengalaman kerja yang baik.
iii. Kakitangan teknikal yang mencukupi.

iv. Loji serta peralatan asas yang cukup.

Ini empat kriterianya. Ini adalah bertujuan supaya kerja dapat disiapkan mengikut masa dan mengikut mutu dan spek yang ditentukan. Bagi projek yang dikeluarkan sebut harga, pemilihan kontraktor adalah berdasarkan kepada harga yang berpatutan. Manakala projek yang dikeluarkan secara lantikan terus iaitu bernilai di bawah RM20,000.00 ini, pemilihan kontraktor adalah secara bergilir. Bagi kerja di bawah RM200,000.00 ini diberikan kepada kontraktor kecil kelas F.

Kontraktor Yang Berhormat Dato' Speaker, perlu kita bimbing dan pantau dengan lebih kerap oleh pegawai teknikal PBT supaya mutu kerja mengikut spek terjamin. Pada peringkat pelaksanaan kerja pula, terutamanya kerja-kerja penting di tapak, pegawai teknikal perlu berada di tapak projek. Contohnya kerja konkrit binaan bangunan, cara kerja dan mutu konkrit hendaklah dipastikan menepati spesifikasi dan seterusnya diuji di makmal untuk memastikan kekukuhannya. Begitu juga untuk kerja penurapan jalan misalannya, cara kerja, ketebalan dan kepadatan jalan hendaklah dipastikan menepati spesifikasi dan seterusnya dibuat ujian korekan ataupun *coring test,* dengan izin, iaitu sampel diambil dan diuji di makmal untuk memastikan ketebalan dan kepadatan mengikut piawaian.

Di setiap lawatan pemeriksaan projek Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak pengurusan dan pegawai teknikal akan turun padang sekurang-kurangnya sebulan sekali, melihat sendiri pelaksanaan kerja oleh kontraktor dan membuat teguran mana yang perlu. Pegawai teknikal akan membuat laporan dari segi mutu dan kelancaran kerja kontraktor kepada pegawai atasan dan direkodkan. Di peringkat PBT pula, mesyuarat pemantauan projek akan diadakan sebulan sekali yang dihadiri oleh pihak pentadbiran, pegawai teknikal, Ahli-Ahli Majlis kawasan projek dan kontraktor yang terlibat.

Kontraktor dikehendaki membentangkan laporan kerja dijalankan dan memastikan kerja-kerja yang dijalankan mengikut piawaian dan mutu kerja yang ditetapkan. Di samping itu, apa-apa teguran semasa lawatan tapak oleh pegawai dan isu yang timbul dalam melaksanakan kerja dapat diselesaikan dalam mesyuarat bulanan.

Bagi peringkat negeri pula, mesyuarat pemantauan yang selalunya dipengerusikan oleh Timbalan KP sendiri daripada kementerian akan diadakan pada setiap suku tahun di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan, bagi projek yang mana peruntukannya datang daripada Kementerian. Semua PBT akan membentangkan laporan prestasi kerja baik daripada segi fizikal dan kewangan dan juga membincangkan permasalahan yang timbul. Selain itu, PBT juga dikehendaki menghantar laporan mingguan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan laporan itu dipanjangkan kepada kementerian bagi tujuan pemantauan dan pembayaran.

Pihak KPKT juga akan mengadakan mesyuarat pemantauan berkala di PBT yang dikenal pasti. Ini macam buat pemeriksaan rambang. Ianya bertujuan untuk membincangkan isu-isu di peringkat persekutuan agar sebarang isu berbangkit dapat diselesaikan atau diambil tindakan dari kedua-dua belah pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap kerja yang telah disiapkan, PBT akan membuat penilaian kerja setiap projek yang terlibat bagi menilai dari segi perancangan, kerja pengurusan tapak, penentuan kerja mutu kerangka, mutu kemasan, mutu bahan dan lain-lain untuk menentukan peningkatan prestasi dan kerja-kerja dijalankan sendiri ataupun tidak. Laporan ini akan direkodkan untuk tujuan rujukan bagi pemilihan kontraktor pada masa-masa akan datang.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Belum sebut nama. Ah, ok Jementah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Kerajaan Tempatan. Kalau kita halusi jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Kerajaan Tempatan memang mekanisme yang sedia wujud boleh dikatakan baik dan kukuh. Akan tetapi malangnya sebagai Wakil Rakyat sering kali kita menerima rintihan, aduan daripada rakyat, begitu juga pemimpin masyarakat tempatan mengenai mutu kerja projek-projek yang dijalankan. Sebagai contoh di antara rintihan yang pernah saya terima, longkang yang telah dibuat mutu dia lebih teruk daripada sebelum dibuat kerana air pun tak boleh alir.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu boleh?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Itu ada longkang. Jadi sebagai Wakil Rakyat sebenarnya kita menjadi sasaran, tuduhan, itu malangnya, padahal Wakil Rakyat langsung tidak diberitahu spesifikasi kerja. Jadi, kita pun tidak dapat memberi komen. Jadi, soalan saya apakah keciciran ataupun yang berlaku walaupun kita mempunyai satu mekanisme yang begitu baik dan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atas kontraktor-kontraktor yang tidak melaksanakan mutu kerjanya dengan sepatutnya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya dah jelaskan tentang mekanismenya ini dan Yang Berhormat Jementah menimbulkan tentang dari segi kelemahan pelaksanaan yang mana memang saya sedar bahawa kita memang ada terima aduan dan juga makluman berkenaan dengan mutu kerja projek-projek yang tertentu yang dilaksanakan oleh PBT. Saya mintaklah kepada Yang Berhormat kalau boleh tak payah tunggu Dewan, setiap kali kalau ada perkara seumpama ini berlaku, maklumkan kepada saya segeralah, kerana kita bekerja, kita bekerja sebenarnya.

Saya banyak terima kompelin dan saya membuat tindakan atau mungkin secara terus, itu lebih berkesan untuk kebaikan semua. Saya tak nak menuduh sesiapa punlah, kerana di dalam mana-mana organisasi pun ini lumrah dunia, kita ada *debate* elemen semua peringkat, inilah dunia. Jadi, *please,* tolong ya, minta maaf kalau ada apa-apa yang berbangkit berkenaan dengan PBT, nyatakan apa tu, di mana, apa mutu kerja dan kita boleh siasat balik. Dan, saya nak tegaskan dalam Dewan ini, kalau ada apa-apa penyelewengan di

peringkat pelaksanaan, kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan waima siapa juga pun yang terlibat itu janji kerajaan yang telah diamanahkan kepada saya. Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Ok, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Buat masa sekarang rasa saya PBT-PBT yang berada di Negeri Johor ini telah berkembang dengan begitu pesat ekoran daripada pembangunan. Jadi, sudah tentu banyak tuntutan, kehendak penduduk-penduduk yang dipertanggungjawabkan di bawah Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan, yang mana saya difahamkan bahawa jawatan jurutera di PBT-PBT tak ada, tak diwujudkan. Yang mana rasa saya perkara ini dah, dah begitu lama. Jadi, bila kata satu-satu kerja tu kita, kita bertanya sebab apa kerja tak sempurna, maka akan ada alasan yang mengatakan bahawa dia tak ada jurutera yang mengawal. Tak ada seseorang yang bertanggungjawab secara orang kata, sebagai profesional.

Y.B. Dato' Speaker : Dekat mana Yang Berhormat, semua Majlis ke?

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Di semua kerajaan PBT yang saya difahamkan.

Y.B. Dato' Speaker : Termasuk Bandaraya Johor Bahru?

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Bandaraya saya tak tahu, tapi PBT-PBT saya dapat…

Y.B. Dato' Speaker : Dia ada rasa.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Maklumat yang macam ini. Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan kerajaan untuk, nak kita kena ada pasal kalau 20 tahun dulu memanglah PBT ini kecik-kecik aje. Tapi, sekarang kita perlu ada jurutera yang betul-betul bertanggungjawab.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Jadi, saya ingin tahulah macam mana ke arah ataupun perancangan kerajaan untuk nak mengatasi masalah-masalah kerja yang mana tak ikut spesifikasi dan sebagainya. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Rata-rata Yang Berhormat kebanyakan PBT semua, kakitangan teknikalnya kalau nak dibandingkan hari ini banyak dah perubahannya. Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah kalau tak silap sayalah Majlis Daerah Simpang Renggam. Majlis Daerah Simpang Renggam merupakan antara Majlis yang mungkin belum ada ataupun dah mohon jawatan ni tapi dari segi kemampuan untuk ada *engineer*, jurutera kita kena lihat daripada segi kewangan PBT, setiap PBT. Tapi, walau macam mana pun kalau tak ada *engineer* pun dalam PBT itu tidak menjadi alasan kepada PBT

tidak boleh menjalankan, melaksanakan kerja mengikut piawaian yang telah ditetapkan kerana dia boleh menggunakan bantuan *engineer* daripada, untuk pengesahan kerjalah, daripada jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Soalan tambahan Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, sekejap. Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Sejak tahun lepas dan tahun 2009 oleh kerana kemerosotan ekonomi, ada di antara kontraktor-kontraktor yang tidak mampu meneruskan kerja mengikut spesifikasi dan juga mengikut had tempoh masa yang diberi kepada mereka. Dan, mereka mencari alasan bahawa masalah kewangan, kewangan yang dihadapi oleh mereka. Adakah kerajaan beri kelonggaran kepada kontraktor yang menghadapi masalah kewangan pada kemerosotan ekonomi negara? Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya ingat apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ni, Yang Berhormat Dato' Speaker ialah semasa kenaikan harga barang binaan misalannya, yang kita alami baru-baru ini. Dan, pada ketika itu memang ada beberapa kelonggaran misalnya, misalnya apa ni, dipanjangkan tempoh masa kerja. Dan, ada juga beberapa item yang di peringkat Kerajaan Negeri telah setuju untuk dibuat nilai semula oleh pihak yang memberi kerja itu mengikut harga yang berpatutan.

Y.B. Dato' Speaker : Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Satu kelemahan yang ketara di pihak PBT adalah pengeluaran CFO. Kelewatan pengeluaran sijil menduduki, kelayakan menduduki khususnya bagi hartanah-hartanah seperti rumah pangsa, kondominium. Setahu saya, saya nak tanya berapa peratusan jumlah bangunan-bangunan sedemikian yang masih belum dikeluarkan CFO dan apakah langkah yang sewajarnya harus diambil oleh pihak kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan asal dia tidak berkaitan dengan soalan Yang Berhormat. Dia tanya soalan projek-projek yang dia, bukan dia soalkan kelulusan permohonan CFO. Itu dah lari daripada soalan asal Yang Berhormat Jementah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini mengenai spesifikasi mutu projek termasuk pengeluaran CFO juga pada tafsiran saya.

Y.B. Dato' Speaker : Itu tafsiran dia, Yang Berhormat nak jawab, saya ingat. Ok, tak payahlah, saya ingat. Awak nak jawab juga?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Tak, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya nombor 2.

1Malaysia sudah diperkenalkan. Memandangkan konsep ini baru, rakyat di Johor ingin mengetahui sama ada pendekatan ini mampu meningkatkan daya saing serta pemikiran dan *mindset* rakyat terhadap perpaduan kaum.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, konsep 1Malaysia ataupun *1Malaysia,* dengan izin yang bertema 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan' yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menunjukkan pendekatan dalam menjadikan perpaduan kaum sebagai paksi kemakmuran. Langkah ini amat bertepatan dengan suasana dan cita rasa rakyat di mana rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama perlu menganggap diri mereka sebagai bangsa Malaysia yang berfikir dan bertindak ke arah satu matlamat. Konsep ini selari dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara. 1Malaysia membawa aspirasi untuk memperbaiki, memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat. Perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum, antara kaum. 1Malaysia juga akan mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan keutamaan rakyat sebagaimana slogan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Negara ini adalah negara untuk semua rakyat tanpa mengira kaum, agama, budaya serta fahaman politik. Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia di mana segalanya perlu dinikmati secara bersama. Malaysia adalah negara kita di mana tidak ada masyarakat atau kaum yang akan dipinggirkan daripada menikmati pembangunan dan pembelaan daripada kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 1Malaysia adalah pemangkin kepada mewujudkan negara bangsa yang dapat membina Malaysia sebagai negara yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan di kalangan rakyat. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian, nilai-nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan. Konsep 1Malaysia juga bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baru, sebaliknya 1Malaysia merupakan satu

konsep dalam bidang pentadbiran yang menyarankan pemimpin-pemimpin kerajaan menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah, bertanggungjawab demi kepentingan rakyat. Konsep ini bukanlah suatu perkara baru, sebaliknya ia merupakan satu usaha yang telah lama diamalkan. Usaha-usaha memelihara dan menjaga kepentingan rakyat serta negara sudah dilaksanakan sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan usaha-usaha membangunkan rakyat dan negara ini telah disambung oleh Perdana Menteri-Perdana Menteri seterusnya. Setiap Perdana Menteri mempunyai gagasan tersendiri namun matlamatnya tetap sama iaitu rakyat dan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 8 nilai yang diterapkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dalam konsep 1Malaysia iaitu:

i. Budaya Kecemerlangan.
ii. Ketabahan.
iii. Rendah Diri.
iv. Penerimaan.
v. Kesetiaan.
vi. Meritokrasi.
vii. Pendidikan.
viii. Integriti.

Semoga nilai-nilai ini diharapkan dapat menyatupadukan rakyat Malaysia dengan fikiran dan tindakan yang menjurus kepada satu matlamat iaitu negara. Apa yang boleh dirumuskan di sini adalah rakyat perlu memahami dan mengamalkan bahawa segala tindakan perlulah mengutamakan kepentingan negara. Jadi, usaha untuk kita memperbanding-bandingkan negara kita dengan negara-negara yang lain adalah sudah lari daripada landasan yang sepatutnya ada di bawah 1Malaysia. Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia di mana segalanya perlu dinikmati secara bersama.

Pembinaan negara bangsa bagi sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia adalah amat penting. Itulah di antara sebab utama 1Malaysia ini dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia tetapi juga sistem nilai budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara-negara asing. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan. Sesungguhnya semua rakyat Malaysia perlu mendasari prinsip-prinsip utama 1Malaysia iaitu kebersamaan, *togetherness*, dengan izin, dan kekitaan, *sense of belonging*, dengan izin bagi menjayakan konsep ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita nak rujuk bahawa sama ada ianya dapat meningkatkan daya saing dan pemikiran *mindset* rakyat saya rasa ia mampu kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membawa kepada beberapa perkara yang menjurus ke arah itu terutama sekali kalau kita tengok dalam Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Kedua-dua bajet ini menjurus ke arah pemerhatian yang

diberikan oleh semua sektor masyarakat tanpa mengira kaum dalam pernyataan bajet mereka. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah kayu ukur untuk menilai kejayaan 1Malaysia?

Y.B. Dato' Speaker : Uhh, macam soal peguam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti mana yang saya sebutkan tadi gagasan 1Malaysia ini dilancarkan pada bulan April yang lalu. Walaupun ianya sekitar dalam 7 – 8 bulan, tetapi itu saya kata kayu ukurnya adalah dari segi cara mana kita *react* kepada program-program dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui program-program yang dilaksanakan sebagai contoh seperti mana yang saya sebut tadi. Kalau saya nak rujuk kepada satu dua perkara yang khusus, yang mana telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai contoh, ini berkaitan dengan masyarakat India sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ada Jawatankuasa Khas khusus untuk mengenal pasti masalah-masalah masyarakat India yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Jadi, kalau nak jawab soalan ADUN Yong Peng, kayu ukurnya masyarakat India kata, oh *yes*, kerajaan sudah mula beri perhatian.

Y.B. Dato' Speaker : Itu siapa cakap? Kaum India eh? Kaum India cakap?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : *Yes*, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Tak, maksud saya bila menjawab soalan kayu ukur. Ini, dalam hal ini, masyarakat terima bahawa kerajaan sudah mula mengenal pasti permasalahan-permasalahan walaupun kaum minoriti untuk diselesaikan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Dulu, rakyat bersetuju bekerjasama untuk kerajaan, menolong kerajaan, tetapi sekarang *mind set* rakyat telah diubah, kerajaan kena bekerja untuk rakyat. Ini satu *reverse statement* memandangkan 'Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan'. Apakah bentuk kerjasama rakyat dengan kerajaan sedia ada yang patut diaplikasikan dalam pelbagai bidang terutama menjurus kepada hal ehwal generasi muda di Jabatan Perpaduan kerana ini perlukan *political will*, semangat yang kuat untuk bawa gagasan. Mohon penjelasan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan

ADUN Pasir Raja tadi. Saya rasa tindakan yang diambil khususnya yang menyentuh mengenai golongan muda, muda yang dikatakan bagaimana pandangan mereka terhadap konsep yang hendak dibawa ini. Saya rasa perubahannya kita dapat lihat apabila kita tengok cara mereka *respons* dalam terutama sekali *blog*. Dulu, kalau selalu, kalau kita tengok mereka selalu menghentam kerajaan tetapi sekarang kita boleh tengok *trend* mereka sudah mula berubah dan menyokong tindakan-tindakan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita tengok dalam Bajet 2010 Kebangsaan, bajet itu juga menjurus kepada pemerhatian yang khusus diberikan kepada golongan muda ini. Sebagai contoh saya hendak ambil fokus Perdana Menteri mengumumkan bahawa pelajar yang terbaik, 30 pelajar terbaik dalam peperiksaan kerajaan akan diberikan pendidikan percuma di universiti tanpa mengira mereka dari golongan mana. Ini untuk kita *attract* golongan muda. Sama juga kalau pelajar yang mendapat kelulusan yang cemerlang dalam tahun akhir peperiksaan mereka di universiti. Pinjaman PTPTN mereka ini akan dijadikan sebagai biasiswa. Kemudian, pelajar-pelajar ini kalau mereka hendak *travel* melalui, dengan izin, melalui kereta api, mereka akan diberikan diskaun 50% dalam kad khas yang disediakan. Ini semua adalah langkah di mana betapa kerajaan begitu mengambil tindakan bagi menarik minat dan juga memberi peluang kepada golongan muda untuk mendekati dengan kepimpinan yang sedia ada. Terima kasih.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Nanti kejap, sana dulu. Jemput, Senggarang.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, saya melihat dari segi perpaduan kaum ini yang dibicarakan, yang dijawab oleh Yang Berhormat Pengerusi Perpaduan. Media, saya kira juga memainkan peranan penting dalam menyatakan tentang perpaduan kaum sama ada melalui surat khabar, televisyen dan sistem ataupun kemudahan IT ini. Cuma saya ingin melihat ataupun saya ingin mengetahuilah sejauh mana pendekatan yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri melalui media-media kita yang berada di pasaran sekarang sama ada melalui surat khabar ataupun melalui majalah-majalah yang dikeluarkan, yang kadang-kadang di situ diselitkan isu-isu perkauman dan propaganda yang menyatakan tentang perkara-perkara yang boleh memecahbelahkan hubungan antara kaum. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih kepada soalan tambahan tadi. Kalau kita tengok peranan media Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa apabila sebut perpaduan ini ia tidak menjurus kepada satu-satu jabatan yang tertentu. Kalau kita tengok kepada Pelan Pembangunan Perpaduan 2006-2010, sebanyak 18 agensi kerajaan terlibat dalam pembentukan dan perhatian yang perlu diberi kepada perpaduan. *So*, dari segi, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, pergerakan ini adalah lebih tertumpu kepada Kawasan Rukun Tetangga dan juga SRS. Selain daripada itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain, sebagai contoh,

Jabatan Pelajaran ataupun agensi AADK ataupun lain-lain jabatan yang mana melibatkan penyertaan pelbagai kaum. Jadi, dalam hal ini, media tidak khususnya menjurus kepada apa-apa aktiviti yang dibuat oleh Jabatan Perpaduan. Ianya menjurus kepada pelbagai agensi yang mana saya difahamkan sentiasa berita-berita mengenai program-program yang sedemikian dipaparkan dalam surat-surat khabar dan juga media-media elektronik. Dan ia juga dibawa oleh pemimpin-pemimpin utama negeri kita dari segi usaha yang mengambil, yang mereka ambil dalam aktiviti-aktiviti mereka. Sebagai contoh, Jabatan Pelajaran melalui Program *remove* Program *remove* ini adalah walaupun dia bukan program Jabatan Perpaduan tapi ia menjurus kepada penyertaan pelajar-pelajar daripada pelbagai kaum dalam program perpaduan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah setahu saya sebanyak RM2 hingga RM3 juta telah dibelanjakan untuk Kempen 1Malaysia. Berapa wang yang diperuntukkan yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan Kempen 1Malaysia dan apa jenis aktiviti yang dilakukan? Saya bagi satu contoh, sebab, ada kata ada klinik 1Malaysia. Bagaimana perbelanjaan digunakan untuk mewujudkan klinik 1Malaysia sama ada 1Malaysia itu membekalkan ubat yang lebih mahal ataupun propaganda politik akan dilakukan untuk parti yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun itu soalan baru, tapi saya cuba jawab. Bahawa saya tidak ada bajet tertentu jumlahnya yang dikhususkan tetapi Kerajaan Negeri, sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, ini kena bagi contoh. Sebagai contoh, pada 2 hari bulan nanti, kita akan adakan satu Seminar Khas untuk Pengerusi-Pengerusi KRT. 500 orang akan hadir ke program tersebut yang mana Yang Berhormat Menteri Besar akan menyampaikan amanat pada majlis tersebut. Jadi, tujuan program tersebut, sebagai contoh, untuk kita menggunakan KRT ini untuk mendekati rakyat di bawah ini. Melalui 500 KRT ini kita mempunyai Ahli Jawatankuasa sahaja 13,000 orang. Ini satu contoh program yang menjurus kepada pelaksanaan 1Malaysia di akar umbi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramananthan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramananthan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Apakah langkah yang diambil untuk menggalakkan lebih ramai belia menyertai Pertubuhan Belia?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil banyak langkah-langkah bagi menggalakkan lebih ramai generasi muda untuk menyertai Pertubuhan Belia. *So*, di antaranya :

i. Pada tahun 2007, Kementerian Belia telah melaksanakan atau menggubal Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007, iaitu Akta 668 yang mana semua Ahli Pertubuhan Belia hendaklah berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun. Sehubungan dengan itu Pertubuhan Belia ialah ditadbir di kalangan mereka di dalam umur belia ataupun di kalangan rakan sebaya mereka dengan slogan "Dari Belia Untuk Belia".

ii. Kementerian Belia dan Sukan juga telah memperuntukkan bantuan pengupayaan Persatuan Belia di peringkat akar umbi sebanyak RM3,000.00 bagi persatuan-persatuan yang baru ditubuhkan dan juga Persatuan-persatuan Belia yang didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan iaitu ROY. Bagi persatuan-persatuan ini juga, selain daripada mendapat bantuan geran RM3,000.00 itu, mereka boleh juga memohon bantuan-bantuan bagi menjalankan aktiviti sama ada daripada dana yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui e-Bantuan menerusi laman web Kementerian Belia dan Sukan Malaysia iaitu alamat dia www.kbs.gov.my dan di peringkat Kerajaan Negeri juga kita menyediakan dana bantuan yang boleh dipohon dengan mengisi borang JKKBSJ01 yang terdapat di pejabat-pejabat belia di peringkat daerah.

iii. Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan juga telah memutuskan supaya pengurusan gelanggang sukan pelbagai guna yang telah dibina di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri ini diuruskan oleh Persatuan Belia dengan tujuan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti belia di satu tempat itu di samping supaya Persatuan Belia itu boleh menjana dia punya kewangan sendiri. Saya faham ada di kalangan, ada pandangan kenapa gelanggang pelbagai guna ini tidak diuruskan oleh Kelab Sukan Komuniti Daerah dan saya pun telah majukan pandangan ini kepada Kementerian. Tetapi Kementerian berpendapat kalau gelanggang itu contohnya, berada dalam satu taman, so, dia akan diuruskan oleh belia yang ada dalam taman itu supaya belia itu sendiri selain daripada dapat menjalankan aktiviti, belia itu sendiri dapat belajar untuk menguruskan satu gelanggang ini dan juga dapat menjana sedikit pendapatan untuk Persatuan Belia di kawasan yang setempat itu.

iv. Sejak tahun 2007, Kementerian Belia telah memperkenalkan, dulunya dikenali sebagai Tabung Ekonomi Belia tapi sejak 2007 telah ditukar kepada Skim Tabung Ekonomi Belia dengan beberapa pendekatan yang lebih menyeluruh yang menjurus kepada mereka-mereka yang, belia yang minat untuk meniaga dalam Skim Belia Niaga dan juga mereka-mereka yang berminat dalam pertanian dan penternakan dalam Skim Belia Tani. Dan, pinjaman ini daripada RM5,000.00 sehinggalah kepada

RM50,000.00. Dalam masa yang sama juga, belia-belia yang telah mempunyai perniagaan boleh mohon juga bantuan geran untuk program Bimbingan Usahawan Muda ini sebanyak RM3,000.00 sebagai galakan yang mana syarat-syarat yang penting sekali, pertama, dia mestilah berumur antara 18 hingga 40 tahun dan mesti menjadi Ahli Persatuan Belia setempat.

v. Kementerian Belia dan Sukan juga telah mengemaskinikan Program Gaya Hidup Rakan Muda daripada tujuh kepada lapan gaya hidup Rakan Muda iaitu yang tambahannya ialah Rakan Muda Siber, sesuai dengan minat generasi muda hari ini yang banyak pergi ke cyber café dan sebagainya. Selain daripada itu juga Rakan Muda ini juga dibuka pendekatan baru yang melibatkan sektor-sektor tertentu seperti Rakan Muda Kampung Baru, Rakan Muda Kampung Orang Asli, Rakan Muda Estet dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga Rakan Muda juga telah digerakkan di peringkat sekolah dengan melalui program Rakan Muda sekolah. Dan, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, di peringkat parlimen hari ini sudah ada kelab-kelab Rakan Muda yang ditubuhkan di setiap parlimen.

vi. Kementerian Belia dan Sukan juga termasuklah Kerajaan Negeri kita memberikan geran tahunan untuk pentadbiran dan juga aktiviti kepada badan-badan induk. Kalau di Johor ini, Majlis Belia Negeri di peringkat kebangsaan, Majlis Belia Malaysia yang kita harapkan mereka boleh mentadbir badan induk ini di samping mengadakan aktiviti-aktiviti tahunan mereka.

vii. Kementerian Belia juga melalui sambutan Hari Belia peringkat negeri dan juga peringkat kebangsaan, kita tidak lupa untuk mengiktiraf pemimpin-pemimpin dan juga ahli-ahli belia yang telah berjaya dalam semua bidang aktiviti belia termasuklah dari segi kepimpinan, keusahawanan, kebudayaan dan sebagainya.

viii. Program-program yang melibatkan Program Belia peringkat antarabangsa masih lagi dikekalkan iaitu seperti Program Pertukaran Belia Antarabangsa, Program Pertukaran Kapal Belia Asia Tenggara dengan Jepun, Program Pertukaran Belia Fokuka Jepun – Malaysia, Program Pertukaran Belia Malaysia – Korea, dan Program Kapal Laut Di Raja Tunas Samudera. *So*, ini di antara pendekatan-pendekatan yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk menarik golongan belia untuk sama-sama melibatkan ataupun menjadi ahli Persatuan Belia. Soalannya adalah sejauh mana pemimpin belia khususnya di peringkat akar umbi untuk menarik rakan-rakan mereka untuk sama-sama menggerakkan Program Belia?

Y.B. Dato' Speaker : Kahang.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan. Saya ucap terima kasih kepada penjelasan yang diberikan oleh Pengerusi Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ramai lagi belia di negara kita ini masih lagi tidak

berpersatuan. Dan golongan inilah merupakan golongan yang berada di luar kawalan kita. Kita dah tak dapat mengawal mereka. Memang tidak dapat dinafikan Jabatan Belia dan Sukan banyak menjalankan program-program lebih kepada golongan belia tetapi tumpuan dia lebih kepada mereka yang menjadi ahli dalam sesuatu persatuan. Tapi kita juga harus fokus kepada belia yang tak nak masuk sebarang persatuan ataupun tak aktif dalam program-program kemasyarakatan seperti ini.

Bagi belia-belia yang berpersatuan, memang kerajaan melalui Jabatan Belia dan Sukan membelanjakan begitu banyak jumlah yang besar untuk melatih mereka menjalankan program-program, melatih sifat-sifat kepimpinan, memberi peluang untuk mereka menonjolkan diri, melahirkan usahawan muda dan sebagainya. Itu kita tidak mempertikaikan. Tetapi yang kita bimbang, bagaimana nak menarik minat golongan belia yang tidak aktif ataupun tidak berpersatuan lagi. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk menggubal sesuatu undang-undang untuk mewajibkan setiap belia di negara ini untuk menjadi ahli dalam sekurang-kurangnya satu persatuan belia? Contohnya seperti, mereka lepasan sekolah diwajibkan untuk masuk PLKN contohnya. Jadi, adakah kerajaan bercadang buat demikian ataupun membentuk sesuatu dasar yang baru? Sekiranya contohnya, nak memohon kerja dalam sektor awam. Salah satu kriteria mesti menjadi ahli dalam satu Persatuan Belia dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini memang kerajaan belum ada cadangan untuk mewajibkan semua generasi muda ini wajib menjadi ahli belia dan menjadikan kriteria ini menjadi salah satu kriteria mungkin untuk mohon kerja dan sebagainya. Tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi, di peringkat kementerian, kita telah cuba untuk mendekati sedekat mungkin. Macam Program Rakan Muda Sekolah. Sekarang Program Rakan Muda, dalam belia ini ada dua kategori.

i. Antara umur 15 sampai ke umur 25. Ini kategori Rakan Muda. Mereka ini berada di sekolah dan juga di mana yang masuk kolej dan sebagainya, berada di IPT atau IPTS.

ii. Kemudian antara 25 hingga 40. Ini golongan belia. Ini kebanyakan yang mempunyai persatuan dan sebagainya.

Kita dah buat pendekatan daripada sekolah lagi. Kita dah buat program untuk mereka ini terlibat dalam program-program ko-kurikulum yang sekolah ini, kita jayakan bersama dengan Program-program Rakan Muda sama ada melalui rakan gaya hidup yang lapan tu ataupun juga Rakan-Rakan Muda sektor yang mengikut kawasan-kawasan tempat tinggal mereka. Soalnya ialah, dari segi pemimpin belia, mungkin mereka ada sedikit jurang apabila pelajar-pelajar ini lepas daripada sekolah yang terlibat dengan Rakan Muda, *in fact* di IPT pun kita ada sekretariat Rakan Muda pengajian tinggi. Tetapi apabila mereka keluar, mereka tak dapat diambil oleh persatuan-persatuan belia ini kerana mungkin ada jurang. Sebab itulah mulai 2008 kita minta semua persatuan-persatuan belia yang dipimpin oleh mereka yang lebih 40, mereka kena letak jawatan dan kita

serahkan dan kita bagi notis sehingga hujung tahun ini. Dan mudah-mudahan dengan pendekatan baru ini, yang umur 40 tahun ke bawah ini, belia-belia ini, saya harap tak ada jurang yang jauh dari segi umur dan sebagainya untuk mereka dekat dengan belia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, jemput.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4. Terima kasih.

Sebagaimana yang telah maklum, Pengurusan Bekalan Air Johor telah diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan melalui Syarikat Pengurusan Air Negara (SPAN). Nyatakan keuntungan atau faedah yang diperoleh oleh kerajaan dan rakyat Johor secara umumnya.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, penstrukturan semula Industri Bekalan Air Negara merupakan satu keperluan untuk menjamin perkhidmatan bekalan air yang lebih mapan dan efisien untuk negara pada masa akan datang. Oleh itu, Negeri Johor telah pun bersama-sama dalam langkah penstrukturan semula industri ini, di mana dia melibatkan apa yang dirujuk sebagai migrasi Syarikat Air Johor Holdings ke satu keadaan ataupun rejim kawal selia bekalan air di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang disebut SPAN sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, Akta 655. Akta tersebut dengan jelas menerangkan tanggungjawab dan kuasa SPAN dalam perkara berkenaan pelesenan, pengawasan operator-operator perkhidmatan air dan juga tarif air. Ia juga dengan jelas meletakkan kuasa berkenaan dengan sumber air, air mentah, masih terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Dan sehubungan dengan itu, satu perjanjian berhubung dengan cadangan penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air di Negeri Johor telah pun ditandatangani pada 11 Mac 2009, antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Syarikat Air Johor Sdn. Bhd., Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd., Ranhill Utilities Berhad dan Pengurusan Aset Air Berhad iaitu PAAB.

Secara umumnya, Kerajaan Negeri Johor dan rakyat Johor akan memperolehi banyak faedah daripada penstrukturan semula industri bekalan air di negeri ini, di mana SPAN yang diberi tanggungjawab untuk memantau dan mengawal selia operator-operator perkhidmatan air adalah satu organisasi yang kukuh yang mempunyai terkumpul di dalamnya nanti kepakaran dalam industri perkhidmatan air kerana pengkhususan SPAN ini dalam bidang air yang kita yakin dapat mengumpulkan kepakaran-kepakaran yang kuat di dalam SPAN nanti. Di samping itu, operator-operator perkhidmatan air akan dilesenkan setiap tiga tahun, dan tidak lagi beroperasi secara konsesi. Maka rejim perlesenan ini akan memulihkan operator-operator perkhidmatan air dipantau dengan lebih dekat dan kegagalan mereka mencapai petunjuk prestasi utama iaitu KPI yang ditetapkan oleh SPAN akan memungkinkan lesen operasi mereka ditarik balik. Disebabkan syarat-syarat yang ketat ini, kita yakin bahawa kepentingan rakyat akhirnya akan menikmati perkhidmatan bekalan air yang lebih baik sama ada dari segi mutunya ataupun dari segi harganya.

Selain daripada faedah umum yang dapat dinikmati oleh rakyat seperti yang saya nyatakan tadi bahawa Kerajaan Negeri akan menerima beberapa faedah lain terutamanya dari segi kewangan, dari segi hasil penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air di Johor membolehkan Kerajaan Negeri mengenakan royalti pengambilan air mentah kepada operator-operator perkhidmatan air atau sesiapa sahaja yang mengabstrak sumber air di negeri ini. Adalah dianggarkan hasil jualan air mentah kepada Syarikat Air Johor Holdings nanti sebanyak RM0.05 bagi setiap meter padu akan memberikan hasil sebanyak RM7 juta setahun kepada Kerajaan Negeri.

Di samping itu pula, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji potensi perniagaan bekalan air mentah ke kawasan industri yang tidak memerlukan standard air yang terawat yang ada klorin, mungkin tak diperlukan oleh pihak sektor industri. Dan pada ketika ini, Kerajaan Negeri sedang pun berunding dengan beberapa syarikat antarabangsa yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan bekalan air mentah ini untuk operasi mereka di kawasan perindustrian Tanjung Langsat dan dijangkakan bahawa Kerajaan Negeri akan memperolehi RM10 juta setahun, tidak termasuk kos eskalasi daripada hasil jualan air mentah kepada pihak tersebut. Dan Kerajaan Persekutuan pula, telah mensyaratkan agar SAJ Holding memberikan saham sebanyak 20% kepada kepentingan negeri, Kerajaan Negeri, sebagai sebahagian cadangan penstrukturan semula industri air di Johor. Dengan pegangan saham tersebut, Kerajaan Negeri dijangkakan akan memperolehi dividen sebanyak RM30 juta bagi 3 tahun berturut yang pertama. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan menerima kutipan cukai taksiran daripada PAAB, iaitu Pengurusan Aset Air Berhad sebanyak RM6 juta untuk tempoh yang sama. Jika diunjurkan dalam tempoh 30 tahun nanti, hasil daripada penglibatan Kerajaan Negeri secara langsung dalam industri air ini, sama ada pulangan jualan air mentah, jumlah dividen, dan kutipan cukai taksiran akan memberi pulangan sebanyak RM3.4 bilion.

Dato' Speaker, dalam aspek tanggungan ataupun liabiliti, melalui penstrukturan semula bekalan air di Johor ini, kesemua liabiliti Kerajaan Negeri yang berupa hutang kepada Kerajaan Persekutuan, Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan juga KWSP untuk tujuan pembangunan perkhidmatan bekalan air sebanyak RM1.16 bilion akan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad, iaitu syarikat yang dimiliki oleh Perbendaharaan Malaysia. Oleh yang demikian Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah melepaskan satu liabiliti yang juga besar seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga tidak lagi menanggung bebanan bagi membayar *fixed monthly payment* dan *bulk sales rate* kepada Equiventures Sdn. Bhd. dan Southernwater Corporation bagi bekalan air terawat daripada 14 loji milik mereka. Ini adalah perjanjian konsesi yang telah dibuat sekian lama, di mana syarat-syarat yang seperti ini dikenakan kepada Kerajaan Negeri. Jadi Alhamdulillah, ini terlepas daripada kita, terlepas daripada tanggungan tersebut. Kedua-dua Equiventures ini dan SWC membekalkan hampir 60% Dato' Speaker, bekalan air terawat di Negeri ini. Dan mulai tahun 2009, kesemua bayaran *fixed monthly payment* akan dibayar oleh pihak PAAB iaitu Pengurusan Aset Air Berhad, manakala bayaran *bulk sales rate* akan ditanggung oleh SAJ Holding. Sehinggalah nanti Dato' Speaker, konsesi Equiventures Sdn. Bhd. dan Southernwater Corporation tamat dan dia akan tamat pada tahun 2012 dan 2014. Oleh yang demikian bermakna

bahawa, Kerajaan Negeri serentak dengan itu menjimatkan lebih kurang RM1 bilion, wang rakyat sebenarnya dan dilepaskan daripada tanggungan-tanggungan tersebut.

Seterusnya Dato' Speaker, satu daripada kelebihan perjanjian ini ialah setelah tamat konsesi Equiventures Sdn. Bhd. dan Southernwater Corporation pada tahun 2012 dan 2014, maka pengurusan bekalan air di Negeri Johor ini adalah agak lebih munasabah dan lebih wajar kerana dia dalam bentuk yang menyeluruh lagi holistik, di mana bekalan disertakan dengan pengagihan. Oleh kerana penswastaan yang dilakukan pada masa lalu, dia membezakan antara syarikat yang membuat bekalan dengan yang mengagihkan. Jadi, satu bentuk penswastaan yang tidaklah begitu bijak kerana membekalkan air dikenakan *charge,* maka memang menguntungkan tetapi bila diagihkan, memanglah merugikan. Jadi, dengan tamatnya konsesi itu dalam dua tiga tahun ini, maka perkhidmatan air di Negeri Johor ini akan menjadi satu perkhidmatan yang holistik. Dan ia akan membolehkan SPAN membuat pemantauan yang lebih berkesan.

Selain daripada itu, di bawah penstrukturan semula kenaikan kadar tarif juga adalah lebih pragmatik dan kita yakin dia tidak, tidak akan membebankan rakyat di mana kenaikan tarif mulai Januari 2010 dijangkakan pada kadar 12% dibandingkan kemungkinan, 22% kalau kemampuan tidak ada pada paras PAAB mungkin tinggi kenaikan tersebut. Dan SPAN pula akan memastikan bahawa operator-operator perkhidmatan air tidak membuat keuntungan yang terlalu besar. Contohnya, SPAN hanya membenarkan SAJ Holding membuat keuntungan sebanyak 90% daripada operasinya bagi tempoh operasi pertamanya tertakluk kepada sekiranya SAJ Holding berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan. *So*, dia punya Dato' Speaker, untung tak lebih 9%. Sekiranya kenaikan kadar tarif yang tinggi tidak dapat dielakkan, maka Kerajaan Persekutuan yang lebih mampu juga adalah lebih mungkin kemampuan untuk memberi subsidi kenaikan kadar tarif tersebut agar tidak terlalu membebankan rakyat. Dan penstrukturan semula industri air di Negeri Johor ini pun juga memulihkan Kerajaan Pusat membantu membangunkan infrastruktur, infra perkhidmatan air melalui PAAB, Pengurusan Aset Air Berhad, bagi memastikan perkhidmatan bekalan air yang lebih efisien. Di mana Cadangan Pembangunan Modal ataupun *Capital Expenditure*, dengan izin, CAPEX, akan dibuat selaras dengan cadangan modal perniagaan SAJ untuk tempoh 30 tahun akan datang, yang diluluskan oleh SPAN.

Sekali lagi Dato' Speaker, bila kita nak membina loji air sebagai contoh, loji yang terakhir yang kerajaan bina ialah di Semanggar. Itu sahaja kosnya dekat-dekat RM800 juta. Dan ini adalah lumrahnya dalam perkhidmatan air, apabila kita perlu membina sebagai, apa tu, pelaburan modal seperti loji air maka dia memerlukan satu, satu pembiayaan yang besar dan apabila kesemuanya diambil alih oleh pihak PAAB maka, mengikut keperluan di Negeri Johor ini maka pelaburan itu akan dibuat oleh PAAB secara langsung maka, terlepaslah bebanan yang ditanggung oleh pihak kerajaan seperti terpaksa membuat pinjaman daripada pihak Kerajaan Persekutuan, ataupun dulu pernah dari Bank Dunia ataupun Bank Pembangunan Asia, sekadar untuk membuat pembangunan infrastruktur bekalan air dan serentak dengan itu, Alhamdulillah

tidak akan mengumpulkan liabiliti dalam tempoh masa yang pernah dilalui oleh Syarikat Air Johor.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, maka rumusannya Dato' Speaker, dalam pengamatan saya, inilah di antara satu-satunya contoh penswastaan yang, yang paling, paling baik pernah dapat kita buat di Negara kita ini, kerana dalam hal utiliti Dato' Speaker, adalah tidak mudah untuk perkhidmatan utiliti ini diswastakan sepenuhnya kepada sektor swasta. Lebih-lebih lagi jika sekiranya utiliti ini memerlukan pelaburan-pelaburan yang besar untuk C*apital Expenditure* dia dengan izin, ataupun di mana ada kandungan-kandungan yang tidak semestinya membawa keuntungan. Jadi kalau diswastakan secara langsung, maka tak dapat dielakkan, memang kerajaan kemampuannya terhad, maka besar kemungkinan ianya akan dilepaskan kepada tanggungan rakyat. Jadi dalam Penstrukturan di sektor perkhidmatan air ni, kali ni dia dalam bentuk juga penswastaan tetapi dia bercampur dengan, bercampur dengan peranan yang boleh dimainkan oleh pihak kerajaan melalui PAAB iaitu syarikat yang dimiliki oleh Perbendaharaan Malaysia yang mempunyai kemampuan pembiayaan yang jauh lebih besar, termasuklah kos pembiayaan yang agak rendah untuk menampung, sama ada perbelanjaan operasi ataupun perbelanjaan pelaburan modal ataupun untuk menerima pulangan yang, pada kadar yang munasabah. Kita amat menghargai, apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dalam perkhidmatan air, khususnya apa yang berlaku di Negeri Johor ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, saya bagi Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebentar tadi. Mengikut pengamatan saya daripada penjelasan tadi ada tiga pihak iaitu; kita di Johor sini SAJ, Syarikat Air Johor, kemudian SPAN, dan juga terlibat juga ialah di bahagian Perbendaharaan Malaysia. Kalau lihat daripada konteks itu nampak soal bekalan air ini, tidaklah menampakkan satu masalah. Tetapi yang nak saya timbulkan di sini Yang Berhormat Dato' Speaker ialah, dari segi bekalan penyambungan bekalan air ke kawasan-kawasan terutama di kawasan luar bandar. Saya ambil contoh, kawasan saya, bila kita sentuh soal perkampungan Orang Asli yang hendak mendapatkan bekalan air, nampak begitu sukar sehinggakan beberapa ialah masa, mengambil masa untuk dibekalkan. Begitu juga kalau ambil contoh di FELCRA Bukit Kepong, bekalan air yang dibuat oleh pihak FELCRA sendiri, apabila hendak membuat pengelokkan perbelanjaan memakan lebih kurang hampir RM20 juta dan kita dah bawa dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah. Jadi dalam konteks kata kalau SPAN tadi, sepatutnya soal perbelanjaan ini SPAN tak ada masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalannya apa?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Dari segi pengurusan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, apa dia, nak tanya apa tu.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Pengurusan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, apa dia? Nak tanya apa tu?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Makna, bajetnya dan sebagainya. Jadi, nampak ada masalah bila kita serahkan pada pihak SPAN. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya nak menjelaskan bahawa di antara hutang yang terkumpul Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan ialah peruntukan yang disalurkan daripada Pusat ke Johor untuk luar bandar. Jadi, perkara ni tak munasabah. Akhirnya Kerajaan Negeri telah pun berhujah dengan Kerajaan Persekutuan, kalaulah untuk luar bandar, mengapa dalam bentuk pinjaman? Jadi, akhirnya alhamdulillah, nampaknya bersetujulah nak ditukar daripada pinjaman kepada geran, pemberian. Tapi tak sampai kepada tahap tersebut nak diubah kerana PAB dah ambil kesemuanya yang tertangguh tadi. Jadi, itu untuk penjelasan apa yang telah berlaku untuk bekalan air luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, bahawa peruntukan untuk luar bandar masih lagi datang daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Jadi, untuk belanjawan tahun ini, sebenarnya saya pun dah mengesan pihak UPEN telah pun mengenal pasti kampung-kampungnya, bahkan rumah yang terasing di kampung yang berkenaan pun telah pun dikenal pasti oleh pihak UPEN, Dato' Speaker. Mungkin memerlukan bukan sekadar puluh, mungkin ratus ribu untuk sampai ke rumah yang terasing di kampung yang berkenaan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekadar nak beri jaminan bahawa untuk luar bandar maka peruntukan berterusan akan disalurkan daripada pihak Persekutuan dalam bentuk pemberian dan geran untuk bekalan air luar bandar. Mungkin dia tak, mungkin apa tu, kampung-kampung di mana ada rumah yang terasing termasuk Kampung Orang Asli, mungkin tak berlaku dalam sekelip matalah dua tiga tahun ni, mungkin dalam tempoh, insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam tempoh agaknya Rancangan Malaysia Ke-10 ini, saya percaya kita akan sampai seberapa banyak, ke kampung-kampung untuk bekalan air luar bandar ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah habis masa soalan bertulis. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.**

Y.B. Dato' Speaker : Ha, nak apa? Ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon bawa rundingan menurut Peraturan Tetap kita iaitu Tetap 121 supaya Peraturan Tetap Dewan ini ditangguhkan sementara untuk membolehkan saya mengemukakan

rundingan bagi kita lanjutkan tempoh perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2010 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y. B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan, Peraturan Tetap Dewan ini ditangguhkan sementara.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya perjalanan Dewan ini dalam membahaskan rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2010 Tahun 2009 dikecualikan daripada had tempoh yang disyaratkan dalam Peraturan Tetap 112 (2) iaitu perbahasan yang sepatutnya ditamatkan pada jam 1.00 tengah hari 25 November 2009 kita lanjutkan, dilanjutkan sehingga jam 1.00 tengah hari, 8 Disember 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y. B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan 2010 Tahun 2009 diteruskan sekarang. Jemput Ahli Yang Berhormat berucap. Eh, Yang Berhormat lagi, semalam dah berucap.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Semalam 2 minit saja Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : 2 minit ke 20? (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : 2 minit Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, pendekkan masa. Sihat?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Alhamdulillah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah, tambah seminit. Ok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas keizinan Yang Berhormat Dato' Speaker memberi peluang kepada saya untuk menyambung ucapan saya yang tergendala semalam. Kegendalaan itu bukan kerana saya ...

Y.B. Dato' Speaker : Ha...

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tapi kerana Speaker minta diberhentikan saya bercakap. Saya baru bercakap 5 minit rasanya macam tu.

Y.B. Dato' Speaker : Dah naik pula 3 minit, tadi 2 minit. Ha, yalah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Lepas tu hari ni saya mungkin ikut disiplin biasa saya ada 15 minit lagi. (Dewan ketawa). Itu kuota untuk sayalah agaknya.

Y.B. Dato' Speaker : Tu agak Yang Berhormat, ha'ah. Ahli Dewan Negeri ni bukan seorang, ada 50.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya begitu tertarik dengan perkataan yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu Holistik. Nampaknya perkataan Holistik ini telah pun diguna pakai oleh Kerajaan Pusat khasnya juga telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pembentangan Bajet Kerajaan Malaysia 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita bercakap tentang pembangunan di Negeri Johor, kita nampak bahawa daerah Johor Bahru ni dengan pembangunan semula jadinya, al-maklum sajalah. Dan tambahan pula dengan adanya, apa dipanggil, WPI, Wilayah Pembangunan Iskandar yang mana Dewan kita berada di sini dan nampaknya sungguh cantik, sungguh kagum. Tetapi kalau saya lihat di dalam kawasan pilihan raya saya ataupun dalam daerah Segamat, ianya begitu jauh perbezaannya dari segi pembangunan yang ketara dan jelas. Maksudnya, kalau Dato' Speaker tahu Segamat tahun 60-an ataupun 70-an, sama begitu sahaja pada tahun 2009, 2010 ini. Berbanding degan Johor Bahru, Muar, Kluang, Batu Pahat, sangat nyata perbezaan. Oleh itu Dato' Speaker, terutama dalam kawasan pilihan raya saya iaitu di Labis, kita kadang-kadang rasa segan juga, rasa malu juga, rasa teringin juga untuk menikmati kemajuan. Melihatkan daerah lain, tempat-tempat lain begitu hebat, rancak. Tetapi, daerah Segamat khususnya Labis, tak ada apa-apa. Labis ni yang popular tahun, sekitar tahun 60-an orang Indonesia turun di Labis, mendarat di Labis untuk mengganyang Malaysia pada masa itu. Tahun sekitar 60-an. Dan lepas itu ia muncul balik apabila sisa toksik ada. Itu sahaja. Tidak ada apa-apa yang boleh dibanggakan. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke Yang Berhormat? Saya lalu, sibuk kat Labis.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Itu kemajuan orang Labis sendiri, bukan kemajuan yang dibawa oleh kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Astaghfirullahhalazim, ya ke? (Dewan ketawa). Handal punya Bahagian Labis.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Fasal apa, Labis tu banyak FELDA, banyak kebun kecil, banyak estet. Orang FELDA dah kaya sekarang ni Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha, ha

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Dia lebih kaya daripada Wakil Rakyat. Satu rumah kereta 5, 6 biji. Jadi Dato' Speaker, orang Labis ni dia tak nak Airport Senai tu dipindahkan ke Labis. Dia tidak mahu, apa nama, Pelabuhan Pasir Gudang ke dipindahkan ke Labis. Tak boleh pun, sungai pun tak boleh menampung. Cumanya Dato' Speaker kalau bolehlah, di dalam kuasa Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri di Labis ni kalau boleh bawalah pembangunan Sekolah Berasrama Penuh. Itu saja. Sama ada MRSMnya ke, sekolah menengah sainsnya ke.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Itu saja. Fasal dari segi tanah tak ada masalah. Saya kadang-kadang, saya ni Yang Berhormat Dato' Speaker, Wakil Rakyat kampung, duduk warung.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Duduk warung ni, orang kampung kata, "Y.B., ini Labis tak ada apalah. Kalau boleh bawa ini *hostel* jururawat, apa orang panggil sekolah jururawat ke". Saya cakap jururawat tak boleh. Saya tak boleh tengok ini *nurse*. *Nurse* muda saya cakap tak boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tapi sekolah boleh. Sekolah menengah sains ke, apa ni, belia punya pusat latihan ke, ha, itu boleh. Kerana dia kata, peniaga-peniaga orang Cina ni sebenarnya, dia bukan nak meniaga import eksport. Dia kalau kedai kopi dia sekarang ni ada 10 orang, adanya pembangunan macam itu, tambah 5, 6 orang pada dia dah cukup. Penjual buku umpamanya, ada pertambahan jualan, dengan adanya pertambahan penduduk dengan sendirinya keuntungan itu juga bertambah. Penjual barang-barang elektrik umpamanya boleh cari makan, warung-warung boleh cari makan. Jadi Dato' Speaker, saya merayulah kepada Kerajaan Pusat melalui Kerajaan Negeri supaya kalau boleh dibangunkan satu sekolah yang berasrama penuh di Labis. Kalau kita ambil dalam daerah Segamat, kita ambil contoh, Parlimen Segamat. Parlimen Segamat ada Universiti Mara.

Y.B. Dato' Speaker : Situ UiTM.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Di Sekijang, kita ada Kolej Tunku Abdul Rahman. Labis tak ada apa Dato'. Tak ada apa, cakap betul. Dulu sekolah menengah ada satu sekarang dah ada 3. Itu saja beza.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Parlimen siapa Yang Berhormat. Minta tolonglah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ahli Parlimen sahabat saya juga, dulu menteri, sekarang dah tak ada dah, anak menteri tu.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa? Oh anak menteri tu.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Chua Tee Yong. Sahabat baik ADUN Bekok. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, apa kena mengena ADUN Bekok tu. Menggeleng kepala dia.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Minta maaf Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Cuma dia tak boleh istighfar saja.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Jadi, itu saja Dato', saya minta jangan dikatakan tidak disuarakan langsung dan hari ini saya menyuarakannya di kesempatan yang ada. Saya tahu kawan saya daripada Bekok tu bersetuju.

Y.B. Dato' Speaker : Eh?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Fasal orang MCA ni ramai meniaga. Yang bercakap ni MCAlah. Dia kata Labis tak ada apa. Saya pun kadang-kadang susah nak jawab juga. Sebenarnya memang tak ada apa.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kasihan.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ok, Dato'...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dapat hidup dengan aman eh, walaupun tak ada apa.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Hidup tu bolehlah secara sederhana Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, merendahkan diri.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ok, oleh kerana ketiadaan pembangunan, yang malangnya pula orang Labis dengan orang Segamat ni, lalat banyak Dato' Speaker. (Dewan ketawa). Lalat ni saya tak tahu penyakit apa. Tapi yang saya difahamkan ianya berpunca daripada ternakan ayam yang tidak terkawal di dalam kawasan Labis. Kalau boleh saya sebut Dato' Speaker, kalau Dato' Speaker datang ke majlis perkahwinan di Labis dalam keadaan tertentu, lalat lebih banyak daripada nasi. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yalah...

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ini betul, lalat lebih banyak daripada nasi. Hitam pinggan kita tu, hitam lauk. Walaupun pakai kelambu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh... dia longgok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Kalau setakat lilin tu, tak jalan.

Y.B. Dato' Speaker : Habis Yang Berhormat nak makan yang mana? (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Jadi, saya kena, orang kata kuak-kuakkan lah, halau lalat, ambil nasi, dia datang lagi, halau lalat, ambil nasi. Ha, itulah nasib orang Labis.

Y.B. Dato' Speaker : Kasihan dia.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Kasihan.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi, semua gemuk-gemuk orang Labis eh? (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Kalau dulu gemuk, sekarang dah kurus, Dato' Speaker. Jadi, saya harap, Jabatan Haiwan di daerah Segamat, Veterinar dia panggil sekarang tak silap saya, daerah Segamat, khususnya menjaga Labis, disiplinkanlah penternak-penternak ni. Kalau kita nak tutup pun tak boleh juga. Nanti nak beli ayam, tak ada ayam. Fasal ayam yang di Johor ni semua diternak di Labis. Cumanya disiplinkan :

i. Kawal.

ii. Semasa pengeluaran Lesen tu tengoklah. Kalau keizinannya hanya untuk bela 20,000 ekor ayam, paras tu sajalah. Kalau lebih daripada 20,000 maknanya dah melanggar syarat lesen. Jadi bila langgar syarat lesen, jangan diperbaharui lesen. Dia terus juga menternak, ambil tindakan.

Yang satu cerita Dato' Speaker, ni sambil-sambil berbual.

Y.B. Dato' Speaker : Hei, ni Dewan, ada pula berbual. (Dewan ketawa). Ha, Yang Berhormat ni, Dewan, mana boleh berbual. Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Satu cerita di Segamat, ini saya tak fahamlah Pejabat Haiwan ni apa jenis pegawai dia. Dato' Speaker tahu, orang bela babi, babi ni yang halus dia, khinzir.

Y.B. Dato' Speaker : Khinzir.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Orang bela khinzir. Bela khinzir.

i. Tanah tak ubah syarat.

ii. Bela tu berhampiran dengan rumah orang. Tak kiralah rumah Melayu, Cina, India ke, berhampiran rumah orang.

iii. Kumbahan daripada ladang khinzir ini mengalir ke sungai.

Dalam sungai tu ada ikan baung, ada ikan putih, ada ikan itu, ikan ini. Kalau Dato' Speaker datang ke Segamat, itulah ikan yang Dato' Speaker makan. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ni, bukan saya sorang, termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun ada sama makan. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Jadi maksudnya, air daripada kumbahan ini mengalir ke sungai dan dalam sungai itulah tempat orang menangkap ikan. Dan, ikan itu menjadi makanan kepada masyarakat terbanyak. Jadi Dato' Speaker, kita dah letih bercakap dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah. Saya ingat dalam Mesyuarat Pembangunan tak selesai juga, Dewan Negeri pun tak selesai, tak tahu macam mana nak selesaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Kena ambil tindakan. Yang pertama, dah langgar syarat tanah. Tanah tak ubah syarat, lesen tak ada, kemudian daripada segi kedudukan ladang ini berhampiran dengan kampung. Kita tanya dengan Pejabat Kesihatan, kalau tak silap saya 2 kilometer, 2 kilometer di antara ladang ini dengan tempat kediaman. Ini tak usah kata 2 kilometer, 20 meter pun tak sampai. Ha, cuba Dato' Speaker fikir betapa hinanya orang Segamat dan orang Labis dalam konteks...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat menghinakan orang Segamat, orang Segamat takde benda. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato', itu bab khinzir, saya fikir…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa dah 10 minit.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, ada 15 minit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Hei, dah 10 minit, ada 5 minit lagi.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Pegawai Haiwan yang menjaga Daerah Segamat ni dah tukar. Dah tukar daripada Segamat ke Johor Bahru dan tempat itu kosong. Kita telah membuat keputusan supaya Pejabat Veterinar Negeri Johor mestilah menghantar seorang Pegawai Veterinar yang bertanggungjawab, yang jujur dan ikhlas kepada tugasnya untuk menjaga Daerah Segamat dalam konteks veterinar. Sekarang ni dia kata tak boleh buat apa. Dia kata, bukan pegawai yang ditauliahkan untuk menjaga peringkat daerah, cuma pemangku, pemangku, pemangku.

Jadi, Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Saya teringat satu perkara yang, tentang perangai ketua-ketua jabatan peringkat daerah. Saya cakap betullah, saya kesian dengan Pegawai Daerah saya yang cukup kuat bekerja, cukup minat bekerja, cukup bertanggungjawab dan prihatin. Tetapi

malangnya, Pegawai Daerah ini tidak dapat sokongan daripada Ketua-Ketua Jabatan di dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah, umpamanya Ketua-Ketua Jabatan tak datang, hantar wakil yang tak tahu apa-apa. Jadi sebagai Wakil Rakyat pun kadang-kadang kita nak cakap lebih pun susah, tak cakap pun susah. Jadi, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini Dato' Speaker, Ketua-Ketua Jabatan peringkat daerah ini kalau boleh dibuatlah, saya baru belajar satu perkataan KPI dengan amoi sebelah ni...

Y.B. Dato' Speaker : Amoi mana?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Amoi sebelah.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Wakil Rakyat ke amoi?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Hmm.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kesian dia, ha'ah. Ok, ok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : KPI bagi Ketua-Ketua Jabatan peringkat daerah ini terutamanya Ketua-Ketua Jabatan di peringkat Negeri mestilah diuruskan oleh Pegawai Daerah, berdasarkan kepada prestasi, tugasan mereka masing-masing, komitmen mereka terhadap tugas dan jabatannya. Dan waktu yang sama, keakraban beliau ataupun mereka datang bersama juga. Kalau tidak, tak ada guna, kita buat *Focus Group*, pegawai tak datang, cuba Dato' Speaker fikir…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya banyak kerja lain, Yang Berhormat, takkan nak fikir aje.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Pegawai, ni balik cerita Pegawai Haiwan balik. Dalam *Focus Group* kita akan kumpulan sasar yang kita nak bagi lembu, nak bagi kambing, nak bagi itik, nak bagi ayam dan sebagainya. Sepatutnya jabatan ini, dia dah tahu dah berapa orang yang nak diberikan lembu. Dan melalui lembu ni pun nak tahu juga berapa ekor, kalau 5 ekor, berapa jantan, berapa betina, dia dah tahu dah. Ini pun tak tahu lagi, macam mana Dato' Speaker? Macam mana kita nak berjaya di dalam mengatasi kemiskinan ini. 5 ekor lembu, bila kita tanya berapa jantan, berapa betina, dia tak boleh jawab. Jadi, ini saya rasa pegawai-pegawai yang jenis ini sangat memalu dan mendukacitakan dan di antara penghalang kepada kejayaan rancangan kerajaan yang begitu cantik ialah pegawai-pegawai. Ada juga yang baik, tetapi sebahagian besar daripadanya pegawai-pegawai pelaksana ini dia tak ada sensitif langsung tentang permasalahan masyarakat luar bandar terutamanya.

Y.B. Dato' Speaker : Ni Segamat ajelah, yang banyak cerita.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Saya rasa semua Wakil-Wakil Rakyat tempat lain belum nak bercakap lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Taklah. Dah cakap, tapi dia tak cakap macam Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Dia tak sebut, dia tak menghayati masalah masyarakat dan tak menghayati masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…mana, tak adalah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Saya prihatin orangnya, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Ok, lagi 3 minit.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Jadi, saya cadangkan supaya KPI, ni Dato' SS ada, KPI Ketua-Ketua Jabatan peringkat daerah ini diuruskan oleh Pegawai Daerah dan begitu juga di peringkat Negeri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Ha, jadi biar dia orang ni datang tengok tiap-tiap hari ke Dewan. Tengok, nampak kerusi banyak yang kosong daripada yang penuh.

Y.B. Dato' Speaker : Tidak, memanglah ketua jabatan, kerusi memang lebih, jabatan dah cukup, semua datang Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Saya *check*. Dah habis masa.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Lagi…

Y.B. Dato' Speaker : Ha cakap sikit lagi, saya izinkan.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu daripada masalah yang saya hadapi sekarang ini ialah dengan peserta-peserta FELDA khususnya generasi kedua. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri telah pun memberikan tanah, tapak rumah kepada generasi kedua FELDA, geran dah dapat, premium dah bayar. Cuma yang lambat ni ialah juru ukur kita ni, tak ukur lagi sempadan tanah ni, macam mana la mamat-mamat ni nak buat rumah.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tanah tak ukur lagi, tanah dah tentulah lot ini, lot ini, tetapi batu sempadan tak ada. Boleh tak agaknya pegawai yang jaga Jabatan Ukur Negeri Johor ni hantar tukang ukur ke kawasan saya minggu depan? (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Bila?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Minggu depan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, tak apa, dua hari dia sampai.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Dua hari, Alhamdulillah.

Y.B. Dato' Speaker : Dua hari tak boleh, Hari Raya Haji.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Lepas Raya Hajilah. Sebab ini masalah generasi kedua yang disebut oleh EXCO Belia tadi, ini belia-belia. Dah beri tanah, nak buat rumah, tak tahu sempadan, macam mana? Jadi, nak menyelesaikan masalah rakyat jelata ni sesuai dengan slogan kerajaan, 'Rakyat Didahulukan'...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Pejabat Ukur ni sensitiflah tentang perkara. Selain daripada itu Dato' Speaker, bercakap tentang FELDA juga...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa dah lebih 15 minit. Yang Berhormat tak sedar.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ye ke Dato' Speaker?

Y.B. Dato' Speaker : Bukan ye ke, memang betul.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Satu perkara lagi Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia, lekas.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Mengenai tanah-tanah FELDA yang telah dikurniakan oleh kerajaan dan dimajukan yang mana penerokanya ada tetapi dengan disiplin-disiplin tertentu, maka peneroka itu telah dikeluarkan. Maknanya, tanah yang dimajukan oleh FELDA, tanah Kerajaan Negeri, peneroka tak ada, tetapi tanah dimajukan dan hasil daripada tanaman itu diambil oleh FELDA. Dan kalau itu matlamat Kerajaan Negeri berikan tanah kepada FELDA tidak tercapai maksud, yang kaya FELDA yang susah tetap orang Johor. Jadi Dato' Speaker, saya mencadangkan kalau boleh dengan izin Kerajaan Negeri supaya lot-lot kosong yang masih kosong, yang masih tidak diisi, diisi oleh mereka-mereka yang difikirkan layak dan sesuai dipertimbangkan terutamanya dengan adanya sokongan daripada Wakil Rakyat macam saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Ok Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Dato' Speaker, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, terima kasih. Perbahasan diteruskan lagi, jemput, siapa nak berucap, mana dia?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bentayan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *sorry* la tak nampak, rendah sikit. Oh, ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lain kali kena duduk depanlah baru nampak.

Y.B. Dato' Speaker : Oh nak naik, bagus juga, depan juga, lari sebelah terus. (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet Negeri Johor 2010 yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Bajet 2010 merupakan satu defisit bajet sebanyak RM1.5 juta. Jumlah hasil adalah sebanyak RM784.15 juta dan jumlah perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM785.65 juta, manakala perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM228.57 juta.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor sehingga 31 Mei 2009, masih sebanyak 66 penyata kewangan agensi yang telah disahkan tetapi belum dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Daripada jumlah tersebut, 2 Badan Berkanun Negeri masih belum membentangkan Penyata Kewangan antara tahun 1987 hingga 2007.

Pada Persidangan kali ini, terdapat Penyata-penyata Kewangan seperti Penyata Kewangan untuk Yayasan Warisan Johor yang hanya dibentangkan di Dewan yang mulia ini iaitu 15 tahun sekali bagi tahun berakhir 31 Disember 1993 sehingga 31 Disember 2007 dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Johor pula 19 tahun sekali bagi tahun berakhir 31 Disember 1989 sehingga 31 Disember 2007.

Mengapakah kedua-dua agensi Kerajaan Negeri yang mana diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor boleh dibenarkan untuk berbuat sedemikian? Adakah mereka yang terlibat seharusnya diambil tindakan yang serius ke atas sikap tidak bertanggungjawab sedemikian dan berapakah banyak lagi agensi Kerajaan Negeri yang masih tidak membentangkan penyata kewangan mereka setakat kini?

Yang Berhormat Dato' Speaker, peruntukan kepada 3 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan satu buah sekolah menengah persendirian Sing Hwa, Muar. Pada tarikh 7 Disember 2007, mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah melawat ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Yang, Muar dan pada hari itu juga, beliau mengumumkan bahawa kerajaan akan memperuntukkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah berikut:

i. RM500,000.00 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Yang, Muar.

ii. RM300,000.00 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sing Hwa (2A),Muar.

ii. RM100,000.00 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sing Hwa, Muar.

iv. RM100,000.00 kepada Sekolah Menengah Persendirian Sing Hwa, Muar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hari tersebut, pihak sekolah telah menerima cek-cek replika, tetapi cek-cek besar yang diterima ini tidak laku di bank-bank yang berdaftar di negara ini kerana bank-bank di Malaysia hanya menerima cek-cek yang berukuran 7" x 3 1/2 " sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm…cek apa tu?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Cek besar-besar tu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh itu, anu aja, dia punya replika aja.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Cek kecil belum terima lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Takut dah terima, Yang Berhormat tak tahu…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Maka, sekiranya kerajaan Barisan Nasional yang menghayati betul-betul slogan '1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', janganlah selalu mencari publisiti dengan menghulurkan cek-cek replika ini yang tidak laku. Dengan kata lain…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat memang pasti ya, cek tu belum dapat lagi. Jangan benda tu dia dah dapat, ha jawab besok kata dah ada cek.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ya, saya ada bukti, nanti saya tunjukkan. Dengan kata lain, cek-cek yang sah haruslah disampaikan kepada pihak yang bakal menerimanya pada hari tersebut juga. Dan di sini, Bentayan ingin tahu bilakah pihak kerajaan akan mengotakan janji-janji sepertimana telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri dan telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tarikh tersebut. Adakah 4 buah sekolah Cina tersebut perlu menunggu sehingga Pilihan Raya Umum yang ke-13 nanti? Bentayan amat mengharapkan pihak kerajaan dapat mengotakan janji tersebut dengan kadar segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini Bentayan boleh menunjukkan sekeping sijil sebagai bukti terhadap perkara di atas iaitu sijil yang ditandatangani sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kepada salah sebuah sekolah yang bakal menerima peruntukan tersebut. Kandungan sijil, butiran sijil itu adalah seperti berikut. Bahawa dengan sukacitanya peruntukan sebanyak RM300,000.00 bagi membaiki bumbung dewan sekolah adalah dipersetujui, tandatangan Dato' Menteri Besar dekat sini.

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Bila tarikhnya tu?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tiada tarikh.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Sijil ni tiada tarikh.

Y.B. Dato' Speaker : Jangan sijil palsu.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ini sijil betul cuma fotostatlah.

Y.B. Dato' Speaker : Tiada tarikh, sijil palsu. Bawa mahkamah buang kes kalau saya hakim. Ok..

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, perkhidmatan Balai Polis Bergerak di Bandar Muar. Di sini Bentayan ingin mengucapkan syabas kepada Ketua Polis Daerah Muar kerana atas usaha beliau sebuah Balai Polis Bergerak telah pun kelihatan bertapak di Bandar Muar. Kehadiran Balai Polis Bergerak ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan khususnya kepada para peniaga dan rakyat di Bandar Muar. Kehadirannya yang sering berkelihatan di hadapan bank-bank, kedai-kedai emas, pusat membeli-belah di Bandar Muar sedikit sebanyak telah meningkatkan keyakinan rakyat jelata kepada Polis Di Raja Malaysia. Tetapi, Bentayan amat mengharapkan sekurang-kurangnya pihak PDRM Daerah Muar dapat menambahkan lagi jumlah Balai Polis Bergerak ini kepada 5 buah. Ini adalah kerana dengan bertambahnya Balai Polis Bergerak, van-van ini dapat ditempatkan di merata-rata tempat yang selalunya berlaku kes-kes jenayah seperti peragut beg yang berlaku di merata-rata tempat sahaja di Bandar Muar. Bukan sekadar di kawasan perbankan.

Penambahan jumlah Balai Polis Bergerak kepada 5 buah merupakan satu permintaan yang haruslah dipandang berat oleh pihak PDRM Daerah Muar supaya seluruh Bandar Muar akan lebih selamat. Dengan adanya lebihan Balai Polis Bergerak, maka ia boleh ditempatkan di kawasan-kawasan seperti di sekolah-sekolah, kawasan perindustrian serta taman perumahan dan diharapkan ia akan membantu menurunkan kadar peratusan jenayah di Bandar Muar. Di sini, Bentayan ingin menanyakan kepada Kerajaan iaitu dengan pelancaran perkhidmatan tersebut, berapakah kadar peratusan penurunan kes-kes jenayah di Bandar Muar dan berapakah perbelanjaan yang diperlukan untuk mendirikan sebuah Balai Polis Bergerak?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Perbandaran Muar:

i. Kenaikan bayaran rizab tempat letak kereta.

   Apabila persempadanan semula kawasan PBT Daerah Muar telah diwujudkan satu daerah baru, Ledang yang melibatkan kawasan Kesang iaitu dalam Daerah Ledang, mulai 1 Januari 2009 dan menurut Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan dalam jawapannya pada Persidangan Bajet 2009 yang lalu, akibat dari persempadanan itu, MPM telah kekurangan hasil pendapatan sebanyak RM3.6 juta dan MPM akan mengambil langkah-langkah untuk menangani masalah kekurangan hasil dengan mengoptimumkan kutipan hasil. Beliau juga bercadang untuk melaksanakan pemutihan proses pemutihan seperti kilang-kilang haram yang terdapat di Daerah Muar. Maka, kutipan sebanyak RM200,000.00 akan dapat dikutip oleh Kerajaan pada masa itu, juga berjanji tidak akan menaikkan bayaran cukai-cukai dan bukan cukai seperti lesen

perniagaan, iklan, bayaran letak kereta dan terimaan bukan hasil di Bandar Muar. Para peniaga di Bandar Muar merasa amat tidak berpuas hati dengan tindakan pihak MPM yang menaikkan bayaran bulanan rizab tempat letak kereta daripada RM100.00 kepada RM150.00

Yang Berhormat Dato' Speaker, peningkatan sebanyak 50% ini amat membebankan para peniaga kerana ekonomi pada masa kini masih belum pulih sepenuhnya. Janji-janji Kerajaan haruslah dikotakan. Adakah peningkatan bayaran rizab tempat letak kereta merupakan di antara salah satu langkah oleh pihak MPM untuk meningkatkan hasil pendapatan mereka akibat daripada kekurangan hasil sebanyak RM3.6 juta kepada Majlis Daerah Tangkak?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bentayan merasa amat khuatir dan menanyakan kepada Kerajaan Negeri adakah ia merupakan titik permulaan pihak MPM untuk melaksanakan peningkatan cukai-cukai yang dan sekiranya sebegitu, ini sudah tentu akan membebankan rakyat di Daerah Muar. Di sini Bentayan menyeru pihak Kerajaan supaya peka kepada kehendak rakyat yang mahukan segala cukai dan bukan cukai haruslah dibiar tidak berubah atau dengan kata lain *status quo,* dengan izin.

ii. Masalah banjir kilat di pusat penjaja Jalan Haji Abu, Muar.

Masalah banjir kilat di pusat penjaja Jalan Haji Abu, Muar masih lagi berlaku. Sungguh pun pihak MPM telah membelanjakan ratusan ribu ringgit Malaysia untuk menaikkan taraf sistem perparitan di kawasan pusat penjaja tersebut, namun begitu, apabila hujan turun tidak sampai 2 jam, kawasan tersebut akan dinaiki air. Perkara ini telah menyebabkan para penjaja-penjaja tidak dapat menjalankan urusan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan air yang hanya akan surut selepas 1 jam apabila hujan berhenti dan Bentayan mengharapkan pihak MPM lebih peka kepada kaedah perlaksanaan sesuatu projek. Terlebih dahulu ia harus mendapat pandangan daripada pakar-pakar perancangan bandar dan bukan sekadar dengan mendapat peruntukan terus melaksanakan sesuatu projek sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, wang dibelanjakan adalah wang rakyat. Pembaziran demi pembaziran dilaksanakan tanpa dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada kumpulan sasaran yang telah ditetapkan. Bentayan berharap pihak MPM dapat menyelesaikan masalah di atas dengan kadar segera.

iii. Masalah perparitan di Lorong Awie dan Lorong Paip, Parit Beting, Muar.

Kawasan tersebut sering dilanda banjir kilat apabila hujan tiba dan Kerajaan berjanji melalui MPM akan memohon peruntukan sebanyak RM100,000 untuk membaiki keadaan perparitan di kawasan perkampungan Lorong Alwi dan Lorong Paip, Parit Beting, Muar. Pada permulaannya, peruntukan sebanyak RM13,700.00 telah digunakan tetapi

projek tersebut tidak dapat menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan tersebut. Ini adalah kerana pengaliran keluar sistem saliran di kawasan tersebut ada di antaranya perlu melalui tanah-tanah persendirian. Tuan punya tanah tidak membenarkan pihak MPM membuat parit melalui tanah mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bentayan mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri memberikan pampasan yang munasabah kepada tuan punya tanah yang terlibat dan ini seterusnya akan dapat mengalirkan air yang berlebihan daripada kawasan tersebut kepada parit besar yang berdekatan. Bentayan mengharapkan agar projek tersebut dapat dilaksanakan dengan kadar segera memandangkan musim tengkujuh ini akan membawakan air yang berlebihan ke kawasan tersebut dan seterusnya menyebabkan banjir kilat, rakyat akan menderita selepas itu. Rungutan daripada penduduk tempatan yang menyatakan siapa yang akan membayar ganti rugi kepada mereka setiap kali banjir kilat berlaku akibat daripada kerosakan harta benda yang tidak dapat dielakkan. Di sini Bentayan mencadangkan agar Kerajaan Negeri seharusnya membayar ganti rugi kepada penduduk-penduduk yang terlibat akibat daripada perancangan yang tidak teliti oleh pihak MPM.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

iv. Penjaja di Jalan Ali hadapan pasar Hock Hai Muar.

Bentayan menerima aduan daripada salah seorang penjaja surat khabar bernama Puan Teo Si Bian. Beliau dengan basikal 3 rodanya menjalankan perniagaan menjual surat khabar di Jalan Ali iaitu di hadapan pasar Hock Hai.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya…

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Saya hendak menegurnya untuk sebutkan nama orang.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah…. jadi sebut penjaja ajelah, nama tidak payah sebut.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Mungkin sensitiflah nama ni.

Y.B. Dato' Speaker : Ok…sebutlah penjaja boleh.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Beliau menyatakan bahawa, beliau sering dihalau oleh sekumpulan Penguatkuasa MPM yang tidak membenarkan ia berniaga di kawasan tersebut. Makcik yang, guna makcik boleh ya?

Y.B. Dato' Speaker : Kalau makcik, pakcik bolehlah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Makcik yang berumur 64 tahun itu merasa amat tidak adil kerana beliau telah menjual surat khabar di kawasan sejak 20 tahun yang lalu dan beliau hairan dengan slogan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" tidak dipraktikkan oleh pihak MPM.

Y.B. Dato' Speaker : Mungkin dia salah tak Yang Berhormat ataupun dia tak ikut arahan. Bukan orang tak kasi berniaga agaknya. Agaknya..

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Itu cerita nantilah

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah. Dia ada hal lain.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, beliau kurang faham dengan surat khabar di sebelah awal pagi dari jam 6:00 pagi sehingga 8:00 pagi dan tidak mengganggu keadaan lalu lintas di kawasan tersebut pun sentiasa dihalau oleh pihak Penguat kuasa MPM. Pihak Penguat kuasa MPM amat rajin, mereka awal-awal pagi lagi jam 7:45 sudah berada di tempat tersebut. Menurutnya lagi hari Ahad pun MPM sampai juga.

Y.B. Dato' Speaker : Hari Ahad pun kerja juga?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Hari Ahad pun sampai juga. Mengapakah terdapat sikap pilih kasih ataupun *double standard,* dengan izin oleh pihak Penguat kuasa MPM dalam melaksanakan tugasan mereka setiap hari. Berapakah banyak para penjual surat khabar harian di tepi jalan yang tidak mempunyai lesen di Bandar Muar akan sentiasa mendapat rintangan daripadanya. Tak kan nak suruh mereka jadi pengemiskan?

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah 15 minit.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lagi sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Golongan ini awal-awal pagi lagi telah keluar mencari nafkah hidup mereka dengan tujuan untuk menyara kehidupan sekeluarga dan sekiranya pihak MPM mengenakan bayaran lesen yang terlalu tinggi, sudah tentu ia akan membebankan mereka. Pendapatan menjual surat khabar bukannya tinggi sangat, hanya sekadar kais pagi, makan pagi kais petang makan petang. Kais malam, tak makanlah.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) Awak, yalah… yalah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Malam tak kais, malam tidur, dia rabunkan? Ayam tu rabun warna.

Y.B. Dato' Speaker : Ayam pendek, ayam apa tu, adakan ayam pendek apa namanya tu, Ayam Serama. Dia macam laju gitu.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Dengan erti kata lain hanyalah cukup untuk menyara sekeluarga. Menurutnya lagi satu hari hanya dapat untung tak

sampai RM15.00. Bentayan berpendapat bahawa untuk menyelesaikan masalah kepada golongan seperti di atas, satu lesen perniagaan khas boleh dikeluarkan kepada golongan ini dengan bayaran nominal RM10.00 setahun untuk membantu golongan sebegini yang berpendapatan rendah untuk meneruskan kehidupan harian mereka. Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tanah Perkuburan Cina Lenga, Muar. Pihak Jawatankuasa Perkuburan Cina Lenga Muar telah memohon sekeping tanah yang luasnya 7 ekar. Terletak bersebelahan dengan tapak sedia ada untuk dijadikan tempat perkuburan kaum Cina Lenga memandangkan tempat sedia ada akan mencapai tahap optimum pada masa beberapa tahun lagi. Jawapan yang diterima pada Persidangan 8 September 2009, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa permohonan ini telah ditolak oleh Pejabat Tanah Muar pada 31 Mac 1994 kerana tidak mendapat sokongan Jabatan Teknikal dan pihak MPM juga tidak menyokong permohonan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurutnya lagi tanah kubur sedia ada masih lagi terdapat banyak tempat yang masih belum digunakan, tanah ini juga termasuk di dalam kawasan Rizab Melayu Lenga sebagaimana Warta Kerajaan 668 bertarikh 29 Mei 1940, manakala Pejabat Tanah Muar telah bercadang supaya tanah lain diganti untuk tapak kubur ini iaitu di atas tanah PTD 8482 seluas 5.124 ekar yang terletak di Bukit Bugis, Batu 30 Lenga sama ada menerimanya atau tidak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Sikit lagi ya?

Y.B. Dato' Speaker : Sikit sahaja saya benarkan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tadi dah *wasted* 3 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Seminit, seminit.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut pihak Jawatankuasa Perkuburan Cina Lenga Muar, tanah di atas Lot 749 itu telah lama dijadikan tapak perkuburan Cina Lenga. Butir-butir menunjukkan bahawa terdapat kubur-kubur yang terabai lebih dari 100 tahun di tapak berkenaan. Difahamkan bahawa jawatankuasa berkenaan telah mendapat kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Pagoh untuk dijadikan tanah perkuburan Cina Lenga, Muar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini Bentayan ingin menanyakan adakah tapak tanah Lot 749 telah digazetkan sebagai tapak tanah perkuburan cina Lenga ataupun kawasan rizab Melayu Lenga, penduduk di sana ingin mengetahui keadaan yang sebenar kerana tapak sedia ada akan mencapai tahap optimum pada masa beberapa tahun lagi. Tapak yang dicadangkan di atas tanah PTD 8482 seluas 5.124 ekar di Bukit Bugis, Batu 30 Lenga adalah

terletak di kawasan pendalaman hutan dan penduduk di sana merasa ia adalah tidak sesuai untuk dijadikan tanah perkuburan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang orang mati tak apa Yang Berhormat, dia tak sedar tanam mana-mana.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ha..?

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada, sekarang dah tak ada hutan, semua dekat-dekat bandar.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Itu memang tengah-tengah hutan.

Y.B. Dato' Speaker : Tengah bandar dekat buat projek pembangunan. Oklah. Ok, dah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lagi sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Dah, dah ni dah habis cerita kubur ni, dah panjang.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Satu *point* lagi, *last*. Yang Berhormat Dato' Speaker, penyewaan Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Yang Muar. Pada tarikh 11 Ogos 2009, Bentayan telah menulis surat kepada pihak Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Yang Muar dengan tujuan untuk menyewa Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Yang untuk mengadakan Majlis Makan Malam bersama Ketua Menteri Pulau Pinang anjuran ADUN Bentayan, Muar. Yang Berhormat Dato' Speaker, surat bertarikh 13 Ogos 2009 daripada…

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, peraturan tu.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah namalah.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Peraturan 45.

Y.B. Dato' Speaker : Apa?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : 8 tu, kalau soalan tu sudah dijawab sepenuhnya dalam Persidangan yang sama dia tidak boleh ditanyakan lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan ni dah soal ke? Saya pun… (ketawa)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Ia sudah dijawab.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, hanya saya dapat jawapannya hari ini. Belum sempat baca.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, habiskanlah. Ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Belum sempat baca lagi, sebab semalam tak sempat jawab.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, oklah, tajuknya dah tahu dah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bukit Batu ingat saya sudah baca, saya belum baca lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Penolong Pendaftar Sekolah Jabatan Pelajaran Johor yang menyatakan bahawa pihak Kerajaan Johor tidak pernah meluluskan premis sekolah untuk kegunaan mana-mana parti politik berdasarkan surat Pekeliling IKTISAS Bilangan 7/91 oleh Jabatan Pelajaran Johor. Oleh itu dia tidak dapat meluluskan permohonan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Dia pun takut dengan Yang Berhormat. Ok Yang Berhormat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Jabatan Pelajaran Johor menyatakan tidak pernah meluluskan permohonan pengguna premis kepada parti-parti politik tetapi nampaknya boleh menyewakan premis sekolah kepada parti komponen BN yang lain seperti UMNO, MCA, MIC. Mengapakah pihak kerajaan mengamalkan sikap pilih kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Itu biasalah Yang Berhormat, alah kat Penang lagi teruk, ha' ah kat Selangor huh… Johor ni kira baiklah, betul kalau Yang Berhormat pergi Selangor, alah mati orang Melayu sana. Ok dah belum dah? Tutuplah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ok… ok…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : … di sini saya ada satu contoh keratan Utusan,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, surat khabar tak boleh bacalah Yang Berhormat, surat khabar banyak belit.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Utusan Malaysia bertarikh...

Y.B. Dato' Speaker : Apa bendalah tu?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : 12 November 2009 yang menyatakan UMNO dan BN Kedah mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Majlis Pelancaran Kempen Gerak Mesra, Barisan Menang Kedah Senang. Di sini surat khabarnya tadi...

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah surat khabar tu...

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bertempat di Sekolah Menengah Agama Yan, Kedah.

Y.B. Dato' Speaker : Ni apa cerita ni Yang Berhormat?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : *So,* di sini kita lihat kenapa di Kedah boleh dipinjamkan kepada parti politik?

Y.B. Dato' Speaker : Itu sekolah tu kan? Dekat mana tu?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ini ialah daripada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO Barisan Nasional Negeri Kedah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, bukan…bukan, itu di buat dekat mana?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Dekat Sekolah Menengah…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu yang nak datang tu siapa? Allah Yang Berhormat biasa jelah bila Menteri Pelajaran semua dia boleh pergilah, Allah nak soal-soal, biasa.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tapi Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Tapi, kadang-kadang dekat Penang pun bapak pergi pun boleh dapat, apa-apa pun anak kasi, sama juga, Allah. Ok Mat, tamat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tapi ini parti politik..

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, tak kisahlah, biasalah. Kalau Yang Berhormat belajar kat luar negara pun lagi teruk, tapi kita kira lagi baiklah. Ok dah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ok, kesimpulan eh.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Eh, pendek-pendek, kang nanti tak boleh cakap lain kali, satu penggal. Dah lebih, ok…ok..

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bajet 2010 merupakan bajet defisit walau bagaimanapun, dengan strategi berbelanja secara berhemah di samping meningkatkan hasil pendapatan negeri serta ketelusan pentadbiran yang…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, oklah dah habis dah, dah lebih dah, lain kali saya sekat Yang Berhormat cakap.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Oklah, dengan kata lain setiap peruntukan yang dirancangkan akan dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi, jemput. Ha Yang Berhormat Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh…

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Salam Sejahtera, Salam Muhibah dan Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya Bukit Serampang memanjat syukur kepada Allah SWT kerana dapat juga kita berjumpa, bertemu di sidang Dewan yang mulia pada kali ini,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sekejap, ini bagi makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Dewan ni ramai pemerhati di atas sana, ialah pemerhati daripada JPMM Bukit Serampang di mana Wakil Rakyatnya dia ni ha baru nak berucap. Pakaian dia pun tengoklah macam nak hantar orang nikah aje, baju Melayu. Jemput, jemput Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dah terlanjur Yang Berhormat Dato' Speaker mengumumkan kehadiran tenaga penggerak daripada Bukit Serampang, jadi saya ucapkan terima kasih kepada pihak Jurutulis dan *staffnya* yang telah melayan, menyambut dan membantu rombongan daripada Bukit Serampang. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Serampang juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang telah berjaya membentangkan Belanjawan untuk tahun 2010 yang pada hemat saya merupakan satu pembentangan yang berani dalam suasana ekonomi dunia ataupun global pada hari ini menghadapi kemelesetan. Tetapi saya penuh yakin dan percaya, Barisan Nasional sebuah kerajaan yang telah pun diberikan mandat oleh rakyat sejak daripada dulu, kini dan insya-Allah selamanya akan terus memacu pentadbiran Negeri Johor ini dengan sejayanya untuk kepentingan rakyat secara umumnya. Dan untuk itu, tentulah paduan tenaga daripada Pentadbir-pentadbir Kerajaan sama ada daripada peringkat Negeri mahupun Persekutuan telah pun memainkan peranan hingga menjadikan Johor sebuah negara yang makmur dan juga mempunyai keyakinan kepada rakyatnya. Ini tambah pula apabila Yang Amat Berhormat membentangkan Bajet 2010 dengan bertemakan "Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama", apa pun Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita dah bersatu tenaga memanglah akhirnya akan sejahteralah kita bersama insya-Allah dan mempunai strategi yang amat berkesan. Ianya selaras dengan apa yang telah diamalkan oleh Kerajaan Johor pada hari ini iaitu menjadikan pembangunan Johor secara holistik, tanpa mengira tempat tambahan juga mengira kaum dan juga apa juga etnik yang ada di dalam Negeri Johor.

Dan, sesuai juga dengan slogan yang telah pun diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, iaitu 1Malaysia, di mana Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan. Dalam konteks 1Malaysia ni pelbagai persepsi telah timbul. Pelbagai penilaian telah dibuat. Tetapi yang penting pada saya, apa pun penilaian persepsi yang telah dibuat mengenai konsep 1Malaysia ini, ianya merupakan satu konsep yang baik, yang benar-benar ingin menjadikan negara kita Malaysia secara amnya, supaya menjadi sebuah negara yang

selamat, tenteram dan juga mempunyai keyakinan kepada pembangunan ekonomi yang lebih kukuh dan mampan di masa-masa akan datang. Dan dalam konteks ini Yang Berhormat Dato' Speaker, ianya merujuk kepada ke arah perpaduan kaum dan bangsa di negara kita. Kerana untuk nak maju, untuk nak selamat dan sebagainya, lebih-lebih lagi dalam konteks negara kita yang bermasyarakat masyarakat majmuk, ianya mestilah berteraskan kepada perpaduan. Dan apabila ia menyentuh soal perpaduan ini, ianya tidak lari, tidak lari ataupun ianya berpaksi kepada dua perkara:

i. Berpaksi kepada Perlembagaan. Ibarat bermain layang-layang, ke mana pun layang-layang itu pergi, tetapi tali ataupun puncanya mesti ada. Dan dalam konteks ini pada saya ialah puncanya ialah Perlembagaan kita. Kalau semua pihak menghormati Perlembagaan negara kita, apa pun slogan ianya tidak akan menyebabkan negara kita akan kucar-kacir dan juga tidak menjadikan kita salah faham antara satu sama lain. Sebab itulah, siapa juga supaya menggunakan konsep 1Malaysia ini sebagai satu konsep yang positif. Jangan terbawa-bawa kepada konsep yang dibawa oleh setengah-setengah pihak, khususnya yang dipelopori oleh bekas pemimpin negara jiran sebelah. Apa ia meletakkan konsep *Malaysian* Malaysia. Memanglah Malaysia ini untuk semua, tetapi di dalam masa yang sama seperti yang saya katakan tadi, di mana bumi itu dipijak, di situlah langit kita junjung. Bermaknanya apa juga yang nak kita buat, apa juga persepsi yang nak kita buat jangan lupa kita semua ini adalah rakyat Malaysia. Dan apabila kita mengutamakan kita sebagai rakyat Malaysia, maka kepentingan umum rakyat ini tentulah didahulukan dan tidak terbawa-bawa kepada konsep yang dibawa oleh pemimpin luar yang selama ini memang sejak daripada dulu ingin melihat Malaysia ini tidak seaman, tidak sebaik yang diharap-harapkan.

   Dan ini selaras dengan sejarahnya. Semua orang tahu apabila kita nak mencapai kemerdekaan dulu adalah hasil daripada penyatuan dan juga perpaduan pimpinan pada masa dahulu. Dari segi sejarahnya tentu kita ingat bagaimana Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak, bersama-sama mendiang Tun Tan Cheng Lok, V.T. Sambanthan dan sebagainya, kalau dibawa ke peringkat Sabah dan Sarawak kita dapat Tun Mustapha, Donald Stephen dan sebagainya, Mereka ini sanggup berbincang. Mengetepikan perasaan antara mereka semata-mata ingin menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, yang boleh diyakini, diduduki oleh semua pihak di negara kita. Sebab itulah saya rasa soal-soal yang ada hubung kait dengan perpaduan ini dalam konsep 1Malaysia ini perlu difahami bukan sewenang-wenang ataupun semberono untuk nak kita timbulkan, untuk nak kita berikan persepsi, yang kadang kala secara tak kita sedari apa juga ungkapan, persepsi yang kita buat menyentuh, menyayat hati di antara kita sesama kita. Jadi inilah yang saya rasakan penting untuk kita sama-sama hayati.

   Dan dalam konteks ini Dato' Speaker, saya merasakan sekolah ialah merupakan di antara salah satu daripada tempat yang untuk kita memupuk semangat ini. Dulu saya pernah mengatakan bahawa mata pelajaran sejarah itu penting. Saya pernah mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, mata pelajaran sejarah itu perlu dihidupkan kembali, di

peringkat sekolah rendah supaya anak-anak kita, generasi akan datang memahami bahawa negara kita ini perlu kita wujudkan suasana yang aman, perlu mempelajari sejarah bagaimana terbentuknya negara ini, bagaimana kita mencapai kemerdekaan di negara kita ini. Sejarah itu penting dan begitu juga saya berpendapat, berpandangan setuju apa yang telah pun dicadangkan untuk nak mewujudkan satu sekolah satu aliran.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dahaga tekak. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:10 pagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, jemput, Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyambung apa yang saya telah pun perkatakan tadi dari segi sekolah itu sebagai salah satu tempat untuk kita memupuk semangat perpaduan dalam konsep 1Malaysia. Saya dah sebut soal mata pelajaran Sejarah.

ii. Saya nak sentuh juga daripada ura-ura mengadakan satu sesi satu aliran sekolah di mana semua pelajar-pelajar kita gabungkan dalam satu suasana persekolahan. Ini adalah satu idea yang baik, tetapi ingin nak saya sentuh dalam soal ini ialah sejauh mana kerajaan bertegas dalam mewujudkan satu program. Seingat saya dahulu pernah diwujudkan satu sekolah yang kita namakan Sekolah Wawasan, di mana satu kawasan boleh diduduki oleh Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan sebagai satu contoh di Johor ini kalau tak silap saya ialah di kawasan Teluk Sengat, Kota Tinggi. Saya ingat masa saya bertugas di Sekolah Semenchu, dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang yang pada ketika itu Menteri Pelajaran. Dan macam-macam suara keluar, khususnya pihak pembangkang juga pihak NGO yang bersifat *cauvinisme* yang mana menentang gagasan sekolah wawasan itu sedangkan konsepnya yang telah diutarakan oleh pihak kerajaan ialah satu konsep yang baik, untuk memupuk semangat muhibah, perpaduan di kalangan pelajar-pelajar sejak daripada kecil lagi.

Saya rasa konsep ini perlu diteruskan dan kita mahu kerajaan bertegas dan tidak mudah berpatah semangat dengan apa juga hujah-hujah yang diberikan oleh mereka yang tidak bertanggung jawab, yang suka menangguk di air keruh bagi kepentingan politik mereka masing-masing. Sebab ini jelas, pihak khususnya pembangkang, pakatan pembangkang

memang sentiasa mencari jalan dan tidak mahu mengakui apa yang telah pun dilakukan oleh pihak kerajaan.

Semalam, minta maaf saya, Yang Berhormat dari Senai sendiri khuatir apa yang berlaku perkembangan Nusajaya, katanya membazir, saya tak faham mengapa beliau berkata demikian. Sedangkan pembangunan di Nusajaya ini telah pun kita lihat, terbentang indah, cantik. Memanglah makan masa, dan telah pun diiktiraf oleh banyak pihak di luar negara. Kalau saya ambil contoh hari ini punya akhbar, bukan saya nak ini, ialah tengok ini, gedung barangan berjenama terbesar Asia Tenggara di Iskandar Malaysia. Bangga kita, bangga, tapi apa yang diperkatakan sebaliknya. Begitu juga apa yang telah pun dikatakan oleh rakan-rakan yang lain, yang sentiasa mempertikaikan apa juga niat baik yang dibuat oleh pihak kerajaan. Tak cukup di dalam Dewan ini dibawa ke pihak luar, termasuklah blog-blog dan sebagainya. Inilah satu perkara yang amat mendukacitakan kita, yang saya katakan tadi walau apa pun perkembangannya jangan lupa, berpijaklah kepada bumi nyata dan berpandulah pada Perlembagaan konsep falsafah Rukun Negara kita. Insya-Allah, negara kita selamat, insya-Allah negara kita akan terus maju berpanjangan.

iii. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh strategi seterusnya yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat iaitu bagi menjamin kesejahteraan rakyat dalam memperkasa prasarana luar bandar, khususnya dalam konsep kempen membasmi kemiskinan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan, khususnya Kerajaan Johor dan berterima kasih kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, begitu kepada Pejabat Pegawai Daerah masing-masing, Pegawai Daerah yang telah bertungkus lumus bagi berbincang, bermesyuarat mencari jalan bagaimana cara nak membasmi kemiskinan ini. Terutamanya dalam konsep basmi miskin tegar, miskin am dan juga mudah miskin. Kita harap ianya akan berjaya dan saya yakin insya-Allah yakin akan berjaya, berakah saya katakan tadi kerjasama daripada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan, yang berkaitan dalam membantu membasmi kemiskinan.

Cuma saya khuatir, saya khuatir dalam konsep ini sebagaimana yang saya selalu sebutkan ialah masyarakat orang asli masih lagi kalau saya gunakan perkataan menghantui apa kita punya masalah nak membasmi kemiskinan. Saya dapati rata-rata di mana tempat khususnya di kawasan saya sendiri, masalah membasmi kemiskinan masyarakat orang asli ini agak kurang berkesan. Mungkin salah satu daripadanya ialah masalah peruntukan dan sebagainya. Di mana peruntukan yang diberikan oleh Jabatan Orang Asli kepada membantu membasmi kemiskinan ini agak begitu kecil. Untuk itu kerajaan seharusnya mengambil inisiatif bagi membantu masyarakat orang asli ini khususnya dalam membina rumah, dalam soal sara hidup dan juga perkara-perkara yang lain.

Dan, dalam konteks ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyarankan supaya ketegasan diberikan, apa juga jabatan yang ada hubung kait dalam masalah membasmi kemiskinan mestilah merujuk kepada Pejabat Daerah sebagai agensi pelaksana. Sama ada dalam

menyusunkan pelbagai pihak yang terlibat sampai kepada tahap untuk membuat katalah rumah, hendak membuat rumah itu mestilah diberikan salurannya melalui Pejabat Daerah, bukan jabatan-jabatan yang berkenaan membuatnya. Kadang kala timbul permasalahan ini. Katalah dalam konsep membina rumah rakyat miskin, Pejabat Daerah ada speksnya, mungkin jabatan-jabatan lain mungkin caranya yang berlainan. Jadi kadang-kadang inilah perkara yang menjadi masalah kepada kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin nak menyentuh masalah warga FELDA. Tadi sebentar tadi sahabat saya daripada Tenang telah pun menyentuh sedikit sebanyak masalah warga FELDA. Yang nak saya sentuh ini dua perkara:

i. Sebahagian daripada FELDA ini masih lagi jawatan kuasanya di bawah JKKR Jawatan kuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan yang diuruskan terus melalui pengurusan, Pengurus FELDA dan satu lagi di mana FELDA yang telah pun menyelesaikan hutangnya dia diletakkan di bawah pentadbiran Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, di mana telah diwujudkan satu Ketua Kampung. Yang JKKR tadi ketuanya masih lagi Pengurus dan dibantu oleh Naib Pengerusinya ialah daripada warga FELDA itu sendiri. Kalau saya contoh di kawasan saya ini Yang Berhormat Datuk Speaker di Moakil. Jadi saya nak sentuh soal ini, apa peranan Pengurus itu pada kampung ini yang dah wujud Ketua Kampung? Kadang-kadang saya nampak macam seolah-olah tak ada persefahaman. Bila berlaku masalah-masalah yang ada hubung kait dengan kampung, terus diserahkan kepada Ketua Kampung. Pengurus macam buat tak tahu. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan generasi kedua.

   Saya amat dukacita perkara ini berlaku di kawasan saya. Alhamdulillah, terima kasih kepada SPNB, membantu mewujudkan Rumah Mesra Rakyat di kawasan generasi ke-2 FELDA tetapi seolah-olah pengurusan pihak pengurusan FELDA tak ambil tahu apa yang berlaku kepada generasi ke-2 FELDA ini. Sehinggakan, terus terang saya cakapkan, sehinggakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turun ke kawasan berkenaan, seolah-olah pihak FELDA tidak ambil tahu. Termasuklah soal-soal bantuan dan sebagainya, prasarana dan sebagainya. Jadi ini agak mendukacitakan. Apa nak jadi? Adakah generasi ke-2 itu nak diasingkan dalam satu kelompok FELDA? Sedangkan mereka ini adalah anak-anak warisan FELDA. Sepatutnya, walaupun dia ini tidak duduk di bawah pengurusan FELDA, tetapi juga pihak pengurusan mesti ambil tahu hal mereka ini. Kalau tak, nak jadi apa dia ini? Kalau mereka memberontak dan menjadi membuat sesuatu perkara yang tidak elok, apa nak jadi? Huru-hara kita. Jadi, saya harap pihak Kerajaan melalui FELDA ambil perkara ini. Berikan perhatian supaya warga FELDA khususnya generasi ke-2 ini yang sebenarnya memainkan peranan bagi menghidupkan aktiviti, menghidupkan suasana di FELDA itu dapat diberikan perhatian yang sewajarnya.

   Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh soal rumah rakyat ini saya ingin menyentuh juga apabila soal pembinaan Rumah Mesra Rakyat di FELDA ini kita ada kawasan, tanah. Sebab, beruntunglah pihak warga FELDA, dia

ada lebihan daripada tanah-tanah itu, diracik-racik, Kerajaan Negeri bagikan kepada anak generasi ke-2 FELDA untuk buat rumah dan sebagainya. Dan yang jadi masalah pada kita, bagi generasi ke-2 bukan FELDA, ini makna kampung-kampung tradisi ini. Kalau FELDA ada kebun lebihan tadi, seekar ke, setengah ekar ke. Tapi di kawasan-kawasan kampung tradisi ini tak ada kawasan. Dah timbul masalah. FELDA adalah generasi ke-2, ada tempat. Habis kita orang kampung, anak-anak muda kampung ini apa hal? Jadi, untuk itu mungkin tanah memang tak ada lagi, tak banyak. Jadi, saya ingin nak menyarankan supaya Kerajaan Negeri mengambil inisiatif minta Syarikat Perumahan Negara ini mewujudkan satu skim perumahan Rumah Mesra Rakyat bagi kos rendah di kawasan-kawasan kampung dan pendalaman. Mereka mampu dan apabila dibuat, buatlah sistem macam rumah–rumah murah yang dibuat oleh swasta. Sebab pihak swasta bila kita majukan ini, katalah kita dah, saya bagi kawasan saya Yang Berhormat Datuk Speaker ada 3, 4 pemaju perumahan kita jemput datang ke kawasan saya tolong buat rumah, rumah kos rendah tetapi mereka tak berani. Dia kata tak untung sebab dasarnya bila perumahan nak dibuat ni, mesti nak ada kos tinggi, kos sederhana dan kos rendah. Barulah dia kata ada untung. Jadi, kalau inilah tak diambil perhatian, saya bimbang sampai bila esok generasi kedua kampung-kampung tradisi ini untuk menghadapi masalah rumah untuk rakyat dalam konteks rumah kos rendah ini.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Datuk Speaker, satu perkara lagi nak saya sentuh agak penting ialah mengenai pewujudan daerah baru Negeri Johor. Di kawasan sini ada Daerah Kulaijaya, di kawasan utara sana ialah Daerah Ledang.

ii. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan Dewan yang mulia ini Bukit Serampang, kawasan yang saya wakil ini ada masuk dua kawasan. Bila pentadbiran Daerah Ledang wujud, sempadannya Sungai Muar, dua mukim kekal Daerah Muar dan dua mukim lagi masuk dalam Daerah Ledang. Dan, kebetulan pula Bukit Serampang begitulah, sebahagian daripadanya masuk dalam Daerah Ledang dan sebahagian lagi kekal di Daerah Muar. Sehingga dalam mesyuarat dan kata-kata gurauan, kalau kita rumah tangga dia kata Bukit Serampang ini ada dua, biasanya orang kata dua isteri tapi saya ini Bukit Serampang rupanya..

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dua bapak..

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Bukan dua bapak Speaker, dua laki. Bukan dua suami, dua laki. (Dewan ketawa). Laki yang pertama Muarlah, maksudnya Pegawai Daerah Muar, laki yang kedua Daerah Ledang. Jadi, kadang-kadang yang lagi seronoknya pula dua-dua hebat. Daerah Ledang kita ada Menteri Besar, Daerah Muar, kita ada Timbalan Perdana Menteri. Sepatutnya kawasan Bukit Serampang ini hebat, hebat, sehebat-hebatnya. Tapi begitulah lumrah, kita akur dengan keadaan-keadaan dan faktor semasa.

Isu yang nak saya timbul kat sini Speaker, bukan soal kawasan itu tadi ialah pewujudan Ketua-Ketua Jabatan terutamanya di peringkat Persekutuan. Di Daerah Ledang ini masih lagi kelam kabut, sebahagian besarnya tak wujud lagi. Saya rasa pewujudan Daerah Ledang ini dah hampir 2 tahun dilancarkan. Tetapi Ketua-ketua Jabatan di peringkat Persekutuan, peringkat Negeri, Alhamdulillah, saya tengok walaupun bangunannya kecil, sempit biliknya tetapi Ketua Jabatan di peringkat yang diuruskan di bawah pentadbiran Negeri, ok. Cuma di peringkat Persekutuan timbul masalah. Yang jadi masalahnya kalau dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah dan sebagainya, saya tak salahkan Ketua-Ketua Jabatan yang ada di Daerah Muar itu sebab apa mereka pun dua daerah nak jaga. Kadang-kadang bertembung. Jadi, timbullah bila Mesyuarat Pembangunan Daerah tindakan Daerah sebagaimana yang dikatakan sahabat saya daripada Tenang tadi, hantarlah wakil-wakil, wakil-wakil yang tidak boleh memberikan keputusan malah tidak boleh memberikan maklumat. Datang hanya hadir sebagai turut hadir sahaja. Jadi ini, kadang-kadang banyak perkara-perkara yang kita timbulkan tak sampai entah ke sasarannya. Jadi, saya mohon Kerajaan Negeri mendesaklah atau mencari jalan supaya Jabatan-jabatan di Peringkat Persekutuan di Daerah Ledang ini diwujudkan dengan segera dan memudahkan bagi kita untuk berurusan demi kepentingan rakyat secara umumnya.

Soalan yang lain, Yang Amat Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya satu sahaja, saya nak jawab cerita tanah perkuburan yang dibangkitkan oleh Bentayan tadi. Hebat Bentayan ni, boleh pergi Bukit Serampang sana, tak pasal-pasal. (Dewan bertepuk).

Jagalah kawasan sendiri. Kawasan sendiri tak betul, lagi nak betulkan kawasan orang. Sentuh soal MPM tadi.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Datuk Speaker...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ha, apa nak.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lenga memang kampung saya. Saya dididik di sana.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, ini bukan soal kampung...

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Kita ADUN Negeri Johor, mana-mana pun boleh sentuh.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Betul...

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Itu memang kampung saya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Itu memang kampung awak..

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, kedua-dua Yang Berhormat jemput duduk. Ha, jemput Bukit Serampang. Teruskan.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih. Sebab saya terlibat secara langsung. Tanah perkuburan yang disebut 7 ekar ini memang benar, tanah itu rizab Melayu. Dia sendiri dah cakap rizab Melayu. Apa lagi nak sibukkan lagi. Pohonlah, minta bukakan rizab Melayu kepada rizab umum barulah boleh cerita. Dah tahu ini rizab Melayu, yang dah termaktub dalam ini pun nak sibuk lagi, pasalnya apa? Nak jadi juara biarlah kena cara tempatnya. Betulkan tu MPM tu, kawasan Jalan Sayang tu yang penuh dengan...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, jemput pandang dekat Speaker. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Maaf.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Betulkan itu. Jangan hentam MPM. Saya dengar tadi dia hentam MPM. Tapi bila di ajak runding pasal nak betulkan kawasan penjaja di Jalan Sayang. Apa yang dibuat? Yang penuh sesak tak boleh nak lalu itu. Cakap saja. Kemudian itu yang Parit Bugis. Dia kata dalam hutan. Mana ada dalam hutan? Itu dah di gazetkan oleh PTD untuk dijadikan kawasan perkuburan yang lebih luas. Sebenarnya tak ada masalah. Cuma yang jadi masalah inilah, yang jadi macam ini pandai-pandai ambil tahu hal orang. Jaga tempat sendirilah dulu.

Jadi inilah Yang Berhormat Datuk Speaker, saya harap perkara-perkara ini jangan semudahnyalah nak buat tuduhan melulu. Biarlah kalau nak buat tuduhan dan sebagainya ada asas. Saya sendiri telah mempengerusikan perjumpaan ini. Bersama-sama dengan penghulu. Ada penghulunya ada sini. Membincangkan soal ini macam mana. Dan apa yang disuarakan oleh masyarakat tempatan ialah untuk dijadikan kawasan itu kawasan penempatan mangsa-mangsa banjir. Dan, kita pun asalnya kita minta cuma bahagi dua aje tu. Bukan kita nak ambil terus. Kita bersetuju bahagi dua. Sebahagian daripadanya dijadikan kawasan tanah perkuburan dan sebahagian daripadanya kita jadikan kawasan untuk perumahan mangsa-mangsa banjir. Tak ke murni dia punya tujuan dan matlamatnya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup Yang Berhormat. Cukup.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Ya, terima kasih. Jadi Datuk Speaker, yang lain-lain saya tak perlu nak cakap, cuma kata tadi tolonglah Jabatan-jabatan yang berkaitan terutama JKR, saya dah sentuh dahulu, jalan daripada Pagoh ke Kepong ini tolonglah diperbaiki. Dah teruk sangat. Begitu juga Jalan daripada Bukit Gambir menghala ke kawasan Bukit Serampang, Durian Condong, FELDA Sri Ledang dan sebagainya termasuk Kebun Baru ambillah tindakan kerana jalan ini dah sering kali kita bawa ke Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi tidak lagi setakat ini mendapatkan kehasilannya. Jadi, kita harap bantulah untuk menyelesaikan masalah yang saya sebutkan tadi untuk kepentingan rakyat.

Datuk Speaker, terima kasih sekali lagi diberikan ruang untuk saya berbahas dan dengan ini saya turut menyokong usul yang dibawa oleh Senggarang. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Jemput Penggaram.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat tengah hari, salam bahagia saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat serta semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Persidangan dan pembentangan Bajet Tahun 2010 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tema pembentangan bajet kali ini iaitu Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama merupakan satu harapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar semua golongan rakyat di Negeri Johor memainkan peranan dan menunaikan tanggungjawab mereka demi memajukan lagi negeri kita di mana faedahnya akan dinikmati oleh semua golongan. Kita seharusnya memainkan peranan yang lebih efisien bagi menjayakan 4 strategi yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan bajet tempoh hari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita perlu memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara dan seterusnya memacu negeri kita ke arah kemajuan dan berpendapatan tinggi. Dengan ini, rakyat akan menikmati peningkatan kualiti hidup dan seterusnya mengukuhkan jati diri rakyat agar tidak mudah diperdaya oleh pihak-pihak tertentu yang sering menyalahkan kerajaan dalam apa jua perkara tanpa pernah berterima kasih dan bersyukur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri kerana projek membersih dan mendalamkan empat buah sungai di Batu Pahat khasnya telah bermula iaitu di Sungai Batu Pahat, Sungai Simpang Kanan dan Kiri serta Sungai Bekok. Adalah diharapkan projek ini nanti akan mengurang dan jika boleh mengatasi masalah banjir yang berlaku di daerah Batu Pahat. Saya sendiri secara peribadi akan melihat dan memantau projek ini, kerana ianya satu projek besar kerajaan dan melibatkan kepentingan rakyat. Yang Berhormat Datuk Speaker, sehubungan dengan itu adalah diharapkan juga dalam RMK-10 nanti, ada pertambahan-pertambahan peruntukan untuk membina benteng di sepanjang sungai dan akhirnya nanti bolehlah dijadikan satu laluan baru untuk beriadah, berjoging dengan izin dan sebagainya sebagaimana yang dilakukan di Sungai Melaka yang kini dijadikan kawasan pelancongan yang terkenal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, secara geografinya Bandar Batu Pahat ini terletak di bawah paras laut bagi menghalang limpahan air sungai dan mengawal aliran air pasang surut. Diharapkan dipasang pintu air ataupun *tidal gate* dengan izin. Siap dengan pam automatik untuk mengawal paras air dari parit dan longkang yang menghala ke arah sungai serta sebaliknya. Dengan ini

masalah banjir akibat air pasang di taman-taman perumahan, di tepi sungai dan juga di Bandar Batu Pahat khasnya dapat dikawal dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita kini berada di penghujung bulan November dan seperti kebiasaannya hujan turun agak kerap dan kebiasaannya setiap hari. Masalah banjir kilat di Taman Tanah Merah merupakan isu lama yang memerlukan perhatian. Ia jika bukan lagi isu setempat malah kini menjadi isu nasional. Penyelesaian yang diharapkan masih tidak kunjung tiba setelah hampir tiga tahun berlalu. Penyelesaian yang dicadangkan iaitu pengambilalihan tanah dan rumah yang menghalang sistem perparitan masih belum dapat dilaksanakan lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sendiri tidak pasti apakah masalah yang menyebabkan isu ini masih tidak dapat kita selesai lagi memandangkan kosnya tidaklah terlalu tinggi apatah lagi ianya melibatkan ramai penduduk-penduduk di kawasan. Mohon perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu banyak aduan berkenaan longkang-longkang yang tersumbat terutamanya di taman-taman perumahan yang telah lama dibina. Kebanyakan saliran air di hadapan dan belakang rumah telah uzur dan ada yang pecah serta menyekat pengaliran air. Adalah diharapkan selain daripada menurap jalan-jalan di taman-taman perumahan, keadaan longkang-longkang yang uzur ini juga perlu diberi perhatian oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Semoga masalah banjir akibat hujan lebat dan air pasang di taman-taman perumahan dapat dikurangkan secara beransur-ansur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain dari perkara di atas antara isu lama ialah berkenaan tapak pelupusan sampah. Mahu atau tidak perkara ini juga perlu mendapat perhatian memandangkan soal sisa pepejal ini merupakan satu isu besar. Diharapkan perkara ini akan dapat diselesaikan secepat mungkin dan semoga tindakan kita selepas ini sedikit sebanyak dapat menyelesaikan rungutan rakyat berkaitan perkara yang tersebut di atas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam masa kita menghadapi kemelesetan ekonomi dunia, gangguan bekalan elektrik pula mengikut sama. Sering kali masalah gangguan bekalan elektrik ini menjadi satu isu yang agak besar terutamanya di Bandar Batu Pahat. Memandangkan telah banyak berlaku kerugian kepada para pengguna yang menjalankan perniagaan dan kesukaran kepada pengguna di rumah-rumah kediaman. Maka, saya adalah bertanya perkara ini dengan pihak Tenaga Nasional Berhad, alasan yang diberi adalah pencawang ataupun *sub station* dengan izin, yang sedia ada telah uzur dan tidak mampu lagi menampung jumlah pengguna yang semakin bertambah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan daerah Batu Pahat kini sedang pesat membangun dengan pertambahan kilang, taman-taman perumahan dan sebagainya maka Tenaga Nasional Berhad perlu menjalankan kajian berhubung dengan perkara ini dan jika perlu ditambah kapasiti pembesaran atau penambahbaikan pada pencawang tersebut, ianya hendaklah dilakukan dengan kadar yang segera. Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah diharapkan TNB lebih proaktif dalam menilai keperluan dan

kehendak pengguna, janganlah kelemahan dari segi *infrastructure* dan kapasiti dijadikan satu alasan untuk tidak menunaikan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan. Saya mohon perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya memandangkan perkara ini sudah berlarutan agak lama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertambahan kenderaan di jalan raya memang tidak dapat dinafikan. Antara jalan yang kini semakin sesak dan memerlukan pelebaran dan naik taraf di kawasan saya ialah Jalan Bukit Pasir menghala ke Tongkang Pecah dan juga Jalan Tanjung Labuh menghala ke Rengit. Pemantauan terhadap ini di jalan-jalan yang saya sebut ini, telah saya lakukan dan berpendapat sudah tiba masanya pelebaran jalan, pembinaan pembahagi jalan ataupun *divider* jalan, pertambahan lampu isyarat dan naik taraf jalan raya sedia ada perlu dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, daerah Batu Pahat telah mendapat peruntukan sebuah balai Bomba dan penyelamat yang baru yang telah siap dan telah pun digunakan. Dengan kemudahan ini dan terdapat juga kuarters untuk para pegawai dan keluarganya, adalah diharapkan pihak Bomba dan Penyelamat akan lebih fokus lagi dalam kerjaya mereka yang kini didapati telah menjalankan tugas mereka dengan jayanya. Yang Berhormat Datuk Speaker, namun sering didapati apabila pihak bomba sampai ke satu-satu tempat yang berlakunya kebakaran, sering kali mereka tercari-cari arah di manakah Pili Bomba. Mereka bagaikan tiada maklumat di manakah Pili Bomba yang berhampiran dengan tempat kejadian. Mungkin agak melegakan jika terdapat sungai ataupun parit yang berhampiran tempat kejadian dan bolehlah ianya digunakan sebagai alternatif untuk mendapatkan air untuk memadam sesuatu kebakaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tidak pasti sama ada pihak Bomba dan Penyelamat ada menyimpan rekod kedudukan setiap pili bomba yang ada di bawah kawalan mereka sama ada ianya berada di dalam taman-taman perumahan, jalan-jalan utama di kawasan bandar dan sebagainya. Begitu juga dengan rekod penyelenggaraan Pili-pili Bomba tersebut sama ada ianya dilakukan tiga bulan sekali ataupun bagaimana mekanismenya agar dapat dipastikan bahawa semua Pili Bomba ini dapat berfungsi dengan sempurna. Yang Berhormat Datuk Speaker, sering kali juga didapati ada Pili Bomba telah tertimbus oleh pembaikan turap semula ataupun pelebaran jalan. Perkara ini seolah-olah tidak persefahaman dan koordinasi antara agensi yang terlibat. Semoga perkara ini dapat diperbaiki di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan fungsi Jabatan Bomba dan Penyelamat ini amat penting kerana ianya melibatkan nyawa dan harta benda, maka adalah dipohon agar lokasi Pili Bomba serta bilangannya dimaklumkan dan direkodkan. Diharapkan perkara yang saya nyatakan tadi diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya mengundur diri, izinkan saya berpantun serangkap dua.

Bersatu tenaga, sejahtera bersama,
Itulah tema bajet kita;

Mohon dicatat apa yang diminta,
Agar rakyat berasa selesa.

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti;
Ucapan saya berlalu sudah,
Mohon pertimbangan Y.A.B. MB.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN dari kawasan Senggarang, sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, di jemput, Puteri Wangsa.

Y.B Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberi izin dan diberi peluang untuk membahaskan ucapan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 19 hari bulan yang lalu, dengan tema "Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama" dan dalam keadaan ekonomi dunia dan Negara mula pulih, satu perempat pada akhir tahun ini dijangka pulih menjelang tahun 2010.

Dan sepertimana yang kita tahu bahawa, kemerdekaan yang kita kecapi pada 31 Ogos 1957 hinggalah 1970 selama 13 tahun, kerajaan telah mensasarkan fokus pada pasaran dalam negara dalam Rancangan Malaysia Ke-1 dan Ke-2, untuk membangunkan negara yang berteraskan kepada pasaran dalam negara. Dan selepas 1970, kerajaan mensasarkan sebanyak 7 hingga 8%, pertumbuhan ekonomi yang mana pada ketika itu mampu untuk memajukan negara dan membina kekuatan serta infra dan membangunkan ekonomi serta mensejahterakan rakyat.

Dan asas pertumbuhan 7% perlu dipertahankan untuk kita mencapai matlamat Wawasan 2020 agar negara kita ini seperti yang di*target*kan ataupun untuk kita mendapat mencapai Negara Maju. Dan bagi pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2010 hingga 2020, *target* 5% dan 7% itu adalah satu *target* yang *viable,* dengan izin, dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu dan saya yakin bahawa kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mampu untuk mengatasi dan mampu untuk membawa negara ini kepada satu negara yang maju dan mempunyai ekonomi yang mantap untuk kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita tahu bahawa dalam kita memacu kepada Negara Maju, tenaga pekerja tempatan perlu dipertingkatkan dan kita tahu juga bahawa hasil untuk Kerajaan Negeri juga adalah berpandukan daripada hasil tanah, hasil hutan dan sebagainya yang merupakan hasil bagi kita

melaksanakan perbelanjaan bagi pentadbiran dan juga memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi tersebut dapat dilaksanakan dengan baik. Dan antara perkara-perkara yang boleh membantu untuk menggerakkan ekonomi ini adalah meneruskan infrastruktur yang ada serta merangka bagi menjamin bahawa Wawasan 2020 itu dapat kita capai. Antaranya adalah pembinaan rumah rakyat, pembinaan sekolah agama, termasuklah *highway* dan sebagainya ataupun tempat-tempat beriadah dan sebagainya.

Baru-baru ini sepertimana yang kita dengar, ucapan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, antara ucapannya adalah memantapkan kerajaan sebagai pemudah cara. Ini penting, kerana kita ada dua, satu Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk kita tadbir dan melaksanakan tugas tersebut. Saya tidak tahu sama ada perbezaan antara Pihak Berkuasa Tempatan yang ada di Wilayah Persekutuan, Selangor ataupun Perak ataupun Pulau Pinang dan sebagainya dengan Negeri Johor, kerana perbezaan ini kadang-kadang menyebabkan masyarakat bercelaru ataupun tidak faham kerana sesetengahnya boleh, setengah tidak.

Saya mengambil contoh, pemberian lesen-lesen gerai, kalau kita lihat di Kuala Lumpur, di Selangor di belakang-belakang kedai tu ada gerai-gerai makan. Maknanya mereka boleh berniaga, diberikan lesen. Tetapi di Johor, gerai-gerai makan yang tumbuh di sekitar kawasan pembangunan yang ada ataupun di kawasan kampung-kampung yang di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan, kadang-kadang diminta untuk dirobohkan kerana tidak boleh diberi lesen. Apakah salahnya sekiranya mereka ini diberikan lesen untuk berniaga sekurang-kurangnya Kerajaan Tempatan mendapat hasil daripada pemberian lesen.

Yang keduanya, kita dapat mengawal selia mereka ini dan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Dan ini juga sebahagian daripada hasil yang boleh di kecapi oleh kerajaan dalam masa yang sama mendisiplinkan peniaga-peniaga kita. Dan kita selalu melaung-laungkan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", tapi dalam masa yang sama untuk kita memantapkan kerajaan sebagai pemudah cara memerlukan komitmen daripada kedua-dua pihak, supaya rakyat faham dan tidak keliru tentang undang-undang yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Mengambil contoh, saya akan sebutkan contoh-contoh ini kemudian saya akan kupas kerana saya diberi masa mungkin hari ini dan mungkin esok, Insya-Allah. Apa pun kalau kita lihat, syarat untuk mendapatkan pasar raya. Pasar raya dikeluarkan oleh pihak KPKT, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Hal Ehwal Pengguna. Bila diluluskan, PBT akan berpandukan kepada kelulusan yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Pengguna dan setahu saya, kalau saya salah nanti betulkanlah, makna tiap-tiap satu pasar raya mestilah antara 7 km, kalau lebih, maknanya lebih dua pasar raya. Saya mengambil contoh di kawasan saya, daripada persimpangan Jalan Tampoi, Pasar Borong sehingga ke Tiram, kawasan Ketua Bahagian saya, DUN Tiram di penghujung jalan untuk menuju ke Kota Tinggi, ada 12 pasar raya. Jarak perjalanan antara persimpangan Tampoi hingga ke Tiram adalah lebih kurang 15 km, bermakna secara logiknya ada dua jelah.

Ini, ada pasar raya, Pasar Borong ada, Pandan City ada, ada Jusco, ada Tesco, ada SMART, Carrefour, ada PUTERI MART, 2day Market, Econsave dan yang terbaru ini baru ditolak, saya tak tahu apa *save* lagi. Saya nak tanya, adakah ini peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan kita ikut ataupun tidak? Kerana bila pasar raya ini dibuka sewenang-wenangnya yang menjadi masalah adalah peniaga-peniaga kecil, peniaga-peniaga pasar malam, peniaga-peniaga runcit dan sebagainya. Saya membuat lawatan ke pasar malam, mereka mengeluh, tak ada orang mahu beli barang. Barang murah pun tak ada orang datang. Macam mana kerajaan buka pasar raya? Sedangkan syaratnya tidak boleh lebih daripada 7 km satu pasar raya. Apakah kami dianaktirikan? Tiap-tiap kementerian dah ada KPI sendiri, buat itu buat ini. Kementerian Pertanian dengan harapan untuk memastikan peniaga-peniaga ini, ataupun pemborong-pemborong, penanam sayur dapat menjual hasil mereka, kita adakan pasar-pasar malam, kita adakan pasar-pasar tani, tapi mereka tidak boleh bersaing dengan pasar-pasaraya yang besar.

Adakah kerajaan nak membantu masalah rakyat? Atau membantu golongan-golongan yang mampu untuk membina pasar raya. Yang ini keluhan daripada rakyat. Kita kena *hands on*, saya tengok ni ada *hands on,* makna kita kena ambil tahu turun ke padang. Ini suara dan luahan daripada rakyat mengenai apa yang berlaku. Menjadi tanya kepada mereka, kenapa dibolehkan wujudnya pasar raya tersebut terlalu banyak? Itu belum saya ambil ke kiri jalan dan ke kanan jalan. Masuk ke kawasan saya, itu lebih kurang 2 km ada satu lagi Econsave, sebelah kanan saya dalam 5 km ada satu Giant, Tesco dan sebagainya. Sebelah hujung di Seri Alam ada Tesco lagi. Ha, ini dengar nak buat Mydin pula.

Jadi apakah yang perlu kita lakukan? Kenapa Kerajaan Pusat dan kerajaan Negeri tidak boleh bersama untuk menyelaraskan dan membantu rakyat, baru kita Wakil Rakyat dihormati dan bercakap di bumi yang nyata. Kita mewakili Kerajaan. Kita menegur ikhlas untuk kita perbaiki keadaan. Memberi keyakinan kepada rakyat agar mempercayai tugas dan tanggungjawab Wakil Rakyat sebagai penghubung di antara rakyat dan juga kerajaan. Tapi kalau kita bercakap hari ini, dan kemudian kita nyatakan bahawa ini tidak boleh, ini tidak boleh, tapi sebaliknya berlaku maka akhirnya rakyat akan menyalahkan kerajaan dan yang akan dihukum adalah rakyat bila pilihan raya akan datang. Kita ada pembangkang, dia akan cari apa sahaja kesilapan kita kerana itu tugas dan moto mereka. Bagi kita Barisan Nasional, kita akan suarakan apa juga masalah, walaupun ia bertentangan tetapi pada haknya ia adalah pembelaan kepada rakyat.

Saya minta kalau boleh, janganlah roboh-robohkan gerai lagi, kalau ia strategik untuk dibuat perniagaan. Kalau nak buat tempat baru pun, tengok lokasi ada strategik ataupun tidak. Kalau mereka maju, berikan lesen. Biar dia pergi buat *test* kesihatan, pergi kursus supaya pertamanya mereka ini dapat mendisiplinkan diri tentang syarat dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan selainnya Kerajaan Negeri juga akan mendapat hasil daripada pemberian lesen sementara kepada peniaga-peniaga kecil ini.

Dan satu lagi, mengenai dengan Jabatan Perumahan Negara. Di kawasan saya ada satu Desa Mutiara, makna, di mana itu adalah penempatan untuk mangsa-mangsa banjir dan juga kepada mereka-mereka yang kurang mampu untuk memiliki rumah. Mereka menyewa RM124.00 satu bulan. Tadi Yang Berhormat Exco ada menjawab tentang bagaimana penyelaras, bagaimana kita pantau, bagaimana kita pastikan bahawa projek tersebut dijayakan. Memang betul berjaya. Ada satu blok, Blok 1 hingga Blok 22, sekarang yang boleh 1 hingga 15. Ia tak lama lagi dua blok buka. Persoalannya sekarang, setelah 1 tahun, tahun 2008 awal, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan PPR tersebut untuk didiami oleh mereka-mereka yang layak menduduki rumah tersebut.

Baru-baru ini keluar dalam surat khabar, tempat kumbahan najis, Blok 4 melimpah-ruah. Kat situ ada rumah-rumah. Sampai sekarang ini tak dibaiki. Bila buat perbincangan antara penduduk dengan pihak MC, *Management Consultant*, dengan izin, dengan pihak SUK mereka mengatakan bahawa, *defect liability periods* telah tamat. Maknanya kita tidak boleh *claim* lagi dengan pihak kontraktor. Terpaksalah pihak SUK, kesian juga kadang dengan Kerajaan Negeri, mohon dengan Jabatan Perumahan Negara untuk minta peruntukan. Soalnya berapa lama? Sebulan? Dua bulan? Tiga bulan? Setahun, dua tahun, lima tahun, atau terus tak buat? Kerana yang menjadi mangsa adalah orang-orang yang memerlukan rumah, yang telah menyewa.

Nanti mereka kata, "Wah kalau Highland Tower roboh, cepat-cepat kerajaan membantu mereka kerana itu tergolongan daripada golongan orang-orang elit, tetapi masalah kumbahan seperti ini yang kepada mereka kurang mampu kita biarkan". Bukan maknanya biarkan macam mana? Bajet tak ada dan sebagainya. Sampai bila? Saya harap, masalah kumbahan ini dapat disegerakan oleh Jabatan Perumahan Negara. Yang menjadi persoalan sekarang, di manakah pemantauan kontraktor ataupun *technician*, atau *engineer* yang memantau projek tersebut? Kerana apa selepas 1 tahun, *septic tank* tersebut tidak boleh digunakan. Adakah kelalaian kita? Ataupun adakah kesalahan penduduk-penduduk dan sebagainya? Jadi apa yang perlu kita lakukan?

Untuk kita melihat, kita memberikan penduduk ini mereka yang memerlukan rumah adalah kualiti pembinaan yang begitu baik, bukan kualiti pembinaan yang rendah. Dan tanggapan masyarakat terhadap kita yang membuat dasar, yang melaksanakan tugas tersebut agar mereka ini tahu bahawa ini adalah komitmen kerajaan yang mementingkan kesejahteraan rakyat, bukan mementingkan seperti melepaskan batuk di tangga. Buat rumah, dah kita serah. Wakil Rakyat yang jawab. Ini penting, dan semalam juga kalau kita lihat, bagaimana rumah Taman Mount Austin, yang dibina oleh Pemaju Khong San. Dah 5 tahun, daripada tahun 2004 hingga 2009. Bila pergi ke Pejabat Perumahan, dia kata bulan depan siap. Bulan depan siap, bulan depan siap. Saya buat lawatan semalam, boleh dikatakan 90% telah dibeli oleh pembeli-pembeli yang bergaji bawah RM3,000.00. Saya tengok di dalam papan kenyataan Blok 1, 2, 3, 6 dan 8, lebih kurang 40 hingga 50%, Blok 9 dan 10, 90% telah siap. Manakala Blok 5 dan 7, hanya *footing* sahaja yang siap.

Persoalannya kenapa boleh dikeluar perkara seperti ini? "RM50,000.00 memiliki rumah impian anda, fasa 3 *open for sale,* fasa 1 dah *sold out*". Betul, tetapi bila mereka boleh duduk? Siapa yang pantau? Wakil Rakyat? Pembeli? Kerana pembeli kalau nak beli pun dia akan disuruh rujuk kepada peguam yang dilantik oleh pemaju. "Bila masalah seperti ini saya tidak boleh ambil tahu. Awak kena *appoint lawyer* lain". Jadi adakah kita membela rakyat?

Pertamanya, mereka terpaksa membayar bulanan rumah sebanyak RM300.00 yang mereka mampu atau mungkin RM400.00. Yang kedua, terpaksa bayar *interest, interest* bank, yang menyebabkan mereka ini mengalami kerugian, sedangkan duit 10% telah dibayar. Ini juga mencerminkan bagaimana kita harus menyelaraskan. Bila pergi ke JPN mereka kata ini bukan masalah projek terbengkalai, tetapi projek bermasalah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat. Banyak lagi?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Insya-Allah habis besok Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ya?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Insya-Allah habis besok Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Esok? Kenapa tak sudahkan hari ni?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Banyak lagi masalah rakyat yang perlu saya bawa.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Oklah Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 26 November 2009, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KELIMA	**KHAMIS, 26 NOVEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Adakah dan bagaimanakah pembinaan dan pemasangan pencawang telekomunikasi di padang permainan kanak-kanak di Jalan Belibis, Taman Perling diluluskan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, semua pembinaan menara dan struktur telekomunikasi perlulah mematuhi garis panduan struktur dan menara pemancar telekomunikasi sedia ada yang disediakan oleh Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia pada April 2002. Ini termasuklah cadangan struktur lampu limpah berteraskan telekomunikasi di Jalan Belibis Taman Perling, sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting.

Sebagai latar belakang Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 8 Julai 2008, Syarikat D'Harmoni Telco Infra Sdn. Bhd. telah membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan permit sementara menara pemancar ini ke Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah tujuan untuk penyewaan tapak tersebut. Dan, pada 28 Julai 2008 Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dalam mesyuarat OSCnya yang bersidang pada 23 Julai 2008 telah bersetuju untuk meluluskan permohonan tersebut. Maknanya OSC bersidang 23 Julai, 28 Julai telah dimaklumkan kepada D'Harmoni permohonannya itu telah dipersetujukan.

Lanjutan daripada kelulusan itu pembinaan tapak asas untuk projek ini, lampu limpah telekomunikasi ini telah dimulakan pada 28 Ogos 2008. Walau bagaimanapun keesokan harinya pembinaan terpaksa dihentikan sementara kerana dapat bantahan daripada penduduk dan lanjutan daripada itu telah diadakan lima sesi perbincangan bersama wakil penduduk dengan semua yang berkenaan baik daripada peringkat MPJBT, Syarikat Telco dan juga Suruhanjaya. Dan, keputusan dicapai penduduk setuju dan pembinaan disambung semula pada 4 Disember 2008.

Akan tetapi daripada 19 Disember tahun yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi pihak syarikat menghentikan kerja-kerja pembinaan setelah

diarahkan oleh MPJBT berikutan bantahan yang ditimbulkan oleh ADUN di Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Johor Bahru. Seterusnya pihak syarikat telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak termasuk jabatan kerajaan berkaitan dan mengemukakan laporan ujian radiasi dari Agensi Nuklear Malaysia. Dalam masa yang sama juga pihak syarikat menerima surat daripada MAXIS mengenai aduan mutu perkhidmatan liputan telekomunikasi yang tidak sempurna, khususnya telekomunikasi mudah alih di kawasan Taman Perling.

Dalam pada itu pada April 2009, Pengerusi Surau Al-Khauthar Taman Perling yang mewakili jemaah surau dan penduduk sekitar telah menghantar surat sokongan kepada MPJBT, Pejabat Daerah Johor Bahru dan Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting berhubung pembinaan tersebut kerana ianya memberi berbagai kebaikan dan manfaat antaranya ialah:

i. Kemudahan liputan yang lebih baik kepada misalannya *hand phone* kita sebelumnya.

ii. Dengan adanya lampu limpah ianya dapat dua mengelakkan jenayah, samun, ragut dan gejala tidak sihat.

iii. Para penduduk sekitar dapat menjalankan aktiviti riadah pada awal pagi dan waktu malam tanpa perasaan takut dan mencurigakan.

iv. Kawasan sekitar termasuk rumah-rumah kediaman dan surau menjadi terang benderang.

Pada bulan Oktober 2009, pihak Majlis telah memulakan kerja-kerja menaik taraf taman permainan kanak-kanak di situ dan pemasangan peralatan ini oleh pihak syarikat juga dimulakan dan pada 23 November tahun ini lampu limpah berteraskan telekomunikasi di taman tersebut telah siap dibina sepenuhnya.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sini ada soalan tambahan. Tentang pembinaan apa ini penanda telekomunikasi di kawasan Belibis, Taman Perling ini saya nampaknya sudah mendapat apa kesan yang tidak baik daripada pihak penduduk. Oleh sebab itu dengan keadaan pembinaan ini penduduk selalu telefon kepada saya membatal pembinaan ini dan saya juga nampak ibu bapa sudah tidak membenarkan anak-anak mereka turun ke padang permainan kanak-kanak.

Oleh sebab itu saya tidak memahami, saya nak tanya mengapa kita perlu, kita perlu membina sebuah apa penanda telekomunikasi ini di kawasan permainan kanak-kanak. Mengapa kita tidak membina di kawasan lapang yang lain, sebab kawasan taman permainan kanak ini adalah satu kawasan lapang yang mana sesuai untuk kanak-kanak bermain di kawasan tersebut dan juga untuk warga emas yang mana mereka boleh turun padang untuk mengadakan senaman. *So,* betul tak betul ikut laporan daripada apa pihak-pihak yang berkenaan bahawa pembinaan ini memang akan membawa kesan.

Celcom tower reaction is coming to town near you. I ada satu laporan daripada sini, bermakna dia berkata memang pembinaan ini akan menjadi membawa kanser kepada otak yang berhampiran dengan dia. Kalau ikut syarat-syarat pembinaan ini dia mesti ada syarat tentukan bahawa pembinaan penanda telekomunikasi ini jaraknya dia mesti jauh daripada kawasan perumahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ah ok, ah yalah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Betul?

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak agensi Nuklear Malaysia pun telah memaklumkan kepada SKM – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang mengawasi perkara-perkara macam ini, bahawa radiasi untuk peralatan ini adalah terlalu rendah dan tidak mungkin boleh mendatangkan bahaya kepada penduduk. Itu laporan yang kita terima. Saya ingat Yang Berhormat pun tahu dan faedahnya tak payah saya cakaplah.

Tapi, walaupun pada dasarnya saya selalu mengingatkan Yang Dipertua saya, kalau ada bantahan daripada penduduk, awal-awal kalau kita belum buat jangan buat. Penduduk yang tak hendak *all this facilities,* dengan izinlah, dia tak hendak dia punya kemudahan ini baik, dia tak hendak kemudahan *network,* dia tak hendak *broadband*, ok, tak apa *let them remain like that,* kita pergi tempat lain. Tapi dalam kes ini Yang Berhormat saya nak ingatkan Yang Berhormat apa ini, Pengkalan Rinting ini. Surat daripada Yang Berhormat kepada Yang Dipertua MPJBT bertarikh 11 Mei 2009 berkenaan dengan permohonan bina lampu limpah dalam kawasan permainan Jalan Belibis 15, Taman Perling Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim. Yang Berhormat tulis sendiri, cakap, sesungguhnya saya menyokong penuh agar perkara tersebut dapat diberi perhatian, Majlis buatlah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tak, tak, surat bertarikh bila punya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ini 11 Mei ini,

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tak, saya punya surat bertarikh Mac 2 hari bulan, saya membantah.

Y.B. Dato' Speaker : Itu surat sapa pulak,

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ini surat apa. Saya tengah jawab Yang Berhormat tolonglah duduk, ikut peraturan. Yang Berhormat cakap panjang lebar saya tak bangun, saya dengar.

Y.B. Dato' Speaker : Ni bagus ini, BN sama BN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kena *be civilized*lah sikit dengan izin, tolonglah. Saya mintak maaflah. Ini surat 11 Mei pada Yang Dipertua ini, Chia Song Cheng Ahli Dewan Negeri Johor Kawasan Pengkalan Rinting, setuju kat Taman Belibis. Berapa banyak surat Y.B. tulis saya tak faham. Tapi 18 November, saya pulak dapat surat, saya tak tahu cerita ini, ini tengah buat ini kepada Y.B. kepada saya cakap tak setuju, 13 Oktober 2009. Saya terus minit kepada YDP, macam yang saya cakap tadi. Kalau penduduk tak hendak, jangan buat saya cakap, dia tak hendak kemudahan tak apalah pergi tempat lain. Rupa dah projek tengah jalan dan nak siap dah. Jadi dah nak siap jalanlah, ok terima. Ada surat-surat lain bawak pada saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, nanti boleh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Tapi walau macam mana pun telekom benda ini dah siap, dah siap dan ada pulak surat yang mengatakan setuju ini daripada penduduk ditandatangani oleh apa ini Jawatankuasa Surau Pengerusi itu enam puluh lebih penduduk setuju, adakan. Maknanya ada yang hendak, ada yang tak hendak,

Y.B. Dato' Speaker : Bukan semualah tak hendak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Surat sokongan awal pun Majlis dah terima, projek dah jalan, saya terima dah lambat, dah nak siap laporan. Saya pun tengok, eh macam mana ini, dah siap. Ok kita tengok macam mana buktikan kepada saya bahawa benda itu memang mendatangkan mudarat, lain kali kita tak payah ada *broadband* tak payah apa. Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, tak apa kalau ada cerita surat apa-apa tu nanti, Yang Berhormat jumpa ajelah. Dia tak boleh hujah Yang Berhormat, bila dalam jawapan oleh kerajaan bukan masa untuk berhujah. Kalau ada masa nak berucap, berucap, kemudian jumpa lepas Dewan nanti tengok surat tu betul ke tak betul. Ialah kadang-kadang kita dah terlupa ia, aha cari pulak jumpa.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebenarnya Yang Berhormat Pengerusi ini, perselisihan ini boleh dielakkan. Sebenarnya saya setuju juga mengikut laporan WHO, radiasi itu memang tak sekuat untuk menyebabkan apa-apa penyakit pada jangka masa yang pendek. Walau bagaimanapun, ikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan cuma satu kehendak iaitu lebih kurang 10 meter, 10 meter daripada kawasan padat dengan penduduk.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak soal apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini saya bagi…

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada, dia, dia tak boleh hujah lama eh, yang dalam soalan lisan ni tuju kepada benda Yang Berhormat nak cadangkan. Dia dah bahaskan, Yang Berhormat kata, boleh ke tak gini-gini. Itu aje, dia bukan...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya cuba latar belakang sikit sebab ikut, kalau garis panduan yang ditetapkan oleh negara maju 100 meter dari kawasan padat dengan penduduk, memandangkan kemungkinan kita tidak *control* juga menjadi *Guinea Pig* dengan izinnya oleh radiasi yang tidak dikenal pasti sama ada pada jangka masa panjang ada kesan yang negatif.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Mungkin apa pandangan Yang Berhormat Pengerusi mungkin kita boleh mempertimbangkan permohonan dari segi mencacatkan pemandangan di kawasan bandar kalau sesuatu pemancar…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, yang dekat ni yang kat Belibis saja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker, dari semasa ke semasa pihak yang berkenaan, TELCO yang berkenaan dia sentiasa membawa garis panduan dah ada, ikut garis panduan *design* yang sentiasa di*upgrade*kan daripada semasa ke semasa. Dan, dalam kes Belibis ni dia ada dia punya lampu limpah atau *spotlight* ditambah, di samping pemancar, alat pemancar tadi ditambahnya lampu limpah yang sesuai untuk diletakkan dalam taman permainan kanak-kanak. Kita hendakkan fasiliti ini, semua masyarakat hendakkan *broadband,* nak apa ni, mutu perkhidmatan yang baik untuk *hand phone* kita misalannya. Risiko radiasi ini pun ada, tapi semua orang pakai. Ha, ada pandangan kata ini lebih teruk daripada, tapi kita berjam-jam juga kita, nak-nak kalau telefon itu menyeronokkan lagi lama.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, macam mana menyeronokkan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Macam, mengikut keadaan semasa.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah, pandai Yang Berhormat jawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker tu, saya ingat, saya tak perlu jawab semua orang faham. Ok. (Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ok. (Ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Jadi, jadi itulah. Tapi terima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha. Dia tak boleh bangun dua kali Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) bagi pihak Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan nombor 2.

Berapakah jumlah keluasan tanah dan jumlah generasi kedua FELDA yang telah berjaya dikurniakan tapak rumah kepada generasi kedua FELDA dalam Negeri Johor dan bilakah kerja-kerja mengukur sempadan akan dilaksanakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Bila jadi lelaki? (Dewan ketawa). Yalah tak ada, oklah. Saya teriak Datuk Sulaiman.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Negeri Johor seramai 2,122 orang generasi kedua FELDA telah dikurniakan tapak rumah dengan anggaran keluasan 148.4 hektar. Rancangan dan bilangan yang terlibat adalah seperti berikut: Kota Tinggi, 4 Rancangan dengan keluasan 34.7 hektar dan yang berjaya 562 orang. Johor Bahru, 1 Rancangan, 5.7 hektar dan yang berjaya seramai 78 orang. Mersing, 1 Rancangan, 3.5 hektar, 33 orang yang telah berjaya. Segamat, 5 Rancangan FELDA dengan keluasan 46.44 hektar dengan bilangan 744 orang yang telah pun berjaya. Daerah Muar, 3 Rancangan FELDA dengan keluasan 24.13 hektar, 251 orang yang telah pun berjaya. Bagi daerah Kluang 1 buah Rancangan dengan 15.58 hektar dengan 205 anak peneroka yang telah berjaya. Dan, bagi daerah Kulaijaya, 1 Rancangan FELDA dengan keluasan 18.29 hektar dengan bilangan 249 orang dan keseluruhannya 16 buah Rancangan FELDA yang telah pun generasi keduanya telah pun berjaya mendapat tanah bagi generasi kedua.

Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tanah-tanah yang telah dijelaskan notis 5A, dan didaftarkan hak milik, tindakan pengukuran akan dijalankan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Johor dan daripada jumlah tersebut sehingga kini dimaklumkan bahawa Jabatan Ukur dan Pemetaan telah pun melaksanakan hampir 60 peratus kerja-kerja pengukuran bagi daerah Kluang, Segamat dan juga Muar.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan tambahan. Kalau mengikut piawaian kerja berapa lamakah tempohnya untuk mengukur tanah selepas tanah dikurniakan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya setelah notis 5A telah dibayar dan setelah dikenal pasti kawasan dan sebagainya, dimaklumkan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan untuk pengukuran. Itu terpulang kepada keseluruhan jumlah yang patut diukur dengan tempohnya

memakan masa juga, Yang Berhormat Dato' Speaker ya, kadang-kadang dalam masa 3 bulan, 6 bulan dan juga ada mengambil masa setahun.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bukit Batu, sekejap.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, saya memang, saya telah terima dalam ucapan juga Yang Berhormat EXCO yang menyatakan FELDA Bukit Batu generasi kedua tu sudah ada tanah diluluskan. Tetapi, saya *check* balik dengan Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya dan juga PTG malangnya benda tu tak diluluskan lagi. Sebab itu saya ingin dapatkan penjelasanlah daripada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya setelah dijalankan semakan, perkara tersebut setakat ini Yang Berhormat Dato' Speaker, masih ada sebanyak 354 plot lagi yang telah kita rujukkan kepada pihak kerajaan untuk mendapat pertimbangan termasuklah FELDA Air Hitam itu yang mungkin kita ada tersilap dari segi kenyataan kita kepada Air Hitam.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, karang dia betulkan. Ya.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Ya, Dato' Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Panti.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Terima kasih atas jawapan daripada Pengerusi yang berkenaan. Di Kota Tinggi nampaknya batu-batu sempadan telah pun ditanam oleh Pejabat Ukur. Cuma, saya ingin mengetahui sama ada dasar Kerajaan Negeri untuk mengurniakan tanah-tanah kepada generasi kedua FELDA ini akan diteruskan ataupun hanya setakat 16 Rancangan yang telah pun dikurniakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker bagi menjawab soalan tambahan daripada ADUN Panti. Sebenarnya kita akan meneruskan dari segi pengurniaan tanah kepada generasi kedua, itu pun berpandu kepada tanah-tanah kosong yang masih ada di kawasan tersebut. Dan, untuk makluman semua, bagi mengenal pasti kawasan-kawasan tersebut yang untuk kita umumkan kepada generasi kedua, yang pertama sekali FELDA-FELDA tersebut yang telah pun mendapat hak milik, dan di antara Pejabat Tanah dan juga FELDA kita akan mengenal pasti kawasan dan kemudiannya kita akan umumkan mengikut jumlah kekosongan di dalam sesuatu Rancangan dan ini kita akan teruskan insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Em, oklah orang FELDA.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Di kawasan Sedili ada 9 FELDA, hampir keseluruhan semua

penyerahan hak milik telah dilakukan. Untuk penempatan generasi kedua sehingga hari ini di kawasan Sedili sebanyak 9 FELDA belum ada tanda-tanda untuk menampakkan penempatan generasi kedua FELDA. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, menjawab soalan tambahan daripada ADUN Sedili, sebenarnya bagi kawasan DUN Sedili kita ada 9 buah Rancangan dan sebanyak 5 buah Rancangan FELDA telah pun mendapat hak milik dan sebenarnya bagi yang 3 Rancangan FELDA iaitu FELDA Bukit Waha, Simpang Waha dan Bukit Easter tidak keseluruhan daripada peringkat-peringkat ataupun dan 1 FELDA itu dia ada peringkat 1, peringkat 2, peringkat 3 dan 4. Kadang-kadang lebih dari itu Yang Berhormat Dato' Speaker, dan tidak keseluruhan mendapat hak milik ya. Jadi, kita akan pastikan keseluruhannya telah mendapat hak milik dalam 1 Rancangan tersebut dan kemudian baru kita kenal pastikan tanah-tanah yang ada untuk kita umumkan kepada generasi kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Allah, ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Keseluruhan daripada 16 Rancangan yang mana terdapat 22,122 peserta yang telah mendapat lot rumah ni, jadi masalah yang siap baru 60 peratus. Maknanya daripada kelulusan ini dekat hampir setahun jadi makan masa yang begitu lama. Jadi, generasi kedua FELDA ni dia dulu nak dapat tanah pun dah makan masa begitu lama. Sekarang dia orang ni nak buat rumah, perkara ni juga berlaku di FELDA Air Hitam. Jadi, saya ingin tahulah sebab masalah pengukuran adalah masalah yang *constrain* apa banyak sedangkan ini kerja profesional jadi kakitangan kurang. Jadi, saya ingin nak tahu adakah FELDA mempunyai rancangan untuk lot-lot yang demikian dia *engaged,* dia gunakan khidmat daripada Juruukur berlesen, jadi untuk nak mempercepatkan. Jadi, saya dapat tahu ni baru 16 Rancangan, sedangkan kita banyak Rancangan untuk program akan datang adakah kita mempunyai rancangan untuk nak mempercepatkan proses ini. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Machap, sebenarnya sebagaimana yang telah saya nyatakan bahawa pengukuran akan dijalankan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan dan memang kita akui bahawa masalah kekurangan tenaga dan sebagainya untuk proses pengukuran dan sebenarnya perbincangan telah kita jalankan untuk kita mendapatkan khidmat daripada Juruukur swasta tetapi itu berpandu juga kepada proses, berpandu pada perbelanjaan ialah bajet untuk kita tu. Tapi, insya-Allah perkara ni masih dalam perbincangan untuk sebab kita memang sedia maklum, anak-anak peneroka yang telah pun mendapat peluang mendapatkan tanah ini memang perlu segera untuk membuat rumah dan memang ini yang telah menjadi topik ataupun menjadi perkara yang paling

utama yang telah dibangkitkan dan insya-Allah pihak FELDA dan berbincang kembali dengan pihak Jabatan Ukur untuk proses tersebut.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat di kawasan, ada FELDA ke? Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini apa tu, satu kawasan yang saya berminat juga.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, segera.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Pengerusi, soalan saya adalah sekarang kita berbincang berkenaan cuba menerokai tanah yang lebih untuk anak-anak peneroka. Tapi, apa yang saya nak bangkitkan adalah kita menghadapi masalah alam sekitar juga. Adakah lebih sesuai kalau FELDA boleh mempertimbangkan rancangan yang jangka masa panjang untuk menggalakkan industri tani yang tambah nilai kepada anak-anak peneroka.

Y.B. Dato' Speaker : Asas Tani.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat, itu soalan baru tapi saya cubalah menjawab eh. Sebenarnya, dari segi FELDA menggalakkan dari segi industri tani dan sebagainya, kita telah pun ada peneroka-peneroka FELDA dan juga anak-anak peneroka generasi kedua begitu juga dengan persatuan-persatuan belia di dalam FELDA di dalam Negeri Johor, kita memang menggalakkan untuk mereka menceburkan diri dari segi pertanian, ternakan dan sebagainya. Itu telah pun kita laksanakan dan ramai di antara mereka telah pun berjaya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang kita nak bagi ini adalah tapak untuk mereka membuat rumah dan tak banyak bagi satu-satu kawasan tu bagi satu anak generasi kedua jumlahnya antara 4,000 hingga 6,000 kaki persegi saja, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tapak rumah, yalah. Ok, Yang Berhormat Encik Ja'affar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Berapakah keluasan tanah wakaf yang diuruskan melalui Majlis agama Islam Johor mengikut daerah?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Tanah-tanah wakaf yang telah diwakafkan banyak yang terbiar. Adakah kerajaan bercadang untuk menyerahkan kepada pihak-pihak tertentu atau berkemampuan untuk diusahakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker saya mohon izin untuk menjawab soalan 3 dan 4 bersekali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai pemegang amanah bagi urusan wakaf. Di Johor, mempunyai 3,315 tapak wakaf dengan keluasan 11,347.9 ekar yang didaftarkan sebagai tapak wakaf masjid, surau, tanah perkuburan, sekolah agama dan juga tujuan am. Ianya melibatkan wakaf daripada individu atau kurniaan kerajaan bagi tujuan tertentu atau kebajikan am.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah tanah wakaf di seluruh Negeri Johor mengikut daerah dan jenis wakaf adalah sebagaimana berikut : bagi daerah Johor Bahru, 645 tapak; Muar, 470; Batu Pahat, 689; Segamat, 251; Kluang, 216; Kota Tinggi, 227; Pontian, 342; Mersing, 99; Ledang, 263 dan Kulaijaya sebanyak 113. Manakala dari segi jenis wakafnya adalah seperti berikut: surau, 1,345; masjid, 712; sekolah agama, 614 tapak; kubur, 499 dan akhirnya untuk am, 352.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, daripada 3,315 tapak tanah, tanah wakaf yang terdapat di Negeri Johor, sebanyak 2,687 tapak telah dibangunkan mengikut pecahan wakaf seperti masjid, 562; surau, 946; sekolah agama, 491; kubur, 434 dan kebajikan am umat Islam sebanyak 254.

Majlis Agama Islam Negeri Johor atau ringkasnya MAIJ juga amat komited untuk membangunkan tanah-tanah wakaf dengan memberi kebenaran dan peluang kepada pengusaha-pengusaha yang terdiri daripada agensi kerajaan, agensi swasta, pihak individu, pihak koperasi dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) dan sebagainya untuk mengusahakan tanah-tanah wakaf di seluruh Negeri Johor. Dan, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Majlis Agama Islam telah memberi kebenaran dan peluang kepada 40 pengusaha yang terdiri daripada agensi-agensi yang saya nyatakan sebentar tadi. Sehubungan itu, mana-mana pihak yang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah wakaf hendaklah memohon kebenaran untuk mengusahakan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagaimana Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 Seksyen 89 yang menyatakan Majlis menjadi pemegang amanah tunggal, wakaf dan badan yang bertanggungjawab mengurus harta wakaf…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, boleh ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : …di Negeri Johor. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya. Kejap, kejap.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senggarang.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Daripada 3,315 tapak wakaf yang telah dinyatakan tadi, nampaknya masih ada lagilah tanah-tanah wakaf yang belum dibangunkan atau belum digunakan untuk keperluan masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya. Adakah perancangan, sebarang perancangan Majlis Agama Islam untuk menggunakan juga tapak-tapak tanah wakaf yang berbaki ini khususnya di kawasan-kawasan yang mana dapat kita bina ataupun dibuatkan satu kawasan tempat tinggal sementara ataupun transit bagi keluarga-keluarga yang mungkin mengalami bencana seperti kebakaran, banjir dan sebagainya yang kadang-kadang mereka memerlukan kawasan penempatan sementara ini dalam jangka masa setahun ataupun dua tahun. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Senggarang. Yang Berhormat Dato' Speaker, memang, sebenarnya memang sudah pun ada tempat-tempat yang telah dibangunkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai transit, makna rumah untuk orang tinggal khususnya orang-orang miskin. Ada beberapa tempat di Negeri Johor yang telah kita laksanakan ini dan memang kita galakkan mana-mana pihak yang boleh membangun, membantu dan membangunkan tanah-tanah kita khususnya untuk membina rumah, rumah murah supaya…

Y.B. Dato' Speaker : Itu tanah wakaf apa namanya Yang Berhormat, kalau boleh buat rumah tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ini wakaf am Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini wakaf am eh..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang sekolah, masjid semua tu dah memang wakaf khas.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak boleh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Hanya tanah-tanah yang macam ini sahaja yang boleh dibangunkan untuk tujuan keperluan seperti yang dinyatakan tadi. Jadi, kita mengalu-alukan mana-mana pihak sebenarnya lebih-lebih lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, rumah transit. Rumah transit ini kita bagi untuk mereka tinggal sementara bukan rumah kekal bagi mereka kerana kita tak bagikan geran dan hak milik pada mereka, hanya untuk sementara…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ini ada perjanjianlah eh? Pejabat Agama tidak ambil untung?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tidak ada untung Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tidak, memang tidak ada untung ini…

Y.B. Dato' Speaker : Sudah baik Yang Berhormat…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ini untuk membela ummah, ha Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tak yalah, saya ambil projek itu, habis Jabatan Agama tak dapat apa-apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tidak, kita tak ambil, kita tak ambil untung apa-apa, malah bukan itu sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan sahaja kita membangunkan tanah-tanah kita untuk tempat-tempat transit ini, kita juga membeli rumah-rumah yang dah siap, rumah-rumah murah katakan RM33,000.00. Kita beli rumah sana dan kita tempatkan orang-orang miskin ini.

Y.B. Dato' Speaker : Dah ada ya Pejabat Agama rumah-rumah murah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sudah ada Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oi!

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kita buat macam ni dulu. Kita juga memperuntukkan beberapa juta ringgit untuk sama-sama membantu Kerajaan Negeri kita untuk menyediakan perumahan kepada golongan yang miskin ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya bagi soalan asal dulu, Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Daripada jawapan yang dikatakan tadi mengatakan bahawa banyak lagi tanah-tanah wakaf yang tidak dapat dibangunkan oleh pihak-pihak yang memegang amanah. Jadi, saya ingin tahu adakah boleh tanah-tanah yang merupakan wakaf khas ditukar kepada tanah wakaf am sekiranya pihak Kerajaan sebagai pemegang amanah tidak mampu untuk menunaikan amanah yang telah diberikan oleh tuan-tuan tanah ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira ini masalah istifdal. Kita ganti. Ada tanah-tanah wakaf yang katakan kalau dia asalnya tanah tu dia khaskan kubur.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Pada masa itu mungkin kawasan itu tidak maju, mungkin belum jadi bandar. Tapi bila jadi bandar, tanah itu sudah tentulah tidak sesuai untuk dijadikan tapak kubur dan maka dalam hal ini kita boleh istifdal, kita tukar, kita gantikan dengan tapak-tapak lain untuk tujuan tertentu. Katakan ada pembangunan ke, yang, tapi maknanya nilai yang kita

istifdal itu tidak boleh lari dari nilai yang terdapat di pasaran bagi tanah-tanah berkenaan, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, masalah yang terdapat ini sekarang adalah kerana terlalu banyak wakaf khas dan terlalu sikit wakaf am. Jadi, ini menimbulkan masalah dan menyebabkan banyak tanah-tanah yang tidak dapat dibangunkan kerana tidak diperlukan untuk tujuan khas tadi..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat macam jawab aje.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi, saya..

Y.B. Dato' Speaker : Soal apa?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Soalan saya..

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Boleh tidak Majlis Agama Islam memujuk atau meminta mereka yang akan mewakafkan tanah pada masa akan datang supaya mewakafkan sebagai wakaf am dan tidak sebagai wakaf khas. Kalau kita tengok, untuk sekolah agama ya, ada yang wakaf sekolah agama sebanyak 614 sedangkan Kerajaan Johor akan membina 121 buah sekolah sahaja lagi. Jadi, banyak lagi tapak yang boleh dibangun untuk sekolah agama yang tidak diperlukan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan. Sebenarnya wakaf-wakaf khas ini Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah tanah-tanah yang diperuntukkan oleh pihak Kerajaan. Sebagai contohnya wakaf untuk surau, sekolah dan sebagainya, ini wakaf khas yang telah ditetapkan. Berkenaan dengan sama ada kita boleh pujuk atau tidak, itu terpulanglah kepada yang mewakafkan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kalau mereka awal-awal lagi katakana, mereka kata ok, ini wakaf ini untuk wakaf khas, eh, wakaf am, maknanya kita boleh gunakan tanah itu untuk apa jua projek kita sama ada nak buat sekolah ke…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, kalau orang dulu Yang Berhormat dia wakaf, dia tak cakap am ke khas. Dia cakap wakaf. Itu Pejabat Agama, itu boleh eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sebab dalam keadaan yang biasa Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ha..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Pewakaf ini akan nyatakan bahawa wakaf ini kita wakafkan untuk tujuan sekolah, katakan sekolah agama ke, sekolah agama rakyat ke, surau ke, kubur ke. Kubur ini jarang sangat orang nak wakafkan Dato' Speaker. Yang wakafkan ini Kerajaan. Sebab itu bilangan yang wakafkan ini banyak kerana wakaf khas ini adalah pemberian kerajaan untuk tapak-tapak tertentu seperti sekolah, surau, masjid, tanah kubur dan sebagainya. Ada juga yang Kerajaan bagi tanah kosong yang kita majukan melalui badan-badan swasta. Jadi, terpulanglah sebenarnya kepada, Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada orang yang mewakafkan itu. Kalau dia nak wakafkan secara katakan am..

Y.B. Dato' Speaker : Kalau dia dah mati?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Masa dia serah, makna dia serah kepada kita, dia serah pada kita, dia kata nak wakaf am ataupun wakaf ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Majlis untuk memanfaatkan untuk kebajikan orang Islam dan kita boleh buat. Tapi, pokoknya kepada pewakaf. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya. Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Apakah rancangan pihak JKR untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan kekerapan kemalangan jalan raya di pekan Pekan Nenas? Bilakah jejantas atau terowong khas untuk kegunaan pejalan kaki dan penunggang basikal dapat dibina di Pekan Nenas demi keselamatan pejalan kaki atau penunggang basikal?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas ni, lalu lintasnya sesak kerana pembangunan yang pesat. Dia tak macam daerah Segamat, Yang Berhormat Dato' Speaker. Tahun 60-an, 70-an gitu, sekarang pun gitu juga. Tak ada apa-apa.

Y.B. Dato' Speaker : Ya? Pekan Nenas dah naik majukan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ha, lebih handal daripada daerah Segamat.

Y.B. Dato' Speaker : Kesian, Segamat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Tak macam daerah Segamatlah. Malang orang Segamat ini. Berpunca kerana pembangunan yang pesat dan jalan yang sedia ada yang dulu nampak lebar pun, sekarang nampak sempit dah. Itu saya akuilah. Kita telah pun memohonkan, memohon, untuk makluman Yang Berhormat Pekan Nenas kepada Kerajaan Pusat untuk bina bukan sahaja jejantas ataupun

terowong khas, nampak Pekan Nenas dah minta terowong khas untuk pejalan kaki, Segamat sama aja. 60-an, 70-an, sekarang, gitu juga.

Y.B. Dato' Speaker : Itu salah siapa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Rezeki masing-masing Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, betul. Memang kita ada rezekilah, nasib.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Dalam Luth Mahfuz memang ditulis macam itu, rezeki, jodoh..

Y.B. Dato' Speaker : (ketawa). Apa Yang Berhormat? Tak dengar yang tadi. Jodoh? (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ha.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ha. Dekat Luth Mahfuz ada tulis, mati kat mana.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, betullah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Dah tertulis dah tak boleh elak.

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh, yang sedap…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Andainya kalau dah ditulis, Yang Berhormat Dato' Speaker mati tertelan bola golf…

Y.B. Dato' Speaker : Allah…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : …lubang yang ke-18, berlakulah dia.

Y.B. Dato' Speaker : (ketawa) Ha, yalah. Macam kalau Yang Berhormat terjadi nak jodoh, jodohlah dia. Ha, Yang Berhormat apa nak buat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Alhamdulillah…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, ok. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Saya teruk Yang Berhormat, teruk, bola Yang Berhormat, Yang Berhormat untung…(Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Bahagian masing-masing. Jadi, bukan sahaja kita dah rancangkan nak buat jejantas. Tahniah! Adun Pekan Nenas minta terowong khas untuk jalan kaki. Bagus perancangan, macam ginilah minda.

Y.B. Dato' Speaker : Hm...kena satu das.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Jadi, kita dah minta jalan pintas untuk Pekan Nenas kerana kita tahu makin lama nanti makin sempit. Kita minta jalan pintas untuk Pekan Nenas yang kita panggil dengan izin, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 di bawah tajuk Jalan Akses Pontian ataupun *Pontian Link*, dengan izin. Dan permohonan untuk membina jejantas untuk makluman Yang Berhormat, terowong suatu masa nanti adalah insya-Allah, bina jejantas di Pekan Nenas juga kita dah pohon di bawah Program Keselamatan di bawah Jabatan JKRlah. Tetapi sampai hari ini nak maklumkan belum ada kelulusan lagi, insya-Allahlah kalau ada kelulusan, saya pun fikir Pekan Nenas perlulah dapat kemudahan seperti ini kerana dia bangun dengan lebih pesat dibandingkan dengan tempat-tempat lain.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, lekas sikit bangunlah Yang Berhormat.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Soalan tambahan. Terima kasih diucapkan kepada Pengerusi Kerajaan Tempatan. Terowong khas yang dimaksudkan itu saya kena terangkan sikitlah Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana didapati ramai penduduk tempatan di Pekan Nenas mereka adalah penunggang basikal. Baru-baru ini pada 14 November yang lalu seorang warga tua orang tempatan telah dilanggar mati oleh sebuah bas kilang di jalan yang sibuk itu. Itulah, saya pernah bangkitkan masalah ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan mereka mengatakan tak ada tapak yang cukup luas untuk pembinaan jejantas. Itulah, ada idea untuk membina terowong khas untuk pejalan kaki dan juga penunggang basikal seperti yang ada di *Twin Tower* dengan izin, Petronas di K.L. supaya mereka boleh menggunakan itu. Dan, saya pun terima kasih kerana projek ini telah dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Tetapi persoalannya, adakah projek ini adalah di dalam diberi keutamaan dalam projek-projek yang telah dihantar oleh pihak J.K.R. ataupun pihak berkenaan? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Untuk menjadi keutamaan saya akan tengok. Kita akan tengok daripada ciri-ciri yang tertentunya. Kalau dia terdesak. Selalu kita dalam mesyuarat kita tentukanlah. Maknanya dia masuk dalam keutamaan atau tidak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Pengurusan Tenaga Nasional Berhad dan Pengurusan TELEKOM Berhad di sebahagian Mukim Sri Gading khasnya di DUN Yong Peng iaitu kawasan Seri Lalang, Kg. Manong, Taman Bahagia ditadbir oleh TNB Kluang dan TELEKOM Berhad Kluang, ini menyukarkan pihak rakyat dan Yang Berhormat untuk berurusan kerana pihak TNB Kluang dan TELEKOM berada di lain daerah. Oleh itu dipohon agar pengurusan TNB dan TELEKOM di seluruh DUN Yong Peng ditadbir oleh TNB Batu Pahat dan TELEKOM Batu Pahat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebahagian Mukim Sri Gading iaitu kawasan Sri Lalang, Kampung Manong dan Taman Bahagia pada kawasan DUN Yong Peng ditadbir oleh TM dan TNB Kluang adalah suatu dasar pentadbiran dan pengurusan dalam prosedur bersempadan, sempadanan TM dan TNB ibu pejabat. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat akan dikemukakan kepada ibu pejabat masing-masing untuk dipertimbangkan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dah. Oh, tak ada soal pulak. Bagus. Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, jemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Mengapa jurulatih Persatuan Bola Sepak Johor (Nasir Yusof) direhatkan daripada menjadi Jurulatih Persatuan Bola Sepak Johor sedangkan prestasi pemain-pemain bola bermain dengan baik ketika di bawah pimpinan beliau?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor telah mengambil keputusan untuk merehatkan Jurulatih Nasir Yusof dari mengendalikan Skuad Liga Malaysia hanya disebabkan oleh kononnya Nasir Yusof ini mempunyai masalah disiplin dan juga tidak mempunyai hubungan yang baik dengan sebilangan daripada pemain-pemain bola sepak Johor FA. Jadi, pihak Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor berpandangan dengan tindakan merehatkan Nasir Yusof ini adalah sebagai langkah yang terbaik bagi memastikan pemain-pemain dalam keadaan yang bersatu dan mampu untuk meneruskan saingan dalam Pertandingan Piala Malaysia. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, secara peribadi saya berpendapat tindakan yang diambil oleh Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini sebenarnya adalah tidak tepat kerana terbukti di mana pasukan Johor FA ini walaupun telah layak untuk masuk dalam saingan Piala Malaysia dan daripada Liga Perdana pergi ke Liga Super tetapi dalam saingan Piala Malaysia itu terbukti persembahan para pemain ini telah merosot dan akhirnya telah tewas di peringkat awal.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Tadi ada menyatakan bahawa masalah Jurulatih ini

dengan pemain. Saya sebenarnya telah didatangi oleh Jurulatih tersebut berjumpa dengan saya dan menerangkan tentang perkara-perkara yang dikaitkan. Sebenarnya saya lihat, bukan dengan pemain.

Y.B. Dato' Speaker : Habis?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dengan Badan Pengurusan JFA (Johor Football Association). Dan saya hairan, kenapakah kualiti bola sepak yang ingin dibawa oleh Nasir Yusof itu hanya semata-mata kerana keengganan beliau menuruti sebahagian daripada arahan daripada JFA menyebabkan beliau direhatkan? Dan seterusnya, Pasukan Bola Sepak Negeri Johor ini suatu ketika dahulu masyhur, terkenal, tiba-tiba kalah dalam perlawanan yang disertai. Persoalan saya, sampai bilakah JFA ini, Johor Football Association dengan izin, akan berlakunya seperti ini? Kerana kalau dulu ditadbir oleh Dato' Sulaiman Mohd. Noor, sekarang Johor Corporation…

Y.B. Dato' Speaker : Tak payah sebut nama Yang Berhormat. Ada bekas-bekas banyak.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Tetapi nampak mutu permainan bola sepak makin lama makin lemah. Ini disebabkan pengurusan yang lebih mementingkan kepada keuntungan bukan kepada disiplin kepada pemain-pemain bola sepak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, soalannya tadi?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi, saya harap Kerajaan Negeri Johor melalui EXCO Belia mengambil tindakan tegas untuk memperbaiki keadaan ini supaya bola sepak Negeri Johor dapat kita bangunkan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang berlaku dalam Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini sepertimana yang saya katakan tadi, kes Nasir Yusof ini, sebab itu saya kata, dia direhatkan ini sebab kononnya dia ada masalah disiplin.

Y.B. Dato' Speaker : Kononnya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Kononnya. Sebenarnya saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa kerana sebenarnya Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini diuruskan oleh *team* yang sama lebih kurang yang juga menguruskan *team* ataupun pasukan Johor FC yang mana kebanyakan mereka ini adalah daripada Johor Corporation. *So*, apa yang berlaku pada hari ini sebenarnya apabila Majlis Perbadanan Pasir Gudang telah dijadikan sebahagian daripada salah satu PBT, maka Johor Corporation tidak ada lagi kuasa atau dalam pentadbiran MPPG ini, maka apa yang berlaku hari ini persatuan bola sepak ini kepimpinannya telah letak jawatan dan sebagainya. Dan akhirnya memang telah menjadi tanggungjawablah oleh kerajaan untuk kita perbaiki pentadbiran persatuan ini.

Dan, di antara langkah-langkah yang akan kita ambil ialah selepas daripada peletakan jawatan Presiden dan salah seorang Naib Presiden, maka kita sedang menyusun atur untuk kita ambil alih dari segi pengurusan. Yang penting sekali bukan Persatuan itu dari segi ini tetapi pengurusan itu. Sebab pengurusan yang lama, mereka tidak, banyak perkara-perkara yang dibincang dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Persatuan ini, pengurusan sahaja tetapi tidak dibentang dalam Majlis yang terdiri daripada Jawatankuasanya melibatkan Yang Di Pertua Persatuan Bola Sepak Daerah yang terdiri daripada Pegawai Daerah dan sebagainya. Jadi, kalau kita lihat sepanjang pengurusan yang sebelum ini, yang rata-rata diuruskan oleh sebahagian daripada kakitangan JCorp ini, sebenarnya mereka mengasingkan pengurusan ini daripada Lembaga atau Ahli Majlis itu sendiri kerana pada masa itu mereka dapat banyak sumbangan daripada JCorp dan sebagainya. Mereka ada duit, jadi dia tak nampak begitu berkuasa. Tetapi hari ini bila MPPG dah tidak di bawah JCorp, itu yang jadi masalah. Jadi, sekarang daripada pihak kerajaan memang kita sedang ambil tindakan baik pulih Persatuan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Bukit Permai. Saya izinkanlah, soalan awak.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita jelas menunjukkan kegagalan Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor yang menjadi punca kepada masalah yang lebih teruk dan lebih meretakkan entiti pasukan. Soalan tambahan saya, adakah cadangan tersebut sehingga menjejaskan peluang pasukan ini dan bolehkah saudara Nasir Yusof ini dilantik semula sebagai Jurulatih Pasukan Johor? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, tindakan kita sekarang ialah kita nak betulkan balik Persatuan ini dan mungkin kita bercadang untuk adakan AGM dalam masa terdekat ini dan soal pelantikan Nasir Yusof ini kita akan bincang selepas daripada kepimpinan baru dilantik.

Y.B. Dato' Speaker : Di pilih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Mengambil alih kepimpinan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 8.

Kenapa tiada sumbangan zakat untuk anak negeri yang belajar di IPT pada tahun pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Agama Islam Negeri Johor di bawah bantuan pelajaran ada menyediakan bantuan-bantuan tertentu kepada pelajar-pelajar anak Negeri Johor yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi pelajar yang

mendapat tawaran melanjutkan pengajian di pusat pengajian tempatan, Majlis menyediakan bantuan pendaftaran kemasukan mengikut kadar sebagaimana berikut:

Tahap pengajian

i. Pendaftaran pengajian peringkat Ijazah. Kadar bantuan di antara RM800.00 hingga RM1,000.00.
ii. Pendaftaran pengajian peringkat Diploma. Kadar bantuan di antara RM500.00 hingga RM700.00.
iii. Pendaftaran pengajian peringkat Sijil. Kadar bantuannya ialah di antara RM300.00 hingga RM500.00.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi pelajar pengajian agama luar negara. Majlis Agama Islam menyediakan bantuan dermasiswa dengan kadar RM4,000.00 setahun mengikut kategori berikut:

i. Pelajar pengajian Usuluddin dan Syariah dibantu setelah berada di tahun pengajian ketiga dan keempat.

ii. Pelajar pengajian Tahfiz dan Qiraah dibantu bermula tahun pertama sehingga tahun ketiga iaitu tahun akhir.

iii. Pelajar cemerlang lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar Mesir dibantu mulai tahun pertama dengan kuota seramai 20 orang pelajar.

iv. Dan akhirnya, Majlis juga menyediakan bantuan pinjaman pelajaran tanpa faedah bagi pengajian Perubatan di Mesir dengan kadar pinjaman antara RM20,000 hingga RM30,000 setahun untuk tempoh enam tahun pengajian kepada pelajar yang berkelayakan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ya. Ok, Sungai Abong.

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Daripada jawapan yang kita dapati tadi, menunjukkan bahawa seolah-olah setiap pelajar yang pergi ke IPTA ataupun IPTS diberi bantuan daripada Tabung Zakat Negeri Johor. Jadi, adakah ini polisi untuk semua penuntut yang layak ataupun dipilih-pilih, ataupun mengikut permohonan ataupun bagaimana? Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih. Soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat kawasan Sungai Abong.

i. Pada umumnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bantuan ini diberi kepada kesemua orang, tetapi ada syarat-syarat dia. Sebagaimana yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat, sudah tentulah mereka kena kemukakan permohonan.

ii. Sama ada mereka dapat bantuan atau tidak, layak atau tidak berasas kepada beberapa kriteria yang akan, yang kita tentukan. Oleh kerana

apa ni, yang memohon pun ramai, dana yang ada kita juga terhad, jadi keutamaan Yang Berhormat Dato' Speaker adalah diberi kepada mereka yang datang dari keluarga yang kurang bernasib baik. Ini keutamaan kita. Tetapi kita kalau, kalau boleh kita nak bagikan, kita nak, kita nak bantu semua orang bergantung kepada latar belakang mereka. Kalau kita rasakan ibu bapa mereka mampu untuk dapatkan bantuan seperti yang kata yang bantuan segera nak pergi ke universiti katakan, katakan nak buat ijazah RM800.00 hingga RM1,000.00. Maka, kita akan tengok latar belakang mereka, kalau latar belakang mereka, mereka orang yang agak berada, mungkin kita tak bagi. Kerana, kita ada satu senarai yang agak panjang dan keutamaan kita bagi pada yang, yang apa, yang layak. Jadi, yang penting ianya ialah, saya nak bagi contoh katakan yang belajar di Mesir yang buat bidang perubatan. Boleh katakan rata-ratanya datang dari keluarga yang tidak berkemampuan. Jadi sebab itulah, kebanyakan yang belajar perubatan dan juga yang lain-lain yang belajar agama, kita bantu mereka. Dan bantuan itu, sebagaimana yang saya nyatakan tadi di antara RM20,000.00 kepada RM30,000.00.

Y.B. Dato' Speaker : Itu pinjam Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Itu pinjam.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak beri terus.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Itu pinjam. Yang lain tu, yang belajar agama tu kita bagi agak percumalah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang RM20,000.00 hingga RM30,000.00 itu pinjam. Tapi kita tak kenakan.

Y.B. Dato' Speaker : Bunga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Faedah. Apa kata orang sekaranglah, faedah dan sebagainya, kan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah. Bungalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tapi yang saya nak tegaskan di sini ialah, yalah saya tahu kalau nak buat bidang perubatan ni, maka kos dia agak besar, tinggi. Namun demikian, kita nak tentukan sama ada dia dapat RM20,000.00 atau tidak kita tengok latar belakang dia. Kalau mereka layak, dapat RM20,000.00 atau RM30,000.00 kita bagi RM30,000.00. Kalau mereka datang dari keluarga yang agak itu, maka kita bagi. Tapi pada umumnya, biasanyalah, mereka akan perolehi RM30,000.00. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Shahruddin bin Salleh, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) bagi pihak Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 9.

Berapakah jumlah pengusaha akuakultur terutamanya ikan keli (dan jenis ikan air tawar yang lain) mengikut daerah dan jumlah hasil yang dapat dikeluarkan dalam Negeri Johor (untuk mencapai sasaran BOT plan). Apakah bantuan dan insentif yang telah diberikan kepada pengusaha berkenaan terutamanya benih dan makanan ikan palet yang mana kosnya dijangka terus meningkat.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, bila masuk Melayu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah pengusaha akuakultur, ikan air tawar termasuk ternakan ikan keli di seluruh Negeri Johor berjumlah 258 orang. Ianya melibatkan sejumlah 100, 1,862 buah kolam dengan keluasan keseluruhan berjumlah 280.54 hektar. Pada tahun 2008, pengeluaran ikan air tawar dari akuakultur di seluruh Negeri Johor sebanyak 14,015.24 metrik tan dan anggaran bernilai RM52,337,010.00. Pecahan bilangan penternak, bilangan kolam, keluasan kolam dan jumlah pengeluaran mengikut daerah adalah seperti berikut: di Batu Pahat, ada 10 penternak dengan 30, 324 kolam dan keluasan luas kolam 40.50 hektar dengan jumlah pengeluaran 1,822 metrik tan. Di Johor Bahru, 53 penternak dengan bilangan kolam 259 dan luas kolam 28.47 hektar. Kluang, 46 penternak dengan 409 kolam dan keluasan 64.85 hektar. Kota Tinggi, 52 penternak, 411 kolam dengan 79.6 hektar. Mersing, 30 penternak, 137 kolam, keluasan 19.72 hektar. Muar 29 penternak, bilangan kolam 76 dengan keluasan 13.92 hektar. Pontian, 11 penternak dengan bilangan kolam 111 dengan keluasan 11.27 hektar dan Segamat, 27 penternak dengan bilangan kolam 135 dan keluasan kolam 22.75 hektar.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih atas jawapan yang telah diberi oleh Pengerusi EXCO, cuma saya nak tanya berkenaan dengan pengusaha-pengusaha kecil ikan keli yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha kecil di kawasan perumahan.

Y.B. Dato' Speaker : Itu ikan keli jenis apa Yang Berhormat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada juga ramai.

Y.B. Dato' Speaker : Ikan keli jenis apa?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ikan keli.

Y.B. Dato' Speaker : Dia ada berapa jenis?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya, saya tak pastilah berapa, berapa jenis. Tapi...

Y.B. Dato' Speaker : Ada, ada. *Colour* dia, ada, ada putih, ada hitam. Jadi itu.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Kalau putih pun ada. Hitam pun ada jugalah

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tetapi apa yang saya diperhatikan, ada juga mereka yang menghadapi masalah untuk memasarkan ikan keli ini. Apakah bantuan ataupun cara-cara yang diberi oleh Jabatan Perikanan untuk membantu mereka memasarkan ikan keli yang diternakkan di kawasan perumahan. Sebab mereka dapat bantuan seperti tangki, ada dapat latihan, ada dapat bantuan untuk benih dan sebagainya, tetapi pemasaran menghadapi masalah. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang pengeluaran ikan keli di Johor agak banyak dan meluas. Cuma kita menyarankan agar pengusaha-pengusaha ini, mempelbagaikan produk ikan keli dengan membangunkan produk-produk hiliran. Seperti, menjadikan ikan keli sebagai ikan salai dan ikan keli sejuk beku dengan di campur dengan rempah-rempah. Dan juga, produk-produk yang baru yang sedang dalam penelitian iaitu untuk menjadikan daging ikan keli sebagai bahan otak-otak.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dan pelbagai lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Dah ada otak-otak ikan keli?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Belum, belum ada. Tetapi sedang dirancang supaya, kerana daging ikan keli ini dia tidak ada kanji, jadi perlu dicampurkan dengan ikan daripada laut masin dan akan menjadi penambahan kepada daging dalam *content* otak-otak tersebut. Jadi dengan pelbagai, kepelbagaian produk-produk daripada ikan keli, saya yakin akan secara tidak langsung membangunkan IKS-IKS ini dengan produk-produk ikan keli yang akan dapat memajukan peluang-peluang pasaran untuk ikan keli.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, Pasir Raja, saya kasi.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Dato' Speaker. Melalui Laporan Ekonomi Bajet 2010, data 2/11, pada tahun 2008/9, pengeluaran ikan air tawar daripada 5,000 metrik tan kepada 9,000 metrik tan, satu perubahan yang sangat ketara walaupun musim gawat. Isu sekarang yang di maklum, dimaksudkan oleh Yang Berhormat EXCO, isu komitmen, komitmen daripada penternak sendiri. Tetapi saya nak tahu komitmen daripada agensi-agensi pemasaran dalam negeri ini, yang sepatutnya mengutarakan kaedah-kaedah

yang terkini dan termaju untuk pemasaran ikan keli ini, kerana, Yang Berhormat Dato' Speaker, ramai penternak ikan keli apabila telah lambakan, mereka telah *give up* dan mungkin akan gulung tikar ataupun mereka akan berhenti dalam perusahaan ini. Ini satu perkara yang merugikan. Dan akhir sekali Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) Dia satu aje, mana ada akhir lagi.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Perkara ini penting kerana, kebanyakan orang Johor ni dia tak banyak makan ikan keli. Saya tanya penternak sendiri pun, *you* makan ikan keli, dia kata tak makan, maksudnya, maknanya, mereka tak cukup resipi untuk dihidangkan dalam hidangan mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat makan?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya makan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Jadi, adakah pihak EXCO dan agensi boleh buat pertandingan masak ikan keli supaya...

Y.B. Dato' Speaker : Oh ini dah dua soal.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dapat resipi-resipi diberikan kepada rakyat. Itu saja.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Jabatan Perikanan sedang mempergiatkan untuk mempromosikan resipi-resipi baru untuk ikan keli. Dan dalam pendekatan ini, pihak Jabatan Perikanan dan juga pihak FAMA bekerjasama dalam membangunkan produk-produk dengan membuat promosi dan pameran-pameran, produk-produk ikan keli dengan resipi-resipi yang baru. Insya-Allah dalam sedikit waktu nanti, kita akan buat pameran ataupun buat pendedahan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang resipi-resipi baru, masakan ikan keli.

Y.B. Dato' Speaker : Ok habis masa soalan lisan. Mana soalan-soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat Perbahasan disambung sekarang, jemput. Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Semalam Yang Berhormat dah berucap. Berapa lama semalam dah, 10 minit?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Lima minit, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok lagi 10 minit.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah, hari ini saya dapat menyambung perbahasan dalam Pembentangan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat yang lalu, Khamis yang lalu. Dan antara perkara yang saya sebutkan semalam yang belum sempat saya utarakan, adalah mengenai dengan pembelian rumah murah Taman Mount Austin. Saya telah nyatakan bahawa, rumah tersebut telah dibina oleh Syarikat Khong San pada tahun 2004 dan rata-rata pembelinya adalah mereka yang memerlukan, amat memerlukan rumah, yang bergaji lebih kurang dalam RM3,000.00. Saya mengharapkan agar perkara ini, dapat diambil tindakan segera oleh pihak kerajaan melalui perbincangan dengan pihak pemaju. Kerana kalau kita lihat bahawa, fasa ini telah dibeli sepenuhnya oleh pihak pembeli dan telah dijual oleh pihak pemaju. Di mana, kalau kita lihat projek-projek lain yang berkaitan dengan pembinaan rumah kedai ataupun rumah-rumah yang berharga lebih daripada RM100,000.00 masih dijalankan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi, tidak menjadi masalah sebenarnya untuk mereka menyiapkan cuma mereka hendak ataupun tidak.

Y.B. Dato' Speaker : Dah siap separuh eh, Yang Berhormat? Dah siap separuh ke berapa banyak dah siap?

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Blok 10, 9 dan 10 telah siap 90%. Manakala blok 1, 2,3,4,6, dan 8, 40% hingga 60%, manakala blok 5 dan 7 hanya *foundation* ataupun *form work* yang mereka jalankan. Dan pemantauan saya, saya melihat bahawa, tidak ada pekerja-pekerja di sana. Ini selalunya berlaku. Kalau boleh, kaedah baru diperkenalkan oleh pihak kerajaan melalui perbincangan dengan Kerajaan Pusat. Sebab, untuk memudahkan cara dan memantapkan kerajaan sebagai pemudah cara ini mestilah mempunyai *understanding* yang baik di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Kalau boleh, tetapkan kepada pemaju-pemaju ini, mengutamakan pembinaan rumah murah dahulu sebelum mereka dapat menjalankan pembinaan rumah-rumah ataupun kedai-kedai kepada pembeli-pembeli. Kerana apa, saya melihat bahawa projek terbengkalai ini banyak melibatkan pembinaan rumah-rumah murah. Kerana pemaju biasanya mereka akan membuat rumah-rumah murah ini seperti mana di Austin Perdana juga, pada akhir projek mereka. Dan bila terbengkalai, tak siap, mereka kata, tidak ada untung untuk buat. Maka

diserahkan kepada pihak kerajaan, yang akan ambil alih melalui SPN, Jabatan Perumahan Negara. Dan ini juga akan diambil kesempatan oleh pihak pemaju untuk tidak membangunkan rumah murah di mana hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat di dalam negara kita ini khususnya di Negeri Johor ini memiliki rumah yang mampu mereka miliki. Sekarang ini, saya kita lihat kebanyakan pemaju membebankan mereka dengan *interest* bank dan juga bayaran sewa rumah. Dan perkara ini kalau kita tangguhkan, ia akan menjadi marah kepada mereka yang telah membeli rumah ini.

Begitu juga dalam ucapan saya semalam mengenai dengan PPR Tebrau. Saya nyatakan semalam tentang tempat kumbahan yang perlu disegerakan. Tak payahlah kita tunggu peruntukan dari JPN kalau SUK Perumahan boleh mendahulukan untuk membuat sistem kumbahan atau memperbaiki sistem kumbahan tersebut supaya mereka yang telah menyewa rumah tersebut tidak lagi menghadapi bau daripada limpahan air najis yang keluar di blok mereka. Begitu juga dengan kadar caj air yang sekarang ini mereka terpaksa membayar dengan harga RM1.20 satu metrik kiub. Dan perbincangan telah dibuat di antara penduduk PPR Taman Desa Mutiara dan juga wakil SAJ termasuk TNB dan juga *Management Company*, Munira and Co., wakil Techno Chest dan wakil SUK untuk mereka menurunkan harga dengan kadar bayaran kepada status rumah tangga iaitu RM0.38 per satu metrik kiub. Bila mereka pergi ke pejabat Syarikat Air Johor ataupun mereka-mereka yang berkaitan dengan pemberian air ini, mereka menyatakan bahawa pihak SUK belum lagi membuat permohonan. Kalau boleh, tolonglah disegerakan supaya mereka dapat membayar penggunaan air itu sebanyak RM0.38 per satu metrik kiub.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga kalau kita lihat, dalam kita menjalankan tugas sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Johor, kita boleh memperkatakan tentang perkara-perkara yang melibatkan isu-isu yang berkaitan dengan berbagai-bagai perkara. Antaranya adalah mengenai dengan penangkapan kapal yang dilakukan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, APMM Wilayah Selatan yang dalam masa 2 minggu telah menangkap lebih kurang 14 buah kapal. Perkara ini sebenarnya dah lama, cuma baru-baru ini, penguatkuasaan itu dijalankan dengan begitu efisien dan saya ucapkan tahniah kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Persoalannya, perairan negara kita ini ataupun *Port Water Limit*, adalah di bawah Kementerian Pengangkutan.

Kementerian Pengangkutan juga ada agensinya iaitu Shahbandar dan juga *Johore Port Authority*. Dan Lembaga Pelabuhan Johor telah menswastakan Pelabuhan Johor di mana *pilotage* juga diberi kepada pihak swasta. Lesen STS, *Ship To Ship*, dengan izin diberikan melalui Kementerian Pengangkutan. *Direct Bunkering*, Lembaga Pelabuhan Johor, *Johore Authority, Ship Channeling* pun juga daripada *Johore Port Authority*. Dan pembuangan minyak ataupun penjualan minyak secara curi ini telah melibatkan kerajaan rugi beribu, berjuta-juta ringgit. Dan yang jelas bahawa dalam masa 2 minggu, yang terakhir sekali pada 20 hari bulan, 2 buah kapal lagi, bermula daripada 7 hari bulan November. Bermakna mereka ini telah mengaut keuntungan, di manakah hasil tersebut? Kalau kemasukan warga-warga asing melalui lubang-lubang tikus, penjualan minyak, penjualan air tawar dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan, yang mempunyai hak kepada kerajaan, mereka jual melalui lubang-

lubang tikus. Sebab itu saya cakap, di mana penguatkuasaan? Kalau saya nak nyatakan bahawa kita ada Syahbandar, apakah tugas mereka? Kita ada *Johore Port Authority* yang mengawal selia perairan dan kita ada APMM. Yang saya lihat hari ini bahawa APMM bertindak, berapa besar, berapa luaskah ruang air negara kita ini. Dan adakah kita mahu melihat hasil ini hanya dipungut oleh Kerajaan Pusat dan selebihnya tidak diwartakan ataupun diambil secara mencuri. Bila ditangkap baru kita tahu bahawa ini ada satu kegiatan yang salah. Kotoran sisa toksik dibuang dalam laut yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Johor. Sedangkan Kerajaan Negeri Johor tidak boleh berkata apa-apa kerana itu di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Saya memperkatakan seperti ini kerana tidak ada penyelarasan. Yang menjadi mangsa adalah nelayan. Kalau dulu ada satu ketika semasa salah seorang daripada kita ini menjadi Pengerusi Lembaga Pelabuhan Johor, kapal tenggelam.

Y.B. Dato' Speaker : Erm, tu masa siapa tu? Masa siapa tu kapal tenggelam?

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Masa Dato' Speaker. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya ke? Allah, salah tanyalah.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bila tenggelam, nelayan mengutarakan dan meminta pampasan. Terpaksa rujuk kepada pihak persatuan nelayan melalui Jabatan Alam Sekitar. Bila pihak kerajaan meminta Johor Port Berhad bayar, ditolak kepada *Johore Port Authority*, maka *Johore Port Authority* dengan inisiatif tersendiri dan kebijaksanaan pengerusi ketika itu, dapat diselesaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa pula?

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Sama-sama. Yang penting kita menyelesaikan masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dan saya melihat bahawa, bila diswastakan, kebanyakan pihak-pihak swasta ini lebih menguntungkan, memikirkan tentang keuntungan tanpa memikirkan tentang soal-soal sosial. Mereka akan menidakkan dan menolak perkara-perkara ini kepada pihak-pihak kerajaan. Sebagai contoh, kapal tenggelam tersebut, orang akan bising, yang dia akan salahkan adalah Kerajaan Negeri Johor bukan Kementerian Pengangkutan Malaysia, bukan Johor Port Berhad, tetapi Kerajaan Negeri Johor. Inilah perkara-perkara yang harus kita lihat, jangan terlepas pandang. Kerana soal pentadbiran harus diselaraskan demi masa depan rakyat dan negeri yang kita tadbir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak lagi soal *Rationalization Of Container*, contohnya diwar-warkan oleh Kerajaan Pusat, nak diswastakan dan dialihkan kepada PTP. Benar, satu perancangan yang baik. Tetapi untuk kesan jangka masa panjang saya telah didatangi oleh pengusaha-pengusaha W*arehouse, Shipping Agency, Forwarders.* Mereka tanya dengan saya, betul ke? Saya

cakap, tak ada *news.* Saya *check*. Lembaga Pelabuhan Johor tidak tahu sama ada benda ni akan dilaksanakan atau tidak. Baru perancangan tetapi diwar-warkan oleh pihak swasta. Bagaimana pula *forwarders,* bagaimana pula W*are Housing* yang ada. Bagaimana pula S*hipping Agency* yang terpaksa meningkatkan kos pengangkutan mereka seperti *haulage* dan sebagainya.

Maka, perancangan kerajaan untuk Wilayah Pembangunan Iskandar yang meletakkan bahawa Tanjung Langsat dan juga Pasir Gudang sebagai salah satu daripada wilayah pembangunan itu akan menyebabkan pelabur kurang yakin. Mereka ini telah menjalankan perniagaan daripada Pelabuhan Johor diwujudkan. Suara mereka, pandangan mereka, tidak dapat kita dengar. Bila kita bawa dalam Dewan, dalam soalan, tidak boleh jawab kerana ini adalah berkaitan dengan Pusat. Jadi apakah yang boleh kita lakukan? Kerana ini juga melibatkan pelabur-pelabur yang melabur dalam Negeri Johor. Bila tidak ada *confidence* pelabur dalam pelaburan mereka dalam Negeri Johor, mereka akan berpindah, ke Melaka, mungkin ke tempat lain, sedangkan kita ada banyak infra yang begitu canggih yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dan kita bersaing dengan Singapura. Dan inilah peluangnya untuk kita menarik mereka. Perkara-perkara seperti ini harus dilihat agar pelabur-pelabur ini tetap melabur dalam negeri kita, dalam masa yang sama memberikan pulangan kepada Kerajaan Negeri dan memberikan pekerjaan kepada rakyat yang ada dalam Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bajet yang dibentangkan juga ada menyatakan bahawa 121 sekolah agama akan dibina. Saya tak tahu sama ada termasuk dalam kawasan saya ataupun tidak. Kalau dulu disebutkan bahawa Mount Austin adalah diberikan keutamaan, tetapi sehingga kini belum lagi direalisasikan dan saya mengharapkan agar Sekolah Agama Puteri Wangsa, Sekolah Agama Mount Austin, Sekolah Agama Setia Indah dan Rancangan Tanah Pemuda atau Impian Jaya ini dalam kawasan saya dapat dimasukkan dalam pembinaan sekolah agama sebanyak 121. Saya minta 4 sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Yang mana mustahak tu?

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya minta 4 sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, yang mustahak sekali didulukan.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang mustahak sekali ialah di 3 tempat, di Puteri Wangsa, Mount Austin dan Setia Indah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah. Ini, pengerusi, pengerusi catit nampak. Ada harapan.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Sebab, kawasan yang begitu pesat membangun, sekolah agama yang sedia ada menampung lebih kurang dalam 1,000 ke atas. Yang tidak dapat menampung lagi murid-murid ini, kalau dalam satu kelas 60, 70 orang, macam mana nak belajar. Kalau 20, 30 orang tu, maknanya senanglah untuk mereka belajar dan juga dapat mereka bersama-sama mempelajari pendidikan yang diajar oleh guru-guru mereka.

Dan juga mengenai dengan Rancangan Tanah Pemuda. Dulu, Rancangan Tanah Pemuda ini telah menyerahkan tanah untuk diswastakan dan jadilah Impian Jaya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Masalah yang kita hadapi sekarang adalah Taman Impian Jaya. Keadaan jalan yang tidak diturap, jalan masuk, jalan masuk utama tak ada lampu, lepas tu jalan tanah merah runtuh tidak diperbaiki, penyelenggaraan yang tidak teratur, tak ada sekolah kebangsaan dan jalan berlubang yang tidak diturap.

Y.B. Dato' Speaker : Ni pemaju mana ni?

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya, setahu saya, dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu kawasan saya tu.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dulu, saya tak payah sebutlah Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Oh, dia pemaju dia eh? Ha, ok, oklah. Waktu saya kes ni pun ada.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Sekarang ini telah ditukar kepada pemaju lain.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Persoalannya sekarang, Impian Jaya ini pada peringkat awal mereka kata bawah Majlis Perbandaran Kulai. Saya *check,* Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah. Saya harap perkara ini dapat dilihat dan diselesaikan masalah-masalah yang berkaitan kerana saya tak nak Impian Jaya ini terbiar seperti sebuah taman...

Y.B. Dato' Speaker : Pemaju masih ada lagi tak atau dah hilang?

Y.B. Dato' Haji Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya tak pasti, saya rasa pemaju baru ni pun dah nak lari dah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, oklah, susah juga.

Y.B. Dato' Haji Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Tu belum saya cakap tanah yang kaveat, yang pulangan kedai, yang sampai sekarang pun tak selesai. Penduduk pun tanya. Jadi, saya harap jangan jadi Impian Jaya ini satu taman yang mati kerana dia berada di belakang Rancangan Tanah Pemuda. Kalau boleh, pihak Majlis, kerana saya yakin kemampuan pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah boleh mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat,

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, masa.

Y.B. Dato' Haji Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ha... dah 15 minit.

Y.B. Dato' Haji Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Akhir sekali, ingin saya nyatakan kepada rakan-rakan pembangkang, kita ni kalau *mock cheque* apa semua tu, bukan makna kita hanya gimik, gimik sebagai pemberian, memang *mock cheque* tak laku. Tetapi, akhirnya kita akan serah, sebab kita bertanggungjawab, Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab. Pasal semalam Bentayan dia menyuarakan pandangan bahawa kenapa kasi *mock cheque*, tak perlu. Ini bukan soal nak cari populariti, kalau nak jadi popular pun, pengsan macam mana Dato' Speaker, pengsan sekejap pun, keluar surat khabar. Kita tak dengar kata Speaker pun, boleh jadi popular, kita kasi hamper, ada arak pun jadi popular. Tapi kita bukan nak popular seperti itu, kita nak rakyat tahu bahawa kita bekerja untuk rakyat. (Dewan bertepuk) Bukan kita menuding jari terhadap rakan-rakan kita di dalam kerajaan yang menjalankan tugas. Kadang-kadang sebagai manusia memang ada kesilapan, tetapi jangan terus menuduh. Bila kata Speaker, berhenti, berhenti, kejap lagi saya berhenti Dato' Speaker. Saya tak nak. Saya kena ikut peraturan, kerana itu disiplin diri kita sebab kita boleh membaca, kita boleh dan sebagainya.

Jadi, jangan kita cari kesalahan orang tanpa kita memikirkan tugas dan agenda kita untuk membangunkan negara, itu keutamaan. Bukan keutamaan saya, pembangkang, saya nak jadi popular, saya keluarkan macam-macam. Tidak. Kita semua Wakil Rakyat Barisan Nasional adalah bertanggungjawab untuk melihat kesejahteraan rakyat dan menidakkan perkara-perkara yang tidak benar yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang khususnya DAP. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Ha...ok, ok.

Y.B. Dato' Haji Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Perbahasan diteruskan lagi, siapa yang nak berucap? Mana dia?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Nusajaya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Salam sejahtera, salam hormat dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Alhamdulillah, rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan keberkatan Rasul-Nya pada pagi yang berbahagia ini, saya dapat sekali lagi bersama-sama berkongsi pandangan dan membahaskan ucapan pembentangan Bajet 2010 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah dibentangkan pada 19 Disember yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bajet yang dibentangkan untuk tahun 2010 yang bertemakan, 'Satu Tenaga, Sejahtera Bersama', jelas menunjukkan hasrat Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman mahukan seluruh kakitangan kerajaan dan rakyat tanpa mengira pangkat dan kedudukan untuk bersama-sama bersatu tenaga untuk kesejahteraan bersama sesuai dengan gagasan "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah membawa pembangunan di Iskandar Malaysia khususnya di kawasan Nusajaya, kawasan yang ada sekarang ni.

Sokongan kuat daripada pihak Kerajaan Pusat melalui syarikat-syarikat GLC amat-amat dihargai. Dengan strategi-strategi yang dirangka untuk tahun 2010, saya yakin dan percaya, Kerajaan Negeri akan dapat terus memakmurkan rakyat Negeri Johor dengan adanya projek-projek seperti *Puteri Harbour, Legoland, Malboro College,* Perumahan Medini, hotel-hotel dan banyak lagi yang akan dibangunkan di kawasan Nusajaya. Ini adalah, akan menjadi satu sejarah yang mana akan kita lihat pada hari ini kawasan-kawasan pembangunan yang begitu teratur, terancang menyebabkan pelabur-pelabur akan ramai datang ke Nusajaya khasnya.

Sudah pasti apa yang dibentangkan dalam Bajet 2010 nanti akan meningkatkan ekonomi Negeri Johor ke paras 6 ke 7% pada tahun hadapan seperti yang dijanjikan. Inilah usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman untuk memajukan negeri, Negeri Johor agar menjadi sebuah negeri yang maju.

Kita bukan pandai cakap aje, kita cakap, kita bikin. Apa yang telah kita lihat pada hari ini, kenyataannya, dalam masa beberapa tahun sahaja kita telah nampak pelaksanaannya. Lainlah seperti yang telah kita dengar daripada parti-parti lain. Dia pandai mencari kesalahan sahaja. Kesalahan-kesalahan yang tak salah, dia cari juga untuk mengelirukan masyarakat dan rakyat demi kepentingan politik mereka. Kita buat pembangunan yang begitu terancang, teratur, katanya membazir...

Y.B. Dato' Speaker : Hmm...

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kalau kita tak buat, kata dia tak ada pembangunan. Apa ni Kerajaan Barisan Nasional tak buat pembangunan, pemimpin kita lemah dan sebagainya. Inilah, sepatutnya kita pada hari bersama-sama untuk memajukan negeri kita...

Y.B. Dato' Speaker : Hmm...

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Parti lain pun duduk dekat negeri kita juga, jadi kita sama-sama memajukan. Kalau ada apa-apa permasalahan, kita buat secara yang mendatangkan faedah bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih atas sokongan kerajaan dan syarikat GLC yang telah banyak membantu dan bekerjasama untuk meningkatkan masyarakat sekeliling seperti menyediakan pintar belajar, menjadikan anak-anak angkat beberapa sekolah dalam kawasan Nusajaya, pintar al-Quran, melatih belia-belia lepasan SPM dan belia-belia Orang Asli juga kita latih melalui Akademik Binaan Malaysia, dengan melatih mereka-mereka ini dalam bidang pembinaan. Kalau dulu dia tak pandai apa, Orang Asli kita ajar dia, macam mana nak potong tanah, macam mana nak bancuh simen, macam mana nak buat rumah, kita bantu mereka-mereka ini supaya mereka juga menjadi rakyat yang berguna macam kita juga. Ini semua adalah di atas tajaan IRDA. Usaha ini kita kena teruskan supaya kita sama-sama dapat menikmati pembangunan yang ada dalam kawasan Iskandar Malaysia dan khasnya di kawasan Nusajaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun kita perlu pastikan, kadang-kadang kita dah ajar mereka ni, kita dah latih, tapi kita kurang memberi perhatian kepada mereka. Kalau perlu, mereka-mereka ini kita ambil, kita tentukan mereka ini dibagi kerja. Kalau minta projek, kita bagi projek ini supaya kita dapat melihat sendiri, apa-apa yang kita telah ajar tadi mendatangkan faedah kepada mereka-mereka ini untuk meningkatkan ekonomi-ekonomi yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara-perkara yang perlu dipertingkatkan juga, perlu disegerakan di kawasan Nusajaya ini. Sebagai contoh yang nak saya beritahu perkhidmatan awam. Sekarang kita banyak dapat rungutan daripada mana-mana pihak, nak pergi ke Kota Iskandar nak berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan, *complaint* dengan kita, beritahu, mana perkhidmatan awam? Nak naik teksi, mahal. Bas tak ada. Jadi, saya berharaplah kepada kerajaan supaya perkara ini perlu disegerakan.

Y.B. Dato' Speaker : Teksi mahal ke Yang Berhormat? Teksi sampai sini berapa?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sampai sini lebih kurang RM30.00 kalau daripada Johor Bahru. Kalau macam kita ni ok jugak, tapi kalau macam rakyat biasa ni, RM30.00 pergi, RM30.00 balik kerana nak cuma nak tukar nama aje, jadi saya haraplah perlu kita segerakan supaya mereka-mereka ini mendapat keselesaan apabila berurusan di Kota Iskandar.

Walau macam mana pun bukan sahaja kepada mereka-mereka yang berurusan, kadang-kadang mereka yang ada dekat sekeliling ni pun tak tahu. Kita dah ada *Puteri Harbour* yang kita boleh lihat pada hari ini. Kadang-kadang kalau kita dah pergi dekat *Puteri Harbour* tu, kita nak pergi Danga Bay, kita boleh sewa bot untuk kita sampai ke Danga Bay, untuk melihat sendiri kawasan perairan kita yang berhampiran dengan...

Y.B. Dato' Speaker : Mahal Yang Berhormat, sewa bot ni berapa?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sewa bot murah sahaja, kalau dia dalam satu yang 12 orang tu, saya rasa dalam RM20.00 aje.

Y.B. Dato' Speaker : Seorang?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Seorang. Itu untuk makan angin bukan untuk berurusan apa-apa, untuk kita merelaks-relakskan…

Y.B. Dato' Speaker : Minda kita...

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ya, pandai.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Begitu juga dengan masjid. Kadang-kadang ada orang datang, pelancong-pelancong datang, mana ni Masjid Kota Iskandar, kata nak dibina bersama-sama dengan pusat pentadbiran yang ada. Jadi, kebanyakannya, permasalahan yang remeh-temeh ini semua saya nak kena jawab. Jadi, hari ini saya menyerulah kepada pihak pentadbiran Nusajaya ini…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ni macam anulah, EXCO Nusajayalah, ha'ah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Lebih kuranglah.

Y.B. Dato' Speaker : Betullah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tapi tak ada jawatan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak kisahlah, kita letak sendiri.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ada kuasa tapi bolehlah, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, nak masjid, Yang Berhormat setuju nak bina segera ke?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ya, kalau boleh kita segerakan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, saya takut kalau masjid dekat sebelah ni, tak ada orang.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sebab sekurang-kurangnya kalau ada masjid, kalau kita lihat macam dekat Putrajaya, boleh juga dijadikan tempat-tempat pelancong untuk melihat kebesaran-kebesaran kita, lebih-lebih lagi Kota Iskandar ini baru diwujudkan. Mudah-mudahan dengan kita sembahyang dekat dalam masjid tu, dapat mendoakan supaya

pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan begitu baik dan lancar.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, orang belum ramai la Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Orang belum ramai.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kita nampak belum ramai, Yang Berhormat Dato' Speaker sebab kawasan ni luas.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tulah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tapi, kalau kita tengok betul-betul, pembangunan yang di sini, kalau kita kira kehadiran pelancong, kehadiran kawan-kawan kita dalam kawasan Negeri Johor ni, kita tengok dah ramai dah, kerana satu pembesaran daerah. Kalau dulu kita tengok Johor Bahru cuma dekat kawasan Yang Berhormat Dato' Speaker sahaja. Kita pergi Jalan Kolam Air, kita pergi bandar, itu sahaja. Tapi hari ini kalau kita lihat usaha-usaha kerajaan untuk membesarkan Bandar raya Johor Bahru, kita dah sampai ke Kota Iskandar pula, dekat Nusajaya ni. Kalau dulu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tengok kawasan yang kita duduk ni dulu saya rasa pernah saya nyatakan kawasan ni harimau banyak ni. FELCRA, Estet, tak ada sapa yang nak masuk melainkan orang-orang pekerja Estet sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ada ke Yang Berhormat, harimau, dulu?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Banyak Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Mana dia pergi?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak tahulah, mungkin dah seberang *Singapore* ke, dia masuk dekat zoo. Jadi, hari ini kita sudah nampak untuk pembesaran daerah Johor Bahru sudah jelas kalau pelancong-pelancong atau rakan-rakan kita daripada luar negara atau dalam negeri datang, dia dah banyak tempat-tempat yang dia nak lihat. Kalau kita tengok perancangan kita hari ini, kita pergi dekat kilang-kilang, satu tempat kilang-kilang sahaja. Taklah macam kawasan-kawasan yang lama seperti rakan kita daripada Puteri Wangsa tadi. Kalau taman perumahan dengan padat tetapi kita merancang dengan, saya rasa dengan perancangan yang boleh kita beri sokongan kerana perancangan yang begitu teratur. Begitu juga kalau kita lihat bila dah perancangan teratur, orang ramai nak datang infrastruktur pun perlu kita *upgrade* kan di kawasan-kawasan kampung, kerana tak jauh. Kalau kita pergi seberang sana saja terpencil satu Kampung Sungai Melayu, itu sahaja yang ada, orang Melayu yang ada dekat Nusajaya itu saja. Sungai Melayu tinggal sungai saja. Begitu juga kalau kita pergi sebelah belakang ini kampung-kampung, bermacam-macam kampung ada, kampung asal.

Jadi saya berharaplah supaya jalan-jalan kampung, sistem perparitan, sistem segala-galanya dapat diatasi seimbang dengan pembangunan yang ada dalam Kota Iskandar ini. Dan kalau kita lihat jalan-jalan utama juga daripada Ulu Choh bawa pergi ke Skudai kita lihat dah sesak dah kerana pemaju ni sekarang dia *attack* tempat-tempat yang jalan utama. Kerana tempat-tempat ini, kawasan-kawasan inilah yang mereka boleh membangunkan untuk menjual rumah-rumah mereka. Jadi sudah padat. Kalau pagi antara *traffic light* dengan *traffic light* dia dah cantum dah. Jadi saya cadangkan sekali lagi supaya simpangan bertingkat ke, jalan Linkedua ke Kangkar Pulai dapat dilaksanakan dengan bantuan-bantuan Lembaga Lebuh raya dan sebagainya. Ini juga akan mengurangkan kesesakan-kesesakan lalu lintas dan boleh memberi lebih ramai lagi pengunjung-pengunjung untuk datang ke Pusat Pentadbiran kita untuk melihat sendiri bagaimana kecanggihan yang kita laksanakan pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bab kesesakan, dalam bab infrastruktur, kecanggihan kita masalah pekerja asing ini juga perlu kita atasi. Masalah pekerja asing ini yang saya nak cakap adalah pekerja asing yang ada bekerja di kilang-kilang di dalam kawasan Nusajaya ini supaya dapat diatasi semoga mereka ini jangan kita dedahkan tanpa kita awasi tanpa kita kawal agensi-agensi ini menyewa rumah di taman-taman perumahan sehingga taman-taman perumahan kita lihat kawasan-kawasan tersebut menjadi masalah kepada masyarakat tempatan.

Jadi saya ucapkan syabas dan tahniahlah kepada Iskandar Investment Berhad yang akan mengambil pekerjanya seramai tak kurang daripada 5,000 tetapi mereka ini telah membuat satu asrama pekerja asing dengan bajet yang berjuta-juta ringgit kerana menempatkan pekerja-pekerja asing ini dalam kawalan yang selesa. Jadi kalau Iskandar Investment Berhad, dia nak bangunkan Medini dia boleh letakkan pekerja-pekerja asing dia seramai 5,000, kenapa kilang-kilang yang ada dalam kawasan Nusajaya ini tak boleh ke dia letakkan pekerja-pekerja dia di dalam asrama-asrama yang ditetapkan oleh Wilayah Iskandar Malaysia. Kerana saya juga bersama-sama Wilayah Pembangunan Iskandar telah meninjau beberapa kawasan yang boleh dijadikan asrama pekerja asing ini. Contohnya, di Skudai, kita ada satu bekas asrama UTM. Kawasan itu kawasan terkawal dan di kawasan itu pula pihak-pihak pekerja asing duduk dekat dalam tu. Bila nak keluar kena bagi tahu ada dia punya keselamatan dia dan dalam tu semua ada. Jadi sekurang-kurangnya pekerja-pekerja asing ini apabila dikawal dia tidak akan bersepah merata-rata di kawasan perumahan. Jadi ini semua adalah satu usaha-usaha yang perlu dilaksanakan daripada sekarang supaya pekerja-pekerja asing ini jangan menjejaskan pembangunan yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah 15 minit.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sikit lagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Banyak lagi ni tapi saya potong sikit-sikitlah.

Y.B. Dato' Speaker : Potong banyak.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Saya juga mengucapkan tahniah kepada jabatan-jabatan yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Contohnya, Yayasan Pembangunan Keluarga pada hari ini kita lihat sentiasa mengadakan ceramah-ceramah agama dan JKM Jabatan Kebajikan Masyarakat, KEMAS yang peka dengan masalah-masalah kemiskinan yang selalu turun padang untuk memberi bantuan kepada mereka-mereka yang memerlukan. Semoga dengan kehadiran-kehadiran mereka turun ke padang dapat menghapuskan kemiskinan-kemiskinan yang ada di dalam kawasan-kawasan luar bandar.

Begitu juga kalau kita lihat pada hari ini Jabatan Belia Dan Sukan yang telah membina beberapa padang futsal di kawasan-kawasan bandar dan kampung untuk menjadikan tempat ini sebagai aktiviti harian belia-belia supaya menjauhi daripada dadah dan sebagainya. Ini juga saya rasa, apabila peningkatan demi peningkatan kita pun dapat melihat penurunan-penurunan kadar belia-belia yang ketagih dengan dadah. Kita tengok dah kurang dah. Jadi usaha-usaha ini saya harap khasnya agensi-agensi kerajaan kita kena terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita. Semboyan dah dibunyikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita terus melaksanakan supaya kita juga dapat mengatasi masalah-masalah yang ada dalam negeri kita.

Dan, begitu juga kalau kita lihat hari ini ada satu masalah pula. Apa yang telah dinyatakan oleh EXCO Belia dan Sukan sebentar tadi satu pembangunan bola sepak yang ada dalam Negeri Johor ini. Ini Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dulu saya dah cakap, apabila Persatuan Bola Sepak Johor ini dipimpin oleh satu badan korporat maka hari ini sudah macam-macam terjadi pula. Peletakan jawatan dan sebagainya. Jadi saya berharaplah kepada kerajaan supaya kena bantu, ini persatuan ini untuk kita bangunkan bola sepak, untuk kita bangunkan anak-anak muda, anak-anak belia kita perlu bola sepak ini kita teruskan, dan saya berharap supaya…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ni Jawatankuasa eh, pasukan bola sepak?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Jawatankuasa bebas, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tak kisahlah, dalam Jawatankuasalah?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Memang selekehlah. Ah…betul, oklah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tapi masalah ini masalah pentadbiran. Bila pengurus dia letak jawatan, apabila, ini berpunca kalau kita

lihat berpunca daripada PBT Pasir Gudang. Apabila PBT Pasir Gudang diambil alih oleh Kerajaan Negeri Johor dekat situ mulalah..

Y.B. Dato' Speaker : Ah..yalah, oklah, tak apalah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kita tak payah cerita panjanglah. Kita tengok presiden dia adalah CEO salah satu syarikat Johor Corp. Naib Presiden dia, dia pun letak jawatan. Bila letak jawatan yang bawah ni nak jadi apa?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ambil alih ajelah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Insya-Allah, kalau di sepatah kata Yang Berhormat Dato' Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan tadi "Ini jodoh pertemuan kan" kalau saya ditakdirkan untuk …

Y.B. Dato' Speaker : Kahwin dua, apa nak buatkan? (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Menjadi, saya akan cuba sedaya upaya saya demi kepentingan masa depan anak-anak muda, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…yang bukan ini, saya ingat kahwin dua.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Oh tidak.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, takut eh?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Saya takut, saya tak takut, tapi...

Y.B. Dato' Speaker : Dahlah bukan takut, seram sejuk aje. Oklah. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita teruskan…

Y.B. Dato' Speaker : Bukan terus, dah nak habis ni.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ya, ya, dah nak habis dah. Saya ambil sikit saja lagi. Sebelum saya akhiri, begitu juga saya berharap kepada kerajaan melalui EXCO Agamanya supaya lihatlah masjid-masjid dan surau-surau yang kita lihat pada hari ini dalam lawatan kita, lawatan tarawih baru-baru ini kita tengok ada surau yang bocor, ada masjid yang perlu kita bantu, kita kena bantu, kerana ini adalah satu-satunya amalan yang perlu kita laksanakan, jangan kita biarkan, banyak yang uzur, bocor dan sebagainya. Jadi saya berharaplah kalau saya nak cerita pasal pembinaan surau dan sebagainya ni ada juga jawapan yang dah diberikan kepada saya tapi sampai sekarang surau tersebut pun tak dibina …

Y.B. Dato' Speaker : Banyak duit wakaf Yang Berhormat? Tu bagus minta. Duit wakaf masjid banyak dengan surau.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Wakaf masjid, kalau dekat masjid saya rasa …

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, bukan, masjid yang bawah kerajaan. Jabatan Agama, duit wakaf banyak.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Itu kena tanya dengan EXCO Agamalah Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, saya suruh Yang Berhormat minta dia. Yang Berhormat tadi minta duit.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Saya rasa banyak. Kalau tak banyak pun saya rasa peruntukan-peruntukan boleh disalurkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, minta dia.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Akhir…

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Akhir sekalilah..

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah…

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Akhir sekali saya mengucapkan banyak terima kasih dan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah membawa pembangunan yang besar ke kawasan Nusajaya ini. Mudah-mudahan apa yang kerajaan rancang dalam Bajet 2010 ini akan berjaya dan terlaksana demi kesejahteraan rakyat, insya-Allah. Sokongan daripada jabatan-jabatan Kerajaan juga perlu supaya penyampaian ke akar umbi dapat dilaksanakan.

Akhir sekali saya nak bagi satu pantunlah kepada Yang Berhormat Dato' Speaker.

Petang hari ke Putri Harbour,
Melihat matahari di ufuk timur;
Nusajaya tempat tarikan pelabur,
Tanda Johor selamat, aman dan makmur.

Dengan ini Nusajaya menyokong usul rundingan yang dibawa oleh ADUN Senggarang. Sekian sahaja, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Fuh! Aman. Jemput, diteruskan lagi perbahasan, siapa nak berucap? Ah, Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia saya

ucapkan kepada semua yang ada di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkanlah ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi keizinan dan juga kesempatan kepada saya untuk menyertai perbahasan bagi menyokong usul sokongan pembentangan Bajet Negeri Johor Tahun 2010 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Negeri Johor bagi tahun 2010 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dengan bertemakan 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama' adalah merupakan satu hadiah bagi rakyat negeri ini khasnya yang amat bermakna dan wajar dimanfaatkan sepenuhnya. Bajet ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemudahan awam sebagai kesinambungan dan pendekatan pembangunan holistik yang telah diamalkan oleh Kerajaan Negeri selama ini. Ianya juga memperlihatkan dan kesungguhan Kerajaan Negeri Johor untuk memberi keutamaan dalam usaha membantu dan menjaga kebajikan rakyat selaras dengan ucapan slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Saya penuh yakin dan percaya, rata-rata rakyat Negeri Johor ini menyambut baik terhadap Bajet yang di bentang itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika dikupas mengenai tema bajet kali ini ia memberi pengertian bahawa Kerajaan Negeri Johor sentiasa mahukan rakyat bersatu dan menggembleng tenaga dengan kerajaan agar matlamat ke arah pencapaian sesuatu itu yang dirancang dari segi pembangunan, kemudahan sosial, pelajaran dan sebagainya dapat dinikmati dan dimanfaatkan demi kesejahteraan bersama. Bajet Negeri Johor bagi Tahun 2010 juga dirasakan bukan sahaja memberi fokus kepada golongan yang berpendapatan rendah dalam usaha untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka tetapi saya berpendapat ianya adalah untuk seluruh masyarakat yang ada di negeri ini, bukan itu sahaja malahan pembentangan bajet kali ini yang banyak memberi faedah kepada rakyat dirasakan sesuai dan tepat pada masanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara semasa dan juga tentang masalah-masalah dalam DUN Pengkalan Rinting. Saya berharap agar dapat diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian ke atas perkara kebanjiran para Sami dari negara luar baik lelaki mahu pun perempuan, yang datang ke Johor Bahru dan menyamar sebagai Sami semata-mata untuk merayu dan juga mengumpul derma dengan berkunjung ke kedai-kedai serta taman-taman perumahan di daerah Johor Bahru setiap hari. Keadaan ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan para peniaga kedai mahupun penduduk kaum Cina khasnya kerana setahu mereka perbuatan tersebut adalah menyalahi dan mencemarkan imej serta kepercayaan masyarakat Cina keseluruhannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ini…ini apa Yang Berhormat? Ugama yang anu ini apa, Sami?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ini Buddha.

Y.B. Dato' Speaker : Buddha?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ha, Buddha.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Serta kepercayaan masyarakat Cina keseluruhannya. Selain mengganggu perjalanan perniagaan dan juga imej Bandar Johor Bahru dari sudut dan pandangan pelancongan. Saya berharap pihak Agensi Kerajaan atau mana-mana pihak yang berkenaan dapat memberi perhatian serta mengambil apa jua tindakan untuk menahan dan juga mendakwa mereka yang menjalankan kegiatan ini. Selain daripada itu, saya juga menyarankan supaya denda atau *penalty*, dengan izin dikenakan ke atas mereka. Seandainya jumlah denda yang sedia ada terlalu kecil maka mereka boleh membayar dan juga kegiatan meminta akan terus berulang tanpa berkesan. Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya pindaan kepada Undang-Undang berkaitan dengan ini dipinda dengan menetapkan jumlah denda yang tinggi agar mereka serik dan tidak akan melakukan atau mengulangi perbuatan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini juga, ingin saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan yang telah mengambil kira, yang telah mengambil daya usaha serta tindakan bagi membantu golongan rakyat yang memerlukan apa jua bantuan. Sebagai contoh projek *e-Cari* yang diperkenalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat telah banyak membantu golongan yang memerlukan bantuan kerajaan. Namun demikian, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sungguhpun ramai di kalangan rakyat yang telah dapat menikmati kemudahan ini, akan tetapi masih terdapat juga golongan ibu-ibu tunggal yang menyuarakan permohonan mereka tidak layak mendapat bantuan kecuali jika mempunyai anak, kalau tak ada anak, tak ada bantuan. Saya difahamkan bahawa ibu tunggal yang mempunyai anak akan dipertimbangkan untuk mendapat bantuan bagi kanak-kanak sebanyak RM100.00 seorang dan hak maksima yang diberi adalah sebanyak RM450.00 tertakluk kepada bilangan anak. Dalam hubungan, ini sekira seorang ibu tunggal mempunyai seorang anak maka beliau layak mendapat hanya RM100.00 sahaja. Sedangkan peranan serta tanggungjawab ibu tunggal amat besar untuk menyara kehidupan dengan jumlah sebanyak itu yang dianggap tidak mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apatah lagi jika ibu tunggal tersebut tiada sumber pendapatan lain. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, agar ibu-ibu tunggal yang berkelayakan mendapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat ini diberi tambahan sebanyak RM300.00 lagi sepertimana bantuan yang diberikan kepada warga tua yang berkelayakan. Dengan cara ini ianya bukan sahaja dapat meringankan bebanan yang ditanggung oleh ibu tunggal tersebut malahan nasib serta keluhan mereka dapat dibela sepenuhnya dalam keadaan yang sedemikian buat seketika.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi pertumbuhan ekonomi di kalangan para peniaga di Bandar Johor Bahru, pada hari ini di dapati kurang

menggalakkan. Ini berikutan laluan kenderaan sejak CIQ dibuka, pengguna tidak melalui laluan Pusat Bandar serta kurangnya tumpuan orang ramai atau pengguna di Pusat Bandar ini. Kebanyakan penumpang bas dari negara jiran yang memasuki negara ini melalui Tambak Johor tidak dapat singgah kerana laluan diubah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya selaku Wakil Rakyat DUN Pengkalan Rinting ingin mengemukakan satu cadangan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi serta menggalakkan perniagaan yang sedia ada, saya meminta jasa baik dan pertimbangan ke atas pindaan kadar bayaran lesen iklan oleh pihak MBJB supaya dapat memberikan pengecualian ke atas bayaran tambahan lesen iklan untuk tahun 2009 yang dikenakan kepada para peniaga-peniaga berikutan pemantauan serta kajian semula yang dilakukan oleh pihak MBJB baru-baru ini. Lesen iklan kedai-kedai di Bandar Johor Bahru sejak tahun 2000 hanya dikenakan bayaran sebanyak RM45.00 untuk setiap kedai dengan tidak mengira kedai tersebut menggantung beberapa banyak papan iklan. Seperkara, mengenai perangsangan pertumbuhan ekonomi, minta maaf ya…

Y.B. Dato' Speaker : Apa? Salah apa?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Salah ambil muka surat.

Y.B. Dato' Speaker : Itu mana saya tahu, Yang Berhormat tak payah cakaplah, saya pun tak perasan.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Disambung semula Yang Berhormat Dato' Speaker… (Ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Dia mengaku dia punya salahlah, bagus jugalah kena *jail* terus.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, akan tetapi baru-baru ini semua kedai peniaga di Bandar Johor Bahru telah menerima surat dari pihak MBJB dengan memberi tahu bahawa lesen iklan mereka dinaikkan dari RM45.00 kepada RM100.00 bagi setiap papan iklan yang telah digantung dikuatkuasakan mulai tahun 2009. Menurut pendapat dan pandangan para peniaga ini, bayaran yang dikenakan amatlah membebankan serta di luar jangkaan dan seandainya mereka merangka mengenai perubahan pengecualian bayaran lesen iklan ini terlebih awal, maka mereka bersedia menurunkan iklan yang tidak diperlukan. Dengan ini Kerajaan Negeri Johor sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab perlulah mengambil perhatian serius tentang perkara ini. Dan saya mencadangkan agar kadar bayaran lesen iklan dikekalkan pada RM45.00 bagi setiap iklan yang digantung dan juga mencadangkan supaya bayaran lesen iklan untuk semua iklan yang telah digantung dapat diambil kira berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010 iaitu tahun depan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cadangan kedua pula adalah diharapkan pihak kerajaan dapat menimbangkan semula untuk membuka semula jalan lama di Tambak Johor bagi membolehkan para pengguna singgah di Pusat

Bandar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan dan melancarkan lagi peluang aktiviti peniaga di Pusat Bandar ini. Seperkara mengenai perangsangan, pertumbuhan ekonomi dan aktiviti perniagaan di Pusat Bandar ini saya ingin menyentuh perkara mengenai ruang letak kereta di Pusat Bandar, Johor Bahru. Rungutan masih lagi kedengaran di kalangan masyarakat mahupun pelawat yang hendak berurusan berniaga di kawasan ini mengenai kurangnya ruang tersebut. Ini disebabkan kebanyakan mereka yang bekerja di seberang tambak meletakkan kenderaan sepanjang hari ini di petak ruang kereta yang telah sedia ada. Perkara ini menyebabkan kesulitan bagi yang lain untuk menggunakannya. Saya ingin memberikan contoh iaitu di Melbourne, Australia, kebenaran meletak kenderaan di petak awam dalam Bandar adalah dihadkan masa iaitu tidak melebihi satu jam bagi setiap kali meletak kenderaannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti contoh di Sabah pula iaitu di Kota Kinabalu, kadar yang dikenakan bagi setengah jam pertama adalah RM0.27 dan akan dinaikkan kadar bayaran semakin lama meletak kenderaannya. Jika untuk satu hari, pemilik kenderaan dikenakan lebih kurang RM30.00 sehari. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya kadar bayaran yang sedia ada di kawasan pusat bandar dikaji semula bagi tujuan mengatasi masalah kekurangan ruang letak kenderaan dalam bandar ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh lagi tentang kemelesetan ekonomi yang sedang melanda akibatnya kejadian jenaya…

Y.B. Dato' Speaker : Jenayah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Jenayah, *sorry,* minta maaf.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Seperti rompakan, pecah rumah, samun dan juga sebagainya sering berlaku di kawasan perumahan dan kawasan lain yang sentiasa menjadi kebimbangan kepada rakyat. Tidak dinafikan bahawa pihak Polis telah mempertingkatkan rondaan dan usaha membanteras kegiatan jenayah. Namun, kejadian jenayah tersebut masih lagi belum dapat dibendung sepenuhnya buat masa ini. Sehubungan dengan itu, pertubuhan kawasan Rukun Tetangga di sesuatu kawasan perlulah digalakkan dan diperbanyakkan. Melalui menganjurkan program dan kegiatan kejiranan lestari oleh kawasan Rukun Tetangga tersebut, penduduk-penduduk dalam kawasan Rukun Tetangga akan dapat memahami atau mengenali penduduk setempat iaitu mewujudkan jaringan kerjasama yang bersepadu dan ini akan dapat membantu pihak Polis dalam membendung kegiatan jenayah di kawasan itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, KRT juga boleh menjadi mata dan juga telinga dan juga rakan Polis dalam segala kegiatan keselamatan dan juga sosial masyarakat. Saya berasa gembira mendengar dari segi mengurangkan kadar jenayah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, semasa membentangkan Bajet 2010 telah memaklumkan iaitu Kawasan Rukun Tetangga telah

menubuhkan SRS iaitu satu Skim Rondaan Sukarela yang akan dapat menjaga keselamatan di kawasan Rukun Tetangga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu saya mencadangkan pihak Kerajaan Negeri Johor dapat menyalurkan peruntukan tambahan untuk Kawasan Rukun Tetangga menjalankan kegiatan kejiranan lestari, mahupun pertubuhan SRS atau pembinaan pusat aktiviti supaya matlamatnya dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak kebelakangan ini rungutan dan rasa tak puas hati di kalangan rakyat mengenai tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani masalah aduan yang dikemukakan oleh pengadu dianggap lambat dan kurang memuaskan. Masalah-masalah aduan tersebut seperti jalan rosak, berlubang, parit pecah dan sumbat, lampu tidak menyala, sampah sarap tidak diangkat, pokok berbahaya, tidak dicantas atau ditebang, padang permainan kanak-kanak tidak dipantau kemudahannya dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya satu pasukan khas ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bertujuan untuk memantau dan juga memastikan bahawa setiap aduan seperti dinyatakan tadi itu diberi perhatian serta tindakan diambil secepat mungkin. Dengan adanya pasukan khas ini, pihak berkenaan tidak perlulah menunggu aduan didatangi dan bolehlah melaksanakan apa jua yang patut dilakukan. Pasukan khas ini perlulah menjalankan rondaan pada setiap hari dalam kawasan PBT berkenaan bagi mengenal pasti dan menambah baik perkhidmatan yang disediakan selaras dengan slogan kerajaan iaitu Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, dah 15 minit.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ada lagi dua, tiga perkara penting lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Aduh, sebutlah perkara yang penting tu. Ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang terletak di Jalan Yahya Awal adalah merupakan satu-satunya sekolah yang terdapat di kawasan DUN Pengkalan Rinting. Dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sekolah tersebut tidak dapat menampung keperluan serta permintaan di kawasan, di kalangan ibu bapa yang mahu anak-anak mereka belajar di sekolah jenis tersebut. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Jalan Yahya Awal ini telah dibina pada tahun 1970 dengan mempunyai murid seramai 850 orang pada masa sekarang. Sekolah ini juga menghadapi kekurangan bilik darjah pada masa sekarang. Kebanyakan ibu bapa yang tinggal berjauhan terpaksalah mengeluarkan perbelanjaan yang lebih untuk menghantar anak mereka yang sedang belajar di sekolah yang sedia ada, sedangkan kebanyakan mereka adalah terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah dan mempunyai tanggungan yang ramai. Saya mencadangkan di sini supaya diberi pertimbangan untuk pembinaan sebuah lagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil didirikan di kawasan Taman Bukit Indah yang kini bilangan penduduk kaum India yang semakin meningkat ketika ini.

Oleh yang demikian, saya berharap perkara ini diberi pertimbangan oleh pihak kerajaan, baik Kerajaan Negeri Johor mahupun Kerajaan Pusat khasnya dalam memenuhi permintaan rakyat.

Kampung Skudai Kiri, Kampung Pasir dan juga kampung di sekitar kawasan berhampiran termasuklah Kampung Pengkalan Rinting mahupun Kampung Serdang Baru dan juga Kampung Seri Jaya adalah didapati benteng penahan Sungai Kempas yang didirikan sering runtuh dan mengakibatkan air melimpah serta melakukannya banjir kilat. Baru-baru ini, penduduk di kawasan Kampung Skudai Kiri dan juga Kampung Pasir, Kampung Seri Jaya, Kampung Seri Serdang Baru dan juga Kampung Pengkalan Rinting telah mengalami keadaan banjir tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian, dalam Dewan yang mulia ini, saya memohon pihak Jabatan Pengairan dan Saliran dapat membuat pemantauan di samping menambahkan lagi peruntukan bagi membaiki dan juga meninggikan benteng penahan Sungai Kempas tersebut bagi mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini sebilangan penduduk Pengkalan Rinting Baru telah mendapat TOL ke atas tanah yang didiami. Namun begitu, mereka yang tinggal di sebelahan seperti di Kampung Brunei, Kampung Pasir Lama, telah diberi hak milik oleh kerajaan. Oleh yang demikian, di dalam Dewan yang mulia ini, saya berharap mereka yang tinggal di Pengkalan Rinting Baru ini dapat memohon dan juga dipertimbangkan untuk mendapatkan status hak milik. Adalah dianggarkan seramai lebih kurang 100 penduduk masih belum dikurniakan hak milik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingat perlulah saya ambil kesempatan ini untuk memberikan sedikit penjelasan tentang bantahan pembinaan menara telekomunikasi ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, surat yang saya berikan pada 11 Mei tahun 2009 menyokong pembinaan bukan untuk membina menara telekomunikasi ini. Dalam surat saya jelas, sebab saya telah memaklumkan bahawa pihak MPJBT akan membina satu lampu berlimpah, satu lampu limpah pelbagai jenis guna …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sokong apa?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tak, dia dalam permohonan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, dia tak sebut hendak membina menara telekomunikasi, dia sebut hendak membina lampu limpah ..

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Pelbagai guna setinggi 28 meter. Saya sini juga ada surat untuk membuktikan bahawa pihak MPJBT juga menyatakan dalam mesyuarat itu, MPJBT meneruskan membina satu lampu

limpah pelbagai guna setinggi 28 meter. *So*, YB DUN Pengkalan Rinting memberikanlah sokongan bukanlah untuk membina menara komunikasi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Oklah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : *So,* ini adalah salah, salah kefahaman, *so,* saya perlulah memberikan penjelasan…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, tak apa…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tapi bila saya nampak apa ini, lampu limpah yang didirikan ini sudah jadi menara telekomunikasi, *so,* saya perlulah membantah, mengikutlah penduduk. Sebab kita kena memahamkan apa ini, menara telekomunikasi ini setinggi 28 meter. Ini ialah kawasan permainan kanak-kanak …

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Ha, yalah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Jika kalau satu hari menara telekomunikasi ini jatuh, jatuh sekarang negara kita ini sudah berlaku, berapa bangunan jatuh juga. Betul?

Y.B. Dato' Speaker : Betul.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : *So,* kita pun tak sangka menara telekomunikasi ini pada satu hari pun boleh jatuh …

Y.B. Dato' Speaker : Tak tahu cakap apa lagi, jawab aja ye ajalah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tapi ini kawasan permainan kanak-kanak. Ramailah kanak-kanak. Ramailah warga tua bersenangan …

Y.B. Dato' Speaker : Orang tua bukan wakil tua, orang tua.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ini bukan kawasan lapang, kawasan permainan kanak-kanak. Itu sebab kita perlulah membantah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah. Oklah, cukup.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok, ini perkara akhir sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Hei, dah akhir berapa lagi...

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tak, ini satu saja. Betul punya, satu sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Kang roboh pulak.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok, Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Subsidi Beras Untuk Rakyat atau ringkasannya SUBUR yang dilancarkan baru-baru ini dan diperluaskan di semua kawasan Parlimen, adalah

merupakan satu lagi bentuk insentif bagi membantu dan membolehkan golongan miskin dan miskin tegar yang berpendapatan rendah mendapat bekalan beras dengan cukup dan harga yang berpatutan. Adalah diharapkan program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta dijayakan dalam usaha kerajaan untuk mengeluarkan miskin tegar kepada miskin dan miskin sifar menjelang tahun 2010. Mereka yang layak memohon untuk mendapatkan subsidi ini adalah di kalangan yang berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 di kawasan bandar dan RM1,000.00 di luar bandar. Adalah difahamkan juga bahawa mereka yang layak mendapat subsidi ini akan menerima bantuan melalui baucar bernilai RM72.00 bagi miskin tegar dan RM300.00 bagi golongan lain untuk setiap bulan. Mereka boleh dapat borang permohonan untuk tujuan ini daripada Urus Setia Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen, TEKUN Nasional, Wakil Rakyat di kawasan masing-masing atau melalui Ketua Kampung. Program ini juga membuktikan bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian dan keutamaan ke atas kebajikan masalah rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai menggulung ucapan saya ini…

Y.B. Dato' Speaker : Hei, gulung lagi, lagi panjang.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tak, habiskan. Ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang sentiasa dan terus memberi tumpuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah terutama dalam kelompok miskin dan miskin tegar termasuk masyarakat Orang Asli, warga emas dan juga orang kurang upaya. Saya penuh percaya Bajet tahun 2010 ianya adalah merupakan Bajet mesra rakyat yang mana wajar di manfaat sepenuhnya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Maka dengan itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkanlah selamat menyambut Hari Raya Haji pada esok untuk rakan-rakan yang menyambutnya. Dengan itu, saya menyokong usul sokongan pembentang Bajet Negeri Johor tahun 2010 yang telah dibawa oleh ADUN Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Aduh lapar. Nak Apa?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Nak bercakap.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya belum sebut lagi awak dah nak bangun. Siapa suruh? Yang Berhormat perbahasan diteruskan lagi. Siapa nak bercakap. Ha, macam itulah cara dia.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Y.B. Dato' Speaker : Wabarakatuh. Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Salam sejahtera. Salam 1Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Beli, beli lada merah tengok *tie* merah. Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:50 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:10 pagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Segala puji bagi Allah kita memujinya memohon pertolongan ampunan kepadanya, kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita dan keburukan amalan-amalan kita, barang siapa yang Allah tunjuk maka tidak ada yang dapat menyesatkannya. Dan barang siapa yang Allah sesatkan maka tidak ada yang dapat memberinya hidayah.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izinnya dapatlah Kerajaan negeri Johor, Kerajaan barisan nasional yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato; Haji Abdul Ghani bin Othman, membentangkan Bajet bagi Tahun 2010 pada hari Khamis yang lalu. Alhamdulillah, walaupun terpaksa berhadapan dengan kemuraman ekonomi dunia, Bajet 2010 Negeri Johor masih lagi berupaya meneruskan pendekatan holistik dengan empat strategi utama yang sesungguhnya amat selari dalam konsep "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Bajet 2010 yang bertemakan "Bersatu Tenaga Sejahtera Bersama" ini juga merupakan pelengkap kepada Bajet 2010, 1Malaysia, Kemakmuran Bersama yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan kira-kira sebulan yang lalu. Kedua-dua Bajet 2010 ini, sama ada Bajet Kerajaan Persekutuan mahupun Bajet Kerajaan Negeri Johor, sesungguhnya telah meletakkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta keberkesanan jentera perlaksanaan kerajaan bagi mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara, NKRA sebagai keutamaan di dalam merancang setiap program yang akan dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun hadapan. Bajet 2010 ini sekali lagi telah membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah membelakangkan rakyat sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang peka akan kegelisahan dan keperitan juga hasrat dan harapan rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, bajet 2010 Negeri Johor adalah jauh berbeza dengan Bajet Selimut Pendek, tutup bawah atas nampak, tutup atas bawah nampak seperti yang telah dibentangkan oleh sebuah Kerajaan Negeri yang kononnya Negeri Berkebajikan dengan defisit lebih dari RM30 juta. Bajet

Negeri Johor juga adalah bajet defisit. Walaupun Bajet 2010 ini masih merupakan bajet defisit namun jumlah defisit ini adalah kecil dan telah pun berjaya dikurangkan berbanding Bajet Tahun 2009 iaitu hanya sebanyak RM1.5 juta sahaja. Adalah sesuatu yang wajar, di dalam keadaan ekonomi yang menguncup, kerajaan harus memberikan suntikan tambahan bagi merangsang semula ekonomi agar ekonomi mendapatkan momentumnya untuk terus bergerak dan berkembang.

Walau bagaimanapun, dari bajet 2010 yang telah dibentangkan ini, jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa mengamalkan dasar yang lebih berhemat dan mengutamakan nilai kewangan, *value for money* dengan izin. Sesungguhnya mulai tahun 2010 dengan menerapkan kaedah bajet berdasarkan *outcome*. Ini menunjukkan bahawa kerajaan begitu komited untuk menyusun semula program, proses dan jentera pentadbiran Kerajaan agar lebih cekap dan berkesan serta memenuhi keperluan dan harapan rakyat walaupun dengan sumber yang terhad.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, namun begitu, usaha penjimatan kerajaan ini tentunya tidak akan berhasil sekiranya ianya tidak disambut dan dilaksanakan oleh penjawat-penjawat awam. Para penjawat awam sebagai pelaksana kepada dasar dan program-program kerajaan haruslah dapat memahami keadaan ekonomi yang suram ketika ini. Pada ketika yang mencabar inilah penjawat-penjawat awam seharusnya dapat membuktikan kesetiaan dan keikhlasan mereka dalam berbakti kepada rakyat dan Negeri Johor dengan sama-sama bersatu tenaga membantu kerajaan dalam menjimatkan perbelanjaan dan pada masa yang sama juga tetap komited untuk meningkatkan kecekapan untuk kesejahteraan bersama. Bersatu Tenaga, Kesejahteraan Bersama seperti yang menjadi tema Bajet 2010 Negeri Johor pada kali ini.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, saya juga tidak lupa untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri khasnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana walaupun dalam keadaan ekonomi negara dan dunia yang menguncup sepanjang tahun 2009 ini, Negeri Johor telah berjaya mendapatkan pelaburan yang kedua tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak RM2.6 *bilion* dan lebih membanggakan kita, jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak RM45 juta berbanding tahun sebelumnya. Malah lebih separuh dari jumlah pelaburan ini adalah merupakan pelaburan terus asing, FDI sekali gus menjadi Johor sebagai penerima kedua tertinggi pelaburan asing di Malaysia selepas Sarawak bukan selepas Selangor atau Pulau Pinang jauh sekali Kedah mahupun Kelantan.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, inilah bukti bahawa Kerajaan barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang bijak dan berhemah di dalam menguruskan ekonomi lebih-lebih lagi Kerajaan Barisan Nasional Negeri Johor adalah dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani Othman, seorang pakar ekonomi yang pernah mengajar ekonomi di Universiti Malaya. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil pakar yang benar-benar pakar dalam merangka, dalam merangka dan menguruskan ekonomi tidak seperti di sebuah negeri di bawah pentadbiran kerajaan lain yang telah mengambil bekas Menteri Kewangan yang telah pernah hampir memusnahkan ekonomi

negara suatu ketika dahulu. Mungkin kerana dipaksa dan Kerajaan Negeri tersebut sebenarnya tahu bahawa orang ini tidak layak menjadi penasihat ekonomi, maka gaji yang sanggup dibayar oleh Kerajaan Negeri tersebut untuk khidmat nasihat sebagai Penasihat Ekonomi hanya RM1, satu ringgit sahaja. Seperti kata Yang amat Berhormat Tun Dr, Mahathir, dengan bayaran satu ringgit, Selangor akan mendapat nasihat berkualiti satu ringgit juga. Dengan jumlah gaji yang semurah RM1 ini saya ingin mencadangkan agar rakan-rakan mereka di dalam Dewan yang mulia ini, mengusulkan kepada pemimpin mereka supaya semua negeri di bawah pentadbiran mereka melantik bekas Menteri Kewangan ini sebagai Penasihat Ekonomi di empat-empat negeri tersebut. Cuma saya ingin memetik sekali lagi kata-kata Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, sekiranya ingin melihat Negeri Selangor bankrap, pelantikannya sebagai Penasihat Ekonomi memang sangat sesuai.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, keputusan peperiksaan UPSR yang telah diumumkan minggu lalu telah menunjukkan peningkatan tang memberangsangkan bagi Negeri Johor. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelajar yang telah berjaya mendapatkan keputusan yang cemerlang. Tidak lupa juga ucapan tahniah kepada warga pendidik khasnya para guru yang sentiasa berdedikasi dan bermotivasi tinggi di dalam mendidik anak bangsa menjadi warganegara yang berilmu dan berguna kepada negara pada masa depan, Insya-Allah. Rakyat Negeri Johor seharusnya merasa bangga kerana seperti yang telah diumumkan oleh Pengarah Pelajaran Negeri Johor, bahawa jika dinilai daripada prestasi mata pelajaran, hampir keseluruhan peratusan penguasaan pelajar-pelajar Negeri Johor adalah mengatasi pencapaian peringkat nasional. Ini sesungguhnya membuktikan bahawa program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui bajet yang lepas seperti tuisyen kampung telah pun mula menunjukkan kejayaannya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya percaya dengan beberapa program dan usaha baru pihak kerajaan seperti yang dibentangkan dalam bajet 2010 yang antaranya menambahkan kelas Pra Sekolah dan Tadika agama Johor serta usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti tenaga pengajar termasuk meningkatkan elaun guru Tadika Agama Johor, TAJ dan guru-guru KAFA Negeri Johor telah berada di landasan yang tepat dalam usaha murni untuk membentuk masyarakat berilmu yang sesungguhnya begitu kritikal dan menjadi asas pembangunan modal insan yang inovatif, kreatif dan mempunyai kemahiran untuk menerajui abad ke-21

Kenaikan elaun guru TAJ dan KAFA ini sememangnya membawa implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri. Namun begitu, bayar RM1 kita akan dapat perkhidmatan yang bernilai RM1. Saya percaya dengan peningkatan elaun ini akan meningkatkan lagi motivasi dan komitmen guru-guru ini dan yang lebih penting lagi para pelajar tentunya akan pula mendapat tenaga pengajar yang lebih berkualiti juga seperti yang menjadi hasrat bajet 2010 Kerajaan Negeri Johor. Namun begitu, sebagai tambahan untuk memotivasikan lagi para pelajar kita, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk memberikan bantuan sebanyak RM500 kepada semua pelajar dari Negeri Johor yang berjaya mendaftar kursus peringkat Ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam, IPTA. Cadangan ini selain untuk memotivasikan pelajar, ia juga adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan yang terpaksa ditanggung

oleh ibu bapa dalam keadaan kos sara hidup yang telah meningkat kesan kenaikan harga minyak pada tahun lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Negeri Johor amat beruntung kerana 2 dari koridor ekonomi baru yang diwujudkan oleh Kerajaan Pusat telah melibatkan Negeri Johor iaitu Iskandar Malaysia dan Wilayah Pembangunan Pantai Timur yang melibatkan daerah Mersing. Tanpa menafikan bahawa tumpuan pembangunan negeri Johor pada ketika ini adalah kepada kedua-dua Wilayah Pembangunan Ekonomi tersebut dan khususnya Iskandar Malaysia, daerah-daerah yang tidak termasuk di dalam wilayah ekonomi ini tidak seharusnya dipinggirkan dari mendapat peluang-peluang pembangunan yang baru.

Bagi daerah-daerah yang berdekatan dengan Wilayah Pembangunan Ekonomi ini, sewajarnya kerajaan juga harus mula membuat perancangan sebagai persediaan untuk melimpahkan kemakmuran yang di jana dan terhasil dari Wilayah Pembangunan Ekonomi yang baru ini. Sebagai contoh, apabila siap sepenuhnya Lebuh raya Senai-Desaru, maka perjalanan ke daerah sebelah Pantai Timur Johor akan semakin singkat dan Desaru juga dijangka akan menerima lebih banyak pelaburan. Lebih-lebih lagi apabila telah ada perancangan untuk membina jalan baru pesisir pantai yang akan menghubungkan Sedili Besar dalam kawasan SUN Sedili ke Mersing yang akan dilaksanakan menerusi Pihak berkuasa Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur, ECERDC. Sedili yang secara kebetulan berada di tengah-tengah antara Desaru dan Mersing adalah juga merupakan kawasan yang sangat berpotensi untuk dimajukan. Dengan kedudukannya sebagai pengeluar hasil laut antar yang terbesar di Malaysia, Sedili sesuai untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan yang berkaitan dengan nelayan dan pusat makanan laut.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, asas kekuatan ekonomi Negeri Johor yang pada ketika ini hanya tertumpu kepada 3 sektor utama iaitu pertanian, pembuatan dan pembinaan seharusnya ditambah menjadi empat dengan memperkasakan sektor pelancongan dan hospitaliti. Kita lihat banyak contoh negara yang telah berjaya dan menjadikan pelancongan sebagai asas kekuatan ekonomi negara berkenaan seperti Negara Thailand. Dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi Pelancongan Utama Antarabangsa seperti yang tercatat di dalam pembentangan Bajet 2010 ini, saya percaya usaha membangunkan kawasan Sedili sebagai kawasan pelancongan baru berkonsepkan pusat makanan laut akan turut menyumbang kepada mempercepatkan lagi pencapaian matlamat kerajaan untuk mengehadkan Negeri Johor sebagai Destinasi Pelancongan Utama Antarabangsa. Untuk itu, saya mencadangkan agar langkah untuk membina pusat-pusat Medan Ikan Bakar di kawasan Sedili harus dirancang dan dimulakan segera.

Program *Homestay* dan Inap Desa juga sewajarnya diberikan galakan untuk dilaksanakan memandangkan Sedili mempunyai keunikan yang boleh dieksploitasi untuk menjadi daya tarikan semula jadi kepada para pelancong khususnya dari luar negara. Selain itu jalan pesisir pantai Desaru-Sedili, Mawai-Sedili dan Sungai Mas ke Mawai yang sempit dan daif dapat segera di naik taraf dan diperbesarkan. Perkhidmatan bas dari Kota Tinggi ke Sedili juga perlu

dipertingkatkan dan sebagai permulaan dimasukkan ke dalam kategori Laluan Khidmat Sosial dengan diberikan subsidi.

Saya percaya rakyat di kawasan Sedili yang kebanyakannya bekerja sebagai nelayan dan petani kampung termasuk dari kumpulan miskin tegar dan miskin akan mendapat manfaat yang besar dari usaha dan pembangunan ini. Keadaan ekonomi penduduk Sedili juga tentunya akan dapat dipertingkatkan. Sementara kerajaan sedang memacu usaha transformasi ke arah 'Negeri Maju Berpendapatan Tinggi', pada masa yang sama rakyat di kawasan pendalaman yang mundur seperti di Sedili juga dapat merasakan peningkatan kepada pendapatan mereka melalui pembangunan yang mempunyai rantaian nilai tambah yang tinggi ini. Kaedah ini tentunya juga merupakan suatu usaha yang dapat mengelakkan jurang pendapatan yang terlalu besar di antara wilayah pembangunan baru seperti Iskandar Malaysia dan ECER di Mersing dengan kawasan di sebelahannya seperti di Sedili. Selain itu, cadangan ini juga amat menepati tiga dari NKRA yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu:

i. Meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah;

ii. Memperkasa prasarana luar bandar dan pendalaman dan yang;

iii. Menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana;

Justeru itu, rakyat di kawasan Sedili juga memohon dan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya kawasan Sedili juga turut dimasukkan ke dalam Kajian Pelan Induk Pembangunan Ekonomi Negeri Johor 2010-2020 untuk kawasan di luar koridor ekonomi bersama-sama dengan Segamat, Muar, Batu Pahat dan Kluang.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, Kerajaan Barisan Nasional khasnya di Negeri Johor sememangnya adalah kerajaan yang amat prihatin dan peka dengan masalah perumahan untuk rakyat Negeri Johor. Laporan menunjukkan bahawa melalui Dasar Perumahan Negeri Johor, matlamat untuk menyediakan rumah kos rendah dan sederhana rendah untuk rakyat Negeri Johor sejak dari tahun 1996 hingga 2008 telah hampir berjaya sepenuhnya.

Di samping itu, bagi generasi kedua FELDA yang berjaya dalam permohonan mendapatkan lot-lot kosong di dalam kawasan Tanah Rancangan FELDA, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menyampaikan amanat kepada Ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan Tanah Rancangan FELDA telah berjanji untuk mengarahkan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk membina rumah-rumah bagi generasi kedua FELDA di lot-lot yang kosong tersebut. Sebagai anak peneroka FELDA dan Wakil Rakyat yang mewakili kawasan FELDA, sesungguhnya sama amat bersyukur kerana langkah ini akan membantu menyelesaikan sebahagian dari masalah perumahan bagi generasi kedua FELDA yang pada ketika ini amat meruncing.

Bagi daerah Kota Tinggi, pembinaan rumah Generasi Baru FELDA khas untuk generasi kedua FELDA yang sedang giat dibina di pinggir Bandar Kota Tinggi iaitu di FELDA Pasak juga telah membantu menyelesaikan masalah perumahan

generasi kedua FELDA ini. Namun begitu, jumlah rumah yang dapat dibina adalah jauh dari mencukupi. Permohonan yang diterima dari generasi kedua FELDA berjumlah hampir dari 5000 permohonan sedangkan rumah yang akan dibina hanya sekitar 739 unit sahaja. Untuk itu, kaedah penyelesaian yang lebih menyeluruh haruslah direka bagi menyelesaikan permasalahan ini secara tuntas. Bagi tujuan itu, suka saya mencadangkan agar SPNB juga dibenarkan membina rumah di tapak yang sama dengan rumah peneroka sedia ada. Bagi mengelakkan masalah mengutip bayaran, kaedah potongan bayaran melalui gaji peneroka bolehlah digunakan. Sekiranya cadangan ini dilaksanakan, saya percaya sebahagian besar masalah perumahan untuk generasi kedua FELDA akan dapat diselesaikan. Selain itu, tindakan ini juga akan mengurangkan masalah penghijrahan generasi kedua keluar dari kawasan FELDA sebaliknya mampu memeriahkan semula dan membangunkan lagi ekonomi di kawasan-kawasan FELDA.

Yang Berbahagia, Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, saya juga amat bersetuju dengan langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sumbangan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Johor (GLC) sebagai satu dari kaedah untuk mengurangkan kos operasi Kerajaan Negeri. Langkah meningkatkan sumber GLC ini sepatutnya dilakukan lebih awal daripada ini. Saya percaya langkah ini akan menyedarkan GLC seperti Johor Corporation bahawa ianya ditubuhkan oleh Kerajaan Johor untuk membantu semula membangunkan negeri dan rakyat Johor. GLC seperti Johor Corporation harus sedar bahawa beribu hektar tanah kerajaan telah diberikan kepada mereka. Bermacam-macam bantuan dan jaminan telah diberikan sehingga Johor Corporation mencapai kedudukannya seperti yang dinikmati pada hari ini. GLC seperti Johor Corporation juga harus sedar akan tanggungjawab sosial untuk membantu rakyat dan Negeri Johor sesuai dengan matlamat penubuhannya dan sebaliknya tidak hanya menggunakan keuntungan syarikat sebagai KPInya.

Apakah sumbangan Johor Corporation yang terkenal dengan Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) kepada rakyat Johor miskin yang ingin mendapatkan rawatan di hospital-hospital pakar milik KPJ. Apalah salahnya memulangkan semula jasa dan memberikan rakyat dan Kerajaan Johor selama ini dengan memberikan diskaun istimewa untuk rakyat Johor yang memerlukan rawatan di hospital-hospital pakar KPJ. Apalah maknanya ke sana dan ke mari dengan melaungkan slogan "Bisnes Jihad" tetapi sebenarnya lebih mementingkan dan mengutamakan keuntungan dari melaksanakan tanggungjawab sosial membantu pesakit yang sedang dalam kesusahan. "Bisnes Jihad" yang sebenar adalah apabila Johor Corporation meletakkan tanggungjawab sosialnya untuk membantu dan meringankan beban rakyat dan Kerajaan Negeri Johor seimbang dengan matlamat untuk membawa keuntungan kepada syarikat.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, rakyat Negeri Johor tidak merasa apa-apa mahupun rasa bangga ketika makan di KFC, Pizza Hut mahupun Ayam Mas meskipun mereka tahu bahawa ianya adalah milik sebuah syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Johor. Dalam setiap Laporan Tahunan Perbadanan Johor, mereka menunjukkan sebagai syarikat begitu prihatin dalam menjaga kebajikan pekerja. Saya ingin bertanya kepada Johor Corporation, berapa gaji sehari pekerja lading di Kompleks Pasir Panjang dan Tunjuk Laut dan berapa

pula jumlah pendapatan yang digunakan sebagai indeks oleh kerajaan dalam kategori isi rumah yang tergolong dalam kumpulan miskin dan miskin tegar? Dapatkah Johor Corporation menafikan bahawa gaji pekerja ladang di Kompleks Pasir Panjang dan Tunjuk Laut tergolong dalam kategori miskin tegar. Mereka pekerja ladang mendapat perumahan jauh di tengah ladang melalui program Bakti Ladang, tetapi mengapa pula ada halangan daripada Johor Corporation yang tidak mengizinkan pekerja menambah, membesar atau membuat ubahsuai terhadap rumah mereka? Di mana keikhlasan Johor Corporation terhadap pekerja mereka yang telah berbakti kepada ladang yang telah menguntungkan Perbadanan Johor sejak sekian lama?

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, lebih buruk lagi Johor Corporation sebagai sebuah syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Johor pada pilihan raya yang lalu telah mengeluarkan arahan melarang pekerjanya di Kompleks Pasir Panjang dan Tunjuk Laut untuk menampal mahupun menaikkan apa-apa poster mahupun bendera parti politik termasuk UMNO dan Barisan Nasional sepanjang kempen pilihan raya yang lalu. Johor Corporation seolah-olah mahu menyekat hak asasi pekerjanya untuk terlibat dan menunjukkan sokongan mereka kepada mana-mana parti politik. Justeru itu, sesungguhnya saya menyokong penuh langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sumbangan syarikat berkaitan kerajaan dalam operasi dan program-program Kerajaan Negeri. Malah, saya juga mencadangkan supaya Johor Corporation dipaksa untuk segera melunaskan hutangnya sebanyak RM66 juta kepada Kerajaan Negeri Johor seperti yang pernah disebut oleh Yang Berhormat dari Kempas dalam perbahasan Bajet 2009 dahulu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Sikit lagi, Timbalan. Kalau Johor Corporation dapat membayar separuh dari jumlah hutang tersebut pun tentunya Bajet 2010 kali ini akan menjadi lebih mantap dan seterusnya keluar dari zon penguncupan.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, langkah Kerajaan Negeri meningkatkan penggunaan aplikasi teknologi khususnya ICT dalam pentadbiran kerajaan sememangnya amat diperlukan kerana selain dapat menjimatkan masa dan kos, ianya juga akan dapat meningkatkan kecekapan sesuatu urusan di pejabat-pejabat kerajaan . Kita boleh membayangkan apa akan berlaku sekiranya pejabat kerajaan tidak mempunyai komputer dan kemudahan internet. Justeru usaha membangunkan sistem di PBT dan Pejabat Tanah beberapa ketika dahulu amat tepat pada masanya. Sebagai contoh, kini urusan pembayaran cukai tanah sudah boleh dibuat di mana-mana kaunter Pejabat Tanah Daerah tanpa mengira di daerah mana tanah mereka berada. Usaha ini amat mendapat pujian dari rakyat kerana dapat menjimatkan kos dan di pihak kerajaan juga dapat mengurangkan masalah cukai tertunggak.

Walau bagaimanapun, sistem di Pejabat Tanah ini yang dibangunkan dengan jumlah perbelanjaan yang begitu sedikit, pada persepsi rakyat, masih tidak dapat menjadikan Pejabat Tanah benar-benar cekap seperti yang diharapkan oleh rakyat. Urusan kelulusan sesuatu permohonan tanah masih mengambil masa yang terlalu lama, bertahun-tahun malah ada yang terpaksa menunggu

sehingga lebih 30 tahun. Saya mengambil contoh dan ingin menyebut lagi bagi yang kedua di dalam Dewan Yang Mulia ini, akan permohonan tanah penduduk kampung di beberapa kampung di kawasan Sedili seperti Kampung Belukar Durian, Kampung Telok, Kampung Seri Paya dan Kampung Bukit Kruing yang sejak sekian lama malah ada yang sudah mengambil masa puluhan tahun tetapi sehingga kini masih tidak dapat diketahui apakah keputusannya. Mengapakah perkara sebegini masih berlaku? Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri pernah berjanji untuk menyelesaikan masalah ini ketika lawatan ke Sedili lebih 10 yang lalu. Perkara ini juga pernah saya bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini sebelum ini tetapi tiada apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak yang berkenaan. Saya mohon agar perkara ini diberikan perhatian dan tindakan yang segera. Sementara kita masih berjawatan dan mempunyai peluang untuk berkhidmat, inilah masanya untuk kita membantu menyelesaikan masalah dan kesusahan rakyat. Inilah sebahagian dari ibadah yang akan dapat membantu kita di akhirat kelak.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker yang masih muda, Yang Berhormat Datuk Speaker, Timbalan Datuk Speaker, sikit lagi. Daerah Kota Tinggi adalah antara daerah yang paling luas di Negeri Johor. Selain dari terkenal sebagai Daerah Pelancongan Bersejarah, daerah Kota Tinggi juga terkenal sebagai daerah yang sering dilanda bencana banjir khususnya apabila tiba musim tengkujuh seperti sekarang ini. Saya percaya semua ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Yang Mulia ini masih ingat bagaimana hampir seluruh Bandar Kota Tinggi lumpuh kerana telah ditenggelami air pada penghujung tahun 2006 dan kali kedua pada awal tahun 2007 yang lalu.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, sehingga hari ini, rakyat di Kota Tinggi masih fobia apabila tiba musim tengkujuh. Kesengsaraan ketika menghadapi banjir besar yang lalu tetap menjadi ingatan dan pengajaran kepada kami semua di Kota Tinggi. Lebih memeritkan lagi apabila banjir dan hujan yang lebat telah menyebabkan jalan-jalan perhubungan putus dan menyukarkan bekalan untuk bantuan untuk ke daerah kami. Kawasan yang kerap mengalami bencana banjir di daerah Kota Tinggi meliputi juga;

i. Di kawasan Sedili dan Bandar Kota Tinggi dalam Parlimen Kota tinggi;

ii. Kawasan pekan dan perkampungan Sungai Rengit dan Pengerang di dalam Parlimen Pengerang dan juga;

iii. Di kawasan Batu 25 dan Sungai Berangan dalam Parlimen Tenggara.

Dalam menghadapi bencana seperti banjir, peranan anggota keselamatan seperti Jabatan pertahanan Awam Malaysia (JPAM) amatlah diperlukan di dalam melakukan kerja-kerja mengawal keadaan dan memberikan bantuan bencana atau memberi perlindungan bagi menjamin keselamatan nyawa, orang atau harta benda penduduk awam sekiranya berlaku atau akan berlaku bencana serta memudahkan pemulihan mangsa seperti bencana tersebut. Namun apa yang berlaku sehingga hari ini, masih belum wujud sebuah pejabat

atau Pusat Operasi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia di daerah Kota Tinggi yang luas seperti yang saya gambarkan sebentar tadi.

Sehingga hari ini, saya difahamkan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia hanya menubuhkan sebuah unit JPAM Kota Tinggi dan beroperasi dari ibu pejabat JPAM Negeri Johor yang terletak di Bandar Baru Uda, Johor Bahru. Keadaan ini tentunya akan menyukarkan JPAM Unit Kota Tinggi untuk memainkan peranannya apabila ianya diperlukan. Berdasarkan gambaran yang telah saya berikan ini dan selaras dengan peruntukan sebanyak RM3.7 bilion dalam Bajet 2010 Kerajaan Persekutuan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu untuk meningkatkan lagi kecekapan anggota keselamatan, termasuk menyediakan kelengkapan yang moden dan canggih, saya memohon dan mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat memanjangkan cadangan untuk membina sebuah Pejabat Operasi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia khusus bagi daerah Kota Tinggi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Datuk Speaker,

Y.B Datuk Timbalan Speaker : Banyak sangat tu…

Y.B Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Lagi satu muka aje, besok nak raya Yang Berhormat.

Y.B Datuk Timbalan Speaker : Yalah, nak raya, masing-masing nak raya ni, bukan Yang Berhormat seorang nak raya.

Y.B Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Cadangan ini juga amat bertepatan dengan langkah kedua dalam tajuk Mencegah Jenayah dalam Bajet 2010 Kerajaan Persekutuan iaitu melatih dan meningkatkan kecekapan 3,000 anggota RELA dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia untuk turut serta melakukan rondaan bersama PDRM untuk mengurangkan kadar jenayah. Saya percaya hanya apabila Pejabat Jabatan pertahanan Awam Malaysia dapat dibina di Kota Tinggi, maka kesemua enam perkara yang menjadi piagam pelanggan generasi ini termasuk kepada perkara keempat iaitu tiba di lokasi kejadian dalam tempoh kurang 10 minit.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, marilah sama-sama kita berdoa, mudah-mudahan Allah yang Maha Kuasa dan Maha Memimpin, yang memimpin dan membimbing semua niat, yang memimpin dan membimbing semua gerak, yang memimpin dan membimbing semua rasa, yang memimpin dan membimbing semua fikir, memimpin dan membimbing fikiran dan perasaan kita semua di Dewan yang mulia ini, tetapi di jalan yang benar, tetap di jalan yang diredai dan terus berusaha untuk mengukuhkan ukhuwah dan perpaduan sesama kita. Insya-Allah, negeri dan rakyat Johor akan terus selamat, aman makmur dan maju serta segera keluar dari krisis ekonomi yang sedang melanda dunia, insya-Allah.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, terima kasih sekali lagi kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ini. Yang baik itu datangnya dari Allah SWT, yang buruk itu datangnya dari kedangkalan ilmu dan pengalaman yang saya ada.

Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, saya mohon menyokong Bajet Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2010. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput yang lain, Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Salam Sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama membahaskan atas rundingan bacaan kali yang ke-2 bagi Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tema bajet tahun 2010, 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama', bukan sahaja tepat dalam usaha merealisasikan gagasan 1Malaysia 'Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan' yang mengajak rakyat jelata pelbagai lapisan masyarakat dan kaum supaya bersama-sama menggembleng kekuatan, tenaga dan sumber untuk menghadapi cabaran, bahkan merupakan kesinambungan pendekatan 8 komponen 'Pembangunan Holistik' bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih rata, adil dan seimbang dan menjamin kemakmuran bersama yang memerlukan sokongan, sumbangan dan kerjasama dari semua pelosok rakyat di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa kemerosotan ekonomi dunia telah membawa impak yang buruk kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mengakibatkan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK merosot 5% sejak suku tahun ketiga 2008 dan telah menyebabkan ekonomi negara menguncup. Begitu juga dengan keadaan pertumbuhan ekonomi di Negeri Johor yang mengalami penguncupan. Dengan Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM226 juta keseluruhan dan perlaksanaan 2,832 projek-projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9 di Iskandar Malaysia, dan pertambahan pelaburan terus asing atau FDI yang kian bertambah, tentu akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi KDNK bagi Negeri Johor pada tahun 2010.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari pembangkang suka sangat untuk membandingkan negeri dan negara kita dengan negara jiran dan luar negara. Di sini saya juga ingin mengemukakan sedikit bandingan bagi Singapura dan juga Amerika Syarikat. Mengikut *laporan Monetary Authority of Singapore* atau MAS, dengan izin, *Gross Domestic Product* atau GDP, dengan izin, *Singapore* akan mengalami penurunan sebanyak 7.7% pada suku tahun kedua dan diramalkan kadar penguncupan ekonomi bagi tahun 2009 bagi *Singapore* adalah sebanyak 6.5%. Kadar pengangguran setakat 30 Oktober, 2009 adalah 3.4% yang telah meningkat dari suku tahun kedua pada paras 3.3%.

Bagi Amerika Syarikat, *The Board of The Governors of The Federal Reserve System* atau FED, dengan izin, Amerika Syarikat pula mengumumkan kadar pengangguran negaranya sebanyak 10.2%. Ini bermakna 10 orang Amerika Syarikat, seorang darinya menganggur. 9 buah bank FBOP di Amerika Syarikat, bankrap dalam sehari iaitu pada 30 Oktober, 2009. Ini tidak masuk syarikat korporat gergasi Amerika Syarikat, seperti Lehman Brothers, Freddi Mac, Fenny Mere, AIG, Merrill Lynch, yang tumbang satu persatu.

Oleh itu, boleh disifatkan keadaan negara dan negeri kita masih bukan negara atau negeri yang mengalami penguncupan yang teruk sekali akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan koridor ekonomi utama negara iaitu Iskandar Malaysia dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur akan mempercepatkan transformasi Negeri Johor menjadi negeri pembangunan yang pesat yang bukan sahaja akan meningkatkan tahap kehidupan melalui pendapatan dari peluang pekerjaan dan perniagaan bahkan dapat mengurangkan masalah jurang perbezaan di antara kaya dan yang miskin di kawasan bandar dan luar bandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengikut laporan, 6 bilion penduduk dunia ini menggunakan sumber asli bumi secara berlebihan dan tidak terkawal jika pemanasan global berterusan, manusia dan tamadunnya akan pupus sebagaimana pupus dinosaur. Oleh itu, saya ingin tahu, kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Johor untuk menjaga dan menjamin sumber ekosistem dalam Negeri Johor. Ramalan saintis menunjukkan peningkatan 7 meter paras laut, kawasan rendah seperti Kuala Muda di Kedah, dan Kelantan akan ditenggelami oleh air. Keadaan angin monsun akan bertukar sama sekali kerana kita akan menerima lebih banyak hujan sewaktu monsun timur laut, bermakna lebih banyak kejadian banjir akan berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kesedaran rakyat Malaysia amat sukar dipertingkatkan. Hanya 3 dari 10 orang rakyat Malaysia yang prihatin pada isu-isu alam sekitar. Oleh itu, saya mengharapkan kerajaan dapat mempertingkatkan kesedaran rakyat jelata khususnya di peringkat sekolah lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penubuhan bahagian Teknologi Hijau di Kementerian amat tepat pada masanya. Namun masih terdapat banyak usaha yang perlu dilaksanakan. Bukan sahaja agensi kerajaan dipertanggungjawabkan untuk menangani isu pemanasan global, perubahan iklim dan degradasi alam sekitar. Oleh itu, saya bercadang kepada Kerajaan Negeri supaya mengimplementasikan Dasar Tenaga Hijau dalam pembinaan bangunan kerajaan yang baru atau sekurang-kurangnya bangunan yang direka bentuk khas untuk menjimat tenaga dan mengurangkan kesan gas hijau seperti *solar power* atau yang semula jadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam mempertingkatkan sistem penyampaian awam pula, Kerajaan Negeri perlu memulihkan keyakinan rakyat terhadap agensi-agensi kerajaan termasuklah cara untuk pengendalian talian aduan awam dengan tindakan yang akan ambil. Menghantar mereka yang lebih sesuai dan berkemampuan untuk berurusan di kaunter-kaunter termasuk

bayaran dan juga *front desk*, demi mengurangkan impak negatif kepada kerajaan kerana tingkah laku mereka yang ditempatkan di kaunter hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membangkit pula isu-isu di dalam kawasan saya untuk mendapat perhatian dan juga tindakan sewajarnya dari pihak yang berkaitan.

i. Cadangan untuk keutamaan diberikan untuk meluluskan selekoh 'S' merbahaya di Batu 24, Jalan Air Hitam - Johor Bahru di laluan Persekutuan 1, Kulai yang mana telah beberapa kali dibangkit oleh saya di dalam Dewan yang mulia ini. Berdasarkan kepada selekoh 'S' ini merupakan *black sport* kawasan kemalangan yang melibatkan ramai mangsa walaupun Jabatan Kerja Raya mengambil langkah untuk membina *retaining wall, guard rill,* dan *amber light* tetapi itu memang adalah tidak dapat memberikan kesan yang baik terhadap keselamatan pengguna-pengguna jalan.

ii. Saya meminta supaya masalah pencetusan bekalan air yang sering berlaku di FELDA Bukit Batu, Kampung Melayu Bukit Batu, dan Kampung Baru Bukit Batu dan Kampung Sri Sempurna yang disebabkan Loji Rawatan Air Bukit Batu terpaksa diberhentikan operasinya berikutan tumpahan minyak diesel ke Sungai Pontian Besar oleh kilang yang berdekatan dapat diambil tindakan yang sewajarnya. Di mana, kejadian Loji Rawatan Air Bukit Batu telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008. Bagi kawasan Kampung Baru Air Bemban dan Kampung Baru Sedenak pula, saya mengharapkan kerja-kerja peningkatan sistem bekalan air termasuk kerja-kerja *upgrading* saiz paip, membina sebuah rumah pam dan tangki baru yang menelan kos sebanyak RM30 juta yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

iii. Saya juga memohon supaya kelulusan tanah kepada generasi kedua di FELDA Bukit Batu, Kulai dapat disegerakan.

iv. Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat EXCO Pelancongan yang telah melawat dan memberi persetujuan pada dasar untuk membuka semula sebahagian kolam dan juga laluan air terjun di Hutan Lipur Gunung Pulai I. Oleh itu, saya mencadangkan supaya projek pembinaan jalan yang menembusi Kampung Seri Gunung Pulai I dan Gunung Pulai II dapat dijalankan demi menambahkan mata pencarian bagi penduduk-penduduk dan juga pengusaha *tourism* di kawasan tempatan itu.

v. Saya ingin tahu kedudukan gelanggang rakyat yang dibina dan berkeadaan seperti separuh terbengkalai di dalam kawasan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kelapa Sawit dalam kawasan saya. Sama ada akan disambungkan kerja atau tidak.

vi. Saya meminta supaya tindakan untuk membanteras kegiatan *dripping* minyak dari lori-lori pengangkutan yang sering berlaku di kedua-dua belah kawasan Lebuh raya Plus iaitu Hentian Kulai dapat dijalankan oleh pihak Penguatkuasa.

vii. Saya memohon supaya LPKP memberi kebenaran kepada bas ekspres untuk memasuki ke Terminal Bas Kulai untuk menurunkan penumpang-penumpangnya dan bukan menurunkan penumpangnya di tepi lebuh raya yang menghala ke Plaza Tol Kulai.

viii. Saya meminta jalan-jalan dari simpang keluar Plaza Tol Kulai hingga ke kawasan Kampung Baru Bukit Batu, yang mana jalan-jalan memang telah mengalami kerosakan serius dapat diturap semula dengan segera dan di mana masa kini jalan yang hanya ditampal di sana sini telah berlekak-lekuk setelah hujan lebat lebih kurang 2 minggu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat. Masa cukup.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Sikit lagi.

ix. Saya meminta jasa baik kerajaan supaya dapat mempercepatkan proses kelulusan Rang Undang-Undang untuk burung walet yang kian menimbulkan masalah kacau ganggu di dalam kawasan saya termasuklah Taman Pertama, Taman Putri dan Taman Kulai Utama yang sering dibangkitkan oleh para penduduk tempatan dan saya ingin mengulangi semula supaya cadangan supaya, alat P.A. yang canggih seperti *ultrasound* frekuensi yang memang membolehkan iaitu burung boleh dengar orang tak boleh dengar. Di wajib pakai untuk penternak burung walet.

Dan, permintaan untuk akhir,

x. Pada kawasan saya ada dibina rumah Program Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Nasional Berhad dan ada 8 unit Rumah Mesra Rakyat yang telah dibina tapi sudah hampir siap tetapi tanpa sebarang kemudahan asas. Sebab itu saya mintalah kalau boleh Rumah Mesra Rakyat yang dibina tu bolehlah masukkan supaya pembinaan kemudahan asas dapat dibina sebelum rumah-rumah itu disiapkan kerana kalau langsung tak ada air, api, jalan pun tak ada rumah, yang siap tu mungkin pemilik pun tak boleh duduk dalam rumah tu juga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat Skudai…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak payah jawablah, yang nak jawab kerajaan. Yang Berhormat tak payah jawab.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang mengatakan saya takut sebab dia datang ke kawasan saya. Sebenarnya saya langsung tidak takut sesiapa pun. Kalau beliau ingat dia berani sangat, saya cabar beliau untuk bertanding di kawasan Bukit Batu pada Pilihan raya Umum yang akan datang. (Dewan Bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, tapi jangan nak suruh Polis tak bagi permit untuk berceramah.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tak benar dia sampuk saya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Akhirnya, saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok terima kasih. Ada yang lain? Jemput, Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat, nak berucap pendek ke panjang?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Panjang.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau panjang, jemput duduk dulu.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Selamat Hari Raya dan Selamat Berkorban. Sekian. (Dewan Ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Persidangan ini, terlebih dahulu ingin saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada umat Islam yang akan disambut pada hari esok dan dengan ini Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Isnin, 30 November 2009, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:10 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEENAM	**ISNIN, 30 NOVEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Persidangan kita diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) bagi pihak Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Sila nyatakan banyaknya lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Bandaraya Johor Bahru contoh, iklan perniagaan, hiburan, gerai dan jumlah kutipan serta perancangan masa depan menjadikan Johor Bahru sebuah Bandar raya yang maju dan berdaya saing.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Bandaraya bertanggungjawab mengeluarkan lesen, ini sebagai latar belakang, lesen premis dan lesen-lesen perniagaan kepada setiap peniaga setelah menepati syarat-syarat perlesenan di dalam menjalankan perniagaan di kawasan pentadbiran. Sepanjang tahun lepas lesen-lesen yang telah dikeluarkan oleh Bandaraya adalah sebagaimana berikut:

i. Lesen premis perniagaan sebanyak 19,367;
ii. Lesen billboard, 313;
iii. Lesen sepanduk, 4,286;
iv. Lesen *banting* ataupun gegantung, 21,560. Selepas ini kita akan gunakan perkataan lesen gegantung, 21,560;
v. Lesen gerai, 267;
vi. Lesen pasar, 986;
vii. Lesen pasar malam, 1,758;
viii. Penjaja 268, dan akhirnya;
ix. Permit JB Bazar, 363,

Yang Berhormat Dato' Speaker, dan, daripada lesen-lesen yang diluluskan, Bandaraya telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM18.6 juta berbanding RM16.3 juta pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 14% kalau dibandingkan 2008 dengan 2007. Dan, kita sedia maklum Bandaraya Johor Bahru mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan Iskandar dan bagi menjadikan Johor Bahru sebuah bandar raya yang maju dan berdaya saing terutamanya dari segi ekonomi yang berteraskan aktiviti-aktiviti perniagaan. Beberapa pendekatan telah pun diambil oleh MBJB antaranya:

i. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi melicinkan lagi pentadbiran dan beri manfaat kepada semua peniaga, kebanyakan peniaga, satu garis panduan bagi kelulusan lesen tidak berisiko tinggi akan diberi kelulusan oleh Datuk Bandar dalam tempoh satu hari sahaja berbanding sebelum ini di mana permohonan seumpama ini mengambil masa 14 hari. Ini selaras dengan Ucapan Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari. Dan untuk makluman sehingga 30 September 2009 sebanyak 2,457 lesen premis perniagaan telah diluluskan.

Manakala permohonan lesen premis perniagaan yang saya sebutkan sensitif ataupun berisiko tinggi juga telah dipendekkan tempoh kelulusannya Yang Berhormat Dato' Speaker dari tempoh 40 hari sebelum ini kepada 14 hari sahaja. Semua permohonan bagi lesen premis perniagaan ini akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelesenan yang bermesyuarat 2 kali sebulan. Dan, dengan adanya pendekatan ini, kita percaya akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada peniaga-peniaga.

ii. Berkenaan dengan program e-PBT yang akan diguna pakai oleh semua PBT mulai tahun hadapan termasuk juga Bandaraya yang mana sistem ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada rakyat dengan pelbagai aplikasi pembayaran dan transaksi secara atas talian. e-PBT merangkumi penggunaan ICT yang lebih meluas dalam mengurus permohonan dan pengeluaran permit lesen. Di bawah modul e-lesennya. Modul ini akan diintegrasikan dengan modul-modul lain seperti e-bayaran dan e-kutipan.

Melalui modul-modul ini kita akan dapat membantu Bandaraya mengenal pasti dan mengawal masalah pelesenan dan permit yang tidak diperbaharui selain mengurangkan karenah birokrasi dan memudahkan para pelanggan seperti peniaga yang hanya perlu membuat permohonan lesen ataupun memperbaharui lesen melalui internet tanpa perlu hadir ke pejabat.

iii. Mempelbagaikan aktiviti perniagaan bagi memeriahkan dan menjana aktiviti pusat bandar khususnya pusat bandar lama. Sebagai contoh Bandaraya telah mengadakan pelbagai aktiviti perniagaan dan antaranya adalah mewujudkan Bazar Johor Bahru, pasar malam dan *lotun van,* dengan izin. Barangan yang dijual adalah meliputi berbagai-bagai *item* seperti pakaian, perhiasan diri, cenderamata, barangan kulit, bahan-bahan makanan dan yang lain-lainnya.

Dan sehingga kini Yang Berhormat Dato' Speaker, Bazar Johor Bahru telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan dan telah pun kini ada 363 petak dan hasil kutipan sebanyak RM149,420.00 daripada Januari hingga September tahun ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan.

Berhubung dengan masalah iklan perniagaan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO iaitu kedudukan antara ada lesen, ada iklan yang dilesenkan oleh Bandaraya. Ada juga terdapat iklan-iklan yang iklan haram, yang mana mungkin orang ramai kita tak kenal, yang mana satu yang dilesenkan, yang mana satu tak dilesenkan. Jadi, saya ingin tahu definisi, apakah kaedah yang digunakan untuk, kerana terdapat juga lesen-lesen sepertimana kalau kita nampak di simpang-simpang, along dipasang, banyak sangat, mencemarkan kedudukan apa ni, Bandaraya Johor Bahru. Jadi saya ingin tahu, sejauh mana penguatkuasaan telah dijalankan oleh Pihak Berkuasa untuk nak menghapuskan dan juga membuang iklan-iklan yang mengelirukan orang ramai. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap PBT pun termasuk Bandaraya telah pun menubuhkan Unit Khas untuk menangani permasalahan pemasangan iklan ataupun notis-notis haram ini, tidak ada kebenaran daripada Majlis dan proses ini akan adalah sentiasa berterusan khususnya seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Machap tadi iaitu pemasangan gegantung ataupun iklan-iklan daripada peminjam-peminjam wang yang haram ini. Dan memang sudah ada Unit Khas dan kerja-kerja penguatkuasaan ke atas permasalahan ini adalah berterusan.

Y.B. Dato' Speaker : Permas Jaya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucap terima kasihlah kepada Yang berhormat EXCO dan juga Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah mewujudkan lesen-lesen sementara khususnya di kawasan bandar di Jalan Segget untuk peniaga-peniaga pada waktu petang, supaya kawasan itu tidak menjadi terbiar khasnya selepasnya CIQ dipindah ke kawasan Stulang.

Tetapi, cuma soalan saya adalah berkenaan dengan masa operasi gerai-gerai itu, yang syarat-syarat yang dikenakan, sebab apa yang saya perhatikan bahawa gerai-gerai itu dibuka sebelum masa operasi, saya difahamkan pukul 6:00 tetapi kadangkala pukul 5:00 mereka buka. Dan, ini menjadi masalah kepada kenderaan-kenderaan yang telah diletak di kawasan di situ dekat kawasan perniagaan kedai dan juga lain-lain premis perniagaan yang beroperasi di kawasan Jalan Segget. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Bandaraya akan mengambil maklum atas makluman yang diberikan oleh ADUN berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Bagi pelesenan di bawah kategori hiburan saya ingin tahu apakah

jenis tempat dan kegiatan yang diperuntukkan bagi maksud pelesenan ini dan apakah garis panduannya? Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah ini dalam kawasan Bandaraya?

Y.B. Dato' Speaker : Ini dekat mana Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Seluruh Bandaraya Johor Bahru, pelesenan hiburan. Takkan soalan ini tidak ada dikaitkan dengan soalan asal.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau Johor Bahru adalah. Kalau Yang Berhormat cakap negeri lain tak ada, sebab tu Yang Berhormat diam, saya diamlah, tak sebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Lesen yang berisiko tinggi ini memerlukan banyak rujukan ke jabatan-jabatan lain termasuklah tempat-tempat hiburan. Dan, kita tidak menolak bahawa dalam kawasan Iskandar dan juga kawasan Iskandar, kita memerlukan perniagaan hiburan yang masuk dalam kategori yang berisiko tinggi ini tetapi perlu dikawal. Dan, *standard* prosedur yang ada memang sudah ada tetapi saya boleh memaklumkanlah kita sedang dalam kajian untuk melihat balik industri hiburan khususnya dalam kawasan Iskandar supaya ia dapat memberikan perkhidmatan kepada pelanggan sejajar dengan pembangunan yang dirancangkan dalam Iskandar.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, *last* Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Soalan tambahan. Saya ingin tahu kita, pelesenan untuk hiburan di Johor Bahru sehingga pukul 1:00. Kalau betul saya nak tanya kalau boleh kerana adalah penting terutama pada cuti hujung minggu rakyat Singapura datang sini untuk hiburan. Jadi, kalau boleh kita boleh longgarkan syarat kita, kita boleh tambah, tambah lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Sampai pagilah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ya, ya, yalah tambah *profit* kita.

Y.B. Dato' Speaker : Matilah aku tak tidur.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab tu saya kata tadi bahawa kita dalam kajian, dan perkara ini telah pun dibangkitkan sebelum ini oleh persatuan kepada kerajaan. Dan perkara ini masih lagi dalam kajian dan kita faham bahawa dalam kawasan Iskandar perlu ada perkhidmatan seumpama ini yang boleh menarik pelabur, ada tempat untuk berhibur, tetapi perlu dalam keadaan yang sejajar dengan pembangunan dalam Iskandar.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Rasman bin Ithnain, jemput.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Apakah justifikasi Jabatan Perikanan Malaysia mengarahkan Majlis Agama Negeri Johor membekukan bantuan bot dan enjin kepada nelayan yang telah mempunyai lesen?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor mempunyai pesisir pantai, iaitu Pantai Barat dan Pantai Timur. Di perairan kawasan pantai bot-bot nelayan menggunakan peralatan tradisional seperti pukat hanyut, rawai, bubu dan jala. Bilangan bot tradisional pantai barat adalah sebanyak 2,374 buah, manakala di perairan timur terdapat sebanyak 1,330 buah. Pada tahun 2008, Ibu Pejabat Perikanan telah meluluskan pelesenan sampan khas yang baru kepada nelayan tradisional seperti berikut:

i. Daerah Johor Bahru, 392;
ii. Batu Pahat, 268;
iii. Muar, 123;
iv. Pontian, 153;
v. Pengerang, 49;
vi. Tanjung Sedili, 104;
vii. Mersing, 103;

Berjumlah keseluruhan 1,219 buah. Jabatan Perikanan telah membekukan pengeluaran lesen sampan yang baru setelah Ibu Pejabat Perikanan mendapati pengeluaran lesen ini agak tinggi.

Pembaharuan tersebut adalah untuk menjaga kepentingan nelayan tulen tradisional yang berdaftar serta tidak menggalakkan penambahan sampan yang banyak sehingga menjejaskan stok ikan. Langkah ini selaras dengan pengawalan dan pengurusan sumber pantai yang semakin berkurangan. Bagi nelayan-nelayan yang mempunyai lesen dengan Jabatan Perikanan mereka boleh menukar kulit atau menukar badan bot dengan syarat bot lama dimusnahkan. Ini bagi memastikan agar jumlah bilangan bot seiring dengan jumlah lesen. Maklumat pembekuan bantuan bot dan enjin ditujukan kepada mereka yang baru ingin menceburkan diri sebagai nelayan.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, deras sikit bangun.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Sedili.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Soalan tambahan. Adakah langkah-langkah selain daripada kita membekukan bantuan bot dan enjin kepada

nelayan-nelayan miskin tegar yang telah pun mendapat kelulusan daripada Majlis Agama Islam. Contohnya, kita lebih banyakkan tukun-tukun di kawasan-kawasan nelayan. Kita tidak seperti, tak sepatutnya kita nak mengurangkan kadar ikan yang kurang di laut dan di sungai-sungai, kita mengurangkan bantuan bot dan enjin kepada miskin-miskin tegar.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bantuan dah dapat, enjin?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Kelulusan dah dapat daripada Majlis Agama Islam tapi atas arahan daripada Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia tidak membenarkan, jadi bantuan-bantuan tersebut telah ditarik balik.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Terima kasih Tuan Pengerusi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, pembekuan ini supaya tidak ada nelayan yang menyalahgunakan bot-bot ini kerana kita nakkan bilangan bot ini dihadkan. Dan, sekiranya jabatan mengurniakan bot-bot ini kepada individu, maka ini akan menimbulkan masalah kerana Jabatan Perikanan tidak mengeluarkan lesen lagi dan sekiranya jabatan-jabatan terus memberi bantuan bot inilah tadi akan menjadi masalah. Kerana lesen ini terhad, mana-mana jabatan pun tak ada lesen yang boleh diberi secara meluas seperti EXCO Perumahan tadi pun sebut lesen-lesen ini memang semua terhad.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ucap terima kasihlah kepada EXCO yang telah menjelaskan jawapan tadi. Saya ingin membuat pertanyaan, apakah kuasa Pejabat Perikanan mengarah Jabatan Agama supaya jangan memberi bantuan bot dan enjin kepada nelayan miskin tegar dan miskin. Adakah pihak Perikanan mengadakan perundingan dengan Jabatan Agama menyebabkan ramai daripada golongan miskin tegar dan miskin di DUN Pengerang, DUN kawasan Pengerang dan juga daerah Kota Tinggi terdapat bantuan daripada Jabatan Agama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Perikanan tidak ada kuasa tetapi Jabatan Perikanan boleh memberi pandangan dan nasihat kepada Jabatan Agama supaya tidak wujud konflik dalam menyelaraskan program-program kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan mendapati setelah tahun 2008 ada peruntukan untuk RM200.00 setiap nelayan, nampaknya bilangan nak jadi nelayan tu semakin bertambah. Hah, ini jadi kerajaan terpaksa mengawal orang yang cuba mengambil kesempatan untuk menjadi nelayan tetapi bukan nelayan tulen eh. Dan, kita ditambah pula dengan sumber ikan di laut berkurangan.

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi kalau...

Y.B. Dato' Speaker : Siapa *check* ikan kat laut? Dalam laut tu siapa *check* ikan kurang, tak kurang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jabatan Perikanan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jabatan Perikanan dapat data-data ni daripada maklumat daripada nelayan-nelayan yang sedia ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi, nelayan-nelayan yang sedia ada ni pun mengadu masalah kekurangan sumber ni. Dan, kerajaan sentiasa membuat tukun tiruan untuk menambah apa nama...

Y.B. Dato' Speaker : Ikan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Sumber ikan. Jadi, kita tidak mahu ikan yang sedikit, yang nelayan sedia ada pun tak cukup makan ditambah lagi nelayan baru nanti akhirnya semua rugi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi, supaya ini hanya untuk menjaga kepentingan keseluruhan maka sebab itu dihadkan sementara ini lesen-lesen nelayan ini. Ini serupa macam PKK. PKK pun tak keluar lesen, lesen F pasal dah banyak sangat lesen. Begitu juga nelayan itu kita guna *approach* yang sama Yang Berhormat, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat, jemput.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Adakah terdapat cadangan untuk menaikkan elaun bilal dan noja seluruh Negeri Johor agar kebajikan mereka terjaga?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa ini terdapat 1,741 bilal dan 792 noja yang berkhidmat di masjid dan surau-surau seluruh Negeri Johor. Dan, pihak kerajaan telah memberi elaun kepada bilal surau sebanyak RM20.00 sebulan dan noja sebanyak RM30.00 sebulan, noja

masjid. Elaun ini adalah sebagai sagu hati kepada pegawai-pegawai masjid dan surau ini dan bukannya gaji bulanan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, elaun.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun masing-masing nampaknya kecil eh, jumlah RM20.00 dan RM30.00 ini, Kerajaan Negeri Johor membelanjakan sebanyak RM1,747,960.00 setahun kepada untuk kedua-duanya, ya. Dan, pecahannya adalah seperti berikut Yang Berhormat Dato' Speaker. Bagi bilal surau sebanyak RM417,840.00, manakala imam surau sebanyak RM1,045,000.00, jadi jumlah ialah RM1,462,840.00. Manakala bagi noja masjid ialah sebanyak RM285,120.00, jadi jumlah keseluruhannya ialah sebanyak RM1,747,960.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang memberi perhatian tentang perkara ini dan apa-apa pun kita tunggulah agar diputuskan, keputusan oleh kerajaan sama ada menaikkan ataupun mengekalkan kadar yang ada sekarang ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya beri Kemelah dahulu.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Dato' Speaker, terima kasih atas ucapan, atas jawapan yang telah diberikan cuma saya ingin menanyakan tentang apakah kriteria ataupun garis panduan yang dibuat oleh Majlis Agama ataupun Jabatan Agama dalam usaha untuk menentukan elaun noja dan juga bilal walaupun tadi dikatakan bahawa ianya berupa sagu hati. Adakah nilai sagu hati RM50.00, RM30.00 ataupun RM20.00 itu mencerminkan hasrat Kerajaan Negeri untuk meninggikan syiar Islam di Negeri Johor ini berbanding dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang lain yang tentunya tidak mencerminkan hasrat kita untuk melahirkan generasi dan juga masyarakat yang cinta kepada Islam. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak berapa jelaslah soalan itu sebab, namun demikian kita sedar sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah yang diberikan itu sudah tentulah kecil. Walau bagaimanapun, saya katakan tadi bahawa ini adalah sebagai tanda penghargaan kerajaan sahaja. Kerja ini pun bukan, kerja secara sukarela dan tanda kerajaan menghargai jasa-jasa mereka, kerajaan berikan sedikit elaun. Kita tidak tutup pintu dalam hal ini.

Y.B. Dato' Speaker : Dan, akan naikkanlah insya-Allah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bahawa perkara ini sudah pun berada dalam perhatian pihak kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Insya-Allah apa ni, apabila kerajaan putuskan nanti kita akan maklumkan kepada Dewan Negeri. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Senggarang.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Saya lihat rakyat tidak melihat dari segi jumlah RM1.7 juta yang dibelanjakan. Tapi, mereka akan banyak melihat dari segi noja dapat RM30.00 sahaja sebulan, bilal RM50.00 sahaja sebulan itu yang mereka lihat, yang dikatakan begitu rendah ataupun walaupun itu sebagai sagu hati kerajaan kepada kedua-dua jawatan ini. Jadi, saya ingin mencadangkanlah kalau boleh dapatlah dipertimbangkan agar insentif ini ataupun sagu hati ini dapat ditambahlah ke angka yang lebih sesuai dan mungkin juga adakah, ada tidak cadangan lain dari segi menjaga kebajikan mereka insentif-insentif lain untuk bilal, untuk noja yang disediakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Senggarang. Sebagaimana yang saya dah nyatakan tadilah memanglah jumlah kecil, kalau nak kirakan sumbangan mereka. Sebenarnya kalau nak kirakan kerajaan, kalau nak kirakan ini bukannya kakitangan kerajaan. Dia berkhidmat sebagai secara sukarela sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Sukarela, sukarela jugalah tiap-tiap waktu dia kena bang. Berat tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yalah,tanggungjawab.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah kalau Yang Berhormat bilal…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Jadi, kerajaan prihatin, kerajaan bukan tak prihatin. Dan, sebab itu saya nyatakan tadi perkara ini pun memang dah ada dalam perhatian kerajaan dan sedang dikaji mungkin kita tengok kajian secara menyeluruh. Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat adakah insentif-insentif lain yang boleh, sebab kita juga terikat dengan peraturan-peraturan kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah elaun tak apalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Jadi, kita tak boleh bagi begitu sahaja sebab kalau kita bagi yang ini, mungkin yang lain pula yang tak cukup jadi masalah. Apa pun sebagai yang saya nyatakan tadi, kerajaan akan, kerajaan sedang melihat perkara ini dan apa keputusan nanti akan dimaklumkan nanti.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, nanti Yang Berhormat, saya belum cakap lagi, belum suruh. Sungai Abong lepas tu Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya menyokong sepenuhnyalah cadangan untuk menaikkan elaun kepada bilal dan noja dan juga imam seterusnya. Walau bagaimanapun, di

antara masalah yang dihadapi oleh bilal, noja ni dari segi pembayaranlah walaupun sedikit tapi masalahnya arahan untuk membuat pembayaran tu dahulu katakannya melalui Bank Simpanan Nasional selepas itu katanya diubah kepada bank lain, jadi ini menimbulkan masalah kepada bilal, imam daripada kampung-kampung untuk menukar akaun mereka kepada bank yang lainlah.

Y.B. Dato' Speaker : Ini bilal dan noja punya cerita aje, Yang Berhormat eh.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi, sebahagiannya dia tu tak tukar bank, jadi dia tak dapat elaun. Itu yang dia kompelin tak dapat elaun tu. Jadi, permudahkan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Heh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat. Memanglah kalau biasanya, kalau berlaku pertukaran benda baru memang ada masalah sikit daripada BSN kepada Bank Rakyat dan sebagainya. Tapi, saya nak beritahu Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya elaun-elaun yang kita bayar kepada mereka ini telah pun diselesaikan. Mungkin ada sedikit masalah, sedikit masalah sebagai contohnya masalah teknikal. Sebagai contoh misal katakan ada kesilapan dalam nombor kad pengenalan ataupun nombor akaun, nombor akaun masing-masing di institusi perbankan yang mereka simpan duit itukan. Namun demikian, pihak jabatan telah mengarahkan supaya apabila mereka ini kemukakan borang permohonan tu pada peringkat awal tu, bukan sahaja mereka kena tulis nombor IC mereka ataupun bank akaun, mereka perlu juga menyertakan salinan kad pengenalan dan juga muka depan yang menyatakan apakah nombor akaun bank mereka sama ada dikatakan di Bank Rakyat dan sebagainya. Supaya ini dapat mengurangkan masalah teknikal seperti kesilapan mengambil ataupun nombor akaun masing-masing. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Tenang, ok, *last*.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya begitu terharu mendengarkan elaun noja dan bilal ni hanya RM20.00 dan RM30.00. Kalau kita ambil RM30.00 maknanya satu hari RM1.00, orang tu menjerit satu hari lima kali dapat RM1.00 sehari.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan menjerit, bang.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Soalan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, bilakah kadar ini dimulakan adakah tahun 50-an, 60-an atau 70-an. Kalau 50-an dulu mungkin cukup RM30.00 Dato' Speaker. Ini bukan lagi satu sumbangan yang sangat tidak adil sebaliknya merupakan, walaupun ianya merupakan khidmat sukarela tapi jumlah tersebut lebih daripada miskin tegar yang amat tegar Dato' Speaker. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira bila…

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Jumlah ni dibayarkan tak begitu relevan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, benda itu sikit, tak ingat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang relevan sekarang ialah berapa yang dibayar sekarang, RM20.00 dan RM30.00 itu yang relevan. Dan, sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa memang kerajaan peka, kerajaan sedar tentang hal ini. Tetapi, kerajaan juga terikat dengan peraturan-peraturan biasa. Kalau kita nak naik, kita jangan lupa sebagaimana yang saya nyatakan di peringkat awal-awal tadi, bilangan kakitangan ini ialah sebentar Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa carilah sampai bila Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ada, ada, saya ada.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Macam bilangan noja.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa punya pula telefon ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bilangan noja kita ada 792 orang di seluruh Negeri Johor dan kita ada bagi bilal pula 1,741 orang dan jumlah dan termasuk yang kita bayar untuk imam sekali RM1.7 juta. Walaupun dia nampak sikit RM20.00 aje, RM30.00 kalau kita naikkan RM20.00, RM30.00, RM40.00, RM100.00 jumlah dia besar. Mana yang lebih baik kita dapat sedikit daripada kita terus tak dapat.

Y.B. Dato' Speaker : Memanglah bagus dapat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kita dapat sikit, tetapi kita dapat tapi kalau kita banyak, kerajaan, katakan kerajaan tak mampu nak menanggung yang tu terus tak dapat.

Y.B. Dato' Speaker : Duit zakat banyak Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Seperti yang saya nyatakan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Duit zakatkan banyak? Duit zakat, duit zakat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Itu dah lain, itu kemudian. Jadi, namun demikian, yang saya nyatakan tadi bahawa kerajaan memang peka benda ni dalam perhatian pihak kerajaan. Sebab kita kena selaraskan dari segi jumlah yang kita nak bagi, berapa nak bagi, imam berapa, kalau kita bagi yang inikan, yang ni pun minta juga.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Macam baru-baru ni, Yang Amat Berhormat memaklumkan bahawa elaun untuk guru KAFA dan juga elaun untuk TAJ kita naikkan. Dia ada implikasi kewangannya yang terpaksa kita tanggung.

Y.B. Dato' Speaker : Takpelah, insya-Allah timbang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker, kita beri jaminan dalam ini kerajaan akan sedang, sedang tengok ni dan kalau apa pun pertambahan kita akan maklumkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ong Kow Meng, jemput.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan ke-4.

Kenapa penyewa-penyewa di rumah pangsapuri Iskandar cuma terhad menyewa unit-unit kediaman mereka pada setahun sahaja dan terpaksa memperbaharui penyewaan tahunan dengan dikenakan kos RM120.00? Bolehkah mereka diberikan pajakan bagi tempoh 99 tahun?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai latar belakang ah, untuk makluman dia, Projek Perumahan Rakyat atau PPR, dia bukan pangsapuri, dia Projek Perumahan Rakyat Iskandar adalah salah satu daripada 4 projek PPR yang telah siap dibina oleh Jabatan Perumahan Negara di negeri kita ni dan projek ini yang terdiri daripada 9 blok dan mempunyai 960 unit telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri pada 27 Disember 2007, selepas mendapat Sijil Layak Menduduki. Projek Perumahan Rakyat ini mula dibina pada tahun 2004 dan siap pada tahun 2007 dengan kadar sewa rumah kesemua PPR adalah sebanyak, termasuk PPR Iskandar ni sewa dia, sewaan adalah RM124.00 sebulan.

Dan, untuk makluman Dewan, Yang Berhormat Dato' Speaker, syarat-syarat untuk sewa adalah bagaimana berikut:

i. Warganegara Malaysia.
ii. Berumur 18 tahun ke atas tetapi tidak melebihi 50 tahun.
iii. Berkahwin termasuk juga duda dan janda.
iv. Pendapatan bersama suami isteri tidak melebihi RM1,500.00 sebulan.
v. Tidak mempunyai rumah atau tanah untuk buat rumah di Negeri Johor.
vi. Satu permohonan bagi pasangan suami isteri kecuali lain-lain isteri ya.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, apa maksud tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Maknanya satu permohonan bagi suami isterilah, isteri kedua, ketiga carilah rumah sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kesian tengok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :

vii. Kelahiran Negeri Johor.
viii. Tempoh menetap di Negeri Johor tidak kurang 10 tahun sekiranya kelahiran luar Negeri Johor ya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penyewa-penyewa di PPR Iskandar dibenarkan untuk menyewa rumah tersebut bagi tempoh 2 tahun eh, bukan setahun, 2 tahun. Selepas daripada tempoh itu, penyewa perlu memohon untuk menyambung tempoh sewaan. Ini adalah peraturan sedia ada untuk semua PPR yang ditetapkan oleh kerajaan. Dan, mengenai kos memperbaharui perjanjian ini seperti yang dibangkitkan oleh ADUN, ADUN Senai ya ialah sebenarnya RM50.00 bukan RM120.00. Ini satu amaun yang cukup rendah, RM50.00 bagi memperbaharui dan membuat perjanjian. Dari itu, RM50.00, kos guaman, RM20.00; setem, RM20.00; kos pentadbiran, RM10.00; jadi RM50.00 lah.

Penyediaan rumah-rumah sewa kerajaan termasuk PPR Iskandar adalah salah satu dasar kerajaan untuk beri peluang sewa kepada rakyat yang berada dalam golongan yang rendah, golongan sasar iaitu golongan berpendapatan rendah dan masih belum punya rumah serta termasuk dalam program peningkatan taraf hidup setinggan Negeri Johor amnya dan di Wilayah Pembangunan Iskandar khususnya.

Oleh kerana itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, tidaklah perlu diadakan dasar untuk memberi pajakan selama 99 tahun kerana rumah ini ialah untuk sewa dan bukan pajakan. Dan, kerana juga jika seseorang penyewa itu sudah mampu kerana sewa dia rendah ni, dia boleh menyimpan duit dia, pendapatan bulanan dia, sampai satu ketika nanti dia mampu beli rumah murah atau kos sederhana ataupun rumah biasa, maka ia perlu berpindah daripada rumah PPR ini untuk membolehkan orang lain yang sedia menunggu dalam senarai untuk menyewa dan duduk dalam rumah-rumah PPR ini, unit-unit PPR. Dan, dasar ini akan diteruskan sebagai salah satu langkah dalam usaha kita untuk membangunkan taraf hidup rakyat golongan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasihlah atas jawapan yang begitu lengkap sekali daripada EXCO berkenaan. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dikatakan sewaan rumah tersebut adalah untuk 2 tahun tetapi saya difahamkan bahawa pihak pengurusan memaksa penyewa-penyewa membaharui sewaan setiap tahun. Mereka setiap tahun setelah tamat 2 tahun berkenaan terpaksa membayar kos untuk membaharui sewaan untuk setiap tahun, bukan untuk 2 tahun. Lagi satu, lebih-lebih lagi adalah difahamkan

bahawa syarat sewa ini, rumah ini adalah maksud untuk penyewaan. Saya nak tanya kenapa kerajaan oleh kerana penyewa-penyewa terdiri daripada orang-orang yang amat miskin sekali, mengapa tidak ada rancangan untuk menawarkan akhir sekali jualan hartanah tersebut kepada mereka yang kian amat menderita mereka oleh kerana pendapatan mereka amat rendah, saya rasa ini soalan saya saja. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan perkara pertama yang dibangkitkan iaitu setahun dan kita baru, saya dah jawab tadi. Dia bukan setahun, dia 2 tahun untuk PPR Iskandar dan bayaran dia pun bukan RM120.00 untuk membaharui iaitu sekarang RM50.00 lah. Sama ada kita nak jual atau tidak, saya ingat ini belum timbul lagi di negeri kita kerana kita masih banyak lagi pendapatan rendah yang hendak, yang perlu pada sewa. Dan, tadi saya dah cakapkan bahawa dasar ini oleh kerana sewa ini rendah RM124.00…

Y.B. Dato' Speaker : Ramai orang hendak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Sebulan dalam kawasan Johor Bahru misalannya maka ini, dengan harapan bahawa ini membolehkan keluarga itu sendiri untuk menabung ataupun menyimpan duit dan di masa yang sama oleh kerana ada peluang-peluang tertentu kepada keluarga-keluarga yang berkenaan mungkin dengan pendapatan yang lebih dia boleh mampu beli rumah sendiri, rumah kita banyak rumah kos rendah oleh swasta yang ada dan ini boleh untuk membolehkan mereka beli rumah dan selepas beli rumah mereka akan disyaratkan supaya berpindah tidak menyewa lagi dan duduk di rumah sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Dato' Speaker. Soalan tambahan adalah jikalau, sama ada skim sewa dan beli dipertimbangkan pada masa akan datang untuk penyewa-penyewa rumah kos rendah kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ini, rumah Iskandar ni aje.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Berkaitan dengan Iskandarlah, memang untuk rumah pangsapuri dekat Iskandar.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Setakat ini belum ada lagi Dato' Speaker, untuk PPR Iskandar skim sewa dan beli.

Y.B. Dato' Speaker : Paling murahlah dalam dunia eh, RM50.00. Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah, jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Apakah perancangan FELDA untuk menyusun semula kawasan penjagaan di FELDA yang tidak teratur?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat. Kawasan perniagaan FELDA yang kurang teratur adalah disebabkan pembinaan bangunan kedai yang tidak mengikut pelan yang diluluskan. Oleh kerana kawasan perniagaan berkenaan telah lama wujud maka usaha menyusun semula perlu dilakukan secara bersepadu kerana melibatkan urusan tanah dan juga peraturan berkaitan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada masa ini FELDA tidak mempunyai peruntukan khas untuk menyusun semula kawasan-kawasan perniagaan. Oleh kerana penyusunan semula kawasan perniagaan memerlukan peruntukan yang besar dan berbagai prosedur berkaitan tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan, FELDA akan mengaturkan perbincangan dengan jabatan dan juga agensi yang berkaitan bagi mencari penyelesaian terhadap isu ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Koh Chee Chai, jemput.

Y.B. Encik Koh Che Chai (Penggaram) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Bilakah pengambilalihan tanah dan rumah yang menyebabkan banjir kilat setiap kali hujan lebat di Taman Tanah Merah akan dilakukan memandangkan cadangan daripada pakar perunding telah dikemukakan kepada kerajaan beberapa tahun yang telah lalu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan untuk ambil balik tanah termasuk rumah yang terletak di Taman Tanah Merah Batu Pahat seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Penggaram telah pun diluluskan dan dijangka dapat dilaksanakan pada tahun hadapan. Pengambilan balik tanah ni perlu memandangkan sebuah rumah banglo yang menyekat aliran air dan menjadi punca banjir kilat satu daripada sebab-sebabnya yang menjadikan banjir kilat di taman berkenaan yang terakhirnya sebelum Hari Raya Aidilfitri yang lalu.

Kaedah ini dicadangkan sebelum kajian hidraulik oleh Pakar Perunding yang dilantik oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat disiapkan. Majlis Perbandaran Batu Pahat melalui cadangan Pakar Perunding telah juga mencadangkan 2 kaedah bagi mengatasi masalah banjir kilat di Taman Tanah Merah iaitu:

i. Kolam Takungan Bawah Tanah yang akan memakan belanja yang besar.

ii. Menaik taraf perparitan di sekitar Taman Tanah Merah.

Bagi menangani masalah banjir kilat dalam jangka masa pendek sementara mendapatkan peruntukan, Majlis telah melaksanakan dua tindakan Yang Berhormat Dato' Speaker, tindakan serta merta iaitu:

i. Membina dan menaik taraf pembetung yang telah dibuat pada tahun 2008 dengan belanja RM35,000.00.

ii. Dan pada bulan November tahun ini, bulan ini kerja-kerja membina kolam tadahan berpusat ataupun *detention pond* dengan izin telah pun siap dibina di atas kawasan lapang sedia ada dalam taman itu yang melibatkan kos sebanyak RM95,200.00.

Jadi ini merupakan tindakan serta merta jangka pendek yang diambil oleh Majlis sementara nak tunggu PBT itu dibuat dan rumah sebuah yang menyekat aliran air daripada berjalan lancar dapat dialihkan atau dibina parit baru. Perbandaran yakin, Majlis Perbandaran juga yakin kedua-dua kaedah ini dapat membantu mengurangkan masalah banjir kilat sekiranya hujan lebat dan keberkesanannya akan dipantau dari masa ke semasa di kawasan taman yang berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Rasman bin Ithnain, jemput.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Apakah pandangan Majlis Agama Negeri Johor terhadap arahan Jabatan Perikanan Malaysia tersebut serta pihak manakah pula yang dipertanggungjawabkan untuk menggantikan peranan Majlis Agama Negeri Johor dalam membantu golongan nelayan yang memerlukan ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Agama Islam Negeri Johor mewujudkan bantuan berdikari bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan tahap ekonomi mereka kepada yang lebih baik. Antaranya menyalurkan bantuan peralatan untuk bekerja seperti mesin jahit, mesin pemotong rumput dan enjin-enjin bot. Ekoran daripada pandangan Jabatan Perikanan Malaysia supaya tidak menyalurkan bantuan enjin dan bot kepada nelayan MAIJ telah mendapatkan penjelasan daripada Jabatan berkenaan...

Y.B. Dato' Speaker : Tadi, dah jawab kan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ya, ini soalan yang dibangkitkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, rasa Yang Berhormat dah jawab pasal kes sabut tadi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kalau macam itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira soalan ini telah pun dijawab dan saya tak payah ulang.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, tak payahlah kalau dijawab soalan itu melainkan kalau soal benda berlainan. Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsuddin, jemput.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsuddin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 8.

Apakah tindakan kerajaan untuk membangunkan sebuah pasar awam yang serba moden dan selesa di daerah Batu Pahat bagi menggantikan premis lama yang berusia lebih setengah abad ini?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, banyak soalan eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, projek untuk membina pasar awam baru yang serba moden dan selesa di daerah Batu Pahat di peringkat perancangan bagi menggantikan pasar awam lama yang dah berusia lebih setengah abad ini. Dan untuk makluman, anggaran peruntukan yang diperlukan oleh Majlis untuk bina pasar borong awam yang baru ini akan menelan belanja yang dianggarkan sebanyak RM12 juta termasuklah kos untuk balik tanah, kalau perlu, kalau perlu ambil balik tanah, kos dia dan juga kos untuk bina bangunan.

Di antara komponen pasar yang ada ini, adalah untuk yang baru ini untuk menempatkan 14 petak penyewa sayur sedia ada dan 38 petak pemborong ikan sedia ada. Tambahan ruang-ruang perniagaan lain berkait dengan aktiviti borong dan medan niaga untuk aktiviti-aktiviti sokongan akan disediakan juga. Kemudahan-kemudahan lain yang disediakan ialah perkara-perkara biasalah seperti tandas awam, surau, pejabat kecil, Majlis, ruang tempat letak kereta, ruang punggah-memunggah, ini yang mustahak yang patut diutamakan dalam mana-mana perancangan untuk pasar, iaitu ruang punggah-memunggah, *loading bay* dan perhentian bas. Bagi pasar awam sedia ada, ianya akan dikekalkan. Aktiviti-aktiviti akan disusun semula dan bangunan berseni bina lama ini akan dipelihara dan disokong dengan persekitaran landskap yang menarik dan laluan pejalan kaki. Ia juga boleh dijadikan sebagai pusat atau pasar seni hasil produk-produk tempatan dengan kedudukannya yang berada di pinggir Sungai Batu Pahat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 9.

Kini harga baja dan racun telah turun antara 30-50% dan petani berasa gembira. Tetapi penternak sama ada penternak lembu, kambing dan ayam rasa tertekan kerana harga makanan seperti PKC dan sebagainya terlalu mahal malahan naik hingga 100-150%. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal kenaikan harga yang melampau?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dapat dinafikan industri ternakan di Malaysia agak kerap

mengalami saat-saat kesukaran kerana input utama pengeluarannya iaitu makanan ternakan amat bergantung kepada bahan-bahan mentah seperti jagung dan soya yang hampir 100% diimport dari luar negara. Lebih-lebih lagi komponen ransom makanan ini merupakan 60-70% daripada kos pengeluaran. Begitu juga dengan PKC, dengan izin, *Palm Kernel Cake* yang merupakan sisa pertanian daripada industri kelapa sawit Malaysia sendiri diperdagangkan secara komoditi antarabangsa yang mana turun naik harganya bergantung kepada tekanan pasaran ataupun dengan izin, *market forces*. Setakat ini kerajaan lebih cenderung untuk tidak mengganggu harga pasaran komoditi ransom ini tetapi lebih kepada usaha-usaha dalaman yang boleh meningkatkan lagi pengeluaran tempatan dan pada masa yang sama menggalakkan amalan pengurusan ladang yang lebih cekap. Oleh itu, bagi menangani masalah ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memperkenalkan beberapa pendekatan bagi mengatasi masalah ini iaitu :

i. Memperkenalkan insentif pengeluaran di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan sebagai salah satu pendekatan pakej rangsangan ekonomi untuk meningkatkan pengeluaran pertanian termasuk penternakan. Skim insentif ini telah dimulakan sejak bulan Jun 2008 dan sehingga kini masih diteruskan dan dengan pelaksanaan, verifikasi dan pemantauannya di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

ii. Menggalakkan penggunaan rumput segar yang bermutu yang merupakan makanan asas bagi ternakan ruminan iaitu lembu, kambing, biri-biri, kerbau. Ditanam dan diusahakan sendiri oleh peserta di kawasan fidlot. Kaedah peransoman 60% penggunaan rumput segar dengan hanya menggunakan 40% makanan pelet ataupun konsentrat dijangka mampu mengurangkan bebanan kos makanan dalam komponen kos pengeluaran. Seterusnya galakan terhadap penggunaan bahan makanan yang lain terdiri daripada sisa makanan seperti sisa pertanian dan silaj. Silaj iaitu satu jenis rumput ataupun pelepah kelapa sawit yang telah diperam dengan EM yang boleh diperolehi dengan harga yang lebih murah. Harga pertanian seperti hampas dan kulit nenas, pelepah kelapa sawit, batang jagung pun boleh juga digunakan sebagai makanan ternakan dan dijadikan daripada komponen silaj yang amat digemari oleh ternakan fidlot serta tinggi nilai pemakanannya. Untuk tujuan ini, kerajaan juga telah memulakan usaha untuk mewujudkan pengusaha yang memberi pengkhususan dalam pengeluaran makanan seperti ini. Sebagai langkah permulaan *pilot project*, 5 pengusaha makanan ternakan akan diwujudkan pada tahun ini dan lebih ramai akan diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia yang Ke-10.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan dari EXCO tadi iaitu ada perancangan nak mengeluarkan bahan makanan untuk menampung keperluan. Akan tetapi, buat sementara menunggu projek itu dijalankan apakah perancangan kerajaan untuk menurunkan cukai import bagi jagung dan *soya bean* supaya dapat menurunkan harga lagi makanan ternakan? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Seperti yang telah saya sebutkan tadi, kerajaan tidak akan mengganggu harga pasaran komoditi ransom ini tetapi kerajaan lebih mengusahakan dalam meningkatkan pengeluaran di peringkat dalam negara.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 10.

Beberapa banyak tunggakan pada setiap bulan sewa petak letak kereta syarikat Fajar Able Parking (J) Sdn. Bhd. kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru mulai Januari 2008 hingga Oktober 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, tunggakan setiap bulan sewa petak letak kereta syarikat Fajar Able Parking (J) Sdn. Bhd. kepada Bandaraya Johor Bahru mulai Januari 2008 hingga Oktober 2009, jumlah besarnya ialah RM2,285,745.75 sahaja. Atas kadar jumlah petak sebanyak 16,819 petak, RM12.00 sepetak sehari. Pada pukul ratanya setiap bulan daripada Januari 2008 hingga Oktober 2008 ialah RM196,416.00 sebulan dan daripada November tahun lepas hingga Oktober tahun ini sebanyak RM201,828.00 sebulan.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato'...

Y.B. Dato' Speaker : Hm...Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya memang ucapkan terima kasih khasnya kepada Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahri yang memberikan jawapan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Pengerusi...

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Pengerusi...

Y.B. Dato' Speaker : Kerajaan Tempatan...

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Kerajaan Tempatan...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak payah sebut-sebut nama...

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : ...tapi soalan tambahan saya, iaitu sepanjang pengetahuan saya bahawa Fajar Able Johor Sdn. Bhd. memang sentiasa berhutang kepada pihak MBJB tentang bayaran apa, ruang letak kereta kepada pihak MBJB. Saya nak tahu mengapa Fajar Able selalu berhutang, kadang kala pada setiap bulan boleh berhutang berjuta ringgit. Saya ingat tak pernah ada satu syarikat boleh berhutang begitu banyak kepada pihak kerajaan. Kalau keadaan ini kita tidak mengatasi saya ingat

kedudukan ruang letak kereta yang begitu sedia kekurangan di MBJB memang masih menghadapi masalah lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, ikut rekod yang dibayar oleh syarikat ini kepada Bandaraya, daripada bulan 1 tahun 2008, bulan Januari 2008 hingga Oktober 2008, tahun itu, syarikat ini membuat bayaran bulanannya setiap bulan hinggalah November, minta maaf saya, Oktober dia bayar, Januari hingga Oktober 2008 dia bayar RM196,416.00 sebulan. Maknanya dia bayar tiap-tiap bulan. Bulan November, dia ada bayar kurang sikit iaitu RM125,366.25 daripada jumlah yang sepatutnya dia bayar RM196,416.00 itu tadi. Selepas bulan itu, daripada bulan Disember hinggalah bulan Oktober, satu sen pun belum bayar. Ini mungkin ada sebabnya kerana selepas penswastaannya diperbaharui. Sehingga kini dia masih lagi dalam peringkat interim kerana belum lagi menandatangani perjanjian yang masih disiapkan oleh UPEN dan saya dah minta UPEN supaya untuk menyegerakan menandatangani, untuk menandatangani perjanjian yang telah, yang akan dimuktamadkan di atas jumlah petak yang telah pun dipersetujukan bersama. Sebelum itu, mengikut penswastaan yang pertama, jumlah petaknya ialah 22,213 tetapi setelah disemak semula ada banyak petak-petak yang memang tidak aktif jadi ini atas perundingan bersama oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan di bawah UPEN telah dipersetujukan bersama iaitu jumlah petaknya sekarang ialah 16,819 petak. Dan, kalau pun selepas ini, kalau kita tidak perkara ini berterusan, sudah tentunya kerajaan akan meminta supaya tindakan yang tegas diambil mengikut perjanjian yang ditandatangani itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan, Dato' Speaker. Menurut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi, Fajar Able Parking sudah berhutang banyak dan tidak menunjukkan komitmen untuk menjelaskan pajakan. Sama ada dalam perjanjian baru akan ditawar secara terbuka atau dikembalikan kepada Fajar Able Parking semula.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ini terpulang kepada hutang yang ada pada ketika itu, sebelum nak janji, *sign*, tandatangan perjanjian kita akan tentukan, semua hutang hendaklah dibayar dulu, kerana persetujuan untuk menyambung semula telah pun diberi tetapi kalau prestasinya berterusan pun macam ini. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas kepada syarikat yang berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan nombor 11.

Apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri dan FELDA supaya kawasan pekan atau kawasan perniagaan rancangan di FELDA di masukkan di dalam kawasan Majlis Daerah di daerah-daerah berkenaan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebahagian besar rancangan FELDA berada agak jauh dari bandar ataupun kawasan kawalan dan seliaan Majlis Daerah. Kemasukan rancangan FELDA dalam kawasan Majlis Daerah mungkin menyukarkan Majlis Daerah menyalurkan perkhidmatan yang sepatutnya diperolehi. Walau bagaimanapun, pengurusan FELDA akan membuat penilaian kesesuaian rancangan FELDA dimasukkan dalam kawasan Majlis Daerah, sebelum mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Dato' Speaker. Setahu saya, rancangan apa dipanggil, FELDA Global dah dilancarkan oleh Perdana Menteri. Bagaimana rancangan itu boleh membawa manfaat melalui Kerajaan Negeri dan FELDA setempat untuk memajukan peneroka-peneroka FELDA.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebenarnya soalan tersebut, saya tidak apa ni, ada kaitan dengan soalan ditanyakan tetapi saya boleh menjawab dari segi apa yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya dari segi, keceriaan di dalam kawasan FELDA itu sendiri berhubung dengan perkara ini. Kerana sekarang ini, daripada pihak FELDA sendiri mulai tahun 2004, FELDA memberikan sumbangan atas kadar 2:1 iaitu RM2.00 disumbangkan oleh FELDA dan RM1.00 oleh peneroka bagi membiayai kos untuk kita menceriakan kawasan rancangan FELDA dan juga program-program pelupusan sampah dan sebagainya. Dan banyak lagi program-program yang kita bawa ke dalam rancangan FELDA, untuk kita meningkat dan maju serta menaikkan lagi taraf keceriaan dan pembangunan di kawasan FELDA itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, habis masa. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Siapa-siapa yang nak berucap jemput bangun. Ha, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Salam 1Malaysia dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan ruang dan kesempatan pada saya untuk turut serta membahaskan Ucapan Bajet 2010, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, pada 19 November yang lalu. Marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dapat kita bersidang

dan berbahas di Dewan yang indah di Kota Iskandar ini. Dan mudah-mudahan dapat petunjuk, rahmat dan keberkatannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keyakinan kita terhadap pendekatan, pembangunan holistik yang diperkenal dan diperkasakan oleh Kerajaan Negeri dengan dokongan kecekapan jentera pentadbiran negeri dan nikmat pembangunan dan peningkatan kesejahteraan yang dirasai oleh rakyat, telah berjaya menjana potensi sumber alam dan penggilapan sumber insan, Bajet 2010 yang bertemakan, Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama, pastinya menjadi peta jalan atau *road map*, bagi kita terus meluncur mencapai taraf negara maju berpaksikan Wawasan 2020. Yang hari ini, kita menyaksikan kemampuan dan kecekapan kita memacu negara, dengan ketinggian intelek menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan global yang tidak pernah reda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pembentangan Bajet 2010. Yang rasanya, bajet tersebut adalah amat mantap dan meyakinkan. Walaupun defisit bajet, defisit, tetapi defisitnya hanya sekitar RM1.5 juta sahaja. Kita yakin, ianya terus mampu untuk memacu negara dan Negeri Johor menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih berkesan. Demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama berpaksikan kepada empat strategi dan langkah-langkah berkesan yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa pembentangan Bajet. Dengan langkah-langkah berkesan ini, dan sentiasa mengamalkan dasar berhemat dan mengutamakan nilai kewangan, diharapkan kita semua terutamanya penjawat-penjawat awam, akan dapat mendokong lebih bergerak dan beredar dan saya berharap dengan pendekatan itu, awan mendung boleh bergerak dan beredar. Kemuraman ekonomi bercahaya dan menyinar semula, untuk memacu pertumbuhan dan menyelamatkan negara dari sebarang malapetaka dan terus bangkit mengangkat semula daya tahan dan daya saing negara. Ianya juga merupakan, pembuka tirai kepada model ekonomi baru yang sedang di rumus oleh kerajaan. Mari kita sambut penegasan harapan dan impian yang hendak dicapai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, sebagai satu komitmen dan kesungguhan dari pucuk pimpinan negeri, Wakil Rakyat serta seluruh jentera pentadbiran awam, bersatu tenaga membantu kerajaan dan terus berbakti kepada rakyat demi kesejahteraan bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita berkeyakinan penuh dengan keutuhan negeri yang stabil dan mantap, ianya mampu membimbing rakyat Negeri Johor untuk sama-sama menghadapi sebarang cabaran global. Ini terbukti apabila negara berjaya melepasi pelbagai halangan dan masalah pada masa lalu. Hari ini, kita berjaya meneruskan agenda pembangunan negara menerusi pendekatan dan gagasan baru yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagi memastikan misi tradisi tradisional membela rakyat iaitu terus diperkasakan sesuai dengan pendekatan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Kita bersyukur, kerana kita berada dalam sebuah negara yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Sistem ini, telah diterima oleh seluruh rakyat Malaysia daripada semua lapisan keturunan dan masyarakat. Setelah diperjuangkan oleh para pejuang kemerdekaan

terdahulu, dengan semangat patriotisme 1Malaysia yang luhur. Dengan sistem ini, kita telah dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni. Rakyat dapat menghirup udara keamanan dan menikmati kemakmuran dan kemajuan dalam pelbagai bidang, baik ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan sebagainya, sehingga hari ini. Kestabilan dan keamanan yang kita nikmati selama ini, adalah di dokong oleh kecekapan dan kebijaksanaan pihak polis dan Pasukan Keselamatan Negara, bagi memastikan keamanan menjadi keutamaan di puncak teratas.

Oleh yang demikian, sewajarnyalah kita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Pasukan Keselamatan Negara terutamanya, Polis Di Raja Malaysia dan juga Angkatan Tentera dan Jabatan lain seperti RELA, yang terlibat memastikan keamanan seluruh rakyat dalam negara ini. Keamanan yang kita nikmati bagi seluruh rakyat di dalam negara ini, di mana dalam apa keadaan jua pun kita dapat tidur nyenyak. Inilah nikmat yang mesti kita syukuri. Di antara kecekapan, di atas kecekapan dan dedikasi mereka kadar jenayah di Negeri Johor dapat dikurangkan dan menunjukkan aliran menurun. Pelbagai langkah dan tindakan telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor seperti di dalam Bajet 2010, untuk mencapai sasaran KPI 20%, pengurangan kes-kes jenayah Negeri Johor.

Oleh itu, setiap rakyat harus sedar dan insaf akan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh Anggota Keselamatan Negara. Rakyat mesti menyanjung tinggi pengorbanan mereka. Janganlah dilukakan perasaan dan hati mereka. Janganlah kita jadi masyarakat yang menyanjung penjenayah pula. Manakala polis terus dipersalah dan disinggung. Tugas polis melindungi keselamatan orang awam, yang menjadi mangsa penjenayah dan mengekalkan keamanan negara. Polis tidak melindungi penjenayah. Jika penjenayah bertindak ganas dan bersenjata api, polis terpaksa bertindak mengikut keadaan termasuk aspek keselamatan anggota. Itulah kata-kata yang diluahkan oleh Ketua Polis Negara, tetapi lewat-lewat ini, suara-suara sumbang mula mempertikai tugas dan tindakan polis. Ini satu perspektif yang salah. Ini tidak betul.

Yang Berhormat Dato' Speaker, slogan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, telah kita amalkan, bila kita dipertanggungjawabkan sebagai Wakil Rakyat sejak dulu lagi. Kita tidak henti-henti memperjuangkan pelbagai tuntutan rakyat dan kepentingan rakyat, tetap dan sentiasa diutama dan didahulukan. Bila rakyat hendakkan pembangunan, pelbagai projek diminta dan dituntut oleh rakyat. Rakyat hendak masjid baru, rakyat hendak surau baru, rakyat hendak jabatan, jalan tar, turap jalan semula, balai raya, dan sekolah baru dan pelbagai bantuan untuk golongan miskin OKU. Bantuan pelajaran, biasiswa, pembangunan usahawan kecil dan lain-lain, semuanya kita ajukan, semuanya kita perakukan baik kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, mahupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, atau pemimpin pusat melalui ICU ataupun Pejabat Pembangunan Negeri.

Hari ini, di DUN Bukit Naning, alhamdulillah, rakyat mendapat limpahan nikmat yang berganda-ganda walaupun tidak semuanya. Kerana ada lagi janji-janji terdahulu yang belum dapat diselesaikan. Kita sebagai Wakil Rakyat, memang tidak jemu-jemu memperjuangkan, menyuarakan tetapi pihak di atas janganlah

ambil lewa sahaja, endah tak endah perkara yang dibangkitkan. Isu atau projek yang saya maksudkan ialah Projek Pembinaan Jalan Pintas dari Kampung Kelantan, Ayer Hitam ke Tanah Merah, Pagoh. Projek ini dah banyak kali dibangkitkan. Berulang-ulang kali bukan sahaja oleh saya sendiri, tetapi telah dibangkitkan oleh 2 mantan Wakil Rakyat terdahulu. Bayangkan, saya pun dah masuk 2 penggal. Begitulah lamanya projek ini hendak dilaksanakan. Projek ini untuk makluman Dewan, pernah di tender dan *Letter of Intend* juga dah pun dikeluarkan kepada kontraktor, tetapi ditarik balik.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Berulang kali banjir melanda kawasan ini. Penantian yang begitu lama...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak tahu, kenapa dia tarik balik?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Tak cukup peruntukan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Penantian yang begitu lama menimbulkan rasa kecewa dan hampa di kalangan penduduk setempat yang didiami oleh 100% orang Melayu. Mungkin itu, mungkin itu sebab mudah dilupakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, macam manakah matlamat dan ukuran KPI dan NKRA jabatan, anggota pentadbiran dan perkhidmatan awam hendak dicapai kalau penantian bagi pelaksanaan satu-satu projek begitu lama, tangguh dan tertangguh. Jangan jadikan alasan tiada peruntukan sebagai helah. Rakyat di akar umbi dah bijak. Mereka tahu ada peruntukan khas banjir, ada peruntukan khas pakej rangsangan yang berbilion. Tolonglah tengok-tengokkan sikit, di mana keutamaannya.

Saya mencadangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menyelesaikan masalah ini, kalau bolehlah, ambil sedikit dari Peruntukan Pembangunan Negeri yang bernilai sebanyak RM228 juta seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2010 ataupun setidak-tidaknya cuit sikitlah dari Peruntukan Pejabat Menteri Besar sebanyak RM53 juta atau daripada Peruntukan Kerja Raya sebanyak RM71 juta. Kalau cadangan ini tidak boleh diterima atau tak mampu juga, saya hendak ingatkan kepada pihak yang berkenaan, jangan lupa, masukkan projek ini dalam Bajet Rancangan Malaysia Ke-10. Bolehlah nanti, bila saya balik ke kawasan, saya maklumkan kepada rakyat di akar umbi apa keputusannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya membangkitkan perkara ini kerana saya tak mahu nasib yang sama menimpa kepada beberapa projek yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri awal tahun ini, iaitu pembinaan 4 buah masjid di kawasan saya menerima nasib yang sama seperti mana pembinaan jalan yang saya sebutkan tadi.

i. Masjid baru Ayer Hitam Batu 18, yang bernilai RM1.92 juta.

ii. Masjid Kampung Kenangan Dato' Abdullah Jaafar, Batu 6, Bakri yang bernilai RM2.3 juta.

iii. Masjid Wawasan, Batu 3 Bakri, bernilai RM2.985 juta.

iv. Masjid Al-Hakim, Parit Keroma, Jalan Dato' Haji Kosai, RM1.5 juta.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak ICU yang telah memperaku dan meluluskan projek tersebut. Mengikut perancangan JKR, projek tersebut akan dilaksanakan akhir tahun ini. Sekarang nak masuk akhir tahun, atau awal tahun depan.

Oleh yang demikian, saya menyampaikan kerisauan saya dan juga kerisauan rakyat di akar umbi. Kalau boleh pihak yang bertanggungjawab dapat memberikan jangkaan tarikh sebenar dan *progress* perancangan projek tersebut hendak dilaksanakan dengan lebih terperinci.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih warga Bukit Naning kepada kerajaan yang telah menaik taraf dan membina 4 buah Taska KEMAS kepada Taska Permata KEMAS yang setiap satunya diberi peruntukan RM300,000.00. Ini merupakan perancangan jangka panjang pembangunan Modal Insan yang sedang diperkasakan dalam bajet negara yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada tahun depan, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk program permata ini. Saya memohon beberapa buah Taska KEMAS dan Perpaduan di Bakri dapat di naik taraf kepada Taska Permata. Terima kasih kepada KEMAS dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini penting untuk kita semua yang perlu saya suarakan. Sebagai Wakil Rakyat kita banyak membawa projek ke kawasan masing-masing. Tapi bila projek dilaksanakan, rakyat tak tahu siapa dapatkan projek. Dan kita pun tidak dimaklumkan, walhal projek itu kitalah yang terhegeh-hegeh berjumpa pemimpin, menteri dan jabatan. Bila lulus, senyap saja. Apalah salahnya maklumkan kepada Wakil Rakyat. Selepas itu, apalah salahnya papan tanda yang didirikan bagi projek sesuatu projek itu dan lebih cantik kalau di bawah papan tanda ditulis sedikit, 'Projek melalui Yang Berhormat Polan bin Polan'.

Y.B. Dato' Speaker : Ceh…

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : ADUN Barisan Nasional. Ingat tu, ADUN Barisan Nasional. Kawasan, kawasan mana-manalah, Sembrong ke...

Y.B. Dato' Speaker : Kawasan Naning ke, Bukit Naning ke.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Bukit Naning ke.

Y.B. Dato' Speaker : Dia segan nak cakap.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Semarang ke. Saya bangkitkan ini kerana ada negeri lain buat macam tu.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, ada negeri eh?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Ada Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Negeri Mana Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, di Selangor, melakukan perkara ini kerana di sana banyak pembangkang dan juga pemerintah daripada anu, jadi projek-projek kebanyakan projek Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, tak bolehlah dia nak fikirkan itu projek pembangkang eh projek kerajaan pembangkang tu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Masa dah 15 minit.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Ya, sekejap lagi. Ini rasanya penting dari pandangan dan persepsi rakyat dan kita pun memang buat kerja. Ini saya perhatikan di kawasan saya banyak pembinaan sekolah, baik sekolah baru mahu pun sekolah tambahan. Beberapa surau, balai raya, jambatan, menurap jalan dan lain-lain. Dan tak lama lagi akan dibina 4 buah masjid baru. Dan banyak lagi projek kalau nak disebut satu persatu. Apalah salahnya selit sikit di bawah papan tanda tu, nama kita sebagai Wakil Rakyat di kawasan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Erm...

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Saya harap, pihak yang bertanggungjawab seperti JKR, Pembangunan Negeri, JPS, Jabatan Pelajaran dan Pejabat Daerah dan lain-lain dapat membuat sedikit anjakan perubahan kepada perkara ini, terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesungguhan Kerajaan Negeri untuk membela rakyat, terutamanya golongan miskin dan miskin tegar amat jelas apabila Kerajaan Negeri memperkenalkan Skim Pemberian Rebat Bil Air kepada keluarga miskin tegar dan miskin di mana mereka akan menerima rebat bil air sehingga 20 meter padu pertama ataupun RM12.00. Manakala warga miskin menerima rebat sehingga 10 meter padu pertama atau RM4.00. Langkah ini pastinya akan dapat meringankan beban golongan sasaran. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau boleh, deposit atau wang cagaran untuk bekalan air dan bekalan api ke rumah mereka juga patut dikecualikan sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesuai dengan tema bajet 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama'. Rasanya masa sudah tiba untuk Kerajaan Negeri memberikan rebat air dan api juga dipanjangkan ke masjid dan surau serta rumah ibadat lain serta sekolah-sekolah agama seperti yang dilaksanakan di Terengganu. Semuanya percuma belaka. Kita bagi rebat, cukuplah. Saya rasa sudah tiba masanya dan wajar sekali Kerajaan Negeri menimbangkan cadangan ini. Dengan itu pendekatan rakyat didahulukan benar-benar

menjadi kenyataan dan nikmat kesejahteraan bersama benar-benar dinikmati oleh rakyat terbanyak. Inilah masanya pihak GLC seperti TNB dan SAJH yang meraih keuntungan besar setiap tahun dapat memberikan sumbangan sosialnya kepada masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang kita tertanya-tanya, bila lagi syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri, GLC Johor, seperti J-Corp dan anak-anak syarikatnya dapat meningkatkan sumbangannya kepada Kerajaan Negeri. Rakyat tahu syarikat GLC negeri ini ditubuhkan dan mencapai kejayaan dan keuntungan yang hebat dan memberangsangkan adalah hasil sumbangan besar dari Kerajaan Negeri terhadap kurniaan tanah yang beribu-ribu hektar di samping berbagai bantuan dan jaminan Kerajaan Negeri. Sebagai rakyat Johor, tentunya kita sungguh berbangga dan megah di atas pencapaian hebat dan keuntungan yang besar yang diraih oleh GLC Johor sebagaimana penjelasan jawapan bertulis oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 25 November yang lalu. Bagi tempoh 5 tahun dari 2004 hingga 2008. Itu menunjukkan keuntungan bersih.

Y.B. Dato' Speaker : Dia buat apa duit tu Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Itulah yang saya persoalkan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Jadi, kalau boleh perkara ini diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan. Tetapi yang dipertikai, sejauh mana sumbangan sosial kepada rakyat golongan miskin, rakyat Johor yang ingin mendapatkan bantuan dan juga rawatan di Hospital Pakar milik KPJ *Healthcare*, boleh diberikan potongan dan rebat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Dan sejauh mana potongan dapat dinikmati oleh kita semua sekiranya kita terlantar di hospital milik, Hospital Pakar milik KPRJ, KPJ *Healthcare* ini? Memang kita dapat *free*, tapi kerajaan kena bayar penuh. Ha, ini tak patut eh.

Akhirnya, saya menyokong saranan yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Sedili yang menyarankan supaya J-Corp segera melunaskan hutangnya sebanyak RM66 juta kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Kata untung.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Seperti yang dibangkitkan…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat kata dia untung. Habis kenapa pula ada hutang lagi?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Ini masalahnya orang kaya ya.

Y.B. Dato' Speaker : Kenapa?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Bila dia untung banyak, dia joli sesama sendiri. Hutang tak bayar.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, hutang tak bayar ya.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Mudah-mudahan jangan jadi macam itulah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah ha'ah. Ok, Yang Berhormat, masa dah habis.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Apa pula sikit lagi, dah habis ni.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Seperti yang…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, *last* ni.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Maknanya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong penuhlah usul, apa ni, saranan yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Sedili supaya pihak KPRJ ini, J-Corp ya...

Y.B. Dato' Speaker : Ada pula J-Corp.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : J-Corp ini dapat melunaskan hutang-hutang ini dan perkara ini juga pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas semasa membahaskan Bajet 2009 dulu. Dah masuk setahun lebih. Kalau belum bayar, bayarlah. Setidak-tidaknya…

Y.B. Dato' Speaker : Ni bayar dengan kerajaan mana?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Bayar dengan hutang dengan kerajaan mana ni?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Kepada Kerajaan Negerilah.

Y.B. Dato' Speaker : Kerajaan Persekutuan tak ada hutang dia?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Dia bayar bentuk cukai.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Kalau belum bayar, bayarlah. Setidak-tidaknya dapat menyuntik ekonomi Negeri Johor terus berkembang dan keluar dari zon penguncupan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Ok.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukti Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Senggarang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan, belum sebut lagi, diteruskan lagi, jemput siapa nak berucap. Ha, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Terima kasih, selamat pagi, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia ADUN Yong Peng mengucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan para hadirin sekalian. ADUN Yong Peng mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan bagi membahaskan Bajet 2010 Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim. Bajet 2010 yang bertemakan 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama' telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada hari Khamis yang mengambil masa hampir 2 jam 31 minit. Ini menunjukkan betapa prihatin Yang Amat Berhormat Menteri Besar mentadbir Negeri Johor dengan lebih Holistik dan berhemah. Bajet Negeri Johor bagi tahun 2010 adalah bajet defisit sebanyak RM1.496 juta atau 0.19% daripada anggaran hasil. Kerajaan Negeri perlu sentiasa berwaspada dan meneruskan langkan-langkah berjimat cermat supaya perbelanjaan berhemah dipraktikkan dengan mengurangkan peruntukan bagi aktiviti yang tidak produktif dan mengelakkan pembaziran. ADUN Yong Peng menyahut saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor supaya meningkatkan budaya kerja berkualiti, contohnya penubuhan Unit Audit Dalam di jabatan-jabatan. Ini telah dikenal pasti sebagai salah satu cara yang menjadikan sesuatu jabatan lebih efisien dan juga berintegriti.

Pada tahun 2010 adalah dicadangkan supaya jabatan-jabatan yang belum mempunyai Unit Audit Dalam supaya berbuat demikian. Kita boleh ambil contoh pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Faktor pertimbangan. Beberapa faktor dan perkembangan baru berkaitan dengan PBT perlu diambil kira semasa menyediakan perancangan bajet tahunan. Penjelasan setiap faktor adalah seperti berikut :

i. PBT sebagai kerajaan ketiga. PBT sebagai institusi kerajaan di lihat sebagai institusi penting dalam melakukan peranan yang dipertanggungjawabkan serta menterjemah dan melaksanakan dasar-dasar negara pada peringkat tempatan. Oleh itu, sebagai wakil kerajaan, PBT bergerak bagi pihak kerajaan dan menjalankan tanggungjawab demi kepentingan orang awam selaku pembayar cukai.

ii. PBT sebagai agensi pelaksanaan. Kerajaan Persekutuan dan Negeri hanya setakat membuat polisi manakala pelaksanaan kebanyakan polisinya dilakukan melalui PBT. Pelaksanaan program dan projek pembangunan melibatkan peruntukan wang yang banyak dalam bentuk geran dan sebagainya telah dipertanggungjawabkan kepada PBT. Dengan ini, konsep kuasa dan akauntabiliti perlu diwujudkan di setiap PBT. Hasrat orang awam, kini, hasrat, kehendak dan permintaan penduduk setempat adalah tinggi. Orang ramai berharap PBT ditadbirkan tanpa pembaziran, penyelewengan dan pemborosan. Isu-isu yang selalu berbangkit adalah berkaitan dengan kurang kecekapan pihak PBT.

iii. Kesedaran penduduk. Tahap keprihatinan rakyat terhadap prinsip-prinsip asas ketulusan, akauntabiliti, integriti dan urus tadbir yang baik dalam perkhidmatan awam khususnya oleh PBT semakin meningkat. Kini penduduk adalah lebih peka dengan masalah dan isu alam sekitar, kebersihan, sosial, ketenteraman dan keselamatan. Mereka mula sedar dan menyoal kesan buruk akibat daripada pembangunan setempat yang tidak terkawal seperti kejadian tanah runtuh di kawasan Bukit Antarabangsa baru-baru ini, banjir kilat serta pencemaran air dan udara.

iv. Persepsi dan impak politik. Kecekapan dan kelemahan pentadbiran PBT akan membawa kesan yang besar terhadap kehidupan penduduk dan rakyat setempat dan seterusnya memberi impak politik. Keputusan Pilihan Raya Umum yang Ke-12 baru-baru ini menunjukkan secara tidak langsung orang ramai beranggap PBT sebagai institusi kerajaan penting, tetapi lemah dan tidak, kurang berkesan dalam melakukan peranan yang dipertanggungjawabkan.

v. Kelemahan PBT. Terdapat banyak masalah dan kelemahan yang berkaitan dengan PBT yang sering dibangkitkan oleh orang awam. Antaranya yang jadi isu perbincangan adalah seperti berikut, pengurusan dan pentadbiran PBT kurang cekap, mutu perkhidmatan kurang memuaskan, pembaziran penyelewengan dan pemborosan...

Y.B. Dato' Speaker : Ni, ni, PBT mana ni? PBT mana Yang Berhormat? PBT semua banyak ni.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ada yang baik ada yang kurang baik.

Y.B. Dato' Speaker : Kira sebut gitu, macam semua PBT pula. Ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jadi, pembaziran penyelewengan dan pemborosan berlaku di PBT. Kita juga akui, ada yang ditadbir dengan baik, ada yang kurang baik. Yang kurang baik perlu dibaiki, yang baik memang kita puji. Kebersihan dan keindahan persekitaran kurang terjaga, penyelenggaraan kemudahan awam kurang dilaksanakan dengan baik, tuntutan dibuat terhadap PBT kerana kemalangan yang berlaku di dalam kawasannya disebabkan kemudahan awam yang tidak selamat. Projek mewah menjadi Gajah Putih dan sia-sia sahaja. Projek berharga tinggi tetapi tidak berkualiti. Perolehan tidak dibuat secara adil dan merugikan Majlis. Penswastaan projek yang kurang menguntungkan, yang kurang menguntungkan.

Penambahan hasil PBT. Penambahan hasil PBT melalui kaedah menaikkan kadar cukai adalah kurang sesuai. Dan kerana ini akan membebankan pembayar cukai. Sebagai langkah alternatif untuk membaiki kedudukan kewangan PBT dan seterusnya memberi kesan positif dalam masa pendek yang panjang ialah, memantapkan pengurusan kewangan dalam PBT bagi mengatasi masalah pembaziran, penyelewengan dan pemborosan. Mengamalkan kebudayaan belanja berhemah, menguruskan perolehan secara yang menguntungkan PBT.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ada lagi. Rumusan dan syor. PBT dijangka akan terus berkembang dari segi aktiviti, pendapatan, perbelanjaan dan memainkan peranan yang lebih penting dalam pembangunan kawasan setempat. Kecekapan dan kelemahan pentadbiran PBT akan bawa kesan yang besar terhadap kehidupan orang ramai dan seterusnya memberi impak politik.

Insentif-insentif kepada sektor swasta. Memandangkan ekonomi lembap, kerajaan perlu membantu sektor swasta meringankan beban mereka. Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian diutamakan perlu diamalkan. Walaupun Bajet 2010 berdefisit sebanyak RM1.496 juta, namun Pihak Berkuasa Tempatan boleh mempertimbangkan iaitu jangan menaikkan cukai pintu. Kerana ini akan membebankan rakyat. Apabila ekonomi pulih, rakyat tidak akan enggan membayar cukai pintu yang sepatutnya. Dan contoh yang lain seperti, menurunkan cukai pendapatan, mengawal inflasi sebanyak...

Y.B. Dato' Speaker : *Income tax*, cukai pendapatan dah banyak turun tak?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah...

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Dalam saat-saat yang sengsara ini, ini boleh dipertimbangkan untuk turunkan lebih banyak untuk membantu pihak yang susah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Yang Berhormat tak beritahu Ahli Parlimen sana. Suruh dia bawa kat Parlimen.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Mengawal inflasi sebanyak 25% yang membebankan rakyat.

Perpustakaan Negeri Johor, ADUN Yong Peng mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengarah Perpustakaan Negeri Johor atas prestasi yang cemerlang. Perpustakaan tersebut ditadbir dengan baik dan dapat sambutan meriah dari semua.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ahli eh?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, ya, ya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, fasal apa nak puji, Yang Berhormat kat situ.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Sebab sambutan yang meriah daripada semua lapisan masyakat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Yang Berhormat Ahli Lembaga, jadi pujilah. (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Peningkatan penyertaan wanita dalam penjanaan ekonomi. ADUN Yong Peng menyokong sepenuh-penuhnya cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan peningkatan penyertaan wanita dalam ekonomi. Sepertimana sedia maklum, 50% penduduk-penduduk adalah terdiri daripada kaum wanita. Mereka juga disifatkan sebagai sumber manusia yang menyumbang kepada pembangunan negara. Wanita boleh diibaratkan "Tangan yang mengayun buai boleh menggoncang dunia".

Y.B. Dato' Speaker : Hoi, kuatnya eh. Orang lelaki boleh menggoncang apa? (Dewan ketawa). Ha.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Kini kadar penyertaan wanita dalam…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak jawab dia, oklah. Ha, oklah, dah betul.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ini kadar penyertaan wanita dalam penjanaan ekonomi di Johor hanyalah 43%. Sasaran Kerajaan Negeri Johor supaya dipertingkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti penjana ekonomi ke paras 60% hingga 65%.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mencapai sasaran tersebut, ADUN Yong Peng menyeru Kerajaan Negeri Johor membantu sektor awam atau sektor swasta memberi kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk wanita supaya menyenangkan mereka bekerja. Contohnya, majikan menyediakan tempat asuhan kanak-kanak untuk pekerja wanita dengan bantuan atau subsidi daripada kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ada, nak banyak. Tahun depan nak buat banyak rasa saya ini. Kat jabatan-jabatan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Majikan menyediakan pengangkutan untuk mengambil pekerja dan menghantar balik pekerja wanita daripada rumah ke tempat kerja dengan bantuan atau subsidi daripada kerajaan. Majikan menyediakan tempat penginapan yang selamat untuk pekerja wanita dengan bantuan atau subsidi daripada kerajaan. Memberi latihan kemahiran kepada wanita serta memberi kemudahan pinjaman wang untuk mereka berminat berniaga. Memberi peluang kepada wanita yang berkebolehan naik pangkat sebagai tanda pengiktirafan.

Masalah-masalah di kawasan. Ulu Sungai Simpang Kiri di sempadan daerah Segamat dan daerah Batu Pahat terlampau tohor, memerlukan pembersihan segera kerana ia menyebabkan banjir khasnya pada penghujung tahun yang menjadi rintihan penduduk-penduduk di Kampung Haji Kamisan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Sungai Simpang Kiri di sebelah daerah Segamat sudah dibersihkan dan air mengalir begitu deras sekali ke Sungai Simpang Kiri di sempadan daerah Batu Pahat.

Yang keduanya di minta membina sebuah sekolah agama di Parit Awang dengan segera. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, tapak sekolah Lot PTD 5790 seluas 0.638 ekar telah diwakafkan oleh Puan Hajah Kamasan binti Ikwan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak apalah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya telah dapat jawapan daripada EXCO Agama bahawa sekolah tersebut akan dibina, akan tetapi sehingga sekarang kami masih tunggu-tunggu. Jadi saya minta tolonglah.

Y.B. Dato' Speaker : Dia cakap akan dibina, tak cakap bila eh, Yang Berhormat?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Dia ada masuk dalam Rancangan Malaysialah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh… Takdelah eh?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ada. Jadi saya minta tolonglah Dato' Speaker supaya dapat dipercepatkan kerana murid-murid yang belajar di Sekolah Agama Sri Bertam telah mencecah 1,124 orang murid dan tidak boleh menampung lagi murid-murid yang kian bertambah. Juga diminta membaiki kubah Masjid Yong Peng yang bocor yang perlu tindakan segera.

Y.B. Dato' Speaker : Bocor betul? Yang Berhormat ada tengok bocor, eh?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya dapat laporan dari Ketua Kampung.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…Ok…

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Juga ADUN Yong Peng meminta keprihatinan daripada Infra Desa untuk menyelenggara jalan-jalan di kampung-kampung. ADUN sudah berkhidmat hampir 6 tahun di Yong Peng, Pejabat Infra Desa sederet dengan Pusat Perkhidmatan ADUN Yong Peng.

Y.B. Dato' Speaker : Ha...

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Namun demikian, Pegawai Infra Desa tidak pernah lagi melawat Pejabat ADUN Yong Peng.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ajak dia melawat eh…

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jadi saya minta tolonglah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha...Ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : ADUN Yong Peng meminta mengazetkan tanah kubur untuk kaum Cina di Yong Peng memandangkan tanah kubur yang sedia ada hampir habis.

Y.B. Dato' Speaker : Ok…

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) :

Ke Nusajaya membawa buah tangan si Faiz,
Untuk disampaikan kepada Mak Timah;
Walaupun Bajet 2010 berdefisit,
Bajet 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama' dijadikan tema.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini ADUN Yong Peng memohon menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok perbahasan diteruskan lagi. Siapa hendak berucap? Oh Yang Berhormat Pekan Nenas.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama dalam Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 pada Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Kedua Belas ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bajet Negeri Johor tahun 2010 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar merupakan bajet defisit sebanyak RM1.5 juta. Bajet defisit yang bertema Bersatu Tenaga Sejahtera Bersama ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Johor tetap mengutamakan kepentingan rakyat jelata dalam perancangan bajet menepati konsep 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', walaupun ekonomi sedunia dan ekonomi negara kita masih dalam proses pemulihan. Usaha gigih Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan lagi kualiti hidup rakyat jelata haruslah disambut baik dan disokong penuh oleh semua pihak dan kita harus berganding bahu bagi merealisasikan matlamat-matlamat bajet tahun 2010 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas menyambut baik strategi Kerajaan dalam usaha menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup rakyat dengan Bajet 2010 memperuntukkan RM4 juta untuk membina 190 buah rumah baru dan membaik pulih 150 buah rumah bagi golongan keluarga miskin dan miskin tegar. Pekan Nenas memohon supaya 21 buah keluarga miskin tegar dan 57 buah keluarga miskin di DUN Pekan Nenas juga dapat menikmati manfaat di bawah peruntukan yang disediakan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas ingin merakamkan penghargaan kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang melaksanakan pembinaan Rumah Mesra Rakyat. Ramai penduduk telah mendapat faedah dari skim tersebut. Bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dibuat bagi memantapkan lagi perlaksanaan program Rumah Mesra Rakyat yang sedia ada. Pekan Nenas menerima aduan di mana pemohon-pemohon yang berjaya telah dimaklumkan hanya dengan lisan untuk menyediakan atau membuat sendiri sebahagian persediaan membuat rumah. Pernyataan tersebut difahamkan tidak tercatat dalam klausa perjanjian persetujuan. Antara

rungutan rakyat jelata ialah pemohon diminta menyiapkan tapak rumah sebelum dirikan bangunan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara ini mungkin tidak menjadi masalah kepada sesetengah pemohon tetapi ada golongan yang benar-benar tidak berkemampuan dan hanya mampu menyediakan tapak rumah sahaja. Keadaan ini menyebabkan hasrat pemohon mendapat rumah sendiri terbantut. Oleh yang demikian, Pekan Nenas ingin mencadangkan supaya peruntukan yang disediakan itu hendaklah juga meliputi kos penyediaan tapak bangunan dan dimasukkan dalam klausa perjanjian. Ini akan menjadikan perjanjian tersebut lebih menyeluruh dan tidak menimbulkan salah faham pada mana-mana pihak.

Selain itu, Pekan Nenas juga mengharap agar pihak SPNB dapat melaksanakan pembinaan Rumah Mesra Rakyat yang sudah diluluskan dalam tempoh masa yang lebih cepat. Terdapat rungutan bahawa pemohon yang telah menandatangani perjanjian pada bulan Ogos yang lalu, namun sehingga kini masih tertunggu-tunggu perlaksanaannya. Kelewatan ini menjadikan projek Rumah Mesra Rakyat itu tidak mesra rakyat.

Begitu juga borang permohonan projek Rumah Mesra Rakyat amat sukar diperolehi. Borang percuma itu haruslah disediakan dan diberikan terus kepada pemohon tanpa memerlukan sokongan Wakil Rakyat ataupun mana-mana pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan merupakan aspek penting dalam agenda pembangunan negara. Pendidikan adalah pemangkin kemajuan bangsa dan kemakmuran negara. Sekolah Menengah Teknik ataupun SMT Pontian memulakan operasinya pada awal tahun 2004 dengan pengambilan pelajar lepasan PMR untuk aliran Pendidikan Teknikal. Umumnya, Pontian merupakan daerah yang baru menikmati ruang pembangunan pendidikan aliran teknikal peringkat menengah 4 dan 5 berbanding daerah-daerah lain kecuali Mersing. Masyarakat Pontian sememangnya lama menanti peluang pendidikan teknikal untuk anak-anak mereka selama ini. Akan tetapi ramai ibu bapa merasa terkilan dengan penutupan SMT Pontian yang di naik taraf menjadi Kolej Matrikulasi Teknikal Johor pada penghujung bulan Disember tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sasaran dan matlamat Sekolah Menengah Teknik dengan Kolej Matrikulasi adalah berlainan. Sekolah Menengah Teknik mengambil pelajar lepasan PMR. Berkecenderungan melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir seperti Juruteknik dan Pembantu Jurutera. Manakala Kolej Matrikulasi Teknikal mengambil lulusan cemerlang SPM aliran Teknik untuk lanjutan pengajian dalam pelbagai bidang kejuruteraan di IPTA bagi melahirkan golongan profesional seperti Jurutera dan Pensyarah. Bagi masyarakat Pontian, kewujudan Kolej Matrikulasi Teknikal ini merupakan satu lagi anugerah Ilahi kepada daerah Pontian yang sekian lama tertinggal dalam pemodenan aliran teknik.

Walau bagaimanapun, banyak pihak berpendapat bahawa Kolej Matrikulasi ini mampu terus wujud tanpa perlu menutup operasi SMT Pontian yang sedia ada demi masa depan pelajar-pelajar lepasan PMR.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang 5 tahun iaitu dari tahun 2005 hingga 2009 beroperasi, SMT Pontian yang menempatkan pelajar peringkat menengah 4 dan 5 untuk pembelajaran pelbagai jurusan aliran teknik telah berjaya melahirkan 1,883 lepasan SPM di mana seramai 1,758 orang ataupun 93.36% daripadanya adalah pelajar Negeri Johor termasuklah 508 orang ataupun 26.98% adalah anak tempatan Pontian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penutupan SMT Pontian memberi impak negatif yang besar kepada pelajar Johor amnya dan anak Pontian khasnya. Daya saing intelek masyarakat Pontian di bidang teknikal terjejas kerana anak-anak tempatan lulusan PMR kehilangan peluang pembelajaran di SMT Pontian yang sebelum ini menyediakan lebih 350 ruang pendidikan aliran teknikal setiap tahun. Masyarakat Pontian seperti generasi sebelum tahun 2004 sekali lagi terpaksa bersusah payah menghantar anak-anak mereka ke daerah lain untuk mendapatkan pendidikan aliran teknikal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan Sekolah Menengah Teknik Pontian dan Kolej Matrikulasi Teknikal Johor memacu seiring memperkasa dan memartabatkan sistem pendidikan teknik dan vokasional di Negeri Johor amnya dan Pontian khasnya. Maka Pekan Nenas ingin menyampaikan hasrat warga daerah Pontian agar Sekolah Menengah Teknik Pontian dapat terus dikekalkan manakala Kolej Matrikulasi Teknikal Johor dapat terus beroperasi di Pontian di lokasi yang sama sementara menunggu pihak berwajib mengusahakan pembinaan sebuah Sekolah Menengah Teknik baru di daerah Pontian demi Pembangunan Modal Insan dan melahirkan lebih ramai golongan intelek bidang teknikal Negeri Johor amnya dan Pontian khasnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas juga ingin membawa satu isu lama yang belum diselesaikan malahan menjadi semakin serius di masyarakat. Satu masalah yang menjadi rungutan rakyat jelata dan jika ianya tidak dibanteras, gejala sosial di kalangan remaja akan bertambah dan seterusnya akan menjejaskan pembangunan negara. Masalah yang dimaksudkan ialah kafe siber haram. Ramai ibu bapa telah menyatakan kebimbangan mereka mengenai ketagihan anak muda mereka kepada fantasi siber melalui permainan komputer di kafe siber sehingga hilang minat dalam pelajaran mereka dan terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat lebih 20 buah kafe siber beroperasi di daerah Pontian, sebahagiannya tidak mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh pihak PBT.

Y.B. Dato' Speaker : Dalam Majlis Tindakan tak bawa Yang Berhormat?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Pernah bawa.

Y.B. Dato' Speaker : Habis?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Tidak selesai lagi pun.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok...

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Menurut garis panduan mengawal perniagaan pusat siber ataupun kafe siber yang dikeluarkan oleh kementerian, aktiviti utama dihadkan kepada penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui Internet semata-mata. Tetapi ianya telah disalah guna kepada permainan video, perjudian, gambar dan filem lucah serta penjualan bahan-bahan bercetak yang berunsur negatif adalah dilarang sama sekali. Justeru itu, kafe siber haram yang beroperasi 24 jam ini telah menjadi penyumbang kepada pelbagai jenayah dan masalah sosial golongan remaja seperti ponteng sekolah, melepak, pergaduhan, mencuri, kes samun, kes rompak dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, difahamkan bahawa denda yang diperuntukkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil terhadap pengusaha kafe siber haram ini adalah terlalu kecil iaitu dengan denda maksimumnya hanya RM2,000.00 dan ini tidak menggerunkan mereka yang terbabit kerana keuntungan yang diperolehi amat lumayan. Inilah salah satu sebab utama kafe siber haram tumbuh bagaikan cendawan di serata pelosok negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, Pekan Nenas ingin menyampaikan desakan rakyat jelata agar kerajaan dapat mengambil tindakan tegas terhadap kafe siber haram ini dengan mengenakan hukuman yang lebih berat dan mewujudkan satu pasukan bersepadu yang dapat bertindak segera apabila menerima maklumat daripada orang awam. PBT juga perlu memastikan pengusaha kafe siber berlesen mematuhi segala syarat yang telah dikenakan seperti beroperasi mengikut waktu operasi yang ditetapkan dan tidak membenarkan pelajar berpakaian uniform ataupun anak di bawah umur memasuki premis mereka. Pasukan khas perlu ditubuhkan di peringkat PBT untuk membuat pemeriksaan mengejut dari masa ke masa bagi memastikan operasi kafe siber ini adalah semata-mata untuk tujuan mempertingkatkan teknologi maklumat di kalangan masyarakat, bukan untuk permainan video, perjudian ataupun penyebaran maklumat tidak sihat yang merosakkan akhlak generasi muda kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha Kerajaan Negeri untuk memperkasakan sektor pertanian amat dialu-alukan. Sektor pertanian antara 3 sektor utama yang menjadi tunjang kekuatan ekonomi negeri selain sektor pembuatan dan sektor pembinaan. Pertanian juga merupakan nadi utama kepada masyarakat di luar bandar sama ada ianya merupakan keperluan sendiri ataupun sehingga ke peringkat komersial. Akan tetapi para petani sentiasa menghadapi pelbagai cabaran hidup termasuklah masalah gangguan makhluk perosak yang serius terutamanya oleh monyet dan babi hutan yang telah menjejaskan hasil tanaman petani.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di DUN Pekan Nenas, gangguan monyet bukan lagi bermusim malahan boleh dikatakan setiap hari. Baru-baru ini tanaman serai seluas 3 ekar di Kampung Sawah, Pekan Nenas yang hanya dapat bertahan

selama 3 hari sahaja sebelum diserang monyet yang mencabut serai tersebut. Dalam satu kejadian lagi, tanaman sawit yang baru dipindahkan ke kebun juga tidak terlepas dari dimusnahkan oleh monyet yang memakan bahagian umbut pokok sawit.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak ke Yang Berhormat monyet tu?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Banyak juga.

Y.B. Dato' Speaker : Eh? Yang Berhormat nampak dia, pergi *check*?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Ada, kadang kala tepi jalan pun ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Selain itu, monyet juga telah memusnahkan ternakan ayam penduduk kampung. Sasaran utama adalah telur-telur ayam di dalam reban untuk dijadikan makanannya. Keadaan yang semakin buruk ini benar-benar menjejaskan ekonomi sara hidup penduduk kampung dan juga menimbulkan kerisauan penduduk kampung kerana bimbang kanak-kanak mereka juga akan diserang oleh monyet yang kadang kala bertindak ganas.

Y.B. Dato' Speaker : Apa tindakan Yang Berhormat cadangkan? Monyet tu?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Itulah saya kena minta, nanti minta kebijaksanaan, kepakaran Perhilitan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh… Ha…ok…ok.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' speaker, tidak dinafikan monyet merupakan spesies yang dilindungi oleh Akta PERHILITAN, tetapi bila kelakuan binatang ini telah menjejaskan ekonomi dan mengganggu kehidupan serta mengancam keselamatan manusia khasnya, Pekan Nenas berpendapat bahawa tindakan perlu diambil oleh pihak terlibat untuk melindungi kepentingan para petani dan keselamatan penduduk kampung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain serangan monyet, gangguan babi hutan juga memberikan impak kerosakan dan kemusnahan yang tidak kurang hebatnya kepada petani kampung. Perosak makhluk ini juga memusnahkan kebun sayur, pokok pisang dan kelapa sawit. Walaupun beberapa sesi dialog pernah dibuat dengan penduduk oleh pihak PERHILITAN, namun sehingga hari ini tiada tindakan yang berkesan dapat dilakukan dan penduduk kampung semakin tertekan dengan masalah yang tiada jalan penyelesaian ini. Oleh yang demikian, Pekan Nenas ingin mencadangkan supaya satu pasukan khas ataupun *Tasks Force* dengan izin kawalan perosak makhluk peringkat daerah ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah gangguan perosak makhluk yang semakin serius ini untuk membantu mengatasi dilema penduduk kampung yang hidup bergantung kepada hasil tanaman yang tidak seberapa itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Kawasan Yang Berhormat ni banyak binatang liar ya?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Ada yang dari Kukup jugalah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Kukup.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, pada Majlis Ramah Mesra Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan pengusaha nenas Negeri Johor yang diadakan di Pontian, pada 7 November yang lepas. Yang Berhormat Menteri telah mengadakan, mengatakan bahawa industri nenas mempunyai potensi ekonomi yang amat tinggi. Buat masa ini, Malaysia merupakan pengeksport nenas segar dan produk nenas yang ke-17 besar di dunia, dengan nilai RM56 juta berbanding dengan negara jiran kita iaitu Thailand sebagai pengeksport terbesar dunia yang mengeksport produk nenas bernilai RM250 juta setahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Pengerusi Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia, kerana menyokong penuh projek pembangunan *Pineapple Valley*, dengan izin dibangunkan di Daerah Pontian. Beliau telah memohon bantuan Yang Berhormat Menteri untuk merealisasikan projek *Pineapple Valley* pada majlis tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, difahamkan bahawa kawasan pembangunan Projek *Pineapple Valley* yang dicadangkan ini merangkumi kawasan Pekan Nenas, Pontian Kecil hingga ke Tanjung Piai. Selain dari penanaman nenas secara besar-besaran, projek ini bakal menyaksikan kewujudan aktiviti nilai tambah yang tinggi seperti pemprosesan produk berasaskan nenas dan aktiviti *ecotourism* nenas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek pembangunan *Pineapple Valley* akan menjadikan Daerah Pontian termasuklah kawasan Pekan Nenas sebagai pusat kegiatan ekonomi berasaskan nenas dan ianya juga akan membuka dimensi baru terhadap kedudukan industri nenas negara di persada dunia. Oleh yang demikian, Pekan Nenas memohon agar Kerajaan Negeri dapat memberi sokongan penuh dan berunding dengan Kerajaan Persekutuan agar Projek Pembangunan *Pineapple Valley* ini dapat digerakkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 demi pembangunan ekonomi Daerah Pontian amnya dan Pekan Nenas khasnya di samping dapat memulihkan dan mengharumkan Pekan Nenas sebagai tempat pengeluaran nenas bermutu tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut data yang diberikan oleh pihak SAJ Holdings Sdn. Bhd. daerah Pontian, terdapat lebih 10,000 akaun ataupun premis di sekitar kawasan pekan Pekan Nenas yang merangkumi 26 taman perumahan dan 15 kampung utama diduduki lebih kurang 35,000 penduduk. Bil-bil air yang dibayar oleh pengguna-pengguna terlibat hampir RM450,000 sebulan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, banyak.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Buat masa ini, selain dari bayaran bil air, semua urusan perkhidmatan SAJ hanya dapat dibuat di Pejabat SAJ Daerah yang terletak di Bandar Pontian dan lokasinya lebih 25km daripada kampung-kampung tradisional seperti Kampung Melayu Raya dan Kampung Seri Gambut. Ini amat menyusahkan penduduk-penduduk yang ingin membuat aduan atau urusan dengan SAJ. Oleh demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, Pekan Nenas ingin menyampaikan kehendak penduduk-penduduk sekitar kawasan Pekan Nenas, iaitu sebuah Pejabat Cawangan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan SAJ perlulah dibuka di pekan Pekan Nenas dengan segera demi kemudahan penduduk sekitar kawasan Pekan Nenas untuk membuat segala urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan SAJ di samping dapat meringankan beban kerja pejabat SAJ di Bandar Pontian yang kini perlu memberi perkhidmatan kepada kira-kira 45,000 orang pelanggan.

Y.B. Dato' Speaker : Wah sekarang tak ada ya Yang Berhormat, jabatan, Pejabat Bekalan Air tak ada?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Ada satu di Pusat Bandar sahaja, Pekan Nenas tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Ok ada lagi?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas juga amat mengharapkan agar isu-isu yang telah dibangkitkan pada sidang Dewan lepas dapat perhatian dan tindakan segera pihak berkenaan. Antaranya ialah masalah tapak pelupusan sampah Pekan Nenas yang sudah penuh dan mencemarkan alam sekitar perlu di tutup segera, menggerakkan projek JKR Jalan Pakej 3B iaitu projek Lebuhraya Johor Bahru – Pekan Nenas - Pontian, menyediakan sistem perkhidmatan pengangkutan awam Kota Iskandar untuk kemudahan orang awam, pemberian kitab percuma kepada semua pelajar sekolah agama Islam melalui skim wakaf kitab secara berperingkat dan juga membeli balik dana Johor dengan harga RM1.00 seunit seperti yang telah diharap-harapkan oleh rakyat jelata.

Akhir kata, seperti tema Bajet 2010 yang berbunyi "Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama" Pekan Nenas berharap semua pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, jabatan-jabatan, pihak swasta dan juga pihak NGO dapat bekerjasama menggembleng tenaga untuk membantu Kerajaan Negeri memastikan segala projek dan rancangan di bawah Bajet 2010 ini dapat direalisasikan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat jelata Johor Darul Takzim. Dengan ini, Pekan Nenas menyokong usul yang di bawa oleh Yang Berhormat ADUN Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi, jemput. Siapa nak cakap? Oh, Tenggaroh.

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Ya, Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Pemerhati tu kata daripada Wanita MIC Tenggaroh eh?

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Tidak, ini Ahli-Ahli Wanita MIC Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Yang telah membantu Wakil Rakyat kita menang dalam pilihan raya yang lepas.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Yang Berhormat siapa Ketua Wanita?

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Saya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, samalah juga tu. Cakap baik-baik eh, sudah sedia makan?

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Sudah Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok…ok, tak dapat jemput. Ok...ok..

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia saya ucapkan kepada semua yang berkesempatan berada di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' speaker, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai anak watan negeri ini saya berasa bangga atas pencapaian yang telah di kecapi negeri ini. Pelbagai tindakan dan usaha yang telah diambil untuk memartabatkan Johor Darul Takzim sebagai negeri yang mempunyai *Good Governess, political and economical stability* dengan izin, serta menyediakan satu keadaan negeri yang stabil dan kondusif untuk diduduki. Kita seharusnya berterima kasih atas usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menjalankan tugasnya mentadbir dan membangunkan negeri ini dengan baik. Atas usaha beliau inilah, Bajet 2010 negeri kita menunjukkan defisit sebanyak RM1.5 juta iaitu lebih rendah berbanding defisit tahun ini iaitu RM2.75 juta. Diharap Kerajaan Negeri akan mengecapi lebih banyak kemajuan di bawah kepimpinan beliau.

Pembangunan infrastruktur dan prasarana kini sedang giat dijalankan di merata tempat di negeri kita ini. Rancangan menaik taraf jalan raya-jalan raya, perbandaran serta membuka jalan-jalan baru merupakan satu ikhtiar Kerajaan Negeri yang datang tepat pada masanya. Keadaan lalu lintas yang semakin sesak tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang sekian bertambah. Jalan dari Kota Tinggi ke Johor Bahru merupakan antara jalan yang sibuk di negeri ini. Pengguna jalan raya ini sudah tentu akan berasa gembira apabila siapnya pengubahsuaian jalan tersebut. Apabila *trunk road* Kota Tinggi ke Johor Bahru siap kelak, kita berharap masa yang diambil akan menjadi lebih singkat

dengan keadaan lalu lintas yang lancar. Sehubungan dengan itu, lebuh raya Pasir Gudang yang sedang dikenali dengan masalah kesesakan jalan raya perlu di atasi.

Rakan-rakan saya yang bekerja di situ sering mengeluh akan keadaan lebuh raya itu, ditambah pula dengan sikap pemandu yang endah tak endah akan peraturan jalan raya. Potong dari kiri, tidak menggunakan *signal*, tidak memberikan laluan dan sebagainya menambahkan lagi masalah kesesakan yang kadang-kadang berakhir di penghujung lebuh raya tersebut. Saya kesian mengenang pengguna-pengguna lebuh raya tersebut. Walaupun dengan terbinanya Lebuhraya Pasir Gudang – Senai – Desaru, sebagai salah satu langkah mengurangkan kesesakan lebuh raya Pasir Gudang, penggunaannya masing kurang. Di antara *feedback* yang saya terima adalah tolnya tinggi, jalan beralun dan kualiti jalan yang kurang baik. Kita harus menggalakkan rakyat untuk menggunakan lebuh raya ini bagi mengurangkan kesesakan lebuh raya Pasir Gudang. Lori-lori besar yang menggunakan lebuh raya Pasir Gudang semuanya besar-besar belaka, menakutkan pengguna berkenderaan kecil dan sederhana. Saya berharap Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengimplementasikan sistem web, CCTV di kawasan-kawasan tertentu lebuh raya Pasir Gudang – Perling, sebagai satu alternatif untuk menangani keadaan ini. Ini membolehkan para pengguna merancang perjalanan mereka dengan melihat keadaan trafik secara *real time* dengan izin. Kaedah ini ada di implementasikan di negara-negara lain sebagai langkah mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memperbaiki serta memperkukuhkan kaedah perancangan lalu lintas yang sistematik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh tentang Program Rumah Mesra Rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat banyak lagi?

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Tak sikit lagi sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke? Ha oklah.

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Yang diilhamkan oleh Kerajaan Persekutuan. Program ini yang bertujuan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah serta miskin yang tidak mempunyai rumah atau menduduki rumah usang dalam tanah milikan sendiri atau tidak berupaya mendapatkan pinjaman perumahan untuk memiliki atau membina rumah mereka sendiri dengan bantuan dari kerajaan. Ikhtiar kerajaan ini telah banyak membantu golongan yang susah memiliki rumah sendiri yang selesa dan sempurna dengan kos yang rendah. Mereka yang berkelayakan cuma perlu menanggung 2/3 kos pembinaan dalam bentuk pinjaman tanpa faedah. Pendek kata yang tergolong dalam skim ini mampu miliki rumah sendiri dengan hanya membayar sebanyak RM150.00 sebulan sepanjang tempoh pinjaman mereka. Warga Negeri Johor khasnya di kawasan DUN Tenggaroh telah sekian lama mendapat manfaat daripada SRMR. Akan tetapi warga Johor DUN Tenggaroh yang tertumpu di pulau-pulau tidak menerima peruntukan pembinaan baru dan membaik pulih rumah yang sedia ada kerana kos yang melebihi daripada yang diperuntukkan. Untuk pengetahuan semua, peruntukan

pembinaan di tanah besar adalah sebanyak RM33,000.00 seunit tetapi apabila rancangan ini dibawa ke kawasan pulau, kos yang dianggarkan melonjak ke RM75,000.00 seunit disebabkan faktor-faktor logistik, kos bahan serta tenaga kerja yang lain-lain.

Oleh yang demikian, walaupun ada peruntukan SPRM untuk masyarakat pulau-pulau, tetapi sayangnya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Justeru itu, saya cadangkan agar kerajaan meningkatkan ataupun menambahkan peruntukan pinjaman pembinaan rumah mesra rakyat mengikut kes di kawasan pulau-pulau daripada RM33,000.00 ke RM75,000.00 seunit.

Y.B. Dato' Speaker : RM75,000.00 boleh naik lagi RM100,000.00. (ketawa) Tak habis juga.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah (Tenggaroh) : Mengikut keadaan Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin menyarankan agar kerajaan melaksanakan pembinaan rumah dan kerja-kerja baik pulih dengan menggunakan anak watan pulau yang mempunyai kemahiran membina rumah. Ini sedikit sebanyak akan mewujudkan peluang kerja sementara yang dapat menjana pendidikan untuk penduduk pulau tersebut. Kos pengangkutan juga boleh dikurangkan dengan menggunakan pengangkutan penduduk sendiri. Skim ini akan menjadi lebih berjaya, jika perhatian dilemparkan kepada masyarakat pulau juga dan tidak hanya tertumpu kepada masyarakat tanah besar. Kita tidak seharusnya menyimpang dari hasrat kerajaan untuk membasmi kemiskinan serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Oleh sebab itu, usaha murni kerajaan perlu kita teruskan melalui skim-skim seperti ini agar kepentingan rakyat terjaga dan terjamin. Pembangunan sosial yang merangkumi keperluan sebagaimana yang dinyatakan dalam teori Maslow perlu kita jadikan iktibar dalam membangunkan masyarakat negeri ini khasnya dan masyarakat Malaysia umumnya. Barulah kena dengan istilah yang diwar-warkan, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perkembangan yang sama, syarikat-syarikat pautan kerajaan, GLC dan swasta gergasi perlu mengambil inisiatif dan lebih proaktif dalam menunaikan tanggungjawab sosial mereka. Keadaan ekonomi negara dan negeri kita semakin pulih. Dalam keadaan ini, syarikat-syarikat inilah yang akan bangkit dari kemelesetan ekonomi terlebih dahulu. Peniaga-peniaga kecil-kecilan serta masyarakat masih cuba untuk keluar dari keadaan tersebut. Ada yang berjaya, ada yang susah, serta ada yang tercondong dan tidak dapat menikmati hidup seperti dahulu. Memandangkan hal ini, syarikat-syarikat GLC perlu mengambil langkah dalam membantu memenuhi keperluan khasnya golongan yang kurang bernasib baik. Sokongan mereka ini amat perlu kerana mereka ini membantu kerajaan dalam memperbaiki kehidupan masyarakat. Selain itu, niat murni mereka membolehkan syarikat-syarikat ini diberi pelepasan cukai dan sebagainya oleh kerajaan. Sehubungan dengan ini, saya berharap GLC-GLC ini akan tampil membantu memperbaiki atau membina rumah-rumah orang miskin di DUN Tenggaroh. Ini kerana kawasan DUN saya mempunyai jumlah golongan miskin dan miskin tegar yang mengalami kesusahan dari segi kewangan yang agak besar bilangannya. Mereka ini juga mengharapkan bantuan kerajaan dan ahli-ahli korporat yang prihatin.

Dato' Speaker, dalam konteks yang sama saya ingin membawa perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada pelan-pelan …

Y.B. Dato' Speaker : Tak payahlah. Speaker aja, tak payah tuan-tuan dan puan-puan.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah (Tenggaroh) : Saya berpendapat skim ini harus diperbesar-besarkan dan dipromosikan kepada yang ingin berdikari atau mengembangkan lagi bidang perusahaan mereka. Seperti yang kita semua sedia maklum, GP ataupun Geran Pelancaran bertujuan untuk memberi bantuan kepada kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mempunyai minat dan potensi untuk memajukan bidang perusahaan atau perniagaan kecil yang ingin diceburi. Galakan yang diberikan oleh JKM kepada penerima bantuannya adalah supaya mereka dapat berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka tanpa bergantung lagi kepada bantuan kerajaan. Sejumlah RM2,700.00 akan diberikan sekali gus kepada penerima untuk memulakan pelan yang telah digariskan untuk aktiviti perusahaan dan perniagaan kecil mereka. Akan tetapi, ada beberapa syarat yang mesti dipatuhi sebelum JKM dapat meluluskan bantuan ini. Antaranya ialah, bakal penerima seharusnya adalah penerima bantuan bulanan atau ahli keluarganya.

Selain itu, golongan kurang upaya yang sedang mendapat perkhidmatan dari JKM juga diberi timbangan. Begitu juga dengan bekas pelatih dari institusi kebajikan. Di samping itu juga, saya ingin menyarankan bahawa Geran Pelancaran akan dipertimbangkan untuk kes-kes yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan tadi. Mereka yang tergolong dalam kumpulan miskin dan miskin tegar yang ingin berdikari untuk mengubah nasib mereka. Saya sering dikunjungi oleh golongan ini dengan harapan saya dapat menunjukkan jalan yang dapat memperelokkan nasib mereka. Kemanakah golongan ini akan pergi jika mereka betul-betul ingin mencari jalan untuk keluar dari belenggu kemiskinan dan kesempitan hidup. Kita sebagai kerajaan yang prihatin harus menunjukkan jalan ke arah membantu mewujudkan kesejahteraan rakyat. Dengan cara ini kita sendiri sebanyak dapat menurunkan kadar kemiskinan negeri dan meningkatkan taraf hidup penduduk Negeri Johor sejagat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perkembangan lain pula, saya ada mengemukakan berkenaan dengan pembinaan sekolah agama di Kem Iskandar, Mersing. Penerangan yang telah diberikan oleh Y.B. Exco Agama, amat saya berterima kasih. Begitu juga semua warga Kem.

Y.B. Dato' Speaker : Dah dapat dah?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah (Tenggaroh) : Lulusan sudah ada. Tetapi pembinaan belum dilaksanakan lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, lambat lagi.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah (Tenggaroh) : Dalam Bajet 2010 terdapat peruntukan untuk membina sekolah-sekolah agama. Merujuk kepada pembentangan Bajet oleh Menteri Besar, 121 buah sekolah akan dibina dalam 2 fasa. Fasa 1 melibatkan pembinaan 90 buah sekolah yang dijangka siap pembinaan pada akhir 2011 dan diikuti dengan fasa II dijangka siap Ogos 2012. Pelajar-pelajar sekolah agama yang menumpang belajar di sekolah rendah boleh menarik nafas lega kerana akan mempunyai bangunan mereka sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini para pelajar sekolah agama ini menumpang blok Sekolah Kebangsaan Kem Iskandar dengan kebenaran guru besarnya. Akan tetapi, dengan adanya murid-murid sekolah agama yang juga menggunakan sebahagian daripada bangunan Sekolah Kebangsaan ini mereka tidak dapat menampung pertambahan pelajar yang dijangka itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ada lagi Yang Berhormat? Banyak ni.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah (Tenggaroh) : Dua muka surat Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Huh.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah (Tenggaroh) : Oleh sebab yang demikian, surat pengambilalihan bangunan Sekolah Kebangsaan telah dimajukan kepada Guru Besar sekolah agama tersebut. Penambahan jumlah murid dijangkakan akan bertambah sejajar dengan pertambahan anggota di Kem Iskandar ini. Oleh sebab itu, memang tepat pada masanya peruntukan pembinaan itu diluluskan. Cuma usul saya sekarang ialah untuk menyegerakan pembinaan sekolah ini diberi dengan izin, *first priority* atau keutamaan untuk mendirikan sekolah ini dalam fasa 1.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk memperkukuhkan sistem khidmat pelanggan, jabatan-jabatan kerajaan mesti memberikan layanan yang baik kepada rakyat yang datang berjumpa dengan mereka. Khidmat pelanggan merupakan *frontline* mana-mana institusi atau kerajaan juga tidak terkecuali daripada memberi perkhidmatan yang baik. Rakyat menilai tahap perkhidmatan yang diberikan di pejabat-pejabat atau jabatan-jabatan kerajaan dan selalunya mengharapkan yang terbaik. Sungguhpun begitu, ada segelintir dari mereka ini yang tidak mendapat layanan yang sepatutnya. Tambahan itu, diberikan janji yang mereka ini akan dihubungi dengan susulan kepada pertanyaan atau permintaan mereka. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada yang mempraktikkan amalan perhubungan susulan dengan rakyat berkenaan isu-isu yang diutarakan oleh mereka. Tetapi ada juga yang hanya melemparkan janji kosong, kadang-kadang akan mengambil masa yang lama atau tidak memberikan apa-apa jawapan susulan. Mungkin lupa agaknya. Inilah yang akan menjejaskan imej jabatan tersebut, sehinggakan rakyat mula mengecop jabatan tersebut sebagai endah tak endah atau malas. Keyakinan akan berkurangan dan integriti jabatan atau pejabat tersebut terjejas.

Bagi kerajaan yang sentiasa menitik beratkan kehendak rakyat, pandangan rakyat tidak seharusnya melencong ke arah ini. Kena ada transparensi dan kejujuran. Ada yang mengadu kepada saya permohonan mereka yang sepatutnya diberi jawapan pada masa-masa tertentu dibiarkan sahaja. Tiada jawapan bertulis, e-mel atau telefon. Sebaliknya pemohon itu sendiri yang pergi bertanya tentang status permohonan mereka yang kadang-kadang tidak mendapat jawapan yang khusus, bermaksud kena buat lawatan susulan sendiri. Masa dan tenaga banyak terbuang hanya dengan membuat susulan sahaja. Saya ingin mengetahui apakah peranan *Customer Service Officer* atau Pegawai Khidmat Pelanggan dalam jabatan-jabatan dan pejabat-pejabat. Dalam buku perjawatan yang baru diedarkan ini saya lihat rata-rata setiap jabatan serta pejabat kerajaan mempunyai kekosongan dalam sektor ini. Adakah tugas mereka ini merangkumi dalam membuat susulan untuk semua kes yang dibawa ke pejabat atau jabatan masing-masing. *Excellent delivery service* dengan izinnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, amat penting dalam menonjolkan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, seminit lagi.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah (Tenggaroh) : Rakyat tidak seharusnya dibiarkan menunggu lama untuk jawapan dari kerajaan tanpa apa-apa *feedback*. Setiap yang dibawa oleh rakyat, permohonan kerja, pertanyaan tentang kes, *inquiry* dan sebagainya harus diberi jawapan, walaupun jawapan yang harus diberi negatif atau tidak menyebelahi rakyat, mereka perlu diberitahu. Dalam hal ini, rasa kecewa ada, tetapi mereka tidak akan memperbesarkan isu yang menyatakan hal mereka tidak diberi perhatian. Dengan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya turut menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya ADUN Senggarang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, diteruskan lagi perbahasan.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker …

Y.B. Dato' Speaker : Ya, nak tangguh? Ok duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:15 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Silakan.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat

Datuk Speaker kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam Perbahasan Bajet 2010 di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas Bajet yang hebat dan meyakinkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet pada hari Khamis, 19 November yang lalu yang bertemakan 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama'. Alhamdulillah Bajet yang kita nanti-nantikan selama ini adalah bajet yang sentiasa memberi pengharapan yang baru kepada rakyat atas Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sini ingin saya memperkatakan tentang defisit 3P yang selalu dibawa oleh rakan-rakan pembangkang. P yang pertama ialah persepsi. Persepsi kerana kita sedia maklum bahawa pembangkang sentiasa mempermainkan persepsi sebagai senjata untuk mempengaruhi rakyat. P yang kedua ialah provokasi. Kalau kita lihat, pembangkang tidak pernah lekang dengan provokasi dan sentiasa memainkan isu-isu yang boleh menimbulkan rasa tidak tenteram di hati rakyat.

P yang ketiga Yang Berhormat Datuk Speaker, publisiti. Inilah matlamat, *goal* dengan izin, pihak pembangkang dalam berpolitik. Tiap kali berceramah di kawasan saya, publisiti murahan di war-warkan. Selalu menyalahkan kerajaan. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga kasihan di mana Yang Berhormat Pembangkang selalu memantau kawasan sahabat saya...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya minta laluan jugalah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Untuk apa tu?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Sebab Yang Berhormat kawan saya ini pun timbul, pembangkang suka datang kawasan saya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak apalah. Biar, biar apa ini, Bukit Permai selesaikan dahulu. Jemput Yang Berhormat..

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana dia bersebelahan dengan kawasan saya Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapi kawasan saya dia lainlah Yang Berhormat Datuk Speaker. Kawasan saya ini selalu didatangi oleh pengundi-pengundi dan Ahli-ahli Parti PR. Dia buat pengakuan kepada saya, dia daripada Ahli PR. PR ini saya rasa dia mungkin *Public Relation*. Saya kata apa benda ini? *You* datang daripada mana? Dia kata daripada PR. Ahli PR. Dia minta surat sokongan. Kerana demi kemanusiaan ini, dia bukan dalam kawasan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, kebanyakan mereka ini ramai datang daripada kawasan Saleng dan Senai. Datang minta sokongan anak sekolah dan sebagainya. Buat pengakuan bahawa ADUN di kawasan tersebut, dia tidak tahu di mana Pusat Khidmat dia. Jadi saya kata dengan mereka ini, saya kata pilihan raya yang ke-13 ini bagi baliklah kepada Kerajaan Barisan Nasional, wakil Barisan Nasional. Senang, supaya senang kerana kita wakil Barisan Nasional, bila-bila masa sahaja. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa isu pertanian. Sebagaimana yang kita maklum, pada awal Oktober yang lalu, Menteri Pertanian dan Asas Tani mengumumkan program Subsidi Beras Untuk Rakyat, SUBUR. Tiba-tiba pada 25 hari bulan lepas, ditangguhkan pada satu tarikh masa yang belum kita tahu. Soalnya hari ini ialah program yang hebat ini, yang kita ingin bantu kepada rakyat yang kurang ini tapi di tempat saya Yang Berhormat Datuk Speaker, kita yang di pastinya dimaklumkan bahawa peserta-peserta mengikut kepada e-Kasih. Tapi di kawasan saya e-kasih ini, yang daftar kepada e-Kasih ini Yang Berhormat Datuk Speaker, ada yang telah, yang telah meninggal dunia. Jadi, alhamdulillah kerana bila dia tangguhkan program SUBUR ini dapatlah kita sama-sama mengkaji balik bagaimana untuk menentukan peserta itu mendapat, apa ini program ini dapat, dapat berjalan program ini dan yang saya nak katakan lagi sekali ialah, pertanyaan saya dalam borang, borang awal SUBUR ini, pendapatan RM1,500.00 dan RM1,000.00. Siapa yang nak menentukan Yang Berhormat Datuk Speaker. Mereka ini luar bandar ini tidak ada, tidak ada, tidak ada slip gaji. Semua orang boleh *claim*, dia kurang daripada RM1,500.00 atau RM1,000.00. Borang yang saya lihat sendiri, ada borang kat saya, belakang borang itu, pengesahan pun tak tentu siapa yang nak mengesahkan borang itu. Tidak ada jawatan yang nak mengesah. Ini saya kata mekanisme ini perlu dikaji secara komprehensif supaya program ini sampai ke sasarannya Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masih lagi dalam pertanian. Dalam program yang menarik minat di kawasan saya ialah Program Galakan Usahawan, PGU ini. Sejajar dengan nama yang menggalakkan usahawan, maka PGU ini merupakan satu program bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian yang khusus untuk usahawan-usahawan kecil yang telah dan sedang mengusahakan industri asas tani, perikanan dan juga ternakan agar dapat mempertingkatkan lagi kapasiti pengeluaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita lihat peruntukan PGU ini, yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui ADUN hanyalah RM10,000.00 setiap DUN. Sebenarnya RM10,000.00 ini berapa peserta yang boleh dapat. Sedikit sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker. Jumlah ini kalau kita nisbahkan kepada jumlah penduduk bagi setiap DUN bolehlah dianggap sebagai terlalu sedikit. Adalah amat menyedihkan sekiranya program yang sebegini baik dapat disalurkan sepenuhnya kepada mereka yang amat memerlukan akibat daripada kekangan kewangan ini, saya mencadangkan agar peruntukan di bawah program ini ditambah lagi berdasarkan kesesuaian keluasan kawasan setiap DUN dan mengikut nisbah tokografi penduduknya kerana pada saya adalah lebih adil dan cekap.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Berapa banyak Yang Berhormat nak tambah?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yalah kalau boleh RM50,000.00 Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Satu DUN?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Satu DUN. Masalah ketiga dalam isu pertanian ialah menyentuh sedikit berkenaan *contract farming* yang

Berhormat Datuk Speaker. Kita sedia maklum bahawa Menteri Pertanian baru-baru ini telah menggesa agar Program *Contarct Farming* ini dikaji semula berikutan wujud penyelewengan dalam pelaksanaan program tersebut, di mana syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan yang menganjurkan projek-projek pertanian secara khusus dengan kadar bayaran yang mahal tetapi tiada pemantauan daripada Agensi Kerajaan menyebabkan sesetengah pihak mengambil kesempatan daripada program ini untuk mendapat pelbagai kemudahan kerajaan. Kemudiannya mengeksploitasikan penglihatan orang ramai dalam projek mereka.

Akhirnya Yang Berhormat Datuk Speaker, orang ramai yang menjadi mangsa kerana hanya dibekalkan dengan benih tanaman sahaja tetapi hasilnya terpaksa dijual sendiri contohnya projek keli *canvas,* ketam nipah, cacing dan serai. Apabila peserta ini menjalankan projek ini, mereka terpaksa mencari dana kewangan yang besar. Mereka terpaksa meminjam kepada kaum keluarga kerana prosedur pinjaman daripada bank terlalu ketat Yang Berhormat Datuk Speaker. Namun selepas menjalankan projek terbabit, hasil daripada projek ini sukar untuk dipasarkan. Oleh itu mereka tidak mendapat pulangan yang setimpal. Jadi yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini siapa patut dipersalahkan? Di manakah pemantauan dari Pihak Berkuasa terhadap aktiviti-aktiviti tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang kedua ialah isu warga asing. Kita tahu isu ini menjadi isu yang lapuk. Seolah-olah tiada jalan penyelesaian. Masalah pekerja warga asing ini kadang kala sudah penat untuk kita perkatakan. Namun tiada penghujungnya. Dengan masalah sosial yang ditimbulkan, semuanya adalah akibat daripada kebanjiran warga asing yang seolah-olah tidak mampu dikawal oleh kerajaan. Saya melihat perkara ini bertitik tolak daripada kegagalan pihak majikan untuk menyediakan penempatan khusus kepada mereka ini. Yang secara langsungnya telah menyebabkan mereka meresap ke dalam masyarakat dan telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial di negara ini amnya dan Johor khususnya. Saya bimbang Yang Berhormat Datuk Speaker, lebih-lebih lagi pada ketika ini di mana Johor kini sedang rancak membangun yang mana secara tidak langsung, pasti, langsung pasti merancakkan lagi kemasukan tenaga asing ini. Saya bimbang masalah penempatan tenaga warga asing ini jika tidak diambil kira pada ketika ini akan menjadi duri dalam daging kita. Dan pembangunan yang sepatutnya menjadi sesuatu yang baik kepada negeri kita sebaliknya menjadi suatu yang meninggalkan kesan sejarah hitam pula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan kerajaan melalui pihak yang berkaitan mengenakan satu syarat di mana setiap majikan yang ingin mengambil tenaga pekerja warga asing ini hendaklah menyediakan penempatan yang sewajarnya di dalam kompaun atau premis perniagaan mereka sendiri. Hendaklah menjadi tanggungjawab mereka mengawal selia warga asing ini agar tidak bergerak bebas dalam masyarakat. Syarat ini boleh dikira sebagai tindakan serampang dua mata. Kerana kaedah ini sekiranya diperkenalkan akan dapat mengawal kebanjiran warga asing ini kerana pihak majikan yang berpaksikan *profit* pastinya tidak sanggup menanggung beban kos kemasukan mereka ini yang begitu tinggi dan pastinya majikan-majikan ini secara tidak langsung akan

beralih ke pasaran warga tempatan yang mana hak warga tempatan ini telah lama dicuri oleh warga-warga asing ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya membawa isu *rebranding* penjenamaan semula Kulaijaya ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya kerana telah memperolehi hasil kutipan permit bahan batuan secara pukal yang dilaksanakan pada tahun 2009 ini telah meningkat hasil bahan batuan borang paksi bagi daerah Kulaijaya kepada RM7.6 juta atau 80% daripada sasaran bagi tahun 2009 iaitu RM9 juta berbanding RM6.4 juta setakat bulan Oktober tahun 2008 ini. Kutipan cukai tanah juga telah mencapai pada RM15.8 juta daripada sasaran tahun 2009 iaitu pada RM19.7 juta atau 80%.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini atas CEO kita. Saya anggap Pegawai Daerah Kulaijaya adalah CEO di daerah Kulaijaya, yang mana kita di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah selalunya berbincang dengan ketua-ketua jabatan bagaimana untuk menyelesaikan apa juga permasalahan di daerah khasnya daerah Kulaijaya. Hari ini kita sedia maklum bahawa YDP Majlis Perbandaran Kulai, kalau dulu Yang Berhormat Datuk Speaker sebelum daerah Kulaijaya ini daerah penuh, kita YDP buat laporan, di Pegawai Daerah di dalam kawasan Johor Bahru. Hari ini bila daerah Kulaijaya, daerah sendiri kita ada YDP sendiri. Tetapi memandangkan YDP Kulaijaya naik pangkat, dah pindah dekat daerah Kota Tinggi, jawatan itu dipangku oleh Pegawai Daerah yang saya anggap sebagai CEO yang hebat, yang boleh menggerakkan kerja berterusan. Tapi saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita lihat di dalam geografi daerah Kulaijaya ini, Majlis Daerah Kulaijaya ini kecil, kecil sahaja. Tetapi Majlis Perbandaran Kulaijaya ini lebih kurang 80% kawasan geografi dia.

Kalau boleh, saya mencadangkan di sini jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Kulaijaya itu terus disandang oleh Pegawai Daerah sendiri, khasnya untuk Kulaijaya Yang Berhormat Datuk Speaker. Kerana, kalau kita lihat tempat lain dia besar geografi dia. Tetapi kalau kita daerah, kalau macam saya, di kawasan saya saja di Kampung Pertanian yang masuk dalam Majlis Perbandaran Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak kampung-kampung, Kampung Rahmat juga termasuk dalam Majlis Perbandaran. Jadi, Majlis Daerah saya ni kecil jadi Perbandaran lebih kurang besar dan jawatan itu kalau hari ini disandang dipangku oleh CEO saya, Pegawai Daerah saya rasa jawatan itu teruslah tak perlu lagilah. Jadi kita minta, kita cadangkan di Dewan ini, kalau boleh dicadangkan YDP Majlis Daerah Kulaijaya terus diberi, diserahkan jawatan itu kepada Pegawai Daerah Kulaijaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kita *rebranding*, menaikkan taraf Kulaijaya ini, saya ingin mengatakan tentang penjenamaan semula Kulaijaya. Kalau kita tahu sejajar dengan pertukaran nama daripada Kulai kepada Kulaijaya, kalau dulu kita anggap Kulai layu, Kulai hari ini sudah ditambah dengan nama Jaya. Kalau dah Kulai itu Kulaijaya, pembangunan juga mestilah hebat Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau saya boleh katakan di sini bahawa kalau kita nak penjenamaan ini disemulakan, kita perlu menggerakkan ekonomi bangsa Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita sedia maklum bahawa pembangunan Kulaijaya ini bertuah kerana terletak di kawasan WPI. Tempat

saya ada 2 kawasan pinggiran *suburb downtown*. Kalau kita dengan di kawasan lain di Bandar Kuala Lumpur dan sebagainya, dia ada *downtown, uptown* dan sebagainya. Bila pembangunan satu-satu tempat itu membangun maka pinggiran, *suburb area* ni terletak di dalam kawasan saya. Kawasan saya di Kulaijaya bila bandar raya Johor bangun, hebat. Jadi, Kulaijaya juga ingin sama-sama sekali hebat. Kerana kalau dah pembangunan WPI ni hebat, maka Kulaijaya juga hebat. Dan, saya minta kalau ada projek-projek penswastaan yang boleh membangunkan Kulaijaya ini, dapatlah kita sama-sama membangunkan ekonomi yang *middle class* ini.

Saya nak bawa Yang Berhormat Datuk Speaker kerana kawasan saya ini ada 3 FELDA Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau ikut di sekeliling lebih kurang 10. Semua dia tertumpu dekat Kulaijaya ni. Bank, kalau berurusan, dia bertumpu di bank. Jadi bangun, pesat. Kalau kita tak bangunkan Kulaijawa ni, Kulaijaya ni, bukan Kulaijawa. (Dewan Ketawa). Kulaijaya. Jadi, minta maaf kalau saya sebut kat situ kerana saya kata bahawa mereka-mereka ini di peringkat luar bandar. Kita tak membangunkan ekonomi bangsa. Kita ada 3 kelompok, 3 bangsa yang besar di Kulaijaya Yang Berhormat Datuk Speaker. India, Cina, Melayu. Ini semua *middle class,* pertengahan. Tapi kalau pembangunan WPI yang nanti ada euro mall dan sebagainya, harga-harga barang naik dan sebagainya, tapi kalau kita tidak persiapkan ekonomi bangsa yang sederhana ini, saya rasa pembangunan yang sepatutnya kita terima menjadi satu kekurangan yang besar kepada kita.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya minta sikit, ini kali kedua Yang Berhormat Datuk Speaker saya berucap, membahaskan di depan Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, ringkaskan.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Kalau boleh Yang Berhormat Datuk Speaker, belum lagi saya nak katakan sini saya minta Yang Berhormat Datuk Speaker kerana saya faham dengan masa yang tidak seberapa ini dan berilah saya ruang sikit lagi untuk membawa isu-isu yang sepatutnya saya bawa di Dewan ini kerana rakyat saya kata, dia kata Yang Berhormat, Yang Berhormat dah bawa isu-isu ini dekat Jawatankuasa Tindakan Daerah, betul, saya terima. Tetapi kalau tak dapat selesai tempat yang akhir Yang Berhormat nak kena bawa dekat Dewan ini. Jadi kalau Yang Berhormat Datuk Speaker dapat izinkan saya, masa saya sikit lagi, insya-Allah Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Saya izinkan tapi yang ringkaslah.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita sedia maklum di Kulaijaya di kawasan saya di Sedenak Yang Berhormat Datuk Speaker, JCorp mewujudkan Taman Perindustrian Sedenak sebanyak 700 ekar. Saya difahamkan JCorp sampai hari ini di kawasan saya tak nampak pun IKS ni khas ni, Industri Kecil Sederhana untuk kawasan saya. Kalau Yang Berhormat Datuk Speaker datanglah kawasan saya

kerana pengusaha-pengusaha kerepek, ayam dan sebagainya, burunglah, ada ramai. Tapi kerana tempatnya tak ada, tempat untuk mengembangkan ekonomi ini tidak ada. Maka saya mintalah Yang Berhormat Datuk Speaker, kaji-kajilah balik semula. Kalau tanah 700 ekar JCorp tak boleh nak *utilize,* nak buat, bagilah penswastaan kepada orang lain supaya dapat kita sama-sama membangunkan demi agama, bangsa dan negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pengairan dan Saliran kerana mengurangkan banjir di kawasan saya. Ini kena, saya bila hujan saja, kawasan saya teringat banjir Yang Berhormat Datuk Speaker. Kawasan saya memang mudah banjir. Kerana daripada dulu kalau kita dengar nama Kampung Pertanian, Sungai Besoi, Sungai Siam, bila sungai saja memang banjir Yang Berhormat Datuk Speaker. Tapi malangnya Yang Berhormat Datuk Speaker, sungai yang saya sebutkan tadi dikorek dekat bawah, dia dalamkan dekat bawah saja Yang Berhormat Datuk Speaker. Dia korek dekat dalam, dia korek di bawah, dia korek dalam-dalam, tapi atas dibiarkan jadi buta. Sungai kalau perigi, perigi buta, sungai pun jadi buta Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi saya minta dikaji balik, kerana selalunya kontraktor-kontraktor yang dapat projek ini Yang Berhormat Datuk Speaker kita tak diberitahu. Dapat aje daripada Pembangunan Negeri dia bagi aje projek, keluar aje tender, kontraktor datang korek tempat kawasan saya tidak dimaklum kepada Wakil Rakyat setempat, kita tak dapat memantau.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Habis, macam mana Yang Berhormat tahu dia gali tak dalam?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Kerana dia masuk kawasan Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya masuk kawasan, dia begini Yang Berhormat Datuk Speaker, dia sebenarnya yang membuat jadi masalahnya bila rumah siap, pahat berbunyi.

Ha, ini masalah dia. Masalah begitu yang membuatkan kita susah. Kerana kalau ada juga projek yang melibatkan Pembangunan Negeri SDO ni dia terus sampai ke DUN-DUN, tolong sampaikan *list* tu dekat kita.

Kita pun tak tahu siapa kontraktor yang dipilih kerana dicabut. Kita tak tahu Yang Berhormat Datuk Speaker. Tapi orang kampung ni Yang Berhormat Datuk Speaker, bila dapat aje projek, bukan main suka dia. Dia ingat dah sampailah pembangunan di tempat masing-masing dapat selesai masalah. Tapi bila dah selesai aje, benda tu timbul balik. Jadi, inilah yang membuatkan kita perlu ada pemantauan yang serius kepada setiap projek yang terus kepada pembangunan ini, kepada kawasan masing-masing.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, sikit lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soal gelanggang serba guna ni. Saya nak bercakap pasal gelanggang serba guna setiap DUN ini, setiap Parlimen ada 2 gelanggang. Saya kalau tak beritahu ini macam tak senang hati saya di sini.

Dalam kawasan saya ada 2 tempat di gelanggang serba guna yang sudah disiapkan. Kita ada Kelab Sukan Komuniti Yang Berhormat Datuk Speaker. KSK DUN Bukit Permai ini kita didaftarkan oleh Pesuruhjaya Sukan. Kalau KSK ni main biasa aje tak pa. Ini kita pendaftar. Kawasan ini kawasan saya. Jadi, bila beri, nak berikan penyeliaan gelanggang bila dah siap, bagi kepada belia. Nak bagi belia kerana nak *create*kan *income*. Tapi kalau nak *create*kan *income* ni untuk belia Yang Berhormat Datuk Speaker, janganlah bagi belia kepada satu-satu belia yang namanya belia. Contohnya tempat saya ada Belia 4B, tapi bila 4B, ahli-ahli Belia 4B aje nak main. Belia lain tak dapat main. Apa ini, masalah apa?

Masalah saya, saya hantar balik surat itu kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi jawab daripada SUPOL, dia tidak ada halangan untuk memberi KSK DUN Bukit Permai untuk menyelia. Tapi surat Menteri pun tidak diguna pakai, surat siapa Yang Berhormat Datuk Speaker? Kalau ADUN punya surat pun dah tak boleh, surat siapa pulak nak diambil kira? Saya ingin katakan, dikaji baliklah. Dikaji balik kerana banyak belia yang lain datang. Belia datang kat saya kata, tanya Yang Berhormat bagaimana ini? Kita nak main Belia 4B, kalau tak ada ahli? Saya ada bukti dia. Saya minta tolong dikaji semula gelanggang serba guna ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya minta Daerah Kulaijaya ini dalam sukan lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, Pengerusi Belia dan Sukan. Baru-baru ini kita, kita sekarang ini tengah membangunkan seni silat olahraga. Peserta-peserta Kulaijaya ini dia tak ada tempat latihan Yang Berhormat Datuk Speaker. Tak ada tempat latihan. Kita pun pinjam dekat Johor Bahru, Yang Berhormat Datuk Speaker. Bila kita ada menubuhkan Persatuan Silat ini di Daerah Kulaijaya, menubuhkan penaja PESAKA di Daerah Kulaijaya. Saya berjanji dengan mereka, saya akan bawa di dalam Dewan ini. Minta Yang Berhormat Pengerusi dapat membina kawasan gelanggang khas untuk peserta Silat Sukan Olahraga khasnya di Daerah Kulaijaya, kerana ramai anak-anak ini, ramai minat sekali saya lihat. Dan untuk mengembangkan kerana ia melibat salah satu daripada jati diri, semangat juang, kalau ini boleh dipertingkatkan saya rasa kita dapat melahirkan insan yang hebat satu hari kelak. Kerana dengan seni silat olahraga sahaja kita boleh meyakinkan kerana jati diri, keberanian. Insya-Allah Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau masa diizinkan ada lagi, saya ada lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Tapi memandangkan rakan-rakan saya juga ingin berucap, saya dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dan menyokong rundingan.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Ha, nanti Yang Berhormat ada lagi. Saya dah tengok, banyak lagi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Takut…

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Tapi memandangkan Yang Berhormat Datuk Speaker dah beri saya ruang dan peluang, terima kasih sekali lagi. Dengan segala permasalahan yang telah saya utarakan, besarlah harapan saya agar pihak-pihak yang berkenaan, bukan saya nak mengkritik mahupun menegur, ini adalah cara untuk kita sama-sama membangunkan kawasan masing-masing.

Dengan itu, saya menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat DUN Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih, jemput yang lain, Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Selamat Sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dapat bersama-sama pada hari ini dan terima kasih kerana memberi peluang kepada Maharani untuk membahaskan Bajet Negeri Johor 2010.

Mula-mula saya ingin menyampaikan amanat yang diberikan oleh seorang Menteri Kewangan yang paling berjaya dalam sejarah ketamadunan manusia, Nabi Allah Yusuf, yang berkata "hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh 7 tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkan dia pada tangkai-tangkainya, kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, 7 tahun yang bersangatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya, kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan untuk dijadikan benih. Kemudian, akan datang pula sesudah itu, yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah hasil anggur, zaitun dan sebagainya." Ini adalah peringatan dalam keadaan ekonomi kita yang menghadapi kemelesetan dan mudah-mudahan kita menghadapi rahmat hujan yang memang tengah musim hujan sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di antara penyebab kemelesetan ekonomi adalah musibah amalan berbelanja dan pelaburan seperti yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan Bajet 2010 tersebut tempoh hari. Faktor ini saya lihat lebih relevan daripada faktor lain seperti kejatuhan ekonomi Amerika, kelembapan ekonomi dunia dan sebagainya.

Bajet kita, 2010 masih lagi Bajet defisit seperti tahun lalu. Kali ini defisit RM1.496 juta. Dan kita masih ingat pada tahun 2009, dalam perbelanjaan tambahan masuk empat kali yang kali ini, kita memerlukan lebih RM1.25 juta untuk bajet tambahan yang keempat. Jadi, inilah satu perkara yang kita perlu ingat bahawa konsep perbelanjaan dalam Islam mudah sahaja. Berbelanjalah ikut kemampuan dan membangunlah ikut keperluan. Bukan kita tidak mahu pembangunan tetapi ikut keperluan dan kita mestilah mengelakkan

pembaziran, kerana "sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan", Surah Al-Isra', ayat 27.

Jadi cuba kita bayangkan, kalaulah rakyat Johor kita mengikut contoh Kerajaan Negeri dengan mengadakan bajet defisit untuk 2010, saya rasa rakyat kita dalam keadaan parah. Jadi inilah satu peringatan bahawa supaya rakyat kita sama-sama dalam mengimbangi keperluan dan juga segala apa yang mereka perlukan untuk 2010 yang akan datang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyatakan bahawa, Kerajaan Negeri perlu akur dengan kekangan yang wujud atas sebab sumber kewangan yang terhad kepada sumber-sumber dari sektor premium berasaskan tanah, hutan, perlombongan dan sumber air yang tidak berkembang serancak sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Pada tanggapan saya, itulah tanah, hutan, perlombongan dan sumber air yang dikurniakan kepada Negeri Johor ini adalah anugerah dari Allah SWT yang Allah beri secara percuma kepada kita. Jadi kita, di negeri lain tidak mempunyai anugerah begini. Jadi, apa yang paling penting kitalah yang perlu untuk menguruskannya dengan baik supaya rakyat mendapat manfaat.

Tanah, sebagai contoh tanah-tanah yang dikurniakan oleh kerajaan kepada pihak tertentu biasa premiumnya banyak diskaun. Kalau disebutkan dahulu, di banyak tempat, banyak diskaunnya daripada 1 juta turun boleh turun hingga cuma RM20,000 lebih. Jadi inilah satu kerugian bagi pihak kerajaan dan saya tidak tahu tanah-tanah kurnia yang lain, berapakah premium yang kerajaan dapat pungut daripada hasil ini?

Begitu juga dengan air. Sudah sampai masanya, walau apa cara pun kita kena memastikan bahawa air yang kita jual kepada negara lain itu dapat dipastikan bahawa ianya berbaloi, dia sesuai dengan keadaan semasa. Inilah satu-satu perkara yang kena Kerajaan Johor fikirkan supaya kita dapat tambah hasil daripada air yang Allah beri.

Begitu juga dengan hutan. Kalau mengikut laporan, pendapatan daripada hutan pada tahun 2010 adalah stabil. Saya kurang pasti bagaimana Kerajaan Negeri Kedah dengan, diambil alih oleh Pakatan Rakyat boleh meningkatkan hasil daripada hutan dengan berganda tetapi Kerajaan Johor yang dikatakan juga mengamalkan *tender* terbuka tidak dapat meningkatkan hasil daripada balak, daripada hutan ini. Saya cukup mengharapkan supaya perkara ini dapat diperbaiki, dapat diperbetulkan supaya hasil Negeri Johor ini akan dapat kita manfaatkan bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membahaskan tentang strategi keempat yang disebut dalam Bajet untuk meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman. Program Pintar Al-Quran adalah satu program yang sangat dialu-alukan bukan sahaja di Tadika Agama tetapi juga di semua tadika yang mempunyai ramai pelajar-pelajar Islam seperti Tadika Kemas. Kami di PASTI, Pusat Tunas Asuhan Islam memang telah lama mengamalkan, menjadikan ini sebagai kurikulum di dalam pembelajaran kami. Dan moto kami pun, moto PASTI pun, 'Membina Generasi Al-Quran'.

Jadi kesan kesinambungan daripada ini, dengan contoh yang telah diberikan ini, dengan keproaktifan kerajaan dalam perkara ini, kita mengharapkan supaya satu masa nanti kita akan dapat melahirkan lebih ramai hafiz di mana setiap masjid akan diimamkan oleh seorang hafiz. Begitu juga setiap kampung ada seorang hafiz dan sebaik-baiknya setiap rumah ada seorang hafiz. Itulah azam yang sepatut ada dalam diri kita sebagai seorang Islam dan juga sebagai kerajaan yang akan memartabatkan Islam dalam pemerintahannya. Dan dengan menghantar 4 orang pelajar untuk mengikut pengajian tafsir di peringkat sarjana juga adalah satu permulaan yang baik dan kita memerlukan lebih ramai lagi pentafsir-pentafsir yang bertauliah, bukan sahaja 4 orang dan mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sehingga 50 orang. Tapi saya rasa kenalah 56 orang tu, pasal 56 DUN melainkan DUN yang 6 ini dan serahkan kepada pembangkanglah, pada Pakatan Rakyat.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi kita boleh, insya-Allah, PASTI akan melahirkan para pentafsir Quran sendiri. Menyebut tentang untuk mendapatkan pentafsir yang bertauliah supaya dapat menyampaikan Islam yang sebenarnya. Saya diberitahu oleh, dan berbual dengan tuan imam, imam-imam di surau, masjid, tentang tauliah ini dia orang pelik juga. Tauliah imam ini biasa diberi 2 tahun sekali, tetapi bila saya tanya-tanya dia, tauliah tuan imam macam mana? "Saya punya macam dah luput. 2 tahun dah lepas itu tak ada cerita, jadi dia nak mintak sambung ke tidak." Jadi dia terus jadi imam jugalah, jadi imam tak bertauliahlah. Tauliah pada kertaslah. Jadi ini mendapat perhatianlah tentang pentauliahan imam-imam di surau, masjid ini, adakah diadakan setiap 2 tahun ataupun ada yang terlepas pandang atau mereka kena mohon semula?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Ya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Banyak lagi nak bercakap? Panjang lagi?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dalam 6, 7 muka.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput duduklah Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Selasa, 1 Disember 2009 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETUJUH	**SELASA, 1 DISEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Persidangan dimulakan pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Johor dalam mengatasi masalah-masalah penempatan dan juga impak negatif yang sering ditimbulkan oleh pekerja-pekerja asing?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Salam sejahtera, selamat padi dan salam 1Malaysia Dato' Speaker. Soalan berkaitan dengan masalah-masalah penempatan dan juga impak negatif yang ditimbulkan pekerja asing ini sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak kerajaan memandang serius tentang kesan negatif kebanjiran pekerja-pekerja asing di Negeri Johor dan telah mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan masalah sosial dan keselamatan yang lebih serius berlaku.

Dalam usaha menangani permasalahan ini secara lebih sistematik dan lestari, satu usaha perintis telah dijalankan di Iskandar Malaysia dan seterusnya ianya akan dijadikan contoh serta panduan di daerah serta kawasan penempatan lain yang menghadapi permasalahan yang serupa. Pihak Berkuasa Iskandar Malaysia, IRDA telah bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Jabatan Perancang Bandar Desa serta agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Pihak Berkuasa Tempatan di dalam menjayakan perkara-perkara berikut:

i. Menggubal garis panduan penempatan pekerja asing yang menyentuh tiga aspek utama iaitu:

    1. Spesifikasi kawasan penempatan pekerja asing yang dibenarkan.
    2. Pemantauan.
    3. Penguatkuasaan oleh agensi-agensi yang berkaitan.

ii. Menyediakan kawasan penempatan pekerja asing melalui usaha penswastaan sebagai program perintis di kawasan-kawasan sasaran pekerja asing seperti berikut:

1. Di Taman Desa Skudai, Johor Bahru, di Kota Iskandar Nusajaya dan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah.

Kawasan penempatan perintis ini mampu memuatkan maksimum 5,000 pekerja asing dalam satu-satu masa. Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha juga kini sedang giat dilakukan untuk mendirikan 3 lagi kawasan penempatan pekerja asing oleh pihak swasta iaitu:

i. Dua penempatan di Pasir Gudang, iaitu:

1. Di Taman Air Biru, Pasir Gudang.
2. Di Taman Cendana, Pasir Gudang yang mana boleh menempatkan pekerja-pekerja asing sekitar Tanjung Langsat dan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

Satu lagi penempatan berhampiran dengan Taman Universiti yang dijangka siap pada penghujung tahun 2009 iaitu di Taman Pulai Perdana, Skudai yang merangkumi Kawasan Perindustrian Gelang Patah, Lima Kedai dan juga sebahagian daripada Nusajaya. Pihak kerajaan peka akan impak negatif yang sedang melanda kawasan-kawasan yang dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing ini dan sedang menjalankan usaha menguatkuasa garis panduan penempatan pekerja asing ini di kawasan-kawasan yang disasarkan.

Adalah dijangkakan usaha-usaha penguatkuasaan yang lebih ketat dapat dilakukan pada suku pertama 2010 apabila lebih banyak pusat penempatan pekerja asing ini siap didirikan mengikut spesifikasi yang telah diluluskan. Bersandarkan pengalaman, pengajaran dan kejayaan daripada program perintis ini, sudah tentu pihak Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk melancarkan program penempatan pekerja asing yang secara tersusun ini di daerah-daerah lain khususnya di kawasan tumpuan pekerja-pekerja asing di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasihlah kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO dan di negara kita boleh disifatkan bahawa telah dibanjiri oleh pekerja asing dengan populasi pekerja asing yang sah di negara ini seramai lebih 1.9 juta orang, manakala 1.2 juta lagi adalah pekerja tanpa izin, untuk mencari rezeki halal dan sebaliknya. Dan, untuk mengurangkan masalah penempatan dan juga impak negatif yang sering ditimbulkan oleh pekerja-pekerja asing, langkah yang terbaik sekali adalah mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Oleh itu, saya ingin tahu apakah rasional yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan pergantungan pekerja asing ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih kepada soalan tambahan tersebut. Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan sebenarnya telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing. Sebagai contoh dalam, kalau kita tengok laporan pemberhentian pekerja sepanjang tahun 1 Oktober 2008 hingga

15 Oktober 2009, seramai 2,000, daripada 7,359 pekerja yang diberhentikan, hampir 2,500 pekerja asing juga diberhentikan dan telah dihantar pulang. Dan, seterusnya untuk kita, sekarang ini ekonomi sudah mula pulih dan permintaan untuk pekerja memang meningkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita tengok tentang peningkatan keperluan kepada pekerja-pekerja, terutama sekali kepada pekerjaan jenis pekerjaan asas dan juga operator loji dan mesin yang mana melibatkan kerja-kerja asas, kita perlukan lebih kurang 68% daripada 31,000 kerja kosong yang ada ini melibatkan kerja-kerja asas ini. Tetapi, itulah saya kata, kadang-kadang sikap pekerja-pekerja kita ini terlalu memilih sangat kerja maka, tiada yang nak memenuhkan jawatan kosong yang ada bagi kerja-kerja asas ini.

Tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun sedemikian, kerajaan tidak sewenang-wenangnya memberi kelulusan kepada pekerja asing. Antara kadar yang digunakan oleh kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah nisbah 2 kepada 1 bagi pekerja tempatan dan pekerja asing. Maksudnya, untuk setiap 2 orang pekerja tempatan hanya dibenarkan 1 orang pekerja asing diambil. Itu kadar yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, masalahnya sekarang saya juga ada terima sokongan daripada kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri sendiri mengatakan ada majikan yang mengadu kenapa kerajaan tak nak bagi kelulusan untuk pekerja asing, mereka mengalami kerugian itu.

Satu sebelah suruh jangan ambil pekerja asing, yang sebelah lagi kata bagi peluang pekerja asing. Jadi perkara ini menjadi satu kemusykilan tetapi sehingga kini Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Sumber Manusia begitu teliti. Biasanya permohonan, majikan ini akan buat permohonan. Siasatan akan dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Bila Jabatan Tenaga Kerja begitu yakin bahawa mereka ini benar-benar memerlukan pekerja, maka akan diberi kelulusan tetapi berperingkat-peringkat dan begitu sedikit sekali pekerja yang akan diluluskan. Itulah kriteria di mana saya nak tekankan di sini bahawa kerajaan tidak sewenang-wenangnya membenarkan pengambilan pekerja asing.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok Permas Jaya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya faham bahawa kita tidak boleh elakkan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah faham buat apa nak tanya?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Belum, saya belum mula soalan...

Y.B. Dato' Speaker : Dia dah cakap dia faham, sudah mahu tanya lagi, ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Negara kita, kita tidak boleh dielakkan pekerja-pekerja asing tetapi saya menghadapi masalah khususnya di

Taman Air Biru dan Taman Cendana di kawasan saya yang mana program penempatan pekerja-pekerja asing mengalami, penduduk-penduduk kawasan itu mengalami pelbagai masalah sosial. Saya cuma ingin tahu apakah kriteria-kriteria yang penting dalam program penempatan pekerja-pekerja asing di beberapa kawasan ini dan adakah pihak majikan terlibat dalam program ini khususnya obligasi pihak majikan. Sekarang apa yang kita nampak, pihak majikan cuma kawal mereka apabila dalam masa kerja dalam kilang sahaja, selepas itu tidak ada langsung obligasi ataupun penglibatan pihak majikan terhadap pekerja-pekerja asing ini. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker : Wah hebatlah. Ya, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih kepada soalan tambahan daripada ADUN Permas. Yang Berhormat Dato' Speaker, pengurusan penempatan pekerja asing yang lebih sistematik ini akan diletakkan di bawah pemantauan Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang sedia ada. Mengikut struktur jawatankuasa ini, kesemua agensi keselamatan dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat akan bertanggungjawab ke atas bidang undang-undang masing-masing untuk melaksanakan kriteria yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, garis panduan ini menekankan bahawa pekerja-pekerja asing ini akan ditempatkan di pusat-pusat yang saya sebutkan tadi. Secara nak kata kurung, tak kurunglah tetapi mereka kena tinggal di situ, mereka akan disediakan tempat riadah, mereka akan disediakan kemudahan-kemudahan yang mana mereka tak perlu keluar daripada kawasan tersebut dan ada sistem kawalan keselamatan dan kita dalam peringkat untuk mengemas kini sehingga peringkat menggunakan cap jari. Kalau nak keluar masuk, semuanya mengikut peraturan.

Y.B. Dato' Speaker : Ada skrin untuk wayang, wayang. Dia nak tengok wayang macam mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Kalau nak tengok wayang itu pun kita kena sediakan. Itu dalam proses Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk, itu saya kata garis panduan ini akan mula, kita ini masih dalam peringkat perintis lagi…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Selepas suku tahun 2010 lebih banyak lagi kawasan yang akan diadakan seperti begini dan kita rasa penguatkuasaannya akan lebih. Ini baru peringkat mula Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Jadi Yang Berhormat ADUN Permas tak payah risaulah, tak lama lagi dia akan lebih sistematik...

Y.B. Dato' Speaker : Ni *geng* ye? kawan ye?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Kawan baik.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Senggarang.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Saya rasa pengambilan pekerja asing secara sah ini masih dan amat diperlukan lagi. Negara kita ini khususnya negara kita yang sedang dalam membangun. Cuma apa yang dilihat dari segi impak negatif dan positifnya di kawasan-kawasan penempatan pekerja-pekerja asing ini, kadang-kadang kita lihat ada berlaku kejutan budaya, terutamanya kadang-kadang kejutan budaya yang baik. Ada di setengah-setengah kawasan saya tu contohnya Taman Wawasan tu anjing-anjing liar, kucing-kucing yang berkeliaran yang begitu banyak nampaknya dah kurang sekarang ni sebab mereka ni ada setengah-setengah kumpulan pekerja ni makan anjing, kucing dan sebagainya jadi masalah pencemaran tak ada lagi dah…

Y.B. Dato' Speaker : Makan anjing?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Ya, Yang Berhormat Dato Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ada eh?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Ada, ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak pernah dengar pulak.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Cuma, apa yang amat membimbangkan apabila pendekatan tidak dibuat secara lebih serius kawasan penempatan ini kadang-kadang dijadikan juga tempat-tempat yang menggunakan, digunakan dari segi aktiviti mereka eh. Boleh kita katakan tempat ini juga menjadi satu tempat pertemuan antara dua benua. Kadang-kadang kaum ataupun pekerja daripada Bangladesh, daripada Pakistan, daripada Myanmar, daripada Vietnam dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan Yang Berhormat apa?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Soalan saya...

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Ada tidak program atau aktiviti yang secara mengkhusus ataupun maknanya yang melibatkan pekerja-pekerja, majikan dan pemimpin tempatan. Sebab di tempat saya ni, saya kira dah hampir 10 tahun tidak ada satu program pun dibuat khususnya di bawah Kementerian Sumber Manusia ni untuk diadakan program gotong royong ke atau program aktiviti riadah ke yang bersama dengan kita, dengan Wakil Rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Jadi, senang dia nak makan apa, Yang Berhormat sediakan. Ok, jemputlah.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih kepada soalan tambahan tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, untuk pekerja-pekerja asing ni, Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah tentulah kita ada satu program khas yang mana melibatkan mereka tapi kalau Wakil Rakyat setuju kita minta mereka, mereka buat program saya boleh turut hadir untuk rasmikanlah bersama-sama dengan pekerja asing.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu aje?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, tak, sebenarnya baru-baru ni saya sendiri hadir satu majlis di mana pekerja-pekerja Nepal, pekerja-pekerja Nepal, Yang Berhormat Dato' Speaker, 5,000 orang berkumpul dengan panggil dia punya artis daripada Nepal. Saya pergi rasmikan majlis tersebut dipakaikannya kalung, apa semua, 5,000 orang di Stadium Tertutup MBJB.

Y.B. Dato' Speaker : Bandaraya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Dan, saya, saya sendiri telah menyatakan bahawa saya, kita sokonglah sekurang-kurangnya saya tanya penganjur dia, Yang Berhormat Dato' Speaker, dia kata dia buat persediaan hampir setahun. Jadi, ertinya dalam masa lapang dia, dia telah sibuk setahun tu untuk buat persediaan, panggil artis dia datang, jadi dalam hal macam ini Kerajaan Negeri dan Jabatan Tenaga Kerja sudah tentu sokong kepada aktiviti-aktiviti yang serupa itu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tengok apa persembahan dia, tarian dia eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Nyanyian, banyak kepada nyanyian dan tarian, dia punya tarian apa eh?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya tak tengok mana saya tahu, Yang Berhormat yang tengok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Dangdut, macam dangdutlah sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu yang dia orang telefon Yang Berhormat tak dapat jawab, rupanya dekat dengan dangdut, ha yalah. Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih**.**

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai, *last*.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Setahu saya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi, asrama penempatan pekerja asing di Taman Desa Skudai telah dilancarkan oleh bukan sayalah, ADUN kawasan lain.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, semua takut.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Setahu saya sebelum itu adalah diduduki oleh pelajar-pelajar UTM. Saya nak tahu, sama ada hak milik asrama Taman Desa Skudai penempatan pekerja asing masih di bawah UTM atau telah dijualkan kepada syarikat swasta diuruskan oleh syarikat swasta? Dan, sama ada mana-mana Ahli Dewan yang dekat sini terlibat kepentingan dalam syarikat yang disebutkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ni, dah larilah, dia syarikat kena Yang Berhormat. Yang Berhormat amacam, tak nak jawab?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Sebab soalan ni saya ingat tidak ada, saya tidak mempunyai jawapan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah dia tanya syarikat yang terlibat?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi, tadi Yang Berhormat Pengerusi sudah sebut Taman Desa Skudai, saya dengar, itu kawasan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah dia tanya pekerja Yang Berhormat, ada masalah tapi Yang Berhormat…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini tak buat kerja rumah, tak buat kerja?

Y.B. Dato' Speaker : Sebut nama syarikat dan syarikat…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan saya dia kena jawab.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dia kalau tak ada soal asal, dia tak ada berkait dengan Yang Berhormat tanya siapa Pengerusi syarikat itu, itu tak ada dalam cerita, dia kisah hal pekerja, bukan orang yang, Yang Berhormat cadang siapa tu nak tanya nama. Itu soalan lain, satu soalan yang berbentuk lain, nak tanya siapa ADUN yang terlibat, siapa syarikat yang berkenaan, itu dah lain Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada kepentingan, satu-satu...

Y.B. Dato' Speaker : Itulah, lain-lain soalan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Satu-satu Ahli Dewan yang terlibat atau sebenarnya kepentingan awam dijaga.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat punya tujuan tetapi soalan Yang Berhormat asal yang dibuat oleh ADUN Bukit Batu tak ada

berkaitan dengan soalan ni. Dia boleh bangkit soalan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Batu tadi tu boleh. Ya, saya dah nak habis kesian pulak kerana dia pakai songkok saya berilah, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, ganti soalan daripada Skudai tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak boleh ganti, kalau gantikan soalan Yang Berhormatlah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat kata tadi, *last*.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah saya kesiankan dia. Ha'ah, tak terima kasih pulak tu, kang suruh duduk, kan.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih banyak-banyak.

Y.B. Dato' Speaker : Kan sedap sikit.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat EXCO tadi. Umum mengetahui bahawa pekerja asing menyumbang sedikit sebanyak masalah sosial dan masalah jenayah dalam negara kita ini. Adakah pihak jabatan memikirkan cara-cara untuk mendisiplinkan mereka-mereka ini contohnya bagi pekerja-pekerja asing yang beragama Islam adakah jabatan bercadang ataupun terfikir untuk memberikan, contohnya macam kuliah ke, usrah ke, bimbingan agama ke ataupun bagi...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat setuju eh, kalau ada..

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ini perlu.

Y.B. Dato' Speaker : Parti Yang Berhormat boleh hantar sanalah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya setuju sangat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok pasal takut...

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Pasal kita orang boleh tolong kalau diperlukan.

Y.B. Dato' Speaker : Takut tak dapat undi, ha, yalah tak ada undi tu, oklah Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Atau bagi pekerja asing yang tidak beragama Islam mengadakan kelas-kelas moral ke, disiplin ke ataupun beri bentuk orientasi sebelum mereka itu bekerja ataupun berterusan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, ok.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Sekian.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker untuk soalan tambahan dari ADUN tadi. Dalam dasar prosedur dan garis panduan tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk pekerja-pekerja asing itu penempatan yang kita sebutkan tadi di samping saya sebut tadi selain daripada tempat riadah dan lain-lain kemudahan mereka juga ada menyediakan tempat untuk sembahyang. Dan, sudah tentu ianya juga diikuti dengan ceramah-ceramah agama dan sebagainya. Itu, itulah sebab tempat ini disediakan untuk kita mengumpulkan mereka bukan sahaja untuk menjaga keselamatan tetapi juga memberi mereka pendedahan kepada keadaan sosial di negara kita dalam bentuk ceramah-ceramah moral dan juga ceramah-ceramah agama. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat, jemput.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, (Layang-Layang) bagi Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Apakah peranan yang dilakukan oleh kerajaan untuk memperkasakan industri makanan halal dan pematuhan hukum dipatuhi?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, orang lain, Yang Berhormat Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, jemput.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) bagi pihak Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Bagaimanakah sistem pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam bagi memastikan pusat sembelihan ayam benar-benar mengikut peraturan yang ditetapkan dan ianya benar-benar halal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri amat mengambil berat dalam isu halal sama ada dalam soal isu pemakanan dan bahan gunaan untuk kepentingan umat Islam khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya. Walaupun kerajaan belum mewajibkan penggunaan logo halal bagi produk-produk keluaran Malaysia, kerajaan sangat menggalakkan pihak industri mendapatkan pengesahan halal bagi produk masing-masing disebabkan potensi pasarannya yang lebih besar di peringkat tempatan dan luar negara. Di mana pengguna Islam di seluruh dunia dianggarkan lebih satu bilion orang.

Dan, bagi tujuan itu kerajaan sentiasa memberikan bantuan, bimbingan dan galakan kepada pengusaha-pengusaha tanpa mengira kaum dan agama asalkan aspek-aspek pematuhan syariah diikuti bagi membolehkan syarikat-syarikat berkenaan mendapatkan pengiktirafan halal. Dan, sehingga bulan Oktober 2009, terdapat 342 buah syarikat telah diberikan Sijil Pengesahan Halal Johor. Dan, daripada jumlah itu 227 adalah pengusaha kilang, 67 buah premis makanan, 25 buah hotel dan *resort*, 12 buah rumah sembelihan dan 11 jenis produk bahan gunaan.

Kerajaan juga bantu mempromosikan produk-produk halal melalui seminar kesedaran halal. Kursus-kursus halal kepada pengusaha-pengusaha, kursus penyembelihan, membuat pameran-pameran, pengedaran pamflet-pamflet, penerbitan buku Direktori Halal, penerangan melalui khutbah Jumaat dan sebagainya. Dan, pada waktu yang sama pemantauan telah dilakukan di seluruh Negeri Johor sama ada oleh Jabatan Agama Johor ataupun secara bersepadu dengan agensi Kerajaan Negeri mahupun pusat bagi memantau dan memeriksa pengusaha-pengusaha ini agar sentiasa mematuhi peraturan halal dan soal-soal kebersihan.

Sehingga November 2009, sebanyak 92 pemantauan telah dibuat iaitu 70 kali pemantauan bagi kilang-kilang memproses makanan dan 22 kali pemantauan ke atas pusat-pusat penyembelihan ayam bagi memastikan hanya mereka yang berkelayakan sahaja yang menjalankan aktiviti penyembelihan yang dipanggil juru sembelih di pusat-pusat penyembelihan. Pihak kerajaan telah mentauliahkan seramai 183 orang juru sembelih di seluruh Johor. Kerajaan juga telah mengiktiraf 12 buah pusat penyembelihan di seluruh Johor dan diberikan penarafan rumah sembelihan halal selepas melalui pemeriksaan dan pengauditan yang ketat bersama agensi lain yang berkaitan dan seterusnya diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Panel Halal Negeri Johor.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, beberapa tindakan telah diambil hasil daripada operasi pemantauan ke atas pemilik sijil halal dan premis sepertimana berikut:

i. Teguran dan amaran sebanyak 71 pemilik sijil telah dikeluarkan teguran amaran.
ii. Seramai 13 pemilik sijil halal telah digantung sijil halal mereka untuk satu bulan.
iii. Manakala 4 pemilik sijil telah ditarik balik sijil halal atau tarik balik sijil tauliah juru sembelih.
iv. Manakala sebanyak 18 buah pusat penyembelihan telah diambil tindakan iaitu teguran dan amaran 15 premis, gantung sijil halal iaitu bagi tempoh satu bulan sebanyak 3, di samping itu, 4 orang juga telah ditarik balik sijil tauliah juru sembelih masing-masing. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Di samping hukum syariah-syariah diamalkan adakah GMP dan HECCP diamalkan bersama?

Y.B. Dato' Speaker : GMP? Apa nak disoal? Cerita apa? Apa ni Yang Berhormat penuh?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : *Good Manufacturing Practice and also Hazard Environmental Practice* diamalkan.

Y.B. Dato' Speaker : Untuk apa tu, entah saya pun tak jelas, Yang Berhormat, bukan tak faham, tak jelas. Yang Berhormat faham, nak jawab macam mana, saya pun tak tahu, lari aje.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha untuk mengeluarkan sijil-sijil halal ni kan sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa proses dia adalah agak ketat. Dia banyak proses sudah tentulah perkara-perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yong Peng tu memang dalam, dalam fikiran kita, kita mengambil kira dari segi, malah saya nak beritahukan sini kita juga menggunakan *International Standard Organization IEC Guide 65,* dengan izin, produk *Certification Bodies*. Ini semua diambil kira dalam oleh pihak panel yang di, Panel Penilai, Panel Persijilan Halal Johor yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Agama dengan keanggotaan dia dari pelbagai jabatan seperti MARDI, Kimia, SIRIM dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, semua ada eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Jadi, ini semua kita bukan Jabatan Agama sahaja yang memutuskan tapi ia diputuskan oleh Panel Pensijilan, dah tentulah perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi diambil kira dalam kita membuat keputusan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya prihatin tentang syarikat pengeluar makanan yang mengeluarkan kedua-dua makanan, yang halal dan yang tidak halal. Maklumat daripada pekerja yang didapati, walaupun syarikat itu mendapat sijil halal tetapi dalam proses pengeluaran makanan ada didapati bahawa pencampuran di antara yang halal dan yang tidak halal. Jadi, bagaimana cara pemantauan? Adakah maklumat didapati daripada pekerja kerana pekerja yang mengetahui rahsia bukan taukenya. Jadi, kena dapat maklumat secara rahsia daripada pekerja. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak beritahu nama syarikat. Boleh dia *check*.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Ada, saya beritahu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, lain kali ambil nama dia kalau betul.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, hm…

Y.B. Dato' Speaker : Pemantauan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ya, Jabatan Agama sentiasa menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa malah bukan sahaja teguran yang diberikan kepada pihak-pihak yang berkenaan, teguran dan amaran, tapi kita juga telah menggantung sijil halal mereka, sekiranya kita memperolehi maklumat-maklumat dengan jelas, terdapat pelanggaran syarat-syarat yang telah kita tetapkan kepada mereka. Kita nak gantung ataupun nak tarik balik sijil mereka tanpa sebab, kita tak boleh buat. Kita ada peraturan, kita mesti ikut peraturan. Sekiranya Yang Berhormat ada mempunyai maklumat yang ini, saya kira Yang Berhormat boleh bagi pada kita dan kita boleh buat pemeriksaan dan sekiranya benar apa yang dinyatakan tadi, tindakan yang sewajarnya akan diambil...

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sama ada kita beri amaran ataupun kita gantung lesen mereka. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) bagi pihak Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Berdasarkan data tahun 2008/2009 dan unjuran untuk tahun 2010, apakah bilangan guru dan bilangan bilik darjah (dengan anggaran kos yang diperlukan) untuk kita membuat persekolahan satu sesi (rendah dan menengah) di seluruh Negeri Johor? Kita andaikan nisbah guru : pelajar adalah 1: 25.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor mengikut data pada 31 Julai 2009, terdapat 132 buah sekolah rendah yang masih menjalankan persekolahan dua sesi daripada 889 buah sekolah rendah. Manakala bagi sekolah menengah terdapat 127 buah sekolah yang masih menjalankan persekolahan dua sesi daripada 240 buah sekolah menengah. Dan, mengikut data pada 31 Julai 2009, Jabatan Pelajaran Johor; bilangan murid di sekolah rendah pada tahun 2009 adalah 381,046 orang manakala bagi tahun 2010 adalah dijangkakan pertambahan sebanyak 3,810 orang murid menjadi jumlahnya 384,856. Dan, bilangan guru bagi tahun 2009, 26,313 dan bagi tahun 2010 adalah dijangkakan bilangan guru bertambah kepada 32,029 orang. Iaitu pertambahan seramai 5,716 orang. Bagi bilangan bilik darjah, sekarang ini terdapat 11,774 bilik darjah dan bagi tahun 2010, adalah dijangkakan 11,854 bilik darjah iaitu pertambahan sebanyak 80 buah bilik darjah. Bilangan bilik darjah yang diperlukan sekiranya kita nak menjadikan semua sekolah ini sekolah satu sesi adalah sejumlah 1,455 bilik darjah pada tahun 2010. Ini, jika kita nak mengadakan sekolah satu sesi sepenuhnya. Dan, bagi anggaran kos sepertimana yang diminta oleh Yang Berhormat kawasan Pemanis, ini andaian sahaja. Sekiranya kita ingin menjadikan semua satu, semua sekolah rendah ini sebagai sekolah satu sesi, mungkin kerajaan terpaksa membelanja kos pembangunan keseluruhan Negeri Johor bagi pertambahan bilik darjah berjumlah lebih daripada RM700 juta.

Bagi sekolah menengah, pada tahun 2009, terdapat 278,770 orang murid dan bagi tahun 2010, terdapat, mungkin akan terdapat pertambahan sebanyak 8,645 murid menjadikannya 287,415 orang murid. Dan, bilangan guru juga bertambah daripada 18,992 kepada 19,837 bagi tahun 2010 yang merupakan pertambahan sebanyak 845 orang dan bilangan bilik darjah akan bertambah daripada 7,312 bagi tahun 2009 kepada 8,312 iaitu pertambahan 100 buah bilik darjah.

Dan untuk menjadikan semua sekolah menengah ini sekolah satu sesi bagi tahun 2010, kita terpaksa menyediakan 1,104 bilik darjah lagi. Dan, anggaran kos sepertimana yang diminta oleh Yang Berhormat dengan andaian semua sekolah ini menjadi sekolah satu sesi, kemungkinan kerajaan terpaksa membelanjakan lebih daripada RM500 juta.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Jementah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Memandangkan persekolahan satu sesi memang menjadi matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia, jadi saya nak tanya ada, apakah kelebihan persekolahan satu sesi berbanding dengan persekolahan dua sesi? Dan, apakah demitasinya Kerajaan Negeri Johor dalam usaha untuk menuju ke arah semua sekolah satu sesi? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila pihak Kementerian, Kerajaan Pusat memutuskan untuk menuju ke arah sekolah satu sesi, sudah tentulah ada kelebihan-kelebihannya. Di antaranya mungkin dengan sekolah satu sesi ianya akan memudahkan ibu bapa yang bekerja. Sekarang ini mungkin agak sukar juga bagi ibu bapa yang kedua-duanya bekerja walaupun ada kemudahan bas sekolah dan sebagainya. Tapi, mungkin bagi ibu bapa yang bekerja ini kalau adanya sekolah satu sesi ianya akan memudahkan urusan-urusan mereka untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Itu satu sahaja daripada matlamat sekolah satu sesi dan banyak lagi sebenarnya kebaikan sekolah satu sesi ini yang mungkin kerajaan dah lihat bahawa dengan adanya sekolah satu sesi ini akhirnya kita akan dapat memantapkan sistem persekolahan kita ini di peringkat rendah dan juga di peringkat menengah. Dan mungkin juga, ia juga ada kebaikan kepada Negeri Johor sendiri kerana kita ada sekolah kebangsaan dan sekolah menengah, dalam masa yang sama kita ada sekolah agama. Dan, sekolah satu sesi tak semestinya bermula dari pagi sampai ke lewat petang. Kerana, Kerajaan di peringkat Persekutuan ataupun Kementerian sendiri telah pun mengambil kira sistem sekolah agama yang ada di Negeri Johor ini. Di mana kalau ada sekolah satu sesi ianya tidak menghapuskan sistem Sekolah Agama yang telah pun lama wujud di peringkat Negeri Johor itu sendiri.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Nanti kejap, Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya cuma nak tanya adakah di Negeri Johor program ini telah pun dimulakan sebagai satu program perintis untuk menjadi contoh bagaimana impak sesi, sekolah satu sesi sekiranya dijalankan terhadap banyak aspek-aspek yang akan terlibat khususnya ibu bapa dan juga masyarakat tempatan? Dan, adakah sekolah-sekolah vernakular dimasukkan dalam program-program ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya nyatakan di jawapan yang disoal tadi, di Negeri Johor sebenarnya, sebahagian besar sekolah telah pun menjalankan persekolahan satu sesi. Bermaknanya sekolah satu sesi yang dimaksudkan ialah sekolah itu kalau muridnya dan kelasnya bersesuaian, bilik darjah mencukupi, maka pelajarannya akan diadakan pada sebelah pagi sahaja. Iaitu dia belajar daripada pagi sampai jam 1:00 tengah hari, kemudian 1:00 tengah hari murid-murid boleh balik dan ini akan memudahkan pentadbiran sekolah juga. Bila dua sesi ini maklumlah ada pagi, ada petang, mungkin dari segi pentadbirannya agak rumit sedikit daripada sekolah satu sesi. Sekarang ini memang dah ada sekolah-sekolah yang mungkin muridnya tak ramai, yang satu sesi sahaja. Maknanya yang, pelan pembelajarannya diadakan pada waktu pagi sahaja. Jadi, sebelah petang itu, bagi murid-murid yang beragama Islam, boleh bersekolah agama, bagi bukan beragama Islam mungkin dia boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang lain, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, saya ingin mengalu-alukan praktis pelaksanaan sekolah satu sesi tapi memandangkan kadar ponteng sekolah yang begitu tinggi, setahu saya praktis di sekolah adalah kehadiran murid-murid itu di catit pada kelas pertama sahaja. Kalau, bagaimana persekolahan satu sesi boleh menurunkan kadar ponteng sekolah jikalau praktis mencatitkan kehadiran murid-murid pada kelas pertama sahaja masih diteruskan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Ini dah masuk bab lainlah Yang Berhormat Dato' Speaker sebenarnya. Tadi, kita cerita tentang pertambahan murid-murid, pertambahan apa tu, kelas, andaian berapa banyak peruntukan dan juga kelas yang kita perlukan untuk menjadikan semua sekolah di Negeri Johor ini sebagai sekolah satu sesi.

Namun begitu, soal ponteng ini saya dah jawab beberapa kali dalam jawapan bertulis dan juga soalan Dewan yang lepas. Ini memang merupakan masalah yang bukan berlaku sekarang ini tapi memang dah pun lama berlaku. Kita ada sistem pemantauan untuk memastikan bahawa kadar murid-murid yang terlibat dengan ponteng sekolah ini berada di tahap yang minimum sekali. Kita nak kata hapuskan terus soal ponteng sekolah ini bukan perkara yang mudah kerana ianya tergantung kepada sikap, kadang-kadang susah juga di luar kawalan kerana dia bukannya pergi sekolah kemudian baru dia cabut, kebanyakannya. Kebanyakannya dia pakai baju sekolah, dia naik bas tapi dia tak sampai ke sekolah. Ha, itu masalah ponteng berlaku. Tapi soal ponteng ini

memang kerajaan di bawah melalui kementerian dan juga Jabatan Pelajaran sentiasa mengadakan kerjasama dengan pihak Polis, dengan mungkin masyarakat kampung sekiranya ada laporan-laporan murid-murid sekolah yang berkeliaran di luar, di dalam waktu persekolahan, maka kita minta kerjasama daripada semua pihak ini untuk melaporkan kepada pihak sekolah supaya sekolah dapat mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Sila nyatakan butir-butir mengenai Rumah Mesra Rakyat yang telah siap dan akan dibina di dalam Negeri Johor mengikut daerah setakat bulan November 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) bagi pihak Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Untuk membina rumah di bawah Skim PPRT, SPNB mengenakan syarat supaya geran tanah pemohon atau keluarga yang membenarkan tanah mereka digunakan hendaklah diserahkan kepada SPNB. Bolehkah syarat ini dilonggarkan dengan hanya dibuat surat kuasa untuk menggantikan geran tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan ADUN Bukit Permai dan Bukit Batu, pertamanya saya ingin maklumkan kepada ADUN Bukit Permai, bahawa SPNB tidak melaksanakan rumah PPRT ataupun skim PPRT. Yang dibuat oleh SPNB ialah Rumah Mesra Rakyat ataupun RMR. Dan memangnyalah bawah, di bawah Skim ini, Rumah Mesra Rakyat dikenakan syarat iaitu, geran tanah bagi tapak yang dicadangkan untuk dibina rumah ini perlu diserahkan kepada SPNB bagi tujuan cagaran. Ini adalah bagi yang memang telah pun jelas, untuk memastikan bahawa sekuriti SPNB terjamin ke atas pinjaman yang telah diberikan kepada pemohon-pemohon rumah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, SPNB juga tidak dapat longgarkan syarat tersebut dengan hanya menggunakan surat Wakil Kuasa kerana untuk menggantikan geran hak milik yang dicagarkan kerana surat Wakil Kuasa bukanlah satu instrumen ataupun satu dokumen sekuriti ke atas jumlah wang yang dipinjamkan. Surat Kuasa ini hanya membenarkan satu pihak bertindak hanya ke atas hal-hal yang diberikan kuasa sahaja dan tidak menyamai seperti kesan instrumen gadaian.

Untuk makluman Dewan ini juga Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini pembinaan Rumah Mesra Rakyat di negeri kita berjumlah 1,398 unit yang telah siap dibina dan sebanyak 813 unit RMR lagi ataupun Rumah Mesra Rakyat,

masih dalam proses pembinaan di antara tahun 2002 hingga November 2009. Di Johor Bahru, kalau saya boleh perincikan sebagaimana yang dipohon oleh Yang Berhormat, terdapat 26 unit rumah yang telah dibina manakala 13 unit lagi rumah akan dibina. Di Pontian, 75 unit telah dibina, 46 akan dibina. Batu Pahat 163 rumah yang telah dibina, 118 akan dibina. Sebanyak 476 rumah yang telah siap dibina dan 239 lagi akan dibina untuk daerah Muar, Yang Berhormat Dato' Speaker. Segamat, 183 siap, 142 akan dibina, Mersing, 72 siap, 25 akan dibina. Kluang, 75 siap, 49 unit akan dibina. Kota Tinggi, 40 siap, 65 dalam pembinaan. Ledang, 277 siap dan akan dibina 78. Kulaijaya, 11 siap, 38 dalam pembinaan.

Y.B. Dato' Speaker : Lekas bangun ya. Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, memanglah tidak nafikan bahawa Program Rumah Mesra Rakyat ini adalah diwujudkan untuk membantu golongan berpendapatan rendah. Dan, kita tidak pertikaikan SPNB untuk membina Rumah Mesra Rakyat ini, tetapi memang ada kelemahan dan kekurangan sebab itu, saya juga ingin tahulah apa langkah yang akan diambil oleh sama ada SPNB atau kerajaan untuk memastikan rumah dalam Program Mesra Rakyat ni siap dengan kemudahan kerana memang saya bermasalah, di mana Program Rumah Mesra Rakyat di kawasan saya tu, sudah hampir siap tetapi tak ada kemudahan asas.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ikut apa yang dibuat oleh SPNB selama ini, Rumah Mesra Rakyat ini hendak dibina atas tapak tuan punya itu sendiri ataupun kalau bukan tapak dia, tapak orang lain yang membenarkan dia secara bertulis bina rumah RMR di atas tanah tersebut. Saya, mintalah kepada apa ni, Yang Berhormat Bukit Permai,

Y.B. Dato' Speaker : Bukit Batu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Bukit Batu. Bukit Batu, apa maksudnya dengan tak lengkap infrastruktur tu? Setahu saya kalau dia bina, dia datang siap dengan api dan air. Mungkin jalan masuk ke, saya tak tahulah. Itu, permasalahan yang lainlah yang kita kena tengok daripada aspek yang berlainan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan nombor 7.

Berapakah jumlah penguasa TENUSU dan hasilnya mengikut daerah dalam Negeri Johor dan bentuk insentif menarik yang dapat diberikan kepada penguasa bagi mengatasi dan mengurangkan pelan BOT.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, di seluruh Negeri Johor terdapat seramai 115 orang pengusaha lembu TENUSU dengan jumlah populasi lembu TENUSU ialah 4,281 ekor. Di daerah Johor Bahru terdapat seramai 46 pengusaha, daerah Kluang, terdapat seramai 34 pengusaha, daerah Segamat seramai 14 pengusaha, daerah Muar seramai 12 pengusaha dan Batu Pahat seramai 9 pengusaha. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor mempunyai 5 pusat pengumpulan susu iaitu PPIT, Pusat Pengumpulan Industri TENUSU, iaitu di Segamat, di Labis, Muar, Muar di Tangkak, Batu Pahat, Johor Bahru dan Kluang. Bagi tahun 2008, jumlah pengeluaran susu bagi seluruh Negeri Johor ialah sebanyak 4,155,754.46 liter. Daerah Kluang mempunyai hasil pengeluaran susu tertinggi iaitu 1,970,038.36 liter diikuti daerah Johor Bahru sebanyak 1,369,320.44 liter, daerah Muar sebanyak 355,417.33 liter, daerah Segamat sebanyak 266,297.90 liter dan daerah Batu Pahat sebanyak 194,680.43 liter.

Di bawah pelan BOT dengan izin, *Balance Of Trade*, produk susu segar merupakan salah satu produk yang diberi keutamaan memandangkan kadar sara diri iaitu SSL, *Self Sufficiency Level*, yang rendah, hanya lebih kurang 5%, yang selebihnya, 95% diimport.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah situasi keperluan susu sangat tinggi di Malaysia ni, Yang Berhormat Dato', kerana bukan sahaja anak kecil minum susu malah orang tua pun minum susu.

Y.B. Dato' Speaker : Memang selalu orang tua minum susu. Semua orang tahu, saya pun minum.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu, untuk menggalakkan industri pengeluaran TENUSU terus berkembang, kerajaan telah menyediakan insentif bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran di samping menjaga kualitinya. Susu yang berkualiti akan dibeli pada harga yang tinggi. Susu bergred AA, 2A dibeli pada harga maksima iaitu RM1.85 per liter akan tetapi harga ini akan menurun kepada RM1.75 per liter jika susu mendapat gred A sahaja. Seterusnya, turun kepada harga RM1.35 per liter apabila kualiti susu jatuh kepada gred –A. Insentif yang diberikan kepada pengusaha berdasarkan dua kriteria iaitu bergantung kepada keputusan makmal dan jumlah pengeluaran susu sebulan. Pengusaha yang menerima keputusan TPC, *Total Pallets Count*, kurang daripada 200,000 CFU, ataupun *Colony Forming Unit*, akan menerima tambahan sebanyak RM0.10 seliter dan pengusaha yang menghasilkan jumlah pengeluaran susu melebihi 4,000 liter sebulan akan menerima tambahan sebanyak RM0.05 seliter. Secara puratanya, seorang pengusaha susu dapat menjual susu dengan nilai RM2.00 seliter.

Selain itu, di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan terdapat satu Skim Insentif yang telah diperkenalkan semenjak Jun 2008. Dalam Skim tersebut, setiap pengusaha dibahagi kepada dua kategori iaitu, satu kategori pengusaha komersial, yang mempunyai ladang bersaiz ternakan lebih daripada 50 ekor. Yang kedua, pengusaha kecil yang mana ladang mereka mempunyai kurang daripada 50 ekor ternakan. Bagi pengusaha komersial, insentif sebanyak

RM0.065 sen akan dibayar bagi setiap liter susu dihasilkan. Manakala, bagi pengusaha kecil insentif sebanyak RM0.19 sen setengah akan dibayar kepada bagi setiap liter susu dihasilkan.

Untuk tujuan pembayaran, setiap pengusaha dimestikan menunjukkan bukti penghasilan liter susu melalui dokumen jualan susu di Pusat Pengumpulan Susu. Dan, rekod pengeluaran ladang yang kemudiannya akan dibuat verifikasi oleh Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang telah dilantik. Kelulusan pembayaran akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas di bawah Skim Insentif Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang mana dipengerusikan oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin nak tahu, apakah *economic of scales* untuk membela kambing TENUSU, sebab kalau satu pengusaha menternak dua ekor bandingkan dengan 50 ekor, tak ekonomik kan. Jadi kita nak tahu *economic of scales,* supaya Jabatan Haiwan boleh menggalakkan pengusaha buat apa yang menguntungkan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Apa tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dalam untuk mencapai *economic of scales* seperti saya sebutkan tadi ada dua kategori. Maknanya, kategori pertama pengusaha komersial yang lebih daripada 50 ekor ternakan. Ha itu, dah kira komersial, maka apabila komersial dikira ada *economic of scales*. Manakala, untuk kambing sekurang-kurangnya 300 ekor.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bagus.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Baru ada *economic of scales*. Dan apabila ada *economic of scales*, maka pengeluarannya, kos pengeluaran akan dapat dikurangkan kerana kambing memerlukan bilangan yang tinggi kerana pengeluaran kambing, susu kambing ni sedikit. Ha, tapi...

Y.B. Dato' Speaker : Tak banyak Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tak banyak tapi dia punya khasiat tinggi, Yang Berhormat. Dia punya khasiat tinggi dan harganya tinggi. Jadi, memang ada permintaan terhadap susu segar, kerana susu segar ni mempunyai khasiat yang lebih baik.

Y.B. Dato' Speaker : Yang khasiat apa yang penting susu ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia tenaga apa, dia dapat terus menyerap...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, lepas tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dan ada kalsium tu lebih dan memberi kekuatan tulang kita. Apabila kita kuat tulang, tenaga pun kuat Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Makna serba serbi kuatlah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Kuat, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh bagus juga. Ha, Permas lagi. Oklah tak ada orang bangun, Permas, *last*.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, nampaknya, dalam, dari jawapan Ahli EXCO tadi kita telah dengar bahawa, kita import 95% susu untuk negara kita, tetapi apa yang saya difahamkan hanya jabatan telah memberi galakan bagi produktiviti, untuk meningkatkan produktiviti. Selain daripada itu, adakah program-program ataupun insentif-insentif dan bantuan-bantuan diberi supaya industri ini dapat diperkembangkan seperti pemberian lembu, pemberian makanan dan lain-lain bantuan supaya kawasan yang mereka cari untuk memelihara atau ternakan ini, mereka boleh dapat dan juga mengenal pasti kawasan-kawasan supaya lebih ramai boleh terlibat dalam industri ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menggalakkan pertumbuhan lembu TENUSU ini, memang kerajaan ada skim yang dipanggil Skim Pintaf. Jadi Skim Pintaf ni kita bagi lembu tapi secara pinjaman. Dan kalau dia, lembu tu melahirkan anak, kena pulang dengan anaknya sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, gitu eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dan, dalam program ini setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih kurang RM500,000.00 untuk program Pintaf ini untuk kita memperhebatkan kepada pengusaha-pengusaha sedia ada. Jadi, kalau pengusaha tu dia belum buat usaha bela lembu ni, memang dia tak dapat. Jadi, yang dah usaha kita bagi, apa, *reinforcement* atau...

Y.B. Dato' Speaker : Ni, lembu ada *color*, bagus tak Yang Berhormat? Warna-warna lembu dia ambil kira tak? Lembu warna hitam, kelabu tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia biasanya lembu TENUSU ni, dia lembu yang, apa nama, yang putih dan hitam tu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, hitam eh. Macam Permaslah. (Dewan ketawa). Ok, ok, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Satu soalan lagi boleh?

Y.B. Dato' Speaker : Allah, kang tak beri masuk surat khabar pula. Oklah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jangan risau, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, ok, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan berkenaan tadi saya kalau saya tak salah seperti yang disebutkan Yang Berhormat Pengerusi, 95% susu kita diimportkan? Tapi mungkin tadi, Yang Berhormat Permas salah dengar. Tapi yang 95% itu adakah kebanyakan diimport dari negeri-negeri seperti Australia, New Zealand atau kita boleh memandangkan mengimport susu yang bermutu tinggi dari negeri lain seperti di Mongolia?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dia salah dengar ke Yang Berhormat salah dengar? Takut dia...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Memang, sebenarnya negara kita mengimport lebih kurang 3 bilion susu setiap tahun Yang Berhormat. Jadi, pengeluaran susu negara amat sedikit dan oleh itu, seperti yang disebut oleh ADUN Permas tadi memang kita menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk membangunkan ternakan susu ini dan untuk mengimport, ianya tertakluk kepada kelulusan Jabatan Veterinar. Tetapi kita memang terbuka daripada mana-mana negara untuk mengimport susu dengan syarat, ianya mesti halal.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 8.

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk memberi penghargaan kepada pihak media cetak ataupun elektronik untuk memberi penghargaan dengan mengadakan Majlis Penganugerahan sebagai pengiktirafan kepada mereka?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor amat menyedari tentang peranan yang dimainkan oleh pihak media massa dalam membantu pihak kerajaan khususnya dalam membentuk minda dan persepsi rakyat selaras dengan agenda pembangunan negara dan memahamkan tentang dasar-dasar kerajaan yang, dari masa ke semasa.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan Negeri telah ada cadangan untuk mengadakan Majlis Anugerah Kewartawanan sebagai mengiktiraf sumbangan kepada wartawan media cetak dan juga media penyiaran yang ada di Negeri Johor ini. Dan perkara ini telah saya umumkan dalam satu Majlis Malam Mesra Bersama Media pada 25 Oktober 2009 di Hotel Good Hope. Justeru, melalui

Anugerah Kewartawanan ini diharap akan dapat memberikan motivasi dan perangsang kepada wartawan media cetak dan penyiaran yang ada di Negeri Johor ini untuk meningkatkan kecemerlangan dalam tugas mereka sebagai penyebar maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat. Dan di pihak Kerajaan Negeri kita akan laksanakan Malam Anugerah Kewartawanan ini bersama-sama dengan Jabatan Penerangan dan buat masa ini pihak jabatan sedang mengenal pasti kategori-kategori bagi anugerah yang akan diberikan pada Anugerah Kewartawanan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik, Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat jemput.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato Speaker, soalan saya nombor 9. Terima kasih.

Nyatakan apakah peranan pihak pengurusan FELDA terhadap mana-mana perkampungan FELDA yang sudah memiliki geran hak milik dan di bawah sistem pengurusan JKKK di mana Pengerusinya adalah Ketua Kampung yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, FELDA akan meneruskan peranannya sebagai ejen pembangunan walaupun sesebuah rancangan telah menerima hak milik kerana ini diteruskan selagi diperlukan oleh pihak kerajaan. Apabila sesebuah rancangan telah menerima hak milik sistem pengurusan secara JKKR akan ditukarkan kepada JKKK selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Bagi meneruskan kesinambungan peranan pengurusan di Rancangan di bawah JKKK, pengurusan FELDA telah mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa negeri melalui Pegawai Daerah agar Pengurus Rancangan dilantik sebagai penasihat kepada JKKK.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa soal jawab lisan dah selesai. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, sebelum diteruskan, nak ingatkan lagi kita, bagi Ahli Yang Berhormat yang nak berucap hanya tinggal ini hari dan besok sahaja eh. 2 hari lagi, sehingga hari Khamis eh. Dan hari Jumaat, pihak Kerajaan akan jawab. Eh, ini hari dan besok ada lagi eh. Selasa, Rabu, Khamis, hari Khamis ada lagi, *sorry* eh, dia hari Jumaat saja kerajaan jawab. Jadi saya harap Yang Berhormat dapat ikut arahan sayalah untuk beri peluang Ahli Yang Berhormat yang lain yang dapat berucap dalam Persidangan ini. Perbahasan disambung sekarang, jemput.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyambung ucapan saya semalam.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masuk 2 hari. Semalam sehari, ni sehari eh.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Semalam baru masuk *gear*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, habis *gear* dah terbabas. Ok, jemputlah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Saya ingin membahaskan strategi keempat Bajet 2010 untuk meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman. Saya difahamkan mulai tahun 2008, Jabatan Agama Islam Johor telah memulakan Program Perintis Tahfiz Daerah Johor sepenuh masa dengan 15 orang pelajar lepasan UPSR diambil dan pada tahun ini 15 orang pelajar lagi telah diambil untuk menyertai program, di mana pelajar-pelajarnya menumpang di Maahad Johor. Dan menurut maklumat ibu bapa, mereka ini akan mengikuti program sepenuh masa Tahfiz Al-Quran dan pelajar akademi akan diajar juga untuk menyiapkan diri mereka menghadapi peperiksaan SPM. Walau bagaimanapun, ibu bapa agak kurang puas hati kerana persediaan untuk mata pelajaran akademik ini tidak ada guru khusus dan mereka agak terumbang-ambing sedang ini penting untuk mereka mengharungi dunia pendidikan yang sering mencabar ini. Jadi, mereka tidak pasti dan mereka mengharapkan supaya perkara ini dapat diberi perhatian. Kalau kita lihat di Negeri Kelantan, Sekolah Menengah Sains Tahfiz telah lama diadakan dan ia akan melahirkan ahli-ahli sains dan profesional yang hafal al-Quran. Jadi, kita agak terkebelakang. Kita hanya mengadakan tahfiz sahaja tetapi tidak akademi sepenuh masa. Jadi, ini perlu diberi perhatian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skim Wakaf Kitab Sekolah Agama Kerajaan Johor yang juga disebut oleh Y.B. Pekan Nanas semalam dan tahniah kerana beliau menyokong pemberian Skim Wakaf Kitab Sekolah Agama Kerajaan Johor ini. Saya difahamkan ia diberikan kepada ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM750.00 sebulan dan mengambil pelajar daripada TAJ hinggalah ke Darjah Khas. Jadi, oleh kerana diberi Skim Pinjaman, saya rasa tidak ada salahnya jika keseluruhan pelajar sekolah agama ini, daripada TAJ hingga Darjah Khas diberi peluang untuk menyertai Wakaf Kitab Sekolah Agama ini tanpa mereka mohon. Jadi sekarang ni mereka kena pohon. Ini kerana kalau di sekolah kebangsaan pun, buku teks dah percuma, apa lagi sekolah agama. Sepatutnya Kerajaan Johor memberi percuma.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dengan pinjaman dan biasiswa untuk pelajar untuk mengikuti pengajian agama dan kursus kritikal profesional di dalam dan luar negara. Ada satu perkara yang cukup baik dan tahniah kepada MAIJ yang menyediakan pinjaman dan juga biasiswa kepada pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran khususnya pelajar tersebut, oleh Yang Berhormat Pengerusi, bahawa kita ada menghantar, menaja pelajar kita ke Mesir untuk mengikuti Kursus Perubatan dan ini adalah satu perkara yang mulia

dan saya mengharapkan supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar anak-anak Johor dihantar ke sana untuk mengikuti Kursus Kritikal yang sangat kita perlukan. Sebab saya difahamkan ada syarikat swasta yang telah berjaya menghantar pelajar-pelajar dari seluruh Malaysia ini ke sebuah universiti di Mesir. Yang lepas seramai 303 orang pelajar dan ini merupakan satu sumbangan yang sangat besar kerana, kalau 300 pelajar Kursus Perubatan, *dentist* dan farmasi ini berjaya dalam masa 4 hingga 6 tahun yang akan datang, mereka akan membawa pulang graduan, 300 graduan yang merupakan, kalau di tempatan hampir 2 buah universiti. Jadi, ini satu perkara yang patut Majlis Agama Islam Johor sokong dan memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Walau bagaimanapun, biasiswa pendidikan haruslah diwujudkan kepada mereka yang layak terutama mereka yang berpendapatan rendah tanpa mengira bangsa dan agama bagi rakyat Negeri Johor ini. Bagi mereka yang beragama Islam, duit zakat itu bolehlah untuk menampung pengajian mereka di dalam dan luar negara.

Rancangan untuk menubuhkan membina 121 buah sekolah agama, adalah satu juga perkara yang baik dan di samping itu, kita jangan lupa juga Sekolah Agama Rakyat, walaupun akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, kita kena pastikan bahawa mereka juga mendapat imbuhan begitu juga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Beri mereka kail bukan ikan, dengan memberi tapak sekolah yang mencukupi supaya mereka mengusahakan tapak-tapak ini untuk aktiviti seperti pertanian yang boleh menjana pendapatan yang berterusan dan tidaklah mereka akan bergantung kepada sumbangan daripada kerajaan sepenuhnya.

Baru-baru ini saya dapat laporan daripada seorang fakir yang diistilah sebagai fakir yang mendapat bantuan sara hidup sebanyak RM250.00 sebulan dan biasanya diberi mengikut dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, baru-baru ini beliau dapati bahawa bantuan itu telah terhenti kerana telah sampai masa setahun tetapi beliau tidak diberitahu. Dan mengikut surat daripada Majlis Agama Islam, Bahagian Zakat, Baitulmal dan Wakaf, Pegawai Tadbir Agama Daerah bahawa pihak Pegawai Tadbir Daerahlah yang sepatutnya memaklumkan perkara ini kepada penerima bantuan dan juga mengambil tindakan dengan membuat laporan terbaru bagi tahun berikutnya selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tamat tempoh peruntukan ini. Jadi, oleh kerana Pejabat Agama Daerah tidak mengambil inisiatif untuk menjalankan tanggungjawab ini, maka mungkin ini adalah salah seorang daripada penerima daripada wakaf, penerima daripada zakat, baitulmal dan wakaf yang akan menerima akibat daripada kelewatan ini dan mereka terpaksa tunggu lagi 3 bulan untuk mendapat bantuan kalau diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah sosial dalam masyarakat kita di kalangan remaja terutamanya begitu parah dengan jenayah curi motosikal, merempit, meragut, mencabul, sumbang mahram, pecah rumah dan macam-macam lagi. Jadi untuk ini saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan peruntukan yang secukupnya untuk Badan-Badan Bukan Kerajaan, NGO, Badan Dakwah, Badan Kebajikan dan Sosial untuk menganjurkan program motivasi dan juga pembinaan jati diri yang ampuh dan tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir negatif. Pelajar peringkat menengah terdedah dengan bermacam-macam pengaruh luar, pengaruh

yang negatif dan mengikut maklumat daripada Unit-Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Johor menunjukkan bahawa peningkatan gejala sosial yang menggerunkan sehinggakan ada sebuah NGO menganjurkan Kempen Jauhi Zina. Lihatlah bagaimana parahnya keadaan sosial kita pada hari ini yang perlu kita sebagai orang yang berkuasa untuk mencegahnya dan juga untuk mengambil langkah-langkah untuk mengubatinya.

Baru-baru ini saya berkesempatan melawat Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di kawasan saya dan saya dapati tempatnya memang baik dan ditadbirkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Juitalah, jadi saya tak terlibatlah tetapi oleh kerana nak beri sedikit sumbangan, saya pergi ke tempat itu dan tempat tu memang sesuai lebih 60 peserta dan ditadbirkan oleh penyelia dan petugas, cuma saya dapati mereka ini agak kekurangan dari segi bantuan kewangan untuk makan pagi. Saya difahamkan hanya RM15.00 seorang sahaja bayaran untuk sarapan pagi dan ini tidak mencukupi dan mereka terpaksa mencari penyumbang. Bila saya masuk macamlah pasti sayalah…

Y.B. Dato' Speaker : RM15.00 ni apa, seorang?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Seorang, sebulan. Jadi tak cukup untuk…

Y.B. Dato' Speaker : RM15.00 sebulan?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : RM15.00 sebulan untuk bayaran sarapan pagi. Jadi ianya tak cukuplah. Saya tak tahu di PDK lain. Kalau di Pusat Tadika Islam memanglah kita menyumbang, AJK menyumbang secara sukarela, itu tak ada masalah. Dan saya diberitahu oleh rakan saya daripada Skudai di PDK Tun Aminah keadaan agak teruk juga. Sebab kekurangan kakitangan, kekurangan kemudahan asas sehingga ada pelajarnya hanya boleh datang seminggu sekali. Jadi inilah satu perkara yang turut dilihat, keadaan di semua PDK di kawasan-kawasan adakah ia berjalan dengan baik ataupun tidak kerana kita perlu membantu golongan yang kurang upaya untuk memastikan mereka tidak terpinggir dari arus perubahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membawa Yang Berhormat ke kawasan saya di Muar. Tahniah kepada Majlis Perbandaran Muar dan juga daripada Pengairan dan Saliran yang proaktif menangani masalah banjir di daerah Muar. Kalau kita pergi ke Muar dalam DUN Maharani khususnya keadaan parit di kawasan kampung telah digali, di kawasan bandar, parit-parit konkrit, parit 'U' telah dibina cuma masalahnya saya kurang pasti sama ada spesifikasi ini, ia mengikuti spesifikasi atau tidak, kerana ada sebahagiannya itu konkrit itu lebih rendah daripada tebing jalan. Jadi tanah-tanah tepi masuk dalam parit dan menyebabkan parit cetek semula. Dan ini akan menyebabkan banjir jika tidak diawasi. Begitu juga oleh kerana parit konkrit ini tidak separas dengan bahu jalan dan bahu jalannya juga tidak dibina dengan sempurna. Ini menimbulkan masalah keselamatan bagi pengguna jalan raya di tempat-tempat tersebut. Di kawasan di mana dahulu saya sebutkan bahu-bahu jalan yang mendap, alhamdulillah, nampaknya telah disempurnakan, terima kasih.

Walau bagaimanapun, dalam 2, 3 hari ini saya didatangi oleh peniaga-peniaga kedai makan dalam kawasan bercukai Majlis Perbandaran Muar Selatan, di mana mereka dapat notis bertarikh 23 November 2009 maklumkan bahawa Mesyuarat Penuh, MPM, Majlis Perbandaran Muar pada 30 Januari 2009 telah bersetuju kepada kadar bayar lesen diselaraskan kepada RM254.00 setahun berkuat kuasa 1 Januari 2010 sedangkan sebelum ini lesen mereka hanyalah RM80.00 setahun. Jadi, ini telah mengejutkan mereka kerana tak ada notis, tak ada angin, tiba-tiba pokok bergoyang. Jadi, oleh kerana tiada penerangan yang diberikan kepada mereka ini maka mereka cukup susah hatilah keadaan ekonomi merudum, tiba-tiba lesen naik daripada RM80.00 kepada RM254.00 dan mereka tak faham mengapa ini boleh berlaku sedangkan dalam Persidangan yang lepas apabila kita diberitahu bahawa daerah Muar akan dipecahkan kepada daerah Muar dan Ledang. Yang Berhormat Dato' Pengerusi ada menyebutkan bahawa setakat ini tidak ada cadangan untuk menaikkan cukai walau pun Majlis Perbandaran Muar akan kehilangan lebih RM3 juta pendapatan daripada sini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini tempat kawasan Yang Berhormat aje ke termasuk daerah Muar yang lain?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Ini dalam daerah Muarlah.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan tempat Yang Berhormat ajelah?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Bukan. Jadi, kalau katakanlah mereka itu di kawasan yang mendapat notis ini bukan di tengah bandar, di tengah bandar itu patutlah kerana sewa mahal, ramai orang, dia punya harga makanan pun mahal, jadi mereka boleh bayar lesen begini, walau pun ada bangunan-bangunan yang baik, kedai-kedai yang baik tetapi, tempat itulah yang agak jauh di tepi bandar. Jadi keadaan ini tak sepatutnya disamakan dengan keadaan di tengah-tengah bandar. Jadi, penjaja mula risau, mereka yang mempunyai lesen kenderaan bergerak juga risau. Kerana, selama ini mereka hanya bayar RM60.00 setahun jadi menunggulah kalau ada lagi surat notis yang akan menaikkan lesen.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Akhir.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dahulu Y.B. Bentayan ada menimbulkan masalah kemendapan kawasan di Tanjung Emas Muar, berhampiran dengan jeti. Jadi, jawapannya peruntukan telah ada dan sepatutnya kerja-kerja membaik pulih tu telah siap tetapi semalam saya ziarah semula nampaknya bertambah teruklah. Jadi, ini kena diperhatikan kerana itu tempat tumpuan orang ramai di waktu petang, mereka duduk di tepi tebing itu dan tidak menyedari bahawa tebing itu pun dah senget. Walaupun ada tanda supaya…

Y.B. Dato' Speaker : Berjaga-jaga.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jangan mendekati kawasan tersebutlah. Jadi inilah yang saya perlukan bahawa tindakan segera sebelum tragedi berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, 1 minit.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dalam bajet yang lepas, saya dapati masalah nelayan tidak dapat perhatian yang berat atau yang diutamakan sebab yang ada sebut tentang industri perikanan hiasan sedangkan ikan merupakan sumber protein yang tinggi dan mereka ini memerlukan peruntukan tertentu, contohnya, jeti yang sesuai, yang tak mudah roboh dan keluhan nelayan di Kuala Sungai Muar mengatakan bahawa mereka belum dapat lagi jeti baru yang dijanjikan walaupun proses mengukur telah dibuat dan, begitu juga pendapatan mereka nampaknya mula terjejas dengan adanya pengangkutan pasir daripada Ulu Sungai Muar yang menyebabkan pukat dan joran mereka dilanggar dan mereka kerugian tanpa ada apa-apa sebarang pampasan. Jadi saya cadangkanlah supaya Koperasi atau Persatuan Nelayan ini diperkasa, diberi kemudahan pinjaman dan diberi mereka kemudahan-kemudahan peralatan, kelengkapan menangkap ikan yang secukupnya yang boleh dibeli melalui koperasi dan persatuan dan supaya mereka tidak terjebak dengan masalah pinjaman dengan Ah Long. Jadi, walau pun telah ada juga peruntukan seperti pemberian mesin jahit yang disebut kepada isteri para nelayan, lainnya perlu kita bantu dan kita bela dan cukup malanglah apabila diberitahu semalam bahawa walau pun bantuan enjin dan bot diluluskan oleh MAIJ tetapi Jabatan Perikanan pula bekukan lesen itu. Jadi, bagi mereka yang benar-benar memerlukan bantuan, mereka agak hampalah.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Akhirnya.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang terakhirlah. Yang terakhir ni saya nak sebut tentang masalah perumahanlah. Memang perumahan satu perkara yang perlu kita ambil berat di mana memang kita mahukan satu keluarga, satu rumah tetapi keadaan sekarang masih belum berjaya dan saya mencadangkan syarat 30% kuota kos rendah yang dikenakan kepada pemaju supaya dikuatkuasakan dengan sebenar-benarnya dan supaya pembinaan ini akan dijalankan walaupun ia tidak menguntungkan. Dan, kerajaan melalui JCorp, KPRJ hendaklah menerajui pembinaan rumah kos rendah dengan menubuhkan Lembaga Perumahan Rakyat bagi kumpulan rakyat berpendapatan rendah. Dan, tindakan ini adalah cukup wajar kerana biasanya JCorp dan KPRJ ini telah pun kerajaan anugerahkan dengan tanah pada keluasan paling minimum dan ini patut mereka memberi pulangan semula pada rakyat yang berpendapatan rendah dan kalau mengikut Pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah, PKR, RM25,000.00 hingga RM80,000.00 seunit yang belum dilaksanakan mengikut jadual seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara 2008 maka kami mengharapkan supaya keseluruhan projek ini akan dilancarkan sebaik-baiknya.

Begitu juga dengan masalah setinggan, untuk menjadikan negeri kita ini bebas setinggan maka, projek perumahan rakyat hendaklah dilakukan secara besar-besaran seperti yang dijanjikan supaya statistik yang menunjukkan bahawa 16,000 keluarga setinggan di daerah Johor Bahru sahaja masih belum dapat rumah PPR ini dan kita mengharapkan kalau bolehlah sewa atau kadar sewa RM124.00 sebulan itu akan digantikan juga pada suatu masa nanti dengan skim sewa beli untuk bekas penduduk setinggan ini supaya mereka rasa selesa dan mereka mempunyai tempat untuk bergantung. Begitu juga dengan penduduk-penduduk yang tinggal di Kampung Baru Cina, Kampung Melayu, di Kampung India, kita perlu bantu mereka. Kalau boleh beri mereka geran-geran kekal, beri mereka hak milik kekal atau pajakan 99 tahun supaya mereka akan kekal tinggal di dalam bandar. Dan kita adalah, di dalam bandar ini mereka yang sepatutnya yang telah lama memberi sumbangan kepada negara ini akan terus tinggal di bandar dan tidak akan terpinggir dan seterusnya akan terkeluar daripada arus perdana pembangunan di mana kebanyakan kalau kita lihat, pembangunan banyak dilakukan di kawasan-kawasan bandar dan jika mereka tidak dibenarkan tinggal di bandar maka tak dapatlah mereka menikmati segala kemudahan-kemudahan yang dirancang oleh kerajaan selama ini.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker dengan itu saya sokonglah usul Y.B. Senggarang dengan tambahan-tambahan perkara yang telah saya bacakan tadi dan mudah-mudahan kita berjaya insya-Allah. Saya sudahi wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi, jemput. Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Salam sejahtera serta Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, Semarang mengucapkan jutaan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk terlibat dalam Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2010 Tahun 2009 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semarang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di atas Pembentangan Belanjawan yang di dalamnya terkandung iltizam serta komitmen yang berterusan memacu ekonomi negeri di tengah kemelut dan cabaran ekonomi yang tidak menentu ditambah pula dengan cabaran dan usaha-usaha pihak-pihak tertentu yang lebih cenderung mendoakan kehancuran pihak yang lain agar mereka boleh kutip sisa-sisa kehancuran itu untuk mereka bangunkan negeri dan negara mengikut aspirasi sekutu-sekutu yang sejak azali tidak pernah bersatu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk bersekongkol merobohkan apa yang ada ini pada realitinya tidaklah mustahil. Apatah lagi apabila fitnah, putar belit fakta, ditambah lagi dengan dibakar dengan api sentimen perkauman yang

terus menerus. Tetapi barang diingat, percayalah, untuk dibangunkan puing-puing kemusnahan ini tidaklah semudah merobohkannya. Apabila hukum demokrasi digunakan sepenuhnya serta mahkamah jalanan digunakan dan sudah menjadi penentu yang menang akan jadi arang, yang kalah akan menjadi abu.

Sebagai pembahas yang ke-26 Yang Berhormat Dato' Speaker, saya meneliti setiap baris ucapan 25 pembahas-pembahas yang terdahulu yang mengutarakan pelbagai isu dan seharusnya pihak kerajaan bersyukur di atas teguran serta pandangan yang kritis tetapi membangun. Tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan hak-hak sebagai Ahli Dewan yang ada, harus juga kita secara tunai membetulkan kecelaruan dan kesalahan fakta yang digunakan untuk meremehkan Kerajaan Negeri yang ada ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak puas dengan mendengar ucapan, saya ulangi bacaan verbatim 23 November, di mana Yang Berhormat Skudai telah membuat tuduhan tentang permintaan ang pau oleh ahli pasukan Bomba dari mangsa kebakaran. Masakan mereka sezalim itu Yang Berhormat Dato' Speaker? Adakah tuduhan ini suatu yang membawa kebaikan atau ia akan hanya membawa kejatuhan semangat serta moral anggota Bomba yang menjurus kepada kebencian kepada komuniti pengadu di masa yang akan datang? Kita harus ingat, malang tidak berbau. Nasib tidak semestinya menyebelahi kita sepanjang masa. Kita bukan hanya berurusan dengan Bomba hanya ketika kebakaran, malahan di kemalangan jalan raya serta banjir juga kita akan berurusan dengan mereka. Pendedahan atau tuduhan ini akan hanya membawa manfaat jika ia dibuat dengan secara disertakan dengan identiti pihak yang terlibat berserta maklumat yang tepat. Agar, jika benar ianya berlaku, ia boleh diambil tindakan dan seterusnya akan menjadi pengajaran kepada yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sindrom memuja negeri dan negara luar nampaknya masih berterusan. Apakah tidak ada yang baik tentang negeri kita ini? Kenapa kita harus berbangga dengan tempat yang lain? Memang sewajarnya kita seharusnya mencontohi yang baik, tetapi harus mengakui apa yang baik juga ada pada diri kita. Kita tidak iri hati dengan kejayaan negeri ataupun negara tempat yang lain, kerana kita yakin kita boleh membangunkan negeri, negara kita sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya membetulkan fakta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai mengenai pengurusan kewangan yang berhemah di Dewan ini pada 23 November yang lalu...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, minta memberikan penjelasan, sebab dia banyak kali sudah sebut Skudai, terpaksalah saya menjawab.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat nak tanya apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Nak menjelaskan dalam keadaan kebakaran, orang melarikan diri dalam seluar pendek macam mana nak *video tape* ahli-ahli Bomba minta ang pau?

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah. Yalah, itu Yang Berhormat cakaplah. Tak apa, itu kita dibiarkan. Ini dia ini sebagai ucapan dia boleh menyentuh apalah. Asal nanti...

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, verbatim telah terang menunjukkan bahawa, menyatakan waktu kebakaran tidak sempat nak sediakan, masakan mangsa nak siap sediakan ang pau.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebenarnya Dato' Speaker, laporan Polis telah dibuat. Dalam keadaan itu, ada kehilangan barangan kemasan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Kalau dah dibawa ke pihak Polis, tidak perlu dibawa ke dalam Dewan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha. Oh ya, oklah.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, biar saya teruskan. Saya nak jawab benda-benda tidak betul ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Skudai menyatakan tentang penyalahan, telah menyatakan tentang tidak berhemahnya Kerajaan Negeri Johor mengurus kewangan Negeri Johor dan menyatakan bahawa Kerajaan Selangor lebih baik.

Saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat Skudai, yang menyatakan bahawa pengurusan Negeri Selangor lebih berhemah berbanding Kerajaan Negeri Johor kerana perbelanjaan mengurus Kerajaan Selangor cuma RM662 juta pada tahun 2008 berbanding Negeri Johor sebanyak RM882 juta. Tetapi sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Selangor pada tahun 2008 adalah sebenarnya sebanyak RM1.467 bilion, jauh lebih tinggi daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Johor pada tahun yang sama yang hanya RM882.72 juta. Bersama saya ini adalah penyata Tafsiran Hasil Akaun Hasil Yang Disatukan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta penjelasan Dato' Speaker, anggaran yang diberikan oleh Yang Berhormat Semarang adalah sebenarnya campuran dua-dua.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak boleh...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Biar saya jelaskan dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia tengah berucap. Yang Berhormat duduk. Dalam satu ucapan seorang, kita tidak boleh mencelah, tak boleh bangun melainkan kita nak memperbetulkan mengikut peraturan A ke, B ke, C, 20 ke, 30 dia menyalahi, yang itu bolehlah saya lihat. Tapi dia bercerita, bercerita sebagai dia Ahli DUN, dia bercerita, dia tak ada.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi Yang Berhormat, dia bagi maklumat sesat kepada Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Speaker : Tak adalah biarlah dia, biarlahkan Yang Berhormat. Dia sesat biar kerajaan jawab. Nanti kerajaan akan jawab, nak betulkan ke apa.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Dia tak boleh mencelah Yang Berhormat eh.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, tidakkah boleh saya membetulkan perkara yang salah? Kerana kita berpeluang untuk membetulkan. Kalau perkara ini dibawa di luar, tak ada siapa, semuanya jadi betul belaka. Sekarang ini kita dedahkan. Bersama saya ini adalah Penyata Akaun Hasil Disatukan, Selangor. Bersama saya juga adalah Penyata Akaun Hasil Disatukan, Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, termasuk dalam perbelanjaan mengurus Negeri Selangor itu adalah caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM800 juta. Jika ditolak caruman tersebut, barulah boleh dikatakan perbelanjaan mengurus Negeri Selangor adalah RM662 juta. Pun salah, sebenarnya bukan RM662 juta tapi RM667 juta. Jika ditolak caruman tersebut, barulah boleh dikatakan perbelanjaan mengurus Negeri Selangor kecil.

Negeri Johor juga menggunakan prinsip yang sama, di mana daripada RM882.72 juta, perbelanjaan mengurus sebanyak RM164 juta adalah merupakan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Oleh itu, jika tolak semuanya jumlah RM164 juta itu daripada jumlah keseluruhan belanja mengurus maka perbelanjaan mengurus sebenar Negeri Johor adalah RM718.72 juta sahaja. Jadi, untuk mengetengahkan sesuatu perkara, jangan fikir orang lain tak ada akses untuk mendapatkan maklumat-maklumat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga teruja untuk melihat sesuatu sejauh mana benarnya kita lebih buruk. Kita tidak beriri hati dengan Selangor. Kekayaan yang dinikmati oleh Selangor ini adalah kerana kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sebelum ini (Dewan bertepuk).

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sehingga dapat wang RM20 juta untuk membeli rumah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, nanti kejap, kejap. Yang Berhormat duduk. Kenapa Skudai ini degil sangat? Yang Berhormat ini orang bijak tau, tetapi tidak baca peraturan. Saya minta surat khabar keluarlah Yang Berhormat Skudai ini memang bijak tapi tak pandai baca peraturan mesyuarat Dewan Negeri bukan luar (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat tak boleh celah orang tengah berucap. Dia nak cakap. Yang Berhormat tengah berucap, ada orang bangkit? Tak ada. Saya pun kadang tak sentuh. Tak tahulah macam mana perangai Yang Berhormat. Tengok macam ok. Kali kedua macam karaoke. Saya minta maaflah Yang Berhormat. Dah tak, saya tak izinkan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker jangan buat serangan peribadi.

Y.B. Dato' Speaker : Tidak, saya bukan serang peribadi. Saya dah nasihat banyak kali Yang Berhormat tak ikut. Itu bukan serang. Kalau saya serang tak tentu pasal, ini saya kata duduk, Yang Berhormat berdiri, saya kata tak boleh, Yang Berhormat berdiri, itu serang ke? Kalau Speaker tak boleh bercakap, nak jadi apa Speaker? Dah, dah, dah, saya tak izinkan. Memang Yang Berhormat ada cara lain sikitlah, yang lain tu macam baiklah, termasuk Bentayan pun dah baiklah (Dewan ketawa). Ya, betul dia ikut peraturan. Betullah. Ha, nak jawab eh? Oklah.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangkang di Negeri Selangor ini seperti anak dara kahwin dengan duda yang kaya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, itu pun tak payah sebutlah. Apa pulak sebut anak dara dan duda.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Masuk tinggal kesat kaki je. Yang Berhormat Dato' Speaker, apa bersih sangat kah negeri-negeri mereka? Kenapa tidak ada yang mencadangkan agar kita semuanya jangan jadi Kelantan yang terpaksa mendapatkan bantuan daripada Pusat untuk membayar gaji mereka?

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Skudai juga bahawa Kerajaan Negeri berada di pinggir muflis kerana salah urus kewangan Kerajaan Negeri. Janganlah Yang Berhormat Skudai hendak mencari kelemahan sahaja dengan mudah menuduh kita salah urus kewangan, hingga Yang Berhormat tidak sedar bahawa kita sudah 7 tahun berturut-turut dapat sijil bersih daripada Ketua Audit Negara. Dan sejak 2 tahun Ketua Audit Negara memperkenalkan sistem *Star Rating* untuk mengukuh urusan kewangan di semua negeri, pengurusan kewangan Johor telah memperoleh tahap baik iaitu dia beri *Rating* 3 bintang untuk dua tahun berturut-turut dengan markah melebihi 80% (Dewan bertepuk).

Jadi, kalau Laporan Ketua Audit Negara sebagai rujukannya, kita harus menerima realiti ini. Jadi Yang Berhormat, janganlah ikut sedap untuk

mengenakan ataupun mengutarakan sesuatu perkara jika tak ada fakta yang sepenuhnya.

Lebih *detail* saya nak maklumkan, pada tahun 2007 kita mendapat 88.28%. 2007, 88% lebih, 2008, 83.1%. Ini, ini adalah Kerajaan Negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai juga menyatakan bahawa aset Kerajaan Negeri sebanyak RM201 juta pada 31 Disember 2008 hanya dapat menampung, hanya 3 bulan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang ini kita sudah berada di awal bulan Disember 2009. Kerajaan Negeri masih kukuh berdiri dan masih mampu membayar semua tanggungan semasa kerajaan dan insya-Allah akan terus mentadbir Negeri Johor ini selagi masih ada bulan dan bintang. Insya-Allah, sistem perakaunan kerajaan bukan seperti sistem perakaunan sebuah syarikat yang amat mudah untuk muflis.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa yang sama juga kita harus membandingkan secara adil bahawa Kerajaan Selangor mempunyai rizab tunai yang laporan, yang banyak berbeza kerana kerajaan sedia ada sentiasa mewarisi kemewahan yang ditinggalkan oleh kerajaan yang sebelumnya. Tetapi biarlah sekadar saya membetulkan apa yang tidak betul di kalangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Skudai. Saya memohon agar sindrom untuk memuja dan memuji pihak luar ini dikurangkan dan diminimumkan di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa kita menghadapi masalah di Dewan ini kerana ada pihak yang masih tidak faham dan keliru malahan menyatakan bahawa konsep 1Malaysia itu mengelirukan rakyat. Bagaimana boleh dinyatakan konsep 1Malaysia itu mengelirukan rakyat? Ia dikatakan mengelirukan rakyat hanya kerana ia berdasarkan dan bertunjangkan Perlembagaan yang sedia ada. Saya tidak berhasrat untuk menerangkan panjang lebar berkenaan dengan perkara ini, tetapi memadailah bahawa ianya adalah satu niat yang tidak baik. Tidakkah mereka melihat tentang kebaikan konsep dan gagasan yang diperkenalkan ini Yang Berhormat Dato' Speaker?

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa sebenarnya yang buruk dengan konsep 1Malaysia ini? Jika ikhlas, kenapa tidak disokong gagasan ini atau si keliru ini takut jika rakyat Malaysia ini bersatu padu dan menegakkan keluhuran Perlembagaan yang ada? Sewajarnya perkara yang baik ini harus disokong dan tidak dikelirukan dan tidak diputar belitkan agar keharmonian, perpaduan dapat kita nikmati bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, persoalan selanjutnya. Sebenarnya siapakah yang mereka wakili ini? Siapa yang diwakili ini? Kita nak tengok. Sekutu jiran-jiran dia? Ataupun wakil daripada Penggaram ke? Wakil daripada Bukit Batu ke? Wakil daripada Permas ke? Siapa yang diwakili ini? Tidak hairanlah kalau adalah dalam hal-hal fiil begini ini, tak hairanlah kalau ada konconya menjadikan pemimpin komunis Malaya pun jadi idolanya. Jadi ini suatu perkara yang sewajarnya tidak perlu ditimbulkan. Keikhlasan ini hanya boleh dilihat jika perkara-perkara ini dibangkitkan di sini. Tetapi jika ia dijadikan topik wajib setiap

ceramah, ia membuktikan bahawa keharmonian bukanlah yang dicari dan merekalah yang wajar digelar *racist* dalam negeri dan negara yang aman ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagaimana mungkin kita boleh mengajak masyarakat kita ke arah cinta negara dan menerapkan perpaduan yang kental jika anak kita sendiri pun yang masih kecil saban hari menyanyikan lagu kebangsaan negara orang di negara orang. Bagaimana mungkin anak kita sendiri nyanyi kebangsaan negara orang setiap hari. Di antara lain faktor-faktor penting Yang Berhormat Dato' Speaker, kejayaan sebuah negara ini adalah iltizam politik dan akauntabiliti koordinasi antara jabatan-jabatan dalam kerajaan. Saya yakin, kita mempunyai iltizam politik yang kuat untuk membangunkan negeri dan negara. Dan saya juga yakin bahawa kita mempunyai jabatan-jabatan, Ketua-ketua Jabatan yang begitu komited, yang mempunyai koordinasi yang baik antara jabatan-jabatan. Tetapi yang kita harapkan adalah *coordination with accountability*, koordinasi dengan yang ada akauntabiliti bertanggung jawaban antara jabatan-jabatan untuk merealisasikan aspirasi kerajaan yang memimpin negara dan negeri yang ada. Ini yang kita harapkan.

Di samping itu juga kita mengharapkan dengan izin ada *discipline of action* ini bermakna kita memerlukan satu tindakan yang bersama untuk memastikan bahawa ada tindakan-tindakan daripada koordinasi yang telah ada di antara jabatan-jabatan untuk merealisasikan aspirasi, misi dan visi kerajaan yang sedia ada kerana kita telah melihat kalau mengambil contoh kepada kejayaan-kejayaan negara luar, perkara ini adalah perkara yang cukup penting yang seharusnya ada di kalangan kerajaan, kakitangan kerajaan dan *delivery system* yang ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak pernah kekurangan strategi tetapi kita harus turut memperkasa sistem pelaksana yang ada. Justeru itu kita tidak dapat lari daripada realiti untuk menambahkan *skill,* kemahiran, baik kemahiran apa sahaja di kalangan kakitangan-kakitangan kita. Kalau Kerajaan Pusat mempunyai 6 makmal NKRA ataupun *National Key Result Areas*, Yang Berhormat Dato' Speaker, bagaimana dengan Kerajaan Negeri? Ada berapa makmal kita? Adakah kita telah bersedia untuk menerima dan menyahut seruan yang telah dilaksanakan dan diperkenalkan oleh Pusat? Telah tiba masanya. Kita sekarang ini mempunyai satu kawasan pembangunan Wilayah Iskandar, kita berbangga dengannya dan ramai pihak gusar tentang peluang dan ruang di Wilayah ini dan ini akan terjawab apabila pembangunan sepenuhnya mengambil tempat, insya-Allah pada masa suatu nanti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika daerah Johor Bahru dan PBT-PBT yang dah ada ini akan menangani arus pembangunan ini. Persoalannya Yang Berhormat Dato' Speaker, sejauh manakah kita bersedia menghadapi perkembangan masa depan daripada Wilayah Iskandar. Kita ada *hard infrastructure* dengan izin, tetapi bagaimana dengan *soft infrastructure*. Maksudnya, bagaimanakah dengan pelaksana-pelaksana dasar dalam Wilayah ini. Dan ini sebenarnya adalah suatu yang kritikal. Kita akan berhadapan dengan kehadiran *knowledge workers* ataupun satu komuniti baru yang mengharap dan menuntut satu tahap pentadbiran serta perkhidmatan yang pasti lebih tinggi tahapnya, justeru itu kita memerlukan kakitangan yang *committed enough* dengan izin,

cukup komited untuk menghadapi komuniti baru dan pembangunan Wilayah Iskandar di masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ia harus didepani dengan yakin oleh bukan sahaja Pegawai-Pegawai Daerah, YDP atau Datuk Bandarnya sahaja tetapi juga oleh para pegawai di dalam perkhidmatan kaunter di setiap agensi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita harus bersiap lebih awal lagi. Jika di peringkat Pusat kita ada Pusat Latihan INTAN, bagaimana dengan Negeri Johor? Di manakah kita akan melatih pegawai-pegawai kita? Dalam hal ini saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri menggunakan sepenuhnya kelebihan kehadiran IDR, bukan sahaja dalam aset pembangunannya serta pelaburan modalnya semata-mata. Tetapi juga dalam soal Modal Insan. Alhamdulillah, di Johor kita sudah ada apa yang dinamakan IMREC, Iskandar Malaysia Research Centre, kita ada berbagai program yang wujud lantaran kehadiran IDR seperti GERMS, GREEN, INGLAD yang telah melatih lebih 1,300 *guide*. .

Justeru itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Johor menggunakan sepenuhnya kemudahan ini untuk melatih pegawai-pegawai agar mereka juga setanding dengan CEO-CEO Korporat yang ada di dalam Wilayah Iskandar ini di masa yang akan datang. Untuk *Johor Civil Service* ataupun JCS, kita gunakan institusi yang ada ini untuk program-program dengan izin *re-skilling, re-training* dan sebagainya agar mereka berhadapan dengan lebih yakin dengan komuniti baru yang akan menduduki Wilayah Iskandar ini di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan di sini kerana saya rasa Kerajaan Negeri Johor sudah cukup begitu mesra dengan GLC-GLC nya. Kita mempunyai *State GLC* dengan izin, GLC-GLC Kerajaan Negeri yang begitu banyak sekali. Kita telah menyediakan prasarana *infrastructure* sokongan moral dan juga fizikal. Telah tiba masanya Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk kita melihat sejauh mana pulangan mereka, sumbangan mereka kembali kepada Kerajaan Negeri Johor ini agar konsep Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama ini benar-benar dikongsi sama oleh kumpulan-kumpulan yang terlibat ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Sekadar untuk mengetengahkan realiti semasa Yang Berhormat Dato' Speaker. Melihatkan kepada 10 syarikat yang tertinggi menyumbang keuntungan di kalangan syarikat-syarikat di bawah JCorp, Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam tahun 2008 sahaja, terdapat lebihan RM868,497,401.00 atau dengan singkat RM0.868 bilion keuntungan di JCorp sahaja. 10 yang terbaik dan kita telah melihat bahawa yang konsisten menyumbang kepada kejayaan ini, untung yang besar ini adalah oleh KULIM Malaysia Berhad dengan pendapatan 600, bukan pendapatan dan keuntungan sebanyak RM667,850,182.00.

Ini bermakna Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya kita lebih kaya daripada realiti. Tetapi, kalau kekayaan ini tidak dapat dikongsi sama oleh kerajaan dan rakyat Negeri Johor maka ianya adalah satu kerugian pada kita.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, keuntungan tu buat apa?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Kalau saya jadi Pengerusi ataupun saya jadi CEOnya saya boleh jawab Yang Berhormat Dato' Speaker. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Ok…insya-Allahlah ya.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Kalau diberi peluang duduk kat dalam ni saya akan pastikan bahawa insya-Allah kita adakan satu jihad, sekurang-kurangnya dalam Negeri Johor ini tidak akan terpampang dalam dada akhbar orang-orang yang kekurangan belanja untuk mendapat rawatan dalam hospital-hospital dalam negeri ini. Barulah dapat dirasai bersama.

Y.B. Dato' Speaker : Buat apa simpan ek?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Ada orang memang begitu, seronok tengok duit banyak walaupun hidup dalam keadaan susah. Ini pun fiil juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengharapkan mulai tahun hadapan kerajaan akan lebih ketat, lebih ketat untuk melihat kepada pulangan GLC-GLC. Kepada GLC-GLC yang memberi keuntungan dengan baik dan perjalanan yang berhemah dengan bagus, kita teruskan, kita beri sokongan. Tetapi kepada GLC-GLC yang membawa kerugian terus-terusan saya cadangkan agar ia tutup sahaja tak kiralah siapakah yang menjalankannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ada yang rugi? Yang Berhormat ada GLC yang rugi?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Saya percaya ada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana yang saya dapatkan adalah maklumat 10 yang terbaik sahaja. Insya-Allah, dalam sesi Dewan yang akan datang kita akan dapatkan bilangan pula yang rugi, 10 rugi yang terbanyak. Dan kita pula minta disertakan nama-nama CEO-CEOnya siapa. (Dewan ketawa).

Kerana Yang Berhormat Dato' Speaker, kadangkala pemimpin-pemimpin GLC ini mereka berkereta besar dan bergaji besar. Mereka tidak kisah dengan untung rugi yang mereka hadapi kerana pada mereka untung rugi syarikat mereka masih dapat gaji, cucuk kad kat dinding dapat duit. Mereka tak kisah dan pada masa yang sama, setengah-setengah mereka membayar *Income Tax* yang besar bermakna pendapatan mereka juga besar. Tetapi untungnya kecil, manfaatnya tidak ada kepada kerajaan dan juga rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita harus meletakkan noktah kepada pengamal-pengamal ataupun pengusaha-pengusaha GLC yang begini rupa kerana bukannya kita iri hati kerana yang baik mereka makan sendiri, yang buruk kita tanggung bersama, dan setengahnya pula lupa diri sedangkan mereka sudah diberi segala-galanya, dibantu segala-galanya tetapi apabila telah berjaya mereka menyatakan bahawa kerajaan tidak mempunyai saham apa-apa dan tidak terlibat dengan kejayaan mereka. Kejayaan mereka adalah kerana kehebatan mereka. Kita tak kisah, saya juga ingin menyarankan

agar CEO-CEO, pemimpin-pemimpin korporat ini diberi gaji yang besar tetapi pulangan juga mestilah besar kepada kita dan mereka juga harus disediakan KPI agar memastikan mereka mencapai pencapaian yang sewajarnya yang ditentukan oleh kita sendiri. Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa...

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan di sini Yang Berhormat Dato' Speaker. Melihatkan kepada bahawa kalau KULIM menyumbang mendapat keuntungan sebanyak RM667 juta setahun untuk tahun 2008, moralnya di sini adalah ia menggambarkan pendapatan daripada perladangan dan telah dimaklumi oleh semua pihak bahawa perladangan telah menyelamatkan ekonomi negara ini. Baik Sime Darby, baik JCorpnya, perladangan telah memberi keuntungan dan menyelamatkan ekonomi waktu kesusahan. Dan sudah masanya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri Johor memantau tentang pembangunan ladang-ladang kelapa sawit dalam Negeri Johor Darul Takzim. Kita mempunyai estet-estet yang besar dan kita telah maklum bahawa sekarang ini mungkin hasilnya, BTBnya bertambah kurang, tetapi kalau *acre,* dari segi ekar, dari segi keluasannya bertambah, saya percaya ia akan mengeluarkan hasil yang lebih banyak. Dan saya juga ingin menyarankan pihak kerajaan agar langkah diambil, agar pekebun-pekebun kecil yang mempunyai bilangan yang besar dan keluasan yang besar dalam soal perladangan kelapa sawit ini diambil kira dan dibantu sebaik-baiknya, kerana kita ambil maklum setengah-setengah pekebun kecil hanya menggunakan benih-benih yang murah untuk ditanam dalam kebun-kebun mereka yang akhirnya memberi pulangan yang lebih sedikit daripada tempat-tempat yang lain walaupun dalam bentuk saiz yang sama.

Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor sebagai peneraju perladangan kelapa sawit dalam negara ini kini telah mula diambil alih oleh negeri-negeri yang lain. Justeru itu, kita harus membuat sesuatu untuk memastikan komoditi ini untuk terus ampuh dan memberi pulangan yang terbaik kepada negeri dan juga negara yang tercinta ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa ada sikit lagi.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengharapkan agar dilihat soal pertanian moden di Ayer Hitam, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya berbangga dengan Projek Pertanian Moden di Ayer Hitam, saya berbangga, alhamdulillah kerana ia juga dijadikan tapak kekal untuk sambutan Hari Peladang dan Nelayan Negeri setiap tahun. Cuma baru-baru ini saya telah mendapat aduan bahawa ikan-ikan Talapia di empangan yang berhampiran mati, Yang Berhormat Dato' Speaker, dan saya dimaklumkan ini adalah lantaran kerana ada pencemaran air yang datang daripada Pusat Pertanian Moden ini. Jadi, oleh kerana tempat itu adalah tempat yang penting, yang sudah salah satu daripada kawasan keselamatan yang dijaga rapi, soal kematian begini dan juga pencemaran yang ada sudah pasti menggusarkan saya dan masyarakat

setempat. Saya harap pihak kerajaan melihat tentang perkara ini, sejauh mana benarnya pencemaran ini datang daripada Pusat Pertanian Moden dan saya harap perkara ini adalah tidak benar dan mudah-mudahan ianya tidak memberi kemudaratan kepada masyarakat setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberikan dan akhir sekali saya menyokong usul yang dibawa oleh Senggarang. Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, sebelum diteruskan perbahasan saya nak ingat sekali lagilah. Mengikut Peraturan Berbahas Fasal 45 Bilangan 2 Muka 28, tidak boleh disampuk. Ia tidak boleh disampuk melainkan jika menyalahi Peraturan Mesyuarat. Makna kalau ada yang sedang berucap, ada Ahli nak menegur mengatakan mengikut Peraturan Bilangan ni, Bilangan, ni Fasal ini maka ia boleh bangun, tetapi ia tidak boleh bangun mengikut suka hati dia. Ini saya nak ingatkan sekali lagilah, sebab saya tak nak selalu melarang atau tidak membenarkan seseorang berucap atau bertanya. Boleh bertanya kalau yang sedang berucap tu salah, mengikut Fasal ini, Fasal ini ia menyalahi Peraturan terangkan, saya izinkan. Dia bukan boleh kita berbahas orang menyampuk, kata saya begini, kata awak begitu tak boleh. Jadi saya haraplah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ya, bukan kepada Skudai sahaja, semua Ahli Yang Berhormat sekalian mengikutlah Peraturan Bilangan Fasal 45 Bilangan 2 Muka 28. Saya tak pernah larang kalau ikut Peraturan, tapi bila tak ikut Peraturan saya tegurlah. Bila tegur, bila dah bergaduh dengan Speaker, Speaker pun naik anginlah sikit. Biasalah tu ha'ah, manusia. Tapi bukanlah niat apa-apa ya, tapi kalau jalan dengan baik, ikut Peraturan tak ada benda, boleh bercakap apa nak cakap saya tidak akan menyekat.

Jemput siapa nak berucap lagi? Yang Berhormat faham Fasal tadi?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Fasal yang saya sebut tu faham eh?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Faham-faham.

Y.B. Dato' Speaker : Ha bagus, teruskan cakap.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Dan salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah yang masih memberikan saya dan kita semua ruang waktu kesihatan dan keupayaan untuk terus memberi khidmat kepada masyarakat. Rasa penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberikan saya peluang untuk turut sama membahaskan rundingan bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2010) tahun 2009.

Awal bicara ini, saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan, tahniah dan syabas atas pembentangan Bajet Negeri Johor 2010 yang di lafaz ucapkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada hari Khamis yang lalu. Bajet 2010 yang bertemakan "Bersatu Tenaga Sejahtera Bersama," ini bermaksud langkah pertama yang perlu ada di kalangan kita adalah untuk memahami, menghayati dan mendalami aspirasi memenuhi tuntutan dan kehendak rakyat. Menjalinkan kesatuan hati dengan mendahulukan kepentingan rakyat ini, menuntut penghayatan nilai-nilai luhur yang meliputi keadilan, kebertanggungjawaban apabila bertindak, amanah dan sentiasa menunaikan janji untuk memenuhi tuntutan perjuangan dan merealisasikan segala yang terdaya untuk rakyat.

Ini juga bermakna kita harus bersatu hati untuk bersama mencurahkan tenaga bakti kepada rakyat yang benar-benar memerlukannya, kunci kepada khidmat bakti ini ialah keikhlasan hati, curahan bakti yang dilakukan dengan kesungguhan atas rasa kasih sesama insan akan memancarkan rasa ikhlas di hati sanubari kita. Sudah tentu ia mampu meningkatkan kesejahteraan hidup bersama sebagai warga di bumi bertuah Johor ini. Bersatu Tenaga Sejahtera Bersama, bertepatan dengan firman Allah dalam Surah As-Saf ayat yang ke-4 (membaca surah) yang mafhumnya, "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamanya dalam barisan yang tersusun rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh". Dengan terbinanya kesatuan pemikiran kita akan mempunyai visi perjuangan yang jelas dengan terjalinnya kesatuan hati, kita mampu menjiwai erti perjuangan yang akhirnya mampu bertindak di atas satu landasan sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat utama kita iaitu kesejahteraan rakyat.

Tahun 2006, tahun 2009 boleh diibaratkan tahun pemulihan ekonomi negara dan negeri dengan munculnya berbagai petunjuk yang menggambarkan pertumbuhan ekonomi negeri sedang dan akan menuju arah yang betul. Meneliti fundamental ekonomi semuanya berada di dalam situasi yang menggalakkan, contohnya tahap penggunaan statistik perdagangan dan peluang pekerjaan menunjukkan perkembangan yang positif ditambah pula wujudnya faktor projek-projek rangsangan ekonomi yang dilaksanakan dan sistem penyampaian yang berkesan menerusi mekanisme yang diperkenalkan kerajaan. Di Johor, kita menjangkakan berlaku defisit yang lebih kecil dalam Bajet 2010 berbanding dengan defisit tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tiada jalan singkat untuk melahirkan kejayaan bagi masyarakat dengan mencipta kesejahteraan. Hanya pemimpin yang berwibawa sahaja yang mampu membawa kemajuan melalui perancangan untuk diterjemahkan ke dalam bentuk perlaksanaan, untuk terus menjadikan Negeri Johor Darul Ta'zim ini negeri yang maju dan mendapat keredaan Allah SWT. Inilah kepimpinan yang berwibawa yang perlu dicontohi dan dipertahankan, kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang rela dan ikhlas membangunkan negeri melalui permuafakatan bertunjangkan kekuatan agama dan akhlak, bersesuaian dengan konsep kepimpinan yang berwibawa. Di dalam Islam, kepimpinan di sebut Al-Qiadah, qiadah berwibawa bercirikan kepada kesanggupan untuk mengabdikan diri melaksanakan amanah bagi kesejahteraan rakyat dan sentiasa kukuh ketakwaan kepada

Allah SWT. Dalam konteks ini qiadah di lihat sebagai satu taklif iaitu beban tanggungjawab bukan satu tasyrif iaitu singgahsana kemegahan. Ini kerana kepimpinan merupakan satu pelayaran yang menjadikan kebenaran sebagai sauhnya dan keadilan sebagai muara pelabuhannya. Kepimpinan yang berwarnakan kebenaran dan keadilan akan terus mendapat mandat daripada sesiapa pun. Firman Allah SWT, mafhumnya "kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami, dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan hanya kepada Kamilah mereka selalu menyembah."

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, macam Pengerusi Agamalah. Yang Berhormat...

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Ya, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dahaga-dahaga. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan selama 20 minit.

Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 11:40 pagi

Persidangan disambung semula pada jam 12:10 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput, Kemelah.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Pembangunan sumber manusia atau pembangunan modal insan merupakan teras kejayaan sesebuah negara. Ia menjadi agenda utama Kerajaan Negeri bagi memastikan penghasilan pengeluaran dan perkhidmatan dalam nilai tambah yang lebih tinggi. Justeru itu, kita dituntut untuk membangunkan sumber tenaga yang mempunyai ciri-ciri *care worker,* celik dan mahir ICT dan mempunyai daya saing yang tinggi di peringkat tempatan mahupun global. Sumber manusia ini merupakan pemangkin pertumbuhan dan peningkatan kualiti kehidupan yang dirujuk sebagai ukuran kesejahteraan rakyat. Memberikan nilai tambah yang tinggi terhadap ekonomi semasa. Sumber manusia ini, diasaskan dengan meletakkan ilmu dan pada masa yang sama mampu memanipulasikan potensi insan iaitu mental dan fizikal dan digabungkan dengan sumber yang lain secara bersistematik dan berstrategi ke arah melahirkan budaya kerja positif dan cemerlang dengan cepat dan berkesan.

Operator perniagaan yang bersinergi mampu membentuk pasukan kerja inovatif ke arah pencapaian matlamat organisasi, bersesuaian pula dengan strategi pembangunan sektor pembuatan di Negeri Johor iaitu memesatkan lagi pembangunan industri bernilai tambah yang tinggi dan meningkatkan daya saing industri melalui penggunaan teknologi moden. Pekerja yang lebih mahir serta mencipta produk baru melalui *research and development* untuk

memenuhi pasaran tempatan dan eksport. Kita harus sedar bahawa strategi pembangunan sektor pembuatan harus dijalankan dengan lebih agresif dengan mengutamakan asas kreativiti dalam penghasilan barangan berkualiti tinggi dan tidak hanya bergantung pada kos buruh yang murah. Maka kita akan terus meningkatkan usaha dalam membuka pasaran eksport *non-traditional* bagi barangan hasil keluaran Negeri Johor serta meyakinkan pelabur asing kepada potensi pelaburan yang dimiliki Negeri Johor khasnya untuk meneroka bidang baru di mana Johor memiliki *competitive age*.

Saya ingin menanyakan kepada kerajaan, dalam usaha untuk melahirkan modal insan, apakah persediaan untuk mewujudkan modal sosial dan modal organisasi, bagi memastikan Negeri Johor benar-benar kompeten dalam persekitaran Wilayah Pembangunan Iskandar?

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam sistem globalisasi, daya saing merupakan faktor terpenting dalam menentukan kejayaan sesebuah negara. Persaingan global tidak mengenal kawan dan lawan. Ia berpaksikan teori *survival of the fittest,* yang kuat akan menang dan yang lemah akan kalah. Walau bagaimanapun, globalisasi juga membuka pasaran baru yang membantu pasaran domestik yang bertambah sesak. Apakah usahawan Bumiputera telah bersedia mengambil kesempatan daripada perkembangan suasana tersebut ketika kebanyakan daripada mereka masih beroperasi secara kecil-kecilan, mengharapkan bantuan kerajaan, cepat berputus asa, kurang berdaya saing, tiada inovasi dan pengurusan yang lemah. Peluang yang lebih cerah di dalam pelbagai bidang baru, *non-traditional* jika usahawan Bumiputera berjaya mencipta produk baru atau memberi tambahan nilai kepada produk yang ada di samping bersedia mengubah pemikiran untuk bersedia bersaing di pasaran terbuka.

Kesedaran untuk bergabung antara usahawan Bumiputera haruslah menjadi budaya bagi meningkatkan urusan perniagaan dan rantaian perniagaan untuk menghadapi cabaran perniagaan yang tentunya memerlukan sinergi meningkatkan,pertahankan. Saya mencadangkan, Program Pembangunan Usahawan Bumiputera haruslah menitik beratkan pelaksanaan yang efektif dan akses kepada kemudahan yang ada. Kita harus memahami dan mengetahui permasalahan sebenar, bukanlah disebabkan kekurangan program, tetapi ia menjurus kepada kurangnya akses dan kepakaran. Kesedaran dan latihan menghalang kebuluran modal kewangan membuka akses pasaran yang dimonopoli dan mungkin juga disebabkan prejudis dan rendah kualiti. Insentif terhadap risiko yang dihadapi, pembudayaan ciri-ciri keusahawanan serta bimbingan dan transformasi perniagaan adalah cadangan yang boleh diambil perhatian untuk membangunkan usahawan Bumiputera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, peribahasa Inggeris menyatakan *fix the problem, not the blame*. Ia merupakan sikap menuding jari dan mencari kesalahan orang lain yang tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah. Kita hendaklah bersikap realistik, memberi masa yang cukup bagi sesuatu perancangan membuahkan hasil. Kita tidak boleh bersikap kelam kabut, umpamanya baru sahaja kerajaan mengumumkan pakej pemulihan belum pun sempat pakej dilaksanakan, sudah memberikan komen-komen negatif dan

juga tuduhan-tuduhan liar. Sikap ini hanya merugikan kita. Inilah sikap sahabat-sahabat pembangkang kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani ada menyebutkan bahawa berbelanjalah ikut kemampuan dan membangunlah ikut keperluan kerana untuk memastikan bahawa ia bertepatan dengan Islam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Negeri Johor hanya defisit RM1.5 juta jika dibandingkan dengan negeri serambi Mekah yang defisitnya mencapai RM40.0 juta. Adakah kita menjadi kawan syaitan ataupun kawan di sana yang lebih baik dengan syaitan?

Yang Berhormat Datuk Speaker, di DUN Kemelah ini, saya ulangi lagi, kita bermisikan padi tak berpagar lalang, kerbau tak berkandang seladang. Yang bermatlamatkan salah satunya, menjadikan kawasan yang lengkap dengan kemudahan yang seimbang. Saya amat berbangga menjadi orang Segamat, walaupun kekanda saya daripada DUN Tenang merasa terhina ditambah lagi kata-kata sinis EXCO Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kerja Raya yang menyahut ucapan kekanda saya, yang menyatakan daerah Segamat tiada pembangunan kehidupan dan persekitarannya masih berada ditakuk lama, tahun 60-an ataupun 70-an. Saya berpendirian bahawa DUN Kemelah telah berubah, begitu juga daerah Segamat secara keseluruhan. Saya yakin dan percaya fokus inti ucapan kekanda saya DUN Tenang tempoh hari, menjurus kepada daerah kecil Labis. Saya amat mengenali rapat cara dan telatah DUN Tenang dan saya yakin ia amat berterus terang, ikhlas dan mempunyai motif tertentu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adakah kami di Segamat ini tidak mempunyai perancangan yang elok dan mempunyai minda yang terpuji hanya kerana kami mengajukan pelbagai permasalahan pembangunan, yang masih lagi tidak menjadi kenyataan walaupun telah diperjuangkan sekian lama? Kami melihat perubahan pembangunan itu berlaku di daerah Segamat, tetapi dengan kadar yang perlahan. Adakah kami tidak mempunyai wibawa dengan memperjuangkan Jalan Segamat-Tangkak yang diperjuangkan selama 10 tahun malah dijanjikan oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk memastikan jalan ini menjadi kenyataan? Terlalu rendah kah minda kami apabila Segamat Inland Port yang telah dibangunkan di kawasan seluas 25 ekar dengan kos sebanyak RM20.0 juta yang diharapkan memberikan impak positif kepada masyarakat setempat gagal dalam operasinya. Adakah kesemua ini kegagalan kami, minda kami yang terlalu rendah? Sebenarnya banyak lagi projek pembangunan yang dipohon terutamanya di dalam DUN Kemelah yang dirancang sejak tahun 2004, masih tidak dapat dibangunkan. Kononnya atas faktor kewangan, prosedur dan keutamaan.

Di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menekankan lagi pentingnya tindakan segera kerajaan mempercepatkan segala permohonan yang dipohon sejak tahun 2004 untuk kesejahteraan rakyat di DUN Kemelah, sekali gus memberikan gambaran bahawa daerah Segamat turut membangun dan setanding dengan daerah-daerah lain di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat berterima kasih di atas perlaksanaan jalan yang menghubungkan di antara FELDA Redong dan FELDA Selancar yang dianggarkan menelan kos lebih daripada RM15.0 juta. Hasrat rakyat melihat jalan penghubung antara dua negeri menjadi pemangkin pembangunan setempat, memberikan manfaat kepada penduduk yang ada, meningkatkan taraf hidup dan meraih potensi-potensi hasil dari pembangunan yang dirancang nampaknya tidak kesampaian. Projek ini dikatakan ditangguhkan selama 18 bulan akibat permasalahan yang wujud di bahagian Negeri Pahang.

Saya ingin menanyakan kenapa perkara ini berlaku? Adakah kerana tidak mempunyai perancangan yang rapi, terperinci dan terurus? Saya juga mengharapkan Kerajaan Negeri membantu mempercepatkan kelulusan persimpangan masuk FELDA Kemelah berjumlah RM1.5 juta, sebagaimana yang tercatat dalam Bajet 2006 yang lalu dalam bahagian laporan *hot spot* seluruh Negeri Johor. Sesungguhnya ia adalah sesuatu yang dinantikan oleh penduduk di FELDA Kemelah kerana persimpangan yang sedia ada sering kali menjadi persimpangan maut dan mengorbankan angka kematian yang amat tinggi.

Saya juga ingin memaklumkan proses *swap* sedang dilakukan oleh jabatan yang berkaitan untuk memastikan ia tidak melibatkan kos pengambilan balik tanah. Saya juga mengharapkan ia tidak akan berakhir di sini kerana banyak lagi projek-projek naik taraf dan melebarkan jalan perlu dilaksanakan di DUN ini. Saya berharap sangat dalam RMK-10, jalan utama yang menghubungkan Kampung Melayu Raya dengan Jalan Besar Segamat dinaiktarafkan menjadi dua lorong dengan kos RM10.0 juta akan menjadi kenyataan. Saya telah bercakap, berbincang dan mengutus surat sebelum ini kepada Menteri Kemajuan Bandar dan Wilayah dan berhubung dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan projek ini diberikan keutamaan. Sokongan Kerajaan Negeri amatlah diharapkan. Begitu juga dengan cadangan pembinaan *flyover* untuk mengelakkan kesesakan di persimpangan masuk Bukit Siput.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tuntutan pembangunan di DUN Kemelah bukan sahaja tertumpu berkaitan jalan semata, tetapi juga melibatkan permohonan pembinaan segera Sekolah Agama Kampung Pogoh 2, Sekolah Agama Bukit Siput dan Sekolah Agama Taman Pelangi. Saya mengalu-alukan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membina secara serentak 121 buah sekolah agama, menerusi inisiatif pembiayaan swasta, melibatkan kos pembangunan RM246.0 juta mulai Jun 2010 hingga Ogos 2012. Ini adalah merupakan satu inisiatif yang cukup berani Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam melahirkan generasi yang berakhlak dan bermoral serta teguh pegangan agama dapat menjadi kenyataan.

Sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak badan kebajikan Sekolah Agama Pogoh contohnya, telah berusaha mengumpulkan dana dan difahamkan kutipan telah mencecah ratusan ribu untuk digunakan membeli sebidang tanah untuk dirikan sekolah ini. Saya merayu di Dewan yang mulia ini, agar jabatan yang berkaitan memberikan perhatian serius di atas kesungguhan dan iltizam penduduk kampung, untuk melihat sekolah agama yang dipohon sejak tahun 1971 ini mampu melahirkan generasi yang berakhlak dan bermoral serta teguh pegangan agamanya.

Kami juga mengharapkan permohonan pembinaan masjid-masjid di Bandar Putra, Kampung Melayu Raya, FELDA Kemelah diberikan perhatian sewajarnya. Tuntutan terhadap keperluan institusi latihan dan pendidikan haruslah juga melibatkan pembinaan MRSM di daerah Segamat, terutamanya di dalam DUN Kemelah dengan diberikan keutamaan dalam RMK-10.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam era globalisasi, menyaksikan pertarungan sengit di antara umat di seluruh dunia dengan berlumba mencipta kemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan sejagat. Kehadiran globalisasi tidak wajar di remehkan oleh umat Islam. Sepatutnya, kita harus bersedia menghadapinya dengan bijaksana dan rasional berpaksikan iman dan ilmu. Sebenarnya, globalisasi ini membawa bersama nilai perilaku yang tidak seiring dengan Islam sehingga boleh menghadirkan krisis sosial di kalangan umat Islam. Ia juga membawa bersama ideologi dan pemikiran yang kononnya cuba untuk menyamaratakan hak bahawa setiap individu mempunyai hak asasi masing-masing.

Konsep demokrasi di salah ertikan, slogan "Bersih dan Ketelusan" di jaja. Pelopor kepada gerakan ini terdiri daripada orang Melayu yang dikatakan beragama Islam, sewajarnya mendukung Kerajaan Melayu ini yang juga beragama Islam. Semakin kukuh bangsa teras dengan faktor Islamnya, maka semakin teguh amalan baik yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Justeru, umat Islam perlu membangunkan kekuatan ummah. Mereka tidak sepatutnya lagi bersengketa, bermasam muka, berpecah belah, menuding jari, mencetuskan huru-hara dan mengeruhkan keharmonian masyarakat majmuk. Seharusnya kita menjalinkan ikatan persaudaraan kukuh lagi akrab menunjangi kekuatan Kerajaan Melayu Islam ini. Menepati, menempati cabaran globalisasi serta memancarkan citra sebagai umat Islam yang cemerlang lagi terbilang dilingkari nilai kebaikan dan keadilan Islam kepada seluruh warga alam.

Sayidina Abu Bakar As- Siddiq menyatakan, kuatnya umat bukan kerana ramainya tetapi kerana kukuhnya ikatan dan satu matlamat. Allah berjanji dalam firmannya, mafhumnya " Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela agama Islam, nescaya Allah membela kamu ia ini untuk mencapai kemenangan dan meneguhkan tapak pendirian kamu, Surah Muhammad, ayat yang ke-7.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput yang lain, Kahang.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia Yang Berhormat Datuk Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana telah memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2010. Dan di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah membentangkan satu bajet yang holistik bertema "Bersatu Tenaga Sejahtera Bersama".

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bajet 2010 telah menggariskan 4 strategi utama iaitu memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan berintegriti. Memacu ekonomi negara ke arah negara maju berpendapatan tinggi, menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup, meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan 4 strategi yang digariskan jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Johor adalah komited dan serius untuk membangunkan semula ekonomi Negeri Johor. Dan sedar bahawa untuk berjaya, peningkatan dalam kewangan dan ekonomi sahaja tidak mencukupi tetapi semua pihak haruslah berganding bahu untuk menjayakan misi ini iaitu termasuklah peranan sektor awam dalam membantu meningkatkan pelbagai hasil kerajaan melalui kutipan cukai dan hasil kerajaan. Mengurangkan kos operasi perkhidmatan kerajaan, meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kualiti perkhidmatan, sistem pemantauan yang lebih berkesan dan mengadakan audit dalaman dan manual kerja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, pada muka surat 22, Bajet 2010 juga telah menyentuh mengenai penyediaan persekitaran mesra perniagaan dan dengan cara ini kerenah birokrasi di setengah-setengah jabatan contohnya di Pejabat Tanah dan Galian dapat dielakkan dan mutu perkhidmatan juga dapat dipertingkatkan dengan mewujudkan kaunter laluan hijau. Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas tindakan ini di mana khidmat orang tengah dan broker juga dapat dielakkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga, pada muka surat 24, Bajet 2010 juga telah menyatakan bahawa kerajaan juga akan meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya dalam sektor pekerjaan sebagai salah satu elemen dalam strategi untuk memacu ekonomi negara. Langkah ini dilihat sebagai cara yang dapat menjana ekonomi negeri melalui peningkatan isi rumah di kalangan orang-orang OKU.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya percaya lebih banyak yang harus dibuat untuk membantu golongan OKU ini. Selain daripada meningkatkan penyertaan golongan ini dalam sektor pekerjaan, lebih banyak program-program latihan dan kemahiran harus disediakan untuk golongan ini. Mereka juga harus diajar berdikari dan maju dalam sektor perniagaan dan moga-moga kita dapat lahirkan usahawan-usahawan daripada golongan OKU ini pada suatu hari nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selaras dengan itu saya juga memohon PDK-PDK di setiap DUN di perkasakan dan diberikan peruntukan tambahan. Selain daripada itu infrastruktur di PDK-PDK juga harus diperbaiki dan guru-guru PDK juga harus diberi latihan yang secukupnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan saya sahaja terdapat 3 PDK dan pada awal Januari depan sebuah lagi PDK akan ditubuhkan. Yang Berhormat Datuk Speaker, peruntukan juga harus diberi untuk membeli bangunan baru dan tambahan di PDK-PDK ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pusat-pusat latihan seperti di pusat JARO di Johor Bahru dan Sekolah-Sekolah Kanak-Kanak Istimewa harus diberikan peruntukan yang secukupnya dan sentiasa dibantu oleh Jabatan Pelajaran menerusi Bahagian Pendidikan Khas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bajet 2010 juga telah menyentuh mengenai menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup. Di kesempatan ini saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Kebajikan kerana bertungkus lumus untuk membantu seberapa ramai orang yang layak untuk didaftar di Jabatan Kebajikan. Jabatan Kebajikan telah mencipta ataupun membawa satu sistem yang dipanggil *e*-Cari. Melalui *e*-Cari ini bukan sahaja Jabatan Kebajikan malah Wakil-Wakil Rakyat pun telah membuat usaha untuk mendaftar seberapa ramai orang dalam *e*-Cari ini. Selepas e-Cari sekarang timbul pula e-Kasih. Lagi satu "e". "e" ini pula mengatakan, merupakan pangkalan *database* yang terakhir pada masa hadapan sekiranya bantuan-bantuan kerajaan akan disalurkan. Seseorang harus di *register* dengan izin dalam *e-Kasih* pula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sama ada e-Cari ataupun e-Kasih, kadang-kadang kita sudah pun mendaftar tetapi jawapan yang kita terima adalah "e" juga. "e" ialah elek.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Elek?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Dalam bahasa Tamil, tak ada. Yang Berhormat Datuk Speaker, berbagai-bagai alasan diberikan. Adanya Astro, kebajikan ditolak. Adanya kereta buruk di depan rumah, bantuan kebajikan ditolak. Ada *sofa set*, ditolak. Inilah alasan-alasan yang kita terima daripada orang-orang di akar umbi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin dulu pendapatan keluarga itu cukup tapi sekarang dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, mungkin pencari pendapatan dalam keluarga sudah pun meninggal dunia ataupun sudah sakit dan tidak dapat bekerja, mungkin pendapatan keluarga tersebut sudah menurun dan sekarang keluarga tersebut mungkin berada dalam keadaan yang memerlukan bantuan. Jadi, kerana keadaan kewangan keluarga tersebut sudah rendah, takkan mereka nak cabut Astro dan buang. Jadi saya harap, saya pun kadang-kadang tak faham. Apakah kriteria yang diguna pakai oleh Pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan untuk menilai sama ada sebuah keluarga itu layak mendapat ataupun tidak? Di setengah-setengah keluarga ada Astro mereka dapat. Setengah-setengah keluarga ada Astro ditolak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, *respons* yang lagi satu keluhan yang kita terima, *respons* yang kita terima daripada Jabatan Kebajikan. Kadang-kadang kita sudah daftar tapi *respons* daripada Jabatan Kebajikan amat lambat sekali. Pegawai Kebajikan tak turun ke rumah walaupun sudah 7, 8 bulan. Ada setengah-setengah kes pula sudah melawat tetapi sama ada bantuan dapat ataupun tidak, tidak akan, tidak dimaklumkan. Jadi ini menimbulkan banyak kekecohan, kekeliruan dan kadang-kadang pemimpin tempatan yang menjadi mangsa. Tempat untuk mereka menyuarakan rasa tidak puas hati adalah pada kita. Jadi, saya amat berharap agar tindakan-tindakan segera diambil sama

ada seorang mendapat bantuan ataupun tidak dimaklumkan kepada pemohon tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu kedua berkenaan Jabatan Kebajikan, kadang-kadang pembayaran bantuan am tertunggak sampai 5,6 bulan. Kita pun tak faham kenapa bantuan itu tertunggak. Orang yang menerima bantuan kebajikan sebenarnya mengharapkan bantuan ini pada setiap bulan. Apabila bantuan itu tertunggak beberapa bulan, mereka menjadi kelam kabut. Jadi saya amat berharap agar isu-isu ini diambil kira.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini juga. Saya nak tanya pasal hal PERKESO ni. Ramai orang yang sakit tak dapat bekerja, pergi memohon ke Jabatan SOCSO untuk bantuan. Mereka pula dirujuk kepada doktor-doktor panel. Saya tak faham sebenarnya siapa yang pilih doktor-doktor panel ini? Apakah kriteria-kriteria yang diambil untuk memilih seseorang doktor dalam panel SOCSO? Adakah mereka mempunyai kepakaran yang tertentu? Kerana kebanyakan kes yang dirujuk ke SOCSO ditolak. Apabila mereka mendapat rawatan awal di sesuatu hospital kerajaan, doktor itu telah mengesahkan bahawa orang ini tidak boleh bekerja. Jadi, rekomen dapatkan bantuan SOCSO. Tapi apabila ke SOCSO, mereka dirujuk ke doktor panel, ditolak. Jadi, saya percaya adakah doktor-doktor di SOCSO ini semuanya tidak prihatin ke tak berhati perut dan sebagainya? Saya pun tak faham apa sebabnya. Jadi saya amat berharap agar pemilihan doktor-doktor PERKESO ini pun diambil kira pada masa depan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bajet 2010 juga telah menyentuh mengenai memperkasakan prasarana luar bandar dan pendalaman. Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan saya DUN Kahang sebuah kawasan yang terletak lebih kurang 40 kilometer daripada bandar Kluang tapi apabila kita menilai pembangunan di bandar Kluang dan di Kahang, jauh berbeza. Jurang perbezaan dari segi pembangunannya jauh. Bandar Kluang semakin maju tetapi Kahang tidak di ambil kira. Saya pun tak faham kenapa terdapat jurang yang begitu banyak di antara kawasan bandar dan luar bandar. Kita tidak harus lupa bahawa di kawasan bandar, di luar bandar juga adalah rakyat kita.

Rakyat di dahulukan. Mereka juga adalah penyokong kerajaan dan mereka juga menyumbang kepada ekonomi negara. Jadi, kenapa sering kali perhatian lebih diberi khusus kepada kawasan bandar dan kawasan luar bandar diketepikan? Banyak kawasan-kawasan di perkampungan di kawasan saya belum di tar, belum di tar lagi. Jalan sekolah ada yang kena pakai jalan, masih lagi tanah merah dan sebagainya. Tapi perkara seperti ini kita tidak boleh dilihat di kawasan bandar. Dan kadang-kadang kerenah pegawai-pegawai ini pun saya tidak faham. Apabila kita membawa mereka turun padang, ok, meminta agar satu projek dijalankan ataupun sesuatu dibuat. Mereka datang, meneliti projek tersebut. Mereka mengambil *list*. Mereka balik tu, balik je kadang-kadang. Tak dimaklumkan. Orang tempatan pula dah mula tanya. YB, dulu *you* turun dengan pegawai-pegawai ini, apa dah jadi? Projek ini belum jalan lagi. Mereka tunggu dengan seribu satu harapan. Tetapi, pegawai yang balik itu tak maklumkan. Rupa-rupanya tiada bajet. Tak ada bajet ataupun tidak ada peruntukan. Saya kalau boleh tak nak dengarlah perkataan tak ada bajet ini. Kalau boleh pegawai-pegawai kerajaan itu, jabatan-jabatan berkenaan harus

mengambil inisiatif untuk mencari bajet. Kalau tak ada bajet maklumkan pada Wakil Rakyat. Kita juga boleh bersama-sama berganding bahu untuk mencari bajet. Kita boleh pergi ke EXCO, boleh pergi ke Pembangunan Negeri ataupun jumpa dengan Menteri dan cuba sedaya upaya. Saya percaya rakyat tidak boleh terima, kita tidak ada bajet. Projek ini ditunda ke tahun depan. Sedangkan projek yang kita minta itu bukannya projek yang bernilai berjuta-juta ringgit. Berkenaan jalan yang mahu diturap, sistem saliran yang mahu diperbaiki, jalan kampung diturap dan sebagainya. Projek-projek yang kecil. Tapi projek kecil pun diberi alasan tidak ada bajet. Jadi, saya amat berharaplah Yang Berhormat Datuk Speaker, agar perkara-perkara ini diambil kira.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita banding pada tahun 60-an, 70-an dan 80-an, terdapat ramai orang India yang bekerja dalam sektor awam. Contohnya, Jabatan Telekom, TNB, KTM, JKR, Polis dan juga di Majlis-majlis Perbandaran. Tetapi pada hari ini jumlahnya sudah berkurangan. Saya pun tidak faham kenapa. Rata-ratanya orang-orang India di peringkat akar umbi masih lagi suka nak berkhidmat di Jabatan Kerajaan. Nak menjadi *government staff*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada zaman dulu, seorang kalau nak beri, nak serahkan nak kahwinkan anak perempuan dia, dia lebih suka serahkan pada orang yang bekerja dengan kerajaan daripada bekerja di swasta. *Government staff* ini diberi perhatian yang lebih tinggi, saham dia lebih tinggilah contohnya. Jadi, saya pun tak faham kenapa sejak kebelakangan ini jumlah orang-orang dari masyarakat India yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan sudah pun turun. Memang tidak dinafikan Menteri Sumber Manusia daripada MIC. Di Johor pun EXCO Sumber Manusia daripada MIC juga. Walau bagaimanapun, kita masih lagi belum dapat melihat peningkatan, jadi di kesempatan ini saya mintalah ketua-ketua jabatan prihatin sedikit, bantu sikit kerana ramai belia-belia India masih lagi nak berkhidmat di jabatan kerajaan. Kita sebagai orang politik boleh berkongsi kuasa, kenapa tidak di jabatan kerajaan mereka berkongsi kerja dan tugas? Walhal ini ialah 1Malaysia.

Jadi saya amat berharap perhatian ini akan diambil, perhatian yang serius akan diambil untuk mempertingkatkan lagi penyertaan orang-orang India dalam sektor awam. Kalau boleh secara permulaan di jabatan-jabatan yang kritikal, di jabatan-jabatan yang memerlukan yang melayan orang ramai-orang ramai keluar balik terutama perkhidmatan kaunter seperti EPF, SOCSO, Hospital, Jabatan Kebajikan dan sebagainya. Sekiranya ada satu staf di jabatan-jabatan tersebut banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India contohnya masalah komunikasi dan sebagainya juga dapat di atasi, dapat di atasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini juga saya mintalah agar penerimaan pelajar-pelajar ke IPTA dan juga peluang-peluang JPA juga ditambahkan. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun ini sekolah-sekolah Tamil di negara kita telah mencipta sejarah. Buat pertama kali sebanyak 817 orang pelajar daripada sekolah-sekolah Tamil telah mendapat 7A dalam peperiksaan UPSR, dan kita di Johor juga berasa cukup bangga kerana Negeri Johor mendapat tempat kedua seramai 163 orang pelajar mendapat 7A dan kalau kita ikut bilangan sekolah yang melahirkan pelajar yang mendapat 7A,

Negeri Johor mendapat tempat pertama. Sekolah SJKT Tun Aminah dan SJKT Masai merupakan sekolah yang telah mendapat 23 orang pelajar paling tertinggi di negara kita mendapat 7A.

Jadi ini jelas menunjukkan bahawa prestasi akademik di sekolah-sekolah Tamil buat masa ini sudah melonjak dan kecemerlangan akademik kita sudah dapat lihat, sekiranya pada tahun 1995 hanya 45 orang pelajar daripada SJKT seluruh Malaysia mendapat 7A, tapi selepas 14 tahun pada hari ini kita sudah ada 817 orang. Jadi di kesempatan ini, saya amat berharap agar sekolah-sekolah Tamil diambil sepenuhnya oleh kerajaan. Jangan kita ada bantuan modal dan juga bantuan penuh, saya percaya kerajaan sudah berubah dasar memberi bantuan penuh kepada sekolah-sekolah Tamil, tapi pelaksanaannya di peringkat akar umbi masih lagi belum ada. Terdapat setengah-setengah sekolah-sekolah Tamil di mana kemudahan asas masih lagi belum ada, jalan nak pergi ke sekolah pun masih lagi jalan tanah merah dan sebagainya. Jadi di kesempatan ini saya amat berharap agar tindakan segera diambil, agar sekolah-sekolah Tamil yang saya rasa mempunyai potensi, potensi untuk melahirkan lebih ramai pelajar-pelajar yang cemerlang akan dipertingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pun nak masuk campur dalam perbahasan mengenai pekerja-pekerja asing ini, memang isu ini hangat diperkatakan. Semalam rakan daripada Bukit Permai pun ada menceritakan, pagi tadi pun kita menceritakan. Yang Berhormat Dato' Speaker, kadang-kadang pekerja asing ini duduk dalam kumpulan yang begitu ramai di taman-taman perumahan, dan nasib kita tak baik kalau mereka jadi jiran kita pula. Dan saya percaya pekerja-pekerja asing yang duduk dalam kelompok yang kadang-kadang rumah itu pun dah tak muat. Dalam jumlah yang begitu ramai, mereka seakan-akan tidak faham adat kita, kesopanan dan sebagainya. Kadang-kadang tak senonoh langsung hanya berpakaian tuala berdiri di tengah jalan, di depan rumah kita. Kelompok yang begitu ramai hanya bertuala, pernah terdapat kes mungkin *bathroom, toilet* rumah mereka dah penuh, mereka mandi di luar pakai paip air di luar, dengan hanya pakai seluar dalam ataupun tuala. Jadi saya rasa, ini menimbulkan keadaan yang tidak selesa kepada orang-orang tempatan terutamanya kepada jiran-jiran. Kadang-kadang kita nak masuk ke perkarangan rumah kita pun, tak senang dan cara mereka pandang kita seakan-akan mata mereka ada *X-Ray Glass,* Dato' Speaker.

Jadi begitu juga tak terlepas taman-taman permainan. Taman-taman permainan yang dikhaskan untuk anak-anak kita bermain pula menjadi tempat mereka untuk bermain. Bermain bukan alat-alat permainan, bermain benda lain, mereka membawa pasangan mereka ke sana. Kadang-kadang taman-taman permainan yang macamkan Mesyuarat Bangsa-Bangsa Bersatu ada Bangla, ada Myanmar, ada Vietnam, ada India dan mereka datang secara berpasangan dan berpeluk-pelukan, bercium-ciuman dan buat apa bendalah di taman permainan tu. Lebih-lebih lagi kalau taman permainan itu gelap, wah bukan main selesa dia orang tu. Jadi bagaimana anak-anak kita nak menggunakan taman-taman permainan tu? Tak selesa, kita pun tak selesa, kita pun tak berani nak melepaskan anak-anak kita bermain di situ. Kalau pagi kita lihat, kita boleh lihat tin-tin minuman keras ada kat situ, lepas tu selaput-selaput pun ada.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat tengok ke?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Ha?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat tengok yang mana?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Saya pernah tengok, Yang Berhormat Dato' Speaker, selaput ada.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ye lah dekat mana?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Ada di kawasan Batu Pahat, kawasan perindustrian.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Oh Batu Pahat, bukan dekat Kahang eh?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Bukan di Kahang, selamatlah saya. Jadi keadaan seperti ini saya amat berharaplah, saya rasa majikan harus dipersalahkan kenapa membenarkan pekerja mereka berkeliaran begitu sahaja. Memang Pengerusi Sumber Manusia mengatakan tindakan akan diambil, tindakan akan diambil tetapi buat masa ini apa tindakan yang nak diambil. Saya percaya mereka harus ditempatkan di satu tempat yang khas, pemberian lesen dan sebagainya harus diperketatkan. *You* mesti ada *hostel* ataupun penempatan sendiri untuk pekerja asing, baru lesen dikeluarkan. Kita harus memperketatkan prosedur ini terhadap majikan, baru majikan akan mengambil kira, ok beliau akan mengambil kira mengenai masalah-masalah pekerja asing di kawasan-kawasan perumahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini berkenaan dengan ladang pula, apabila sesebuah ladang ataupun estet ditutup saya nak tahu sama ada pekerjanya mendapat pembelaan yang secukupnya ataupun tidak? Kadang-kadang atas dasar mendapat untung, pemilik estet akan menjual kepada pemaju untuk pembangunan dan sebagainya tetapi isu yang paling penting adalah isu perumahan pekerja di ladang-ladang tersebut, langsung tidak diambil kira. Jadi dengan, bila tidak ada penempatan yang tetap dan pekerja-pekerja tidak ada tempat hendak pergi, timbul pula isu setinggan dan isu setinggan pula akan mengakibatkan isu masalah sosial. Jadi saya amat berharap golongan ini perlu dibela, dan setiap, apabila terdapat satu tindakan untuk menjual ladang-ladang ataupun estet-estet ditutup, antara isu yang harus diberi perhatian oleh kerajaan adalah untuk memastikan bahawa pekerja mereka ditempatkan di tempat yang betul. Isu penempatan diselesaikan dahulu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dengan setinggan-setinggan yang duduk di sepanjang landasan kereta api terutamanya di daerah Kluang, saya nak tahu apakah akan terjadi dengan masa depan mereka? Saya terdengar desas-desus yang mengatakan mungkin projek pembangunan oleh KTM akan dijalankan tidak lama lagi. Jadi ramai setinggan-setinggan yang duduk di sepanjang jalan kereta api ini. Jadi mereka juga, satu tindakan yang harus diambil supaya mereka ditempatkan ke tempat yang baru. Jangan apabila projek itu nak dimulakan, baru isu penempatan dan isu perumahan diambil kira

dan ini akan menimbulkan satu keadaan yang kelam kabut bukan sahaja kepada pihak kerajaan, pada pihak KTM tetapi juga penduduk-penduduk setinggan di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin di kesempatan ini juga saya ingin memintalah, saya masih lagi teringat pada tahun 1985 pertandingan akhir Piala Malaysia di mana Negeri Johor telah melayakkan diri dan Johor telah menang menewaskan Kuala Lumpur 2-0. Ketika itu saya masih lagi Darjah 6, jadi itulah era kegemilangan bola sepak Negeri Johor, kalau ketika itu zaman awal 90-an pun apabila Negeri Johor, kalaulah mereka bermain di Larkin Stadium penuh sesak bandar Johor Bahru, penuh sesak sehingga Jalan Skudai pun penuh sesak. Jadi itu menunjukkan orang kita gila bola pada ketika itu, tetapi hari ini anak-anak muda kita kurang memberi perhatian kepada pertandingan-pertandingan tempatan, mereka lebih gemar melihat *English Premier League, Serie A* dan juga *Spanish League* dan sebagainya, kenapa? Kerana mutu bola sepak negara dan juga negeri sudah kecundang. Jadi saya amat berharap agar sesuatu tindakan diambil untuk kembalikan balik martabat bola sepak Negeri Johor dan saya juga amat berharap komposisi pemainnya menampakkan 1Malaysia. Biar semua boleh diberi peluang untuk mewakili bola sepak Negeri Johor.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Sikit lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, ini berkenaan tanah-tanah untuk penternakan, saya sering kali didatangi oleh belia-belia terutamanya penternak kecil dan sederhana yang telah menjalankan perniagaan penternakan lembu dan kambing. Mungkin sering kali mereka membuat penternakan itu di kawasan ladang dan estet dan apabila tibanya masa mereka di arah keluar dan dalam keadaan tersebut mereka tidak ada tempat untuk pergi untuk meneruskan perniagaan mereka. Kadang-kadang mereka pergi ke Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan sebagainya tetapi mereka juga tidak dapat membantu. Jadi saya nak tahu sama ada di setiap daerah ada ke satu zon khas padang ragut ataupun penternakan disediakan oleh kerajaan terutama untuk membantu penternak kecil dan sederhana ini? Kalau penternak dalam skop yang besar mereka tak ada masalah, mereka ada modal, mereka boleh membeli tanah ataupun pajak tanah dan sebagainya tapi ini berkenaan isu-isu terutamanya golongan belia yang mula berjinak-jinak dalam menjalankan perniagaan ataupun penternakan lembu dan kambing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa isu di dalam kawasan saya. Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan saya terdapat 6 Rancangan FELDA dan masalah infrastruktur terutamanya perparitan sering kali menjadi isu. Jadi saya amat berharap agar satu peruntukan yang besar diberi untuk menyelesaikan masalah perparitan di kawasan FELDA di kawasan-kawasan saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ladang Sindora di kawasan saya juga merupakan salah sebuah syarikat di bawah JCorp, tetapi malangnya gaji yang diberikan oleh pekerja-pekerja di ladang tersebut kalau kita ambil kira semuanya berada di bawah paras kemiskinan, dan saya pun tak faham kenapa gaji yang begitu rendah diberikan. Mungkin ada perjanjian dengan *National Union Plantation Workers,* Dato' Speaker, tapi saya rasa kalau, kalau peruntukan

yang ada dalam undang-undang ataupun perjanjian itu tidak adil, kita tidak patut menerima perjanjian tersebut. Kita harus berbincang untuk mendapatkan gaji yang lebih baik untuk pekerja-pekerja tersebut. Malahan di bawah JCorp ketika kempen Pilihan Raya bendera Barisan Nasional juga tidak dibenarkan dikibarkan di Ladang Sindora, saya tak faham kenapa pula? Jadi kenapa menyekat orang-orang ladang ni daripada berpolitik dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Kampung Melayu MARDI di kawasan saya juga merupakan sebuah kawasan yang sering berlaku banjir, jadi saya juga mintalah agar sistem perparitan di Kampung Melayu MARDI dan juga jalan-jalan kampung diperbaiki. Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat 2 buah sekolah agama di kawasan saya iaitu Sekolah Agama Batu 28, Kahang dan juga sekolah agama di kawasan Taman Sri Lambak mempunyai masalah-masalah infrastruktur tapi saya bersyukurlah kerana saya sudah bincang dengan Pengerusi Agama, jadi beliau telah berjanjilah untuk memberi perhatian yang serius untuk membantu 2 permasalahan sekolah agama di kawasan saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga minta agar jalan, jalan di kawasan Kahang ni seperti saya katakan tadi luar bandar ni, jalan Kahang ke Kluang, Jalan Kahang ke Mersing kalau kita perhatikan teruk betul, tak selamat. Sudahlah kawasan tu gelap, malam-malam pula gajah pula buat *crossing* dan sebagainya, jadi saya mintalah agar jalan itu diperbaiki. Tadi juga rakan saya Parit Yaani pun ada kata kereta dia punya *balancing* pun selalu rosak kerana pakai jalan tersebut kerana jalannya tak rata. Jadi saya minta agar jalan utama di Kahang diperbaiki, sistem lampu di pekan Kahang diperbaiki, landskap di pekan Kahang juga ditambah begitu juga dengan permohonan tanah yang tertangguh sehingga sampai ke 30 tahun pun ada permohonan tanah yang tertangguh, orang yang menceroboh tanah tu pun sudah tanam semula, tapi sehingga hari ini permohonan mereka belum mendapat jawapan yang betul.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tanah yang dekat mana Yang Berhormat?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali bangunan guru-guru. Bangunan guru-guru sekolah yang dibina berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan T6 masih lagi tidak dihuni menjadikan bagaikan 'gajah putih' dan kawasan-kawasan ini pada malam pula digunakan oleh mat gian-mat gian pula sebagai penempatan mereka. Jadi, saya tidak faham kenapa dah bina kuarters sekolah, tetapi kuarters ini masih lagi tidak dihuni, begitu juga kuarters di Kampung Sri Sedohok, Kampung Orang Asli Sri Sedohok pun sama, sudah ada kuarters sekolah tetapi tak ada orang yang duduk.

Dan Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya dan dengan kata ini saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain? Tak ada yang nak berucap? Ok, Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam

perbahasan ini. Mula-mula saya ingin menyentuh isu defisit yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Johor. Ini bermakna pendapatan daripada hasil-hasil kutipan cukai, lesen dan sebagainya tidak dapat menampung perbelanjaan oleh Jabatan-Jabatan di Negeri Johor.

Saya ingin meminta ketua jabatan, kakitangan kanan kerajaan serta pemimpin-pemimpin politik agar kita bersama-sama berjimat-cermat dalam apa-apa perbelanjaan yang diperuntukkan kepada jabatan. Saya juga meminta agar semua pihak memastikan semua projek kerajaan sama ada membina jalan raya, membesar atau membersihkan sungai-sungai atau longkang atau apa pun projek tempatan hendaklah dijalankan dengan baik dan memuaskan.

Di sini saya ingin memberi satu contoh iaitu Sungai Mengkibol. Di kawasan saya sering berlaku banjir walaupun berjuta-juta ringgit telah diperuntukkan untuk membersihkan serta mendalamkan sungai tersebut. Sila lihat gambar ini. Gambar ini menunjukkan masih ada lumpur, ada tanah, ada keras, ada lalang, rumput. Gambar ini menunjukkan ada 2 orang lelaki. Tengok, begitu cetek sungai itu dan mereka menangkap ikan agaknya. Tengok, itu air belum sampai lutut lagi, begitu macam mana dengan sungai kita? Baru-baru pada 30 November. *Yesterday* ? Ha, ya baru ambil gambar.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Semalam?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ya, semalam. Baru ambil gambar, tengok.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Hmm..

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Sebenarnya ini, sebelum itu gambar baru ambil. Tetapi ada kerja, saya nampak kerja, tapi dia korek itu dia letak di sebelah atas. Tapi korek sedikit saja. Tak tahu, tapi saya tak tahu projek ini macam mana, kalau dengan cara ini macam mana boleh mendalamkan? Kenapa kita tidak boleh meluaskan lagi, lepas itu lebih dalamkan lagi supaya dia, air boleh jalan dengan lancar?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ada lagi nak tengok gambar Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ha, tak payah. Nanti.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak payah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Adalah dicadangkan supaya sungai dikorek dan diperluaskan. Tebing sungai harus dibentengkan dengan simen. Kalau tidak dibentengkan dengan simen, ia akan jatuh itu, jatuh sahaja. Itu lumpur tanah akan jatuh, jadi tiap-tiap tahun kena korek, membazir.

Tebing sungai harus dibentengkan dengan simen yang kukuh agar lumpur tidak mudah turun dan jatuh ke dalam sungai apabila hujan. Sekiranya kekurangan peruntukan, adalah dicadangkan supaya menjalankan projek ini secara berperingkat-peringkat. Ingin saya di sini mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pejabat Pos Kluang kerana melantik Wakil Pos di kawasan Sri Lalang. Dan kini telah dapat memberi kemudahan

kepada penduduk di situ, di Sri Lalang akan tetapi masih terdapat satu masalah yang lain. Di situ tiada Unit Pasukan Bomba. Jika berlaku kebakaran, saya rasa sangat berbahaya kerana rumah kedai di situ adalah rumah papan dan batu, separuh batu separuh papan. Dan itu jaraknya antara Kluang dengan Sri Lalang lebih kurang 10 km. Jika kita terpaksa menunggu Bomba datang, hancurlah semua. Jadi, saya buat cadangan supaya pihak Jabatan Bomba Kluang dapat membantu menubuhkan satu Pasukan Unit Sukarela Bombalah di Sri Lalang dan memberi latihan dan sebagainya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak berkenaan yang telah menyempurnakan satu projek perparitan yang dapat mengalihkan air di kawasan Haji Manan dengan baik. Dan baru-baru ini, saya telah melawat rumah orang tua di situ semasa hujan lebat dan saya dapati kawasan itu tidak lagi dilandai banjir, syabas diucapkan.

Akan tetapi, keadaan di kawasan Jalan Sawit masih belum ada apa-apa projek sedemikian. Kawasan ini di tepi Sungai Mengkibol adalah kawasan rumah murah dan kebanyakannya penduduk di situ adalah kaum Melayu. Saya meminta Kerajaan Negeri Johor mengadakan satu projek perparitan untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku selepas hujan lebat turun dalam 2, 3 jam sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada bulan Ogos 2007 saya dapati daripada laporan ini daripada Oriental Daily bertarikh 14.7.2009. Pada tarikh itu, beberapa kawasan di Bandar Kluang telah dipasang CCTV. Sebanyak 12 buah CCTV telah dipasang dengan peruntukan sebanyak RM100,000 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perdagangan dan Pengguna Dalam Negeri pada ketika itu. Masih ada CCTV, ada dirasmikan dan ada juga pemimpin masyarakat dan OCPD pun ada hadir.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Apa masalah dia Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ya, ya minta maaf. Akan tetapi pada 20.1.2008, semasa waktu Subuh sebuah kedai jam Jalan Kapten Ahmad yang berhadapan dengan Bangunan MCA telah dipecah masuk. Selepas laporan Polis dibuat, didapati 2 buah CCTV yang dipasang di hadapan di Bangunan MCA itu tidak berfungsi langsung. Maka pihak Polis tidak dapat memperolehi maklumat yang boleh membantu dalam siasatan. Izinkan saya tanya, mengapakah ini boleh berlaku? Bagaimanakah dan bilakah Pihak Berkuasa dapat memulihkan perkara ini? Saya ada keratan surat khabar.

Datuk Speaker, isu mat rempit masih berlaku di sekitar Kluang lagi pada larut malam terutama di Jalan Batu Pahat dekat simpang tiga ke Kolam Air. Mereka adalah berumur antara belasan tahun hingga dua puluhan dan sentiasa berkumpul beramai-ramai antara 20 atau 30 buah motosikal untuk berlumba apabila lampu trafik menyala hijau.

Saya sendiri telah melalui di kawasan itu dan pernah 2 kali bertemu dengan mereka. Perlumbaan itu sungguh mengerikan dan membahayakan. Saya telah menelefon pihak Polis pada ketika itu minta agar pihak Polis mengambil

tindakan. Memang pihak Polis ada di situ, selepas itu. Di sini saya mengucapkan terima kasih.

Di sini saya ingin menyeru ibu bapa serta guru-guru sekolah supaya memberi nasihat kepada anak-anak kita, remaja kita agar tidak mudah terpengaruh dalam perbuatan ini kerana akan membahayakan nyawa mereka. Saya juga meminta pihak Polis meronda lebih kerap lagi dan sentiasa memantau kawasan-kawasan yang digemari oleh mat rempit.

Ingin saya ceritakan satu kejadian menipu yang baru-baru berlaku di Taman Suria, Kluang. Seorang kakitangan saya sendiri telah ditipu oleh orang yang tidak dikenali. Kejadian ini berlaku di waktu tengah hari, di mana seorang lelaki berbangsa Melayu, kakitangan saya pun seorang gadis Melayu, telah datang ke rumahnya dan memberitahu dia adalah kawan kepada suaminya. Dia juga ingin memberitahu suaminya melalui telefon bahawa abang saudaranya telah meninggal dunia. Si mangsa pun telah memberi telefon kepada lelaki itu untuk menghubungi suaminya. Semasa bercakap-cakap dengan suami si mangsa, lelaki itu menyuruh si mangsa mengambil pen dan kertas untuk mencari alamat abang saudaranya. Itu helah sahajalah. Apabila si mangsa masuk rumah nak ambil pen, nak ambil kertas, lelaki itu terus larikan diri bersama *hand phone* dengan motosikal.

Saya juga diberitahu kejadian ini diulangi di kawasan yang sama dan waktu yang lebih kurang sama di situ. Di sini saya ingin menyeru orang ramai agar lebih berwaspada supaya jangan mudah terpedaya kata-kata terutama orang yang tidak dikenali terutama suri rumah tangga, hati-hati.

Saya juga mencadangkan agar pihak Polis membuat rondaan di kawasan taman untuk menakutkan penjenayah-penjenayah ini. Saya juga ingin menyentuh tentang tapak kediaman di Gunung Lambak di Kluang yang telah melibatkan hampir 200 keluarga yang mana telah menduduki kampung itu sejak datuk mereka lagi. Mereka ini tidak ada tapak lain dan adalah wajar kerajaan meluluskan tapak kediaman untuk mereka dengan secepat mungkin. Mereka ada meminta agar hasrat mereka dibentangkan di Dewan ini untuk mendapatkan perhatian yang sewajar.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat nak berucap? Panjang lagi?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tak panjang. Satu muka habis cepat saya baca.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ha, cepat sikit.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Di kawasan Kluang, terdapat hampir 50 buah firma guaman, malangnya tiada Mahkamah Sesyen dan semua kes-kes Mahkamah Sesyen diuruskan di Mahkamah Sesyen Batu Pahat yang jaraknya lebih kurang 50 kilometer dari Kluang. Para peguam telah meminta jasa baik saya kata tolong menyuarakan perkara ini agar satu tapak Mahkamah Sesyen disediakan oleh pihak kerajaan sini dan seterusnya mendapatkan peruntukan

daripada Kerajaan Pusat atau mana-mana untuk pembinaan Mahkamah yang dinanti-nantikan selama ini.

Saya juga ingin meminta pihak berkuasa agar dapat mempercepatkan permohonan pendaftaran tokong di kawasan Kluang. Saya diberitahu kadang-kadang permohonan kelulusan memakan masa 6 bulan sehingga setahun. Ini telah menyusahkan penganut Buddha menjalankan urusan sembahan dan pentadbiran tokong sehari-hari.

Isu dana juga harus diselesaikan secepat mungkin kerana pemegang saham telah mengadu bahawa mereka terpaksa membayar pinjaman bank setiap bulan tetapi saham mereka itu tidak bernilai dan merugikan. Adalah dicadangkan agar kerajaan dapat menetapkan RM1.00 bagi setiap unit saham supaya dapat membantu pemegang saham yang terpaksa menanggung kerugian selama ini. Bank *interest* pun teruk.

Di sekitar kawasan taman, terlalu banyak longkang yang tersumbat serta jalan berlubang di merata-rata tempat. Diharap pihak MPK dan JKR dapat memantau kawasan-kawasan taman seperti di Taman Muhibah, Taman Intan khususnya di kawasan Kluang, saya ingin menarik perhatian pihak berkenaan bahawa lampu isyarat sentiasa rosak terutama waktu hujan lebat. Saya tak tahu kenapa. Bila waktu hujan trafik terus tidak berfungsi. Ini akan mengancamkan keselamatan pengguna jalan raya. Kawasan-kawasan adalah seperti di Seri Lalang, di Jalan Batu Pahat dekat Taman Intan dan Taman Kluang Barat. Banyak projek perumahan yang terbengkalai di Kluang terutama di Jalan Mengkibol yang saya telah bentangkan di Dewan ini. Saya ingin mengulangi yang mana, pembeli rumah telah menunggu melebihi 10 tahun. Cuba bayangkan, mereka terpaksa membayar pinjaman bank setiap bulan, terpaksa menyewa rumah lain. Isu ini memang teruk di Johor. Saya minta Jabatan Perumahan supaya bertindak segera.

Isu sampah sarap. Sekarang sudah baik sangat. Tapi masih ada lagi sedikit.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dah baik sangat ok lah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ada sedikit jugalah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Nak tambah baiklah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya ucapkan syabas kepada Southern Waste Management. Saya ingin ulangi masalah sampah sarap. Saya juga ingin mencadangkan tong sampah yang besar dapat diletakkan di beberapa tempat awam yang berdekatan dengan kedai makanan dan minuman. Jika boleh, ada penutup supaya bau busuk tidak keluar. Tong sampah untuk barangan yang boleh di kitar semula yang harus dibuang perlu diasingkan dan disediakan. Dan jika ekonomi mengizinkan, tong sampah seperti ini bolehlah dibekalkan di kawasan taman perumahan. Saya ingin membuat cadangan lagi agar Kerajaan Negeri mengadakan projek mengitar semula. Sampah sarap ini dijadikan bahan baja untuk bekalan tempatan ataupun luar negeri seperti yang dilakukan dan diamalkan di Singapura. Jangan marah. Cakap Singapura agak sensitif. Tak ada, saya cakap yang baik punya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, akhirnya Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Satu ayat saja. Tentang itu isu pendatang asing, orang asing, pekerja asing. Saya ada dengar cerita macam ini. Kalau orang Vietnam ada di sini, anjing akan hilang. Kalau orang Bangla ada di sini, amoi-amoi kita akan hilang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Ada yang lain nak berucap? Kenapa Dato'?

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Nak berucap Dato'?

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Ya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput duduk Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 2 Disember 2009 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KELAPAN	RABU, 2 DISEMBER 2009	BIL. 8 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Persidangan dimulakan pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Apakah peranan Pusat Setempat (OSC) yang diwujudkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana masih ada rungutan berkenaan urusan permohonan yang lewat mendapat kelulusan?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Adakah dengan penubuhan OSC di setiap PBT mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan ataupun sebagai alasan untuk menunjukkan banyak persoalan pembangunan diatasi selain bertambah karenah birokrasi? Adakah dibuat kajian dan pemantauan bagi menentukan kejayaan perlaksanaan sistem ini benar-benar berkesan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai latar belakangnya Pusat Setempat yang juga dikenali dengan izin sebagai *One Stop Centre* ataupun OSC ringkasnya, adalah wujud bagi menentukan pelaksanaan penambahbaikan sistem penyampaian dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, demi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta merangsang pertumbuhan ekonomi negara, dalam aspek ini khususnya di PBT.

OSC Yang Berhormat Dato' Speaker, berperanan memproses, menyelaras dan memaklumkan keputusan bagi permohonan Kebenaran Merancang ataupun KM, pelan bangunan dan pelan-pelan infra lain seperti jalan, perparitan dan sebagainya. Pelaksanaan OSC ini adalah sebagai hala cara baru bagi kita cepatkan proses dan pendekkan tempoh masa kelulusan satu-satu permohonan. Dan, secara langsung dapat dipertingkatkan sistem penyampaian prosedur dan proses cadangan pemajuan tanah di peringkat PBT ke arah menzahirkan perkhidmatan yang lebih sempurna.

Dengan adanya OSC ini, jangka masa proses permohonan pembangunan di kawasan PBT menjadi lebih singkat berbanding dahulu. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan KM dan pelan bangunan pada masa lalu misalan mengambil masa 6 hingga 8 bulan ataupun di antara 180 hingga 240 hari. Tetapi kini ianya boleh dibuat permohonan serentak yang hanya mengambil masa maksimum 67 hari, misalannya bagi konsep BKJ ataupun Bina Kemudian Jual dan maksimum 106 hari bagi konsep Jual Kemudian Bina, ini sebagai contoh. Namun begitu, kerajaan sedar ada permohonan yang lewat diluluskan. Ini disebabkan oleh masalah ataupun isu-isu teknikal misalannya seperti:

i. Pelan permohonan yang dikemukakan tidak lengkap sebagaimana syarat-syarat yang diminta jabatan teknikal yang perlu dipatuhi.

ii. Pelan permohonan yang bercanggah dengan garis panduan yang ada.

iii. Pemohon itu sendiri tidak mengambil tindakan susulan selepas diminta untuk memenuhi syarat-syarat yang tertinggal itu tadi.

Selain daripada itu, perunding juga gagal menyediakan, ada juga perunding yang gagal menyediakan maklumat lengkap selepas permohonan diedarkan untuk ulasan jabatan. Sebagai contoh, gagal menyediakan 30 salinan pelan susun atur lengkap yang diperlukan bagi rekod unit OSC dan ulasan jabatan-jabatan teknikal. Dan ada juga Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan yang lewat diluluskan disebabkan ulasan jabatan yang berkaitan tidak diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu selama 14 hari, selewat-lewatnya.

Kelewatan-kelewatan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, menjadi punca permohonan terpaksa di tangguh sehinggalah segala dokumen lengkap diberikan oleh pemohon dan ulasan jabatan diterima. Untuk makluman Dewan yang mulia ini permohonan yang menepati syarat akan dibawa untuk pertimbangan jawatankuasa OSC yang bersidang 2 kali sebulan di semua PBT yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Dipertua. Untuk makluman juga, ahli-ahlinya adalah terdiri seperti misalannya Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pejabat Tanah Galian ataupun Pejabat Tanah Daerah, JKR, JPS, Jabatan Alam Sekitar, syarikat-syarikat utiliti seperti TNB dan Telekom, ketua-ketua dalam jabatan, ketua-ketua jabatan dalam PBT itu sendiri dan 4 orang Ahli Majlis, di samping jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan yang difikirkan perlu untuk satu-satu permohonan oleh PBT yang berkenaan.

Semua keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon dan sebab-sebab penangguhan juga akan dimaklumkan bersama. Kalau saya boleh *respons* kepada pertanyaan ADUN Machap, penubuhan OSC di semua PBT Negeri Johor sejak 13 April 2007, ada menunjukkan perubahan besar kepada pelaksanaan pemprosesan permohonan cadangan pemajuan. Ini terbukti apabila penerimaan dan pemprosesan permohonan digariskan mengikut norma masa yang telah ditetapkan dan selaras bagi semua PBT di Semenanjung Malaysia seperti yang saya nyatakan di atas tadi. Dan, mengikut rekodnya dari 1 Januari hingga 30 November tahun ini, kita telah menerima sebanyak 9,375 permohonan di semua PBT.

Permohonan daripada 12,708 ataupun 73.77% telah diselesaikan, 536 ataupun 4.2% di tangguh dan 22% masih dalam tindakan iaitu sebanyak 2,797. Permohonan yang masih dalam tindakan PBT yang banyak adalah antaranya di tiga PBT. Ini kita ambil yang 20% ke atas yang masih lagi dalam tindakan iaitu Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah ada 1,479 permohonan yang masih dalam proses daripada 3,830 maknanya ada 38.6% yang masih tertunggak, Majlis Daerah Kota Tinggi 36.5% yang masih tertunggak dan Majlis Perbandaran Kulai 24.1% yang masih tertunggak ataupun 52 permohonan daripada 216. Ini adalah antara 3 yang tertinggi yang perlu diperbaiki sistem OSC yang ada dalam PBT berkenaan.

Semua permohonan yang diterima dipantau oleh urus setia OSC di PBT masing-masing dan laporan berkala setiap bulan dihantar kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perbincangan dan percambahan fikiran sentiasa dijalankan pihak kerajaan untuk memantau dan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Pada 15 Januari 2008, penambahbaikan OSC telah dijalankan dengan memperkenalkan penggunaan portal OSC secara *online* dan portal OSC merupakan satu aplikasi web interaktif yang berfungsi untuk menyelaras, memantau dan memudahkan proses merekod dan mengesan secara *online* semua permohonan cadangan pemajuan.

Portal ini juga boleh diakses oleh pemohon bagi melihat status terkini permohonan mereka. Hasil daripada maklum balas dari PBT dan pengguna, portal OSC telah di naik taraf pada 16 April 2008 dan sekali lagi pada 21 November 2008. Penambahbaikan juga disusuli Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan persijilan MS:ISO pada 1 Disember 2008 ke atas prosedur kualiti proses kelulusan permohonan cadangan kemajuan OSC. Bagi memudahkan pemohon mengemukakan permohonan yang lengkap mengikut kehendak dan keperluan jabatan-jabatan teknikal, format yang tertentu ataupun *template,* dengan izin, seragam, senarai semak dokumen dan senarai semak terperinci agensi teknikal luaran telah dikeluarkan oleh KPKT pada 6 Mei tahun ini untuk diguna pakai oleh OSC di setiap PBT.

Bagi memastikan prestasi PBT mencapai tahap yang memuaskan Kerajaan juga telah mewujudkan sistem Penggredan Bintang atau *Star Rating* di mana pelaksanaan OSC satu sub kriteria di dalam kriteria perkhidmatan teras yang dinilai. Penilaian ini dilakukan oleh pasukan *inspectorate* daripada KPKT. Selain daripada itu juga, OSC juga merupakan satu daripada antara penambahbaikan yang utama aktiviti yang dikeluarkan oleh KPKT sebanyak 60 kaedah pembaikan ditambah oleh atas inisiatif Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Speaker, satu Jawatankuasa Khusus, *Task Force* telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Untuk menambahbaikkan lagi kaedah *delivery system,* dengan izin, di kesemua PBT dan di Negeri Johor ada 84 kaedah penambahbaikan yang telah pun dibukukan dalam buku panduan sebanyak 10 jilid. Semua ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan di dalam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan urus tadbir pentadbir awam khasnya di pejabat-pejabat PBT yang ada di negeri kita ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk…

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat, soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Lain kali kalau saya dah cakap, tak boleh ye. Bangun deras, ok, saya beri peluang.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Tidak adakah cara untuk mempercepatkan lagi proses OSC ini kerana terdapat beberapa rungutan dengan pindaan-pindaan sedikit sahaja memboleh, menjadikan penyebab kelewatan memproses sesuatu dokumen, kerana memandangkan kawasan IRDA, kalau saya contohkan kawasan IRDA ini, ini adalah kawasan pusat pelaburan yang bertaraf antarabangsa. Jadi, kalau kita lewat memproses segala pindaan-pindaan yang diberikan saya rasa kelewatan ini boleh menyebabkan pelabur-pelabur kita yang datang ke kawasan khasnya di kawasan Nusajaya ini mereka akan lari. Dan, kita tadi terima kasihlah kepada Yang Berhormat EXCO daripada 3,000 permohonan hanya 1,000 lebih sahaja di kawasan PBT Johor Bahru Tengah ini yang agak lewat. Jadi, kita takut 1,000 lebih ini adalah daripada kawasan yang ada dalam kawasan Nusajaya ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Sistem kerja yang diaturkan di bawah OSC kalau diikut sepenuhnya Yang Berhormat Dato' Speaker dan difahami oleh semua PBT ini satu sistem baru, yang baru dikenalkan pada tahun 2007. Dan, kita pun masih lagi dalam proses di setengah-setengah PBT itu untuk apa ini, memantapkan lagi cara kerja mengikut OSC ini. Dan, sudah tentunyalah ada, misalan kalau di Johor Bahru Tengah saya semak balik kenapa sampai 38.6%? Rupanya permohonan-permohonan untuk mengubahsuai pun, yang kecil-kecil tu pun dimasukkan juga dalam kategori ini, yang seharusnya kalau ikut garis buku panduan tak perlu masuk, yang itu orang nak *renovate* kecil pun dinilai semula, buat balik, pindaan semua masuk bawah OSC. Jadi, ini perkara dengan izin, *preliminary* masih lagi berterusan. Dan, insya-Allah ini kita perbaiki sebab itu, *Task Force* yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri itu yang pengerusinya terdiri daripada bekas KP, Ketua Pengarah KPKT sendiri. Sehingga ke hari ini masih lagi mengadakan kursus-kursus dalaman untuk setiap PBT. Kalau kita kenal pasti PBT ini perlu diadakan, kursus tersebut akan diadakan dan benda ini akan berterusan.

Dan, satu lagi yang saya nak tekankan di sini ialah setiap Ketua Jabatan dalam PBT mesti faham bahawa dengan izin ni, cara kaedah kerja lama ni, *habit* yang dah ada di kalangan kakitangan, setiap manusia memang susah hendak diubah. Dan, selalunya bila saya tengok ialah dia terlewat kerana misalannya nak pergi satu surat dari satu meja ke satu meja pun, ini realiti saya terpaksa cakap kadang-kadang mengambil masa sampai seminggu ataupun 2 minggu. Sistem ada tapi kaedah manusia yang *old die hard* apa *old habit* ni yang susah.

Y.B. Dato' Speaker : *Die hard?*

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : *Die hard habit* ni, susah nak di, *old habit* yang susah hendak diubah. Sebab itu saya dah tekankan dalam PBT setiap kali saya jumpa YDP, saya akan cakap, tentukan kakitangan kita khususnya pengarah-pengarah di jabatan yang berkenaan sentiasa memantau anak-anak buah di bawah mereka untuk menentukan perkara-perkara kecil seperti maklumat, laporan yang diterima hendaklah diproses cepat dan kalau nak ditujukan pada-pada satu-satu sektor itu cepat dihantar. Kalau boleh pakai tanganlah tunggu, jangan tunggu nak ambil satu, pindah-pindah perkara-perkara seumpama ini. Itu yang sedang diperbuat di peringkat PBT.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Soalan tambahan, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, ok Jementah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Apakah tahap kepuasan Kerajaan Negeri terhadap PBT-PBT selepas OSC diperkenalkan dan secara perbandingan PBT manakah yang paling baik daripada segi mematuhi OSC? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Rata-rata kita berpuas hati dengan adanya sistem OSC ni.

Y.B. Dato' Speaker : Semua baik.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kerana ada perubahan, ok. *You* tidak boleh *deny*, Ahli ADUN tolonglah jangan ketawa bila kita tengah serius. Nak ketawa nanti di luar Dewan eh. Ada perubahan itu tidak boleh dinafikan, ada perubahan. Kalau dulu 6 bulan, 8 bulan sekarang sekurang-kurangnya 90 hari, pukul ratalah dengan syarat semua syarat yang dikenakan disempurnakan sepenuhnya. Ada kelemahan di peringkat sektor awam, ada juga peringkat kelemahan di peringkat juru runding misalannya ok. Kelewatan untuk menghantar ulasan-ulasan teknikal pun ada. Jadi, ini yang perlu dilihat secara umumnya memang ada tapi yang terbaik, yang terekod ada, mengikut rekod yang ada mengikuti sistem OSC ini ialah Majlis Bandaraya Johor Bahru. Majlis Bandaraya Johor Bahru pun telah dapat *Star Rating* 4 Bintang baru-baru ini. Dan, Majlis Bandaraya Johor Bahru adalah merupakan antara enam PBT seluruh negara yang dipilih, yang terpilih oleh KPKT untuk mengaplikasikan modul *OSC online* ataupun OSC atas talian. Enam seluruh negara, satu daripadanya ialah Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senai, *last*.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat, soalan tambahan. Saya bersetuju bahawa kelewatan memproseskan permohonan kadangkala berpunca daripada sebilangan pegawai yang bersikap *die hard*, dengan izin, pegawai-pegawai yang *Napoleon*, *Little Napoleon*. Jadi, saya nak tahu…

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda *Napoleon* tu? Munafik?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : *Little Napoleon* itu maksudnya pegawai itu tak peduli apa-apa, mementingkan diri, tidak menjalankan tugas sewajarnya. Jadi, saya nak tanya apakah cara atau kaedah dari segi tatatertib yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap pegawai-pegawai *Little Napoleon* tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Itu pandangan Ahli Yang Berhormatlah eh. Saya tak akan gunakan perkataan *Little Napoleon*. Selalunya, memanglah apa yang kerajaan buat semuanya tak betul. Rata-rata tak betul, walaupun Yang Berhormat duduk bahagia di negara ini tak ada masalah pun aman, damai jadi Wakil Rakyat. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada masalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Tapi, untuk makluman Yang Berhormat pun dulu kalau tak silap saya bekas pegawai awamkan? Perkhidmatan awam kita ada *General Order* dengan izinlah, yang boleh dipantau untuk mengatasi segala kelemahan yang ada dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Samsol Bari bin Jamali, jemput.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan soal kebajikan serta sosioekonomi masyarakat di ladang/estet mencapai tahap yang sewajarnya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor pertanian dan perladangan telah menjadi salah satu sektor yang utama memberi sumbangan kepada perkembangan dan kemantapan ekonomi negara khususnya Johor. Sehubungan itu, sektor ini mempunyai tenaga kerja yang paling ramai. Adalah dianggarkan terdapat seramai 312,000 orang pekerja ladang yang bekerja terutamanya di ladang kelapa sawit. Dari jumlah berkenaan sebanyak 32% adalah pekerja tempatan. Berdasarkan faktor ini, adalah amat penting kerajaan mengambil inisiatif untuk memastikan soal kebajikan dan sosioekonomi masyarakat di ladang agar ianya mencapai tahap yang sewajarnya sebagaimana perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Semarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan sosioekonomi mempunyai pengertian yang luas. Ia merangkumi semua aspek termasuklah mutu pelajaran, kesihatan, pendapatan, tempat tinggal, peluang serta suasana kerja, kesejahteraan hidup serta pelbagai lagi termasuk aspek kerohanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut perangkaan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor terdapat sebanyak 353 buah ladang di Negeri Johor dengan 338

buah ladang menyediakan perumahan bagi pekerjanya iaitu lebih kurang 96% Yang Berhormat Dato' Speaker. Selain dari tujuan mengawal kualiti perumahan dan kemudahan asas yang disediakan oleh majikan untuk pekerja di sektor perladangan, Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 juga bertujuan untuk menjaga dan meningkatkan kualiti kehidupan pekerja dan ahli keluarga mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebanyak 19,939 buah unit rumah yang mempunyai sekurang-kurangnya 2 buah bilik telah dibina oleh majikan untuk kemudahan para pekerjanya. Melalui pemeriksaan audit dan ladang, melalui pemeriksaan audit dan ladang yang dijalankan oleh JTK adalah didapati sebanyak 3,836 buah unit rumah yang kurang menepati spesifikasi Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. *So*, untuk tujuan pematuhan Akta berkenaan dan keselesaan dan kebajikan pekerja itu dijamin maka mereka telah diminta untuk mengubahsuai dan menaik taraf rumah-rumah yang berkenaan Yang Berhormat Dato' Speaker. Tindakan susulan diambil secara berterusan untuk memastikan majikan mematuhi notis pembetulan yang dikeluarkan oleh pihak JTK.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga suka saya memaklumkan bahawa Pelan Pembangunan 5 Tahun RPLT bermula dari tahun 2009 hingga 2013 telah dilancarkan. RPLT ini bertujuan Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menyediakan pelan tindakan peningkatan kualiti kehidupan komuniti ladang yang disarankan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai kebajikan pekerja ladang. Ia juga adalah komitmen ke atas pelaksanaan Program Tanggungjawab Korporat ataupun *Corporate Social Responsibility*, dengan izin, CSR oleh 10 buah syarikat perladangan yang terdiri daripada Sime Darby Berhad, Kuala Lumpur – Kepong, IOI Corporation, FELDA Plantation, Trade Wind Plantation Berhad, Boustead Plantation Berhad, PBB Oil Palm Berhad, Asiatic Development, KULIM Berhad dan United Plantation Berhad. Antara perkara yang akan diberi perhatian di bawah RPLT ini ialah usaha untuk meningkatkan kemudahan asas dan perumahan pekerja yang disediakan di ladang-ladang termasuklah menyediakan rumah ibadat, bekalan air dan bekalan elektrik dari sumber awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi inisiatif kerajaan untuk menaik taraf sosioekonomi pekerja ladang adalah menyediakan kemudahan pendidikan termasuklah pendidikan awal kanak-kanak. Untuk itu, majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 orang tanggungan di bawah umur 4 tahun dikehendaki menubuhkan Pusat Asuhan Kanak-Kanak dan kini terdapat sebanyak 102 buah PAKK di ladang-ladang seluruh Negeri Johor.

Bagi merangsang minda kanak-kanak ini di bawah RMK-9 pihak Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM3.45 juta bagi pembelian peralatan permainan dan pembelajaran khusus untuk PAKK di ladang-ladang. Bagi tahun 2008, sebanyak 32 buah PAKK di seluruh Negeri Johor telah mendapat kemudahan ini dengan jumlah yang dibelanjakan sebanyak RM424,638.00 dan bagi tahun 2009 pula sebanyak 14 buah PAKK telah diluluskan untuk menerima peralatan tersebut dengan jumlah RM174,000.00. Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa, Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato'

Speaker, mencari formula untuk meningkatkan kadar gaji pekerja-pekerja ladang melalui perbincangan dengan MAFA dan NUPW. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita ambil maklum bahawa sektor perladangan menyumbang pendapatan yang begitu besar kepada negara. Dan, kita telah mengakuinya dan sejarah juga telah membuktikan. Dan, kita sekarang ambil maklum bahawa pekerja-pekerja ladang ini yang dikatakan masyarakat ladang itu adalah terdiri daripada 2 sektor, ada 2 pihak iaitu:

i. Kakitangan Ladang.
ii. Pekerja-Pekerja Ladang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk saya maklumkan di Dewan ini bahawa pekerja-pekerja ladang kita ini berpendapatan tidak lebih daripada apa yang diterima oleh pekerja-pekerja asing di ladang-ladang ini. Soal rumah tak ada masalah, sejak azali dulu memangnya estet-estet ini menyediakan rumah. Tetapi, saya ingin mengetengahkan apakah pekerja-pekerja ladang ini yang mendapat pendapatan boleh dikatakan rendah ini, adakah mereka layak untuk mendapat bantuan-bantuan daripada agensi-agensi kerajaan dalam usaha untuk mereka menambah pendapatan dan juga adakah mereka layak sebagai kumpulan *subsidize* digolongkan sebagai kumpulan sasaran sebahagian mereka untuk mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada dua perkara yang ada dalam soalan tambahan tadi. Pertama itu adalah mengenai pendapatan pekerja-pekerja asing dikatakan lebih daripada pekerja-pekerja tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang kita dimaklumkan oleh majikan-majikan, pekerja-pekerja asing ini bukan sahaja rajin, sangat rajin. Maksud saya sangat rajin. Mereka ini sanggup kerja kalau mereka pergi masuk kerja pukul 7:00 pagi, mereka sanggup kerja sampai 7:00 malam boleh mereka potong pokok, buah kelapa sawit. Tetapi, pekerja-pekerja tempatan bila sahaja jam 3:00, jam 4:00 sudah balik dan selalu sahaja tidak menghadirkan diri untuk kerja. Jadi, di antara, oleh kerana siapa kerja kuat, biasanya bayaran gaji dibuat Yang Berhormat Dato' Speaker adalah berdasarkan kepada kadang-kadang dia ikut tan. Berapa tan yang dia potong jadi dia bayar ikut itu. Jadi, itu sebab kadang-kadang kita tengok pekerja asing ini mendapat gaji yang lebih lumayan daripada pekerja tempatan tapi kadarnya tetap sama. Dia tiada kadar yang khusus untuk pekerja asing dan tiada kadar yang khusus, kadar rupa yang khusus untuk pekerja tempatan, itu.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan agensi-agensi kerajaan. Bagi sekarang ini kita ada melalui, pendaftaran melalui e-Kasih dan juga melalui, pendaftaran melalui e-Cari di bawah JKM. Apa yang saya difahamkan, tiada apa-apa syarat tertentu yang ditentukan sama ada dia ini bekerja ladang ke, tinggal di bandar ke dan apa sektor mereka sekalipun. Kalau kadar pendapatan mereka menepati syarat yang ditetapkan untuk mereka layak dapat bantuan di bawah agensi itu, mereka diberi bantuan. Dan, setakat ini rekod, saya tiada rekod tetapi apa yang kita difahamkan memang ramai daripada pekerja-pekerja ladang juga layak dan menerima bantuan daripada JKM dan agensi-agensi yang berkaitan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsudin, jemput.

Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Sejauh manakah usaha-usaha kerajaan membantu golongan peniaga dan pengusaha Bumiputera untuk memajukan perniagaan dan perusahaan mereka dan apakah bentuk bantuan yang diberikan serta berapakah persatuan peniaga Bumiputera yang berdaftar serta aktif setakat ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan telah menyediakan pelbagai skim dan kemudahan melalui agensi dan jabatan yang ada di peringkat negeri dan juga Pusat.

Dan, antara Kementerian yang menawarkan skim untuk pembangunan usahawan ini termasuklah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perindustrian Perdagangan Antarabangsa dan Kementerian Pertanian dan juga Asas Tani. Dan, di antara agensi yang ada ialah MARA, TEKUN, SME Bank, SME Corp, INSKEN dan lain-lain lagi. Dan, di bawah MARA sebagai contoh, terdapat tiga program utama dalam aspek Pembangunan Usahawan iaitu pembangunan usahawan dalam bentuk modal insan, pembiayaan perniagaan dan pembangunan infrastruktur. Melalui pembangunan usahawan dalam bentuk modal insan, MARA menawarkan latihan keusahawanan melibatkan kursus, seminar, klinik dan klinik-klinik usahawan. Serta, MARA juga menawarkan program promosi pemasaran yang melibatkan ekspo, lawatan dan promosi-promosi lain.

MARA juga menawarkan bantuan seperti bantuan untuk usahawan yang terlibat dalam bidang teknikal seperti bidang jahitan, pemprosesan dan juga pengilangan produk. Dan, MARA juga menawarkan khidmat runding cara yang melibatkan perunding-perunding yang pakar dalam bidang-bidang tertentu dalam bidang perniagaan. Di samping itu juga MARA juga menyediakan inkubator perkilangan melibatkan penyediaan ruang perniagaan dan pembiayaan khusus kepada pengilang-pengilang yang mempunyai produk

yang boleh dikembangkan. Bagi pembiayaan perniagaan, MARA menawarkan pembiayaan sehingga kepada jumlah RM500,000.00 untuk pelbagai sektor perniagaan dan antaranya sektor pemborongan, perdagangan, pengangkutan, perkhidmatan dan juga pertanian.

Dan, dari segi pembangunan infrastruktur, pihak MARA juga menyediakan ruang perniagaan untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera yang mana penyewaannya biasanya lebih rendah daripada harga pasaran. Kerajaan Negeri juga amat prihatin terhadap semua golongan usahawan di Negeri Johor termasuklah golongan peniaga dan pengusaha Bumiputera khususnya dan dalam melaksanakan program-program yang boleh membantu usahawan di Negeri Johor ini, Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor yang telah mengambil beberapa langkah untuk memantapkan beberapa aspek perniagaan khususnya bagi usahawan bumiputera seperti aspek kualiti produk, promosi dan juga jalinan perniagaan.

Dan sebagai contoh untuk meningkatkan kualiti produk dari sudut pembungkusan dan pelabelan produk, Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama SIRIM telah mengadakan lima sesi kursus selama 3 hari 2 malam yang melibatkan 300 usahawan dalam teknik pelabelan dan pembungkusan produk PKS. Dan untuk aspek peningkatan proses produk kerajaan dengan kerjasama SMIDEC ataupun sekarang lebih dikenali dengan SME Corp telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kelulusan di bawah Program Peningkatan Keupayaan PKS Bumiputera ataupun singkatannya BIP, Peringkat Negeri Johor yang bertujuan untuk memberi geran kepada usahawan Bumiputera di antara 50 hingga 80% daripada kos sebenar. Untuk sama ada membeli mesin ataupun kos bagi peningkatan produk yang lain.

Dan, untuk memantapkan aspek pengurusan pula khususnya dalam mengurus kewangan perniagaan, satu Modul Perakaunan Peringkat PKS Negeri Johor telah diadakan dengan kerjasama UiTM Johor. Melalui Modul Perakaunan Usahawan Johor ini para peniaga dan pengusaha diberi pengetahuan teori dan latihan amali dalam aspek kewangan seperti simpan kira, lembaran untung rugi serta perekodan transaksi kewangan. Malah para peserta juga dibekalkan dengan dokumen perekodan yang mencukupi untuk terus digunakan oleh para peserta dalam operasi seharian. Dan, sebagai permulaan sebanyak 20 bengkel, 20 sesi bengkel sedang dan telah diadakan yang melibatkan seramai lebih daripada 1,000 usahawan. Dan, setakat ini telah pun selesai 6 bengkel yang diadakan di Muar, di Labis, di Tiram dan juga di Kota Tinggi. Dan, untuk membantu mempromosi dan menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih luas bagi para peniaga dan pengusaha bumiputera, kerajaan memberi peluang kepada para peniaga dan pengusaha menyertai ekspo perdagangan sama ada dalam ataupun luar daripada Johor. Sebagai contoh, mereka ditaja untuk menyertai *Malaysian International Halal Showcase* ataupun MIHAS di Kuala Lumpur, *Showcase* Satu Daerah Satu Industri Peringkat Kebangsaan dan juga Ekspo SMIDEC di Kuala Lumpur. Dan, kita juga menganjurkan Ekspo Industri Desa di Johor Bahru serta Festival Produk Johor di Kota Kinabalu, Sabah. Dan, selain itu juga kegiatan dan promosi produk perniagaan dan pengusaha Johor juga dibuat melalui berita yang dimuatkan di dalam majalah *Business Johor* yang dikeluarkan setiap tiga bulan sekali.

Mengenai Persatuan Peniaga Bumiputera pula terdapat tiga persatuan yang merupakan Ahli Majlis Pembangunan Usahawan Johor yang sentiasa aktif memberi pandangan dan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan iaitu Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Dewan Usahawan Industri Desa Johor dan Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Industri Kecil Melayu Johor Bahru. Dan, sehingga kini, masih terdapat 97 buah persatuan peniaga Bumiputera yang berdaftar dan masih aktif menjalankan kegiatannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya...

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Pertama, terima kasih diucapkan kepada keseriusan, keseriusan Kerajaan Negeri dalam hendak membantu golongan Bumiputera, terutama sekali. Soalan saya ialah, sebenarnya kalau kita lihat masih lagi nampak golongan peniaga dan Bumiputera ini yang masih tidak berjaya. Terutama sekali dalam soal-soal untuk membuat pinjaman dan sebagainya. Dan, sejak akhir-akhir ini saya ingin bertanya mengapa pinjaman TEKUN ini yang sekarang ini begitu lewat diberikan kepada Bumiputera ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman kebetulan saya ada bawa *figure*nya di sini, bagi tahun 2009 sehingga 31 Oktober, sejumlah 26,900 pembiayaan bernilai RM276.97 juta pinjaman TEKUN telah diluluskan di seluruh negara termasuk Negeri Johor di mana 2,916 pembiayaan bernilai RM35.73 juta telah pun dikeluarkan. Dan, bagi pembayaran balik pinjaman usahawan bolehlah membuat pembayaran balik secara mingguan ataupun secara bulanan. Kerana TEKUN juga menyediakan pelbagai kaedah untuk membayar balik pinjaman sama ada melalui kutipan di premis perniagaan di Pejabat TEKUN Kawasan ataupun bayaran boleh dibuat sekarang ini melalui Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional dan TEKUN menerima juga cek tertunda. Dan, memang TEKUN Nasional mengakui bahawa terdapat kelewatan dalam proses kelulusan pinjaman dan antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan ini Yang Berhormat Dato' Speaker ialah permohonan yang terlalu banyak yang diterima oleh TEKUN. Dan, sehingga kini di Negeri Johor sahaja masih lagi terdapat lebih daripada 2,000 permohonan yang sedang diproses dan TEKUN juga mempunyai peruntukan yang agak terhad dan kutipan bayaran semula yang agak perlahan.

Dan, untuk mengatasi masalah ini dan menambah dana pusingan, pihak TEKUN juga telah melaksanakan operasi kutipan hutang yang dinamakan Ops Kutip yang telah pun dilancarkan baru-baru ini pada bulan Julai. Dan, dengan kutipan semula yang banyak ini kita yakin bahawa TEKUN berupaya untuk mengeluarkan pinjaman baru kepada peniaga-peniaga. Dan, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini dalam ucapan bajet tahun 2010 bahawa sejumlah RM200 juta akan diperuntukkan pada tahun 2010 nanti untuk memberi pinjaman baru kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera melalui TEKUN.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan, Dato' Speaker.

Y. B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Ini...Sungai Abong.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada jawapan tadi. Banyak usaha-usaha telah dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera. Tetapi, kadang kala Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha-usaha ini bukannya membantu tetapi menggagalkan dan setengah-setengahnya mematikan terus usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga Bumiputera, contohnya di tempat saya. Dulu, elok peniaga kecil-kecil ini berniaga di gerai-gerai yang berbentuk *zink* yang *simple*, tapi maju perniagaan mereka tapi bila diarah berpindah ke tempat-tempat yang baru, gerai-gerai baru yang berbentuk canggih, bertingkat-tingkat, kebanyakannya bungkus. Betul, setengah-setengah sahaja yang boleh hidup dengan tempat-tempat yang seperti itu. Jadi, adakah ini berpunca daripada perancangan ke, logistik ke, ataupun saya minta jawapan ini, contoh di Muar, bila pindah ke bangunan yang baru, bangunan MARA yang baru, perniagaan mereka bukan sahaja rugi tapi terpaksa tutup. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang kerajaan khususnya melalui PBT, memang berusaha untuk membantu sebenarnya usahawan-usahawan Bumiputera khususnya, yang berniaga di premis-premis yang mungkin tidak mempunyai kelulusan. Banyak faktor yang diambil kira apabila kerajaan nak mengambil tindakan terhadap usahawan-usahawan yang mungkin berniaga di kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan. Ini kebanyakannya kawasan-kawasan yang melibatkan mungkin kacau ganggu, yang ini mahu tak mahu, kerajaan terpaksa ambil tindakan untuk penempatan semula. Memang kita akuilah, ada setengah premis yang dipindahkan mungkin dari segi lokasinya, mungkin agak perancangan yang kurang teliti pada ketika itu, mungkin agak tidak strategik, tapi usaha kerajaan sentiasa dibuat untuk pastikan bahawa terdapat usaha-usaha mempromosi tempat-tempat yang telah pun dikhususkan kepada usahawan-usahawan Bumiputera ini. Sepertimana bangunan MARA, yang terdapat beberapa bangunan MARA yang mungkin hari ini perniagaannya agak tak berapa maju dan perkara ini telah pun kita bawa kepada pengetahuan kementerian. Dan kementerian sebenarnya dalam proses untuk menentukan melalui MARA di peringkat negeri, untuk tentukan bahawa kita dapat menghidupkan kembali premis-premis perniagaan yang di bawah MARA ni supaya ianya boleh menjadi daya tarikan kepada pengunjung-pengunjung. Usaha ini berterusan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya nombor 5.

Y.A.B. Menteri Besar menyatakan, jumlah dana yang terkumpul hasil dari sumbangan dana sosial yang diwujudkan khas bagi projek-projek pembangunan di kawasan pembangunan Wilayah Iskandar. Bagaimanakah proses dan garis panduan yang ditetapkan bagi membelanjakan dana tersebut?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Machap membawa perkara yang berkaitan dengan jumlah dana yang terkumpul dari di dalam Kumpulan Wang Projek Sosial dan juga yang berkaitan dengan proses dan garis panduan, bagaimana Kumpulan Wang tersebut boleh dibelanjakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penggunaan Kumpulan Wang Projek Sosial atau *The Social Project Fund*, adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007. Di mana Seksyen 37 (3) Akta tersebut menyatakan, "ianya boleh dibelanjakan bagi projek ataupun skim bagi manfaat am komuniti Iskandar Malaysia dengan syaratnya ianya, selaras dengan strategi dan inisiatif pembangunan sosial yang dinyatakan di dalam Rancangan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia".

Projek dan program yang akan dibiayai oleh Kumpulan Wang tersebut perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Sosial yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Johor. Dan Ahli-Ahli kepada Jawatankuasa tersebut merupakan wakil-wakil daripada agensi dan Kementerian Persekutuan dan negeri yang berkaitan. Perbelanjaan untuk membiayai program-program yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa itu pula perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Projek Sosial. Dan Jawatankuasa ini perlu memastikan dan mengesahkan penggunaannya adalah berdasarkan kepada Akta dan *Comprehensive Development Plan*, dengan izin. Jawatankuasa Kumpulan Wang ini telah pun ditubuhkan dan Ahli-Ahli Jawatankuasa telah pun dilantik dan pihak IRDA bertindak selaku sekretariat kepada kedua-dua Jawatankuasa dan pemegang amanah perlu memastikan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut dilaksanakan.

Hingga kini, Kumpulan Wang Projek Sosial ini telah menerima sumbangan sejumlah RM50 juta daripada Iskandar Investment Berhad, IIB selaku, dengan izin, IIB sebagai *The Master Developer*, untuk pembangunan kawasan seluas 2,000 ekar di MEDINI, sebagai satu sumbangan secara, dengan izin, *One Off*. Dan IIB juga telah memberi komitmen untuk sumbangan kira-kira RM25 juta lagi. Pihak IRDA telah mengadakan pelbagai perbincangan dengan agensi dan jabatan berkaitan untuk mengenal pasti program pembangunan sosial yang boleh dibiayai, kumpulan sasar dan kaedah pelaksanaannya. Berdasarkan cadangan terkini, fokus dan penekanan program-program adalah berbentuk sosioekonomi dan tertumpu kepada program penjanaan pendapatan bagi kumpulan berpendapatan rendah, bagi memastikan golongan ini tidak ketinggalan di dalam Pembangunan Iskandar Malaysia.

Terdapat 4 bidang utama dalam cadangan penjanaan pendapatan ini iaitu; perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan juga pekerjaan. Pelaksanaannya akan dijalankan secara bersepadu di antara jabatan yang berkaitan bagi memastikan tiada program ataupun penerima yang bertindih dengan program yang sedia ada. Dan juga khidmat nasihat akan diberikan kepada golongan sasar untuk menentukan program yang boleh disertai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya memberi satu contoh, walaupun sumber pembiayaan projek ini belum lagi daripada sumber Kumpulan Wang

yang saya huraikan sebentar tadi, tetapi daripada sumber rangsangan ekonomi yang pertama daripada pihak Kerajaan Persekutuan, di mana IRDA menjalankan program yang berbentuk sosioekonomi, yang boleh dimasukkan dalam bidang tugas Kumpulan Wang Pembangunan Sosial ini. Satu ialah, Program Pra Pekerjaan, khususnya para graduan yang sedang mencari pekerjaan. Keduanya ialah peningkatan kemahiran dan latihan semula seperti program latihan untuk pekerja-pekerja di sektor elektronik dan elektrikal dan juga petrokimia, dan juga oliokimia serta perkhidmatan dan pelancongan dan juga program keusahawanan seperti program pembangunan kontraktor yang sedang pun dijalankan. Itu adalah di antara contoh-contoh projek yang di bawah bidang tugas *Social Development Fund* ini, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin tahu berhubung dengan masalah, apakah kaedah yang diguna pakai di dalam usaha untuk menentukan kadar, kadar bagi Tabung Dana Sosial ini. Adakah dengan cara berunding dengan syarikat-syarikat pemaju ataupun kaedah-kaedah yang ditentukan macam satu kadar ketetapan, sebab mereka-mereka ini, pelabur-pelabur ini dikecualikan daripada cukai? Jadi Dana Sosial ini yang menentukan, apa sebagai gantian.

Jadi, alhamdulillah daripada itu, saya dapat tahu tadi ada lebih kurang RM50 juta sudah pun dapat dikumpulkan dan RM25 juta di dalam komitmen ataupun janji-janji. Jadi, dalam usaha nak menentukan, supaya kita dapat pulangan ini, sejauh mana perjanjian ataupun janji mulut je ataupun janji-janji dalam usaha nak menentukan supaya kita dapat, dapat tabung itu diberikan kepada mengikut, menepati janji-janji itu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dalam jawapan asal saya, saya menyebut istilah perkataan, *One Off*, jumlah RM50 juta yang pertama yang disumbangkan oleh pihak IIB. Kemudian, ada juga cadangan untuk ditambah sebanyak RM25 juta lagi. Ingin saya maklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa pihak IRDA, belum lagi dapat merumuskan kaedah yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Machap sebentar tadi. Dan sebenarnya, *Social Development Fund* ini dengan izin, memang dimuatkan di dalam Akta IRDA ini, dengan andaian bahawa Kumpulan Wang ini boleh diisi melalui beberapa sumber di antaranya daripada pihak, daripada sumber Parlimen Malaysia ataupun daripada Dewan ini. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah satu lagi sumber yang datangnya daripada pihak swasta, kerana seperti Yang Berhormat daripada Machap menyebutkan tadi bahawa, ada di antara kegiatan ekonomi di Iskandar ini menikmati beberapa peruntukan, skim, sokongan dan juga *incentive*, dengan izin. Kalau kita merujuk kepada 2,000 ekar yang ada di hadapan Kota Iskandar ini, iaitu yang bernama MEDINI, maka kawasan tersebut menikmati kepelbagaian insentif yang agak begitu menarik. Di antaranya beberapa pengecualian, sama ada dalam bentuk cukai yang dilonggarkan, kemudahan untuk membawa tenaga mahir daripada luar dan seterusnya. Oleh itu, mereka ini adalah terkecuali daripada tanggungan cukai-cukai yang biasanya dibayar kepada pihak kerajaan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan kepada alasan tersebut, maka sewajarnyalah bahawa sumbangan daripada syarikat-syarikat yang melabur di kawasan yang berkenaan tidaklah berdasarkan kepada satu sumbangan yang ditakrifkan sebagai *One Off*. Maka sewajarnya ada formula. Jadi, saya ingin maklumkan bahawa kita terima RM50 juta yang pertama ini dengan syarat sebagai masih lagi tertakluk kepada formula yang kita nak rumuskan, supaya agak ada sumber yang bukan dalam bentuk *One Off* sahaja tetapi sumber yang berterusan berdasarkan kepada kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh pelabur-pelabur di kawasan, di Iskandar ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng. Eh, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin nak tahu sama ada wang Dana Sosial yang diwujudkan ini, adakah khas untuk pembangunan di kawasan WPI atau boleh digunakan di kawasan-kawasan lain di Negeri Johor seperti DUN Parit Yaani. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Mana boleh, eh. Saya je jawab tu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, dia sengaja disebut dalam Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007, Seksyen 37 (3), bahawa, "ia memang diperuntukkan, sumber itu datang dari sumber Iskandar, kawasan Iskandar, maka, mengikut Aktanya ialah untuk digunakan seperti cara yang saya huraikan tadi dalam kawasan Iskandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun begitu saya percaya bahawa, di luar Iskandar tidak akan terabai dan terbiar. (ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Dapat banyak.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Satu, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang boleh berlaku ada kesan-kesan, kesan-kesan pengganda, yang melimpah melampaui kawasan Iskandar. Kemudian, selain daripada itu memang ada peruntukan sengaja pula, bukan di Iskandar tetapi sengaja untuk kawasan seperti Parit Yaani dan Mersing. Jadi, saya percaya Dato' Speaker sepatutnya apa tu, apa yang dikatakan *Social Project Fund* ini walaupun terhad kegunaannya, kita kena patuh kepada peruntukan akta ini, tetapi saya memberi jaminan bahawa tidak sepatutnya kumpulan sasar yang serupa di Iskandar ini, di luar Iskandar tidak sepatutnya rasa tidak terbela.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, *last*, Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan yang telah diberi. Kawasan saya masuk dalam kawasan Iskandar.

Y.B. Dato' Speaker : Erm, *slow* saja.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Saya cuma nak tanya sedikit berkenaan dengan projek-projek yang boleh dimohon melalui *Social Project Fund* ini. Selain daripada bidang yang telah disebutkan itu, boleh tak projek-projek seperti pembinaan pusat aktiviti sosial bagi belia boleh dimohon dan siapa yang boleh mohon projek-projek ini. Bolehkah PBT mohon, bolehkah Wakil Rakyat mohon, boleh tak kita tahu sedikit berkenaan dengan cara permohonan?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu pun nak tanya. Ok, Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, cadangan boleh datang daripada mana-mana sekalipun. Tapi, prosedurnya saya katakan tadi ianya ada jawatankuasanya dan ada pihak yang akan mempertimbangkan untuk diluluskan dan dilaksanakan. *Any other idea* projek yang berbentuk sosial ekonomi khusus kepada kumpulan sasaran boleh datang, cadangan itu datang daripada mana sumber sekali pun. Saya nak ambil satu contoh Dato' Speaker, mungkin contoh ini tidak terletak di, di mana tu, Permas Jaya.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Permas Jaya.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Permas Jaya. Tetapi terletak di Taman Rinting agaknya. Sebagai contoh, katakan penternak kupang misalnya, dan kebetulan Dato' Speaker, perairan yang ada di hadapan bandar raya Johor Bahru ini, memang sesuai untuk ternakan kupang. Kita di antara tempat di Malaysia ni yang sesuai untuk kupang. Jadi, kita melihat bahawa penternak-penternak kupang ini datangnya daripada kumpulan pengusaha-pengusaha kecil-kecilan. Oleh itu, apabila mereka berada di tengah-tengah betul pembangunan kerana sebahagian daripada pembangunan ialah di hadapan perairan, maka terletak di situ juga pengusaha-pengusaha kupang ini, maka di antara projek seperti yang sepatutnya dibawa melalui *Social Project Fund* ini ialah untuk kita membangunkan apa tu, perusahaan kupang ini kepada paras yang agak lebih moden lagi, lebih tinggi produktivitinya dan juga dengan memberi kemudahan untuk memproses hasil kupang tadi. Dan, dan dengan cara saya katakan tadi, memodenkan lagi supaya ianya agak lebih, lebih sempurna dan lebih kemas lagi dari segi kegiatan-kegiatan mereka. Jadi, ini sebagai satu contoh di mana kumpulan sasar pada pengamatan saya agak tepat untuk diberikan tumpuan oleh pada sumber ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan dan menarik taraf produk serta perkhidmatan di setiap daerah demi menarik para pelancong domestik dan luar negara melancong ke daerah-daerah di dalam Negeri Johor?

Y.B. Dato' Speaker : Erm, Yang Berhormat, rombongan pemerhati tu daripada Paloh. Kawasan Yang Berhormat eh? Ya, betul eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Dari Kluanglah, mungkin.

Y.B. Dato' Speaker : Baiklah, ha, Paloh. Macam pelancong luar negerilah, luar negaralah. Cantik.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, jawab betul-betul.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor dengan kerjasama jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan sentiasa meningkatkan usaha dari semasa ke semasa untuk mempromosikan setiap daerah di Negeri Johor. Sehubungan itu, dalam lawatan saya ke daerah-daerah selain daripada bandar raya Johor Bahru, saya telah pun pergi ke Pontian, Kota Tinggi, Mersing, Muar dan selepas itu akan pergi ke Kluang, Segamat, Batu Pahat dan sebagainya. Jadi, dalam lawatan saya, saya merasa bangga kerana dengan kerjasama pihak dari daerah, kita telah pun menubuhkan Pusat Informasi Pelancongan dan juga kita wujudkan peta pelancong ataupun *The Tourist Map* untuk memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong ataupun pelawat yang datang ke daerah masing-masing.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor juga telah merangka strategi-strategi dan juga yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan kedatangan para pelancong ke Negeri Johor.

ii. Kita mewujudkan acara *Hallmark* yang bersesuaian dengan Negeri Johor.

iii. Meningkatkan tahap kemudahcapaian dan keselesaan serta membangunkan fasiliti dan juga infrastruktur sektor pelancongan.

iv. Meningkatkan pemasaran dan promosi produk pelancongan negeri melalui kit pemasaran, melalui *Fam-Trip*, pameran dan kerjasama dengan agensi pelancongan luar dan dalam negara. Dan juga kita mewujudkan pakej pelancongan yang lebih efektif.

v. Meningkatkan pembangunan sumber manusia dan latihan. Ini melalui, ini untuk memastikan bekalan tenaga kerja mahir dalam sektor pelancongan, melalui *in-house training* untuk setiap *front liners* dan pihak berkepentingan pelancongan serta meningkatkan kesedaran di kalangan penduduk tempatan dan memberi latihan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada jawapan yang dijawab oleh Yang Berhormat Exco. Tidak dapat dinafikan bahawa sektor pelancongan merupakan industri tanpa asap yang dapat menjanakan sumber pendapatan

dan pekerjaan utama bagi daerah dalam Negeri Johor untuk menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan yang terunggul. Promosi sektor pelancongan perlu dijalankan secara profesional, efektif dan berterusan bagi memenuhi kehendak dan cita rasa pelancong domestik dan antarabangsa. Oleh yang demikian, saya ingin tahu, apakah langkah-langkah proaktif yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan produk-produk pelancongan yang ditawarkan benar-benar berdaya maju dan akan menjadi tarikan pelancong selaras dengan dasar pelancongan negara. Dan bukan produk yang, "*Good from far, far from good*". Dan perlu untuk...

Y.B. Dato' Speaker : Apa tu? Apa terjemahan dia, apa?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Kalau kita bayangkan seperti amoi tu, nampak dari jauh, cantik, tapi kalau kita tengok dekat tu, sudah tak cantik.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak cantik, macam tengok dari belakanglah (Dewan ketawa). Belakang oh cantik, bila tengok muke saja, oh... (Dewan ketawa). Ok.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Sebab tu saya, yang saya maksudkan nak juga *Good For Near* juga.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ya, dia amacam Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Batu. Bererti, saya anggaplah tafsiran Yang Berhormat ini dikatakan bahawa kalau kita bagi satu produk pelancongan, bukan setakat ia nampak cantik tapi realitinya juga boleh dilawati dengan tempat-tempat yang kita tunjukkan. Saya akui bahawa kita telah pun buat banyak promosi. Iaitu melalui pameran, melalui promosi ke luar negara dan dalam negara. Maka brosur-brosur ataupun iklan-iklan yang kita tunjukkan memang menarik. Soalnya, sama ada, apabila orang datang ke Negeri Johor ini, sama, sama ada mereka memang dapat menikmati tempat-tempat yang kita tunjukkan ini memuaskan ataupun mereka rasa tempat ini boleh dilawati bukan setakat sekali, mungkin berulang kali datang ke Negeri Johor.

Saya boleh sebut di sini selain daripada usaha kita membuat promosi, satu hasil yang baik, memang dapat sambutan daripada pelawat-pelawat bukan setakat domestik, tetapi luar negara. Apa yang kita buat selanjutnya ialah, selain daripada kita mengadakan brosur, kita juga cuba mengadakan satu *Fam-Trip*. Katakanlah ada acara internasional yang telah pun dibuat ataupun kita anjurkan di Negeri Johor, biasanya selepas acara ini, kita anjurkan satu *Fam-Trip* kepada peserta-peserta yang datang ke Negeri Johor supaya mereka lebih memahami dengan lebih dekat dan juga boleh menjadi Duta Pelancongan ataupun *Ambassador* untuk mereka memberitahu kawan–kawan mereka dari negara asal mereka supaya datang untuk melawat Negeri Johor. Dan selain daripada itu, saya nampak ada satu kejayaan, ialah, mungkin ia dahulu tak pernah berlaku iaitu apabila kita buat promosi di luar negara khususnya di Negeri China, Hong Kong dan juga Taiwan, baru-baru ini ada kumpulan ataupun dari segi pengusaha pelancongan yang datang dari negara asal mereka ini, dari Negeri China, Taiwan dan juga dari Hong Kong. Mereka datang

sini untuk memahami ataupun nak tahu lebih dekat produk-produk pelancongan yang ada di Negeri Johor. Mereka datang ke pejabat saya dan saya aturkan satu *Fam-Trip* bagi mereka. Dan *feedback* yang saya tahu memang mereka benar-benar suka tempat-tempat yang kita tawarkan kepada mereka. Jadi, ini bererti selain daripada kita mengadakan brosur yang menarik, tetapi pada realitinya, kita juga dapat menawarkan tempat-tempat tarikan yang menarik. Maka saya rasa, dari jauh dan dari dekat pun kita...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, sama eh, sama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Boleh tunjukkan kepada mereka. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Dato' Speaker. Saya nak menggambarkan satu keadaan di mana yang amat merisaukan dan mengancamkan perkembangan pelancongan di negeri kita. Sebab saya pernah melawat sebuah hotel yang diuruskan oleh KEJORA di Desaru. Masa saya *check in*, bilik air tu, paip air terbocor, nak minta satu katil tambahan, katil itu berkarat dan juga ada habuk-habuk yang belum dibersihkan. Dan juga saya mendapati keadaan yang sama di satu *resort* di Gunung Lambak. Masa kita *check in* bukan sahaja cadar tidak ditukar, masuk bilik air masih ada lagi, tu apa najis manusia dan habuk—habuk seperti kapal di lautan di dalam...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat salah bilik tak? Tu bilik untuk siapa, Yang Berhormat dah masuk dah. Yalah, nasib.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Itu, itu bukan nak memburukkan siapa-siapa. Tapi...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi saya rasa itu satu keadaan yang amat merisaukan sebab itu menunjukkan kekurangan keazaman pengusaha *resort* kini untuk memajukan pelancongan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memantau pengusaha-pengusaha *resort* dan juga hotel di negeri ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang ada *isolated* keslah, seperti ini. Kalau pada keseluruhannya, resort dan juga hotel yang tidak ada, ada yang sampai tahap antarabangsa pun, ada. Tetapi saya akuilah kalau kelemahan-kelemahan seperti ini memang berlaku, mungkin dalam satu hotel ataupun *resort* yang berkenaan. Maka, di peringkat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri, kita sentiasa mengadakan dialog dan juga perbincangan dengan industri pelancongan yang ada di Negeri Johor, termasuklah

pengusaha hotel-hotel dan sebagainya. Dan selain daripada itu, kita memahami segala kemudahan ataupun *facility* yang ada, yang harus kita tingkatkan dengan kerjasama bukan setakat diusahakan oleh pihak pengusaha sendiri. Kadang-kadang kita juga boleh membantu untuk mendapat sedikit peruntukan untuk menaikkan taraf bukan setakat di tempat-tempat tarikan, tetapi di *homestay* dan juga di industri pelancongan yang lain termasuk di hotel dan sebagainya. Kalau perlu apa-apa bantuan, kadang-kadang kita juga bincang dengan pihak pengusaha supaya bersamalah, sama-sama untuk kita mengatasi benda-benda yang rasa boleh meningkatkan imej untuk menarik lebih ramai pelancong yang datang ke Negeri Johor. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya beri Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Dato' Speaker. Banyak langkah telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat. Antara cara naikkan taraf produk ialah, tentu sekali tak disebut oleh Yang Berhormat ialah VOA ataupun *Visa On Arrival*. Tak banyak negara perkenalkan, laksanakan sistem ini. Dan saya jangka, memang berkesan untuk mengangkat, menarik pelancong dari negara luar. Tetapi Dato' Speaker, saya nak tanya, kesan negatif ataupun dengan izin, *negative impact*, dengan dasar ini kerana penyelewengan dari VOA ini, pelancong yang mempunyai niat yang tak baik masuk ke negara kita ke negeri kita, dan mereka *enjoy* dengan fasiliti yang ada ini. Saya nak tanya kesan negatif.

Y.B. Dato' Speaker : Ini soalan asal lain Yang Berhormat? Yang Berhormat nak jawab eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Boleh saya jawab.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, dari sudut pelancongan, selain daripada kita cuba menawarkan pakej-pakej yang menarik ataupun kita cuba mewujudkan destinasi pelancongan yang baik untuk menawarkan kepada pelancong supaya mereka suka datang ke negeri kita. Selain daripada itu, kita juga cubalah memberi segala layanan yang baik termasuk memberi kemudahan yang munasabah kepada pelancong supaya mereka mudah masuk ke negeri kita.

Mengenai VOA ini, *Visa On Arrival*, setakat ini, di Negeri Johor kita ada 3 pintu masuk yang ada kemudahan VOA iaitu Senai Airport, Second Link dan juga Bangunan Sultan Iskandar iaitu *Causeway*. Tiga-tiga pintu masuk ini, kita mempunyai perkhidmatan VOA ini. Saya lihat dari sudut yang positiflah. Dari segi kesan negatif ini, Imigresen memang sentiasa memantau perkara ini. Kita mempunyai servis ataupun perkhidmatan VOA, di ketiga-tiga pintu masuk ini 24 jam. Ini memberi satu kemudahan kepada pelancong yang ingin melawat ke Negeri Johor ini. Saya lihat dari segi kesan dia ini, memang saya pernah bincang dengan pihak Imigresen. Dahulu, kita cuma kenakan RM100.00, untuk *Visa On Arrival*. Maka, memang ramailah yang datang melalui pintu masuk di

Negeri Johor ini. Selain daripada itu, kita bincang tentang perkara ini supaya kita dapat memantau. Lepas itu, Imigresen telah pun naikkan bayaran itu dari RM100.00 kepada RM330.00. Selepas mereka naik RM330.00, kedatangan ataupun kemasukan pelancong melalui VOA ini, memang sampai satu tahap yang boleh dikatakan dapat *control*lah. Erti, satu angka yang lebih rasa munasabah untuk mereka memantau pelancong yang datang melalui VOA ini. Jadi pada keseluruhan itu, pemantauan untuk VOA ini, buat masa ini, melalui pintu masuk Negeri Johor ini masih dalam kawalan. Bererti kesan negatif tak begitu banyak untuk kita menghadapi buat masa ini. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah *last*, saya beri Yong Penglah. Kesian, wanita.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Selamat pagi dan salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Tudung tak pakai atas ya. Taruk sini.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Soalan tambahan. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor, menggalakkan syarikat-syarikat pelancongan supaya menggunakan *Tourist Guide* yang boleh bertutur banyak bahasa, supaya boleh menarik lebih ramai pelancong ke negeri kita.

Y.B. Dato' Speaker : Ini bahasa Yang Berhormat, dia lari daripada tajuk asal. Tak, nak jawab? Tak payah sambung, dia lari, saya…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, *Tourist Guide* yang sepenuh masa ataupun separuh masa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang banyak bertutur bahasa, berbagai bahasa.

Y.B. Dato' Speaker : Ha boleh komunikasi macam-macam *language*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ha, ok, ok.

Y.B. Dato' Speaker : Cakap orang putihlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi dalam jawapan asal ini memang kita cuba meningkatkan pembangunan sumber manusia dan latihan. Memang ada, dari segi *Tourist Guide* dan sebagainya. Kita memang ada kursus yang tertentu, memberi insentif untuk mereka dapat belajar dan kalau boleh seorang *Tourist Guide* boleh bertutur dalam bahasa banyak negara lagi baiklah. Tetapi yang kursus untuk misalnya datang, pelancong yang datang dari Negeri Jepun, kita cuba dapat *Tourist Guide* yang boleh tutur dalam bahasa Jepun. *So*, ini memang ada satu latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia dan Latihan di Pelancongan itu sendiri. Maka, *Tourist Guide Association* bersama-sama dengan kami di peringkat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri sentiasa mengadakan program seperti ini. Sementara ini saya nampak, memang perlu lagilah kita tingkatkan kerana, apa

ini, *Tourist Guide* yang memang fasih dalam bahasa antarabangsa ini bukan ramai sangat. Kita perlu tingkatkan lagi usaha untuk melatih lebih ramai *Tourist Guide* yang memang faham, bukan setakat bahasa tetapi kebudayaan ataupun dari segi latar belakang dan sebagainya perlu mereka memahami cara hidup mereka dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, habis masa soalan lisan. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis di dalam Persidangan ini juga.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Jemput, siapa yang nak berucap? Siapa nak berucap? Jemput Yang Berhormat, Panti.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil peluang di sini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam Persidangan Dewan Negeri kali ini. Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada hari Khamis 19 November 2009 yang lalu, adalah merupakan satu Bajet yang realistik, merangkumi segala aspek kehidupan rakyat dan mencakupi semua sektor ekonomi, bertujuan untuk kesejahteraan seluruh rakyat Johor. Kita berharap, keseluruhan program, projek yang dinyatakan di dalam Bajet tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor amat bertuah kerana dirangkumi oleh dua Koridor Pembangunan Wilayah iaitu Iskandar Malaysia, IRDA dan Koridor Pembangunan Wilayah Timur, ECER. Di IRDA sendiri, sebanyak RM50.5 bilion jumlah pelaburan telah dapat ditarik dari pelabur-pelabur luar negara atau pelabur-pelabur dalam negeri. Pelaburan yang begitu besar akan membawa impak pembangunan yang tinggi dan peluang-peluang ekonomi dan perniagaan yang amat banyak kepada penduduk-penduduk Negeri Johor khususnya. Saya hanya mohon supaya kerajaan mengambil daya usaha bagi membantu kaum Bumiputera untuk dapat sama-sama menikmati peluang-peluang ini, dengan mengadakan kursus-kursus, memberikan kemahiran kepada mereka, khidmat nasihat, dorongan, maklumat dan kemudahan serta ruang-ruang untuk berniaga. Agensi kerajaan seperti MARA, SME Corp. Malaysia, SME Bank dan lain-lain, perlu membantu dengan bersungguh-sungguh kaum Bumiputera ini untuk berjaya kerana kita tahu, kita tidak mahu, kaum Bumiputera Johor hanya menjadi penonton sahaja dalam pembangunan yang dirancang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan paradigma baru prestasi dan pencapaian hasil melalui Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Nasional, NKRA. Ia merupakan satu inisiatif utama, untuk melakukan transformasi ke arah penyampaian perkhidmatan awam berasaskan hasil selaras dengan kehendak rakyat. Kalau Kerajaan Persekutuan memfokuskan NKRAnya ke atas masalah-masalah besar yang rakyat mahu diselesaikan segera, iaitu soal jenayah jalanan, memerangi rasuah, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa frasa rana luar bandar dan pendalaman serta menambah baik pengangkutan awam.

Kerajaan Negeri pula perlu mengenal pasti, masalah-masalah yang selalu menjadi rungutan rakyat dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri yang perlu diselesaikan segera seperti masalah permohonan tanah yang belum selesai. Masalah kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, seperti masalah pungutan sampah, yang tidak dikutip mengikut jadual, masalah sampah bersepah dilonggokkan di simpang-simpang jalan atau di tepi-tepi jalan tidak terurus, parit tersumbat, jalan-jalan lorong belakang yang berlubang, tidak terurus. Kes-kes di mahkamah syariah yang tertunggak dan kes-kes tertangguh bertahun-tahun tidak diputuskan. Pembinaan sekolah-sekolah agama, perumahan rakyat dan lain-lain. Masalah-masalah di atas nampak kecil, tetapi ia perlu diselesaikan segera, jika tidak ia akan menyebabkan rakyat tidak berpuas hati dan dia akan di*translate*kan sebagai undi protes semasa pilihan raya nanti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut Bajet 2010, Kerajaan Negeri sedang mengkaji Dasar Perumahan Negeri dan akan diselesaikan pada pertengahan tahun 2010. Apa yang kita harapkan ialah supaya, kajian dasar ini akan dapat mewujudkan satu dasar yang konkrit bagi menguruskan kuota Bumiputera yang tidak dapat dibeli oleh kaum Bumiputera, supaya tidak dilepaskan tetapi mesti diwujudkan satu kumpulan wang khas, untuk membeli semua unit-unit yang diperuntukkan kepada kaum Bumiputera terutama kawasan yang strategik. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk membantu Bumiputera juga patut membeli unit-unit tersebut untuk sementara dan menjualkannya kepada kaum Bumiputera jika sampai waktunya kelak.

Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana akan membina 121 buah sekolah agama secara serentak melalui inisiatif pembiayaan swasta melibatkan kos sebanyak RM246 juta. 90 buah sekolah akan dibina mulai Jun 2010 dan dijangka siap pada akhir 2011 dan baki 31 buah pula dibina pada April 2011 dan dijangka siap pada Ogos 2012. Diharap pelaksanaan projek ini akan dapat berjalan dengan sempurna.

Panti menerima sebuah sekolah agama iaitu di Taman Anggerik dan kita mengharapkan supaya projek ini dimasukkan di dalam fasa yang pertama. Oleh itu, pelantikan kontraktor mesti dipilih secara berhati-hati. Jangan hanya satu kontraktor sahaja dilantik, kerana pengalaman yang lepas, jika hanya satu kontraktor sahaja dilantik, kebanyakan projek akan menemui kegagalan. Perlaksanaan projek ini akan dapat berjalan dengan sempurna. Panti menerima sebuah sekolah agama iaitu di Taman Anggerik dan kita mengharapkan supaya projek ini dimasukkan di dalam fasa yang pertama. Oleh itu, pelantikan

kontraktor mesti dipilih secara berhati-hati jangan hanya satu kontraktor sahaja dilantik dan pengalaman yang lepas jika hanya satu sahaja kontraktor dilantik, kebanyakan projek akan melalui kegagalan.

Di dalam Bajet 2010 juga Majlis Sukan Negeri Johor (MSN) mempunyai wawasan menjadikan Johor sebagai sebuah negeri yang menghasilkan atlit yang berjaya ke tahap antarabangsa. Cita-cita tersebut adalah amat murni tetapi cita-cita tanpa diiringi dengan usaha yang bersungguh-sungguh tidak akan mencapai apa-apa kejayaan.

Kita lihat sekarang usaha-usaha mewujudkan atlit-atlit cemerlang Johor tidak ada. Lihat sendiri kebanyakan persatuan-persatuan olahraga amatur daerah-daerah tidak aktif dan tidak lagi menganjurkan apa-apa kejohanan sukan di peringkat daerah sebagaimana yang pernah dilakukan pada masa-masa yang lepas. Kelab-kelab dan Agensi-agensi Kerajaan juga tidak pernah menganjurkan kejohanan sukan yang boleh mencungkil bakat-bakat baru di kalangan belia-belia kita sekarang ini. Oleh itu, MSN dan Jabatan Belia dan Sukan mesti mengorak langkah segera supaya kegiatan sukan di kalangan masyarakat terutama golongan belia diaktifkan semula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Institut Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) yang ditubuhkan sejak tahun 2000 bertujuan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin Johor yang berkaliber, matang dan cergas dari segi fizikal, mental, emosi serta bijaksana dan adil dalam membuat pertimbangan dan keputusan. IKLAS juga ditubuhkan bagi memberi suntikan semangat cintakan negara dan menjadikan rakyat lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan menjadi warganegara Malaysia yang berguna. Setakat ini adakah modul-modul latihan yang telah dirancang dan disesuaikan dengan perkembangan semasa terutama gagasan 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor akan meneruskan dasar untuk mengurniakan tanah tapak rumah kepada generasi kedua FELDA bagi rancangan-rancangan yang telah pun selesai menjelaskan segala bayaran pada kerajaan. Ada 3 buah lagi rancangan FELDA di DUN Panti yang belum lagi diberi pertimbangan. Kita mengharapkan supaya tapak-tapak rumah bagi generasi kedua FELDA yang berbaki ini dapat diberikan pertimbangan sebelum PRU Ke-13. Untuk memudahkan proses kurniaan, saya mencadangkan supaya generasi kedua FELDA yang layak di tiap-tiap rancangan diberikan kurniaan secara dasar dahulu tanpa ditentukan lot-lot tanah masing-masing kerana ini akan menyenangkan jika tanah ini akan dibangunkan serentak tanpa perlu dibuat percantuman tanah dan tidak membazir bayaran ukur dan batu sempadan. Selepas rumah telah siap dibina, baru hak milik individu dikeluarkan, segala bayaran yang perlu dikenakan boleh dibuat secara purata dan ia hanya akan diselaraskan selepas hak milik kekal didaftarkan kelak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membangkitkan isu bekalan air ke Singapura. Pada bulan September 2011, *Treatment Plant* di Sungai Skudai, Gunung Pulai dan Sungai Tebrau mengikut perjanjian mesti dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Johor. Saya mahu tahu, apakah langkah-langkah yang perlu telah diambil oleh pentadbiran Negeri Johor dan Malaysia dalam isu

ini? Kita tidak mahu pisang berbuah dua kali, di mana disebabkan kesilapan kita tidak memberikan notis yang diperlukan dalam tempoh yang ditentukan, kita terlepas daripada meminda kadar bayaran air yang boleh dikenakan kepada PUB mengikut perjanjian. Sepatutnya rundingan perlu diteruskan supaya kita dapat menambahkan hasil Kerajaan Negeri Johor ini, dari jualan air mentah ke Singapura dengan kadar yang baru bukan RM0.03 sen bagi setiap 1,000 gelen sebagaimana yang dikenakan sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyokong pandangan dari Yang Berhormat Tenang. Tak ada Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah…

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Supaya MPOB mengkaji semula semua dasar memberikan lesen kepada pembeli-pembeli kelapa sawit yang terletak berhampiran dengan Rancangan-Rancangan FELDA. Di Panti ada pelesen untuk membeli tandan-tandan basah kelapa sawit ini yang diluluskan oleh MPOB di tengah-tengah kawasan FELDA Sungai Sayong, Pengeli Timur dan FELDA Sungai Sibol. Tidak ada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit di kawasan sekitarnya. Sepatutnya MPOB membatalkan sahaja lesen tersebut bagi membantu pentadbiran FELDA mengawal supaya peneroka-peneroka menjual kelapa sawit mereka ke kilang-kilang FELDA sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada awal 2009, Kementerian Pelancongan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50,000.00 kepada setiap ADUN di Negeri Johor bagi digunakan untuk melaksanakan program *Homestay* di kawasan masing-masing. Borang-borang telah kita lengkapkan dan dikembalikan kepada kementerian yang berkenaan tetapi hingga ke hari ini tidak ada apa-apa berita. Di harap kementerian yang berkenaan mengotakan janjinya kerana perkara tersebut telah dimaklumkan kepada pihak yang berkenaan. Saya juga mengharap supaya Majlis Pelancongan Negeri mengambil perhatian mengenai perkara ini oleh kerana Majlis Pelancongan Negerilah yang memanggil kita semua dalam satu taklimat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Bandar Tenggara dan kawasan sekitarnya terdapat lebih kurang 30 orang pesakit buah pinggang yang memerlukan perkhidmatan dialisis sama ada 1 kali 3 minggu, 1 kali 3 hari ataupun 1 kali seminggu. Oleh itu, saya merayu supaya Majlis Agama Islam dapat memberikan pertimbangan untuk menubuhkan sebuah pusat perkhidmatan dialisis di Bandar Tenggara kerana pada masa sekarang pesakit-pesakit ini mendapat perkhidmatan sama ada di Kota Tinggi, Kulai, Kluang atau Johor Bahru yang jaraknya lebih daripada 40 km.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan Panti terdapat sebuah kampung yang sehingga ke hari ini belum lagi mendapat bekalan air bersih walaupun kedudukannya tidak jauh dari bandar Kota Tinggi, hanya lebih kurang 6 km sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa rumah yang ada Yang Berhormat? Berapa buah rumah di situ?

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Ada dalam 50 buah rumah.

Y.B. Dato' Speaker : Tak dapat lagi air?

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Kampung berkenaan ialah Kampung Lipat Kajang. Perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali dalam tindakan daerah tetapi sehingga hari ini belum berhasil lagi. Panti berharap Kerajaan Negeri memberi perhatian supaya perkara ini dapat diberikan pertimbangan segera melalui Rancangan Bekalan Air Luar Bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali banyak perkara-perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tetapi kadang-kadang perkara-perkara yang dibangkitkan berulang-ulang kali di bawa belum lagi diambil tindakan. Oleh itu, kita merayu supaya kerajaan mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan ini atau sekurang-kurangnya kita diberi maklum balas untuk kita sampaikan kepada rakyat yang mengundi kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dengan ini menyokong Rundingan yang dibawa oleh…

Y.B. Dato' Speaker : Sikitnya…

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat dari Senggarang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Jemput, siapa nak berucap lagi?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia saya ucapkan kepada semua Sidang Dewan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan bajet Negeri Johor bagi tahun 2010 di Dewan yang mulia ini.

Bajet yang dibentangkan pada Sidang Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar merupakan satu lagi bajet yang realistik iaitu satu bajet yang boleh dilaksanakan untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan pendapatan semua golongan rakyat. Bajet yang menyeluruh mencakupi semua kepentingan rakyat berbagai lapisan yang bukan sahaja ke arah pembangunan secara fizikal malah sosial, sahsiah, insaniah dan kerohanian. Strategi dan beberapa perubahan dan pembaharuan yang diutarakan amat meyakinkan bahawa Johor merupakan lokasi istimewa bagi pelbagai bentuk pelaburan masa akan datang. Pada hemat saya, bajet yang dibentangkan pada Dewan ini sesungguhnya merupakan satu daripada pendekatan bagaimana kita dapat menggerakkan seluruh kekuatan dan jentera Kerajaan Negeri bagi mencapai tahap yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang sentiasa bersikap proaktif dalam memperjuangkan dan membela nasib rakyat semua peringkat khasnya kepada kumpulan berpendapatan rendah bagi memastikan seluruh rakyat Johor

mendapat manfaat daripada kemakmuran yang dinikmati. Saya yakin Bajet 2010 ini secara keseluruhannya dapat memperbaiki kehidupan rakyat seterusnya menjamin kesejahteraan berterusan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pimpinan yang bijaksana serta dasar dan komitmen Kerajaan Negeri yang dilaksanakan terdahulu sememangnya amat berkesan bagi menyediakan asas ekonomi yang kukuh serta generasi yang seimbang dan berdaya tahan dalam mengharungi cabaran masa kini. Situasi perit dengan krisis global ini juga sebenarnya memperlihatkan kita kepada banyak kebaikan dan kelebihan rakyat Johor dalam menghadapi situasi begini. Rakyat Johor sebenarnya telah terdidik serta mempunyai asas kekuatan dalaman dan ilmu bagi menghadapi situasi-situasi begini melalui berbagai cabang agensi Kerajaan Negeri yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amat berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet 2010 yang dibentangkan memperjelaskan bahawa penggemblengan semua sumber amat perlu bagi Negeri Johor keluar sebagai satu lokasi pelaburan yang paling berdaya saing serta menguntungkan selaras dengan tema bajet "Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama" adalah diharapkan agar semua pihak dapat menyelami aspirasi ini bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Saya yakin dan percaya melalui strategi-strategi perlaksanaan plot bajet yang telah digariskan serta hasrat ke arah ekonomi mampan, miskin tegar sifar serta lain-lain kemajuan dalam segala bidang dapat dicapai dengan usaha sama yang dijalinkan secara berkesan dan progresif. Gerakkan semua jentera serta agensi secara objektif dapat mencapai maksud yang kita semua kehendaki dan seterusnya meningkatkan pendapatan rakyat secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada enam bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu NKRA yang diberikan perhatian penuh oleh Bajet 2010 ini, saya percaya kumpulan penduduk yang berpendapatan rendah akan menikmati banyak kelebihan khasnya kepada kumpulan penduduk miskin dan miskin tegar yang akan mendapat nikmat hasil dari perlaksanaan seperti pembinaan rumah rakyat termiskin dan pembayaran bantuan rakyat termiskin yang tersusun. Sikap prihatin Kerajaan Negeri ini dapat mendukung aspirasi ke arah miskin tegar sifar secara lebih terancang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui strategi-strategi yang digariskan termasuk usaha meningkatkan dan memantapkan kecekapan rakyat, kerajaan dalam urusan melibatkan kepentingan orang ramai dan rakyat, saya yakin langkah kerajaan untuk mewujudkan laluan hijau bagi beberapa proses kerja dan perkhidmatan dapat mempertingkatkan imej dan pendapatan Kerajaan Negeri. Saya juga amat berterima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara yang telah menyediakan semula perkhidmatan pendaftaran perkahwinan bagi penduduk Daerah Ledang baru-baru ini. Kewujudan ini sesungguhnya satu langkah proaktif, merujuk kepada keperluan rakyat setempat. Keadaan ini sebenarnya amat membantu rakyat Ledang dan Tangkak khususnya bagi tujuan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak orang Ledang kahwin eh?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Ada juga, tetapi mereka kena pergi Muar pada dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang jauh, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor dan TNB kerana telah melaksanakan projek bekalan elektrik ke Perkampungan Orang Asli Air Tawas, Ledang dengan kemudahan jalan kampung sekali. Sesungguhnya kedua-dua projek yang dilaksanakan ini amat dinanti-nantikan oleh penduduk di sana. Cuma tinggal satu lagi perkampungan orang asli yang masih belum mendapat kemudahan bekalan elektrik, mudah-mudahan dengan perlaksanaan Bajet 2010 ini akan mempercepatkan proses tersebut yang sememangnya menjadi satu tuntutan penduduk-penduduk di sana masa kini. Ini selaras dengan strategi perlaksanaan Bajet yang ketiga iaitu menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup, saya percaya masalah ini akan dapat di atasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, strategi Kerajaan Negeri untuk membina sekolah-sekolah agama sebanyak 121 buah secara serentak, amat dialu-alukan memandangkan di kawasan Tangkak terdapat dua buah sekolah agama yang amat diperlukan dan keadaannya semakin kritikal, iaitu Kampung Payamas dan Bukit Banjar. Ini berlaku disebabkan pertambahan pelajar yang begitu mendadak kerana kepesatan pembangunan dan pertambahan penduduk. Contohnya di Kampung Payamas, pertambahan pelajar menyebabkan banyak masalah boleh timbul seperti kekurangan perabot serta pengurusan pengajaran dan pembelajaran juga kurang tersusun lebih-lebih lagi kalau kita lihat semua sekolah-sekolah agama ni tidak dibekalkan dengan Pembantu Tadbir dan pekerja-pekerja am. Masalah ini di kemukakan kepada saya oleh Pengerusi-Pengerusi Badan Kebajikan Sekolah Agama tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga amat yakin dengan kenaikan elaun guru-guru Tadika dan KAFA daripada RM500.00 kepada RM800.00 akan memberikan satu bentuk penghargaan kepada kumpulan tenaga pengajar yang amat dedikasi dan bertanggungjawab ini. Bagi mempertingkatkan pembangunan kerohanian dan pengurusan sekolah agama yang lebih tersusun, saya mencadangkan agar semua sekolah-sekolah agama ini diwujudkan jawatan Pembantu Tadbir atau kerani dan Pembantu Am bagi menguruskan hal pentadbiran pejabat dan juga hal-hal kebersihan kawasan sekolah agama sedia ada. Masalah ini dapat diperhatikan ketika saya mengunjungi beberapa buah sekolah agama. Segala-galanya terpaksa di beban kepada guru dan pelajar. Sedangkan kita tahu bahawa Sekolah Agama Johor ini adalah sebahagian daripada kekuatan dan identiti Kerajaan Negeri Johor, bagi menyediakan masyarakat generasi yang berdaya tahan dan berilmu serta berakhlak mulia mendukung kejayaan negeri dan negara pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha membangunkan masyarakat beridentiti tidak harus dipandang mudah. Warisan dan budaya tidak boleh diketepikan dalam usaha mengejar pembangunan semata-mata. Langkah-langkah pemugaran budaya dan warisan perlu dipesatkan agar masing-masing dapat menyelami asal usul budaya dan identiti sesuatu kaum dan masyarakat.

Sejarah tidak boleh kita pinggirkan kerana ia merupakan asas kepada kerajaan hari ini, pemuliharaan Kota-kota Lama Pentadbiran Kerajaan Johor iaitu dari Kota Kara, Kota Sayong, Kota Bukit Seluyut, Kota Batu Sawar, Kota Johor Lama patut dipulihara walaupun kita sudah mempunyai Kota Iskandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, aktiviti pembangunan seni budaya dan aktiviti mengenali arkeologi Sungai Johor patut diteruskan dan dikembangkan. Penglibatannya secara tidak langsung ia akan merangsang produk pelancongan baru Negeri Johor dan dapat menambah pendapatan penduduk setempat melalui Program *Homestay* atau Inap Desa. Bangunan lama dan bersejarah di satu-satu daerah boleh juga dikenal pasti untuk dijadikan galeri kebudayaan, seni warisan dan sejarah di bawah pengawasan YWJ sebagai menjaga warisan budaya dan sejarah semua kaum di setiap daerah. Ia juga sebagai sumber rujukan masa akan datang serta merupakan satu jalan ke arah membentuk perpaduan dengan penuh rasa hormat menghormati antara rakyat tanpa mengira kaum seterusnya satu langkah bagi mencapai gagasan 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peluang untuk rakyat dan semua pihak menikmati apa jua kemudahan dan pembangunan patut diteruskan sebagaimana yang Kerajaan Barisan Nasional laksanakan sepanjang tempoh pemerintahannya. Amalan dan perlaksanaan dasar kerajaan negeri yang seimbang ini, nampaknya dapat memperkukuhkan kedudukan Negeri Johor sebagai antara pilihan pelabur untuk melabur dan memperkembangkan perniagaan. Secara langsung rakyat dapat menikmati suasana kehidupan yang selesa dengan peluang-peluang pekerjaan yang banyak hasil dari amalan dan pelaksanaan dasar yang seimbang ini. Kita mengalu-alukan langkah kerajaan negeri untuk memperkasakan sektor pertanian melalui ZPM seluas 6,507 hektar di kurniakan kepada 30 PPK, Pertubuhan Peladang Negeri Johor dan individu, sementara TKPM dengan keluasan fizikal 253 hektar melibatkan 47 orang peserta.

Bagi merangsang pendapatan kumpulan berpendapatan rendah, saya mencadangkan agar pelaksanaan kebun integrasi yang baru ini mengambil kira penyertaan seberapa ramai individu yang ingin terlibat. Misalnya, setiap daerah atau DUN yang dikenal pasti mempunyai kawasan bagi tujuan ini, dia boleh dibahagikan dengan keluasan yang minima seperti 2 atau 3 ekar seorang pelbagai RAS, untuk tujuan pengeluaran tanaman makanan. Pelaksanaan sebegini akan menarik lebih ramai lagi penyertaan mereka yang berminat dan akan sedikit sebanyak akan meningkatkan pendapatan peserta yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaksanaan satu DUN satu atau dua gelanggang serba guna amat dipuji, bagi memberi peluang wujudnya integrasi di kalangan masyarakat dan belia di satu-satu kawasan tetapi dari segi praktiknya kita melihat bahawa kemudahan ini sukar nak digunakan kerana ia berkunci dan dikenakan pula bayaran untuk menggunakan kemudahan ini. Saya berpendapat ini adalah sesuatu yang berbeza dengan matlamat mewujudkan gelanggang serba guna ini dan satu masa nanti kemudahan ini akan menjadi "gajah putih" disebabkan terlalu banyak birokrasi. Saya mencadangkan agar pengendalian sepenuhnya diletakkan di bawah PBT agar ia menjadi mudah dan boleh digunakan bila-bila masa tanpa menimbulkan

apa-apa rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat yang terlibat, sebagaimana konsep taman permainan yang digunakan secara percuma kecuali penggunaan pada waktu malam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada Dasar Perumahan Negeri Johor, kita memuji dasar pelaksanaan yang memperuntukkan pemaju melaksanakan pembinaan sebahagian daripada projek-projek mereka dengan membangunkan rumah kedai kos sederhana, rumah kos sederhana dan kos rendah. Kadang-kadang perkara ini tidak berlaku sepertimana yang dinyatakan. Banyak pemaju gagal atau berjaya mengelakkan syarat yang ditetapkan untuk pembangunan rumah kos, rumah kedai kos sederhana dan rumah kos sederhana dan rendah dengan pelbagai alasan apabila rayuan dengan pihak tertentu dilakukan. Ini menyebabkan setengah pemohon beranggapan berlaku ketirisan dan ketidakadilan pihak kerajaan. Ini sepertimana yang berlaku di projek di atas Lot 664, Mukim Tangkak. Projek ini telah disyaratkan untuk membangunkan rumah kedai kos sederhana dan ramai yang berminat dan memohon, tetapi apabila projek hampir siap tiada rumah kedai kos sederhana yang dibangunkan. Saya mohon penjelasan daripada pihak yang berkaitan, atas sebab apa rayuan pemaju di terima agar saya dapat memberi jawapan kepada pihak yang terlibat.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucap terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan barisan EXCOnya yang telah pun menjalankan tugas, tanggungjawab, amanah yang begitu baik selama ini dan saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat DUN Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, sambung lagi siapa nak berucap? Ha jemput Yang Berhormat, Tanjong Surat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2010. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan satu bajet yang amat baik untuk semua rakyat Negeri Johor. Terutama sekali Bajet untuk pembangunan, keagamaan, sosial dan lain-lain. Saya yakin bajet yang amat baik dan merangsangkan ini dengan bertemakan "Bersatu Tenaga Sejahtera Bersama" yang membawa makna kepada rakyat untuk kita bersatu tenaga, pemikiran kita, semangat perpaduan kita dalam 1Malaysia. Itulah sepatutnya kita rakyat Johor, termasuk Wakil Rakyat parti-parti pembangkang, kena menyokong penuh Bajet Negeri Johor yang dibentangkan oleh pemimpin yang kita kasihi pada hari ini.

Bukan tugas kita untuk mencari kesalahan atau membuat bantahan-bantahan ataupun membandingkan Bajet Negeri Johor dengan negeri-negeri lain seperti Negeri Selangor, Negeri Pulau Pinang ataupun Negeri Kedah yang dikuasai oleh parti pembangkang. Sebenarnya Bajet Negeri Johor amat baik dan berjaya jika dibandingkan Bajet Negeri Sembilan, apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat daripada Skudai. Sepatutnya Yang Berhormat Skudai memberi pandangan, idea buah fikiran yang bernas bukan mencari kesalahan kerajaan. Kalau kita lihat anggaran pendapatan Negeri Johor telah meningkat daripada RM784.15 juta dan walaupun perbelanjaannya meningkat RM785.65 juta, defisit hanya RM1.5 juta bagi tahun 2010 jika dibandingkan tahun 2009, RM2.75 juta.

Yang Berhormat daripada parti pembangkang harus ingat, bahawa elaun DUN termasuk Ahli Yang Berhormat juga adalah hasil daripada bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar RM784.15 juta. Saya nak ingatkan kepada Yang Berhormat Skudai, jangan cuba kita membuat andaian yang salah atau membuat perkara yang tidak sepatut kita lakukan termasuk tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Kalau Yang Berhormat mengatakan Negeri Selangor bajetnya lebih baik, saya cadangkan kepada Yang Berhormat, pada Pilihan Raya ke 13, Yang Berhormat boleh berpindah ke Negeri Selangor...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Boleh, Yang Berhormat menyokongkan bahawa bajet Negeri Selangor...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan Tetap Bilangan 45 ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tanjung Surat, duduk sekejap. Dibuka Fasal tu...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Apa awak punya tu?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta dia tarik balik sebab dia suruh saya pergi bertanding dekat Negeri Selangor. Negeri Johor...

Y.B. Dato' Speaker : Dia mana ada kuasa nak suruh awak pergi sana. Tak de benda. Ah, dia main cakap aje. Yang Berhormat, ya tak ya, Yang Berhormat tak ada kuasa, cakap aje.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Saya memang tak ada kuasa. Saya hanya mencadangkan kepada beliau pindah sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ah. Oklah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Apa nak susah di Johor. Kalau dia fikir Selangor tu baik, dia pindah ke Selangor.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. *This is small matter.*

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Apa nak susah, kita nak cakap.

Y.B. Dato' Speaker : *Small matter*. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Saya ingatkan Ahli Yang Berhormat Skudai, jangan sekali-kali menentang dan menegur. Tidak mendengar kata arahan Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya sudah 9 tahun duduk di Dewan ni, termasuk Dewan baru ni. Saya belum pernah melihat Yang Berhormat Dato' Speaker, panas baran.

Y.B. Dato' Speaker : Eh tidak, bukan panas baran.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Tak sabar.

Y.B. Dato' Speaker : Panas badan...

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Ha, panas badan. Saya tahu Ahli Yang Berhormat Dato' Speaker ni orangnya sabar dan orang yang beriman.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Samalah. Yang Berhormat pun sama.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Terima kasih. Janganlah kita...

Y.B. Dato' Speaker : Nak pilih tajuk lain tak? Ah, tu dia. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Janganlah kita menunjukkan bahawa kita menjadi seorang hero ataupun jaguh dalam Dewan ini. Jangan kita fikir kita tak boleh, yang kita fikir bahawa kita pun tak boleh jadi hero. Sebenarnya kita boleh hero, tapi kita mempunyai Peraturan dalam Perlembagaan, Peraturan dalam Dewan ini. Kita harap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang iaitu 4 daripada DAP dan 2 daripada parti PAS. Saya lihat bahawa mereka ni berlainan ideologi. Sepatutnya mereka sama-samalah bantu Kerajaan Johor untuk membangunkan negeri kita dari segi pembangunan ekonomi dan seterusnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam kita lihat dalam satu berita di Utusan Malaysia, muka depan. Ha ni muka depan kita tengok, semalam kita baca. Kita lihat tingkah laku pemimpin DAP yang tertinggi, bukan pemimpin-pemimpin parti DAP seperti YB-YB belakang. (Dewan ketawa). Pemimpin DAP tertinggi yang telah menunjukkan tingkah laku yang tidak bermoral dan juga tidak bertamadun. Ni saya ingat pemimpin zaman dahulu, zaman jahiliah, yang ditunjukkan kepada rakyat di Malaysia ini, seperti Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan juga penasihat parti DAP. Kita lihat dalam gambar ini, Ketua Menteri Pulau Pinang, melompat seperti seekor katak. Untuk melompat parti...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Untuk melompat poster ADUN yang keluar parti...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ....

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan Tetap Bilangan 8, saya meminta Speaker mengira kuorum di dalam Dewan ini sebab kekurangan, saya rasa kekurangan kuorum di dalam Dewan ni.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa Yang Berhormat, Setiausaha? Tengok kuorum. Dia dalam kuorum, 14. Ada berapa ni? 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16, 17 penatkan saya kira ajelah. (Dewan ketawa) lebih daripada 14. *More than 14.* (Dewan ketawa) Terpaksa cakap orang putih. (Dewan ketawa). Ok, *continue.* Macam apa, ulang balik. Macam apa tadi?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Jadi saya ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dahaga. Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini selama 25 minit. Aduh.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:05 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyambung perbahasan semula. Apa yang dikata tadi bahawa tingkah laku, tingkah laku yang dilakukan oleh pemimpin tertinggi parti DAP ni bukan tingkah laku atau budaya rakyat Malaysia. Ini menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin yang tertinggi parti DAP telah menunjukkan satu sikap ataupun satu cara pemimpin yang tidak demokrasi. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa poster gambar yang telah di lompat atau dipijak itu ialah rakan-rakan mereka semasa mereka berada di dalam parti pakatan. Apabila mereka keluar, mereka pula memijak dan menghina ADUN-ADUN yang keluar daripada parti perikatan. Saya menganggap pemimpin tersebut ialah satu pemimpin yang tidak bertanggungjawab dan juga menghina pemimpin atau Wakil-Wakil Rakyat walaupun ketika dahulu mereka ialah satu angkatan, satu pasukan bersama-sama untuk memperjuangkan parti ataupun pakatan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini sudah jelas kepada kita bagaimana pemimpin parti DAP untuk menjadi pemimpin negara di masa akan datang. Sedangkan mereka tidak bermoral dan tidak boleh atau tidak layak menjadi contoh kepada pemimpin-pemimpin di negara kita. Oleh sebab itu saya berharap kepada pemimpin-pemimpin seperti parti-parti pakatan rakyat ini, supaya kita menjadi contoh yang baik kepada rakyat terutama sekali di negeri-negeri yang dikuasai oleh parti-parti pembangkang. Terutama sekali saya lihat pada gambar ini, kita lihat penasihat parti DAP juga telah memijak, menghina rakan-rakan mereka semasa mereka dalam parti pakatan. Ini menggambarkan bahawa mereka sama mereka tidak sefahaman. Mereka sama mereka tidak tahu menghormati di antara satu sama lain, walaupun mempunyai prinsip dan fahaman yang berbeza-beza. Oleh sebab itu, kita lihat ramai daripada pemimpin parti-parti DAP ataupun parti PKR dan yang lain, sepatutnya mereka menunjuk contoh yang baik, contoh yang patut diikuti oleh pemimpin. Kalau dia dah tunjuk contoh yang tidak baik, dia dah tunjuk contoh yang saya anggap tidak bersopan ini, saya yakin dan percaya pengikut-pengikutnya akan mengikut jejak langkah pemimpin mereka yang tertinggi ini.

Oleh sebab itu, saya percaya dan yakin bahawa kita sebagai rakyat Malaysia sepatutnya tidak boleh memberi sokongan yang sepenuhnya. Biasa parti-parti DAP ini, seperti kita lihat tadi wakil daripada Skudai, bila saya tengah cakap, dia cakap tak cukup kuorum. Ini sebenarnya untuk publisiti sahaja di surat khabar. Saya ingat surat khabar Cina ni, surat khabar apa juga keluar, jangan asyik menyebelah pihak pembangkang sahaja. Besok keluar surat khabar, ah ini kata Skudai membantah, sedangkan kuorum cukup lebih daripada 14 orang. Ini saya ingat, kepada surat khabar supaya jangan keluar benda-benda yang tidak baik pada kita. Yang pentingnya kita keluarkan perkara yang memberi manfaat kepada rakyat Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterus berkenaan dengan projek ataupun masalah-masalah di DUN Tanjong Surat. Yang pertama sekali saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, yang prihatin dan mengambil berat mengenai sekolah agama tadi. Sebanyak 201 buah dan saya difahamkan sebanyak 90 buah sekolah agama akan dibina tahun depan dan saya merayu kepada Pengerusi Agama supaya mengambil berat tentang Sekolah Agama di DUN Tanjong Surat. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, saya mohon hanya sebuah sahaja, iaitu Sekolah Agama Kampung Tanjung Serindit yang menumpang di sekolah kebangsaan, iaitu menumpang di kantin Sekolah Kebangsaan Tanjung Serindit. Dan saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Panti bahawa kontraktor ini kalau boleh, mestilah pilih di kawasan atau daerah yang berkenaan. Contohnya, Panti ataupun DUN Tanjung Surat, DUN Penawar. Kontraktor nak dipilih ataupun nak diambil daripada kontraktor di daerah Kota Tinggi. Jangan kita ambil daripada daerah Muar ataupun daerah-daerah jauh daripada kawasan daerah. Ini kebanyakan kontraktor ini tidak atau gagal melaksanakan projek yang ditetapkan oleh kerajaan untuk tempoh yang tertentu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Kerajaan Johor kerana membawa satu projek, projek industri berat iaitu industri petroleum dan gas di Tanjung Ayam, di kawasan DUN Tanjong Surat. Saya mewakili masyarakat dan

penduduk di kawasan tersebut mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang telah membawa projek ini dan juga memberi kesan yang positif kepada penduduk di DUN Tanjong Surat kerana projek ini memberi peluang pekerjaan dan juga perniagaan kepada penduduk, terutama sekali penduduk tempatan dan kawasan persekitarannya, serta pembangunan dijangka akan pesat di bangun di kawasan tersebut.

Oleh itu saya ingin memohon kepada Kerajaan Johor supaya daerah kerja Pengerang ini dinaikkan taraf daerah Pengerang ini memandangkan pertambahan penduduk dan pembangunan industri dan juga industri lain yang akan dibawa oleh kerajaan ke kawasan kerja Pengerang ini. Tambahan pula, apabila lebuh raya daripada Senai ke Bandar Penawar akan di siap atau dijangka siap pada tahun 2010. Saya percaya lebih ramai pekerja-pekerja daripada Pasir Gudang ke Bandar Penawar akan berpindah kerana saya difahamkan bahawa jarak daripada Bandar Penawar ke Pasir Gudang hanya tidak sampai 20 minit. Maka kita akan menghadapi pertambahan penduduk di Bandar Penawar dan itulah harapan DUN Tanjong Surat supaya daerah ini dinaikkan taraf daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh berkenaan dengan guru-guru al-Quran di peringkat DUN. Setiap DUN dia ada 5 guru al-Quran yang telah dibekalkan oleh, atau dihantar oleh Kerajaan Johor bawah Jabatan Agama untuk memberi asuhan kepada orang dewasa dan kanak-kanak dalam al-Quran. Tetapi untuk makluman Datuk Speaker, bahawa DUN Tanjong Surat dia ada 5 orang guru al-Quran tetapi untuk makluman EXCO yang berkenaan setakat ini hari sudah 4 atau 5 bulan tidak dibayar elaun guru al-Quran sebanyak RM500.00. Saya pun pelik macam mana EXCO agama tidak boleh bayar RM500.00 daripada duit zakat. Duit zakat saya tengok berjuta-juta. Jadi saya harap kepada pihak EXCO supaya membayar elaun guru al-Quran ini pada setiap bulan. Jangan sampai 5, 6 bulan baru bayar sekali. Dan mereka ini memerlukan kewangan juga untuk sara hidup mereka. Jadi saya harap selepas Dewan ini, Yang Berhormat Pengerusi Agama supaya Yang Berhormat mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu Jabatan Agama juga, baru-baru ini kita dengar soalan lisan yang menyatakan bahawa Jabatan Agama Johor tidak boleh memberi bantuan bot dan enjin. Saya nak ulas semula kerana saya difahamkan oleh Jabatan Agama Johor melalui EXCO dia, kata dia tak ada halangan untuk memberi bantuan bot dan enjin kepada kaum nelayan iaitu miskin tegar dan miskin. Tapi dia maklum kat saya bahawa ada satu surat daripada Jabatan Perikanan untuk mengarah kepada Jabatan Agama tidak boleh memberi bantuan tanpa lesen bot dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Tapi saya difahamkan oleh pihak Jabatan Agama atau Kadi, untuk memberi bantuan bot dan enjin ini tidak ada syarat lesen. Saya pun hairan bagaimana EXCO Perikanan ini menetapkan syarat-syarat mengarahkan kepada Jabatan Agama untuk mengeluarkan lesen.

Tugas Jabatan Perikanan, tugas dia keluar lesen jelah. Dia tak nak beri bantuan pun tak apa. Keluarkan lesen. Kalau tak keluarkan lesen, Jabatan Agama dia tak adalah menetapkan syarat mengadakan lesen. Maklum dah tempat saya ini ialah banyak golongan miskin tegar dan miskin. Bila dia mohon lesen,

Jabatan Perikanan tak luluskan, tak diberi. Sedangkan mereka ini amat memerlukan bot dan enjin. Dia minta dengan peruntukan Wakil Rakyat, kita tak banyak peruntukan yang nak diberi. Sedangkan Jabatan Agama, duit zakat banyak. Duit zakat dia punya itu, boleh beri kepada golongan-golongan miskin tegar dan miskin. Apa salahnya, dia terus beri. Apa yang dikatakan EXCO Perikanan, dia cakap ikan di laut berkurangan. Saya tahu dia gunakan teropong apa. Macam mana dapat tahu dalam laut itu kurang ikan? Untuk makluman EXCO Perikanan, sila beritahu dia tempat saya banyak ikan. Udang kara pun banyak, udang pun banyak. Jadi ini kuasa Allah subhanahu wa taala. Banyak atau kurangnya itu kuasa tuhan. Tapi yang pentingnya pada hari ini, saya nak ingatkan kepada Jabatan Perikanan tak perlu keluar surat arahan. Bincang dengan Jabatan Agama. Ini termasuk KEJORA juga.

Tempat saya ini miskin tegar. Minta dengan KEJORA, dia jawab nak lesen, nak lesen. Mana ada orang miskin tegar ada lesen. Oleh sebab itu saya cadangkan pada Perikanan, keluarkan lesen ini, kalau nak sayarat dia keluarkan lesen pada fakir miskin, keluarkan. Beri borang, bila kita tanya beri borang, borang dah habis. Tempat saya 49 orang sahaja. Sedangkan saya punya nelayan ada 1,480 orang. Sebahagian ada lesen, yang tak ada lesen ramai. Jadi saya harap pada Jabatan Agama supaya memberilah bantuan bot termasuk KEJORA tanpa melihat lesen bot yang dikeluarkan oleh Pejabat Perikanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi saya nak menyentuh berkenaan dengan lesen. Di Tanjong Surat ini memang popular, satu kawasan hutan yang paling banyak membiak babi. Tempat saya ini babi dia, manusia beranak setahun seorang sahaja tetapi babi beranak, tuan-tuan, di antara 6 hingga 12. Sekali beranak tu memang banyak. Di tempat saya ini memang banyak babi yang tidak boleh ditembak kerana pihak kerajaan telah membatalkan ataupun membatalkan lesen menembak babi. Jadi, saya berharap kepada kerajaan supaya memberi kelonggaran khasnya lesen menembak babi ini. Pasal apa kita siang tak boleh nak tembak babi kerana tak ada lesen. Orang kampung bising kerana tanam kelapa sawit, taruh zink, zink dia kopak. Taruh apa pun sekali dia akan kopak. Kerana kalau dia taruh zink dia akan panjat ambil pucuk. Ini menyebabkan orang-orang kampung telah menimbulkan rasa tidak puas hati. Jadi orang-orang Cina pun bercakap dengan saya, dia pun tak puas hati kerana dia tak dapat rasa daging babi hutan. Kata babi hutan itu, daging dia istimewa daripada daging yang dibela.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Lebih sedap.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Dia lebih sedap, dia cakaplah tapi saya dengar dia cakap...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Mana Yang Berhormat tahu?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Pasal dia beritahu saya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Siapa dia tu? ADUN Skudai eh?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Ya?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : ADUN Skudai beritahu?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : ADUN Skudailah salah seorang. Pasal ADUN Skudai pun dia minat babi hutan tapi dia duduk bandar. Jadi kalau dia besok lulus, silakan ADUN Skudai datang tempat saya. Tanpa apa-apa, tembak babi bawa balik semua. Saya pun senang dan penduduk pun berasa lega. (Dewan ketawa.)

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi ialah berkenaan dengan 1Malaysia. Kalau kita lihat pada hari ini 1Malaysia telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Yang mana 1Malaysia ini ialah salah satu rancangan kerajaan dengan tujuan untuk perpaduan untuk menentukan bahawa rakyat Malaysia ialah bersatu padu di antara satu sama lain supaya kita dapat menjadikan rakyat, rakyat yang sentiasa duduk berada keadaan aman dan juga tenteram. Saya menyokong cadangan daripada DUN Bukit Serampang, yang mana supaya 1Malaysia ini ada kaitannya dari segi pendidikan kerana kita nak menjadikan rakyat kita bersatu padu, rakyat kita bekerjasama mewujudkan perpaduan mestilah berasaskan daripada pendidikan.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Serampang bahawa mewujudkan satu aliran sekolah supaya semua rakyat berbilang kaum dapat duduk, dapat bersama-sama memahami, memahami budaya hidup, memahami pendidikan bersama untuk menentukan bahawa kita akan menjadi sebuah negara yang sentiasa bersatu padu dan mengukuh perpaduan seperti di Singapura.

Saya nak menyentuh sedikit pasal 1Malaysia dan sistem pendidikan iaitu Sekolah Wawasan. Untuk makluman Datuk Speaker, di kawasan DUN saya dulu, ada satu Sekolah Wawasan dinamakan Sekolah Wawasan Telok Sengat. Saya pernah mengajar 2, 3 bulan sahaja. Saya lihat Sekolah Wawasan yang wujud di sekolah ini terdiri daripada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil yang duduk 1 bumbung, yang duduk 1 kantin, yang duduk 1 kawasan, boleh tempat permainan yang sama, perhimpunan yang sama, pejabat yang sama. Ini amat kesan saya lihat yang mana pelajar Melayu, Cina, India dia boleh bergaul. Pada masa rehat mereka duduk satu kantin. Kita pun guru Cina, guru Melayu boleh duduk bersama-sama berbincang. Ini memberi didikan kepada anak-anak kita terutama sekali Cina, Melayu, India supaya mereka daripada awalnya sudah ada diadakan sikap kasih sayang, sikap kerjasama, sikap perpaduan di antara mereka sehinggalah ke peringkat universiti nanti. Kalau kita sekarang yang wujud sekarang ada sekolah Cina, sekolah India yang berasingan maka timbullah, timbullah salah faham di antara satu sama lain. Tapi kalau disatukan satu bumbung saya percaya benda ini lebih berkesan daripada yang berlaku sekarang. Jadi saya harap pada kerajaan, pada kaum Cina bukan mana nak dihapuskan sekolah Cina, sekolah India tapi kita nak satukan satu tempat supaya mereka dapat mengeratkan kasih sayang mereka daripada kanak-kanak lagi sehinggalah mereka dewasa nanti. Itulah pandangan saya supaya menyahut seruan kerajaan supaya 1Malaysia itu dapat kita manfaatkan demi kepentingan rakyat kita di Malaysia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan DUN Tanjong Surat ini memang terlalu banyak projek-projek pembangunan. Sekarang banyak pula jeti-jeti. Jeti ini dia angkat pasir, angkat batu, angkat minyak haram, macam-macam. Jeti di tempat saya ini di kawasan sungai, sungai di Tanjong Surat itu saya ingat jeti dia ada 3 atau 4 jeti yang diluluskan oleh kerajaan. Apabila sungai ini penuh dengan jeti dan timbullah plankton-plankton yang begitu banyak. Jadi baru-baru ini, ada beberapa syarikat lagi mohon juga jeti sebelah dia. Ada lagi syarikat mohon jeti kat Teluk Ramunia. Dah ada jeti kat Teluk Ramunia, buat, minta lagi jeti Teluk Ramunia.

Saya tak faham berapa banyak jeti yang nak buat di kawasan saya terutama sekali kaum nelayan kompelin. Bila banyak jeti, banyak plankton. Maka terganggulah kaum nelayan untuk mencari pendapatan mereka. Jadi saya minta seperti Kastam, JPS, Jabatan Laut kena buat kajian betul. Jangan lulus, lulus, lulus, lulus je. Kalau Tanjong Belungkor dah ada satu jeti, kerajaan punya, beri satu je cukuplah. Teluk Ramunia tu dah ada jeti satu cukuplah. Ini minta lak, Johor Mass minta lak nak tambak sebelah *corner* tu lagi merbahaya. Saya minta Kastam, Jabatan Laut, JPS dan jabatan-jabatan yang berkenaan itu kena buat kajian betul. Jangan seronok lulus,lulus, orang ini lulus, lulus, lulus. Akhirnya menyusahkan penduduk tempatan terutama sekali Wakil Rakyat selalu dipersoalkan. Kenapa Yang Berhormat luluskan tapi bukan kuasa saya untuk luluskan. Ini kuasa ialah jabatan-jabatan yang berkenaan. Jadi, saya harap kepada mereka-mereka yang nak mohon baru tu, jabatan berkenaan dapat tolaklah. Makin banyak mungkin bermasalah. Kita kurangkan dan sesuai dengan kehendak yang pada hari dari segi kurang pasir dan juga batu ke Singapura.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi saya nak makluman pada Johor Corp atau Kulim. Ini satu projek industri pasir di kawasan Ladang Sungai Papan. Saya pun tak tahu. Saya pun tak dimaklumkan. Baru-baru ini berlakunya pencemaran air di Sungai Bentan. Airnya menjadi keruh putih. Bila kita siasat bahawa satu projek pasir lombong yang dibuat oleh KULIM untuk mengeluarkan pasir. Di proses pasir itu, air itu disalurkan ke sungai, ke sungai menyebabkan sungai menjadi kotor. Menyebabkan nelayan menghadapi masalah untuk mencari, untuk mendapatkan pencarian seharian. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Alam Sekitar, kepada jabatan-jabatan berkenaan supaya mengkaji semula sepatutnya dia menyediakan kolam supaya kolam itu dia tak boleh mengalir ke laut atau ke sungai. Kalau ini tidak dapat dilaksanakan saya cadangkan supaya jabatan-jabatan yang berkenaan ambil tindakan untuk membatalkan selagi dia tak dapat menyelesaikan masalah nelayan. Oleh sebab itu saya minta Johor Corp atau KULIM supaya mengambil perhatian perkara ini dan jangan sampai orang kampung hilang sabar, hilang sabar dengan, dengan berlakunya pencemaran air kotor di sungai yang berkenaan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Datuk Speaker, sikit lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tak banyak. Berkenaan rumah PPRT. Kampung Pasir Gogok dia ada 40 rumah PPRT yang dibina kira-kira 15 tahun. Dan rumah PPRT ini sebenarnya rumah yang dibina dengan harga RM3,000.00 dan tidak ada bilik. Dia tidak ada bilik, dia ada satu *hall*, tandas

dengan bilik airnya, tandas dengan dapur dia cantum. Panjangnya dia tak silap saya, 10 kaki x 15 kaki. Saya pun hairan ketika itu bagaimana kerajaan membina rumah PPRT tidak ada bilik. Sedangkan orang, rumah PPRT ada anak, ada isteri, anak. Bagaimana nak tidur tu? Saya tahu, bapak dengan emak dengan anak tidur satu katil. Kemudian tandasnya, bercantum dengan dapur. Tidak ada hadang. Kalau nak buang air besar tu dia terpaksa tutup kain dia supaya orang lain tak tengok. Tak boleh buka, jadi dia tak nampak. Jadi saya cadangkan kepada kerajaan, terutama sekali KEJORA. KEJORA agensi kerajaan, supaya membuat semula bangunan PPRT ini supaya mempunyai 3 bilik dan bilik air yang lengkap, supaya memberi selesa kepada kumpulan PPRT di kawasan DUN Tanjong Surat ini. Saya harap KEJORA ambil perhatian, kalau tak ada KEJORA pun, Pejabat Daerah, supaya benda ini dapat kita ambil tindakan segera.

Satu lagi, Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan Setiausaha Badan Kebajikan Guru Agama. Saya ingat EXCO dah menyatakan bahawa benda itu akan dibawa kepada kerajaan pada tahun 2009. Tetapi pada hari ini saya tengok tak ada. Saya difahamkan oleh EXCO, kata dia, Pegawai Undang-Undang. Saya belum sempat tanya Pegawai Undang-Undang. Saya berharap supaya Guru Besar Sekolah Agama tak perlu jadi Setiausaha dalam Badan. Patutnya Guru Besar Sekolah Agama dialah Penasihat kepada Badan. Kalau agak Pengerusi Agama susah, maka saya buat undang-undang.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : (Ketawa).

Y.B. Datuk Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ah, undang-undang dibatalkan. Guru Agama, Guru Besar, Setiausaha, dibatalkan. Dipinda kepada Guru Besar sebagai Penasihat dan Setiausaha dilantik daripada guru-guru. Pindaan ringkas aje. Terus bawa ke Dewan. Jadi saya tak mahu timbul lagi masalah ini.

Satu lagi berkenaan jambatan ni. Jambatan Tanjung Belungkor ke Tanjung Surat, baru 350 meter sahaja. Jadi saya harap kepada kerajaan, memberi keutamaan pembinaan jambatan ini. Dah terlalu lama saya tak tahu saya bawa nampaknya belum ada respons daripada kerajaan.

Dah akhirnya saya nak menyentuh sikit berkenaan dengan sungai, sungai terutama sekali Sungai Lebam dan anak-anak sungai yang terdapat di sepanjang Sungai Lebam. Apa yang berlaku pada hari ini untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan telah meluluskan banyak projek-projek kolam udang dan kolam ikan di sepanjang sungai. Dan saya lihat pengusaha-pengusaha kolam udang dan ikan ini tidak mengikut peraturan, melanggar syarat, contohnya, saya telah melawat ada 5 sungai yang terlibat. Daripada 5 sungai itu, 3 sungai telah ditutup. Tutup kerana, dia membina kolam udang dan ikan. Yang 2 lagi berkenaan dengan pencemaran air, kotor, hitam menyebabkan penduduk-penduduk sini tidak dapat untuk mencari pendapatan mereka. Oleh sebab itu, saya minta kepada pihak kerajaan, terutamanya KEJORA ataupun Jabatan-Jabatan Perikanan, supaya mengkaji semula ataupun menyiasat semula. Kalau dia melanggar undang-undang atau syarat-syarat, saya cadangkan ke Dewan ini supaya tutup saja kolam ini. Yang saya lihat pada hari ini dia membina kolam itu sepatutnya dua rantai atau tiga rantai daripada sungai. Yang sebenarnya, dua depa daripada sungai. 2 depa

sahaja. Macam manakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi kerajaan? Ini semuanya merugikan kaum nelayan di tempat saya, dia tak dapat mencari pendapatan harian. Yang kayanya tauke kolam udang. Jadi, saya harap selepas ini jabatan-jabatan yang berkenaan, supaya mengambil tindakan segera. Kalau dia mengikut salah peraturan, salah ini kita hendakkan supaya dia menghentikan ataupun tamatkan sewanya kepada mereka-mereka yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada jabatan-jabatan yang memberikan kerjasama kepada saya untuk menyelesaikan masalah-masalah di kawasan DUN Tanjong Surat. Jadi dengan ini, saya menyokong usul dibawa oleh Yang Berhormat DUN Senggarang. Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Penawar.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmaanirrahim. (Doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Daun selasih untuk Datuk, alas dulang juga diberi, terima kasih Yang Berhormat Datuk, atas peluang yang diberi. Mengambil kesempatan kali ini, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas bentangan Bajet 2010 yang padat dan sesuai dengan perkembangan ekonomi dunia masa kini. Selari dengan tema, "Bersatu tenaga, Sejahtera bersama", saya yakin kita bersetuju, apabila tiada projek-projek mega dalam suasana ekonomi dunia yang tidak stabil ini. Tetapi marilah kita beri sentuhan kepada perkara-perkara kecil yang menyentuh hati nurani rakyat seperti:

i. Masalah lampu-lampu jalan di kampung-kampung yang masih lagi belum dapat diselesaikan.

ii. Gaji bulanan pekerja tempatan Ladang Johor Corporation yang berada di paras kemiskinan. Saya faham, Johor Corporation ada memberi sumbangan kepada pelajar, kepada anak-anak pekerja Johor Corporation, sewa rumah percuma, bekalan air, api dan gas yang percuma. Tetapi berilah perhatian kepada gaji bulanan pekerja tempatan agar ianya seimbang dengan kadar harga barang masa kini. Dan berilah mereka peluang, peluang untuk kerja lebih masa dan janganlah kerja lebih masa ini hanya diberikan kepada pekerja asing sahaja.

iii. Bantuan persekolahan anak-anak, sama ada melalui Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, perlanjutan bantuan kewangan melalui e-Kasih yang hanya tidak sekadar 6 bulan sahaja, atau gempur kemiskinan yang berakhir bulan 12 ini hendaklah dilanjutkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini semua adalah bantuan Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Barisan Nasional untuk membuktikan bahawa Kerajaan Barisan

Nasional benar-benar bercakap dan bertindak dengan selari untuk slogan Rakyat Didahulukan.

iv. Seterusnya pemberian biasiswa, dermasiswa, sijil penghargaan dan sumbangan sagu hati kecemerlangan pelajaran hendaklah diteruskan. Ini juga sebahagian daripada usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu pelajar tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik demi memastikan pendidikan adalah keutamaan Kerajaan Barisan Nasional.

v. Perkhidmatan kerajaan di klinik-klinik, hospital-hospital, penyelesaian masalah di lain-lain jabatan kerajaan hari ini, hendaklah mengambil masa yang tidak terlalu lama kecuali dalam kes-kes tertentu. Oleh itu, saya menyeru jabatan-jabatan kerajaan agar benar-benar dapat membuktikan Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang cekap, kerana masyarakat kerana masyarakat hari ini tidak menyalahkan FELDA, tidak menyalahkan FELCRA, tidak menyalahkan KEJORA, Pejabat Daerah atau hospital, tetapi pada mereka Wakil Rakyat tak betul, Kerajaan Barisan Nasional yang tak betul. Marilah kita bersama-sama memantapkan dan mengukuhkan Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini, agar ianya seperti kata pepatah, Biduk lalu kiambang bertaut, alur bertempur, jalan berturut.

vi. Seterusnya kerajaan hendaklah memberi perhatian kepada kawalan harga-harga barang makanan, racun dan baja yang menjadi kegunaan masyarakat luar bandar. Berilah perhatian yang serius terhadap perkara-perkara ini.

vii. Perkhidmatan segera bantuan kecemasan apabila berlaku bencana seperti ribut taufan, banjir, kebakaran, hendaklah terus dikemas kini.

viii. Pendatang tanpa izin, buruh asing, pelajar asing yang mana graf aktiviti negatif mereka hari ini semakin tinggi hendaklah diberi perhatian yang serius. Penempatan pendatang tanpa izin hendaklah dikawal, supaya tidak menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Kita harus bertindak sekarang. Anggota Polis hendaklah ditambah. Pusat-pusat latihan Polis hendaklah diperbanyakkan. Pasukan tentera hendaklah dilatih mengikut kesesuaian keselamatan hari ini, di mana negara hari ini penuh dengan pendatang tanpa izin, buruh asing dan juga pelajar asing yang selain daripada memberi sumbangan kepada pembangunan negara, mereka juga secara tidak langsung menjadi ancaman kepada keselamatan negara, di samping menambah masalah sosial yang ada. Marilah kita sama-sama memikirkan dan bertindak untuk memperbaiki tahap kecekapan anggota keselamatan kita, agar keselamatan negara terus berada di tahap yang tinggi tanpa boleh diganggu gugat oleh sesiapa, kerana kelumpuhan keselamatan negara akan menyebabkan keruntuhan sesebuah negara. Berilah ruang dan peluang kepada anggota keselamatan untuk mereka bertindak melaksana dan menjalankan tugas mereka untuk kesejahteraan bersama.

ix. Selain dari itu, kemudahan pinjaman kepada usahawan juga perlu diberi perhatian dengan kadar bayaran balik pinjaman yang dapat diturunkan,

untuk membantu golongan usahawan mengembangkan perniagaan mereka. Biarkan syarikat-syarikat GLC membayar semula hutang-hutang mereka. Tetapi kita bantu golongan usahawan ini untuk merancakkan perniagaan mereka.

Kita setuju dengan pewujudan Klinik 1Malaysia, di mana ianya memberi kemudahan cepat untuk merawat sakit-sakit ringan dan pemberian ubat-ubatan tanpa perlu mengambil masa yang lama untuk ke klinik-klinik yang besar. Selain daripada mengujudkan Klinik 1Malaysia ini, eloklah juga klinik-klinik kerajaan yang telah uzur seperti Klinik Kesihatan Tanjung Buai yang ada di dalam kawasan saya, yang telah wujud sejak lebih 30 tahun, diberi perhatian untuk dibina baharu. Ini kerana kondisi klinik yang dikongsi bersama dengan kelawar tidak wajar dan tidak sesuai dijadikan tempat untuk mendapat rawatan ataupun nasihat kesihatan. Macam dua dalam satulah Yang Berhormat Datuk Speaker.

Selain daripada itu, keperluan penduduk Tanjung Buai yang memerlukan sebuah penempatan perumahan tersusun, adalah diharapkan KEJORA diberi peruntukan atau pertambahan peruntukan agar projek ini dapat dilaksanakan. Dengan ini dipohon ihsan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk melihat, mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan permohonan ini, walaupun dalam atau hanya untuk kelompok kecil dahulu sebagai fasa 1 kerana hari ini kebanyakan mereka tinggal 3 hingga 4 keluarga dalam satu rumah. Seterusnya dicadangkan juga kepada pihak SPNB dan FELDA, agar dapat berbincang supaya dapat dibina sebuah rumah untuk generasi kedua di tapak sedia ada mengikut syarat peletakan geran dan bayaran kembali seperti rumah-rumah yang dibina oleh SPNB di tapak-tapak yang lain.

Selain dari itu, diharapkan juga pihak FELDA dapat melihat kelemahan *Technoplant* agar masalah hasil FELDA tidak menjadi rungutan kepada masyarakat FELDA. Khususnya dicadangkan juga kepada pihak SPNB dan FELDA agar dapat berbincang supaya dapat dibina sebuah rumah untuk generasi kedua di tapak sedia ada mengikut syarat peletakan geran dan bayaran kembali seperti rumah-rumah yang dibina oleh SPNB di tapak-tapak yang lain. Selain dari itu, diharapkan juga pihak FELDA dapat melihat kelemahan *Technoplant* agar masalah hasil FELDA tidak menjadi rungutan kepada masyarakat FELDA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Penawar ingin merakamkan tahniah terhadap sentuhan-sentuhan kecil yang dibuat oleh Yayasan Pembangunan Keluarga melalui Program Sakinah, KEMAS, dengan pelbagai program tidak formal untuk masyarakat luar bandar. Kepada LPPKN dengan Program Bersama Dengan Masyarakat Orang Asli, perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan tindakan segera turun padang dan Program e-Kasih diharap ianya dapat disambungkan kerana ianya benar-benar memberikan kesan yang mendalam terhadap masyarakat kita yang ada di dalam kawasan luar bandar.

Kepada pihak KEJORA juga yang telah merancang pembangunan tempat pelancongan sama ada medan selera, ataupun penginapan dan kemudahan asas pelancongan yang baik dengan pemantauan yang berkesan hendaklah

dipertingkatkan agar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Johor Jaya dan juga ADUN Skudai tidak berulang kembali.

Program oleh Jabatan Belia sama ada melalui Rakan Muda di sekolah ataupun *motorcross* juga memberi kesan yang baik di mana anak-anak muda tahu bahawa kerajaan memberi perhatian terhadap aktiviti mereka.

Seterusnya tahniah diucapkan kepada pasukan-pasukan RELA yang terus membantu usaha membanteras pendatang tanpa izin dengan meningkatkan kawalan keselamatan pantai demi memastikan hasrat Kerajaan Barisan Nasional menjaga kesejahteraan rakyat tercapai. Penyusunan kerja Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian dengan memberi bantuan galakan usahawan yang begitu kemas dan teratur menampakkan kesan yang besar terhadap usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu usahawan dan bukan hanya sekadar slogan semata-mata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cukuplah mengatakan Nusajaya adalah projek membazir. Marilah kita buka minda melihat kejayaan ini untuk kesejahteraan rakyat di masa hadapan. Sampai bila kita harus duduk di tahap pemikiran negatif semata-mata. Kita akui sistem pengangkutan awam adalah kelemahan utama untuk merancakkan Nusajaya. Tapi kerajaan tidak berdiam diri. Lihatlah, muka surat 31 draf ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk penjelasan yang selanjutnya.

Penawar yakin dan percaya apabila semua Fasa Pembangunan Nusajaya ini siap kelak, ianya akan menjadi sebuah pusat pertumbuhan ekonomi yang pesat dan diambil kesempatan oleh negara jiran untuk meningkatkan ekonomi mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Barisan Nasional hari ini bukan sekadar bercakap semata-mata tetapi bertindak memastikan semua slogan yang diutarakan selaras dengan tindakan agar ianya tidak menjadi omongan kosong semata-mata. Dengan pelbagai contoh yang telah saya sebutkan tadi, maka ianya merupakan tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Bagi kita sebagai pemimpin hari ini, marilah kita terus beringat, walau kita memiliki telaga, tidak guna jika kita hanya memegang tali tetapi orang lain mencapai timbanya. Maka berbuahlah pisang tiga kali pun kalau kita tidak mengorak langkah untuk membangun hari ini kita akan ketinggalan jauh daripada sahabat-sahabat kita.

Akhir sekali, dengan 8 komponen Pembangunan Holistik yang diberi perhatian secara serius terus merancakkan Bajet 2010 walaupun bersifat defisit. Tetapi dengan 4 strategi Bajet 2010 dan 6 langkah untuk mencapai matlamat meningkatkan, mempelbagaikan hasil kerajaan, Penawar yakin dan percaya dengan kerjasama Agensi Kerajaan sebagai agen pelaksana dan Wakil Rakyat Barisan Nasional yang sentiasa mengambil berat setiap permasalahan yang menjadi rungutan rakyat, maka di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kerajaan Negeri Johor akan mampu melawan dan berhadapan dengan arus ekonomi dunia seiring dengan bentangan Bajet 2010 oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus menjaga ekonomi rakyat akar umbi. Dengan itu, biarlah kita tidak akan menjadi seperti malangnya seorang raja, 'tuak terbeli, tunjangnya hilang.' Sekian, Penawar menyokong cadangan ADUN Senggarang. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat, jemput yang lain. Ada? Stulang.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, selamat tengah hari, selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana telah diberi peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah menyempurnakan penyampaian ucapan Bajet 2010 yang bertema 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama' itu.

Bajet 2010 ini, di samping bertujuan dan berperanan untuk memulihkan dan merangsang ekonomi, ia juga akan meneruskan dasar-dasar untuk mewujudkan kesinambungan dan keseimbangan dengan tumpuan pembasmian kemiskinan, merapatkan jurang perbezaan antara rakyat berbilang kaum, masyarakat serta daerah. Semasa kita bersama-sama melangkah dan menuju ke depan, kita juga perlu memastikan tidak ada sesiapapun atau kaum yang tercicir daripada proses atau arus pembangunan negara.

Segala sumber dan hasil negara juga perlu dikongsi dan dinikmati serta diagihkan secara adil dan saksama. Kerajaan mengutamakan setiap warganegara mempunyai hak dan tanggungjawab masing–masing seperti mana yang digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Namun, matlamat-matlamat murni kerajaan, tidak akan tercapai seandainya rakyat tidak dapat menghayati, memahami dan merasai kesungguhan kerajaan untuk meletakkan rakyat di hadapan. Oleh sebab itu, gagasan 1Malaysia, amalan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' itu perlu sentiasa ditegaskan agar kita bersama-sama berusaha dan membina sebuah negara yang adil, maju, makmur dan aman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, disebutkan bahawa Kerajaan Negeri mencadangkan semua PBT, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan memproses dan meluluskan lesen premis perniagaan yang tidak sensitif dalam satu hari, manakala bagi lesen perniagaan yang bersensitif atau yang berisiko tinggi dalam tempoh 14 hari. Peniaga-peniaga memang mengalu-alukan dan menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri Johor tersebut.

Pada hakikatnya, walaupun ada PBT telah menubuhkan Jawatankuasa Perlesenan Khas untuk memproses permohonan lesen perniagaan, tetapi didapati proses kelulusan lesen perniagaan masih mengambil tempoh dan masa yang agak lama. Contohnya, ada PBT yang mengambil satu bulan untuk meluluskan lesen perniagaan yang tidak bersensitif itu. Manakala ada PBT yang mengambil beberapa bulan untuk meluluskan lesen perniagaan yang bersensitif

itu. Fenomena dan gejala ini telah memberi kesulitan dan menyukarkan peniaga-peniaga. Oleh sebab itu saya berharap semua PBT mengambil sikap yang serius dan mengambil berat untuk menepati dan merealisasikan cadangan Kerajaan Negeri itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, projek Iskandar Malaysia telah dilaksanakan pada tahun 2006. Sejak masa itu hingga kini banyak projek telah dijalankan di Iskandar Malaysia. Kerajaan Persekutuan membelanjakan sebanyak RM4.3 bilion untuk kemudahan infrastruktur di kawasan tersebut. Setakat ini Iskandar Malaysia telah dapat menarik sebanyak RM40.5 bilion pelaburan ke kawasan tersebut dan 50% daripada jumlah pelaburan itu adalah dari pelabur tempatan. Banyak insentif pelaburan tambahan dan kelonggaran telah diberikan kepada pelabur-pelabur yang berminat melabur di Medini, Iskandar Malaysia. Tetapi hingga kini, kita masih belum ada mendengar apa-apa insentif yang ditawarkan bagi pengusaha Industri Kecil dan Sederhana, IKS terutamanya pengusaha IKS tempatan.

Kita sedia maklum, Industri Kecil dan Sederhana merupakan industri sokongan dan adalah golongan penyumbang besar kepada sektor-sektor *manufacturing* atau sektor perkilangan di Malaysia. Di Malaysia, dianggarkan sektor IKS menyumbang sebanyak 10 hingga 15% kepada jumlah pendapatan ekonomi negara. Oleh sebab itu, saya bercadang di Iskandar Malaysia adalah tepat dan wajar bagi pihak berkenaan memperuntukkan satu kawasan khas di kawasan, di Iskandar Malaysia di mana insentif tambahan dan kelonggaran perlu diberikan atas insentif yang sedia ada kepada pengusaha IKS yang layak dan berminat serta berkeupayaan melabur di Iskandar Malaysia itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 12 Oktober 2009, akhbar Star telah melaporkan bahawa menurut Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, kerajaan telah memutuskan iaitu KIK lama atau CIQ lama itu, di Tambak Johor itu tidak akan dibuka semula untuk pejalan kaki keluar dari tapak itu. Dikatakan keputusan itu adalah muktamad. Juga dilaporkan keputusan itu dibuat selepas satu kajian menunjukkan bahawa hanya kurang daripada 1,000 pejalan kaki sehari yang akan menggunakan laluan itu.

Di sini saya meminta pihak yang berkenaan untuk mengesahkan laporan tersebut sebab hanya akhbar Star yang membuat laporan tersebut. Saya juga ingin menegaskan bahawa pembukaan semula CIQ lama di Tambak Johor dan membenarkan pejalan kaki keluar dari tapak itu adalah penting untuk merangsang dan menghidupkan semula aktiviti perniagaan di Pusat Bandar lama itu. Saya juga ingin mempertikaikan statistik tersebut bahawa seperti yang dilaporkan, hanya kurang daripada 1,000 pejalan kaki sehari yang akan menggunakan laluan itu. Saya ingin tahu dan saya ingin bertanya, pihak mana atau atas asas apa yang mereka buat anggaran dan statistik itu?

Di Dewan yang mulia ini, saya ingin membawa rintihan penduduk-penduduk di Apartment Bayu Puteri II di kawasan saya. Mereka mengadu semasa mereka membeli apartmen tersebut pada tahun 2004. Brosur menunjukkan bahawa apartmen tersebut adalah di antara harga RM107,000.00 dan RM139,000.00 seunit. Tetapi selepas pembelian apartmen itu, mereka dapati dalam kawasan projek yang sama ada wujud rumah pangsa kos rendah. Fenomena ini

merunsingkan penduduk-penduduk apartmen sebab mereka kena berkongsi penggunaan kemudahan-kemudahan itu dengan penduduk-penduduk rumah pangsa kos rendah tetapi terpaksa membayar bayaran penyelenggaraan yang lebih tinggi. Mereka mengadu, mereka telah disalah tunjuk atau dikelabui oleh pemaju iaitu Tebrau Teguh Berhad, sebuah syarikat GLC. Mereka sudah lama meminta pemaju untuk membina satu pagar, mengasingkan blok apartmen dengan blok rumah pangsa kos rendah itu. Tetapi, permintaan mereka selama ini tidak dilayan langsung. Oleh sebab itu saya berpendapat, sebuah syarikat GLC ia mempunyai obligasi sosial dan perlu lebih prihatin kepada permintaan dan dilema rakyat. Saya menyeru sebagai sebuah syarikat GLC yang bertanggungjawab, ia perlu menyelesaikan dilema yang dihadapi oleh penduduk-penduduk tersebut dengan sebaik-baiknya dalam masa yang terdekat.

Saya mengalu-alukan usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melaksanakan program pembangunan, kejiranan dan lestari. Program ini memberi tumpuan kepada 5 teras mencakupi pembangunan infrastruktur fizikal, pembangunan insan, kesejahteraan sosial, membasmi kemiskinan dan mencegah jenayah serta penyalahgunaan dadah. Kampung Datuk Sulaiman Menteri, iaitu salah satu kawasan di dalam kawasan saya telah dipilih dan dikenal pasti sebagai salah satu kawasan yang melaksanakan program tersebut. Dalam pemerhatian saya, program ini dapat mewujudkan perkembangan yang baik dan diterima baik masyarakat di kawasan yang melaksanakan program perintis kementerian tersebut. Dengan cara ini, saya fikir sistem sokongan sosial yang membolehkan masyarakat berfungsi secara optimum demi memupuk semangat pembangunan komuniti. Saya juga berharap program ini akan dapat diteruskan pada masa depan dan memperluaskan serta melibatkan lebih banyak kawasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Rancangan RKK iaitu Rancangan Kawasan Khas, beberapa kawasan rumah kediaman di dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru telah dizonkan sebagai kawasan komersial seperti di sebahagian kawasan rumah kediaman di sepanjang Jalan Serampang, Taman Pelangi dan juga sebahagian kawasan rumah kediaman di sepanjang Jalan Dato' Sulaiman, Taman Abad. Tujuan RKK tersebut ialah untuk merancang semula kawasan tersebut mengikut perubahan masa dan kesesuaian aktiviti di kawasan tersebut. Tambahan pula, rancangan ini bertujuan untuk menambah nilai kepada kawasan tersebut. Selaras dengan rancangan ini, saya berpendapat bahawa infrastruktur di kawasan RKK itu seperti laluan pejalan kaki, sistem perparitan, landskap dan tempat letak kereta juga perlu dipertingkatkan agar mewujudkan satu persekitaran komersial yang baik dan kondusif. Sehubungan itu, saya sudah banyak kali bercadang bahawa jalan yang luas yang menghadap deretan kedai itu di Jalan Serampang digunakan untuk membina tempat letak kereta, untuk menampung keperluan dan permintaan tempat letak kereta yang semakin mendesak. Saya menyeru pihak MBJB melaksanakan projek tersebut dalam masa terdekat. Saya percaya dengan peningkatan infrastruktur di kawasan tersebut, matlamat rancangan RKK itu akan tercapai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sini saya juga ingin menasihatkan Yang Berhormat Senai, bahawa sekiranya ingin mengemukakan soalan, pastikan fakta itu adalah betul dan tepat. Dalam soalan beliau, dia katakan penyewaan

unit-unit di Rumah Rakyat Iskandar itu diperbaharui setiap tahun dan dikenakan bayaran RM120.00. Tetapi, pada hakikatnya 4 bulan yang lepas saya sudah bersama pihak Perumahan dan MC telah berbincang dan memutuskan bahawa penyewaan unit-unit di PPR Iskandar itu diperbaharui setiap 2 tahun dan hanya kena bayaran RM50.00 sahaja. Keputusan itu telah diumumkan 4 bulan yang lepas. Saya menyesal bahawa Yang Berhormat Senai masih belum mengetahui pindaan itu. Tapi, saya tidak salahkan dia sebab itu bukan kawasan dia. (Dewan Ketawa). So, saya berharap pada masa akan datang kalau beliau ingin mengemukakan soalan mulut, pastikan fakta itu adalah betul dan tepat. So, akhir kata, semoga segala kebaikan dan kesempurnaan akan dapat kita capai dan pelihara. Dengan ini, saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput, Semerah.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersama-sama dalam Persidangan kali ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, yang mengizinkan saya turut menyertai Perbahasan Mesyuarat Ke-3 bagi Penggal Yang Ke-2 Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-12, bagi membahaskan bajet 2010 Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor telah membentangkan bajet 2010 yang bertemakan "Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama" pada hari Khamis, 19 November 2009 yang lalu. Bajet ini bolehlah saya ungkap sebagai bajet yang holistik. Ini merupakan satu bajet yang menyeluruh kepada semua rakyat Negeri Johor ini tanpa mengira sesiapa pun jua.

Bajet 2010 ini juga selaras dengan bajet Kerajaan Pusat yang bertemakan "1Malaysia, Kemakmuran Bersama" dengan gagasan 1Malaysia dan Modul ekonomi baru yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa di Persidangan APEC di Singapura yang baru lalu. Modul Ekonomi Baru yang diterjemahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, di Persidangan Kemuncak APEC yang lalu, lebih berasaskan kepada inovasi, sumber-sumber pertumbuhan baru, perubahan struktur dan pengukuhan penyertaan domestik setelah bermula kejayaan pembangunan negara 50 tahun yang didapati kurang menjamin sepenuhnya kecemerlangan ekonomi di masa hadapan. Model ekonomi baru ini mengambil kira persekitaran global yang telah berubah menjadi lebih kompetitif serta mengenal pasti dan merebut peluang-peluang baru yang ada dan yang akan menjelma.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengemukakan isu-isu tempatan di kawasan DUN Semerah yang saya harap dapat dilaksanakan dalam bajet 2010 nanti.

i. Isu jambatan Semerah.
Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Dewan Semerah terdapat sebuah projek jambatan Semerah yang di bawah tanggungjawab JKR Daerah Muar. Ini telah dibina pada tahun 2006. Jambatan ini telah menjadi isu pilihan raya pada PRU Ke-12 sebagai sebuah projek terbengkalai. Sehingga kini walaupun sudah dijanjikan untuk dipulihkan masih lagi belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Projek sakit tenat ini telah benar-benar mengganggu kelancaran perjalanan para pengguna jalan raya terutamanya daripada Batu Pahat–Muar dan juga kawasan-kawasan kampung sekitar di samping menyebabkan banyak kemalangan berlaku. Diharap isu ini dapat diberikan perhatian serta tindakan bagi memulihkan keyakinan orang ramai terhadap kerajaan berkaitan dan tindakan digunakan pembangkang di dalam PRU Ke-13 nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

ii. Permohonan masjid baru.
Di DUN Semerah terdapat sebanyak 5 buat masjid yang telah uzur dan perlu dibina baru. Bangunan baru amat perlu bagi memastikan keselesaan orang kampung menjalankan ibadah dan dikhuatiri merbahayakan keselamatan para jemaah. Ketika melakukan solat fardu dan Jumaat. Antara masjid-masjid tersebut termasuklah Masjid Kampung Lubuk, Masjid Sungai Nibong Simpang, Masjid Sungai Nibong Darat dan Masjid Kampung Parit Sangit yang semuanya terletak di Mukim 1. 2 buah masjid perlu diambil perhatian segera untuk diperbaiki atau diganti baru ialah Kampung Lubuk dan Masjid Kampung Sungai Nibong Simpang, yang telah difahamkan telah memajukan permohonan mengikut saluran dan panduan kepada Jabatan Pembangunan Negeri sejak 5 tahun yang lalu. Malangnya sehingga kini, tidak ada sebarang maklum balas daripada pihak yang berkenaan. Persoalannya, berapa lamakah penduduk di kawasan ini akan menunggu?

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya berkaitan dengan sekolah agama. Sudah 12 tahun Sekolah Agama Padang Sari Mukim 4 dan juga Sekolah Agama Batu Putih Mukim 4 berada dalam senarai menunggu untuk mendapatkan sekolah agama sendiri. Tetapi, sehingga sekarang ini belum berjaya. Setakat hari ini, sekolah agama tersebut menumpang di Sekolah Kebangsaan Padang Sari dan Sekolah Kebangsaan Sri Jasa Sepakat Batu Putih. Dengan kemudahan yang amat terhad anak-anak Melayu belajar agama di situ dan yang lebih menyedihkan sekali guru-guru sekolah agama terpaksa berehat di kaki lima sekolah kerana tidak dibenarkan menggunakan kemudahan sekolah kebangsaan yang sedia ada. Adalah diharapkan melalui peruntukan bajet kali ini, kedua-dua sekolah ini dapat diberikan keutamaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pusat Kesihatan Desa Semerah. Kementerian Kesihatan telah membeli sebidang tanah lebih kurang 9 ekar bagi membina sebuah Pusat Kesihatan Desa yang lengkap dengan pelbagai kemudahan bagi tujuan memberi kemudahan kesihatan yang lebih selesa pada penduduk di kawasan Semerah. Diharapkan rancangan yang dibuat sejak tahun 2004 dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 ini. Projek yang ditunggu-tunggu oleh seluruh penduduk kawasan ini yang selama ini hanya dapat

menggunakan kemudahan rawatan kesihatan di Pusat Kesihatan di Pekan Semerah yang mempunyai kemudahan yang terhad.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya cadangan pembinaan 2 buah sekolah. Yang pertama, Sekolah Menengah Kebangsaan Damai Jaya dan yang keduanya Sekolah Rendah Kebangsaan Perdana Jaya. Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Ke-9 telah bercadang membina sebuah sekolah kebangsaan dan sebuah sekolah menengah kebangsaan di dalam DUN Semerah. Sebuah sekolah kebangsaan yang dicadangkan dibina di Mukim 3 Peserai bagi menampung pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Peserai yang sedia ada yang mempunyai bilangan murid hampir 1,500 pelajar bagi sesi pagi dan petang. Sekolah menengah kebangsaan pula yang dicadangkan dibina di kawasan Mukim 4 antara Kampung Separap dan Kampung Parit Haji Rasul adalah untuk menampung keperluan pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Dato' Onn yang telah mencecah 2,000 pelajar. Atas dasar itu, agar pembinaan kedua-dua sekolah ini dapat dipercepatkan dan dilaksanakan dalam RMK-10.

Yang Berhormat Datuk Speaker...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, banyak lagi?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Sikit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Sikit lagi?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Saya difahamkan sewaktu…Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya cadangan pembinaan dewan raya. Saya difahamkan sewaktu Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang ada sekarang, pada masa itu menjawat jawatan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat beliau berusaha bagi mendapatkan peruntukan ini dan difahamkan ketika itu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sewaktu hadir dalam satu majlis rasmi di Batu Pahat, telah bersetuju dan mengarahkan tindakan dibuat. Tetapi, sehingga kini tidak diketahui tindakan susulan selanjutnya, kenapa?

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya suka mencadangkan satu kawasan tanah di Mukim 3 Peserai yang sesuai bagi dibina sebuah dewan raya. Memandangkan Dewan Jubli Intan yang ada sekarang hanyalah satu-satunya dewan yang diwarisi daripada satu status Majlis Daerah Batu Pahat Barat dan diwarisi oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat dan perlu dewan kedua untuk menampung keperluan yang bertambah, kerana penduduk di daerah Batu Pahat telah bertambah jumlahnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya cadangan pembinaan Kolej Politek MARA. Yang Berhormat Dato' Menteri Pembangunan Usahawan melalui wakil rasminya, Setiausaha Politik beliau telah mengumumkan persetujuan Yang Berhormat Menteri berkenaan bersetuju untuk menempatkan Kolej Politek MARA di kawasan Parlimen Parit Sulong. Diumumkan dalam satu majlis rasmi, satu kawasan tanah kerajaan di Kangkar Merlimau Batu Pahat tetapi sehingga kini tiada perkembangan berkaitan dengan cadangan tersebut. Jika soal lokasi tanah menjadi sebab Kolej ini tidak dibina di kawasan berkenaan, saya suka

mencadangkan agar satu kawasan baru bersebelahan dengan Maktab Rendah Sains MARA Batu Pahat, yang terdapat tanah yang sesuai dicadangkan agar dibina Kolej Politek tersebut yang dibina dan difahamkan sejumlah RM35 juta disediakan untuk urusan pembelian tanah. Suka saya untuk mendapatkan penjelasan yang konkrit daripada pihak MARA selaku pengendali Kolej Politek ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, industri-industri kecil dan sederhana. Umum mengetahui daerah Batu Pahat kaya dengan IKS, pengusaha yang berselerak dan telah sampai masanya agar perusahaan ini dikumpulkan di satu kawasan industri kecil dan sederhana yang lebih tersusun dan dilengkapi kemudahan-kemudahan bagi pengusaha-pengusaha kecil ditempatkan di kawasan Industri Kecil dan Sederhana dan dicadangkan agar UPEN atau Unit Perancang Ekonomi Negeri agar dapat mengenal pasti sebidang tanah seluas 80 ekar di kawasan Padang Sari Mukim 4, Batu Pahat bagi dijadikan kawasan tapak untuk mengusahakan perusahaan kecil dan sederhana ini. Memandangkan kawasan tersebut terletak di kawasan yang mempunyai kemudahan tenaga kerja serta memberikan para pengusaha kepada persekitaran penjagaan yang lebih tersusun dan yang lebih penting lagi sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia terutamanya bagi IPD Batu Pahat yang telah berjaya menjalankan tugas menjaga keamanan di sekitar Batu Pahat amnya, khususnya di DUN Semerah. Meskipun kadar jenayah masih ada, namun saya berbangga dengan kegigihan pihak Polis dalam menangani kes-kes jenayah dan berdampingan dengan masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya, walaupun Bajet Negeri Johor 2010 merupakan defisit tetapi bajet ini banyak memberi faedah kepada seluruh daerah dan wilayah, seterusnya merangkumi setiap denyut nadi rakyat. "Bersatu Tenaga Usaha Sejahtera" bersama jelas menunjukkan pembangunan setara bagi segenap rakyat di Negeri Johor, baik dari golongan mana sekalipun harus mengembalikan tenaga dan idea bersama-sama agar kerajaan tidak terbelenggu terhadap apa juga ancaman apalah lagi dalam menangani krisis ekonomi global.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kerana memberikan saya ruang membahaskan Bajet Bekalan 2010 dengan izin Allah SWT. Saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Y.B. DUN Senggarang. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam, terima kasih yang berhormat. Jemput ada yang lain?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, jemput duduk.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 3 Disember 2009 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEMBILAN	**KHAMIS, 3 DISEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjung Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Persidangan dimulakan pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) jemput.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menyebarkan luaskan kefahaman dan penghayatan konsep 1Malaysia ke peringkat akar umbi dan seluruh lapisan masyarakat. Berapakah anggaran peruntukan kewangan untuk program ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Khoo Chee Chai (Penggaram) bagi pihak Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Minta penjelasan apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri dalam menyemarakkan Gagasan 1Malaysia yang dilihat kini telah mengembalikan semula perpaduan rakyat negeri ke landasan asalnya.

Y.B. Dato' Speaker : Oi bila sudah jadi Melayu? Yang Berhormat Encik Ja'affar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Konsep "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" mendapat sambutan menggalakkan dari segenap lapisan masyarakat. Apakah langkah Kerajaan Negeri terhadap aktiviti-aktiviti perayaan yang melibatkan semua kaum di negeri ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, fungsi Jabatan Penerangan pada dasarnya adalah menerangkan dan memberi maklumat kepada rakyat berhubung dengan dasar-dasar kerajaan di samping memberi penerangan berhubung isu-isu semasa. Namun, setelah Gagasan 1Malaysia diperkenalkan, "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" yang diperkenalkan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak, semua jabatan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah digerakkan untuk memberikan penerangan yang seluas-luasnya berhubung dengan konsep ini.

Di peringkat Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tidak ada program yang khusus tetapi semua program-program yang sedia ada telah diarahkan supaya program-program itu dijalankan dengan menyelitkan berhubung dengan menerangkan soal-soal yang berkaitan dengan nilai-nilai 1Malaysia. Di peringkat Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2009, Jabatan Penerangan telah diperuntukkan sebanyak RM500,000.00 dan Jabatan Ehwal Khas sebanyak RM750,000.00 dan program-program yang dijalankan termasuklah konvensyen-konvensyen Bestari, Program Semarak Merdeka Jalur Gemilang peringkat Negeri Johor, aktiviti perhimpunan Sehati Sejiwa, Program Mesra Integrasi Komuniti, Program Silaturahim Ramadhan, Program Pewaris Muda Negara, Program Pembangunan Minda Rakyat dan juga Program Bengkel-Bengkel Kepimpinan Komuniti Bestari.

Dan mulai tahun 2009, program-program ini telah mula memberi penerangan tentang konsep atau pun nilai-nilai yang berkaitan dengan 1Malaysia. *So,* di antara fokus utama program bagi menyemarakkan Gagasan 1Malaysia ini ialah:

i. Kita nak memastikan bahawa rakyat di segenap lapisan masyarakat, mereka dapat memahami tentang maksud yang terkandung dalam gagasan ini.

ii. Program ini juga diselitkan untuk memperjelaskan terhadap beberapa salah tafsir dan dakyah-dakyah yang diberikan oleh setengah-setengah pihak bagi maksud untuk mengelirukan kefahaman rakyat tentang Gagasan 1Malaysia. Soal program perayaan yang melibatkan semua kaum, ini tidak termasuk di bawah program Jabatan Penerangan, tetapi saya yakin bahawa jabatan-jabatan lain yang berkenaan mempunyai program-program yang khusus yang menjurus ke arah kefahaman 1Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Ada di antara penduduk-penduduk kampung, orang awam masih keliru dan tidak faham konsep 1Malaysia maksud yang sebenar. Bolehkah beri penjelasan dan penerangan terhadap konsep ini secara ringkas supaya mereka boleh faham terus 1Malaysia, apa ertinya. Sekian terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebenarnya dah sediakan apa nama ni soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani itu dalam penggulungan besok, kerana soal 1Malaysia ini tak boleh dijawab secara ringkas, nanti orang tak faham. *So,* kita kena jelaskan sejelas-jelasnya.

Y.B. Dato' Speaker : Besok Yang Berhormat nak jawab, ha oklah. Nanti sekejap, Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Cuma saya nak tanya sedikit berkenaan dengan program-program yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan untuk mendedahkan Gagasan 1Malaysia kepada masyarakat. Ada tak program-program itu termasuk juga ciri-ciri seperti cara hidup, kebudayaan, adat, pantang larang sesuatu kaum supaya kaum-kaum lain boleh memahami dan juga boleh mengikuti dan boleh mengamalkan itu cara-cara hidup mereka ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Permas adalah sebahagian daripada yang terdapat dalam konsep 1Malaysia. Cuma, yang mungkin menjadi sedikit kekangan ialah sebab konsep ini adalah konsep yang baru, yang baru diperkenalkan, di peringkat kerajaan, selain daripada memberikan penerangan kepada rakyat melalui program-program yang sama ada melalui Jabatan Penerangan mungkin jabatan-jabatan lain pun, di peringkat agensi pelaksana ini juga dalam proses untuk memberikan penerangan juga.

Dan sebenar konsep ini baru, jadi mungkin dari segi kefahaman yang jelas tu, mungkin belum dapat difahami oleh pelaksana ini, jadi, ini memang dalam proses. Jadi soal adakah, itu yang sebahagian, memang itu sebahagian daripada konsep 1Malaysia yang sepatutnya diamalkan oleh rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Mengkibol, ha Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Memang saya setuju dengan ADUN Parit Yaani, bahawa pada umumnya rakyat jelata kurang faham konsep Gagasan 1Malaysia ini. Istilah ini memang amat mengelirukan rakyat pada umumnya. Jadi saya nak tanya Gagasan 1Malaysia ini apakah bezanya daripada Gagasan 1 Bangsa Malaysia, sama ada 1 bangsa, konsep 1 bangsa Malaysia menjadikan satu aspirasi pihak kerajaan. Akhir sekali akan tercapainya, khususnya apakah beza di antara 1 bangsa, sama ada 1 Bangsa Malaysia akan diabaikan, cuma terhad kepada Gagasan 1Malaysia sahaja. Itu sahaja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti mana yang saya katakan tadi saya akan jelaskan keseluruhan konsep 1Malaysia ini pada sesi penggulungan saya besok.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Senggarang.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya yang pertama sekali saya ingin nyatakan bahawa melalui aktiviti-aktiviti perayaan yang dibuat oleh sesuatu kaum di negara kita ini, kita lihat semua kaum kita ada majlis perayaan dan itu sebab dalam soalan

saya, saya nyatakan tentang apakah pendekatan kerajaan apabila majlis-majlis perayaan ini diadakan. Boleh tidak kita adakan suatu jamuan yang kita namakan dia jamuan 1Malaysia, dianjurkan oleh kerajaan dan di situ mungkin banyak majlis penerangan boleh diberikan. Soalan saya ada tidak langkah-langkah Kerajaan Negeri, khususnya berkaitan dengan majlis perayaan ini, boleh diselitkan, boleh dimaklumkan atau pun boleh diterangkan secara lebih *detail* tentang konsep 1Malaysia ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Nak menganjurkan satu jamuan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini kita belum ada perancangan yang secara khusus. Di peringkat-peringkat negeri belum ada perancangan secara khusus untuk mengadakan program yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senggarang dan mungkin kita boleh pertimbangkan dan mungkin jabatan-jabatan yang berkaitan...

Y.B. Dato' Speaker : Ha bagus, kena ingat tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Ambil perhatianlah tentang perkara ini.

Y.B. Dato' Speaker : 1 Jamuan 1Malaysia, ok *last* sekali, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Konsep "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", memang merdu didengar. Itu satu konsep yang memang merdulah suaranya. Tapi, yang amat merisaukan bidang sukan adalah bidang yang nanti di bawah Yang Berhormat Pengerusi juga. Saya memerhatikan pada tahun 70-an kita ada pasukan bola sepak negara...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ni tajuk 1Malaysia, bukan tajuk sukan ni.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Nanti saya akan...

Y.B. Dato' Speaker : Yalah pendekkanlah, tu Yang Berhormat dah macam nak panjang tu…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita ada pemain bola sepak yang terkenal, apa Mokhtar Dahari dan juga James Wong, Santokh Singh, Soh Chin Aun...

Y.B. Dato' Speaker : Itu sana, itu luar Johor, Johor punya Dolah Dol, Yang Berhormat tak sebut.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok. Tapi apa yang merisaukan, sekarang kita pergi sekolah-sekolah, murid satu kaum main bola keranjang, yang lain kaum main bola sepak, itu nampaknya konsep 1Malaysia itu merupakan satu definisi...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Satu definisi geografi sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, soalan dia apa Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Macam mana...

Y.B. Dato' Speaker : Soalan dia?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Macam kita melalui sukan untuk memupuk konsep 1Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya setujulah pandangan daripada Skudai, tapi bila sebut tentang sukan ini, kita nak masuk bertanding yang penting kita nak menang. Kita dalam nak memilih atlit bukan hanya bola sepak, banyak juga sukan-sukan yang lain. Kita memang cuba memberikan satu ruang yang begitu luas kepada semua, apa nama pihak untuk sama-sama terlibat tapi dalam nak tentukan pasukan yang terbaik, sudah tentulah akan dipilih...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pun jawab macam jawab sukan dah. Ha ah tak payahlah, nanti kita akan cuba melihat dalam cerita sukan, tak payah letak, tajuk sukan. Ok, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Berapakah jumlah kutipan zakat pada tahun 2008 dan sehingga kini. Bagaimanakah kaedah serta cara pengagihan sama ada menerusi dana atau kumpulan sasaran yang layak menerimanya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, kutipan zakat harta dan fitrah Negeri Johor bagi tahun 2008 ialah sebanyak RM107 juta iaitu RM89.2 juta dari kutipan zakat harta dan RM11.5 juta dari kutipan zakat fitrah. Manakala sehingga bulan Oktober 2009, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah dapat membuat kutipan zakat harta dan fitrah sebanyak RM82.9 juta yang merangkumi zakat harta sebanyak RM70.1 juta manakala zakat fitrah sebanyak RM12.8 juta.

Pengagihan wang zakat adalah mengikut ketetapan al-Quran iaitu diagih kepada golongan asnaf yang 8 iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, gharim, hamba fisabilillah dan Ibnu Sabil. Di bawah setiap asnaf terdapat aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan semasa asnaf dan juga kepentingan syiar Islam di Negeri Johor. Melalui pungutan wang zakat ini, Majlis Agama Islam telah memberi perhatian yang khusus dalam membantu golongan yang memerlukan melalui pelbagai bentuk bantuan kebajikan. Bukan setakat

itu sahaja, malahan program meningkatkan taraf hidup masyarakat dan juga pemeliharaan syiar Islam turut menjadi perhatian yang utama. Melalui usaha yang telah dilaksanakan kami percaya dan masyarakat juga telah melihat kesannya, bantuan-bantuan yang disalurkan telah berjaya menyelesaikan masalah golongan yang memerlukan. Bagi memenuhi keperluan masyarakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah menyediakan pelbagai skim bantuan, seperti bantuan sara hidup bulanan, bantuan rawatan dan perubatan, bantuan perumahan, bantuan pendidikan, bantuan berdikari, bantuan hari raya, bantuan menyelesaikan hutang dan bantuan bencana alam.

Sesungguhnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Agama Islam Negeri Johor, amat sedar dengan peranan dan tanggungjawab yang diberikan dalam menangani masalah kebajikan umat Islam dan juga sentiasa komited dalam membantu Kerajaan Negeri Johor menangani masalah kemiskinan negeri ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, sama ada pembahagian zakat yang dikeluarkan mengikut asnaf itu sejauh mana digunakan setiap tahun. Dan, adakah ia berbaki dan sekiranya berbaki, berapa jumlah yang terkumpul sehingga kini. Dan, apakah langkah-langkah selanjutnya terhadap sama ada pihak jabatan ataupun MAIJ, memantau bagi kumpulan-kumpulan yang menerima bantuan zakat ini dari segi penjanaan ekonomi mereka. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas…

Y.B. Dato' Speaker : Soalan tambahan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Soalan yang dikemukakan tadi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya tidak mempunyai maklumat...

Y.B. Dato' Speaker : Baki.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sehingga bulan yang terakhir tetapi saya mempunyai maklumat sehingga bulan Ogos.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, tak apalah, boleh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai contohlah perbelanjaan yang dilakukan kepada fakir-fakir, asnaf yang 8 adalah seperti berikut fakir sebanyak RM4.4 juta; miskin RM14.3 juta; amil RM5.9 juta; mualaf RM2.4 juta; gharim iaitu orang yang berhutang sebanyak RM698,000.00; Ibnu Sabil RM57,000.00 dan fisabilillah, ini merangkumi pelbagai dan sekolah, surau, masjid dan sebagainya kita membelanjakan sebanyak RM15.9 juta dan keseluruhannya adalah sebanyak RM43.34 juta Yang Berhormat Dato' Speaker. Berkenaan dengan sama ada terdapat baki, jumlah

yang tidak habis dibelanjakan memang, memang terdapat baki Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Banyak tak banyak bergantung kepada pungutan sebab...

Y.B. Dato' Speaker : Banyak tak banyak. (Ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Zakat ini, ada setengah pihak mereka membayar zakat melalui Skim Infaq yang kita sediakan. Jadi, dia bayar melalui potongan gaji bulanan mereka, ada yang bayar melalui bank dan sebagainya, ada yang bayar melalui Pejabat Pos. Tapi, ada juga yang membayar pada hujung tahun macam kadang dalam bulan ni, bulan 12.

Y.B. Dato' Speaker : Adoi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Jadi, kadang-kadang kita masalah juga, kita nak menunggukan aliran tunai yang masuk pada kita, kita nak membayar, nak…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu pun payah eh, dapat duit pun payah ek?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Duitlah memandangkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, selalu orang dapat duit senang, yang susah tak dapat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Selagi mereka layak, jika ikut peraturan yang telah kita tetapkan, insya-Allah kita, jadi setiap tahun memang ada, memang ada baki dan kita bawa ke tahun hadapan, dan yang, yang *brought forward* tu, *carry forward* tu, kita akan...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, cakap orang putih ek, *carry forward*, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bawa ke hadapan, kita akan gunakan untuk diagihkan kepada asnaf-asnaf yang 8, saya nyatakan tadi.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan adakah kita memantau segala bantuan-bantuan yang kita berikan kepada asnaf-asnaf ini, terutama mereka yang menerima peralatan-peralatan seperti motobot ke ataupun bantuan berdikari untuk berniaga dan sebagainya. Memanglah Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sentiasa memantau bantuan-bantuan yang kita berikan kepada mereka dari semasa ke semasa kerana pada kita apa yang penting ialah bukan setakat kita nak bagikan bantuan ni kepada mereka sahaja tetapi sebagai penerima zakat, kita juga berharap

bahawa satu hari besok mereka bukan lagi penerima zakat, mereka membayar zakat supaya, jadi sebab itu kita pantau mereka. Dan, apabila kita bagikan peralatan dan sebagainya kita nak pastikan kejayaan mereka. Dan, mereka, bila mereka berjaya, mereka sudah jadi golongan yang kena bayar...

Y.B. Dato' Speaker : Zakat pulak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dan dengan demikian dapat menambah zakat. Terima kasih.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan, Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Puteri Wangsa, eh, *no*, Permas Jaya. Allah, silap aje. Yang Berhormat mana boleh dapat zakat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pengundi saya ramai…

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Beragama Islam. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cuma nak tanya sedikit berkenaan dengan mereka yang terima bantuan-bantuan daripada agensi-agensi kerajaan lain seperti JKM, yang menerima melalui daripada Program PPKB, adakah mereka ini layak menerima bantuan daripada zakat ni, sebab ada juga mereka yang terima bantuan-bantuan itu terlalu, terlalu kecil, sedikit dan tak cukup dan bolehkah mereka mohon untuk mendapat bantuan daripada zakat? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Permas. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin jelaskan bahawa pada dasarnya, pada umumnya satu orang dapat satu bantuan sahaja. Itu kita punya dasar, sebab kita tak mahulah kalau kat dengan Majlis Agama Islam dia dapat dengan JKM dia dapat, jadi bertindih-tindih dan mungkin kita menghadapi masalah dari segi dana Yang Berhormat Dato' Speaker. Namun demikian, dalam kes-kes tertentu kalau kita merasakan bahawa jumlah yang mereka dapat daripada agensi-agensi yang lain tidak mencukupi dan kita boleh buktikan bahawa memang tidak mencukupi dan pihak Majlis Agama Islam bersedia untuk mempertimbangkan permohonan mereka tetapi bukan semua eh, dapat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan pangkalan data. Pangkalan data penerima-penerima zakat ada 8 kumpulan asnaf yang ini. Saya ingin tahu, sejauh mana lengkapnya pangkalan data yang ada di Majlis Agama dan apa ni, pengubahsuai tu berapa, daripada mana maklumat-maklumat tu didapati dan sejauh mana kita *upgrade*, kita kaji pangkalan data tu, kita *upgrade* daripada masa ke semasa kerana kemiskinan ni dia, kadang-kadang orang tu jatuh

miskin, dia lepas daripada kemiskinan. Jadi, sejauh mana lengkap dan sejauh mana penyelarasan macam agensi-agensi yang pemberi-pemberi kebajikan ni, bantuan-bantuan sosial, sejauh mana, apa perkara ni dihalusi dan dipertimbangkan daripada masa ke semasa. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Machap. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai sebuah organisasi yang saya kira besar, Majlis kita memang mempunyai mekanisme kita sendiri, kita mempunyai amil-amil kita, daripada amil-amil kitalah kita dapat maklumat-maklumat ini, maklumat berkenaan dengan mereka yang layak menerima bantuan.

Namun demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, kita bukan sahaja bekerja secara bersendirian tetapi kita juga selaraskan ini dengan kepimpinan setempat seperti ketua kampung, Pejabat Daerah.

Y.B. Dato' Speaker : Penghulu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Penghulu dan sebagainya. Dan, saya cukup bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa kita kena *upgrade* ini, dengan izin, kita kena kemas kini sebab mungkin ada pertambahan dan mungkin juga ada penurunan dari segi bilangan mereka yang dapat, sepatutnya dapat. Jadi, dalam hal ini, kerja-kerja penyelarasan ini dan pengemaskinian ini sentiasa dibuat supaya kita dapat tentukan bahawa mereka yang benar-benar layak untuk dapatkan bantuan ini tidak terlepas pandang dari kita. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Sistem zakat adalah satu sistem yang ditentukan oleh Allah untuk menyelesaikan masalah umat. Dan, nampaknya sistem yang dijalankan sekarang ini belum dapat lagi menyelesaikan masalah khususnya orang-orang Islam yang miskin, fakir. Mungkin salah satu sebabnya, contohnya zakat fitrah, apabila satu tempat itu dah dikumpulkan sejumlah wang yang banyak kemudian dibawa ke Baitulmal, lepas itu barulah diagihkan kepada kawasan-kawasan masing-masing. Jadi, mungkin sistem ini saya rasa tidak berapa sesuai dalam kaedah, tujuan asal zakat. Adakah pihak Jabatan Agama bercadang untuk tidak membawa kutipan zakat khusus zakat fitrah itu ke negeri tetapi disimpan di tempat itu dan dibahagikan kepada mereka-mereka yang memerlukan di kawasan itu, contoh aje.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau orang kawasan Yang Berhormat tak beri zakat banyak, habis yang miskin banyak, nak minta duit mana? Nak minta tempat lain pulak? Sekejap-sekejap ini contoh.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tak boleh, sekarang ni pun Yang Berhormat Dato' Speaker, tak cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, betullah tu, sebab dia betul tu.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Zakat fitrah setahun dia bagi dalam RM80.00, RM100.00 pun…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, nanti dia jawablah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tak boleh selesaikan masalah. Khususnya, kalaulah satu, macam taman itu ada 200 buah rumah, orang miskinnya tak ramai, Yang Berhormat Dato' Speaker, 5, 6 keluarga, dipungut zakat fitrah daripada satu kawasan itu kemudian diagihkan kepada penduduk miskin di kawasan itu sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ini saya rasa boleh menyelesaikan masalah, banyak masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kita boleh mengubah bukan setakat membantu untuk hari raya tapi mengubah nasib mereka itu daripada miskin ke, insya-Allah kepada orang yang boleh membayar zakat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, ok, macam mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Sungai Abong. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai badan kerajaan seperti Majlis, kita menguruskan sesuatu tu mengikut peraturan dan mengikut Akta yang telah atau Enakmen yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan. Dan, saya ingin menegaskan bahawa Majlis Agama Islam adalah badan tunggal yang menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan zakat fitrah ni, pungutan zakat ke, apa ni, wakaf dan sebagainya. Kita adalah badan tunggal dengan kita buat demikian kita dapat *ripe,* dapat capai tahap pengurusan yang tertinggi. Kita tak bolehlah benarkan siapa-siapa suka-suka kutip zakat dan agihkan pada siapa-siapa. Kerana dia akan, bukan setakat, bukan setakat, dia kena tentukan bahawa orang-orang ini dia patut, patut layak bayar zakat dan orang-orang yang mana patut layak menerima zakat. Ini ada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Enakmen. Dan hanya orang-orang ini sahaja yang boleh menerima zakat, boleh menguruskan dan menerima zakat, mana-mana zakat yang dinyatakan tadi. Jadi, sebab itulah kita tak benarkan mana-mana pihak menguruskan zakat ini kecuali Majlis Agama Islam dan segala bayaran, pungutan, pengagihan seharusnya dibuat oleh Majlis Agama Islam. Dan, kalau mana-mana pihak saya ingin tegaskan, mana-mana pihak yang melanggar peraturan-peraturan ini mereka juga boleh dikenakan hukuman. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, di antara asnaf yang disebutkan sebentar tadi ialah termasuklah golongan yang berhutang. Jadi, saya rasa masih terdapat kesamaran dari segi golongan ini, boleh dijelaskan kategori macam mana yang pihak boleh

dimasukkan, golongan yang boleh dipertimbangkan dari segi zakat ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Bukit Serampang. Yang Berhormat Dato' Speaker, yalah, pada umumnya siapa-siapa yang menghadapi masalah berhutang inikan. Mereka boleh buat, kemukakan permohonan kepada Majlis Agama Islam. Tetapi Majlis Agama Islam inilah yang menentukan sama ada seorang itu layak atau tidak kerana apabila seorang yang berhutang, biasanya kita akan meneliti permohonan itu secara yang agak ketat. Kerana, kita kena ingin pastikan bahawa orang yang berhutang ini dia bukan suka-suka nak berhutang ini Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Macam persatuan, hutang boleh bayar tak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Persatuan mana?

Y.B. Dato' Speaker : Macam bola sepak (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ha itu…(Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha itu, banyak itu…(ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tak bolehlah, lagipun sekarang ini dia tak ada minta hutang, berhutang dengan kita. Jadi, memang sudah, berhutang ini merupakan salah satu daripada asnaf yang 8. kita kena bantu mereka, sekadarkan apa yang perlu kita buatlah. Kita kena pastikanlah, orang yang berhutang ini adakah dia suka-suka nak berhutang, tapi kalau itu, hutang lepas itu tak bayar, lepas itu datang ke Majlis Agama Islam untuk membayar hutang mereka, menyusahkan. Kita tak buat macam itu. Sebab saya dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai Pengerusi saya memang buat ini agak secara yang *stringent*, yang ketat, minta maaf. Saya hanya pastikan bahawa orang-orang, mereka yang layak betul-betul.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat pun layak jadi Pengerusi Agamalah (ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Allah mak, apa Skudai mahu tanya apa ini zakat? Ok, saya kasi peluang jugalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya cuma nak ambil tahu bolehkah kutipan zakat digunakan untuk mengupah pengawal-pengawal di kawasan sekolah agama sebab pernah berlakunya sekolah-sekolah agama di pecah masuk oleh pencuri seperti yang baru ini berlaku di Sekolah Agama Taman Tun Aminah. Itu kawasan saya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Boleh bantu, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, kutipan yang kita buat ini adalah untuk kepentingan syiar Islam dan umat Islam. Saya kira dalam hal ini termasuklah sekolah-sekolah agama, masjid dan sebagainya. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam baru-baru ini kita telah mengambil tindakan untuk meluluskan sebanyak RM2 juta untuk sekolah-sekolah agama di seluruh Negeri Johor untuk membeli peralatan dan beberapa perkara-perkara lain. Sebagai tambahan kepada yang disediakan oleh pihak kerajaan sebanyak RM2.5 juta. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Johor memang sangat prihatin tentang sekolah agama ini menyediakan RM4.5 juta; RM2 juta daripada Majlis Agama Islam, RM2.5 juta daripada Kerajaan Negeri Johor. Jadi, dalam hal ini saya tak fikir ada masalah sangat kita nak…

Y.B. Dato' Speaker : Cubalah…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Membelanjakan untuk sekolah-sekolah agama daripada dana Majlis Agama Islam. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/ Mareemuthu, jemput.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

Terdapat berapa banyak hospital swasta di Negeri Johor dan adakah kerajaan memantau operasi mereka dan bayaran yang dikenakan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh…

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa ini sebanyak 14 buah hospital swasta terdapat di Negeri Johor, 11 daripadanya terletak di Johor Bahru, manakala 2 buah di Batu Pahat dan 1 di Kluang. Setiap hospital mempunyai bilangan kepakaran dan jenis kepakaran yang berbeza. Terdapat hospital yang menyediakan 6 jenis kepakaran yang berbeza dan terdapat juga hospital yang menyediakan sehingga 27 kepakaran yang berbeza.

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Hospital Swasta 1998 dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006 telah diperuntukkan untuk mengawal selia semua kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta di Malaysia termasuk klinik perubatan swasta, klinik pergigian swasta, hospital-hospital swasta, pusat bersalin swasta, pusat jagaan kejururawatan swasta, pusat jagaan psikiatri swasta dan pusat hemodialisis swasta. Di bawah akta ini, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa membuat pemantauan ke atas hospital-hospital swasta serta semua perkhidmatan jagaan swasta yang lain. Perlesenan hospital swasta diproses

dan ditentukan oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia. Lesen dikeluarkan kepada hospital swasta untuk tempoh masa 2 tahun. 6 bulan sebelum tamat tempoh tersebut, pemeriksaan terhadap premis, kemudahan anggota-anggota yang bekerja dan kelayakan mereka diperiksa oleh Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Jabatan Kesihatan Johor. Terdapat 857 katil disediakan oleh hospital-hospital swasta di Negeri Johor tidak termasuk tambahan 152 katil yang disediakan oleh 17 rumah bersalin swasta di Johor…

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kalau dibandingkan dengan hospital kerajaan yang mempunyai 4,917 katil. Bayaran hospital-hospital swasta adalah tertakluk kepada Peraturan 433, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta. Bayaran-bayaran yang harus dikenakan dijelaskan di bawah Jadual ke 13 Peraturan di atas. Di mana kalau kita lihat dalam Peraturan itu dia ada *list*kan *consultation* untuk kepakaran ini adalah antara RM60.00 sampai RM180.00. Dan, prosedur-prosedur yang akan dijalankan hospital swasta itu, bayaran dia banyak-banyak mana.

Untuk makluman dan contoh, bayaran pembedahan untuk…

Y.B. Dato' Speaker : Selamat datang Dato' SUK.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bersalin di hospital kerajaan adalah bagi kelas pertama RM800.00, kelas dua RM400.00 dan kelas tiga RM100.00. Tetapi, di hospital swasta bayaran untuk Pakar Perbidanan dan Pakar Bius sahaja adalah RM2,365.00. Ini tidak termasuk bayaran hospitalnya, perubatannya, peralatan dan *consultation* lain. Bayaran untuk angioplasti, *angiogram* untuk penyakit jantung dan menggunakan *sten* di hospital swasta adalah sebanyak RM3,145.00 untuk Pakar Bedah dan RM1,155.00 untuk Pakar Bius. Ini termasuk bayaran-bayaran lain, bayaran *sten*nya dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Tekan loceng kena bayar tak Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Tekan loceng, nak panggil *nurse*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bayar.

Y.B. Dato' Speaker : Bayar eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kalau tekan loceng, *nurse* masuk, doktor datang, bayar.

Y.B. Dato' Speaker : Dahlah kita, tangan kita penat, kita kena bayar lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : *Consultation*lah. Apa yang dia hendaklah. Jadi, semua aduan yang dikemukakan oleh orang awam atau mana-mana pihak melalui sebarang media berkenaan dengan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta akan disiasat oleh Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta Negeri Johor. Dan, akan adakan risikan, serbuan dan penguatkuasaan akan dijalankan untuk pemantauan hospital-hospital swasta ini. Dan, jika perlu mereka, Unit Kawalan ini akan meminta pihak hospital untuk memberikan bil-bil terperinci mengenai kompelin yang diberikan.

Majlis Perubatan Malaysia (MMC) ya, tidak bertanggungjawab untuk mengawal selia sebarang kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta termasuk hospital swasta di Malaysia. Majlis ini bertanggungjawab untuk mengawal selia pengamal-pengamal perubatan di Malaysia dari segi kelakuannya dan pengamalan profesional dan juga kelayakan-kelayakan yang diiktiraf.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Permas Jaya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas Jaya) : Terima kasih yang Berhormat Dato' Speaker. Walaupun kita dengar bahawa ada juga kawalan bayaran seperti *angioplasti* yang dikenakan RM3,100.00 dan juga RM1,800.00 tetapi apabila kita dapat, kita masuk ke hospital, bayaran-bayaran itu terlampau tinggi, seperti yang dikatakan oleh Dato' Speaker tadi tekan loceng pun kena bayar juga.

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas Jaya) : Ada tak kes-kes seperti yang dikatakan, ada ke kes-kes yang telah dibuat aduan kepada jabatan dan telah diambil tindakan atas mana-mana pihak hospital yang beroperasi dalam Negeri Johor ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita dapat banyak aduan-aduan sebegini. Dia, masuk saja hospital swasta ini dikenakan deposit. Deposit itu pun tergantung kepada apa prosedur yang akan dibuatkanlah. Jadi, dia anggar berapa dia bayar deposit. Jadi, bil penghabisannya apabila keluar daripada hospital itu tergantung kepada apa yang telah dijalankan terhadap pesakit itu. Jadi, bayaran tinggi, memang tinggilah. Kalau saya kata tadi, hanya pakarnya dah ribu, belum lagi bayaran apa itu, hospital *stay* dia, ubat dia dan lain-lainnya itu, memanglah tinggi. Bayangkan, kalau untuk kes jantung ini, selepas prosedur *operation* dan sebagainya, dia kena beli ubat tiap bulan RM850.00 lebih kurang untuk hospital swasta tetapi hospital kerajaan, *free* aje. RM5, dah *free* aje. Jadi, itu ubat-ubatnya memang mahal. Dan, memang kita di Unit Kawalan Amalan Perubatan ini di negeri memang selalu buat pemantauan. Apabila kita dapat kompelin daripada pesakit-pesakit ataupun *family* dia, kita akan buat siasatan dan itu yang kita nak *itemized billing* dia. Jadi, kalau ada yang tidak

discrepancy, dengan izin, tidak betul dengan *charges* dia, kita akan buat penguatkuasaan, insya-Allah. Selama ini kita belum dapat, kita boleh cakaplah hospital yang telah kena. Memang kita selalu dapat kompelin.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah tindakan kerajaan terhadap pada hospital-hospital swasta yang enggan nak terima pesakit-pesakit yang tak sanggup bayar deposit tetapi perlukan rawatan *emergency*? Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Macam mana itu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi kita, prinsip kita kesihatan ni, *doctors,* kita *treat* untuk menyelamatkan pesakit itulah. Jadi kalau mereka, memang terdapat jugalah hospital-hospital swasta ni yang akhirnya dia tak mahu...

Y.B. Dato' Speaker : Berikan rawatan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Membebankan hospitalnya dia akan *refer* kepada hospital kerajaan. Jadi hospital kerajaan akan terimalah. Walau bagaimanapun, apa hal pun kita akan terima, kerajaan. Jadi dalam tindakan itu kita tak adalah penguatkuasaan sebegitulah.

Y.B. Dato' Speaker : Kahang.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Speaker, nampak gaya yang hospital swasta ni lebih mementingkan kepada keuntungan. Kerana terdapat kes-kes di mana orang yang pergi untuk rawatan biasa pun ditahan di hospital. Kes-kes di mana yang tak perlu membuat *operation,* di buat *operation*. Lebih-lebih melibatkan bagi mereka pesakit...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, betul ke ni? Tak perlu *operation* ni, buat mati nanti.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau Yang Berhormat Dato' Speaker *diabetes,* jari kaki Yang Berhormat Dato' Speaker tu kalau di hospital kerajaan...

Y.B. Dato' Speaker : Cakaplah contoh jari sayalah, kaki saya.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Ha ok, ok, kalau hospital kerajaan dia akan cuba selamatkan, tak perlu buat *operate* nak potong jari tu...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Tapi kalau pergi hospital swasta, dia terus potong. Dia *suggest* untuk buat *operation* terus potong jari tu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Jadi inilah contohnya.

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya apa?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan ini timbul lebih-lebih lagi kalau pesakit itu mempunyai kad insurans, *medical card*. Dengan adanya *medical card,* kos rawatan seorang pesakit itu melonjak lebih tinggi daripada kos yang sepatutnya. Jadi, saya nak tahu adakah kerajaan sebenarnya memantau keadaan ini? Lebih-lebih lagi hubungan di antara hospital swasta dengan syarikat insurans ini. Kerana adanya *medical card,* rawatan yang diterima memang *first class*, tapi kos rawatan dia melonjak terlalu tinggi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat tu serius juga ya. Kalau bolehlah, boleh tak Yang Berhormat beri tahu hospital mana, swasta mana, hospital swasta mana yang mengenakan yang sedemikianlah, boleh kita...

Y.B. Dato' Speaker : Ambil tindakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ambil tindakan.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa yang kena eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Siapa yang kena? Betul ke yang tak patut *operate* kena *operate*?

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Nanti salah *operate* pula. *Very* serius, ini serius.

Y.B. Dato' Speaker : Ha serius, betul saya pun setuju.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi saya minta Yang Berhormat berikan hospital mana yang boleh kita...

Y.B. Dato' Speaker : Nanti dia carilah, Yang Berhormat esok cari.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Nombor dua yang tentang *medical insurance* ini ya. Setakat ini kita tak ada *medical insurance* bersih sebenar-benar *medical insurance*. Hanya kita ada insurans, *General Insurance* yang melingkupi *medical* sekalilah, kalau dia masuk hospital, insurans akan bayar dan sebagainya. Jadi itu antara insurans tulah, syarikat insurans itu yang mengenakan berapa bayaran, itu antara dia dengan hospital. Bukan apa, tanggungjawab kitalah. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bentayan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : *Last.*

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat EXCO tadi ada 14 buah hospital swasta di Johor. Tapi nampaknya di bandar Muar masih tak ada lagi. Soalan yang saya tanya ialah, adakah pihak kerajaan menyeru pihak KPJ untuk membuka hospital pakar di bandar Muar, memandangkan pasaran di Muar besar juga. Sebab kalau daripada statistik menunjukkan lebih 30% pesakit Muar pergi ke Hospital Melaka. *So* untuk, tapi ada dengar cerita beberapa tahun yang lalu KPJ nak buat satu hospital pakar di Muar, di bangunan UMNO lama. Tetapi nampaknya dia punya lif, dengar ceritalah, lifnya kurang besar *so* dia punya troli, katil troli tak boleh masuk. Tetapi...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat muat tak? Kalau Yang Berhormat masuk muat?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Saya muat, saya muat, lebih 20 orang muat.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, baguslah kalau Yang Berhormat muat, selamatlah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tapi bangunan dah dijual sebagai satu hotellah. *So* dia dah...

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Galakkanlah pihak kerajaan membuka dengan KPJ, membuka satu hospital pakar di Muar.

Y.B. Dato' Speaker : Apa, KPJ eh? Kumpulan Perubatan, yalah. Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Kenapa Muar tak ada hospital? Sebenarnya Muar tu sudah ada hospital pakar, Hospital Pakar Sultanah Fatimah. Jadi tu memang dah cukup banyak kepakaran...

Y.B. Dato' Speaker : Tu siapa punya Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kerajaan, hospital kerajaan yang cukup lengkap. Di situ adalah *reference center* daripada Segamat datang ya, daripada utara Ledang semua ataupun Batu Pahat boleh, kita boleh apa, boleh merawat pesakit-pesakit itu. Jadi dipandangkan kalau dah ada hospital kerajaan yang begitu mahir dan pakar yang begitu bagus sekali, peralatan cukup dan sebagainya apa gunanya kalau ada hospital swasta. Jadi, maka gitulah hospital swasta ni mungkin tak beranilah nak...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, nak buka pun takut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Nak buka pun takutlah...

Y.B. Dato' Speaker : Takut tak untung.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Sebab ha, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok dah, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Kerajaan telah memperkenalkan konsep Bina Kemudian Jual iaitu BKJ Penuh dan BKJ Sebahagian bagi mengelakkan pembeli rumah terpaksa menanggung hutang jika ada projek yang terbengkalai. Apakah bentuk insentif yang diberikan kepada pemaju dan berapakah pelaksanaan bagi kedua-dua skim tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, konsep Bina Kemudian Jual ataupun ringkasnya BKJ, seperti yang di tanyakan oleh ADUN Nusajaya mula diperkenalkan oleh KPKT secara percubaan ataupun interim bermula 12 April 2007 dan disambung sehingga 12 April 2010. Maknanya, sekarang masih lagi dalam percubaan. Terdapat 2 jenis konsep Bina Kemudian Jual. Satu, seperti apa yang dinyatakan oleh, ditanyakan oleh ADUN Nusajaya, BKJ Penuh dan yang keduanya Sebahagian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, BKJ Penuh merujuk kepada BKJ *Varian* 0:100. Di mana pemaju yang akan menjurus ke arah kaedah ini perlu menyiapkan rumah ataupun semua jenis binaan dalam skim dia sebelum sebarang aktiviti jualan termasuk pengiklanan dibuat. Makna dia kena buat dulu, dah siap baru boleh iklan, baru boleh jual. Itu yang *Varian* 0:100. Pemaju dalam kategori ini hanya boleh memulakan jualan rumah, misalannya sesudah memperoleh Sijil Pematuhan dan Penyiapan ataupun Sijil Layak Menduduki.

BKJ Sebahagian pula Yang Berhormat Dato' Speaker adalah merujuk kepada BKJ varian 10:90. Di mana pihak pemaju dibenarkan memungut deposit sebanyak 10% daripada pembeli ketika menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli dan bakinya hanya boleh diambil setelah rumah siap sepenuhnya dan memperoleh Sijil Pematuhan dan Penyiapan ataupun Sijil Layak Menduduki.

Untuk makluman juga Yang Berhormat Dato' Speaker, BKJ Penuh tidak tertakluk kepada Akta Pemajuan Perumahan 1996. Berlainan pula dengan konsep BKJ Sebahagian itu tadi, di mana pemaju perlu mendapatkan lesen pemajuan daripada KPKT dan berkenaan dengan insentif yang boleh yang dah diberi kepada pemaju yang menjalankan kaedah 10: 90 ini, ialah:

i. Diberikan kemudahan dengan izin *fast lane* ataupun laluan cepatlah di Pusat Setempat, OSC, bagi kelulusan Kebenaran Merancang iaitu kelulusan KM, kelulusan pembangunan tanah dan pelan bangunan dalam tempoh 67 hari selepas menerima dokumen permohonan yang lengkap.

ii. Tidak dikenakan syarat membina rumah kos rendah, boleh digantikan dengan pembinaan rumah kos sederhana rendah.

iii. Pengecualian deposit sebanyak RM200,000.00 semasa memohon lesen pemaju.

Sehingga November tahun ini, pihak kementerian hanya menerima dan meluluskan 2 permohonan pemaju bagi konsep Bina Kemudian Jual Varian 10:90, hanya 2 sehingga kini. Dan bagi Negeri Johor, kita tidak ada menerima apa-apa permohonan untuk membangunkan konsep BKJ ini.

Y.B. Dato' Speaker : Nusajaya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Sistem ini kalau dilaksanakan saya rasa amat baik kepada pembeli kerana pembeli tak khuatir lagi rumah mereka tak siap. Bina Kemudian Jual bermakna rumah dah siap. Kalau melalui pinjaman kerajaan pun, saya rasa sudah pasti kita tak payah perlu bayar faedah lagi yang sekarang ni banyak masalah-masalah rumah tak siap, pinjaman kerajaan berjalan, gaji dah di potong. Jadi soalan saya adakah di Negeri Johor ini akan melaksanakan program Bina Kemudian Jual ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : (Ketawa), saya dah jelaskan tadi, kita tak ada terima satu pun setakat ini. Kalau ada memang kita mengalu-alukan skim ini bagus...

Y.B. Dato' Speaker : Baguslah Yang Berhormat ketawa aje ini hari.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : (Ketawa), untuk pembeli, saya dah jawab sejelas-jelasnya. Saya harap ADUN yang berkenaan faham.

Y.B. Dato' Speaker : Hem, faham ADUN? Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Bagi konsep Bina Kemudian Jual ni, ini akan memberi manfaat kepada syarikat yang besar. Jadi bagi syarikat yang kecil bagaimana? Modal tak cukup. Jadi ini akan menjejaskan pemaju kecil. Bagaimana saya minta pandangan Yang Berhormat Dato'?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini tanggapan daripada pemajulah ni. Iaitu yang besar sahaja yang boleh buat, konsep ni yang kecil tak boleh. Kalau yang besar, buatlah cara besar, yang kecil buatlah cara kecil. Nak buat, dapatkanlah pinjaman daripada bank. Kerana sistem yang ada sekarang ini, yang rugi rata-rata adalah pembeli. Kerana pemaju hanya menjalankan pengurusan, untuk membina skim yang berkenaan, yang berhutang adalah pembeli. Dan kalau tengok sekarang, mula-mula bayar 10% kemudian bayar berperingkat-peringkat. Bayaran itu semua adalah daripada duit bank yang dipinjam oleh pembeli. Sebab itu kerajaan sedar permasalahan ini. Dan permasalahan ini semakin lama semakin banyak, kerana ada pemaju yang gagal, kerana pengurusan kewangan misalannya ataupun sistem pengurusan yang tidak baik ataupun pemaju yang memang sebab-sebab tertentu.

Selalunya menyalahkan keadaan ekonomi semasa, tinggalkan sahaja begitu. Di Negeri Johor sahaja misalannya, kita dah ada 26 projek yang sakit, yang tergendala ni yang melibatkan 3,876 pembeli. Ini tak masuk seluruh Malaysia, 1Malaysia, di negeri Johor sahaja, bayangkan 3,876 pembeli yang kena bayar pinjaman bank kebanyakannya lebih 90%, saya tak tahulah mungkin ada orang beli *cash* selamat, itu pun duit dia habis, rumah tak siap. Tiap-tiap kali bayar rumah tak ada, bayangkan, macam mana? Dan kebanyakan daripada pembeli ini ialah, memikirkan bahawa inilah satu-satunya harta yang dia nak ada. Sebab itu kerajaan memperkenalkan sistem ini dan sistem ini masih lagi daripada dalam peringkat apa ini, *interim* dan sehingga tahun 2010, April, barulah nanti saya ingat, Kerajaan Pusat akan mengkaji semula macam mana kaedahnya. Mungkin dia kena tambah balik beri insentif banyak kepada pemaju, supaya ramai yang hendak melibatkan diri dalam perniagaan seumpama ini. Kerana kita kena fikir dalam kaedah berniaga, orang berniaga mesti nak ada untung asalkan untungnya itu adalah memadai dan berpatutan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Pengerusi tadi, salah satu syarat untuk meluluskan lesen pemaju adalah cagaran sebanyak RM200,000.00 sahaja. Itu tidak berjaya memberikan jaminan kepada pembeli rumah sama ada kerajaan akan memperketat syarat itu, iaitu meningkatkan kehendak pembayaran cagaran bagi setiap pemaju untuk meluluskan setiap projek.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Senai. Eh, Skudai.

Y.B. Dato' Speaker : Hm, Skudai.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Membangkitkan Yang Berhormat Dato' Speaker berkenaan dengan pengecualian deposit kepada pemaju, adakah begitu? RM200,000.00.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : RM200,000.00 itu.

Y.B. Dato' Speaker : Tak cukup kata dia.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Cagaran yang dikehendaki untuk meluluskan setiap projeklah, projek perumahan. Sama ada kerajaan boleh memperketatkan syarat itu. Maknanya, kalau katanya projek itu bernilai RM20 juta, mungkin sebahagian besar, mungkin 30%, 50% cagaran yang dikehendaki oleh kerajaan sebelum meluluskan sebarang projek perumahan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Maknanya mempertingkatkan, apa ini...

Y.B. Dato' Speaker : Dicadangkan deposit…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Diketatkan lagi syarat untuk menentukan pembangunan itu berterusan. Urusan ini adalah, kita pun telah mendengar baru-baru ini, kenyataan yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan Projek Sakit ini. Dan beliau mengatakan bahawa kerajaan perlu mengkaji semula, akan mengkaji semula Akta Pemajuan Perumahan untuk menentukan bahawa apa pun syarat yang dikenakan, akhirnya nanti akan boleh menjadikan kaedah ini boleh diterima oleh pemaju dan juga akan menguntungkan pembeli. Maknanya, tidak mengadakan risiko yang begitu banyak kepada pembeli. Tetapi di masa yang sama juga, membolehkan pemajuan perumahan ini berterusan dibuat oleh mereka yang benar-benar hendak menjadi pemaju yang bertanggungjawab.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Adakah program pihak FELDA untuk menyahut seruan Y.A.B Perdana Menteri mengenai 'Gedung Pemakanan Negara' dari segi perlaksanaan, jenis-jenis tanaman dan jumlah kos perbelanjaan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Perlaksanaan program FELDA sebagai 'Gedung Makanan Negara' sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 7 Julai 2009, sempena sambutan Hari Peneroka FELDA di Moakil Segamat, adalah merupakan program jangka panjang dan memerlukan perancangan yang menyeluruh dan juga teliti. FELDA dalam

peringkat menyediakan pelan tindakan 5 tahun bagi melaksanakan Program Gedung Makanan mulai tahun 2010. Pada masa ini, tumpuan perancangan dan perlaksanaan Program Gedung Makanan Negara ialah kepada tanaman pisang berangan, cili Kulai, ternakan lembu dan juga *aquaculture*. Walau bagaimanapun, lokasi dan jenis projek akan dinilai berdasarkan kesesuaian tanah dan permintaan pasaran. Perbincangan bagi menyelaraskan perlaksanaan program ini sedang dibuat bersama FAMA, Jabatan Pertanian dan juga Jabatan Veterinar.

Dan untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat, pada masa ini semua Rancangan FELDA, sebelum kita menjadikan sebagai Gedung Makanan Negara, semua Rancangan FELDA terlibat dengan projek *Edible Garden,* ataupun tanaman sayur-sayuran di kawasan rumah-rumah peneroka. Bagi DUN Tanjung Surat, semua 4 buah Rancangan iaitu Adela, Sening, Tungga dan juga Kledang terlibat dengan projek ini dan bilangan peneroka yang terlibat adalah berjumlah sebanyak 1,345 orang iaitu 75% daripada keseluruhan bilangan peneroka di dalam Rancangan, 4 Rancangan FELDA dalam DUN Tanjung Surat. Dan jenis tanaman yang telah ditanam oleh peneroka-peneroka tersebut ialah cili Kulai dan juga kacang bendi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Tanjong Surat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin ucap terima kasih kepada Pengerusi yang berkenaan telah menjawab soalan berkenaan dengan Gedung Pemakanan Negara yang dilaksanakan oleh pihak FELDA. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini kita lihat bahawa FELDA telah pun melancarkan program tanaman sayur-sayuran di rumah. Yang mana setiap peneroka dibekalkan sebanyak 20 beg, tempat saya ialah 20 beg untuk cili Kulai. Apa yang saya lihat pada hari ini, program ini saya anggap gagal, kerana pihak peneroka dengan keadaan umur dia di antara 60 tahun agak lebih dan mereka tidak berminat dalam menyahut seruan kerajaan untuk melihat tanaman sayur-sayuran di rumah. Boleh katakan sehingga 80% saya ingat gagal. Diberi pokok, 20 pokok cili Kulai, semuanya, ada setengah buah, ada setengah tak buah, ada setengah kerinting, ada setengah tak kerinting. Jadi boleh katakan.

Y.B. Dato' Speaker : Pokok cili apa tu Yang Berhormat? Cili apa yang tak kerinting tu?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Cili Kulai. Dia, bila dah besar je, dia akan, pucuk dia jadi kerinting.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Jadi sebab tu dia gagal. Saya lihat FELDA tidak mengambil berat, dia beri sahaja 20, lepas tu dia tinggal. Sepatutnya FELDA mengambil berat, walaupun dia beri 20 beg dia kena jaga, kena beri pakar nasihat, memberi bantuan baja yang lain supayanya projek ini berjaya. Jadi soalan pada hari ini, saya nak ingin tahu adakah Projek Gedung Pemakanan Negara ini terlibat dengan peneroka dalam melaksanakan apa

yang dirancang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau kita lihat, fakta umur, banyak peneroka umur 60 tahun ke atas. Tetapi kalau kita bergantung kepada peneroka saya percaya, projek pemakanan ini akan gagal oleh pihak FELDA. Jadi, saya ingin dapat penjelasan adakah mereka ini terlibat dengan peneroka, kalau terlibat peneroka saya percaya, benda ini akan gagal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih di atas soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Speaker, memang benar sebenarnya FELDA telah pun mengeluarkan satu rumah peneroka sebanyak 20 pokok khasnya cili Kulai sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat. Yang menjadi masalahnya ini kita sedia maklum, masalah yang berlaku, masalah tanaman tersebut yang tidak begitu memuaskan, yang mati dan sebagainya. Tetapi sebenarnya, sekiranya peneroka tersebut kita faham masalah peneroka yang berumur 60 tahun, kadang-kadang tak mampu nak menjaga tanaman tersebut. Dan kita telah pun membuat perancangan semula bahawa sekiranya peneroka tersebut tidak mampu untuk menjalankan projek di rumah mereka, ianya akan kita kumpulkan melalui blok, ketua-ketua blok di dalam Rancangan FELDA akan, akan memantau kembali permasalahan tersebut dan akan mengumpulkan tanaman tersebut dan kita buat mengikut blok atau mengikut Rancangan FELDA tersebut dengan pemantauan yang akan dibuat oleh pihak Jawatankuasa JKKR ataupun JKKK dan juga pengurusan FELDA. Dan sebenarnya bagi Gedung Makanan Negara sebagaimana yang telah nyatakan tadi, ianya merupakan, memerlukan perancangan yang teliti dan di Negeri Johor kita sekarang ini tengah mengenal pasti, kawasan FELDA yang boleh kita jadikan sebagai tempat untuk kita membuat tanaman atau pun ternakan untuk menjadikan ianya sebagai tempat untuk mengeluarkan produk bagi mencapai matlamat Gedung Makanan Negara itu, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm, oklah Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah rasional untuk memilih cili padi untuk ditanam di FELDA, apa jenis lain tanaman yang sesuai ditanam.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Apakah rasionalnya? Sebab tadi kata 60 tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh tanam.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang peneroka 60 tahun tak boleh tanam? Apakah rasional? Kita pilih jenis lain yang sesuai untuk mereka? Jadi senang untuk mereka buat dan berjaya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada pandangan, tanam apa bagus?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : *Hydrophonic, hydrophonic.*

Y.B. Dato' Speaker : Balik-balik *hydrophonic*, gitu. (ketawa) Teruk orang kampung.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih yang Berhormat ADUN Yong Peng. Sebenarnya, sebagaimana yang telah saya nyatakan bila peneroka itu tidak berkemampuan, kita akan buat cara yang baru dengan kita mengumpulkan keseluruhannya, mengikut blok, mengikut Rancangan dan sebagainya. Tetapi selain daripada cili Kulai sebenarnya saya telah nyatakan ada beberapa lagi tanaman seperti kacang bendi, terung, dan juga kita boleh buat ternakan lembu dan juga ternakan ikan air tawar. Sebab sekarang ini bagi Gedung Makanan Negara yang telah pun diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berhasrat yang kita ada empat jenis iaitu, cili Kulai, pisang berangan, lembu daging dan juga ikan Talapia yang akan kita komersialkan barangan-barangan ataupun sayuran-sayuran seperti berikut Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, selesai soalan lisan. Mana-mana soalan yang disenaraikan tidak dijawab, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, sebelum disambung, ini hari penghabisan untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat berbahas, esok pihak kerajaan akan jawab ya. Ok, dan bersama kita ini ada rombongan sebagai pemerhati daripada DUN Sungai Balang ya? Kalau tak silap, Sungai Balang DUN Yang Berhormat satu bas datang bersama, ya. Jadi berucap baik-baik ya. Ok perbahasan diteruskan lagi, siapa nak berucap? Mana dia? Berapa hari dah berucap, semalam dah?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Belum Dato', baru assalamualaikum je.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) Waalaikumussalam. Alah, kesian.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Bismillahirrahmaanirrahim, alhamdulillahlah, saya syukur kepada Allah SWT dengan limpah kurnianya, kita dapat sama berada di dalam Persidangan pada pagi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucap jutaan terima kasihlah kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang saya sekali lagi untuk sama menyampaikan perbahasan dalam Persidangan kali ini.

Peluang ini amat besar ertinya kerana Persidangan kali ini merupakan Persidangan yang penting di mana Pembentangan Bajet 2010, telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada 19 November yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syabas dan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang begitu praktikal dan amat prihatin dalam belanjawan yang telah di bahas kerana menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan, amat-amat berhasrat mahukan pembangunan yang menyeluruh dan saksama untuk Negeri Johor. Belanjawan yang mahu dan menjurus kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat di masa akan datang. Maka, amat wajarlah dan amat bertepatan sekali bahawa Pembentangan Bajet 2010 yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang bertemakan 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama', itu akan jadi inspirasi dan hala tuju Kerajaan Negeri. Dalam memacu pembangunan Negeri Johor dan seterusnya membawa kesejahteraan kepada rakyat .

Yang Berhormat Dato' Speaker, inspirasi dan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu, akan menunjukkan betapa prihatinnya beliau kepada perkembangan semasa, selaras dengan apa yang dicorakkan dan yang mahu diperkasakan oleh pihak Kerajaan Malaysia. Di mana, ianya sudah tentulah akan membawa Negeri Johor terus maju dan makmur menjelang 2020 nanti. Saya percaya strategi Bajet 2010 Negeri Johor yang memberikan penekanan khusus, kepada memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan juga berintegriti.

i. Memacu ekonomi negeri ke arah negeri maju berpendapatan tinggi.
ii. Menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup.
iii. Meningkatkan daya tahan yang memperkukuhkan jati diri dan kekuatan dalaman.
iv. Menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup.
v. Meningkatkan daya tahan yang memperkukuhkan jati diri dan kekuatan dalaman. Ianya akan pasti mencapai keberhasilannya sebagaimana tercapainya matlamat mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, saya juga nak beri peluang kepada rakan yang lain, jadi saya ringkaskanlah ucapan saya pagi ini…

Y.B. Dato' Speaker : Ish, saya, yang kuasa saya, Yang Berhormat tak payah bercakaplah, cakap sajalah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dan saya ada perkaralah yang saya nak sampaikan ni, khususnya dalam kawasan sayalah. Pertama, saya nak ucapkan terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat dan khasnya Kerajaan Negeri Johor yang telah menyelesaikan beban yang saya pikul selama ini iaitu peruntukan wang banjir kawasan saya yang telah berlarutan selama 4 tahun. Tapi alhamdulillah, hari ini kerajaan telah selesaikan semasa lawatan Yang Amat Berhormat membuat lawatan kerja di dalam DUN saya tempoh hari. Terima kasih sekali lagi Yang Amat Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dah selesai?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Selesai Dato'. Yang kedua, sekolah-sekolah agama Yang Berhormat Dato' Speaker. Dulu Yang Berhormat Pengerusi kata, saya dah terangkan dulu, ada kata nak buat, swasta nak buat, tak hilang. Lepas tu kata nak ada 50 buah akan dibuat termasuklah Sekolah Agama Simpang Renggam. Tapi pun tak nampak sehingga hari ini. Alhamdulillah, hari ini apabila Yang Amat Berhormat membentangkan bajet yang lalu ini, Yang Amat Berhormat telah, di mana kita menaruh harapan yang tinggi. Iaitu daripada 121 buah sekolah agama dalam Negeri Johor ni, akan dibina dalam masa 2 tahun ni. Saya tengok lebih kurang 2 tahun ni, dah siap atau siap sebanyak 90 buah sekolah agama. Jadi saya mintalah, kalau boleh Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor ni, kalau ada orang-orang yang ditugaskan untuk memantau. Kita sebagai ADUN ni bersedia untuk sama-sama memberikan kerjasama, turunlah, datanglah khususnya dalam DUN saya, DUN Layang-Layang ni, yang mana kita tunjukkan, yang mana lebih dulu dibina.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak, saya ada 4 sekolah agama dalam DUN saya ni.

i. Sekolah Agama Ladang Ulu Remis.
ii. Sekolah Agama Layang-Layang.
iii. Sekolah Agama Bandar Renggam.
iv. Sekolah Agama Simpang Renggam.

Keempat-empat sekolah ni, cuma Sekolah Agama Simpang Renggam saja yang sekolah bangunan batu 2 tingkat ni. Tapi yang lainnya, contohnya, Sekolah Agama Ladang Ulu Remis ni. Untuk makluman Dato' Speaker, Sekolah Ladang, Sekolah Agama Ladang Ulu Remis ni berasal daripada sebuah bangunan yang digunakan untuk meletak anak-anak orang pekerja ladang ketika dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Jadi hari ni, ihsan daripada tuan ladang tu, dia bagi untuk digunakan untuk membuat sekolah agama iaitu Sekolah Agama, dulu dia tumpang Sekolah Kebangsaan, lepas tu sekarang ni tahun 1980, dia duduk dalam sekolah agama yang lebih kurang saya ingat dalam 30 x 40 lah keluasan dia, tapi saya dah bantu, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita tahu sekolah agama ni begitu daif, saya dapatkan peruntukan sebanyak RM20,000.00. Saya kata jangan di, nak cantikkan, kita nak panjangkan lagi sekolah ni.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Sebagai kemudahan budak-budak ni. Alhamdulillah, dan kita bantu dari segi peralatan-peralatan

pembelajaran ni daripada peruntukan-peruntukan yang kita dapat ni. Tapi yang Berhormat Dato' Speaker, marilah saya minta daripada keutamaan yang 90 buah, yang mana Yang Amat Berhormat bentangkan dalam bajet yang lepas, saya minta pertama diambil perhatian, Sekolah Agama Ladang Ulu Remis didulukan…

Y.B. Dato' Speaker : Daripada yang lain.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Daripada yang, daripada yang 4 tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak, kalau daripada negeri lain, daripada daerah lain?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Tak, saya ambil cerita daripada DUN saya Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Ha, yang 4 ni, satu, kita turun, saya bersedia bawa pegawai ni tengok, kita ambil gambar. Kalau kat pejabat nanti, ada 4 permohonan daripada DUN Layang-Layang, tentulah dia akan buat yang dah baik tu, dia buat dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau dia buat yang DUN lain yang lagi mustahak, macam mana?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya terang ni, Yang Berhormat Dato' Speaker tak nampak, tapi saya nak ajak pegawai ni turun, tengok, baru nampak. Baru tahu daif sekolah ni.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Kalau cerita Dewan ni tak nampak. Nanti kita senaraikan nanti yang 1,2,3,4 ni yang tak perlu, bukan tak perlu, tak ikut keutamaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Jadi, saya nak ajak turun, saya tunggu, kita tengok, ini, yang mana dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang kedua, Sekolah Bandar Renggam. Ini semua sekolah papan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, fesyen lamalah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Bukan sekolah batu bertingkat, kecuali saya kata Sekolah Agama Simpang Renggam. Dia sekolah 2

tingkat. Tapi cuma dia ni tak cukup besarlah. Jadi, berikan keutamaan Sekolah Ulu Remis dan Bandar Renggam. Alhamdulillahlah kalau dalam 90 ni, empat-empat buat dulu pun lagi baik.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Ha, kalau tidak, buatlah Sekolah Ulu Remis dulu. Ha, tu sekolah agama Dato' Speaker. Sekolah agama ni dia buat sebelah petang saja. Bayangkanlah 2 sesi, pukul 2:00 sampai pukul 3:30, 3:30 sampai 6:30. Bangunan dia tak ada bilik-bilik. Papan hitam tulah jadi biliknya. Darjah 1 sampai darjah 6. Jadi, ini yang saya sarankan supaya diberikan keutamaan.

Y.B. Dato' Speaker : Murid ramai, Murid?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Murid dia Yang Berhormat Dato', lebih kurang 105 orang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah, oklah, kasihan.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang kedua ni saya nak tentang sentuh sikit, minta maaflah tentang PBT ni. Alhamdulillah, hari ini PBT khususnya dalam kawasan saya ni ada peningkatannyalah. Cuma saya rasa terkilan ni dari segi kebersihan ni.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang menyeluruhlah. Bersih, kita nampak bersih, tapi yang menyeluruh. Jadi, saya minta supaya Kerajaan Negerilah mengarahkanlah supaya PBT ini, seluruh Negeri Johor ini, khasnya tempat saya ni, sama ada kita berikan surat pekeliling, dia dah ada peraturan, undang-undang dah ada, peraturan dah ada, dah cukup dah. Tapi kita tak laksanakan. Kita nampak sampah bersepah, orang hisap rokok boleh buang putung rokok gitu saja, habis kotak rokok, perukkan, baling gitu saja.

Y.B. Dato' Speaker : Kat mana Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Mana-mana Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Eh (ketawa), tempat Yang Berhormat ada?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang saya nampak di mana-mana.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Tapi, saya tak hisap rokok, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, saya tak buatlah. Ha, ni yang saya nampak. Jadi saya minta supaya, bila kita kerajaan arahkan ni, baru dia orang

rasa ada tanggungjawab. Berikan masa, 6 bulan, setahun, kita nak bersih. Kita tengok, saya tak nak sebutlah negara-negara lain. Tapi tersebut juga nanti.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yang Berhormat pergi Afrika macam mana?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Kalau saya pergi ke Tanzania tu, memang tak berapa, tapi, dia tempat tak membangun, tapi dia tak nampak sampah bersepah kat situ. Tapi, di tempat lain tu, bersih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok Yang Berhormat, agak senang duduk sana?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Senang tempat kita Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah, bagus.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Tapi saya nak terangkan, Ok, saya ambil contohlah dalam negara kita ni, Negeri Melaka. Kalau orang kata Ayer Keroh, Jalan Ayer Keroh tu ke bandar, memanglah. Semasa pilihan raya kecil di Machap di Melaka tu, daripada Ayer Keroh nak ke DUN Machap tu, lalu kampung, lalu belukar, lalu ladang, kita pun takut. Eh, betul ke ni? Tapi sepanjang jalan kita boleh nampak Bandar Melaka tu bersih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat dah pergi, memang bersih eh?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Ini contoh Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Alamat dapat Datuklah tu. (Dewan ketawa)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Tak, ini saya cakap betul.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, tak payahlah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Terima kasih Dato'. Ini yang betul Dato'. Kita cakap yang betulkan, contoh. Ni kita, saya sampai cakap semasa saya Ahli Majlis dulu, kadang-kadang saya cakap saya gagal semasa saya jadi Ketua WHIP dulu gagal, kerana hendak mencapai matlamat untuk nak jadikan Majlis Daerah ni sebuah Majlis yang bersih dalam Malaysia ni. Tapi, kalau kita bercakap Dato', yang melaksana orang lain. Kenapa di Melaka boleh? Saya kata, kadang-kadang dia jawab, contoh macam tulah, kalau dululah, kita sebut, minta maaf cakaplah, sebab Singapuralah. Orang kata, Y.B., Haji, masa tu belum Y.B lagi, Singapura kecil, Singapura dia kata apa ni, Malaysia besar, Singapura kecil. Saya kata, jangan bandingkan Singapura dengan Malaysia. Bandingkan Singapura dengan Majlis Daerah Simpang Renggam. Mana besar saya kata? (Dewan ketawa). Itu saja, mudah saja. Jadi, kalau semua PBT tu menjalankan, buat peraturan. Pertama kita kena beritahulah Yang Berhormat Dato' Speaker, undang-undang dah ada, tapi kita tak usah paksa, orang marah. Pertama, kita beritahu. Buat pendidikan, bagi surat. Yang kedua, kalau orang buang sampah dalam masa sebulan, 2 bulan,

lepas tu kita tegur. Yang ketiga, kalau tak buat juga barulah kita saman. Tapi tidak dibuat sehingga ke hari ini. Sebab tu kita tengok, denda RM250.00, kat papan tanda. Buat papan tanda tu pun dah dekat RM2, RM300.00.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Sampah berlonggok dekat situ. Jadi, tak ada di, tak dihormati oleh penduduk ni. Jadi, kita kena didik mereka supaya kita hendak supaya PBT Negeri Johor ni, jadi sebuah negeri yang bersih dan cantik, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Dan yang seterusnya, saya nak sentuh tentang Suruhanjaya Pilihan Raya, SPR ni.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dato' Speaker, minta maaf cakaplah, kita bukan menuduh. Tapi ada pengalaman. Hari ni tiap-tiap pilihan raya, saya baru dalam 4, 5 kalilah menghadapi pilihan raya ni. Sebelum tu saya tak ada, bukan, saya bukan orang awam, jadi tak mengundi cara mengundi biasa nilah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat undi apa? Undi pos eh, dulu?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Undi pos Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi bila saya tengok Yang Berhormat Dato' Speaker, tiap-tiap kali pilihan raya, ada saja yang berlaku. Contohlah, kawasan saya contoh. Duduk Kampung Cina, di Renggam ni, bila dia nak pergi mengundi, nama dia dekat Benut sana. Ha, bayangkanlah, macam mana ini boleh berlaku? Kalau kat Renggam tu, ada 3 tempat peti undi, kalau kat Sekolah Cina tu, pergi Sekolah Jubli Intan tu, oklah, kita boleh terima lagi. Ini, alamat di Renggam, undi di Benut. Ada alamat dia Simpang Renggam, undi di Kluang.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau dia tu tak mengundi Yang Berhormat, Yang Berhormat setuju dia kekal sana?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Bukan gitu yang Berhormat Dato'. Dia ada cerita lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ada. Ha'ah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Dia, Yang Berhormat Dato'…

Y.B. Dato' Speaker : Wah, semenjak balik Tanzania ni, fuh, banyak pengalaman betul. Ha, yalah jemput.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato', masalah apa Yang Berhormat Dato', dia 2 perkara :

i. Dia akan marah dan kalau dia marah, dia tak akan pergi mengundi. Tak apalah. Pembangkang tak dapat, BN tak dapat.

ii. Kalau dia marah, dia pergi juga mengundi, daripada Renggam dia pergi ke Benut, sama ada dia naik kereta sendiri ke ataupun ada kereta yang sekarang ni SPR ada sediakan, tapi dalam keadaan dia marah. Dia kata SPR ni kerajaan, SPR ni BN, dia pergi undi pembangkang, Yang Berhormat Dato'. Ha ini yang kita rugi ni. Kita nak kena betulkan. Saya tak salahkan SPR. Sebab dalam kakitangan SPR tu Yang Berhormat Dato', pembangkang dia suka sebab dia kata kita kata SPR tu kerajaan. Tak. Dalam kakitangan SPR tu Yang Berhormat Dato', ada orang UMNO, ada orang PKR, ada orang PAS.

Y.B. Dato' Speaker : Orang apa, JKR?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : SPR, Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, SPR. Ha. Ingat orang JKR.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Suruhanjaya Pilihan Raya, pilihan raya ni, SPR.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Kakitangan dia tu Yang Berhormat Dato', ada orang berbagai-bagai parti.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Hak dia.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Jadi, saya tak tuduhlah. Sebab saya, pengalaman saya 10, 20, 12 tahun dulu, saya pergi pejabat SPR tu nak beli buku. Masa tu zaman parti 46. Saya nak beli buku tu, kita beli Dato', bukan *free*. Kita kerajaan beli. Tapi, dia bisik-bisik, dia boleh bagi saja pada orang 46 ni. Ha, sebab tu saya berani cakap tadi, saya bukan tuduh. Sebab, kalau orang ramai beranggapan SPR ni kerajaan, SPR ni BNlah. Tapi tidak Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : SPR tu badan bebas tapi manusia dalam tu ada UMNO, ada PKR, ada DAP, DAP kuranglah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh,orang tak ada eh. (Dewan Ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Ada PAS. Jadi, ini yang kita nak betulkan Dato'. Jadi, kita tak nak kalau sekali berlaku, silap, tapi kalau tiap-tiap kali pilihan raya. Kita boleh salahkan pengundi, kenapa tak *check*, kenapa tak semak. Tapi takkanlah nama kat Renggam boleh pergi ke Benut. Jadi, tak munasabah benda ni. Sebab yang buat ni manusia Dato'. Dia buatkan membolehkan orang marah pada kerajaan. Ha, ini ada kemungkinan supaya orang marah, kan? Jadi, saya minta supaya pihak kerajaan berbincang dan perbetulkan. Jangan ada kesilapan berlaku di masa akan datang. Jadi

saya nak beri pandangan ini supaya kita ini tidak ada tuduh menuduh dan supaya orang tak marah akhirnya orang marah kerajaan.

Dan yang, Dato', ini orang pesan kat saya, benda ni kecil, bukan kawasan saya, macam benda remeh-remeh saja. Tapi, minta maaf Dato', ini amanah. Dia kata " Y.B. dah berucap belum? Kalau belum berucap, tolong pesan", kata dia. Kalau saya tak sampaikan, tak amanah pula saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah, betul.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Ha. Kita ok Dato', kita hari-hari balik, tapi kalau orang yang datang sekali-sekali, pelancong ke ataupun orang yang nak menggunakan perkhidmatan di Pentadbiran Nusajaya ni, dia nak balik, dia tak jumpa nak cari Johor Bahru Dato'. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) Kenapa?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Sebab dia keluar je daripada Nusajaya ini, dia tengok situ Tuas kata dia. Eh, Tuas. Ke depan lagi Kuala Lumpur. Tak jumpa Dato'. Kalau kat jambatan tu pula Kuala Lumpur dan Gelang Patah. Tak ada Johor Bahru, Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nampak eh *signboard?* Saya tak perasan (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Saya memang nampak, tapi ini Dato', orang beritahu saya. Ini amanah Dato'. Jadi saya mintalah, benda ini kecil Dato', jadi saya minta supaya sama ada Pentadbiran Nusajaya ini ataupun khususnya PLUS ini, jadi kita maklumkan kepada PLUS ini yang Kuala Lumpur tu pasang lagi satu *signboard* tu, sebab kita tahu dia Kuala Lumpur dulu lepas tu nanti barulah jumpa nampak *signboard* Johor Bahru, Pasir Gudangkan? Jadi, kat simpang pertama tu, mesti tulis Kuala Lumpur dan atas satu lagi Johor Bahru. Ha, ini pesanan orang tu, ini amanah saya perlu sampaikan. Terpulanglah kepada pentadbiran, ini mudah aje. Sebab saya dulu, Dato', dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, saya pernah tegur. Bila kita daripada Kuala Lumpur ini, Johor Bahrukan, dia tak ada ke Mersing Dato'. Jadi orang, kita tahulah. Orang Utara, dia nak pergi ke Mersing, dia pergi Johor Bahru pusing Kota Tinggi, baru dia pergi Mersing.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, patut masuk Ayer Hitam eh?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Ha, itu Dato' yang betul Dato'. Jadi saya kata patutnya, Mersing. Jadi dia masuk Ayer Hitam, dia pergi Kluang dari segi pelancongan pun kita dapat juga hasilnya. Dia pergi kat Ayer Hitam beli apa, putu bambu.

Y.B. Dato' Speaker : Jangan, jangan dia terbelok Yong Peng dahlah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Eh, tak Dato', dia ada *signboard* lagi. Dan daripada Kluang dia boleh berhenti minum air, tuang minyak. Dan dari segi peningkatan ekonomi itu ada dan kita memudahkan

orang. Jadi, itu pun Dato' makan masa jugalah 5,6 bulan ok PLUS baru pasang, Mersing. Alhamdulillah Dato'. Jadi ini begitu juga. Jadi kita mintalah pihak pentadbiran maklumkan pada PLUS supaya pasang *signboard,* Kuala Lumpur lepas itu, sesama situ Johor Bahru. Jadi itu Yang Berhormat Dato'. Dan saya pun nak ucap terima juga Dato' pada…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, apalah Yang Berhormat ini tengok jam, cakap jelah, saya tak tegur. Jalan ajelah. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato', saya nak ambil kesempatan jugalah…

Y.B. Dato' Speaker : Macam ceramah aje.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Apa yang betul, kita kata betulkan. Saya ucap terima kasihlah kepada semua Pegawai-Pegawai Kerajaan dalam Negeri Johor ini khususnya daerah Kluang ini, mudah Dato' dan memberikan kerjasama. Kalau saya, yalah kadang-kadang kalau ada air pecahkan, orang telefon saya. YB air…

Y.B. Dato' Speaker : Paip pecah, bukan air pecah (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Minta maaf Dato'. Paip pecahkan, dia telefon saya, saya telefon SAJ. Kalau ada lampu tak menyala, telefon saya pukul 11 malam, saya telefon TNB. Ada Dato' tengah malam, 11 malam ke, pagi ke, petang ke, pegawai-pegawai ini sentiasa membantu. Dari segi kebajikan, Kebajikan Masyarakat, Pentadbir Tanah Daerah, jadi saya rasa mudah menjalankan tugas dan kadang-kadang Dato', pegawai-pegawai cakap kat saya, YB lama tak telefon? Saya pun cakap, saya kata kalau telefon itu ada masalah. Kalau tak telefon itu tak ada masalah. Oklah. Betul tak?

Y.B. Dato' Speaker : Saya nampak memang layak sambung lagi sepenggallah, nampak gaya Yang Berhormat (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Jadi Dato', ini menunjukkan ketepatan sebagaimana saranan Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Dengan ini saya menyokong…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat dulu, sebelum duduk, dulu Yang Berhormat apa, kerja kat mana? Jawatan?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Terus terang cakap, apa nak lindung Dato',kan. Saya bekas Tentera Laut Diraja Malaysia Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, padan, kat laut mana ada tanda-tanda jalan ek? Ha, Oklah (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Bukan tanda jalan Dato', jalan pun tak ada Dato', nampak air aje. Ok, dengan ini saya menyokong cadangan yang dibawa oleh rakan saya daripada Senggarang. Sekian

wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Nasib baik berhenti. (Dewan bertepuk). Siapa? Yang Berhormat nak apa?. Saya tak sebut lagi. Duduk, saya tak cakap apa-apa. Belum lagi, duduk. Itu kuasa Speaker. Perbahasan diteruskan lagi, siapa nak berucap? Ha, Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Dato' Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasihlah kerana memberi saya mewakili DUN Pasir Raja dari Kerajaan Barisan Nasional membahaskan rundingan Bajet 2010. Barisan Nasional sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin kerana mendahulukan rakyat. Memahami bajet defisit yang dikemukakan untuk kita bahaskan merupakan satu cabaran dalam kita mengatasi sebahagian daripada perjalanan memulihkan ekonomi dari kesan kegawatan. Seperti yang dijangka, kegawatan ekonomi dunia dan negara dapat diatasi dengan kesungguhan kerajaan dalam belanja berhemah dan bertanggungjawab. Komitmen dua pakej rangsangan ekonomi yang dikemukakan oleh Kerajaan Pusat untuk memulihkan ekonomi terutama untuk rakyat Negeri Johor mendapat perhatian.

Setakat ini sejumlah besar pakej rangsangan kepada Negeri Johor telah disalurkan terutama bagi manfaat terus kepada rakyat teramai sama ada rakyat di bandar dan di luar bandar. Kalau kita mengukur keberkesanan agensi-agensi yang diberi mandat untuk menyalurkan dan melaksanakan aktiviti rangsangan ini melalui konsep prestasi diutamakan, adakah kerajaan, adakah pihak Kerajaan Negeri Johor berpuas hati sepenuhnya?

Dato' Speaker, kita bersyukur kerana pakej rangsangan ekonomi 1 dan 2, benar-benar dapat membantu golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Kelompok yang tidak berupaya, yang telah berhenti kerja pula ramai yang menceburkan diri dalam bidang pertanian dan akuakultur serta berniaga secara kecil-kecilan. Sekurang-kurangnya hal ehwal makan minum keluarga terbela. Kita dapat rasakan kesan pakej rangsangan ini sebagai pakej yang paling bijak. Pembangkang pun memperakui hal ini terutama dalam hal meringankan bebanan rakyat. Malahan membina keupayaan masa depan negara dan negeri melalui pelbagai projek dan program oleh agensi yang dilantik terutama program membasmi kemiskinan terhadap golongan sasaran.

Tetapi Dato' Speaker, senarai e-Kasih berpangkalan di peringkat Nasional sedikit sebanyak mengguris hati rakyat termiskin yang tercicir seperti dalam senarai *Task Force,* tidak seperti dalam senarai *Task Force* Pejabat Daerah. Contohnya, di DUN Pasir Raja. Saya mendapat senarai e-Kasih yang terkini hanya 30 orang sahaja miskin dan miskin tegar sedangkan dalam senarai *Task Force* Pejabat Daerah, saya telah menghantar lebih kurang 70 hingga 80 nama. Bagaimana perkara ini berlaku, tidak ketahuan. Yang pasti ada kecicir an, malah agensi bertindih membantu golongan sasaran ini dan dalam niat kita menuju

mensifarkan miskin tegar, saya berharap siasatan-siasatan oleh agensi yang dilantik biarlah munasabah.

Dato' Speaker, pakej rangsangan ini perlu diteruskan agar dapat menyelesaikan sebilangan kesan krisis kewangan yang melanda dunia dan negara kita. Saya berharap janganlah ditarik balik atau dihentikan keseluruhan perlaksanaan pakej rangsangan ini walaupun ekonomi dijangka akan kembali pulih. Dikhuatiri kekebalan krisis menjadi lebih mengganas. Hujahnya mudah sahaja Dato' Speaker, seperti seorang doktor perubatan memberi preskripsi antibiotik kepada seorang pesakit, dosnya mesti dihabiskan walaupun kesan penyakit sembuh awal agar tidak timbul, dengan izin *resistance* pada masa hadapan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat masih doktor lagi eh? Sepenuh masa?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya hanya melawat klinik-klinik saya, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dah jadi pelawat.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Lembaga Pelawat.

Y.B. Dato' Speaker : Handal. Ha, yalah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Sebab itu Dato' Speaker, kerajaan yang kuat dan kukuh diperlukan sama ada di peringkat pusat atau Johor. Negeri Johor tentu sekali akan menjadi sasaran pembangkang untuk ditawan dalam misi tamak haloba mereka. Kita mungkin kebal dengan polisi yang baik yang kita hidangkan kepada rakyat. Tetapi kita mungkin kalah dengan isu yang melibatkan sikap atau kelakuan anggota *front liner* yang berurusan dengan rakyat. Anggota *front liner* inilah yang melayan rakyat yang ingin berurusan dengan kerajaan. Kita berharapkan mereka ini, *front liner* melayan rakyat dengan baik bukan membenci rakyat yang hendak berurusan dengan kerajaan kerana layanan mesra juga diperlukan dalam agenda kerajaan kita bukan sahaja polisi mesra pelabur seperti yang disebut dalam Bajet 2010.

Dato' Speaker, jika dilihat dalam butiran laporan ekonomi Bajet 2010, halaman 211, sektor pertanian merupakan sektor primer yang kurang terjejas berbanding dengan sektor sekunder dan tertiari. Berapa bukti saya ada data di sini. Antaranya, dalam sektor-sektor yang merosot tetapi ada peningkatan yang ketara dalam pengeluaran ikan air tawar. Daripada 5,881.60 tan metrik kepada 9,744.55 tan metrik, 2009 jadual 32. Ini satu perangkaan yang baik untuk bidang ini. Dan saya lihat daripada 6,257 orang pekerja yang diberhentikan dahulu semasa gawat ada menjalankan aktiviti ini dan saya yakin ramai di antara mereka menceburkan diri dalam program penternakan air tawar seperti ikan Talapia, Keli, Ketutu pun ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ikan apa?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ketutu.

Y.B. Dato' Speaker : Ikan apa itu?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja): Nama…

Y.B. Dato' Speaker : Ketutu?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dalam bahasa Cina, Sun Hok.

Y.B. Dato' Speaker : Bahasa India?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Bahasa India, saya kena tanya Permas Jaya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, hilang Permas Jaya. Yalah tak apa, Ketutu.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ikan puyu, sekarang ikan Haruan. Sama ada mereka turun memancing atau membuat kolam tanah atau *canvas,* itu cara mereka mengadakan industri ini.

Terima kasih saya nak ucapkan kepada Kementerian Pertanian, Jabatan Perikanan yang membantu termasuk beberapa program Bumi Hijau dalam bidang perikanan. Yang menjadi masalah Dato' Speaker, ialah berkenaan dengan tajuk utama, pemasaran. Bila ditanya dalam Dewan, akhirnya menjurus kepada tugas agensi yang digelar FAMA. Saya nak tanya kepada FAMA, adakah sudah mengambil langkah yang terkini, *advance method* dalam memikirkan soal lambakan produk ini dengan harga yang rendah? Saya berharap sikap pegawai-pegawai ataupun agensi seharusnya menzahirkan tindakan positif dan ada pandangan yang lebih terkini untuk mengatasi lambakan dan kejatuhan harga. Bukan sekadar kita nak tekan penternak ikan sahaja. Kerana ramai yang mencebur bidang ini semasa kegawatan ekonomi sudah *give up* Dato' Speaker. Dah *give up* dan ada yang dah menyalahkan kerajaan tak membantu menstabilkan harga. Walaupun ada bantuan 0.57 sen sekilo bila dijual tetapi mesti melalui dokumentasi yang lengkap daripada Jabatan Perikanan melalui Agro Bank. Di Johor, saya ulang lagi *survey* menyatakan tak ramai gemar makan ikan keli berbeza, berbanding di utara. Malahan saya tanya penternak sendiri pun tak makan ikan keli.

Y.B. Dato' Speaker : Apa sebab, Yang Berhormat dapat tahu tak, sebagai doktor?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang ini malas nak cerita Dato' Pengerusi, Dato' Speaker. Masa kecil-kecil mereka ada jamban yang terbuka.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu masalah lamalah. Saya tak kiralah selagi halal, saya bedal.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Hari ini, ikan-ikan ini diternak di dalam *canvas*, dalam kolam yang diberi makanan *pallet,* bersih. Tak ada, tak ada isu beri makan bangkai, usus kecuali mereka yang degil. Jadi saya cadangkan beberapa perkara disarankan kepada pihak berwajib mesti bersungguh-sungguh dalam hal ini. Contohnya, mengadakan resipi kerana

orang Johor ini dia tak banyak resipi, dia goreng, dia goreng, dia masak asam pedas.

Y.B. Dato' Speaker : Ish, tak banyak Yang Berhormat? Pakar, pakar masak banyak kat Johor. Macam-macam kat kampung. Dia pandai tak. Banyak resipi tu.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya ingat Dato' Pengerusi pun, Dato' Speaker pun memang pandai masak.

Y.B. Dato' Speaker : Pandai tapi banyak tak jadi. Oklah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Cuba utarakan pertandingan, pertandingan masak Keli. Panggillah 100 orang ke dalam cerita dalam Astro, apa tu di panggil, *Iron Chef*. Kita produk Keli dan hantarkan *brosur* ni kepada ramai orang, masuk *website* ke apa. Mereka akan pandai makan dan ikan ini akan dapat, ikan air tawar ini akan dapat lebih banyak pasaran dan naik harga akan bagus. Dan wujudkan rantaian dengan wilayah maju. Kita ada wilayah maju dan kilang-kilang mengetin sardin. Saya dah dapat tahu ada satu di Temerloh, satu kilang ikan sardin. Kalau banjir Dato' Speaker, inilah ikan sardin inilah yang memang dimakan oleh orang.

Y.B. Dato' Speaker : Sedap, betul.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dan penternak nak melihat FAMA bertindak pantas menstabilkan harga kualiti ini.

Dato' Speaker, mengikut kepadatan penduduk, saya banding 2 sahaja, Kota Tinggi dengan Johor Bahru. Data tunjuk sini, Kota Tinggi mempunyai 71 sekilometer persegi berbanding dengan Johor Bahru 881 sekilometer persegi, penduduk, padat penduduk. Tentu kalau kita bandingkan 2 daerah ini, kuasa membeli di Kota Tinggi tentu kurang tetapi dengan ada jaringan kerjasama antara wilayah, wilayah-wilayah dalam Johor dan luar Johor, produk-produk yang datang daripada wilayah Kota Tinggi ini tentu boleh dipasarkan ke merata tempat di mana wilayah-wilayah yang lain dan diuruskan sekali lagi oleh FAMA.

Dato' Speaker, Kota Tinggi memerlukan satu pusat pengumpulan pertanian yang berpusat yang moden dan dikendalikan oleh agensi kerajaan bukan, untuk bukan sahaja mengumpul atau membeli produk pertanian daripada petani dan daerah, daerah ini, malah masa akan lebih efisien, bukan sekadar untuk wujudkan *K-Shoppe* sahaja. Tempat yang cadangkan adalah bersebelahan Kip Mart di bandar Kota Tinggi, di di bandar Kota Tinggi, di kawasan Yang Berhormat EXCO Warisan, Kesenian. Kemudian bolehlah pusat pengumpulan tersebut melantik peraih-peraih kecil untuk mengutip hasil dari petani kecilan tapi dengan syarat mesti ada *cash*. Petani kecil ini dia tak boleh hutang. Kita bayar dia tunai. Mereka akan lancarkan lebih banyak produk. Dari segi ekonomi *upscale* dengan izin, ini merupakan obligasi pihak kerajaan untuk membantu rakyat di kawasan ini khasnya 6 DUN akan mendapat manfaat dengan kegiatan pusat ini di Daerah Kota Tinggi.

Dato' Speaker, ada pantun pasal si Badang, si Badang ini dilahirkan di Sungai Sayong rupanya. Jadi saya pantun beginilah :

Si Badang di lahir di Sungai Sayong,
Disemadikan Akhirnya di Pulai Karimon;
Maju Johor kerana jalan kampung,
Terima kasih mohon *carry on*.

Y.B. Dato' Speaker : Mohon apa?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : *Carry On*lah cakap.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha. Saya ingat dengar nama sana tadi, Onn. Ok.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Modul ekonomi baru memerlukan sektor perkhidmatan yang moden berasaskan inovasi dan kreativiti. Kita amat bersetuju, kita amat bersetuju dengan asas modul ini malahan mahu menjadikan rakyat ke arah memperoleh pendapatan tinggi. Sektor pertanian lagi menjadi perhatian. Saya ingin mendapatkan penjelasan program mengusahakan tanah terbiar. Sudah kah mencapai sasaran peringkat negeri? Dan di DUN Pasir Raja perkara ini masih menjadi persoalan. Tentu pihak Jabatan Pertanian menerima banyak permohonan dari DUN Pasir Raja untuk mengusahakan tanah terbiar untuk diusahakan malahan bentuk bantuan jabatan amat menarik minat para petani. Perkara yang saya ingin timbulkan tentu jawapannya tidak ada permohonan, dengan itu Dato' Speaker, tentu masalah yang ketara ialah maklumat tak sampai ke petani. Makna silapnya *delivery system,* dengan izin dan berapa ramai lagi rakyat yang tidak mengetahui pakej-pakej dan bantuan Jabatan Pertanian.

Saya mencadangkan kekerapan pegawai turun bertemu ketua kampung tradisional dan ketua-ketua isi rumah yang mempunyai tanah terbiar agar khidmat nasihat boleh diaturkan untuk menambah pengeluaran petani Dato' Speaker. Saya perlukan pembaikan jalan-jalan pertanian, ianya perlu di naik taraf tambahan pula dalam Bajet 2010. Yang Berhormat Menteri Besar ada mencadangkan perihal kewujudan kebun integrasi, *integrated farm*. Mohon mengetahui adakah Jabatan Pertanian atau JPS telah membuat cukup tinjauan dan kajian terperinci tentang keperluan semasa dan terkini jalan-jalan pertanian yang perlu dibina atau di naik taraf. Satu standard atau piawai yang termaju seboleh-bolehnya dapat di laksana oleh jabatan terutama di kawasan saya DUN Pasir Raja. Jalan kampung kebanyakan dah selesai, Alhamdulillah Dato' Speaker, terima kasih pada Kerajaan Negeri.

Yang perlu dilakukan seterusnya ialah permohonan naik taraf dan bina baru jalan pertanian dan ini perlu ada satu sasaran yang perlu di capai.

Dato' Speaker, ucapan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam butiran 51 menyatakan Kerajaan Negeri akan menyemak kaedah dan kadar kutipan hasil dari batu-batan. Memperkenalkan sistem pengiraan kuantiti bahan batuan berdasarkan dokumen kontrak atau stok di lokasi agar ketirisan tidak berlaku dalam usaha meningkat kutipan hasil. Perkara ini sangat penting Dato' Speaker. Saya merujuk kepada kaedah, ingin saya menyarankan agar

kaedah muatan lori batu dan pasir yang berlebihan diambil kira juga. Rakyat rasa cukup takut dan sangat berhati-hati terhadap kemunculan lori-lori pengangkut batuan. Baru-baru ni lebih besar dan banyak isunya mereka terlalu besar dan berat untuk melalui jalan kecil negeri dan jalan persekutuan. Kalau lalu *highway* tak apa Dato' Speaker malah kekuatan jalan-jalan tar, jalan raya kita pun tak tahan lama, mudah mendap dan mudah pecah akibat kekerapan laluan lori-lori ini. Kita tak halang keluaran batuan ini untuk tujuan hasil tetapi tidaklah membenarkan lori ini melalui jalan yang kecil dan tak selamat. Malahan kita mohon ruang batuan lori ini ditutup rapi agar tidak ada yang bertaburan di jalan raya.

Kerajaan Negeri mesti memastikan laluan lori ini digazetkan dengan tidak *parking*. Masalah utama Dato'Speaker, tak *parking* di taman-taman perumahan selepas waktu kerja, di rumah-rumah kampung jalannya kecil selepas waktu bekerja.

Y.B. Dato' Speaker : Ada juga berlaku Yang Berhormat? Ada berlaku?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Berlaku Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana pengusaha yang mempunyai lori-lori ini sebenarnya ada tempat khas supaya *driver* mereka boleh hantar lepas patut kerja bukan bawa balik ke rumah. Kadang-kadang bawa balik rumah dengan batu sekali dalam lori tu.

Dato' Speaker, kita rasa sungguh teruja apabila melihat pembangunan dalam IDR Kerajaan Pusat juga memerlukan peruntukan yang besar untuk memajukan kawasan ini. Sebahagian daripada aktiviti ialah tambakan batu, pasir dan tanah di persisiran pantai Johor Bahru. Tentu sekali hasil patut diperolehi oleh Kerajaan Negeri jika kita mengambil berat tentang butiran 51 catatan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Persoalannya, berapa banyak kah Kerajaan Negeri mendapat royalti hasil dari pemindahan pasir, tanah, batu yang digunakan dalam projek sepanjang pesisir Pantai Lido khususnya projek penambakan laut yang berkaitan. Apa-apa pun Dato' Speaker, kita jangka tanpa ketirisan kita akan dapat menambah kutipan hasil tidak kira dari kawasan mana dalam Negeri Johor, batu, pasir, tanah diambil.

Saya ingin mendapatkan penjelasan Dato' Speaker berkenaan dengan pendidikan. Saya mohon penjelasan bagaimanakah biasiswa yang dirancang untuk diberikan kepada rakyat Johor daripada YPJ 2010. Masalahnya kita tak jelas tentang bidang kritikal yang dimaksudkan. Apakah bidang kritikal ini yang dimaksudkan dan adakah ianya melibatkan IPTA sahaja atau melibatkan semua IPT dalam negara dan apakah ia di luar negara juga boleh mendapatkan biasiswa ini? Kerana bidang kritikal yang disebut tidak khusus kepada bidang-bidang tertentu. Adakah ianya bidang perubatan, pergigian, farmasi ataupun bidang-bidang yang berkaitan dengan bidang yang penting waktu ini seperti ICT?

Dato' Speaker, dalam ucapan 7 catatan bajet meningkatkan pulangan daripada aset Kerajaan Negeri berbentuk hartanah memang patut dilihat secara menyeluruh untuk memaksimumkan nilai pembangunan sewaan atau jualan. Dengan kekangan sumber kewangan kerajaan untuk tujuan

pembangunan bentuk dengan izin Dato' Speaker, *leverage asset*. Kerajaan sangat bersesuaian buat masa ini cuma *locality* nilai pulangan yang tinggi merupakan perkara yang tidak boleh dilepas pandang. Mohon kerajaan mengenal pasti pemaju yang layak dan pembeli yang layak, penyewa yang layak. Tidak mencurigakan dan menggores hati orang-orang atau rakyat. Saya mohon melalui Dewan yang mulia ini kerajaan memberikan beberapa contoh cadangan *leverage asset* ini agar kami Wakil-Wakil Rakyat yang di mana tempat-tempat *asset* ini berada untuk dimajukan boleh memainkan peranan yang berkesan. Contoh, sekadar saya memberi contoh Dato' Speaker, tanah wakaf di tengah-tengah bandar Kota Tinggi berhadapan dengan surau bandar. Contoh tanah wakaf di Majlis Daerah di daerah Kulaijaya bersebelahan Balai Polis, mohon jawatankuasa kewangan aset ini bertindak pantas dan teliti pulangan dari sumber-sumber ini.

Dato' Speaker, saya mencadangkan juga agar Kerajaan Negeri merebut peluang kerja-kerja besar yang berpatutan yang dilaksanakan Kerajaan Pusat melalui pelbagai Agensi agar membantu kontraktor-kontraktor ataupun peniaga-peniaga Kelas A dan B ini dari negeri ini memperolehi kebanyakan kontrak, kebanyakan kontrak di Negeri Johor ini. Maka Dato' Pengerusi, Dato' Speaker, kutipan zakat Negeri Johor akan bertambah, tadi dah dengar RM107 juta setahun. Lebih banyak rakyat Islam yang layak menerima bantuan dalam asnaf yang disenaraikan. Yang kita bimbang syarikat yang memperolehi tender datang dari Negeri Selangorlah, Kedahlah, Kelantan, Pulau Pinanglah….

Y.B. Dato' Speaker : Betul ke Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya dah semak Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada orang Johor?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tak banyak dia kata. Kalau boleh kebanyakannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha diperbanyakkan.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Diperbanyakkan tempat mereka bayar zakat bukan di sini Dato' Speaker, di sana.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Mereka akan bayar zakat di negeri mereka. Kita berharap kita, kita bantu agar anak-anak Johor, kontraktor-kontraktor Johor dapat kerja contoh, saya jelaskan di sini. Di UTM, di UiTM, UniKL Pasir Gudang, UTSM dan yang lain-lain tempat yang saya tak dapat namakan. Apabila saya semak, majoriti syarikat beralamat di Kuala Lumpur. Mereka kenal orang Putrajaya, orang Johor tak dapat, melepas Dato' Speaker.

Akhir sekali Dato' Speaker, di kawasan saya terdapat 4 kawasan FELDA yang telah lebih daripada 30 tahun iaitu FELDA Bukit Besar, FELDA Bukit Ramun, FELDA Pasir Raja dan Sungai Sayong. Isu yang dibangkitkan oleh penduduk ialah berkaitan dengan sekolah-sekolah agama yang telah uzur dan perlukan

pembinaan semula. Saya mohon agar pihak Jabatan Agama membuat penyiasatan akan hal ini dan mengambil tindakan untuk membaik pulih atau sekurang-kurangnya bina semula yang lebih tahan jangkaannya kerana dijangkakan penambahan generasi baru di 4 kawasan FELDA ini kesan daripada penambahan penduduk generasi kedua dan ketiga. Mereka sangat produktif Dato' Speaker.

Menyentuh sekolah agama Dato' Speaker, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Jabatan Agama berapa peratus kah, berapa peratus kah sebenarnya guru-guru KAFA diberi latihan formal termasuk kursus wajib dan kursus tambahan? Adakah bahagian pendidikan Jabatan Agama serta JAKIM melihat perkara ini penting demi mencapai sasaran standard pelajaran dan pengajaran? Bolehkah Dewan ini dimaklumkan tentang *outcome* daripada adanya program ini terhadap anak-anak kita yang mendapat pendidikan KAFA. Adakah mereka lebih bernilai dibandingkan jika mereka tidak dapat pendidikan formal melalui KAFA.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, *last but not least*, pada persidangan yang lepas saya ada mohon supaya Kampung Baru Sungai Teluk, pihak Telekom Malaysia mengambil inisiatif untuk membekalkan talian telekom di kampung tersebut kerana terdapat permintaan untuk penduduk kampung tersebut mendapatkan telefon yang berkabel bukan telefon *Wireless* kerana ramai anak-anak mereka yang hari ini bijak pandai telah balik membelikan mak bapak mereka *laptop*, belikan komputer dan belikan *Broadband* tetapi mereka kata servis *Broadband* tak berapa baik. Jadi mereka perlukan kabel laluan telefon yang sama ada atas ataupun bawah ke kampung, Gugusan Kampung tersebut, termasuk Untuk makluman Dato' Speaker, Kampung Baru Sungai Teluk. Kerana perkara itu telah saya bawa dahulu dan saya minta pihak Telekom Malaysia pastikan bahawa permintaan mereka ditunaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, Pasir Raja ingin menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi, siapa nak berucap? Pulai Sebatang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak ada *meeting* ke ini hari, AGM?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang…

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, tak ada *meeting,* ye?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Terima kasih kerana ambil berat tentang MCA, inilah semangat 1Malaysia, Dato' Speaker, dalam BN yang menunjukkan setia kawan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha..ok, sudah baik ye, tak ada gaduh-gaduh.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Tapi kita sudah berperang dan bersatulah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…ok.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Selamat pagi, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2010 yang bertemakan 'Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama', yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada Khamis 19 November yang lalu di Dewan yang mulia ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri di atas pembentangan Bajet 2010 yang begitu menyeluruh yang mana jelas kek ekonomi Negeri Johor dapat dinikmati hampir keseluruhan warga Negeri Johor. Tahniah juga diberikan kepada Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Johor kerana mengikut laporan yang dikeluarkan baru-baru ini kedudukan Negeri Johor dalam Kadar Kemasukan Pelaburan Asing Secara Terus, *Foreign Direct Investment (FDI)* berada dalam kedudukan yang baik dan memberangsangkan ini, Negeri Johor berada dalam kedudukan kedua selepas Negeri Sarawak dalam senarai FDI di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini jelas menunjukkan bahawa pertumbuhan dan pembangunan Negeri Johor amnya dan Wilayah Pembangunan Iskandar khususnya berada atas landasan yang baik dan tepat. Ini kerana dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi dunia, Johor masih lagi mampu dan berjaya menarik pelaburan-pelaburan yang banyak. Ini menunjukkan bahawa pelabur asing yang mana kita tahu amat berhati-hati kini dalam melakukan pelaburannya begitu tertarik dan percaya dengan pelan perancangan koridor ekonomi kita, Iskandar Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai rekod laporan FDI ini di mana saya sebutkan lagi sekali, Sarawak yang pertama manakala Johor adalah yang kedua. Apa yang kita nampak secara jelas dalam data ini adalah negeri-negeri yang di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional berada dalam keadaan yang baik dari segi kepercayaan para pelabur asing. Manakala dulu saya difahamkan ketika Selangor ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional, Selangor sering mendahului Johor dalam FDI ini. Namun kini, selepas setahun, Selangor ditadbir oleh pembangkang ia telah jatuh dan ditewaskan oleh Johor dan Sarawak...

Y.B. Dato' Speaker : Wah, berapa kosong? (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini menunjukkan bahawa pelabur asing mempunyai keyakinan yang tinggi kepada perancangan dan pentadbiran

Kerajaan Barisan Nasional berbanding dengan pentadbiran kerajaan pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh berkaitan permasalahan *hypermarket*, dengan izin atau pasar raya besar ini. Betul, ia banyak membantu kita dari segi perolehan ekonomi dan juga banyak membantu rakyat yang berada di bandar-bandar besar kerana mereka ini yang banyak menghabiskan masa untuk bekerja pasti memerlukan *hypermarket* ini yang serba lengkap untuk memenuhi keperluan harian mereka. Namun begitu, kebanjiran *hypermarket* ini yang seolah-olah seperti tidak terkawal, tidak dikawal telah menimbulkan masalah kepada sebahagian rakyat pula. Dalam Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', kita telah meletakkan janji bahawa semua rakyat, bukan sebahagian rakyat yang didahulukan. Maka atas tanggungjawab ini, di Dewan yang mulia ini, saya menyeru Kerajaan Johor khususnya dan Malaysia amnya untuk menilai semula kebanjiran *hypermarket* yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kewujudan *hypermarket* ini yang begitu banyak telah menjejaskan peluang perniagaan kepada mereka-mereka yang menjalankan terutamanya perniagaan runcit skala kecil dan sederhana. Mereka ini memang diakui tidak mampu bersaing dengan *hypermarket* yang memang boleh meletakkan harga barang lebih rendah berbanding perniagaan runcit. Ini kerana *hypermarket* mempunyai modal yang besar dan mudah untuk mendapatkan kredit daripada pembekal kerana mereka biasanya membeli bekalan dalam skala yang besar, manakala peniaga kecil-kecilan ini sememangnya sukar untuk mendapatkan bekalan dengan kredit dan ini menyebabkan perniagaan runcit sukar untuk memberi harga runtuh. Peniaga-peniaga runcit ini telah banyak kali merungut dan merujuk kepada Wakil Rakyat meluahkan masalah mereka.

Kewujudan *hypermarket* ini yang begitu banyak tanpa mengira tempat telah menyulitkan kehidupan mereka-mereka ini, mereka terpaksa berusaha keras untuk bersaing dengan *hypermarket* ini demi kelangsungan hidup, terpaksa mencari sumber kewangan untuk menanggung beban membayar hutang pinjaman bank, sewa atau jika mereka membeli premis, hutang ansuran premis dan banyak lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Jika kita tidak membantu mereka keluar daripada masalah ini, maka kita telah menyumbang kepada kenaikan kadar kemiskinan tegar di negara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memberi kemudahan dan kelonggaran kepada perniagaan yang terlibat oleh masalah kebanjiran *hypermarket* ini untuk mengubahkan perniagaan atau premis mereka kepada perusahaan burung Walet. Berkaitan dengan burung Walet ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pernah mengemukakannya di Dewan yang mulia ini pada Persidangan yang lalu dalam tahun 2007, di mana saya telah mencadangkan agar perniagaan dan penternakan burung Walet ini diberi perhatian khusus oleh kerajaan kerana ia jelas mendatangkan hasil yang lumayan. Sebagai makluman Dewan yang mulia ini, sarang burung Walet ini mendapatkan pasaran yang tinggi di Negara China, Hong Kong dan banyak lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi perhatian khusus atas isu penternakan burung Walet ini dan telah memanjangkannya ke peringkat Pusat. Dalam masa yang sama, satu garis panduan perlu dilaksanakan bagi pengawalan mutu bunyi yang bersesuaian dan kebersihan alam sekitar yang mesra alam supaya ianya tidak mengganggu emosi masyarakat banyak yang berada di sekitarannya. Ia sangat perlu bagi merancak dan mengawal penternakan burung Walet yang amat menguntungkan bukan sahaja kepada ekonomi Johor khususnya dan Malaysia amnya tetapi lebih kepada keuntungan yang diperoleh oleh rakyat yang diutamakan. Malah, bagi menggalakkan penternakan burung Walet ini, saya dimaklumkan bahawa Agro Bank telah menyediakan pinjaman untuk perniagaan ini yang berjumlah RM300 juta...

Y.B. Dato' Speaker : Oi...

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Untuk dijadikan modal kepada pengusaha-pengusahanya. Dengan jumlah hasil daripada penternakan burung Walet ini pada tahun 2008 berjumlah RM1 bilion di negara kita sendiri di mana ia menyamai dengan 5% daripada pasaran dunia yang berjumlah RM20 bilion pada tahun tersebut.

Maka di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon agar dipermudahkan sistem permohonan lesen eksport dan lesen premis penternakan bagi perusahaan burung Walet ini agar dapat merancakkan lagi pertumbuhannya, dengan keadaan ini, ia dapat memberi peluang pekerjaan dan pilihan yang lebih baik bagi rakyat jelata. Oleh itu, masalah kebanjiran *hypermarket* akan dapat diatasi dengan iklim perekonomian yang baru oleh rakyat di negara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan wujudnya Pusat Jana kuasa Elektrik Tanjung Bin baru-baru ini dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menambahkan lagi hasil pendapatan Majlis Daerah Pontian. Di Dewan yang mulia ini, ingin saya bertanya, apakah ada rancangan di masa yang terdekat ini daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Majlis Daerah Pontian menjadi Majlis Perbandaran?

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Dengan penambahan hasil oleh Majlis Daerah Pontian, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan agar kadar pembayaran cukai harta dan lesen premis perniagaan serta iklan diturunkan bagi melegakan rakyat khususnya penduduk tempatan di sekitaran daerah Pontian ketika mereka sedang menghadapi ketidaktentuan ekonomi dunia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ada, ok.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Daerah Pontian...

Y.B. Dato' Speaker : Masa cukup.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Ya, sikit, daerah Pontian merupakan sebahagian daripada Wilayah Pembangunan Iskandar. Saya melihat pembangunan infrastruktur di Pontian ini agak perlahan, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan sistem jalan raya. Jalan raya utama yang hubungi Kota Tinggi–Johor Bahru dan juga Kulaijaya–Johor Bahru telah pun dinaiktarafkan menjadi 4 lorong, tetapi jalan utama Pontian selepas Ulu Choh masih lagi tidak di naik taraf walaupun Pontian ini sebahagian daripada WPI. Di Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan agar jalan utama dari Pontian ke Johor Bahru di naik taraf dari 2 lorong kepada 4 lorong dan saya juga mencadangkan pihak yang berkenaan memasukkan perancangan ini dalam Rancangan Malaysia yang Ke-10 dan diberi keutamaan. Saya berharap dengan menaik taraf jalan utama ini akan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi daerah Pontian dan secara tidak langsung kawasan saya Pulai Sebatang juga mendapat tempiasnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan segala permasalahan dan keperluan rakyat yang telah saya majukan di Dewan yang mulia ini, dan dengan tekad 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, menjadi harapan saya agar pihak yang berkenaan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Dengan ini, saya menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, terima kasih. Ok, diteruskan lagi perbahasan, jemput siapa nak berucap. Oh, Stulang. Tanjung Puteri. Yalah, Tanjung Puteri.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Salam sejahtera, salam 1 Johor, salam 1Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Dan salam 1 Tanjung Puteri. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Tanjung Puteri bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang membahaskan usul Bajet 2010 di Mesyuarat Ketiga bagi penggal Persidangan yang kedua, Dewan Undangan Negeri Johor yang ke-12 di Dewan yang mulia ini.

Kawasan Tanjung Puteri ini merata-rata bahagiannya adalah pusat perniagaan, maka permasalahan yang ketara adalah sebagaimana yang akan saya akan utarakan iaitu masalah-masalah mengenai dengan peniagaan dan pengusahaan. Maka, saya ingin membawa terus kepada permasalahan di tempat saya. Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ucapan pembentangan Bajet 2010, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada mencadangkan iaitu Terminal Bas Larkin akan dipertingkatkan dan

dibangunkan semula bagi menaikkan taraf perkhidmatannya untuk kepentingan awam.

Tanjung Puteri mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah terhadap keprihatinan Kerajaan Negeri Johor, yang mana mendahulukan kepentingan rakyat ini. Begitu juga dengan peruntukan RM10 juta untuk memberi bantuan dalam bentuk subsidi kepada operasi perkhidmatan bas dalam kawasan pembangunan Iskandar Malaysia. Tanjung Puteri mencadangkan, agar perkhidmatan bas ini lebih efisien. Kalau pemandunya dibayar gaji bulanan dan diberi caruman KWSP dan juga SOCSO, tidak seperti pada masa ini yang mana kita lihat mereka ini dibayar melalui komisen, yang mana pendapatan mereka ni tertakluk, bergantung kepada kutipan tiket penumpang mereka. Jadi, mereka berebut-rebut, mengejar-ngejar mencari penumpang seperti kereta sapu. Jadi kalau kita lihat di Jalan Wong Ah Fook sahaja, kita tengok pada waktu puncak, bas begitu banyak menanti untuk berebut-rebut mendapat peluang penumpang. Jadi dalam masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam masa yang sama keprihatinan juga patut diberikan kepada permasalahan peniaga. Peniaga-peniaga kecil dalam kompleks Terminal Larkin tersebut. Komponen peniaga terdiri dari berbilang kaum 1Malaysia. Daripada penjual makanan, sayuran, ikan, keperluan asas, keperluan budak sekolah dan sebagainya termasuk penjualan kain baju, kain samping dan sebagainya. Jadi, pada masa ini begitu tertekan mereka ini.

Y.B. Dato' Speaker : Mengapa? Oh.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Dengan kemelut, kemelesetan ekonomi dan keadaan perniagaan mereka tidak begitu di dalam kompleks tersebut. Dan juga sebagaimana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkata semasa menyampaikan ucapan Bajet 2010 pada 19 Disember yang lalu, beliau begitu memahami keadaan dunia di mana semua negara bertungkus lumus pada masa ini memulihkan ekonomi masing-masing, akibat kemelesetan ekonomi global. Dan begitu juga dengan ungkapan yang diberi, disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita. Beliau juga ada menyarankan agar semasa ekonomi tidak menentu ini, patutlah ada unsur pertimbangan. Jadi, maka sesuai dengan saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga supaya mengurangkan bayaran perkhidmatan dan sewaan kepada gerai, dewan, tapak perniagaan amatlah bertepatan pada masa ini dan ianya harus diberi pujian. Tahniah dan syabas dan ribuan terima kasih Tanjung Puteri ucapkan kepada Kerajaan Negeri Johor. *I love you,* Johor. Bodek, sikit-sikit bodek.

Pada masa ini sebahagian PBT sudah mengikut langkah menurunkan kadar sewaan kepada kedai, gerai makanan dan juga sewaan dewan dan sebagainya yang di bawah jagaan PBT tersebut. Tanjung Puteri mencadangkan agar anak syarikat Johor Corporation, iaitu Syarikat Damansara Aset, yang mengendalikan pengurusan Terminal Larkin, juga patut mengikut saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga pandangan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, supaya ada unsur pertimbangan dan seterusnya menurunkan kadar sewa kedai di Terminal Larkin sebanyak 10% bagi mereka untuk meneruskan perniagaan kecil-kecilan mereka dalam masa kegawatan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga kepada Kompleks Plaza Larkin yang dibina oleh MARA pada tahun 2007. 81 unit ruang niaga dan pejabat diwujudkan bagi memberi peluang kepada peniaga kecil, berniaga di situ. 25 unit daripadanya adalah gerai makan. Dinamakan Selera Johor dan mendapat sambutan pada masa ini. Walaupun tidak begitu maju tetapi masih mendapat sambutan. Tanjung Puteri buat promosi pada hari ini, untuk mereka di Dewan yang mulia ini dengan menjemput semua golongan masyarakat datang menjamu selesa di gerai Selera Johor Plaza Larkin. Tetapi bayarannya sendiri-sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : (ketawa)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Makanannya lazat dan dijamin menyelerakan dan asli masakan Johor. Jadi masalahnya, cuma satu perkara sahaja, sebahagiannya pula adalah peniaga di dalam kompleks tersebut, yang tidak begitu bernasib baik seperti peniaga-peniaga yang berada di luar, berniaga makanan. Walaupun mereka ini berniaga di bahagian dalam kompleks yang berhawa dingin, dan permulaannya mendapat pinjaman dari pihak MARA untuk mula berniaga. Tetapi pada masa ini peniaga, perniagaan mereka di bangunan tersebut bermasalah dan ramai daripada mereka akan gulung tikar. Dan, sebahagian daripadanya sudah keluar daripada kompleks tersebut kerana tidak dapat membayar ansuran hutangnya dan juga tidak dapat membayar sewaannya. Jadi, pihak pengurusan bangunan telah membuat berbagai-bagai cara promosi, tetapi pengunjung masih tidak ramai datang membeli belah dalam Plaza tersebut. Tanjung Puteri mencadangkan agar pihak MARA juga patut ada unsur pertimbangan ini, sebagaimana saranan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, kurangkanlah sewa ruang niaga di Plaza tersebut sebanyak, kalau boleh 20%, bagi masa ekonomi yang merudum ini. Dan, tambahkan peruntukan promosi dan kaji semula cara yang sesuai untuk mempromosikan bangunan Plaza Larkin tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Speaker, minta maaf...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Perniagaan di sekitaran Jalan Dato' Abdullah Tahir, ha, ini pun dalam kawasan Tanjung Puteri, jalan ataupun Taman Abad, Jalan Dato' Sulaiman dan sebagainya di sebelah kawasan Jalan Tebrau, jenis perniagaan di kawasan ini cukup meriah dan dapat dikatakan hidup hingga ke subuh. Kerana, berbagai-bagai jenis perniagaan dilakukan di sini. Pertamanya, perhotelan, hiburan, makanan, rawatan kecantikan, ada spa untuk lelaki, ada spa untuk perempuan dan ada juga jenis perniagaan yang saya tidak ketahui, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Speaker. Maka, Tanjung Puteri menyarankan pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru, mesti pantau perkembangan dan perjalanan perniagaan di kawasan ini dengan serius, tetapi berhemah bukan mengambil tindakan drastik dengan menggunakan ataupun menunjukkan kuasa yang mereka ada. Jadi, Tanjung Puteri membangkitkan persekitaran pembangunan kawasan ini adalah kerana, selain dari menjana ekonomi juga menaikkan kadar kedatangan pelancong kepada Negeri Johor.

Tanjung Puteri berharap agar kawasan ini tidak menjadi seperti contoh yang mana akan saya bawa dalam ruang web saya membaca, dengan izin, *Woman Loses Nipple In Wanting To Become A Man.* Seorang wanita hilang puting gara-gara hendak menjadi lelaki, 20 November, 2009. Umur lebih kurang 36 tahun, *business woman,* seorang peniaga wanita, dengan izin. Wanita ini, pertamanya memang berkeinginan untuk menjadi lelaki. Jadi, apa yang beliau fikirkan, beliau mencari seorang pakar, beliau berada di Kuala Lumpur dan beliau mencari seorang pakar melalui kenalan doktor dan sebagainya di Kuala Lumpur dan beliau dijanjikan pakar bedah dari Negeri China. Tetapi selepas beliau nak buat pembedahan, beliau diarahkan pergi ke Negeri Johor. Ha, ini masalahnya. Dan di Negeri Johor, saya pun tak dapat *detail*nya lagi, tetapi diberitahunya dalam kawasan Johor Bahru. Jadi, Yang Berhormat Speaker, selepas kejadian yang telah berlaku kepada beliau, mangsa membuat kenyataan lagi sekali, "*However when I spoke to the surgeon, I found out he was a local and seem unsure of what I was in for*". Makna…

Y.B. Dato' Speaker : Dengan izin, Yang Berhormat tak mintak izin cakap orang putihlah.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Dengan izin, Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : *You talk too much in Englishlah. Can you sit down? I'm tired.* (Dewan ketawa). Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:55 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, jemput Tanjung Puteri.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana sekali lagi memberi kebenaran kepada saya untuk menyambung ucapan saya yang tinggal sedikit ini.

Sebagaimana yang saya katakan tadi dan apa yang permasalahan telah berlaku kepada seorang wanita ini, agar perkara ini tidak berlaku di kawasan saya, kawasan Tanjung Puteri yang mana penuh, padat dengan kawasan-kawasan perniagaan. Dan, saya akhirnya saya suka berterima kasih kepada pihak Biro Aduan MCA yang mana telah membantu wanita ini untuk bawa perkara ini ke tengah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kawasan Tanjung Puteri tiada petani dan juga penternak besar-besaran yang ada cuma tapak pemasaran produk-produk pertanian iaitu seperti di Pasar Tani FAMA yang ada di Stadium Larkin. Perkembangan tapak pasar tani itu sungguh menggalakkan, menggalakkan

yang mana kita lihat ramai daripada peserta-pesertanya berbilang kaum dan juga datangnya daripada pendalaman. Jadi, saya ingin bertanya kepada FAMA yang mana FAMA telah mencadangkan satu tapak yang baru untuk didirikan tapak pasar tani agar perkembangan pasar tani ini dapat berterusan perniagaannya tiap-tiap hari. FAMA akan memindahkan pasar tani daripada Stadium Larkin ke Jalan Pudu, Jalan Padu, Larkin.

Jadi, diharapkan dalam perkembangan untuk memindahkan ini saya berharap agar ianya dapat diberi keutamaan kepada bukan hanya mereka-mereka selaku petani dan juga penternak bahkan kita juga mestilah memberi peluang kepada orang-orang muda yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan agar mereka ini dapat mengambil produk pertanian dan dipasarkan di dalam kawasan pasar tani tersebut. Tetapi, saya lihat pada masa ini perkembangan pembangunan pembinaan di Jalan Padu, Larkin terlalu lambat. Dan, ianya setakat ini saya rasa dah berapa bulan ianya hanya setakat kerja tanah sahaja. Dan, kerja tanah tersebut saya rasa tidak memadailah kalau dikatakan berbulan-bulan hanya dapat dilakukan hanya kerja tanah sahaja. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bertanya juga kepada FAMA sebenarnya berapa kos pembinaan untuk mendirikan tapak pasar tani yang baru ini? Dan juga bilakah tapak pasar tani yang baru ini dapat beroperasi secara sepenuhnya?

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekali lagi nak beri tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana berusaha meningkatkan penyertaan kaum wanita dalam penjanaan ekonomi negeri. Pada masa ini kadar penyertaan kaum wanita hanya sekadar 34% dalam bidang pekerjaan. Banyak bantuan dapat kerajaan beri kepada kaum wanita agar mereka ini berkecimpung, bekerja dan sebagainya melalui kaedah-kaedah yang telah diberikan oleh kerajaan, tetapi malangnya walaupun banyak bantuan kerajaan dah berikan kepada ibu tunggal melalui JKM dan juga lain-lain agensi, masalah yang timbul di dalam bandar ini, di dalam Tanjung Puteri adalah masalah bukan hanya ibu tunggal tetapi masalah ibu tinggal. Kalau di sekitaran kawasan tempat tinggal di rumah sewa di rumah pangsa Larkin yang berada dalam Tanjung Puteri, kita dapat lihat bukan sahaja kerajaan dah membantu ibu-ibu tunggal dengan membayarkan mereka sewaan rumah tersebut tetapi yang paling bermasalah bagi kawasan saya adalah ibu yang ditinggalkan suami. Suami yang durjana.

Ha, ini Yang Berhormat Speaker, saya berharap JKM ada satu kategori kelayakan bantuan secara, mungkin secara sementara ataupun secara tetap untuk ibu-ibu yang ditinggalkan ini. Kerana banyak ibu yang ditinggalkan ini bukan hanya ibu-ibu yang dah dewasa umurnya ataupun sudah tua. Tetapi ibu yang ditinggalkan ini juga dari golongan ibu-ibu yang berumur 24 hingga 40 tahun pun ada.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang tu Yang Berhormat selesaikanlah.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Sebahagian daripada masalahnya bolehlah saya selesaikan tetapi masalah yang berat itu kerana mereka ini mempunyai anak-anak bersama-sama mereka yang bukan hanya 1, 2 orang, ada yang malahan 5 orang. Jadi, apabila mereka ini ditinggalkan oleh

suami, terpaksa ibu tinggal ini memelihara 5 orang anak mereka yang mana ada dalam kawasan saya juga, salah seorang daripada anaknya OKU, Kurang Upaya. Dan, ibu ini terpaksa bekerja di Singapura pula itu. Walaupun Singapura, yalah kita tahu ada yang baik dan tak baik. Tapi, ini bagus. Ibu tinggal ini bekerja di Singapura. Dan, waktu ibu tinggal ini meninggalkan anak mereka adalah sebelum subuh. Kadang-kadang Subuh dia dah pergi kerja. Kerja di Singapura. Balik selepas Isyak, iaitu malam lepas pukul 9:00. kalau kita lihat kepada permasalahan ini, kita dapat mengirakan berapa lama ataupun berapa minit kah yang ibu tinggal ini bersama-sama dengan anak mereka. Yang mana tinggal saya katakan tadi di rumah pangsa 14 tingkat. Anak dia ini ditinggalkan daripada subuh pagi hingga ke malam. Bertempiaran anak mereka. Walaupun ada yang dapat pergi ke sekolah, tetapi dengan baju yang compang-camping mereka pergi ke sekolah. Kerana tiada pengurusan oleh ibu mereka. Mereka pandai-pandai sendiri bersekolah. Jadi, ini diutarakan oleh guru besar dan alhamdulillah sedikit sebanyak dapat saya memberi bantuan. Tetapi masalahnya ibu tinggal ini adakah boleh diberi bantuan oleh JKM kerana kelayakannya. Mereka ingin memohon bantuan dan sebagainya, mereka tak ada dokumen sah yang mana mereka ini dicerai ataupun kematian suami dan sebagainya. Malahan mereka ini hanya ditinggal begitu saja oleh suaminya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Jadi, Tanjung Puteri sebelum mengakhiri ucapan, Tanjung Puteri juga ingin membawa sedikit permasalahan yang ditimbulkan dan permintaan iaitu:

i. Mengenai dalam kawasan Pengkalan Rinting, saya dah minta izin dengan Pengkalan Rinting kerana Pengkalan Rinting dah lepas berucap tadi, eh itu hari, jadi ada sedikit permasalahan yang mana dalam pembinaan *flyover* di *link*, *inner link road*, ada permasalahan *signboard* juga. Tanda, papan tanda masa buat kerja itu tak betul. Jadi, Jalan Kolam Air ke hospital dan juga *Inner Link Road* tersebut, *signboard*nya diminta diperbetulkan agar tidak berlaku kemalangan yang mana kita dapat lihat sering berlaku di situ. Kerana, orang tergesa-gesa membuat *U-turn* dan sebagainya. Jadi, pertamanya minta diperbetulkan *signboard* oleh pekerja-pekerja daripada IRDA kalau tak silap saya.

ii. Masalah rumah pangsa ataupun Apartmen Bukit Saujana yang sebagaimana yang telah diberitahu, apartmen ini telah diberi sebanyak ataupun sebahagian peruntukan yang besar melebihi RM1 juta untuk pembaikannya tetapi sampai sekarang belum dimulakan pembinaannya. Jadi, saya mewakili Pengkalan Rinting membawa masalah tersebut agar dapat diutarakan kepada kerajaan agar dapat dilihat perkara masalah-masalah yang timbul tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

iii. Usaha Kerajaan Negeri Johor dengan SPRM, memerangi rasuah melalui Unit Pemeriksaan dan juga Perundingan amat dipuji. Ada badan kerajaan membuka seluas-luas pintu kepada SPRM agar perlakuan rasuah dapat dibendung. Dan, PBT saya lihat seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru

memang ada unit khas ataupun ruang khas untuk Pegawai SPRM bekerjasama dengan Audit Dalaman di dalam pentadbiran mereka.

Jadi, kita dah lihat bagaimana kesungguhan Kerajaan Johor melalui pertamanya di PBT-PBT diberi segala kelonggaran dan sebagainya. Tetapi, masalahnya kita lihat sekarang apa yang berlaku, SPRM ini dituduh dan SPRM ini kalau kita lihat telah banyak dipersalahkan dan jangan pula nanti apabila berlakunya rasuah di jabatan-jabatan kerajaan, apabila mereka hanya dapat membuat *interrogation* hanya di siang hari sahaja, waktu bekerja, malamnya tidak ada, maka nanti pihak pembangkang ini akan mula balik mengatakan tahap kerja SPRM tidak mencapai piawaian dan sebagainya.

Jadi, perkara ini kalau kita lihat pertamanya saya nak terangkan...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ringkas Yang Berhormat, ringkas sahaja.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ha, ok. Pendek ajelah, mana *corrupt* adalah, kalau *Dictionary Oxford, Corrupt* adalah curang. Jadi *Corruption* adalah kecurangan. Jadi dalam perkara yang saya nak kata ini kecurangan ini, kecurangan mereka-mereka yang membawa masalah untuk membetulkan satu-satu perkara ini akan menjadi padah kepada kita sendiri. Mungkin menjadi keuntungan kepada sesuatu golongan yang mana melakukan kejahatan akan dapat dibendung. Oleh kerana perkara yang sikit seperti ini, nanti kerajaan akan, tahap indeks ataupun tahap pencapaian ukuran indeks kepada rasuah ini, Malaysia sekarang ini dikategorikan nombor ke-56 CPInya, kalau dibandingkan dengan Singapura 3, kerana saya cakap Malaysia ni mengamalkan keterbukaan. Jadi, kita sanggup, kita terima saja, kalau dia nak kategorikan kita 56, 56. Kita tak seperti negara yang mengongkong, mengongkong medianya dan sebagainya hinggakan boleh memberikan tahap begitu tinggi. Saya tak pasti perkara ini dapat dilakukan oleh sebuah negara yang kecil. Kalau kita lihat Yang Berhormat Datuk Pengerusi, saya rasa banyak lagi perkara tapi saya habiskan ajalah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukuplah,

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Bagi rakan-rakan yang nak berucap. Jadi, akhir kata saya ingin sampaikan sikit aje pantun, berbunyi:

Bongkok bukan sebarang bongkok,
Si bongkok dari Tanjung Puteri ;
Berkokok bukan sembarang kokok,
Berkokok ayam yang ada taji.

Ada ubi ada batas,
Batas dibuat dengan cermat;
Sudah berbudi sudah pun dibalas
Saya berharap Bajet 2010 membawa rahmat.

Akhir kata Tajung Puteri juga turut menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Senggarang. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, jemput ada yang lain, Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh,

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Alhamdulillah dan salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberi keizinan kepada saya untuk menyampaikan sedikit perbahasan dalam membahaskan isu Bajet 2010 ini. Sebagai mukadimah saya ingin membacakan satu ayat Al-Quran (baca surah). Maksudnya, "Dialah Allah yang menyatukan hati-hati manusia, andai kata kamu membelanjakan seluruh harta di dunia ini, untuk menyatukan hati-hati manusia, nescaya kamu tidak dapat menyatukan mereka dan Allah sahajalah yang boleh menyatukan hati manusia ini, kerana sesungguhnya dia Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana".

1Malaysia dengan satu matlamat untuk memupuk perpaduan, menjamin keadilan masyarakat dan masyarakat yang sangat majmuk dalam negara kita ini. Gagasan yang sungguh murni, 1Malaysia, dengan usaha-usaha dengan belanja yang dikeluarkan, sudah pasti kalau tanpa dengan izin Allah, maka dia tidak ke mana Yang Berhormat Datuk Speaker. Belanjalah berapa banyak duit yang kita ada, buatlah program sebanyak yang boleh kita buat, tapi tanpa syarat-syarat yang ditentukan oleh Allah, maka dia tidak akan dapat dicapai.

Seperti yang saya sebutkan dalam Dewan yang lepas. Pertama, Allah tuntut keadilan untuk mencapai perpaduan. Tanpa keadilan, tak ke mana segala usaha-usaha kita. Kalau tuntut lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, 3 perkara lagi iaitu dituntut kita ni yang Islam ke, tak Islam menunaikan 3 perkara. Orang Islam sama aje, terhadap orang Islam, orang bukan Islam dia kena lakukan 3 perkara ini.

i. Perjanjian, tunai perjanjian, hormati perjanjian.
ii. Kasih sayang yang sepatutnya kita tumpahkan kasih sayang kepada mereka.
iii. Amanah, kalau kita ditugaskan menjaga amanah, amanah sesiapa pun, kita kena pikul amanah itu dengan baik.

Ini 3, 4 perkara tadi, kalau ada 4 perkara ini insya-Allah Yang Berhormat Datuk Speaker, segala usaha kita untuk mencapai hasrat murni 1Malaysia, insya-Allah akan tercapai, maka tidak timbullah, sahabat saya daripada Semarang menyebut tentang doa apa tadi, doa balak dan sebagainya. Bila kita berjanji, tunaikan janji. Kalau janji roti, rotilah. Kalau janji ihsan, ihsan. Jadi, bila tak tepati janji, maka timbullah doa balak dan sebagainya. Ini lumrahlah, Datuk Speaker. Timun dengan durian. Kadang timun bila dah selalu dilanyak sangat dia berdoalah sampai kalau boleh diganti cepat-cepat, jadi tempoyak, supaya dia boleh colek sikit-sikit, cukuplah.

Datuk Speaker, Bajet dengan bertemakan Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama, satu tema yang juga kroni dan selalu dan sentiasa kita sebut-sebut daripada Yang Berhormat daripada awal hingga akhir ini, kita namakan Bajet holistik, realistik, kena tambah lagi fantastik ke apa ke, walaupun Bajet yang merupakan Bajet defisit, walaupun tidak banyak Datuk Speaker.

Untuk mencapai tema Sejahtera Bersama memerlukan tenaga penggerak, pelaksana yang bersifat holistik juga, realistik, fantastik. Tanpa sifat-sifat ini saya rasa Bajet yang begitu holistik keadaannya tidak akan dapat dicapai matlamat dan sebagainya. Bajet yang dibentangkan tempoh hari itu, alhamdulillah saya tak nak komen banyak tentang insentif-insentif. Alhamdulillah, tapi perlu diberi penekanan bagaimana kita hendak mengatasi defisit walaupun sedikit, perlu ditekankan dan usaha mesti digerakkan. Dan, saya rasa tidak mustahil dalam masa setahun ini kalau kita ada iltizam, komitmen, Bajet yang defisit akan dapat menjadi positif, Datuk Speaker. Tapi, dengan syarat kita nak cadangkan jimat, berhemah. Jimat, banyak cara kita boleh lakukan.

i. Pemantauan. Pantau projek-projek, speks-speks yang telah ditentukan, pantau. Lepas kita pantau, lepas siap, *maintenance* tu penting Yang Berhormat Datuk Speaker. Banyak duit dihabiskan kebanyakannya untuk dah buat, setahun rosak, buat lagi. Kerana apa? Tidak ada pasukan ataupun *team* untuk menyelenggara atau *maintain* projek-projek yang telah kita buat, ini penting. Luar negara dipastikan, *maintenance* satu aspek yang sangat penting dalam pentadbiran kerajaan.

ii. Kalau kita pergi di London, hari-hari ini ada orang jaga, *maintain,* tengok. Hatta pun kalau padang permainan kanak-kanak itu, hari-hari dia *check,* dia tengok, yang mana karat, yang mana besinya dah longgar dan sebagainya, hari-hari.

    Jadi, saya rasa kita, masalah kita di Malaysia ini, inilah rata-ratanya badan untuk memantau dan menyelenggara, *maintained* ini tak ada. Apa salahnya kita cuba sekali, walaupun kita dah beri peruntukan tiap-tiap jabatan, cuba satu kali tahun ini, potong 1, 2%, tengok bagaimana keadaan. Tak cukup tak ada masalah, boleh mintak lagi, tambah lagi dan sebagainya, cuba. Kalau 1%, 2% kita boleh jimat dalam peruntukan diberikan kepada jabatan-jabatan, saya rasa tak ada masalah defisit yang begitu sedikit.

iii. Mesti ada daya usaha untuk meningkatkan hasil.

    Saya mintak pihak yang bertanggungjawab mengambil perkara ini dengan begitu serius. Duduk, berfikir, mengeluarkan idea, perah otak bagaimana tahun ini kita meletakkan satu *target* bahawa hasil kita yang tertunggak, sekian banyak yang perlu kita pungut untuk *mengoffsetkan* defisit yang ada pada kita. Kalau boleh mana-mana PBT ataupun badan-badan, jabatan kerajaan berjaya, kita beri dia insentif, beri anugerah dan sebagainya.

Saya cuba ringkas-ringkaskan Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Dan kalau boleh, cukai ini biarlah *last resource*. Nak kena cukai biarlah, dah tak ada ikhtiar lain, barulah kita fikir kenaikan cukai. Kalau nak naik pun, bukan seperti yang baru ini berlaku di tempat saya, di daerah Muar sampai 300% naik. Saya nak bawa satu cerita, satu kisah pada zaman Khalifah Abbasiyah dulu, saya tak perlu sebut sapa Khalifahnya, sapa Kadinya. Satu hari Khalifah ini berjumpa dengan Kadi, di rumahnya minta izin, "Tuan Kadi, saya ada masalah, negara ada masalah, memerlukan sumber dana yang lebih sikit, kini kita menghadapi peperangan dan sebagainya", minta izin. Datuk Kadi beri petua, kita naikkan cukai. Jadi Kadi ini dia kata, "Wahai Khalifah, malam ini saya tak boleh bagi petua, tunggu hari Jumaat dalam khutbah saya akan umumkan". Maka tiba pada hari Jumaat, dia jemput Khalifah sekali, maka dia dalam mimbar Jumaat itu, Kadi bangun dan mengatakan bahawa, "Sesungguhnya haram bagi Khalifah menaikkan cukai dengan sewenang-wenangnya tanpa melihat dulu, mana ada lagi barang-barang di rumah Khalifah itu yang boleh dijual, mana lagi perabot-perabot di rumah Khalifah yang boleh dilelong dan sebagainya". Ini saya rasa ini terlalu ideallah untuk kita rujuk. Tapi sekurang-kurangnya kalau boleh dalam apa-apa tindakan, Bajet dan sebagainya, tidak salah kita mengambil pandangan Mufti, Kadi dan sebagainya. Saya rasa tak salah eh.

Satu perkara yang mengejutkan kita dalam laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, yang mana berlaku ketirisan, kebocoran dan mungkin juga penyelewengan, yang mana sekiranya kalau kerajaan membelanja dengan membayar bayaran dengan lebih 20% daripada harga pasaran, maka negara kita akan rugi sebanyak RM28 bilion kalau sekadar 20% sahaja. Tapi, rata-rata dalam laporan itu, mungkin tidak semua, setengah jabatan, setengah negeri, setengah itu dan ini, hingga 500% perbelanjaan yang melebihi harga pukul ratanya 200%, 100%. Kalau 20%, kita rugi RM28 bilion setahun, maka bayangkanlah kalau kita berbelanja dengan harga pasaran dengan peningkatan 50%, 100% dan sebagainya.

Jadi saya minta Negeri Johor, tiap-tiap jabatan dan pihak yang bertanggungjawab memikirkan perkara ini dengan secukup-cukup serius dan berhati-hati dalam berbelanja. Ini penting. Insya-Allah kalau kita berhemah, jaga. Apa salahnya kita beli dengan harga pasaran? Apa masalahnya? Kalau ini dapat kita tentukan dan kita jaga, saya rasa tak ada masalah Bajet defisit dan sebagainya, tak ada masalah. Ini baru awal tahun, bila akhir tahun dengan belanjawan tambahannya, *extra* bajetnya, melebihi sampai RM100 juta lagi, berapa banyak defisit kita, Yang Berhormat Datuk Speaker? Bukan sekadar RM1.2 juta dan sebagainya, melebihi. Dah jadi satu *trend* plak, tiap-tiap tahun mesti defisit, defisit, defisit. Jadi mesti ada usaha, tahun ini kita berhentikanlah defisit ini, cuba serius kali ini. Hutang-hutang kita yang tertunggak, kita tuntut, tuntut sungguh-sungguh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa dah cukup Yang Berhormat.

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tanjung Puteri dah ambil banyak sangat masa saya. Saya ringkaskanlah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, terima kasih.

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya banyak lagi perkara nak saya bentangkan. Datuk Speaker, selalunya dalam Bajet, kita pentingkan golongan-golongan miskin, fakir miskin, miskin am dan sebagainya, tapi ada satu golongan lain. Saya tak tahu nak letak di mana golongan ini. Miskin ke, pertengahan miskin ke, senang ke? Nak kata golongan pertengahan, mereka ini paras. Miskin pun tak layak, kerana tak layak. Golongan ini, dia ada kereta, ada rumah. Tak layak, nak mohon itu, nak mohon ini, tak layak. Tapi mereka adalah golongan yang terbesar, daripada kaum Melayu ke, India ke, mungkin Cina pun ada yang berpendapatan sekitar RM1,000.00, RM1,500.00 yang telah membeli rumah, ada anak ramai, yang hari-hari memikirkan tentang rumah, kenderaan, makanan, pelajaran anak-anak. Biasanya golongan ini tertinggal. Kita terlepas pandang. Nak minta bantuan, dah tentu tak dapat. Mereka ini kategori golongan mana nak letak ini? Pertengahan tidak.

Kalau sayalah, hari-hari duduk di tempat saya, kalau yang mengadu itu berhutang dengan Along maka kumpulan-kumpulan inilah yang majoritinya. Orang miskin tak boleh hutang dengan Along, Along tak kasi, orang ini boleh hutang kerana ada gaji, bulanan. Tapi majoriti orang ini dalam kesempitan. Masalah makanan yang mahal, kenderaan, apa lagi kenderaan, rumah, pelajaran, makanan, ini 4 perkara ini. Kalau tak ada usaha untuk kita mengatasi 4 perkara ini, maka golongan terbesar ini sentiasa dalam kesempitan Yang Berhormat Datuk Speaker, sentiasa. Tapi kita selalu terlepas pandang, tak kisah dan sebagainya. Saya cuba ringkaskan Yang Berhormat. Banyak lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ringkas je Yang Berhormat.

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ringkaskan lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Hmm…

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi, oleh kerana itu, saya hendak beri cadanganlah. Cadangan, terus kepada cadangan. Apa salahnya kalau kita ada Tabung Sosial Pembangunan Iskandar dan sebagainya, kita cuba tubuhkan satu jenis tabung lain, Tabung Sosial apa nama Tabung, tak apalah tapi bermatlamatkan untuk menyediakan satu tabung bukan untuk pembangunan, bukan untuk kontraktor-kontraktor tapi untuk rakyat pula. Kalau kerajaan tak mampu nak tubuhkan tabung ini, kita guna cara lain. Kita contoh Kelantan, apa salahnya. Wujudkan satu tabung, namanya taklah Tabung Serambi Mekah, Tabung Johorlah, Tabung Iskandar ke, tak kisahlah, tapi konsep macam sama.

Apa salahnya, kita banyak kontraktor. Setahun negeri belanja sampai RM500 juta untuk projek-projek pembinaan, *structural* dan sebagainya. Minta 1% cukuplah untuk tabung ini. Khusus untuk rakyat yang susah, yang perlu duit untuk perubatan, kemalangan, kebakaran, nak bina projek-projek kecil, jambatan dan sebagainya, guna tabung ini. Saya rasa cuba kita fikirkan, saya rasa tak ada masalah, boleh. Lantik saya jadi Pengerusi pun saya boleh, kerana ini ada apa ini, ada niat nak membantu. Asyik-asyik kata pembangkang ini, asyik nak apa membangkang, tak ada daya usaha nak bantu, jadi kita nak bantu kali ini.

Saya ringkaskan lagi. Yang kedua, JCorp. Saya tak nak panjang. Satu cadangan untuk JCorp. Kalau tak mampu untuk memberi rawatan percuma kepada rakyat miskin atau pertengahan, tubuhlah satu sayap lain, di hospital-hospital JCorp. Tubuh satu *wing* lain, namakan kelas 3 pun tak apa. Sayap untuk rakyat miskin pun tak apa, dengan bayaran yang sederhana, yang mampu ditanggung dibayar oleh rakyat-rakyat yang seperti kita yang miskin dan sebagainya. Nak bagi percuma memang tak mampu, JCorp saya tahu. Tubuhkan satu sayap, buat lain dengan bayaran yang berpatutan. Saya tak nak ulas banyak lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang ketiganya masjid-masjid dan surau-surau di Negeri Johor. Saya tahu dan saya faham mereka ini mempunyai tabung yang begitu hebat. Kalau masjid tempat saya itu, tiap-tiap tahun kalau dia buat Mesyuarat Agong, dia berbangga dengan tabung dia, RM100,000.00, dalam FD, RM50,000.00.

Masjid yang merupakan satu institusi, pusat yang tertinggi dalam masyarakat kita, keluarlah satu arahan minta EXCO Agama pilih AJK-AJK masjid yang mempunyai idea, yang ada imaginatif dan kreatif, tubuhkan tabung-tabung ini sebagai tabung kebajikan sahaja, bukan sahaja untuk masjid tetapi untuk masyarakat. Masyarakat susah, sini dulu tempatnya, masjid. Tabung, duit banyak, tiap-tiap minggu masuk tabungnya. Apa salah gunakan untuk masyarakat, untuk rakyat yang susah di setempat itu? Itu boleh selesaikan masalah rakyat, hampir, saya rasa separuh masalah rakyat Negeri Johor ini kita boleh selesaikan dengan jadikan masjid, surau-surau ini sebagai Pusat *Service Centre* dan Pusat Masyarakat, Kebajikan dan sebagainya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang akhir Yang Berhormat.

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang akhir, saya terpaksa masuk 1 masalah di tempat saya walaupun ada 2, 3 masalah. Saya minta dualah eh. Saya baca sahaja jawapan daripada JAS, ekoran daripada banyak aduan surat-surat, bukan daripada saya daripada mantan-mantan ADUN-ADUN. Tempat gudang kumpulan barang-barang terpakai yang terpakai yang tidak sesuai di Lot 1083, Lorong Abdul Rahman, Jalan Hj. Abdullah, Bakri, Batu 2.

Hasil daripada siasatan dijalankan mendapati aduan tersebut adalah benar dan berasas di mana lokasi premis tersebut terletak di dalam kawasan kampung dan taman perumahan yang didapati tidak sesuai sama sekali dan telah menimbulkan kacau ganggu serta menjejaskan kesihatan penduduk berhampiran. Siasatan lanjut mendapati premis beroperasi tersebut adalah merupakan cawangan syarikat yang beribu pejabat di sekian, sekian, sekian, Muar. Berkemungkinan beroperasi tanpa lesen dari pihak tuan dan Polis DiRaja Malaysia. Oleh kerana pejabat ini tidak memberi undang-undang khusus berhubung hal tersebut dah dirujuk masalah ini kepada banyak jabatan, Yang DiPertua, Ketua Polis, Pentadbir Tanah dan sebagainya. Jadi, saya minta kalau boleh diselesaikanlah cepat.

Satu lagi, Datuk Speaker. Di tempat saya ada satu gelanggang, kalau 1 DUN 1 Gelanggang, ini suatu konsep yang baik. Tempat saya dah ada 1 gelanggang di Sungai Abong, terkenal gelanggang ini. Satu Johor dah kenal. Dialah pusat riadah, pusat pertandingan, pusat permainan, pusat aktiviti yang telah dihadiahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekitar 6, 7 tahun yang dulu, tapi sekadar bangunan, bumbung dan apa itu...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Lantai.

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Lantai. Oleh kerana terlalu besar bangunan ini, dewan ini, dewan hanya berbumbung, terlalu besar dan tinggi, jadi tidak ada *skirting*. Bila hujan, bila panas, boleh pakai sebelah. Bila hujan pun boleh pakai sebelah. Jadi, saya minta jasa baik daripada EXCO Belia dan Sukan kalau boleh kami memerlukan sedikit perbelanjaan untuk *skirting*, *wiring* dan sebagainya dan *sport light* agar ia menjadi suatu gelanggang yang serba guna, yang betul-betul serba guna yang mampu dimanfaatkan sepenuh masa. Tidak malam sahaja. Waktu hujan boleh pakai, panas boleh pakai dan sebagainya.

Dan akhir sekali, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dengan ini menyokonglah cadangan yang dibawa oleh ADUN Senggarang. Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput yang lain? 5 minit sahaja Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : 5 minit.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : 5 minit. Kita dah bagi peluang hari itu.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ada keratlah?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ambil ringkas je.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Potong? Tak ada potong?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam 1 Johor, salam 1 Dewan. Yang Berhormat ini ringkas Yang Berhormat? 5 minit ke 10 minit?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : 5.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : 5. Ringkas eh?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak, saya tanya Yang Berhormat ini ringkas ke?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ringkaslah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ringkas.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ha, banyak perkara boleh bangkit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ok, yang pertamanya, saya mulakan ucapan saya ini kalau saya tersalah ucapan ini saya harap Yang Berhormat tak gantung sayalah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Insya-Allah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Insya-Allah ek. Sebab negeri lain sekarang ni tengah gantung-gantung Ahli Dewan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat pun suka kalau gantung?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Sebab itu saya tanya dulu. Kalau salah ucap takut saya kena gantung. Jadi saya tanya dulu. Tak gantung eh?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau ikut Peraturan insya-Allah. Kalau tak ikut Peraturan kita bertindaklah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ini tak ikut Peraturan pun kena gantung macam mana?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : DUN Johor belum.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dewan Negeri Johor belum lagi.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Oh belum. Itu bagusnya Johor. Itu beza Johor. (Dewan bertepuk). Pembangkang dapat cakap banyak. Dalam ringkas, panjang, soalan tambahan panjang, ucapan perbahasan panjang, itu bezanya Johor dengan negeri lain. Tapi kenapa kita nak bandingkan dengan negeri lain? Tak taulah kalau tak suka duduk Johor pergilah tempat lain. (Dewan bertepuk). Saya nak ringkas pun susah Yang Berhormat. Cuma saya nak sebutkan, kita patutnya bersyukur bahawa kita bertuah dapat duduk di Negeri Johor ni. Dapat bertuah kerana negeri ini, negara ini aman. Tapi saya tengok sejak kebelakangan ni, susila negara ni dah mula hancur, dah mula terhakis. Apa yang saya katakan Yang Berhormat susila negara ni mula terhakis, bila dah mula ada episod pijak-memijak, gantung-menggantung, doa-mendoa, caci-mencaci, haram-mengharam, banyak lagi…diam-diamlah kejap. Kau, aku baru nak peluang cakap aje dah kacau.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, pandang dekat Speaker.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Apa dia Datuk?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Pandang dekat Speaker, jangan ganggu yang lain.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Nusa Jaya kacau Yang Berhormat. Dahlah masa pendek, dia kacau lagi. Macam mana saya nak cakap. (Dewan ketawa). Ok, episod ini Yang Berhormat, semuanya yang buat adalah orang yang berpelajaran. Yang setengahnya pengamal undang-undang. Saya cukup sedih keadaan ini. Inilah nilai baru, politik baru, dalam negara kita. Apa akan jadi 10 tahun kalau ini dibiarkan? Anak-anak murid yang melihat dalam dada akhbar, dalam TV, ini nilai baru yang dibuat oleh tak lain tak bukan kumpulan pakatan 3 orang. Sini tak ada, yang sorang tak ada, dia ada 2 aje kat sini. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya minta kebebasan tolak ansur yang dah ada dalam negara ini kita kena hargai, kita kena hormati. Saya nak tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, asas kita ialah Perlembagaan Negara. Kalau kita orang Islam, Quran dan Hadis itu asas kita, rujukan kita. Kalau Kristian, *Bible*. Panduan hidup kita ini. Kalau Buddha, apa Y.B. Penggaram?

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : *Fo*.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : *Fo*? Itu lebih kuranglah, saya tak tau bunyi dia macam mana. Hindu, ada dia punya. Tapi kalau kita sebagai pengamal ataupun kita penganut Agama Islam kita tak rujuk kepada Quran, kalau Kristian tak rujuk kepada *Bible*, apakah kita? Adakah kita penganut yang setia? Begitu juga sebagai orang Negara Malaysia ni rujukan dia mestilah Perlembagaan Negara. Kalau Perlembagaan Negara di kotak-katik kan, yang memperkotak-katikkan ialah pengamal undang-undang, yang faham tentang undang-undang. Saya nak tegaskan kepada pengamal undang-undang, ada 5 kerangka penting dalam Perlembagaan Negara. Kalau tanpa 5 perkara penting ini, Perlembagaan tak akan wujud.

i. Ah ni, siapa yang pengamal undang-undang. Nusa Jaya bukan undang-undang kan? Pengamal undang-undang? Satu, Agama Islam.
ii. Raja-Raja Melayu.
iii. Bahasa Melayu.
iv. Hak istimewa orang Melayu.
v. Hak Kerakyatan orang, hak kerakyatan.

Ini 5 perkara yang ada dalam Perlembagaan. Tanpa 5 perkara ini tak ada Perlembagaan, boleh bubar Perlembagaan. Tapi hari ini, orang yang menjadi pengamal undang-undang, yang faham tentang undang-undang, memperkotak-katikkan Perlembagaan Negara. Malah, lebih suka merujuk kepada negara yang di sebelah Selatan. Puji negara Selatan. Saya nak tanyalah dalam Dewan yang mulia ini, berapa ramai pembangkang yang ada di negara Selatan? Berapa ramai surat khabar yang dah masuk ke dalam, di negara Selatan. Ahli Dewan dalam Dewan ini memuji negara sebelah Selatan, semua baik. Singapura bagus, Singapura tak ada penjenayah tapi berapa ramai daripada Singapura yang melawat Melaka, melawat Johor tiap-tiap hari? Kalau suka duduk Singapura silalah. Jangan duduk kat Johor. Jadi Wakil Rakyat kat Singapura boleh dapat ke tidak? Nak bercakap dekat Singapura pun tak

boleh. Dekat sini dalam Dewan, hah! Saya tengok daripada mula Dewan ini bersidang, lima-lima dapat bercakap, kita tak sekat pun. Saya dalam sidang Dewan ni satu soalan pun saya tak ada. Saya tak kecil hati.

Tapi, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tegaskan, bila episod pijak-memijak ni Yang Berhormat siapa yang mulakan dulu? Kerajaan BN ke Kerajaan Pakatan? Kerajaan Pakatan. Apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang, dia kata "19 September akan beralih pucuk Kerajaan Persekutuan". Siapa yang mulakan dulu? Yang bermain api ni siapa dulu? Mereka yang bermain api. Dan bila Kerajaan Perak, Pakatan Perak tumbang, mereka pula melatah. Pijak sana, pijak sini, doa sana, doa sini dan akhirnya inilah yang berlaku nilai baru dalam politik di negara kita, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tak ada tajuk tentang bajet, Yang Berhormat, sebab masa dah tak ada. Padahal saya boleh banyak fakta saya nak kemukakan ni. Tentang ekonomi baru, modul baru, tentang inovasi dan macam-macam lagilah. Tapi, masa pendek, saya orang yang patuh kepada Peraturan, saya tak nak mengganggu masa tuan-tuan. Jadi, kita ni Yang Berhormat Datuk Speaker, kita dah bagi kerajaan adillah, semua orang dapat hak. Orang tak minta pun kita bagi. RM7 bilion kita bagi kat Kelantan. Itu bukan wang royalti, itu bukan wang ihsan. Tak minta kita bagi kerana kita adil kepada seluruh rakyat termasuk Negeri Kelantan. Tapi kalau bukan hak kita, bukan dalam kawasan negeri kita, 3 batu nautika, kenapa kita nak pertikai? Ini semua tujuan dia, agendalah, agenda politik. Lantas, dah tak ada apa cara, doa. Saya nak tanya dalam Dewan ni, ada tak Nas dalam al-Quran yang mengatakan bahawa boleh mendoakan kehancuran orang lain? Jelas, ini saya ingat parti ajaran sesatlah dah sekarang. Dah jadi Parti Ajaran Sesat. (Dewan bertepuk). Kena bertaubat, betul, Layang-Layang. Kena bertaubat. (Dewan ketawa). Kita sesama Islam, malah binatang pun kalau boleh kita doakan akan kebaikan. Tak percaya, tengok hari Jumaat, ayam, itik semua Johor doakan. Ini, didoakan supaya kehancuran manusia. Ada lagi masa Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa pada saya. Kalau saya kata suruh duduk, duduklah. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat, akhir sekali, saya nak minta satu perkara sajalah. Saya bukan pasal kawasan Yang Berhormat, dalam Dewan nilah. Saya dah nak masuk 6 tahun dalam Dewan ni Yang Berhormat. Bercakap banyak kali dah. Bawa cerita pasar, bawa cerita jalan, bawa cerita gelanggang, bawa cerita *signboard*, bawa cerita, macam-macam cerita dah bawa. Lepas tu, tahun berikutnya ulang lagi cerita.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak selesai?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak selesai. EXCO pun jawab. Esok, penggal ni, cakap lagi. Saya kadang-kadang nak tengok juga, ada tak senarai apa status tindakan, tak ada. Jadi saya kadang-kadang perhatikan macam Dewan yang tertinggi dan mulia dah macam jadi gelanggang pantun tau Yang Berhormat. ADUN soal, EXCO jawab. Pusingan tahun berikutnya, ADUN soal, EXCO jawab. Penggal ketiga barangkalilah kalau ada rezekikan… (Dewan ketawa). ADUN soal, EXCO jawab, yang jawab pula tu tukar EXCO lain. Dia lagi

selamat. Jadi, saya minta Yang Berhormat, tak ada satu sistem ke nak betulkan benda ni? Saya ingat Pejabat Jurutulis, dia akan senaraikan apa perkara yang kita dah bangkit. Lepas tu dia hantarlah kepada jabatan. Jabatan akan semak. Kalau sesuai, ambil tindakan. Kalau tak sesuai tak apa. Kita faham dari segi *constrain budget*. Tapi masalahnya pula, cerita tak tau. Dah ambil tindakan ke belum, kita tak tahu. Jadi kita soal lagi. Tak habis soal kat dalam Dewan ni, kita soal pula kat Pejabat Daerah, dalam Mesyuarat Tindakan Pembangunan. Jadi, ini Dewan yang tertinggi, takkan tak boleh diubah sistem. Boleh buat Yang Berhormat. Kalau tak boleh buat saya tunjukkan macam mana nak buat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Beri kursus Yang Berhormat. (Dewan ketawa dan bertepuk).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : *FOC, free of charge*. Sistem yang paling mudah. Saya dah buat benda ni masa saya bersama Dato' SUK, dia YDP, saya Pengerusi Pembangunan, banyak perkara boleh selesai. Tengok, Batu Pahat berubah cepat. Bukan nak puji diri sendirilah, lebih kurang macam itu jugalah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Lebih kuranglah. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya minta, sama ada, ada unit khas untuk memantau apa yang dibangkitkan oleh Wakil Rakyat dan status. Tindakannya macam mana? Kalau boleh selesai, ada duit, kita buat kenyataan dan edarkan kepada semua Wakil Rakyat. Jadi taklah berulang-ulang, taklah tahun ni, penggal ni sama aje cerita. Dulu saya kata, dah macam jadi cerita P.Ramlee. Dia ulang, 3 kali, 4 kali ulang. Cerita Musang Berjanggut, cerita Nujum Pak Belalang, sama. Tapi, P. Ramlee ni dia ada seni dia. Tapi kita Yang Berhormat, kalau dah bangkit 3-4 kali akhirnya kita kata apa jadi pada diri aku ni? Dan akhirnya nanti lepas 5 tahun, rakyat akan menghukum kita. Jadi saya minta Yang Berhormat, kalau boleh ubahlah sistem ni, takkan tak boleh ubah. Kalau tak boleh nak ubah, saya beri khidmat nasihat percuma dalam Dewan ini.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Itu saja Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih cuma saya nak pesan, saya ucapkan terima kasihlah kerana Dewan ini dapat bersidang dengan baik, dapat bersidang, berjalan dengan teratur, walaupun ada perkara-perkara yang tak berapa sedap didengar. Tapi Johor, Dewan Johor ni Dewan yang masih molek, cantik dan dapat lebih tinggi. Itu sebab uniknya Johor kalau bandingkan dengan negeri-negeri lain. Saya ucap tahniahlah… (Dewan bertepuk) kepada semua Ahli Dewan, kepada EXCO-EXCO yang menjawab walaupun jawab macam tak jawab. (Dewan ketawa). Lepas tu tak tau apa yang dia jawab. Saya ucap terima kasih jugalah. Mudah-mudahan saya doakan EXCO ni teruslah buat kerja dia. Kalau tak sempat pun apalah salah tanya-tanyakan. Saya kadang-kadang tengok EXCO ni saya tak pernah kenal pun *sign* EXCO Yang Berhormat. Kalau Y.B. Dato' EXCO Kerajaan Tempatan memang saya tahu *sign* dia, berpintal-pintal, kan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat tak hantar surat pada EXCO macam mana EXCO nak jawab.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Masa kita hantar surat ni dia jawab. Paling tidak pun dia jawab. Ada EXCO ni, EXCO Agama, tak pernah jawab soalan saya. Tak pernah jawab, dah 2 penggal tak pernah jawab. Dia takkan tak sempat. Tak ada kertas ke kat Jabatan Agama? Kalau tak ada saya bagilah. Nanti saya hantar pada Pejabat Agama. (Dewan ketawa). Kalau tak ada *laptop* ke komputer, saya hantar. Jadi dapat berjalan dengan baik dan mudah-mudahan kita doakan Dewan ini mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT. Akhirnya Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyampaikan sedikit pesan yang disampaikan oleh Lukman Al-Haqim kepada anaknya yang berbunyi "Kebaikan, dibalas dengan kebaikan itu jasa namanya, kejahatan dibalas dengan kejahatan itu dendam namanya, kebaikan dibalas dengan kejahatan itu zalim namanya, kejahatan dibalas dengan kebaikan itu sifat orang yang mulia lagi terpuji". Akhirnya saya menyokong usul yang dibawa oleh Senggarang. Sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 4 Disember 2009, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEPULUH	JUMAAT, 4 DISEMBER 2009	BIL. 8 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Persidangan dimulakan pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS

Jawapan kepada soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum diteruskan saya ingat sekali pada hari ini pihak kerajaan akan memberikan jawapan dan penjelasan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi, pada hari ini dan juga pada hari Isnin pihak kerajaan akan berikan jawapan.

Perbahasan Atas Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 diteruskan sekarang. Jemput Ahli Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk memulakan penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Mesyuarat Ketiga (Bajet 2010) Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor kali ke-12. Marilah kita bersyukur di atas nikmat kesejahteraan yang telah kita kecapi selama ini. Nikmat keamanan dan kesejahteraan ini bukanlah satu yang terjadi atau wujud dengan sendirinya. Tapi nikmat keamanan dan kesejahteraan ini adalah hasil dari perjuangan orang yang terdahulu membebaskan tanah air ini daripada penjajah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor yang telah dapat membentangkan Bajet 2010 Kerajaan Negeri Johor bagi melangsungkan manfaat pembangunan rakyat di seluruh negeri tanpa mengira kaum. Ini sejajar dengan matlamat dan objektif serta cita-cita kepimpinan negara melalui Gagasan 1Malaysia yang ingin melihat

pembangunan dapat diteruskan untuk memastikan tidak ada mana-mana pihak yang tercicir dalam arus pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memulakan penggulungan ini kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan belia. Yang Berhormat Kahang ada membangkitkan soal kurangnya tumpuan kepada belia-belia yang tidak berpersatuan berbanding dengan belia yang berpersatuan. Di peringkat Jabatan Belia dan Sukan sebenarnya banyak program-program yang dikhususkan kepada belia-belia tidak berpersatuan ini. Contohnya kita ada program khas Kursus Kepimpinan Belia kepada mereka-mereka yang belum ada persatuan.

Program Asas Perniagaan Dan Usahawan untuk belia yang berminat untuk menjalankan perniagaan walaupun mereka ini belum mendaftar sebagai ahli-ahli mana-mana persatuan. Program Bebas Jenayah untuk memberi kesedaran kepada orang muda tentang bahaya penglibatan mereka dalam jenayah. Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional yang melibatkan pelajar-pelajar lepasan sekolah, yang baru lepas periksa, sama ada SPM ataupun STPM. Program Belia Bestari bagi memberikan latihan kemahiran dan juga nilai-nilai keusahawanan di kalangan belia.

Saya sering tekankan bahawa pihak jabatan mempunyai banyak program tetapi mungkin dari segi kakitangan yang agak terhad ini mengekang daripada untuk kita mencakupi ke seluruh orang muda terutama sekali mereka-mereka yang belum ada persatuan. Sebab tulah di peringkat sekolah kita wujudkan Program Rakan Muda kerana kita ingin mendekati mereka daripada peringkat sekolah. Program Rakan Muda Sekolah ini diikuti dengan Kelab Rakan Muda di peringkat Parlimen, dengan harapan supaya ada berkesinambungan mereka-mereka yang daripada sekolah lagi kita telah tanamkan program-program yang berkaitan dengan kesukarelawan, supaya apabila mereka lepas sekolah, walaupun belum masuk atau menjadi ahli kepada mana-mana persatuan belia, mereka terlibat dalam Kelab Rakan Muda Parlimen. Dan, dengan harapan juga setelah mereka terdedah dengan aktiviti kesukarelawan ini maka persatuan-persatuan belia akan dapat menarik untuk mereka sama-sama terlibat dalam persatuan belia.

Yang Berhormat Bukit Batu menimbulkan soal gelanggang pelbagai guna di Kelapa Sawit yang tergendala pembinaannya. Sebenarnya pembinaan gelanggang ini diberikan kepada Syarikat Proworks Trading pada bulan Februari 2009 dan sepatutnya mereka menyiapkan ini dalam masa 3 bulan, iaitu sepatutnya bulan Mac 2009 dah siap. Tetapi malangnya, walaupun diberi tempoh tambahan sehingga September 2009 masih lagi tak disiapkan. Oleh hal yang demikian, pihak Jabatan Belia dan Sukan telah mengambil tindakan dengan melantik syarikat baru untuk meneruskan pembinaan gelanggang ini dan sepatutnya kerja-kerja meneruskan pembinaan gelanggang ini telah dimulakan pada awal Disember 2009 ini. Dan, kita harap syarikat yang baru ini akan dapat meneruskan pembinaan gelanggang tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Panti ada menyentuh tentang peranan kerajaan khususnya Majlis Sukan Negeri Johor dalam usaha-usaha untuk membangunkan dan melahirkan atlet-atlet yang cemerlang di Negeri

Johor ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini , sebenarnya pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah melaksanakan pelbagai program dan pendekatan serta platform kepada mereka-mereka yang bergiat dalam sukan ini untuk diberi peluang menyerlahkan bakat-bakat mereka, seterusnya mungkin mereka ini boleh mewakili peringkat negeri dan juga peringkat kebangsaan. *So,* di antara program-program yang kita telah laksanakan ialah :

i. Kita meneruskan Program Sukan Johor yang diadakan setiap dua tahun sekali dan pada tahun ini Sukan Johor akan diadakan di Daerah Muar dan pada masa ini sedang berlaku promosi Sukan Johor ini dari daerah ke daerah dan Sukan Johor ini akan diadakan pada hujung Disember di Daerah Muar.

ii. Pihak Majlis Sukan Negeri Johor juga telah menubuhkan satu jawatankuasa bersama bagi pembangunan sukan yang melibatkan secara langsung Pihak Jabatan Pelajaran Johor yang mana jawatankuasa ini melibatkan Sekolah Sukan Negeri iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Husein di Kluang dan juga Sekolah Menengah Sukan Bandar Penawar, yang mana jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengerusi Belia dan Sukan Negeri Johor dan Timbalan Pengerusinya adalah Pengarah-Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor dan Pengarah Pelajaran Negeri Johor, yang mana kita nak menentukan bahawa pelajar-pelajar yang sememangnya mempunyai bakat daripada peringkat sekolah rendah lagi mereka akan dapat dimasukkan ke Sekolah Sukan di peringkat negeri,

   Dan selain daripada itu juga Sekolah sukan Negeri Yang Berhormat Dato' Speaker, sekolah sukan yang menempatkan semua atlet-atlet ataupun pelajar-pelajarnya adalah daripada mereka yang aktif dan mempunyai bakat sukan yang tinggal di Negeri Johor. Sekolah Sukan Bandar Penawar adalah sekolah sukan yang pelajar-pelajarnya dipilih daripada seluruh Malaysia. Dan di Sekolah Sukan Negeri, Sekolah Menengah Tun Husein di Kluang, pada hari ini, telah ada pelajar-pelajar yang tinggal di asrama tersebut, yang memang mengikut bidang-bidang sukan yang mereka ceburi.

iii. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Sukan Negeri Johor juga mengadakan siri-siri klinik sukan bersama-sama dengan bekas-bekas atlet yang ternama di Negeri Johor ini. Contohnya dalam olahraga, Nordin Jadi; dalam basikal, Daud Ibrahim; sepak takraw, Fauzi Ayub; bola sepak, Nasir Yusof dan banyak lagi sukan-sukan lain yang kita adakan klinik ini, mengikut sama ada di daerah-daerah yang dianjurkan bersama dengan Majlis Sukan Daerah ataupun juga dengan persatuan-persatuan yang memberikan cadangan dan sebagainya.

iv. Pihak Majlis Sukan Negeri Johor juga memberikan bantuan kepada Persatuan-Persatuan Sukan yang mengadakan kejohanan-kejohanan sama ada peringkat negeri ataupun juga peringkat antarabangsa.

v. Majlis Sukan Negeri Johor juga memberi bantuan kepada atlet-atlet yang ingin menyertai kejohanan-kejohanan sama ada peringkat kebangsaan atau juga peringkat antarabangsa.

vi. Majlis Sukan Negeri Johor juga mempunyai Program Gemilang. Kalau sekarang ini Program Gemilang 2012, sasaran kita SUKMA 2012 dan untuk SUKMA 2010 Program Gemilang tu dah hampir sampai ke penamatnya sebab tahun depan kita akan menyertai SUKMA 2010. *So,* program ini berterusan dari masa ke semasa yang menjurus kepada untuk kita melahirkan atlet-atlet yang akan mewakili Negeri Johor di peringkat SUKMA. Dan, pemilihan atlet-atlet SUKMA ini memang diadakan bersama-sama dengan persatuan-persatuan sukan yang melibatkan kejohanan-kejohanan tertentu yang mana daripada pemilihan itu yang mana terbaik akan dipilih mewakili peringkat negeri.

vii. Majlis Sukan Negeri Johor juga menyediakan insentif-insentif kepada mereka-mereka yang mencapai kejayaan di tahap tertentu terutama sekali mereka yang telah mewakili peringkat negara persada antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin kita tidak perasan, sebenarnya kita telah banyak melahirkan atlet-atlet yang mewakili negara. Mungkin sukan-sukan ini agak kurang popular umpamanya dalam karate, kita ada 2 atlet kita, Lim Yok Wei dan juga Mahendran yang mewakili negara. Dalam tenpin bowling, Chow Pow Lai dan juga Mohd. Aiman; lumba basikal, Azian Alias, Junaidi Nasir; bola jaring, S Aruna; badminton, Tan Wee Kiong; tinju, Mohd. Farhan Haron, Ali Karim; menembak, Mohd. Ridzuan dan juga memanah, Siti Amira. Ini di antara atlet-atlet yang bukan hanya mewakili negeri tetapi pada hari ini mereka mewakili peringkat kebangsaan.

Usaha Majlis Sukan Negeri Johor adalah untuk membantu mencungkil seberapa ramai atlet untuk kita ketengahkan supaya mereka dapat mewakili negeri, negara dan sebagainya. Tetapi untuk mereka ini terus berada di tahap yang cemerlang sebenarnya usaha itu kena datang daripada atlet itu sendiri. Kalau mereka nak kekalkan kecemerlangan mereka, mereka kena usaha sendiri. Kita cuma dapat membantu dari yang sepatutnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ramai yang bimbang dengan prestasi pasukan bola sepak kita dalam liga bola sepak. Di mana yang kita sedia maklum bahawa sebenarnya pasukan bola sepak kita, Johor FA telah mencapai peningkatan. Kalau dulu mereka berada ataupun bersaing dalam Liga Perdana ataupun Liga Division 2 tapi hasil bimbingan daripada Nasir Yusof, mereka telah dapat masuk untuk bersaing dalam Liga Super atau Liga Division 1 pada musim depan tahun 2010. Sebenarnya apa yang berlaku ialah masalah di peringkat pentadbiran Persatuan Bola Sepak Negeri Johor itu sendiri yang pada pendapat saya tidak begitu profesional termasuklah peletakan jawatan Presiden dan juga 2 orang Naib Presiden. Jurulatih yang bila direhatkan atas kononnya alasan disiplin dan juga keadaan pemain-pemain yang akhirnya dibiarkan sepertimana, seperti anak ayam kehilangan ibu.

Oleh yang demikian, pihak Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Johor sedang melakukan beberapa langkah dan pendekatan bagi membantu untuk memastikan Pasukan Bola Sepak Negeri Johor, Johor FA ini agar dapat meneruskan cabaran dalam musim 2010 ini yang akan dijangka bermula pada

11 Januari pada tahun 2010. Di antara langkah-langkahnya ialah Majlis Sukan Negeri Johor telah, akan membantu dari segi mendapatkan dana bagi, supaya pasukan ini dapat terus bersaing dalam liga akan datang. Di samping itu juga, membantu mengendalikan untuk pemilihan pemain di bawah bimbingan Nasir Yusof dan dalam masa terdekat ini juga kita telah minta supaya Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini mengadakan Mesyuarat Agong Luar Biasa bagi...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, macam MCA juga eh, luar biasa ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Lebih kurang, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Bagi memilih kepimpinan baru ataupun sekurang-kurangnya mengisi kekosongan-kekosongan jawatan yang telah dikosongkan oleh mereka-mereka yang letak jawatan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat boleh pegang tak jawatan Pengerusi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Ini bergantung kepada Ahli-Ahli Majlis, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Ahli Majlis tentu setuju punya. Ok, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : *So*, mudah-mudahan usaha ini akan dapat memperbaiki lagi prestasi Pasukan Bola Sepak Negeri Johor dan yang penting sekali ialah persepsi rakyat terhadap sukan bola sepak ini yang kita lihat bahawa bola sepak ini sebenarnya sukan yang dapat melibatkan penglibatan semua kaum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang persoalan yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, yang berkaitan dengan Gagasan 1Malaysia. Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah suatu gagasan sebenarnya untuk pemangkin ke arah perpaduan kaum demi kesejahteraan rakyat kerana dengan perpaduan kaum ini kita akan dapat melaksanakan apa pun khususnya yang berkaitan dengan soal pembangunan, soal ekonomi dan sebagainya.

Semalam, Yang Berhormat Senai timbulkan, dia *confuse* apa antara Gagasan 1Malaysia dengan Bangsa Malaysia. Kalau kita lihat Bangsa Malaysia ni disebut oleh Tun Mahathir semasa melancarkan Wawasan 2020 dahulu untuk memacu kemajuan negara pada tahun 2020 mengikut acuan kita sendiri. Kita kena lihat bahawa negara kita, Malaysia ini adalah terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum di Semenanjung Tanah Melayu, Malaysia ini, kaum yang utama Melayu, Cina, India termasuk juga di Sabah dan Sarawak. Sebab itulah apabila Yang Berbahagia Tun Mahathir menyebutkan tentang Bangsa Malaysia itu, maksud Bangsa Malaysia itu ialah Bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, yang mengamalkan pelbagai bahasa, agama, budaya masing-masing. Macam juga kalau kita lihat Bangsa Melayu, dalam Bangsa

Melayu itu ada orang Jawa, ada orang Banjar, ada orang Bugis dan sebagainya. Itu, dalam itu disebut sebagai Bangsa Malaysia, Bangsa Melayu. Dalam bangsa Cina ada Hokkien, ada apa lagi...

Y.B. Dato' Speaker : Toechew.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Toechew macam-macam lagi *so* disebut dalam bangsa Cina, begitu juga dengan India dan sebagainya. *So*, dalam konsep Bangsa Malaysia ini ialah satu konsep, maknanya bangsa yang terdiri daripada pelbagai bangsa yang mengamalkan pelbagai bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Tetapi, malangnya konsep Bangsa Malaysia ni banyak diputar belit oleh khususnya pihak pembangkanglah, yang kononnya memang dari dulu lagi pun mereka nak cuba ketengahkan dia punya konsep tentang *Malaysian Malaysia* ni. Dalam *Malaysian Malaysia* ni yang kita digambarkan oleh pembangkang seolah-olah mereka nakkan supaya *Malaysian Malaysia* ni semua rakyat itu sama rata. Semua rakyat ni sama rata, apatah lagi apabila mereka merujuk pada negara-negara yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam dunia ni yang sama rata ni adalah satu konsep yang diamalkan oleh negara komunis. Negara komunis, rakyat dia semua sama, semua hasil negara dipunyai oleh kerajaan. Rakyat dia sama ada dia kerja kerajaan ke, dia sebagai petani ke, kerja sebagai apa pun, pendapatan mereka sama rata. Saya berani cakap ni sebab saya pernah sampai ke negara ini, Korea Utara umpamanya saya pernah sampai kat sana.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat ada pergi Korea Utara eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Dah pernah Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, handallah. Payah nak masuk.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Kita lihat sendiri walaupun dia kerja kerajaan dengan yang mereka yang kerja sebagai petani pendapatan mereka sama dikawal oleh kerajaan. Adakah kita nak mengamalkan sistem yang sebegitu. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, bila keadaan ini berlaku, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak ketengahkan konsep Gagasan 1Malaysia ni yang berteraskan kepada 2 perkara yang penting:

i. Soal perpaduan.
ii. Soal penerimaan berasaskan kepada Perlembagaan.
(di mana kedua-dua teras ini berasaskan kepada Perlembagaan Negara)

Yang pertama soal perpaduan, perpaduan ni merujuk kepada soal perpaduan kaum. Semua orang boleh bercakap tentang perpaduan termasuklah juga pihak pembangkang. Tetapi, apakah kita faham ataupun sedar bagaimana perpaduan di tanah air kita ini dapat dicapai. Kalau kita lihat dalam sejarah perpaduan yang termeterai antara 3 kaum yang utama antara orang Melayu, orang Cina dan orang India. Ini adalah satu toleransi antara 3 kaum untuk kita mencapai kemerdekaan dan ini juga syarat, yang diberikan kepada British kalau

pada masa itu Tanah Melayu ingin kemerdekaan. Sebab itulah hasil daripada toleransi ini yang telah dicapai oleh kesepakatan dan perbincangan di antara pemimpin-pemimpin yang mewakili kaum-kaum yang utama dalam Tanah Melayu pada masa itu oleh Tunku Abdul Rahman mewakili orang Melayu daripada UMNO; Tan Cheng Lok daripada kaum Cina, MCA; Tun Sambanthan daripada kaum India, daripada MIC. Masa itu DAP memang tak ada pun, tak terlibat sebab itu dia tak faham.

So, apa dia toleransi ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Toleransi yang berlaku ini ialah pada masa itu orang Melayu telah bersedia untuk menerima supaya orang bukan Melayu diberi kerakyatan sama seperti mana orang Melayu. Dalam sejarah disebutkan *Jus Soli* makna dalam kesepakatan itu mereka yang selepas itu dilahirkan di sini walaupun asal usul mereka daripada negara asal mereka, mereka akan diberi kerakyatan. Dalam masa yang sama orang bukan Melayu atas rasa terima kasih kerana telah diterima sebagai rakyat di Tanah Melayu pada ketika itu mereka juga bersedia supaya terima Agama Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan, kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Negara, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan juga kedudukan, keistimewaan orang Melayu yang diletak di bawah Yang DiPertuan Agong. Kenapa mereka terima ini semua, kerana pada masa itu orang bukan Melayu mengakui bahawa orang Melayu ini adalah sebagai penduduk asal di Tanah Melayu.

Dalam sejarah terbukti kalau kita merujuk kepada Kerajaan Kesultanan Melaka. Kerajaan Melaka bermula pada tahun 1400 apabila Parameswara yang pada masa itu dihalau daripada Palembang. Parameswara ini anak raja daripada Palembang ditewaskan oleh Majapahit, dihalau pergi ke Temasek dan akhirnya sampai di Melaka. Temasek itu Singapuralah. Orang yang mula-mula sampai Singapura adalah Parameswara. Kemudian datang ke Melaka tubuhkan Kerajaan Melaka. Dan, pada tahun 1409, Laksamana Cheng Ho dalam misi perdagangan dia ke seluruh dunia singgah di Melaka kerana dia tahu di Melaka tu ada kerajaan, Kerajaan Melayu di Melaka dan mereka singgah untuk mengadakan hubungan diplomatik dan misi perdagangan. Dan, atas hubungan ini juga Parameswara sendiri pada tahun 1411 telah mengadakan lawatan balas ke Negeri China. Mereka singgah di Melaka pada masa itu sebagai bukti bahawa mereka tahu ada Kerajaan Melayu di sana. Dalam tahun 1946, apabila British nak bentangkan kertas putih tentang Malayan Union umpamanya, British juga rujuk kepada Raja-Raja Melayu. British dapatkan tandatangan daripada 9 Raja Melayu untuk bentangkan kertas putih itu. Maknanya di sini bahawa kehadiran orang Melayu pada masa itu di Tanah Melayu memang terbukti dalam sejarah, bahawa mereka ini merupakan penduduk asal di sini. Sebab itulah dalam toleransi itu ataupun yang dikatakan sebagai *contract sosial* ini sebahagian perkara-perkara tersebut termaktub dalam perlembagaan. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Perdana Menteri sebutkan, Gagasan 1Malaysia ini berasaskan kepada Perlembagaan.

Perkara yang kedua, soal penerimaan. Yang Berhormat Perdana Menteri hendakkan supaya kita ini kena terima sesama kita ini seadanya. Orang Melayu kena terima orang Cina seadanya, orang Cina kena terima orang India seadanya, orang India kena terima orang Melayu seadanya. Begitulah, termasuk jugalah kaum-kaum yang lain di Sabah, Sarawak. Maksud seadanya

ialah kita kena terima rakan-rakan kita ini termasuklah budaya yang diamalkan, agama yang dianuti dan juga bahasa yang diucapkan. Dan, perkara-perkara ini semua Yang Berhormat Dato' Speaker, telah termaktub dalam perlembagaan. Contohnya, soal-soal yang berkaitan dengan yang saya sebutkan tadi, Fasal 3, tentang kedudukan Agama Islam sebagai agama rasmi, Fasal 32, soal Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Negara, 152, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, 153, kedudukan hak keistimewaan orang Melayu di bawah Yang Dipertuan Agong tanpa meminggirkan orang lain dan semua ini juga dengan mengambil kira kedudukan kaum-kaum yang lain. Sebab itulah walaupun disebut dalam perlembagaan kita juga saya katakan tadi kita terima orang lain seadanya. Contohnya, dalam dunia ini, dalam sektor pendidikan, mana ada sekolah yang melibatkan bahasa mengikut bangsa. Kita ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan sebagainya. Sebab itulah perkara-perkara ini janganlah kita kelirukan kerana inilah yang selama ini kita pegang, kita pelihara dan dah terbukti memberikan kesejahteraan daripada dahulu sehinggalah hari ini. Kalau perkara-perkara ini diusik, dipertikai dan sebagainya, kita bimbang di masa-masa akan datang, perkara-perkara yang tidak diingini mungkin akan berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya di antara perkara yang sering dipersoal, saya banyak kali berdepan dengan pertanyaan-pertanyaan terutama sekali daripada kaum bukan Melayu yang menjurus kepada perkara 153, soal hak keistimewaan orang Melayu.

Pertama, saya kata perkara ini memang dah dalam persetujuan. Dalam perlembagaan pun. Dalam hak keistimewaan orang Melayu ini pun Yang Berhormat Dato' Speaker, ada sebahagiannya pun sebenarnya taklah istimewa sangat. Umpamanya, kalau kita lihat dalam pengambilan pelajar-pelajar ke MRSM umpamanya. Kalau dulu MRSM ini untuk orang Melayu tapi hari ini dah dibuka kepada orang lain sebahagiannya. Kemasukan pelatih ke institusi-institusi latihan dalam MARA, dalam Giat MARA umpamanya juga memberi peluang kepada kaum yang lain untuk bersama-sama. Dalam TEKUN, dulu TEKUN ini satu institusi pinjaman kewangan untuk Bumiputera, hasil daripada Konvensyen Bumiputera di Pulau Pinang. Tetapi, saya pernah jadi Lembaga Pengarah TEKUN dulu, bila kita melihat kaum India perlukan bantuan dan sebagainya akhirnya kerajaan berikan peruntukan khusus, dulu RM3 juta dalam TEKUN untuk bantu kaum India. Tapi hari ini, kalau tak silap saya dah tambah daripada RM3 juta kepada RM15 juta khusus untuk kaum India.

Dalam kemasukan pelajar-pelajar ke universiti awam, kalau ikut permohonan umpamanya, kaum Bumiputera, ini tahun 2009 yang memohon termasuk Melayu, Sabah dan Sarawak, 44,090 orang; orang Cina, 12,645; orang India, 4,292. Jumlah permohonan 61,027, tempat yang kosong ada 40,366. Kalau kita nak sama rata, adakah pembahagian ini kita nak buat, 30% Melayu, 30% Cina, 30% India? Sedangkan kalau kita tengok dari permohonan pun, yang bumiputera ini 40,000, Cina 12,000, India 4,000 lebih. Tetapi dalam penawaran yang diberikan kepada pelajar-pelajar ini untuk Bumiputera termasuk Melayu dan Bumiputera Sabah, Sarawak 27,829, 63% saja daripada jumlah permohonan. Orang Cina daripada 12,645 yang mohon, yang dapat tempat 10,166, 80.4%; orang India daripada 4,292 yang mohon, yang dapat 2,421,

56.4%. Kalau tengok daripada segi peratus pemohon yang mohon, orang Cina lebih daripada Bumiputera dan juga orang Melayu dan juga orang India.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang kerajaan buat pada hari ini adalah semata-mata untuk memberi keadilan sebaik mungkin kepada semua pihak, kepada semua rakyat. Jadi, saya haraplah janganlah ada pihak-pihak tertentu yang cuba ingin memutarbelitkan apa pun yang cuba dibawa oleh kerajaan. Janganlah kita bila bercakap tentang bangsa Malaysia ataupun *One Nation*, dengan izin, seperti mana Yang Berhormat Senai suka sebut, ulang banyak kali, janganlah kita rujuk pada orang lain. Janganlah kita rujuk pada orang lain. Kalau kita rujuk kepada Singapura, adakah Singapura itu adil kepada semua orang? Dan kalau kita rujuk kepada Indonesia, umpamanya, adakah kita sanggup di Indonesia, sebab mereka nak, orang yang bukan Jawa ini semua kena tukar nama Jawa. Orang Melayu baik, orang Cina baik, orang India baik, jadi rakyat Indonesia kena tukar nama Jawa. Adakah kita nak begitu? Kita kena ingat bahawa, saya katakan tadi, kita tinggal dalam sebuah negara, masyarakat yang berbilang kaum yang melibatkan pelbagai bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Jadi, sepatutnyalah apa yang kita buat ini mestilah berasaskan kepada kepelbagaian ini dengan berpandukan kepada sejarah yang pernah kita lalui dan juga Perlembagaan Negara selaras dengan apa yang terkandung dalam Rukun Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap dengan sedikit penerangan ini akan telah dapat menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan dan sekiranya ada mana-mana yang tidak jelas ataupun tidak begitu terang, bolehlah kita jawab dalam *platform* yang lain dan mana-mana pihak jabatan yang berkaitan akan berikan jawapan yang diperlukan sekiranya ada yang kurang jelas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senggarang. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, terima kasih. Perbahasan diteruskan lagi, jemput. Ha, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ok? Ok eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat maksud apa?

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada bendalah, cakap ok aje. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasihlah Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi kesempatan untuk saya menjawab bagi pihak kerajaan bagi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang

ada menyentuh tentang perkara-perkara yang ada berkaitan dengan Pelancongan dan juga Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan.

Saya teliti semua soalan-soalan dan perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya nampak di bawah Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan, tadi Yang Berhormat yang bangkit ada sentuh tentang bagaimana kerajaan ataupun meminta kerajaan memantau harga di pasaran dan bagaimana kerajaan meluluskan *hypermarket* dan sama ada kerajaan mengawal bilangan *hypermarket* di negara kita khususnya di Negeri Johor.

Dan, di bawah Pelancongan saya boleh rumuskan ada 4 perkara yang harus kita ambil perhatian, di mana hal ini Yang Berhormat telah berbangkit:

i. Berkaitan dengan pembangunan *homestay*.

ii. Sama ada Jawatankuasa Pelancongan menaikkan ataupun memohon peruntukan untuk menaik taraf kemudahan asas dan infrastruktur pelancongan di Negeri Johor dan bagaimana kita dapat meningkatkan lagi ataupun meningkatkan lagi prestasi termasuklah keselesaan, keselamatan dan kawasan-kawasan pelancongan yang ada di Negeri Johor.

iii. Bagaimana kita memperbanyakkan lagi acara-acara *hallmark* di Negeri Johor dan apa hasil daripada acara ini.

iv. Harus juga Jawatankuasa Pelancongan ataupun Majlis Tindakan Pelancongan memperhebatkan lagi promosi produk-produk pelancongan yang ada di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai tentang pemantauan harga di kawasan ataupun di pasaran yang sedia ada, saya di sini ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu selain daripada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, memang di Negeri Johor ada pejabat. Dan, selain daripada kita mempunyai Pegawai Penguat kuasa yang sedia ada, pejabat di Negeri Johor ini juga kita mewujudkan ataupun kita mengadakan Pegawai Pemantau harga iaitu di Negeri Johor kita mempunyai 200 orang Pemantau harga ditempatkan di kawasan-kawasan yang difikirkan harus kita memantau harga. Dan selama ini saya puas hatilah dengan prestasi yang ditunjukkan oleh pejabat ini kerana dari segi kita mempunyai banyak promosi ataupun mewujudkan kesedaran di mana para pengguna harus memahami tentang hak mereka dan juga untuk menjadikan seorang pengguna bijak.

Selain daripada itu, dari segi memantau harga pun saya rasa laporan yang diterima tiap-tiap hari dan juga seminggu sekali ada satu laporan yang lengkap. Dan saya percaya, dengan adanya sistem yang ada untuk kita memantau harga, saya yakin dan percaya di kawasan khususnya di Negeri Johor ini, harga yang kita pantau ini selaras dengan hasrat kerajaan supaya ia memadailah ataupun harga-harga yang ada di pasaran ini boleh katakan berpatutan.

Selain daripada itu, tentang cara macam mana kita meluluskan *hypermarket* dan sama ada bilangan ini terkawal ataupun bagaimana kita lihat dari segi pembangunan *hypermarket* yang ada di Negeri Johor.

Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *hypermarket* di negara kita termasuklah di Negeri Johor, kita mempunyai 2 kategori:

i. *Hypermarket* yang dimiliki oleh syarikat tempatan.
ii. *Hypermarket* yang dimiliki oleh syarikat asing.

So, di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, mereka cuma mengawal *hypermarket* yang dimiliki oleh syarikat asing. Ini bererti *hypermarket* ataupun *supermarket* yang dimiliki oleh syarikat tempatan, misalnya kita ada The Store, The Pacific, Mydin, Econsave, Kip Mart dan sebagainya ini memang dimiliki oleh syarikat tempatan. Maka secara automatik, kalau pemilik ini ataupun *operators hypermarket* ini memenuhi semua syarat Kerajaan Tempatan, mereka perlukan misalnya tapak itu bukan komersial, dia kena ubah syaratlah menjadi tanah komersial. Dan, segala keperluan ataupun mereka harus mematuhi apabila mereka *submit* pelan dan sebagainya harus dapat kelulusan daripada Kerajaan Tempatan, lepas itu mereka dapat beroperasi di kawasan-kawasan yang dimohon.

Bagi *hypermarket* ataupun *supermarket* yang dimiliki oleh syarikat asing, ia memang perlu dapat kelulusan daripada kementerian di bawah Jawatankuasa Perdagangan, Pengedaran di Kementerian. Dan, syarat-syarat yang diperlukan iaitu sebelum permohonan pembukaan *hypermarket* ataupun *supermarket* dipertimbangkan untuk kelulusan, satu kajian impak perlu dibuat oleh pemohon dan cadangan yang memenuhi syarat-syarat di bawah garis panduan yang ditetapkan oleh pihak pentadbiran iaitu sebelum dapat kelulusan Jawatankuasa Perdagangan, Pengedaran di Kementerian. Antaranya, syarikat ini perlu mengada ataupun sebuah perniagaan layan diri dengan kawasan lantai sekurang-kurangnya 5,000 meter persegi ataupun lebih daripada itu.

Yang kedua, hanya satu *hypermarket* dibenarkan pada setiap 350,000 orang penduduk. Ini bermakna dalam satu kawasan penduduknya 350,000 digalakkan supaya mengadakan satu *hypermarket* dan ia tidak dibenarkan beroperasi selama 24 jam. Dan, barang-barang yang dijual di *hypermarket* ini harus ada produk hasil buatan tempatan. Dan, akhir sekali ia memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan Negeri.

Pada pendapat saya, kalau sesuatu atau sesebuah negara sampai tahap satu yang lebih maju, ia memerlukan *hypermarket* tetapi kerajaan memang melihat dari sudut selain daripada kita harus mempunyai pilihan yang lebih, yang lebih selesa dan sewajarnya supaya kita sentiasa menganggap, kita harus mewujudkan satu masyarakat yang benar-benar memberi pilihan yang sewajarnya dan apatah lagi kita minta supaya para pengguna kita sebagai seorang pengguna bijak. Maka selain daripada kita dapat memberi kemudahan khususnya di *hypermarket* ataupun *supermarket* tetapi buat masa yang sama kita juga harus menimbangkan perkara-perkara supaya tidak menjejaskan perniagaan kecil kita supaya mereka tidak kerana wujudnya

hypermarket dan *supermarket* yang begitu banyak, akhirnya mereka terpaksa gulung tikar. Maka, kita harus lihat banyak sudut. Dan, saya sebutkan tadi hanya satu *hypermarket* dibenarkan pada 350,000 orang penduduk, baru kita benarkan satu *hypermarket*. Tapi memang pada hari ini, suasananya memang berubah. Kalau ikut *standard international*, sekarang ada permohonan supaya kita cadangkan untuk dia kurangkan kepada 250,000 ataupun 200,000. Bererti kalau dapat 200,000 hingga 250,000 penduduk, dibenarkan satu *hypermarket*. Tapi, setahu, saya tahu ini memang belum dapat lagi kelulusan dari Kementerian. Maka saya ingin katakan di sini, kerajaan memang lihat dari segi memberi kemudahan pilihan yang lebih kepada para pengguna, buat masa yang sama kita juga harus dari segi *social responsibility* menjaga kepentingan peniaga-peniaga kecil di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai tentang isu-isu yang ada berkaitan dengan sektor pelancongan. Saya sebutkan tadi ada 4 isu utama:

i. Pembangunan *homestay*.
ii. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri memohon peruntukan untuk menaik taraf kemudahan asas dan infrastruktur tempat-tempat pelancongan yang ada di Negeri Johor.
iii. Sama ada acara-acara *hallmark* ini di Negeri Johor, berapa acara yang ada dan apa hasil sebenarnya daripada acara *hallmark* ini.
iv. Bagaimana Majlis Tindakan Pelancongan memperhebatkan lagi bagi mempromosikan produk pelancongan di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan untuk makluman tentang *homestay* ini, untuk mewujudkan *homestay* di sesebuah tempat ataupun di kampung ianya terlebih dahulu hendaklah memenuhi 12 syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia seperti berikut:

i. Mereka haruslah warganegara Malaysia.
ii. Mempunyai saiz rumah yang sesuai.
iii. Mempunyai minimum satu ataupun maksimum 3 bilik tidur yang sesuai.
iv. Mempunyai kemudahan asas sekurang-kurangnya ada elektrik dan air.
v. Keadaan rumah yang bersih dan kemas.
vi. Kawasan kampung bersih dan bebas daripada pencemaran.
vii. Bersifat sukarela.
viii. *Community Based Tourism*.
ix. Ada produk pelancongan di sekitar kampung, seperti kalau lebihlah baik ada air terjun ke, sungai ke dan sebagainya.
x. Menghadiri kursus asas *homestay* dianjurkan oleh Institut Kemahiran Desa atau Kementerian Pelancongan Malaysia.
xi. Lulus peperiksaan rumah oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.
xii. Berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Apa itu CFO juga ke Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : CFO tetap perlulah. Untuk kita...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *homestay* pun kena eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : ...menjadi satu syarat yang ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, buat sementara ini terdapat 16 *homestay* di Negeri Johor yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia. Tetapi masih ada 4 lagi sedang memohon dan buat masa ini belum dapat kelulusan lagi. Bererti, sementara ini masih ada 16 *homestay* di Negeri Johor. Kalau ikut daerah, Johor Bahru mempunyai 4 iaitu:

i. Kampung Sinaran Baru, Skudai, 60 peserta jumlah bilik pun lebih kurang 60.
ii. Kampung Perigi Acheh, Pasir Gudang, 7 peserta bilangannya 9 bilik.
iii. Kampung Seri Paya Kulai, peserta 41, jumlah bilik 41.
iv. Kampung Seri Gunung Pulai, peserta 25, jumlah bilik 40.

Di daerah Muar, Kampung Sarang Buaya, peserta 10, jumlah bilik 22.

Y.B. Dato' Speaker : Itu ada apa Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya?

Y.B. Dato' Speaker : Dekat Sarang Buaya tu, *homestay* tu dia tengok apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Tak, cuma nama sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ingat tempat buaya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Sarang Buaya memang tak macam itulah, tapi nama sahaja. Kampung Parit Bugis, peserta 54, bilangan bilik 115. Kampung Batu 28, Pagoh, 30 peserta, jumlah bilik 60. Batu Pahat cuma ada satu sahaja, Kampung Parit Tengah, Seri Merlong, peserta 26, bilangan bilik 45. Pontian, *homestay* Tanjung Piai, peserta 54, jumlah bilik 90. Kampung Permatang Sepang, peserta 15...

Y.B. Dato' Speaker : Kat mana tu Kampung Permatang Sepang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Sepang, sepang...

Y.B. Dato' Speaker : Kat mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Pontian, Pontian...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Pontian, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Lepas tu Kampung Puteri Menangis, Benut, tapi sekarang tak menangis.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, tak ada puteri. Ada orang tua-tua semua, tak menangislah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Tak menangis, memang ketawa sekarang. Jumlah peserta 22, jumlah bilik 36. Kota Tinggi, di daerah Kota Tinggi, FELDA Semenchu 104 peserta, jumlah bilik 117. Ini merupakan salah satu *homestay* yang berjaya di Negeri Johor. Lepas ini Kampung Temening Baru, peserta 28, jumlah bilik 40. Kampung Lukut, peserta 20, jumlah bilik 35. Kampung Bukit Lintang, peserta 23, jumlah bilik 30 dan Mersing cuma satu sahaja Air Papan, 26 peserta, 49 bilik. Ini bererti keseluruhannya 16 *homestay* dengan jumlah peserta 545 dan jumlah bilik 815.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri memang berusaha sedaya upaya untuk mendapat peruntukan sebanyak RM500,000.00 untuk menaik taraf kemudahan *homestay*, saya tak sebut senarailah. Dan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ke-2 kami juga dapat peruntukan sebanyak RM450,000.00 bagi menaikkan kemudahan *homestay* dan sebagainya.

Selain daripada kita memohon peruntukan untuk memajukan kawasan-kawasan *homestay* di Negeri Johor, ini kita juga melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri turut memberikan latihan dan kursus secara percuma kepada peserta-peserta *homestay*. *So* sementara ini kita dapat di bawah ataupun untuk tahun ini kita telah pun menjalankan 5 latihan ataupun kursus untuk peserta *homestay*. *So,* saya fikir saya tak payah baca semualah...

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Untuk makluman sahaja, kita dapat menjalankan 5 *homestay*, 5 kursus bagi pengusaha-pengusaha *homestay* di Negeri Johor ini.

Dan satu lagi mungkin saya perlu memberi sedikit penerangan di sini iaitu sebab saya dengar memang Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan peruntukan RM50,000.00 yang telah dikemukakan kepada Kementerian sama ada pada hari ini dapat kelulusan ataupun tidak.

Saya berhubung dengan Kementerian sebenarnya jawapan yang diberikan, walaupun semua ADUN ataupun Ahli Parlimen juga mengemukakan permohonan untuk membantu industri *homestay* yang ada di Negeri Johor, buat sementara ini Kementerian telah pun mengumpulkan semua maklumat ini dan bagi kelulusan kepada kawasan ataupun di sesebuah kawasan mengikut keutamaan. Maka, buat sementara ini sejumlah RM880,000.00 di 7 kawasan sahaja sementara ini telah pun diluluskan iaitu kawasan yang dekat di Tanjung Piai, Pulai, Mersing, Kulai, Muar, Batu Pahat dan satu lagi, 2 di Batu Pahat, 1 Muar, 1 Pulai, 1 Mersing, 1 Kulai dan Tanjung Piai. Mengikut keutamaan dan

jumlah peruntukan itu bukan sama, ia memerlukan apabila kita lihat dari segi keperluan mereka, ada yang dapat RM160,000.00, ada yang RM100,000.00, ada yang RM200,000.00, ada yang cuma RM80,000.00 ataupun RM50,000.00. Ini mengikut keperluan yang ada yang mereka uruskan.

Walau bagaimanapun, saya akan terus memperjuangkan peruntukan-peruntukan yang belum lagi di luluskan supaya Kementerian Pelancongan akan melihat keperluan yang perlu kita salurkan peruntukan ini kepada kawasan-kawasan yang memerlukan peruntukan ini untuk memajukan ataupun membangunkan kawasan *homestay*. Saya lihat dari segi industri *homestay* ini, merupakan salah satu sektor yang penting bagi pelancongan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : *Homestay*, dalam Melayu apa Yang Berhormat? Rumah apa? Rumah tinggal?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : (ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia dalam Melayu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Rumah Inap Desa...

Y.B. Dato' Speaker : Inap, *homes*...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : tapi ini, apa ni pelancong asing lebih dikenali sebagai *homestay,* maka kita lebih mudah untuk kita sebutkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah cuma nak tahu kalau terjemah ke Bahasa Melayu tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya, Inap Desa, Rumah Inap Desa...

Y.B. Dato' Speaker : Panjang, Rumah Inap Desa, dia bunyi *home* rumah *stay*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : (ketawa) ataupun saya boleh terima cadangan Yang Berhormat Speakerlah kalau perlu, kalau ada nama-nama yang lebih menarik maka kita boleh mempertimbangkan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya lihat dari segi jumlah peserta 545 dan bilik 815. Maka, saya ingin tekankan di sini pendaftar ataupun pendaftaran pelancong yang datang ke *homestay* ini memang tidak masuk ke jumlah pelancong yang ada di Negeri Johor. Sebab itu saya kata data ataupun apabila kita sebut bilangan pelancong yang masuk ke Negeri Johor. Kalau kita ada 800 lebih bilik untuk penginapan pelancong asing ni, mungkin angka itu melebihilah daripada, mungkin daripada laporan-laporan yang kita terima dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai peruntukan ataupun yang kita mohon bagi menaik taraf kemudahan asas ataupun infrastruktur pelancongan Negeri Johor. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak-banyak terima kasihlah kepada Kementerian Pelancongan Malaysia kerana selama ini telah banyak membantu Kerajaan Negeri Johor khususnya Majlis Tindakan Pelancongan Negeri bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, supaya apabila kita majukan segala permohonan kepada Kementerian kebanyakan dapat kelulusan. Dan, saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain termasuklah Majlis Tindakan Pelancongan, UPEN, Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah yang sama-sama kita merancang dan juga meneliti keperluan yang ada, yang perlu kita majukan kepada Kementerian supaya dapat peruntukan yang mencukupi untuk kita menarik lebih ramai pelancong datang ke Negeri Johor dan seterusnya dapat memajukan sektor pelancongan di Negeri Johor ini.

Mungkin saya perlu *highlight* beberapa tempat yang kita dapat peruntukan yang banyak sebab misalnya, di Majlis Bandaraya Johor Bahru itu sendiri kita dah dapat RM7 juta untuk menaik taraf sekitar kawasan Majlis Bandaraya dan juga tempat-tempat tarikan di bandar raya Johor Bahru ataupun di kawasan berhampiran dengan Pejabat Daerah Johor Bahru. Misalnya di Majlis Daerah Kulai, kita juga dapat RM4 juta untuk kita bangunkan banyak tempat termasuklah di kawasan Pontian, Gunung Pulai dan juga satu kawasan paya bakau, tembok laut di Pontian dan sebagainya. Di Mersing kita juga dapat RM3 juta setengah, di Kluang kita dapat RM2 juta, di Perbadanan Taman Negara pun ia merupakan satu ekopelancongan yang cukup penting bagi Negeri Johor. Kita juga dapat banyak peruntukan, antara 7 yang kita mohon, tujuh-tujuh kita dapat peruntukan dan semua ini lebih daripada RM2-3 juta dan sebagainya. Ini memang satu jumlah yang besar yang untuk kita sama-sama majukan demi kepentingan ekopelancongan di Negeri Johor ini.

Di daerah Pontian sekali lagi dapat RM350,000.00, Pejabat Hutan pun dapat RM1 juta lebih dan sebagainya. Dan saya ingin memaklumkan di sini setiap tahun apabila kita buat lawatan, saya cuba melawat kesemua daerah. Dan, saya dapati bahawa selain daripada usaha yang kita ada, Pejabat Daerah dan juga Majlis Perbandaran, Majlis Daerah sentiasa membangkitkan, selain daripada kita ada tempat-tempat tarikan tetapi untuk menaikkan taraf kemudahan asas yang ada di kawasan yang berkenaan, juga kita ambil kira dan juga kita akan bantu dengan sedaya upaya untuk kita memajukan kawasan-kawasan yang diperlukan oleh daerah-daerah masing-masing. Dan, sebagai tempat-tempat awam termasuklah *public toilet* ataupun tandas awam dari segi keselamatan dan keselesaan juga kita sentiasa mengadakan perbincangan di antara dengan agensi-agensi kerajaan yang lain termasuklah Polis Diraja Malaysia.

To be fair to the Police, sebenarnya kalau kita lihat dari segi prestasi walaupun belum kita capai jenayah sifar, belum kita capai lagi tetapi dari segi prestasi patut kita akuilah sebenarnya ada perubahan tentang kes-kes jenayah yang ada di Negeri Johor ini. Saya, apabila bertemu dengan pihak Polis pun termasuklah Ketua Polis Negeri, mereka memang ambil perhatian yang serius

untuk kita sama-sama bukan setakat untuk keselamatan orang tempatan tetapi bagi pelancong pun di tempat-tempat tarikan dan sebagainya.

Maka saya juga ingin kongsi pendapat di Dewan yang mulia ini, sebenarnya apabila kita berbincang dengan pihak Polis, selain daripada kita ingin menambah jumlah yang ada, satu lagi unit yang saya rasa perlu kita tingkatkan ialah Polis Pelancongan ataupun *The Tourist Police* yang ada di Negeri Johor. Walaupun jumlah yang sekarang ini ditubuhkan tak begitu ramai tetapi dengan *feedback* yang ada saya percaya Polis Diraja Malaysia Kontinjen Johor Bahru, Negeri Johor akan menambah, saya haraplah boleh dapat penambahan anggota ataupun bilangan *The Tourist Police* ataupun Polis Pelancongan yang ada untuk kita sama-sama khususnya di kawasan bandar raya Johor Bahru ini sendiri supaya dapat wujudnya lebih ramai Polis Pelancongan supaya kita dapat memberi keyakinan kepada pelancong untuk melawat ke Negeri Johor ini.

Pada keseluruhannya saya sebenarnya mengucapkan terima kasihlah kepada Pihak Polis yang sentiasa memberi kerjasama untuk kita sama-sama lihat kepentingan yang ada untuk memajukan sektor pelancongan di Negeri Johor.

Ketiga, ialah tentang acara, acara-acara *Hallmark* di Negeri Johor. Saya ingin memaklumkan di sini iaitu, selain daripada kita mempunyai usaha untuk kita mewujudkan tempat-tempat tarikan termasuklah yang sedia ada yang lama, yang baru, akhirnya juga dapat kita wujudkan satu pakej yang lebih menarik untuk kita menawarkan kepada pelancong. Selain daripada pakej pelancongan yang ada, untuk menganjurkan acara-acara sama ada acara nasional ataupun acara antarabangsa ia juga merupakan satu seksyen yang cukup penting menarik lebih ramai pelancong yang datang ke Negeri Johor.

Kalau kita sebut *National Event* ataupun acara-acara di peringkat kebangsaan saja, hampir 30 acara setiap tahun akan kita anjurkan. Selain daripada itu, kalau ikut acara International ataupun antarabangsa saya dengan mudah aje boleh dapat 10. Bererti kita cuba mengadakan banyak program acara International kerana dengan adanya acara ini, bukan setakat peserta akan datang, bertambah, tetapi peminat-peminat yang datang ke Negeri Johor ini juga bertambah. Saya sendiri ambil inisiatif untuk lihat dari segi acara yang kita anjurkan selama ini. Misalnya, Festival Layang-Layang Antarabangsa ataupun *JB Arts Festival, Johor Bahru International Orchid Festival, Amcom Malaysia Valley, Desaru-Pengerang International Long Distance Triathlon, World Scrabble*, masih berlangsung, *International Chingay Festival Sale Malaysia* dan juga satu lagi akan berlangsung pada esok iaitu *Rain Forest Challenge* …

Y.B. Dato' Speaker : Itu Malaysia punya ke International?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : International. Jadi…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu Mat, Marathon ada tak Yang Berhormat? Second Link?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Itu *Second Link Run* antara Johor dengan Singapura.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, luar negeri jugalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Itu pun boleh kira antarabangsalah tetapi, cuma dari segi persahabatan saja untuk kita anjurkan tiap-tiap tahun ataupun 2 tahun sekali. Saya lihat dari segi acara International ini memang ia membawa banyak faedah. Dari setahun ke setahun saya lihat dari segi bilangan peserta bukan setakat ia menambah tapi pelancong yang datang ke Negeri Johor itu pun menambah. Ini menunjukkan satu hasil ataupun kemajuan ataupun kejayaan yang saya lihat dari segi acara-acara yang kita lakukan selama ini.

Selain daripada itu Dato' Speaker, saya lihat dari segi apabila menganjurkan program ini, kita selalu ada *Fam-Trip* untuk mereka melawat. Saya sentiasa kata selain daripada kita wujudkan banyak pakej yang ada, kita harus juga memberi peluang kepada orang asing apabila mereka datang untuk menyertai pertandingan ataupun program-program yang ada, mereka harus memberi peluang untuk melawat ke kawasan-kawasan yang menarik. Maka, dengan acara ini pun kita cuba mengaturkan banyak program untuk lawatan supaya mereka dapat menjadikan duta ataupun *ambassador* kepada pelancongan di Negeri Johor ini.

Keempat, yang akhir sekali tentang memperhebatkan lagi promosi produk pelancongan di Negeri Johor ini. Saya dalam Jawatankuasa ini selama hampir dua tahun ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasihlah kepada kerjasama yang ada ditunjukkan di bawah Jawatankuasa Pelancongan Negeri di mana ia merangkumi banyak ahli termasuklah semua *Industrial Players* ataupun pengusaha-pengusaha pelancongan, agensi-agensi kerajaan dan juga sektor-sektor yang terlibat untuk sama-sama kita memikirkan cara dan juga bagaimana kita dapat mempromosikan lagi menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Johor. Pada saya ia merupakan satu KPI lah kepada Jawatankuasa Pelancongan supaya kita cuba berusaha sedaya-upaya, maka dalam 6 bulan yang lalu kita telah pun duduk bersama, berbincang dan juga mendapat kata sepakat di mana kita wujudkan *Tourist Icon* yang ada di Negeri Johor. Saya boleh tunjukkan buku ini sebab dari segi prestasi yang ada, selain daripada kita mewujudkan 9 teras pelancongan iaitu merangkumi ekopelancongan, agro-pelancongan, pulau, acara sukan, termasuklah *golf, shopping*, makanan dan sebagainya.

Baru-baru ini mungkin kita harus tekankan dengan *sport tourism* dan *health tourism*. *Sport Tourism* dan *Health Tourism* juga memainkan peranan sebab terdekat ini kita tengok *international event* selain daripada hoki, bola keranjang dan sekarang berlangsung, badminton. *International event* di mana saya rasa ia juga merupakan satu teras yang penting untuk kita sama-sama memajukan selain daripada *heritage* ataupun tempat-tempat sejarah yang ada di Negeri Johor. Selain daripada kita ada 9 teras pelancongan, kita juga mewujudkan ikon pelancongan Negeri Johor. Bukan mudah kita cuba mengadakan tempat-tempat ikon ini sebab dari segi promosi apabila saya buat lawatan ataupun buat promosi di luar negara memang ia merupakan satu strategi yang penting

untuk kita tunjukkan ikon pelancongan di Negeri Johor. Maka dengan itu saya, misal katakanlah, apabila kita buat promosi di luar negara, saya suka petik pengalaman di Negeri China sebab mereka suka sangat dengan pulau kita. Mereka apabila dengar ada tempat-tempat tarikan yang mengenai dengan pulau, mereka tetap tanya mana dan sebagainya. Dan Negeri Johor mempunyai sumber yang begitu banyak, misalnya ada 40 lebih pulau yang ada yang boleh kita tunjukkan kepada mereka. Tetapi kita tidak dapat sebut satu demi satu. Maka kita Cuma boleh sebut satu dua pulau untuk menarik mereka. Dan memang ada hasil dia. Apabila kita tawarkan pulau ini, wakil daripada persatuan agensi pelancongan datang ke Negeri Johor untuk, ingin melihat sendiri sama ada apa yang dikatakan brosur itu tunjuk cantik, sama ada datang itu tengok sendiri sama ada dia benar-benar cantik dan menarik ke tidak. So, saya nampak hasil dia memang ada. Apabila kita tunjuk pulau-pulau ini mereka tetap terima, terima dari segi apa yang kita mempromosikan kepada mereka, dapat satu jawapan yang jelas dan mereka sanggup balik untuk membawa pelancong yang minat kepada pulau datang ke Negeri Johor. Dan tempat-tempat yang sebagainya dari segi Taman Negara kita dan tempat-tempat tarikan yang lain.

Selain daripada itu saya lihat dari segi usaha yang dimainkan oleh ataupun peranan yang dimainkan oleh Majlis Tindakan Pelancongan dengan kerjasama Tourism Malaysia dan agensi pelancongan yang lain. Kita telah pun mewujudkan banyak pakej baru. Dahulu memang kita tidak dapat gabungkan semua pakej ini. Saya lihat dari segi 1 hari, pakej 1 hari, 2 hari 1 malam, 3 hari 2 malam, 4 hari 3 malam semua ada. Dan saya sendiri ambil inisiatif untuk pergi ke semua daerah seperti yang saya pernah jawab di Dewan ini iaitu, tujuan saya, saya pergi ke semua daerah supaya mereka wujudkan *Tourist Information Centre* ataupun Pusat Informasi Pelancongan, di mana daerah itu sendiri dapat menunjukkan mana tempat tarikan dan apa yang boleh kita tawarkan kepada pelancong. Dan selain daripada Pusat Informasi Pelancongan ini, kita juga mohon supaya mereka wujudkan satu apa dikatakan, Peta Pelancong, (*Tourist Map)*, bererti mereka datang ke Pusat Informasi Pelancongan, apabila dia lihat dari segi brosur yang ada tempat-tempat yang ditawarkan dengan tengok peta itu dia tahu mana dia akan pergi. Bagaimana dia akan dapat dan sebagainya.

Saya merasa banggalah kerana berapa daerah yang saya lawati, inisiatif di peringkat daerah sendiri mereka wujudkan pakej mereka. Misalnya, saya pergi Pontian, saya pergi Muar, saya pergi Kota Tinggi, Mersing dan sebagainya mereka wujudkan pakej mereka iaitu dia boleh tawarkan 2 hari 1 malam. Mana nak pergi, tempat-tempat yang boleh mendapat *souvenir* ataupun cenderahati dan sebagainya, makanan yang lebih sedap dan sebagainya. Ini merupakan satu inisiatif dan juga komitmen dari peringkat daerah supaya mereka juga dapat menyumbang kepada pelancongan tempatan supaya mereka majukan sektor ini dan membawa faedah kepada peniaga-peniaga ataupun masyarakat setempat sama-sama menikmati faedah daripada kemajuan pelancongan ini.

Pendek kata saya ingin maklumkan di sini kita akan tingkatkan lagi promosi kepada pelancong bukan setakat pelancong asing tetapi, saya juga ingin tekankan di sini pelancongan domestik juga merupakan satu hasil yang penting

untuk pengusaha-pengusaha pelancongan di Negeri Johor. Jangan pandang ringan pelancong domestik ataupun pelancong tempatan sebab setiap tahun boleh dikatakan setiap tahun 3, 4 juta pelancong domestik yang datang ke Negeri Johor. Dan kita cuba adakan banyak *Fam-Trip* kepada pengusaha-pengusaha pelancongan dari negeri lain termasuklah dari wakil-wakil daripada negara asing supaya mereka lihat sendiri pakej yang kita tawar dan apa yang penting ialah semua pihak kena bekerjasama dari segi layanan kepada pelancong harus sampai tahap yang terbaik dan saya percaya dengan adanya kerjasama dan komitmen dari semua pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan yang lain. Maka kita yakin dan percaya kita akan mengadakan banyak lagi promosi dan juga menarik lebih ramai pelancong yang datang ke Negeri Johor. Cumalah saya ingin tekankan di sini, Kerajaan Negeri yang terdekat ini mengambil berat tentang pemain golf yang datang ke Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Erm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : *So*, dari segi prestasi ini saya nampak kita perlu mengadakan banyak pertandingan. Dan dari segi hubungan perlu ada sentiasa berhubung dengan pihak *golfers* ataupun golf club yang ada di luar negara. Kadang-kadang mereka sanggup datang dengan *chartered flight*. Ini bererti satu perkembangan yang baru. Saya lihat dari sudut itu, dalam tahun 2010 Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Pelancongan dan juga Tourism Malaysia akan bersama-sama untuk menuju ke arah ini untuk kita majukan sektor permainan golf di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yang Berhormat main?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya buat sementara ini *golf set* dah beli 10 tahun dah, tapi belum main lagi. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) Apa bikin simpan, kasi saya sajalah golf tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Macam tulah. Satu lagi saya jemputlah kita sama-sama belajar untuk kita main golf.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, sama belajar buat apa, saya dah pandai.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya ke?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sorang sajalah, ha'ah. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Maka, tuan Speaker boleh ajar kepada saya...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : ... untuk macam mana majukan, saya belajar untuk sama-sama kita menarik lebih ramai *golfers* datang ke Negeri Johor. Ini satu perkembangan yang baru. Saya cuma ingin tekankan di sini. Pada kesimpulannya, saya sekalilah ingin ucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang bangkit tentang isu-isu yang berkaitan dengan sektor pelancongan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya faham dari segi industri pelancongan ini memerlukan banyak masa dan tenaga untuk kita sama-sama majukan industri ini. Ia merupakan satu industri yang penting bukan setakat negara tapi di peringkat negeri pun. Maka, saya sekali lagilah mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat yang sama-sama memberi pandangan dan juga cadangan yang baik untuk kita majukan industri pelancongan di Negeri Johor. Jadi dengan kata ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberi peluang kepada saya untuk menjawab di peringkat Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri dan Penggunaan pada pagi ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, perbahasan diteruskan lagi. Siapa nak berucap? Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Jaga masa eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, penggulungan saya ini merangkumi semua bidang iaitu Perpaduan dan juga Tenaga Kerja. Pada mulanya saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang telah membentangkan satu Bajet Holistik 2010 pada minggu lepas. Jadi, untuk mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) 'Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan', saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Dato' Speaker, 2 strategi Bajet 2010 itu, iaitu, pertama, menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup. Dalam strategi tersebut, Yang Amat Berhormat telah menyentuh tentang KPI di mana pengurangan 20% kes jenayah akan diberi perhatian. Dan untuk itu, perhatian yang khusus diberikan kepada Skim Rondaan Sukarela di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, skim ini pada tahun 2010 ini dijangka akan meningkat dengan 40 lagi SRS akan dibuka dengan bantuan akan diberikan melalui Kerajaan Negeri untuk menyediakan peralatan rondaan. Kemudian melindungi peronda melalui perlindungan insurans, kemudahan pelepasan pekerja dan menyediakan pos kawalan. Jadi kita jangka bahawa, SRS pada tahun 2010 ini akan lebih berkesan di bawah Bajet 2010 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lagi satu strategi yang menarik perhatian Jabatan Perpaduan adalah meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman. Di mana pembentukan masyarakat berilmu adalah penting sebagai asas pembangunan modal insan yang inovatif, kreatif dan mempunyai kemahiran dalam abad yang ke-21 ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat telah, Yang Amat Berhormat telah menyentuh tentang meningkatkan peluang pendidikan khususnya pendidikan prasekolah, di mana Tadika Perpaduan di seluruh Negeri Johor yang kini ada 175 akan melibatkan penyertaan pelajar-pelajar yang lebih supaya ianya juga membantu kepada meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman terutama sekali kanak-kanak pelbagai kaum di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat Malaysia kita ni yang terdiri daripada pelbagai kaum perlu berbangga dengan tahap pencapaian perpaduan dan pembangunan negara yang hendak digalas khususnya dalam seperti mana yang saya sebutkan tadi dalam Bajet 2010 Negeri Johor. Pembangunan negara tidak akan tercapai jika perpaduan negara dan perasaan muhibah di kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia tidak wujud. Perpaduan negara mestilah menjadi matlamat semua rakyat Malaysia kerana masyarakat yang bersatu padu amat penting untuk kestabilan sosial politik dan pembangunan yang berterusan. Proses perpaduan yang mantap tidak lari daripada pelbagai masalah dan perlu keseimbangan dalam merencanakan sebarang bentuk perancangan dan tindakan yang perlu diambil. Keseimbangan ini boleh tercapai melalui pembentukan program yang komprehensif. Justeru itu, kerajaan meletakkan agenda perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat yang berbilang kaum, budaya dan kepercayaan sebagai matlamat utama negara, agenda. Ini diberi perhatian yang sewajarnya dan dijadikan sebagai asas dalam menyediakan program di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2006-2010 yang bertujuan mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional pada abad yang ke-21.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Bukti Serampang, Johor Jaya, Jementah yang begitu prihatin terhadap perpaduan. Tunggak kepada kesejahteraan negara adalah perpaduan negara yang mantap. Maka hakikat ini diterima dan rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan berasal dari wilayah yang berlainan, menjadi elemen perpaduan negara untuk kita melaksanakan sebarang bentuk dasar yang hendak digubal dan di laksana. Kerana ianyalah yang menjamin hak warga negara serta menggariskan inti semangat perpaduan negara. Kesedaran dan tanggungjawab ini perlu ditunaikan oleh kerajaan dan semua rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan kepercayaan serta melampaui sempadan wilayah. Tanggungjawab yang berlandaskan keutuhan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu dipikul bersama. Sebagai satu amanah demi menentukan masa depan negara yang cemerlang oleh semua pihak Yang Berhormat Dato' Speaker. Bukan sahaja pihak kerajaan tetapi juga pihak Pakatan Rakyat.

Perpaduan kaum yang kukuh secara tidak langsung, pembangunan ekonomi dapat dibangunkan secara serentak juga. Jadi, sebarang usaha atau perlakuan yang membangkitkan emosi perkauman haruslah ditentang habis-habisan dan

juga dikutuk sekuat-kuatnya oleh semua pihak Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk itulah maka gagasan 1Malaysia dilancarkan oleh Perdana Menteri kita, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. 1Malaysia adalah pemangkin kepada mewujudkan negara bangsa yang dapat membina Malaysia sebagai negara yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan di kalangan rakyat. Keupayaan membina negara bangsa bergantung pada perkongsian, nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan. Oleh yang demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, konsep 1Malaysia ini haruslah disokong, didukung dan dijadikan sebahagian daripada cara hidup rakyat Malaysia tanpa mengira anutan agama, budaya, kepercayaan juga parti politik yang mereka wakili.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan Skim Rondaan Sukarela dan KRT yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Batu, saya ingin menjelaskan di sini bahawa di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Negeri Johor mempunyai sebanyak 532 KRT dan sebanyak 148 Skim Rondaan Sukarela. Setiap tahun bilangan rukun tetangga dan Skim Rondaan Sukarela bertambah. Jumlah geran yang diagihkan kepada kawasan rukun tetangga bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM2.4 juta, di mana setiap kawasan rukun tetangga akan menerima RM4,800.00. Sehubungan dengan penubuhan Skim Rondaan Sukarela pula, setiap Skim Rondaan Skim Sukarela diberikan RM2,500.00 lagi untuk bantuan membeli peralatan rondaan seperti *vest*, rotan, lampu suluh dan lain-lain.

Bagi menjawab bagi soalan daripada ADUN Senggarang, dimaklumkan bahawa setiap Skim Rondaan Sukarela yang ditubuhkan perlu didaftar di dalam kawasan rukun tetangga. Yang Berhormat Dato' speaker, Skim Rondaan Sukarela ini tak boleh wujud secara sendirinya tanpa melalui kawasan rukun tetangga. Jadi, kawasan rukun tetangga perlu dipohon dulu melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kemudian daripada itulah maka Skim Rondaan Sukarela boleh dimohon. Adalah dimaklumkan di sini bahawa Skim Rondaan Sukarela yang ditubuhkan dan didaftarkan di daerah Batu Pahat adalah sebanyak 13 SRS manakala di DUN Senggarang, hanya 1 SRS yang didaftarkan di bawah kawasan rukun tetangga melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional iaitu Kawasan Rukun Tetangga Taman Bukit Nora. Selain daripada bantuan bagi pembelian peralatan rondaan, setiap peronda SRS ini juga dilindungi dengan insurans kemalangan berkelompok dari Takaful Ikhlas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Tenaga Kerja. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin ucapkan terima kasih kepada ADUN-ADUN daripada Nusajaya, Kahang, Permas juga Bukit Permai yang telah menyentuh tentang penggajian dan penempatan khas bagi pekerja-pekerja asing. Pembangunan mampan Negeri Johor akan terus bertambah dengan adanya Koridor Ekonomi Iskandar Malaysia yang merupakan satu pembangunan holistik. Kenapa saya sebut holistik Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab ia berdasarkan kepada 9 teras, iaitu perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan kewangan, industri komunikasi dan teknologi maklumat dan kreatif, elektrik dan elektronik, petrokimia dan oleokimia, makanan dan pemprosesan pertanian, logistik, perkhidmatan berkaitan dengan pelancongan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi apabila ada ADUN yang menyindir apabila sebut holistik ini saya kena tegaskan di sini, kerana ia merangkumi semua bidang yang boleh kita kerja diberi peluang di Iskandar Malaysia Yang Berhormat Dato' Speaker. Ini membawa kepada banyak peluang yang boleh di isi oleh rakyat tempatan di Johor khasnya dan rakyat Malaysia amnya. Kekosongan jawatan yang didaftarkan Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh para majikan melalui portal perkhidmatan *JobsMalaysia* bagi Negeri Johor ialah sebanyak 31,740 jenis pekerjaan. Penawaran untuk mengisi kekosongan yang paling ketara dari sektor pembuatan untuk pekerja-pekerja asas dan operator mesin. Berikutan dari kurangnya pekerja tempatan yang dapat mengisi kekosongan yang ada untuk memastikan bahawa kelicinan operasi dapat dikekalkan agar terus berdaya saing, majikan terpaksa menggajikan pekerja asing dari beberapa negara sumber.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah dianggarkan bahawa terdapat seramai 1.9 juta pekerja asing di negara kita ini. Antara negeri yang menjadi tarikan bagi mereka ialah Johor. Penggajian pekerja asing ini adalah langkah sementara, untuk mengisi kekosongan jawatan di beberapa sektor yang memerlukan terutamanya pembuatan, pembinaan dan pertanian. Sebagai menjawab persoalan yang di bawa oleh Ahli Yang Berhormat Permas, majikan-majikan yang menggaji pekerja-pekerja asing adalah diwajibkan untuk bertanggungjawab ke atas pekerja asing mereka dari waktu mereka di bawa masuk ke Malaysia sehinggalah mereka dihantar pulang atas sebab apa sekalipun. Majikan juga diminta untuk menyediakan tempat tinggal yang sesuai, bagi pekerja asing ini sepanjang tempoh penggajian mereka sebagaimana peraturan yang ditetapkan oleh pihak berwajib Yang Berhormat Dato' Speaker.

Walaupun kehadiran pekerja asing ini membantu pembangunan Malaysia dan Johor khasnya, tetapi memberi kesan juga kepada masyarakat setempat. Ini adalah kerana majikan menempatkan pekerja-pekerja asing ini di asrama-asrama kilang yang terletak di taman-taman perumahan yang lazimnya berdekatan dengan kilang untuk memudahkan pergerakan pekerja-pekerja asing ini untuk pergi dan balik bekerja. Perbezaan budaya, adat resam dan kepercayaan juga, latar belakang sejarah menyebabkan berlakunya masalah sosial dan juga keselamatan yang melibatkan pekerja asing. Mereka juga menyebabkan suasana selesa yang dinikmati oleh masyarakat tempatan tergugat dengan kehadiran mereka dalam jumlah yang ramai. Dalam usaha untuk membantu pekerja asing yang bekerja di Malaysia agar dapat menyesuaikan diri mereka sepanjang tempoh penggajian di Malaysia, maka kerajaan telah mewajibkan setiap pekerja asing ini menghadiri kursus induksi yang mana modulnya adalah terdiri daripada:

i. Bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang mudah untuk komunikasi.

ii. Modulnya yang terdiri daripada adat resam, budaya dan agama yang dianuti oleh kaum etnik di Malaysia serta juga undang-undang yang menggariskan hak dan tanggungjawab mereka sebagai pekerja, tindakan yang boleh diambil terhadap majikan jika majikan melanggar undang-undang buruh. Selain itu mereka dimaklumkan mengenai undang-undang Malaysia termasuklah hukuman yang akan dikenakan jika di dapati

bersalah termasuklah kesalahan besar seperti mengedar dadah dan juga undang-undang imigresen.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun di dapati masih ramai pekerja asing ini yang gagal menyesuaikan diri dengan budaya tempatan. Maka berikutan dari itu, seperti mana kata ADUN Kahang, ada yang pakai *towel* duduk tengah-tengah jalan tu. Beberapa pihak telah membangkitkan perlunya diwujudkan penempatan khas pekerja asing, khasnya di kawasan pembangunan Iskandar Malaysia dalam usaha untuk mengelakkan masalah sosial dan keselamatan yang lebih serius dari berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha ini untuk menangani permasalahan ini dengan lebih sistematik seperti mana yang saya sebutkan sebelum ini, satu usaha perintis telah dijalankan di Iskandar Malaysia untuk melaksanakan usaha ini, semua pihak yang berkaitan di kerajaan negeri iaitu IRDA, UPEN, Jabatan Perancang Bandar serta beberapa agensi lain termasuk Pihak Berkuasa Tempatan telah berusaha untuk melaksanakan penempatan khas ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Maka itulah Garis Panduan Penempatan Pekerja Asing Iskandar Malaysia telah diwujudkan Yang Berhormat Dato' Speaker. Garis Panduan Penempatan Pekerja Asing ini adalah satu usaha Kerajaan Negeri bersama dengan pihak-pihak yang saya sebutkan tadi yang mana untuk menangani bukan sahaja masalah keselamatan tapi juga masalah-masalah berkaitan dengan sosial, kesihatan, persekitaran akibat kebanjiran mereka ini. Garis panduan ini memberi panduan kepada penubuhan kawasan penempatan pekerja asing yang lebih sistematik serta mematuhi kesemua piawaian keselamatan dan penempatan yang sedia ada atau *standard* yang diguna pakai oleh penempatan pekerja seumpamanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan penempatan sebegini memerlukan pelaburan dan komitmen yang berterusan maka pendekatan penswastaan telah digunakan untuk menampung kos projek perintis ini. Bernaung di bawah Majlis Keselamatan Negeri, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar serta Unit Perancang Negeri Johor bertindak sebagai sekretariat untuk memastikan garis panduan ini di kuatkuasakan di kawasan-kawasan yang di kenal pasti dan diwartakan oleh Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri. Pelaksanaan garis panduan ini disokong oleh 3 jawatankuasa kecil Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Premis, Jawatankuasa Pemantauan dan Jawatankuasa Penguatkuasaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap Pihak Berkuasa Tempatan akan memainkan peranan penguatkuasaan utama dan disokong oleh agensi pelaksanaan berkaitan seperti pihak Polis, Bomba, Kesihatan dan Jabatan Tenaga Kerja sendiri. Penguatkuasaan bersepadu panduan dan undang-undang sedia ada termasuk dari segi kegunaan bangunan, keselamatan, kesihatan serta undang-undang berkaitan akan diguna pakai bagi setiap premis yang diperiksa. Premis penempatan yang tidak mengikut piawaian serta undang-undang yang dikuatkuasakan akan ditutup dan diambil tindakan. Para majikan dan pihak penyedia penempatan yang tidak memenuhi syarat berdasarkan peraturan yang dinyatakan, akan diberi pilihan sama ada membina penempatan yang bersesuaian mengikut spesifikasi yang dikenakan

atau menggunakan kemudahan penempatan pekerja sedia ada dan diiktiraf oleh Kerajaan seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejayaan projek perintis ini walau bagaimanapun bergantung kepada 2 aspek utama iaitu kesungguhan atau *political will* dan yang keduanya koordinasi dan sokongan semua pihak yang terlibat terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak yang terlibat untuk terus bekerjasama dan berganding bahu bagi menyelesaikan permasalahan ini secara serius terutamanya pihak-pihak yang terlibat langsung seperti Polis, Bomba, Imigresen dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai rekod terdapat banyak penempatan pekerja asing di Iskandar Malaysia yang beroperasi tanpa menepati piawaian yang dikenakan. Sudah tiba masanya Kerajaan Negeri, IRDA, PBT serta semua pemegang kepentingan menangani masalah ini dengan lebih serius dan tegas dengan menguatkuasakan peraturan yang dikenakan ini secara lebih meluas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam perkara yang melibatkan pekerja asing di Malaysia, terdapat 2 buah Kementerian yang terlibat iaitu:

i. Kemasukan warga asing termasuk pekerja asing ke Malaysia adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri.

ii. Penggajian pekerja asing yang digajikan secara sah adalah di bawah bidang Kementerian Sumber Manusia dengan pelaksanaan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

Penguatkuasaan Akta Kerja 1955 yang menggariskan hak dan tanggungjawab bagi majikan dan pekerja memberi perlindungan sama rata kepada semua pekerja termasuk pekerja asing yang digajikan secara sah. Walau bagaimanapun, kerajaan mengutamakan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan. Dari itu, Seksyen 60N Akta Kerja 1955 memperuntukkan bahawa sekiranya berlaku keadaan lebihan pekerja berikutan dari kekurangan permintaan, maka pekerja asing hendaklah diberhentikan perkhidmatan mereka dahulu berbanding dengan pekerja tempatan.

Oleh yang demikian, berikutan dari krisis kegawatan ekonomi yang bermula dari Oktober 2008 Yang Berhormat Dato' Speaker, seramai 7,354 orang pekerja telah diberhentikan dan seramai 2,500 orang pekerja asing yang diberhentikan Yang Berhormat Dato' Speaker, telah pun dihantar pulang ke negara sumber. Memandangkan bahawa penggajian pekerja asing adalah langkah sementara bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada dalam beberapa sektor utama, maka kerajaan berhasrat untuk mengurangkan bilangan pekerja asing. Antara langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan Yang Berhormat Dato' Speaker,

i. Bayaran levi akan dibayar sepenuhnya oleh majikan bukannya oleh pekerja.

ii. Pembayaran levi pekerja asing secara pro-rata kepada majikan sekiranya tempoh perkhidmatan pekerja asing disingkatkan berbanding tempoh kontrak asal. Di samping itu, Jaminan Bank oleh majikan akan dikembalikan.

iii. Membekukan pengeluaran lesen agensi pengambilan pekerja asing *outsourcing* dengan izin dan memperketatkan syarat-syarat pengambilan pekerja asing oleh syarikat sedia ada.

Adalah diharap dengan langkah yang di ambil ini akan dapat mengurangkan bilangan pekerja asing di negara kita dan Johor khasnya di samping memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dengan kadar upah dan syarat pekerjaan yang lebih kompetitif. Ini harus diseimbangkan dengan peningkatan produktiviti oleh pekerja tempatan supaya kekal sebagai tenaga kerja yang berkualiti dan berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai kemasukan pekerja-pekerja asing tanpa izin pula, ini maklumat yang saya terima dari Jabatan Imigresen Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Dalam Negeri memandang serius isu pekerja asing tanpa izin dan menerusi agensi utamanya iaitu Jabatan Imigresen Malaysia bertanggungjawab terhadap pemantauan dan kawalan warga asing yang masuk untuk bekerja di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, atas kesedaran bahawa pekerja asing tetap diperlukan dalam membantu Malaysia menggerakkan ekonomi dan pembangunan, kerajaan secara berterusan memperkemaskan prosedur pengambilan warga asing untuk bekerja sama ada untuk peringkat profesional mahupun peringkat kolar biru. Prosedur yang disediakan bertujuan memudahkan para peniaga dan majikan untuk menggaji warga asing secara sah dan juga bagi kerajaan mendapatkan hasil dari kutipan levi.

Walaupun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, sebilangan majikan masih menggunakan pekerja asing secara tidak sah atas alasan tidak memahami prosedur, mengambil jalan mudah serta ingin mengelak dari membayar kos levi dan sebagainya. Maka Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Imigresen Malaysia melalui Akta Imigresen 1953/66 dan Peraturan Imigresen 1963 yang diperuntukkan ke atasnya menguatkuasakan kawalan di pintu masuk yang diwartakan dan melarang warga asing yang dikenal pasti cuba bekerja secara haram di negara ini.

Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia juga menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi menjejak dan menangkap warga asing yang di dapati bekerja tanpa pas yang sah di pelbagai premis dan lokasi. Aktiviti penguatkuasaan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, telah dijalankan secara berterusan di peringkat Jabatan dan ada kalanya diadakan juga secara bersepadu melibatkan agensi-agensi yang lain seperti PDRM, RELA, JPJ dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat bulan Oktober tahun ini, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor telah menjalankan sebanyak 1,799 operasi di seluruh Johor dan melibatkan jumlah tangkapan seramai 4,661 orang.

Operasi-operasi yang dijalankan di tapak-tapak binaan, kilang-kilang dan restoran, banyak menghasilkan tangkapan pekerja-pekerja tanpa izin ini. Selain dari menjalankan operasi dan penguatkuasaan Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor juga menggunakan pendekatan yang mana memberi kesedaran kepada orang ramai tentang isu pekerja asing tanpa izin dan implikasi terhadap masyarakat. Maka dengan itu, pada 24 Oktober 2009 yang lalu, Jabatan Imigresen telah menganjurkan program kesedaran ke arah *zero* PATI dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, di Kampung Sulaiman Menteri melibatkan penduduk di sekitar kampung tersebut. Sudah tentu tujuan program ini bertujuan untuk memperkenalkan Jabatan Imigresen serta peranannya, juga mendapatkan sistem sokongan sosial dari segi penyaluran maklumat dan memaklumkan kepada masyarakat implikasi ekonomi dan sosial apabila menggunakan pekerja asing tanpa izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan meningkatkan penyertaan orang kurang upaya, OKU dalam pekerjaan sepertimana yang dibangkitkan oleh ADUN daripada Permas, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sumber tenaga kerja negara tidak terhad kepada mereka yang normal sahaja, tapi OKU juga mampu menyumbang untuk negara. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap OKU dan memastikan mereka juga dapat bersama menikmati dan menyertai arus pembangunan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga September 2009, terdapat seramai 256,314 OKU yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun, jumlah yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja, dengan tujuan untuk mendapatkan pekerjaan ialah seramai 10,953 orang sahaja. Manakala jumlah OKU yang telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan ialah seramai 7,683 orang. Dalam usaha untuk meningkatkan jumlah OKU yang bekerja, Jawatankuasa Penggalakan Penggajian OKU telah ditubuhkan dengan keanggotaan dari semua pihak yang terlibat dengan OKU termasuklah Badan-badan Bukan Kerajaan, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia dan Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu kerajaan juga menyedari keupayaan OKU dalam bidang keusahawanan. Dan untuk itu, kerajaan telah memperkenalkan Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya sebagai strategi kerajaan untuk bantu usahawan OKU, membantu OKU juga untuk mendapatkan pekerjaan, melalui pengembangan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah RMK-9, peruntukan sebanyak RM17 juta sebagai modal bantuan kepada OKU bagi merealisasikan hasrat ini. Objektif skim ini ialah untuk mempertingkatkan bilangan orang kurang upaya yang menjadi usahawan dan berdikari di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi golongan mereka ini. Bagi Negeri Johor, untuk tempoh 2007 hingga September 2009, Yang Berhormat Dato Speaker, sebanyak 76 permohonan telah diterima dengan 36 permohonan diluluskan atas jumlah pembiayaan sebanyak RM800,400.00. Adalah dijangka seramai 30 orang OKU akan mendapat pekerjaan, hasil dari pengembangan perniagaan OKU yang telah diberi geran bantuan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini berhubung dengan isu penutupan ladang dan skim pemilikan rumah pekerja yang dibangkitkan oleh ADUN Kahang. Pada masa ini, terdapat sebanyak 363 buah ladang sepertimana yang saya sebutkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk ladang-ladang yang telah dijual kepada pihak lain untuk tujuan pembangunan dan perumahan. Penjualan ladang ini menyebabkan berlakunya pemberhentian pekerja-pekerja ladang. Untuk menangani permasalahan ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, Akta Kerja 1955 memperuntukkan bahawa, setiap pekerja yang hendak diberhentikan hendaklah diberikan notis sebagaimana Seksyen 12 Akta berkenaan. Selain itu, pekerja yang telah genap bekerja sekurang-kurangnya setahun, adalah layak untuk menerima faedah penamatan kerja, antara 10 hingga 20 hari setahun bergantung kepada tempoh perkhidmatan mereka. Ini adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan Henti Kerja Sementara 1980. Bagi pekerja yang tidak menerima pembayaran berkenaan, mereka boleh memfailkan tuntutan di bawah Seksyen 69 Akta yang sama, dan kes ini akan didengar dan diputuskan oleh pegawai di Jabatan Tenaga Kerja. Kalau ADUN Kahang masih kurang puas hati, boleh rujuk ke Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Seterusnya tentang kadar upah bagi pekerja-pekerja di Ladang Sindora, Kluang. Yang Berhormat Dato' Speaker, Ladang Sindora adalah sebuah ladang di bawah pengurusan Eastern Plantation Agency (EPA) yang mempunyai seramai 298 orang pekerja. Dari jumlah berkenaan seramai 62 adalah orang pekerja asing dari Negara Indonesia. Majikan ini adalah ahli kepada MAPA dan adalah terikat kepada perjanjian bersama dengan NUPW atau National Union Of Plantation Workers. Perjanjian akan meliputi terma dan syarat perkhidmatan bagi para pekerja termasuklah kadar upah. Pekerja-pekerja ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, kebanyakannya bekerja sebagai pekerja am. Kadar upah pokok yang dibayar kepada pekerja-pekerja am ini ialah RM23.10 sehari atau RM600.60 sebulan. Walau bagaimanapun, majikan ini ada membayar elaun dan insentif kepada pekerja-pekerjanya dan ini menjadikan jumlah upah mereka dalam lingkungan RM800.00 hingga RM900.00 sebulan. Walaupun kadar upah ini adalah yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak, majikan dan kesatuan pekerja, bagi pekerja, ruang perundingan adalah terbuka, bagi membincangkan kadar upah baru yang lebih realistik dan sesuai dengan produktiviti pekerja. Upah merupakan elemen penting dalam sesuatu kontrak perkhidmatan dan saya yakin kadar upah dan kemudahan yang lebih menarik, ia mampu menarik minat lebih ramai pekerja tempatan untuk bekerja di ladang-ladang termasuk di Ladang Sindora, Kluang ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang kekurangan etnik India dalam Perkhidmatan Awam, Jabatan Tenaga Kerja adalah berperanan untuk membantu pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan dan membantu majikan untuk mendapatkan pekerja yang diperlukan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada. Ini adalah melalui portal jobMalaysia.gov.my. pencari kerja boleh mendaftar bagi mendapatkan pekerjaan di sektor awam dan juga swasta, di portal tersebut. Peranan setiap pekerja adalah penting kepada setiap majikan kerana pekerja adalah harta syarikat. Semua pekerja adalah mendapat layanan yang sama rata tanpa mengira etnik, keturunan atau agama. Di dalam usaha untuk mendapatkan pekerjaan, pekerja seharusnya melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan pengetahuan

bagi menarik minat bakal majikan terhadap potensi diri mereka. Untuk tujuan menambah penyertaan etnik India dalam Perkhidmatan Awam, adalah dicadangkan agar pendedahan diberi mengenai peranan jobMalaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Untuk membantu pencari kerja menghadapi temu duga dan menyediakan resume sebagai contoh, pencari kerja boleh mendapatkan khidmat nasihat dan panduan dari Pegawai-Pegawai Perunding dan Kerjaya di Jabatan Tenaga Kerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali berhubung dengan soalan ADUN Kahang berhubung dengan jemaah doktor di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Sukacita ingin saya maklumkan Yang Berhormat Dato' Speaker, kriteria bagi doktor yang dipilih menganggotai jemaah doktor untuk menilai keuzuran berkekalan orang berinsurans, adalah terdiri daripada doktor pakar di hospital kerajaan dalam bidang perubatan berkaitan. Biasanya mereka pakar dari segi ortopedik, surgeri, klinikal dan sebagainya. Di Johor Bahru, hospital panel bagi Persidangan Jemaah Doktor adalah Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Sultan Ismail. Manakala di daerah-daerah, hospital daerah dilantik sebagai hospital panel. Sebagai contoh, di daerah Batu Pahat, Kluang, Muar dan Segamat. Pengerusi jemaah doktor pula, adalah terdiri daripada Pengarah hospital-hospital yang berkaitan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, jemaah doktor membuat penilaian berpandukan kepakaran dan profesionalisme dalam bidang masing-masing bagi memastikan justifikasi keuzuran berkekalan yang dialami oleh orang berinsurans itu adalah tepat dan betul. Rujukan utama adalah laporan perubatan yang dikemukakan oleh orang berinsurans, serta pemerhatian kepada keuzuran berkekalan ketika persidangan bersama jemaah doktor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa itulah perkara-perkara yang sempat saya jawab, dan jika ada apa-apa perkara yang rasanya tak terjawab, saya pohon kerjasama kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk merujuk ke Jabatan-jabatan yang berkenaan, ataupun kepada saya sendiri untuk dibawa kepada penyelesaian. Saya, Yang Berhormat Dato' Speaker, mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, kepada semua Ketua-ketua Jabatan, yang memberi kerjasama dalam saya melaksanakan tugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa ini, dan dengan ini saya juga Yang Berhormat Dato' Speaker, mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan turut menyokong usul daripada ADUN Senggarang. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat perbahasan diteruskan lagi, jemput. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah memberi

peluang serta ruang kepada saya, untuk menyampaikan ucapan penggulungan perbahasan di Dewan yang mulia pada hari ini, bersempena dengan ucapan Bajet Kerajaan Negeri Johor tahun 2010 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih, di atas ucapan-ucapan perbahasan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang mana telah mengemukakan pandangan, cadangan, teguran yang membina, khususnya mengenai perkara-perkara yang melibatkan Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya teruskan ucapan penggulungan saya, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Johor, kakitangan Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan semua warga pendidik di Negeri Johor kerana berjaya mengekalkan prestasi cemerlang di dalam peperiksaan UPSR, di mana pencapaian meningkat dengan gred purata bertambah baik dari tahun sebelumnya. Dan, lebih 6,200 pelajar mendapat 5A daripada lebih kurang 60,000 orang murid.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa Ahli Dewan termasuk Ahli daripada Johor Jaya, Tanjung Surat dan Bukit Serampang, membangkitkan soal perpaduan kaum dalam sistem pendidikan di negara kita. Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, sejak merdeka lagi, sistem pendidikan negara kita telah digubal bagi tujuan untuk membangun semangat perpaduan dengan rasa saling hormat-menghormati antara kaum yang ada di negara ini. Sebagai langkah memastikan perpaduan yang dibina ini tidak tergugat, Kementerian Pendidikan sentiasa melaksanakan program-program yang mampu melestarikan semangat perpaduan ini, melalui aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah. Antaranya, kurikulum mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan, telah digubal untuk melahirkan warga-warga Malaysia yang mempunyai jati diri dan cintakan negara. Perpaduan negara dan integrasi nasional adalah elemen penting yang membantu mengekalkan kestabilan, kemajuan dan tamadun bangsa dalam negara Malaysia yang merdeka. Oleh itu, sebarang usaha yang bertujuan menyatupadukan rakyat negara ini, hendaklah memberi keutamaan terhadap pengukuhan perpaduan negara dan integrasi nasional. Dengan ini, hikmah di sebalik erti penyatuan ini, yang ditanam dan disuburkan dalam jiwa setiap warganegara yang cintakan tanah airnya, haruslah bergerak seiring dengan kemajuan yang dikecapi.

Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menangani elemen perpaduan ini dan berpendapat, masa yang paling sesuai untuk menyemai benih perpaduan dan integrasi ini adalah di peringkat yang paling awal iaitu di bangku sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menginstitusikan elemen Perpaduan dan Integrasi Murid dalam teras pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan atau PIPP Tahun 2006-2010 iaitu membina negara bangsa. Menerusi pelan induk tersebut, elemen berkaitan perpaduan dan integrasi murid perlu dijelmakan menerusi salah satu daripada fokus programnya iaitu Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan ataupun RIMUP.

Antara objektif program RIMUP ialah :

i. Menyemai rasa cinta dan bangga kepada negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dengan mengamalkan sambutan-sambutan yang disambut secara sedar dan mampu meningkatkan lagi perpaduan selaras dengan konsep ke arah perpaduan 1Malaysia.

ii. Menggalakkan penglibatan masyarakat dan pemimpin setempat, guru-guru, ibu bapa dan pemimpin murid untuk meningkatkan dan seterusnya mengukuhkan kesedaran terhadap perpaduan.

iii. Melahirkan generasi Malaysia yang bertoleransi dengan mengamalkan sikap bekerjasama di kalangan pemimpin murid supaya dapat memberi sumbangan yang berterusan sebagai warganegara yang proaktif.

iv. Melahirkan persefahaman dan toleransi dalam kalangan pemimpin murid bagi merealisasikan prinsip-prinsip rukun negara yang menjadi pedoman kehidupan harmoni masyarakat majmuk di sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini.

v. Meningkatkan semangat kerjasama, rasa muhibah dalam kalangan pemimpin murid berbilang kaum dalam suasana masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama.

vi. Meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya mencapai hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020 sebagai satu usaha meletakkan negara yang berdaulat di arena antarabangsa.

vii. Memantapkan kesedaran dalam kalangan pemimpin murid terhadap pentingnya memberi sumbangan dan khidmat bakti yang positif dalam semangat perpaduan terhadap proses pembangunan negara dan pembinaan tamadun masyarakat Malaysia yang dinamik.

viii. Memasyarakatkan penghayatan semangat perpaduan sebagai satu ikatan yang kukuh dalam kalangan pemimpin murid sebagai satu dorongan ke arah pengiktirafan komuniti terhadap peranan kepimpinan generasi muda dalam meningkatkan semangat perpaduan.

Perlaksanaan Program RIMUP di sekolah rendah boleh dilaksanakan secara berkelompok, bergabung dengan mengambil kira jenis-jenis sekolah yang berhampiran iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan sama ada Cina atau Tamil dan sekiranya tidak dapat sekolah yang berhampiran, sekolah tersebut boleh mengadakan aktiviti RIMUP dalam konteks sekolahnya sendiri. Perlaksanaan Program RIMUP peringkat sekolah menengah boleh dilaksanakan secara berkelompok juga dengan mengambil kira kriteria atau jenis sekolah berhampiran iaitu sekurang-kurangnya 2 buah sekolah menengah kebangsaan. Namun begitu, sekiranya tidak terdapat sekolah yang berhampiran, sekolah tersebut perlu mengadakan aktiviti RIMUP dalam konteks sekolahnya sendiri.

Kesimpulannya Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan penuh yakin dan percaya dengan usaha-usaha yang dilaksanakannya. Dan ianya pasti akan menyumbang ke arah memperkukuhkan perpaduan di peringkat awal lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Johor Jaya, falsafah pendidikan kebangsaan juga menzahirkan pendidikan di Malaysia sebagai satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara ataupun PSPTN yang dilancarkan pada tahun 2007 menggariskan 7 teras strategik dengan 4 fasa perlaksanaan melangkaui tahun 2020 adalah merupakan perancangan yang menyeluruh dan memberi tumpuan dalam pelbagai aspek bagi melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama dan menjadikan Malaysia sebagai *hub* kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

Fasa pertama perlaksanaan PSPTN, dalam tempoh 2007 sehingga 2010 merupakan peletakan asas untuk mentransformasikan sistem pengajian tinggi negara supaya berada di landasan yang kukuh. Kementerian Pengajian Tinggi turut merangka beberapa program di dalam kurikulum universiti bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi, sahsiah diri, keusahawanan dan keintelektualan di kalangan mahasiswa. Antaranya adalah dengan menerapkan elemen-elemen kemahiran insaniah dan keusahawanan di dalam kurikulum melalui modul pembangunan kemahiran insaniah dan modul keusahawanan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada saranan dan juga pandangan mengenai sekolah satu aliran oleh Yang Berhormat dari Bukit Serampang dan Tanjung Surat, sukacita saya maklumkan bahawa cadangan untuk menggunakan konsep sekolah satu aliran telah diutarakan oleh Profesor Dr. Koo Kay Kim, seorang pakar sejarah dari Universiti Malaya pada pertengahan tahun ini. Berbeza dengan konsep sekolah pelbagai aliran melibatkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan yang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa ini, sekolah satu aliran akan menggunakan satu jenis sekolah sahaja iaitu sekolah kebangsaan. Sekiranya cadangan ini, cadangan untuk melaksanakan konsep sekolah satu aliran ini diterima maka akan hanya ada sekolah kebangsaan sahaja yang wujud sementara SJKC dan SJKT sedia ada bakal dimansuhkan atau ditukar statusnya menjadi Sekolah Kebangsaan. Namun begitu sehingga saat ini, tiada keputusan dan tiada dasar yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan sama ada untuk memansuhkan sekolah pelbagai aliran dan mewujudkan hanya sekolah satu aliran sahaja.

Berbeza dengan konsep sekolah satu aliran, Sekolah Wawasan atau Sekolah Kompleks Wawasan mengekalkan konsep sekolah pelbagai aliran. Sekolah Kompleks Telok Sengat sebagai contoh adalah satu kompleks yang menempatkan 3 buah sekolah dari pelbagai aliran iaitu dari Sekolah

Kebangsaan Telok Sengat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Nan Ya dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Telok Sengat. Ketiga-tiga sekolah ini berkongsi padang, berkongsi kantin dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan. Pada dasarnya Sekolah Kompleks Wawasan ini diwujudkan bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan, integrasi, patriotik dalam kalangan murid di samping mendidik mereka untuk memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni rakyat Malaysia tanpa memansuhkan sekolah pelbagai aliran sedia ada. Sehubungan itu, bagi makluman di Dewan yang mulia ini, pihak Jabatan Pelajaran Johor telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan kewujudan Kompleks Sekolah Telok Sengat selari dengan konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pihak Jabatan Pelajaran Johor telah dan sedang membantu pihak sekolah untuk melaksanakan pelbagai program secara bersama seperti aktiviti perhimpunan mingguan, perjumpaan kokurikulum, sukan tahunan sekolah dan sebagainya.

Pihak jabatan juga sedang berusaha untuk membantu pihak sekolah mengadakan aktiviti perkhemahan integrasi dan sambutan perayaan secara bersama di samping satu pasukan kebudayaan yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti koir, tarian dan genderang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Ahli dari Bukit Serampang ada mencadangkan supaya mata pelajaran Sejarah perlu diterapkan dalam sistem pembelajaran di peringkat sekolah rendah lagi. Pihak Kementerian Pelajaran sangat prihatin dengan *outcome* dengan izin, yang akan dihasilkan oleh negara memandangkan bahawa produk Kementerian Pelajaran adalah insan. Dalam usaha melahir dan membangunkan modal insan beracuan ciri-ciri Malaysia, pelbagai perancangan dan program pembangunan pendidikan telah dan sedang dilaksanakan. Pihak Kementerian sedang dalam perancangan untuk melaksanakan mata pelajaran Sejarah di peringkat Sekolah Rendah seawal tahun 4. Sistem terdahulu juga telah menerapkan unsur-unsur Sejarah dalam kurikulum iaitu diterapkan dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah diajar begitu mendalam. Memandangkan kepentingan mengenali sejarah negara ini ternyata sangat penting, maka Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah penambahbaikan untuk mengajar mata pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah mulai tahun hadapan untuk murid-murid tahap 2 iaitu tahun 4,5, dan juga 6.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada saranan Yang Berhormat dari Permas berhubung dengan penambahbaikan pendidikan prasekolah. Untuk makluman, mulai tahun 2010, Bahagian Perkembangan Kurikulum ataupun BPK, di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun memperkenalkan kurikulum baru yang dipanggil Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan atau KSPK. Dan akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2010. Di masa ini amnya, Bahagian Perkembangan Kurikulum sedang menjalankan kursus KSPK kepada semua guru prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia di seluruh negara yang berjumlah 7,195 orang dan khasnya di Negeri Johor yang melibatkan seramai 791 orang guru. Diharapkan dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan ataupun KSPK ini, ianya akan dapat menarik perhatian dan pilihan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke kelas-kelas sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Undang-undang di bawah akta Pendidikan 1996, menetapkan kewajipan bagi tadika swasta untuk berdaftar dan menggunakan

kurikulum prasekolah kebangsaan yang ditetapkan. Berhubung dengan strategi atau kaedah serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran di tadika swasta, ianya adalah tertakluk kepada keupayaan tenaga pengajar masing-masing dalam melaksanakan pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Kahang, untuk makluman di Dewan yang mulia ini terdapat 3 kategori institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan di negara kita iaitu Sekolah Kerajaan, di mana ianya terdiri dari Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan termasuklah Cina dan Tamil. Sekolah Bantuan Kerajaan dan juga Sekolah Swasta. Saya juga ingin merujuk cadangan YB Kahang agar institusi sekolah bantuan kerajaan khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil diserapkan sebagai sekolah kerajaan. Pada dasarnya, semua sekolah di negara ini menerima bantuan yang sama untuk tujuan proses pengajaran dan pembelajaran iaitu dari segi bekalan guru, bantuan per kapita, lain-lain perbelanjaan berulang tahun serta pelbagai jenis bantuan untuk murid. Apa yang sedikit membezakan ialah Sekolah Bantuan Kerajaan ini adalah masih menjadi milik Lembaga Pengelola Sekolah dari segi pemilikan tanah serta bangunan sekolah. Dengan hal yang demikian, sebarang perubahan dasar berhubung perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Menteri Pelajaran Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Penawar berhubung pemberian biasiswa kepada pelajar sekolah, sebenarnya ianya telah pun dilaksanakan pada setiap tahun dengan mengambil kira kelayakan setiap murid yang harus atau layak untuk menerima bantuan tersebut. Ianya adalah sebagai usaha untuk memastikan pendidikan bagi murid-murid dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan akan dapat meneruskan pembelajaran tanpa sebarang masalah. Pemberian bantuan biasiswa seperti ini adalah untuk semua murid yang difikirkan layak menerimanya tanpa mengira agama, kaum malah fahaman politik.

Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, pada tahun 2008, sejumlah 31,074 orang murid menerima Biasiswa Kecil Persekutuan di Negeri Johor ini, yang melibatkan sejumlah RM25,239,050.00 dan pada tahun 2009, 33,828 orang murid menerima Biasiswa Kecil Persekutuan dengan nilai RM27,478,700.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli dari Pekan Nenas ada membangkitkan soal ataupun isu Sekolah Menengah Teknik Pontian. Sekolah Menengah Teknik Pontian telah di naik taraf sebagai Kolej Matrikulasi bagi memberi laluan kepada pelajar cemerlang lulusan SPM untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang kejuruteraan di institusi pengajian tinggi. Penaiktarafan Sekolah Menengah Teknik Pontian kepada Kolej Matrikulasi, merupakan dasar kerajaan dan cadangan untuk mengekalkan Sekolah Menengah Teknik Pontian agar terus beroperasi di lokasi yang sama dengan Kolej Matrikulasi merupakan suatu yang juga di bawah kuasa bidang, bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia.

Walau bagaimanapun, secara rasionalnya, sukar bagi Sekolah Menengah Teknik dan Kolej Matrikulasi untuk wujud di lokasi yang sama. Dari segi faktor

ruang, Kolej Matrikulasi memerlukan ruang dan tempat atau bilik-bilik yang banyak, untuk menempatkan bilik-bilik kuliah untuk penuntut-penuntut mereka yang besar jumlahnya. Dan dengan kehadiran Sekolah Menengah Teknik di lokasi yang sama, keperluan ruang ini tidak boleh dipenuhi. Dan berita baik untuk Yang Berhormat dari Pekan Nenas, bagi memenuhi keperluan dan peluang pendidikan teknikal untuk pelajar lepasan PMR di Pontian, kerajaan telah memutuskan untuk membina sebuah Sekolah Menengah Vokasional di daerah ini, sepertimana kenyataan yang dipetik daripada Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin di surat khabar Berita Harian pada 2 Disember baru-baru ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Pengkalan Rinting, mengenai dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Yahya Awal. Mengikut rekod di Jabatan Pelajaran Johor, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Jalan Yahya Awal, tidak menghadapi sebarang masalah bagi menampung keperluan pelajar di kawasan tersebut. Kerana pada masa ini, bilangan pelajar adalah seramai 854 orang. Sekolah tersebut mempunyai bilangan kelas sebanyak 26 dan mempunyai bilangan bilik darjah sebanyak 17 buah. Persekolahan diadakan dua sesi. Sesi pagi 17 kelas dan sesi petang 9 kelas. Ini bermakna pihak sekolah, masih lagi boleh menampung 6 kelas dengan kapasiti pelajar seramai 240 orang. Kerajaan berpendapat cadangan untuk pembinaan sebuah lagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan Taman Bukit Indah, tidak ada kaitannya dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Jalan Yahya Awal yang terletak lebih kurang 15 kilometer daripada Taman Bukit Indah. Buat masa ini Kerajaan Pusat juga tiada perancangan untuk membina satu lagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan Taman Bukit Indah, disebabkan di kawasan berhampiran telah ada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Rini dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Taman Tun Aminah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli dari Semerah ada menyentuh tentang pembinaan dua buah sekolah, iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Perdana Jaya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Damai Jaya. Pembinaan Sekolah Kebangsaan Perdana Jaya sekiranya dilaksanakan akan dapat menampung limpahan pelajar di Sekolah Kebangsaan Peserai, Sekolah Kebangsaan Bandar dan Sekolah Kebangsaan Monford yang kini mempunyai jumlah pelajar yang hampir 1,000 orang setiap sekolah. Kini tiada sebarang projek bangunan tambahan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 untuk ketiga-tiga buah sekolah ini. Malah terdapat juga projek perumahan yang pesat membangun di sekitar Sekolah Kebangsaan Peserai. Sekolah Menengah Kebangsaan Damai Jaya juga, diharap dapat menampung limpahan pelajar iaitu seramai 2,000 pelajar setiap sekolah untuk sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman serta Sekolah Menengah Semerah. Malah tiada sebarang projek tambahan dalam RMK-9 untuk ketiga-tiga buah sekolah ini. Oleh itu, pihak Jabatan Pelajaran Negeri telah mencadangkan pembinaan sekolah, kedua-dua sekolah ini disenaraikan semula dalam projek di dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-10.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Raja. Sepertimana ucapan Belanjawan 2010 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yayasan

Pelajaran Johor akan memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar IPT. Memang mengikut sejarah pada mulanya, Kerajaan Negeri telah memberikan biasiswa dan dermasiswa sehingga tahun 1983. Apabila YPJ diperbadankan pada tahun 1984, pemberian biasiswa ke IPT diberhentikan kecuali Biasiswa Kenangan Dato' Onn ataupun ringkasannya BKDO dan pemberian pinjaman serta 4% bayaran perkhidmatan. Penerima pinjaman ini akan diberi pengurangan bayaran sebanyak 50%, ini sebagai galakan. Sekiranya pelajar mendapat CGPA 3.75 ke atas dan pengurangan 25% sekiranya pelajar mendapat CGPA 3.20 ke atas. Sementara mereka yang pernah menjadi penerima BKDO, yang terus membuat pinjaman pelajaran YPJ ke IPT akan hanya membayar 25% daripada jumlah pinjaman mereka. Sejak PTPTN ditubuhkan pada tahun 1996, pelajar tidak lagi menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman kecuali kadar pinjaman yang berbeza mengikut pendapatan keluarga. Atas tujuan yang demikian, YPJ akan memberikan biasiswa kepada pelajar di IPTA dan IPTS dan kadar biasiswa tersebut akan diputuskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga YPJ tidak lama lagi. Biasiswa ini akan diberikan kepada pelajar yang mengikuti kursus-kursus peringkat Ijazah, Sarjana dan kedoktoran dalam bidang terpilih di IPT seperti berikut:

i. Bidang Perubatan.
ii. Pergigian.
iii. Farmasi.
iv. Juruterbang.
v. Jurutera kapal terbang.
vi. Juruteknik kapal terbang.
vii. Bahasa dan linguistik.
viii. Perdagangan.
ix. Perakauanan.
x. Perundangan.
xi. Ukur bahan.
xii. Arkitek.
xiii. Ekonomi dan Pentadbiran.
xiv. Maritim.
xv. Sains tulen dan
xiv. Kejuruteraan.

Di samping itu juga, YPJ akan memberikan biasiswa kepada pelajar yang akan mengikuti kursus-kursus profesional seperti ACCA. Peruntukan yang YPJ sediakan untuk pemberian biasiswa IPT ini adalah sebanyak RM1 juta dan mungkin untuk lebih kurang 64 orang dan YPJ juga akan meneruskan pemberian BKDO dengan anggaran RM1.2 juta kepada pelajar sekolah menengah setiap tahun. Semoga dengan pemberian biasiswa ini dalam masa 5 tahun akan datang, Negeri Johor akan dapat melahirkan lebih ramai profesional untuk memberi impak yang tinggi dalam pembangunan insan dan keutuhan ekonomi Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Sedili ada membangkitkan soal bantuan kepada, bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang akan memasuki institusi pengajian tinggi. Sepertimana Ucapan Belanjawan Tahun 2010 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, YPJ mulai tahun depan akan memberikan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang layak, yang akan mengikuti kursus ijazah sebanyak RM1,000.00, diploma sebanyak RM800.00 dan

kursus peringkat sijil sebanyak RM500.00. Bantuan-bantuan ini juga berpandukan juga kepada Pangkalan Data Nasional, e-Kasih. Di samping itu, Perbadanan Islam Johor juga ada menyediakan peruntukan sebanyak RM700.00 untuk kursus ijazah dan RM500.00 untuk kursus diploma. Dan tidak ketinggalan sepertimana jawapan daripada Yang Berhormat Pengerusi Agama, bahawa Majlis Agama Islam juga ada memperuntukkan bantuan segera untuk pendaftaran ke IPT. Diharap dengan bantuan-bantuan ini, bukan sahaja dapat meringankan beban kewangan keluarga miskin, tetapi juga sebagai motivasi kepada pelajar, anak-anak Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Dewan yang membangkitkan soal-soal yang berkaitan dengan pembangunan usahawan dan juga koperasi. Kepada ADUN daripada Permas, ingin saya nyatakan di sini bahawa Majlis Pembangunan Usahawan adalah merupakan satu Majlis yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor, yang melaksanakan program-program keusahawanan di Negeri Johor. Dan di bawah Majlis Pembangunan Usahawan, terdapat banyak agensi dan juga jabatan yang berkaitan dengan pembangunan usahawan. Sebagai contoh, SME Bank yang merupakan salah satu daripada Ahli Majlis Pembangunan Usahawan, adalah merupakan salah sebuah Institusi Kewangan Pembangunan atau IPK yang dipertanggungjawabkan untuk membantu kerajaan dalam melaksanakan pembangunan sosioekonomi negara.

Sebagai sebuah IKP, Institusi Kewangan dan Pembangunan, SME Bank memainkan peranan dalam menyediakan pembiayaan sebagai pelengkap kepada kemudahan pembiayaan sedia ada yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan Komersial dan bukannya bersaing dengan institusi berkenaan. Dalam memainkan peranannya ini, SME Bank tidak membiayai sektor-sektor yang telah matang dan yang berupaya mendapatkan pinjaman daripada Institusi Kewangan Komersial dan daripada pasaran kewangan. SME Bank diberi mandat bagi menjalankan aktiviti perniagaan dan khidmat nasihat kepada PKS ataupun Perusahaan Kecil dan Sederhana, yang melibatkan sektor pembuatan dan perkhidmatan termasuklah usahawan Bumiputera dan juga bukan Bumiputera. Sungguhpun begitu, skop kemudahan yang ditawarkan oleh SME Bank adalah terbuka dan antara dana yang terbuka ialah Dana Am dan Tabung Usahawan Siswazah, Tabung Industri Kecil dan Sederhana, Skim Pembiayaan Islam, Tabung *Japan Bank For International Corporation* ataupun JBIC SMI, *Asian Japan Development Fund*, Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam dan Skim Pembiayaan Untuk Perfileman. Setakat ini jumlah keseluruhan kelulusan pembiayaan untuk dana-dana yang terbuka kepada semua kaum adalah sebanyak RM1.1 bilion. SME Bank sentiasa peka akan keperluan para pelanggannya terutamanya usahawan PKS dalam mendapat pembiayaan daripada pihak bank.

Dari masa ke semasa pihak bank sentiasa mengambil langkah untuk mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dalam pemprosesan permohonan pembiayaan dan mempercepatkan penyampaian produk dan perkhidmatan bank. Mengenai dengan pemberian geran untuk membeli peralatan dan aset modal, Perbadanan Perusahaan kecil Dan Sederhana Malaysia ataupun SME Corporation ringkasnya SME Corp sentiasa mengkaji semula garis panduan kelulusan skim gerannya, termasuklah pembelian peralatan bagi disesuaikan

dengan keperluan jenis perniagaan. Dan pada masa ini, pembelian peralatan layak dipertimbangkan di bawah hampir semua skim iaitu 4 daripada 5 skim geran sedia ada iaitu:

i. Geran permulaan perniagaan.
ii. Peningkatan proses produk dan perkhidmatan.
iii. Persijilan dan sistem pengurusan kualiti.
iv. Peningkatan pembungkusan dan pelabelan.
v. Geran pembangunan dan promosi produk halal yang bertujuan untuk membangunkan dan mempromosi produk-produk halal.

Dan untuk makluman Yang Berhormat dari Permas, bantuan geran yang disediakan oleh SME Corp ini juga adalah terbuka untuk semua kaum. Malah, kalau ikut perangkaan daripada tahun 2003 sehingga tahun 2008 di Negeri Johor bumiputera hanya mendapat RM8.83 juta geran, sementara kaum bukan bumiputera mendapat lebih daripada RM27 juta geran daripada SME Corp, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Panjang ke?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Saya kena potong-potong sikit, ringkas sikit Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kemelah di atas pandangan beliau yang mencadangkan Program Pembangunan Usahawan yang lebih efektif dan mempunyai akses kepada kemudahan yang ada. Juga terima kasih saya kepada Yang Berhormat dari Panti yang menyuarakan pandangan agar agensi-agensi Kerajaan perlu bersungguh-sungguh membantu kaum bumiputera dalam bidang keusahawanan. Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, Majlis Pembangunan Usahawan Negeri telah pun mengorak langkah untuk melaksanakan program-program dan bantuan khidmat nasihat kepada usahawan yang difikirkan mampu untuk dipertingkatkan sama ada dari sudut produk, pengeluaran, pemasaran, pengurusan dan kewangan.

Melalui program ini juga Majlis Pembangunan Usahawan berhasrat untuk membimbing usahawan-usahawan ini mempertingkatkan keluaran mereka termasuklah mewujudkan nilai tambah kepada produk yang ditawarkan oleh mereka. Dan sebagai contoh, program peningkatan keupayaan EKS Bumiputera Negeri Johor bersama SME Corp telah pun meluluskan geran kepada 29 usahawan bumiputera dengan nilai RM4.48 juta pada tahun 2009 sehingga bulan Oktober ini. Sebenarnya *target* kita lebih kurang 40 usahawan bumiputera setahun, kalau dibandingkan dahulu selama 5 tahun usahawan bumiputera cuma dapat lebih kurang RM8 juta lebih, tetapi dengan adanya Program BEEP ini ataupun Program Peningkatan Usahawan Bumiputera ini dan dalam tahun ini sahaja tahun 2009 sejumlah RM4.4 juta telah pun diluluskan dan insya-Allah sebelum hujung tahun ini akan ada 9 atau 10 lagi permohonan yang akan dipertimbangkan dan kemungkinan jumlah geran akan meningkat kepada RM5.5 juta. Dan selain daripada itu, bengkel bagi mempertingkatkan pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan telah diadakan supaya produk-produk yang dikeluarkan ini mempunyai nilai tambah dan berdaya saing di dalam pasaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Semerah mencadangkan kewujudan sebuah pusat PKS dan Ahli Semerah juga mencadangkan tanah seluas 80 ekar di Padang Sari Mukim IV, Batu Pahat. Dan saya tak pasti kerana belum dapat menyiasat sama ada tanah ini kepunyaan kerajaan ataupun tanah swasta. Dan kalau ada kesesuaian, kalau tanah kerajaan, kita, Majlis Pembangunan Usahawan boleh berbincang dengan agensi-agensi yang terlibat untuk, mungkin mencadangkan permohonan peruntukan bagi membangunkan pusat tersebut melalui Rancangan Malaysia Yang Ke-10, kiranya diluluskan oleh pihak pusat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Penawar ada menyarankan agar kemudahan pinjaman kepada usahawan perlu diberi perhatian dengan kadar bayaran balik pinjaman yang dapat diturunkan. Dan dalam konteks ini saya ingin memberi contoh usaha-usaha yang dilaksanakan oleh MARA dalam membantu golongan peniaga dan pengusaha bumiputera untuk memajukan perniagaan dan perusahaan mereka. Dan antara kemudahan yang disediakan ialah:

i. Menyediakan bantuan pembiayaan sehingga RM50,000.00 tanpa jaminan atau cagaran. MARA juga telah meningkatkan had kelulusan pembiayaan daripada RM250,000.00 kepada RM500,000.00 bagi pembiayaan am dan pembiayaan kontrak. Setiap usahawan yang memerlukan bantuan untuk meningkatkan perniagaan seperti menambah modal pusingan, pembelian aset dan peralatan, pengubahsuaian premis dan juga untuk perbelanjaan mengurus.

ii. MARA sememangnya mempertimbangkan penjadualan semula bayaran balik pembiayaan kepada peminjam-peminjam MARA yang benar-benar memerlukan. Jadi kalau ada peminjam yang bermasalah, ambillah peluang, datanglah ke pejabat MARA untuk berbincang mengenai dengan penjadualan semula pembayaran. Dalam masalah pusingan aliran tunai penjadualan semula bayaran balik mampu memberi peluang kepada usahawan memiliki aliran tunai yang mencukupi dan operasi semasa tanpa membuat pembiayaan semula. Dan MARA juga memberi tempoh pembayaran balik yang agak panjang iaitu sekarang ini sehingga 10 tahun, untuk memberi keselesaan kepada usahawan-usahawan yang terlibat. Kesimpulannya, semua usaha ini adalah bertujuan untuk membantu usahawan agar dapat meningkatkan lagi kualiti operasi dan seterusnya meningkatkan lagi serta memantapkan perniagaan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Tanjung Puteri, saya tak berhajat untuk menjawab semuanya kerana soal kadar sewa yang dicadangkan ini akan saya bawa perbincangan dengan pihak MARA. Dan soal pengurusan Plaza Larkin ini telah pun saya jawab dalam soalan lisan tempoh hari.

Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli daripada Tenang membangkitkan soal tidak ada satu sekolah pun, apa tu yang bertaraf asrama penuh di kawasan Labis. Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, pihak Jabatan

Pelajaran sebenarnya telah mencadangkan sebuah sekolah berasrama penuh di kawasan Parlimen Segamat, di DUN Buluh Kasap bagi Rancangan Malaysia Ke-10. Ini sebenarnya terpaksa dibuat bagi menggantikan projek asal dalam Rancangan Malaysia Ke-9 yang pada asalnya di kawasan Parlimen Segamat tapi telah pun dipindahkan ke Batu Pahat. Jadi, saya difahamkan dalam satu Rancangan Malaysia cuma 2 buah asrama penuh diberi kepada sebuah negeri. Jadi pada masa ini memang tidak ada perancangan untuk pembinaan sekolah berasrama penuh di kawasan Labis, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Labis pun tidur.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Untuk makluman kepada Dewan yang mulia ini cadangan pembinaan MRSM. Ni Segamat lagi Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Sikit aje lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk makluman di Dewan ini, cadangan pembinaan MRSM Segamat telah tidak dipersetujui untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 oleh Unit Perancang Ekonomi. Kita di peringkat negeri, kita memang sokong pembinaan MRSM, malah apa juga institusi yang, pendidikan yang nak masuk ke Negeri Johor ini. Namun begitu, pihak MARA, kita telah berbincang dengan pihak MARA, pihak MARA akan mengangkat kertas cadangan ini, malah tengah berbincang dengan pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah agar cadangan pembinaan ini dicadangkan dan diteruskan juga dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Dan kita berharap ianya dapat diluluskan oleh kerajaan dan peruntukan kewangan yang dipohon untuk meneruskan cadangan pembinaan MRSM Segamat ini adalah lebih kurang RM100 juta yang melibatkan kos tanah, bangunan dan alatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan cadangan pembinaan Kolej Polytech MARA yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ADUN daripada Semerah. Sebenarnya permohonan tanah kerajaan seluas 25 ekar di Kangkar Merlimau dalam kawasan Parlimen Parit Sulong ini, telah dibuat dalam bulan Februari 2008 dan sehingga kini belum ada lagi kelulusannya. Dan, peruntukan sebenar projek pembangunan ini dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ialah RM15 juta. Namun, dalam kajian separuh penggal yang telah dibuat, MARA telah menangguhkan sementara semua perancangan projek pembangunan baru untuk memberi tumpuan kepada projek-projek yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Tanjung Puteri ada membangkitkan soal pemandu bas yang sepatutnya diberi gaji bulanan, potongan KWSP dan juga SOCSO. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, di peringkat LPKP ini, LPKP ada menjalankan penguatkuasaan dan juga audit kepada semua syarikat-syarikat bas yang mana adalah menjadi kewajipan syarikat-syarikat bas ini untuk menguruskan soal gaji, pembayaran KWSP, SOCSO dan lain-lain. Dan sekiranya syarikat-syarikat bas ini melanggar syarat-syarat daripada LPKP maka, LPKP

boleh mengambil tindakan termasuklah pembatalan lesen, sekiranya syarat-syarat wajib tidak dipatuhi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN daripada Bukit Batu membangkitkan soal kenapa bas ekspres tak menurun ataupun kenapa LPKP tak benarkan bas ekspres menurun dan mengambil penumpang di Terminal Kulai. Sebenarnya LPKP menggalakkan bas ekspres untuk masuk ke kawasan di Terminal Kulai. Namun begitu, banyak bas ekspres yang tidak berhasrat untuk masuk ke Kulai kerana mereka dapati bahawa laluan tersebut sebenarnya tidak begitu strategik, kerana kalau mereka mengadakan laluan daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru, apabila mereka masuk ke Kulai, maka mereka akan kehilangan pelanggan, penumpang kerana ramai penumpang yang lebih suka laluan terus, daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru. Walau bagaimanapun, LPKP akan cuba berbincang dengan syarikat-syarikat yang minat kerana LPKP tidak ada kuasa untuk memaksa syarikat-syarikat memberi perkhidmatan di laluan yang tidak ekonomik ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebenarnya dah ada pun di dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi, saya tak berhajat untuk menjawab dan ada juga perkara-perkara yang dibangkitkan telah pun dijawab sama ada melalui soalan lisan ataupun soalan bertulis. Jadi, dengan penjelasan tadi saya berharap kalau ada perkara-perkara yang terlepas pandang, Ahli-Ahli Yang Berhormat dapatlah berhubung terus dengan saya dan saya rasa itu sajalah ucapan penggulungan saya dan saya juga menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Senggarang. Dan, dengan kata-kata demikian, wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat orang perempuan, tak pergi sembahyang Jumaat, saya orang lelaki nak pergi sembahyang Jumaat. Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin jam 9:30 pagi, 7 Disember .

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:15 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEBELAS	**ISNIN, 7 DISEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Persidangan dimulakan pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, tak ada apa benda. Berita baik, perseorangan badminton wanita dan *double* wanita Malaysia berjaya merangkul kejuaraan Super Siri Dunia. Tahniah kepada pemain-pemain kita. Yang Kedua, bersama kita Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan juga MCA Kluang ada bersama. Jadi, Ahli Yang Berhormat jawab dengan betul-betul. Siapa lagi nak berucap, jemput. Ha, Puan. Eh, Yang Berhormat belum, saya pun terbabas.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 diteruskan sekarang, jemput. Ha, baru bangun.

Y.B. Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan perbahasan atas Pembentangan Bajet (2010) Tahun Bagi Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada 19 November 2009 yang lalu. Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Tenang, Bukit Serampang, Kahang, Panti, Penawar dan Tanjung Surat yang telah membangkitkan permasalahan berkaitan dengan FELDA di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat ADUN Tenang telah membangkitkan mengenai dengan isu tanah yang mana penerokanya telah dikeluarkan oleh kerana tindakan disiplin dan juga sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua tanah yang diluluskan bagi kemasukan peneroka mengikut perjanjian dengan Pihak Berkuasa Negeri telah pun dikurniakan kepada peneroka. Walau bagaimanapun, terdapat kes di mana peneroka dikenakan tindakan dikeluarkan dari tanah rancangan kerana melanggar syarat penempatan

seperti dalam surat perjanjian, maka proses penggantian peneroka telah dilaksanakan. Proses penggantian peneroka telah selesai dilaksanakan pada tahun 2006, melibatkan seramai 85 orang peneroka. Oleh itu, pada masa ini tiada lagi kekosongan tanah untuk penempatan peneroka-peneroka yang baru.

Pengurniaan tanah ladang kepada FELDA di Negeri Johor seluas 85,551.04 ekar adalah keputusan Jemaah Menteri pada tahun 1990, bagi membolehkan urusan ladang dibuat secara komersil dan meningkatkan pengeluaran hasil. Sebagai bayaran bagi pengurniaan tanah ini, FELDA telah menjelaskan bayaran premium berjumlah RM41,311,575.15 kepada Kerajaan Negeri. Selaras dengan keputusan ini, mulai tahun 1990, Kerajaan Persekutuan FELDA tidak lagi memberi peruntukan pengurusan kepada FELDA sebaliknya FELDA diminta menguruskan dananya sendiri.

Berkaitan dengan permasalahan yang berbangkit di antara JKKR dan JKKK sebagaimana yang telah disuarakan Yang berhormat ADUN daripada Bukit Serampang, bagi mengatur dan merancang program di rancangan serta menggalakkan penglibatan peneroka dalam pembangunan rancangan, setiap rancangan yang belum menerima hak milik mewujudkan JKKR. Bagi memimpin pelaksanaan program, JKKR diketuai oleh Pengurus Rancangan dan dianggotai oleh ahli jawatankuasa yang dipilih secara musyawarah mengikut blok dan salah seorang daripada Ketua-Ketua Blok tersebut akan dipilih untuk menjadi Timbalan Pengerusi JKKR.

Apabila peneroka di sebuah rancangan telah menerima hak milik, peranan JKKR telah diambil alih dan diganti oleh JKKK sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pelantikan Pengerusi JKKK diuruskan oleh Pejabat Daerah dan pengurus tidak diberikan apa-apa jawatan dalam JKKK, tetapi masih menjadi penggerak dalam mengaturkan pembangunan di semua rancangan.

Pengurus tetap memainkan peranan bersama Ketua Kampung ataupun Pengerusi JKKK dalam merancang, mengatur dan melaksanakan program untuk keseluruhan masyarakat rancangan. Kemajuan rancangan adalah tugas dan tanggungjawab Pengurus. Peranan Pengurus dalam membangunkan rancangan bersama Ketua Kampung tiada berbeza dengan peranan Pengurus semasa di dalam JKKR. FELDA akan mengambil tindakan mengatasi masalah persefahaman antara Pengurus dengan ketua kampung bagi membolehkan rancangan FELDA menjadi contoh komuniti luar bandar, sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam 5 Teras 50 Tahun Kedua FELDA.

Dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat di dalam 72 rancangan FELDA, 33 telah pun diwujudkan JKKK, manakala 39 lagi masih di bawah JKKR. Mengenai dengan isu generasi kedua, juga dibangkitkan Yang Berhormat daripada ADUN Bukit Serampang, FELDA memang mengambil perhatian yang berat terhadap isu yang melibatkan generasi kedua. Oleh sebab itu banyak peruntukan disediakan bagi program pendidikan, latihan kemahiran, belia, sukan dan juga kerohanian. Keseluruhan peruntukan yang disediakan bagi

program berkenaan di seluruh negara pada tahun 2009 berjumlah lebih kurang RM75 juta.

Menyedari keperluan perumahan generasi kedua, FELDA telah mengadakan projek perumahan warga FELDA bermula di Negeri Pahang pada tahun 2003. Di Negeri Johor misalnya, projek perumahan warga FELDA sedang dilaksanakan di kawasan seluas lebih kurang 34.96 hektar di FELDA Pasak dengan sejumlah 760 unit rumah. Dari jumlah tersebut sebanyak 423 unit adalah rumah kos rendah dan 337 unit rumah kos sederhana rendah. Projek dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2010 dan proses jualan rumah sedang dilaksanakan.

Dengan pelaksanaan projek ini dapat mewujudkan penempatan yang teratur berhampiran dengan kawasan rancangan. FELDA sedang merancang melaksanakan projek yang sama di kawasan seluas lebih kurang 20 ekar di kawasan Parlimen Tenggara. Dan, cadangan projek ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga FELDA semasa Majlis Penyampaian Geran Hak Milik Tanah Generasi kedua Parlimen Tenggara oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada 30 November 2009 yang lalu. Dan FELDA sedia mengkaji dan membuat penilaian cadangan projek perumahan FELDA di tempat lain sekiranya terdapat kawasan yang sesuai serta mendapat permintaan dari generasi kedua.

Oleh kerana FELDA memberikan tumpuan bagi melaksanakan projek pembinaan rumah warga FELDA secara teratur, maka FELDA belum mempunyai perancangan untuk terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah di tapak yang dikurniakan kepada generasi kedua di Negeri Johor. Walau bagaimanapun, FELDA memberi sokongan penglibatan SPNB dalam membantu projek perumahan di tanah generasi kedua.

Berkaitan pembinaan rumah generasi kedua di sebelah rumah peneroka ataupun di sebelah rumah ibu bapa generasi kedua, dirasakan kurang sesuai kerana tidak mengikut susun atur perumahan. Pembinaan rumah yang tidak teratur tidak membantu meningkatkan keceriaan rancangan. Oleh itu, cadangan pembinaan rumah oleh SPNB di tapak yang dikurniakan kepada generasi kedua dan projek pembinaan rumah warga FELDA adalah program yang terbaik dan sesuai buat masa ini.

Mengenai dengan isu lesen pembelian sawit dan getah berhampiran kawasan FELDA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tenang. Sebagaimana dalam surat perjanjian peneroka semua hasil keluaran peneroka sama ada kelapa sawit atau getah dijual melalui kilang yang disediakan oleh FELDA. Sistem dan kaedah pembelian adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ataupun MPOB bagi hasil sawit dan juga Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi hasil getah.

Pewujudan pusat pembelian berhampiran rancangan FELDA memang mengganggu program yang ditetapkan oleh FELDA dan dalam masa yang sama memudahkan peneroka menjual hasil tidak melalui FELDA. Peneroka yang mementingkan hasil yang segera dan kepentingan jangka pendek akan menjual hasil kepada pihak luar dan mereka tidak dikenakan potongan untuk tujuan membayar hutang dan juga sumbangan untuk kemajuan rancangan.

Tawaran lebih menarik menjual luar seperti yang dikata oleh Yang Berhormat kerana peneroka diberi *advance* ataupun bayaran pendahuluan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Bagi mengatasi masalah ini, FELDA melaksanakan pendekatan khidmat nasihat dan juga tindakan mengikut surat perjanjian di mana yang sesuai. Sebagai usaha tambahan, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah memperkenalkan bayaran insentif produktiviti peneroka atau BIPP kepada peneroka mulai tahun 2006. Dan bayaran dilaksanakan berasaskan jumlah hasil sawit atau getah yang dijual melalui kilang-kilang FELDA. Adalah diharapkan melalui cara ini dapat menggalakkan peneroka menghantar semua hasil melalui FELDA.

Bayaran BIPP tahun 2009 telah pun di umum oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2 November 2009 yang lalu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM89.5 juta bagi seramai 86,027 peneroka di seluruh negara, dengan bayaran minima ialah RM400.00 dan maksimumnya RM1,200.00 dan peneroka yang menghantar hasil sawit kurang dari 7.01 tan/hektar dan getah 500 kilogram/hektar tidak akan menerima bayaran bonus ini. FELDA telah mengadakan perbincangan dengan pihak LGM dan MPOB bagi mengkaji semula lesen yang dikeluarkan berhampiran dengan kawasan FELDA agar tidak diperbaharui apabila tamat tempoh lesen tersebut.

Mengenai dengan isu parit serta longkang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kahang, FELDA menyedari keperluan membaiki dan membaik pulih semula longkang di 6 buah rancangan FELDA di DUN Kahang kerana longkang dan juga parit yang dibina semasa kemasukan peneroka telah banyak yang rosak. Oleh sebab itu, pada tahun 2007, FELDA telah membelanjakan sebanyak RM162,900.00 bagi membaiki dan menaik taraf longkang di FELDA Bukit Tongkat, Kahang Barat, Kahang Timur dan juga Ulu Belitong. Kerja-kerja tersebut telah siap dilaksanakan. Dan bagi FELDA Ulu Dengar dan Ulu Penggeli yang tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2007 telah dipohon peruntukan berjumlah RM225,750.00 bagi tahun 2010. Dan, kerja-kerja membaiki dan membina semula akan dilaksanakan setelah peruntukkan diperolehi.

Mengenai dengan isu tanah untuk generasi kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Panti, bagi 3 lagi kawasan di kawasan Yang Berhormat ADUN Panti, proses pengurniaan tanah generasi kedua di 3 buah Rancangan di DUN Panti iaitu Pengeli Timur, Sungai Sibol dan juga FELDA Linggiu dalam tindakan Pejabat Tanah Kota Tinggi dan proses temu duga dijangka akan diadakan pada tahun 2010. Dan, selain daripada itu, FELDA juga dalam peringkat perancangan membina perumahan warga FELDA sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi dan tapak cadangan telah pun dikenal pasti dan sekarang ini dalam peringkat kajian tanah dan juga menyediakan cadangan pelan reka bentuk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Panti juga membangkitkan perkara yang sama mengenai dengan lesen membeli sawit oleh pihak luar di sekitar FELDA. Memang terdapat tempat menimbang beroperasi berhampiran dengan kawasan FELDA di mana lesen dikeluarkan

oleh MPOB. Dengan pembelian lesen bagi mewujudkan Pusat Timbang ini telah mendorong sebahagian peneroka FELDA Penggeli Timur, Sungai Sibol, menghantar hasil kepada mereka dan tidak melalui kilang-kilang FELDA. Dan, mengikut surat perjanjian tanam semula, semua hasil mesti dijual melalui kilang FELDA.

Dan, bagi mengatasi penjualan hasil peneroka ke pelesen-pelesen luar ini maka, usaha melalui nasihat, peringatan sedang dilaksanakan. Di samping itu juga, usaha membuat pembayaran pendahuluan hasil setiap minggu akan dilaksanakan mengikut jumlah BTS yang dihantar ke kilang FELDA oleh setiap peneroka. Dan, pembayaran bonus insentif iaitu BIPP yang telah diumumkan sepertimana yang saya nyatakan sebentar tadi juga adalah satu usaha untuk membendung penjualan BTS peneroka kepada pelesen-pelesen luar.

Yang Berhormat ADUN Penawar telah membangkitkan mengenai dengan isu kelemahan Technoplant agar masalah hasil FELDA tidak menjadi rungutan kepada masyarakat FELDA. FELDA Technoplant Sdn. Bhd. ataupun FTPSB adalah sebuah anak syarikat FELDA yang dipertanggungjawabkan mengurus kebun peneroka bagi pihak FELDA. Dan, tugas dan tanggungjawab FELDA Technoplant adalah mengurus kebun mengikut amalan pertanian baik ataupun *Good Agriculture Practice* dan tujuan FELDA memberi tanggungjawab kepada Technoplant bagi menguruskan kebun ialah bagi membolehkan FELDA memberikan tumpuan kepada kerja-kerja pembangunan komuniti dan usahawan. Dan, bagi menguruskan ini FELDA dan Technoplant ada menandatangani surat perjanjian bagi menerangkan peranan dan juga tanggungjawab masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada ADUN Senggarang telah membangkitkan mengenai permasalahan penempatan masyarakat orang Asli Kampung Minyak Beku ke Sungai Banang. Terima kasih diucapkan kepada ADUN kawasan Senggarang yang telah memberikan perhatian yang begitu serius tentang permasalahan masyarakat orang Asli khasnya di Penempatan Orang Asli Kampung Minyak Beku, Batu Pahat yang akan dipindahkan di penempatan baru di Penempatan Orang Asli Sungai Banang, Batu Pahat.

Begitu juga kepada KKLW yang telah mengambil berat bagi pembangunan di penempatan orang Asli ini. Sebenarnya, Yang Berhormat ADUN kawasan Senggarang sedia maklum KKLW telah melantik Delima Padu Sdn. Bhd. melalui tawaran tender KKLW yang melibatkan kos projek sebanyak RM8.4 juta. Dan, tarikh milik tapak projek ini ialah pada 24 September 2009 dan dijangka siap pada 9 Februari 2011. Antara komponen projek pembangunan yang akan dilaksanakan di Penempatan Orang Asli Sungai Banang ini ialah kerja-kerja penambakan tanah di lot 14057 seluas 11.09 hektar. Pembinaan rumah di bawah Program Bantuan Rumah ataupun PBR sebanyak 100 unit, pembinaan surau 1 unit, pembinaan dewan orang ramai 1 unit, pembinaan taman bimbingan kanak-kanak 1 unit, pembinaan jeti nelayan 1 unit, kerja-kerja pembetungan dan penyediaan jalan serta infrastruktur dan kemudahan asas yang lain. Dan, memang menjadi hasrat kerajaan agar projek ini dapat disiapkan mengikut jadual dan permasalahan penempatan Orang Asli di Kampung Minyak Beku dapat diatasi dan masyarakat Orang Asli dapat

menikmati kehidupan dengan kemudahan asas yang lebih sempurna dan tinggal di tempat yang lebih kondusif menjelang tahun 2011.

Yang Berhormat ADUN Bukit Serampang telah membangkitkan mengenai isu kemiskinan masyarakat orang Asli. Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor terdapat seramai 11,701 orang Asli dan bilangan keluarga mereka seramai 2,285 keluarga. Mengikut pecahan daerah pula terdapat seramai 1,884 orang di daerah Mersing, 1,376 orang di daerah Kluang, 1,411 orang di daerah Johor Bahru, 1,592 orang di daerah Segamat, 1,879 orang di daerah Batu Pahat, 1,291 orang di daerah Pontian, 1,278 orang di daerah Kota Tinggi, 458 orang di daerah Muar dan 513 orang di daerah Ledang.

Daripada 2,285 keluarga dengan penduduk seramai 11,700 orang, mereka tinggal di 62 buah kampung yang bertaburan di kawasan pinggir dan juga pendalaman. 50 buah kampung berada di kawasan pendalaman dan 12 buah kampung di kawasan pinggir berdekatan dengan perkampungan orang-orang Melayu. Dan, taburan mengikut daerah pula, di daerah Mersing terdapat 9 buah kampung, Kluang 11 buah kampung, Johor Bahru 8 buah kampung, Segamat 9 buah kampung, Batu Pahat 5 buah kampung dan Pontian 7 buah kampung. Bagi daerah Kota Tinggi 5 buah kampung dan daerah Muar 5 buah kampung serta di daerah Ledang sebanyak 3 buah kampung.

Tidak dapat dinafikan, masalah kemiskinan merupakan agenda utama yang perlu diatasi oleh kerajaan. Di Negeri Johor, dari bilangan Ketua Isi Rumah Orang Asli ataupun KIR iaitu seramai 2,285 Ketua Isi Rumah, seramai 562 Ketua Isi Rumah ataupun 25% tergolong dalam kategori miskin. Manakala 391 Ketua Isi Rumah ataupun 17% merupakan golongan miskin tegar. Bagi mengenal pasti golongan miskin dan miskin tegar di kalangan orang Asli ianya bermula dari peringkat daerah melalui Mesyuarat *'Focus Group'* peringkat daerah dan Mesyuarat *'Focus Group'* peringkat negeri dan ianya semuanya didaftarkan di bawah di dalam sistem e-Kasih.

Daripada tahun 2009, melalui peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM6.55 juta sebahagian besar peruntukan tersebut adalah disasarkan kepada golongan orang Asli miskin tegar dan juga miskin. Antara program yang dimaksudkan adalah seperti pembinaan Program Bantuan Rumah pelbagai daerah sebanyak 158 unit dengan kos sebanyak RM4.68 juta, Bantuan Bakul Makanan kepada golongan miskin tegar dan juga miskin seramai 720 Ketua Isi Rumah sebanyak RM519,940.00, Bantuan Wang Saku Pelajar kepada anak-anak orang Asli yang belajar di sekolah menengah seramai 980 orang, sebanyak RM351,000.00. Bantuan Input Pertanian sebanyak RM270,000.00 kepada 120 petani orang Asli dan Bantuan Tambang Pengangkutan kepada anak-anak orang Asli ke sekolah seramai 2,514 pelajar sebanyak RM716,230.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Bukit Naning telah membangkitkan mengenai, telah memohon beberapa buah TASKA KEMAS lagi di Bakri dapat dinaikkan taraf kepada TASKA PERMATA. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 5 buah taska sahaja di Bakri. 2 daripada 5 taska tersebut telah siap dinaiktarafkan kepada TASKA PERMATA iaitu di Taska Kampung Kenangan Dato' Abdullah Jaafar dan Taska Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail. Manakala 3 lagi iaitu di Batu 17, Ayer Hitam, Kampung Parit Tengah Batu 18 dan

Taska Anakku Parit Haji Zain sedang di naik taraf. Dan, proses penaiktarafan dijangka siap, selesai pada pertengahan bulan Disember ini dan sedia untuk digunakan setelah kerja-kerja naik taraf selesai dibuat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Panti telah membangkitkan mengenai dengan Modul Latihan IKLAS. Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak perlaksanaan Pelan Integriti Nasional ataupun PIN dilancarkan, maka di peringkat Negeri Johor, IKLAS iaitu singkatan kepada Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Johor telah ditubuhkan dan menjadi salah satu daripada 5 bahagian utama di dalam Yayasan Warisan Johor.

Walaupun Gagasan 1Malaysia mula dikenalkan sejak pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib bin ..., maaf Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, tetapi idea dan kegiatan IKLAS yang membawa semangat selari dengan gagasan itu telah bermula lama sebelum gagasan itu dikemukakan. Dan, sejak pengumuman penubuhan Institut Integriti Negeri ataupun IIN pada akhir tahun 2006, IKLAS telah mengadakan latihan-latihan, kursus, seminar, forum dan lain-lain sesuai dengan hasrat 1Malaysia.

1. Sejak awal tahun 2007, IKLAS mengadakan siri seminar integriti di semua daerah yang disertai oleh berbagai peringkat masyarakat dari berbilang kaum.
2. Seminar Integriti Ketua-Ketua Kampung dan Ahli JKKK di Segamat pada 30 April 2009 yang melibatkan Ketua-Ketua Kampung dan juga Ketua-Ketua Masyarakat.
3. Semua Ahli Majlis di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan yang terdiri dari wakil-wakil pelbagai kaum juga telah mengikuti forum yang dianjurkan oleh IKLAS.
4. Dan, IKLAS juga telah menjalankan beberapa forum integriti politik yang melibatkan semua kaum masyarakat di Johor.
5. Yang terakhir IKLAS telah mengadakan Forum Integriti Kepimpinan yang melibatkan semua kaum pada 14 November 2009 di Johor Bahru.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Tangkak telah membangkitkan dengan usaha-usaha pemuliharaan kota-kota lama di sepanjang Sungai Johor. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Tangkak kerana keprihatinan Yang Berhormat mengenai usaha aktiviti pembangunan seni budaya Negeri Johor. Cadangan dan pandangan Yang Berhormat mengenai galeri kebudayaan, seni warisan dan sejarah amat dialu-alukan. Sesungguhnya Yayasan Warisan Johor sudah menjalankan usaha-usaha itu sejak 10 tahun yang lalu.

Di samping itu, usaha-usaha pemuliharaan kota lama pentadbiran Kerajaan Johor yang terdapat di sepanjang Sungai Johor sedang giat dirancang. Dan, pihak Yayasan Warisan Johor telah mengambil inisiatif yang bersungguh-sungguh untuk pemuliharaan tempat-tempat itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, YWJ Citra Holdings juga telah diberi kepercayaan dan mandat dari Kerajaan Negeri untuk merangka dan melaksanakan satu program pelancongan bersejarah di Negeri Johor yang

diberi nama Kembara Wangsa : Pembangunan Tapak-Tapak Sejarah di Sepanjang Sungai Johor.

Dan, program ini adalah bertujuan untuk memelihara dan memulihara tapak-tapak bersejarah yang suatu masa dahulu merupakan pusat pemerintahan Kerajaan Johor Lama selepas kejatuhan Kerajaan Melaka pada tahun 1511.

Sebagai permulaan untuk melaksanakan program tersebut, satu bengkel yang telah dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Johor, Ahli Undangan Negeri Johor kawasan yang terbabit, Ketua-ketua Jabatan di Negeri Johor, para ahli ilmuwan dari Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Pesuruhjaya Warisan Malaysia, wakil dari Kepulauan Riau serta wakil dari universiti di Tanjong Pinang, Kepulauan Riau telah selamat diadakan pada 10 hingga 12 Ogos 2009 yang bertempat di Desaru, Kota Tinggi.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, program mengenali Arkeologi Sungai Johor juga telah dilaksanakan dengan penglibatan 200 orang pelajar daripada daerah Kota Tinggi dan juga daerah Muar. Dan, Program Eksplorasi Seni Sungai Johor bagi Fasa I dan II dengan penglibatan 100 orang pelajar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Saya telah sedia upaya memberikan jawapan dan ulasan terhadap permasalahan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan ini. Namun begitu dalam keadaan masa yang singkat ini ada kemungkinan terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang dalam ucapan balas saya ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa jabatan-jabatan yang berkenaan akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya. Saya juga mengharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberi sokongan, pandangan dan teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio dan tanggungjawab saya demi kemajuan pembangunan Negeri Johor. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Dan, saya turut menjunjung…

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Senggarang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi, siapa yang nak berucap, jemput bangun. Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmaanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini, dengan menjawab bagi pihak kerajaan berkaitan Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani.

Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara, buah fikiran serta permasalahan dalam perbahasan di persidangan yang berkaitan dengan portfolio saya.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri dari Pengkalan Rinting dan Bukit Permai berkenaan Program SUBUR iaitu beras yang diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian Malaysia baru-baru ini. Suka saya maklumkan dan menjelaskan tujuan program ini dilaksanakan adalah:

i. Untuk melaksanakan sistem baucar bagi pembelian beras subsidi untuk golongan miskin bagi menggantikan semua program subsidi beras yang sedia ada.
ii. Memastikan subsidi kerajaan sampai sepenuhnya kepada golongan sasar dan menghentikan penyalahgunaan subsidi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Program subsidi beras untuk rakyat atau SUBUR ini adalah menggunakan sistem baucer untuk menggantikan program subsidi kepada pengilang untuk mengeluarkan beras ST 15%. Program diwujudkan hasil daripada penambahbaikan program-program yang sedia ada di samping mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Sasaran iaitu setiap baucar akan dikeluarkan adalah berdasarkan kepada beberapa kategori keluarga:
    - Golongan miskin tegar.
    - Golongan miskin.
    - Golongan mudah miskin
    - Institusi kebajikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme perlaksanaan adalah seperti berikut:

i. Setiap keluarga akan diberikan 1 hingga 3 baucar, jumlah maksima 3 baucar iaitu bergantung kepada jumlah ahli dalam satu-satu keluarga.
ii. Baucar akan diagihkan setiap 6 bulan dan disampaikan oleh Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen iaitu MPPP.
iii. Baucar ditebus untuk mendapatkan beras ST 15% dan ST 5% di mana-mana kedai runcit yang mempunyai lesen beras runcit sahaja. Kawal selia akan mengeluarkan arahan kepada semua peruncit supaya menerima baucar yang ditebus. Sekiranya terdapat aduan peruncit enggan menerima baucar, tindakan sewajarnya akan diambil. Baucar

dicetak oleh pencetak kerajaan dan mempunyai ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan pemalsuan.

Syarat-syarat permohonan ialah :

i. Warganegara Malaysia.
ii. Pendapatan di bawah RM1,500.00 di kawasan bandar dan RM1,000.00 di luar bandar.
iii. Permohonan boleh dikemukakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang berhampiran seperti berikut:
   - Kawal selia Padi Beras Negeri dan Ibu Pejabat,
   - Jabatan Pertanian,
   - Jabatan Perikanan Malaysia,
   - Jabatan Veterinar,
   - MARDI,
   - FAMA,
   - LKIM,
   - LPP,
   - MADA,
   - KADA,
   - LPNM,
   - TEKUN dan;
   - Agro Bank.
iv. Permohonan juga boleh dibuat secara terus melalui Pejabat Daerah, Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Zon.
v. Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan kepada mana-mana pejabat yang disebutkan tadi dan untuk tindakan urus setia MPPP.
vi. Kelulusan akan ditentukan oleh Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, semua borang permohonan akan melalui satu sistem penapisan yang merujuk kepada sistem e-Kasih di bawah ICU, Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan dengan ini, pihak kerajaan telah menangguhkan perlaksanaan Program SUBUR ini sehingga Januari tahun 2010 bagi tujuan mengemaskinikan lagi senarai nama-nama yang terdapat di dalam sistem e-Kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan saranan Yang Berhormat ADUN Tangkak, berkenaan dengan pelaksanaan Projek Kebun Integrasi. Suka dimaklumkan bahawa pihak kerajaan melalui jabatan dan agensi yang berkaitan sedang melaksanakannya dengan mengikut daerah dan kawasan DUN. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, setiap DUN adalah disasarkan untuk dilaksanakan sebanyak 10 projek Kebun Integrasi. Maknanya kerajaan akan mensasarkan keseluruhan 560 kebun integrasi. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 373 projek kebun integrasi telah dapat dilaksanakan di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada isu kawalan harga makanan, baja dan racun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Penawar. Untuk makluman, kerajaan melalui jabatan dan agensi yang berkaitan adalah

sentiasa memantau akan perkembangan turun naik bahan-bahan input pertanian seperti baja dan racun serta barang-barang makanan. Pada masa ini harga baja dan racun masih belum diletakkan di bawah kawalan harga dan harganya ditetapkan mengikut pasaran semasa. Walau bagaimanapun, sehubungan dengan ini, kerajaan mengambil langkah-langkah dengan menggalakkan supaya petani mencari alternatif, pilihan lain dan beralih kepada penggunaan sumber dan bahan tempatan yang lebih murah dan ekonomi. Langkah ke arah penggunaan mikrob berfaedah ataupun EM dan juga pembuatan baja kompos berasaskan bahan-bahan sisa pembuangan ladang seperti tinja ayam, sisa sayuran dan sisa tanaman lain yang boleh diproses dan ditukar menjadi baja kompos. Maka sebab itu, Kerajaan Johor membuat pendekatan membangunkan pusat EM di setiap kawasan Parlimen dengan bekerjasama dengan semua 28 PPK sebagai peneraju pusat EM di peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan semua masyarakat, peladang, petani mendapat maklumat dan pendedahan mengenai teknologi EM yang menjadi alternatif kepada baja kimia. Malah bantuan baja Kerajaan Negeri juga mengguna pakai baja kompos.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat peka dalam perkembangan serta isu kenaikan harga barang makanan dan racun. Oleh sebab itu, kerajaan menggalakkan petani-petani menjalankan aktiviti pertanian secara integrasi. Dengan kaedah ini, petani-petani akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan baja kimia dan mendapat mengurangkan kos serta dapat menghasilkan produk-produk pertanian yang lebih bermutu serta selamat dimakan.

Berhubung dengan Program Galakan Usahawan (PGU) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Permai, suka saya maklumkan bahawa peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri ialah sekitar RM1 juta. Maka, pihak kerajaan telah bersetuju akan menaikkan 50% iaitu daripada RM10,000.00 kepada RM15,000.00 mulai tahun 2010 untuk setiap ADUN, yang mana ini adalah bertujuan supaya peruntukan ini dapat diagih ke semua kawasan ADUN dengan lebih menyeluruh serta dapat disampaikan kepada lebih ramai pemohon-pemohon yang layak.

Walau bagaimanapun, saya menyambut baik akan cadangan Yang Berhormat Bukit Naning untuk menaikkan kadar peruntukan yang diagih kepada setiap DUN mengikut keadaan sesuatu kawasan DUN berdasarkan jumlah penduduk dan keluasan kawasan. Dan seterusnya akan mengkaji cadangan-cadangan tersebut bagi pertimbangan pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan persoalan *delivery system* di Jabatan Pertanian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dewan Negeri Pasir Raja, ekoran daripada pandangan itu, pihak Jabatan Pertanian akan melaksanakan Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP) di peringkat DUN. Di mana, pegawai di peringkat kawasan Perkhidmatan dan Mukim akan menjadualkan program lawatan ke setiap DUN pada setiap 2 bulan sekali. Dalam erti kata, dalam program ini nanti, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri akan dijemput terlibat dalam majlis ini, yang mana di dalam setiap perjumpaan ini akan diadakan taklimat berkaitan dengan program-program jabatan dan seterusnya membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan

Jabatan Pertanian di samping menyampaikan maklumat-maklumat berkenaan dengan teknologi dan masalah-masalah penyakit tanaman yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari DUN Senggarang, telah menyarankan agar meningkatkan saham setiap ahli peladang di setiap PPK di seluruh Negeri Johor. Saranan ini telah diambil tindakan lebih awal. Dimaklumkan bahawa Perlembagaan Pertubuhan Peladang, di bawah Akta 109, telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian baru-baru ini untuk menjadi Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan, mereka perlu membayar yuran masuk sebanyak RM2.00 dan bayaran saham RM10.00 sahaja dan boleh ditambah tanpa had pada bila-bila masa mengikut kemampuan. Ini adalah bagi menggalakkan peladang-peladang menjadi Ahli Pertubuhan Peladang. Matlamat utama Pertubuhan Peladang adalah bagi menambah serta meningkatkan sosioekonomi peladang-peladang melalui aktiviti perladangan yang memerlukan penglibatan secara aktif di dalam aktiviti pertubuhan peladang melalui 10 aktiviti dan perkhidmatan yang telah disediakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan selaras dengan Dasar Pertanian Negara. Cadangan untuk menubuhkan bank peladang, Pertubuhan Peladang Negeri Johor dengan sokongan 28 PPK telah mengorak langkah bagi menerajui dan merealisasikan dengan mewujudkan Dana Pembangunan Peladang (DPP) yang telah diluluskan oleh Pendaftar pada 19 Ogos 2008. Sehingga Oktober 2009, modal terkumpul adalah sebanyak hampir RM6 juta dan dijangka modal ini akan meningkat apabila mengambil kira pelaburan Pertubuhan Peladang seluruh negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dewan Negeri Semarang, Projek Pertanian Moden Kluang telah mendapat kelulusan kajian impak alam sekitar bagi menjalankan projek ini. Pengurusan alam sekitar telah dilaksanakan dengan memastikan syarikat peserta menjalankan aktiviti mereka secara *zero discharge*, dengan izin. Pihak Pengurusan juga telah membina *perimeter drain,* dengan izin iaitu pagar longkang di sepanjang kawasan yang bersempadanan dengan Sungai Sembrong dan Empangan Sembrong bagi memastikan tiada sisa ternakan, sisa racun serta sisa baja mengalir ke Empangan Sembrong.

Kawasan Projek Pertanian Moden Kluang hanya menyumbangkan 25% daripada kawasan *water body,* dengan izin kepada Empangan Sembrong, manakala 75% kawasan *water body* adalah dari kawasan Yong Peng yang mana terdapat anggaran 3,000 ekar kawasan ladang kelapa sawit yang ditanam sehingga ke gigi air empangan.

Susulan kepada kematian ikan di Empangan Sembrong Oktober lalu, pihak Pengurusan Projek Pertanian Moden bersama Jabatan Alam Sekitar Daerah Kluang, Batu Pahat dan BAKAJ telah menjalankan siasatan sebanyak 2 kali dan mengenal pasti pencemaran tersebut bukan berpunca dari Projek Pertanian Moden Kluang.

Pihak Pengurusan Projek Pertanian Moden Kluang juga telah menjalankan siasatan dan dipercayai bahawa punca pencemaran datang dari sebelah hulu

Sungai Sembrong dengan terdapatnya kesan-kesan pelepasan sisa kilang sawit pada permukaan tanah yang dipercayai mengalir ke Sungai Sembrong.

Yang Berhormat Dato' Speaker perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari ADUN Tanjung Surat berhubung langkah-langkah Jabatan Perikanan tidak memberi lesen bot yang baru kepada nelayan. Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan Dasar Pelesenan Jabatan dengan membekukan semua permohonan Lesen Sampan Khas sejak tahun 1982 dan membekukan semua lesen baru vesel menangkap ikan kecuali Vesel Laut Dalam. Pembekuan lesen sampan baru ini dibuat hasil daripada *survey* secara saintifik yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perikanan yang menggunakan penentuan stok ikan. Selain itu, statistik pendaratan ikan marin turut menunjukkan hasil tangkapan ikan semakin merosot. Pada tahun 2002 hingga 2005, kelonggaran telah diberikan untuk melaksanakan Lesen Sampan Khas di mana Negeri Johor telah mendapat kelulusan untuk permohonan sebanyak 1,481 buah sampan. Pembekukan lesen ini untuk menjaga kepentingan nelayan tulen tradisional yang berdaftar serta tidak menggalakkan penambahan sampan yang banyak sehingga boleh menjejaskan stok ikan.

Pada tahun 2008, di atas kelulusan Kabinet, permohonan Lesen Sampan Khas telah dibuka semula mulai awal Ogos hingga tamat 31 Ogos. Bagi tempoh tersebut Jabatan Perikanan Johor telah luluskan 1,211 Lesen Sampan Khas dan selepas itu tidak ada lagi lesen baru dikeluarkan. Jabatan Perikanan hanya memperbaharui lesen sedia ada sahaja. Jabatan Perikanan membenarkan pemberian bantuan sampan dan enjin kepada nelayan-nelayan yang telah sedia ada memiliki Lesen Sampan Khas dengan syarat membuat permohonan ganti kulit atau ganti badan dan sampan lama dimusnahkan.

Jabatan Perikanan Negeri Johor diminta untuk membuat kajian khusus stok ikan yang terdapat di Negeri Johor pada tahun 2010. Statistik pendaratan ikan di pantai Negeri Johor pada tahun 2007, 88,892.96 metrik tan dan pada tahun lepas 2008 dia menurun 84,153.75 metrik tan. Ini menunjukkan penurunan pendaratan ikan di pantai Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat daripada ADUN Tanjung Surat juga berkaitan dengan pengusaha kolam udang yang menutup anak sungai dan menyebabkan pencemaran air di Sungai Lebam. Terdapat beberapa syarikat yang mengusahakan ternakan udang di kawasan perairan Sungai Lebam. Kesemua kawasan kolam ini adalah di bawah Pentadbiran KEJORA. Pengusaha-pengusaha membuat ban atau benteng untuk menakung air kolam dan terdapat ban kolam yang menutup saliran anak sungai. Pihak KEJORA difahamkan sedang dalam usaha untuk membuat pengukuran semula tanah-tanah yang telah diusahakan bagi memastikan syarikat mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan. Isu pencemaran air Sungai Lebam yang disebabkan oleh pengusaha kolam, pegawai Jabatan Alam Sekitar telah membuat lawatan pada bulan November dan mendapati pekerja kolam sedang mencuci kolam lama yang telah tidak beroperasi. Pegawai Jabatan Alam Sekitar telah menasihatkan pekerja tersebut supaya merawat air sisa buangan ke dalam kolam rawatan sebelum dilepaskan ke sungai. Susulan dari lawatan itu, pegawai Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan surat arahan kepada pengusaha untuk menghentikan

pencemaran dan Jabatan Perikanan bersama Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau aktiviti yang dijalankan oleh pengusaha tersebut dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan keras sekiranya pengusaha ini degil dan tidak mematuhi peraturan Kerajaan.

Jabatan Perikanan telah memperkenalkan Sijil Amalan Baik Akuakultur (SAAB) dan Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) untuk dijadikan garis panduan semua pengusaha-pengusaha akuakultur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada ADUN Maharani telah membangkitkan pengangkutan pasir dari Ulu Sungai Muar telah menyebabkan pukat nelayan rosak. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebuah syarikat yang menggunakan Sungai Muar untuk mengangkut plankton dari tapak kuari di Pagoh. Syarikat tersebut KCC Industries (M) Sdn. Bhd. yang beralamat di 93, Jalan Hashim, Muar. Pada tahun 2008 terdapat satu aduan kerosakan jaring yang dilanggar dan telah dibayar pampasan RM1,500.00. Manakala tahun 2009 terdapat 2 aduan kerosakan jaring dan syarikat tersebut telah membayar sebanyak RM700.00 kepada pengadu. Pihak syarikat ada mendepositkan wang RM10,000.00 di Persatuan Nelayan Kawasan Muar untuk tujuan pembayaran pampasan. Ini menunjukkan kerajaan pimpinan Barisan Nasional amat prihatin dan mendahulukan rakyat khususnya nelayan dengan mengambil kira kemungkinan perkara yang di luar jangkaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam merealisasikan cadangan Projek Pineapple Valley yang merangkumi kawasan Daerah Pontian dan Pekan Nenas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pekan Nenas. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya Kerajaan Negeri sentiasa memberi kerjasama yang baik dengan Kerajaan Persekutuan, lebih-lebih lagi ianya memberi kebaikan kepada rakyat dan ekonomi Negeri Johor.

Dengan merealisasikan Projek Pineapple Valley ini dengan izin, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah membangunkan Pusat Pembangunan Teknologi Tanaman Nanas, Alor Bukit di Pekan Nanas, Johor yang terletak di kawasan seluas 105 hektar sebagai salah satu dari komponen utama projek tersebut. Pusat ini digunakan sepenuhnya untuk menjalankan projek pembiakan benih, penerangan teknologi baru untuk penilaian, mengadakan petak verifikasi dan ujian kegunaan bahan-bahan input pertanian yang terkini. Segala maklumat dari stesen ini akan disalurkan untuk menyokong aktiviti-aktiviti khidmat pengembangan yang disampaikan kepada sektor pekebun kecil.

Pusat ini di Alor Bukit, PTTN ini juga dipercayai setakat ini merupakan pusat atau stesen tanah gambut yang terbesar di Malaysia. Ia dikenal pasti juga amat berpotensi untuk dijadikan lokasi penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D dengan izin, dalam penambahbaikan teknologi Industri Nenas Negara. Di samping itu juga, ia mempunyai nilai *amenity* dan keindahan semula jadi yang komersial dan unik sebagai aset penting di dalam pembangunan industri *agro tourism* berasaskan nenas seperti di Hawaii dan Australia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah pergi Hawaii?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tak pernah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Kalau ada masa bolehlah Yang Berhormat Dato' Speaker ajak saya.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, awak yang ajak saya. Awak yang ajak saya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Bagus, bagus sokong tu..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Hasil daripada verifikasi yang dijalankan maka, maaf Yang Berhormat

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa nak pergi Hawaii ni…oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Di pusat ini juga dibangunkan mini kilang. Pembangunan mini kilang ini akan dapat menyalurkan *transport of technology,* dengan izin pembuatan/pemprosesan produk-produk IKS yang dikenal pasti melalui kesinambungan projek penyelidikan dan pembangunan. Projek ini kelak akan bertanggungjawab dalam menyediakan suasana pertumbuhan awal industri/perusahaan baru yang positif dengan menyediakan kelompok perunding yang berkebolehan dalam pelbagai bidang teknologi dan kepakaran.

Walau bagaimanapun cadangan projek ini akan dikemukakan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 bagi melengkapkan komponen-komponen yang lain, yang bakal merealisasikan konsep Pineapple Valley tersebut. Anggaran kos yang terlibat dijangkakan bernilai RM20 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Adun Tenang mengenai lalat. Untuk makluman Yang Berhormat, di kawasan Labis terdapat 10 buah ladang ayam yang berlesen dengan kapasiti paling minima 30,000 ekor sehingga mencecah 200,000 ekor. Dari jumlah ini, 4 ladang menternak ayam kampung jumlah kapasiti 245,000 ekor dan bakinya menternak ayam komersil jumlah kapasiti 760,000 ekor.

Sepertimana di dalam makluman Yang Berhormat, Jabatan Veterinar Negeri Johor telah pun memperkenalkan Amalan Perladangan Baik atau GAHP ataupun dengan izin *Good Animal Husbandry Practice*...

Y.B. Dato' Speaker : Apa tu? Terjemahan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Amalan Perladangan Baik, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ye ke? Macam lain je bunyinya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bukan saja kepada penternak ayam tetapi semua pengusaha ladang ternakan di antara perkara yang dititikberatkan adalah penjagaan kebersihan ladang. Selain itu, mereka diwajibkan menggunakan teknologi EM sebagai salah satu syarat lesen. Latihan demi latihan termasuk latihan amali telah dilaksanakan untuk mereka belajar menggunakan EM dengan cara yang betul.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan masih ada lagi ladang-ladang ayam yang tidak mengambil berat untuk menjaga kebersihan ladang dan tidak menggunakan EM. Apa yang dilakukan oleh pasukan pemantau Jabatan adalah memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar terlebih dahulu, sekiranya penternak masih berdegil kompaun akan dikeluarkan sebanyak dua kali. Sekiranya ladang masih tidak berubah, ladang tersebut akan ditutup. Pada masa ini memandangkan musim cuti sekolah dan banyak majlis kenduri diadakan pasukan pemantauan untuk bergerak secara proaktif membuat pemeriksaan ladang tanpa menunggu aduan awam.

Pada 2 Disember 2009 yang lalu, 5 buah ladang di kawasan Labis telah dibuat pemeriksaan secara mengejut dan didapati kesemuanya dalam keadaan bersih dan tidak terdapat kesan-kesan pembiakan lalat. Indeks lalat di bawah paras yang dibenarkan iaitu 14.

Di daerah Segamat saja mengikut rekod Jabatan, pada 2008, 4 buah ladang telah di kompaun dengan jumlah kompaun RM2,500 dan pada tahun 2009, 4 buah ladang lagi telah di kompaun berjumlah RM1,800. Bagi seluruh Negeri Johor, dari Januari hingga November tahun ini, sejumlah 17 ladang telah di kompaun dengan jumlah RM8,500.00.

Y.B. Dato' Speaker : Sikit ek?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Maknanya gerakan mengkompaun dan denda ini sedang berjalan. Selain itu, di daerah Segamat juga terdapat ladang babi berjumlah 5 buah kesemuanya, 4 buah di Mukim Jementah, 1 buah di Mukim Gemas. Semua ladang ini, kecuali sebuah ladang di Jementah adalah di dalam keadaan bersih dan telah diberi lesen. Ladang yang bermasalah ini terletak di Lot 3103, Mukim Jementah, dengan kapasiti yang dibenarkan 2,900 ekor. Seperti ladang ayam, jabatan akan memberi khidmat nasihat terlebih dahulu dan memberi peluang kepada penternak ini untuk menambah baik infrastruktur ladang. Setakat ini, didapati penternak masih tidak mengambil tindakan yang dicadangkan. Dan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan untuk menutup ladang. Penutupan ini tidak akan menjejaskan pengeluaran daging babi, kerana pengeluaran semasa mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan tempatan, malah ada yang dieksport ke negeri lain di Semenanjung. Di bawah Enakmen Memelihara Babi 1974, jarak minima yang disyaratkan untuk ladang babi dari kediaman adalah 2 rantai, iaitu 130 kaki. Sementara itu, syarat tanah untuk penternakan tidak dinyatakan dengan jelas. Mengenai penempatan pegawai di Segamat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor akan menempatkan seorang Pegawai Kanan yang baru berjawatan Penolong Pegawai Veterinar, berikutan penstrukturan semula jabatan mulai 15 Disember ini. Yang Berhormat boleh jumpalah 15 Disember ya?

Y.B. Dato' Speaker : Jumpa kat mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jumpa kat pejabat.

Y.B. Dato' Speaker : Ohh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Kerajaan Negeri yakin pegawai yang baru ini, akan memberi perkhidmatan yang terbaik untuk memastikan perlaksanaan projek ternakan di Segamat termasuk Labis berjalan lancar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari DUN Kahang, membangkitkan isu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Di bawah Program Pembangunan TKPM yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kerajaan Negeri sedang membangunkan 39 buah padang ragut, dengan keluasan 3,252 hektar, bersamaan 8,040 ekar untuk dijadikan kawasan penternakan. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah memberi peluang kepada 152 orang peserta, baik individu dan syarikat, untuk menjalankan aktiviti penternakan termasuk golongan belia dengan keluasan 2,774 hektar, bersamaan 6,854 ekar. Ini bermakna, setelah mengambil kira kawasan berpaya yang dianggarkan 30% daripada keluasan tersebut, ianya berbaki boleh digunakan sebanyak 337 hektar, bersamaan 830 ekar. Jabatan baru sahaja selesai menjalankan 3 temu duga, di mana seramai 51 peserta berbilang kaum telah memohon untuk menggunakan TKPM ini yang terletak di daerah Segamat, Kluang dan Muar yang melibatkan keluasan 121 hektar bersamaan 300 ekar. Oleh itu, kawasan TKPM yang masih boleh dipohon adalah seluas 215 hektar iaitu 570 ekar. Oleh kerana kawasan TKPM ini semakin berkurangan, kerajaan terpaksa memilih peserta yang benar-benar layak dan keluasan terpaksa dihadkan, di mana seorang peserta hanya diberi tidak lebih 8 hektar bersamaan 20 ekar. Di antara syarat yang dikenakan, adalah pemohon mesti mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, berpengalaman dan mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penternakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Batu dan Pulai Sebatang, berhubung industri penternakan burung walet. Telah diketahui umum, bahawa industri sarang burung walet merupakan industri yang memberi pulangan pelaburan yang tinggi. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan telah mengkategorikan industri ini sebagai Projek Berimpak Tinggi. Dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai agensi peneraju yang akan menyelaraskan semua aktiviti yang berkaitan dengan industri ini. Kerja-kerja penyelarasan ini amat perlu dan mengambil sedikit masa kerana melibatkan agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Jabatan Perhilitan.

Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan sedang dalam proses menggubal rang undang-undang yang berkaitan untuk diguna pakai di seluruh negeri-negeri dalam Malaysia. Di peringkat Negeri Johor, kerajaan tidak menggalakkan industri ini di kawasan bandar, namun demikian, pembangunan industri ini akan

lebih ditumpukan di kawasan pinggiran dan luar bandar. Ketika ini, kebanyakan pengusaha menggunakan garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar secara sukarela, tanpa penguatkuasaan oleh mana-mana pihak. Gangguan bunyi di kawasan persekitaran tidak seharusnya berlaku, sekiranya pengusaha mengikut garis panduan yang telah ditetapkan, iaitu memasang rakaman kicauan burung walet tersebut dari jam 7:00 pagi hingga 12:00 tengah hari, dan dari 5:00 petang hingga 7:30 malam sahaja. Desibel rakaman kicauan burung walet yang dimainkan tidak boleh melebihi 40 desibel.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, lagu apa tu Yang Berhormat dia main?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia, lagu kicauan burung.

Y.B. Dato' Speaker : Handallah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Apabila diukur 6 meter daripada bangunan premis burung. Corong pembesar suara di luar premis burung mesti dihalakan ke arah langit, iaitu 60° dari aras bumbung premis burung tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa nak dengar terus di hala ke atas, tak dapat dengarlah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Pasal burung ini memang dia terbang atas langit, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) Mana ada waktu burung terbang terus ke bawah langit? Kelirulah awak ini. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Untuk mengatasi gangguan bunyi yang sering menjadi aduan umum, telah ada percubaan dari pengusaha untuk mengguna pakai alat *ultra sound*, bagi menggantikan rakaman kicauan burung walet secara konvensional. Alat ini dikatakan hanya boleh didengar oleh burung sahaja, manusia tak boleh dengar.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, macam mana dia bunyi tu Yang Berhormat? Tak boleh dengar?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, ini ada pelik sikit, tapi, sedang…

Y.B. Dato' Speaker : Burung?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Sedang dia…

Y.B. Dato' Speaker : Ada burung bunyi orang tak dengar ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ada, ada, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Jenis apa punya burung itu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Walau bagaimanapun, ianya masih di peringkat awal dan belum begitu berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh saranan yang disuarakan oleh Yang Berhormat daripada DUN Parit Yaani, bagi meningkatkan promosi produk-produk dan buah-buahan tempatan oleh FAMA Negeri Johor. Suka saya dimaklumkan, promosi dalam pemasaran merupakan satu elemen yang penting, untuk meningkatkan permintaan terhadap sesuatu produk. Ia merupakan satu cara komunikasi yang digunakan oleh pemasar-pemasar untuk memberitahu, menggalak dan meyakinkan pembeli-pembeli yang berpotensi supaya mencuba dan membeli keluaran yang dipasarkan. Oleh itu, FAMA sentiasa proaktif dalam, dengan sentiasa melaksanakan program-program dan aktiviti promosi, kerana aktiviti ini akan meningkatkan penggunaan per kapita hasil pertanian dan produk makanan di pasaran domestik serta meningkatkan penggunaan hasil pertanian dan produk makanan oleh institusi dan meningkatkan eksport hasil pertanian dan makanan untuk memperbaiki imbangan dagangan dan pertukaran asing serta mengurangkan kerugian petani semasa berlakunya krisis lambakan hasil dalam negara.

Dalam hal ini, pihak FAMA telah mengenal pasti kategori penerima faedah hasil dari aktiviti promosi yang dilaksanakan. Mereka terdiri daripada para petani, pendusun, penternak, usahawan, para pelajar sekolah, institusi, para pelancong dan juga pengguna. Dari segi komoditi yang terlibat pula, pihak FAMA telah mengenal pasti komoditi yang perlu diketengahkan sebagai satu produk yang berpotensi, bukan sahaja kerana nilai komersialnya, tetapi juga mengambil kira kebaikannya daripada segi kandungan nutrisi demi kebaikan kesihatan pengamalnya. Komoditi yang menjadi fokus utama aktiviti promosi, adalah sayur-sayuran, ulam-ulaman, buah-buahan, roselle, ikan air tawar, puyuh, ayam kampung dan produk AgroMas dan PKS. Sehingga bulan Oktober 2009, sebanyak 82 program dan aktiviti promosi telah dilaksanakan di seluruh daerah oleh FAMA Negeri Johor. Antaranya ialah demonstrasi masakan, pertandingan masakan, mencipta jus, pertandingan makan buah-buahan, ceramah khasiat buah-buahan, sayuran, sampel barangan dan hamper, kuiz peraduan pencarian chef muda dan jualan promosi.

Mengenai kempen Durian *Go To School,* juga adalah merupakan salah satu promosi…

Y.B. Dato' Speaker : Apa? Kempen?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Durian *Go To School*, pergi sekolah.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa pergi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Promosi Durian Ke Sekolah oleh FAMA.

Y.B. Dato' Speaker : Ganjil-ganjil Yang Berhormat? Kempen, oh Durian *Go To School*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Merupakan salah satu promosi yang telah dilaksanakan oleh pihak FAMA. Kempen ini adalah bertujuan meningkatkan minat golongan muda khususnya dalam menggemari buah-buahan tempatan. Berteraskan pepatah Melayu, 'kalau nak melentur buluh, biarlah dari rebungnya'. Pihak FAMA memilih para pelajar sekolah sebagai langkah untuk memastikan kempen ini berjaya. Melalui pendekatan yang dibuat ini, golongan muda akan lebih mengenali buah-buahan tempatan yang terdapat di negara kita, yang juga mempunyai khasiat yang setanding dengan buah-buahan import. Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat, agar FAMA tiada halangan untuk melaksanakan program promosi di Kota Iskandar. Pihak FAMA akan berusaha untuk melaksanakan promosi tersebut pada musim buah-buahan 2010.

Untuk makluman promosi seumpamanya, telah dilaksanakan oleh pihak jabatan dan agensi:

i Dulu sebelum pembukaan Dewan ini, pihak Jabatan Pertanian telah menjamu sebahagian besar Ahli-Ahli Dewan dengan buah durian dan buah-buahan tempatan.

ii. Ketika Majlis Makan Malam Sempena Penutupan Dewan di Puteri Harbour. Ahli-Ahli Dewan turut disajikan dengan durian dan buah-buahan tempatan sebagai hidangan tambahan pada malam itu.

Bagi pihak FAMA pula, satu program seumpamanya juga telah dilaksanakan dalam program Pemimpin Bersama Agensi pada 21 Oktober 2009, bertempat di Tingkat Atas Restoran Antarabangsa, Teluk Danga. Diharapkan Ahli Yang Berhormat DUN Parit Yaani tidak lupa apa yang dirasa. Jangan habis manis, sepah dibuang.

Y.B. Dato' Speaker : Apa? Sepah dibuang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri, berkenaan Pasar Tani di Stadium Larkin dan juga tapak Pasar Tani baru di Jalan Padu, Larkin. Pembukaan tapak Pasar Tani baru di Jalan Padu, adalah merupakan salah satu inisiatif pihak FAMA bagi menambah lagi bilangan Pasar Tani yang sedia ada di Negeri Johor bagi mewujudkan lebih banyak ruang pasaran bagi membantu golongan petani dan pengeluar memasarkan hasil keluaran pertanian mereka terus kepada pengguna. Kos untuk membangunkan Pasar Tani ini mencecah RM1.8 juta, di mana kos-kos ini adalah untuk penyediaan infrastruktur, seperti membina bangunan pejabat, surau, longkang, benteng penahan, kerja-kerja pendawaian elektrik serta penyediaan lot-lot tempat meletak kenderaan serta kawasan perniagaan. Memang tidak dapat dinafikan perkembangan pembangunan pembinaan pasar tani baru-baru ini agak lambat, tidak mengikut jadual asal. Ini adalah disebabkan kegagalan pihak kontraktor yang dilantik dalam memenuhi spesifikasi dalam pembinaan dan mengikut jadual kemajuan projek yang telah ditetapkan oleh pihak FAMA. Disebabkan oleh ketidakupayaan pihak kontraktor ini, kontraktor telah menarik

diri daripada menyiapkan projek tersebut. Pihak FAMA telah melantik kontraktor baru dan kerja-kerja penyempurnaan projek pasar tani ini dijangka siap pada Mac 2010. mengikut perancangan asal penubuhan pasar tani baru ini di jalan padu adalah akan diberi keutamaan kepada peserta pasar tani di stadium Larkin yang mahu pindah ke pasar tani baru.

Berhubung dengan saranan yang dibuat oleh ADUN Tanjung Puteri supaya pihak FAMA memberi peluang kepada golongan muda yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan tidak hanya terbuka kepada petani dan penternak sahaja. Untuk makluman, pihak FAMA tidak pernah mengabaikan golongan muda kerana pihak FAMA akan sentiasa memberi peluang kepada golongan ini terutamanya golongan belia dan siswazah. Dan untuk makluman, di pasar di tapak pasar tani yang baru ini, di *reserves*kan 50% untuk kepada petani baru untuk belia-belia dan usahawan siswazah muda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sepanjang segmen perbahasan. Saya memohon maaf sekiranya ada perkara-perkara terlepas pandang dalam penjelasan saya. Walau bagaimanapun, saya sedia menemui Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan membantu mengatasi segala kemusykilan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi, Jemput yang Berhormat. Ha, Yang Berhormat ok eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Sudah baik eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Baik, sangat baik adanya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian bagi perbahasan Dewan Undangan Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2009, pada pagi yang berbahagia ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Senai, mengenai keperluan tangki air di kawasan Kampung Baru Cina, Seelong. Masalah kekurangan bekalan air di kampung tersebut berpunca daripada kedudukan kampung yang terletak di kawasan

berbukit dan di penghujung sistem paip retikulasi 150mm iaitu 6 inci jenis *Asbestos Cement*, dengan izin, iaitu jenis lama di Jalan Senai-Seelong. Manakala, masalah tekanan rendah adalah disebabkan penggunaan air yang tinggi pada waktu puncak ekoran pembangunan kilang-kilang baru di sepanjang Jalan Senai-Seelong tersebut. Sehubungan dengan itu, pada Ogos 2009, pihak SAJH telah mengambil langkah untuk meningkatkan kadar tekanan air dengan mengubah punca bekalan air untuk kawasan kampung tersebut iaitu daripada punca asal paip 150mm kepada paip berukuran 450mm iaitu 18 inci. Oleh yang demikian, bagi meminimumkan sebarang kejadian paip pecah yang berpunca daripada tekanan air yang tinggi, pihak SAJH melaksanakan pemantauan berterusan menerusi sistem *Pressure Reducing Valve,* dengan izin, bagi mengawal tekanan air.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Batu berkenaan kerja-kerja peningkatan sistem bekalan air bagi kawasan Sedenak. SAJH merancang melaksanakan kerja-kerja pemasangan sesalur bekalan utama, pembinaan tangki air baru Sedenak berkapasiti 4.5 mld serta pemasangan paip-paip agihan sebagaimana yang berikut :

i. Paip bersaiz 600 mm jenis keluli, sepanjang 11.5 km dari Tangki Bukit Kulai ke Tangki Imbangan Sedenak.
ii. Paip agihan 200 mm sepanjang 2.5 km ke Tangki Kampung Sedenak.
iii. Paip 700 mm sepanjang 2.5 km dari Tangki baru Sedenak ke kawasan pembangunan baru di Sedenak dan Bukit Batu.
iv. Paip 500 mm sepanjang 11 km dari paip utama tangki Sedenak baru ke kawasan pembangunan baru di Sedenak dan Bukit Batu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek melibatkan kos sejumlah RM30 juta ini bukan sahaja akan dapat mengatasi masalah gangguan bekalan air yang agak kerap dialami pada masa ini, bahkan ianya juga adalah untuk memenuhi keperluan tambahan bekalan air bagi kawasan pertumbuhan baru di Sedenak, Bukit Batu dan kawasan Kulai Utara keseluruhannya. Pemilihan kontraktor telah dilaksanakan dan kerja-kerja dijangka akan dimulakan pada bulan ini sebaik proses pengambilan balik tanah selesai dan ia dijangka siap sepenuhnya pada September 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai cadangan yang diusulkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Pekan Nanas berkenaan membuka cawangan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan. Berdasarkan statistik pengguna yang sedia ada, pihak SAJH kini belum buat, membuat perancangan untuk membuka pejabat cawangan di Pekan berkenaan. Sehubungan dengan itu, pihak SAJH sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna bekalan air di negeri ini. Pihak SAJH telah memperkenalkan pelbagai saluran perkhidmatan bagi mempermudahkan urusan pengguna.

Perkhidmatan *e-Billing* yang diperkenalkan pertengahan Oktober lalu memudahkan pengguna untuk menyemak dan mengemas kini akaun tanpa perlu mengunjungi pejabat Agensi SAJH. Selain itu, pengguna juga boleh membuat pembayaran bil air menerusi pelbagai agensi seperti kaunter TNB,

Telekom, PBT dan juga kaunter bank terpilih di samping kaunter-kaunter SAJH sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penggaram telah menimbulkan isu gangguan bekalan elektrik di bandar Batu Pahat. Mengikut Rekod Gangguan Bekalan Elektrik dalam tempoh 12 bulan yang lalu, terdapat 4 kali gangguan di kawasan tersebut. Punca utama gangguan bekalan *voltage* tinggi yang dikenal pasti adalah berpunca dari kerosakan kabel bawah tanah yang disebabkan oleh pengorekan oleh pihak ketiga di laluan kabel TNB. Selain itu, gangguan bekalan juga disebabkan oleh masalah sambungan kabel bawah tanah dan kerosakan pada penamatan, *termination* dengan izin, alat ubah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mengurangkan statistik masalah gangguan voltan tinggi, TNB telah menjalankan projek menaik taraf dan pengukuhan sistem bekalan elektrik di kawasan bandar Batu Pahat seperti berikut :

i. Melaksanakan projek penukaran dan perentangan kabel-kabel baru sepanjang 6 km di antara Pencawang Elektrik Convent ke Pencawang Elektrik Tanah Merah serta dari Pencawang Elektrik Tanah Merah ke Pencawang Elektrik Rahmat. Projek ini telah siap pada bulan September 2009 dengan kos RM269,000.00
ii. Rondaan berkala pada laluan utama kabel TNB oleh penyelia.
iii. Memasang penanda kabel pada laluan kabel bawah tanah bagi memberi panduan dan isyarat kepada pihak ketiga sebelum menjalankan kerja-kerja pengorekan.
iv. Mengadakan taklimat kesedaran kepada kontraktor-kontraktor pihak ketiga seperti kontraktor SAJH, Telekom, MPBP, MDYP dan lain-lain tentang kesan dan akibat mengganggu gugat laluan kabel TNB.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sementara itu, bagi mengurangkan statistik gangguan voltan rendah, tindakan berikut telah diambil :

i. Penukaran wayar talian atas yang tidak bertebat kepada wayar bertebat bagi mengelakkan kes-kes wayar berdekatan sesama sendiri di atas pokok yang menyebabkan gangguan. Pada 2008 TNB telah membelanjakan sebanyak RM2 juta bagi menaik taraf sistem voltan rendah di seluruh daerah Batu Pahat.
ii. Menjalankan kerja-kerja mencantas dahan pokok secara berkala. Kini TNB telah menggunakan kaedah cantas dahan yang lebih berkesan melalui sistem *Vegetation Management* dengan izin, iaitu Sistem Pengurusan Pencantasan dan Pemotongan Pokok. Melalui kaedah ini, dahan pokok tidak akan tumbuh ke arah talian dan talian TNB akan lebih selamat seterusnya mengelakkan gangguan bekalan kepada pengguna.

Yang berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Tangkak mengenai perkampungan Orang Asli Tanah Gembur di daerah Ledang yang terdiri dari 50 buah rumah masih belum mendapat bekalan elektrik. Permohonan peruntukan sebanyak RM1.356 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah

Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar. Projek ini melibatkan kerja-kerja pembinaan 3 buah pencawang elektrik, perentangan kabel bawah tanah, talian atas serta tiang elektrik. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Pekan Nenas telah membangkitkan masalah ancaman hidupan liar. Merujuk rekod jabatan bagi Januari hingga November 2009, telah menerima 5 aduan gangguan kera melibatkan 4 buah kampung iaitu Kampung Bukit Panjang, Pengkalan Raja, Kampung Melayu, Pontian Besar dan di Jalan Ibrahim.

Yang Berhormat Dato' Speaker, anggaran populasi yang mengganggu di tempat-tempat kampung ini adalah kira-kira 80 ekor. Sehingga kini Jabatan PERHILITAN telah menyelesaikan gangguan di Jalan Ibrahim yang hanya melibatkan 3 ekor kera liar dan juga telah mengurangkan populasi kera di Kampung Melayu sebanyak 38 ekor. Di Kampung Melayu, pihak jabatan telah menyediakan perangkap pindah bersaiz 8' x 8' x 9'.

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Besarnya, itu…

Y.B. Dato' Speaker : Kandang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Perangkap, *yes*, yang bersaiz 8' x 8' x 9'.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, besar kera tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Agaknya besar. Bagi memerangkap dan memindahkan kera di kawasan kampung tersebut secara berterusan. Di Kampung Bukit Panjang dan Pengkalan Raja, usaha masih diteruskan untuk menangani masalah kera berkenaan.

Jabatan PERHILITAN akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang terlibat dengan masalah gangguan hidupan kera untuk dimasukkan ke dalam Pelan Tindakan Kera Bermasalah Negeri Johor tahun 2010 bagi menjalankan tindakan yang lebih proaktif dan berkesan.

Dalam usaha Jabatan PERHILITAN menangani gangguan hidupan kera liar selaras Pelan Tindakan Pengurusan Konflik Kera, satu kajian khas atau *pilot project* dengan izin...

Y.B. Dato' Speaker : Emm..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Berkaitan percubaan menggunakan kaedah pemandulan telah dijalankan sebagai alternatif baru jabatan.

Y.B. Dato' Speaker : Macam mana Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Caranya supaya ia tidak membiakkan lagi yang, dia kera jantan supaya dia tidak akan dapat…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, kera jantan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jantan, ya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, nak hapuskan yang betina?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tak ada, tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada eh. Oh, tak ada.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kaedah pemandulan telah dimulakan pada penghujung tahun 2007 di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, program ini telah dijalankan bermula hujung tahun 2009 namun ianya masih di peringkat awal bagi menganalisis keberkesanan secara menyeluruh. Mudah-mudahan pada masa akan datang program ini dapat digunakan sebagai salah satu kaedah untuk mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan masalah serangan babi hutan di kawasan Pekan Nenas, mengikut rekod dari Januari hingga November 2009, ada satu aduan diterima iaitu di kawasan Muzium Nenas. Bagi menangani masalah ini, pihak jabatan telah menjalankan operasi menembak di kawasan tersebut dan sebanyak 4 ekor telah berjaya ditembak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari kawasan Tanjung Surat mengenai permohonan lesen menembak babi hutan. Bermula awal November 2009, Jabatan PERHILITAN telah membuka semula lesen memburu babi hutan di Negeri Johor dengan beberapa syarat yang ditetapkan, antaranya pemohon mempunyai lesen senjata api yang membenarkan pemburuan serta permohonan adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah gangguan di kawasan pertanian atau perladangan sendiri sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Kahang menimbulkan permasalahan banjir di Kampung Melayu MARDI. Permasalahan banjir di kawasan tersebut berpunca dari parit sedia ada di kawasan terbabit yang sempit. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan masalah itu, pihak JPS telah mengambil inisiatif melalui kerja-kerja pembersihan parit yang telah dilaksanakan pada tahun 2008.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Pengkalan Rinting berkenaan benteng penahan runtuh mengakibatkan banjir kilat. Banjir itu berlaku semasa peringkat kerja-kerja pembinaan pintu air di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, pembinaan tersebut telah siap dilaksanakan oleh pihak IRDA.

Selain itu, JPS telah memasukkan program menaik taraf benteng di kawasan pasir, Kampung Pasir, Kampung Sri Serdang dan kawasan sekitarnya dalam rancangan untuk tahun 2010, JPS bercadang melebar dan meninggikan lagi benteng untuk mengelakkan air melimpah. Tawaran dijangka dibuka pada Januari 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Pasir Raja membangkitkan isu perkhidmatan komunikasi. Pada masa ini, perkhidmatan CDMA yang dibekalkan oleh pihak Telekom Malaysia di kawasan tersebut adalah merupakan teknologi yang paling efektif untuk diguna pakai.

Yang mana projek tersebut adalah di bawah pembiayaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Atas sebab kos untuk menyediakan kemudahan menggunakan teknologi berwayar yang dapat menyediakan kemudahan *Broadband Streamyx* melibatkan kos yang terlalu tinggi dan permintaan di kawasan tersebut adalah agak rendah untuk pihak TM menyediakan perkhidmatan secara komersial.

Namun begitu, pihak TM akan membuat kajian terperinci berkaitan kawasan ini dan akan meningkatkan kemudahan CDMA sedia ada dengan menggunakan teknologi *Evolution Data Optimization* yang mampu untuk memberi perkhidmatan data kepada penduduk di sekitar kawasan tersebut dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitulah sedikit sebanyak ulasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang di bawah portfolio saya. Sekian, ribuan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Diteruskan lagi, jemput. Ah, Fadil.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam Perbahasan Bajet 2010 pada pagi ini. Di kesempatan ini, saya akan memberi maklum balas kepada perkara-perkara yang dibangkitkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kemelah, Puteri Wangsa, Senggarang, Labis, Kahang, Pasir Raja, Layang-Layang, Yong Peng, Maharani dan Sungai Abong. Berkaitan dengan Portfolio Agama pada sesi Perbahasan Dewan kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah serta syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pembentangan Bajet 2010 yang bertemakan Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama yang merangkumi 4 strategi utama iaitu:

i. Memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan juga berintegriti.
ii. Memacu ekonomi negeri ke arah negeri maju berpendapatan tinggi.
iii. Menjamin kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup.
iv. Dan, meningkatkan daya tahan dan memperkukuhkan jati diri dan kekuatan dalaman.

Berteraskan kepada strategi ketiga dan keempat Bajet 2010, pihak jabatan di bawah Portfolio Agama telah merancang pelaksanaan program-program Agama di masjid dan surau mahupun di institusi-institusi kerajaan dan swasta, merancang pembangunan dan pemerkasaan masjid, surau dan sekolah-sekolah agama. Dan juga, penyaluran bantuan-bantuan wang zakat kepada mereka yang memerlukan. Saya yakin Yang Berhormat Dato' Speaker, ianya akan mampu memenuhi hasrat kerajaan untuk memenuhi segala keperluan seluruh masyarakat Islam masa kini khususnya di Negeri Johor.

Perkara ini akan dapat direalisasikan melalui peruntukan yang telah diluluskan kepada Portfolio Agama sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam Ucapan Bajet 2010 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri bercadang membina 121 buah sekolah agama sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajet 2010. Di mana pembinaan ini akan dilaksanakan secara serentak dalam tempoh 2 tahun dan melibatkan fasa I sebanyak 90 buah yang dijangka akan dimulakan pada tahun hadapan manakala selebihnya akan dibina di dalam fasa II yang dijangkakan akan dimulakan pada April 2011. Pemilihan pembinaan sekolah-sekolah ini dibuat adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti berikut:

i. Bangunan yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah. Dan, ini yang paling kritikal, Yang Berhormat Dato' Speaker.
ii. Bangunan yang sedia ada, sudah lama dan tidak berapa sesuai untuk digunakan lagi.
iii. Sekolah agama sedia ada menumpang di bangunan sekolah kebangsaan yang juga sudah tidak mencukupi bilik darjahnya untuk digunakan oleh sekolah agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui strategi keempat Bajet 2010, meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan kekuatan dalaman. Kerajaan Negeri sedar bahawa bilangan pelajar di sekolah-sekolah agama yang sekarang ini berjumlah lebih 220,000 murid sentiasa bertambah dari semasa ke semasa.

Merujuk kepada pembinaan baru sekolah-sekolah agama Kerajaan Johor yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kemelah, Puteri

Wangsa, Yong Peng dan Layang-Layang. Berikut adalah sekolah-sekolah agama Kerajaan Johor yang telah diteliti keperluannya oleh pihak kerajaan dan telah disenaraikan di dalam cadangan pembinaan baru mengikut DUN.

Bagi DUN Kemelah, sekolah-sekolah yang terlibat adalah Sekolah Agama Kampung Pogoh, Sekolah Agama Bukit Siput dan Sekolah Agama Taman Pelangi. Manakala, bagi DUN Yong Peng pula sekolah yang terlibat ialah Sekolah Agama Yong Peng atau Parit Awang dan Sekolah Agama Seri Bertam. Bagi DUN Puteri Wangsa, sekolah yang dimohon adalah Sekolah Agama Mount Austin dan Sekolah Agama Setia Indah. Dan, bagi DUN Layang-Layang, sekolah yang akan dibina ialah Sekolah Agama Simpang Renggam dan Sekolah Agama Pekan Layang-Layang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senggarang, memang terdapat banyak sekarang ini sekolah-sekolah agama Kerajaan Johor yang menumpang di bangunan sekolah-sekolah kebangsaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 138 sekolah agama yang sekarang ini menumpang di sekolah kebangsaan, selain 32 lagi yang menumpang di dewan ataupun di balai-balai raya. Kalau kita singkap sejarah pada peringkat awal penubuhannya, bilangan pelajar di kawasan berkenaan tidak begitu ramai untuk dibina sebuah bangunan khusus sekolah agama. Justeru, adalah munasabah pada ketika itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menumpang di sekolah kebangsaan atau mana-mana bangunan yang sedia ada di kawasan tersebut. Dalam hal ini, kita harus berterima kasih dan segala kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Jabatan Pendidikan selama ini yang membenarkan sekolah agama menumpang di sekolah-sekolah milik mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi kedua-kedua Sekolah Agama Minyak Beku dan Sekolah Agama Seri Banang yang sedang menumpang di bangunan lama sekolah kebangsaan telah disenaraikan di dalam cadangan pembinaan baru. Manakala Sekolah Agama Banang Jaya juga telah disenaraikan di dalam cadangan pembinaan bina baru kerana bangunan sekolah agama sedia ada mempunyai jumlah pelajar yang semakin ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk pula kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Puteri Wangsa berkenaan sekolah agama di Rancangan Tanah Muda atau lebih tepat di Taman Impian Jaya. Sekolah berkenaan sekarang ini menumpang di bangunan JKKK Rancangan Tanah Muda dengan muridnya seramai 250 orang bagi kedua-dua sesi pagi dan petang. Namun demikian, kerajaan akan berusaha mencari tapak yang sesuai untuk membina bangunan baru untuk menambah keselesaan pelajar dan manakala pembinaan ini akan dibuat apabila peruntukan dapat disediakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Kahang membangkitkan berkenaan dengan Sekolah Agama Kahang, Batu 28. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah agama tersebut telah pun mendapat peruntukan dari Jabatan Agama pada tahun 2007 bagi kerja-kerja membaiki pintu dan pendawaian semula seluruh bangunan sekolah. Manakala kerja-kerja

menggantikan bumbung dan mengecat bangunan sekolah telah mendapat peruntukan dari Kerajaan Pusat pada tahun 2008 yang lalu. Sebagaimana yang telah saya bincangkan bersama Ahli Yang Berhormat, Jabatan Agama Johor akan melaksanakan kerja-kerja membaik pulih pagar yang dijangka akan disiapkan dalam masa terdekat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu sekolah juga telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Labis berkenaan Sekolah Agama Labis yang dikatakan pagarnya rosak teruk hingga boleh dimasuki anjing. Sukacita dimaklumkan bahawa sekolah tersebut telah pun mendapat peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja membaik pulih pagar, mengecat bangunan, mengganti pintu bilik darjah dan membaik pulih saluran paip tandas melalui peruntukan dari pihak Kerajaan Pusat pada tahun 2009.

Berkenaan dengan subjek Tasawuf dan Faraid yang kini hanya diajar di peringkat darjah khas sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kawasan Jorak. Perubahan ini dibuat berdasarkan keputusan kerajaan mengehendaki pelajar tahun 1 di sekolah kebangsaan akan memulakan persekolahan darjah 1 di sekolah agama dan akan tamat darjah 6 sekolah agama sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Sebagai gantinya, subjek Akhlak telah diajar di peringkat darjah 1 hingga darjah 6 bagi menggantikan subjek Tasawuf. Manakala subjek Faraid pula sememangnya hanya sesuai diajar di peringkat darjah khas kerana kandungannya yang sesuai bagi peringkat umur pelajar 13 tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat di kawasan Pasir Raja ada membangkitkan mengenai latihan yang diberikan kepada guru-guru KAFA dan keberkesanannya terhadap pembelajaran murid. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini ada terdapat seramai 1,858 orang guru KAFA yang mengajar secara integrasi di Sekolah Agama Kerajaan Johor dan 43 orang guru yang mengajar KAFA tulin. Guru-guru KAFA mendapat kemahiran pendidikan secara berkala melalui kursus-kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Johor juga tidak pernah mengabaikan aspek kemahiran guru-guru KAFA ini terutamanya dalam membantu meningkatkan prestasi dan keupayaan murid-murid di Sekolah Agama Kerajaan Johor. Kursus-kursus yang dijalankan kepada guru-guru KAFA terbahagi kepada 2 iaitu:

i. Kursus-kursus Kemahiran daripada pegawai-pegawai JAKIM dengan peruntukan berjumlah RM133,000.00 setahun.
ii. Kursus-kursus Profesionalisme Perguruan dengan kerjasama Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor.

Kursus-kursus Kemahiran yang dianjurkan oleh JAKIM wajib dihadiri oleh setiap guru KAFA dengan sekurang-kurangnya 4 hari setiap tahun. Sementara itu kursus wajib yang diikuti oleh guru-guru KAFA ialah Kursus Pengajian Pendidikan Islam atau PPI.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon izin.

Y.B. Dato' Speaker : Nak betulkan ke apa?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Pengerusi Agama ada menyebut soal sekolah-sekolah agama ni. Ha… saya ada bangkitkan dah banyak kali, saya punya dia tak sebut.

Y.B. Dato' Speaker : Oh itu ya? Yang Berhormat ada sebut?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Ada sebut, dua, tiga kali sebut, banyak kali sebut. Jumpa lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh lupa. Tak apalah nanti tengok.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Saya mohon penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker : Dalam Dewan hari ini tak boleh menyampuk melainkan Yang Berhormat nak betulkan kesalahan dia. Peraturan, Yang Berhormat sebut peraturan. Peraturan 45 saya nak begini, dia mesti ada begitu baru boleh dibenarkan bangun. Kalau tidak dalam orang berucap Yang Berhormat tak boleh bangun untuk berbahas eh…

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Dato' Speaker peraturan 45.

Y.B. Dato' Speaker : Apa yang salah dia?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Salahlah, tapi Dato' Speaker, dia tak merujuk saya punya permohonan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…ok, ok, ok. Nantilah dia belum habis berucap Yang Berhormat. Yang Berhormat, dia belum habis berucap.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Boleh saya teruskan?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah ha'ah…dekat mana tu? Ha'ah…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ada, ada dah ada. Setiap guru yang di bawah Sekolah Agama Kerajaan Johor, termasuklah guru-guru KAFA diwajibkan hadir mengikut kursus ini pada setiap hari Sabtu dalam tempoh 2 tahun. Pada masa ini, kesemua guru-guru KAFA telah dan sedang mengikuti Kursus Pengajian Islam (PPI). 90% daripada mereka telah menamatkan kursus wajib ini, sementara 10% lagi merupakan guru-guru lantikan baru yang sedang mengikuti pengajian. Hasil daripada Kursus-kursus Profesionalisme Perguruan yang dianjurkan oleh kedua-dua agensi ini telah memberikan kesan yang baik kepada tahap pencapaian pendidikan agama Islam di Negeri Johor. Terutamanya dalam membantu pencapaian Ujian Penilaian Kelas KAFA atau UPPK yang dianjurkan oleh Bahagian Peperiksaan KAFA, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Pada tahun 2007, seramai 33,943 orang murid tahun 5 telah menduduki ujian UPPK dan mencapai kelulusan keseluruhan 99.9%. Manakala pada tahun 2008, seramai 34,133 calon telah menduduki ujian UPPK dan mencapai kelulusan keseluruhan 93.99%. Manakala pada tahun 2009 pula seramai 32,340 orang

telah menduduki UPPK dan keputusannya sedang diproses dan akan diumumkan pada awal Januari 2010 kelak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh berkenaan pendidikan prasekolah yang dilaksanakan oleh Jabatan Agama Johor yang dikenali Tadika Agama Johor iaitu TAJ. Di mana pendidikan ini menggabungkan kedua-dua pendidikan rohani dan akademik. Sebagaimana kita semua sedia maklum, bahawa pendidikan awal sekolah ini sangat penting bagi perkembangan seterusnya pendidikan kanak-kanak. Justeru itu, usaha Kerajaan Negeri mewujudkan TAJ ini adalah sebagai satu pilihan kepada ibu bapa bagi mendapatkan pendidikan awal sekolah anak-anak mereka. Kurikulum yang digunakan di TAJ ini merupakan asas pembelajaran yang bersepadu, yang menggabungkan antara pembangunan rohani dan akademik yang komprehensif yang dapat membantu kanak-kanak ini menguasai pembelajaran akademik mereka apabila nanti berada di sekolah kebangsaan mahupun pendidikan agama semasa berada di Sekolah Agama Kerajaan Johor.

Pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan bajet baru-baru ini mengenai kenaikan elaun guru TAJ dari RM500 kepada RM800 menunjukkan kepada kita betapa seriusnya komitmen dan perhatian tentang kebajikan para guru oleh pihak kerajaan terhadap pendidikan awal sekolah ini. Ini ditambah pula dengan penggunaan program baru iaitu Pintar Al-Quran yang akan dilaksanakan di TAJ mulai tahun hadapan. Program ini yang disusun pembelajarannya dengan begitu komprehensif menggunakan teknik-teknik baru dalam menguasai kaedah pembacaan al-Quran yang lebih sistematik serta berbekalkan alat bantuan mengajar yang moden bertujuan melahirkan generasi kanak-kanak yang boleh membaca dan seterusnya mampu khatam al-Quran seawal usia 7 tahun. Insya-Allah.

Dengan adanya program Pintar Al-Quran ini, akan menjadikan pembelajaran di TAJ lebih relevan dengan keperluan semasa di dalam membentuk sahsiah diri kanak-kanak. Di samping itu, pihak kerajaan juga akan terus memastikan keperluan-keperluan lain pembelajaran di TAJ ini supaya sentiasa mencukupi dan sesuai dengan keperluan pembelajaran semasa selaras dengan harapan tinggi yang diletakkan oleh para ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke TAJ ini. Pihak Jabatan Agama Johor sedang mengumpul maklumat tentang perkara ini untuk tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada penjelasan di atas tadi, jelaslah kepada kita bahawa Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sememangnya mempunyai satu iltizam yang cukup tinggi di dalam membina sahsiah diri anak-anak kita, bukan sahaja memikirkan tentang aspek akademiknya malahan kerajaan bersedia memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar bagi memastikan aspek rohani turut diberi perhatian yang serius bermula dari pendidikan awal sekolah lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat kawasan Maharani, membangkitkan mengenai tidak ada guru khusus yang mengajar mata pelajaran akademik bagi pelajar yang mengikuti Program Perintis Tahfiz Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Jabatan

Agama Johor telah menjalankan program Tahfiz yang ditempatkan di Maahad Johor bermula tahun 2008 dengan jumlah pelajar seramai 16 orang. Program ini diwujudkan bertujuan mewujudkan golongan Al-Hafiz tetapi pada masa yang sama dapat menguasai mata pelajaran akademik. Dan pada tahun 2009, kelas tingkatan 2 telah diadakan dengan jumlah pelajar seramai 16 orang. Guru Tahfiz bagi program ini telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor seramai 2 orang manakala bagi subjek akademik, 4 orang guru telah ditugaskan untuk mengajar di kelas tersebut. Jadi kesemuanya 6 orang. Dan bagi tahun 2010, iaitu bagi tingkatan 3, kelas ini memerlukan seorang guru tahfiz dan tambahan seorang lagi guru akademik dan Arab untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bagi kedua-dua mata pelajaran agama dan akademik dapat dijalankan dengan sempurna dan tindakan ini, tindakan untuk mengisi tambahan guru ini telah pun diambil Yang Berhormat Dato' Speaker.

Sehubungan dengan itu, ingin saya jelaskan di sini bahawa keperluan guru agama dan guru akademik di kelas Tahfiz Maahad Johor sekarang telah mencukupi. Selain itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kelas Tahfiz aliran Sains sepenuh masa telah dijalankan di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang bermula tahun 2008. Mata pelajarannya meliputi Tahfiz, agama dan akademik sepenuh masa. Dan sehingga kini 2 buah kelas tahfiz aliran Sains telah dilaksanakan dengan jumlah pelajar seramai 60 orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada kerosakan Masjid Jamek Yong Peng yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yong Peng, kerja-kerja baik pulih sedang dijalankan dengan kos sebanyak RM70,000.00 yang melibatkan kerja-kerja membaiki kubah, siling, kornis, mengecat siling dewan solat serta mengganti bumbung genting yang telah rosak. Kerja-kerja ini telah pun dimulakan pada November yang lalu dan dijangka akan siap pada pertengahan bulan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada kebimbangan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sungai Abong, berkenaan terdapatnya Jawatankuasa surau di kawasan Ahli Yang Berhormat, yang lebih cenderung menyimpan wang tabung surau ke dalam bank. Adalah dimaklumkan bahawa surau berkenaan sememangnya ada memohon kebenaran dengan pihak Jabatan Agama untuk mewujudkan kutipan tabung bagi tujuan membiayai kos baik pulih surau akibat mendapan tanah. Saya difahamkan juga jumlah kutipan yang telah berjaya dikumpul sehingga ini berjumlah RM100,000.00. Sememangnya Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah dilantik oleh pihak kerajaan bagi mentadbir masjid dan surau di negeri ini seharusnya mempunyai inisiatif sebegini baik bagi memastikan masjid dan surau di negeri ini sentiasa berada di dalam keadaan baik. Tanpa hanya terlalu semata-mata mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan. Ahli-Ahli Jawatankuasa masjid dan surau seharusnya kreatif dan inovatif menjana hasil bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan masjid dan surau mereka.

Namun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta setahun bagi melaksanakan kerja-kerja baik pulih masjid yang berjumlah 792 buah dan surau sebanyak 1,741 buah di seluruh Negeri Johor yang dilakukan secara berperingkat-peringkat dan mengikut keperluan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelantikan atau tauliah kepada para Imam masjid dan surau di negeri ini adalah mengikut kehendak Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, di bawah Seksyen 103. Iaitu pegawai masjid hendaklah dilantik oleh Majlis Agama Islam, pelantikan ini pula dibuat bagi tempoh 3 tahun. Pelantikan ini juga antara lain di buat bagi memastikan hanya mereka yang mempunyai kelayakan sahaja yang dilantik menjadi Imam di masjid dan surau. Ini sekali gus akan dapat mengelakkan kekeliruan kepada masyarakat khususnya di dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengamalan agama di masjid-masjid dan surau-surau di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai tauliah Imam dan surau yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di kawasan Maharani, adalah dimaklumkan bahawa semua pelantikan atau tauliah kepada para Imam sekarang akan tamat tempoh pelantikannya pada Disember 2009 ini. Ini bermakna buat masa ini, belum ada mana-mana Imam yang sudah tamat tempoh pelantikannya. Bagi Imam yang tauliahnya akan habis tempoh pelantikannya mereka akan dimaklumkan oleh pihak Jabatan Agama Johor supaya menduduki ujian lisan dan ujian bertulis, dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, proses ujian lisan dan ujian bertulis ini sekarang sedang berjalan. Hanya para Imam yang di dapati lulus ujian-ujian berkenaan sahaja yang akan dilantik semula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di kawasan yang sama berkenaan dengan dasar pemberian bantuan MAIJ. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dasar pemberian bantuan MAIJ adalah untuk satu tahun ke tahun, satu tahun ke setahun dan penyambungan bantuan akan di buat berdasarkan siasatan dan penilaian semula yang di buat di peringkat daerah. Perkara ini sememangnya telah dimaklumkan kepada semua penerima bantuan semasa mereka menerima bantuan bagi kali pertamanya dari Majlis. Mereka juga telah diberi peringatan bahawa mereka hendaklah memohon untuk menyambung semula bantuan ini selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tamat, sebelum tempoh tamat bantuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memperkemaskan lagi pengurusan bantuan zakat ini, MAIJ sedang dalam proses membangunkan sistem pengurusan zakat berkomputer iaitu *e-Agihan* yang dapat membantu melicinkan lagi proses kelulusan bantuan zakat dan penyambungan bantuan hidup, bantuan setiap penerima dan, yang dijangkakan akan mula digunakan pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat di kawasan Semerah, saya tidak ada maklumat dalam hal ini di sini, tapi insya-Allah sebagaimana yang telah kita bincangkan di luar, dua tiga hari lepas, saya akan ambil perhatian hal ini dan saya akan ambil tindakan, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan

teguran, pandangan dan cadangan bagi memperbaiki lagi perkhidmatan jabatan-jabatan di bawah *portfolio* saya. Mana-mana bahagian yang terlepas pandang, insya-Allah saya yakin pegawai-pegawai kita akan mengambil tindakan susulan.

Y.B. Dato' Speaker : Dan boleh jumpa Yang Berhormatlah eh? Minta penjelasan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Boleh, boleh, insya-Allah Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi, jemput siapa nak berucap?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Ucapan Penggulungan Perbahasan Bagi Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-12 ini. Saya mengambil kesempatan juga untuk merakamkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : ADUN kawasan Kahang, kawasan ADUN Permas dan ADUN kawasan Penawar telah menyentuh berhubung Program *e-Cari* dan Program Gempur Kebajikan. Program *e-Cari* merupakan program yang mana pekerja sambilan dilantik dan turun ke padang ke kawasan masyarakat setempat serta komuniti bermasalah. Bantuan kewangan akan diberikan kepada pemohon yang dirujuk dan memenuhi syarat dan kelayakan yang telah digariskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti mana berikut:

i. Keluarga yang mempunyai pendapatan tidak melebihi paras garis kemiskinan iaitu RM720.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia.
ii. Warga negara Malaysia dan bermastautin di Malaysia dan jika penduduk tetap (PR) hendaklah bermastautin di Malaysia sebelum 1957.
iii. Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan dengan mengambil kira lain-lain faktor seperti bilangan anak, tanggungan, yang tinggal bersama, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, sokongan dari ahli keluarga, keadaan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan faktor-faktor yang munasabah serta boleh memberi gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon.

Program e-Cari telah dilaksanakan selama 6 bulan dan berakhir 30 September 2009. Melalui sistem e-Bantuan juga, e juga ya Yang Berhormat, e-Bantuan yang terdapat di Jabatan Kebajikan Masyarakat, penerima bantuan akan dikemas kini agar tiada berlaku pertindihan pemberian bantuan dengan jabatan lain. Tetapi jika terdapat sekiranya ada bantuan daripada agensi lain, tetapi belum lagi mencapai taraf paras garis kemiskinan iaitu RM720.00 sebulan, kami sedia memberi bantuan kepada isi rumah ini.

Jabatan juga menerima permohonan baru setiap hari, sama ada terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, agensi rujukan dari Wakil Rakyat atau rujukan awam. Kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pegawai adalah seperti berikut:

i. Alamat yang tidak lengkap.
ii. Pemohon tidak berada di rumah semasa di beri lawatan.
iii. Pemohon tidak dapat dihubungi.

Walau bagaimanapun, pegawai kami akan datang semula untuk pemberitahuan tersebut dan kita buat *survey* tu. Mesyuarat bahagian juga sering di jalankan di peringkat akar umbi…

Y.B. Dato' Speaker : Mesyuarat apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Mesyuarat Bahagian untuk…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ingat mesyuarat bahagian Muar.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bukan bahagian UMNO, tak mesyuarat bahagian di jabatan untuk mempertingkatkan ataupun untuk pemberian permohonan, kelulusan permohonan ini, dan insya-Allah saya akan pastikan setelah di siasat permohonan-permohonan itu kami akan berikan jawapan dapat, berjaya atau tidak, insya-Allah. Jadi untuk makluman, insya-Allah penerima bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah meningkat sebanyak 73.25% daripada perbandingan bulan Oktober 2008 hanya 10,444 kes, kalau hingga bulan Oktober 2009, terdapat 21,006 kes dengan perbelanjaan sebanyak RM70.3 juta di seluruh Negeri Johor.

Kajian semula juga adalah untuk melihat keadaan kehidupan penerima bantuan sama ada telah mampu untuk berdikari tanpa bantuan atau masih memerlukan bantuan kewangan jabatan dalam meneruskan kehidupan mereka. Kajian semula ini, dalam tempoh satu tahun akan dilakukan mengikut jenis bantuan yang di terima dan bagi bantuan orang tua, bantuan ini akan diteruskan tanpa kajian semula. Pembayaran bantuan kini adalah pada 1 hari bulan bagi tiap-tiap bulan berkenaan sebagaimana yang telah dilaksanakan mulai September 2009 bagi bantuan Persekutuan dan Negeri. Jadi untuk Disember, 1 Disember tu dah kita dah kasi. Jadi bulan Januari, 1 Januari. 1 hari bulan pada tiap-tiap bulan. Secara tidak langsung Projek Gempur Kebajikan, ini adalah sambungan daripada e-Cari yang telah ditamatkan. Projek Gempur

Kebajikan ini di kawal dan di pantau di peringkat Kementerian bagi kelancaran pencapaian matlamat yang ingin di capai. Bagi Negeri Johor, permohonan yang telah, yang masih tertunggak pada 5 Oktober 2009, di mana permulaan Projek Gerak Gempur Kebajikan dan penempatan e-Cari itu adalah sebanyak 855 kes dan hasil daripada sambungan PGK ini telah menyelesaikan permohonan tersebut, semua dah kita lakukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa terima kasihlah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang prihatin sangat kepada nasib golongan ibu tunggal ni.

Y.B. Dato' Speaker : Hem…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Semua, saya rasa semua Ahli-Ahli Yang Berhormat prihatin…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, yang muda ke yang tua?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Yang prihatin tu? Ibu tunggal muda ke tua?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Itu tanya dia orang, karang saya kata karang muda karang dia orang marah pula…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ibu tunggal eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha, setengah umur…

Y.B. Dato' Speaker : Saya tak tanya umur, Yang Berhormat ibu tunggal yalah tak payah nak, ha ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ibu tunggal ni sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah tergolong kepada wanita-wanita yang bercerai hidup mati, yang apa…

Y.B. Dato' Speaker : Hidup apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan: Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Yang cerai lagi satu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang tertinggal.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ibu tertinggal, ataupun wanita yang tak kahwin…

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tak kahwin, tapi dia menyara, dia membantu keluarga itu dipanggil ibu tunggal juga ataupun isteri…

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia? Eh? Macam mana, betul ke Yang Berhormat, istilah tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha, Yang Berhormat, anak dara tunggal dia kata.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, anak dara tunggal? Eh baru dengar ni. Ha, yalah, tak kisahlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang belum kahwin, tak kahwin tapi dia apa tu membantu keluarga…

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ataupun dia membantu ibu bapanya yang sakit, itu kita panggil juga ibu tunggal atau isteri yang suami tak kerja, suami sakit jadi dia *breadwinner* dengan izin, jadi dia yang menyara apa pendapatan sekeluarga itu, itu pun dipanggil ibu tunggal di golongkan ibu tunggal. Bukan maknanya ibu tu kerana dia mesti ada anak baru dipanggil ibu tunggal, tak. Jadi golongan ibu tunggal itulah mencakupi satu apa, banyaklah luas…

Y.B. Dato' Speaker : Kalau elok ibu remaja, lagi sedap.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tak de pulak tu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi ibu yang menjaga bapa tunggul pun dapat jugalah bantuan. Minta maaflah. Jadi, adalah diperakui, ada sebahagian ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai anak, maka tidak layak untuk menikmati bantuan kanak-kanak, sebagaimana dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, Yang Berhormat daripada Pengkalan Rinting, yang telah membawa hal ini. Walau bagaimanapun, ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai anak sebenarnya boleh dipertimbangkan bantuan am negeri, jika mereka benar-benar berkeperluan dan menepati syarat kelayakan. Maknanya, tidak mencapai RM720.00 sebulan, garis kemiskinan. Jadi, ibu-ibu yang

berproduktif pulak, yang muda, berproduktif dan berminat dalam sektor perniagaan, mereka berpeluang untuk mempertingkatkan ekonomi masing-masing, melalui Bantuan Geran Pelancaran yang telah saya jawab pada soalan lisan pada Persidangan ini. Jadi, ADUN kawasan Tenggaruh telah mengemukakan permasalahan berhubung Geran Pelancaran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dijawab ya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN kawasan Kahang dan ADUN kawasan Maharani telah menyentuh berhubung Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, (PDK).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak penat ke?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Oh, Dato' penat, oklah.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya tak cakap saya. Saya tanya Yang Berhormat …

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Saya tak banyak lagi saya jawab. Tak apalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Cakaplah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kalau Dato' nak berhenti tak apa. Boleh saya habiskan?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, duduklah Yang Berhormat. Duduklah. Yang Merah itu saga, yang dahaga itu saya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:35 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN kawasan Kahang dan ADUN kawasan Maharani telah menyentuh berhubung Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Jabatan Kebajikan Kemasyarakatan telah memberikan peruntukan kepada 61 buah PDK di dalam Negeri Johor. Bagi PDK Maharani, peruntukan sebanyak RM236,696.00 bagi tahun 2009 telah diagihkan. Peruntukan diagihkan untuk pembayaran elaun petugas, elaun pelatih di rumah dan di pusat, pembayaran sewa bangunan, pembayaran utiliti dan pembayaran untuk menjalankan program dan aktiviti. Setiap pelatih pula menerima RM150.00 bagi pelatih di kelas, itu kalau dia hadir hanya 8 hari sahaja dah cukup dah untuk kehadiran sebulan itu. Dan, RM50.00 bagi pelatih yang

berada di rumah. Manakala penetapan bagi bayaran atau yuran, termasuk keperluan minum pagi pelatih setiap hari, ditentukan oleh Jawatankuasa PDK berkenaan. Dengan persetujuan ibu bapa, perjalanan dan pengurusan PDK, adalah melalui Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh isteri ADUN Barisan Nasional dan JPMM, dan ini selaras dengan Program S*mart Partnership* dengan JUITA.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, falsafah penubuhan Program PDK adalah dari komuniti untuk komuniti. Ini bermakna fungsi PDK terletak sepenuhnya kepada komuniti dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak kerajaan termasuk sumber kewangan dan perkhidmatan, agar kesejahteraan OKU dalam persekitaran komuniti sentiasa terpelihara.

PDK adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa dan komuniti, dan ibu bapa membantu serta gotong royong, lawatan sambil belajar dan sebagainya. Yang Berhormat sebagai tak ada pulak ni, pembangkang, sebagai Wakil Rakyat memanglah layak PDK itu memohon sumbangan daripada Yang Berhormat, sebab komitmen terhadap komuniti itu. Setiap tahun JKM akan menghantar petugas-petugas menyertai kursus sama ada anjuran JKM Negeri Johor atau di bawah NGOs. Pembayaran mengikut kursus di bawah NGOs akan ditanggung sepenuhnya oleh JKM. Bagi petugas baru, kursus asas petugas dan kursus bagi penyelia telah dijalankan. Berdasarkan garis panduan pemantapan PDK seorang petugas bagi lima pelatih, bersama satu banding lima bagi pelatih OKU biasa dan bagi pelatih yang hiperaktif, satu petugas untuk dua pelatih. Jadi, jawatankuasa boleh membuat permohonan penambahan petugas jika PDK memerlukan penyelia yang baru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN kawasan Yong Peng telah menyentuh berkaitan isu tempat asuhan kanak-kanak atau Taska dan bantuan menjana pendapatan ibu tunggal. Taska terbahagi kepada empat iaitu Taska biasa, Taska Komuniti, Taska di rumah dan Taska di tempat kerja. Taska komuniti di Johor ini adalah di dua tempat, di Taman Mutiara Rini dan di Larkin Jaya, yang menerima anak-anak yang dihantar oleh ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM1,800.00 yang mana terdapat pemberian subsidi kerajaan sebanyak RM180.00 sebulan bagi setiap kanak-kanak.

Bagi ibu tunggal atau suri rumah tangga yang kurang berpendapatan, mereka boleh mewujudkan Taska atau pusat jagaan di rumah, dan hanya perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja. Pemilik taska akan diberi latihan selama lima hari bagi memastikan mereka berpengetahuan dalam bidang tersebut. Selain boleh menjaga anak orang lain, anak-anak mereka juga akan dapat dijaga sebaik mungkin di rumah. Namun, had penjagaan adalah hanya seramai 9 orang sahaja. Bayangkan kalau satu orang RM200.00, jaga lima orang dah dapat RM1,000.00 dah. Jadi, itu membantu menjana pendapatan ibu tunggal ataupun suri rumah yang kurang berpendapatan. Jadi, dengan adanya Taska di rumah ini, kita menggalakkan ibu-ibu tunggal dan juga suri rumah yang kurang berpendapatan untuk mengadakan taska di rumah. Kerajaan juga menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM10 juta bagi membolehkan NGOs memberi latihan kepada suri rumah mengenai keadaan, kaedah penjagaan bayi dan kanak-kanak.

Dalam usaha menggalakkan penyediaan Taska di tempat kerja pula, di agensi kerajaan, Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 6/1989 bertarikh 4 Oktober 1989 telah dikeluarkan, untuk membantu kakitangan wanita yang bertugas di sektor awam, dan pemberian Geran Pelancaran *one off* untuk mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak diperluaskan kepada semua jabatan kerajaan dan juga kerajaan telah bersetuju untuk pemberian subsidi yuran pengasuhan taska di tempat kerja, di mana pegawai perkhidmatan awam yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan dan menghantar anak atau anak-anak mereka ke Taska tempat kerja sektor awam, mulai 1 Januari 2009 dalam Belanjawan 2009, diberi subsidi sebanyak RM180.00 sebulan.

Dalam Bajet tahun 2010, Kerajaan Persekutuan, bahawa semua kementerian dan jabatan kerajaan diwajibkan untuk menyediakan pusat jagaan harian dan pendidikan anak-anak dengan setiap kementerian dan jabatan diberi peruntukan khas, peruntukan sebanyak RM200,000.00 untuk penubuhannya. Bagi pula Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim pula, setakat ini kita ada dua buah taska, Taska di Bukit Timbalan dan satu di Wisma Persekutuan, sejak 1999 dan tujuannya adalah membantu kakitangan pelbagai jabatan kerajaan di Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan dan Wisma Persekutuan yang memerlukan perkhidmatan penjagaan anak yang berdekatan dengan tempat kerja mereka. Sehingga September 2009, jumlah bayi dan kanak-kanak yang menempatkan perkhidmatannya di kedua-dua taska ini adalah seramai 99 orang.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim juga merancang untuk mewujudkan Taska di Nusajaya ini, dan akan mencari lokasi yang bersesuaian bagi tujuan tersebut demi memastikan kebajikan kakitangan awam di Nusajaya terjamin. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim juga dengan kerjasama JUITA, telah melancarkan Program JUITAku Sayang ke-12 iaitu projek menjana pendapatan golongan berpendapatan rendah. Ini merupakan projek perintis ekonomi, membantu golongan wanita khususnya ibu tunggal yang berminat dan berpotensi serta tidak berkemampuan dalam menceburi perniagaan secara kecil-kecil. Sehingga September 2009, seramai 2,125 orang ibu tunggal seluruh Negeri Johor telah mengikuti kursus yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim. Peningkatan ini bagi ibu tunggal yang menerima kursus adalah sebanyak 286 orang menjadi seramai 713 orang, peningkatan ya dalam kita memberi kursus kepada ibu-ibu tunggal ini.

Selain daripada itu, Yayasan Pembangunan Keluarga juga menyediakan kemudahan bantuan peralatan. Peralatan perniagaan kepada ibu tunggal, khususnya kepada mereka yang usahawan-usahawan kecil, jadi ibu tunggalnya tapi mereka ini telah mempunyai produk keluaran sendiri dan mempunyai minat dan kemahiran dalam satu-satu bidang, serta telah memulakan sekurang-kurangnya asas perniagaan. Jadi, kita sedia memberi bantuan. Sejak tahun 2003 sehingga 2009, seramai 98 orang ibu tunggal telah diberi pelbagai jenis bantuan peralatan. Peralatan perniagaan, seperti mesin jahit, oven, penguli dan sebagainya. Dan satu siri pemantauan juga kita ada, di mana kita memantau perkembangan perniagaan, penggunaan peralatan yang telah diberikan dan bantuan usaha meningkatkan pendapatan keluarga ini.

Jabatan Pembangunan Wanita pula turut melaksanakan program-program peningkatan kemahiran bagi membangunkan kapasiti ibu-ibu tunggal. Antara program yang dilaksanakan adalah:

i. Inkubator kemahiran ibu tunggal (I-KIT) dipanggil sehingga 2009, tahun ini sahaja kita telah melatih 105 orang yang telah berjaya dilatih dan juga telah berjaya menjadi usahawan-usahawan kecil. Kursusnya adalah 3 bulan hingga 6 bulan, hujung minggu sahaja. Jadi dalam 6 bulan itu mereka dah mempunyai kemahiran untuk menjadi usahawan.
ii. Adalah program kemahiran wanita. JPW telah melatih 12,093 orang. Ini adalah kursus dua sampai tiga hari seperti jahitan, masakan dan sebagainya. Program keusahawan juga, JPW telah melatih 829 orang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN kawasan Penawar telah menyentuh berhubung perkhidmatan segera bantuan kecemasan apabila berlaku bencana seperti ribut, taufan, banjir, kebakaran dan sebagainya. Untuk makluman, kita, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai bantuan jangka pendek dan juga jangka panjang. Dan jangka pendek itu adalah melibatkan pemberian tikar, makanan dan sebagainya. Yang jangka panjang ini adalah melibatkan bantuan pakaian biasa, alat keperluan dapur, membaiki atau membina rumah. Dia maksimumnya RM2,500.00 sahaja. Kita bertujuan bukan untuk membaiki ataupun membangun semula rumah yang telah rosak tetapi kita ada garis panduannya, berapa yang harus, berapa kerosakan yang kita nilai untuk diberikan. Jadi, maksimum itu adalah RM2,500.00 sahaja. Tapi kalau macam ribut, kita kira berapa siling yang terbang dan sebagainya. Jadi, itu yang kita bantu. Dan untuk perniagaan, maksimumnya adalah memulihkan perniagaan kecil adalah RM3,000.00.

Bagi mangsa bencana yang tinggal di satu rumah kedai atau digunakan sebagai tempat berniaga, musnah sama sekali harta benda dan binaan sedia ada akibat bencana seperti kebakaran, ribut dan sebagainya itu boleh disalurkan bantuan Dana Khas Bencana hanya sebanyak RM1,000.00 sekali gus kepada mereka. Bagi penyewa rumah pula adalah layak menerima kesemua bantuan kecuali bantuan membaiki atau membina rumah. Dan bagi pemilik rumah sewa adalah tidak layak menerima apa-apa jua bantuan. Bagi bencana ribut, bantuan adalah berasaskan kerosakan dan maksimum saya kata tadi RM2,500.00. Dan bagi rumah yang rosak, 100%.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN kawasan Penawar telah menyentuh berkaitan klinik desa yang telah uzur. Di Negeri Johor terdapat 267 buah klinik desa, di mana 117 klinik desa itu adalah jenis papan dan 52 klinik desa akan dimasukkan untuk pembinaan ataupun diubahsuai dalam Rancangan Malaysia ke-10. Klinik Desa Tanjung Buai adalah bangunan kayu dan memang telah uzur memandangkan usianya telah pun melebihi 30 tahun. Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi telah memasukkan semula pembinaan baru, naik taraf klinik desa tersebut dalam Rancangan Ke-10 dan anggaran kos adalah sebanyak RM900,000.00.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung dengan jabatan-jabatan di bawah saya.

Jika terdapat apa-apa kemusykilan, silalah hubungi saya supaya dapat kita bersama-sama memperbaiki apa yang kurang daripada jabatan-jabatan ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, jemput yang lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Datuk Speaker, buat permulaannya izinkanlah saya mengulas perkara yang dibawa oleh ADUN Johor Jaya berkenaan dengan perlunya diwujudkan satu Hutan Bandar, cadangannya di kawasan Timur bagi Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah. Untuk makluman Dewan ini, bagi kita menyediakan satu Hutan Bandar, mewujudkan satu, sebuah Taman Rekreasi Hutan Bandar memerlukan sebuah kawasan yang agak luas iaitu minimumnya ialah 50 ekar dan sudah tentunya di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah agak sukar kita nak mencari tanah yang seluas demikian. Tetapi walau macam mana pun, Majlis telah mengenal pasti sebuah kawasan yang sesuai dijadikan Hutan Bandar iaitu di Jalan Seri Alam, Persiaran Seri Alam. Kawasan ini masih lagi, walau bagaimanapun Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah tanggungjawab pihak pemaju dan apabila diserahkan nanti iaitu keluasannya pun tak cukup 50 ekar hanya setakat 28.8 ekar, kemungkinan boleh kita mewujudkan sebuah Hutan Bandar di kawasan Zon Timur untuk kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah. Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan lain ada disediakan oleh Majlis berkenaan dengan rekreasi selain daripada hutan bandar yang mungkin boleh menampung keperluan pembayar cukai iaitu projek Pembangunan Laman Komuniti yang telah pun, yang walaupun skalanya kecil tetapi mempunyai peranan yang lebih kurang sama untuk kemudahan penduduk dan telah pun dilaksanakan di Laman Komuniti Taman Zamrud 1 dan 2 di Jalan Tasik 52, Bandar Seri Alam yang semuanya berjumlah, yang kedua-dua ini berjumlah RM1.6 juta untuk dilaksanakan.

Yang Berhormat ADUN Senggarang, Yang Berhormat Datuk Speaker mencadangkan diluluskan perniagaan tidak sensitif, lesen perniagaan dalam tempoh 1 hari sahaja dan yang berisiko tinggi dalam lingkungan 14 hari. Perkara untuk meluluskan lesen perniagaan 1 hari ini boleh dijalankan dengan syarat, jika semua dokumen yang dimajukan oleh pemohon adalah lengkap. Dan bagi lesen-lesen perniagaan sensitif atau berisiko tinggi pula, ini memerlukan Yang Berhormat Datuk Speaker, pandangan dan ulasan daripada jabatan-jabatan daripada PDRM, Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan, Pegawai Daerah serta Jabatan-Jabatan Teknikal yang berkaitan dengannya. Dan proses kelulusan boleh diperolehi dalam tempoh 14, buat masa kinilah hingga sebulan jika ulasan, pandangan dari jabatan-jabatan tersebut diperolehi dalam tempoh 1 hingga 2 minggu. Sehingga kini, untuk makluman Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Muar, Perbandaran Batu Pahat, Perbandaran Kulai, Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Daerah Pontian dan Lembaga Bandaran Johor Tenggara telah pun melaksanakan tempoh 1 hari bagi kelulusan permohonan lesen perniagaan tidak sensitif dan 14 hari bagi kelulusan perniagaan yang sensitif.

Yang Berhormat ADUN Johor Jaya juga ada bangkitkan isu berkenaan dengan bas awam di Daerah Johor Bahru ini, pengangkutan awam khususnya bas.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan bajet yang baru lalu ini, terdapat 5 langkah utama telah dikenal pasti bagi kita tingkatkan tahap sistem pengangkutan awam yang lebih baik yang merangkumi penubuhan Pasukan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia atau ringkasnya PALM, meningkatkan kemudahan di Terminal bas Larkin, meningkatkan kualiti perkhidmatan bas, penambahan bas ke laluan khidmat sosial dan penubuhan Akademi Latihan untuk pemandu bas. Merujuk kepada isu kemudahsampaian ke sesebuah kawasan di pesisir bandar, saya ingin maklumkan bahawa buat permulaan pasukan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia (PALM) itu tadi telah pun mengenal pasti 16 laluan khidmat sosial dalam kawasan Iskandar bagi mempertingkatkan mutu sistem pengangkutan bas awam di Negeri Johor.

Yang Berhormat ADUN Skudai dan Yang Berhormat Tenang telah membangkitkan mengenai dakwaan kononnya pasukan Bomba dan Keselamatan kurang bertanggungjawab apabila menghadapi, berlakunya kebakaran. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tanggapan yang seumpama ini adalah tidak tepat kerana tugasan pasukan Bomba sebenarnya amatlah kepelbagaian. Dari tugas memadamkan kebakaran yang sekecil-kecilnya sehinggalah kepada kebakaran yang sebesar-besarnya. Sementara dari aspek penyelamatan pula, dari sekecil-kecil nyawa sehinggalah kepada nyawa manusia sehinggakan kalau ada aduan yang terbaru ini, biawak besar masuk rumah pun, orang panggil Bomba. Ini Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi tanggapan yang dimajukan berkenaan dengan Bomba minta imbuhan sebelum memadamkan api khususnya kebakaran rumah ini, susah saya nak terima. Jadi saya berharap ADUN yang berkenaan ini, kalau betullah, majukanlah dan saya fikir ini memang tak betul. Majukanlah, saya tak boleh bayangkan rumah tengah terbakar, Bomba datang, dia minta nak tunggu orang keluar duit, masuk angpau, bagi baru nak jalankan tugas. Kerana Bomba ada satu pasukan, dia dilatih secara profesional untuk menangani krisis khususnya yang melibatkan nyawa. Dan saya harap tolonglah berikan bukti kalau ada. Dan kalau adalah tunjukkan bukti di mana berlakunya ini, dekat mana, macam mana, siapa yang buat, hari apa, apa insidennya supaya ini dapat membantu pihak Bomba secara keseluruhannya dan boleh dikikiskan daripada gambaran yang seumpama rupa kerana ini adalah merupakan satu persepsi yang cukup buruk yang kita kenakan kepada satu-satu pasukan keselamatan seperti ini.

Dan oleh kerana itu, dan bila saya merujuk pula pada apa yang berlaku masa kebakaran di Jalan Timah 2, Taman Sri Puteri pada 9 Oktober 2009 yang melibatkan kematian seorang daripada anak perempuan mangsa rumah yang terbakar itu, segala. Kita dapati bahawa kerja-kerja pemadaman yang dibuat termasuklah Bomba pada ketika itu berjaya menyelamatkan satu nyawa di rumah itu, kerana seorang daripada ahli keluarga itu cacat. Yang itu berjaya diselamatkan. Segala tindakan yang dibuat ketika Bomba tiba adalah mengikuti *standard,* dengan izin, S*tandard Operational Procedure* yang ditetapkan kepada pasukan Bomba ini. Jadi saya rasa tidak perlulah setakat ini saya nak tekankan bahawa Kerajaan Negeri cukup puas hati dengan apa yang dilakukan, oleh kerja-kerja yang dilakukan oleh Bomba di negeri ini setakat ini dan saya ucapkan tahniah kepada pasukan Bomba kerana telah berjaya

banyak, mengawal dan juga berjaya memadamkan kebakaran-kebakaran yang berlaku, apa peringkat pun di negeri kita setakat ini (Dewan bertepuk).

Sementara itu merujuk kepada kes kebakaran kilang di Lima Kedai yang mendakwa pihak Bomba telah tidak menjawab panggilan kecemasan juga merupakan dakwaan yang, saya ingat perlu kita teliti dengan lebih perhati. Kerana untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, talian kecemasan 994 sudah tidak diguna pakai lagi. Yang kita pakai sekarang ialah 999, tetapi walau macam mana pun, kalau seseorang itu mendail ataupun memanggil 994, secara automatik dia terus, Telekom sudah ada kemudahan di mana kita dail 994 pun, dia terus pergi kepada 999.

Dan ini semua di selenggara oleh pihak telekom. Dan dalam kejadian kebakaran yang berlaku pada 16 November di Jalan Dato' Yunus 3, Balai Bomba dan Penyelamat-Penyelamat Johor Bahru yang mengendalikan kes ini telah menerima panggilan daripada seorang yang bernama, yang memegang kepada telefon mudah alih 017-7552699 yang didaftarkan atas nama seorang yang bernama Cik Lim, yang disambung oleh pihak operator terus kepada *Respond Center* dengan izin di Melaka, yang telah menerima panggilan pada 7:35 pagi. Di *Respond Center* terima 7:50 pagi. Panggilan tersebut terus di sambung ke Balai Bomba Johor Bahru dan diterima pada 7:58 pagi, 5 minit sampai dan pihak Bomba dan Penyelamat telah sampai ke tempat kejadian dalam masa 20 minit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Permas menyarankan PBT mempelbagaikan program dan aktiviti dan projek bagi kemasyarakatannya seperti di Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Untuk makluman, Pihak Berkuasa Tempatan kita sentiasa mengambil inisiatif mengatur pelbagai program kemasyarakatan dan kebajikan yang memfokuskan penyertaan dari semua pihak iaitu PBT sendiri, pemimpin-pemimpin masyarakat, badan swasta serta penduduk setempat yang bukan sahaja bertujuan mendekatkan pemimpin dan setiap lapisan masyarakat malah ianya juga sebagai ruang berinteraksi, berunding untuk mencari penyelesaian yang efektif dan berkesan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk. Di antara program-program yang digerakkan oleh PBT adalah Program Gerak Tumpu LA 21. Program Gerak Mesra, Program Pengurusan Bersama Rakyat, Kaunter Bergerak dan lain-lain.

ADUN Permas juga memohon supaya jalan masuk ke Kampung Senibong yang sempit dan tidak cukup terang itu diperbaiki. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, jalan masuk ke Sungai Senibong sedia ada telah pun dilebarkan oleh Pejabat Daerah, di mana kelebaran jalan sedia ada adalah 8.3 meter, 2 hala sepanjang 900 meter panjangnya jalan itu. Manakala jalan dalam kampung, jalan dalam kampung Yang Berhormat Dato' Speaker, yang sedia ada dengan kelebaran 4.3 meter telah dijadikan jalan sehala untuk melancarkan aliran trafik yang masuk ke kawasan Kampung Sungai Senibong. Jalan masuk ini tidak dapat dilebarkan lagi kerana rizab jalan terhad di mana jika hendak dilebarkan dia akan melibatkan pengambilan balik tanah-tanah persendirian. Jalan masuk sedia ada selebar 8.4 meter itu adalah mencukupi untuk dilalui kenderaan keluar masuk dan lampu sedia ada pun dengan kapasitinya sebanyak 150 watt

pun di fikirkan adalah cukup, memang cukup terang untuk digunakan pada waktu malam bagi kawasan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Tenang telah membangkitkan berkenaan dengan bayaran tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran Lebuhraya Utara Selatan ataupun PLUS dari Yong Peng ke Senai mengamalkan Sistem Kutipan Tol Tertutup. Sistem Kutipan Tol Tertutup ini bermakna kadar tol akan dikira berdasarkan jarak perjalanan yang kita lalu. Pengguna perlu mengambil tiket transit apabila memasuki lebuh raya dan serahkan balik tiket apabila melalui Plaza Tol untuk keluar untuk buat bayaran. Maklumat mengenai plaza tol masuk akan disimpan dalam tiket transit tersebut yang akan digunakan untuk menentukan jumlah bayaran tol yang perlu dibayar oleh pengguna lebuh raya. Tanpa tiket transit maklumat plaza tol masuk tidak dapat dikenal pasti. Oleh itu, pihak PLUS akan mengenakan bayaran tol ganti iaitu Caj Bayaran Tol Terjauh sekiranya pelanggan tidak dapat menyerahkan tiket transit ketika hendak buat bayaran tol. Sebagai contoh, Bayaran Tol Ganti bagi pengguna yang keluar misalannya di Plaza Tol Senai, ni tol ganti ya, adalah RM87.30 iaitu dikira berdasarkan Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Senai, ini kalau kita hilang resitlah. Pelanggan yang dikenakan Bayaran Tol Ganti, walau bagaimanapun, boleh buat tuntutan untuk dapatkan semula lebihan bayaran sekiranya pelanggan tersebut dapat mengembalikan semula tiket transit dan resit tol yang asal dalam masa 3 hari dari tarikh kehilangan atau keciciran.

Yang Berhormat ADUN Penggaram membangkitkan tentang naik taraf jalan Tanjung Labuh ke Rengit. Bukit Batu menguruskan selekoh berbahaya S di Batu 24, Jalan Ayer Hitam, Johor Bahru dan Yang Berhormat Nusajaya membina persimpangan bertingkat menghubungkan Link Kedua di Kangkar Pulai. Yang Berhormat ADUN Tenggaroh, menaik taraf jalan Pasir Gudang kepada 6 lorong ke dua hala. Yang Berhormat ADUN Kemelah pula membina Persimpangan Bertingkat di Bukit Siput melintasi jalan kereta api dan naik taraf simpang masuk FELDA Kemelah. Yang Berhormat Tanjung Surat menanyakan tentang pembinaan jambatan dari Tanjung Belungkor ke Tanjung Surat. Untuk makluman semua Ahli-Ahli Berhormat ini, projek tersebut telah dimohon semula, kita mohon semula kerana tak dapat bawah Rancangan Malaysia Ke-9 di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Dan ianya akan dilaksanakan apabila peruntukan diluluskan.

Bagi perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Jementah dan ADUN Kemelah berhubung dengan Jalan Tangkak-Segamat. Projek tersebut sedang direka bentuk oleh perunding. Kerja-kerja pembinaan akan bermula setelah reka bentuk dan pengambilan balik tanah selesai dijalankan, perunding dan JKR Ibu Pejabat Malaysia sedang menjalankan menyediakan reka bentuk awalan bagi menentukan jajaran yang paling sesuai.

ADUN Pengaram meminta PBT memberi perhatian kepada longkang-longkang di taman-taman perumahan. Saya ingin menyatakan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan infra dalam kawasan PBT memang menjadi antara tugas utama setiap PBT untuk memastikan segala kerja-kerja penyelenggaraan berada dalam keadaan baik dan sempurna mengikut perancangan yang dijadualkan pada setiap masa.

Yang Berhormat ADUN Bentayan membangkitkan tentang banjir kilat di Pusat Penjaja Jalan Haji Abu, Muar. Majlis Perbandaran Muar terlalu hampir dengan Kawasan Sungai Muar dan ini semua sedia maklum dan mudah terkesan dengan keadaan pasang surut air laut. Oleh yang demikian, apabila hujan lebat semasa air pasang khususnya, kemungkinan banjir kilat akan berlaku khususnya pada bulan inilah di beberapa kawasan di Pusat Bandar bukan sahaja di Muar tetapi juga di Batu Pahat. Sistem saliran sedia ada di bandar Muar sekarang ini menunjukkan beberapa parit utama di alirkan ke pusat bandar secara terus sebelum keluar ke Sungai Muar. Keadaan ini boleh menyumbang kepada banjir kilat di pusat bandar. Beberapa projek sedang dilaksanakan kerajaan melalui JPS bagi mengurangkan pengaliran air ke pusat bandar dan ini dijangka dapat mengurangkan kejadian banjir kilat di pusat bandar.

Bagi kes Lorong Alwi dan Lorong Paib yang dibangkit oleh ADUN yang sama, kebanyakan parit-parit awam di kawasan ini telah pun di naik taraf di kes Lorong Alwi dan Lorong Paib kepada parit jenis konkrit. Mana-mana bahagian parit yang belum di konkrit akan dilaksanakan mengikut jadual. Kawasan yang dikatakan mengalami banjir kilat adalah meliputi kawasan tanah persendirian disebabkan oleh parit-parit sempadan tanah yang tidak di selenggara dengan baik oleh tuan-tuan punya tanah yang berkenaan.

Yang Berhormat ADUN Penggaram juga Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon disegerakan naik taraf Jalan Bukit Pasir menghala ke Tongkang Pechah yang melibatkan pelebaran jalan, bina *divider* dan tambah lampu isyarat. Saya ingin memaklumkan jalan tersebut akan di naik taraf secara berperingkat-peringkat bagi memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya di kawasan tersebut bermula tahun hadapan hingga ke-2012.

Di sini juga saya ingin mengulas isu yang dibangkitkan oleh ADUN Pekan Nenas mengenai masalah tapak pelupusan sampah Pekan Nenas yang sudah penuh dan mencemar alam sekitar dan perlu ditutup segera. Untuk makluman buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang berusaha mengambil inisiatif iaitu dengan menaik taraf jalan masuk ke tapak Pelupusan Sampah Pekan Nenas kepada jalan berturap tar. Kerja-kerja membaik pulih tapak pembuangan dengan pembinaan sistem sel dan *bund* dengan izin, ataupun benteng diikuti dengan proses penutupan sampah dengan tanah merah, penggunaan bahan pencegah bau organik iaitu *Effective Microorganisms* dengan izin, juga boleh mempercepatkan proses biodegradasi. Kerajaan Negeri telah pun mencadangkan pembinaan sebuah Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di kawasan Majlis Daerah Pontian yang akan berfungsi sebagai Pusat Pengumpulan Sisa Pepejal Sementara sebelum dihantar untuk pelupusan di tapak pelupusan sentri di Seelong. Di samping kerja penutupan bagi tapak pelupusan yang sedia ada di Pekan Nenas, Pontian, setelah siap pembinaan stesen pemindahan kelak.

Yang Berhormat ADUN Puteri Wangsa telah membangkitkan masalah yang ada di Taman Impian Jaya. Untuk makluman, Majlis Perbandaran Johor Bahru telah mengambil maklum akan masalah-masalah yang dibangkitkan itu. Masalah-masalah jalan utama yang tidak berturap dan berlubang serta ketiadaan lampu jalan akan kita semak semula untuk diperbaiki. Walau bagaimanapun

untuk makluman, kawasan ini hanya 80% siap, kawasan perumahan taman ini. Dan terdapat beberapa bahagian yang masih belum dibereskan oleh pihak pemaju. Dan bagi mengatasi perkara-perkara yang dibangkitkan, tetapi tidak mendapat kerjasama yang memuaskan daripada pemaju setakat ini, perkara ini telah pun kita rujukkan ke bahagian kuat kuasa, KPKT untuk diklasifikasikan projek ini sebagai projek yang bermasalah, antara projek yang bermasalah.

ADUN Pengkalan Rinting pula Yang Berhormat Datuk Speaker, membangkitkan tentang masalah aduan yang dikemukakan oleh pengadu dianggap lambat dan kurang memuaskan ditangani dan mencadangkan setiap PBT mewujudkan Pasukan Khas bertujuan memantau setiap aduan diberi perhatian serta tindakan secepat mungkin. PBT sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk mengambil tindakan awal terhadap aduan yang dikemukakan. Aduan–aduan ini akan diambil tindakan mengikut keutamaan serta berdasarkan kepada kemampuan PBT itu sendiri. PBT-PBT, Bandaraya dan Perbandaran telah pun mempunyai Unit Khas untuk makluman, untuk memantau setiap aduan yang diterima dan menyelesaikannya dengan kadar yang segera.

Berkenaan dengan kekurangan ruang letak kereta di Pusat Bandar yang dibangkitkan oleh ADUN yang sama, memang saya akui kita telah menerima rungutan di kalangan masyarakat setempat berkenaan dengan perkara ini. Ini adalah disebabkan kebanyakan mereka yang bekerja di seberang Tambak meletakkan kenderaan sepanjang hari di petak ruang kereta yang telah sedia ada di beberapa jalan raya yang berada dalam kawasan C,B,D. Perkara ini menyebabkan kesulitan bagi yang lain untuk menggunakannya. Oleh kerana itu, Majlis Bandaraya khususnya untuk menangani permasalahan yang ada di kawasan C,B,D, di mana ada jalan raya-jalan raya di sini digunakan sepenuh hari oleh tuan punya kereta yang bekerja di seberang Tambak. Justeru itu Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah perlu bagi Bandaraya untuk melihat semula kadar bayaran letak kereta di kawasan ini bagi menangani permasalahan seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Bukit Batu telah membangkitkan dengan kemudahan asas rumah mesra rakyat. Saya ingin menjelaskan bahawa peruntukan kerajaan bagi pembinaan rumah mesra rakyat ini hanya merangkumi kos bangunan sahaja dan tidak termasuk kos infrastruktur lain seperti penyediaan tapak, jalan dan parit serta kemudahan elektrik dan air. Sebelum kontraktor dilantik memulakan kerja-kerja pembinaan, pemohon dikehendaki menyediakan tapak pembinaan seperti pembersihan tapak, penambahbaikan dan penanaman cerucuk, jika perlu. Kos bangunan tersebut merangkumi pembinaan asas hinggalah ke kemasan bumbung termasuk pemasangan paip dalaman serta alatan kemasan sanitari dan pendawaian berserta alatan kemasan elektrik, seperti kipas dan lampu dan papan suis utama. Manakala bagi pembekalan air dan elektrik ke dalam rumah adalah di bawah tanggungjawab pemohon sendiri. Jika kos infrastruktur dimasukkan dalam pinjaman perumahan, Yang Berhormat Datuk Speaker, maka pihak pemohon akan menanggung pinjaman yang besar dan menjadi beban untuk membuat bayaran bulanan.

Berkenaan dengan siber kafe yang dibangkitkan oleh ADUN Pekan Nenas, saya ingin menjelaskan bahawa setakat ini kita masih lagi membekukan pengeluaran

lesen baru untuk perkhidmatan siber kafe. Maknanya Kerajaan Negeri dah tidak menggalakkan lagi, berhentikan pembukaan siber kafe-siber kafe baru kerana kita menyedari perkara yang dibangkitkan oleh, yang kita terima maklum balas daripada orang ramai perlu dikawal mana yang ada.

Bagi perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Pekan Nenas dan juga ADUN Pulai Sebatang berhubung dengan kerja menaik taraf Jalan Johor Bahru – Pontian. Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk dinaik taraf jalan tersebut tetapi belum lagi dapat keputusan dan ini kita akan masukkan balik di bawah program Rancangan Malaysia Ke-10.

ADUN Bukit Serampang bangkitkan berhubung dengan jalan-jalan di kawasan yang rosak dan akan diperbaiki dalam tempoh terdekat di mana ianya telah dimasukkan di dalam Program Penyelenggaraan Jalan di peringkat Kerajaan Negeri dan kontraktor telah pun dilantik dan kerja-kerja dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 4 bulan, iaitu sebelum bulan akhir Mei tahun hadapan.

ADUN Kahang bertanyakan dengan masa depan setinggan yang tinggal sepanjang landasan kereta api terutamanya di daerah Kluang, sekiranya projek pembangunan dilaksanakan oleh KTM melalui kawasan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan bahawa pembinaan landasan berkembar daripada Gemas ke Johor Bahru akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam masa yang terdekat. Sebenarnya pihak KTM telah pun membuat perancangan penempatan semula setinggan apabila projek tersebut nak dilaksanakan kelak. Kos penempatan semula setinggan termasuk dalam kos keseluruhan pembinaan landasan tersebut sebelum pembinaan landasan dapat dimulakan, penempatan semula setinggan akan diselesaikan terlebih dahulu oleh pihak KTM dengan Kerajaan Negeri yang berkaitan. Pada ketika ini, rundingan dengan Kerajaan Negeri belum dibuat kerana lantikan kontraktor dan kos penempatan semula belum diketahui dengan cara yang terperinci. Rundingan penempatan semula akan dibuat dengan segera apabila kontrak pembinaan landasan telah diserahkan kepada syarikat yang berjaya.

Yang Berhormat ADUN Maharani, menanyakan tentang kemendapan kawasan di Tanjung Emas, Muar berhampiran jeti. Peruntukan ada, kerja baik pulih tidak dilakukan, katanya. Untuk makluman, kerja-kerja pemulihan persisiran Tanjung Emas telah dilaksanakan, walau bagaimanapun kedudukan tebing sungai yang tidak rata itu, senget, telah dimaklumkan dan dalam pengetahuan pihak JPS untuk tindakan selanjutnya. Dan berkenaan dengan parit-parit konkrit 'U' yang dibina sama ada ikut spek atau tidak, yang ditanyakan oleh ADUN yang sama, ingin saya jelaskan bahawa semua kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Muar adalah di bawah pemantauan sistem yang telah ditetapkan dan semestinya semua kerja-kerja hendaklah mengikut spek yang telah ditentukan. Masalah berlaku apabila *gradient* parit yang berkaitan di bawah paras bahu jalan yang menyebabkannya ia lebih rendah daripada ketinggian jalan. Dalam kes-kes seumpama ini, pemantauan yang berterusan hendaklah dijalankan bagi mengatasi parit tersebut dari tersumbat oleh runtuhan tanah tebing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Mengkibol meminta Majlis Perbandaran Kluang memantau longkang yang tersumbat serta jalan berlubang di merata-rata tempat dan juga lampu-lampu isyarat, di Taman seperti Taman Muhibah misalannya, saya ingin menjelaskan bahawa Majlis Perbandaran Kluang telah pun melantik kontraktor penyelenggaraan sistem saliran dan perparitan bagi kerja-kerja menyelenggara dan membaik pulih longkang. Walau bagaimanapun, akibat daripada kekangan kewangan pihak Majlis tidak dapat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi kerosakan-kerosakan yang berlaku secara serentak dan menyeluruh.

Majlis juga telah memohon peruntukan tambahan pada tahun hadapan kerana peruntukan sedia ada tidak mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bagi menangani semua masalah aduan yang dikemukakan oleh orang awam. Pihak Majlis juga untuk makluman, telah melantik kontrak penyelenggaraan tahunan bagi sistem lampu isyarat bagi memastikan lampu isyarat berfungsi dengan baik. Dari semasa ke semasa, Majlis akan menaik taraf sistem lampu isyarat jika peruntukan diperolehi daripada KPKT. Bagi kerja-kerja jalan pula akan dilaksanakan di bawah peruntukan geran penyelenggaraan ataupun MARRIS oleh kontraktor dilantik. Buat masa hadapan, Majlis mohon agar peruntukan MARRIS dapat disalurkan terus ke PBT bagi memudahkan Majlis merancakkan dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai cadangan pembinaan dewan kedua di kawasan Bandar Batu Pahat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Semerah. Majlis Perbandaran Batu Pahat buat masa ini belum mempunyai peruntukan untuk membina dewan tersebut walaupun pihak KPKT ada memberikan peruntukan kepada Majlis Perbandaran. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah untuk permohonan projek-projek misalannya bagi membaiki jalan, longkang dan infrastruktur asas yang bersifat *people centric*, dengan izin. Majlis akan cuba mendapatkan peruntukan daripada agensi lain jika keperluan untuk guna dewan yang kedua ini diperlukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya kalau saya boleh respons sedikit kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Abong, mengenai isu premis yang beralamat di Lot 1083, Lorong Abdul Rahman, Jalan Haji Abdullah, Bakri Batu 2. Saya ingin memaklumkan bahawa premis tersebut adalah merupakan hak milik sebuah syarikat iaitu hak milik Abu Samah Enterprise Sdn. Bhd. dan telah menyewakannya kepada Syarikat Soon Ta Trading yang menjalankan aktiviti mengumpul barang-barang kitar semula. Pihak Majlis telah pun mengeluarkan arahan supaya :

i. Pemilik pastikan penyewa membersihkan kawasan sekitar premis sepanjang masa dan memastikan tiada bau yang kurang menyenangkan.
ii. Pemilik membuat pemantauan berterusan terhadap premis yang disewakan.
iii. Memastikan penyewa memberhentikan operasi perniagaan selepas tempoh perjanjian sewa beli tersebut yang akan tamat pada 28 Februari tahun hadapan. Dan Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan setelah semula maklumat lengkap berkaitan perkara ini diperolehi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon maaf kerana saya tidak akan menjawab soalan-soalan yang telah pun diperbahaskan di bawah, perkara-perkara yang dibangkitkan, yang telah diperbahaskan di bawah soalan lisan ataupun soalan-soalan lisan yang telah, yang tak sempat dijawab tapi dijadikan soalan bertulis. Begitu juga dengan mana-mana perkara yang dibangkitkan tapi telah ditanyakan di bawah soalan bertulis, saya tidak akan menyentuh perkara-perkara itu lagi dalam penggulungan saya ni. Walau bagaimanapun, saya cukup percaya, segala perancangan telah pun dilakukan sebaiknya apatah lagi dengan pembangunan Iskandar Malaysia yang pesat. Tahun hadapan dilihat akan menjadi titik peralihan penting pelaksanaan setiap perancangan yang telah dilaksanakan. Yang penting Yang Berhormat Datuk Speaker, antara kita ialah setiap sumber dan kekuatan negeri yang telah digarap sebaiknya harus disusuli dengan pelaksanaan yang sempurna, yang akhirnya mampu diterjemahkan menjadi pembangunan yang menguntungkan rakyat keseluruhannya. Dan, ke arah ini saya percaya segala perbahasan yang berjalan di Dewan yang mulia ini adalah menjurus ke arah yang sama. Jadi, tahniah kepada semua Ahli-Ahli Dewan. Izinkan saya untuk menutup dengan sebuah pantun Yang Berhormat Datuk Speaker;

Ke Tanjung Tuan naik pedati,
Pedati bermuat di sebuah rokan;
Pandangan tuan saya hormati,
Kepentingan rakyat perlu didahulukan.

Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Esok Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan menggulung perbahasan Bajet 2010. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 8 Disember 2009, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2010) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEDUA BELAS	**SELASA, 8 DISEMBER 2009**	**BIL. 8 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang, AMN.
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Persidangan dimulakan pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada pemerhati bersama-sama kita pada hari ini, rombongan daripada Ahli Majlis Perbandaran Johor Bahru. Ucap selamat datang nak mendengar ucapan Yang Amat Berhormat, Bandaraya Johor Bahru ye. Jemput, Yang Amat Berhormat berucap. Oh minta maaf Yang Berhormat, sikit, selalu terbabas sikit.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2010) TAHUN 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Yang Amat Berhormat Dato' jemput.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan di atas kesempatan untuk merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di bawah bidang tugas Jawatankuasa yang berkaitan dengan tanah, pentadbiran dan juga perancangan. Di antara perkara yang dibangkitkan ialah daripada Ahli Yang Berhormat daripada Senggarang yang berkaitan dengan kelewatan dalam proses permohonan tanah, walaupun diwujudkan satu *task force* untuk menangani kelewatan proses permohonan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Dato' Speaker, permohonan-permohonan tanah yang diterima di Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh Negeri Johor pada tahun 2006, sejumlah 76,743 permohonan. Jadi dalam tempoh antara 2006 hingga September 2009, pihak Pejabat Tanah dan Kerajaan Negeri telah menyelesaikan sejumlah 64,638 permohonan, bermakna baki kepada 76,743 ialah sebanyak 12,105 permohonan tanah yang masih lagi di peringkat tindakan Pejabat-Pejabat Tanah. Daripada 12,105 baki tadi, sejumlah 2,308 permohonan merupakan fail tunggakan yang diterima bagi tahun 2007 dan sebelumnya. Sementara itu pula jumlah 9,707 permohonan lagi adalah permohonan tanah semasa iaitu permohonan tanah yang diterima pada tahun 2008 dan 2009. Jadi bermakna Dato' Speaker, bahawa dalam tempoh setahun ada permohonan-permohonan yang berbagai ke Pejabat-Pejabat Tanah sebanyak 9,707. Maka Pejabat Tanah sedang dalam usaha memberikan tumpuan untuk menyelesaikan sama ada 2,308 fail yang tertunggak sebelum 2007 dan serentak dengan itu juga untuk menyelesaikan kes-kes 6,700 fail semasa.

Merujuk kepada *task force* yang diwujudkan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri pada Disember 2008 untuk tujuan menyelesaikan permohonan tanah Kampung Baru dengan izin *new villagers,* terutama sekali permohonan untuk

sambung tempoh pajakan dan permohonan tanah yang di ceroboh. Ada dua kategori untuk *task force* ini:

i. Melihat tanah yang di ceroboh yang sudah pun menjadi sama ada kebun ataupun menjadi kampung dan satu lagi ialah,
ii. Untuk tujuan menyambung tempoh pajakan Kampung-Kampung Baru.

Maka pasukan *task force* telah menyelesaikan 60 permohonan Kampung Baru di Daerah Johor Bahru dulu, di mana 19 permohonan telah mendapat kelulusan daripada dan 19 permohonan ditolak oleh Pentadbir Tanah Johor Bahru sementara 22 permohonan lagi menunggu ulasan jabatan teknikal. Maka, gerak kerja pasukan *task force* ini dilaksanakan secara berperingkat agar teratur dan teliti kawasan demi kawasan.

Pasukan *task force* sedang menyelesaikan permohonan Kampung Baru di Daerah Kulaijaya hingga 30 September 2009, daripada 499 permohonan yang diterima, sejumlah 268 permohonan telah diselesaikan oleh pasukan *task force,* di mana 42 permohonan telah mendapat kelulusan, 28 permohonan ditolak oleh Pentadbir Tanah, 144 permohonan dimajukan bagi pertimbangan Kerajaan dan 54 permohonan menunggu ulasan jabatan teknikal. Baki 231 permohonan masih dalam tindakan task force dan dijangka dapat diselesaikan tidak lama lagi. Selepas menyelesaikan permohonan di Daerah Kulaijaya, maka *task force* akan pergi ke Daerah Kluang dan seterusnya ke daerah-daerah lain hingga selesai semua permohonan tanah di kawasan Kampung Baru. Dan selepas menyelesaikan permohonan tanah di kawasan Kampung Baru, *task force* akan memberikan tumpuan pula untuk menyelesaikan permohonan sambung tempoh pajakan dan diakhiri dengan permohonan tanah yang di ceroboh.

Jadi, sebenarnya *task force* ini Dato' Speaker ialah sebenarnya ada Kampung-Kampung Baru oleh kerana dia dibangunkan pada masa tersebut dengan tidak memenuhi kepelbagaian syarat, sama ada keluasan jalannya ataupun kemudahan utiliti yang lain, maka hak milik hanya boleh diberi melalui satu proses yang mana perlu disesuaikan dengan syarat-syarat yang biasa diperlukan. Oleh yang demikian Dato' Speaker, maka ada kelonggaran-kelonggaran perlu dipertimbangkan untuk memberikan hak milik kepada Kampung-Kampung Baru ini, lebih-lebih lagi bila pembinaan Kampung Baru ini sememangnya tidak memenuhi di antara syarat-syarat keperluan awam. Ini yang menyebabkan di antaranya, ada di antara Kampung-Kampung Baru yang perlu kepada pengamatan secara khusus untuk kurniaan hak milik.

Dan, apabila Kampung-Kampung Baru sudah pun mempunyai hak milik seperti yang telah pun diterima oleh mereka, sekadar ialah untuk menyambung pajakan, maka pajakan tak sepatutnya menjadi masalah kerana satu hak milik sudah pun diberikan dan pajakan tertakluk kepada peruntukan yang telah pun dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk sambungan secara automatik. Dan ini diperuntukkan bukan sahaja untuk permohonan sambungan pajakan untuk Kampung Baru tetapi juga untuk sambungan pajakan sama ada di kampung yang lain ataupun di bandar, di taman perumahan di mana kerajaan mengambil pendirian bahawa sambungan apabila tidak perlukan oleh kerajaan maka sambungan adalah secara automatik.

Yang Berhormat Jementah membangkitkan sebuah dewan di Kampung Abdullah yang belum lagi mempunyai geran. Untuk makluman bahawa permohonan ini dibuat oleh pihak masyarakat di Kampung Abdullah dan dipohon untuk tapak Panggung Sembahyang Choon Chew Chee Sian Siah. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa telah pun dipertimbangkan di peringkat jabatan-jabatan di peringkat daerah Segamat, maka kedudukan ialah di hadapan Jawatankuasa Hasil Bumi untuk keputusan Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat daripada Maharani membangkitkan tentang pembayaran premium yang diberikan diskaun di mana Yang Berhormat telah pun memberi satu contoh bahawa premium yang bernilai RM1 juta boleh diturunkan sampai RM20,000.00, saya tak tahu sama ada Yang Berhormat boleh memberikan bukti sahih itu berlaku. Kalau itu berlaku maka memanglah satu kerugian dari segi hasil kerajaan. Maklumlah Dato' Speaker, RM1 juta turun sampai RM20,000.00.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, proses premium ditentukan seperti peruntukan secara rasminya mengikut Pekeliling PTG Johor Bilangan 4/2006 seperti berikut:

Bagi tanah-tanah kerajaan yang telah dipersetujukan oleh Pihak Berkuasa Negeri akan tertakluk kepada bayaran premium bergantung kepada luasnya tanah yang dikurniakan itu sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 79 Kanun Tanah Negara 1965. Kadar yang akan dikenakan pula tertakluk kepada Peraturan 7 dan 8, Peraturan Tanah Johor 1966 (Pindaan No.1 2004) JPU 94 bertarikh 16 Disember 2004 mengikut pilihan pemohon sama ada dia mohon untuk pajakan tanah bagi tempoh 60 tahun atau 99 tahun. Dan tanah yang dikurniakan akan dibuat penilaian tanah semasa oleh Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta di daerah berkenaan.

Akhirnya, jumlah premium yang akan dikenakan dalam Borang Tuntutan 5A akan mengikut luas tanah yang dikurniakan didarabkan dengan nilai semasa tanah itu. Sebagai contoh Dato' Speaker, tanah seluas 0.4 Ha dengan nilaiannya pasaran semasa ialah RM1 juta/Ha bagi kategori Industri. Dan, jika sekiranya pemohon memilih pajakan 60 tahun, maka premium yang akan dikenakan ialah 0.4 Ha x RM1 juta x 30% bermakna premiumnya RM300,000.00. Begitu juga sekiranya pemohon jika dia memilih pajakan 99 tahun, premium yang akan dikenakan ialah 0.4 Ha x RM1 juta x 50% bersamaan RM500,000.00.

Kadar premium tanah ini yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2005, berasaskan kepada 30% dari harga pasaran bagi pajakan 60 tahun dan 50% dari harga pasaran bagi pajakan 99 tahun. Selain itu, Kerajaan Negeri ada memutuskan sebagaimana Ringkasan Mesyuarat Bilangan 1442/2006 bertarikh 6 September 2006 bahawa kadar premium bagi pertubuhan bukan kerajaan sama ada keagamaan, belia, penduduk ataupun sosial. Jika ianya bersifat komersial dikenakan kadar premium bagi kurniaan terus adalah sebanyak RM10%.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Itu kalau untuk kegunaan NGO yang ada unsur komersial. 10% daripada harga pasaran bagi pajakan 60 tahun dan 15% dari harga pasaran bagi pajakan 99 tahun. Dan, NGO yang tidak bersifat komersial

dikenakan premium sebanyak 3% daripada harga pasaran bagi pajakan 60 tahun dan 5% dari harga pasaran bagi pajakan 99 tahun. Garis panduan pengenaan kadar premium tersebut seperti saya katakan tadi, dipekelilingkan sebagaimana Pekeliling PTG Johor bilangan 4/2006.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, bila ada NGO yang membuat kerja-kerja, kerja-kerja kesukarelaan maka apabila mereka menerima kurniaan tanah maka kerajaan memberikan pertimbangan untuk memangnya mengurangkan premium sehingga pada paras 3% untuk pajakan 60 tahun dan 5% untuk pajakan 99 tahun. Kita menghargai kerja-kerja kebajikan oleh badan-badan sukarela yang ada di Negeri Johor ini. Dan, bila dia dapat kurniaan tanah, maka kita berikan premium yang paling minimum seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat daripada Maharani juga, ada menyebut tentang 40 Kampung Baru Cina yang diduduki sebelum merdeka. Seramai 30,000 keluarga dan Yang Berhormat daripada Maharani mengatakan bahawa pajakannya ialah pajakan 60, sebenarnya 21 ataupun 60 ataupun 99. Maka, Maharani mencadangkan agar hak milik kekal ataupun pajakan 99 tahun diberikan kepada mereka. Jadi, dia cadangkan beri hak milik kekal Dato' Speaker, macam agaknya nak ikut di Perak agaknya, di Perak agaknya. Dicadangkan juga agar hak milik kekal ataupun 99, pajakan 99 tahun diberikan kepada penduduk di penempatan Melayu dan India di bandar utama seperti Kampung Melayu Majidee, Kampung Kurnia dan Kampung Nesa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Johor ini terdapat sebenarnya 85 buah Kampung Baru Cina dengan keluasan lebih kurang, bilangan plot bukan keluasan, bilangan plot sebanyak 22,270 plot. Dan, 22,270 plot telah dikeluarkan hak milik dengan pajakan 21 tahun. Dan, kesemua hak milik tersebut telah tamat tempoh pajakannya. Daripada jumlah itu sebanyak 19,429 telah dikeluarkan hak milik dengan pajakan 60 tahun ataupun 99 tahun seperti orang lain. Tak kira sama ada di kampung ataupun di taman-taman perumahan ataupun di kota sekalipun, sama. Dan, baki sebanyak 2,841 plot belum ada permohonan daripada pemilik asal iaitu waris dan 781 plot lagi telah membuat permohonan di pejabat-pejabat tanah yang berkenaan.

Dato' Speaker, kerajaan pada 12.4.1999 dan Pekeliling PTG Johor bilangan 1/99 bertarikh 14.9.1999 bersetuju mengurniakan tanah di kampung-kampung baru dengan tempoh pajakan 21 tahun. Bagi permohonan membaharui tempoh pajakan, pemohon diberi pilihan untuk tempoh 60 tahun ataupun 99 tahun. Keputusan ini terpakai untuk semua permohonan membaharui ataupun melanjut tempoh pajakan di Kampung Baru Cina, kampung mana pun, Melayu ke, India ke ataupun bercampur ke seperti peruntukan yang sama iaitu antara sama ada 60 ataupun 99 tahun.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa Kampung Melayu Majidee, Kampung Kurnia dan Kampung Nesa, tempoh pajakan adalah 60 tahun dan 99 tahun mengikut pilihan pemohon. Secara amnya, semua hak milik yang didaftarkan adalah berstatus pajakan dan tempohnya 21 tahun dari sejarahnya ada tapi sudah pun rata-rata tidak menjadi pilihan 60 tahun dan 99 tahun. Dan, ini adalah seperti menurut peruntukan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1995 itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena menyebut tentang Kanun Tanah Negara, maka ia juga membawa peranan di peringkat Majlis Tanah Negara yang sebenarnya mempunyai satu peruntukan bahawa apa pun perubahan yang nak dibuat tentang perkara yang berkaitan seperti tempoh pajakan maka dia perlu kepada persetujuan di peringkat Majlis Tanah Negara sebenarnya. Ini jelas dalam Perlembagaan Negara Malaysia itu sendiri mengenai peranan dan bidang tugas Majlis Tanah Negara. Walaupun Yang Berhormat Dato' Speaker, bidang kuasa tanah ini ada di peringkat negeri tetapi perkara yang berkaitan dengan amalan-amalan tanah, maka satu peruntukan ialah ke arah keseragaman di mana Majlis Tanah Negara mempunyai kuasa untuk menentukan secara muktamadnya amalan-amalan yang dibuat di peringkat negara dan apa yang berlaku di negeri-negeri.

Seterusnya Dato' Speaker, kategori hak milik yang berstatus pajakan ini pula adalah sama ada untuk tujuan tapak rumah ataupun industri ataupun pertanian, ataupun kampung-kampung. Dan, pajakan tersebut sebenarnya boleh disambung iaitu dengan membuat permohonan sambung pajakan kepada kerajaan melalui Pejabat-pejabat Tanah Daerah dan penyambungan pajakan ini akan dibuat secara automatik dengan syarat tanah tersebut tidak diperlukan oleh kerajaan. Dan, melihat kepada pentingnya perkara mengenai penyambungan tanah pajakan ini, dimaklumkan bahawa orang ramai, Kerajaan Negeri untuk dimaklumkan kepada orang ramai, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya penyambungan pajakan secara nyata dalam setiap hak milik. Ini bermakna dalam setiap hak milik tersebut akan terdapat *endorsan*, pengesahan yang berbunyi seperti berikut: Jadi, di kalau istilah orang kampung, di geran tanah dia tu ada satu pengesahan hitam putih yang berbunyi seperti berikut: "Pajakan tanah boleh disambung secara automatik tertakluk kepada permohonan oleh tuan tanah sebelum tamat tempoh pajakan dan dengan syarat bahawa tanah ini tidak diperlukan oleh kerajaan". Maka kesimpulannya, dia memberi jaminan kepada pemilik tanah bahawa jika tidak diperlukan untuk kepentingan awam sama ada nak membina jalan ke, sekolah ke, hospital, maka pajakan akan berterusan.

Sementara itu pula Yang Berhormat Dato' Speaker, bila pajakan ini diperbaharui maka dia juga satu peruntukan yang mana kerajaan dapat memungut bayaran premium seperti yang dihuraikan dalam jawapan sebelum ini. Dan, itu merupakan satu sumber hasil kerajaan yang pada pengamatan saya adalah penting kerana di peringkat negeri ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa sumber hasil kerajaan memang terhad pada sumber tanah.

Maklumlah Dato' Speaker, kita tidak ada hasil mahsul minyak di sebelah Johor ini, mungkin belum ditemui. Tapi setengah negeri ada hasil mahsul yang dalam bentuk minyak di laut lepas di sana walaupun tidak semestinya di hadapan negeri yang berkenaan. Setengah negeri pula Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana dia menerima bayaran daripada Kerajaan Persekutuan pada nilai yang ratus-ratus juta kerana Kuala Lumpur diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan, kemudian Putrajaya juga diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan maka bayaran yang diterima oleh negeri yang berkenaan ratus-ratus juta juga. Tapi, kita di Iskandar Malaysia ni kita tak sanggup nak

menyerahkan Iskandar Malaysia kepada mana-mana pihak, jadi kita tak terimalah geran daripada, pembayaran daripada mana-mana pihak.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang ada ialah bayaran dalam bentuk cukai. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, cukai tanah bukanlah satu sumber yang besar tetapi sebenarnya oleh kerana pajakan ini, dia pajakan ini, dia berbeza dari segi tempoh katakan daripada sekarang hingga 100 tahun akan datang. Ada pajakan akan tempoh besok, ada pajakan akan tamat lusa. Jadi, bila pajakan ini tamat maka premium akan ditentukan, maka hasil Kerajaan Negeri akan berterusan daripada sumber ini.

Bermakna Dato' Speaker, jika sekiranya sesebuah negeri tadi hendak memberi pajakan, bukan pajakan, untuk memberi hak milik kekal, bermakna, akhirnya negeri yang berkenaan akan hanya bergantung kepada sumber cukai tanah yang memang begitu *minima*, dengan izin. Maka, dia dengan sendirinya menghakiskan satu sumber hasil kerajaan. Dan, dalam hal ini Dato' Speaker, melainkan kita pinda perlembagaan Malaysia ini di mana Kerajaan Negeri ada asas cukai yang lain. Asas cukai langsung dan tak langsung, semuanya pada pihak bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Yang ada hanyalah berkaitan dengan sama ada pembayaran untuk lesen ataupun untuk pembayaran cukai tanah dan sememangnya premium tanah.

Oleh yang demikian, demi rakyat Johor pada masa depan, melalui Kerajaan Negeri pada masa depan, maka kita pertahankanlah sumber hasil Kerajaan Negeri ini untuk terus dapat dipungut melalui sistem premium pajakan pada masa-masa akan datang untuk terus mentadbirkan negeri ini dan untuk membawa pembangunan juga di negeri ini. Jadi, oleh yang demikian, saya menegaskan di sini bahawa amalan 60 dan 99 ini satu, memang dia adil Dato' Speaker, dia tidak membezakan antara sama ada di kampung baru ke, kampung pedalaman ke, antara taman perumahan yang moden ke di bandar dan di kota. Jadi, itu satu *equitable*, dengan izin, satu layanan yang *equitable*, dengan izin di antara rakyat. Keduanya, dia juga *equitable* antara generasi, generasi yang ada pada hari ini dapat memungut hasil premium untuk tujuan kesejahteraan rakyat. Maka, *equitable* untuk generasi yang akan datang yang juga boleh mendapat hasil daripada premium untuk kegunaan mereka pada masa depan. Tapi, kalau kita buat keputusan hari ini, menidakkan sumber itu, maka dia membawa kepada *inequity*, tidak ada keadilan untuk generasi akan datang. Maka generasi akan datang *will be deprived*, dengan izin sumber hasil daripada premium tanah ini.

Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Permas membangkitkan tentang polis bantuan dan menyarankan supaya polis bantuan juga mengambil tenaga daripada kalangan belia India. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa sebenarnya ada 2 skim perkhidmatan yang berkaitan dengan polis bantuan. Satu, polis bantuan, dalam bahasa Inggerisnya dipanggil *Auxiliary Police* dan satu lagi ialah Sukarelawan Simpanan Polis. Untuk polis bantuan ataupun *auxiliary*, dia satu skim perkhidmatan yang telah lama wujud. Dan, dia ini saraannya dibiayai oleh agensi yang bertanggungjawab iaitu agensi yang membentuk pasukan polis bantuan tersebut. Tetapi pelantikan kepada A*uxiliary Police* ini dibuat oleh Polis Diraja yang turut memberikan latihan kepolisian selama lebih kurang 3 bulan. Dan, dia di bawah arahan polis daerah.

Bermakna Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin satu agensi boleh mengambil atas nama agensi yang berkenaan sama ada swasta ke ataupun agensi kerajaan tertentu ataupun agensi semi kerajaan boleh melantik *auxiliary police* tetapi *auxiliary police* ini satu, dia dipilih oleh pihak polis sendiri, dia dilatih oleh polis, dia di bawah arahan kalau di peringkat daerah, daerah polis, maka di bawah arahan Ketua Polis Daerah.

Jadi, insya-Allah, Dato' Speaker, saya dimaklumkan bahawa Polis Diraja Johor telah pun menerima 200 anggota polis yang baru. Walaupun begitu, Kerajaan Negeri juga memberi penekanan untuk menambah kehadiran polis ini dengan juga membangunkan polis bantuan ataupun *auxiliary police* terutama sekali di kawasan Iskandar ini. Jadi, insya-Allah di kawasan Iskandar ini kita akan mempunyai 300 *auxiliary police* dalam tempoh setahun akan datang di mana dicadangkan supaya di peringkat Penguasa Tempatan yang ada di Iskandar ini sama ada di Pasir Gudang, di Kulaijaya, Johor Bahru Tengah dan Bandaraya untuk melantik di antara 300 ini dan untuk dia melaksanakan tugasan dia di kawasan yang ditentukan oleh pihak Polis Daerah masing-masing. Jadi, kita harap pendekatan yang diambil oleh pihak Polis Johor iaitu menggunakan pendekatan komuniti pos akan diperkuatkan lagi dengan pertambahan anggota polis, perkhidmatan polis dan diperkuatkan lagi dengan kehadiran *auxiliaries*. Ha, itu yang pertama.

Tapi, Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai perkhidmatan sukarelawan simpanan polis. Maka, skim ini dibuat apabila terdapat keperluan dan mereka yang terlibat diberikan elaun termasuk elaun latihan dan pakaian. Kelayakan yang minimum diperlukan selain keutamaan kepada mereka yang mempunyai pekerjaan tetap dan bersih daripada sebarang rekod jenayah. Dan, di Johor ini, seramai 149 keanggotaan sukarelawan simpanan polis sama ada RELA ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM) pada Oktober 2009 dan mula menjalani penugasan pada November 2009 di seluruh Kontinjen Johor. Untuk makluman, penyertaan belia berbangsa India dalam pengambilan kali ini ialah 11 orang, berbangsa Cina 11 orang dan 100 orang berbangsa Melayu. Dan, pemilihan di kalangan anggota ini hendaklah memenuhi syarat pelantikan dari segi fizikalnya dan akademik, yang akan dipilih menyertai sukarelawan simpanan polis, RELA ataupun JPAM ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian, saya mencadangkan apabila proses pemilihan untuk *auxiliary* ini akan dibuat maka saya menganjurkan bahawa belia daripada semua masyarakat untuk tampil ke hadapan untuk dipertimbangkan. Tapi, di peringkat Polis Diraja Malaysia Yang Berhormat Dato' Speaker, kita lihat bahawa nak jadi polis biasa ini nampaknya tidaklah begitu menarik kepada setengah-setengah daripada kita. Mungkin, ada yang cenderung untuk masuk polis, perkhidmatan beruniform ini di peringkat pegawai. Maka itu pun tidak menidakkan sesiapa untuk menjadi pegawai dalam perkhidmatan beruniform ini. Tetapi, mengikut kelayakan, sama ada yang asas ialah Dato' Speaker, antara asas ialah ada, ada kredit dalam Bahasa Malaysia sebagai contoh. Di antara syaratnya ialah sekurang-kurangnya Dato' Speaker, jadi, saya menyarankan bahawa belia daripada mana pun untuk tampil ke hadapan kerana *auxiliary police* ini dia adalah sepenuh masa, maka skim perkhidmatannya juga agak menarik Dato' Speaker.

Tapi, selain daripada syarat minimum untuk dipertimbangkan, sepatutnya ada juga komitmen dan minat untuk bersama-sama menjadi anggota beruniform.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Bentayan, mengenai sama ada jenayah turun di bandar Muar sempena dengan Balai Polis Bergerak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang contoh yang terbaik ialah ada di Muar sebenarnya. Di mana satu kerjasama di antara polis dengan masyarakat tempatan dapat kesan yang ketara terhadap tahap keselamatan masyarakat. Dan di Muar, sebenarnya jenayah masih pada paras yang rendah. Dan, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2009, jumlah kes jenayah yang direkodkan berjumlah 1,196 kes berbanding dengan 1,287 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2008. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 7%. Di kawasan bandar Muar yang ditadbirkan oleh Balai Polis Muar, keadaan jenayahnya memang terkawal. Jumlah kes jenayah yang direkodkan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2009, ialah sebanyak 803 kes berbanding dengan 880 kes bagi tahun sebelumnya. Menunjukkan penurunan sebanyak 77 kes ataupun 9%. Dan, berbagai inisiatif diambil oleh pihak Ketua Polis Daerah Muar untuk mengawal keadaan jenayah di bandar, di bandar Muar itu. Antara usaha yang dilakukan ialah menyediakan Balai Polis Bergerak di kawasan bandar Muar yang digunakan sebagai Pondok Polis Bergerak semasa pihak Polis menjalankan rondaan, menjalankan tugas kawalan orang ramai dan mengatur perjalanan sesuatu majlis.

Dan kehadiran anggota Polis dan Balai Polis Bergerak ini di kawasan yang kerap berlaku jenayah telah berjaya membendung kejadian jenayah di Daerah Muar secara keseluruhannya. Di antara inisiatif yang diambil ialah meningkatkan rondaan, bit rondaan bermotosikal, rondaan anggota berpakaian preman, penugasan anggota statik di suatu kawasan-kawasan terpilih dan mempertingkatkan kehadiran MPV bagi membendung jenayah. Dan kos, Yang Berhormat juga menanyakan tentang kos, menunjukkan Balai Polis Bergerak sebenarnya bergantung kepada jenis Balai Polis Bergerak tersebut sama ada van ataupun mini bas. Bagi versi van yang boleh digunakan oleh 3 anggota bertugas termasuk pemandu melibatkan kos antara RM260,000.00 hingga RM280,000.00. Dan bagi mini bas yang boleh digunakan oleh 5 anggota bertugas termasuk pemandu melibatkan anggaran kos antara RM300,000.00 hingga RM340,000.00. Saya dimaklumkan bahawa Polis di peringkat Persekutuan sedang pun menimbangkan untuk membanyakkan lagi Balai Polis Bergerak ini, Dato' Speaker.

Seterusnya Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa merujuk kepada jualan minyak secara haram di perairan di mana sisa toksik katanya dibuang di kawasan perairan yang menjejaskan masyarakat tempatan, kesejahteraan masyarakat tempatan dan di mana pula dari segi penguatkuasaan untuk mengawal amalan seperti begini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat pelbagai agensi kerajaan sebenarnya di bawah kementerian yang agak berlainan yang terlibat dalam menjalankan kawalan dan penguatkuasaan sama ada di dalam had pelabuhan ataupun di perairan negara. Antaranya ialah Jabatan Laut Malaysia, Lembaga Pelabuhan Johor di bawah Kementerian Pengangkutan, Pasukan Gerakan Marin, PDRM, Kementerian Dalam Negeri, Kastam Di Raja Malaysia, Kementerian Kewangan,

Jabatan Perikanan di Kementerian Pertanian, Jabatan Alam Sekitar di Kementerian Sumber Asli dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia iaitu di Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Laut ataupun Syahbandar adalah salah satu daripada Agensi Maritim yang berperanan mengawal aktiviti dalam had pelabuhan di negeri ini serta aktiviti Maritim lainnya di perairan negara mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi kawalan dalam had Pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas, rondaan berkala dijalankan secara bersama dengan Lembaga Pelabuhan Johor termasuk mengawal aktiviti pengerukan, aktiviti pembangunan persisiran pantai dan pelabuhan, pemindahan minyak daripada kapal ke kapal, pengangkutan penumpang dan kargo melalui bot-bot berlesen, perkhidmatan feri, pemeriksaan jeti-jeti persendirian yang dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan Johor dan aktiviti lain. Sebagai contohnya, rondaan dalam had Pelabuhan Pasir Gudang meliputi hingga perairan Pengerang daripada Januari hingga November tahun ini, sebanyak 22 kali dengan kekerapan sebanyak 2 kali sebulan. Aktiviti ini adalah terkawal berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan yang sedia ada yang dikuatkuasakan. Dan mengikut rekod, Jabatan Laut tidak ada menerima apa-apa laporan berkaitan aktiviti penjualan minyak secara haram mahupun pembuangan sisa-sisa toksik di dalam perairan had-had pelabuhan.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya rumuskan dalam perkara ini, dalam kawasan pelabuhan memang di bawah penguatkuasaan dan penguatkuasaan ini dibuat secara berterusan. Ini dibuat oleh pihak Syahbandar sendiri dalam kawasan pelabuhan. Tetapi jika sekiranya berlaku tumpahan toksik di perairan, di luar kawasan pelabuhan, maka dia, saya huraikan tadi bahawa dia tertakluk kepada penguatkuasaan undang-undang yang ada dalam jabatan-jabatan yang berbagai, sama ada di luar pelabuhan tetapi dalam 3 *nautical mile* perairan negeri ataupun dalam perairan Malaysia di had 12 *nautical mile*. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya Kerajaan Persekutuan telah pun membuat satu keputusan untuk memberikan tugas secara langsung kepada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia diletakkan di Jabatan Perdana Menteri untuk keseluruhan kawasan perairan di negara kita ini. Jadi, dengan digabungkan, disepadukan kesemua jabatan kepada satu agensi, kita harap kawal selia di perairan Malaysia ini agak lebih berkesan lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Permas mengenai senarai e-Kasih ini. Apakah kriteria yang diperlukan untuk mendapat bantuan melalui e-Kasih? Masih lagi ramai yang belum berdaftar dalam e-Kasih ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, e-Kasih ini Dato' Speaker, adalah merupakan satu sistem bank data kemiskinan nasional yang disepadukan dan dibangunkan dengan tujuan merancang program pembasmian kemiskinan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Sistem ini diguna pakai oleh semua agensi yang berkaitan dalam Program Pembasmian Kemiskinan. Selain daripada itu, e-Kasih bertujuan mengelakkan pertindihan Program Bantuan Kemiskinan yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi pemberi bantuan. Dan bagi tujuan melaporkan dan memberi maklumat berkaitan keluarga yang menghadapi masalah kemiskinan tersebut, bolehlah melaporkan dan memaklumkan kepada

Penghulu-Penghulu Mukim berkaitan masalah kemiskinan yang dialami oleh sesebuah keluarga sebelum tindakan selanjutnya diambil. Semua Penghulu, Ketua Kampung dan seterusnya Pemimpin-pemimpin Masyarakat seperti Ketua Masyarakat telah diminta untuk mengenal pasti golongan miskin dan miskin tegar ini untuk dilaporkan kepada satu mesyuarat yang dipanggil Mesyuarat Kumpulan Sasar ataupun Mesyuarat *Focus Group* Program Pembasmian Kemiskinan Di Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing.

Selain daripada itu, pengadu ataupun golongan miskin tersebut boleh melayari *website* e-Kasih ini dan membuat pendaftaran. Dan untuk mendaftar di dalam E-Kasih ini, maklumat yang diperlukan tidaklah begitu rumit sebenarnya walaupun borang yang tujuan mendaftarkan keluarga miskin ini 24 muka tetapi 24 muka itu bukan untuk diuruskan oleh keluarga miskin ini Dato' Speaker. 24 muka ini ialah urusan pejabat sebenarnya. Yang diperlukan oleh keluarga miskin ini ialah nama, sekadar nama dia sahaja, kad pengenalan dia dan untuk dia memaklumkan dengan sahihnya pendapatan dia, bilangan ahli keluarganya. Kalau ada telefon, nombor telefonnya dan alamatnya dan orang yang melaporkannya. Itu sahaja maklumat yang diperlukan daripada keluarga yang berkenaan. Jadi, walaupun ada 24 muka borang yang perlu diisi oleh pihak pejabat jabatan yang berkenaan.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di Johor ini, kita hendak pastikan bahawa e-Kasih ini, satu, dia tidaklah berlaku sama ada keciciran ataupun terlepas pandang keluarga miskin ini. Oleh itu, kita perkuatkan dengan Jawatankuasa *Focus Group* ini, kumpulan sasar yang wujud di peringkat tempatan di mana Pegawai Daerah ditugaskan untuk memastikan bahawa tidak ada terlepas pandang, tidak ada yang tercicir. Walaupun begitu Dato' Speaker, e-Kasih ini, senarai ini adalah satu yang agak bukanlah muktamad. Dia satu senarai yang dinamik, yang boleh ditambah kalau ada yang tercicir. Tetapi Yang Berhormat Dato Speaker, dalam hal kemiskinan ini ada juga satu kumpulan yang boleh dirujuk sebagai kumpulan yang mudah jatuh miskin. Jadi, kalau yang mudah jatuh miskin ini, kalau sesuatu berlaku dalam keluarga dia, maka dia akan masuk dalam golongan yang perlu didaftarkan. Itu sebabnya e-Kasih ini agak, satu senarai yang agak dinamik juga. Oleh itu, kalau ada di Permas Jaya yang tertinggal, maka saya cadangkan supaya Yang Berhormat dapat mendaftarkan mereka di Johor Bahru ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Sedili membangkitkan tentang pekerja di ladang Johor Corporation ini. Ini ialah suatu soalan yang agak spesifik, walaupun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman soalnya ialah sama ada pekerja di ladang JCorp ini termasuk, terjatuh dalam kumpulan miskin ataupun tidak berdasarkan kepada gaji yang diterima. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya, bayaran gaji, upah di ladang yang berkenaan iaitu di Kompleks Pasir Panjang dan juga di ladang-ladang JCorp. ini, adalah berdasarkan kepada apa yang dipanggil *collective agreement*, yang mana dipersetujui oleh kesemua pemilik-pemilik ladang di Malaysia, iaitu *Malayan Agricultural Producer Association* (MAPA) sebenarnya. Dengan Kesatuan Pekerja Ladang iaitu *National Union Of Plantation Workers* (NUPW), dan gaji ini dibayar mengikut kedatangan, hari bekerja, produktiviti yang dicapai dan juga pekerja tersebut bergantung

kepada jenis, ada juga yang bergantung kepada jenis pekerjaan sama ada pekerjaan penyelenggaraan, sama ada kerjanya memotong buah dan sebagainya. Dan juga dia tertakluk juga kepada harga minyak kelapa sawit mentah semasa.

Jadi sebagai contoh, bulan Oktober lepas, kadar gaji pekerja penyelenggara ladang adalah sebanyak RM23.22 sehari. Itu *basic*, apabila dicampurkan dengan bayaran tambahan dan dicampurkan dengan bonus harga, dicampurkan dengan bayaran insentif, tidak termasuk kerja lebih masa. Jadi, 26 hari bekerja sebulan puratanya, didarabkan dengan RM23.22 sehari, bersamaan dengan RM603.72 sebulan dan boleh mencapai kepada purata RM700.00 hingga RM750.00 sebulan. Jika termasuk kerja lebih masa dan kadar ini berubah mengikut paras harga minyak sawit mentah semasa.

Bagi pemotong buah pula, mereka boleh memperolehi purata sebanyak RM800.00 hingga RM1,200.00 sebulan mengikut produktiviti dan kerajinan mereka. Dan ini belum lagi mengambil kira kemudahan-kemudahan percuma yang diberikan oleh majikan, bukan sahaja kepada mereka, tetapi juga keluarga mereka setiap bulan. Seperti rumah percuma, bekalan air dan elektrik percuma, perubatan percuma, pengangkutan bas sekolah untuk anak mereka percuma dan jika dinilai dengan wang ringgit boleh mencecah kepada paras RM400.00 sebulan. Ini bermakna, pendapatan upah mereka adalah bersih bagi menyara hidup mereka di luar bandar dan tidak perlu menanggung beberapa kos sara hidup lain yang telah ditanggung oleh mereka, telah ditanggung oleh majikan sendiri.

Di samping itu pula, kebiasaannya kedua-dua suami dan isteri bersama-sama bekerja di ladang dan ianya menyumbang kepada peningkatan pendapatan keluarga. Maka, berdasarkan kepada garis kemiskinan yang dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi untuk sektor luar bandar di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM700.00 sebulan, itu miskin. Dan miskin tegar, sebanyak RM440.00 sebulan. Dengan mengambil kira purata pendapatan di atas dan mengambil kira kemudahan-kemudahan percuma lain yang disediakan oleh pihak majikan tadi, maka rumusannya pendapatan pekerja ladang tersebut adalah melebihi paras kemiskinan dan juga melebihi kemiskinan tegar.

Berhubung dengan isu, tidak dibenarkan mengubah suai rumah di bawah Skim Perumahan Program Bakti Ladang ini, saya nak maklumkan bahawa, semua peserta Program Bakti Ladang yang menyertai skim ini telah dimaklumkan tentang syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian bagi menduduki rumah ini. Maka tidak timbullah soal yang dibangkitkan untuk tujuan mengubah suai ke atas rumah-rumah tersebut, selaras dengan syarat-syarat yang telah pun ditetapkan sebelum mereka masuk. Dan ini adalah syarat yang dibuat untuk menjamin keselamatan dan keharmonian para penduduk di dalam skim ini dan juga jiran-jiran mereka di ladang yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Permai, mengenai Taman Perindustrian Sedenak. Memang benar Dato' Speaker, Taman Perindustrian Sedenak ini seluas 700 ekar, dibuka di antara sebabnya ialah, sebahagian besar daripada kawasan perindustrian Johor Corporation di sebelah Selatan Negeri

Johor ini sudah pun mula kehabisan, sama ada Taman Teknologi, Taman Teknologi di Pasir Gudang, di mana lagi, semuanya sudah pun pada keluasan yang makin terhad untuk menerima pelaburan-pelaburan baru. Oleh itu, Johor Corporation telah memilih Sedenak kawasan yang berdekatan dengan Lebuhraya *Interchange* yang berkenaan untuk menampung pelaburan-pelaburan baru pada masa hadapan. Lebih lagi dalam bentuk pelaburan industri sederhana Dato' Speaker. Jadi, pada hari ini memang di peringkat pembinaan dan pelaksanaan dan di peringkat Persekutuan pun, pihak Majlis Perancang Fizikal Negara telah pun bersetuju untuk diubah daripada sebuah ladang kepada satu kawasan perindustrian. Kita menyimpan keyakinan bahawa, keperluan ini adalah benar dan kita menunggu masa yang sesuai untuk menerima pelaburan-pelaburan baru di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Sedili mengenai Kumpulan Perubatan Johor ini yang memangnya di antara pengusaha bidang perubatan yang, di antara yang terbesar di Malaysia ini. Mempunyai beberapa belas hospital, doktor pakar beberapa ratus dan sebagainya. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sedili ialah, sejauh mana Kumpulan Perubatan Johor ini dapat memberikan perkhidmatan kepada orang yang miskin, yang nak mendapatkan rawatan di hospital-hospital pakar milik KPJ, boleh tak diberi diskaun?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor Corporation telah pun mengorak langkah untuk memberikan perkhidmatan kepada kumpulan masyarakat terbanyak ini, melalui pendekatan perubatan dalam bentuk apa yang dipanggil, Klinik Wakaf An-Nur. Jadi, sambil dia mempunyai 25 buah hospital pakar di mana 19 katanya di Malaysia, 6 di luar negara, maka KPJ mempunyai satu rangkaian juga, Klinik Wakaf An-Nur sebanyak 8 buah sebenarnya. Dan satu buah Hospital Wakaf An-Nur di Pasir Gudang dan menerusi penubuhan Klinik dan Hospital Wakaf ini, semua masyarakat yang kurang berkemampuan, kita bukan sahaja buat di Negeri Johor ini tetapi juga dah ada di negeri lain, tak kira siapa dia, apa agama pun, bangsa, berpeluang untuk menikmati perkhidmatan kesihatan dengan kadar bayaran yang minima, iaitu pada kadar RM5.00 bagi setiap rawatan. Hingga kini, rangkaian Klinik Wakaf An-Nur yang telah beroperasi ialah di Plaza Kotaraya, di Batu Pahat, Kluang, Muar, selain sebuah di Negeri Sembilan dan dua buah lagi di Selangor iaitu di Sungai Buloh dan di Ijok, serta sebuah di Kuching, di Sarawak. Jadi, ada kemudahan dialisis juga di Klinik Wakaf ini. Setiap klinik memerlukan peruntukan lebih kurang RM250,000.00 untuk dimulakan, sementara itu pula, Hospital Wakaf An-Nur nak menubuhkannya belanjanya lebih kurang RM2.5 juta. Dan pendekatan Klinik Wakaf An-Nur ini dan juga Hospital Wakaf An-Nur akan dikembangkan dari masa ke semasa untuk memberi kemudahan yang lebih luas kepada masyarakat.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini di antara yang dibuat oleh KPJ. Tapi mungkin juga Yang Berhormat daripada Sedili menanya, selain daripada rawatan di klinik ini maka, tindakan rawatan pakar agaknya. Tapi rawatan pakar ni Yang Berhormat Dato' Speaker, kita kena merujuk tentang sistem perubatan di negeri kita ini di mana satu, kalau nak dibandingkan bahawa di antara kemudahan perubatan di negara-negara di tahap negara kita ni, maka kita mempunyai satu kemudahan perubatan di antara yang terbaik. Terbukti di

antaranya sama ada, apa tu, *mortality* di peringkat kelahiran, *mortality* diperingkat apa tadi, di peringkat, maka, ataupun insiden-insiden penyakit berjangkit, maka kita, dan kemudahan-kemudahan yang ada di klinik dan di hospital di seluruh negara. Maka di antara perkhidmatan yang terbaik dalam bidang perubatan. Kalaulah nak dibandingkan di negeri-negeri yang lain.

Sementara itu pula, sejak kebelakangan ini ada kemudahan-kemudahan perubatan di sektor swasta, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, walaupun begitu, kita pun tahu banyak negara sistem kemudahan perubatan memang satu yang agak rumit. Yang terkini di Amerika Syarikat pun, Presiden Amerika sedang dalam proses untuk juga memastikan kemudahan perubatan ini agak adil yang memberi pembelaan kepada masyarakat terbanyak.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya bahawa Kerajaan Malaysia, sempena dengan apa perkhidmatan yang ada di sektor awam ini, di antara yang terbaik yang ada, maka saya percaya bahawa Kerajaan Malaysia sedang melihat bagaimana kemudahan perubatan di sektor swasta ini dapat di rasionalisasikan sebegitu rupa, bahawa sama ada pembayarannya adalah pada tahap yang wajar, *chargers* yang wajar dari segi kepakaran dan juga untuk membolehkan rakyat terbanyak untuk sama-sama menikmati kemudahan pakar ini melalui caruman daripada masyarakat secara keseluruhannya.

Jadi, saya difahamkan bahawa ini satu pendekatan yang sedang pun dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Dan saya percaya Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau hari ni kita pergi ke klinik pakar ni, apabila berlaku keperluan yang mendesak, saya dimaklumkan bahawa, untuk tujuan menyelamatkan nyawa, maka hospital pakar swasta ni perlu melayani pesakit tadi untuk memastikan bahawa, selamat nyawanya. Apabila tiba pada tahap yang stabil, maka dipertimbangkan sama ada untuk rawatan seterusnya ataupun dipindahkan ke hospital awam agaknya. Itu satu, tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk memastikan bahawa tidak ada satu *dichotomy* dengan izin, perbezaan jurang di antara kemudahan perkhidmatan antara rakyat ini, lebih-lebih lagi kemudahan yang ada di hospital swasta ini, maka pendekatan caruman insurans yang mana penyertaan secara menyeluruh rakyat Malaysia ini akan, sedang pun dipertimbangkan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat terbanyak pun mungkin mendapat kemudahan untuk membayar walaupun kepakaran yang ada di hospital swasta. Jadi kita menerimalah realiti yang ada pada hari ini kerana di hospital swasta ni memang perkhidmatan pakar adalah pada paras yang agak tak mampu untuk dinikmati oleh masyarakat terbanyak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Panti membangkitkan tentang perjanjian di antara Malaysia dan Singapura mengenai Pelan Loji Air untuk Sungai Skudai, Gunung Pulai dan Sungai Tebrau di mana untuk makluman Dewan yang mulia ini, perjanjian tersebut akan tamat pada tahun 2011. Di Dewan yang mulia ini, saya atas nama Menteri Besar memadai untuk saya menjawab perkara ini kerana apa pun saya sebut di sini Dato' Speaker akan sebesar-besar agaknya di negara jiran. Oleh kerana kita berada pada tahun hujung 2009, 2011 tak sampai dua tahun lagi, memadai untuk saya menjawab bahawa sebenarnya kita maklum tentang perjanjian itu akan tamat September 2011. Yang kita pasti bahawa tamatnya perjanjian

tersebut bermakna tamatlah persetujuan untuk membekalkan air antara Malaysia dan Singapura melalui loji yang berkenaan. Walaupun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, ada aset-aset yang ada sama ada loji yang ada di dalam perjanjian ini yang telah dibina oleh pihak Singapura, ada peruntukan untuk menilai loji-loji dan aset-aset yang ada yang telah dibina oleh pihak Singapura untuk diputuskan tentang perkara tersebut. Oleh itu, saya percaya bahawa Dato' Speaker, bahawa kita akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya sempena kita menghadapi tempoh September 2011 di mana tamatnya perjanjian bekalan air daripada loji Skudai, Gunung Pulai dan Sungai Tebrau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah di antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dapat saya rujuk dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2010) tahun 2009 dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM844,000.00 bagi Maksud B.01 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan RM98,003,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.01, peruntukan sebanyak RM844,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM483,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya ialah untuk perbelanjaan pengurusan yang lain.

Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan sebanyak RM98,003,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kerajaan bagi memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat Negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:

i. Bahagian Pengurusan RM16,064,000.00.

ii. Pelbagai Perkhidmatan RM28,383,000.00.
iii. Menteri Besar RM11,774,000.00.
iv. Unit Perancang Ekonomi Negeri RM9,028,000.00.
v. Pentadbiran Dewan Negeri RM11,864,000.00.
vi. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia RM 3,410,000.00.
vii. Unit Sains dan Teknologi dan ICT Negeri Johor RM17,426,000.00.
viii. Audit Dalam RM50,000.00.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah, supaya peruntukan wang berjumlah RM14,643,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, sejumlah wang berjumlah RM14,643,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

i. Kerajaan Tempatan RM5,705,000.00
ii. Perumahan RM8,073,000.00
iii. Landskap RM865,000.00

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah, supaya peruntukan wang berjumlah RM5,280,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, sejumlah RM5,280,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti Hal Ehwal Wanita dan Keluarga.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM15,550,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, peruntukan sebanyak RM15,550,000.00 disediakan untuk pelaksanaan kegiatan-kegiatan kebudayaan seni dan warisan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM14,500,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi peruntukan berjumlah RM14,500,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor di mana sebanyak RM35 juta dibahagikan kepada Program Rakan Muda manakala bakinya RM11 juta adalah untuk kegiatan-kegiatan sukan negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM43,806,000.00 bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud Bekalan B.04 peruntukan sebanyak RM43,806,00.00 diperlukan bagi pengurusan pentadbiran dan kewangan Perbendaharaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM3,868,000.00 adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM1,366,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM155,000.00 untuk pemilikan aset, RM36,417,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenderaan bayaran tetap dan baki RM2 juta untuk perbelanjaan pulangan balik hasil dan hapus kira.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM16,880,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian, RM76,310,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran dan RM6,647,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Haiwan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.07 peruntukan yang disediakan ialah berjumlah RM16,880,000.00. Ianya adalah bagi menampung segala perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan pejabat-pejabat pertanian di seluruh negeri merangkumi perbelanjaan-perbelanjaan lain termasuk untuk melaksanakan tugas-tugas membimbing serta melatih petani-petani dan perbelanjaan emolumen anggota jabatan di bawah aktiviti Khidmat Pengembangan.

Di bawah Maksud Bekalan B.08 peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM76,310,000.00, sejumlah RM23,123,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, RM52,620,000.00 diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan termasuk pengendalian dan penyelenggaraan sungai-sungai, RM450,000.00 disediakan untuk pemilikan aset jabatan dan RM117,000.00 disediakan untuk pemberian berkenaan bayaran tetap termasuk bayaran anggota-anggota kontrak.

Akhir sekali, di bawah Maksud Bekalan B.10 peruntukan sebanyak RM6,647,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk emolumen kakitangan dan bagi melaksanakan tugas-tugas membantu dan melatih penternak-penternak serta menjaga kesihatan ternakan-ternakan di seluruh negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,752,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga DiRaja Johor; dan RM4,200,000.00 bagi Maksud B.13, Perancangan Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud Bekalan B.12 peruntukan berjumlah RM4,752,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Kebun Bunga Kerajaan. Manakala peruntukan RM4,200,000.00 di bawah Maksud Bekalan B.13 adalah untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM10,848,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker menurut Peraturan Tetap 112(11) saya memohon kepada B19 dibahaskan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Di mana?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Peraturan Tetap 112(11) berkenaan dengan peruntukan untuk Jabatan Hutan pada B.19 dan menurut aktiviti operasi hutan 11,000, 12,000 dan 13,000 Kepala Kecil telah dikecualikan dalam bajet ini. Saya rasa operasi hutan itu amat penting dimaklumkan kepada Dewan yang amat mulia ini, sebab menurut laporan Ketua Audit tahun 2008 ada Hutan Simpanan Kekal telah ditebas secara habis-habisan tanpa diwartakan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Yang Berhormat, Yang Berhormat sentuh dari segi bajet, ia bukan perbahasan biasa, kalau perbahasan biasa Yang Berhormat boleh menyentuh keseluruhan tapi dari segi bajet ini diperuntukkan berjumlah RM10 juta Yang berhormat boleh sentuh duit itu untuk dipergunakannya sahaja, ia tidak merayau perkara yang lain. Ini Jawatankuasa hanya bahagian itu sahaja Yang Berhormat boleh sentuh mana Yang Berhormat kata yang ini belanja besar patut boleh kurang maknalah kalau Yang Berhormat nak berucap itu boleh dibenarkan tapi tidak boleh menyentuh balik semula keseluruhan itu dalam perbahasan asal sebelum bacaan kali kedua Yang Berhormat boleh sentuh sebelum masuk Jawatankuasa tu Yang Berhormat boleh berucap bebas tapi dalam Jawatankuasa hanya dituju kepada itu sahaja yang dibentangkan bajet.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut peraturan tetap 112(11) dasar dan perkhidmatan dan hasil boleh diperbahaskan sebab…

Y.B. Dato' Pengerusi : Yang Berhormat perbahaskan bajet ajelah.

Y.A.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan Dato' Speaker, ini pun tiada disenaraikan butir-butiran ini tidak disenaraikan sebagai kepada B.19 Kepala Kecil 11,000…

Y.B. Dato' Pengerusi : Yang Berhormat boleh sebut apa-apa yang nak disebut dari segi bajetlah. Yang Berhormat suruh belanja-belanja dikurangkan ke dia lebih ke apa benda yang lain dia tidak boleh sentuh Yang Berhormat. Ok. Jemput Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Pejabat Hutan ini Yang Berhormat Dato' Speaker dia memerlukan sebanyak RM10,848,000.00 untuk Perbelanjaan Pengurusan dan Pentadbiran Jabatan Hutan daripada jumlah tersebut sebanyak RM8,704,000.00 perbelanjaan emolumen RM1,978,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM50,000.00 adalah untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM116,000 untuk perbelanjaan pemberian dan berkenaan bayaran tetap. Yang Berhormat Dato' Speaker, peruntukan ini diperlukan Yang Berhormat Dato' Speaker sebenarnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah tidak tepat walaupun ianya dia merujuk kepada sumber laporan 2008 oleh pihak Audit Negara. Yang Berhormat Dato' Speaker sebenarnya Dato' Speaker kalau Pejabat Hutan dikurniakan, diwartakan di Negeri Johor ini pada tahun 1926 seluas 500,000 hektar hutan kekal katanya kurang sampai 300,000 maka kita menidakkan sekeras-kerasnya perkara ini Yang Berhormat Dato' Speaker.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Pejabat Hutan sebenarnya lebih kurang dekat 100,000 hektar Dato' Speaker sudah pun termasuk dalam apa dipanggil Taman Negara, Taman Negeri maka pejabat pihak Audit Negara mengeluarkan di antara Taman Negara ialah Pulau Kukup - Ramsar 10,000 hektar, Endau-Rompin dekat-dekat 40,000 hektar, Gunung Ledang setinggi-tinggi seluas-luas Gunung Ledang mengikut takrifan Yang Berhormat rujuk tadi terkeluar dari Hutan Simpan Kekal kalau Yang Berhormat pergi Gunung Ledang tengok macam mana walaupun ada agak kuari yang satu itu

sahajalah. Hutan Simpan Kekal, kekal di Negeri Johor ini termasuklah di dalam kategori Taman Negara Dato' Speaker, termasuk Gunung Ledang sekalipun.

Sementara itu pula, walaupun ada hutan kekal digunakan untuk pembangunan Dato' Speaker saya percaya Yang Berhormat di sini tidak menidakkan bahawa hutan itu perlu dibuka untuk memberi orang miskin, orang miskin tahun-tahun 60-an di antaranya yang tiada tanah langsung maka sebahagian daripada tanah itu dibuka untuk menjadi kawasan kebun termasuk FELDA dan sebagainya Dato' Speaker.

Sementara itu pun Dato' Speaker, kita prihatin tahun-tahun 2000, 1997 kerajaan yang ada pada hari ini mengambil langkah bersama dengan Pejabat Hutan untuk menebus balik 100,000 hektar yang lain untuk menjadi hutan simpan kekal Dato' Speaker. Jadi, inilah mungkin agaknya sebelum itu tak sempat agaknya tetapi 1997 *we all* apa tu, komitmen kita Dato' Speaker, kita tambah lagi 40,000 melalui Pejabat Hutan, kita ambil tanah kerajaan di Negeri Johor ini menjadi hutan simpan kekal dan berterusan. Akhirnya Dato' Speaker, kita berbalik kepada asal di Johor ini kita masih lagi mempertahan tak kurang, kalau tak salah saya antara 28 hingga 30% bumi Johor ini masih lagi hutan simpan kekal.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM30,073,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama dan RM116,143,000.00 bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama, peruntukan sebanyak RM30,073,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan agama di dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti ialah sebagaimana berikut:

i. Emolumen RM18,385,000.00
ii. Perkhidmatan dan Bekalan RM11,390,000.00
iii. Pemilikan Aset RM100,000.00
iv. Pemberian dan Berkenaan Bayaran Tetap RM198,000.00

Manakala bagi Maksud Bekalan B.22, Pendidikan Agama Islam, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM116,143,000.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM88,480,000.00 diperlukan untuk Perbelanjaan Emolumen bagi guru-guru sekolah agama. RM17,338,000.00 untuk Perbelanjaan Perkhidmatan Bekalan, RM405,000.00 untuk Pembelian Alat Kelengkapan Sekolah-sekolah Agama dan sebanyak RM9,920,000.00 untuk bantuan kepada sekolah-sekolah Arab, sekolah rakyat, KAFA dan juga ganjaran kepada guru-guru kontrak.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM14,330,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23, Kebajikan Masyarakat, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2010 ialah berjumlah RM14,330,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM3,905,000.00 diperlukan untuk Pembayaran Emolumen kepada anggota-anggota jabatan, RM1,940,000.00 untuk Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM455,000.00 untuk Pemilikan Aset dan baki sebanyak RM8,030,000.00 untuk Perbelanjaan Pemberian dan Berkenaan Bayaran Tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat.

Ini termasuklah bantuan kepada penduduk-penduduk miskin, bantuan kepada Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan dan bantuan malapetaka seperti banjir dan bantuan air di musim kemarau. Ianya juga melibatkan perbelanjaan bagi Pengurusan Pusat Perlindungan Kanak-Kanak yang diwujudkan sebagai tempat penempatan sementara kanak-kanak mangsa penderaan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM70,361,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang diperlukan ialah bagi tahun 2010 sebanyak RM70,361,000.00 dan dari jumlah tersebut sebanyak RM30,734,000.00 diperlukan untuk membayar Emolumen kepada anggota-anggota jabatan, RM32,056,000.00 untuk Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM201,000.00 untuk Pemilikan Aset dan baki sebanyak RM370,000.00 adalah Perbelanjaan Pemberian dan Berkenaan Bayaran Tetap.

Peruntukan ini juga merangkumi bagi Perbelanjaan Pengurusan Penyelenggaraan Jalan dan Jambatan, Penyelenggaraan Bangunan, Perbelanjaan Pengangkutan Barang-barang, Perbelanjaan Utiliti Sewaan dan juga bekalan bahan-bahan mentah seperti minyak jentera dan bahan-bahan dan termasuk pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,066,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor dan RM100,000,000.00 bagi Maksud B.28, Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM2,066,000.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,156,000.00 ialah untuk pembayaran Emolumen kepada anggota-anggota jabatan dan RM829,000.00 untuk Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan dan baki RM81,000.00 ialah untuk Pemilikan Aset serta Perbelanjaan Pembelian dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud Bekalan B.28 jumlah peruntukan sebanyak RM100,000,000.00 Dato' Speaker, Dato' Pengerusi RM100,000,000.00 diperlukan untuk peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun. Jumlah tersebut diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,437,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah dan RM1,793,000.00 bagi Maksud B32, Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, peruntukan sebanyak RM5,437,000.00 disediakan untuk perbelanjaan Pengurusan dan Pentadbiran Mahkamah Syariah bagi tahun 2010. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM3,084,000.00 disediakan untuk Perbelanjaan Emolumen sebanyak RM2,272,000.00, untuk Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM35,000.00, untuk Perbelanjaan Pemilikan Aset dan sebanyak RM46,000.00 sebagai ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Manakala, di bawah Maksud Bekalan B.32, peruntukan sebanyak RM1,793,000.00 disediakan untuk Perbelanjaan Pengurusan dan Pentadbiran bagi Jabatan Mufti.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,082,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM4,985,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM4,763,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM3,853,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM4,205,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM3,593,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM4,647,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM3,416,000.00 bagi Maksud B.48,

Pejabat Daerah Mersing; RM2,958,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya; RM2,812,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM5,082,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM4,985,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM4,763,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM3,853,000.00; di bawah Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM4,205,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM3,593,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM4,647,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM3,416,000.00; di bawah Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM2,958,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM2,812,000.00. Kesemua peruntukan tersebut di sediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-pejabat Daerah di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM15,354,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian, RM3,438,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, RM3,667,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar, RM4,434,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, RM2,031,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian, RM2,723,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat, RM2,476,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang, RM2,726,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, RM1,917,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing, RM1,761,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM1,705,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Peraturan Tetap 112 (11) telah meminta Maksud Bekalan kepala B.51...

Y.B. Dato' Pengerusi : Yang Berhormat, Yang Berhormat, lepas Yang Amat Berhormat menerangkan baru Yang Berhormat boleh bangun, jemput Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM15,354,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM3,438,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM3,667,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM4,434,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian

diperuntukkan sebanyak RM2,031,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM2,723,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM2,476,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM2,726,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM1,917,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM1,761,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM1,705,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi Perbelanjaan Pengurusan dan Pentadbiran Pejabat-pejabat Tanah di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Hem, ya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Dato' Speaker, menurut Peraturan Tetap 112 (11) berkaitan dengan Maksud Bekalan B.51, Kepala Kecil RM28,000.00, Penyelenggaraan dan Pembaikan yang dibeli telah meningkat dari anggaran 2009 iaitu RM340,000.00 ke RM370,000.00 dan ini amat merisaukan sebab penyelenggaraan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Johor perlu diperiksa, merujuk ke kod hasil, Kod Hasil Cukai Tanah 612...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya membantah cadangan dia, mengikut Peraturan Tetap 98, saya minta untuk tarik balik.

Y.B. Dato' Pengerusi : Nanti Yang Berhormat biar dia cakap dulu, saya pun tak jelas dia cakap. Dia dalam Jawatankuasa dia boleh menyentuh Bajet yang tertentu sahaja dia boleh menyentuh, sama ada dia minta kerajaan belanja tu kurang ke, apa tu biasa,

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Tapi kalau ikut...

Y.B. Dato' Pengerusi : Tapi dia kalau luar daripada Bajet tu, itu saya tak benarkan.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Tapi kalau ikut Peraturan 98, dia kena kemukakan...

Y.B. Dato' Pengerusi : Yalah dalam tempoh dua, saya tahu dua hari. Itu kalau dia nak potong atau dia nak tambah. Itu tak bolehlah, itu tak boleh buat itu saya sentuhlah. Ini cuma saya nak dengar dia nak menyentuh apa, biarlah Yang Amat Berhormat dapat jelaskan, kalau tidak saya tolak. Yang Berhormat memang untuk tambah, untuk kurang tak boleh, itu mesti dua hari.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dah baca Peraturan Tetap tu banyak kali, sebab Dasar Perkhidmatan dan...

Y.B. Dato' Pengerusi : Ok, Yang Berhormat nak sentuh apa tu? Belanja tu?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Hasil tu, kod hasil 61,290 berkenaan royalti emas RM1,000.00 akan dikutip pada tahun 2010. Setahu saya, dasar ini boleh dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebab 256.41 hektar Hutan Simpanan Kekal ditebang habis-habisan tanpa di warta keluar, tetapi juga 20 hektar...

Y.B. Dato' Pengerusi : Yang Berhormat, ini lain, ini cerita Jabatan Hutan, Hasil Hutan, saya ingat itu tak boleh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Berkenaan perlombongan emas di Bukit Arong.

Y.B. Dato' Pengerusi : Yang Berhormat, apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Berkenaan perlombongan emas di Bukit Arong 20 hektar dan 24 hektar Hutan Simpanan Kekal di peruntukan untuk perlombongan emas.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : 1,000 royalti emas yang akan dikutip.

Y.B. Dato' Pengerusi : Sekejap, Yang Berhormat ini masuk pejabat mana? Ok, ok, Yang Berhormat nak jawab? Yalah, dia bercampur tu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ada satu forum di peringkat kebangsaan mengenai soal hasil mahsul dalam bumi dan juga hasil di atas bumi, di mana di kawasan permukaan ada hasil dalam bentuk tanaman, ladang ataupun dalam bentuk hutan, kayu balak. Sementara itu pula, di Negeri Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker, memang ada kawasan-kawasan yang mempunyai hasil mahsul yang kaya dalam bentuk sama ada apa tu, di panggil *iron ore* dengan izin ataupun emas sekalipun.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri dalam hal ini memang amat cemburu sekali untuk mengorbankan apa pun ada di permukaan bumi walaupun ada kekayaan dalam bumi itu sendiri, tapi majlis di peringkat kebangsaan lebih menganjurkan kepada untuk mendapatkan kekayaan dalam bumi itu lebih-lebih lagi bila ada hasil dalam bentuk mineral yang berbagai. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal ini saya ingin menegaskan di sini bahawa kita di Negeri Johor ini, kita lebih cenderung untuk mempertahankan kawasan Hutan Simpan Kekal ini kekal berpanjangan, walau pun ada hasil mahsul kekayaan dalam bentuk emas sekalipun.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau ada maka saya percaya bahawa sama ada dia sudah pun terkeluar daripada kawasan Hutan Simpan Kekal untuk tujuan perlombongan Dato' Speaker.

Jadi, walaupun begitu saya jangkakan bahawa di negeri ini, kalau ada pun kawasan hutan yang telah pun digunakan untuk pembangunan sama ada ladang ke ataupun perlombongan, ianya digantikan dengan kawasan lain

untuk memastikan bahawa kita dapat terus mempertahankan kawasan hutan di Negeri Johor ini.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini adalah supaya Rang Undang-Undang ini yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 dibaca kali ketiga dan di luluskan sekarang.

Rundingan itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2010) Tahun 2009 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2010.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Dewan ini berpindah menjadi Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2010 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 53 Tahun 2009, dan memperakukan sama ada penganggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda.

Peruntukan yang diperlukan untuk Penganggaran Pembangunan Tahun 2010 adalah berjumlah RM228,072,160.00 di bawah lima jawatankuasa seperti berikut:

i. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM83,610,000.00.
ii. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM83,150,090.00.
iii. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM22,360,060.00.
iv. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM36,512,010.00
v. Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, RM2,500,000.00.

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM310,010.00 bagi Maksud P.49, Perikanan; RM7,122,000.00 bagi Maksud P.50, Pertanian; RM20,200,000.00 bagi Maksud P.51, Pengairan dan Saliran dan RM8,880,000.00 bagi Maksud P.52, Haiwan, dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah maksud Pembangunan 49, Perikanan, peruntukan sebanyak RM310,010.00 disediakan bagi tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM10,010.00 untuk latihan perikanan dan projek pemuliharaan penyu. RM200,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek pemesatan pembangunan akuakultur dan RM100,000.00 untuk pembinaan jeti.

Di bawah maksud Pembangunan 50, Pertanian, peruntukan sebanyak RM7,122,000.00 disediakan untuk tahun 2010, bagi program-program latihan Pertanian, serta bantuan perkhidmatan pengembangan dan perundingan

pertanian dan juga rancangan-rancangan lain yang bertujuan meningkatkan daya pengeluaran sektor pekebun kecil di luar Bandar.

Bagi Maksud Pembangunan 51, Pengairan dan Saliran, amaun sebanyak RM20,200,000.00 diperuntukkan untuk pelaksanaan projek-projek saliran bagi tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM350,000.00 adalah bagi pembelian aset serta kerja-kerja menaik taraf kemudahan asas jabatan dan sebanyak RM8,500,000.00 disediakan untuk projek-projek saliran bandar bagi mengatasi banjir di kawasan bandar dan selebihnya sebanyak RM11,350,000.00 disediakan bagi pelaksanaan projek-projek saliran dan pengairan yang lain di seluruh Negeri Johor.

Akhir sekali, di bawah maksud Pembangunan 52, Haiwan, peruntukan sebanyak RM8,880,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk pembangunan industri ternakan lembu dan kerbau, kambing, bebiri, khidmat kesihatan veterinar dan kawalan pencemaran industri ternakan. Di samping itu, peruntukan juga disediakan bagi pembangunan keusahawanan industri ternakan, yang bertujuan memberi bimbingan kepada usahawan kecil supaya mereka mempunyai daya saing, sekali gus berjaya dalam industri ternakan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM7,650,000.00 bagi Maksud P.53 Kerajaan Tempatan dan RM2,550,040.00 bagi Maksud P.54 Perumahan. Kecik no RM40.00 ni.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Bagi Maksud Pembangunan 53, Kerajaan Tempatan, peruntukan sebanyak RM7,650,000.00 disediakan pada tahun 2010. Sebahagian besar daripada peruntukan ini, iaitu sebanyak RM4.0 juta disediakan sebagai Geran Keseimbangan Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Geran ini adalah berfungsi untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan, seperti kemudahan–kemudahan sukan dan riadah, serta projek-projek di bawah Program Bersih dan Indah. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM750,000.00 sebagai sumbangan kepada program-program pengindahan kawasan. Di samping itu peruntukan sebanyak RM250,000.00 disediakan untuk kerja-kerja tambahan di Zoo Negeri dan sebanyak RM150,000.00 untuk kerja-kerja membaiki kemudahan-kemudahan awam di kawasan Air Panas Grisek. Peruntukan sebanyak RM2.5 juta juga disediakan sebagai bantuan Kerajaan Negeri untuk projek-projek pembangunan di kawasan penguasa-penguasa tempatan.

Bagi Maksud Pembangunan P.54 Perumahan, peruntukan berjumlah RM2,550,040.00 disediakan pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM700,000.00 disediakan untuk kerja-kerja penyediaan tapak bagi projek-projek rumah awam kos rendah. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM500,000.00 untuk mengganti tangki-tangki air di rumah-rumah pangsa awam, dan sebanyak RM750,000.00 disediakan untuk mengganti lif-lif rumah pangsa.

Sebanyak RM600,000.00 pula, disediakan untuk mengecat rumah-rumah pangsa kerajaan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM26,000,000.00 juta bagi Maksud P.55, Pejabat Daerah dan Tanah, RM53,060,000.00 bagi Maksud P.56, Pejabat Menteri Besar dan RM4,555,000.00 bagi Maksud P.57 Hutan, dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan 55, Pejabat Daerah dan Tanah sebanyak RM25.0 juta disediakan untuk melaksanakan projek-projek jalan dan jambatan kampung. Manakala sebanyak RM1.0 juta pula diperuntukkan untuk projek-projek kecil tali air di kawasan-kawasan kampung.

Bagi Maksud pembangunan 56 Pejabat Menteri Besar, peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil pembangunan di seluruh Negeri Johor disediakan sebanyak RM37.56 juta. Sebanyak RM1 juta disediakan untuk Rancangan Penggalakan Industri Kampung dan sebanyak RM1.0 juta juga disediakan bagi rancangan meningkatkan penggunaan tanah terbiar. Manakala sebanyak RM3.0 juta disediakan untuk perbelanjaan pengambilan balik tanah, bagi tujuan projek-projek pembangunan dan sebanyak RM500,000.00 ialah untuk pembaikan serta pengubahsuaian kompleks-kompleks Penghulu. Sebanyak RM1.0 juta juga telah dicadangkan sebagai Geran Pelancaran untuk Rancangan Membasmi Kemiskinan. Peruntukan sebanyak RM2.0 juta juga disediakan untuk Tabung Pembangunan Keusahawanan. RM1.0 juta disediakan untuk melaksanakan program-program industri kecil dan sederhana. RM5.0 juta disediakan bagi pembinaan daerah orang ramai dan dewan serba guna, sementara sebanyak RM1.0 juta lagi diperuntukkan untuk pembinaan padang permainan, di mukim-mukim di seluruh Negeri Johor.

Bagi Maksud Pembangunan 57, Hutan, peruntukan sebanyak RM1,850,000.00 disediakan untuk pengurusan dan pembangunan sumber hutan. Sebanyak RM1.0 juta disediakan untuk infrastruktur dan utiliti, dan sebanyak RM1.0 juta diperuntukkan untuk pembangunan hutan lipur dan ekopelancongan. Di samping itu juga, sebanyak RM50,000.00 bagi penjagaan kualiti biji benih dan bahan-bahan tanaman. Sebanyak RM50,000.00 untuk operasi dan penguatkuasaan, sebanyak RM400,000.00 untuk pemuliharaan sumber dan sebanyak RM200,000.00 pula lagi diperuntukkan untuk ICT, publisiti dan pengembangan perhutanan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM22,300,060.00 bagi Maksud P.58, Pejabat Agama, dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah maksud Pembangunan 58, Pejabat Agama, peruntukan sebanyak RM3.5 juta disediakan untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan di Pusat Islam Iskandar, Johor. RM9.0 juta lagi untuk pembinaan sekolah-sekolah agama di seluruh Negeri Johor. RM1.0 juta disediakan bagi meningkatkan taraf sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh Negeri Johor. Manakala sebanyak RM5.0 juta pula untuk pembinaan dan pembaikan pejabat agama di daerah-daerah seluruh Negeri Johor. Sebanyak RM2.9 juta untuk pelaksanaan kerja-kerja yang dirancangkan mengikut peringkat-peringkat bagi memperelok rumah pegawai dan kakitangan, masjid-masjid jamek kerajaan, membina rumah-rumah guru agama di kawasan LKTP, serta pembelian kenderaan dan hamparan bagi masjid-masjid jamek kerajaan. Manakala sebanyak RM900,000.00 lagi adalah bagi kelengkapan dan kemudahan di tanah-tanah perkuburan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,700,000.00 bagi Maksud P.59, Jabatan Landskap dan RM71,250,050.00 bagi Maksud P.60, Kerja Raya dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah maksud Pembangunan P.59, Jabatan Landskap, peruntukan sebanyak RM1,7000,000.00 disediakan pada tahun 2010 bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Jabatan Landskap. Daripada jumlah tersebut RM150,000.00 disediakan untuk pembangunan Taman Awam sementara RM600,000.00 disediakan untuk kerja-kerja pembangunan landskap manakala bakinya sebanyak RM950,000.00 disediakan untuk program-program pengindahan.

Di bawah maksud Pembangunan P.60 pula, peruntukan sebanyak RM46 juta diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan menaikkan taraf serta memperelokkan jalan dan jambatan negeri. Sebanyak RM200,000.00 untuk membina tembok tepi sungai dan pantai dan RM200,000.00 lagi bagi rancangan mengelakkan banjir.

Peruntukan juga disediakan sebanyak RM100,000.00 untuk kemudahan dan keselamatan Bangunan Sultan Ibrahim dan sekitarnya. Sebanyak RM3 juta untuk kerja-kerja menambah dan memperelok bangunan-bangunan negeri dan RM1.3 juta lagi disediakan untuk kerja-kerja pembinaan dan ubahsuai bangunan Pejabat Kerajaan di daerah-daerah di negeri ini. Manakala sebanyak RM500,000.00 pula diperuntukkan untuk melebarkan jalan-jalan negeri di dalam kawasan Majlis Daerah. RM3 juta bagi melakukan kerja-kerja kecil serta RM13,900,000.00 diperuntukkan untuk memperelok dan memperbaiki bangunan-bangunan Istana Negeri Johor.

Terakhir sekali sebanyak RM200,000.00 disediakan untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan Yayasan Warisan Negeri Johor. RM300,000.00 digunakan untuk penyelenggaraan bangunan dan keperluan woksyop. Sebanyak

RM700,000.00 untuk stor-stor JKR dan alat penghawa dingin serta RM850,000.00 diperuntukkan untuk rumah-rumah buruh, alatan rumah kerajaan dan juga alat-alat ukur dan makmal dan RM500,000.00 untuk membeli kenderaan-kenderaan jabatan. Selebihnya iaitu berjumlah RM500,000.00 lagi adalah untuk kerja-kerja kecil elektrik.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,500,000.00 bagi Maksud P.61, Pelancongan dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.61, Pelancongan, peruntukan sebanyak RM2,500,000.00 disediakan pada tahun 2010 untuk melaksanakan program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang ditetapkan bagi menggalakkan perkembangan dan memperkenalkan pelancongan di Negeri Johor. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P.62, Wang Cadangan Belanja Mengejut.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Wang Cadangan Belanja Mengejut Pembangunan Negeri berjumlah RM500,000.00 diadakan untuk membolehkan perbelanjaan dibuat ke atas keperluan-keperluan yang mendesak di mana tiada peruntukan baginya di dalam Belanjawan Negeri. Di atas kuasa Yang Berhormat Menteri Besar, perbelanjaan akan dilakukan sementara mendapatkan kelulusan daripada Dewan Negeri. Pendahuluan yang dikeluarkan di atas perbelanjaan-perbelanjaan begini akan diselaraskan kepada peruntukan yang berkenaan apabila peruntukan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 53 Tahun 2009, telah pun selesai ditimbangkan maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 53 Tahun 2009, dari itu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM228,572,160.00 yang dicadangkan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2010 itu diluluskan oleh Dewan ini. Dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM228,572,160.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2010 bagi Maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2009) (NO. 4) TAHUN 2009.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan(2009) (No.4) Tahun 2009 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang keempat. Bagi perbelanjaan bekalan tahun 2009, tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM125,721,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 6 Jawatankuasa seperti berikut :

i) Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Johor; RM112,157,000.00;
ii) Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM1,018,000.00;
iii) Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM8,584,000.00;
iv) Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM2,297,000.00;
v) Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor, RM1,165,000.00 dan;
vi) Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Johor, RM500,000.00.

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa-Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM9,191,000.00 bagi Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pengurusan, peruntukan tambahan sebanyak RM1,220,000.00 diperlukan bagi menampung pertambahan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM880,000.00 untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan dan baki sebanyak RM340,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pelbagai Perkhidmatan, peruntukan tambahan sebanyak RM2,283,000.00 diperlukan bagi menampung pertambahan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,932,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat dan baki sebanyak RM351,000.00 lagi adalah merupakan perbelanjaan pemberian-pemberian dalam negeri.

Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Menteri Besar Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM115,000.00 diperlukan bagi menampung pertambahan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM41,000.00 untuk pembayaran emolumen pada anggota-anggota jabatan, dan baki sebanyak RM74,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pentadbiran Dewan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM113,00.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM40,000.00 diperlukan bagi menampung pertambahan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM25,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan dan baki sebanyak RM15,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber, peruntukan tambahan sebanyak RM400,000.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Unit Sains, Teknologi dan ICT Negeri Johor peruntukan tambahan sebanyak RM5,000,000.00 diperlukan bagi menampung pertambahan perbelanjaan dan pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM3,000,000.00 adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat dan baki sebanyak RM2,000,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM129,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan, peruntukan tambahan sebanyak RM72,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. Dan di bawah bekalan, Maksud Bekalan yang sama Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Landskap peruntukan tambahan sebanyak RM57,000.00 diperlukan bagi menampung pertambahan perbelanjaan pengurusan jabatan, dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM41,000.00 adalah untuk membayar emolumen kepada anggota-anggota jabatan, manakala baki sebanyak RM16,000.00 lagi adalah untuk perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Rakan Muda Sukan dan Kebudayaan Negeri Johor peruntukan tambahan sebanyak RM500,000.00 diperlukan untuk menampung tambahan perbelanjaan pemberian dalam Negeri bagi program-program sukan seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM188,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian, RM1,956,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran dan RM153,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Haiwan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM188,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM1,956,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM626,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan dan baki sebanyak RM1,330,000.00 lagi adalah bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM153,000.00 diperlukan untuk kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM91,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga DiRaja Johor, dan RM137,000.00 bagi Maksud B.13, Perancang Bandar dan Desa, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Johor peruntukan tambahan sebanyak RM91,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membayar emolumen kepada anggota-anggota pejabat. Dan bagi Maksud yang sama Pejabat Perancang Bandar dan Desa peruntukan tambahan sebanyak RM137,000.00 juga diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membayar emolumen-emolumen kepada anggota-anggota pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM275,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Perhutanan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.19, Pejabat Perhutanan Negeri Johor peruntukan tambahan sebanyak RM275,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,254,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Negeri dan RM4,286,000.00 bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM4,254,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM4,213,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-

anggota jabatan, manakala baki sebanyak RM41,000.00 lagi adalah untuk pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Manakala bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam Negeri Johor peruntukan tambahan sebanyak RM4,286,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,165,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM1,165,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM65,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan dan sebanyak RM100,000.00 adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat, manakala baki sebanyak RM1,000,000.00 lagi adalah untuk menampung peruntukan pemberian-pemberian dalam Negeri, bagi pembayaran bantuan-bantuan kepada kumpulan sasaran di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM661,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM661,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM23,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, dan RM101,000,000.00 bagi Maksud B.28, Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Johor, memerlukan tambahan sebanyak RM23,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud B.28, Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun, tambahan sebanyak RM101,000,000.00 diperlukan untuk memperlaraskan akaun kumpulan wang pembangunan Negeri dalam perbelanjaan yang telah disempurnakan bagi projek-projek pembangunan di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM44,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah Johor peruntukan tambahan sebanyak RM44,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM55,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM261,000.00 bagi Maksud B44, Pejabat Daerah Pontian; RM27,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM370,000.00 bagi Maksud B48, Pejabat Daerah Mersing; RM21,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya, jadi sebahagian Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM55,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM27,000.00. Di bawah Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM370,000.00. Dan di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM21,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut disediakan adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat dan juga pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota yang bersara dalam pengurusan pentadbiran pejabat-pejabat di atas.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM346,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian; RM49,000.00, bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM30,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM105,00.00, bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM9,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM36,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM60,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang. RM200,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM25,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM51,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya; dan RM23,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM346,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM49,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; diperuntukkan sebanyak RM105,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM9,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM36,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM60,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM200,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM25,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM51,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang, diperuntukkan sebanyak RM23,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut disediakan adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan serta perbelanjaan perkhidmatan dan juga perolehan aset jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetuju. Jadual ini jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : **FASAL 2**

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara yang di hadapan Jawatankuasa adalah supaya Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : **FASAL YANG PERTAMA**

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2009) (No. 4) Tahun 2009, dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2009) (No. 4) Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Dato' Speaker : Heh, deras saja nak balik.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Saya menyokong rundingan itu.

Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada Yang Berhormat yang nak berucap tapi ikut...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ikut peraturan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, apa dia?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya menyentuh Fasal II9 (5).

Y.B. Dato' Speaker : Hmm, apa dia?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Di mana saya berpendapat bahawa penolakan teks ucapan penangguhan saya adalah tidak mematuhi sambil melanggari peraturan 119(5) sambil disengajakan semata-mata.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya nak baca Fasal berkenaan. Saya berpendapat bahawa pengundian daripada Ahli sini untuk menentukan bilangan ADUN yang berkelayakan untuk berucap adalah melanggari Fasal 119(5). Oleh kerana, Jurutulis Dewan Negeri hendaklah dengan undi bersurat. Maksud saya, cuma kuasa itu mengundi adalah terletak kepada Jurutulis bukan Ahli-Ahli di sini.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Ahli, bersurat, kepada Ahli. Duduk Yang Berhormat kejap. Eh, dia bukan serah, kalau serah pada Jurutulis, habis Yang Berhormat nak bercakap, Jurutulis cakap saya setuju awak. Tak, dia mesti kalau lebih, kita kena undi. Ya, jadi saya ingatkan Yang Berhormat, Yang Berhormat kena ikut peraturan. Tak, Yang Berhormat, bila saya cakap duduk, tak boleh cakap lagi. Ini dah biasa Yang Berhormat, bukan dekat sini sahaja, tempat lain pun berlaku begitu. Bila berlaku yang nak mohon berucap, 2 orang, 3 orang, tak ada, undi. Macam Yang Berhormat nak bercakap 3 orang, ha, bercakaplah. Tapi bila berlaku, Jurutulis menerima lebih daripada 5 orang sampai 6,7,8, maka Jurutulislah hendaklah berunding ambil 5 orang. Suka saya ingat Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara yang macam ini, tak usah timbullah. Yang Berhormat tahulah. Kalau undi pun, membuangkan masa jelah. Memang macam mana pun kalahlah, tak payah undi-undilah, alah kalau nak mohon pun boleh. Ya, apa Yang Berhormat apa dia?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Dengan izin, dengan izin, Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Apa izin? Apa?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya, turut bersetuju dengan pandangan...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, pandangan salah itu, apa pulak setuju?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya ingin rujuk kepada 119, Nombor 5 yang sama.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, saya dah baca.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ha, saya...

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat. Tak ada, saya tak izinkan. Benda ini, saya dah baca, dah semak. Bila berlaku demikian, Yang Berhormat ini, hari-hari

nak timbul, yang dulu dah lepas 3 kali dah berucap, dah lebih. ... tak timbul. Yang Berhormat saja menimbulkan perkara-perkara yang salah. Jadi seolah-olah, bila umum tak keluar, Yang Berhormat betul. Padahal Yang Berhormat salah, tak ikut peraturan. Mesti diundi oleh Jurutulis. Kita dah undi, dah edar. Yang Berhormat pun dah undi juga. Dahlah, dah kalah, tak payahlah …

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Dato' Speaker...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Kalau kurungan 5 itu, maknanya katakan ini boleh mengundi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dengar sini, istilah, fahaman-fahaman ini Yang Berhormat boleh bercakap. Yang Berhormat ikut Yang Berhormat suka. Ini suka bertengkarlah Parti Pembangkang ini, pasal tak ada faedah. Tak, dia ini saya dah terangkan keputusan Speaker muktamad dan saya ikut peraturan. Itu saya cakap dah, saya tak izinkan. Jemput, ada 5 orang yang dah dipilih nak berucap. Eh, menghabiskan masa je Yang Berhormat. Yang Berhormat fahamlah, tak usahlah timbul perkara-perkara yang bukan-bukan dalam Dewan ini. Ikut peraturan je, habis cerita.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dato' Speaker, saya rasa terjemahan adalah silap.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa? Yang Berhormat, Yang Berhormat punya hal terjemahan, ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya rasa ada…

Y.B. Dato' Speaker : Saya ada, saya punya. Ya ini, duduk. duduk, duduk. Yang Berhormat duduk. Jangan diajak bertengkar. Yang Berhormat suka bertengkar supaya keluar surat khabarlah, padahal tak ada benda, tak ada faedah bertengkar. Keputusan Speaker adalah muktamad, apa pun juga (Dewan bertepuk). Oh, Yang Berhormat, hurai Yang Berhormat ini A,B,C,D. Ini macam *lawyer* jugalah. Ha, ini sini *lawyer*, sini gini, gini, gini. Tapi, hakim, muktamad, saya Speaker, muktamad. Habis cerita.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dah, dah, duduk, duduk. Yang Berhormat saya tak izinkan.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, dia di 119 (5).

Y.B. Dato' Speaker : Dah, dah, dah. Tak adalah. Saya dah baca.

Y.B. Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, peraturan itu tak dirujuk, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tak ada tak payah.

Y.B. Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tak payah. Yang Berhormat, jemput ucapan penangguhan Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian. Saya nak ingatkan, lepas ini pembangkang eh.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Bismillahirrahmaanirrahim, alhamdulillah (Dewan bertepuk), dipanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia jua, dapat saya membuat ucapan penangguhan di dalam Dewan yang mulia lagi indah pada Persidangan kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Johor yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Haji Abd. Ghani bin Othman. Di dalam tempoh beberapa tahun sahaja kebelakangan ini, Negeri Johor telah menerima satu transformasi pembangunan dan ekonomi berskala besar melibatkan pelaburan berbilion ringgit di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar.

Ini merupakan satu kepercayaan besar Kerajaan Pusat yang sangat yakin dengan kepimpinan Barisan Nasional Negeri Johor. Saya juga ingin merakamkan ucapan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Najib Tun Razak, yang telah berjaya membentangkan Belanjawan 2010 pada 23 Oktober yang lalu, di mana kandungan pembentangan pada kali ini bertemakan '1Malaysia, Kemakmuran Bersama'.

Belanjawan yang menumpukan kepada 3 strategi, iaitu:

i. Memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.
ii. Memastikan pembangunan yang holistik dan mampan.
iii. Mengutamakan kesejahteraan rakyat adalah amat bersesuaian dengan persekitaran pembangunan yang sedang berlaku di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar pada masa kini.

Namun begitu, penekanan dari segi pembangunan holistik dan mampan serta kesejahteraan rakyat perlulah diberi perhatian supaya kemampuan dan keupayaan penduduk tempatan yang terlibat dapat diimbangkan dengan pembangunan yang disediakan mendapat perkapita mereka perlulah ditingkatkan dengan memberi keutamaan peluang pekerjaan dan perniagaan. Potongan cukai pendapatan 15% serta insentif para pekerja profesional adalah satu tawaran yang amat baik kepada mereka yang bekerja di Iskandar Malaysia. Pemberian taraf penduduk tetap kepada pekerja profesional dari luar negara menunjukkan kerajaan ingin menjayakan usaha membangunkan koridor ekonomi mengikut jadual yang ditetapkan. Maka akan bertambahlah pendudukan di kawasan Iskandar Malaysia khasnya di Nusajaya. Walaupun nampak seakan satu persaingan dan ancaman kepada penduduk tempatan, kerajaan telah memberikan jaminan tentang sumbangan khidmat sosial korporat yang perlu diberikan kepada penduduk tempatan yang menjurus

kepada pembangunan modal insan penduduk setempat agar persaingan yang wujud dapat dikurangkan dan juga diatasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk tujuan itu saya mencadangkan agar perhatian penuh syarikat GLC bersama-sama institusi kemahiran merangka tindakan yang lebih proaktif untuk memberikan latihan kepada penduduk tempatan sebagai persediaan menghadapi gelombang besar pembangunan Wilayah Iskandar amnya dan Nusajaya khasnya.

Di dalam Bajet 2010 yang dibentangkan, Menteri Kewangan telah menyediakan RM110 juta untuk mempertingkatkan kemahiran serta menubuhkan dana berjumlah RM100 juta melalui 1Malaysia Development Berhad, 1MDB untuk membantu kegiatan kemasyarakatan. Ini menunjukkan kerajaan peka dan bersungguh-sungguh mengimbangkan masalah sosial setempat dan permintaan pekerja mahir di dalam kawasan-kawasan yang terlibat di dalam pembangunan koridor ekonomi.

Di dalam sektor pelancongan pula, saya ingin mengambil perhatian bahawa kawasan Nusajaya juga mempunyai kawasan kampung-kampung yang mempunyai nilai tradisional yang boleh dikekalkan untuk menarik minat pelancong luar. Industri kraf tangan dan *homestay* boleh diwujudkan di kampung-kampung ini. Maka saya mencadangkan agar Majlis Tindakan Pelancongan dapat memainkan peranan yang lebih proaktif, mengenal pasti bentuk latihan dan bantuan yang boleh disalurkan kepada kampung-kampung yang difikirkan sesuai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mencadangkan supaya setiap bahan binaan dan fabrikasi yang akan digunakan untuk membina bangunan tinggi perlulah melalui ujian pembangunan dan penyelidikan R&D. Tindakan ini perlu bagi tujuan mengelakkan sebarang malapetaka atas penggunaan bahan binaan yang tidak berkualiti dan akhirnya mencemarkan imej negara. Kita mempunyai institusi pengajian tinggi yang lengkap dengan peralatan serta memiliki tenaga pakar yang ramai yang boleh menjalankan kerja-kerja R&D. Sehubungan dengan itu, institusi ini berpeluang untuk menjana pendapatan mereka sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan.

Untuk faedah para peniaga industri kecil dan sederhana serta gerai-gerai berjaja, perlulah diberikan perhatian oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Arked dan gerai-gerai yang dibina perlulah dibuat dengan reka bentuk yang mesra pelanggan dan lebih selesa, setaraf dengan *standard* pembangunan yang dirancang. Dengan berbuat demikian, saya fikir para penjaja akan dapat mempertingkatkan perkhidmatan mereka dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan mendapat pulangannya. Ini juga adalah salah satu khidmat sosial yang boleh dimainkan oleh pihak berkuasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembentangan Bajet 2010 mendapat perhatian khususnya rakyat yang menerima akan faedahnya. Suka saya mengingatkan kepada kakitangan perkhidmatan awam agar memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat dan kurangkan birokrasi jika perlu. Dikhuatiri, sebaliknya segala pembentangan yang dibuat akan gagal kerana pelaksanaan yang pincang disebabkan kelemahan sektor perkhidmatan

awam. Namun saya yakin dengan pendekatan kini yang dibuat oleh pemimpin negara, sektor perkhidmatan awam tidak akan mempunyai masalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan mereka kerana sekarang dah ada KPI.

Kepada pembangkang supaya sentiasa mengiktirafkan usaha kerajaan mementingkan rakyat dan bukan kepentingan politik orang tertentu. Jadilah pemimpin yang patriotik, walaupun tidak sependapat dengan kerajaan, hentikanlah politik hasutan yang akhirnya boleh merosakkan perpaduan di dalam negara kita. Sudah banyak pembohongan, kekeliruan yang ditaburkan kepada rakyat. Mimpi tidak akan menjadi kenyataan. Janganlah menjadi pungguk yang sentiasa merindukan bulan dan mimpi di siang hari. Semua dah tak ada dah. Ingatlah bahawa Parti Barisan Nasional mempunyai rekod memerintah kerajaan lebih 50 tahun dan telah pun diiktiraf dunia kerana inilah satu-satunya parti politik yang memerintah kerajaan paling lama dan berjaya di dunia. Manakala, Parti Pakatan Rakyat hanya bermuafakat untuk kepentingan politik sempit golongan tertentu dan parti yang tidak memperjuangkan individu. Parti politik yang tidak nasionalis malah membawa kepada kerapuhan perpaduan kaum di dalam masyarakat Malaysia pada hari ini.

Kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional yang dulu, kini dan selamanya, kita merasa bangga dapat mentadbir negara dan menjayakan inspirasi rakyat dengan baik dan berjaya walaupun dugaan dan cabaran datang melanda kita tetap teruskan perjuangan. Sama-samalah kita berdoa kepada Allah S.W.T. supaya kita diberi kesihatan dan kekuatan untuk melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian sahaja, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali jemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan dan memberi ruang kepada saya sekali lagi untuk menyampaikan ucapan penangguhan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kita sedia maklum bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita telah membentangkan Bajet 2010 pada Oktober dan November 2009 yang lalu. Alhamdulillah, bajet yang kita nanti-nantikan selama ini adalah bajet yang sentiasa memberi kekuatan dan pengharapan yang baru kepada rakyat atas gagasan "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", juga Bersatu Tenaga, Sejahtera Bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang kita sedia maklum, ekonomi semakin penting dalam kehidupan harian kita. Tanpa kekuatan ekonomi kita tidak mampu mengubah kedudukan rakyat. Sebagai Wakil Rakyat, yang memegang amanah, jujur, dedikasi, komited, bertanggungjawab serta berintegriti, kita tidak akan dihormati dan disegani. Ini ialah antara sebab

mengapa kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap usaha-usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi terutama sekali kepada rakyat, rakyat yang berada di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam suasana ekonomi yang pesat membangun adalah penting bagi semua rakyat Malaysia, termasuk kita Wakil-wakil Rakyat memahami beberapa konsep yang sering kali dibaca atau didengar dalam media masa. Apabila kita membaca laporan akhbar-akhbar, blog-blog, majalah kita sering kali dihujani dengan konsep atau istilah yang mungkin sukar difahami. Ini menyebabkan kita sukar mengikuti sepenuhnya perkembangan yang berlaku. Saya berharap, agar dengan adanya pembentangan bajet pada kali, ini sedikit sebanyak membantu kita menghayati perkembangan ekonomi dan kewangan yang berlaku di Malaysia, khasnya di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada 3 perkara yang saya ingin lontarkan dan katakan di dalam Dewan yang mulia ini.

i. Syabas, syabas di atas pembentangan bajet yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita, khasnya untuk rakyat Johor di mana hebatnya pembentangan bajet yang merangkumi segala aspek pembangunan demi kesejahteraan rakyat.
ii. Tahniah, tahniah kerana kita dimaklumkan bahawa bajet yang begitu banyak peruntukkannya khasnya kepada pembangunan luar bandar di mana DUN saya amat memerlukan banyak peruntukan untuk membangun kawasan selaras dengan pembangunan negara pada masa kini.
iii. Takziah, takziah kepada pembangkang kerana kita dapat melihat pembangkang mulutnya besar, terkunci kelu kerana selalu mempergunakan persepsi, provokasi juga publisiti atas matlamat menghalal cara demi dilihat oleh rakyat. Mereka ini masih lagi relevan sebagai pembangkang di negara ini. Malangnya, modal dan idea ini telah bertukar apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri Ke-6, menerajui kepimpinan negara, merubah hasrat dan impian mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedia maklum kalau kita bercakap tentang bajet, apakah faedah untuk rakyat? Hari ini, saya melihat bahawa dengan bajet yang melimpah peruntukannya, saya mengharapkan agar peruntukan Kerajaan Negeri juga, dalam bajet yang telah dibentangkan kali ini dapat kita sama-sama memainkan peranan secara positif dan proaktif memandangkan peruntukan ini memerlukan satu mekanisme kerja yang berterusan untuk merealisasikan impian gagasan 1Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat apabila disuarakan ungkapan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" suatu tanggungjawab sosial anak syarikat Kerajaan Negeri Johor, JCorp harus dilakukan. Ini adalah berlanjutan dengan pengumuman bahawa JCorp telah memperolehi keuntungan lebih RM600 juta. JCorp perlulah kembali kepada asasnya, dengan izin, *back to its root to served the people* dan bukan lagi berasaskan *profit orientation,* dengan izin. Adalah menjadi tanggungjawab besar kepada JCorp untuk menebus kegagalan Dana Johor dan ASJ dengan menyediakan

peruntukan khas untuk menjadikan nilai saham tersebut kembali kepada RM1.00 agar pelabur-pelabur ini diberi ruang untuk membayar semula pinjaman kepada bank.

Yang Berhormat Dato' Speaker, janganlah Dana Johor ini menjadi satu alat yang pada asalnya bermatlamat untuk mengurangkan jurang kemiskinan, tetapi sebaliknya menyumbang kepada penambahan statistik kemiskinan di Negeri Johor khususnya. Perlu diingat bahawa rintihan dan rungutan daripada pelabur tersebut adalah daripada rakyat Johor yang merupakan pengundi-pengundi yang setia kepada kita Kerajaan Barisan Nasional. Saya minta di Dewan yang mulia ini agar dipertimbangkan semula bayaran dividen ini demi kesejahteraan rakyat dan pengundi-pengundi kita khasnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan isu PPSMI, Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang hangat diperkatakan kini dan masih lagi berkuat kuasa sehingga tahun 2012. PPSMI ini sedikit sebanyak akan memberi kesan dalam aspek pembelajaran bukan sahaja kepada para pelajar tetapi juga kepada mereka yang terbabit dalam industri pendidikan di negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya kita boleh melihat isu bahasa ini di dalam konteks yang lebih luas bukan hanya dalam kepentingan sekarang tetapi juga masa depan. Memang benar, bahasa ibunda adalah bahasa warisan yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun, tetapi perlu kita ingat bahawa sekiranya PPSMI ini tidak diteruskan pada masa akan datang, ianya akan terus lenyap dan menunjukkan kelemahan pada pelajar-pelajar kita terutama yang berada di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem pembelajaran di negara kita adalah suatu yang dinamik, sentiasa berkembang mengikut arus pemodenan dan tidak mustahil apabila murid dan pelajar melangkah ke sekolah menengah apatah lagi ke institut pengajian tinggi, kebanyakan buku rujukan adalah di dalam Bahasa Inggeris. Tidak salah penguasaan bahasa ibunda terus dikekalkan tetapi dari segi aspek penekanan perlu diberikan dalam Bahasa Inggeris supaya seimbang dan sejajar dengan arus pembangunan agar dapat menjadikan pelajar-pelajar kita lebih cemerlang bukan sahaja di negara kita tetapi juga di luar sana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak mahu hanya digelar sebagai jaguh kampung yang hanya boleh menguasai satu bahasa sahaja, sebaliknya Bahasa Inggeris, sebaliknya dengan beberapa bahasa yang dipelajari terutamanya Bahasa Inggeris, pelajar-pelajar boleh terus berdikari dan mempunyai keyakinan yang teguh apabila berada di perantauan. Dengan menguasai Bahasa Inggeris ini ia tidak akan melonggarkan akar agama atau budaya mereka, jika mereka berpegang teguh kepada prinsip dan pendirian sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana saranan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri baru-baru ini, bahawa rakyat tidak seharusnya terlalu taksub sehingga menolak unsur tamadun luar yang dapat membantu memperkayakan ilmu teknologi dan kebudayaan negara kita. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kembali kepada isu tempatan. Saya difahamkan bahawa

bangunan terbengkalai di tengah-tengah bandar Kulaijaya sudah dalam proses dibaikpulih dan dijangka akan dijadikan sebuah hospital swasta. Oleh yang demikian...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat lagi satu minit.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Oleh yang demikian saya mencadangkan agar penjenamaan semula imej Stesen Kereta Api Kulai, yang terlalu lama ini dialihkan ke belakang bangunan tersebut seiring dengan pembangunan yang dilakukan, bertujuan agar kawasan tersebut menjadi pusat tumpuan awam yang dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan seperti pasar raya, kedai makan, surau dan lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali di Dewan yang mulia ini, saya juga memohon supaya dibina sistem perparitan sepanjang 15 meter, sepanjang 15 rantai di Jalan Titiwangsa, FELDA Taib Andak kerana tanah runtuh telah berlaku di kawasan tersebut. Penduduk telah lama membuat permohonan membina parit ini sejak tahun 1997 lagi. Sebelum ini Wakil-Wakil Rakyat sebelum saya pun telah mengajukan permohonan tersebut memandangkan belum ada apa-apa tindakan terhadap permohonan ini. Sekali lagi saya mengutarakan permohonan ini untuk dipertimbangkan Dewan yang mulia ini. Saya juga telah melawat tempat-tempat tersebut dan benarlah seperti yang kita kata kawasan tanah runtuh ini sangat membimbangkan, kerana rumah mereka berada cuma lebih kurang 2 meter sahaja dari tanah runtuh terbabit. Ini melibatkan 15 buah rumah penduduk sekitar Jalan Titiwangsa. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan Negeri agar rintihan dan permohonan daripada penduduk diambil tindakan segera, kerana ia membabitkan nyawa rakyat dan pengundi khasnya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat sikit aje Yang Berhormat,

Y.B. Dato' Speaker : Eh dia tak boleh, 10 minit aje kena berhenti.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat dengan kata-kata itu saya merakam sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, di atas ruang yang diberikan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, jemput.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana diberi peluang untuk saya menyampaikan ucapan penangguhan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahun 2009 menyaksikan perubahan pelbagai cerita politik dan polemik di negara ini. Perubahan pucuk pimpinan negara memberi harapan dan inspirasi baru kepada rakyat, ibarat mendapat cahaya dari lampu yang telah malap. Wadah perjuangan yang digarap dalam satu

konsep pemerintahan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' memberi impak positif kepada peralihan pemikiran, keyakinan dan kepercayaan rakyat.

Lapan nilai yang menjadi teras dalam konsep 1Malaysia membuatkan rakyat menarik nafas lega. Budaya kecemerlangan, ketabahan, penerimaan, pendidikan, integriti, meritokrasi, rendah hati dan kesetiaan adalah nilai-nilai yang memacu kepada ke arah kegemilangan sekiranya diamalkan bukan sahaja pucuk pimpinan, tetapi kita semua yang memikul amanah rakyat.

Tahun 2010 akan menjelma tidak berapa hari lagi. Sudah jadi amalan setiap kali tiba tahun baru kita semua cenderung menanam azam baru, tetapi sebelum menanam azam tersebut adalah wajar untuk kita saling ingat mengingati apa yang telah kita lakukan di sepanjang tahun ini. Kita ukur sejauh mana pencapaian kita sebagai wakil kepada rakyat. Kita nilai apa yang telah kita lakukan untuk rakyat. Kita renung apa sambutan rakyat, kita ingatkan apa janji-janji kita kepada rakyat. Sejauh mana janji-janji tersebut telah dikotakan, bukan sahaja mencari populariti murah seperti parti-parti pembangkang. Kita pernah bercita-cita memiliki taraf negeri maju pada tahun 2005.

Kita pertontonkan kepada rakyat perancangan dan modal-modal pembangunan yang akan disajikan untuk rakyat. Kita kemudian mengajarkan cita-cita tersebut kepada Johor Maju tahun 2010. Kita juga menunjukkan kepada rakyat segala perancangan dan pelan tindakan. Rakyat tersenyum bangga membayangkan kemajuan dan limpahan kemakmuran yang terbentang. Adakah apa yang berlaku hari ini menjurus ke arah mencapai hasrat tersebut atau adakah rakyat perlu berkorban lagi. Apa yang pasti rakyat pada hari ini terpaksa mengosongkan rumah dan kampung yang didiami berpuluh-puluh tahun demi memberi laluan kepada pembangunan. Rakyat faham dan akan sentiasa bekerjasama jika jalan penyelesaian adalah saksama. Pampasan rumah atau ganti, tanah ganti, penerangan dan perbincangan adalah kunci kemakmuran. Pembangunan yang sedang rancak bukan satu penyeksaan tetapi sedikit kesusahan untuk mendapatkan pembaharuan. Ibarat kata bijak pandai, ada dua kaedah sebagaimana seorang itu boleh berjaya. Orang hanya mengerjakan apa yang disuruh atau orang yang tidak mahu mengerjakan apa yang disuruh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan negeri secara keseluruhan. Banjir merupakan salah satu bencana alam yang tidak dapat dihalang daripada berlaku. Musim tengkujuh dan kecuaian manusia untuk memastikan kelancaran sistem pengairan dan saliran merupakan antara faktor menyebabkan keadaan menjadi semakin buruk. Namun sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran dan kebijaksanaan, kita disuruh berusaha untuk mengatasi segala permasalahan ini. Mengambil iktibar dari kejadian banjir besar, banjir termenung atau pelbagai istilah lain yang berlaku di sekitar penghujung dan awal tahun 2006 dan 2007, yang mengakibatkan kerugian dan kerosakan harta benda bernilai jutaan ringgit. Kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengambil langkah merancang dan melaksanakan perancangan tebatan banjir. Projek saliran bandar, projek mendalamkan dan memperluaskan sungai serta projek mencegah hakisan pantai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Permas mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana secara tidak langsung Sungai Plentong, Sungai Masai dan Sungai Rekoh juga dibesarkan dan didalamkan. Ini memberikan kesan serta-merta yang sangat baik kepada rakyat dan pengundi yang tinggal di kawasan berhampiran sungai-sungai berkenaan. Permas juga mencadangkan agar anak-anak sungai turut dilebarkan dan didalamkan.

Walau bagaimanapun, pada pandangan Permas adalah wajar jika diadakan satu majlis penerangan dan taklimat yang diberikan terlebih dahulu kepada penduduk yang tertinggal di kawasan rizab sungai. Ini bagi menjaga keharmonian hubungan di antara rakyat dan pemimpin dan kerajaan serta memudahkan kerja-kerja pihak berkenaan. Rakyat akan tahu sejauh mana had dan sempadan yang terlibat dan bentuk kerjasama yang dikehendaki serta akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ia, mereka ini tinggal tanpa izin dan perlu mengosongkan kawasan tersebut bagi memberi laluan kepada pembangunan tetapi atas dasar perikemanusiaan dan prinsip kita mendahulukan rakyat. Perbincangan dengan penduduk terbabit adalah penting. Kita tidak mahu rakyat marah kepada kebaikan yang ditawarkan oleh kerajaan. Contohnya di Kampung Plentong Baru, melibatkan 24 buah rumah dan di Kampung Seri Saujana Plentong melibatkan 36 buah rumah. Notis sebulan mulai 16 Oktober 2009 telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran pula dijadikan isu oleh pihak pembangkang. Seharusnya pihak Jabatan Pengairan dan Saliran lebih peka dengan kesulitan yang bakal dihadapi oleh penduduk di kawasan rizab Sungai Plentong ini. Terdapat di kalangan ahli keluarga berkenaan bakal menduduki peperiksaan SPM.

Sebagai kerajaan prihatin, sudah tentu kita tidak mahu pendidikan serta masa depan pelajar-pelajar tersebut diganggu gugat. Bercakap mengenai isu pembangunan juga, Permas berasa sangat berbesar hati dengan inisiatif yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan sistem pengurusan dan penyelenggaraan jalan secara konsisten dengan mutu jalan yang terus dipelihara. Permas juga mengalu-alukan projek jambatan kedua di Permas Jaya dan lebuh raya pesisir pantai yang akan memberi kemudahan kepada rakyat tempatan dan para pengunjung, pengunjung kawasan Pasir Gudang.

Y.B. Dato' Speaker : Satu minit lagi.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Pembinaan ini bukan sahaja akan menjimatkan masa perjalanan malahan Permas percaya bahawa ini akan menyebarkan ekonomi dan pelaburan di kawasan ini sekali gus akan meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat. Namun, apa yang diperhatikan adalah kerja-kerja pembinaan yang agak lembap terutamanya di kawasan Permas Jaya dan sekitar jambatan. Kesesakan lalu lintas di waktu puncak sudah tidak terucap. Cuaca yang tidak menentu pula mencacatkan lagi keadaan apabila laluan alternatif yang dibina berlubang-lubang. Ini menimbulkan rasa marah dan tidak sabar di kalangan rakyat dan para pengguna. Permas memohon agar perkara ini dapat perhatian dan sewajarnya tidak mahu dijadikan isu politik oleh setengah pihak yang gemar menangguk di air yang keruh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana masa tidak cukupi, dengan ini saya akhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Selamat petang, salam sejahtera, salam 1Malaysia, ADUN Yong Peng mengucapkan pada Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan para hadirin sekalian.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, ini bukan Dewan, Dewan ni Speaker aje.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tak jemput saudara saudari ke apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Maaf. ADUN Yong Peng ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai ucapan tangguhan.

ADUN Yong Peng ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Najib kerana berjaya membentangkan Bajet 2010, yang mana Bajet dikurangkan 15% dibandingkan 10% pada tahun 2009. Peruntukan Bajet 2010 yang bernilai RM192.5 bilion di mana RM138.3 bilion adalah Perbelanjaan Mengurus menguasai 72.2%, manakala 27.8% atau RM53.2 bilion adalah Perbelanjaan Pembangunan.

Dengan Gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan' kerajaan bukan setakat perlu mengenal pasti kehendak rakyat mengikut keutamaan malahan perlu menguruskan perbelanjaan secara berhemah. Contohnya, menjimatkan penggunaan elektrik, telefon serta alat-alat pejabat. Kerajaan juga perlu mengurangkan anjuran majlis-majlis yang mana melibatkan penyewaan khemah-khemah, makanan serta tuntutan perjalanan yang menelan perbelanjaan yang banyak.

Wakil Rakyat dan pegawai kerajaan perlu lebih kerap turun ke padang, mesra rakyat untuk mendengar rintihan rakyat. Cara berpakaian biarlah secara kasual, tidak perlu memakai *tie* dan tidak memakai barang kemas yang banyak apabila turun ke padang supaya dapat mengurangkan jurang antara Wakil Rakyat, pegawai kerajaan dengan rakyat.

ADUN Yong Peng mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang begitu rajin dan prihatin telah menyediakan jadual lawatan turun ke padang melawat tiap-tiap DUN di Negeri Johor untuk mendengar rintihan rakyat. Negeri Johor menjadi kubu Barisan Nasional kerana kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang sentiasa prihatin dengan masalah rakyat. Kita bangga dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang mana telah berjaya mengadakan Pusat Pentadbiran Nusajaya, banyak pembangunan fizikal telah tercapai dengan berjayanya. Apa yang ADUN Yong Peng fikir, di samping pembangunan fizikal raksasa kita perlu ambil tahu masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata

khasnya golongan yang kurang berada. Kita perlu seimbangkan pencapaian fizikal dan rohani. Bagaimanakah kerajaan membantu rakyat meningkatkan pendapatan atau sekiranya kerajaan tidak dapat membantu rakyat meningkatkan pendapatan bolehkah kerajaan mengawal harga-harga barang keperluan harian supaya golongan miskin dapat menikmati makanan, barang keperluan harian dengan harga berpatutan. Kalau contohnya, harga ayam bersih ialah RM6.90 sekilo, lembu tempatan RM20.00 sekilo, kambing tempatan RM28.00 sekilo, kerbau beku dari India RM12.00 sekilo, ikan kembung hitam atau hijau tempatan RM11.00 sekilo, ikan merah jenis tempatan RM18.00 sekilo, cili merah RM8.00 sekilo. Ini adalah mengikut Laporan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Johor Bahru pada 26 Oktober 2009, adalah di luar kemampuan golongan yang kurang berada.

Adakah kerajaan membuat kajian faktor-faktor mengapakah harga tersebut adalah tinggi? Apakah langkah-langkah yang kerajaan boleh ambil untuk menangani rintihan rakyat? Peruntukan RM6 bilion untuk memajukan pertanian yang melibatkan program menarik lebih ramai usahawan petani muda, menggalakkan amalan pertanian terbaik dan menaik taraf prasarana pertanian. Nelayan akan menerima subsidi RM2 bilion, subsidi harga padi sebanyak RM400 juta, subsidi baja hampiri RM300 juta, insentif bagi pengeluaran padi dan subsidi beras RM220 juta dan sara hidup nelayan RM170 juta.

Walaupun kerajaan telah memberi subsidi, namun penternak penusu masih menghadapi masalah membeli dedak PKC. Pada tahun 2000, dedak tersebut dijual pada harga RM17.00/beg muatan 50 kilo dibandingkan dengan harga RM50.00/beg muatan 50 kilo pada tahun 2009. Manakala dedak susu RM30.00/beg muatan 50 kilo pada tahun 2000. Sekarang pula RM60.00/beg bagi muatan 50 kilo. Begitu juga dengan makanan ayam dan kambing pada tahun 2005, 3 biji telur ayam masin berharga RM1.00 pada tahun 2009, harga telur masin berharga RM0.70 sebiji. Warung tepi jalan menjual telur masin yang telah direbus dengan harga RM1.20 hingga RM1.50 sebiji.

Insentif dan sara hidup sebanyak RM170 juta disambut baik oleh semua nelayan. Dengan insentif tersebut, adakah harga ikan akan turun atau makin naik? Apakah insentif yang diberi oleh kerajaan kepada penternak ayam supaya harga ayam dapat dikawal? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal harga kelapa sawit dan getah?

Perkhidmatan hospital kerajaan, Kerajaan Malaysia amat prihatin kerana menyediakan perkhidmatan hospital-hospital kerajaan yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Tetapi didapati ada beberapa perkara yang membuatkan rakyat kurang selesa dengan perkhidmatan yang disediakan. Sebagai contoh, ada pesakit yang menunggu lama untuk mendapatkan rawatan atau temu janji yang dibuat untuk bertemu dengan doktor pakar atau untuk melakukan suatu pembedahan. Kita faham bahawa kekurangan doktor pakar kerajaan menyebabkan masalah begini berlaku.

Oleh yang demikian, ADUN Yong Peng menyeru kerajaan agar mengambil perhatian dan tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, satu minit lagi.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Masalah-masalah di DUN Yong Peng. Perkhidmatan Klinik Kesihatan Yong Peng perlu dibaiki. Banjir kilat di Taman Jelita dan Kampung Jalan Lama, minta peruntukan yang segera untuk dibaiki. Pejabat Pos di DUN, di Yong Peng perlu dibaiki sebab kekurangan kakitangan. Pejabat JKM di DUN Yong Peng perlu ditambah *staff* kerana menghadapi kekurangan kakitangan menjejaskan kerja. Lampu kuning di kampung-kampung perlu diadakan untuk mengelakkan berlakunya jenayah-jenayah dan kemalangan. Akhir kata, saya akhiri ucapan tangguhan saya dengan pantun. Bau harum Bunga Tanjung sampai ke Parit Jawa, tanamlah sepokok di Nusajaya. Marilah kita sepakat sehati sejiwa.

Y.B. Dato' Speaker : Ceh…

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Memastikan pelaksanaan Bajet baru berjaya. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, yang telah memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada tengah hari ini. Kesempatan ini saya manfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk sama-sama kita berkongsi idea dan pengalaman dalam usaha membangun sebuah negara bangsa yang kita cintai. Semoga ianya dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak untuk terus memelihara keamanan, kestabilan dan kesejahteraan rakyat dan negara dengan berpaksikan Gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Memang tidak dapat dinafikan bukannya mudah bagi sesebuah kerajaan menerajui dan mengurus sebuah negara yang rakyatnya terdiri dari berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya. Bukan pula kita hendak mendabik dada tapi kita sebagai rakyat Malaysia mengakui sepanjang lebih 52 tahun merdeka, kami tetap berbangga hari ini bahawa negara terus mencipta kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai bidang. Kita berjaya mengangkat maruah dan martabat bangsa, agama dan negara ke persada dunia. Kita berjaya membangun negara bangsa sebaris dengan negara-negara membangun lain. Kita berjaya menembusi pelbagai halangan. Kita berjaya mengikis emosi dan menggantikan dengan pemikiran rasional sekalipun kita banyak berbeza. Kita dapat menghayati hidup bersama dengan bekerjasama mengharungi kesukaran, berkorban dan berkongsi nikmat kemakmuran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, belum tentu nikmat keamanan, kesejahteraan, kestabilan dan perkongsian kemakmuran yang kita raih sepanjang lebih 52 tahun ini dapat kita rasakan andainya negara ini diterajui oleh kerajaan selain

dari Barisan Nasional. Jangan mimpilah pembangkang di negeri ini dapat melakukannya. Alhamdulillah, sepanjang lebih 52 tahun kita masih boleh bertahan dan insya-Allah kita akan terus mempertahankannya dan saya percaya kita boleh melakukannya selagi rakyat masih rasional dan menginginkan sebuah negara bangsa yang aman, makmur dan stabil. Selagi rakyat masih waras dan tidak terpengaruh dengan dakyah karut marut pembangkang, selagi itulah perasaan dan semangat toleransi antara kaum dapat dipertingkatkan yang membolehkan mereka berkongsi masa depan.

Masa depan orang Melayu dan bukan Melayu adalah berkait rapat antara satu sama lain, ibarat cubit paha kanan, paha kiri terasa juga. Kita sudah banyak berkorban. Ketiga-tiga kaum terbesar di negara ini telah banyak berkorban. Bagi orang Melayu, negara ini adalah tanah tumpah darah mereka. Satu-satunya tanah air mereka. Bagi kaum Cina dan India, inilah satu-satunya tempat mereka berlindung dan berteduh dan taat setia. Mereka telah korbankan tanah tempat asal nenek moyang mereka. Tetapi, oleh kerana mereka berkongsi masa depan, orang Melayu dan bukan Melayu terpaksa belajar untuk hidup bersama. Mereka belajar untuk bekerjasama, mereka berjuang bersama-sama dan saling memakmurkan negara. Saling mempertingkatkan semangat toleransi dan memperkukuh perpaduan sehingga kita berjaya membina sebuah negara bangsa Malaysia yang hebat dan ternama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini ada sesetengah pihak mula meniupkan api dalam sekam, berani bermain api yang kalau tidak berhati-hati terbakar jari. Mereka meniupkan rasa kebencian dan ketidakpuasan. Mula menggugat kestabilan dan keharmonian hidup rakyat akibat fahaman yang sempit dan senget. Membangkitkan pelbagai isu yang menyentuh sensitiviti kaum yang kononnya hendak menjadi juara demi kepentingan politik dan peribadi mereka. Waspadalah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjamin kestabilan dan keharmonian serta semangat toleransi yang berterusan, kita mesti menyemai dan menanamkan semangat cintakan negara di kalangan rakyat di semua peringkat. Selagi rakyat tidak ada perasaan cinta kepada negara, kita akan kecundang ke lembah kehancuran. Dengan cinta ia dapat menanamkan semangat patriotik. Mereka mempunyai jati diri yang teguh dan sanggup berkorban apa saja demi negara seperti yang ditunjukkan oleh bangsa Melayu. Tetapi, apakah mereka yang lain yang masih terus mengugut dan menuntut pelbagai tuntutan sehingga sanggup mencemarkan kedaulatan undang-undang yang termaktub dalam perlembagaan. Sanggupkah mereka berkorban apa saja demi sebuah negara bangsa Malaysia?

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita menyentuh tentang perpaduan, apakah langkah-langkah tegas yang mesti dilakukan oleh kerajaan? Kalau hendak menanam bibit kecintaan kepada negara dan memupuk perpaduan, ianya mestilah dipupuk di peringkat awal usia muda. Seperti kata pepatah Melayu, "melentur buluh biar dari rebung". Kita pupuk mereka sewaktu sekolah rendah lagi, di mana mereka perlu bergaul dengan sebebas-bebasnya. Bukan sahaja untuk mengenali satu sama lain, tetapi yang lebih penting belajar

menghormati dan mempercayai sesama mereka yang berlainan bangsa, budaya dan agama.

Oleh yang demikian, sudah tiba masanya dengan mengambil semangat Gagasan 1Malaysia, kita perkasakan peranan pemersatu melalui sekolah dan institusi pengajian lain. Dengan ini, saya menggesa dan menyokong penuh supaya sistem sekolah satu aliran bermula di peringkat sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan dilaksanakan segera. Kerajaan mesti ada ketegasan untuk menggubal Dasar Pendidikan Nasional yang holistik untuk menjana impian 1Malaysia. Jangan tunggu lagi. Jangan sibuk melayani tuntutan dan desakan politik segelintir kumpulan *ultra kiasu*. Ini wawasan jangka panjang untuk kita sama-sama memperkasa bahasa dan era baru sistem pendidikan di bumi sendiri. Inilah harapan dan impian 1Malaysia yang hendak kita bawa dan capai, yang boleh kita jadikan panduan dan peta jalan. 1Malaysia untuk 50 tahun mendatang. Semua pihak harus meyakini sistem sekolah satu aliran ini sebagai hasrat murni dan telus untuk menyatukan anak cucu kita.

Y.B. Dato' Speaker : Seminit lagi.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Demi pembentukan sebuah negara bangsa yang betul-betul bersatu padu dengan semangat patriotik dan cintakan negara serta sanggup berkorban apa saja bila berhadapan dengan cabaran mendatang. Mari kita junjung dan perkasakan "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Macam tokoh agama ya. Ada pihak kerajaan yang hendak menjawab. Tak ada ya. Semua dah faham, oklah.

Ahli Yang Berhormat, saya nak balik semula sikit ini. Mengikut Fasal tadi pihak Yang Berhormat daripada Senai ada juga berbangkit, Fasal 119 Bilangan (4) "Apabila pemberitahu yang tersebut adalah diperbuat oleh tidak lebih daripada 5 orang Ahli mengenai sesuatu mesyuarat itu, maka tiap-tiap seorang Ahli yang telah memberitahu itu adalah berhak berucap". (5) "Apabila pemberitahu yang tersebut itu adalah diperbuat oleh lebih daripada 5 orang Ahli yang mengenai sesuatu mesyuarat itu, maka Jurutulis Dewan Negeri hendaklah dengan undi bersurat. Hantar surat. Meminta 5 orang daripada Ahli yang telah memberitahu itu dan keputusannya hendaklah dimaklumkan kepada semua Ahli yang telah dimasukkan namanya di dalam undi yang bersurat". Jurutulis yang buat, surat menerima 7 nama untuk berucap. Dan telah diedarkan surat pada 23 hari bulan, tutup pukul 2:00 petang dan dimaklumkan kepada yang nak berucap itu pada 24 hari bulan. Jadi, daripada 7, 2 ditolak. Ini mengikut peraturan Bilangan (5).

Jadi, saya haraplah, pihak-pihak yang berkenaan, ADUN yang berkenaan, janganlah nak bangkit untuk bergaduh. Saya susah ini, pemberita kadang, bila pihak ADUN yang tertentu bergaduh, seolah dia hebat, dia betul. Tetapi, ini langgar peraturan. Saya minta tulis, ADUN-ADUN ini melanggar peraturan. Kalau tak faham, jangan bangun dalam Dewan ini, saya dah lama jadi Speaker ini, saya faham. Ini ada Fasal 5, ada nak bertelagah itu, nak bertelagah ini. Jurutulis yang buat, bukan Speaker yang buat. Ini terpulanglah pada ini. Lagipun Yang Berhormat, dalam Dewan ini kita fahamlah, 6 lawan 50, apa buat

pun tapi janganlah timbul. Kalau betul, tak apa, saya terima. Kalau mengikut peraturan, saya terima, kasi peluang. Tapi jangan yang salah, bila beritahu pemberita, Speaker larang, keluar pula Dewan, wah, hebat pembangkang. Tapi, salah, langgar peraturan. Ok, saya minta maaf, eh. Ini kena cakap. Eh dah, tak ada. Mana boleh bercakap lagi.

Ahli Yang Berhormat, ha ini tak apalah. Lepas ini saya jamu makan tengah harilah. Semua dijemput makan di Dewan aras 2. Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan jam 1:10 petang.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

Penolong Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Kordinator
Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan
Cik Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Mesyuarat)
Puan Zainah binti Mansor

Pembantu Tadbir Rendah
Puan Hanita binti Mohamed
Puan Fakhrinnazia binti Fuad
Puan Nor Wahidah binti Elias

Pembantu Am Rendah
Encik Ahmad Amizan bin A. Samad
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Puan Saniah Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat SUKJ Cawangan Perumahan

Puan Norliza binti Md. Aris
Pejabat Menteri Besar Johor (Setiausaha Politik)

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Siti Rojimah Abd. Razak
Pejabat Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Johor

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Menteri Besar Johor (Setiausaha Pembangunan)

Puan Dalilah binti Dahalan
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Hazmaliza binti Hassan
Pejabat SUKJ (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

Puan Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Pusat Pelaburan Johor

Puan Lindawati binti Othman
Pejabat Pengarah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)

Puan Fareza binti Musa
Pejabat Pengarah Perhutanan Negeri Johor

Rakaman
Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR

7 Januari 2010